LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA 2009

AKTIVITI KEMENTERIAN / JABATAN DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN



JABATAN AUDIT NEGARA MALAYSIA



LAPORAN
KETUA AUDIT NEGARA
TAHUN 2009

MENGENAI AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN

JABATAN AUDIT NEGARA
MALAYSIA



KANDUNGAN

KANDUNGAN

	Muka Surat
KATA PENDAHULUAN	***ix***
INTISARI LAPORAN	***xv***
BAHAGIAN I	
PELAKSANAAN AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN KERAJAAN PERSEKUTUAN	
1. Pendahuluan	3
JABATAN PERDANA MENTERI	
Bahagian Pengurusan Hartanah	
2. Pengurusan Rumah Peranginan Dan Rumah Penginapan Persekutuan	3
3. Penswastaan Pengurusan Rumah Peranginan Persekutuan Pulau Langkawi	13
Biro Tatanegara	
4. Pembinaan, Pembesaran Dan Naik Taraf Kem Bina Negara	20
Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia	
5. Pengurusan Penyewaan Premis	36
KEMENTERIAN KEWANGAN	
Lembaga Hasil Dalam Negeri	
6. Pengurusan Tunggakan Cukai	54
7. Pengurusan Surat Penyelesaian Cukai Bagi Pembayar Cukai Individu Berpendapatan Penggajian	65
8. Aktiviti Audit Luar Terhadap Cukai Pendapatan Individu Berpendapatan Perniagaan	74
Jabatan Kastam Diraja Malaysia	
9. Pengurusan Mesin Pengimbas	87
10. Pengurusan Bot Untuk Aktiviti Pencegahan	94
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI	
11. Program Insentif Pengeluaran Padi	111
12. Projek Pengeluaran Hasil Padi Di Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu	123
Jabatan Perikanan Malaysia	
13. Pengurusan Kapal Latihan Paus, Institut Perikanan Malaysia, Chendering, Terengganu	132
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN	
14. Projek Pembesaran Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching	139
Jabatan Laut Semenanjung Malaysia	
15. Projek Marina Awam	147
Jabatan Penerbangan Awam	
16. Perolehan Dan Penyenggaraan Peralatan Kawalan Trafik Udara	161
KEMENTERIAN PELANCONGAN	
17. Program *Homestay*	175

KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN DAN KESEJAHTERAAN BANDAR
18. Program Pembasmian Kemiskinan Bandar 184

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
19. Pengurusan Perumahan Awam 195

KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA
20. Pengurusan Rancangan Makanan Tambahan Di Sekolah 208
21. Pengurusan Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin 230
22. Projek Merekabentuk, Membina, Membekal, Menyiap Dan Menyenggara Set Janakuasa Di Sekolah-sekolah Kawasan Luar Bandar Negeri Sarawak 244

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
23. Penyediaan Makanan Secara *Outsourcing* 259
24. Aktiviti Rawatan Penyakit Buah Pinggang 269
25. Aktiviti Transfusi Darah, Pusat Darah Negara 289
26. Projek Pembaikan Dan Naik Taraf Fasiliti Klinik Kesihatan 302

KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN
27. Projek Pembinaan Kompleks Sukan Komuniti 318
28. Perolehan Peralatan Di Institut Kemahiran Belia Negara, Temerloh, Pahang 333

KEMENTERIAN PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN
29. Aktiviti Penjualan Masa Siaran Iklan Radio Dan Televisyen 343
30. Program Pemberian Perkhidmatan Sejagat Fasa V 353

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
31. Kerja Pembaikan/Pembesaran/Naik Taraf/Pengubahsuaian Institusi Kebajikan Masyarakat 372

Jabatan Kebajikan Masyarakat
32. Program Bantuan Kebajikan 383

KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI
33. Projek Pembinaan Politeknik Muadzam Shah, Pahang 397

KEMENTERIAN PERTAHANAN
34. Pengurusan Pajakan Premis Kepada Perbadanan Perwira Niaga Malaysia (PERNAMA) 406
35. Projek Pembinaan Hospital Angkatan Tentera Malaysia, Kuala Lumpur 416
36. Pengurusan Bekalan Makanan Untuk Pasukan Tentera Darat 424
37. Pembinaan Rumah Pangsa Keluarga Anggota Di Kem Mahkota, Kluang, Johor 443

KEMENTERIAN DALAM NEGERI
38. Pengurusan Kompleks Lapang Sasar Antarabangsa Langkawi Malaysia 454

Polis Diraja Malaysia
39. Pembinaan Pangkalan Polis Marin Di Pelabuhan Klang, Selangor 468
40. Projek Pembinaan Perumahan Dan Ibu Pejabat Polis Kontinjen Kedah 480
41. Kerja Pembaikan Dan Penyenggaraan Balai Dan Kuarters Polis 488

Jabatan Imigresen Malaysia
42. Aktiviti Penguatkuasaan Pendatang Asing Tanpa Izin 501

PELBAGAI KEMENTERIAN DAN JABATAN
43. Pengurusan Projek Di Bawah Pakej Rangsangan Ekonomi Pertama 512

HASIL PENGAUDITAN YANG DILAPORKAN SECARA RINGKAS

KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR

Jabatan Ukur Dan Pemetaan Malaysia
44. Perolehan Peralatan Bagi Aktiviti Utama 534

KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA
45. Pengurusan Perolehan Peralatan Sukan Sekolah 536

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
46. Aktiviti Penyelidikan, Institut Penyelidikan Perubatan 538

KEMENTERIAN PERTAHANAN
47. Projek Pembinaan Asrama Anggota Bujang Kapal Di Pangkalan Tentera Laut Diraja Malaysia, Lumut, Perak 541
48. Projek Pembinaan Kompleks 7 Briged, Kem Skudai, Johor Bahru 543

KEMENTERIAN DALAM NEGERI

Ikatan Relawan Rakyat Malaysia
49. Pengurusan Pendaftaran Keahlian Dan Pemberian Pakaian Seragam 547

BAHAGIAN II
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN

50. Pendahuluan 553
51. Prestasi Kewangan Syarikat Secara Keseluruhan 553
52. Pengawasan Terhadap Syarikat Kerajaan Oleh Kementerian Kewangan 566
53. Pengurusan Aktiviti Syarikat 571
54. Pengurusan Keretapi Tanah Melayu Berhad 572
55. Pengurusan Cyberview Sdn. Bhd. 598
56. Pengurusan MIMOS Berhad 614
57. Pengurusan Penang Port Sdn. Bhd. 630
58. Pengurusan Prokhas Urus Sdn. Bhd. (Syarikat Subsidiari Prokhas Sdn. Bhd.) 652
59. Pengurusan Halal Industry Development Corporation Sdn. Bhd. 667
60. Pengurusan Technology Park Malaysia Corporation Sdn. Bhd. (Dilaporkan Secara Ringkas) 686
61. Rumusan Terhadap Pengurusan Syarikat Kerajaan Secara Menyeluruh 689

BAHAGIAN III
PENGAUDITAN KHAS ATAS PERMOHONAN KEMENTERIAN/AGENSI LAIN

62. Pengesahan Terhadap Tuntutan Subsidi Dan Insentif Oleh MASwings Sdn. Bhd. Bagi Pengendalian Operasi Udara Luar Bandar Bagi Tahun Kewangan 2007 Dan 2008 693
63. Pengauditan Terhadap Prestasi Dan Kedudukan Kewangan Syarikat Konsesi Lebuh Raya Bertol 694

BAHAGIAN IV
KEDUDUKAN TINDAKAN SUSULAN YANG DIAMBIL OLEH KEMENTERIAN/JABATAN/ SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN TERHADAP SYOR-SYOR YANG DIKEMUKAKAN DALAM LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA BAGI TAHUN 2006 HINGGA 2008
- KEDUDUKAN SETAKAT 1 APRIL 2010

64. Pendahuluan 699
65. Tindakan Susulan Yang Belum Diambil Terhadap Syor-syor Yang Dikemukakan Dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2008 699

PENUTUP 707



KATA PENDAHULUAN

KATA PENDAHULUAN

1. Perkara 106 dan 107 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Kewangan, Pengurusan Kewangan serta aktiviti Kerajaan Persekutuan dan syarikat Kerajaan serta mengemukakan Laporan mengenainya kepada Yang di-Pertuan Agong untuk mendapatkan perkenan supaya Laporan itu dibentangkan di Parlimen. Bagi memenuhi tanggungjawab ini, Jabatan Audit Negara telah menjalankan 3 jenis pengauditan seperti berikut :-

1.1. **Pengauditan Terhadap Penyata Kewangan** - untuk memberi pendapat sama ada Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan bagi tahun berkenaan menggambarkan kedudukan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan mengenainya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.

1.2. **Pengauditan Pematuhan** - untuk menilai sama ada pengurusan kewangan di Kementerian/Jabatan Persekutuan dilaksanakan mengikut undang-undang dan peraturan kewangan yang berkaitan.

1.3. **Pengauditan Prestasi** - untuk menilai sama ada sesuatu aktiviti Kerajaan/syarikat Kerajaan dilaksanakan dengan cekap, berhemat dan mencapai objektif/matlamat yang telah ditetapkan.

2. Mulai Laporan bagi tahun 2006, Laporan saya hasil daripada pengauditan prestasi terhadap pelaksanaan aktiviti Kementerian/Jabatan Persekutuan dan pengurusan Syarikat Kerajaan dilaporkan berasingan daripada Laporan saya berhubung dengan pengauditan terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan dan Pengurusan Kewangan Kerajaan Persekutuan. Pengasingan ini dibuat bagi memudahkan rujukan dan memberi lebih impak kepada perkara yang dibangkitkan. Laporan saya mengenai pelaksanaan aktiviti Kementerian/Jabatan Persekutuan dan pengurusan Syarikat Kerajaan bagi tahun 2009 mengandungi 4 bahagian seperti berikut :-

Bahagian I : Pelaksanaan Aktiviti Kementerian/Jabatan Persekutuan

Bahagian II : Pengurusan Syarikat Kerajaan

Bahagian III : Pengauditan Khas Atas Permohonan Kementerian/Agensi Lain

Bahagian IV : Kedudukan Tindakan Susulan Yang Diambil Oleh Kementerian/Jabatan/Syarikat Kerajaan Terhadap Syor-syor Yang Dikemukakan Dalam Laporan Ketua Audit Negara Bagi Tahun 2006 Hingga 2008

3. Seksyen 6(d), Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara menjalankan pengauditan untuk menilai sama ada aktiviti Kerajaan diuruskan dengan cekap, berhemat dan selaras dengan objektif aktiviti berkenaan. Pengauditan tersebut

melibatkan pelbagai aktiviti seperti pembinaan, penyenggaraan, penguatkuasaan undang-undang, perolehan, pengurusan aset, pengurusan cukai dan program peningkatan sosioekonomi. Laporan ini mengandungi perkara-perkara yang telah diperhatikan hasil daripada pengauditan terhadap 58 aktiviti/projek di bawah 27 Kementerian/Jabatan Persekutuan dan pengurusan 7 syarikat Kerajaan. Pada umumnya, didapati Kementerian/Jabatan Persekutuan/syarikat Kerajaan telah membuat perancangan dengan memuaskan bagi aktiviti/projek yang dijalankan. Bagaimanapun dari segi pelaksanaannya, terdapat beberapa kelemahan yang berpunca daripada penyeliaan yang kurang rapi, ketiadaan pemantauan yang berkesan, kekurangan peruntukan kewangan dan kekurangan kakitangan serta kepakaran.

4. Selain daripada itu, laporan ini juga mengandungi prestasi kewangan 40 syarikat Kerajaan bagi tempoh tahun 2006 hingga 2008 hasil analisis terhadap data yang diperolehi daripada Sistem Maklumat Syarikat Kerajaan Dan Badan Berkanun yang diselenggarakan oleh Kementerian Kewangan/penyata kewangan syarikat yang beraudit (Audited Financial Statements). Sebanyak 19 syarikat telah memperolehi keuntungan sebelum cukai untuk tempoh 3 tahun berturut-turut berjumlah RM209.80 bilion dan 11 syarikat mengalami kerugian terkumpul bagi tempoh 3 tahun berturut-turut berjumlah RM1.49 bilion. Bagaimanapun daripada 19 syarikat yang memperolehi keuntungan tersebut, hanya 4 syarikat yang membayar dividen kepada Kerajaan bagi 3 tahun berturut-turut berjumlah RM84.03 bilion manakala 9 syarikat yang lain hanya membayar dividen bagi tahun-tahun tertentu sahaja. Sebanyak 12 daripada syarikat tersebut telah membayar cukai bagi 3 tahun berturut-turut berjumlah RM76.73 bilion kepada Kerajaan.

5. Dari semasa ke semasa, Jabatan Audit Negara juga ada menerima permohonan daripada beberapa pihak untuk menjalankan pengauditan atau membuat pengesahan terhadap perkara-perkara tertentu yang melibatkan kewangan syarikat/agensi Kerajaan. Pada tahun 2009, Jabatan Audit Negara telah menerima permohonan daripada Kementerian Pengangkutan untuk membuat pengesahan terhadap tuntutan subsidi dan insentif oleh sebuah syarikat yang mengendalikan operasi udara luar bandar di kawasan-kawasan terpencil di Sabah dan Sarawak. Selain itu, selaras dengan keputusan Jemaah Menteri, Jabatan Audit Negara juga telah menjalankan pengauditan terhadap prestasi dan kedudukan kewangan 3 Syarikat Konsesi Lebuh Raya Bertol.

6. Bagi membantu Kementerian/Jabatan/syarikat Kerajaan memperbetulkan kelemahan-kelemahan yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara bagi tahun 2006, 2007 dan 2008, sejumlah 748 syor telah dikemukakan untuk tujuan tersebut. Pemeriksaan susulan yang telah dijalankan setakat 1 April 2010 mendapati kesemua 574 syor yang dikemukakan dalam Laporan Ketua Audit Negara bagi tahun 2006 dan 2007 telah diambil tindakan dengan sewajarnya oleh pihak-pihak yang berkenaan. Manakala bagi tahun 2008, sebanyak 162 (93.1%) daripada 174 syor yang dikemukakan telah diambil tindakan. Dalam Laporan Ketua Audit Negara bagi tahun 2009 ini pula, sebanyak 250 syor telah dikemukakan kepada Kementerian/Jabatan/ syarikat Kerajaan berkenaan untuk tindakan pembetulan/bagi mengelakkan kelemahan yang sama daripada berulang. Jabatan ini akan membuat pemantauan secara

berterusan bagi memastikan tindakan yang sewajarnya diambil oleh pihak-pihak yang berkenaan terhadap syor-syor tersebut dan akan melaporkan kedudukan terkininya dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2010.

7. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Kementerian/Jabatan/syarikat Kerajaan yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada pegawai-pegawai saya yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan Laporan ini.

(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)
Ketua Audit Negara
Malaysia

Putrajaya
1 Julai 2010



INTISARI LAPORAN

INTISARI LAPORAN

BAHAGIAN I - PELAKSANAAN AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN KERAJAAN PERSEKUTUAN

JABATAN PERDANA MENTERI

1. Bahagian Pengurusan Hartanah

- Pengurusan Rumah Peranginan Dan Rumah Penginapan Persekutuan

a. Bahagian Pengurusan Hartanah (BPH), Jabatan Perdana Menteri adalah bertanggungjawab untuk menguruskan Rumah Peranginan Persekutuan (RPP) di 5 lokasi iaitu Port Dickson, Morib, Tasik Kenyir, Cameron Highlands dan Bukit Fraser serta 6 Rumah Penginapan Persekutuan (RP) iaitu di Port Dickson, Cameron Highlands, Bukit Fraser, Labuan, Singapura dan London. Manakala pengurusan RPP Pulau Langkawi pula telah diserahkan kepada Langkawi Holiday Villa Sdn. Bhd. tetapi BPH masih bertanggungjawab untuk memantau pengurusan RPP yang dilaksanakan oleh syarikat berkenaan khususnya dari segi penyenggaraan, landskap dan kebersihan.

b. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Mei hingga September 2009 terhadap pengurusan 4 RPP iaitu di Cameron Highlands, Bukit Fraser, Port Dickson dan Tasik Kenyir serta 4 RP di Cameron Highlands; The Lodge, Bukit Fraser; Tanjung Tuan, Port Dickson dan Singapura mendapati wujud beberapa kelemahan seperti berikut :-

   i. Bangunan RPP dan RP serta kuarters kakitangan di RP The Lodge dan RPP Cameron Highlands tidak disenggarakan dengan memuaskan menyebabkan berlaku kerosakan yang boleh menjejaskan keselesaan/keselamatan penghuni.

   ii. Rekod berhubung dengan aset dan stor tidak diselenggarakan dengan lengkap/tidak dikemaskinikan.

   iii. Kerja-kerja yang dilaksanakan oleh kontraktor tidak dipantau dengan rapi.

c. Bagi memastikan pengurusan RPP dan RP dibuat dengan teratur, BPH disyorkan supaya mengambil langkah-langkah berikut :-

   i. Menjalankan pemeriksaan fizikal secara berjadual di semua RPP dan RP supaya sebarang kerosakan yang ditemui dapat diperbaiki dengan segera bagi mengelakkannya bertambah serius dan Kerajaan terpaksa menanggung perbelanjaan yang lebih besar untuk membaikinya. Sehubungan ini, BPH perlu menyediakan peruntukan yang mencukupi bagi kerja-kerja penyenggaraan/ pembaikan di RPP dan RP.

   ii. Memastikan kakitangan yang menguruskan RPP dan RP sentiasa menyelenggarakan rekod berhubung dengan aset dan stor dengan lengkap, kemas kini dan teratur sepertimana dikehendaki dalam Pekeliling

Perbendaharaan Bilangan 5 Tahun 2007 dan Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 5 Tahun 2009.

iii. Memastikan kerja-kerja penyenggaraan dan perkhidmatan dobi dijalankan dengan sempurna mengikut kontrak sebelum bayaran dibuat. Selain itu, pemantauan yang rapi perlu dilaksanakan untuk memastikan Kerajaan mendapat *value for money* bagi perbelanjaan yang telah dibuat.

2. Bahagian Pengurusan Hartanah

- Penswastaan Pengurusan Rumah Peranginan Persekutuan Pulau Langkawi

a. Rumah Peranginan Persekutuan Pulau Langkawi (RPPL) telah siap dibina pada tahun 1996 dengan kos berjumlah RM12.28 juta. Ia telah diserahkan kepada Langkawi Holiday Villa Sdn. Bhd. untuk mengusahakannya melalui perjanjian penswastaan bertarikh 29 Julai 1996. Tempoh konsesi adalah sehingga 31 Mac 2016.

b. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Mei hingga September 2009 terhadap pengurusan Rumah Peranginan Persekutuan Pulau Langkawi mendapati perkara-perkara berikut :-

i. Kemudahan yang disediakan termasuk taman dan landskap, perabot serta kelengkapan tidak disenggarakan dengan memuaskan menyebabkan berlaku kerosakan yang mana boleh menjejaskan keselesaan/keselamatan penghuni.

ii. Rekod berhubung dengan aset pula tidak diselenggarakan dengan lengkap/tidak dikemaskinikan dan tidak dipantau dengan rapi oleh Bahagian Pengurusan Hartanah (BPH).

iii. Bilangan tetamu dari kalangan kakitangan Kerajaan lebih rendah berbanding dengan orang awam di mana bagi tempoh tahun 2007 hingga 2009 hanya 6% hingga 10.2% daripada tetamu adalah daripada kakitangan Kerajaan.

c. Bagi memastikan pengurusan Rumah Peranginan Persekutuan Pulau Langkawi dibuat dengan teratur, BPH disyorkan supaya mengambil langkah-langkah berikut :-

i. Memantau dan membuat pemeriksaan dari semasa ke semasa terhadap semua kelengkapan, perabot dan peralatan RPPL untuk memastikan ia sentiasa berada dalam keadaan yang baik dan rekod mengenainya diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini. BPH juga perlu meminta Langkawi Holiday Villa Sdn. Bhd. mengemukakan laporan mengenai kelengkapan, perabot dan peralatan yang telah digantikan dalam tempoh konsesi.

ii. Membuat pemantauan terhadap prestasi penggunaan bilik di RPPL dengan mewujudkan mekanisme yang cekap dan berkesan.

iii. Memastikan Langkawi Holiday Villa Sdn. Bhd. mematuhi semua syarat yang ditetapkan dalam perjanjian penswastaan dan pegawai Kerajaan sentiasa diberi keutamaan membuat tempahan.

3. Biro Tatanegara

- Pembinaan, Pembesaran Dan Naik Taraf Kem Bina Negara

a. Biro Tatanegara telah diluluskan peruntukan berjumlah RM96.43 juta bagi tempoh tahun 2006 hingga 2009 untuk melaksanakan pembinaan 5 Kem Bina Negara (KBN) yang baru; pembesaran 3 kem sedia ada; naik taraf 14 kem sedia ada; kerja-kerja baik pulih kem dan projek pengkomputeran. Sehingga akhir tahun 2009, sejumlah RM63.59 juta (65.9%) daripada peruntukan tersebut telah dibelanjakan.

b. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Mei hingga September 2009 terhadap pembinaan Pusat Latihan Bina Negara, Jalan Bellamy, Kuala Lumpur dan KBN Sampadi, Sarawak; pembesaran KBN Langkawi, Kedah dan KBN Lipis, Pahang serta naik taraf KBN Meru, Selangor mendapati beberapa kelemahan seperti berikut :-

   i. Projek lewat disiapkan antara 2 bulan hingga melebihi 2 tahun.

   ii. Kerja pembinaan tidak mengikut spesifikasi kontrak, tidak sesuai dan tidak berkualiti.

   iii. Sebahagian kerja yang dilaksanakan oleh kontraktor sebagai ganti terhadap peralatan yang tidak dibekal dan tidak dipasang telah dibuat tanpa kelulusan Pegawai Penguasa Projek secara bertulis.

   iv. Sehingga akhir tahun 2009, KBN Langkawi masih tidak beroperasi sejak diserahkan oleh kontraktor pada 29 Februari 2008 disebabkan Sijil Layak Menduduki tidak diluluskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Manakala KBN Lipis telah menggunakan kem yang siap dibina sejak bulan Mac 2008 walaupun Sijil Layak Menduduki belum diluluskan oleh PBT yang berkenaan.

c. Bagi memperbaiki kelemahan yang dibangkitkan dalam laporan ini dan juga memastikan perkara yang sama tidak berulang dalam pelaksanaan projek yang lain, adalah disyorkan supaya Biro Tatanegara mengambil langkah-langkah berikut :-

   i. Bagi mengelakkan kelewatan menyiapkan projek, kos projek meningkat dan kemudahan yang dibina tidak digunakan, setiap projek yang akan dilaksanakan hendaklah dirancang dengan teliti dan semua keperluan pengguna serta Pihak Berkuasa Tempatan diambil kira.

   ii. Pegawai Penguasa Projek/Pengarah Projek atau wakilnya hendaklah membuat penyeliaan dan pemantauan yang rapi terhadap kerja-kerja yang dilaksanakan oleh kontraktor dan perunding bagi memastikan mereka mematuhi spesifikasi yang ditetapkan dalam kontrak.

   iii. Memastikan kontraktor membaiki sebarang kerosakan/kecacatan dengan segera sebelum memulangkan Bon Pelaksanaan atau sebelum Tempoh Tanggungan Kecacatan tamat. Pelarasan harga terhadap kerja-kerja yang tidak disempurnakan oleh kontraktor juga perlu dibuat bagi projek yang mana Akaun Muktamadnya belum disediakan.

4. Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia
- Pengurusan Penyewaan Premis

a. Bagi tempoh tahun 2007 hingga 2009, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) telah menyewa 25 bangunan pejabat dan satu jeti di seluruh negara di mana sebanyak RM109.40 juta telah dibelanjakan untuk membayar sewa premis-premis tersebut.

b. Pengauditan yang dijalankan antara bulan November hingga Disember 2009 terhadap 20 premis yang dipilih iaitu Ibu Pejabat APMM, Pejabat Bahagian Hal Ehwal Penguatkuasaan Maritim Malaysia, Pejabat Wilayah Maritim Selatan, Timur, Sabah dan Sarawak termasuk Daerah Maritim Johor Bahru, Kuantan, Tok Bali (Kelantan), Pelabuhan Klang, Kota Kinabalu, Sandakan, Tawau, Labuan, Kuching, Miri dan Pangkalan Maritim Mersing, Batu Pahat, Tanjung Manis serta Jeti Tok Bali mendapati wujud beberapa kelemahan seperti berikut :-

   i. Keluasan ruang yang disewa melebihi daripada kelayakan sebenar iaitu sebanyak 8,732.91 meter persegi (m^2) menyebabkan Kerajaan terpaksa membelanjakan sejumlah RM682,139 sebulan bagi ruang tersebut.

   ii. Sejumlah RM276,573 sebulan telah dibelanjakan untuk membayar sewa ruang yang tidak digunakan bagi 8 premis yang dilawati.

   iii. Dokumen perjanjian penyewaan premis lewat ditandatangani antara 130 hingga 439 hari sedangkan ruang pejabat telah diduduki.

   iv. Ruang pejabat yang disewa juga termasuk perabot dan peralatan pejabat serta kerja-kerja pengubahsuaian di mana kos tersebut telah diambil kira dalam kadar sewa bulanan. Bagaimanapun, perbekalan perabot dan peralatan di 7 pejabat sepertimana yang disenaraikan dalam Senarai Bahan (*Bill Of Quantity*) bernilai RM2.65 juta tidak dapat disahkan.

   v. Kerja-kerja pengubahsuaian bernilai RM781,292 di 5 pejabat pula tidak dilaksanakan oleh tuan tanah.

   vi. Butiran mengenai perabot dan peralatan pejabat di bawah kos pengubahsuaian pejabat tidak diambil kira dalam rekod menyebabkan pihak APMM sukar untuk menentukan hak milik Kerajaan apabila perjanjian tamat.

c. Bagi memastikan pengurusan penyewaan premis APMM dapat dilaksanakan dengan berkesan, adalah disyorkan supaya APMM mengambil langkah-langkah berikut :-

   i. Mengkaji semula keperluan sebenar ruang pejabat yang disewa supaya Kerajaan mendapat *value for money* melalui perbelanjaan berhemat.

   ii. Mengambil kira kesesuaian premis untuk disewa kerana bangunan yang usang dan penyenggaraan yang tidak memuaskan akan menjejaskan keselamatan kakitangan dan operasi harian APMM.

   iii. Memastikan peraturan, pekeliling yang berkuat kuasa berhubung penyewaan bangunan dipatuhi dan khidmat nasihat daripada pihak urusetia Jawatankuasa

Ruang Pejabat diperolehi terlebih dahulu sebelum mengikat kontrak dengan tuan tanah untuk menjaga kepentingan Kerajaan.

iv. Mengesahkan perbekalan perabot dan peralatan pejabat serta kerja-kerja pengubahsuaian yang dilakukan oleh tuan tanah bagi mengelakkan daripada membayar perbekalan/kerja yang tidak diterima/tidak dilaksanakan. Kerja-kerja pengubahsuaian yang tidak dilaksanakan sebaliknya digantikan dengan kerja tambahan hendaklah mendapat kelulusan Jawatankuasa Ruang Pejabat dan dimaklumkan kepada Jabatan Penilaian Dan Perkhidmatan Harta supaya penilaian semula dapat dijalankan bagi menentukan kadar sewaan dibuat sewajarnya.

v. Membaiki kerosakan yang teruk sekiranya tindakan masih belum diambil oleh tuan tanah. Kos penyenggaraan perlu dituntut balik daripada tuan tanah atau melalui potongan daripada jumlah bayaran sewa bulanan.

vi. Mengambil tindakan segera terhadap keperluan mendesak terutamanya mengenai penyediaan infrastruktur yang lengkap seperti jeti, pos kawalan dan gudang bagi menyimpan barang-barang rampasan memandangkan APMM menumpang di jeti/premis milik agensi lain atau syarikat swasta/persendirian di mana boleh menjejaskan keselamatan aset Kerajaan dan barangan ekshibit.

KEMENTERIAN KEWANGAN

1. Lembaga Hasil Dalam Negeri

- Pengurusan Tunggakan Cukai

a. Pada tahun 2009, Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) memungut cukai berjumlah RM78.38 bilion yang terdiri daripada cukai pendapatan, cukai petroleum, duti setem, cukai keuntungan harta tanah dan lain-lain. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Julai hingga November 2009 terhadap pengurusan tunggakan cukai secara keseluruhan dengan memberi tumpuan kepada pengurusan cukai pendapatan di Cawangan Pungutan Kuala Lumpur, Pulau Pinang, Alor Setar, Kangar, Melaka dan Kota Bharu mendapati kelemahan seperti berikut :-

i. Peratusan kes yang diambil tindakan dan jumlah tunggakan cukai yang dapat dipungut adalah kurang daripada sasaran yang ditetapkan. Ini adalah kerana tiada pegawai khusus untuk mengambil tindakan terhadap kes-kes tunggakan cukai. Didapati pegawai yang sama juga terlibat dengan aktiviti pungutan yang lain.

ii. LHDN tidak mengenakan penalti terhadap pembayar cukai yang tidak/lewat mengemukakan Borang Nyata.

iii. Kenaikan cukai atas cukai yang tidak/kurang/lewat dibayar serta kenaikan cukai akibat perbezaan antara anggaran cukai yang dibayar oleh pembayar cukai dengan cukai sebenar tidak dikenakan.

iv. Tindakan sekatan perjalanan ke luar negara dan kaveat terhadap harta pembayar cukai yang mempunyai tunggakan cukai juga tidak diambil.

b. Bagi memastikan sasaran yang ditetapkan untuk mengurangkan tunggakan cukai dapat dicapai sepenuhnya, LHDN perlu mempertingkatkan tahap penguatkuasaan undang-undang dan peraturan terhadap pembayar cukai yang gagal menjelaskan cukai mereka. Sehubungan ini, Agensi Pusat perlu menimbangkan semula permohonan LHDN untuk menambah bilangan kakitangan yang diperlukan bagi mempertingkatkan aktiviti penguatkuasaannya.

2. Lembaga Hasil Dalam Negeri

- Pengurusan Surat Penyelesaian Cukai Bagi Pembayar Cukai Individu Berpendapatan Penggajian

a. Bagi tempoh tahun 2006 hingga bulan Jun 2009, sebanyak 35 Cawangan Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) telah menerima 104,874 permohonan Surat Penyelesaian Cukai (SPC). Pengauditan yang dijalankan antara bulan Ogos hingga Disember 2009 di 6 cawangan LHDN iaitu Cawangan Wangsa Maju; Teluk Intan; Seremban; Kota Kinabalu; Johor Bahru dan Wilayah Persekutuan Labuan mendapati sungguhpun LHDN dapat menyelesaikan 90.2% kes permohonan SPC bagi pembayar cukai individu berpendapatan penggajian bagi tempoh tahun 2006 hingga bulan Jun 2009, namun terdapat beberapa kelemahan seperti berikut :-

   i. Permohonan SPC tidak dapat diselesaikan mengikut tempoh yang ditetapkan dalam Piagam Pelanggan. Borang Nyata selepas SPC dikeluarkan tidak dikemukakan oleh pembayar cukai bagi menentukan cukai yang sebenar dan penalti tidak dikenakan terhadap pembayar cukai yang lewat mengembalikan Borang Nyata.

   ii. Tindakan tegas tidak diambil terhadap mereka yang mempunyai tunggakan cukai setelah SPC dikeluarkan seperti menghalang mereka daripada keluar negara/mengambil tindakan guaman sivil. Penguatkuasaan dan pemantauan tidak dibuat dengan berkesan menyebabkan cukai pendapatan lewat/tidak/ kurang dipungut.

b. LHDN sungguhpun mempunyai Akta dan peraturan yang memadai untuk menguruskan SPC dengan baik, namun dari segi pelaksanaannya, masih ada beberapa kelemahan yang berpunca daripada penguatkuasaan dan pemantauan yang kurang berkesan. Sehubungan ini, adalah disyorkan supaya LHDN mengambil tindakan terhadap perkara-perkara berikut :-

   i. Memastikan permohonan SPC dapat diselesaikan dalam tempoh yang ditetapkan bagi mengelakkan berlakunya kelewatan kutipan hasil Kerajaan. Sehubungan ini, LHDN hendaklah merekodkan setiap permohonan yang diterima dengan lengkap.

   ii. Memastikan taksiran anggaran cukai yang dibangkitkan bagi tahun-tahun sebelum SPC dikeluarkan dimuktamadkan supaya amaun penyelesaian cukai adalah tepat. LHDN juga hendaklah memastikan Borang Nyata dikemukakan oleh pembayar cukai dalam tempoh yang ditetapkan selepas SPC dikeluarkan. Selain itu, LHDN hendaklah mengenakan penalti terhadap mereka yang tidak/ lewat mengembalikan Borang Nyata.

iii. Mengambil tindakan yang tegas seperti mana yang diperuntukkan di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967 terhadap mereka yang tidak menjelaskan cukainya. Tindakan yang perlu diambil adalah menghalang mereka daripada keluar negara atau mengambil tindakan guaman sivil terhadap mereka.

3. Lembaga Hasil Dalam Negeri

- Aktiviti Audit Luar Terhadap Cukai Pendapatan Individu Berpendapatan Perniagaan

a. Bagi tempoh tahun 2007 hingga 2009, Unit Audit Luar Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) melalui 35 cawangannya telah menyelesaikan pemeriksaan terhadap 14,399 individu berpendapatan perniagaan yang melibatkan cukai tambahan dan penalti berjumlah RM507.08 juta. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Ogos hingga November 2009 terhadap 392 (20.8%) daripada 1,888 kes yang diperiksa oleh pegawai Audit Luar di 5 Cawangan LHDN iaitu Cawangan Jalan Duta Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Cawangan Kuala Terengganu, Kuantan, Kuching dan Shah Alam mendapati beberapa kelemahan seperti berikut :-

i. Unit Audit Luar LHDN hanya dapat mencapai antara 22.2% hingga 88.9% sasaran bilangan kes yang perlu selesai diperiksa dalam setahun.

ii. Daripada 392 kes yang disemak, sebanyak 244 kes (62.2%) yang melibatkan cukai tambahan dan penalti berjumlah RM14.15 juta tidak diselesaikan dalam tempoh 3 bulan di mana kelewatannya adalah antara 6 hari hingga 788 hari.

iii. Kelulusan bayaran ansuran cukai tambahan dan penalti berjumlah RM3.69 juta telah diberikan kepada 69 individu berpendapatan perniagaan tanpa surat rayuan atau tanpa bukti yang lengkap untuk menunjukkan individu berpendapatan perniagaan tersebut sebenarnya menghadapi masalah kewangan.

iv. Kenaikan cukai berjumlah RM0.54 juta tidak dikenakan terhadap 77 pembayar cukai, kenaikan cukai bagi 12 pembayar cukai terkurang dikenakan berjumlah RM0.02 juta dan 14 pembayar cukai lewat dikenakan kenaikan cukai berjumlah RM0.17 juta.

v. Sekatan keluar negara, tindakan guaman sivil dan kaveat hartanah tidak dikenakan kepada mereka yang tidak menjelaskan tunggakan cukai.

b. Sehubungan ini, adalah disyorkan supaya Agensi Pusat/LHDN melaksanakan perkara-perkara berikut :-

i. Agensi Pusat perlu menimbangkan semula permohonan LHDN untuk menambah bilangan kakitangan yang diperlukan bagi menjalankan aktiviti audit luarnya. Ini adalah kerana berdasarkan bilangan jawatan yang sedia ada termasuk yang baru diluluskan, sukar bagi Unit Audit Luar LHDN untuk menjalankan pemeriksaan mengikut sasaran yang telah ditetapkan iaitu 2% daripada bilangan individu berpendapatan perniagaan. Sekiranya bilangan jawatan yang dipohon tidak diluluskan, LHDN akan mengambil masa melebihi 50 tahun untuk memeriksa kesemua individu berpendapatan perniagaan tersebut.

ii. Latihan kemahiran khas berhubung dengan audit luar terhadap cukai pendapatan individu berpendapatan perniagaan perlu diberi kepada semua pegawai Audit Luar terutamanya pegawai baru. Manakala latihan berterusan perlu diberi kepada pegawai Audit Luar sedia ada bagi melengkapkan mereka dengan pengetahuan dan kemahiran dalam menjalankan audit luar selaras dengan perkembangan dan kompleksiti perniagaan serta perubahan teknologi semasa.

iii. Kelulusan bayaran ansuran cukai perlu dibuat oleh pegawai yang diberi kuasa. LHDN juga perlu memastikan hanya pembayar cukai yang benar-benar menghadapi masalah kewangan diberikan kelulusan untuk membayar cukai secara ansuran. Selain itu, Notis Taksiran cukai tambahan perlu dikeluarkan segera bagi kes yang penyelesaiannya telah diluluskan oleh pegawai atasan untuk membolehkan cukai dipungut.

iv. Menguatkuasakan sepenuhnya peraturan berkaitan pungutan tunggakan cukai seperti mengenakan kenaikan cukai, menyekat perjalanan ke luar negara, mengambil tindakan guaman sivil dan mengkaveat hartanah pihak yang terlibat. Selain itu, LHDN perlu membangunkan satu sistem berkomputer yang berupaya mengeluarkan peringatan secara automatik apabila pembayar cukai gagal membayar cukai ansuran yang ditetapkan.

v. Senarai Semak Tatacara Audit Luar perlu diisi dengan lengkap oleh setiap pegawai Audit Luar bagi membolehkan kemajuan kerja mereka dipantau oleh pihak pengurusan atasan.

vi. Pengurus Audit/Ketua Kumpulan perlu mengadakan lawatan mengejut terhadap pasukan pegawai Audit Luar yang berada di premis pembayar cukai dari semasa ke semasa. Jabatan Inspektorat di Ibu Pejabat juga perlu membuat pemeriksaan dari semasa ke semasa untuk memastikan peraturan yang ditetapkan sentiasa dipatuhi.

4. Jabatan Kastam Diraja Malaysia
- Pengurusan Mesin Pengimbas

a. Setakat bulan September 2009, Jabatan Kastam Diraja Malaysia (Jabatan Kastam) mempunyai 74 mesin pengimbas di seluruh negara iaitu 19 mesin pengimbas kontena, 54 mesin pengimbas bagasi dan satu mesin pengimbas badan. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Mei hingga September 2009 di Ibu Pejabat Jabatan Kastam dan 24 Stesen Kastam di 5 negeri iaitu Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Selangor, Johor, Kelantan dan Sabah mendapati beberapa kelemahan seperti berikut :-

i. Mesin pengimbas tidak digunakan disebabkan kerosakan dan kekurangan kakitangan sama ada dari segi bilangan atau kelayakan untuk mengendalikannya.

ii. Di stesen Pelabuhan Utara, Selangor, Tanjung Puteri, Johor dan Rantau Panjang, Kelantan, didapati Jabatan Kastam telah membuat bayaran berjumlah RM1.17 juta bagi tempoh bulan Julai 2006 hingga Jun 2009 kepada kontraktor

yang dilantik bagi kerja penyenggaraan yang tidak dilaksanakan atau hanya dilaksanakan sebahagiannya memandangkan dalam tempoh tersebut, mesin berkenaan mengalami kerosakan atau tidak digunakan.

b. Jabatan Kastam disyorkan melaksanakan beberapa langkah penambahbaikan berikut :-

i. Menjalankan kajian yang lebih terperinci sebelum sesuatu perolehan peralatan dibuat termasuk perancangan penempatan pegawai yang berkelayakan bagi memastikan peralatan yang dibeli digunakan secara optimum dan penggunaannya mematuhi peraturan yang ditetapkan.

ii. Siasatan hendaklah dijalankan untuk menentukan sama ada terdapat kecuaian oleh pihak yang terlibat dengan pembayaran bagi kerja penyenggaraan yang tidak dilaksanakan atau tidak dilaksanakan dengan sempurna supaya tindakan tatatertib dapat diambil terhadap mereka.

5. Jabatan Kastam Diraja Malaysia
- Pengurusan Bot Untuk Aktiviti Pencegahan

a. Setakat bulan September 2009, Jabatan Kastam memiliki 152 bot pelbagai jenis yang berusia antara 2 hingga 34 tahun. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Mei hingga September 2009 terhadap aktiviti perolehan, penggunaan dan penyenggaraan bot di Bahagian Perolehan, Ibu Pejabat; Cawangan Marin dan Khidmat Sokongan Dengkil, Selangor; Stesen Marin Johor Bahru dan Tanjung Surat, Johor; Stesen Marin Pelabuhan Klang, Selangor; Stesen Marin Langkawi, Kedah; Stesen Marin Kuching dan Stesen Marin Bintulu, Sarawak serta Stesen Marin Kota Kinabalu dan Stesen Marin Tawau, Sabah mendapati beberapa kelemahan seperti berikut :-

i. Sebahagian besar bot tidak digunakan secara optimum sama ada disebabkan bot berkenaan mengalami kerosakan dan masa yang lama diambil untuk memperbaikinya; ketidakseimbangan penempatan pegawai berkelayakan navigasi dan teknikal atau masalah kelodakan yang menghalang penggunaan bot untuk rondaan.

ii. Mengikut kontrak, 4 bot laju ukuran 16.5 meter perlu diserahkan antara bulan Mac hingga Mei 2009 manakala 4 bot laju ukuran 13 meter pula perlu diserahkan antara bulan Julai hingga September 2009. Bagaimanapun setakat bulan Disember 2009, hanya sebuah daripada 8 bot berkenaan telah diterima. Setakat ini, denda berjumlah RM238,285 hanya dikenakan terhadap pembekal yang lewat membekalkan bot laju ukuran 16.5 meter.

iii. Berlaku kelewatan antara 2 hingga 4 bulan untuk menempatkan 3 daripada 4 bot yang dibeli pada tahun 2006 kerana penempatannya tidak ditentukan semasa perolehan dirancang. Satu daripada bot tersebut hanya dihantar ke Stesen Marin Tawau, Sabah setelah tempoh kontraknya tamat dan ini menyebabkan Jabatan Kastam perlu menanggung tambahan kos berjumlah RM220,000 bagi tujuan penghantaran bot tersebut.

iv. Penyenggaraan bot yang tidak dijalankan mengikut jadual menyebabkan kerosakan tidak dapat dikesan lebih awal dan kerap berlaku pembaikan bot termasuk pembaikan kecemasan. Bagi tempoh tahun 2006 hingga bulan September 2009, Jabatan Kastam telah menanggung kos penyenggaraan bot berjumlah RM67.56 juta.

b. Bagi memastikan Kerajaan mendapat *value for money* daripada perbelanjaan yang dibuat dan aktiviti pencegahan dapat dipertingkatkan, adalah disyorkan supaya Jabatan Kastam melaksanakan perkara-perkara berikut :-

i. Memastikan bot yang diterima ditempatkan segera di stesen Marin yang telah dikenal pasti untuk digunakan supaya sebarang kerosakan/kecacatan yang ditemui semasa tempoh waranti diperbaiki oleh pembekal/kontraktor.

ii. Meningkatkan pemantauan terhadap penggunaan serta penglibatan bot dalam operasi rondaan laut. Sehubungan ini, Jabatan Kastam perlu menetapkan petunjuk prestasi yang sesuai dan seragam bagi memudahkan pemantauan terhadap operasi rondaan laut.

iii. Menyediakan rancangan kerjaya secara berterusan bagi pegawai Marin bagi memastikan mereka mendapat kelayakan navigasi/teknikal mengikut tempoh yang ditetapkan dan sesuai dengan jenis bot. Perancangan jangka panjang ini penting bagi memastikan wujud pasukan pelapis yang berkelayakan dan berkompetensi mengendalikan bot mengikut peraturan laut yang berkuat kuasa.

iv. Bot hendaklah disenggarakan secara berjadual bagi memastikan keadaan fizikalnya sentiasa dalam keadaan baik dan selamat untuk digunakan serta mengelakkan Jabatan Kastam menanggung kos yang lebih besar untuk memperbaiki kerosakan yang berlaku.

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

1. Program Insentif Pengeluaran Padi

a. Bagi tempoh tahun 2007 hingga 2009, Kerajaan telah meluluskan peruntukan berjumlah RM432.96 juta untuk melaksanakan Program Insentif Pengeluaran Padi (Program Insentif). Pengauditan telah dijalankan antara bulan Julai hingga November 2009 di Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani (Kementerian); Ibu Pejabat Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP); Pejabat LPP Negeri Perak, Selangor dan Terengganu; Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA), Kelantan; Jabatan Pertanian Sarawak dan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), Kedah.

b. Hasil daripada pengauditan tersebut mendapati objektif program ini iaitu untuk mengurangkan kos pengeluaran hasil padi yang ditanggung oleh pesawah/pengusaha pada umumnya telah dapat dicapai. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan seperti pendaftaran pesawah/pengusaha untuk mendapatkan input pertanian tidak teratur; input pertanian lewat dibekalkan dan tidak memenuhi spesifikasi kontrak; prosedur menimbang berat baja tidak dipatuhi; denda berjumlah RM7.56 juta belum dijelaskan oleh kontraktor; pengagihan input pertanian kepada

pesawah/pengusaha tidak teratur dan input pertanian tidak digunakan oleh pesawah/pengusaha.

c. Bagi mempertingkatkan lagi prestasi program ini, adalah disyorkan supaya pihak yang terlibat melaksanakan perkara-perkara berikut :-

   i. Kementerian perlu mengkaji semula penggunaan jenis input pertanian yang dibekalkan mengikut kesesuaian kawasan pertanian serta memastikan tiada kos tambahan lain perlu ditanggung oleh pesawah/pengusaha.

   ii. Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) perlu memastikan semua borang permohonan pendaftaran disahkan oleh Pegawai Pengesah yang dilantik dan salinan dokumen sokongan yang lengkap disertakan dan difailkan dengan teratur.

   iii. Kementerian hendaklah memastikan semua pembekal dinilai dari segi kapasiti kilangnya untuk membekalkan kuantiti input pertanian yang diperlukan tanpa kelewatan sebelum memohon kelulusan Kementerian Kewangan untuk melantik syarikat berkenaan secara rundingan terus.

   iv. Kementerian hendaklah memastikan sampel bagi setiap penghantaran input pertanian diambil untuk ujian spesifikasi bagi memastikan hanya input pertanian yang berkualiti diterima dan diedarkan kepada penerima insentif.

   v. Kementerian hendaklah menguatkuasakan dengan segera syarat kontrak yang membenarkan Kerajaan untuk menolak jumlah denda daripada wang yang kena bayar kepada pembekal. Bagi pembekal yang telah ditamatkan kontraknya, Kementerian hendaklah mengambil tindakan segera untuk mendapatkan semula denda yang dikenakan.

   vi. Lembaga Pertubuhan Peladang hendaklah memastikan pengedaran input pertanian dilaksanakan mengikut kadar insentif yang ditetapkan oleh Kerajaan. Sehubungan ini, semua PPK perlu mengamalkan kaedah penyelenggaraan Buku Stok yang seragam.

2. Projek Pengeluaran Hasil Padi Di Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu

a. Jumlah keseluruhan kawasan jelapang padi di negara ini adalah 920,723 hektar. Daripada jumlah ini, 75,521 hektar terletak di bawah 6 Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) jelapang padi. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Ogos hingga Disember 2009 mendapati sehingga kini 5 daripada 6 IADA jelapang padi masih belum dapat mencapai sasaran pengeluaran hasil padi yang telah ditetapkan iaitu pada 6.5 tan metrik sehektar pada setiap musim. Ini adalah disebabkan oleh beberapa faktor seperti sistem saliran tidak tersusun; keadaan tanah yang tidak sesuai; ketidakpadatan tanaman; kelemahan sistem dan infrastruktur pengairan dan saliran; kekurangan tenaga kerja serta serangan penyakit dan perosak.

b. Bagi memastikan pengurusan pengeluaran hasil padi di IADA dapat mencapai sasaran yang ditetapkan, adalah disyorkan supaya Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani melaksanakan perkara-perkara berikut :-

i. Memastikan infrastruktur sistem pengairan dan saliran disenggarakan dengan sempurna supaya ia dapat berfungsi dengan baik dan membekalkan air secukupnya ke kawasan sawah apabila diperlukan. Sehubungan ini, peruntukan penyenggaraan yang mencukupi perlu disediakan.

ii. Mempertingkatkan usaha untuk memulihkan tanah yang mempunyai tahap alkali yang rendah melalui penggunaan kapur secara lebih sistematik.

iii. Membina sistem tebatan banjir di kawasan yang tidak rata ditanam padi disebabkan oleh banjir.

iv. Mengkaji keperluan menaikkan gred jawatan Pengarah IADA ke tahap lebih tinggi berbanding ketua-ketua komponen supaya pemantauan dan penyeliaan rapi terhadap pengurusan pengeluaran padi di IADA dapat dilakukan dengan lebih berkesan.

v. Mengadakan promosi dan kempen secara meluas untuk menarik dan menggalakkan golongan muda setempat terlibat dalam sektor pertanian iaitu penanaman padi.

Jabatan Perikanan Malaysia

3. Pengurusan Kapal Latihan Paus, Institut Perikanan Malaysia, Chendering, Terengganu

a. Kapal Latihan Paus (KL Paus) merupakan sejenis kapal pukat jerut laut dalam yang dibina dengan kos berjumlah RM22 juta telah diserahkan kepada Jabatan Perikanan Malaysia pada bulan Oktober 1992. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Disember 2009 hingga Februari 2010 di Ibu Pejabat, Jabatan Perikanan Malaysia; Institut Perikanan Malaysia, Chendering, Terengganu; Bahagian Kejuruteraan dan Pejabat Limbungan Perikanan Pelabuhan Klang mendapati pada umumnya, Kerajaan tidak mendapat *value for money* daripada kapal tersebut kerana ia tidak digunakan secara optimum untuk tempoh tahun 2007 hingga 2009 dan sering kali mengalami kerosakan, kerja pembaikan mengambil masa yang lama dan kekurangan kakitangan serta kepakaran untuk membolehkannya beroperasi.

b. Bagi memastikan Kerajaan tidak berterusan mengalami kerugian akibat daripada membiayai kos penyenggaraan/pembaikan KL Paus yang tinggi berbanding dengan prestasi penggunaannya yang rendah, adalah disyorkan supaya Jabatan Perikanan Malaysia memberikan pertimbangan untuk melupuskan kapal ini. Sekiranya Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani bercadang untuk membeli kapal bagi membangunkan industri penangkapan ikan tuna di Malaysia, ia hendaklah dirancang dengan lebih teliti dengan mengambil kira saiz kapal yang dapat disesuaikan dengan kemudahan pendaratan yang sedia ada atau yang akan dibina serta keupayaan Jabatan Perikanan Malaysia dari segi perjawatan dan kepakaran.

KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

1. Projek Pembesaran Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching

a. Kos keseluruhan bagi melaksanakan projek Pembesaran Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching adalah berjumlah RM771.90 juta dan setakat 12 November

2009, sejumlah RM700.86 juta telah dibelanjakan. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Julai hingga Oktober 2009 mendapati sungguhpun projek ini telah mencapai objektif yang ditetapkan, namun pihak Audit menemui beberapa kelemahan di peringkat pelaksanaan seperti berikut :-

i. Sungguhpun projek ini sepatutnya disiapkan pada 16 Disember 2009, namun kontraktor gagal menyiapkan sepenuhnya projek ini pada tarikh tersebut dan telah diberikan lanjutan masa sehingga 14 Oktober 2010. Bagaimanapun, sebahagian kemudahan yang telah disiapkan telah diserahkan kepada Malaysia Airports Holding Bhd. untuk diguna pakai.

ii. Kerja membina dan menaik taraf 9 unit *passenger boarding bridge* telah dilaksanakan sebelum mendapat kelulusan daripada Jawatankuasa Perubahan Kerja yang mana adalah bertentangan dengan kehendak Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 7 Tahun 2007.

iii. Beberapa kerja pembinaan tidak mengikut spesifikasi dan tidak berkualiti yang disebabkan oleh kurang pemantauan oleh pihak yang bertanggungjawab.

b. Bagi memperbaiki kelemahan-kelemahan tersebut, adalah disyorkan supaya Kementerian Pengangkutan (Kementerian) melaksanakan perkara-perkara berikut :-

i. Kementerian perlu memastikan perunding yang dilantik membuat pemantauan yang rapi terhadap pelaksanaan projek supaya ia dapat disiapkan dalam tempoh dan mengikut spesifikasi yang ditetapkan.

ii. Bagi projek-projek lain yang dilaksanakan di masa hadapan, Kementerian perlu memastikan Arahan Perubahan Kerja diluluskan oleh Jawatankuasa Perubahan Kerja terlebih dahulu sebelum kerja dijalankan/pembayaran dibuat selaras dengan kehendak Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 7 Tahun 2007.

Jabatan Laut Semenanjung Malaysia

2. Projek Marina Awam

a. Jabatan Laut Semenanjung Malaysia (Jabatan Laut) telah diluluskan peruntukan berjumlah RM309.41 juta untuk pembinaan projek marina dan pembangunan infrastruktur. Sehingga akhir tahun 2009, Jabatan Laut telah membina 9 marina melibatkan kos berjumlah RM253.06 juta. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Jun hingga Oktober 2009 terhadap 7 projek marina awam iaitu di Batu Uban, Pulau Pinang; Kuala Kedah, Kedah; Pulau Mentagor, Perak; Muar, Johor; Pulau Indah, Selangor; Tanjung Gemok dan Pulau Tioman, Pahang mendapati beberapa kelemahan seperti berikut :-

i. Kemudahan marina yang telah lewat disiapkan/belum digunakan. Sebagai contoh, sungguhpun marina di Kuala Kedah telah disiapkan pada bulan Ogos 2003 dan dibaiki pada bulan Mei 2008, namun ia masih belum digunakan kerana lokasinya tidak sesuai dan mengalami kadar kelodakan yang tinggi. Selain itu, marina di Pulau Mentagor masih belum digunakan sejak ia disiapkan pada bulan Julai 2007 kerana urusan penswastaannya masih belum dimuktamadkan.

ii. Kemudahan yang dibangunkan melebihi keperluan. Sebagai contoh, hanya 2 daripada 52 *berth* di Marina Muar yang dapat disewakan.

iii. Bangunan/kemudahan dan peralatan tidak disenggarakan dengan baik menyebabkan berlaku kerosakan.

b. Bagi memastikan Kerajaan mendapat *value for money* dan objektif pelaksanaan projek ini tercapai sepenuhnya, adalah disyorkan supaya pihak yang terlibat melaksanakan perkara-perkara berikut :-

i. Jabatan Laut/Unit Perancang Ekonomi perlu memastikan pemilihan tapak marina dibuat dengan teliti dan mengambil kira hasil kajian kesesuaian dari segi tanah, arus, angin, hakisan, kelodakan, maklum balas bakal pelanggan dan pandangan pelaut tempatan bagi mengelakkan masalah berbangkit yang memerlukan kos penyenggaraan yang tinggi dan menjejaskan penggunaan marina.

ii. Rancangan penswastaan Marina Pulau Mentagor perlu dimuktamadkan segera oleh Unit Kerjasama Awam Dan Swasta, Jabatan Perdana Menteri supaya marina yang telah lama disiapkan ini dapat memulakan operasi secepat mungkin untuk mengelakkan pembaziran.

iii. Kementerian Pengangkutan perlu memberikan peruntukan kewangan yang mencukupi kepada Jabatan Laut supaya penyenggaraan berkala dapat dilakukan bagi memastikan aset Kerajaan berada dalam keadaan baik dan selamat.

Jabatan Penerbangan Awam

3. Perolehan Dan Penyenggaraan Peralatan Kawalan Trafik Udara

a. Sebanyak 17 projek perolehan/penggantian/menaik taraf pelbagai peralatan kawalan trafik udara telah diluluskan di bawah RMK-9 dengan siling berjumlah RM0.70 bilion. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Ogos hingga November 2009 di Kementerian Pengangkutan, Ibu Pejabat Jabatan Penerbangan Awam (Department Of Civil Aviation - DCA) dan 6 pejabat cawangan DCA di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dan Subang, Selangor; Alor Setar dan Langkawi, Kedah; Kota Kinabalu, Sabah dan Kuching, Sarawak mendapati beberapa kelemahan seperti berikut :-

i. Rekod stok alat ganti yang menunjukkan penerimaan, pengeluaran dan pembaikan kerosakan alat ganti telah diselenggarakan oleh kontraktor selaras dengan syarat kontrak. Bagaimanapun, tiada bukti yang menunjukkan pihak DCA telah menyemak rekod tersebut bagi memastikan ketepatannya.

ii. Perolehan/penggantian/menaik taraf peralatan kawalan trafik udara tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya sepertimana yang telah dirancang disebabkan peruntukan tidak mencukupi.

iii. Permohonan Arahan Perubahan Kerja dibuat selepas tempoh kontrak tamat menyebabkan bayaran perlu diperakaunkan di bawah pendahuluan diri pegawai yang bertanggungjawab.

iv. Kelewatan menandatangani kontrak perolehan/penyenggaraan peralatan mengakibatkan bayaran perlu dibayar di bawah Arahan Perbendaharaan 58(a) di mana telah menjejaskan peruntukan tahun semasa.

v. Pemantauan terhadap kerja penyenggaraan sistem dan peralatan kawalan trafik udara tidak dibuat dengan sewajarnya kerana ketiadaan/kekurangan pegawai yang berkelayakan untuk melakukannya.

b. Bagi memastikan perolehan peralatan kawalan trafik udara dapat dilaksanakan dengan teratur dan Kerajaan mendapat *value for money* terhadap perbelanjaan yang telah dibuat, adalah disyorkan supaya pihak yang terlibat melaksanakan perkara-perkara berikut :-

i. Kementerian Pengangkutan dan agensi pusat perlu meluluskan peruntukan yang mencukupi untuk perolehan/penggantian/menaik taraf peralatan kawalan trafik udara yang telah dirancang supaya peralatan-peralatan berkenaan dapat berfungsi dengan berkesan pada setiap masa.

ii. Memandangkan alat ganti adalah aset Kerajaan dan bagi memudahkan pemantauan serta menjamin kepentingan Kerajaan, adalah lebih wajar pengurusan alat ganti diletakkan secara langsung di bawah kawalan DCA. Bagi tujuan ini, syarat kontrak penyenggaraan berkenaan patut dikaji semula oleh DCA.

iii. DCA juga perlu mengkaji semula syarat kontrak penyenggaraan memandangkan asas pengukuran *Service Operational Availability* adalah berdasarkan komponen peralatan individu dan bukan berasaskan kepada keupayaan sistem beroperasi secara keseluruhan demi menjaga kepentingan Kerajaan. Kontrak juga perlu mempunyai peruntukan yang boleh mengenakan penalti terhadap kontraktor sekiranya komponen peralatan rosak dan tidak diperbaiki dalam tempoh yang ditetapkan.

iv. DCA perlu meningkatkan pemantauan terhadap prestasi kerja penyenggaraan sebelum membuat pengesahan terhadap tuntutan bayaran oleh kontraktor penyenggaraan. Pegawai Kawalan Trafik Udara tidak sepatutnya ditugaskan untuk memantau kerja penyenggaraan, sebaliknya tanggungjawab ini diberikan kepada mereka yang mempunyai pengetahuan dan kepakaran dalam bidang tersebut.

v. Pentadbiran kontrak perlu dibuat dengan lebih teratur bagi mengelakkan berlaku kelewatan dalam menandatangani kontrak dan permohonan Arahan Perubahan Kerja dibuat semasa kontrak masih berkuat kuasa.

vi. Pihak pengurusan DCA perlu memastikan rekod berkaitan pengurusan alat ganti diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini serta menjalankan pemeriksaan fizikal secara berkala.

KEMENTERIAN PELANCONGAN

1. Program Homestay

a. Program *Homestay* adalah menyediakan kemudahan tempat tinggal di mana pelancong yang tinggal bersama keluarga tuan rumah berpeluang untuk berinteraksi serta mengalami cara hidup seharian keluarga berkenaan. Sehingga 31 Disember 2009, terdapat 141 *Homestay* di seluruh negara yang melibatkan 3,283 rumah. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Mei hingga Julai 2009 di 14 *Homestay* yang berdaftar dengan Kementerian Pelancongan di 5 negeri yang dipilih iaitu Pulau Pinang, Sarawak, Kelantan, Kedah dan Pahang melibatkan 70 rumah mendapati kelemahan berikut :-

   i. Garis panduan yang menyeluruh bagi menjelaskan peranan dan tanggungjawab setiap pihak yang terlibat dalam pengurusan Program *Homestay* tidak disediakan. Bagaimanapun, garis panduan mengenai pengurusan pengeluaran Sijil Pendaftaran telah disediakan tetapi tidak dipatuhi. Sebagai contoh, terdapat rumah yang dijadikan *Homestay* tidak diperiksa oleh panel pemeriksa dan peserta yang belum menghadiri kursus asas telah diberi Sijil Pendaftaran.

   ii. Terdapat kes di mana projek menaik taraf kemudahan *Homestay* tidak dilaksanakan mengikut spesifikasi yang ditetapkan dan reka bentuk bagi beberapa kemudahan yang disediakan tidak sesuai.

b. Bagi memastikan objektif Program *Homestay* dapat dicapai sepenuhnya, adalah disyorkan supaya Kementerian Pelancongan (Kementerian) dan agensi pelaksana melaksanakan perkara-perkara berikut :-

   i. Kementerian perlu memastikan satu garis panduan yang menyeluruh dikeluarkan untuk menjelaskan peranan dan tanggungjawab setiap pihak yang terlibat dalam pengurusan Program *Homestay.* Selain itu, Kementerian perlu memastikan garis panduan yang disediakan berhubung pengeluaran Sijil Pendaftaran dipatuhi sebelum mengeluarkan sijil tersebut kepada peserta Program *Homestay*.

   ii. Reka bentuk bangunan yang akan dibina perlu diteliti dan dipastikan sesuai oleh pihak yang berkelayakan dan berkemahiran sebelum kelulusan dikeluarkan bagi memastikan setiap binaan adalah sesuai untuk digunakan. Agensi pelaksana juga hendaklah menjalankan pemantauan yang berterusan bagi memastikan kontraktor melaksanakan kerja mengikut spesifikasi yang ditetapkan.

KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN DAN KESEJAHTERAAN BANDAR

1. Program Pembasmian Kemiskinan Bandar

a. Sehingga 31 Disember 2009, seramai 110,017 orang telah menerima bantuan di bawah Program Pembasmian Kemiskinan Bandar yang melibatkan perbelanjaan berjumlah RM95.40 juta. Pengauditan telah dijalankan antara bulan Mei hingga September 2009 di Pejabat Pembangunan Daerah Petaling, Selangor serta di 14 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Negeri Perak, Kedah, Sabah dan Terengganu. Hasil daripada pengauditan tersebut mendapati bantuan yang diberi di bawah

program ini secara umumnya telah dapat meringankan kos sara hidup keluarga miskin bandar. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan seperti pengagihan bantuan kepada penerima mengambil masa antara 9 hingga 501 hari; tidak semua bantuan sampai kepada golongan sasaran dan kelemahan dalam pengurusan dana.

b. Bagi memastikan program tersebut dapat mencapai objektif yang ditetapkan dengan sepenuhnya, Kementerian Wilayah Persekutuan Dan Kesejahteraan Bandar (Kementerian) yang telah mengambil alih pengurusan program ini daripada Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan disyorkan supaya mengambil tindakan terhadap perkara-perkara berikut :-

   i. Bagi memastikan pemohon menerima agihan dengan secepat mungkin, Kementerian patut menetapkan norma masa pengagihan. PBT/Pejabat Pembangunan Negeri hendaklah diminta mengemukakan semua permohonan baru pada setiap suku tahun dan mengemukakan permohonan untuk menyambung bantuan ke tahun seterusnya selewat-lewatnya pada bulan Disember.

   ii. Bagi memastikan bantuan diberi kepada golongan sasaran, setiap permohonan hendaklah disemak dengan teliti dan maklumat berhubung dengan pemohon hendaklah disahkan oleh pihak yang dipertanggungjawabkan.

   iii. Mewujudkan jawatan khas di PBT bagi menguruskan program ini terutama bagi membolehkan aktiviti mengenal pasti keluarga miskin dapat dijalankan dengan kerap dari semasa ke semasa.

   iv. Mengadakan projek menjana pendapatan yang bertujuan untuk memberi peluang kepada keluarga miskin melibatkan diri dalam bidang perniagaan dan keusahawanan. Projek-projek yang sedia ada lebih merupakan projek memberi bantuan bagi meringankan beban tanggungan bukannya untuk menjana pendapatan keluarga miskin. Dengan ini akan mengurangkan beban kewangan Kerajaan dalam tempoh jangka panjang yang mana bantuan-bantuan yang diberi dapat dikurangkan atau diberhentikan.

   v. Meningkatkan aktiviti pemantauan terhadap PBT dengan cara mengadakan dialog dan mesyuarat serta menekankan keperluan PBT untuk melaporkan kedudukan kewangan setiap kali peruntukan disalurkan kepada mereka.

2. Dewan Bandaraya Kuala Lumpur

- Pengurusan Perumahan Awam

a. Sehingga bulan Mei 2009, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menguruskan 28,839 unit rumah untuk disewakan. Selain itu, DBKL juga diminta oleh Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan untuk menguruskan penyewaan dan penyenggaraan 27,102 unit rumah yang dibina melalui peruntukan Kerajaan Persekutuan di bawah Program Perumahan Rakyat (PPR) bagi menempatkan semula penduduk setinggan. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Julai hingga September 2009 terhadap 258 fail penghuni bagi kawasan perumahan awam iaitu PPR Laksamana, PPR Perkasa dan PPR Seri Alam serta Perumahan Awam (PA) Seri Tioman 1 dan PA Seri Negeri Sembilan mendapati DBKL telah dapat

menyewakan 99% daripada perumahan awamnya dan 98.7% daripada PPR. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan seperti berikut :-

i. Aduan-aduan kerosakan tidak diperbaiki segera yang boleh menjejaskan keselesaan/keselamatan penghuni.

ii. Kelemahan penguatkuasaan terhadap syarat-syarat perjanjian sewaan menyebabkan jumlah tunggakan sewa meningkat daripada RM29.45 juta pada tahun 2008 kepada RM37.76 juta pada tahun 2009.

iii. Pihak Audit juga tidak dapat mengesahkan sama ada mereka yang diluluskan untuk menyewa rumah-rumah berkenaan telah memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan kerana maklumat mengenainya tidak dapat diperolehi.

b. Pada umumnya, DBKL telah mengambil tindakan pembetulan terhadap kebanyakan kelemahan yang dibangkitkan dalam laporan ini kecuali beberapa perkara lain yang masih memerlukan tindakan susulan DBKL seperti berikut :-

i. Bagi mengawal penggunaan peruntukan dan prestasi kontraktor, DBKL perlu memastikan Arahan Kerja Sementara yang dikeluarkan kepada kontraktor untuk kerja pembaikan dilengkapkan dengan anggaran kos, skop kerja dan tempoh pembaikan.

ii. Mewujudkan mekanisme pemantauan bagi memastikan tindakan pembaikan terhadap kes kecemasan dan biasa dilaksanakan dalam tempoh yang ditetapkan dalam *Standard Operating Procedures* yang baru dikeluarkan.

iii. Melaksanakan penguatkuasaan secara berterusan bagi memastikan penyewa mematuhi syarat-syarat perjanjian penyewaan.

KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA

1. Pengurusan Rancangan Makanan Tambahan Di Sekolah

a. Pada tahun 2009, seramai 689,950 murid di 138 daerah telah menerima bantuan Rancangan Makanan Tambahan (RMT) melibatkan perbelanjaan berjumlah RM249.26 juta. Nilai bantuan RMT bagi setiap pelajar sehari adalah RM1.80 di Semenanjung Malaysia dan RM2.05 sehari di Sabah, Sarawak serta Wilayah Persekutuan Labuan.

b. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Jun hingga Oktober 2009 di Kementerian Pelajaran Malaysia (Kementerian), 4 Jabatan Pelajaran Negeri, 14 Pejabat Pelajaran Daerah dan 47 sekolah mendapati prestasi pengurusan RMT di 10 sekolah (21%) adalah memuaskan. Bagi sekolah yang lain, terdapat beberapa kelemahan seperti kelayakan menerima RMT tidak dipatuhi; pembekal/pihak sekolah tidak mematuhi panduan RMT dalam menyediakan makanan; makanan yang disediakan tidak berkualiti; pengurusan dan penyediaan makanan yang kurang memuaskan serta kelemahan dalam pemantauan.

c. Bagi meningkatkan prestasi pengurusan RMT supaya dapat mencapai objektif yang ditetapkan, adalah disyorkan supaya pihak yang terlibat melaksanakan perkara-perkara berikut :-

i. Bagi memastikan hanya murid yang sebenarnya layak diberi bantuan RMT, pihak sekolah melalui Jawatankuasa RMT hendaklah meneliti kesesuaian murid-murid yang layak selain daripada maklumat pendapatan keluarga dari rekod Sistem Maklumat Murid (SMM). Sehubungan ini, SMM juga hendaklah mengandungi maklumat mengenai harta yang dimiliki oleh ibu bapa atau keluarga bagi setiap murid.

ii. Kementerian perlu mengambil tindakan tegas terhadap Pejabat Pelajaran Daerah/sekolah yang gagal memastikan menu/kandungan makanan disediakan dengan lengkap dan sempurna mengikut Panduan RMT. Kementerian juga sepatutnya mengeluarkan surat amaran atau menamatkan kontrak serta menyenaraihitamkan pembekal berkenaan. Memandangkan pembekal tidak berkeupayaan menyediakan makanan yang lengkap dan seimbang berdasarkan nilai bantuan RMT yang sedia ada, Kementerian sepatutnya mengkaji sama ada wajar untuk menaikkan nilai bantuan RMT.

iii. Kementerian perlu menyediakan peruntukan kewangan yang mencukupi untuk membolehkan pembinaan kantin terutamanya bagi sekolah di Sarawak dan Sabah.

iv. Pihak Jabatan Pelajaran Negeri/Pejabat Pelajaran Daerah hendaklah mempercepatkan pengagihan peruntukan ke sekolah supaya tidak berlaku kelewatan bayaran kepada pembekal.

v. Kementerian hendaklah menyediakan kemudahan *helpdesk* di peringkat Kementerian/Jabatan Pelajaran Negeri serta muat naik panduan/pekeliling/ arahan yang berkaitan di dalam laman web Kementerian bagi memudahkan rujukan oleh mana-mana pihak yang memerlukannya.

2. Pengurusan Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin

a. Sejak ditubuhkan pada tahun 2003, sejumlah RM1.62 bilion telah dibelanjakan untuk memberi bantuan kepada pelajar miskin untuk wang saku, tambang pengangkutan, pakaian seragam, peralatan sekolah serta yuran. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Julai hingga November 2009 di 45 sekolah yang melibatkan 4 negeri iaitu Selangor, Kelantan, Pahang dan Sarawak mendapati prestasi pengurusan Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin (KWAPM) adalah kurang memuaskan. Terdapat kelemahan pengurusannya seperti beberapa peraturan mengenai permohonan dan pengagihan wang bantuan tidak dipatuhi serta rekod berhubung dengan bayaran tidak diselenggarakan dengan teratur. Kelemahan-kelemahan tersebut antaranya berpunca daripada Jawatankuasa Pengurusan Bantuan yang tidak menjalankan fungsinya dengan berkesan; kekurangan Pembantu Tadbir serta latihan yang secukupnya tidak diberi kepada pihak yang terlibat dengan pengurusan KWAPM.

b. Bagi memastikan pengurusan KWAPM diuruskan dengan cekap dan teratur, adalah disyorkan supaya pihak yang terlibat melaksanakan perkara-perkara berikut :-

i. Bagi memastikan kelayakan penerima bantuan tidak dipertikaikan, Jawatankuasa Pengurusan Bantuan hendaklah memastikan semua borang permohonan diisi dengan lengkap dan disokong dengan dokumen sokongan.

Minit mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Bantuan pula perlu menyatakan dengan jelas maklumat-maklumat yang berhubung dengan jumlah pemohon, bilangan yang diperakukan untuk kelulusan bantuan serta asas perakuan dibuat. Bagi kes di mana pihak sekolah mencatatkan maklumat pendapatan dan tanggungan yang tidak benar pada Borang Rumusan bagi tujuan melayakkan seseorang murid menerima bantuan, Kementerian hendaklah menyiasat perkara ini dan seterusnya mengambil tindakan ke atas guru yang berkenaan.

ii. Bagi memastikan norma masa pengagihan wang bantuan dipatuhi oleh pihak sekolah, Kementerian perlu memaklumkan kepada pihak sekolah sebaik sahaja wang bantuan telah dikreditkan ke dalam akaun sekolah dengan menggunakan medium elektronik seperti e-mel atau sistem pesanan ringkas.

iii. Bagi mengelakkan kes kehilangan dan penyelewengan wang bantuan, adalah disyorkan supaya Kementerian mewajibkan semua sekolah mengkreditkan wang bantuan terus ke akaun penerima bantuan. Selain itu, bagi kes-kes kehilangan wang bantuan yang masih belum selesai, Kementerian perlu mempercepatkan siasatan dan mengambil tindakan terhadap pihak yang didapati bersalah.

iv. Kementerian hendaklah memastikan wang bantuan digunakan mengikut tujuan yang telah ditetapkan. Bagi tujuan ini, rekod-rekod berhubung dengannya hendaklah disemak dari semasa ke semasa oleh Bahagian Audit Dalam Kementerian dan Bahagian Audit Sekolah.

v. Kementerian hendaklah menyediakan kemudahan *helpdesk* serta muat naik panduan/pekeliling/arahan yang berkaitan di laman web Kementerian bagi memudahkan rujukan serta memastikan segala peraturan dapat diakses oleh mana-mana pihak yang memerlukannya. Manakala bagi mempertingkatkan pengurusan rekod-rekod kewangan di peringkat sekolah, guru dan Pembantu Tadbir perlu diberi latihan yang berkaitan secara berterusan.

3. Projek Merekabentuk, Membina, Membekal, Menyiap Dan Menyenggara Set Janakuasa Di Sekolah-sekolah Kawasan Luar Bandar Negeri Sarawak

a. Bagi tempoh tahun 2006 hingga 2009, sejumlah RM840.80 juta telah dibelanjakan untuk melaksanakan Projek Merekabentuk Membina, Membekal, Menyiap Dan Menyenggara Set Janakuasa Di Sekolah-sekolah Kawasan Luar Bandar Negeri Sarawak di 429 sekolah. Pengauditan yang dijalankan antara bulan April hingga September di 46 sekolah yang melibatkan 11 bahagian di Sarawak mendapati secara keseluruhannya projek ini telah mencapai objektifnya kerana telah berjaya membekal elektrik secara mencukupi dan berterusan untuk kegunaan sekolah-sekolah tersebut. Bagaimanapun, pihak Audit mendapati beberapa kelemahan seperti perjanjian kontrak lewat ditandatangani; perancangan projek yang kurang memuaskan sehingga menyebabkan pembaziran; projek lewat disiapkan; kerja tidak mengikut spesifikasi; syarat kontrak berhubung dengan penggunaan bahanapi diesel tidak menjaga kepentingan Kerajaan kerana tiada peruntukan yang membenarkan pelarasan dibuat mengikut penggunaannya yang sebenar; perubahan skop kerja tidak disokong dengan Arahan Perubahan Kerja dan bayaran dibuat bagi kerja/perkhidmatan yang tidak dilaksanakan/dibekalkan.

b. Bagi mempertingkatkan lagi prestasi pengurusan projek ini dan projek lain di masa akan datang, Kementerian Pelajaran Malaysia (Kementerian) disyorkan supaya mengambil tindakan-tindakan berikut :-

   i. Bagi mengelakkan pembaziran wang awam akibat daripada berlaku pertindihan projek, Kementerian perlu mengadakan perancangan yang rapi dan meningkatkan koordinasi dengan pihak yang terlibat seperti Jabatan Perdana Menteri, Jabatan Pelajaran Negeri Sarawak dan Pejabat Pendidikan Daerah bagi pelaksanaan projek-projek yang akan datang.

   ii. Memastikan setiap kontrak disediakan dengan terperinci yang mengandungi butiran dan kos bagi setiap kerja supaya penilaian dan pemantauan dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan.

   iii. Kementerian tidak sepatutnya menunggu sehingga peringkat penyediaan akaun muktamad untuk menyelaraskan bayaran. Sebaliknya pemotongan bagi nilai kerja yang tidak dilaksanakan boleh dibuat melalui bayaran kemajuan kerja.

   iv. Merujuk masalah penyambungan *relay* kepada sistem pencegahan kebakaran kepada Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia bagi menentukan kesesuaian penyambungannya atau mendapat alternatif lain bagi membolehkan kontraktor melaksanakannya supaya sistem tersebut dapat berfungsi sepenuhnya. Perkara ini perlu diberi perhatian apabila tawaran kontrak baru dibuat selepas kontrak sedia ada tamat pada bulan Jun 2010.

   v. Selain daripada 4 sekolah yang diaudit iaitu SK Kambug, Padawan; SK Daha, Serian; SMK Bairo, Baram dan SJK Chung Hwa Bangkong, Sri Aman di mana penggunaan bahanapi diesel adalah lebih rendah daripada jumlah yang boleh dituntut oleh kontraktor, siasatan yang menyeluruh juga perlu dijalankan untuk menentukan sama ada perkara yang sama berlaku di sekolah-sekolah lain. Bagi kontrak baru yang akan dibuat selepas kontrak sedia ada tamat pada bulan Jun 2010, Kementerian perlu memastikan peruntukan yang membenarkan pelarasan dibuat mengikut penggunaan bahanapi diesel yang sebenarnya dimasukkan dalam kontrak bagi menjaga kepentingan Kerajaan.

   vi. Arahan Perubahan Kerja hendaklah dikeluarkan dengan segera. Bagi beberapa perubahan kerja yang lain di mana kos terlibat belum ditentukan, Kementerian perlu menyelaraskan kosnya semasa membuat bayaran kemajuan projek.

   vii. Tindakan pelupusan dibuat dengan segera terhadap janakuasa yang telah rosak dan usang supaya Kerajaan mendapat hasil melalui jualan sisa. Manakala janakuasa yang berlebihan boleh disumbangkan kepada penduduk tempatan atau agensi lain yang memerlukannya.

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

1. Penyediaan Makanan Secara Outsourcing

a. Kementerian Kesihatan Malaysia (Kementerian) telah menandatangani kontrak bernilai RM67.92 juta dengan 2 kontraktor untuk membekalkan makanan bermasak kepada 7 hospital bagi tempoh 3 tahun. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Mei hingga Disember 2009 di 5 hospital iaitu Hospital Sungai Buloh, Hospital

Ampang dan Hospital Selayang, Selangor; Hospital Pulau Pinang; Pulau Pinang dan Hospital Sultan Ismail, Johor mendapati penyediaan makanan secara *outsourcing* di kesemua hospital tersebut secara umumnya telah diuruskan dengan baik dan mencapai matlamat yang ditetapkan. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan dalam pelaksanaannya seperti kontraktor lewat menjelaskan tunggakan sewa peralatan dan bil utiliti; gagal mengganti peralatan dapur, kutleri dan krokeri yang telah rosak atau hilang; skala porsi makanan (food portion size) tidak dipatuhi dan perkhidmatan penyediaan makanan kurang *hygenic* yang boleh menjejaskan kesihatan pesakit seperti kontaminasi makanan.

b. Sungguhpun Kementerian telah mengambil tindakan untuk memperbetulkan kebanyakan kelemahan yang dibangkitkan dalam laporan ini, namun bagi memastikan perkara yang berbangkit ini tidak berlaku di hospital lain yang telah/akan menyediakan makanan secara *outsourcing,* Kementerian adalah disyorkan supaya mengambil tindakan terhadap perkara-perkara berikut :-

   i. Menyeragamkan terma kontrak bagi menjaga kepentingan Kerajaan dan memudahkan pemantauan.

   ii. Mempertingkat pemantauan bagi menjaga kualiti dari segi skala porsi makanan, kontaminasi, mutu makanan, pengedaran kad menu dan pengekalan suhu makanan.

   iii. Mengkaji tentang keperluan untuk penggunaan peralatan *Ready To Serve-Burlodge* atau mengenal pasti alternatif lain yang sesuai bagi mengekalkan suhu makanan untuk diguna pakai oleh semua hospital yang terlibat.

   iv. Pemeriksaan kesihatan dan suntikan *typhoid vaccine* perlu diambil perhatian khususnya dari segi kekerapan.

   v. Mengenakan penalti terhadap kontraktor yang lewat menjelaskan sewa dapur/peralatan dan bil-bil utiliti.

   vi. Menjalankan pemeriksaan secara berkala bagi memastikan kontraktor menyediakan perkhidmatan makanan yang berkualiti dan membuat penggantian terhadap peralatan/inventori yang telah rosak atau hilang.

2. Aktiviti Rawatan Penyakit Buah Pinggang

a. Bagi tempoh tahun 2007 hingga 2009, sejumlah RM332.22 juta telah dibelanjakan bagi mengurus aktiviti nefrologi termasuk dialisis dan transplan di hospital Kerajaan manakala sejumlah RM106.28 juta telah dibelanjakan sebagai sumbangan kepada Badan Bukan Kerajaan (NGO) yang terlibat dengan aktiviti rawatan hemodialisis. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Jun hingga Disember 2009 di Kementerian Kesihatan Malaysia; Hospital Kuala Lumpur; Hospital Melaka; Hospital Sultanah Nur Zahirah, Terengganu; Hospital Sultanah Bahiyah, Kedah dan Hospital Umum Sarawak serta 13 pusat hemodialisis yang dikelolakan oleh NGO mendapati beberapa kelemahan dalam pengurusan aktiviti rawatan penyakit buah pinggang. Antaranya ialah masa menunggu yang lama untuk pesakit mendapatkan rawatan hemodialisis; perolehan peralatan, ubat dan bukan ubat dibayar sebelum diterima; tiada pemantauan terhadap kontrak perolehan menyebabkan bayaran denda tidak

dikenakan terhadap pembekal; penyeliaan pengurusan hasil yang tidak memuaskan; bayaran subsidi rawatan terlebih dituntut oleh NGO; *capital grant* bagi perolehan peralatan hemodialisis kepada NGO terlebih dibayar atau dibayar sebelum pusat hemodialisis beroperasi serta pusat hemodialisis NGO beroperasi tanpa kelulusan penubuhan dan lesen pengendalian.

b. Berdasarkan kelemahan-kelemahan yang dibangkitkan, Kementerian Kesihatan Malaysia (Kementerian) disyorkan supaya mengambil tindakan terhadap perkara-perkara berikut :-

   i. Bagi mengatasi masalah waktu menunggu, Kementerian perlu mengisi jawatan yang kosong, memberi peruntukan yang mencukupi untuk memperolehi mesin hemodialisis dan bekalan ubat serta kemudahan lain. Selain itu, rawatan *Continuous Ambulatory Peritoneal Dialysis* (CAPD) perlu dipertingkatkan dan menjadi pilihan pertama pesakit kerana rawatan boleh dijalankan sendiri oleh pesakit di rumah.

   ii. Bagi memudahkan urusan pesakit mendapatkan stok ubat/peralatan CAPD, dicadangkan agar penghantarannya dibuat terus ke rumah pesakit atau di hospital daerah oleh pembekal.

   iii. Membayar balik caj yang terlebih dikutip kepada pesakit yang terlibat.

   iv. Mengambil tindakan yang sewajarnya terhadap mereka yang terbukti melakukan *improper payment.* Sekiranya melibatkan pegawai awam, tindakan tatatertib atau surcaj patut diambil terhadap mereka. Sebaliknya jika melibatkan syarikat, kesalahan syarikat berkenaan patut dilaporkan kepada pihak yang berkuasa untuk tujuan disenaraihitamkan.

   v. Denda kelewatan perlu dikira dan dikutip daripada pembekal bagi bekalan yang lewat dibekalkan meliputi tempoh sebelum dan selepas tarikh pengauditan.

   vi. Bagi pemberian subsidi rawatan dan *capital grant* kepada NGO, Kementerian perlu mematuhi prosedur sedia ada dan membuat lawatan sebelum kelulusan diberi. Kementerian juga perlu mengutip balik bantuan terlebih dibayar kepada NGO. Laporan kepada pihak berkuasa perlu dibuat terhadap NGO yang dikenal pasti mengemukakan permohonan palsu kepada Kerajaan. Tindakan tatatertib juga perlu diambil terhadap pegawai yang cuai dalam meluluskan bantuan tersebut.

3. Aktiviti Transfusi Darah, Pusat Darah Negara

a. Kementerian Kesihatan Malaysia (Kementerian) telah membelanjakan antara RM144 hingga RM210 bagi setiap beg darah yang dipungut dan diproses sebelum ia boleh digunakan. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Ogos hingga Disember 2009 mendapati pengurusan aktiviti transfusi darah di Pusat Darah Negara (PDN) dan 4 hospital yang dilawati telah diuruskan dengan memuaskan. Bagaimanapun, terdapat kelemahan yang perlu diperbaiki dari aspek pencapaian sasaran kutipan darah negara; kekurangan stok darah; kekurangan peralatan Unit Bergerak seperti kenderaan; perolehan reagen tidak teratur; tindakan pemakluman darah yang hampir luput tarikh ke hospital lain kurang berkesan; tunggakan bayaran

bekalan darah oleh hospital/pusat perubatan swasta; perolehan di luar kaedah fraksinasi dan sistem pengurusan darah berkomputer yang tidak seragam.

b. Bagi meningkatkan tahap pengurusan aktiviti ini, Kementerian disyorkan supaya melaksanakan perkara-perkara berikut :-

   i. Mempertingkatkan sasaran kutipan darah selaras dengan hasrat untuk mencapai 5% daripada jumlah penduduk. Kempen dan promosi derma darah hendaklah diperbanyakkan bagi meningkatkan kesedaran orang ramai untuk menderma darah serta memastikan stok darah sentiasa mencukupi dan selamat.

   ii. Mengambil tindakan tatatertib terhadap pegawai yang membuat pengesahan dan pembayaran bagi bekalan reagen yang belum diterima.

   iii. Meningkatkan pemantauan terhadap penggunaan darah bagi memastikan darah yang hampir tamat tempoh penggunaannya diagihkan kepada hospital/bahagian lain yang memerlukannya dengan segera.

   iv. Mengkaji semula caj bayaran bagi bekalan darah kepada pihak perubatan swasta agar lebih munasabah. Selain itu, tindakan susulan hendaklah dipertingkatkan bagi memastikan tunggakan hutang pihak perubatan swasta dibayar segera.

   v. Menyediakan peruntukan yang mencukupi bagi mempertingkatkan keupayaan hospital bagi menghasilkan plasma.

   vi. Membuat perolehan ubat Aleviate dan Profilnine terus daripada Commonwealth Serum Laboratory, Australia kerana lebih menjimatkan.

   vii. Menyeragamkan sistem pengurusan darah berkomputer dengan mengintegrasikannya antara Kementerian, PDN dan semua hospital terlibat.

4. Projek Pembaikan Dan Naik Taraf Fasiliti Klinik Kesihatan

a. Kementerian Kesihatan Malaysia telah menandatangani 2 kontrak bernilai RM198.79 juta untuk melaksanakan 321 Projek Membaiki Dan Naik Taraf Fasiliti Klinik Kesihatan. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Jun hingga Disember 2009 mendapati beberapa kelemahan seperti projek lewat disiapkan; spesifikasi kontrak tidak jelas; kerja-kerja yang dilaksanakan oleh kontraktor tidak dipantau dengan rapi kerana kekurangan pegawai teknikal di peringkat negeri serta bayaran telah dibuat terhadap kerja yang tidak dilaksanakan atau tidak disempurnakan.

b. Bagi memastikan Kerajaan mendapat *value for money* terhadap perbelanjaan yang telah dibuat, adalah disyorkan supaya Kementerian melaksanakan perkara-perkara berikut :-

   i. Menyediakan skop kerja penyenggaraan/pembaikan yang jelas dan boleh diukur bagi memudahkan rujukan pegawai yang menyeliakan kerja tersebut di peringkat klinik dan Pejabat Kesihatan Daerah/Bahagian. Arahan tanpa skop kerja yang jelas menyebabkan pemantauan yang tidak berkesan.

ii. Mengambil tindakan yang sewajarnya terhadap mereka yang terbukti memperakukan kerja yang tidak dilaksanakan sebagai telah disempurnakan kerana ia merupakan satu *improper payment.* Sekiranya perakuan dibuat oleh pegawai awam, tindakan tatatertib atau surcaj patut diambil terhadap mereka yang terlibat. Sebaliknya jika ia melibatkan kontraktor/perunding, kesalahan syarikat/perunding berkenaan patut dilaporkan kepada pihak yang berkuasa untuk tujuan disenaraihitamkan. Selain itu, tindakan juga perlu diambil terhadap pegawai yang meluluskan lanjutan masa selepas *Certificate of Non Completion* dikeluarkan kerana boleh memberi implikasi perundangan yang merugikan Kerajaan.

iii. Menilai semula kerja yang telah diperakukan dari segi kuantiti dan harga bagi memastikan bayaran yang dibuat adalah teratur dengan harga yang munasabah.

iv. Bagi kontrak yang seumpamanya di masa hadapan, Kementerian perlu mengkaji jadual pelaksanaan yang dicadangkan oleh kontraktor supaya tempoh masa bagi menyiapkan projek lebih realistik berbanding dengan jumlah tapak projek terlibat.

KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN

1. Projek Pembinaan Kompleks Sukan Komuniti

a. Di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9), Kementerian Belia Dan Sukan (Kementerian) telah diluluskan peruntukan berjumlah RM150 juta untuk membina 50 kompleks sukan komuniti. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Mei hingga Ogos 2009 di 4 Kompleks Sukan Komuniti iaitu Kompleks Sukan Komuniti Bentong; Sungai Siput; Ledang dan Besut mendapati pelaksanaan projek ini adalah kurang memuaskan. Antara kelemahan yang diperhatikan ialah projek lewat disiapkan, beberapa spesifikasi kontrak didapati kurang sesuai atau tidak dipatuhi sepenuhnya dan kualiti pembinaan kurang memuaskan. Antara faktor yang menyebabkan kelemahan-kelemahan tersebut adalah kurangnya pemantauan dan penyeliaan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) terhadap kerja-kerja yang dilaksanakan oleh kontraktor.

b. Bagi memastikan segala kelemahan yang dibangkitkan diperbaiki dan juga bagi mengelakkan kelemahan yang sama berlaku di masa hadapan, adalah disyorkan supaya Kementerian dan JKR mengambil tindakan-tindakan berikut :-

i. Sijil Perakuan Siap Kerja sepatutnya tidak dikeluarkan oleh JKR selagi terdapat perabot dan peralatan sukan yang belum dibekalkan dengan sempurna oleh kontraktor. Selain itu, JKR perlu memastikan pembayaran tidak dibuat bagi peralatan yang tidak dibekalkan oleh kontraktor.

ii. JKR perlu membuat pemeriksaan dan memastikan kontraktor membaiki sebarang kerosakan/kecacatan yang ditemui sebelum Sijil Perakuan Siap Membaiki Kecacatan dikeluarkan. Pelarasan harga terhadap kerja-kerja yang tidak disempurnakan oleh kontraktor perlu dibuat semasa penyediaan Akaun Muktamad.

iii. JKR perlu memastikan peralatan yang dipasang dan pembinaan yang dilaksanakan selaras dengan fungsi dan operasi bangunan bagi mengelakkan berlakunya kemalangan dan kerosakan harta benda serta mengakibatkan Kerajaan menanggung kos penyenggaraan yang tinggi.

iv. Kementerian perlu mengadakan perancangan penyenggaraan yang sistematik termasuk kawalan keselamatan dan pembersihan diwujudkan dengan segera untuk memastikan kompleks sukan ini dijaga dengan baik bagi mengelakkan masalah kecurian dan vandalisme serta bagi menjamin keselamatan dan keselesaan pengguna kompleks.

v. Memandangkan kerja penyenggaraan kompleks sukan komuniti perlu dilaksanakan dari semasa ke semasa untuk menjamin keselesaan pengguna kompleks berkenaan, adalah wajar Kementerian mengenakan bayaran mengikut kadar yang standard terhadap penggunaan kompleks bagi membiayai sebahagian daripada kos penyenggaraan tersebut.

vi. Kementerian perlu memastikan tapak tanah bagi kompleks sukan komuniti yang telah siap dibina didaftarkan atas nama Pesuruhjaya Tanah Persekutuan dan memastikan tapak tanah bagi projek-projek yang akan datang telah didaftarkan hak miliknya sebelum pembinaan dimulakan bagi mengelakkan sebarang risiko dan kerugian kepada Kerajaan Persekutuan.

2. Perolehan Peralatan Di Institut Kemahiran Belia Negara, Temerloh, Pahang

a. Kementerian Belia Dan Sukan (Kementerian) telah menandatangani kontrak bernilai RM137.78 juta pada 26 Jun 2007 untuk membekalkan peralatan dan kemudahan kursus ke Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN), Temerloh dan setakat 14 Oktober 2009 sejumlah RM100.67 juta telah dibelanjakan. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Mei hingga Ogos 2009 mendapati kesemua peralatan telah dihantar ke IKBN Temerloh dalam tempoh yang ditetapkan. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan seperti berikut :-

   i. peralatan bernilai RM26.51 juta yang telah diterima antara bulan September 2007 hingga Mei 2009 masih belum digunakan atau tidak digunakan secara optimum. Antara sebabnya ialah kursus yang memerlukan penggunaan peralatan tersebut masih belum bermula; peralatan masih belum ditauliahkan; latihan kepada tenaga pengajar masih belum diberi dan komponen sokongan untuk membolehkan peralatan beroperasi tidak dibekalkan kerana tidak termasuk di dalam kontrak.

   ii. Beberapa peralatan telah diletakkan di tempat yang tidak sesuai yang mana boleh menjejaskan kualiti dan jangka hayat peralatan tersebut.

   iii. Jadual penyenggaraan tidak dibekalkan oleh kontraktor menyebabkan peralatan tidak disenggarakan secara berjadual.

b. Bagi memastikan peralatan yang dibeli dapat digunakan dengan cekap dan berkesan serta Kerajaan mendapat *value for money* terhadap perbelanjaan yang telah dibuat, adalah disyorkan supaya pihak yang terlibat mengambil langkah-langkah berikut :-

i. Kementerian sepatutnya menggunakan tenaga pengajar daripada IKBN yang lain untuk membantu pihak IKBN Temerloh dalam menjalankan aktiviti uji terima dan pentauliahan bersama kontraktor bagi peralatan yang telah dibekalkan.

ii. Memandangkan perolehan peralatan yang terlalu awal menyebabkan Kerajaan terdedah kepada risiko kerugian kerana peralatan berkenaan akan menjadi usang dan rosak sebelum digunakan, Kementerian sepatutnya menyelaraskan perolehan peralatan dengan kursus yang akan dilaksanakan di IKBN Temerloh dan memastikan setiap peralatan yang dibekalkan mempunyai komponen sokongan yang membolehkannya berfungsi.

iii. Kementerian perlu mewujudkan jawatan penjaga stor untuk menjaga hal ehwal peralatan yang terdapat di bengkel secara sepenuh masa bagi meningkatkan lagi tahap kecekapan pengurusan dan keselamatan peralatan di IKBN Temerloh.

iv. Bagi memastikan proses latihan penggunaan peralatan dan pembelajaran dapat berjalan dengan lancar, adalah disyorkan supaya Suruhanjaya Perkhidmatan Awam mempertimbangkan dan mengambil tindakan segera terhadap permohonan Kementerian mengenai pengisian jawatan pengajar.

v. IKBN Temerloh perlu mengenal pasti jika terdapat sebarang kecacatan dan kerosakan pada peralatan yang masih belum digunakan atau tidak digunakan dengan optimum serta melaporkan kepada kontraktor bagi memastikan ia dibaiki dan boleh berfungsi sepenuhnya.

vi. IKBN Temerloh perlu memastikan kerja-kerja penyenggaraan dilaksanakan mengikut Jadual Penyenggaraan Pencegahan bagi menjamin jangka hayat dan mutu peralatan tersebut. Tindakan yang sewajarnya hendaklah diambil sekiranya kontraktor gagal melaksanakan tanggungjawab ini.

KEMENTERIAN PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN

1. Aktiviti Penjualan Masa Siaran Iklan Radio Dan Televisyen

a. Kementerian Kewangan telah meluluskan pelantikan Utusan Melayu (M) Bhd. (UMMB) sebagai agensi pemasaran masa siaran iklan televisyen dan radio secara rundingan terus. Mengikut perjanjian, sasaran minimum penjualan tahunan bagi masa siaran iklan TV yang perlu dicapai oleh agensi pemasaran adalah RM70 juta manakala bagi radio ialah RM13 juta. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Julai hingga November 2009 mendapati beberapa kelemahan seperti prestasi jualan masa siaran iklan tidak mencapai sasaran; percanggahan terma antara kontrak dengan Surat Tawaran Kerajaan mengenai jadual pembayaran komisen dan beberapa peraturan berhubung penjualan masa siaran iklan tidak dipatuhi.

b. Bagi mempertingkatkan kutipan hasil daripada penjualan masa siaran iklan radio dan televisyen, Kementerian Penerangan, Komunikasi Dan Kebudayaan adalah disyorkan supaya mengambil langkah-langkah berikut :-

i. Pelantikan agensi pemasaran hendaklah dibuat secara tender terbuka supaya Kerajaan mendapat tawaran yang lebih kompetitif di samping berpeluang mendapat perkhidmatan firma-firma pemasaran yang lebih berdaya saing.

ii. Menandatangani kontrak dalam tempoh yang ditetapkan oleh pekeliling yang berkuat kuasa bertujuan untuk melindungi kepentingan Kerajaan dan memastikan semua syarat kontrak dipatuhi dengan sewajarnya.

iii. Memantau aktiviti penjualan masa siaran iklan yang dilaksanakan oleh agensi pemasaran dengan lebih rapi bagi meningkatkan pendapatan daripada hasil iklan.

iv. Menetapkan kuantum pembahagian bayaran komisen yang perlu ditanggung oleh Kerajaan dan UMMB memandangkan syarat kontrak yang sedia ada tidak menetapkan kadar pembahagian tersebut.

v. Memastikan semua agensi pengiklanan bertauliah menjelaskan bayaran iklan masing-masing dalam tempoh yang ditetapkan. Sekiranya terdapat bayaran yang tertunggak, ia hendaklah dipotong daripada bayaran komisen. Kementerian juga sepatutnya tidak menyiarkan tempahan iklan daripada agensi pengiklanan bertauliah yang mempunyai tunggakan bayaran.

vi. Mempertingkatkan pemantauan bagi memastikan nilai jaminan bank melebihi nilai tempahan masa siaran iklan yang dibuat oleh agensi pengiklanan bertauliah. Sekiranya amaun jaminan bank tidak mencukupi, jaminan tambahan hendaklah diperolehi daripada agensi pengiklanan berkenaan.

2. Program Pemberian Perkhidmatan Sejagat Fasa V

a. Sejumlah RM150 juta telah diperuntukkan kepada Kementerian Tenaga, Air Dan Komunikasi untuk melaksanakan program ini. Selaras dengan penyusunan semula fungsi kementerian/jabatan Persekutuan yang dilaksanakan pada 9 April 2009, pelaksanaan program ini telah diletakkan di bawah tanggungjawab Kementerian Penerangan, Komunikasi Dan Kebudayaan (Kementerian). Setakat 31 Disember 2009, sejumlah RM111.47 juta daripada peruntukan berjumlah RM150 juta tersebut telah dibelanjakan.

b. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Mei hingga Julai 2009 terhadap 69 perpustakaan awam/desa dan 34 Pusat Perkhidmatan Ilmu Komuniti (PPIK) mendapati secara keseluruhannya, program ini telah dilaksanakan dengan memuaskan di mana peralatan dan kelengkapan komunikasi yang dibekalkan di 50 (72.5%) perpustakaan awam/desa dan 29 (85.3%) PPIK boleh berfungsi mengikut tujuan ia dibekalkan serta digunakan setiap masa oleh golongan sasaran. Namun begitu, terdapat beberapa kelemahan seperti data daripada Sistem Pemantauan Berpusat yang memantau penggunaan komputer mengikut lokasi di bawah Program USP Fasa I hingga V diragui ketepatannya; penyenggaraan pencegahan terhadap peralatan yang dibekalkan tidak dijalankan mengikut tempoh yang ditetapkan; pembekalan toner tidak dibuat mengikut syarat kontrak; petugas perpustakaan desa tidak merekodkan peralatan dan kelengkapan komunikasi yang dibekalkan dalam daftar dan kad harta modal/inventori.

c. Sungguhpun Kementerian telah mengambil tindakan untuk memperbetulkan kebanyakan kelemahan yang dibangkitkan dalam laporan ini, namun bagi memastikan kelemahan yang sama tidak berulang di masa hadapan, Kementerian

dan Jabatan Kerja Raya (JKR) adalah disyorkan supaya mengambil tindakan terhadap perkara-perkara berikut :-

i. Kementerian perlu mengatasi kelemahan Sistem Pemantauan Berpusat supaya menghasilkan data yang tepat bagi mewujudkan pemantauan yang berkesan terhadap Program USP Fasa V.

ii. Kementerian/JKR perlu memastikan penyenggaraan peralatan dan pembekalan toner dibuat mengikut syarat kontrak bagi membolehkan semua kemudahan dapat digunakan oleh masyarakat setempat pada bila-bila masa.

iii. Perpustakaan Negara/Negeri perlu memastikan daftar aset diselenggarakan di semua perpustakaan awam/desa terlibat selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 5 Tahun 2007.

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

1. Kerja Pembaikan/Pembesaran/Naik Taraf/Pengubahsuaian Institusi Kebajikan Masyarakat

a. Bagi tempoh tahun 2007 hingga 2009, sejumlah RM57.34 juta telah dibelanjakan bagi melaksanakan kerja pembaikan/pembesaran/naik taraf/pengubahsuaian institusi kebajikan masyarakat. Pengauditan yang dijalankan antara bulan November 2009 hingga Februari 2010 terhadap 21 institusi kebajikan masyarakat di Selangor, Johor, Sarawak, Kedah dan Terengganu mendapati prestasi kerja pembaikan/ pembesaran/naik taraf/pengubahsuaian yang dilaksanakan di 14 (66.7%) institusi adalah memuaskan. Manakala bagi 7 institusi yang lain, terdapat beberapa kelemahan ketara seperti skop/spesifikasi kerja tidak disediakan dengan jelas dan terperinci menyebabkan kerja yang dilaksanakan tidak dapat dinilai/tidak sempurna. Terdapat juga kerja-kerja yang dilaksanakan oleh kontraktor tidak mengikut spesifikasi/tidak berkualiti disebabkan kurangnya pemantauan dan penyeliaan oleh pihak Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat (Kementerian)/Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri/institusi yang berkenaan.

b. Sungguhpun Kementerian telah mengambil tindakan untuk memperbetulkan kebanyakan kelemahan yang dibangkitkan dalam laporan ini, namun bagi memastikan kelemahan yang sama tidak berulang di masa hadapan, Kementerian dan Jabatan Kerja Raya (JKR) adalah disyorkan supaya mengambil tindakan terhadap perkara-perkara berikut :-

i. Kementerian mengambil tindakan segera untuk mengatasi masalah kekurangan pegawai teknikal. Memandangkan keperluan mendapat pandangan teknikal daripada JKR telah pun ditetapkan dalam Arahan Perbendaharaan 182.1, institusi berkenaan perlu memastikan pandangan dan nasihat JKR tentang skop kerja diperolehi sebelum sesuatu projek dilaksanakan. Sebagai penasihat teknikal, JKR disyorkan untuk memberi nasihat yang lebih berkesan bagi membantu institusi kebajikan masyarakat melaksanakan kerjanya dengan sempurna.

ii. Kementerian perlu membuat pemeriksaan secara menyeluruh bagi mengenal pasti sama ada kelemahan yang sama juga berlaku di institusi lain dan

mengambil tindakan pembaikan serta-merta memandangkan pengauditan yang dibuat adalah berdasarkan kepada sampel.

iii. Bagi memastikan projek yang dilaksanakan berkualiti dan selaras dengan spesifikasi yang ditetapkan, pegawai-pegawai kebajikan masyarakat di peringkat negeri/daerah/institusi perlu diberikan latihan yang secukupnya supaya pemantauan dapat dijalankan dengan kerap dan berkesan.

2. Jabatan Kebajikan Masyarakat
- Program Bantuan Kebajikan

a. Bagi tempoh tahun 2007 hingga 2009, sejumlah RM1,264.01 juta telah dibelanjakan untuk melaksanakan program ini. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Mei hingga Julai 2009 terhadap Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri dan Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah/Jajahan/Bahagian di 5 negeri iaitu Johor, Sabah, Selangor, Perak dan Kelantan mendapati pada umumnya pengurusan Program Bantuan Kebajikan telah dilaksanakan dengan memuaskan di mana bantuan telah dapat disampaikan kepada golongan sasaran. Namun begitu, terdapat beberapa kelemahan seperti berikut :-

   i. Beberapa permohonan baru/kajian semula kes tidak dapat diselesaikan mengikut tempoh yang ditetapkan dalam Piagam Pelanggan.

   ii. Kelewatan Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah/Jajahan/Bahagian mengembalikan wang bantuan yang tidak dapat diagihkan ke Jabatan Kebajikan Negeri telah menyebabkan wang tersebut lewat dimasukkan ke Akaun Bank Kerajaan.

   iii. Penyelenggaraan rekod yang tidak teratur.

b. Sungguhpun Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah mengambil tindakan penambahbaikan terhadap teguran yang dibuat oleh pihak Audit, namun bagi meningkatkan keberkesanan program ini, adalah disyorkan supaya pihak yang terlibat mengambil tindakan-tindakan berikut :-

   i. Suruhanjaya Perkhidmatan Awam/Jabatan Perkhidmatan Awam patut mengisi jawatan-jawatan yang kosong atau meluluskan jawatan tambahan bagi mengatasi kelemahan yang wujud dalam pengurusan permohonan bantuan. Selain itu, ianya juga bagi memperkasakan JKM untuk mencapai Bidang Keberhasilan Utama Nasional (NKRA) yang ditetapkan di bawah Inisiatif Mempertingkatkan Taraf Kehidupan Isi Rumah Berpendapatan Rendah.

   ii. JKM perlu memastikan Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah menyelenggarakan rekod dan dokumen yang berkaitan dengan teratur dan kemas kini untuk mengelakkan pertindihan kelulusan dan pembayaran bantuan. Sehubungan ini, satu format Daftar Pembayaran hendaklah diwujudkan bagi merekod penerimaan dan pembayaran wang tunai selaras dengan Arahan Perbendaharaan 98(a) untuk digunakan oleh semua Pejabat Kebajikan Masyarakat di seluruh negara.

KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

1. Projek Pembinaan Politeknik Muadzam Shah, Pahang

a. Kementerian Pelajaran Malaysia telah merancang pembinaan Politeknik Muadzam Shah di atas Lot 6964, Mukim Bebar, Bandar Muadzam Shah, Daerah Pekan, Pahang Darul Makmur. Pada bulan Mac 2004, projek ini telah diserahkan kepada Kementerian Pengajian Tinggi (Kementerian) berikutan penyusunan semula fungsi kementerian/jabatan Persekutuan.

b. Pengauditan yang dijalankan antara bulan September hingga Disember 2009 mendapati sungguhpun pelaksanaan projek pembinaan Politeknik Muadzam Shah sepatutnya disiapkan pada 14 September 2003, namun sehingga kini setelah hampir 10 tahun projek ini dimulakan, ia masih belum siap dibina. Kos projek telah meningkat di mana setakat bulan Februari 2010, sejumlah RM294.74 juta telah dibelanjakan berbanding dengan kos asal projek berjumlah RM219 juta iaitu peningkatan sejumlah RM75.74 juta (34.6%). Jumlah ini tidak mengambil kira kos perkhidmatan perunding yang perlu dibiayai oleh Kerajaan bagi projek ini berjumlah RM10.55 juta. Memandangkan politeknik ini masih belum disiapkan, Kerajaan terpaksa menanggung kos sewaan tempat belajar sebanyak RM2,500 sebulan dan setakat bulan Disember 2009, sejumlah RM130,000 telah dibelanjakan untuk tujuan tersebut. Selain itu, bilangan pengambilan pelajar juga terpaksa dihadkan setakat 64 hingga 347 pelajar sahaja berbanding 5,000 pelajar yang dirancang.

c. Bagi memastikan Politeknik Muadzam Shah boleh beroperasi secepat mungkin serta Kerajaan mendapat *value for money* bagi pelaksanaan projek-projek di masa hadapan, adalah disyorkan supaya Kementerian dan Jabatan Kerja Raya (JKR) mengambil tindakan terhadap perkara-perkara berikut :-

   i. JKR hendaklah memantau dan memberikan pengawasan yang rapi terhadap kerja-kerja yang dilaksanakan oleh kontraktor serta perunding bagi memastikan projek dilaksanakan mengikut spesifikasi dan siap dalam tempoh yang ditetapkan.

   ii. Prestasi kerja dan kedudukan kewangan sesebuah syarikat perlu dijadikan asas dalam pemilihan kontraktor dan subkontraktor bagi melaksanakan projek Kerajaan supaya projek berjalan lancar dan tidak merugikan Kerajaan.

   iii. Memandangkan kes pencairan bon pelaksanaan daripada Kausar Corporation Sdn. Bhd. (Kausar) masih belum diputuskan oleh Penimbang Tara, JKR perlu terlebih dahulu mengambil tindakan bagi memungut denda berjumlah RM4.34 juta daripada kontraktor tersebut.

   iv. Memandangkan YKMP (kontraktor asal) dan Kausar (kontraktor penyelamat pertama) gagal menyiapkan projek dalam tempoh yang ditetapkan, Kementerian/JKR perlu mengenal pasti dan menuntut jumlah kos kerugian dari kedua-dua kontraktor tersebut sebaik sahaja projek ini disiapkan oleh kontraktor penyelamat kedua yang dilantik.

KEMENTERIAN PERTAHANAN

1. Pengurusan Pajakan Premis Kepada Perbadanan Perwira Niaga Malaysia (PERNAMA)

a. Pada 16 Jun 1999, Kerajaan telah meluluskan pajakan 61 kedai kepada PERNAMA bagi tempoh 1 Jun 1999 hingga 31 Mei 2014. Pada 28 Ogos 2000, Kementerian Kewangan telah meluluskan pajakan 171 ruang pejabat dan kedai lagi di kem tentera seluruh negara. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Mei hingga Ogos 2009 mendapati beberapa premis yang diduduki oleh PERNAMA tanpa kelulusan Kerajaan; perjanjian lewat ditandatangani dengan PERNAMA; rekod berhubung premis yang dipajakkan tidak diselenggarakan dengan lengkap; PERNAMA tidak menjelaskan bayaran pajakan dan bil utiliti untuk tempoh-tempoh tertentu serta kurang pemantauan oleh unit yang berkaitan.

b. Bagi memastikan urusan pajakan premis kepada PERNAMA dilaksanakan dengan teratur dan kepentingan Kerajaan terpelihara, adalah disyorkan supaya pihak yang terlibat mengambil langkah-langkah berikut :-

   i. Ketua Pengarah Tanah Dan Galian perlu menandatangani perjanjian dengan PERNAMA secepat mungkin dan melaksanakan aktiviti penguatkuasaan untuk memastikan semua syarat perjanjian dipatuhi oleh Perbadanan tersebut. Tanpa perjanjian tersebut, kutipan bayaran pajakan yang dibuat terhadap PERNAMA boleh dipertikaikan dari segi undang-undang.

   ii. Kementerian perlu memastikan 9 lokasi yang tidak termasuk dalam senarai pajakan yang diluluskan oleh Jemaah Menteri diangkat untuk kelulusan sewajarnya sebelum kontrak ditandatangani.

   iii. Kementerian perlu mempertingkatkan pemantauannya terhadap aktiviti yang berkaitan dengan pajakan premis kepada PERNAMA bagi memastikan PERNAMA mematuhi sepenuhnya keputusan yang telah dibuat oleh Kerajaan berhubung dengan aktiviti tersebut. Bagi membolehkan pemantauan dijalankan dengan lebih berkesan, Kementerian hendaklah memastikan rekod-rekod berkaitan diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini dan perjanjian ditandatangani dengan segera. Sehubungan ini, Unit Audit Dalam Kementerian patut dipertanggungjawabkan menjalankan pemeriksaan dari semasa ke semasa terhadap rekod-rekod yang diselenggarakan untuk menentukan kesempurnaannya dan membuat lawatan ke premis-premis PERNAMA untuk memastikan syarat-syarat perjanjian dipatuhi dengan sewajarnya.

2. Projek Pembinaan Hospital Angkatan Tentera Malaysia, Kuala Lumpur

a. Sejumlah RM285.11 juta telah dibelanjakan untuk melaksanakan projek ini. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Februari hingga April 2009 mendapati beberapa kelemahan seperti perancangan yang tidak teliti mengakibatkan arahan perubahan kerja dikeluarkan dan projek tidak dapat disiapkan mengikut jadual; kerja pembinaan tidak sesuai/tidak berkualiti dan hospital tidak dapat beroperasi sepenuhnya akibat daripada kelewatan perolehan linen/lain-lain keperluan.

b. Bagi memperbaiki kelemahan yang dibangkitkan dan juga memastikan perkara yang sama tidak berulang dalam pelaksanaan projek yang lain, adalah disyorkan supaya Kementerian Pertahanan melaksanakan perkara-perkara berikut :-

   i. Membuat perancangan dengan teliti dan mengambil kira kehendak pengguna semasa menentukan skop pembinaan bagi mengelakkan tambahan kerja yang akan menyebabkan peningkatan kos dan projek lewat disiapkan.

   ii. Membuat pemeriksaan dan memastikan kontraktor membaiki segala kerosakan/kecacatan yang ditemui sebelum Tempoh Tanggung Kecacatan tamat pada 31 Mei 2011.

   iii. Menyelaraskan perolehan linen/lain-lain keperluan dengan kemajuan kerja pembinaan hospital. Perolehan patut dibuat semasa kemajuan kerja pada tahap 80% supaya hospital dapat beroperasi sepenuhnya.

   iv. Mewujudkan *Independent Review Panel* bagi projek-projek besar yang kosnya melebihi RM100 juta untuk membuat penilaian bebas dari segi reka bentuk, kos dan bahan binaan yang digunakan supaya Kerajaan mendapat *value for money* bagi perbelanjaan yang dilakukan.

3. Pengurusan Bekalan Makanan Untuk Pasukan Tentera Darat

a. Bagi tempoh tahun 2007 hingga 2009, Kementerian Pertahanan (Kementerian) telah membelanjakan sejumlah RM554.18 juta untuk bekalan rangsum segar dan RM163.48 juta untuk bekalan makanan secara katering bagi tujuan penyediaan bekalan makanan kepada pasukan Tentera Darat. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Mei hingga Oktober 2009 mendapati beberapa kelemahan seperti kontraktor tidak membekalkan bahan makanan mengikut pesanan; kualiti bahan makanan yang dibekalkan kurang memuaskan dan keadaan rumah masak serta dewan makan yang tidak selesa. Bagi penyediaan makanan melalui khidmat katering, didapati beberapa syarat kontrak tidak dipatuhi seperti rumah masak yang diambil alih belum diubah suai dan sewa bulanan rumah masak yang digunakan oleh kontraktor masih belum dikutip.

b. Bagi memperbaiki kelemahan dalam pengurusan bekalan makanan sama ada secara masak sendiri atau katering seperti yang dibangkitkan, adalah disyorkan supaya pihak yang terlibat melaksanakan perkara-perkara berikut :-

   i. Kementerian perlu mengeluarkan arahan dalaman bagi memastikan pegawai penerima membuat pengakuan ke atas jumlah/jenis item yang sebenarnya diterima setelah membuat pemeriksaan atas bekalan yang dihantar oleh kontraktor. Seterusnya, Kementerian perlu mengarahkan pegawai penyelia membuat semakan/pemeriksaan mengejut dari semasa ke semasa untuk memastikan pegawai penerima mematuhi arahan tersebut.

   ii. Pasukan perlu memastikan bilangan anggota yang sebenarnya memerlukan makanan pada hari-hari tertentu bagi mengelakkan pembaziran. Selain itu, Pusat Kawalan Rangsum perlu membuat pemeriksaan berkala terhadap stok bagi mengelakkan lebihan bekalan dipesan oleh pasukan.

iii. Pihak Unit Pengurusan Dan Pemantauan Katering (UPPK) perlu memastikan Borang Pesanan Rasmi (BAT L 153) disediakan terlebih dahulu memandangkan ia merupakan dokumen pesanan rasmi dan bukti pesanan telah dibuat. Selain itu, tindakan UPPK memberi anggaran kekuatan anggota untuk tempoh seminggu lebih awal boleh menyebabkan pembaziran sekiranya anggota yang sebenarnya mengambil makanan adalah kurang.

iv. Bagi memastikan ketepatan bayaran, pihak UPPK perlu mengeluarkan arahan dalaman mengenai keperluan pasukan mendapatkan kelulusan terhadap pindaan sajian yang perlu dibuat dan membuat pengesahan terhadap sajian yang telah dibekalkan.

v. Pihak UPPK perlu memantau dengan lebih teliti berhubung kualiti dan keadaan bahan makanan yang disimpan oleh kontraktor bagi menjamin keselamatan makanan yang disediakan.

vi. Kementerian perlu menguatkuasakan syarat kontrak dengan memastikan kontraktor membayar sewa yang tertunggak dan juga sewa bulanan. Sehubungan ini, tindakan untuk memungut sewa tersebut boleh dibuat melalui potongan daripada bayaran penyediaan makanan kepada kontraktor berkenaan.

4. Pembinaan Rumah Pangsa Keluarga Anggota Tentera Di Kem Mahkota, Kluang, Johor

a. Projek Pembinaan Rumah Pangsa Keluarga Anggota Tentera di Kem Mahkota, Kluang, Johor adalah untuk memenuhi keperluan tempat kediaman dan memberi keselesaan kepada anggota tentera. Projek ini bernilai RM43.87 juta dilaksanakan di atas tapak seluas 7.71 hektar di dalam Kem Mahkota, Kluang bagi menggantikan kuarters lama yang sudah tidak sesuai lagi untuk diduduki.

b. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Januari hingga Mac 2009 mendapati projek ini telah lewat disiapkan selama 754 hari dan terdapat kerja-kerja pembinaan yang tidak berkualiti/tidak mengikut spesifikasi yang ditetapkan. Terdapat juga kes di mana kemudahan yang disediakan tidak sesuai digunakan kerana kelemahan spesifikasi/reka bentuk. Dua daripada tiga blok rumah pangsa iaitu Rumah Pangsa Kelas ‘F’ dan ‘G’ yang telah disiapkan lewat diduduki selama 13 bulan kerana pasukan pemeriksaan bersama yang dianggotai oleh wakil Kementerian Pertahanan, Jabatan Kerja Raya (JKR) dan kontraktor lewat menjalankan pemeriksaan bagi menentukan sama ada bangunan tersebut telah dibina dengan sempurna dan selamat untuk digunakan. Kelewatan ini menyebabkan Kementerian Pertahanan terpaksa menanggung elaun perumahan anggota tentera yang sepatutnya ditempatkan di rumah pangsa tersebut.

c. Bagi memperbaiki kelemahan yang dibangkitkan dalam laporan ini dan juga memastikan perkara yang sama tidak berulang dalam pelaksanaan projek yang lain, adalah disyorkan supaya pihak yang terlibat mengambil tindakan terhadap perkara-perkara berikut :-

i. JKR perlu memastikan koordinasi antara pelanggan, agensi pelaksana dan pembekal utiliti semasa di peringkat mereka bentuk dan pembinaan dipertingkatkan.

ii. JKR perlu menjalankan pemantauan dan pemeriksaan yang rapi terhadap bangunan/kemudahan yang dibina bagi memastikan sebarang kerosakan yang berlaku dalam Tempoh Tanggungan Kecacatan diperbaiki oleh kontraktor.

iii. JKR perlu memastikan reka bentuk untuk bangunan/kemudahan yang dibina disediakan dengan sempurna dan memenuhi keperluan pengguna. Bagi tujuan ini, tahap koordinasi antara pasukan reka bentuk dan mekanikal serta pengguna perlu dipertingkatkan.

iv. Kementerian Pertahanan perlu mengambil tindakan segera untuk memastikan bangunan dan kemudahan yang telah dibina digunakan sepenuhnya. Bagaimanapun, jika ada halangan yang menyebabkan penggunaannya terpaksa ditangguhkan, kawalan keselamatan terhadap bangunan-bangunan tersebut perlu diwujudkan.

KEMENTERIAN DALAM NEGERI

1. Pengurusan Kompleks Lapang Sasar Antarabangsa Langkawi Malaysia

a. Kompleks Lapang Sasar Antarabangsa Langkawi Malaysia [*Langkawi International Shooting Range Malaysia* (Kompleks)] di Kedah telah dibina oleh Jabatan Kerja Raya dan diserahkan secara rasmi kepada Kementerian Dalam Negeri (Kementerian) pada tahun 1997. Kompleks ini dibina di atas tanah seluas 211.80 hektar di Mukim Ulu Melaka, Daerah Langkawi dengan kos berjumlah RM64 juta. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Februari hingga Jun 2009 mendapati pada umumnya pengurusan Kompleks adalah tidak memuaskan. Sebahagian daripada kemudahan di Kompleks ini jarang digunakan; bangunan, kemudahan dan peralatan tidak disenggarakan dengan memuaskan serta tahap keselamatan Kompleks kurang memuaskan. Antara faktornya disebabkan oleh pentadbiran Kompleks sering kali bertukar pengurusannya; *Standard Operating Procedures* berhubung dengan penggunaan serta penyenggaraan Kompleks tidak lengkap dan kurang jelas; jenis penggunaan lapang sasar yang dibenarkan tidak jelas dan kekurangan peruntukan bagi tujuan penyenggaraan dan pembaikan.

b. Bagi mengelakkan kemudahan bertaraf antarabangsa ini bertukar menjadi projek “gajah putih”, Kementerian Dalam Negeri (Kementerian) perlu membuat keputusan muktamad dengan segera mengenai pihak yang sepatutnya bertanggungjawab terhadap pengurusan Kompleks. Pada masa yang sama, Kementerian disyorkan supaya mengambil tindakan pembetulan terhadap perkara-perkara berikut :-

i. Mempertingkatkan infrastruktur dan kemudahan sedia ada serta memantau kemajuan aktivitinya daripada laporan kemajuan yang dikemukakan oleh pengurusan Kompleks dari semasa ke semasa.

ii. Memastikan kontraktor melaksanakan kerja penyenggaraan secara pencegahan dan pembetulan sepertimana yang ditetapkan dalam Surat Pekeliling Am Bilangan 2 Tahun 1995.

iii. Mempertingkatkan tahap keselamatan Kompleks bagi memastikan kemudahan dan peralatan di Kompleks sentiasa berada dalam keadaan selamat dan boleh digunakan pada bila-bila masa.

iv. Mendapatkan seorang pengurus Kompleks berjawatan tetap secepat mungkin; merangka latihan yang komprehensif dari aspek pentadbiran dan persenjataan bagi kesemua kakitangan Kompleks serta menyeragamkan semua prosedur/proses kerja dalam Manual Prosedur Kerja, *Standard Operating Procedures* dan Fail Meja.

Polis Diraja Malaysia

2. Pembinaan Pangkalan Polis Marin Di Pelabuhan Klang, Selangor

a. Pangkalan Polis Marin Pelabuhan Klang dibina dengan kos yang dianggarkan bernilai RM70 juta. Projek ini adalah untuk menampung keperluan Pasukan Polis Marin Pelabuhan Klang yang masih belum mempunyai pejabat dan jeti yang tetap serta lain-lain kemudahan asas. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Julai hingga Oktober 2009 mendapati beberapa kelemahan dalam perancangan dan pelaksanaan projek. Antara kelemahan tersebut adalah projek lambat dimulakan dan lewat disiapkan selama 1 tahun; perjanjian kontrak lewat ditandatangani; terdapat kerja pembinaan yang dihasilkan tidak berkualiti, reka bentuk/spesifikasi yang tidak sesuai; bangunan siap tetapi lewat digunakan serta jalan masuk ke Pangkalan Polis Marin tidak sempurna.

b. Bagi memperbaiki kelemahan yang dibangkitkan dalam laporan ini dan juga memastikan perkara yang sama tidak berulang dalam pelaksanaan projek yang lain, adalah disyorkan supaya pihak yang terlibat mengambil tindakan terhadap perkara-perkara berikut :-

i. Jabatan Kerja Raya (JKR) perlu mematuhi peraturan yang ditetapkan dengan memastikan kontrak ditandatangani dengan segera bagi menjamin kepentingan Kerajaan.

ii. JKR perlu mempertingkatkan penyeliaan dan pemantauan bagi memastikan projek dilaksanakan mengikut jadual yang telah ditetapkan.

iii. Kementerian Dalam Negeri (KDN) perlu memastikan bangunan yang siap dan telah menerima Sijil Perakuan Siap Kerja diduduki segera agar kecacatan kepada bangunan dapat dikenal pasti dan diperbaiki dengan segera sebelum Tempoh Tanggungan Kecacatan berakhir.

iv. KDN perlu memastikan pembinaan jalan masuk kekal yang menghubungkan jalan utama ke Pangkalan Polis Marin dilaksanakan segera.

3. Projek Pembinaan Perumahan Dan Ibu Pejabat Polis Kontinjen Kedah

a. Projek pembinaan Perumahan Dan Ibu Pejabat Polis Kontinjen Kedah yang bernilai RM90 juta sepatutnya disiapkan pada 17 Oktober 2008. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Julai hingga Oktober 2009 mendapati projek ini masih belum disiapkan disebabkan oleh masalah kontraktor dan subkontraktor.

Kegagalan menyiapkan projek ini menyebabkan Kerajaan terpaksa membayar imbuhan balik gaji Jurutera dan Kerani Tapak serta Imbuhan Tetap Perumahan/ Elaun Sara Hidup kepada pegawai/anggota polis dan pegawai/kakitangan awam berjumlah RM4.68 juta dan menanggung kos tambahan untuk menyiapkan projek ini. Selain itu, kerja-kerja yang dilaksanakan juga tidak mengikut spesifikasi/tidak berkualiti.

b. Bagi membolehkan projek ini diteruskan segera, Jabatan Perdana Menteri perlu memberi peruntukan kewangan kepada Kementerian Dalam Negeri (Kementerian). Manakala bagi memperbaiki kelemahan yang dibangkitkan dalam laporan ini dan juga memastikan perkara yang sama tidak berulang dalam pelaksanaan projek yang lain, adalah disyorkan supaya pihak yang terlibat mengambil tindakan terhadap perkara-perkara berikut :-

   i. Kementerian perlu melantik kontraktor penyiap dengan segera untuk menyiapkan projek terbengkalai ini supaya anggota polis dan ahli keluarga mereka mendapat manfaat sebagaimana yang dirancang dan juga tuntutan awal dapat dibuat terhadap kontraktor asal iaitu Syarikat YMY Resources Sdn. Bhd. Bagi memastikan kontraktor penyiap melaksanakan projek mengikut jadual dan kerjanya berkualiti, Kementerian/Polis Diraja Malaysia perlu meningkatkan pemantauan terhadap kerja kontraktor berkenaan.

   ii. Kementerian perlu mengenal pasti pihak yang bertanggungjawab terhadap kegagalan menyiapkan projek ini dalam tempoh yang ditetapkan dan mengambil tindakan yang sewajarnya terhadap mereka yang terlibat.

   iii. Kementerian perlu memastikan Perakuan Muktamad Kontraktor Yang Ditamatkan dibuat dengan segera selepas kontraktor penyiap dilantik menyempurnakan kerjanya. Pelarasan tuntutan ini perlu mengambil kira antara lainnya Ganti Rugi Tertentu Dan Ditetapkan; baki wang pendahuluan dan baki wang jaminan pelaksanaan yang perlu dibayar balik oleh kontraktor asal.

4. Kerja Pembaikan Dan Penyenggaraan Balai Dan Kuarters Polis

a. Sehingga akhir tahun 2009, Polis Diraja Malaysia (PDRM) mempunyai 768 balai polis di mana 536 daripadanya adalah berusia antara 20 tahun hingga melebihi 51 tahun. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Julai hingga Disember 2009 mendapati pada umumnya kerja pembaikan/penyenggaraan balai dan kuarters polis tidak dilaksanakan dengan memuaskan akibat daripada kurangnya penyeliaan/ pemantauan terhadap kerja pembaikan/penyenggaraan oleh PDRM. Terdapat beberapa kelemahan seperti berikut :-

   i. Beberapa kerosakan yang tidak diperbaiki/disenggarakan yang boleh menjejas keselamatan/keselesaan pengguna.

   ii. Kerja pembaikan/penyenggaraan tidak dibuat dengan memuaskan sama ada kerana skop kerja tidak dipatuhi atau tidak dinyatakan dengan jelas oleh PDRM.

   iii. Sebanyak 37 kerja berjumlah RM63,800 telah dibayar kepada kontraktor untuk kerja yang tidak dilaksanakan atau dilaksanakan dengan tidak sempurna.

iv. Harga perolehan bagi beberapa kerja lebih tinggi daripada harga yang ditetapkan dalam Jadual Kadar Harga Kerja-Kerja Kecil Dan Memperbaiki Jabatan Kerja Raya serta harga yang berbeza-beza dibayar bagi kerja yang sama di pejabat yang sama.

b. Bagi memastikan anggota polis disediakan dengan tempat kerja serta perumahan yang kondusif dan selamat serta Kerajaan mendapat *value for money* terhadap perbelanjaan yang dibuat, adalah disyorkan supaya Kementerian Dalam Negeri dan PDRM mengambil tindakan terhadap perkara-perkara berikut :-

i. Menyediakan rancangan penyenggaraan secara berjadual yang meliputi penyenggaraan secara *preventive* dan *corrective* terhadap semua bangunan khususnya balai dan kuarters polis di seluruh negara berdasarkan kepada Surat Pekeliling Am Bilangan 2 Tahun 1995. Bagi tujuan ini, peruntukan kewangan yang secukupnya hendaklah disediakan.

ii. Memperbaiki segera kerosakan yang kritikal seperti kebocoran pada bumbung atau bilik air.

iii. Mempertingkatkan pemantauan terhadap kerja pembaikan/penyenggaraan. Sehubungan ini, Jawatan Pembantu Teknik Gred J32/J36 perlu diwujudkan di peringkat Ibu Pejabat Kontinjen (IPK) dan Ibu Pejabat Daerah (IPD) serta satu daftar lawatan pemantauan diselenggarakan di peringkat IPK, IPD dan balai polis.

iv. Mengambil tindakan yang sewajarnya terhadap mereka yang terbukti memperakukan kerja telah disempurnakan sungguhpun pada hakikatnya ia tidak dilaksanakan/dilaksanakan dengan tidak sempurna kerana ia merupakan satu *improper payment.* Tindakan tatatertib termasuk surcaj patut diambil terhadap mereka yang terlibat. PDRM perlu menjalankan pemeriksaan terhadap kerja pembaikan/penyenggaraan yang lain untuk memastikan perkara yang sama tidak berlaku.

v. Memastikan semua pihak yang terlibat dengan perolehan kerja pembaikan/ penyenggaraan mematuhi peraturan kewangan yang berkaitan. Jumlah nilai kerja pembaikan/penyenggaraan yang dipersetujui dengan pembekal ditetapkan setelah rundingkan harga dibuat bagi setiap jenis kerja secara terperinci dan tidak diputuskan mengikut jumlah peruntukan yang diluluskan. Sehubungan ini, kajian pasaran perlu dibuat untuk dijadikan panduan semasa menentukan harga kerja yang akan dibuat untuk memastikan harga tersebut adalah munasabah.

Jabatan Imigresen Malaysia

5. Aktiviti Penguatkuasaan Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI)

a. Bagi tahun 2008 dan 2009, sebanyak 14,873 operasi telah dilaksanakan oleh Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) di mana seramai 113,359 orang PATI telah ditangkap. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Mei hingga September 2009 di Bahagian Penguat Kuasa, Ibu Pejabat JIM dan 4 Bahagian Penguat Kuasa Jabatan Imigresen Negeri di Selangor, Kedah, Kelantan dan Sabah mendapati beberapa kelemahan seperti berikut :-

i. JIM tidak menyelenggarakan rekod berhubung dengan aktiviti penguatkuasaan PATI dengan teratur.

ii. *Mobile Imigration Enforcement System* (MIES) dan peralatan berkaitan yang dibeli dengan kos berjumlah RM3.86 juta tidak digunakan sepenuhnya untuk operasi PATI kerana masalah liputan serta sistem tidak stabil.

iii. Akta Imigresen 1959/63 (Pindaan 2002) dan Peraturan-peraturan Imigresen 1963 menetapkan hukuman tertentu yang boleh dikenakan terhadap PATI jika disabitkan kesalahan. Pada 16 September 2008, JIM telah mengeluarkan Surat Arahan Pentadbiran Bilangan 2 Tahun 2008 mengenai penubuhan Jawatankuasa Rayuan Imigresen bagi menimbangkan rayuan pengurangan amaun kompaun. Namun demikian, terdapat kes di mana pengurangan amaun kompaun telah diluluskan oleh pegawai atasan tanpa melalui Jawatankuasa tersebut. Ini adalah kerana Pekeliling Imigresen Malaysia Bilangan 11 Tahun 2003 yang memberi kuasa kepada Ketua Pengarah, Timbalan Ketua Pengarah, Pengarah dan Timbalan Pengarah Bahagian/Negeri untuk mengurangkan kompaun tidak dibatalkan.

b. Bagi memastikan kehadiran/kemasukan PATI dalam negara dapat dicegah atau sekurang-kurangnya dapat dikawal pada tahap yang minimum, JIM disyorkan supaya mengambil tindakan terhadap perkara-perkara berikut :-

i. Merancang sasaran kerja yang disokong dengan asas yang ditetapkan antaranya ialah sasaran mengikut lokasi. Selain itu, satu daftar induk yang mempunyai maklumat mengenai semua sasaran lokasi operasi yang berkemungkinan menempatkan/melindungi PATI serta pelaksanaan operasi yang telah dibuat ke lokasi tersebut perlu disediakan untuk memudahkan penyediaan perancangan ini.

ii. Merancang pembelian sebarang sistem yang berkaitan dengan aktiviti penguatkuasaan dengan teliti supaya penggunaannya dapat dimanfaatkan dengan optimum bagi menjamin Kerajaan mendapat *value for money* daripada perbelanjaan yang telah dibuat.

iii. Bagi memastikan pengurangan amaun kompaun diuruskan dengan teratur dan telus, semua rayuan pengurangan amaun kompaun perlu dibincang dan diputuskan dalam Jawatankuasa Rayuan Imigresen. Pekeliling Imigresen Malaysia Bilangan 11 Tahun 2003 yang memberi kuasa kepada Ketua Pengarah, Timbalan Ketua Pengarah, Pengarah dan Timbalan Pengarah Bahagian/Negeri untuk mengurangkan amaun kompaun perlu dibatalkan.

iv. Aduan perlu dikendalikan dengan teratur dan rekod berkaitan disediakan dan dikemas kini. Perkara ini penting bagi meningkatkan keyakinan pihak lain terutamanya orang awam bahawa segala aduan yang dikemukakan telah diambil tindakan oleh Bahagian Penguat Kuasa. Sehubungan ini, seorang pegawai khusus ditugaskan untuk memastikan setiap aduan yang berkaitan diambil tindakan penyelesaian dengan cepat dan berkesan serta rekod berkaitan diselenggarakan.

v. Setiap tangkapan PATI perlu didaftar dan disiasat dengan sewajarnya. Maklumat tangkapan sehingga kepada pengusiran PATI hendaklah diurus dan direkodkan dalam kertas siasatan dengan lengkap serta rekodnya disimpan dengan selamat.

vi. PATI perlu diusir dengan segera bagi mengurangkan kepadatan PATI di depot tahanan Imigresen. JIM boleh menempatkan/mengagihkan PATI yang ditahan mengikut kekosongan di depot tahanan Imigresen.

PELBAGAI KEMENTERIAN DAN JABATAN

- *Pengurusan Projek Di Bawah Pakej Rangsangan Ekonomi Pertama*

a. Sejumlah RM7 bilion peruntukan di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi Pertama (PRE 1) telah diluluskan untuk melaksanakan 53 program yang dijangka dapat merangsang dan merancakkan pertumbuhan ekonomi. Pengauditan yang dijalankan pada tahun 2009 mendapati 93.9% daripada peruntukan yang diagihkan berjumlah RM6.72 bilion telah dibelanjakan dan 89.1% projek yang dirancang telah disiapkan. Bagaimanapun, tempoh pelaksanaan yang singkat telah menyebabkan beberapa prosedur/peraturan kewangan yang ditetapkan tidak dipatuhi sepenuhnya. Di samping itu, penyeliaan yang kurang teliti oleh kementerian/jabatan dan perunding telah mengakibatkan beberapa kelemahan seperti peruntukan tidak digunakan untuk tujuan asal program/projek; perancangan perolehan yang kurang teliti; sebahagian daripada peserta program tidak memenuhi kriteria penyertaan yang ditetapkan; bayaran dibuat bagi kerja/bekalan yang tidak disempurnakan; skop dan spesifikasi kerja tidak disediakan dengan jelas/tepat serta tidak dipatuhi.

b. Bagi memastikan Kerajaan mendapat *value for money* bagi setiap perbelanjaan yang dibuat, adalah disyorkan supaya semua kementerian/jabatan yang terlibat dalam pelaksanaan perolehan di masa hadapan mengambil langkah-langkah berikut :-

i. Mendapat kelulusan daripada pihak yang bertanggungjawab terlebih dahulu sebelum melaksanakan program/projek yang lain daripada tujuan asal yang diluluskan.

ii. Sungguhpun peruntukan PRE 1 perlu dibelanjakan dengan segera, namun penggunaan peruntukan ini perlu dirancang dengan teliti bagi mengelakkan daripada berlaku pembaziran.

iii. Bagi program/projek yang mempunyai kumpulan sasaran yang tertentu, pemilihan peserta perlu mematuhi kriteria yang ditetapkan agar objektif program/projek dapat dicapai dan manfaatnya dinikmati oleh kumpulan sasaran yang sepatutnya.

iv. Mengambil tindakan terhadap penjawat awam/perunding yang mengesahkan bayaran dibuat walaupun kerja/bekalan tidak dilaksanakan/tidak diterima. Arahan hendaklah dikeluarkan kepada kontraktor untuk menyelesaikan kerja/bekalan yang belum disempurnakan. Sekiranya kontraktor masih gagal melaksanakannya, tuntutan balik bayaran bagi kerja/bekalan yang tidak dilaksanakan/tidak diterima perlu dibuat. Selain itu, pegawai bertanggungjawab/

perunding perlu menjalankan pemeriksaan menyeluruh dan memastikan semua kecacatan yang berlaku diperbaiki dengan sempurna oleh kontraktor sebelum tamat Tempoh Tanggungan Kecacatan.

v. Penyediaan skop kerja perlu mengambil kira kesesuaian dan mengikut keperluan semasa bagi meminimumkan kemungkinan berlakunya perubahan skop kerja. Tindakan mengubah skop kerja tanpa kelulusan dan bayaran yang dibuat berdasarkan skop kerja asal adalah satu kesalahan dan pihak yang terlibat sepatutnya dikenakan tindakan tatatertib. Pihak yang bertanggungjawab perlu membuat pelarasan terhadap harga yang dibayar bagi menyesuaikannya dengan nilai kerja sebenar.

vi. Skop dan spesifikasi kerja/bekalan perlu disediakan dengan jelas dan tepat bagi mengelak daripada dimanipulasikan oleh kontraktor dan memudahkan kementerian/jabatan menyelia dan menilai kualiti kerja yang dijalankan serta pengesahan bayaran yang perlu dibuat.

BAHAGIAN II - PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN

1. PENGURUSAN KERETAPI TANAH MELAYU BERHAD

a. Perniagaan utama Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) adalah menyediakan perkhidmatan berkaitan rel meliputi perkhidmatan kargo; perkhidmatan komuter dan juga perkhidmatan antarabandar. Bagaimanapun dengan perkembangan ekonomi semasa, KTMB telah melaksanakan beberapa aktiviti lain seperti menyediakan perkhidmatan pengiklanan; sewaan kontena; tempat letak kereta dan hartanah. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Jun hingga Ogos 2009 mendapati secara umumnya KTMB telah mengendalikan perkhidmatan kargo; komuter dan antarabandar sebagaimana mandat yang diberikan. Namun, Kumpulan KTMB mengalami kerugian bersih selepas cukai bagi 3 tahun berturut-turut iaitu bagi tempoh tahun 2006 hingga 2008. Selain itu, terdapat beberapa kelemahan seperti ketidakcapaian pendapatan dan Petunjuk Prestasi Utama; ketepatan masa perjalanan tren kurang memuaskan; penyenggaraan *rolling stock* tidak mengikut jadual; projek baik pulih *Electrical Multiple Unit* lewat disiapkan; kelemahan pengurusan diesel bersubsidi serta kelewatan menyiapkan pembinaan dan naik taraf 5 stesen di Pantai Timur.

b. Misi KTMB untuk menjadi pilihan utama sistem pengangkutan darat dengan menyediakan perkhidmatan rel bersepadu yang selamat, cekap dan boleh dipercayai untuk penumpang dan barang tidak mungkin dapat dicapai sekiranya kelemahan khususnya berhubung pengurusan aktiviti KTMB tidak diperbetulkan segera. Sehubungan ini, adalah disyorkan pihak pengurusan KTMB melaksanakan perkara-perkara berikut :-

i. Mengkaji tindakan yang bersesuaian dengan segera bagi mengatasi masalah ketepatan masa perjalanan tren; kekurangan dan kelemahan penyenggaraan *rolling stock* serta isu berhubung keselamatan tren dan persekitaran stesen yang boleh menjejaskan operasi KTMB.

ii. Mengambil tindakan sewajarnya bagi memastikan semua aset yang usang diambil tindakan pelupusan mengikut peraturan sedia ada.

iii. Meminta Unit Audit Dalam membuat kajian terperinci terhadap beberapa perkara yang boleh memberi kesan ke atas prestasi kewangan syarikat khususnya seperti penyelesaian tunggakan oleh penghutang; pengesahan terhadap amaun pinjaman dan pendahuluan serta prestasi pelaburan di dalam syarikat subsidiari dan sub-subsidiari serta melaporkannya kepada Jawatankuasa Audit untuk keputusan sewajarnya.

iv. Mengkaji semula pelaburan di dalam syarikat subsidiari dan sub-subsidiari bagi memastikan KTMB mendapat pulangan yang memuaskan daripada pelaburannya dan mengambil tindakan segera untuk menutup syarikat subsidiari dan sub-subsidiari KTMB yang didapati *dormant.*

v. Kementerian perlu bertindak tegas dengan mengenakan denda terhadap kontraktor kerana ketidakpatuhan pada syarat kontrak yang telah dipersetujui.

2. PENGURUSAN CYBERVIEW SDN. BHD.

a. Cyberview Sdn. Bhd. adalah bertanggungjawab untuk memantau dan memastikan pembangunan Cyberjaya adalah selaras dengan inspirasi Kerajaan serta memberi nasihat kepada Kerajaan terhadap perkara-perkara berkaitan *Multimedia Super Corridor* (MSC). Pengauditan yang dijalankan antara bulan Julai hingga November 2009 mendapati secara umumnya kedudukan kewangan Kumpulan Cyberview adalah baik dengan mencatatkan keuntungan bagi 3 tahun berturut-turut. Bagaimanapun, pengurusan aktiviti berkaitan pentadbiran tanah, pemantauan terhadap pembangunan Cyberjaya dan perkhidmatan pengangkutan adalah kurang memuaskan. Terdapat beberapa kelemahan seperti rekod berkaitan status tanah tidak diselenggarakan, kelemahan dalam pemantauan terhadap pembangunan yang dijalankan oleh Setia Haruman Sdn. Bhd. dan perkhidmatan sistem pengangkutan tidak dilaksanakan secara ekonomik dan cekap serta pendapatan sewa tidak diakaunkan sewajarnya. Selain itu, terdapat beberapa kelemahan dalam aspek pengurusan kewangan seperti ketiadaan polisi dan prosedur syarikat berkaitan aktiviti utama serta kelemahan dalam pengurusan pembayaran, aset dan sumber manusia.

b. Bagi mengatasi kelemahan yang dibangkitkan, pihak yang bertanggungjawab disyorkan supaya melaksanakan perkara-perkara berikut :-

i. Kementerian Kewangan perlu memastikan Cyberview memantau secara rapi pentadbiran tanah dan pembangunan Cyberjaya serta memastikan Setia Haruman Sdn. Bhd. sebagai pemaju utama yang diberi mandat untuk memajukan Cyberjaya mengemukakan laporan lengkap berkaitan urusan tanah dan pembangunan Cyberjaya kepada Cyberview.

ii. Lembaga Pengarah perlu memastikan Cyberview mengkaji semula keperluan sebenar perkhidmatan *Dedicated Transportation System* dari semasa ke semasa dan seterusnya mencari alternatif lain yang lebih ekonomik serta efisien.

iii. Lembaga Pengarah perlu memastikan Cyberview mengawal rapi kutipan sewa bangunan serta mengambil tindakan yang tegas terhadap penyewa yang gagal membayar tunggakan sewa.

iv. Kementerian Kewangan perlu memastikan Cyberview mematuhi kehendak Akta Syarikat serta semua pekeliling yang telah dikeluarkannya bagi memastikan pengurusan kewangan Cyberview yang meliputi pengurusan pembayaran, aset serta sumber manusia dibuat dengan telus, teratur dan berhemat.

3. PENGURUSAN MIMOS BERHAD

a. MIMOS diwujudkan untuk menjalankan penyelidikan dan pembangunan; merangka polisi dan pembangunan *Information And Communication Techonology* (ICT) nasional, pembangunan perniagaan serta terlibat dalam pemprosesan dan pengeluaran fabrikasi *wafer* semikonduktor. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Jun hingga September 2009 mendapati secara umumnya, prestasi kewangan Kumpulan MIMOS adalah kurang memuaskan di mana syarikat ini telah mengalami kerugian berterusan bagi tempoh tahun 2006 hingga 2008. Pengurusan aktiviti berkaitan pengurusan harta intelek pula mempunyai beberapa kelemahan seperti tempoh pemprosesan paten tidak ditetapkan; paten telah lewat difailkan ke Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO); perjanjian antara ejen dan MIMOS tidak ditandatangani dan akaun Pusat Teknologi Semikonduktor tidak diaudit.

b. Selain itu, terdapat beberapa kelemahan dalam aspek tadbir urus korporat serta pengurusan kewangan seperti penambahan kakitangan yang ketara tidak diperakukan oleh Kementerian Kewangan; pengauditan prestasi terhadap aktiviti utama MIMOS tidak diberi penekanan oleh Unit Audit Dalam serta kelemahan dalam pengurusan aset, bayaran dan sumber manusia. Berikutan penjualan syarikat subsidiari dan bersekutunya, MIMOS juga menghadapi kesulitan untuk mengutip balik pendahuluan tertunggak daripada syarikat-syarikat tersebut.

c. Bagi mengatasi kelemahan yang dibangkitkan dan membolehkan MIMOS mencapai objektif penubuhannya, adalah disyorkan supaya pihak yang bertanggungjawab mengambil tindakan terhadap perkara-perkara berikut :-

i. Lembaga Pengarah perlu memastikan MIMOS mengkaji kelemahan dan mengambil langkah penambahbaikan terhadap pengurusan harta inteleknya supaya dapat melindungi hak eksklusif terhadap sesuatu paten/reka bentuk/cap dagangan. *Standard Operating Procedures* perlu segera dikemaskinikan.

ii. Lembaga Pengarah perlu memastikan MIMOS mendapat kelulusan Kementerian Kewangan bagi sesuatu *undertaking* yang mempunyai nilai besar yang *materially and adversely affect the performance of the financial position of the company* sebagaimana ditetapkan dalam Akta Syarikat 1965 dan Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 12 Tahun 1993 seperti penambahan perbelanjaan emolumen dan ganjaran lain.

iii. Lembaga Pengarah perlu memastikan MIMOS mengambil tindakan secara berterusan untuk mengutip balik tunggakan pendahuluan daripada syarikat subsidiari dan bersekutunya.

iv. Kementerian Kewangan perlu memastikan Lembaga Pengarah MIMOS mengakaunkan penerimaan dan penggunaan dana Pusat Teknologi Semikonduktor dalam penyata kewangan MIMOS dan diaudit setiap tahun. Manakala pihak pengurusan MIMOS perlu memastikan pengurusan aset bagi pusat ini diuruskan dengan cekap dan berkesan bagi mengelak daripada berlakunya salah guna, pembaziran dan penyelewengan.

v. Kementerian Kewangan perlu memastikan MIMOS mematuhi kehendak Akta Syarikat 1965 dan semua pekeliling yang telah dikeluarkannya supaya pengurusan kewangan MIMOS yang meliputi pengurusan sumber manusia, pembayaran dan aset dibuat dengan telus, teratur dan berhemat.

4. PENGURUSAN PENANG PORT SDN. BHD.

a. Penang Port Sdn. Bhd. (PPSB) telah diberi lesen oleh Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang untuk mengendali, mengurus, menyenggara dan menyediakan kemudahan dan perkhidmatan lain yang berkaitan. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Jun hingga Oktober 2009 mendapati secara umumnya, PPSB telah berupaya mengendali, mengurus, menyenggara dan menyediakan kemudahan serta perkhidmatan lain yang berkaitan sebagaimana mandat yang telah diberikan. Pengendalian kontena oleh PPSB telah meningkat dari tahun ke tahun bagi tempoh tahun 2006 hingga 2009. PPSB juga memperolehi keuntungan bersih berturut-turut bagi tempoh tahun 2006 hingga 2008. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan dalam pengurusan aktivitinya khususnya yang berkaitan dengan perolehan menyebabkan PPSB tidak mendapat *value for money* bagi perbelanjaan yang telah dibuat.

b. Bagi memastikan objektif penubuhan PPSB dapat dicapai sepenuhnya dan Kerajaan sebagai pemegang ekuiti mendapat *value for money*, adalah disyorkan supaya pihak yang terlibat mengambil tindakan-tindakan berikut :-

i. Lembaga Pengarah PPSB perlu memantau dengan rapi prestasi pelaksanaan Projek *North Butterworth Container Terminal* memandangkan ianya melibatkan kos yang besar. Bagi tujuan ini, kemajuan pelaksanaan projek tersebut hendaklah dijadikan agenda tetap dalam mesyuarat Lembaga Pengarah supaya sebarang masalah yang berbangkit dapat dibincangkan dan ditangani dengan awal.

ii. Lembaga Pengarah PPSB dan pihak pengurusan perlu memastikan pengurusan perolehan dibuat dengan teratur; telus dan berhemat serta mematuhi Pekeliling dan garis panduan yang telah ditetapkan. Lembaga Pengarah perlu menetapkan setiap perolehan yang diluluskan mempunyai justifikasi yang jelas dan disokong dengan analisis kos faedah bagi memastikan PPSB mendapat *value for money.*

iii. Lembaga Pengarah dan pihak pengurusan perlu memperbaiki beberapa kerosakan di Tanjong City Marina dengan segera serta mencari alternatif yang sesuai dan terbaik untuk memastikan marina ini yang telah dibina dapat dimanfaatkan dengan sebaiknya.

iv. Kementerian Kewangan perlu memantau dengan lebih rapi pengurusan PPSB untuk memastikan kelemahan-kelemahan yang berlaku tidak berulang dan sebarang masalah dapat ditangani dengan awal.

5. PENGURUSAN PROKHAS URUS SDN. BHD. (Syarikat Subsidiari Prokhas Sdn. Bhd)

a. Prokhas Urus Sdn. Bhd. (PUSB) telah diberikan mandat oleh syarikat induknya iaitu Prokhas Sdn. Bhd. untuk menguruskan Program Amal Jariah (PAJ). PAJ adalah satu program yang diperkenalkan oleh Kerajaan pada bulan September 2007 bagi membaik pulih rumah usang golongan miskin dan miskin tegar di seluruh negara. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Mei hingga Julai 2009 mendapati sungguhpun PUSB memperolehi keuntungan bersih pada tahun 2008 berbanding kerugian bersih pada tahun terdahulu, namun keuntungan tersebut hanya disumbangkan oleh pendapatan faedah daripada dana Kerajaan yang diterimanya dan ia digunakan bagi menampung perbelanjaan operasi PAJ.

b. Dari segi pengurusan PAJ, secara umumnya didapati bantuan baik pulih rumah penduduk miskin di bawah PAJ telah dilaksanakan selaras dengan objektif yang ditetapkan. Pelantikan wakil tempatan untuk menguruskan kerja baik pulih rumah tersebut telah dibuat secara telus dan memenuhi kriteria yang ditetapkan. Maklumat lengkap mengenai pelaksanaan program juga telah diselenggarakan melalui sistem e-Jariah mulai tahun 2009. Sungguhpun demikian, terdapat beberapa kelemahan seperti pemilihan penerima bantuan tidak menepati kriteria ditetapkan; pelaksanaan projek baik pulih rumah tidak teratur serta kelemahan penyelarasan program dengan agensi Kerajaan yang lain. Sehubungan ini, adalah disyorkan supaya pihak yang terlibat melaksanakan perkara-perkara berikut :-

   i. Pihak pengurusan PAJ perlu memastikan pemilihan penerima bantuan dan agihan bantuan PAJ dibuat berdasarkan asas tertentu atau berdasarkan statistik rasmi yang dikeluarkan oleh agensi Kerajaan seperti Unit Perancang Ekonomi atau Jabatan Statistik bagi memastikan pengagihan bantuan yang lebih saksama dan adil.

   ii. Pihak pengurusan PAJ perlu memantau peranan wakil tempatan terutamanya berhubung aspek kelulusan anggaran pembaikan; proses perolehan bahan binaan dan pemantauan terhadap kerja-kerja pembaikan oleh tukang/kontraktor.

   iii. Lembaga Pengarah PUSB mahupun Prokhas Sdn. Bhd. perlu menyediakan garis panduan yang terperinci untuk diguna pakai oleh semua pihak yang terlibat dalam pelaksanaan PAJ bagi memastikan kerja baik pulih rumah penduduk miskin dan miskin tegar dapat dilaksanakan dengan teratur selaras dengan objektif yang ditetapkan.

   iv. Lembaga Pengarah PUSB perlu menilai semula kaedah promosi yang telah dilaksanakannya serta membuat perbandingan dengan agensi lain yang turut melaksanakan program bantuan baik pulih rumah bagi memastikan golongan yang benar-benar memerlukan mendapat manfaat daripada program ini. Ini kerana promosi yang berkesan adalah penting bagi memaklumkan orang ramai

tentang matlamat PAJ dan secara tidak langsung mengurangkan kebergantungan sepenuhnya kepada inisiatif wakil-wakil tempatan yang dilantik.

v. Kementerian Kewangan perlu mengkaji semula prestasi dan kedudukan PUSB sama ada masih bersesuaian dengan keperluan semasa memandangkan PUSB masih belum melaksanakan aktivitinya sebagaimana *Memorandum And Articles Of Association.*

6. PENGURUSAN HALAL INDUSTRY DEVELOPMENT CORPORATION SDN. BHD.

a. Halal Industry Development Corporation (HDC) ditubuhkan untuk melaksanakan aktiviti bagi menjadikan Malaysia sebagai hab halal di peringkat antarabangsa. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Jun hingga Julai 2009 mendapati HDC secara umumnya telah merancang aktiviti-aktivitinya selari dengan matlamat menjadikan Malaysia sebagai hab halal di peringkat antarabangsa. Sebagai sebuah syarikat yang tidak berorientasikan keuntungan, HDC mengalami kerugian bersih bagi 3 tahun berturut-turut iaitu bagi tempoh tahun 2006 hingga 2008. Ini disebabkan oleh kebanyakan perbelanjaan yang dilibatkan bukanlah bertujuan untuk mendapatkan pulangan. Tambahan pula, syarikat ini hanya memperolehi pendapatan melalui caj minimum bagi perkhidmatan pensijilan dan latihan serta geran Kerajaan yang sebahagian besarnya digunakan bagi membiayai perbelanjaan *World Halal Forum*. Manakala pengurusan aktivitinya pula mempunyai beberapa kelemahan seperti berikut :-

   i. Pelan Induk Halal tidak dapat dilaksanakan seperti yang dirancang.

   ii. Pemantauan dan penguatkuasaan terhadap semua kilang pengeluar produk/premis makanan/rumah sembelih yang telah mendapat sijil halal dan meletakkan label atau logo halal tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya kerana pegawai HDC tidak mempunyai kuasa di bawah Akta Perihal Dagangan 1972 untuk menjalankan penguatkuasaan.

   iii. Sebahagian kerja penjenamaan semula tidak didokumentasikan dengan lengkap.

   iv. Sebahagian perbelanjaan bagi penganjuran *World Halal Forum* tidak dibuat secara teratur.

b. Selain itu, terdapat beberapa kelemahan dalam aspek tadbir urus korporat serta pengurusan kewangan seperti Unit Audit Dalam belum ditubuhkan serta kelemahan dalam pengurusan perolehan dan penyenggaraan aset.

c. Objektif utama Kerajaan menubuhkan HDC adalah untuk memajukan agenda menjadikan Malaysia sebagai hab halal di peringkat antarabangsa. Bagaimanapun, objektif ini tidak mungkin dapat dicapai sekiranya kelemahan dalam pengurusan yang berpunca daripada kegagalan mematuhi polisi/prosedur yang telah ditetapkan serta kelemahan pemantauan tidak diperbetulkan segera. Sehubungan ini, adalah disyorkan supaya pihak yang terlibat melaksanakan perkara berikut :-

i. Lembaga Pengarah HDC perlu mempertingkatkan pemantauan terhadap pelaksanaan aktivitinya seperti mana yang ditetapkan dalam Pelan Induk Halal bagi memastikan objektif penubuhan HDC dicapai dengan cekap dan berkesan. Bagi tujuan ini, kemajuan pelaksanaan aktiviti hendaklah dijadikan agenda tetap dalam mesyuarat Lembaga Pengarah supaya sebarang masalah yang berbangkit dapat dibincang dan ditangani dengan awal.

ii. Lembaga Pengarah hendaklah memastikan bahawa semua aktiviti/program secara *outsource* kepada pihak lain mengambil kira perkara berikut :-

- Menetapkan objektif aktiviti dengan jelas.
- Menetapkan *Key Performance Indicators* bagi menilai pencapaian objektif tersebut.
- Menetapkan *Terms Of Reference* yang terperinci dan jelas untuk memudahkan pemantauan.
- Memastikan juru perunding menyediakan strategi dan kaedah (rangka kerja termasuk *timeline)* bagi melaksanakan aktiviti tersebut.

iii. Kementerian Kewangan hendaklah memastikan HDC mematuhi kehendak Akta Syarikat 1965 dan semua pekeliling yang telah dikeluarkannya bagi memastikan pengurusan kewangan HDC dibuat dengan teratur dan berhemat.

iv. Kementerian Kewangan perlu menetapkan indikator yang khusus sebagai asas untuk meluluskan pembayaran bonus kepada syarikat-syarikat yang mempunyai tanggungjawab sosial walaupun ia mengalami kerugian.



BAHAGIAN I

PELAKSANAAN AKTIVITI KEMENTERIAN/ JABATAN KERAJAAN PERSEKUTUAN

BAHAGIAN I

PELAKSANAAN AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN KERAJAAN PERSEKUTUAN

1. PENDAHULUAN

Selain daripada menjalankan pengauditan kewangan, Jabatan Audit Negara dikehendaki juga di bawah Seksyen 6, Akta Audit 1957 mengaudit aktiviti Kementerian/Jabatan untuk menentukan sama ada ia dilaksanakan dengan cara yang cekap, berhemat serta selaras dengan objektif yang telah ditetapkan. Bagi memenuhi kehendak peruntukan Akta tersebut, 61 aktiviti di 27 Kementerian/Jabatan Kerajaan Persekutuan telah dipilih untuk diaudit sepanjang tahun 2009. Hasil dari pengauditan itu telah dibincangkan dengan pihak pengurusan Kementerian/Jabatan yang terlibat sebaik sahaja pengauditannya selesai dijalankan. Perkara yang diperhatikan daripada pengauditan 52 aktiviti dilaporkan secara terperinci manakala 6 aktiviti yang lain dilaporkan secara ringkas termasuk syor-syor bagi menambah baik kelemahan yang dibangkitkan. Selain itu, hasil pengauditan terhadap 3 aktiviti lagi dimaklumkan kepada pihak pengurusan Kementerian/Jabatan berkenaan secara Pemerhatian Audit.

JABATAN PERDANA MENTERI

2. BAHAGIAN PENGURUSAN HARTANAH

- **PENGURUSAN RUMAH PERANGINAN DAN RUMAH PENGINAPAN PERSEKUTUAN**

2.1. LATAR BELAKANG

2.1.1. Rumah Peranginan Persekutuan (RPP) dan Rumah Penginapan Persekutuan (RP) adalah kemudahan rumah rehat Kerajaan yang disediakan untuk semua anggota Perkhidmatan Awam Persekutuan dan Negeri serta pesara-pesara Kerajaan Persekutuan dan Negeri serta turut dipanjangkan kepada kakitangan Badan Berkanun bagi RPP Morib dan Tasik Kenyir pada kadar sewa yang berpatutan. Bagaimanapun, RP hanya diperuntukkan kepada anggota Perkhidmatan Awam Gred 48 dan ke atas.

2.1.2. Bahagian Pengurusan Hartanah (BPH), Jabatan Perdana Menteri adalah bertanggungjawab untuk menguruskan RPP di 5 lokasi iaitu Port Dickson, Morib, Tasik Kenyir, Cameron Highlands dan Bukit Fraser serta 6 RP iaitu di Tanjung Tuan, Port Dickson; Cameron Highlands; The Lodge, Bukit Fraser; Labuan; Singapura dan London. Manakala pengurusan RPP Pulau Langkawi pula telah diserahkan kepada Langkawi Holiday Villa Sdn. Bhd. (LHVSB) tetapi BPH masih bertanggungjawab

untuk memantau pengurusan RPP yang dilaksanakan oleh syarikat berkenaan khususnya dari segi penyenggaraan, landskap dan kebersihan.

2.1.3. Bagi tempoh tahun 2007 hingga 2009, sejumlah RM21.70 juta telah dibelanjakan bagi menaik taraf, menyenggara dan mengurus RPP dan RP. Manakala hasil yang telah dikutip melalui sewa bilik dan penggunaan kemudahan seperti gelanggang tenis, dewan serbaguna dan dewan makan bagi tempoh yang sama adalah berjumlah RM1.91 juta tidak termasuk RPP Pulau Langkawi yang mana hasilnya dijana melalui pajakan kepada LHVSB. Mengikut rekod BPH, bagi tempoh tahun 2007 hingga 2009 seramai 17,621 kakitangan Kerajaan telah menyewa bilik di 5 RPP dan 6 RP di seluruh negara. Bilangan tetamu yang menyewa bilik mengikut RPP dan RP bagi tempoh tersebut adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 2.1
JUMLAH TETAMU YANG MENYEWA BILIK DI RPP DAN RP
BAGI TEMPOH TAHUN 2007 HINGGA 2009

RPP DAN RP	BILANGAN TETAMU YANG MENYEWA BILIK		
	2007	2008	2009
RPP Port Dickson	1,124	1,322	2,544
RPP Morib	201	661	1,158
RPP Bukit Fraser	129	406	945
RPP Cameron Highlands	1,028	2,156	3,119
RPP Tasik Kenyir	124	371	933
RP Tanjung Tuan, Port Dickson	41	184	345
RP The Lodge, Bukit Fraser	13	33	21
RP Cameron Highlands	22	43	99
RP Labuan	2	22	24
RP London	77	76	157
RP Singapura	26	63	152
JUMLAH	**2,787**	**5,337**	**9,497**
JUMLAH BESAR	**17,621**		

Nota : ***RPP - Rumah Peranginan Persekutuan*** ***RP - Rumah Penginapan Persekutuan***

2.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan Rumah Peranginan Persekutuan dan Rumah Penginapan Persekutuan dirancang dan dilaksanakan dengan cekap, teratur dan berhemat.

2.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan yang dijalankan meliputi aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap pengurusan 4 RPP iaitu di Cameron Highlands, Bukit Fraser, Port Dickson dan Tasik Kenyir serta 4 RP di Cameron Highlands; The Lodge, Bukit Fraser; Tanjung Tuan, Port Dickson dan Singapura. Semakan telah dijalankan terhadap fail, rekod dan dokumen yang berkaitan bagi tempoh tahun 2007 hingga 2009 di

Bahagian Pengurusan Hartanah, Jabatan Perdana Menteri serta RPP dan RP yang berkenaan. Selain itu, lawatan Audit dan temu bual dengan pihak yang terlibat juga dijalankan.

2.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Mei hingga September 2009 mendapati **wujud beberapa kelemahan dalam pengurusan RPP dan RP. Kelemahan-kelemahan yang diperhatikan adalah seperti bangunan RPP dan RP serta kuarters kakitangan di RP The Lodge dan RPP Cameron Highlands tidak disenggara dengan memuaskan menyebabkan berlaku kerosakan yang boleh menjejaskan keselesaan/keselamatan penghuni; rekod berhubung dengan aset dan stor tidak diselenggarakan dengan lengkap/tidak dikemaskinikan dan kerja-kerja yang dilaksanakan oleh kontraktor tidak dipantau dengan rapi.** Penjelasan lanjut berhubung dengan perkara yang ditemui adalah seperti di perenggan-perenggan berikut :-

2.4.1. Penyenggaraan Tidak Memuaskan

Pengurusan RPP dan RP adalah di bawah tanggungjawab Seksyen Pengurusan Rumah Peranginan Dan Rumah Penginapan Persekutuan, Bahagian Pengurusan Hartanah. Lawatan Audit ke atas RPP dan RP mendapati perkara-perkara seperti berikut :-

2.4.1.1. Bahagian luar dan dalam bangunan bagi RPP Tasik Kenyir dan Port Dickson tidak disenggarakan dengan sempurna. Tahap kebersihannya adalah tidak memuaskan dan menjejaskan keselesaan tetamu ke RPP berkenaan serta boleh menjejaskan imej Kerajaan sebagai pemilik RPP. Ada RPP yang mengalami **kerosakan yang serius tetapi masih tidak diambil tindakan segera oleh BPH seperti keretakan pada dinding dan tiang konkrit bangunan, paip bocor, siling pecah dan sebagainya.** Kerosakan tersebut sekiranya dibiar berterusan akan menjejaskan keselamatan pengguna dan boleh menyebabkan Kerajaan menanggung kos pembaikan yang lebih tinggi. Selepas menerima teguran daripada pihak Audit, tindakan pembaikan ke atas sebahagian kerosakan serta pembersihan kawasan dan bangunan telah dilaksanakan melalui kaedah gotong-royong yang dijalankan oleh kakitangan BPH antara bulan Julai hingga Oktober 2009. Antaranya, tiang konkrit yang pecah telah dibaiki, siling retak telah diganti dan rumput di sekitar RPP Port Dickson juga telah dibersihkan **(Gambar 2.1 hingga 2.6 menunjukkan perbandingan antara kerosakan dan pembaikan yang telah dilaksanakan)**.

GAMBAR 2.1



RPP Tasik Kenyir
- Tiang Konkrit Pecah
(30.06.2009)

GAMBAR 2.2



RPP Tasik Kenyir
- Tiang Konkrit Yang Pecah Telah Dibaiki
(30.07.2009)

GAMBAR 2.3



RPP Tasik Kenyir
- Siling Retak Di Bangunan Asrama
(30.06.2009)

GAMBAR 2.4



RPP Tasik Kenyir
- Siling Yang Retak Telah Dibaiki
(30.07.2009)

GAMBAR 2.5



RPP Port Dickson
- Rumput Tidak Dipotong
(20.05.2009)

GAMBAR 2.6



RPP Port Dickson
- Rumput Telah Dipotong
(28.10.2009)

2.4.1.2. Selain itu, didapati juga **kuarters yang disediakan untuk kakitangan RP The Lodge dan RPP Cameron Highlands tidak disenggarakan dengan memuaskan. Barang-barang yang tidak digunakan telah dilonggokkan di luar kuarters.** Berdasarkan maklum balas BPH, kuarters di RP The Lodge, Bukit Fraser dan RPP Cameron Highlands telahpun dikemaskan dengan teratur **(Gambar 2.7 hingga 2.10 menunjukkan keadaan kuarters sebelum dan selepas teguran Audit).**

GAMBAR 2.7



RP The Lodge, Bukit Fraser
- Peralatan Penghuni Berselerak Di Belakang Kuarters
(03.06.2009)

GAMBAR 2.8



RP The Lodge, Bukit Fraser
- Peralatan Penghuni Telah Dikemaskan
(19.10.2009)

GAMBAR 2.9



RPP Cameron Highlands
- Barang Penghuni Diletakkan
Di Hadapan Kuarters
(16.07.2009)

GAMBAR 2.10



RPP Cameron Highlands
- Barang Penghuni Yang Diletakkan Di
Hadapan Kuarters Telah Dikemaskan
(10.08.2009)

Pada pandangan Audit, BPH hendaklah menjalankan pemeriksaan fizikal secara berjadual di semua RPP dan RP supaya sebarang kerosakan yang ditemui dapat diperbaiki dengan segera bagi mengelakkannya bertambah serius dan Kerajaan terpaksa menanggung perbelanjaan yang lebih besar untuk membaikinya. Sehubungan ini, BPH perlu menyediakan peruntukan yang mencukupi bagi kerja-kerja penyenggaraan/pembaikan di RPP dan RP.

2.4.2. Kelemahan Pengurusan Aset Dan Stor

2.4.2.1. Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 5 Tahun 2007, semua aset Kerajaan perlu direkodkan dengan lengkap dan teratur dalam daftar-daftar yang ditetapkan bagi tujuan kawalan dan pemantauan. Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 5 Tahun 2009 mengenai Tatacara Pengurusan Stor Kerajaan pula menghendaki stor diuruskan dengan baik, teratur dan cekap untuk mengelakkan Kerajaan menanggung kerugian yang besar akibat pembaziran, keusangan, kesusutan dan kecurian barang-barang yang disimpan. Pihak Audit serta penyelia RPP dan RP tidak dapat menentukan dengan tepat **bilangan dan nilai aset di semua RPP dan RP yang dilawati sama ada kerana ketiadaan rekod atau sebahagian rekod yang ada tidak lengkap dan kemas kini.** Pergerakan aset terutama melibatkan perabot dan peralatan elektrik juga tidak dapat dikesan.

2.4.2.2. Sementara itu, **stor di semua RPP dan RP yang dilawati juga didapati tidak diuruskan dengan teratur di mana rekod tidak diselenggara, stok tidak disusun dengan kemas, stok bagi kegunaan bilik penginapan seperti sabun, linen, peralatan elektrik dan sebagainya diletakkan bersama peralatan kebun seperti minyak petrol dan peralatan penyenggaraan seperti cat dan cecair cucian.** Contohnya adalah seperti di gambar-gambar berikut :-

GAMBAR 2.11



RPP Port Dickson
- Stok Bercampur Aduk
(20.05.2009)

GAMBAR 2.12



RPP Port Dickson
- Minyak Petrol Disimpan Dalam Stor Yang Sama
(20.05.2009)

GAMBAR 2.13




RPP Cameron Highlands
-Peralatan Membersih Dan Barang Terpakai Diletak Dalam Bilik Suis
(14.07.2009)

GAMBAR 2.14



RPP Cameron Highlands
- Peralatan Komputer Diletakkan Bersama Dengan Cecair Cucian
(14.07.2009)

GAMBAR 2.15



RPP Cameron Highlands
- Linen Dan Bantal Diletakkan Bersama Penyedut Hampagas
(14.07.2009)

GAMBAR 2.16



RP Singapura
- Stor Tidak Disusun Dengan Kemas Dan Tiada Kad Petak
(30.07.2009)

2.4.2.3. Berdasarkan maklum balas BPH, latihan mengenai pengurusan aset dan stor telah diberi kepada kakitangan yang menguruskan RPP dan RP. Antaranya, menjadikan Kursus Pengurusan Aset sebagai agenda utama

Jabatan pada tahun 2010 di mana antara 8 hingga 10 Mac 2010, Bengkel Aset telah diadakan di RPP Cameron Highlands dengan menggunakan pendekatan secara *hands-on*. Manakala penyimpanan barang di stor di RPP Port Dickson telah dibuat dengan teratur dan kemas seperti di gambar berikut :-



GAMBAR 2.17

RPP Port Dickson
- Linen Telah Diasingkan Dan Disusun Dengan Teratur
(30.07.2009)

Pada pandangan Audit, BPH perlu memastikan kakitangan yang menguruskan RPP dan RP sentiasa menyelenggarakan rekod berhubung dengan aset dan stor dengan lengkap, kemas kini dan teratur sepertimana dikehendaki dalam Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 5 Tahun 2007 dan Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 5 Tahun 2009.

2.4.3. Kelemahan Pemantauan Terhadap Perolehan Kerja Dan Perkhidmatan

2.4.3.1. Bahagian Pengurusan Hartanah (BPH) telah menandatangani perjanjian dengan 5 syarikat untuk perkhidmatan dobi dan penyenggaraan premis bagi 4 RPP dan 1 RP seperti butiran di **Jadual 2.2**. Bagi RP Singapura, penyenggaraan landskap diuruskan oleh Pejabat Pesuruhjaya Tinggi Malaysia (PTM). Hasil temu bual dengan penyelia di RPP dan RP yang berkenaan mendapati kakitangan tidak mengetahui secara jelas mengenai isi kandungan perjanjian kontrak kerana salinan kontrak tidak dibekalkan kepada mereka. Oleh itu, mereka tidak pasti akan hak dan kepentingan Kerajaan ke atas kontraktor dan perkara-perkara yang perlu dipantau bagi memastikan kontraktor menjalankan kerja mengikut syarat perjanjian.

JADUAL 2.2
PEROLEHAN KERJA DAN PERKHIDMATAN

RPP DAN RP	JENIS KERJA/ PERKHIDMATAN	TEMPOH KONTRAK	BAYARAN SEBULAN
RPP Port Dickson dan RP Tanjung Tuan	Perkhidmatan Dobi	01.10.2007 - 30.09.2009	Bayaran Mengikut Jenis Linen Dan Kuantiti
RPP Cameron Highlands	Perkhidmatan Dobi	01.02.2008 - 31.01.2010	Bayaran Mengikut Jenis Linen Dan Kuantiti
RP Tanjung Tuan	Perkhidmatan Penyenggaraan Premis	01.03.2009 - 28.02.2011	RM280
RPP Tasik Kenyir	Perkhidmatan Mengemas, Mencuci, Membersih Dan Menyenggara Premis	01.07.2007 - 30.06.2010	RM11,000
RPP Bukit Fraser	Perkhidmatan Mengemas, Mencuci, Membersih Dan Menyenggara Premis	15.08.2007 - 14.08.2009	RM6,000

Nota : ***RPP - Rumah Peranginan Persekutuan*** ***RP - Rumah Penginapan Persekutuan***

2.4.3.2. Semakan Audit terhadap jenis perkhidmatan yang telah dikontrakkan mendapati perkara seperti berikut :-

a. Perkhidmatan Dobi

i. O'leen Laundry & Dry Cleaning (O'leen) dilantik untuk memberikan perkhidmatan dobi di RPP Port Dickson dan RP Tanjung Tuan selama 2 tahun bermula 1 Oktober 2005 hingga 30 September 2007 dan dilanjutkan kontrak untuk 2 tahun lagi iaitu dari 1 Oktober 2007 hingga 30 September 2009. Manakala Telaga Emas Laundry Services (Telaga) dilantik untuk memberikan perkhidmatan dobi selama 2 tahun bermula 1 Februari 2008 hingga 31 Januari 2010 di RPP Cameron Highlands.

ii. Semakan Audit mendapati **Buku Daftar Keluar Masuk Linen yang diselenggarakan di RPP Port Dickson adalah tidak lengkap di mana bilangan keluar dan masuk linen tidak dinyatakan.** Justeru itu, Buku Daftar tersebut tidak dapat dijadikan sebagai dokumen sokongan bagi tujuan mengesahkan pembayaran. **Manakala Buku Daftar Keluar Masuk Linen tidak diselenggarakan di RPP Cameron Highlands.** Semakan Audit selanjutnya terhadap Nota Penghantaran Linen RP Tanjung Tuan mendapati pihak RP tersebut menyimpan linen yang telah digunakan antara 2 hingga 7 hari sebelum dihantar untuk dicuci. Mengikut syarat perjanjian, perkhidmatan dobi disediakan setiap hari bermula jam 9 pagi atau apabila dipanggil. Selain itu, didapati pihak **O'leen telah mengenakan caj bayaran *express service* sedangkan tidak dinyatakan dalam perjanjian yang membolehkan O'leen mengenakan caj tersebut kepada Kerajaan.**

b. Perkhidmatan Mengemas, Mencuci, Membersih Dan Menyenggara Premis

i. Perkhidmatan mengemas dan mencuci chalet serta membersih dan menyenggara kawasan di RPP Tasik Kenyir dan RPP Bukit Fraser juga diswastakan. MRK Resource Corporation Sdn. Bhd. dilantik untuk menjalankan kerja-kerja di RPP Tasik Kenyir mulai 1 Julai 2007 hingga 30 Jun 2010 dengan bayaran RM11,000 sebulan. Perniagaan EMIZ pula dilantik untuk menjalankan kerja-kerja mengemas, mencuci, membersih dan menyenggara premis di RPP Bukit Fraser bagi tempoh 24 bulan mulai 15 Ogos 2007 hingga 14 Ogos 2009 dengan bayaran RM6,000 sebulan.

ii. Semakan Audit mendapati tiada bukti menunjukkan penyelia di RPP Bukit Fraser telah memantau pelaksanaan kerja yang dibuat oleh kontraktor di mana rekod bagi menyemak kerja-kerja pembersihan tidak disediakan. Pengesahan juga tidak dibuat oleh penyelia RPP Tasik Kenyir dan Bukit Fraser sebelum pembayaran dibuat. Selain itu, pihak Audit juga mendapati **kontraktor tidak menyediakan senarai semak sepertimana yang ditetapkan dalam kontrak untuk kegunaan pekerjanya bagi mengesahkan kerja-kerja yang telah dibuat.**

iii. Lawatan Audit juga mendapati **permukaan lantai kayu di RPP Tasik Kenyir kasar dan melekit seperti di Gambar 2.18 dan 2.19. Mengikut kakitangan RPP ini, keadaan tersebut adalah kesan daripada bahan pencuci yang digunakan oleh kontraktor.**

GAMBAR 2.18 **GAMBAR 2.19**





RPP Tasik Kenyir
- Permukaan Lantai Yang Kasar Dan Melekit
(30.06.2009)

iv. Berdasarkan maklumbalas BPH, tindakan pembetulan dan penambahbaikan telah diambil. Antaranya, memasang *cooker hood* bagi mengurangkan kesan minyak pada lantai dan menyediakan senarai semak kerja bagi kerja-kerja yang perlu dilaksanakan oleh kontraktor.

c. Perkhidmatan Landskap

Island Lanscape & Nursery Pte. Ltd. telah diminta menjalankan kerja-kerja landskap bagi RP Singapura dengan bayaran SGD2,675 sebulan untuk tempoh 2 tahun mulai 1 Ogos 2008 hingga 31 Julai 2010 hanya melalui surat yang dikeluarkan oleh Pejabat Pesuruhjaya Tinggi Malaysia (PTM) pada 30 Jun 2008. Perjanjian kontrak dengan Island Lanscape & Nursery Pte. Ltd. Hanya ditandatangani oleh wakil Pesuruhjaya Tinggi Malaysia pada 19 Januari 2010 selepas menerima teguran dari pihak Audit. Bagaimanapun, kontrak tersebut hanya berkuat kuasa bagi tempoh 1 Februari 2010 hingga 31 Januari 2011. Semakan Audit selanjutnya mendapati pembayaran kepada kontraktor tersebut dibuat oleh PTM bagi pihak BPH tanpa bukti **pengesahan kerja-kerja yang telah dilaksanakan oleh kontraktor dibuat sebelum bayaran diluluskan.**

Pada pandangan Audit, BPH sepatutnya memastikan kerja-kerja dijalankan dengan sempurna mengikut perjanjian sebelum bayaran dibuat. Selain itu, pemantauan yang rapi perlu dilaksanakan untuk memastikan Kerajaan mendapat *value for money* bagi perbelanjaan yang telah dibuat.

2.5. SYOR AUDIT

Bagi memastikan pengurusan RPP dan RP dibuat dengan teratur, Bahagian Pengurusan Hartanah disyorkan supaya mengambil langkah-langkah berikut :-

2.5.1. Menjalankan pemeriksaan fizikal secara berjadual di semua RPP dan RP supaya sebarang kerosakan yang ditemui dapat diperbaiki dengan segera bagi mengelakkannya bertambah serius dan Kerajaan terpaksa menanggung perbelanjaan yang lebih besar untuk membaikinya. Sehubungan ini, BPH perlu menyediakan peruntukan yang mencukupi bagi kerja-kerja penyenggaraan/ pembaikan di RPP dan RP.

2.5.2. Memastikan kakitangan yang menguruskan RPP dan RP sentiasa menyelenggarakan rekod berhubung dengan aset dan stor dengan lengkap, kemas kini dan teratur sepertimana dikehendaki dalam Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 5 Tahun 2007 dan Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 5 Tahun 2009.

2.5.3. Memastikan kerja-kerja penyenggaraan dan perkhidmatan dobi dijalankan dengan sempurna mengikut kontrak sebelum bayaran dibuat. Selain itu, pemantauan yang rapi perlu dilaksanakan untuk memastikan Kerajaan mendapat *value for money* bagi perbelanjaan yang telah dibuat.

JABATAN PERDANA MENTERI

3. BAHAGIAN PENGURUSAN HARTANAH

- **PENSWASTAAN PENGURUSAN RUMAH PERANGINAN PERSEKUTUAN PULAU LANGKAWI**

3.1. LATAR BELAKANG

3.1.1. Rumah Peranginan Persekutuan Pulau Langkawi (RPPL) terletak di atas lot nombor PT612, No. H.S. (M) 4-93, Mukim Kedawang, Langkawi, Kedah telah siap dibina pada tahun 1996 dengan kos berjumlah RM12.28 juta. Ia telah diserahkan kepada Langkawi Holiday Villa Sdn. Bhd. (LHVSB) untuk mengusahakannya melalui perjanjian penswastaan bertarikh 29 Julai 1996. Tempoh konsesi ini adalah selama 10 tahun bermula pada 1 April 1996 sehingga 31 Mac 2006 dan telah dilanjutkan selama 10 tahun lagi bermula 1 April 2006 sehingga 31 Mac 2016 melalui perjanjian tambahan yang ditandatangani pada 29 Disember 2009. LHVSB yang menguruskan RPPL ini juga mempunyai hotel bertaraf 3 bintang dan beroperasi bersebelahan dengan lokasi RPPL. RPPL mempunyai 88 bilik yang terdiri daripada 4 bilik *suite*, 34 bilik *deluxe* dan 50 bilik *standard* untuk disewakan kepada kakitangan Kerajaan dan juga kepada pelancong dari dalam dan luar negara untuk istirehat.

3.1.2. Bahagian Pengurusan Hartanah (BPH), Jabatan Perdana Menteri bertanggungjawab untuk memantau pengurusan RPPL yang dilaksanakan oleh LHVSB khususnya dari segi pematuhan kepada syarat perjanjian yang meliputi penyenggaraan, landskap, kebersihan dan bayaran sewa bulanan termasuk *revenue sharing*. Bagi tempoh tahun 2007 hingga 2009, sejumlah RM1.45 juta bayaran bulanan dan RM205,790 *revenue sharing* telah diterima daripada syarikat berkenaan.

3.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan Rumah Peranginan Persekutuan Pulau Langkawi dilaksanakan dengan teratur dan mematuhi perjanjian yang ditetapkan.

3.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan yang dijalankan meliputi aspek pelaksanaan dan pemantauan terhadap pengurusan Rumah Peranginan Persekutuan Pulau Langkawi (RPPL). Pemeriksaan juga dijalankan ke atas fail, rekod dan dokumen berhubung dengan perjanjian penswastaan di antara Kerajaan dan pihak pengusaha bagi pengurusan RPPL untuk tempoh 3 tahun iaitu 2007 sehingga 2009. Ia juga meliputi aspek penyenggaraan dan pengurusan hasil. Temu bual, lawatan dan pemeriksaan fizikal juga dijalankan bagi memastikan bangunan dan aset Kerajaan telah disenggarakan dengan baik dan sewajarnya.

3.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Mei hingga September 2009 mendapati **wujud beberapa kelemahan terhadap pengurusan Rumah Peranginan Persekutuan Pulau Langkawi oleh Langkawi Holiday Villa Sdn. Bhd. Kelemahan yang diperhatikan adalah seperti kemudahan yang disediakan termasuk taman dan landskap, perabot serta kelengkapan tidak disenggarakan dengan memuaskan menyebabkan berlaku kerosakan yang mana boleh menjejaskan keselesaan/keselamatan penghuni dan rekod berhubung dengan aset pula tidak diselenggarakan dengan lengkap/tidak dikemaskinikan dan tidak dipantau dengan rapi oleh BPH. Selain itu, bilangan tetamu dari kalangan kakitangan Kerajaan lebih rendah berbanding dengan orang awam di mana bagi tempoh tahun 2007 hingga 2009 hanya 6% hingga 10.2% daripada tetamu adalah daripada kakitangan Kerajaan.** Penjelasan lanjut berhubung dengan perkara ditemui adalah seperti di perenggan-perenggan berikut :-

3.4.1. Penyenggaraan Tidak Memuaskan

3.4.1.1. Mengikut syarat perjanjian penswastaan, LHVSB diberi kebenaran untuk menjalankan operasi dan dikehendaki mengurus serta menyenggara RPPL termasuk kelengkapan, perabot dan peralatan dengan teratur secara *business like manner* setaraf sebagai sebuah hotel selama tempoh perjanjian. Lawatan Audit mendapati premis RPPL tidak diurus dan disenggara dengan baik. Dinding bangunan, siling dan lantai telah berkulat, *gutter* berkarat, kayu pada tingkap patah, lantai *parquet* tidak disapu *varnish*, mangkuk tandas kotor, longkang dan sisa buangan tidak dibersihkan serta landskap tidak dipelihara dengan baik seperti di gambar-gambar berikut :-

GAMBAR 3.1



Chalet Datai
- Dinding Luar Berkulat
(20.04.2009)

GAMBAR 3.2



Balkoni Bilik Suite 388
- Gutter Berkarat
(20.04.2009)

GAMBAR 3.3



Balkoni Bilik 395
- Siling Berkulat
(20.04.2009)

GAMBAR 3.4



Bilik Persidangan
- Kayu Di Luar Tingkap Patah
(20.04.2009)

GAMBAR 3.5



Pondok Pengawal
- Mangkuk Tandas Kotor
(20.04.2009)

GAMBAR 3.6



Chalet Datai
- Lantai Luar Berkulat
(20.04.2009)

GAMBAR 3.7



Bilik 391
- Lantai Parquet Tidak Disapu Varnish
(20.04.2009)

GAMBAR 3.8



Chalet Sigal
- Jubin Pecah Pada Anak Tangga
(20.04.2009)

GAMBAR 3.9



Hadapan Lobi Utama
- Longkang Dan Sisa Buangan
Tidak Dibersihkan
(20.04.2009)

GAMBAR 3.10



Chalet Payar
- Taman Dihadapan Tidak Ditanam
Dengan Pokok Bunga
(20.04.2009)

3.4.1.2. Pemeriksaan Audit mendapati banyak kemudahan RPPL tidak digunakan manakala premis RPPL kelihatan terbiar dan tidak disenggara dengan baik oleh LHVSB. Contohnya gimnasium tidak beroperasi; *skirting* kayu pada dinding dalam bilik mesyuarat telah tanggal dan tidak dibaiki; gelanggang tenis tidak dicat semula dan berlaku rekahan pada lantai; ruang pejabat berselerak dan dijadikan stor; restoran dijadikan tempat latihan kakitangan syarikat berkenaan serta dapur tidak diguna dan peralatannya pula tidak dapat dipastikan sama ada masih berfungsi atau tidak seperti di gambar-gambar berikut :-

GAMBAR 3.11



Gimnasium
- Tidak Beroperasi
(20.04.2009)

GAMBAR 3.12



Gelanggang Tenis
- Tidak Dicat Semula
Dan Lantai Telah Merekah
(20.04.2009)

GAMBAR 3.13



Restoran
- Dijadikan Tempat Latihan
Kakitangan Syarikat
(20.04.2009)

GAMBAR 3.14



Dapur
- Tidak Beroperasi Dan
Peralatan Tidak Digunakan
(20.04.2009)

3.4.1.3. Selepas mendapat teguran daripada pihak Audit, BPH telah mengambil tindakan untuk memperbetulkan sebahagian daripada kelemahan/ kecacatan yang dibangkitkan. Antaranya dinding yang berkulat dan gelanggang tenis telah dicat semula, daun tingkap yang patah dan jubin pecah telah diganti, mangkuk tandas dan longkang telah dibersihkan serta landskap dipelihara semula.

Pada pandangan Audit, BPH perlu memastikan LHVSB mematuhi perjanjian penswastaan supaya harta benda Kerajaan dijaga dan disenggara sepanjang masa bagi menjaga imej Kerajaan.

3.4.2. Kelemahan Pengurusan Kelengkapan, Perabot Dan Peralatan

3.4.2.1. Perjanjian penswastaan menetapkan bahawa kelengkapan, perabot dan peralatan hendaklah diganti oleh LHVSB sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh konsesi. Bagaimanapun, pihak Audit tidak dapat memastikan sama ada penggantian kelengkapan, perabot dan peralatan telah dilakukan kerana rekod terperinci penggantian tersebut tidak dapat dikemukakan oleh pihak BPH. Justeru itu, kedudukan terkini kelengkapan, perabot dan peralatan yang dimiliki oleh Kerajaan tidak dapat dipastikan. Semakan Audit selanjutnya di bilik penginapan yang dipilih termasuk taman permainan kanak-kanak mendapati beberapa peralatan yang disenaraikan dalam perjanjian tidak dapat disahkan kewujudannya seperti di jadual berikut :-

JADUAL 3.1
SENARAI PERALATAN YANG TIDAK DAPAT DISAHKAN

LOKASI	JENIS PERALATAN	BILANGAN PERALATAN BERDASARKAN PERJANJIAN
Bilik 320	*Reading Wall Light*	1
Bilik 327	*Reading Wall Light*	1
	Full Length Wall Mirror	1
Bilik 381	*Reading Wall Light*	1
Bilik 382	*Robe Hooks*	2
	Reading Wall Light	1
Bilik 383	*Robe Hooks*	2
	Reading Wall Light	1
Taman Permainan Kanak-kanak	*See-Saw*	2
	Buaian	4
	Papan Gelongsor	1

3.4.2.2. Semakan Audit selanjutnya mendapati taman permainan kanak-kanak sepertimana dalam Senarai Kelengkapan, Perabot Dan Peralatan yang diserahkan kepada LHVSB tidak lagi wujud. Manakala bagi peralatan dapur seperti *toaster, microwave oven, trolley, fryer stand* dan *work table* tidak terdapat di lokasi berkenaan. Mengikut temu bual dengan pekerja LHVSB, peralatan tersebut telah dipindahkan ke dapur pusat peranginan milik LHVSB iaitu Holiday Villa Beach Resort & Spa yang terletak bersebelahan dengan premis RPPL. Perpindahan aset milik RPPL ke premis LHVSB boleh menyebabkan kehilangan harta benda Kerajaan memandangkan rekod tidak diselenggarakan dengan sempurna dan teratur.

Pada pandangan Audit, BPH sepatutnya memantau dan membuat pemeriksaan dari semasa ke semasa terhadap semua kelengkapan, perabot dan peralatan RPPL untuk memastikan ia sentiasa berada dalam keadaan yang baik dan rekod mengenainya diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini. BPH juga perlu meminta LHVSB mengemukakan laporan mengenai kelengkapan, perabot dan peralatan yang telah digantikan dalam tempoh konsesi.

3.4.3. Prestasi Penggunaan Rumah Peranginan Persekutuan Pulau Langkawi

3.4.3.1. Mengikut perjanjian penswastaan, maksimum peruntukan bilik untuk kakitangan Kerajaan adalah bergantung kepada tempoh permohonan/notis pemberitahuan yang dikemukakan kepada LHVSB **(Jadual 3.2)**. Sebagai contoh, untuk mendapatkan 35 bilik, permohonan hendaklah dikemukakan kepada syarikat berkenaan sekurang-kurangnya 14 hari sebelum tarikh penginapan.


JADUAL 3.2
PERUNTUKAN BILIK MENGIKUT TEMPOH PERMOHONAN/NOTIS

MAKSIMUM BILANGAN BILIK	MINIMUM TEMPOH NOTIS (HARI)
35	14
15	10
7	5
5	3
2	2

Nota : ***Sekiranya Notis Dikemukakan Kurang Daripada 48 Jam, Peruntukan Bilik Adalah Bergantung Kepada Kekosongan Dan Mengikut Kadar Yang Dipersetujui***

3.4.3.2. Semakan Audit terhadap Laporan Penginapan Bulanan RPPL mendapati tetamu yang banyak menyewa bilik bagi tempoh tahun 2007 hingga 2009 adalah orang awam iaitu antara 89.8% hingga 94%. Bilangan tetamu dari kalangan kakitangan Kerajaan lebih rendah berbanding dengan orang awam seperti yang ditunjukkan di **Carta 3.1**. Bagi tempoh yang sama, terdapat 675 daripada 4,512 permohonan oleh kakitangan Kerajaan telah ditolak dengan alasan tiada kekosongan pada tarikh yang dimohon. **Pada pandangan Audit, antara faktor yang menyebabkan permohonan daripada orang awam diberikan keutamaan oleh LHVSB adalah kerana kadar sewa bilik yang dibayar oleh orang awam adalah jauh lebih tinggi daripada kakitangan Kerajaan iaitu antara 263.6% hingga 642.4%. Jadual 3.3** menunjukkan kadar sewa yang perlu dibayar oleh kakitangan Kerajaan berbanding dengan orang awam mengikut jenis bilik.

CARTA 3.1
BILANGAN TETAMU DI RPPL BAGI TEMPOH TAHUN 2007 HINGGA 2009



JADUAL 3.3
KADAR BILIK YANG DIKENAKAN TERHADAP
KAKITANGAN KERAJAAN DAN ORANG AWAM

JENIS BILIK	KADAR BILIK YANG DIKENAKAN		PERBEZAAN	
	KAKITANGAN KERAJAAN (RM)	ORANG AWAM (RM)	(RM)	%
Perdana Chalet	132	980	848	642.4
Deluxe	77	280	203	263.6
Standard	55	230	175	318.2

3.4.3.3. Berdasarkan maklum balas BPH, beberapa penambahbaikan telah diambil bagi meningkatkan penggunaan RPPL. Antaranya ialah meningkatkan aktiviti promosi seperti memberi taklimat tentang kemudahan Rumah Peranginan dan Rumah Penginapan Persekutuan di Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) dan pejabat-pejabat Kerajaan, mengedarkan *pamplet*, membuka *booth* di tempat tumpuan awam dan membuat pautan laman web BPH dengan agensi-agensi Kerajaan. Bagi meningkatkan kecekapan dalam menguruskan permohonan menginap di RPPL pula, proses kerja berkaitan urusan permohonan telah diperbaiki di mana urusan memberi kelulusan permohonan menginap di RPPL ini ditentukan oleh pihak BPH dan nama pemohon yang berjaya membuat tempahan akan dipanjangkan kepada LHVSB dengan menghantar salinan surat kelulusan.

Pada pandangan Audit, BPH selaku agensi yang bertanggungjawab ke atas pengurusan RPPL hendaklah mewujudkan mekanisme pemantauan yang cekap dan berkesan terhadap prestasi penggunaan RPPL.

3.5. SYOR AUDIT

Bagi memastikan pengurusan Rumah Peranginan Persekutuan Pulau Langkawi dibuat dengan teratur, Bahagian Pengurusan Hartanah disyorkan supaya mengambil langkah-langkah berikut :-

3.5.1. Memastikan Langkawi Holiday Villa Sdn. Bhd. mematuhi semua syarat yang ditetapkan dalam perjanjian penswastaan dan pegawai Kerajaan sentiasa diberi keutamaan membuat tempahan.

3.5.2. Memantau dan membuat pemeriksaan dari semasa ke semasa terhadap semua kelengkapan, perabot dan peralatan RPPL untuk memastikan ia sentiasa berada dalam keadaan yang baik dan rekod mengenainya diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini. BPH juga perlu meminta Langkawi Holiday Villa Sdn. Bhd. mengemukakan laporan mengenai kelengkapan, perabot dan peralatan yang telah digantikan dalam tempoh konsesi.

3.5.3. Membuat pemantauan terhadap prestasi penggunaan bilik di RPPL dengan mewujudkan mekanisme yang cekap dan berkesan.

JABATAN PERDANA MENTERI

4. BIRO TATANEGARA
- PEMBINAAN, PEMBESARAN DAN NAIK TARAF KEM BINA NEGARA

4.1. LATAR BELAKANG

4.1.1. Biro Tatanegara (BTN) adalah salah sebuah agensi di bawah Jabatan Perdana Menteri yang ditubuhkan pada tahun 1974. BTN melaksanakan latihan pemupukan semangat patriotisme dan perubahan sikap di kalangan rakyat melalui penganjuran aktiviti Program Bina Negara yang meliputi kursus, seminar dan aktiviti perubahan sikap. Antara objektif BTN ialah mengendalikan pelbagai kursus dan seminar pemupukan semangat patriotisme, mewujudkan media penyampaian pendidikan kenegaraan kepada semua rakyat Malaysia serta mewujudkan kumpulan kader dan sukarelawan BTN di seluruh negara melalui latihan lanjutan dan khidmat masyarakat.

4.1.2. BTN telah diluluskan peruntukan berjumlah RM96.43 juta bagi tempoh tahun 2006 hingga 2009 untuk melaksanakan pembinaan 5 Kem Bina Negara (KBN) yang baru; pembesaran 3 kem sedia ada; naik taraf 14 kem sedia ada; kerja-kerja baik pulih kem dan projek pengkomputeran. Sehingga akhir tahun 2009, sejumlah RM63.59 juta (65.9%) daripada peruntukan tersebut telah dibelanjakan. Lembaga Perolehan 'B', Jabatan Perdana Menteri (JPM) yang dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Setiausaha Kanan telah meluluskan pelantikan kontraktor dan perunding bagi Projek Pembinaan Pusat Latihan Bina Negara, Jalan Bellamy, Kuala Lumpur; Projek Pembesaran KBN Langkawi, Kedah; Projek Pembesaran KBN Lipis, Pahang dan Projek Naik Taraf KBN Meru, Selangor. Manakala kontraktor dan perunding bagi Projek Pembinaan KBN Sampadi, Sarawak pula dilantik oleh Lembaga Perolehan, Jabatan Kerja Raya Malaysia.

4.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada pembinaan, pembesaran dan naik taraf Kem Bina Negara telah dirancang dan dilaksanakan dengan teratur dan berhemat serta selaras dengan objektif yang ditetapkan.

4.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini meliputi aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap projek pembinaan, pembesaran dan naik taraf Kem Bina Negara bagi tempoh tahun 2007 hingga 2009. Sebanyak 5 projek telah dipilih untuk pengauditan iaitu Projek Pembinaan Pusat Latihan Bina Negara, Jalan Bellamy, Kuala Lumpur; Projek Pembinaan KBN Sampadi, Sarawak; Projek Pembesaran KBN Langkawi, Kedah; Projek Pembesaran KBN Lipis, Pahang dan Projek Naik Taraf KBN Meru, Selangor. Pemeriksaan dijalankan terhadap rekod dan dokumen kontrak yang berkaitan. Lawatan ke tapak projek dan temu bual dengan pegawai yang berkenaan juga diadakan.

4.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Mei hingga September 2009 mendapati **beberapa kelemahan dalam pelaksanaan projek pembinaan, pembesaran dan naik taraf Kem Bina Negara. Antara kelemahan tersebut adalah projek lewat disiapkan antara 2 bulan hingga melebihi 2 tahun; kerja pembinaan tidak mengikut spesifikasi kontrak, tidak sesuai dan tidak berkualiti. Terdapat juga kerja yang dilaksanakan oleh kontraktor sebagai ganti terhadap peralatan yang tidak dibekal dibuat tanpa kelulusan Pegawai Penguasa Projek secara bertulis. Selain itu, KBN Langkawi masih tidak beroperasi sejak diserahkan oleh kontraktor pada 29 Februari 2008 disebabkan Sijil Layak Menduduki tidak diluluskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Manakala KBN Lipis telah menggunakan kem yang siap dibina sejak bulan Mac 2008 walaupun Sijil Layak Menduduki belum diluluskan oleh PBT yang berkenaan.** Penjelasan lanjut berhubung dengan perkara yang ditemui adalah seperti di perenggan-perenggan berikut :-

4.4.1. Kelewatan Menyiapkan Projek

Adalah didapati kelima-lima projek yang diaudit tidak dapat disiapkan mengikut tempoh kontrak yang ditetapkan. Kelewatannya adalah antara 2 bulan hingga melebihi 2 tahun dan kos pembinaan bagi 3 projek telah meningkat antara RM1.09 juta hingga RM2.59 juta seperti di jadual berikut :-

JADUAL 4.1
KELEWATAN DAN KOS SEBENAR MENYIAPKAN PROJEK

NAMA PROJEK	TARIKH SEPATUT SIAP	TARIKH SEBENAR SIAP	KELEWATAN	KOS ASAL (RM Juta)	KOS SEBENAR (RM Juta)	(LEBIH)/ KURANG (RM Juta)
Pembinaan Pusat Latihan Bina Negara, Jalan Bellamy, Kuala Lumpur	13.11.2007	16.05.2008	6 bulan	14.11	15.37	(1.26)
Pembinaan KBN Sampadi, Sarawak	13.07.2009	Setakat Julai 2009 (73.5% siap)	Lewat Jadual 26.5%	19.30	10.79 (setakat Julai 2009)	8.51
Pembesaran KBN Langkawi, Kedah	05.08.2006	29.02.2008	1 tahun 6 bulan	6.50	9.09	(2.59)
Pembesaran KBN Lipis, Pahang	18.07.2005	20.02.2008	2 tahun 7 bulan	5.70	6.79	(1.09)
Naik Taraf KBN Meru, Selangor	29.11.2005	18.02.2006	2 bulan	0.79	0.74	0.05

4.4.1.1. Projek Pembinaan Pusat Latihan Bina Negara

a. Hatimuda Sdn. Bhd. telah dilantik secara tender terhad untuk melaksanakan Projek Pembinaan Pusat Latihan Bina Negara di Jalan Bellamy, Kuala Lumpur dengan harga kontrak berjumlah RM14.11 juta. Mengikut kontrak asal, projek yang dilaksanakan secara reka dan bina ini sepatutnya disiapkan pada 30 Mac 2005. Peringkat permulaan pembinaan telah tertangguh kerana cadangan pembinaan bangunan dengan ketinggian 7 tingkat tidak sesuai didirikan berhampiran Istana Negara kerana dikhuatiri boleh menjejaskan keselamatan Istana Negara. Projek ini hanya dapat dimulakan pada 20 Januari 2006 setelah pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur mengeluarkan

Perintah Pembangunan pada 14 September 2005 untuk membina bangunan 3 tingkat. BTN telah menandatangani perjanjian tambahan untuk meminda tempoh penyiapan projek ini. Mengikut perjanjian tambahan tersebut, kontraktor perlu menyiapkan projek pada 13 November 2007 iaitu dalam tempoh 22 bulan. Semakan Audit mendapati **projek ini hanya dapat disiap dan diserahkan kepada BTN pada 16 Mei 2008 setelah kontraktor diluluskan 2 kali lanjutan masa selama 184 hari** kerana BTN meminta kontraktor untuk melaksanakan kerja-kerja tambahan bernilai RM1.26 juta iaitu 8.93% daripada harga kontrak yang berjumlah RM14.11 juta. Ini menyebabkan **kos projek telah meningkat kepada RM15.37 juta.**

b. Semakan Audit mendapati **Sijil Perakuan Kelambatan dan Lanjutan Masa Ketiga** bagi tempoh 14 Mac 2008 hingga 15 Mei 2008 **tidak ditandatangani oleh Pengarah Projek**, sebaliknya ditandatangani oleh Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan) yang tidak diberi surat penurunan kuasa. Sijil tersebut ditandatangani pada 11 Julai 2008. Menurut perjanjian kontrak, Pengarah Projek adalah Timbalan Ketua Setiausaha Kanan, Jabatan Perdana Menteri.

4.4.1.2. Projek Pembinaan KBN Sampadi, Sarawak

a. Mechunma Sdn. Bhd. telah dilantik secara tender terhad untuk melaksanakan Projek Pembinaan KBN Sampadi, Sarawak dengan harga kontrak berjumlah RM19.30 juta. Projek ini perlu disiapkan dalam tempoh 18 bulan iaitu pada 13 Julai 2009. Bagaimanapun, pada tarikh tersebut **kemajuan projek hanya mencapai 73.5%.** Didapati **kontraktor telah diluluskan lanjutan masa selama 140 hari** di mana tarikh siap projek dilanjutkan sehingga 30 November 2009. Antara sebab lanjutan masa diluluskan ialah kelewatan menerima lukisan pembinaan daripada Pengarah Projek menyebabkan kontraktor tidak dapat memulakan dengan awal kerja *setting out* di tapak dan pertambahan kerja cerucuk.

b. Pengarah Projek telah mengeluarkan 3 Arahan Perubahan Kerja (APK) bernilai RM67,000 bagi *value engineering* terhadap *revised site layout plan* melibatkan *site clearance and earthwork, road and carpark, foul drainage, fencing and gate, turfing, external electrical cabling and incoming supply pipe for cold water*, penambahbaikan kemasan dinding luar dan kerja-kerja perlindungan alam sekitar. Adalah didapati **APK tersebut masih belum diluluskan oleh Jawatankuasa Perubahan Kerja walaupun perubahan kerja berkenaan telah dilaksanakan seawal bulan April 2009. Permohonan kelulusan APK hanya dikemukakan kepada jawatankuasa tersebut pada awal bulan Disember 2009.**

4.4.1.3. Projek Pembesaran KBN Langkawi, Kedah

a. Lembaga Perolehan 'B' JPM telah meluluskan pelantikan HBS Construction Sdn. Bhd. untuk melaksanakan Projek Pembesaran KBN Langkawi, Kedah dengan harga kontrak berjumlah RM6.50 juta secara tender terbuka.

Berdasarkan perakuan yang dibuat oleh BTN, harga kontrak adalah dalam lingkungan anggaran jabatan. Namun demikian, Jawatankuasa Penilaian Teknikal dalam kertas perakuan kepada Lembaga Perolehan JPM telah memberi pandangan bahawa kontraktor tersebut tidak memenuhi kriteria yang ditetapkan seperti **kurang berpengalaman dalam bidang pembinaan bangunan dan menduduki tangga kedua terendah dalam senarai kedudukan 7 penender yang telah lulus penilaian teknikal.**

b. Pegawai Penguasa Projek ini adalah Ketua Pengarah Biro Tatanegara. Projek yang dijadualkan siap dalam tempoh 16 bulan iaitu pada 5 Ogos 2006 **hanya dapat disiapkan pada 29 Februari 2008 setelah kontraktor diluluskan 4 kali lanjutan masa selama 573 hari**. Antara alasan lanjutan masa tersebut diluluskan adalah untuk melaksanakan kerja-kerja pembaikan cerun, kelewatan bekalan bahan binaan, perubahan cuaca dan kelewatan kelulusan bekalan air dan elektrik. Semakan Audit mendapati projek ini menghadapi masalah hakisan dan mendapan tanah serta tebing runtuh yang teruk kerana pembinaan saliran tidak dibuat pada peringkat awal pelaksanaan projek. Akibat daripada kerja-kerja tersebut, Kerajaan telah menanggung kos tambahan berjumlah RM2.22 juta dan menyebabkan kos sebenar projek meningkat kepada RM9.09 juta.

c. Semakan Audit mendapati sungguhpun Sijil Perakuan Siap Kerja dan Sijil Perakuan Siap Membaiki Kecacatan telah dikeluarkan oleh Pegawai Penguasa Projek dan kesemua Wang Jaminan Pelaksanaan bernilai RM325,394 telah dikembalikan kepada kontraktor, namun masih **terdapat beberapa peralatan bernilai RM22,890 yang tidak dibekalkan sepenuhnya untuk dipasang di teater; dewan makan; rumah urusetia dan rumah tetamu. Pemulangan wang jaminan ini adalah bertentangan dengan Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 5 Tahun 2007 yang menghendaki baki Bon Pelaksanaan sebanyak 50% hanya boleh dipulangkan 12 bulan selepas tamat Tempoh Tanggungan Kecacatan atau setelah perakuan siap membaiki kecacatan dikeluarkan mengikut mana yang terkemudian.** Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 4.2
KEDUDUKAN PERALATAN YANG DIBEKAL DAN DIPASANG DI TEATER, DEWAN MAKAN, RUMAH URUSETIA DAN RUMAH TETAMU BAGI KEM BINA NEGARA LANGKAWI, KEDAH

PERALATAN	BILANGAN PERALATAN MENGIKUT SPESIFIKASI KONTRAK (Unit/Set)	BILANGAN PERALATAN DIBEKAL DAN TELAH DIPASANG (Unit/Set)	PERALATAN YANG TIDAK DIBEKAL	
			BILANGAN (Unit/Set)	KOS (RM)
TEATER				
Semi-recessed wash basin (SIME INAX L384PP)	2	1	1	350
Semi-recessed soap holder (SIME INAX H152U)	2	0	2	100
Standard Pillar Tap (ECONAX)	4	1	3	150
Standard Bib Tap (EC135CR)	2	1	1	50
Squatting Water Closets (SIME INAX C336)	2	1	1	350
Stainless Steel Floor Trap	4	1	3	60

PERALATAN	BILANGAN PERALATAN MENGIKUT SPESIFIKASI KONTRAK (Unit/Set)	BILANGAN PERALATAN DIBEKAL DAN TELAH DIPASANG (Unit/Set)	PERALATAN YANG TIDAK DIBEKAL	
			BILANGAN (Unit/Set)	KOS (RM)
Local Polished Plate Glass Mirror	4	1	3	180
Fan Hook	10	0	10	100
Luang Udara (LU1)	2	1	1	220
Top Masking Curtain	2	1	1	2,100
Motorised Centre Parting Curtain	1 set	0	1 set	11,000
DEWAN MAKAN				
Semi Glazed Folding Door	5	3	2	3,240
Flush Door	4	3	1	390
Mild Steel Roller Shutter	1	0	1	1,440
Mild steel Grill Door	1	0	1	690
Handrailing	1 set	0	1 set	390
Semi-recessed Soap Holder	5	1	4	200
Local Polished Plate Glass Mirror	8	0	8	480
RUMAH URUSETIA				
Semi-recessed Soap Holder	12	6	6	300
Robe Hook	12	0	12	120
RUMAH TETAMU				
Robe Hook	2	0	2	40
Stainless Steel Floor Trap	4	2	2	40
Dressing Table	3 set	0	3 set	900
JUMLAH				**22,890**

d. Menurut penjelasan BTN, peralatan yang tidak dibekal di dewan makan telah diganti dengan kerja-kerja merata dan memadatkan *crusher runs*. Manakala peralatan yang tidak dibekal di rumah urusetia pula digantikan dengan kerja-kerja menukar luang udara. *Dressing table* tidak dibekal di rumah tetamu disebabkan ukurannya tidak bersesuaian dengan keluasan bilik yang dibina. Bagaimanapun, **BTN tidak dapat mengemukakan senarai terperinci mengenai kerja/peralatan yang diganti oleh kontraktor**. Oleh itu, **pihak Audit tidak dapat mengesahkan sama ada kos bagi kerja penggantian yang telah dilaksanakan adalah sepadan dengan kos membekal dan memasang peralatan yang sepatutnya.** Selain itu, adalah didapati **kesemua kerja penggantian tersebut dibuat atas arahan Arkitek di tapak tanpa kelulusan Pegawai Penguasa Projek secara bertulis**.

4.4.1.4. Projek Pembesaran KBN Lipis, Pahang

a. Lembaga Perolehan 'B' JPM telah melantik Syarikat Warisan Jengka Bina Sdn. Bhd. secara tender terbuka untuk melaksanakan Projek Pembesaran KBN Lipis, Pahang dengan harga kontrak berjumlah RM5.70 juta. Lembaga ini juga telah melantik 4 perunding untuk kerja-kerja arkitek, mekanikal dan elektrik, sivil dan ukur bahan di mana mereka adalah bertanggungjawab ke atas skop kerja masing-masing. Pihak Audit **tidak dapat menentukan asas yang digunakan oleh Lembaga untuk melantik kontraktor** berkenaan memandangkan kontraktor tersebut tidak melepasi tapisan penilaian teknikal

dan harga yang dibuat masing-masingnya oleh Jawatankuasa Penilaian Teknikal dan Jawatankuasa Penilaian Harga.

b. Pegawai Penguasa Projek ini adalah Ketua Pengarah Biro Tatanegara. Projek ini dijadualkan siap pada 18 Julai 2005 iaitu dalam tempoh 364 hari dari tarikh milik tapak pada 20 Julai 2004. Bagaimanapun, kontraktor telah diluluskan **5 kali lanjutan masa selama 821 hari yang mana telah melebihi daripada tempoh asal kontrak yang hanya selama 364 hari.** Sungguhpun tarikh siap projek tersebut telah dilanjutkan kepada 14 Oktober 2007, namun kerja pembinaan hanya dapat disiapkan pada 20 Februari 2008. Projek ini juga menghadapi masalah hakisan dan mendapan tanah serta tebing runtuh kerana pembinaan saliran yang tidak sempurna dan mencukupi menyebabkan laluan air terus meresap ke dalam tanah. Semakan Audit mendapati Kerajaan telah menanggung kos tambahan berjumlah RM1.09 juta disebabkan perubahan kerja.

c. Semakan Audit selanjutnya mendapati Sijil Perakuan Kelambatan Dan Lanjutan Masa bagi kelima-lima lanjutan masa tersebut lewat dikeluarkan antara 65 hingga 819 hari daripada tarikh tamat kontrak atau bagi setiap lanjutan masa berakhir.

d. Sehingga 31 Disember 2009, Sijil Layak Menduduki masih belum diperolehi. Menurut ulasan BTN, ketika Projek Pembesaran KBN Lipis dimulakan pada tahun 2004, tapak projek terletak di luar kawasan pentadbiran Majlis Daerah Lipis (Majlis). Hanya setelah pembinaan siap pada bulan Februari 2008, pihak BTN dimaklumkan bahawa kawasan KBN Lipis telah diwartakan di bawah pentadbiran Majlis. Memandangkan pembinaan kem telah siap sepenuhnya maka permohonan Sijil Layak Menduduki tidak diteruskan oleh perunding. **Pihak BTN sepatutnya meneruskan permohonan dan memastikan Sijil Layak Menduduki diperolehi supaya adanya pihak yang bertanggungjawab sekiranya berlaku kebakaran atau kemalangan.** Bagaimanapun, kem berkenaan telah digunakan bagi tujuan kursus sejak bulan Mac 2008.

4.4.1.5. Projek Naik Taraf KBN Meru, Selangor

a. Zealous Sdn. Bhd. telah dilantik secara tender terbuka untuk melaksanakan Projek Naik Taraf KBN Meru, Selangor dengan harga kontrak berjumlah RM793,869. Mengikut kontrak, projek ini melibatkan pembinaan sebuah rumah untuk kegunaan urusetia kursus dan tetamu. Semakan Audit terhadap laporan Jawatankuasa Penilaian Teknikal dan Jawatankuasa Penilaian Harga mendapati **kontraktor tersebut tidak mempunyai pengalaman dan keupayaan kewangan berbanding penender lain**. Semakan Audit selanjutnya mendapati dokumen kontrak yang ditandatangani oleh kedua-dua pihak tidak bertarikh. Oleh itu, pihak Audit tidak dapat menentukan sama ada kontrak ini telah ditandatangani dalam tempoh 4 bulan sepertimana yang dikehendaki dalam Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 5 Tahun 2007.

b. Pegawai Penguasa Projek ini adalah Ketua Pengarah Biro Tatanegara. Projek yang dijadualkan siap pada 29 November 2005 hanya disiapkan pada 18 Februari 2006 setelah kontraktor diluluskan lanjutan masa selama 80 hari. Antara sebab lanjutan masa diluluskan ialah pelan untuk kerja-kerja *provisional sum* lewat diberi oleh BTN kepada kontraktor dan faktor cuaca. Didapati rumah berkenaan telah digunakan sepenuhnya sejak bulan April 2006.

4.4.1.6. Kelewatan menyiapkan projek menyebabkan pihak BTN tidak dapat menggunakan kem-kem tersebut untuk mengendalikan kursus seperti yang telah dirancang. Pihak BTN terpaksa mengendalikan kursus di kem-kem swasta dengan kos yang lebih tinggi. Pihak Audit tidak dapat mengesahkan jumlah sebenar perbelanjaan yang telah dibuat kerana perkara tersebut tidak dikemukakan oleh pihak BTN. Bagaimanapun, mengikut anggaran Program Khas Bina Negara di bawah RMK-9, bagi setiap satu kursus yang diadakan di kem swasta dengan jumlah 120 peserta, kos penganjuran kursus adalah RM28,000 berbanding kos penganjuran kursus di Kem Bina Negara yang berjumlah RM13,000. Bagi tempoh tahun 2007 hingga 2009 **sebanyak 202 kursus yang melibatkan 25,300 peserta telah diadakan di kem-kem swasta sekitar Langkawi, Meru dan Sarawak dengan anggaran kos sebanyak RM5.65 juta.**

Pada pandangan Audit, kelewatan menyiapkan projek yang antara lainnya berpunca daripada perubahan-perubahan kerja yang diminta oleh BTN dan melibatkan kenaikan kos projek boleh dielakkan jika projek ini dirancang dengan teliti dan mengambil kira semua keperluan pengguna dan teknikal serta memastikan saliran air dibuat dengan sempurna di peringkat awal pelaksanaan.


4.4.2. Pembinaan Tidak Mengikut Spesifikasi/Tidak Sesuai/Tidak Berkualiti

4.4.2.1. Lawatan Audit ke tapak-tapak pembinaan mendapati ada kerja-kerja pembinaan yang tidak mengikut spesifikasi kontrak/tidak sesuai/tidak berkualiti seperti contoh-contoh berikut :-

a. Di KBN Langkawi, beberapa kerja yang dilaksanakan tidak mengikut spesifikasi kontrak yang ditetapkan seperti butiran berikut :-

   i. Mengikut Lukisan Pembinaan Arkitek Nombor [152]-011/134, kontraktor perlu memasang pintu jenis *Timber Flush Door in double unequal leaves complete with edging* dan *fixed glass window* 1,400 mm x 650 mm tinggi di bahagian atas pintu dengan kos berjumlah RM490 setiap satu di Unit 1 dan Unit 2, Kuarters Kelas G. Bagaimanapun, didapati **pintu yang dipasang di kedua-dua unit tersebut tidak dilengkapi dengan *fixed glass window* tetapi digantikan dengan papan lapis. Semakan Audit selanjutnya mendapati harga yang dibayar adalah mengikut kontrak iaitu RM490**. **Rajah 4.1** dan **Gambar 4.1** adalah berkaitan.

RAJAH 4.1



Lukisan Pembinaan Arkitek Nombor [152]-011/134 Bertarikh 30.03.2005 - Pintu Utama Yang Sepatutnya Dipasang

GAMBAR 4.1




Kuarters Kelas G, KBN Langkawi - Pintu Utama Tidak Dibuat Mengikut Spesifikasi Kontrak (13.04.2009)

ii. Mengikut Lukisan Pembinaan Arkitek Nombor Aaa-[152]-010/27, kontraktor perlu memasang jeriji di stor yang terletak di bahagian luar dewan makan dengan kos berjumlah RM690. Selain itu, kontraktor juga perlu memasang *roller shutter* di ruangan sajian makanan dengan kos berjumlah RM1,440. Pemeriksaan Audit mendapati **jeriji dan *roller shutter* tersebut tidak dipasang, namun BTN telah membuat bayaran bagi kedua-dua kerja yang tidak dilaksanakan itu.** Menurut ulasan BTN, pemasangan jeriji dan *roller shutter* tidak dibuat kerana telah digantikan dengan kerja-kerja merata dan memadatkan *crusher runs*. Bagaimanapun, maklumat terperinci mengenai perkara ini tidak dikemukakan oleh BTN. Selain itu, didapati kerja penggantian tersebut dibuat atas arahan Arkitek di tapak tanpa kelulusan Pegawai Penguasa Projek secara bertulis.

iii. Mengikut Lukisan Pembinaan Arkitek Nombor Aaa-[152] 15/27, kontraktor perlu membekal dan memasang penutup luang udara dari jenis keluli lembut dengan kerangka kayu. Pemeriksaan Audit mendapati sebanyak 4 unit luang udara tidak dipasang dengan keluli separa keras seperti yang ditetapkan dalam spesifikasi kontrak. Contohnya adalah seperti di rajah dan gambar berikut :-

RAJAH 4.2



Lukisan Pembinaan Arkitek Nombor Aaa-[152] 15/27 Bertarikh 30.03.2005 - Luang Udara Yang Sepatutnya Dipasang

GAMBAR 4.2




Tandas Surau, KBN Langkawi - Penutup Luang Udara Tidak Dipasang (13.04.2009)

iv. Mengikut Lukisan Pembinaan Arkitek Nombor [152]-018/134, kontraktor perlu memasang penutup luang udara dari jenis kaca warna dengan kerangka aluminium di hadapan kiri dan kanan bangunan asrama peserta

(Rajah 4.3). Bagaimanapun, pihak Audit mendapati 6 unit luang udara telah dipasang dengan tingkap kaca hayun seperti di **Gambar 4.3**. Menurut ulasan BTN, pemasangan tingkap kaca hayun adalah bagi memberikan pengedaran udara yang lebih baik kepada penghuni. Tambahan pula kaca berwarna dengan kerangka aluminium yang sepatutnya dipasang adalah mudah pecah.

RAJAH 4.3



Lukisan Pembinaan Arkitek Nombor [152]-018/134 Bertarikh 30.03.2005 - Penutup Luang Udara Yang Sepatutnya Dipasang Adalah Dari Jenis Kaca Warna Dengan Kerangka Aluminium


GAMBAR 4.3



Asrama Peserta, KBN Langkawi - Penutup Luang Udara Yang Telah Dipasang Adalah Dari Jenis Tingkap Kaca Hayun (13.04.2009)

v. Mengikut Lukisan Pembinaan Arkitek Nombor [152]-055/134, kontraktor perlu memasang penutup luang udara dari jenis keluli lembut dengan kerangka aluminium di bahagian atas hadapan, kiri, kanan dan belakang bangunan asrama peserta **(Rajah 4.4)**. Sebaliknya, didapati luang udara yang telah dipasang adalah daripada jenis kaca boleh laras seperti di **Gambar 4.4**. Menurut ulasan BTN, penutup luang udara dari jenis keluli lembut telah digantikan dengan penutup luang udara jenis kaca boleh laras adalah sebagai langkah untuk mengelakkan tempias hujan dan ia dibuat mengikut arahan Arkitek semasa pemeriksaan tapak tanpa kelulusan Pegawai Penguasa Projek secara bertulis.

RAJAH 4.4



Lukisan Pembinaan Arkitek Nombor [152]-055/134 Bertarikh 30.03.2005 - Penutup Luang Udara Yang Sepatutnya Dipasang Adalah Dari Jenis Keluli Lembut Dengan Kerangka Aluminium

GAMBAR 4.4




KBN Langkawi - Asrama Peserta - Penutup Luang Udara Yang Telah Dipasang Adalah Dari Jenis Kaca Boleh Laras (15.04.2009)

vi. Binaan anak tangga menuju ke dewan makan adalah tidak seragam. Selain itu, tembok penahan di belakang rumah urusetia mengalami keretakan. Keretakan juga terdapat pada dinding luar rumah tetamu.

Pemasangan paip pembetungan di sepanjang laluan jalan menyukarkan kerja-kerja penyenggaraan apabila berlaku kerosakan dan boleh mencacatkan permukaan jalan seperti di gambar berikut :-

GAMBAR 4.5



Tangga Berhadapan Dewan Makan, KBN Langkawi
- Binaan Anak Tangga Dengan Jejak Berbeza
(13.04.2009)

GAMBAR 4.6



Belakang Rumah Urusetia, KBN Langkawi
- Keretakan Pada Tembok Penahan
(13.04.2009)

GAMBAR 4.7



Rumah Tetamu, KBN Langkawi
- Keretakan Pada Dinding Luar
(13.04.2009)

GAMBAR 4.8



KBN Langkawi
- Kerja Pembaikan Kepada Paip Pembetungan Mencacatkan Permukaan Jalan
(13.04.2009)


vii. Mengikut spesifikasi, ketinggian binaan lantai bagi 2 unit Kuarters Kelas G adalah 15 cm. Semakan Audit mendapati lantai yang dibina bukan sahaja tidak seragam malahan tidak mengikut spesifikasi kontrak. Lantai di Kuarters Kelas G Unit 1 adalah berukuran 6.2 cm manakala lantai di Kuarters Kelas G Unit 2 bersebelahannya pula berukuran 9.0 cm seperti di gambar berikut :-

GAMBAR 4.9



Unit 1 Kuarters Kelas G, KBN Langkawi
- Ketinggian Lantai Adalah 6.2 cm
(13.04.2009)

GAMBAR 4.10




Unit 2, Kuarters Kelas G, KBN Langkawi
- Ketinggian Lantai Adalah 9.0 cm
(13.04.2009)

viii. Kontraktor tidak membekal dan memasang *Kitchen Counter Top* berbentuk L untuk kabinet dapur bahagian bawah berukuran 5,500 mm panjang x 600 mm lebar x 850 mm tinggi di bahagian dapur Kuarters Kelas G yang berharga RM2,800. Sebaliknya, *Kitchen Counter Top* berbentuk lurus berukuran 2,300 mm panjang x 600 mm lebar x 800 mm tinggi yang dibekalkan dan dipasang. Selain itu, kontraktor juga tidak membekal dan memasang *Kitchen Top Hung Cabinet* berbentuk L untuk kabinet dapur pada bahagian atas berukuran 6,100 mm panjang x 600 mm lebar x 690 mm tinggi di bahagian dapur Kuarters Kelas G yang berharga RM1,200. Menurut ulasan BTN, pengubahsuaian dibuat atas permintaan BTN di mana pemasangan kabinet tersebut tidak sesuai dan menjejas keselesaan penghuni. Bagaimanapun, **pihak Audit tidak dapat mengesahkan perkara ini kerana dokumen terperinci mengenai perubahan ini tidak dikemukakan.**


b. Di KBN Lipis, Lukisan Pembinaan Arkitek Nombor AS/0105/S/01 menetapkan *carpet floor finish to be provided with timber skirting of 100 mm high*. Bagaimanapun, *skirting* dari jenis kayu tidak dipasang/tidak dipasang dengan kemas seperti di gambar berikut :-

GAMBAR 4.11



Surau, KBN Lipis
- Dinding Tidak Dipasang Dengan Skirting
(08.06.2009)

GAMBAR 4.12



Surau, KBN Lipis
- Skirting Tidak Dipasang Dengan Kemas
(08.06.2009)

c. Di KBN Sampadi, Sarawak, didapati pemasangan singki di satu ruang dapur antara bilik air dan stor adalah tidak sesuai kerana akan mengganggu laluan ke bilik air. Manakala kedudukan *shower* yang dipasang di bilik mandi rumah VIP, KBN Langkawi, Kedah juga tidak sesuai kerana berhampiran dengan mangkuk tandas dan tidak selesa untuk pengguna seperti di gambar berikut :-

GAMBAR 4.13



Kuarters Kelas G, KBN Sampadi
- Kedudukan Singki Yang Akan Dipasang Menggangu Laluan Ke Bilik Air (28.04.2009)

GAMBAR 4.14



Rumah VIP, KBN Langkawi
- Kedudukan Shower Berhampiran Dengan Mangkuk Tandas (16.04.2009)

d. Pintu masuk utama rumah VIP, KBN Lipis, Pahang telah dipasang terlalu hampir dan berhadapan dengan tangga yang curam dan boleh mendatangkan bahaya kepada penginap jika tidak berhati-hati ketika membuka pintu seperti di gambar berikut :-



GAMBAR 4.15

Rumah VIP, KBN Lipis
- Pintu Masuk Utama Berhadapan Dengan Tangga Yang Curam
(11.06.2009)

e. Pemasangan pintu masuk dan sinki di bilik tandas lelaki dan wanita yang berada di belakang dewan teater, KBN Lipis, Pahang adalah tidak sesuai kerana apabila pintu dibuka, pengguna lain yang berada di ruang sinki akan terhimpit. Jarak antara sinki dan pintu masuk apabila dibuka adalah 15 cm seperti di **Gambar 4.16 hingga 4.18**. Manakala kedudukan tandas perempuan di Pusat Latihan Bina Negara Jalan Bellamy,Kuala Lumpur adalah di laluan pintu masuk surau untuk lelaki dan bersebelahan dengan tempat wuduk lelaki menyebabkan keadaan tidak selesa kepada pengguna.

GAMBAR 4.16




Bilik Tandas Dewan Teater, KBN Lipis
- Pintu Masuk Tidak Dapat Dibuka Sepenuhnya
(09.06.2009)

GAMBAR 4.17



Bilik Tandas Dewan Teater, KBN Lipis
- Kedudukan Pintu Apabila Ditolak Dari Luar
(09.06.2009)



GAMBAR 4.18

Bilik Tandas Dewan Teater, KBN Lipis
- Jarak Pintu Dengan Sinki Adalah 15 cm
(09.06.2009)

f. Di Pusat Latihan Bina Negara Jalan Bellamy,Kuala Lumpur, cat di bahagian luar dinding bangunan telah luntur **(Gambar 4.19)**. Manakala terdapat kesan resapan air pada bahagian dinding dalam auditorium. Menurut ulasan pihak

BTN, kesan resapan air di bahagian dinding **(Gambar 4.20)** adalah kerana bumbung bocor dan kebocoran tersebut telah diperbaiki. Bagaimanapun, fabrik dinding akustik masih belum ditukar.

GAMBAR 4.19



Blok Bangunan Asrama, Pusat Latihan Bina Negara
- Cat Pada Permukaan Dinding Luntur
(11.05.2009)


GAMBAR 4.20



Auditorium, Pusat Latihan Bina Negara
- Kesan Resapan Air
(12.05.2009)

g. Di KBN Sampadi, Sarawak, terdapat *honeycomb* pada rasuk bumbung di blok kuliah yang boleh menjejaskan ketahanlasakan struktur memandangkan bangunan terletak di tepi laut dan terdapat juga kayu serta papan lapis yang tidak ditanggalkan. Penggunaan *formwork* yang tidak berkualiti dan pemasangan yang tidak kemas menyebabkan rasuk bumbung tidak lurus **(Gambar 4.21 hingga 4.23)**. Sementara itu, *lintel* yang dipasang di bahagian atas ruang tingkap di blok asrama telah melendut dan retak, beban di atasnya boleh memberi tekanan kepada rangka tingkap dari jenis aluminium.

GAMBAR 4.21



Blok Kuliah, KBN Sampadi
- Kayu Tertinggal Dalam Rasuk Bumbung
(28.04.2009)

GAMBAR 4.22



Blok Kuliah, KBN Sampadi
- Papan Lapis Tidak Ditanggalkan
(28.04.2009)



GAMBAR 4.23

Blok Kuliah, KBN Sampadi
- Rasuk Bumbung Tidak Lurus
(28.04.2009)

h. Longkang di bahagian belakang rumah sampah, KBN Lipis, Pahang telah dibina antara pokok menyebabkan longkang tersebut tidak berfungsi kerana pokok berkenaan menghalang pengaliran air **(Gambar 4.24)**. Selain itu, longkang yang dibina bersebelahan dengan laluan berbumbung ke dewan makan ada yang rosak dan pecah akibat daripada akar pokok yang membesar **(Gambar 4.25)**. Sementara itu, tangki septik pula telah dibina merentas longkang di laluan berbumbung menyebabkan kelancaran pengaliran air longkang tersebut terganggu **(Gambar 4.26)**.

GAMBAR 4.24



Rumah Sampah, KBN Lipis
- Longkang Dibina Antara Pokok
(11.06.2009)

GAMBAR 4.25



Laluan Berbumbung, KBN Lipis
- Kedudukan Longkang Dianjakkan Tetapi Akar Pokok Telah Merosakkan Binaan Longkang
(09.06.2009)



GAMBAR 4.26

Laluan Berbumbung, KBN Lipis
- Tangki Septik Dibina Merentas Longkang
(09.06.2009)

i. Di KBN Meru, Selangor, keadaan cat dinding di bahagian dalam rumah urusetia dan rumah tetamu telah luntur walaupun telah dicat beberapa kali seperti di **Gambar 4.27**. Ini berlaku kerana dinding bangunan masih basah/lembap walaupun bangunan ini telah disiapkan pada 18 Februari 2006. BTN masih belum dapat mengenal pasti punca dinding tersebut menjadi lembab.



GAMBAR 4.27

Rumah Urusetia, KBN Meru
- Cat Yang Disapu Pada Dinding Luntur
(14.05.2009)

4.4.2.2. Mengikut Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 5 Tahun 2007, Kerajaan boleh merampas Bon Pelaksanaan sekiranya kontraktor tidak/gagal mematuhi dan melaksanakan obligasinya di bawah kontrak seperti kerja yang dilaksanakan tidak mengikut spesifikasi kontrak/tidak sesuai/tidak berkualiti. Tempoh sah laku Bon Pelaksanaan hendaklah dari tarikh kontrak dimulakan sehingga 12 bulan selepas tamat Tempoh Tanggungan Kecacatan. Semakan Audit mendapati selain daripada pengembalian Bon Pelaksanaan bagi Projek Pembesaran KBN Langkawi yang tidak diuruskan dengan teratur sepertimana yang dibangkitkan pada perenggan 4.4.1.3 (c) laporan ini, didapati Bon Pelaksanaan bernilai RM724,081 bagi Projek Pembinaan Pusat Latihan Bina Negara, Jalan Bellamy, Kuala Lumpur hanya diperbaharui sehingga 13 November 2010 sungguhpun tempoh sah laku Bon itu perlu berkuat kuasa sehingga 16 Mei 2011.

Pada pandangan Audit, kerja-kerja tidak dilaksanakan mengikut spesifikasi yang ditetapkan kerana kurangnya penyeliaan dan pemantauan oleh Pegawai Penguasa Projek. Sehubungan ini, BTN perlu membuat pemeriksaan dan memastikan kontraktor membaiki sebarang kerosakan/kecacatan yang ditemui dengan segera sebelum memulangkan Bon Pelaksanaan atau sebelum Tempoh Tanggungan Kecacatan tamat. Pelarasan harga terhadap kerja-kerja yang tidak disempurnakan oleh kontraktor hendaklah dibuat bagi projek yang mana Akaun Muktamad belum disediakan. Bagi mengelakkan Kerajaan daripada menanggung risiko membiayai kos pembaikan kerosakan/kecacatan, BTN juga perlu memastikan kontraktor memperbaharui Bon Pelaksanaan bagi Projek Pembinaan Pusat Latihan Bina Negara, Jalan Bellamy, Kuala Lumpur sehingga 16 Mei 2011.

4.4.3. Kemudahan Yang Dibina Tidak Digunakan

4.4.3.1. Sehingga 28 Februari 2010, Kem Bina Negara Langkawi, Kedah masih belum memulakan operasinya sungguhpun telah disiapkan pada 29 Februari 2008. Ini disebabkan oleh Sijil Layak Menduduki belum diluluskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan kerana masih berlaku runtuhan cerun di sekitarnya walaupun telah dibaiki oleh pihak BTN.

4.4.3.2. Rumah sampah yang dibina dengan kos berjumlah RM11,600 di Kem Bina Negara Lipis, Pahang **(Gambar 4.28)** tidak digunakan sejak kem siap dibina pada 20 Februari 2008. Berdasarkan maklum balas daripada pihak kem berkenaan, rumah sampah tersebut tidak digunakan kerana Majlis Daerah Lipis tidak akan mengutip sampah dari rumah sampah tersebut memandangkan ia tidak terletak di bawah pentadbirannya pada peringkat awal pelaksanaan projek.



GAMBAR 4.28

Rumah Sampah, KBN Lipis
- Kemudahan Yang Tidak Digunakan
(11.06.2009)

Pada pandangan Audit, pembinaan kemudahan yang tidak digunakan adalah merupakan satu pembaziran dan perkara ini dapat dielakkan sekiranya pihak BTN membuat perancangan yang teliti sebelum melaksanakan projek berkenaan.

4.5. SYOR AUDIT

Bagi memperbaiki kelemahan yang dibangkitkan dalam laporan ini dan juga memastikan perkara yang sama tidak berulang dalam pelaksanaan projek yang lain, adalah disyorkan supaya Biro Tatanegara mengambil langkah-langkah berikut :-

4.5.1. Bagi mengelakkan kelewatan menyiapkan projek, kos projek meningkat dan kemudahan yang dibina tidak digunakan, setiap projek yang akan dilaksanakan hendaklah dirancang dengan teliti dan semua keperluan pengguna serta Pihak Berkuasa Tempatan diambil kira.

4.5.2. Pegawai Penguasa Projek/Pengarah Projek atau wakilnya hendaklah membuat penyeliaan dan pemantauan yang rapi terhadap kerja-kerja yang dilaksanakan oleh kontraktor dan perunding bagi memastikan mereka mematuhi spesifikasi yang ditetapkan dalam kontrak.

4.5.3. Memastikan kontraktor membaiki sebarang kerosakan/kecacatan dengan segera sebelum memulangkan Bon Pelaksanaan atau sebelum Tempoh Tanggungan Kecacatan tamat. Pelarasan harga terhadap kerja-kerja yang tidak disempurnakan oleh kontraktor hendaklah dibuat bagi projek yang mana Akaun Muktamadnya belum disediakan.

JABATAN PERDANA MENTERI

5. AGENSI PENGUATKUASAAN MARITIM MALAYSIA
- PENGURUSAN PENYEWAAN PREMIS

5.1. LATAR BELAKANG

5.1.1. Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) ditubuhkan di bawah Akta Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia 2004 dan mula beroperasi pada 30 November 2005. Objektif penubuhan APMM adalah bagi menentukan Zon Maritim Malaysia selamat dan aman untuk pengguna di samping mengurangkan kehilangan nyawa dan harta benda di laut berasaskan piawaian yang ditetapkan.

5.1.2. APMM tidak mempunyai bangunannya sendiri untuk menjalankan aktiviti yang dirancang/diprogramkan. Oleh itu, APMM perlu menyewa ruang pejabat dan jeti bagi menjalankan aktivitinya. Bagi tempoh tahun 2007 hingga 2009, APMM telah menyewa 25 bangunan pejabat dan 1 jeti di seluruh negara di mana sebanyak RM109.40 juta telah dibelanjakan untuk membayar sewa premis-premis tersebut.

5.1.3. Urusan penyewaan premis adalah di bawah tanggungjawab Bahagian Hal Ehwal Penguatkuasaan Maritim Malaysia, Jabatan Perdana Menteri berkuatkuasa bagi tempoh tahun 2005 hingga bulan Ogos 2009. Mulai bulan September 2009, pengurusan penyewaan premis diserahkan sepenuhnya kepada APMM.

5.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan penyewaan premis APMM telah dirancang dan dilaksanakan dengan teratur dan berhemat.

5.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap pengurusan penyewaan premis bagi tempoh tahun 2007 hingga 2009. Pemeriksaan dijalankan ke atas fail, rekod dan dokumen berkaitan antaranya pengurusan premis, perjanjian, penyenggaraan dan bayaran sewa. Pengauditan dijalankan ke atas 20 premis yang dipilih iaitu Ibu Pejabat APMM, Pejabat Bahagian Hal Ehwal Penguatkuasaan Maritim Malaysia, Pejabat Wilayah Maritim Selatan, Timur, Sabah dan Sarawak termasuk Daerah Maritim Johor Bahru, Kuantan, Tok Bali (Kelantan), Pelabuhan Klang, Kota Kinabalu, Sandakan, Tawau, Labuan, Kuching, Miri dan Pangkalan Maritim Mersing, Batu Pahat, Tanjung Manis serta Jeti Tok Bali. Lawatan ke 12 premis yang dipilih dan perbincangan dengan pegawai bertanggungjawab juga dibuat.

5.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan November hingga Disember 2009 mendapati **wujud beberapa kelemahan dalam pengurusan penyewaan premis. Kelemahan-kelemahan yang diperhatikan adalah seperti keluasan ruang yang disewa melebihi**

daripada kelayakan sebenar iaitu sebanyak 8,732.91 meter persegi (m^2) menyebabkan Kerajaan terpaksa membelanjakan sejumlah RM682,139 sebulan bagi ruang tersebut. Manakala sejumlah RM276,573 sebulan telah dibelanja untuk membayar sewa ruang yang tidak digunakan bagi 8 premis yang dilawati. Selain itu, dokumen perjanjian penyewaan premis lewat ditandatangani antara 130 hingga 439 hari sedangkan ruang pejabat telah diduduki. Ruang pejabat yang disewa juga termasuk perabot dan peralatan pejabat serta kerja-kerja pengubahsuaian di mana kos tersebut telah diambil kira dalam kadar sewa bulanan. Bagaimanapun, perbekalan perabot dan peralatan di 7 pejabat sepertimana yang disenaraikan dalam Senarai Bahan (*Bills Of Quantities*) bernilai RM2.65 juta tidak dapat disahkan. Kerja-kerja pengubahsuaian bernilai RM781,292 di 5 pejabat pula tidak dilaksanakan oleh tuan tanah. Butiran mengenai perabot dan peralatan pejabat di bawah kos pengubahsuaian pejabat tidak diambil kira dalam rekod menyebabkan pihak APMM sukar untuk menentukan hak milik Kerajaan apabila perjanjian tamat. Penjelasan lanjut berhubung dengan perkara ditemui adalah seperti di perenggan-perenggan berikut :-

5.4.1. Premis Yang Disewa

5.4.1.1. Ruang Pejabat Yang Tidak Digunakan

a. Mengikut Garis Panduan Dan Peraturan Bagi Perancangan Bangunan Oleh Jawatankuasa Standard Dan Kos yang dikeluarkan oleh Unit Perancang Ekonomi, norma keluasan kasar ruang lantai bagi semua pegawai Kerajaan telah ditetapkan sebanyak 25 m^2 untuk seorang kakitangan dengan mengambil kira semua aspek keperluan lain. Semakan Audit berdasarkan sampel yang dipilih mendapati perkara berikut :-

   i. Keluasan ruang pejabat yang telah disewa bagi pejabat-pejabat APMM di **Jadual 5.1** adalah 56,407.91 m^2 di mana termasuk 15,799 m^2 yang melebihi daripada norma yang ditetapkan. Ini kerana norma bagi menempatkan 773 pegawai berdasarkan perjawatan yang diluluskan untuk pejabat-pejabat yang dipilih adalah 19,325 m^2. Didapati keluasan bagi 10 ruang pejabat adalah melebihi antara 24.8% hingga 152.3% daripada kelayakan sepatutnya. Bagaimanapun, keluasan penyewaan premis tersebut telah diluluskan oleh Unit Perancang Ekonomi. Lebihan ketara keluasan ruang pejabat berlaku di pejabat Wilayah Maritim Timur dan Daerah Maritim Kuantan, Kota Kinabalu, Miri dan Pangkalan Maritim Batu Pahat serta Pangkalan Maritim Mersing. Oleh itu, pihak APMM telah membayar sewa bagi seluas 15,799 m^2 ruang yang melebihi kelayakan bernilai RM682,138 sebulan. Berdasarkan maklum balas APMM, keputusan Kerajaan yang menghendaki APMM beroperasi dengan segera menyebabkan keperluan mendesak untuk mendapatkan ruang pejabat yang sedia ada ketika itu. Pihak APMM telah membuat pilihan/keputusan untuk menerima ruang pejabat yang ditawarkan oleh tuan tanah iaitu terdiri daripada premis lot kedai atau gedung perniagaan dengan syarat APMM turut mengambil keseluruhan ruang premis tersebut contohnya Pejabat Daerah Maritim Pelabuhan Klang.

ii. **Bagi 5 premis lain pula, ruang sedia ada tidak mencukupi untuk menampung bilangan pegawai yang diluluskan** terutamanya bagi Ibu Pejabat APMM dan Pangkalan Maritim Tanjung Manis di mana keluasannya kurang sebanyak 26.1% dan 30.7% masing-masingnya seperti di butiran berikut :-

JADUAL 5.1
KELUASAN RUANG PEJABAT YANG DISEWA

PEJABAT	BILANGAN JAWATAN DILULUSKAN	KELUASAN RUANG DIPERLUKAN MENGIKUT JAWATAN DILULUSKAN (m^2)	KELUASAN RUANG YANG TELAH DISEWA (m^2)	KELUASAN RUANG YANG LEBIH/ (KURANG) (m^2)	KADAR SEWA PER METER PERSEGI (RM)	BAYARAN SEWA BULANAN BAGI RUANG YANG MELEBIHI KELAYAKAN (RM)	% LEBIHAN/ (KURANGAN) KELUASAN
Keluasan Ruang Pejabat Melebihi Daripada Kelayakan Sebenar							
Wilayah Maritim Selatan dan DM Johor Bahru	118	2,950	3,681.94	731.94	18.30	13,394	24.8
Wilayah Maritim Timur dan DM Kuantan	121*	3,025*	7,632.77	4,607.77	41.27	190,163	152.3
Wilayah Maritim Sarawak dan DM Kuching	122	3,050	4,274.00	1,224.00	46.80	57,283	40.1
DM Pelabuhan Klang	61	1,525	2,587.35	1,062.35	26.78	28,450	69.7
DM Kota Kinabalu	59	1,475	3,528.57	2,053.57	40.14	82,430	139.2
DM Tawau	59	1,475	2,322.00	847.00	53.83	45,594	57.4
DM Labuan	59	1,475	2,568.96	1,093.96	59.20	64,762	74.2
DM Miri	62	1,550	3,216.11	1,666.11	54.40	90,636	107.5
Pangkalan Maritim Mersing	56	1,400	2,617.10	1,217.10	42.53	51,763	86.9
Pangkalan Maritim Batu Pahat	56	1,400	2,695.22	1,295.22	44.52	57,663	92.5
JUMLAH	**773**	**19,325**	**35,124.02**	**15,799.02**		**682,138**	**81.8**
Keluasan Ruang Pejabat Yang Tidak Mencukupi							
Ibu Pejabat APMM	909	22,725	16,803.29	(5,921.71)	41.58	-	(26.1)
Wilayah Sabah	53	1,325	1,033.97	(291.03)	38.64	-	(22.0)
DM Tok Bali	62	1,550	1,207.73	(342.27)	64.54	-	(22.1)
DM Sandakan	59	1,475	1,355.50	(119.50)	10.87	-	(8.1)
Pangkalan Maritim Tanjung Manis	51	1,275	883.40	(391.60)	81.42	-	(30.7)
JUMLAH	**1,134**	**28,350**	**21,283.89**	**(7,066.11)**			**(24.9)**
JUMLAH BESAR	**1,907**	**47,675**	**56,407.91**	**8,732.91**		**682,138**	**18.3**

Nota : ***DM - Daerah Maritim***
**** - Tidak Termasuk Perjawatan Dan Keluasan Ruang Pejabat Yang Diperlukan Oleh Pusat Latihan APMM***

b. Lawatan Audit ke 8 pejabat APMM yang dipilih mendapati 6,791.32 m^2 atau 16.1% daripada ruang premis berkenaan termasuk peralatan pejabat dan perabot tidak digunakan disebabkan ia adalah disediakan bagi jawatan yang diluluskan sejak tahun 2004 tetapi masih belum diisi sepenuhnya. Selain itu,

didapati juga premis yang disewa meliputi ruang bagi kemudahan lain yang tidak digunakan antaranya nurseri yang disediakan tetapi tidak beroperasi kerana tidak diluluskan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat dan gimnasium tidak dilengkapkan dengan peralatan sukan serta perpustakaan yang tidak dilengkapi dengan buku. Keadaan ini menyebabkan APMM terpaksa membayar sejumlah RM276,573 kos sewa sebulan atau anggaran RM16.59 juta bagi ruang yang tidak digunakan sejak tempoh tahun 2005 hingga 2009. Selepas teguran Audit, perpustakaan telah mula beroperasi dan dilengkapkan dengan bahan bacaan. Butiran ruang pejabat yang tidak digunakan adalah seperti di jadual dan contoh gambar-gambar berikut :-

JADUAL 5.2
KELUASAN DAN BAYARAN SEWA RUANG PEJABAT YANG TIDAK DIGUNAKAN

PEJABAT	KELUASAN RUANG YANG TELAH DISEWA (m^2)	RUANG YANG TIDAK DIGUNAKAN (m^2)	% KELUASAN RUANG YANG TIDAK DIGUNAKAN	KADAR SEWA PER METER PERSEGI (RM)	BAYARAN SEWA BULANAN BAGI RUANG YANG TIDAK DIGUNAKAN (RM)
Ibu Pejabat APMM	16,803.29	2,021.93	12.0	41.58	84,072
Wilayah Maritim Selatan dan Daerah Maritim Johor Bahru	3,681.94	727.09	19.7	18.30	13,306
Wilayah Maritim Timur dan DM Kuantan	7,632.77	189.95	2.5	41.27	7,839
Daerah Maritim Pelabuhan Klang	2,587.35	460.76	17.8	26.78	12,339
Daerah Maritim Kota Kinabalu	3,528.57	561.80	15.9	40.14	22,551
Daerah Maritim Labuan	2,568.96	834.93	32.5	59.20	49,428
Pangkalan Maritim Mersing	2,617.10	891.14	34.1	42.53	37,900
Pangkalan Maritim Batu Pahat	2,695.22	1,103.72	40.9	44.52	49,138
JUMLAH	**42,115.20**	**6,791.32**	**16.1**		**276,573**

GAMBAR 5.1



Ibu Pejabat APMM
- Nurseri Yang Tidak Digunakan
(18.01.2010)

GAMBAR 5.2



Pejabat Wilayah Maritim Selatan
- Ruang Pejabat Yang Tidak Digunakan
(03.12.2009)

GAMBAR 5.3



Pejabat Daerah Maritim Johor Bahru
- Ruang Pejabat Yang Tidak Digunakan
(03.12.2009)

GAMBAR 5.4



Pejabat Wilayah Maritim Timur Dan
Daerah Maritim Kuantan
- Ruang Pejabat Yang Tidak Digunakan
(16.12.2009)

GAMBAR 5.5



Pejabat Daerah Maritim Kota Kinabalu
- Ruang Pejabat Yang Tidak Digunakan
(09.12.2009)

GAMBAR 5.6



Pejabat Daerah Maritim Labuan
- Ruang Pejabat Yang Tidak Digunakan
(10.12.2009)

GAMBAR 5.7



Pejabat Daerah Maritim Pelabuhan Klang
- Ruang Pejabat Yang Tidak Digunakan
(21.01.2010)

GAMBAR 5.8



Pejabat Pangkalan Maritim Mersing
- Bilik Pegawai Yang Tidak Digunakan
(02.12.2009)



GAMBAR 5.9

Pejabat Pangkalan Maritim Batu Pahat
- Ruang Pejabat Yang Tidak Digunakan
(04.12.2009)

Pada pandangan Audit, ruang pejabat yang disewa tetapi tidak digunakan merupakan pembaziran kepada Kerajaan. Penyewaan ruang pejabat perlu dirancang dengan teliti dan teratur serta mengambil kira keperluan sebenar berdasarkan perjawatan diluluskan supaya Kerajaan mendapat *value for money* melalui perbelanjaan berhemat.

5.4.1.2. Premis Yang Disewa Tidak Sesuai

Lawatan Audit ke 12 premis yang disewa oleh APMM mendapati 3 daripada bangunan tersebut tidak bersesuaian dari segi keselamatan, reka bentuk bangunan dan keselesaan. Premis yang dimaksudkan adalah seperti berikut :-

a. Pejabat Daerah Maritim Pelabuhan Klang beroperasi di blok bangunan kedai yang usang dan terbengkalai di mana daripada 80 lot sedia ada, hanya 2 lot sahaja telah disewa iaitu kepada APMM dan satu syarikat swasta yang menduduki premis tersebut sejak 1 Mac 2005. Oleh itu, 78 lot lain masih

terbiar kosong disebabkan lokasinya yang terpencil dan jauh daripada kemudahan asas lain. Bangunan kedai ini juga mempunyai beberapa masalah seperti mendapan tanah yang berlaku di sekeliling bangunan menyebabkan apron tergantung antara 50 mm hingga 140 mm serta bangunan dimiliki oleh lebih daripada seorang tuan tanah. Selain itu, terdapat banyak pintu masuk dan keluar di mana setiap cawangan/bahagian di Pejabat Daerah Maritim Pelabuhan Klang mempunyai pintu yang berbeza dan menyukarkan kawalan keselamatan dibuat. Contoh keadaan bangunan yang dimaksudkan adalah seperti di gambar-gambar berikut :-

GAMBAR 5.10



Pejabat Daerah Maritim Pelabuhan Klang
- Premis Disewa Dikelilingi
Bangunan Usang Dan Terbiar
(21.01.2010)

GAMBAR 5.11



Pejabat Daerah Maritim Pelabuhan Klang
- Mendapan Tanah Menyebabkan
Apron Tergantung
(21.01.2010)

b. Pejabat Daerah Maritim Sandakan menyewa tingkat 16, 17 dan 18, Bangunan Majlis Perbandaran Sandakan (Majlis) di mana tingkat 16 adalah tempat meletak kenderaan dan pejabat pula di tingkat 17 dan 18. Lawatan Audit mendapati pihak APMM menghadapi kesukaran untuk memandu kenderaan jabatan keluar dan masuk kerana selepas waktu pejabat laluan akan ditutup oleh pihak Majlis. Selain itu, keadaan bangunan juga tidak disenggarakan dengan baik oleh Majlis di mana dindingnya mengalami keretakan, bangunan kelihatan usang, berkulat dan tidak bercat. Hasil temu bual dengan pegawai APMM mendapati pernah berlaku kebocoran paip dan air mengalir dari bumbung bangunan menyebabkan lantai pejabat banjir. Keadaan ini bukan sahaja telah merosakkan harta benda Kerajaan malahan boleh memudaratkan keselamatan kakitangan. Kedudukan persekitaran bangunan adalah seperti di gambar berikut :-



GAMBAR 5.12

Pejabat Daerah Maritim Sandakan
- Dinding Bangunan Mengalami Keretakan
(07.12.2009)

c. Pejabat Daerah Maritim Tok Bali menyewa premis terdiri daripada antaranya pejabat, jeti dan gudang. Pejabat pentadbiran ini pada asalnya adalah satu

pusat peranginan di mana ruang legarnya adalah lebih besar daripada ruang yang boleh dijadikan pejabat. Manakala gudang yang disewa pula terletak antara pejabat premis tersebut dan bangunan milik tuan tanah dan ini telah menyukarkan pihak APMM untuk menggunakan gudang bagi menyimpan barang-barang rampasan. Keadaan gudang tersebut juga telah usang dan tidak selamat untuk menyimpan barang rampasan dan menyebabkan ia tidak digunakan oleh pihak APMM. Bangunan yang dimaksudkan adalah seperti di gambar-gambar berikut :-

GAMBAR 5.13



Pejabat Daerah Maritim Tok Bali
- Resort Yang Dijadikan Sebagai Pejabat
(16.12.2009)

GAMBAR 5.14



Pejabat Daerah Maritim Tok Bali
- Gudang Yang Terbiar Dan Tidak Digunakan
(16.12.2009)

d. Mengikut maklum balas APMM, memandangkan bidang tugas APMM adalah melaksanakan penguatkuasaan keselamatan di sekitar perairan negara maka adalah sesuai lokasi pejabat ditempatkan seberapa boleh berdekatan dengan jeti dan juga kawasan perairan Malaysia.

Pada pandangan Audit, pihak APMM sepatutnya memberi pertimbangan kepada kesesuaian bangunan terutamanya keadaan bangunan yang hendak disewa. Bangunan yang usang dan penyenggaraan yang tidak memuaskan boleh menjejaskan keselamatan kakitangan dan mengganggu operasi harian APMM.

5.4.2. Pengurusan Perjanjian Premis

Menurut Surat Pekeliling Am Bilangan 4 Tahun 1982, penyewaan ruang pejabat perlu mendapat kelulusan dari Jawatankuasa Ruang Pejabat (JRP), Bahagian Pengurusan Hartanah, Jabatan Perdana Menteri. Setiap permohonan untuk menyewa ruang pejabat kepada JRP perlu disertakan dengan laporan dan pandangan daripada Jabatan Penilaian Dan Perkhidmatan Harta, Jabatan Bomba Dan Penyelamat, Unit Perancang Ekonomi dan Kementerian Kewangan untuk kelulusan. Semakan Audit terhadap dokumen perjanjian penyewaan mendapati perkara-perkara berikut :-

5.4.2.1. **Sebanyak 8 daripada 20 perjanjian penyewaan premis telah lewat ditandatangani antara 130 hingga 439 hari daripada tarikh kuatkuasa bermulanya tempoh penyewaan**. Kelewatan menandatangani perjanjian ini telah menyebabkan pembayaran kepada tuan tanah lewat dibuat. Berdasarkan maklum balas APMM, perjanjian lewat ditandatangani antaranya disebabkan

draf perjanjian kontrak perlu dikemukakan kepada penyewa untuk semakan dan kebanyakan premis yang disewa pula diuruskan melalui pihak ketiga. Justeru itu, APMM perlu mengadakan proses rundingan dengan pihak terlibat terutama berkaitan syarat-syarat yang perlu dipinda berulang kali bagi memastikan kepentingan Kerajaan terjamin. Bagi 3 premis yang dilanjutkan tempoh penyewaan, perjanjian berkaitan **juga lewat ditandatangani iaitu antara 115 hingga 346 hari. Perkara ini berlaku disebabkan permohonan kepada** JRP tidak dibuat dalam tempoh 6 bulan sebelum tarikh akhir tamat perjanjian. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 5.3
PERJANJIAN LEWAT DITANDATANGANI BERBANDING
BERMULANYA TEMPOH KUATKUASA PENYEWAAN

PREMIS DISEWA	NAMA TUAN TANAH	TEMPOH PENYEWAAN	TARIKH PERJANJIAN DITANDATANGANI	LEWAT (HARI)
Ibu Pejabat APMM	Resort Villa Development	01.11.2005 - 31.10.2008	17.04.2006	167
Pejabat Wilayah Maritim Timur Dan Daerah Maritim Kuantan	Exact Development	01.11.2004 - 31.10.2007	29.11.2005	393
Pejabat Wilayah Maritim Sarawak Dan Daerah Maritim Kuching	Warisan Gunung Emas Sdn. Bhd.	01.01.2005 - 31.12.2007	11.05.2005	130
Pejabat Pangkalan Maritim Mersing	Parapermai Sdn. Bhd.	01.10.2005 - 30.09.2008	14.12.2006	439
Pejabat Daerah Maritim Labuan	Shermadef Construction Sdn. Bhd.	01.07.2006 - 31.05.2009	18.12.2006	170
Pejabat Daerah Maritim Pelabuhan Klang	KM Engineering	01.03.2005 - 29.02.2008	10.02.2006	346
		01.03.2008 - 28.02.2011	24.12.2008	298
Pejabat Daerah Maritim Sandakan	Majlis Perbandaran Sandakan	01.03.2005 - 29.02.2008	13.07.2008	134
		01.03.2008 - 28.02.2011	10.02.2009	346
Pejabat Daerah Maritim Miri	Unique Harvest Sdn. Bhd.	01.02.2005 - 31.01.2008	11.10.2005	252
		01.02.2008 - 31.01.2010	24.11.2008	297
		18.10.2008 - 17.10.2009	10.02.2009	115

5.4.2.2. Kadar sewa adalah dibuat berdasarkan keluasan ruang pejabat. **Semakan Audit mendapati keluasan ruang premis yang disewa tidak dinyatakan dalam perjanjian penyewaan sungguhpun butiran mengenai keluasan ini telah dinyatakan dalam surat kelulusan JRP (Jadual 5.4).** Butiran mengenai keluasan ini penting supaya ia tidak dipertikaikan oleh kedua pihak.

JADUAL 5.4
KELUASAN RUANG PEJABAT
TIDAK DINYATAKAN DALAM PERJANJIAN PENYEWAAN

PEJABAT	TUAN TANAH
Wilayah Maritim Timur dan Daerah Maritim Kuantan	Exact Development
Wilayah Maritim Sarawak dan Daerah Maritim Kuching	Warisan Gunung Emas Sdn. Bhd.
Daerah Maritim Pelabuhan Klang	KM Engineering
Daerah Maritim Kota Kinabalu	Nobleplex (M) Sdn. Bhd.

PEJABAT	TUAN TANAH
Daerah Maritim Labuan	Shermadef Construction Sdn. Bhd.
Daerah Maritim Miri	Unique Harvest Sdn. Bhd.
Pangkalan Maritim Batu Pahat	Alhabjaya Sdn. Bhd.
Pangkalan Maritim Tanjung Manis	WGE Realty Sdn. Bhd.

Pada pandangan Audit, proses permohonan dan pengurusan perjanjian penyewaan ruang pejabat perlu mematuhi peraturan dan pekeliling yang berkuat kuasa. Pihak APMM perlu mendapatkan khidmat nasihat daripada urus setia Jawatankuasa Ruang Pejabat, Bahagian Pengurusan Hartanah, Jabatan Perdana Menteri sebelum menandatangani perjanjian penyewaan untuk menjaga kepentingan Kerajaan.

5.4.3. Bayaran Untuk Perabot, Peralatan Pejabat Dan Kerja Ubahsuai Yang Tidak Dibekal/Dilaksanakan

APMM telah menerima pakai kaedah penyewaan ruang kosong dan penyewaan termasuk ubahsuai dan perabot. Bagi menentukan asas pengiraan kadar sewaan termasuk ubahsuai dan perabot, APMM dikehendaki untuk menyediakan senarai ubahsuai dan perabot secara terperinci kepada Jabatan Penilaian Dan Perkhidmatan Harta (JPPH). Justeru itu, **kesemua kos ubahsuai dan perabot bagi kaedah penyewaan tersebut akan dibayar oleh APMM secara bulanan mengikut kadar sewaan yang telah dimuktamadkan oleh JPPH**. Pemakaian kaedah ini dilaksanakan di 3 Wilayah Maritim, 9 Daerah Maritim dan 3 Pangkalan Maritim. Kaedah ini dipilih antaranya adalah kerana APMM kekurangan kakitangan dan kesuntukan masa ketika itu untuk menguruskan proses perolehan ubahsuai dan perabot bagi pejabat tersebut. Penyewaan ruang kosong pula dibuat untuk Ibu Pejabat APMM, Bahagian Hal Ehwal Penguatkuasaan Maritim, Wilayah Maritim Selatan dan Daerah Maritim Johor Bahru. Semakan Audit terhadap perjanjian penyewaan termasuk Senarai Bahan mendapati perkara-perkara berikut :-

5.4.3.1. APMM tidak merekodkan butiran perabot dan peralatan pejabat yang diterima dan dibayar melalui sewa bulanan sepertimana dalam Senarai Bahan. Sehubungan itu, perbekalan perabot berjumlah RM2.65 juta di 7 pejabat yang dilawati tidak dapat disahkan penerimaan dan perbekalannya. Syarat perjanjian penyewaan juga tidak menjelaskan secara terperinci mengenai hak milik ke atas perabot dan peralatan pejabat selepas tamat tempoh penyewaan. Selepas teguran Audit, APMM telah mengemukakan senarai perabot dan peralatan pejabat bagi Pejabat Daerah Maritim Sandakan sahaja. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati maklumat dalam senarai tersebut adalah berbeza dengan butiran perabot dan peralatan pejabat seperti pada Senarai Bahan. Contohnya, *overhead projector screen, mobile pedestral, white board, double metal bed, 3 seater office sofa settee* dan *metal locker* tiada dalam senarai yang dikemukakan sedangkan perabot dan peralatan pejabat tersebut ada dalam Senarai Bahan. Pejabat di mana perabot dan peralatan tidak dapat disahkan adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 5.5
PERABOT DAN PERALATAN PEJABAT
YANG TIDAK DAPAT DISAHKAN PERBEKALANNYA

PEJABAT	JUMLAH (RM)
Wilayah Maritim Sabah	149,500
Daerah Maritim Pelabuhan Klang	377,000
Daerah Maritim Kota Kinabalu	270,000
Daerah Maritim Sandakan	225,610
Daerah Maritim Labuan	777,090
Pangkalan Maritim Mersing	463,265
Pangkalan Maritim Batu Pahat	396,500
JUMLAH	**2,658,965**

5.4.3.2. Semakan Audit telah dijalankan terhadap 5 pejabat yang menggunakan kaedah penyewaan termasuk ubahsuai dan perabot mendapati kerja-kerja pengubahsuaian bernilai RM781,292 sepertimana yang dinyatakan dalam Senarai Bahan tidak dilaksanakan. Bagaimanapun, didapati kos kerja tersebut telah diambil kira dalam penetapan kadar sewa bulanan. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 5.6
KERJA-KERJA UBAHSUAI YANG TIDAK DILAKSANAKAN

KERJA TIDAK DILAKSANAKAN	LOKASI	NILAI KERJA (RM)	TEMPOH PERJANJIAN
DAERAH MARITIM PELABUHAN KLANG			
Iron grille pada tingkap	Tandas Tingkat Bawah - Unit 74, 76, 78 dan 80	40,000	01.03.2005 - 29.02.2008 (kontrak pertama) 01.03.2008 - 28.02.2011 (sambungan kontrak)
	Tandas Tingkat 1 - Unit 74, 76, 78 dan 80	20,000	
	Tandas Tingkat 2 - Unit 74, 76, 78 dan 80	20,000	
	Tandas Tingkat 3 - Unit 74, 76, 78 dan 80	20,000	
18 unit *single swing glass door with lockset*	Unit 74, 76, 78 dan 80	81,000	
24 unit *single swing plastic door with lockset*	Unit 74, 76, 78 dan 80	7,200	
9 unit *iron bar door with heavy duty lockset*	Unit 78	45,000	
Security grille	Unit 80	50,000	
	JUMLAH	**283,200**	
DAERAH MARITIM KOTA KINABALU			
47 unit *aluminium frame vertical blind sliding window with iron grille* (*iron grille* tidak dipasang)	Tingkat Bawah, 1 dan 2	14,100	01.11.2004 - 31.10.2007 (kontrak pertama) 01.11.2007 - 31.10.2008 (sambungan kontrak) 01.11.2008 - 31.10.2009 (sambungan kontrak) 01.11.2009 - 31.10.2010 (sambungan kontrak)
15 unit *aluminium frame sliding window with iron grille* (*iron grille* tidak dipasang)	Tandas di Tingkat 1 dan 2	3,000	
Aluminium frame vertical blind sliding window with iron grille (*iron grille* tidak dipasang)	Tangga kecemasan di Tingkat 2	1,500	
3 Horse Power (H/P) cassette type air-conditioner	Lobi	5,400	
1.5 H/P wall mounted type air-conditioner	Gimnasium	4,320	

KERJA TIDAK DILAKSANAKAN	LOKASI	NILAI KERJA (RM)	TEMPOH PERJANJIAN
14 unit *fireproof hardwood solid door with lockset and frame*	Gimnasium, koridor, tangga kecemasan, Bilik Menunggu	28,000	
Gypsum board partition wall system	Gimnasium	8,880	
Gypsum board ceiling with cornice	Tingkat bawah, Laskar Kelas II/I (PTBR) Tingkat bawah, Laskar Kelas II/I (C3I) Tingkat 1, Bilik Menunggu Tingkat 1, Laskar Kanan (C3I) Tingkat 1, Laskar Kanan (TK) Tingkat 1, Laskar Kelas II/I (B&S) Tingkat 1, Laskar Kanan (KS) Tingkat 1, Bintara Muda (C3I) Tingkat 2, Laskar I / Pem (Kew) Tingkat 2, Laskar (PTBR) Tingkat 1 dan 2, koridor	4,752 1,584 2,652 792 792 792 4,752 1,584 5,988 4,752 30,120	
Coffee lounge	Tingkat 1	7,150	
	JUMLAH	**130,910**	
DAERAH MARITIM LABUAN			
Metal grille and door with lockset and frame	Bilik Kebal di Tingkat Bawah	4,800	01.06.2006 - 31.05.2009 (kontrak pertama) 01.06.2009 - 31.05.2012 (sambungan kontrak)
Single leaf hardwood solid door	Unit Keselamatan	5,000	
Extra over for one-way mirror	Bilik Siasatan	5,000	
Double leaf hardwood solid door	Bilik Taklimat	1,850	
	JUMLAH	**16,650**	
PANGKALAN MARITIM MERSING			
Vertical blind with iron grille (*iron grille* tidak dipasang)	Tingkat Bawah, 1, 2 dan 3	31,090	01.10.2005 - 30.09.2008 (kontrak pertama) 01.10.2008 - 30.09.2010 (sambungan kontrak) 01.10.2010 - 31.09.2011 (sambungan kontrak)
Ablution: Reinforced Concrete water through and taps	Surau Lelaki dan Surau Perempuan	8,800	
Bilik Pegawai	Tingkat Bawah	125,040	
	JUMLAH	**164,930**	
PANGKALAN MARITIM BATU PAHAT			
54 unit *aluminium frame vertical blind sliding window with iron grille* (*iron grille* tidak dipasang)	Tingkat bawah, 1, 2, 3 dan aras bumbung	21,600	01.03.2005 - 29.02.2008 (kontrak pertama) 01.03.2008 - 28.02.2011 (sambungan kontrak)
18 unit *aluminium frame sliding window with iron grille* (*iron grille* tidak dipasang)	Tingkat 1, 2, 3 dan aras bumbung	4,500	
Aluminium frame vertical blind sliding window with iron grille (*iron grille* tidak dipasang)	Tangga kecemasan di Tingkat Bawah, 1, 2 dan 3	8,000	
19 unit *1.5 H/P air-conditioner*	*Exhibit Room*, Bilik Gelap dan Bilik Pegawai di aras bumbung	34,200	
Keluar *signage* dan lampu kecemasan	*Reception Foyer*	300	
Lokap (lelaki dan perempuan)	Tingkat Bawah	83,277	
Fireproof partition wall system	Bilik Dokumen	8,925	
Stor	Tingkat 2 dan 3	14,300	
Fluorescent lamp fitting with aluminium mirror reflector (diganti dengan *downlight*)	Tandas Lelaki dan Tandas Perempuan di Tingkat Bawah	1,200	
Downlight (diganti dengan lampu kalimantang)	Koridor tingkat 1, 2, 3 dan bumbung	8,000	
Hardwood solid door (diganti dengan pintu PVC)	Bilik Gelap	1,300	
	JUMLAH	**185,602**	
	JUMLAH BESAR	**781,292**	

5.4.3.3. Berdasarkan maklum balas APMM, kerja-kerja pemasangan jeriji telahpun dilaksanakan oleh tuan tanah tetapi ditanggalkan semula disebabkan tidak mendapat kelulusan daripada Jabatan Bomba Dan Penyelamat dengan alasan menghalang laluan kecemasan. Manakala bagi kerja-kerja pengubahsuaian lain pula tidak dilaksanakan, sebaliknya tuan tanah telah menggantikan dengan kerja-kerja tambahan. Contohnya, *coffee lounge* diubah kepada pantri, bilik lokap diubah kepada bilik stor, menyediakan 2 set sofa dan peti sejuk dan membina *sky roofing* berhadapan pintu masuk utama di Pejabat Daerah Maritim Kota Kinabalu, memasang *close-circuit TV* di Pejabat Daerah Maritim Labuan, memasang *heat detectors*, *fire alarm system* dan *lighted department signage* di Pejabat Pangkalan Maritim Mersing dan mengubah bilik stor kepada bilik dokumen, memasang *close-circuit TV,* bilik gimnasium diubah kepada bilik eksibit dan memasang karpet untuk keseluruhan lantai bagi menggantikan jubin jenis *homogenous* di Pejabat Pangkalan Maritim Batu Pahat. Bagaimanapun, **kelulusan daripada JRP dan surat makluman kepada Jabatan Penilaian Dan Perkhidmatan Harta (JPPH) mengenai kerja-kerja penggantian tersebut tidak dikemukakan untuk semakan Audit. Selain itu, pihak Audit tidak dapat memastikan sama ada kos kerja-kerja penggantian adalah sepadan dengan keseluruhan kos kerja-kerja pengubahsuaian yang tidak dilaksanakan memandangkan semakan terhadap kerja-kerja pengubahsuaian yang dibangkitkan adalah berdasarkan sampel sahaja.**

5.4.3.4. Pihak APMM juga tidak merekodkan butiran perabot dan peralatan pejabat yang dibeli melalui perolehan tender di Ibu Pejabat APMM, **Bahagian Hal Ehwal Penguatkuasaan Maritim Malaysia, Wilayah Maritim Selatan dan Daerah Maritim Johor Bahru ke dalam KEW-PA 2, KEW-PA 3, KEW-PA 4 dan KEW-PA 5**. Sehingga 31 Disember 2009, hanya Senarai Aset Alih Kerajaan (KEW-PA 7) sahaja yang disediakan.

Pada pandangan Audit, pihak APMM perlu memantau perbekalan perabot dan peralatan pejabat serta kerja pengubahsuaian yang dilakukan oleh kontraktor bagi mengelakkan daripada membayar bekalan/kerja yang tidak diterima/tidak dilaksanakan. Kerja-kerja pengubahsuaian yang tidak dilaksanakan sebaliknya digantikan dengan kerja tambahan hendaklah mendapat kelulusan JRP dan dimaklumkan kepada JPPH supaya penilaian semula dapat dijalankan bagi menentukan kadar sewaan dibuat sewajarnya dan bagi memastikan Kerajaan mendapat *value for money* ke atas perbelanjaan yang telah dibuat.

5.4.4. Pematuhan Terhadap Syarat Perjanjian

Menurut perjanjian, tuan tanah bertanggungjawab untuk menjalankan kerja-kerja pembaikan di premis yang disewa. Tuan tanah perlu mengambil tindakan pembaikan dalam masa antara 5 hingga 14 hari setelah menerima notis bertulis dari APMM. Kegagalan mematuhi notis bertulis tersebut membolehkan pihak APMM mengarahkan pihak lain untuk menjalankan kerja-kerja pembaikan dan segala kos yang ditanggung akan ditolak daripada bayaran sewa yang sepatutnya dibayar. Lawatan Audit ke pejabat-pejabat APMM yang dipilih mendapati berlaku kerosakan

teruk kepada bangunan yang disewa antaranya seperti keretakan pada dinding, kebocoran pada siling, dinding lembap, tandas tidak dapat digunakan kerana kerosakan teruk dan penghawa dingin tidak disenggarakan. Selepas teguran Audit, tindakan pembaikan telah diambil seperti di **Gambar 5.15 hingga 5.20**. Manakala kerosakan di Pejabat Wilayah Maritim Selatan dan Daerah Maritim Johor Bahru; Wilayah Maritim Timur dan Daerah Maritim Kuantan; Wilayah Maritim Sabah, Daerah Maritim Sandakan, Daerah Maritim Pelabuhan Klang dan Pangkalan Maritim Batu Pahat masih belum dibaiki oleh tuan tanah seperti di **Gambar 5.21 hingga 5.26**.

GAMBAR 5.15



Ibu Pejabat APMM Di IOI Resort, Putrajaya
- Terdapat Kesan Lembap Dan Berkulat Pada Siling
(18.1.2010)

GAMBAR 5.16



Ibu Pejabat APMM Di IOI Resort, Putrajaya
- Siling Telah Dibaiki
(16.04.2010)

GAMBAR 5.17



Pejabat Daerah Maritim Tok Bali
- Siling Berkulat
(14.12.2009)

GAMBAR 5.18



Pejabat Daerah Maritim Tok Bali
- Siling Telah Dibaiki
(16.04.2010)

GAMBAR 5.19



Pejabat Daerah Maritim Tok Bali
- Kebersihan Sekitar Bangunan Tidak Dijaga
(14.12.2009)

GAMBAR 5.20



Pejabat Daerah Maritim Tok Bali
- Kawasan Di Sekitar Bangunan Telah Dibersihkan
(16.04.2010)

GAMBAR 5.21



Pejabat Wilayah Maritim Sabah
- Siling Bocor
(09.12.2009)

GAMBAR 5.22



Pejabat Wilayah Maritim Selatan Dan Daerah Maritim Johor Bahru
- Lantai Di Bilik Tandas Berkulat Dan Mangkuk Tandas Tidak Boleh Digunakan
(03.12.2009)

GAMBAR 5.23



Pejabat Daerah Maritim Sandakan
- Laluan Kecemasan Tidak Disenggara Dengan Sempurna (07.12.2009)

GAMBAR 5.24



Pejabat Daerah Maritim Sandakan
- Cat Pada Dinding Mengelupas
(07.12.2009)

GAMBAR 5.25



Pejabat Daerah Maritim Pelabuhan Klang
- Kesan Kebocoran Pada Siling
(21.01.2010)

GAMBAR 5.26



Pejabat Wilayah Maritim Timur Dan Daerah Maritim Kuantan
- Dinding Retak (16.12.2009)

Pada pandangan Audit, kelewatan mengatasi kerosakan ini akan menyukarkan perjalanan operasi harian pejabat serta boleh menjejaskan keselamatan kakitangan bertugas. Sehubungan ini, APMM perlu mengambil tindakan segera untuk membaiki kerosakan yang teruk sekiranya tindakan pembaikan masih belum dibuat oleh tuan tanah. Kos pembaikan tersebut perlu dituntut balik dari tuan tanah atau melalui potongan daripada jumlah bayaran sewa bulanan.

5.4.5. Kemudahan Infrastruktur Tidak Mencukupi

5.4.5.1. Penyediaan infrastruktur yang lengkap akan memudahkan pelaksanaan operasi pihak APMM terutama yang melibatkan keselamatan dan kepentingan negara. Semakan Audit mendapati hampir keseluruhan kapal dan

bot milik APMM menumpang sama ada di jeti milik agensi lain seperti Jabatan Laut, Tentera Laut Diraja Malaysia, Jabatan Perikanan Laut dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia atau di jeti milik persendirian. Daripada 3 Wilayah Maritim yang dilawati iaitu Wilayah Maritim Selatan, Timur dan Sabah hanya Daerah Maritim Tok Bali di Wilayah Maritim Timur sahaja mempunyai jeti khas yang disewa berserta dengan bangunan pejabat termasuk gudang sebanyak RM120,000 sebulan. Bagaimanapun, pihak APMM menghadapi masalah di tempat-tempat di mana terpaksa menumpang kemudahan agensi lain bagi meletakkan kapal dan bot mereka disebabkan kekurangan ruang, mengganggu operasi agensi lain dan menjejas keselamatan aset milik agensi lain. Selain itu, anggota yang ditugaskan untuk menjaga kapal dan bot milik APMM menghadapi kesukaran bagi menjalankan tugas kerana ketiadaan pondok/kabin, tandas dan bekalan air. Keadaan kapal dan bot milik APMM yang diletakkan di jeti agensi lain, jeti yang disewa dan jeti milik persendirian adalah seperti di gambar-gambar berikut :-

GAMBAR 5.27



Pangkalan Maritim Mersing
- Jeti Bekas Milik Jabatan Kerja Raya
(02.12.2009)

GAMBAR 5.28



Daerah Maritim Sandakan
- Jeti Milik Persatuan Nelayan Di Sim Sim
(07.12.2009)

GAMBAR 5.29



Pangkalan Maritim Batu Pahat
- Jeti Milik Jabatan Kastam Diraja Malaysia
(04.12.2009)

GAMBAR 5.30



Pangkalan Maritim Batu Pahat
- Wakaf Milik Jabatan Kastam Diraja Malaysia Dijadikan Pos Kawalan (04.12.2009)

GAMBAR 5.31



Daerah Maritim Tok Bali
- Jeti Lengkap Dengan Tempat Berlabuh Dan Pos Kawalan
(14.12.2009)

GAMBAR 5.32



Daerah Maritim Labuan
- Bot Diletakkan Di Sebelah Premis Yang Disewa
(10.12.2009)

GAMBAR 5.33



Daerah Maritim Pelabuhan Klang
- Jeti Milik Jabatan Laut
(21.01.2010)

GAMBAR 5.34



Daerah Maritim Pelabuhan Klang
- Pondok Rehat Yang Dijadikan Oleh Anggota APMM Sebagai Pos Kawalan
(21.01.2010)

5.4.5.2. Menurut garis panduan atau tatacara pengendalian barang eksibit, APMM hendaklah menyimpan selamat barang tersebut kerana ia akan dijadikan bahan bukti sewaktu perbicaraan kelak. Semakan Audit mendapati barangan eksibit hasil daripada operasi tangkapan seperti kenderaan, kapal dan bot tidak diuruskan penyimpanannya dengan teratur dan selamat. Barangan tersebut diletakkan di sekitar bangunan yang disewa, di jeti milik agensi lain atau jeti milik persendirian manakala barangan rampasan dalam bentuk kotak, pukat dan sebagainya akan disimpan dalam bilik barang eksibit di premis yang disewa. Selain itu, hanya Daerah Maritim Tok Bali sahaja yang mempunyai Pusat Tahanan Vesel yang disewa sebanyak RM10,000 sebulan. Contoh keadaan penyimpanan barangan eksibit adalah seperti di gambar-gambar berikut :-

GAMBAR 5.35



Daerah Maritim Labuan
- Kapal, Bot Dan Kapal Rampasan Diletakkan Di Jeti Milik Tentera Laut Diraja Malaysia
(10.12.2009)

GAMBAR 5.36



Daerah Maritim Tok Bali
- Kapal Dan Bot Yang Dirampas Untuk Dijadikan Barang Eksibit, Diletakkan Di Pusat Tahanan Vesel
(14.12.2009)

GAMBAR 5.37



Daerah Maritim Kuantan
-Kapal Dan Bot Rampasan APMM Diletakkan Di Jeti Milik Persendirian
(16.12.2009)

GAMBAR 5.38



Daerah Maritim Pelabuhan Klang
- Kapal Dan Bot (Sebahagian Daripada Barang Eksibit) Diletakkan Di Tepi Jalan
(21.01.2010)

GAMBAR 5.39



Daerah Maritim Labuan
- Kayu Yang Dirampas Diletakkan Di Hadapan Premis Berdekatan Dengan Kedai Makan
(10.12.2009)


GAMBAR 5.40



Daerah Maritim Pelabuhan Klang
- Kereta Yang Dirampas Diletakkan Di Hadapan Premis Yang Disewa
(21.01.2010)

5.4.5.3. Semakan Audit mendapati Wilayah Maritim Selatan ada mengemukakan cadangan untuk mendapatkan kemudahan bagi menempatkan kapal, bot dan barangan rampasan. Antara cadangannya ialah untuk menyewa jeti di Danga Bay dan membina Jeti Pangkalan Maritim Batu Pahat berdekatan dengan Jeti Jabatan Kastam Diraja Malaysia **(Gambar 5.41 dan 5.42)**.

GAMBAR 5.41



Daerah Maritim Johor Bahru
- Cadangan Jeti Sewa Di Danga Bay
(03.12.2009)

GAMBAR 5.42



Pangkalan Maritim Batu Pahat
- Cadangan Tapak Jeti
Pangkalan Maritim Batu Pahat Berdekatan Dengan Jeti Jabatan Kastam Diraja Malaysia
(04.12.2009)

5.4.5.4. Berdasarkan maklum balas APMM, usaha sedang diambil oleh pihak pengurusan untuk mendapatkan ruang pejabatnya sendiri melalui peruntukan pembangunan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9). Ketika kini, pembinaan 4 pejabat APMM sedang dilaksanakan iaitu di Tanjung Sedili, Johor, di Kuala Terengganu, Terengganu dan di Sandakan, Sabah serta Pusat Latihan di Kuantan, Pahang. Bagi tujuan pembinaan pejabat baru, APMM telah membuat permohonan peruntukan pembangunan di bawah RMK-10.

Pada pandangan Audit, keperluan bagi menyediakan infrastruktur yang lengkap seperti jeti, pos kawalan dan gudang untuk menyimpan barang rampasan amat kritikal memandangkan APMM perlu menumpang di jeti/premis milik agensi lain atau syarikat swasta di mana boleh menjejaskan keselamatan aset Kerajaan dan barangan eksibit.

5.5. SYOR AUDIT

Bagi memastikan aktiviti Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) yang dirancang dapat dilaksanakan dengan berkesan, adalah disyorkan supaya APMM mengambil langkah-langkah berikut :-

5.5.1. Mengkaji semula keperluan sebenar ruang pejabat yang disewa supaya Kerajaan mendapat *value for money* melalui perbelanjaan berhemat.

5.5.2. Mengambil kira kesesuaian premis untuk disewa kerana bangunan yang usang dan penyenggaraan yang tidak memuaskan akan menjejaskan keselamatan kakitangan dan operasi harian APMM.

5.5.3. Memastikan peraturan, pekeliling yang berkuat kuasa berhubung penyewaan bangunan dipatuhi dan khidmat nasihat daripada pihak urusetia Jawatankuasa Ruang Pejabat diperolehi terlebih dahulu sebelum mengikat kontrak dengan tuan tanah untuk menjaga kepentingan Kerajaan.

5.5.4. Mengesahkan perbekalan perabot dan peralatan pejabat serta kerja-kerja pengubahsuaian yang dilakukan oleh tuan tanah bagi mengelakkan daripada membayar perbekalan/kerja yang tidak diterima/tidak dilaksanakan. Kerja-kerja pengubahsuaian yang tidak dilaksanakan sebaliknya digantikan dengan kerja tambahan hendaklah mendapat kelulusan Jawatankuasa Ruang Pejabat dan dimaklumkan kepada Jabatan Penilaian Dan Perkhidmatan Harta supaya penilaian semula dapat dijalankan bagi menentukan kadar sewaan dibuat sewajarnya.

5.5.5. Membaiki kerosakan yang teruk sekiranya tindakan masih belum diambil oleh tuan tanah. Kos penyenggaraan perlu dituntut balik daripada tuan tanah atau melalui potongan daripada jumlah bayaran sewa bulanan.

5.5.6. Mengambil tindakan segera terhadap keperluan mendesak terutamanya mengenai penyediaan infrastruktur yang lengkap seperti jeti, pos kawalan dan gudang bagi menyimpan barang-barang rampasan memandangkan APMM menumpang di jeti/premis milik agensi lain atau syarikat swasta/persendirian di mana boleh menjejaskan keselamatan aset Kerajaan dan barangan ekshibit.


6. LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI
- PENGURUSAN TUNGGAKAN CUKAI

6.1. LATAR BELAKANG

6.1.1. Pada tahun 2009, Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) memungut cukai berjumlah RM78.38 bilion yang terdiri daripada cukai pendapatan, cukai petroleum, duti setem, cukai keuntungan harta tanah dan lain-lain. Jumlah pungutan cukai bagi tahun 2009 menunjukkan pengurangan sejumlah RM3.76 bilion berbanding tahun 2008 yang berjumlah RM82.14 bilion.

6.1.2. Pembayaran cukai dibuat secara terus kepada LHDN atau melalui bank komersial yang dilantik oleh Kerajaan atau melalui Potongan Cukai Berjadual. Kebanyakan syarikat dan individu membayar cukai mengikut tempoh yang ditetapkan, namun masih ada golongan yang gagal berbuat demikian dan ini telah menyebabkan tunggakan cukai kepada Kerajaan. Mengikut Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2009, jumlah tunggakan cukai pada akhir tahun 2009 ialah RM9.25 bilion berbanding RM12.63 bilion dan RM9.80 bilion masing-masingnya pada akhir tahun 2007 dan 2008. Carta berikut menunjukkan kedudukan cukai yang tertunggak berbanding dengan jumlah cukai yang dipungut bagi tahun 2006, 2007, 2008 dan 2009 :-

CARTA 6.1
PUNGUTAN DAN TUNGGAKAN CUKAI BAGI TAHUN 2006, 2007, 2008 DAN 2009



6.1.3. Cukai yang tertunggak adalah terdiri daripada cukai pendapatan (syarikat dan bukan syarikat), cukai keuntungan harta tanah dan lain-lain. Jumlah tunggakan cukai mengikut kategori pembayar cukai bagi tahun 2006, 2007, 2008 dan 2009 adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 6.1
TUNGGAKAN CUKAI MENGIKUT KATEGORI PEMBAYAR CUKAI
BAGI TAHUN 2006, 2007, 2008 DAN 2009

KATEGORI PEMBAYAR CUKAI	TAHUN				
	2006	2007	2008	2009	
	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
Syarikat	7,645.60	7,225.25	4,356.78	4,735.74	51.2
Bukan Syarikat	5,435.90	4,734.34	4,772.43	3,904.84	42.2
Cukai Keuntungan Harta Tanah	659.51	604.99	605.46	546.43	5.9
Lain-lain	74.58	62.90	64.26	62.76	0.7
JUMLAH	**13,815.59**	**12,627.48**	**9,798.93**	**9,249.77**	**100**

6.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan tunggakan cukai telah dilaksanakan dengan cekap dan mengikut undang-undang dan peraturan yang ditetapkan.

6.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini meliputi prestasi pengurusan tunggakan cukai secara keseluruhan dengan memberi tumpuan terhadap pengurusan tunggakan cukai pendapatan di Cawangan Pungutan Kuala Lumpur, Pulau Pinang, Alor Setar, Kangar, Melaka dan Kota Bahru. Semakan Audit telah dilakukan terhadap rekod, dokumen, laporan dan lejar bagi 804 pembayar cukai di 6 cawangan tersebut melibatkan tunggakan cukai berjumlah RM1,489.70 juta pada akhir tahun 2008. Semakan juga telah dijalankan terhadap Sistem Taksir Sendiri Selain Syarikat, Sistem Taksir Sendiri Syarikat dan Sistem Pengurusan Hasil (ReMS). Selain itu, perbincangan dan temu bual diadakan dengan pegawai LHDN yang terlibat bagi mendapatkan penjelasan lanjut terhadap isu yang dibangkitkan.

6.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Julai hingga November 2009 mendapati **pada umumnya kutipan tunggakan cukai oleh LHDN adalah kurang memuaskan. Peratusan kes yang diambil tindakan dan jumlah tunggakan cukai yang dapat dipungut adalah kurang daripada sasaran yang ditetapkan. Ini adalah kerana tiada pegawai khusus ditugaskan untuk mengambil tindakan terhadap kes-kes tunggakan cukai. Didapati pegawai yang sama juga terlibat dengan aktiviti pungutan yang lain. LHDN tidak mengenakan penalti terhadap pembayar cukai yang tidak/lewat mengemukakan Borang Nyata Cukai Pendapatan (Borang Nyata). Kenaikan cukai atas cukai yang tidak/kurang/lewat dibayar serta kenaikan cukai akibat perbezaan antara anggaran cukai yang dibayar oleh pembayar cukai dengan cukai sebenar tidak dikenakan. Di samping itu, tindakan sekatan perjalanan ke luar negara dan kaveat terhadap harta pembayar cukai yang mempunyai tunggakan cukai juga tidak diambil.** Penjelasan lanjut mengenai perkara yang ditemui adalah seperti di perenggan-perenggan berikut :-

6.4.1. Pencapaian Sasaran Bagi Kes Diambil Tindakan Dan Pungutan Tunggakan Cukai

6.4.1.1. Setiap tahun, LHDN menetapkan sasaran bilangan kes tunggakan cukai yang perlu diambil tindakan dan amaun tunggakan cukai yang perlu dipungut oleh setiap cawangan. Berdasarkan Senarai Debit dari Lejar Pembayar Cukai tahun 2007, bilangan kes yang perlu diambil tindakan adalah 1,312,843 manakala tunggakan cukai yang perlu dipungut berjumlah RM15,884.14 juta. Daripada bilangan kes/jumlah tunggakan cukai tersebut, LHDN menetapkan sasaran 30% atau 393,853 kes untuk diambil tindakan dan sejumlah RM4,765.25 juta tunggakan cukai dipungut. Semakan Audit mendapati kecuali Cawangan Johor Bahru yang tidak dapat mencapai sasaran yang ditetapkan, semua cawangan LHDN yang lain berjaya mengambil tindakan terhadap tunggakan cukai melebihi sasaran 30% yang ditetapkan. Bagaimanapun, prestasi pungutan cukai tertunggak secara keseluruhannya adalah tidak memuaskan kerana 19 daripada 35 cawangan LHDN tidak dapat mencapai sasaran 30% yang ditetapkan di mana hanya RM3,840.38 juta tunggakan cukai pendapatan yang berjaya dipungut berbanding RM4,765.25 yang disasarkan. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 6.2
PENCAPAIAN BERBANDING SASARAN BAGI
KES DIAMBIL TINDAKAN DAN PUNGUTAN TUNGGAKAN CUKAI BAGI TAHUN 2007

PENCAPAIAN (%)	BILANGAN KES TUNGGAKAN CUKAI			AMAUN CUKAI TERTUNGGAK		
	BILANGAN CAWANGAN LHDN	BILANGAN KES KESELURUHAN	PENCAPAIAN (KES)	BILANGAN CAWANGAN LHDN	TUNGGAKAN CUKAI KESELURUHAN (RM)	PENCAPAIAN (RM Juta)
< 10 %	1	95,219	8,336	1	463.43	27.41
10 - <30 %	-	-	-	18	12,706.18	2,823.47
30 - 50 %	9	437,231	183,848	16	2,714.53	989.50
>50 - 80 %	22	736,572	432,743	-	-	-
> 80 %	3	43,821	40,527	-	-	-
JUMLAH	**35**	**1,312,843**	**665,454**	**35**	**15,884.14**	**3,840.38**

6.4.1.2. Bagi tahun 2008, LHDN menetapkan sasaran berasaskan kepada 4 banjaran amaun cukai tertunggak bagi setiap kategori pembayar cukai iaitu kurang daripada RM10,000; antara RM10,000 hingga RM50,000; melebihi RM50,000 hingga RM100,000 dan melebihi RM100,000. Analisis Audit terhadap pencapaian sasaran bagi pembayar cukai bukan syarikat (kategori individu berpendapatan perniagaan dan penggajian) mendapati perkara berikut :-

a. Sasaran pungutan yang ditetapkan bagi pembayar cukai bukan syarikat (kategori individu berpendapatan perniagaan dan penggajian) adalah 30% daripada amaun cukai tertunggak bagi setiap banjaran. Semakan Audit mendapati pencapaian sasaran **bagi pembayar cukai bukan syarikat tersebut adalah tidak memuaskan di mana bagi kategori individu berpendapatan perniagaan, hanya 2 cawangan telah mencapai sasaran yang ditetapkan (Jadual 6.3) manakala bagi kategori individu berpendapatan penggajian pula, hanya 10 cawangan telah mencapai sasaran (Jadual 6.4).**

JADUAL 6.3
KEDUDUKAN PENCAPAIAN SASARAN DARI SEGI PUNGUTAN CUKAI TERTUNGGAK BAGI INDIVIDU BERPENDAPATAN PERNIAGAAN TAHUN 2008

PENCAPAIAN (%)	< RM10,000			RM10,000 - RM50,000			> RM50,000 - RM100,000			> RM100,000		
	BIL. CAWANGAN	JUMLAH (RM Juta)	SELESAI (RM Juta)	BIL. CAWANGAN	JUMLAH (RM Juta)	SELESAI (RM Juta)	BIL. CAWANGAN	JUMLAH (RM Juta)	SELESAI (RM Juta)	BIL. CAWANGAN	JUMLAH (RM Juta)	SELESAI (RM Juta)
< 5 %	20	542.41	19.42	13	499.28	20.54	13	129.71	5.28	11	247.89	9.49
5 - 10%	15	248.61	15.85	21	516.09	32.13	17	196.82	12.28	8	143.71	12.15
> 10 - < 30%	-	-	-	1	14.18	1.72	5	37.37	4.67	14	562.20	93.24
≥ 30 %	**-**	**-**	**-**	**-**	**-**	**-**	**-**	**-**	**-**	**2**	**115.41**	**39.17**
JUMLAH	**35**	**791.02**	**35.27**	**35**	**1,029.55**	**54.39**	**35**	**363.90**	**22.23**	**35**	**1,069.21**	**154.05**

JADUAL 6.4
KEDUDUKAN PENCAPAIAN SASARAN DARI SEGI PUNGUTAN CUKAI TERTUNGGAK BAGI KATEGORI INDIVIDU BERPENDAPATAN PENGGAJIAN TAHUN 2008

PENCAPAIAN (%)	<RM10,000			RM10,000 – RM50,000			> RM50,000 – RM100,000			>RM100,000		
	BIL. CAWANGAN	JUMLAH (RM Juta)	SELESAI (RM Juta	BIL. CAWANGAN	JUMLAH (RM Juta)	SELESAI (RM Juta)	BIL CAWANGAN	JUMLAH (RM Juta)	SELESAI (RM Juta)	BIL. CAWANGAN	JUMLAH (RM Juta)	SELESAI (RM Juta)
< 5 %	5	187.96	7.45	2	55.72	2.58	10	43.10	1.20	6	131.61	2.92
5 – 10%	12	361.72	28.13	23	712.60	54.99	11	167.55	13.70	5	77.68	5.20
>10 – < 30%	19	475.90	63.34	10	115.40	12.76	11	72.64	8.30	10	386.30	67.61
≥ 30 %	**1**	**0.01**	**-**	**-**	**-**	**-**	**1**	**0.49**	**0.20**	**8**	**112.65**	**63.43**
JUMLAH	**37**	**1,025.59**	**98.92**	**35**	**883.72**	**70.33**	**33**	**283.78**	**23.40**	**29**	**708.24**	**139.16**

b. LHDN juga menetapkan sasaran antara 20% hingga 100% mengikut banjaran bagi bilangan kes tunggakan cukai pendapatan yang perlu diselesaikan. Secara keseluruhannya, **LHDN hanya dapat mencapai antara 16.4% hingga 42.7% daripada sasaran yang ditetapkan bagi kategori individu berpendapatan perniagaan (Jadual 6.5). Manakala bagi kategori individu berpendapatan penggajian, secara keseluruhannya LHDN hanya dapat mencapai antara 20.8% hingga 49.4% daripada sasaran yang ditetapkan (Jadual 6.6).**

JADUAL 6.5
KEDUDUKAN PENCAPAIAN SASARAN PENYELESAIAN KES TUNGGAKAN CUKAI BAGI KATEGORI INDIVIDU BERPENDAPATAN PERNIAGAAN TAHUN 2008

PENCAPAIAN (%)	SASARAN 20 %			SASARAN 30 %			SASARAN 60 %			SASARAN 100 %		
	< RM10,000			RM10,000 - RM50,000			> RM50,000 - RM100,000			> RM100,000		
	BIL. CAW.	BIL. KES	KES SELESAI	BIL. CAW.	BIL. KES	KES SELESAI	BIL. CAW.	BIL. KES	KES SELESAI	BIL. CAW.	BIL. KES	KES SELESAI
< 10%	10	142,924	8,170	1	616	36	2	614	60	3	373	33
10 –< 20%	11	178,278	27,270	10	25,174	3,958	4	550	78	5	124	19
20 – < 30%	**7**	**77,542**	**19,386**	11	14,660	3,951	4	653	172	3	251	59
30 – < 60%	**5**	**23,056**	**8,421**	**9**	**6,270**	**2,918**	18	2,422	969	17	1,997	797

PENCAPAIAN (%)	SASARAN 20 %			SASARAN 30 %			SASARAN 60 %			SASARAN 100 %		
	< RM10,000			RM10,000 - RM50,000			> RM50,000 - RM100,000			> RM100,000		
	BIL. CAW.	BIL. KES	KES SELESAI	BIL. CAW.	BIL. KES	KES SELESAI	BIL. CAW.	BIL. KES	KES SELESAI	BIL. CAW.	BIL. KES	KES SELESAI
60 - < 100%	**2**	**11,594**	**7,788**	**4**	**3,608**	**3,034**	**7**	**1,073**	**825**	7	735	578
100%	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
JUMLAH	**35**	**433,394**	**71,035**	**35**	**50,328**	**13,897**	**35**	**5,312**	**2,104**	**35**	**3,480**	**1,486**
PENCAPAIAN (%)	**16.4%**			**27.6%**			**39.6%**			**42.7%**		

JADUAL 6.6
KEDUDUKAN PENCAPAIAN SASARAN PENYELESAIAN KES TUNGGAKAN CUKAI BAGI KATEGORI INDIVIDU BERPENDAPATAN PENGGAJIAN TAHUN 2008

PENCAPAIAN (%)	SASARAN 20 %			SASARAN 30 %			SASARAN 60 %			SASARAN 100 %		
	<RM10,000			RM10,000 – RM50,000			> RM50,000 – RM100,000			>RM100,000		
	BIL CAW.	BIL. KES	KES SELESAI	BIL. CAW.	BIL. KES	KES SELESAI	BIL. CAW.	BIL. KES	KES SELESAI	BIL. CAW.	BIL. KES	KES SELESAI
< 10%	6	147,881	11,072	1	123	8	3	266	21	4	8	-
10 – < 20%	8	238,195	36,148	4	13,438	2,090	5	304	59	2	99	12
20 – < 30%	**11**	**268,905**	**68,467**	6	14,557	3,627	4	514	118	3	282	65
30 - < 60%	**11**	**122,575**	**44,401**	**20**	**13,934**	**5,833**	15	2,275	931	16	1,151	521
60 - < 100%	**1**	**3,309**	**2,405**	**4**	**2,014**	**1,642**	**7**	**757**	**621**	8	526	422
100%	-	-	-	-	-	-	1	10	10	-	-	-
JUMLAH	**37**	**780,865**	**162,493**	**35**	**44,066**	**13,200**	**35**	**4,126**	**1,760**	**33**	**2,066**	**1,020**
PENCAPAIAN (%)	**20.8%**			**29.9%**			**42.6%**			**49.4%**		

6.4.1.3. Pada umumnya, pelaksanaan aktiviti penyelesaian tunggakan cukai oleh Cawangan/Unit Pungutan LHDN tidak mencapai sasaran yang ditetapkan adalah kerana pegawai yang sama juga terlibat dengan tugasan lain selain daripada mengurus tunggakan cukai pendapatan. LHDN telah mengenal pasti keperluan perjawatan bagi aktiviti pungutan di cawangan-cawangan LHDN mengikut pengkhususan aktiviti dan sub-aktiviti dalam penstrukturan semula LHDN. Seterusnya pada 25 April 2008, LHDN telah mengemukakan cadangan kepada Perbendaharaan Malaysia/Jabatan Perkhidmatan Awam bagi menambah 14,000 jawatan pelbagai gred. **Bagaimanapun, kelulusan hanya diperolehi pada 2 April 2010 dan bilangan jawatan yang diluluskan hanya 4,000.**

Pada pandangan Audit, pihak pengurusan LHDN juga hendaklah mengkaji strategi/kaedah yang lebih efektif untuk mengutip cukai yang tertunggak bagi mencapai sasaran yang ditetapkan.

6.4.2. Tunggakan Cukai Yang Dihapus Kira

Sebelum sesuatu tunggakan cukai dihapus kira, LHDN akan mengambil tindakan terhadap pembayar cukai berkenaan seperti mengeluarkan Surat Pemberitahu dan Tuntutan Tunggakan; memberi peringatan melalui telefon; lawatan ke premis pembayar cukai dan mengenakan sekatan perjalanan. Mengikut Laporan Akaun

Belum Terima, **jumlah tunggakan cukai yang diluluskan oleh Perbendaharaan Malaysia untuk dihapus kira bagi tahun 2008 dan 2009 adalah berjumlah RM547.83 juta.** Tunggakan cukai tersebut dihapus kira adalah disebabkan oleh beberapa faktor seperti di jadual berikut :-

JADUAL 6.7
HAPUS KIRA TUNGGAKAN CUKAI BAGI TAHUN 2008 DAN 2009

FAKTOR/SEBAB	2008		2009	
	BIL. KES	JUMLAH (RM Juta)	BIL. KES	JUMLAH (RM Juta)
Syarikat Digulung	309	197.10	244	27.69
Pembayar Cukai Bankrap	859	131.86	542	53.51
Pembayar Cukai Tidak Dapat Dikesan	6,671	24.76	4,590	18.01
Pembayar Cukai Meninggal Dunia	1,314	17.48	1,054	20.25
Syarikat Tidak Dapat Dikesan	511	16.47	886	26.42
Syarikat Dibubar/Ditutup	27	6.19	17	0.29
Pembayar Cukai Meninggalkan Malaysia	454	4.60	360	3.17
Tunggakan Kurang Daripada RM25	1,516	0.02	1,212	0.01
JUMLAH	**11,661**	**398.48**	**8,905**	**149.35**

6.4.3. Tunggakan Cukai Mengikut Usia

6.4.3.1. Berdasarkan kepada Laporan Akaun Belum Terima pada 31 Disember 2009, pihak Audit mendapati pembayar cukai pendapatan (syarikat dan bukan syarikat) mempunyai tunggakan cukai yang tinggi iaitu masing-masingnya 51.2% dan 42.2% daripada keseluruhan tunggakan cukai tahun 2009 yang berjumlah RM9,249.77 juta. Selain itu, didapati sejumlah RM5,069.20 juta (54.8%) cukai telah tertunggak melebihi tempoh 36 bulan. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 6.8
TUNGGAKAN CUKAI MENGIKUT USIA PADA AKHIR TAHUN 2009

KATEGORI	≤ 12 BULAN (RM Juta)	> 12 BULAN HINGGA 36 BULAN (RM Juta)	> 36 BULAN HINGGA 72 BULAN (RM Juta)	MELEBIHI 72 BULAN (RM Juta)	JUMLAH (RM Juta)	%
Syarikat	1,372.89	1,257.95	1,258.34	846.56	4,735.74	51.2
Bukan Syarikat	919.34	452.38	774.71	1,758.41	3,904.84	42.2
Cukai Keuntungan Harta Tanah	37.12	140.75	134.53	234.03	546.43	5.9
Lain-lain	0.01	0.13	0.22	62.40	62.76	0.7
JUMLAH	**2,329.36**	**1,851.21**	**2,167.80**	**2,901.40**	**9,249.77**	**100**

6.4.3.2. Semakan Audit secara terperinci telah dijalankan terhadap rekod 512 pembayar cukai di 6 Cawangan LHDN yang melibatkan tunggakan cukai berjumlah RM541.89 juta. Daripada tunggakan cukai tersebut, sejumlah RM301 juta (55.6%) telah berusia melebihi tempoh 72 bulan (6 tahun). Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 6.9
TUNGGAKAN CUKAI MENGIKUT USIA PADA
BULAN SEPTEMBER HINGGA NOVEMBER 2009

CAWANGAN LHDN	≤ 12 BULAN (RM Juta)	(%)	> 12 BULAN HINGGA 36 BULAN (RM Juta)	(%)	> 36 BULAN HINGGA 72 BULAN (RM Juta)	(%)	MELEBIHI 72 BULAN (RM Juta)	(%)	JUMLAH TUNGGAKAN CUKAI (RM Juta)	BILANGAN PEMBAYAR CUKAI
Pungutan Kuala Lumpur	16.20	3.1	137.23	26.7	83.00	16.1	278.19	54.1	514.62	92
Kangar	0.03	1.2	0.21	8.7	0.38	15.6	1.81	74.5	2.43	31
Pulau Pinang	-	-	0.56	4.3	1.10	8.5	11.35	87.2	13.01	126
Alor Setar	0.03	0.4	0.43	6.6	0.41	6.3	5.67	86.7	6.54	91
Melaka	-	-	0.04	6.3	0.14	21.9	0.46	71.8	0.64	39
Kota Bharu	0.01	0.2	0.51	11.0	0.61	13.1	3.52	75.7	4.65	133
JUMLAH	**16.27**		**138.98**		**85.64**		**301.00**		**541.89**	**512**

6.4.3.3. Semakan Audit selanjutnya terhadap 294 pembayar cukai di 5 Cawangan LHDN yang mempunyai cukai tertunggak melebihi tempoh 36 bulan mendapati Cawangan LHDN yang berkenaan telah mengambil masa yang lama (melebihi 3 tahun) untuk mengutip balik tunggakan cukai pendapatan daripada 279 pembayar cukai serta tindakan yang diambil tidak berterusan terhadap 9 pembayar cukai. Selain itu, **tiada bukti yang menunjukkan 3 Cawangan LHDN telah mengambil tindakan untuk mengutip balik tunggakan cukai daripada 6 pembayar cukai**. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 16.10
TINDAKAN LHDN UNTUK MENGUTIP TUNGGAKAN CUKAI

CAWANGAN LHDN	LEWAT AMBIL TINDAKAN		TINDAKAN TIDAK BERTERUSAN		TIADA TINDAKAN	
	BIL. PEMBAYAR CUKAI	TUNGGAKAN (RM Juta)	BIL. PEMBAYAR CUKAI	TUNGGAKAN (RM Juta)	BIL. PEMBAYAR CUKAI	TUNGGAKAN (RM Juta)
Pungutan Kuala Lumpur	57	341.34	4	32.27	2	3.12
Pulau Pinang	100	10.85	3	0.85	3	0.20
Alor Setar	55	5.82	1	0.31	0	0.00
Melaka	21	0.39	0	0.00	0	0.00
Kota Bharu	46	2.62	1	0.10	1	0.01
JUMLAH	**279**	**361.02**	**9**	**33.53**	**6**	**3.33**

6.4.4. Penguatkuasaan Undang-undang

Semakan Audit mendapati terdapat kes di mana LHDN tidak mengenakan penalti/kompaun/kenaikan cukai terhadap pembayar cukai yang gagal mematuhi undang-undang dan peraturan yang berkaitan bayaran cukai sama ada disebabkan oleh terlepas pandang atau fail pembayar cukai berkenaan tidak termasuk dalam sampel Audit Meja. Berikut diberikan contoh-contohnya :-

6.4.4.1. Penalti Tidak Dikenakan Terhadap Pembayar Cukai Yang Tidak/ Lewat Mengemukakan Borang Nyata

a. Pembayar cukai adalah dikehendaki mengemukakan Borang Nyata pada tarikh yang ditetapkan iaitu pada atau sebelum 30 April bagi individu berpendapatan penggajian; pada 30 Jun bagi individu berpendapatan perniagaan dan dalam tempoh 7 bulan dari tarikh penutupan akaun bagi pembayar cukai syarikat. Pembayar cukai yang tidak/lewat mengemukakan Borang Nyata akan dikenakan penalti sepertimana ditetapkan dalam Subseksyen 112(3) Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP 1967). Semakan Audit mendapati **LHDN tidak mengenakan penalti terhadap 41 pembayar cukai yang tidak/lewat mengemukakan Borang Nyata bagi Tahun Taksiran 2004, 2005 dan 2006.** Mengikut Arahan Operasi Bilangan 9 Tahun 2000 yang dikeluarkan oleh LHDN, jumlah penalti yang boleh dikenakan terhadap 41 pembayar cukai tersebut adalah berjumlah RM8,350. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 6.11
PENALTI TIDAK DIKENAKAN TERHADAP PEMBAYAR CUKAI YANG TIDAK/LEWAT MENGEMUKAKAN BORANG NYATA BAGI TAHUN TAKSIRAN 2004, 2005 DAN 2006

CAWANGAN LHDN	BIL. PEMBAYAR CUKAI	BIL. KES	JUMLAH PENALTI BOLEH DIKENAKAN (RM)
Pungutan Kuala Lumpur	4	4	2,400
Kangar	2	3	700
Alor Setar	9	13	1,550
Kota Bharu	5	7	1,400
Melaka	21	32	2,300
JUMLAH	**41**	**59**	**8,350**

b. Berdasarkan maklum balas daripada LHDN, seramai 33 daripada 41 pembayar cukai tersebut telah dikenakan penalti berjumlah RM7,000.

6.4.4.2. Kenaikan Cukai Tidak Dikenakan Bagi Cukai Tidak/Kurang/Lewat Dibayar

a. Seksyen 103 ACP 1967 menetapkan bahawa cukai yang ditaksir perlu dibayar pada tarikh yang ditetapkan. Kenaikan cukai sebanyak 10% akan dikenakan terhadap pembayar cukai atas jumlah cukai yang tidak/kurang/ lewat dibayar. Jika bayaran masih tidak dibuat dalam tempoh 60 hari dari tarikh penalti 10% dikenakan, penalti sebanyak 5% lagi akan dikenakan. Semakan Audit mendapati **LHDN tidak mengenakan kenaikan cukai terhadap 39 pembayar cukai di 4 cawangan LHDN yang tidak/kurang/ lewat membayar cukai berjumlah RM6.49 juta.** Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 6.12
KENAIKAN CUKAI TIDAK DIKENAKAN
TERHADAP CUKAI YANG TIDAK/KURANG/LEWAT DIBAYAR

CAWANGAN	BIL. PEMBAYAR CUKAI	BIL. KES	JUMLAH (RM Juta)
Pungutan, Kuala Lumpur	18	35	6.43
Kangar	5	7	0.02
Pulau Pinang	7	8	0.03
Alor Setar	9	10	0.01
JUMLAH	**39**	**60**	**6.49**

b. Berdasarkan maklum balas daripada LHDN, seramai 32 daripada 39 pembayar cukai tersebut telah dikenakan kenaikan cukai berjumlah RM1.42 juta.

6.4.4.3. Kenaikan Cukai Tidak Dikenakan Bagi Ansuran Anggaran Cukai/ Ansuran Cukai Yang Tidak/Kurang/Lewat Dibayar

a. Mengikut Arahan Operasi dan Subseksyen 107B(3) serta 107C(9) ACP 1967, bayaran cukai secara ansuran hendaklah dibuat pada tarikh yang ditetapkan. Bayaran yang tidak dibuat dalam tempoh yang ditetapkan itu akan dikenakan kenaikan cukai sebanyak 10% atas jumlah ansuran yang tidak/lewat/kurang dibayar. Semakan Audit mendapati **kenaikan cukai berjumlah RM1.62 juta tidak dikenakan terhadap 32 pembayar cukai yang tidak/ lewat/kurang menjelaskan bayaran ansuran**. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 6.13
KENAIKAN CUKAI BAGI ANSURAN CUKAI YANG TIDAK DIBAYAR/KURANG DIBAYAR/LEWAT DIBAYAR TIDAK DIKENAKAN

CAWANGAN LHDN	BIL. PEMBAYAR CUKAI	BIL. KES	JUMLAH (RM)
Pungutan, Kuala Lumpur	17	21	1,559,053
Kangar	7	16	58,262
Pulau Pinang	4	4	385
Alor Setar	3	3	821
Melaka	1	1	1,078
JUMLAH	**32**	**45**	**1,619,599**

b. Berdasarkan maklum balas daripada LHDN, seramai 26 daripada 32 pembayar cukai tersebut telah dikenakan kenaikan cukai berjumlah RM0.40 juta.

6.4.4.4. Kenaikan Cukai Tidak Dikenakan Atas Perbezaan 30% Antara Anggaran Cukai Dengan Cukai Sebenar

Mengikut Subseksyen 107C(10) ACP1967 bagi syarikat, bayaran cukai syarikat boleh dibuat secara ansuran berdasarkan anggaran cukai yang dikemukakan

oleh pembayar cukai. Bagaimanapun, jika jumlah cukai sebenar adalah 30% melebihi anggaran cukai yang dibayar oleh pembayar cukai, kenaikan cukai sebanyak 10% akan dikenakan terhadap perbezaan jumlah tersebut. Semakan Audit mendapati **11 syarikat di Cawangan Pungutan Kuala Lumpur telah mengemukakan anggaran cukai kurang daripada 30% daripada cukai yang sebenar tetapi kenaikan cukai berjumlah RM0.67 juta tidak dikenakan terhadap syarikat berkenaan.** Berdasarkan maklum balas daripada LHDN, sebanyak 8 daripada 11 syarikat tersebut telah dikenakan kenaikan cukai berjumlah RM0.51 juta.

6.4.4.5. Kompaun Tidak Dikenakan Kepada Pembayar Cukai Yang Tidak Mengemukakan Anggaran Cukai

Mengikut Subseksyen 120(1)(f) ACP 1967, pembayar cukai yang gagal mengemukakan anggaran cukai mengikut Subseksyen 107C(2), 107C(3) dan 107C(4)(a) ACP 1967 boleh dikenakan kompaun mengikut kadar yang ditetapkan berdasarkan anggaran cukai kena bayar. Semakan Audit di Cawangan Pungutan Kuala Lumpur mendapati **24 syarikat gagal mengemukakan anggaran cukai bagi tempoh tahun 2004 hingga 2006 tetapi tidak dikenakan kompaun berjumlah RM27,500.**

6.4.4.6. Sekatan Perjalanan Ke Luar Negara Tidak Dikenakan

Mengikut Seksyen 104 ACP 1967, Ketua Pengarah LHDN boleh mengeluarkan perintah halangan ke luar negara kepada pembayar cukai yang mempunyai tunggakan cukai melebihi RM5,000 dengan menghantar surat perakuan kepada Jabatan Imigresen dan Polis Diraja Malaysia untuk tindakan tersebut. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati **tindakan menghalang pembayar cukai daripada ke luar negara tidak dibuat terhadap 61 pembayar cukai yang mempunyai tunggakan cukai berjumlah RM142.24 juta**. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 6.14
SEKATAN PERJALANAN KE LUAR NEGARA
TIDAK DIKENAKAN TERHADAP PEMBAYAR CUKAI

CAWANGAN LHDN	BILANGAN PEMBAYAR CUKAI	JUMLAH TUNGGAKAN (RM Juta)
Pungutan, Kuala Lumpur	40	140.64
Kangar	3	0.14
Pulau Pinang	9	0.61
Alor Setar	9	0.85
JUMLAH	**61**	**142.24**

6.4.4.7. Tindakan Kaveat Hartanah Terhadap Pembayar Cukai Tidak Dibuat

Tindakan kaveat hartanah boleh diambil di bawah peruntukan Seksyen 320(1)(ba) Kanun Tanah Negara terhadap pembayar cukai yang mempunyai

tunggakan cukai. **Semakan Audit mendapati tindakan kaveat hartanah tidak dibuat terhadap 77 syarikat yang mempunyai tunggakan cukai berjumlah RM375.05 juta**. Berdasarkan Penyata Harta dan Tanggungan yang terakhir dikemukakan kepada LHDN, nilai harta (tanah dan bangunan) yang dimiliki oleh 77 syarikat tersebut adalah berjumlah RM958.85 juta.

Pada pandangan Audit, LHDN hendaklah menguatkuasakan undang-undang dan peraturan terhadap pembayar cukai yang gagal menjelaskan bayaran cukai supaya hasil Kerajaan dapat dipungut sepenuhnya.

6.5. SYOR AUDIT

Bagi memastikan sasaran yang ditetapkan untuk mengurangkan tunggakan cukai dapat dicapai sepenuhnya, Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) perlu mempertingkatkan tahap penguatkuasaan undang-undang dan peraturan terhadap pembayar cukai yang gagal menjelaskan cukai mereka. Sehubungan ini, Agensi Pusat perlu menimbangkan semula permohonan LHDN untuk menambah bilangan kakitangan yang diperlukan bagi mempertingkatkan aktiviti penguatkuasaannya.

KEMENTERIAN KEWANGAN

7. LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI

- **PENGURUSAN SURAT PENYELESAIAN CUKAI BAGI PEMBAYAR CUKAI INDIVIDU BERPENDAPATAN PENGGAJIAN**

7.1. LATAR BELAKANG

7.1.1. Mengikut peruntukan Seksyen 83(3) dan 83(4), Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP 1967), majikan yang mempunyai pekerja yang hendak berhenti kerja/bersara, pekerja luar negara yang akan meninggalkan Malaysia dan pemastautin tetap tetapi dikehendaki keluar bekerja di luar Malaysia melebihi tempoh 3 bulan perlu mengemukakan borang permohonan Surat Penyelesaian Cukai (SPC) kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN). Borang tersebut perlu diisi lengkap dengan butiran pekerja, jumlah saraan yang akan diterima setakat tarikh terakhir perkhidmatan dan wang pekerja yang dipegang oleh majikan di bawah Seksyen 83(5), ACP 1967 (sekiranya ada) untuk tujuan pembayaran cukai. Berdasarkan borang tersebut, LHDN akan menyediakan SPC yang menunjukkan jumlah cukai sementara atau cukai pendahuluan yang perlu diselesaikan oleh pembayar cukai berkenaan. Jumlah cukai pendapatan sebenar akan dimuktamadkan setelah pembayar cukai mengemukakan Borang Nyata bagi tahun taksiran semasa pada tahun berikutnya.

7.1.2. Bagi penjawat awam, borang permohonan SPC hendaklah dikemukakan oleh majikan ke pejabat LHDN 6 bulan sebelum tarikh persaraan atau secepat yang mungkin sekiranya pekerja meninggal dunia. Manakala bagi pekerja swasta pula, borang permohonan hendaklah dikemukakan dalam tempoh sebulan sebelum tarikh berhenti kerja. Bagi pekerja luar negara yang akan meninggalkan Malaysia dan pemastautin tetap tetapi dikehendaki keluar bekerja di luar Malaysia melebihi tempoh 3 bulan, mereka juga perlu mengemukakan borang permohonan tersebut dalam tempoh sebulan.

7.1.3. Menurut statistik Jabatan Operasi Cukai, sebanyak 35 Cawangan LHDN telah menerima 104,874 permohonan SPC bagi tempoh tahun 2006 hingga bulan Jun 2009 dan sebanyak 94,620 (90.2%) kes telah diselesaikan. Manakala bakinya 10,254 kes terdiri daripada kes batal dan juga kes belum selesai. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 7.1
PERMOHONAN DAN PENYELESAIAN KES SURAT PENYELESAIAN CUKAI KEPADA PEMBAYAR CUKAI INDIVIDU BERPENDAPATAN PENGGAJIAN BAGI TEMPOH TAHUN 2006 HINGGA 2009

KATEGORI PEMBAYAR CUKAI	2006			2007			2008			2009 (Sehingga Bulan Jun)		
	BILANGAN KES			BILANGAN KES			BILANGAN KES			BILANGAN KES		
	MOHON	SELESAI	BATAL DAN BELUM SELESAI	MOHON	SELESAI	BATAL DAN BELUM SELESAI	MOHON	SELESAI	BATAL DAN BELUM SELESAI	MOHON	SELESAI	BATAL DAN BELUM SELESAI
Awam	3,079	2,341	738	9,685	8,607	1,078	12,473	11,371	1,102	5,515	4,991	524
Swasta	4,060	3,195	865	9,096	8,079	1,017	19,321	17,877	1,444	16,749	15,449	1,300
Meninggalkan Malaysia/ Bertugas Di Luar Negara	1,665	1,311	354	5,992	5,391	601	11,343	10,560	783	5,896	5,448	448
JUMLAH	**8,804**	**6,847**	**1,957**	**24,773**	**22,077**	**2,696**	**43,137**	**39,808**	**3,329**	**28,160**	**25,888**	**2,272**

7.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan Surat Penyelesaian Cukai bagi pembayar cukai individu berpendapatan penggajian telah dilaksanakan dengan cekap dan mengikut undang-undang serta peraturan yang ditetapkan.

7.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini meliputi pengeluaran SPC kepada 806 pembayar cukai individu berpendapatan penggajian bagi tempoh tahun 2006 hingga bulan Jun 2009. Semakan Audit telah dijalankan terhadap rekod dan dokumen yang berkaitan dengan pengeluaran SPC seperti fail Taksiran Penggajian (SG), fail Pungutan dan lejar individu di 6 cawangan LHDN iaitu Cawangan Wangsa Maju; Teluk Intan; Seremban; Kota Kinabalu; Johor Bahru dan Wilayah Persekutuan Labuan. Perbincangan dan temu bual telah diadakan dengan pegawai LHDN di semua peringkat yang terlibat bagi mendapatkan penjelasan lanjut.

7.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Ogos hingga Disember 2009 mendapati **sungguhpun LHDN dapat menyelesaikan 90.2% kes permohonan SPC bagi pembayar cukai individu berpendapatan penggajian bagi tempoh tahun 2006 hingga bulan Jun 2009, namun terdapat beberapa kelemahan dalam pengurusan SPC. Antara kelemahan tersebut adalah permohonan SPC tidak dapat diselesaikan mengikut tempoh yang ditetapkan dalam Piagam Pelanggan; penalti tidak dikenakan terhadap pembayar cukai yang lewat mengembalikan Borang Nyata; Borang Nyata selepas SPC dikeluarkan tidak dikemukakan oleh pembayar cukai bagi menentukan cukai yang sebenar; ketiadaan tindakan menghalang pembayar cukai dari keluar negara serta tindakan guaman sivil tidak diambil terhadap pembayar cukai yang masih mempunyai tunggakan cukai.** Penjelasan lanjut mengenai perkara yang ditemui adalah seperti di perenggan-perenggan berikut :-

7.4.1. Kelewatan Menyelesaikan Kes

Piagam Pelanggan LHDN menetapkan bahawa setiap permohonan SPC yang lengkap hendaklah diselesaikan dalam tempoh 10 hari bekerja. Semakan Audit terhadap 806 pembayar cukai melibatkan 846 kes permohonan SPC di 6 cawangan iaitu Cawangan Wangsa Maju; Kota Kinabalu; Wilayah Persekutuan Labuan; Teluk Intan; Seremban dan Johor Bahru mendapati 695 (82.2%) kes yang melibatkan penyelesaian cukai berjumlah RM2.15 juta telah diselesaikan dalam tempoh yang ditetapkan. Manakala **143 (16.9%) kes melibatkan penyelesaian cukai berjumlah RM451,992 telah lewat diselesaikan. Tempoh kelewatan adalah antara 7 hingga 488 hari.** Bakinya 8 kes dengan jumlah penyelesaian cukai berjumlah RM28,714 tidak dapat dipastikan tempoh penyelesaian kerana maklumat tidak lengkap. Didapati kelewatan penyelesaian cukai antara lainnya disebabkan oleh pembayar cukai yang tidak menyediakan borang yang lengkap atau tidak mengemukakan Borang Nyata bagi tahun taksiran sebelumnya. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 7.2
TEMPOH PENYELESAIAN KES PERMOHONAN SURAT PENYELESAIAN CUKAI

CAWANGAN LHDN	DISELESAIKAN DALAM TEMPOH		DISELESAIKAN MELEBIHI TEMPOH			TEMPOH PENYELESAIAN TIDAK DAPAT DIKENALPASTI	
	BIL. KES	JUMLAH (RM)	BIL. KES	HARI	JUMLAH (RM)	BIL. KES	JUMLAH (RM)
Wangsa Maju	286	1,192,060	9	12 - 438	6,973	Tiada Kes	0
Kota Kinabalu	134	276,655	79	9 - 488	255,304	3	11,896
Labuan	30	325,391	1	18	(7,812)*	Tiada Kes	0
Teluk Intan	72	103,553	29	8 - 179	68,048	Tiada Kes	0
Seremban	85	125,464	21	11 - 178	107,221	5	16,818
Johor Bahru	88	124,438	4	7 - 129	14,446	Tiada Kes	0
JUMLAH	**695**	**2,147,561**	**143**	**7 - 488**	**451,992**	**8**	**28,714**

Nota : (*) - Bayaran Balik Cukai Pendapatan

Pada pandangan Audit, LHDN hendaklah memastikan permohonan SPC dapat diselesaikan dalam tempoh yang ditetapkan bagi mengelakkan berlakunya kelewatan kutipan hasil Kerajaan. Sehubungan ini, LHDN hendaklah merekodkan setiap permohonan yang diterima dengan lengkap.

7.4.2. Borang Nyata Tidak/Lewat Diterima

7.4.2.1. Didapati SPC yang dikeluarkan oleh LHDN hanya menunjukkan jumlah cukai sementara atau cukai pendahuluan yang perlu diselesaikan oleh pembayar cukai berkenaan berdasarkan borang permohonan SPC yang disediakan oleh majikan masing-masing. Ini adalah kerana Seksyen 77(1)(b) ACP 1967 hanya menghendaki Borang Nyata bagi tahun taksiran semasa dikembalikan oleh pembayar cukai selewat-lewatnya pada 30 April tahun berikutnya. Oleh itu, LHDN hanya dapat menentukan cukai pendapatan sebenar setelah pembayar cukai terlibat mengemukakan Borang Nyata selepas

pengeluaran SPC. Semakan Audit terhadap 846 SPC yang dikeluarkan kepada 806 pembayar cukai bagi tempoh tahun taksiran 2006, 2007 dan 2008 mendapati 231 Borang Nyata tidak dikembalikan oleh pembayar cukai yang telah dikenakan cukai sementara berjumlah RM143,220. Ketiadaan Borang Nyata tersebut menyebabkan **LHDN tidak dapat menentukan cukai sebenar yang perlu dibayar oleh pembayar cukai berkenaan.** Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 7.3
BORANG NYATA TIDAK DIKEMBALIKAN
BAGI TEMPOH TAHUN TAKSIRAN 2006 HINGGA 2008

CAWANGAN LHDN	BIL. PEMBAYAR CUKAI	TAHUN TAKSIRAN	BILANGAN BORANG NYATA TIDAK DIKEMBALIKAN	AMAUN CUKAI SEMENTARA (RM)
Wangsa Maju	242	2006	9	0
		2007	29	15,335
		2008	28	46,275
Kota Kinabalu	220	2006	5	30,610
		2007	23	2,974
		2008	37	11,616
Labuan	33	2006	Tiada kes	0
		2007	3	0
		2008	6	9,680
Teluk Intan	100	2006	2	0
		2007	11	7,170
		2008	10	843
Seremban	111	2006	8	0
		2007	8	1,611
		2008	15	363
Johor Bahru	100	2006	1	0
		2007	16	6,126
		2008	20	10,617
JUMLAH	**806**		**231**	**143,220**

7.4.2.2. Mengikut Sub-seksyen 112(3), ACP 1967 pula, LHDN akan mengenakan penalti terhadap pembayar cukai yang lewat mengembalikan Borang Nyata bagi setiap tahun taksiran yang terlibat. Semakan Audit terhadap 540 Borang Nyata yang lewat dikembalikan mendapati LHDN telah mengenakan penalti berjumlah RM41,699 terhadap 136 pembayar cukai manakala penalti dianggarkan berjumlah RM200 belum dikenakan terhadap pembayar cukai yang terlibat dengan kelewatan pengembalian 4 Borang Nyata. Bagi 399 kes lagi, didapati pembayar cukai tidak mempunyai pendapatan bercukai atau dikecualikan daripada dikenakan penalti mengikut Arahan Operasi Bilangan 5 Tahun 2008. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 7.4
KEDUDUKAN PENGENAAN PENALTI KEPADA
PEMBAYAR CUKAI YANG LEWAT MENGEMBALIKAN BORANG NYATA

CAWANGAN LHDN	PENALTI DIKENAKAN		PENALTI LEWAT TIDAK PERLU DIKENAKAN		PENALTI BELUM DIKENAKAN WALAUPUN ADA PENDAPATAN BERCUKAI	
			TIADA PENDAPATAN BERCUKAI	DIKECUALIKAN DARIPADA DIKENAKAN PENALTI		
	BIL. KES	(RM)	BIL. KES	BIL. KES	BIL. KES	(RM)
Wangsa Maju	74	23,961	123	20	2	100
Kota Kinabalu	23	6,443	59	48	Tiada	0
Labuan	10	1,850	2	Tiada	1	50
Teluk Intan	9	2,239	98	Tiada	Tiada	0
Seremban	20	7,206	34	15	1	50
Johor Bahru	Tiada	0	Tiada	Tiada	Tiada	0
JUMLAH	**136**	**41,699**	**316**	**83**	**4**	**200**

7.4.2.3. Sebanyak 15 SPC yang dikeluarkan kepada 15 pembayar cukai dalam tempoh tahun 2006 hingga 2008 menunjukkan taksiran anggaran cukai berjumlah RM354,919 telah dibangkitkan oleh LHDN bagi tahun taksiran sebelum SPC dikeluarkan kerana Borang Nyata tidak dikembalikan oleh pembayar cukai. Jumlah tersebut sepatutnya dimuktamadkan dengan memastikan Borang Nyata dikemukakan oleh pembayar cukai bagi tahun-tahun berkenaan sebelum SPC dikeluarkan. Keadaan ini menyebabkan amaun penyelesaian cukai yang perlu dijelaskan oleh pembayar cukai adalah tidak tepat. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 7.5
TAKSIRAN CUKAI TIDAK DIMUKTAMADKAN
SEBELUM SURAT PENYELESAIAAN CUKAI DIKELUARKAN

CAWANGAN LHDN	TAHUN SPC YANG DIBANGKITKAN					
	2006		2007		2008	
	BIL. SPC	ANGGARAN CUKAI (RM)	BIL. SPC	ANGGARAN CUKAI (RM)	BIL. SPC	ANGGARAN CUKAI (RM)
Wangsa Maju	2	5,873	Tiada kes	Tiada kes	3	69,720
Kota Kinabalu	Tiada Kes	0	Tiada Kes	0	3	22,087
Labuan	Tiada Kes	0	1	4,784	4	33,024
Seremban	Tiada Kes	0	Tiada Kes	0	2	219,431
JUMLAH	**2**	**5,873**	**1**	**4,784**	**12**	**344,262**

Pada pandangan Audit, LHDN hendaklah memastikan taksiran anggaran cukai yang dibangkitkan bagi tahun-tahun sebelum SPC dikeluarkan dimuktamadkan supaya amaun penyelesaian cukai adalah tepat. LHDN juga hendaklah memastikan Borang Nyata dikemukakan oleh pembayar cukai dalam tempoh yang ditetapkan selepas SPC dikeluarkan. Selain itu, LHDN hendaklah mengenakan penalti terhadap mereka yang lewat mengembalikan Borang Nyata.

7.4.3. Kelemahan Penguatkuasaan Pungutan Cukai

7.4.3.1. SPC yang dikeluarkan oleh LHDN kepada majikan dan salinannya kepada pembayar cukai menyatakan dengan jelas jumlah cukai yang perlu dijelaskan oleh majikan ataupun pembayar cukai setelah ditolak Potongan Cukai Berjadual (PCB). Mengikut Seksyan 103 ACP 1967, semua cukai perlu dijelaskan dalam tempoh 30 hari daripada tarikh taksiran. Kelewatan bayaran melebihi 30 hari daripada tarikh taksiran dibuat perlu dikenakan kenaikan cukai 10% dan sekiranya kelewatan bayaran seterusnya melebihi 60 hari daripada kenaikan pertama, kenaikan cukai sebanyak 5% atas baki cukai perlu dikenakan terhadap pembayar cukai. Selain itu, pembayar cukai yang mempunyai tunggakan cukai boleh dikenakan tindakan iaitu sekatan perjalanan ke luar negara dan tindakan guaman sivil berdasarkan jumlah tunggakan cukai terlibat. Semakan Audit terhadap lejar bagi 109 pembayar cukai individu berpendapatan penggajian yang mempunyai tunggakan cukai berjumlah RM445,293 setakat 31 Ogos 2009 mendapati perkara berikut :-

a. Seramai 39 pembayar cukai dengan cukai tertunggak berjumlah RM219,411 tidak dikenakan kenaikan cukai berjumlah RM34,032 di bawah peruntukan Seksyen 103, ACP 1967. Perkara ini berlaku kerana pegawai LHDN yang sama juga terlibat dengan tugasan lain selain daripada mengurus tunggakan cukai. Ketidakpatuhan dalam mengenakan kenaikan cukai ini telah menyebabkan kekurangan kutipan hasil. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 7.6
KENAIKAN CUKAI TIDAK DIKENAKAN TERHADAP PEMBAYAR CUKAI YANG BELUM MENJELASKAN CUKAI DALAM TEMPOH YANG DITETAPKAN

CAWANGAN LHDN	CUKAI TERTUNGGAK		KENAIKAN CUKAI TIDAK DIKENAKAN (RM)
	BILANGAN PEMBAYAR CUKAI	(RM)	
Wangsa Maju	13	28,082	4,353
Kota Kinabalu	12	87,475	13,566
Labuan	2	1,205	187
Teluk Intan	3	15,788	2,447
Seremban	8	85,017	13,178
Johor Bahru	1	1,844	301
JUMLAH	**39**	**219,411**	**34,032**

b. Mengikut Seksyen 104, ACP 1967, Ketua Pengarah **LHDN boleh mengeluarkan perintah halangan keluar negara kepada pembayar cukai yang mempunyai cukai tertunggak melebihi RM5,000 dengan menghantar surat perakuan kepada Jabatan Imigresen dan Polis Diraja Malaysia untuk tindakan tersebut**. Didapati **tindakan menghalang pembayar cukai daripada keluar negara tidak dibuat terhadap 16 pembayar cukai yang mempunyai tunggakan cukai berjumlah RM291,579 sungguhpun tunggakan cukai mereka melebihi RM5,000.** Manakala 92 pembayar cukai tidak dikenakan sekatan perjalanan kerana

mempunyai tunggakan cukai di bawah RM5,000. Hanya seorang pembayar cukai yang mempunyai tunggakan cukai berjumlah RM61,829 telah dihalang daripada keluar negara. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 7.7
TINDAKAN MENGHALANG KELUAR NEGARA TIDAK DIBUAT TERHADAP PEMBAYAR CUKAI YANG MEMPUNYAI CUKAI TERTUNGGAK

CAWANGAN LHDN	BILANGAN PEMBAYAR CUKAI BERBAKI DEBIT	BAKI DEBIT SETAKAT 31 OGOS 2009 (RM)	BANJARAN AMAUN BAKI DEBIT (RM)	BILANGAN KES BELUM DIAMBIL TINDAKAN	AMAUN TUNGGAKAN TERMASUK KENAIKAN CUKAI (RM)
Wangsa Maju	28	88,053	109 - 22,540	6	77,665
Kota Kinabalu	38	175,678	103 – 36,117	5	78,027
Labuan	3	2,135	483 - 930	Tiada	0
Teluk Intan	17	26,775	235 - 15,173	1	15,173
Seremban	12	116,743	206 - 71,587	3	94,363
Johor Bahru	11	35,909	117 - 26,351	1	26,351
JUMLAH	**109**	**445,293**	**103 -71,587**	**16**	**291,579**

Pada pandangan Audit, LHDN hendaklah mengambil tindakan untuk menghalang pembayar cukai yang mempunyai cukai tertunggak daripada keluar negara bagi mengelak kehilangan hasil Kerajaan dan tunggakan hasil meningkat.

c. Seksyen 106, ACP 1967 memperuntukkan apa-apa amaun cukai yang perlu dibayar adalah merupakan hutang kepada Kerajaan dan boleh dikutip oleh Kerajaan melalui kaedah tindakan guaman sivil. Seksyen ini jelas memberi kuasa kepada LHDN selaku agen Kerajaan bagi mengutip cukai yang tertunggak melalui tindakan guaman sivil. LHDN telah mengeluarkan Arahan Operasi Bilangan 6 Tahun 2007 untuk menyeragamkan tindakan guaman sivil dan juga menetapkan pembayar cukai yang mempunyai tunggakan berjumlah RM2,000 ke atas perlu diambil tindakan permulaan guaman sivil. Didapati tindakan guaman sivil tidak dibuat terhadap 21 pembayar cukai dengan cukai tertunggak berjumlah RM331,491 yang termasuk kenaikan cukai. Bagi 88 pembayar cukai yang lain, tindakan guaman sivil tidak perlu dikenakan kerana jumlah cukai yang tertunggak adalah kurang daripada RM2,000. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 7.8
TINDAKAN GUAMAN SIVIL TIDAK DIAMBIL TERHADAP PEMBAYAR CUKAI

CAWANGAN LHDN	BILANGAN PEMBAYAR CUKAI BERBAKI DEBIT	AMAUN BAKI DEBIT SETAKAT 31 OGOS 2009 (RM)	BANJARAN AMAUN BAKI DEBIT (RM)	BILANGAN PEMBAYAR CUKAI BERBAKI DEBIT MELEBIHI RM2,000	AMAUN TUNGGAKAN CUKAI TERMASUK KENAIKAN CUKAI (RM)
Wangsa Maju	28	88,053	109 – 22,540	5	65,982
Kota Kinabalu	38	175,678	103 – 61,829	11	129,622
Labuan	3	2,135	483 - 930	Tiada	0
Teluk Intan	17	26,775	235 – 15,173	1	15,173

CAWANGAN LHDN	BILANGAN PEMBAYAR CUKAI BERBAKI DEBIT	AMAUN BAKI DEBIT SETAKAT 31 OGOS 2009 (RM)	BANJARAN AMAUN BAKI DEBIT (RM)	BILANGAN PEMBAYAR CUKAI BERBAKI DEBIT MELEBIHI RM2,000	AMAUN TUNGGAKAN CUKAI TERMASUK KENAIKAN CUKAI (RM)
Seremban	12	116,743	206 – 71,587	3	94,363
Johor Bahru	11	35,909	117 – 26,351	1	26,351
JUMLAH	**109**	**445,293**	**103 – 71,587**	**21**	**331,491**

Pada pandangan Audit, LHDN hendaklah mengambil tindakan guaman sivil terhadap pembayar cukai yang mempunyai tunggakan cukai melebihi jumlah tunggakan cukai yang telah ditetapkan.

7.4.3.2. Selain daripada tunggakan cukai tersebut di atas yang melibatkan pembayar cukai individu berpendapatan penggajian, terdapat juga tunggakan cukai berjumlah RM364,411 masih belum dijelaskan sama ada oleh 57 majikan atau pembayar cukai. Keadaan ini menyebabkan tunggakan hasil meningkat. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 7.9
TUNGGAKAN CUKAI YANG DINYATAKAN DALAM SURAT PENYELESAIAN CUKAI TIDAK DIJELASKAN OLEH PEMBAYAR CUKAI ATAU MAJIKANNYA

CAWANGAN LHDN	BIL. KES	AMAUN CUKAI KENA DIBAYAR (RM)	AMAUN TELAH DIBAYAR OLEH MAJIKAN DAN PEMBAYAR CUKAI (RM)	BAKI PERLU DIBAYAR OLEH MAJIKAN (RM)	BAKI PERLU DIBAYAR OLEH PEMBAYAR CUKAI (RM)	AMAUN CUKAI TERTUNGGAK PERLU DISELESAIKAN (RM)
Wangsa Maju	11	88,809	44,886	1,690	42,233	43,923
Kota Kinabalu	27	181,116	11,101	30,727	139,288	170,015
Labuan	2	2,224	697	0	1,527	1,527
Teluk Intan	4	32,893	18,749	29	14,115	14,144
Seremban	8	116,331	18,177	12,682	85,472	98,154
Johor Bahru	5	57,621	20,973	627	36,021	36,648
JUMLAH	**57**	**478,994**	**114,583**	**45,755**	**318,656**	**364,411**

Pada pandangan Audit, LHDN hendaklah mengambil tindakan segera untuk mengutip cukai tertunggak daripada pembayar cukai atau majikannya.

7.5. SYOR AUDIT

LHDN sungguhpun mempunyai Akta dan peraturan yang memadai untuk menguruskan SPC dengan baik, namun dari segi pelaksanaannya, masih ada beberapa kelemahan yang berpunca daripada penguatkuasaan dan pemantauan yang kurang berkesan. Sehubungan ini, adalah disyorkan supaya Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) mengambil tindakan terhadap perkara-perkara berikut :-

7.5.1. Memastikan permohonan SPC dapat diselesaikan dalam tempoh yang ditetapkan bagi mengelakkan berlakunya kelewatan kutipan hasil Kerajaan. Sehubungan ini, LHDN hendaklah merekodkan setiap permohonan yang diterima dengan lengkap.

7.5.2. Memastikan taksiran anggaran cukai yang dibangkitkan bagi tahun-tahun sebelum SPC dikeluarkan dimuktamadkan supaya amaun penyelesaian cukai adalah tepat. LHDN juga hendaklah memastikan Borang Nyata dikemukakan oleh pembayar cukai dalam tempoh yang ditetapkan selepas SPC dikeluarkan. Selain itu, LHDN hendaklah mengenakan penalti terhadap mereka yang tidak/lewat mengembalikan Borang Nyata.

7.5.3. Mengambil tindakan yang tegas sepertimana yang diperuntukkan di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967 terhadap mereka yang tidak menjelaskan cukainya. Tindakan yang perlu diambil adalah menghalang mereka daripada keluar negara atau mengambil tindakan guaman sivil terhadap mereka.

KEMENTERIAN KEWANGAN

8. LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI

- **AKTIVITI AUDIT LUAR TERHADAP CUKAI PENDAPATAN INDIVIDU BERPENDAPATAN PERNIAGAAN**

8.1. LATAR BELAKANG

8.1.1. Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) melaksanakan Sistem Taksir Sendiri bagi individu berpendapatan perniagaan (pemilik tunggal atau perkongsian) mulai tahun 2004. Pelaksanaan sistem ini bertujuan menggalakkan pembayar cukai melapor dan membayar cukai pendapatan secara sukarela. Bagi mengesahkan ketepatan cukai pendapatan yang diisytiharkan oleh pembayar cukai melalui sistem ini, LHDN menjalankan 3 jenis pengauditan iaitu :-

a. Audit luar - pengauditan yang dijalankan di premis pembayar cukai untuk mengesahkan kesahihan dan ketepatan borang nyata cukai pendapatan, penyata kewangan dan penyata pengiraan cukai yang dikemukakan oleh pembayar cukai dengan dokumen sokongan dan rekod yang disimpan.

b. Audit meja - pengauditan yang dijalankan di pejabat LHDN dengan tujuan menentukan ketepatan Borang Nyata Cukai Pendapatan, penyata kewangan, penyata pengiraan cukai dan penyata sokongan yang dikemukakan oleh pembayar cukai.

c. Audit majikan - pengauditan yang dijalankan di premis majikan untuk mengesahkan ketepatan potongan cukai berjadual yang dibuat oleh majikan terhadap pendapatan pekerjanya.

8.1.2. Bagi tempoh tahun 2007 hingga 2009, Unit Audit Luar LHDN melalui 35 cawangannya telah menyelesaikan pemeriksaan terhadap 14,399 individu berpendapatan perniagaan (OG) yang melibatkan cukai tambahan dan penalti berjumlah RM507.08 juta. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 8.1
BILANGAN INDIVIDU BERPENDAPATAN PERNIAGAAN DAN CUKAI TAMBAHAN SERTA PENALTI BAGI TEMPOH TAHUN 2007 HINGGA 2009

TAHUN	BILANGAN INDIVIDU BERPENDAPATAN PERNIAGAAN	CUKAI TAMBAHAN DAN PENALTI (RM Juta)
2007	4,340	165.96
2008	5,126	195.85
2009	4,933	145.27
JUMLAH	**14,399**	**507.08**

8.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan aktiviti audit luar terhadap cukai pendapatan individu berpendapatan perniagaan telah dilaksanakan dengan cekap dan mengikut undang-undang serta peraturan yang ditetapkan.

8.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini meliputi aktiviti audit luar terhadap cukai pendapatan individu berpendapatan perniagaan yang dijalankan bagi tempoh tahun 2007 hingga bulan Jun 2009. Sebanyak 392 kes atau 20.8% daripada 1,888 kes yang diperiksa oleh pegawai Audit Luar di 5 Cawangan LHDN iaitu Cawangan Jalan Duta Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Kuala Terengganu, Kuantan, Kuching dan Shah Alam telah dipilih untuk pengauditan. Semakan Audit telah dibuat terhadap rekod dan dokumen berkaitan. Selain itu, perbincangan dan temu bual dengan pegawai LHDN yang berkenaan juga telah diadakan bagi mendapatkan penjelasan lanjut.

8.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Ogos hingga November 2009 mendapati **sasaran kerja tahunan audit luar tidak tercapai dan sebahagian besar daripada sampel audit luar terhadap individu berpendapatan perniagaan yang diaudit melibatkan cukai tambahan dan penalti berjumlah RM14.15 juta lewat diselesaikan. Tempoh kelewatan adalah antara 6 hari hingga melebihi 2 tahun. Adalah juga didapati kelulusan bayaran ansuran cukai diberi tanpa bukti yang lengkap untuk menunjukkan pembayar cukai sebenarnya menghadapi masalah kewangan serta kenaikan cukai lewat/tidak/kurang dikenakan terhadap tunggakan cukai yang mengakibatkan kerugian kepada Kerajaan. Selain itu, sekatan keluar negara, tindakan guaman sivil dan kaveat hartanah tidak dikenakan kepada mereka yang tidak menjelaskan tunggakan cukai.** Penjelasan lanjut mengenai perkara yang ditemui adalah seperti di perenggan-perenggan berikut :-

8.4.1. Prestasi Pemeriksaan Kurang Memuaskan

8.4.1.1. Bilangan Pemeriksaan Kurang Daripada Sasaran

Setiap tahun, Ibu Pejabat LHDN akan memilih peniaga tunggal dan perkongsian yang perlu diperiksa oleh pegawai Audit Luar berasaskan kaedah analisis risiko. Selain itu, Cawangan LHDN juga boleh mencadangkan peniaga tunggal dan perkongsian lain untuk kelulusan Ibu Pejabat sebelum pemeriksaan dijalankan oleh pegawai Audit Luar masing-masing. Bagi tahun 2007, jumlah kes yang disasarkan untuk diperiksa adalah 2% daripada Borang Nyata Cukai Pendapatan yang diterima pada tahun 2006 berkaitan tahun taksiran 2005 dan sebelumnya. Bagaimanapun bagi tahun 2008 dan 2009, sasaran bilangan kes yang perlu diperiksa oleh pegawai Audit Luar tidak ditetapkan. Ini adalah kerana LHDN telah menyedari bahawa dengan bilangan pegawai sedia ada, sasaran 2% tidak pernah tercapai. Semakan Audit mendapati perkara-perkara berikut :-

a. Bagi tahun 2007, jumlah kes individu berpendapatan perniagaan yang perlu diperiksa oleh 5 Cawangan LHDN adalah sebanyak 3,897 kes, iaitu berdasarkan kepada 2% daripada Borang Nyata Cukai Pendapatan yang diterima pada tahun 2006 berkaitan tahun taksiran 2005 dan sebelumnya. Bagaimanapun, didapati hanya 647 kes (16.6%) yang selesai diperiksa di mana setiap cawangan hanya dapat menyelesaikan antara 5.8% hingga 23.8% daripada sasaran seperti di jadual berikut :-

JADUAL 8.2
PERATUS PENCAPAIAN BAGI TAHUN 2007

CAWANGAN	BILANGAN KES		
	SASAR*	CAPAI**	%
Jalan Duta Kuala Lumpur	1,522	362	23.8
Kuala Terengganu	379	22	5.8
Kuantan	502	55	11.0
Kuching	971	121	12.5
Shah Alam	523	87	16.6
JUMLAH	**3,897**	**647**	**16.6**

Nota :
* - ***Pengiraan Berdasarkan Maklumat Daripada Bahagian Perangkaan Dan Integriti Data, Jabatan Operasi Cukai, Ibu Pejabat LHDN***
** - ***Maklumat Daripada Jabatan Pematuhan Cukai, Ibu Pejabat LHDN***

b. LHDN menetapkan sasaran bilangan kes yang perlu selesai diperiksa oleh setiap pegawai Audit Luar yang bertugas sepenuh masa adalah 13 kes setahun. Bagaimanapun di 5 Cawangan yang terpilih, didapati peratusan pegawai yang dapat mencapai sasaran bilangan kes yang perlu selesai diperiksa untuk tahun 2008 dan 2009 (sehinga bulan Jun 2009) hanya antara 22.2% hingga 88.9%. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 8.3
TAHAP PENCAPAIAN SASARAN BAGI PEGAWAI AUDIT LUAR MENGIKUT CAWANGAN UNTUK TEMPOH TAHUN 2008 HINGGA BULAN JUN 2009

CAWANGAN	TAHUN	BILANGAN PEGAWAI YANG ADA	PEGAWAI YANG MENCAPAI BILANGAN KES YANG DITETAPKAN	
			BILANGAN	(%)
Jalan Duta Kuala Lumpur	2008	53	42	79.2
	2009*	39	29	74.4
Kuala Terengganu	2008	7	4	57.1
	2009*	9	2	22.2
Kuantan	2008	9	4	44.4
	2009*	9	8	88.9
Kuching	2008	18	10	55.6
	2009*	12	4	33.3
Shah Alam	2008	10	8	80.0
	2009*	11	6	54.5

Nota : (*) Setakat Bulan Jun 2009

c. Antara faktor yang menyebabkan cawangan tidak mencapai bilangan kes yang disasarkan dan pegawai tidak mencapai sasaran bilangan kes yang perlu selesai diperiksa adalah kerana kekurangan pegawai dari segi bilangan dan pengalaman serta beban kerja yang banyak.

8.4.1.2. Kelewatan Menyelesaikan Kes

Rangka Kerja Audit Cukai yang dikeluarkan oleh LHDN dan berkuat kuasa mulai bulan Januari 2007 menetapkan setiap kes audit luar perlu diselesaikan dalam tempoh 3 bulan dari tarikh lawatan audit. Selain itu, pembayar cukai akan dimaklumkan oleh LHDN sekiranya terdapat kes yang tidak dapat diselesaikan dalam tempoh 3 bulan. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati perkara-perkara berikut :-

a. Daripada 392 kes yang disemak, sebanyak 244 kes (62.2%) yang melibatkan cukai tambahan dan penalti berjumlah RM14.15 juta tidak diselesaikan dalam tempoh 3 bulan di mana kelewatannya adalah 6 hari hingga 788 hari. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 8.4
TEMPOH KELEWATAN PENYELESAIAN KES AUDIT LUAR

CAWANGAN	6 HARI HINGGA 6 BULAN		> 6 BULAN HINGGA 1 TAHUN		> 1 TAHUN HINGGA 2 TAHUN		> 2 TAHUN		JUMLAH KELEWATAN		
	BIL. KES	AMAUN CUKAI TAMBAHAN DAN PENALTI (RM Juta)	BIL. KES	AMAUN CUKAI TAMBAHAN DAN PENALTI (RM Juta)	BIL. KES	AMAUN CUKAI TAMBAHAN DAN PENALTI (RM Juta)	BIL. KES	AMAUN CUKAI TAMBAHAN DAN PENALTI (RM Juta)	BIL. KES	AMAUN CUKAI TAMBAHAN DAN PENALTI (RM Juta)	TEMPOH KELEWATAN (HARI)
Jalan Duta Kuala Lumpur	50	1.79	31	1.83	3	0.13	1	0.02	85	3.77	13 – 788
Kuala Terengganu	33	1.73	9	0.56	–	–	1	0.01	43	2.30	6 – 749
Kuantan	33	1.43	10	0.41	–	–	–	–	43	1.84	6 – 363
Kuching	26	2.50	1	0.26	–	–	–	–	27	2.76	6 –187
Shah Alam	33	3.03	10	0.43	3	0.02	–	–	46	3.48	6 – 607
JUMLAH	**175**	**10.48**	**61**	**3.49**	**6**	**0.15**	**2**	**0.03**	**244**	**14.15**	**6 – 788**

b. Kesemua 244 kes tersebut tidak dimaklumkan kepada pembayar cukai berkenaan.

c. Antara faktor yang menyebabkan kelewatan penyelesaian kes adalah kerana individu berpendapatan perniagaan kurang memberi kerjasama atau lewat mengemukakan dokumen/rekod yang dikehendaki serta pegawai LHDN yang kurang berpengalaman. Kesan daripada kelewatan penyelesaian kes tersebut menyebabkan LHDN lewat mengeluarkan Notis Taksiran cukai tambahan dan berlaku kelewatan mengutip cukai yang sepatutnya diterima lebih awal.

8.4.1.3. Masalah Sumber Tenaga

a. Semakan Audit mendapati LHDN tidak menentukan bilangan pegawai Audit Luar yang diperlukan secara khusus untuk mengaudit individu berpendapatan perniagaan. Bagaimanapun, terdapat jawatan bagi aktiviti audit cukai secara am yang meliputi audit luar, audit meja dan audit majikan. Manakala pengagihan bilangan jawatan dilakukan oleh Pengarah Cawangan LHDN mengikut keperluan semasa dan berdasarkan kebolehan serta pengalaman pegawai. Bagi membolehkan pihak Audit menilai beban kerja pegawai Audit Luar, perbandingan telah dibuat antara bilangan jawatan pegawai Audit Luar yang diisi dengan bilangan kes yang perlu diperiksa bagi tahun 2007. Hasil analisis mendapati perkara seperti berikut :-

   i. Sungguhpun LHDN menetapkan setiap pegawai Audit Luar perlu menyelesaikan 13 kes setahun, namun beban kerja sebenar di cawangan adalah jauh lebih tinggi daripada sasaran yang ditetapkan. Semakan Audit di 5 cawangan mendapati seorang pegawai Audit Luar perlu menyelesaikan antara 29 hingga 76 kes setahun. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 8.5
NISBAH ANTARA BILANGAN PEGAWAI AUDIT LUAR YANG DIISI DENGAN BEBAN KERJA BAGI TAHUN 2007

CAWANGAN	TAHUN 2007		
	BILANGAN PEGAWAI	BILANGAN KES YANG PERLU DIPERIKSA *	NISBAH ANTARA BILANGAN PEGAWAI DENGAN BILANGAN KES
Jalan Duta Kuala Lumpur	52	1,522	1 : 29
Kuala Terengganu	5	379	1 : 76
Kuantan	10	502	1 : 50
Kuching	16	971	1 : 61
Shah Alam	16	523	1 : 33

Nota : (*) - *Pengiraan Berdasarkan Maklumat Daripada Bahagian Perangkaan Dan Integriti Data, Jabatan Operasi Cukai, Ibu Pejabat LHDN*

ii. Sehubungan dengan kekurangan pegawai Audit Luar, LHDN telah mengemukakan cadangan kepada Perbendaharaan Malaysia/Jabatan Perkhidmatan Awam pada 25 April 2008 bagi menambah 14,000 jawatan pelbagai gred termasuk jawatan pegawai Audit Luar. **Bagaimanapun, kelulusan hanya diperolehi pada 2 April 2010 dan bilangan jawatan yang diluluskan hanya 4,000.**

b. Adalah diperhatikan pada akhir tahun 2009, seramai 50 daripada 86 pegawai yang ditempatkan di Unit Audit Luar berkhidmat kurang daripada 3 tahun. Semakan Audit selanjutnya mendapati 7 pegawai Audit Luar di Cawangan Kuching dan 3 pegawai Audit Luar masing-masingnya di Cawangan Jalan Duta Kuala Lumpur dan Cawangan Shah Alam belum pernah mengikuti latihan kemahiran berhubung audit luar kes individu berpendapatan perniagaan.

c. Bagi menilai sejauh mana aktiviti audit luar memberi pulangan kepada LHDN, pihak Audit telah membuat perbandingan nisbah antara jumlah emolumen pegawai Audit Luar dengan jumlah cukai tambahan dan penalti yang dikenakan terhadap individu berpendapatan perniagaan. Analisis Audit mendapati nisbah purata antara jumlah emolumen pegawai Audit Luar dengan jumlah cukai tambahan dan penalti yang dikenakan bagi tempoh tahun 2007 hingga bulan Jun 2009 adalah antara 1:3 hingga 1:11, iaitu setiap RM1 yang dibelanjakan mendapat pulangan balik antara RM3 hingga RM11. Ini menunjukkan aktiviti audit luar terhadap cukai pendapatan individu berpendapatan perniagaan mampu menjana hasil kepada negara dan menggalakkan pematuhan cukai pendapatan. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 8.6
NISBAH JUMLAH EMOLUMEN BERBANDING JUMLAH CUKAI TAMBAHAN DAN PENALTI DIKENAKAN BAGI TEMPOH TAHUN 2007 HINGGA BULAN JUN 2009

CAWANGAN	2007			2008			SETAKAT BULAN JUN 2009		
	A (RM Juta)	B (RM Juta)	NISBAH A : B	A (RM Juta)	B (RM Juta)	NISBAH A : B	A (RM Juta)	B (RM Juta)	NISBAH A : B
Jalan Duta Kuala Lumpur	2.22	18.57	1 : 8	2.51	21.33	1 : 8	0.99	0.85	1 : 1

CAWANGAN	2007			2008			SETAKAT BULAN JUN 2009		
	A (RM Juta)	B (RM Juta)	NISBAH A : B	A (RM Juta)	B (RM Juta)	NISBAH A : B	A (RM Juta)	B (RM Juta)	NISBAH A : B
Kuala Terengganu	0.11	1.19	1 : 11	0.18	2.31	1 : 13	0.11	0.67	1 : 6
Kuantan	0.35	2.45	1 : 7	0.44	1.70	1 : 4	0.23	1.38	1 : 6
Kuching	0.13	6.59	1 : 51	0.13	14.94	1 : 115	0.07	2.36	1 : 34
Shah Alam	0.93	6.47	1 : 7	0.78	5.92	1 : 8	0.42	0.65	1 : 2
JUMLAH	**3.74**	**35.27**	**1 : 9**	**4.04**	**46.20**	**1 : 11**	**1.82**	**5.91**	**1 : 3**

Nota : ***A - Jumlah Emolumen Mengikut Maklumat Daripada Cawangan***
B - Jumlah Cukai Tambahan Dan Penalti Mengikut Maklumat Daripada Jabatan Pematuhan Cukai

Pada pandangan Audit, Agensi Pusat perlu menimbangkan semula permohonan LHDN untuk menambah bilangan kakitangan yang diperlukan bagi menjalankan aktiviti audit luarnya. Ini adalah kerana berdasarkan bilangan jawatan yang sedia ada termasuk yang baru diluluskan, sukar bagi Unit Audit Luar LHDN untuk menjalankan pemeriksaan mengikut sasaran yang telah ditetapkan iaitu 2% daripada bilangan individu berpendapatan perniagaan. Sekiranya bilangan jawatan yang dipohon tidak diluluskan, LHDN akan mengambil masa melebihi 50 tahun untuk memeriksa kesemua individu berpendapatan perniagaan tersebut. Selain itu, latihan kemahiran khas perlu diberi kepada semua pegawai Audit Luar terutamanya pegawai baru. Manakala latihan berterusan perlu diberi kepada pegawai Audit Luar sedia ada bagi melengkapkan mereka dengan pengetahuan dan kemahiran, selaras dengan perkembangan dan kompleksiti perniagaan serta perubahan teknologi semasa.

8.4.1.4. Pematuhan Kepada Prosedur Kerja/Arahan Operasi

Semakan Audit terhadap kertas kerja pemeriksaan yang disediakan oleh pegawai Audit Luar mendapati beberapa kelemahan seperti berikut :-

a. Mengikut Manual Prosedur Kerja Audit Cukai, pegawai Audit Luar patut mengisi senarai semakan audit jika rekod perakaunan pembayar cukai adalah lengkap semasa menjalankan pemeriksaan untuk menentukan sama ada pendapatan yang betul telah dilaporkan. Bagaimanapun, daripada 392 kes, senarai semakan audit tersebut tidak diisi bagi kesemua 107 kes yang mempunyai rekod perakunan yang lengkap. Oleh itu, **pihak Audit tidak dapat mengesahkan ketepatan jumlah cukai tambahan dan penalti berjumlah RM3.81 juta yang dikenakan.** Manakala bagi baki 285 kes, senarai semak tidak perlu diisi kerana pembayar cukai tidak mempunyai rekod perakaunan yang lengkap. Senarai semakan audit yang tidak diisi mengikut cawangan adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 8.7
SENARAI SEMAKAN AUDIT TIDAK DIISI BAGI KES YANG MEMPUNYAI REKOD PERAKAUNAN YANG LENGKAP

CAWANGAN	BILANGAN KES AUDIT LUAR	JUMLAH CUKAI TAMBAHAN DAN PENALTI (RM Juta)
Jalan Duta Kuala Lumpur	51	1.01
Kuala Terengganu	3	0.28

CAWANGAN	BILANGAN KES AUDIT LUAR	JUMLAH CUKAI TAMBAHAN DAN PENALTI (RM Juta)
Kuantan	33	1.38
Kuching	2	0.05
Shah Alam	18	1.09
JUMLAH	**107**	**3.81**

b. Mengikut Arahan Operasi, bayaran cukai pendapatan secara ansuran perlu diluluskan oleh pegawai yang diberi kuasa. Bagaimanapun, kelulusan bayaran ansuran cukai bagi 6 pembayar cukai di Cawangan Kuching dan Shah Alam yang melibatkan cukai tambahan dan penalti berjumlah RM0.33 juta diluluskan oleh pegawai yang tidak diberi kuasa.

c. Mengikut Arahan Operasi, bayaran cukai tambahan dan penalti secara ansuran boleh dibenarkan jika pembayar cukai mengemukakan surat rayuan dan bukti masalah kewangan. Bagaimanapun, kelulusan bayaran ansuran cukai tambahan dan penalti berjumlah RM3.69 juta telah diberikan kepada 69 individu berpendapatan perniagaan tanpa surat rayuan atau tanpa bukti yang lengkap untuk menunjukkan individu berpendapatan perniagaan tersebut sebenarnya menghadapi masalah kewangan. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 8.8
KELULUSAN BAYARAN ANSURAN CUKAI TANPA SURAT RAYUAN ATAU TANPA BUKTI MASALAH KEWANGAN YANG LENGKAP

CAWANGAN	TANPA SURAT RAYUAN		TANPA BUKTI MASALAH KEWANGAN YANG LENGKAP		BILANGAN PEMBAYAR CUKAI (e=a+c)	JUMLAH CUKAI TAMBAHAN DAN PENALTI (f=b+d) (RM Juta)
	BILANGAN PEMBAYAR CUKAI (a)	JUMLAH CUKAI TAMBAHAN DAN PENALTI (b) (RM Juta)	BILANGAN PEMBAYAR CUKAI (c)	JUMLAH CUKAI TAMBAHAN DAN PENALTI (d) (RM Juta)		
Jalan Duta Kuala Lumpur	–	–	27	1.31	27	1.31
Kuantan	–	–	20	1.16	20	1.16
Kuching	1	0.02	–	–	1	0.02
Shah Alam	13	0.65	8	0.55	21	1.20
JUMLAH	**14**	**0.67**	**55**	**3.02**	**69**	**3.69**

d. Di Cawangan Jalan Duta Kuala Lumpur terdapat 2 kes di mana Notis Taksiran cukai tambahan dan penalti berjumlah RM16,198 tidak dikeluarkan menyebabkan cukai terlibat tidak dipungut.

e. Ketetapan Umum No. 5 Tahun 2000 yang dikeluarkan oleh LHDN menetapkan individu berpendapatan perniagaan wajib menyimpan rekod yang lengkap mulai tahun taksiran 2001. Sekiranya LHDN mendapati pembayar cukai gagal menyimpan rekod yang lengkap, notis peringatan menyimpan rekod dan buku akaun di bawah Subseksyen 82(3) Akta Cukai Pendapatan (ACP) 1967 perlu dikeluarkan kepada pembayar cukai. Pembayar cukai yang gagal mematuhi peraturan ini boleh didakwa serta denda tidak kurang RM300 dan tidak melebihi RM10,000 atau penjara tidak

melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali. Semakan Audit mendapati notis tersebut tidak dikeluarkan kepada 191 pembayar cukai yang gagal menyimpan rekod dengan lengkap di semua cawangan yang diaudit. Semasa mengemukakan maklum balasnya, pihak LHDN telah memaklumkan bahawa pemantauan yang rapi akan dibuat bagi memastikan kelemahan yang sama tidak berulang di masa hadapan.

f. Cek tertangguh yang matang bagi bayaran ansuran perlu dimasukkan ke bank dengan segera. Semakan Audit mendapati 126 cek tertangguh yang matang bagi 43 pembayar cukai berjumlah RM0.57 juta telah lewat dimasukkan ke bank kerana terlepas pandang atas alasan tarikh cek matang yang berbeza-beza. Tempoh kelewatan adalah 6 hingga 64 hari. Keadaan ini menyebabkan Kerajaan lewat menerima hasil. Butiran kelewatan memasukkan cek ke bank adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 8.9
KELEWATAN MEMASUKKAN CEK KE BANK

CAWANGAN	BILANGAN PEMBAYAR CUKAI	BILANGAN CEK	TEMPOH KELEWATAN (HARI)	AMAUN CEK (RM)
Jalan Duta Kuala Lumpur	1	1	19	4,748
Kuala Terengganu	8	32	6 – 25	148,358
Kuantan	27	73	6 – 64	357,793
Kuching	6	19	7 – 24	52,249
Shah Alam	1	1	10	2,876
JUMLAH	**43**	**126**	**6 – 64**	**566,024**

Pada pandangan Audit, kelulusan bayaran ansuran cukai perlu dibuat oleh pegawai yang diberi kuasa. LHDN juga perlu memastikan hanya pembayar cukai yang benar-benar menghadapi masalah kewangan diberikan kelulusan untuk membayar cukai secara ansuran. Selain itu, Notis Taksiran cukai tambahan perlu dikeluarkan segera bagi kes yang penyelesaiannya telah diluluskan oleh pegawai atasan untuk membolehkan cukai dipungut. Di samping itu, kegagalan mengeluarkan Notis Taksiran cukai tambahan juga boleh membawa risiko di mana bayaran ansuran dianggap baki kredit dan dibayar balik kepada pembayar cukai selepas mengambil kira taksiran sedia ada (taksiran disifatkan dan taksiran tambahan daripada audit meja jika berkenaan) sebelum mengambil kira taksiran tambahan daripada audit luar yang belum dibangkitkan bagi sesuatu tahun taksiran.

8.4.2. Kelemahan Penguatkuasaan Pemungutan Cukai

Selepas Notis Taksiran cukai tambahan dan penalti dikeluarkan oleh Unit Audit Luar, pegawai Audit Luar perlu memantau pembayaran cukai berdasarkan kepada bilangan ansuran yang dibenarkan. Jika pembayar cukai gagal membayar ansuran sebagaimana yang ditetapkan, pegawai Audit Luar perlu mengemukakan kes berkaitan kepada Unit Pungutan untuk tindakan penguatkuasaan pemungutan

cukai. Semakan Audit terhadap rekod pungutan melibatkan cukai tambahan dan penalti bagi 349 pembayar cukai mendapati perkara berikut :-

8.4.2.1. Kenaikan Cukai Lewat/Tidak/Kurang Dikenakan

Arahan Operasi Bilangan 2 Tahun 2008 menetapkan pembayar cukai perlu menjelaskan cukai tambahan yang dibangkitkan oleh audit luar dalam tempoh 30 hari dari tarikh Notis Taksiran dikeluarkan. Bagaimanapun, jika permohonan bayaran cukai secara ansuran diluluskan, cukai perlu dibayar pada tarikh yang ditetapkan bagi setiap ansuran. Jika terdapat kegagalan bayaran cukai, Unit Pungutan adalah dikehendaki menguatkuasakan Seksyen 103 ACP 1967 dengan mengenakan kenaikan cukai sebanyak 10% atau maksimum 15% mengikut tempoh tunggakan cukai. Semakan Audit mendapati kenaikan cukai berjumlah RM0.54 juta tidak dikenakan terhadap 77 pembayar cukai, kenaikan cukai bagi 12 pembayar cukai terkurang dikenakan berjumlah RM0.02 juta dan 14 pembayar cukai lewat dikenakan kenaikan cukai berjumlah RM0.17 juta. Antara faktor kenaikan cukai tidak/kurang/lewat dikenakan adalah kerana pengiraan kenaikan cukai masih dibuat secara manual dan salinan surat arahan bayaran ansuran cukai tidak sampai ke Unit Pungutan. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 8.10
TINDAKAN MENGENAKAN KENAIKAN CUKAI

CAWANGAN	KENAIKAN CUKAI TIDAK DIKENAKAN		KENAIKAN CUKAI TERKURANG DIKENAKAN		KENAIKAN CUKAI ADALAH TEPAT TETAPI LEWAT DIKENAKAN*		KENAIKAN CUKAI TERKURANG DAN LEWAT DIKENAKAN*		
	BILANGAN PEMBAYAR CUKAI	JUMLAH KENAIKAN CUKAI (RM)	BILANGAN PEMBAYAR CUKAI	JUMLAH KENAIKAN CUKAI (RM)	BILANGAN PEMBAYAR CUKAI	JUMLAH KENAIKAN CUKAI OLEH LHDN (RM)	BILANGAN PEMBAYAR CUKAI	JUMLAH KENAIKAN CUKAI OLEH LHDN (RM)	JUMLAH KENAIKAN CUKAI TERKURANG (RM)
Jalan Duta Kuala Lumpur	14	147,928	3	2,493	1	1,166	2	6,615	2,151
Kuala Terengganu	12	33,682	–	–	2	7,870	2	31,577	9,635
Kuantan	16	88,652	2	2,205	3	20,374	1	299	462
Kuching	12	130,048	2	429	3	104,734	–	–	–
Shah Alam	23	141,636	–	–	–	–	–	–	–
JUMLAH	**77**	**541,946**	**7**	**5,127**	**9**	**134,144**	**5**	**38,491**	**12,248**

Nota : ***(*) - Selepas Fail Pungutan Diminta/Pemintaan Pengesahan Oleh Jabatan Audit Negara***

8.4.2.2. Tunggakan Cukai Pendapatan

a. Semakan Audit mendapati setakat 30 September 2009 seramai 108 pembayar cukai gagal menjelaskan cukai tambahan dan penalti berjumlah RM5.62 juta dalam tempoh yang ditetapkan. Tempoh tunggakan cukai pendapatan tersebut adalah sehingga melebihi 2 tahun seperti di jadual berikut :-

JADUAL 8.11
TUNGGAKAN CUKAI PENDAPATAN

TEMPOH TERTUNGGAK	TUNGGAKAN CUKAI MENGIKUT CAWANGAN										JUMLAH BESAR	
	JALAN DUTA KUALA LUMPUR		KUALA TERENGGANU		KUANTAN		KUCHING		SHAH ALAM			
	BIL. KES	JUMLAH (RM Juta)	BIL. KES	JUMLAH (RM Juta)	BIL. KES	JUMLAH (RM Juta)	BIL. KES	JUMLAH (RM Juta)	BIL. KES	JUMLAH (RM Juta)	BIL. KES	(RM Juta)
6 bulan atau kurang	16	0.99	1	0.02	10	0.44	5	0.78	6	0.14	38	2.37
Melebihi 6 bulan – 1 tahun	10	0.18	4	0.28	7	0.20	7	0.76	13	0.90	41	2.32
Melebihi 1 – 2 tahun	2	0.01	12	0.61	4	0.09	–	–	7	0.17	25	0.88
Melebihi 2 tahun	–	–	3	0.04	1	0.01	–	–	–	–	4	0.05
JUMLAH	**28**	**1.18**	**20**	**0.95**	**22**	**0.74**	**12**	**1.54**	**26**	**1.21**	**108**	**5.62**

b. Tunggakan cukai berlaku antaranya disebabkan tindakan penguatkuasaan tidak diambil sepenuhnya terhadap pembayar cukai yang terlibat seperti mana yang diperuntukkan di dalam ACP 1967. Berikut diberikan contohnya:-

i. Mengikut Seksyen 104 ACP 1967, Ketua Pengarah LHDN boleh mengeluarkan perintah halangan ke luar negara kepada pembayar cukai yang mempunyai tunggakan cukai melebihi RM5,000 dengan menghantar surat perakuan kepada Jabatan Imigresen dan Polis Diraja Malaysia untuk tindakan tersebut. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati **tindakan menghalang pembayar cukai daripada ke luar negara tidak dibuat terhadap 66 pembayar cukai yang mempunyai tunggakan cukai berjumlah RM4.52 juta.** Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 8.12
TINDAKAN SEKATAN KE LUAR NEGARA TIDAK DIAMBIL

CAWANGAN	BILANGAN PEMBAYAR CUKAI	JUMLAH TUNGGAKAN CUKAI (RM Juta)
Jalan Duta Kuala Lumpur	19	1.07
Kuala Terengganu	6	0.51
Kuantan	7	0.19
Kuching	11	1.54
Shah Alam	23	1.21
JUMLAH	**66**	**4.52**

ii. Seksyen 106, ACP 1967 memperuntukkan apa-apa amaun cukai yang perlu dibayar adalah merupakan hutang kepada Kerajaan dan boleh dikutip oleh Kerajaan melalui kaedah tindakan guaman sivil. Seksyen ini jelas memberi kuasa kepada LHDN selaku agen Kerajaan bagi mengutip cukai yang tertunggak melalui tindakan guaman sivil. LHDN telah mengeluarkan Arahan Operasi Bilangan 6 Tahun 2007 untuk menyeragamkan tindakan guaman sivil dan juga menetapkan pembayar cukai yang mempunyai tunggakan berjumlah RM2,000 ke atas perlu diambil tindakan permulaan guaman sivil. Semakan Audit mendapati tindakan guaman sivil tidak diambil terhadap 61 pembayar cukai yang mempunyai tunggakan cukai berjumlah RM3.94 juta. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 8.13
TINDAKAN GUAMAN SIVIL TIDAK DIAMBIL

CAWANGAN	BILANGAN PEMBAYAR CUKAI	JUMLAH TUNGGAKAN CUKAI (RM Juta)
Jalan Duta Kuala Lumpur	17	0.98
Kuala Terengganu	4	0.28
Kuantan	8	0.19
Kuching	11	1.36
Shah Alam	21	1.13
JUMLAH	**61**	**3.94**

iii. Tindakan kaveat hartanah boleh diambil di bawah peruntukan seksyen 320(1)(ba) Kanun Tanah Negara terhadap pembayar cukai yang mempunyai tunggakan cukai. Semakan Audit mendapati tindakan kaveat hartanah tidak diambil terhadap 12 pembayar cukai yang mempunyai tanah di mana tunggakan cukai mereka adalah berjumlah RM0.98 juta. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 8.14
TINDAKAN KAVEAT HARTANAH TIDAK DIAMBIL

CAWANGAN	BILANGAN PEMBAYAR CUKAI	JUMLAH TUNGGAKAN CUKAI (RM Juta)
Jalan Duta Kuala Lumpur	7	0.64
Kuala Terengganu	1	0.01
Kuantan	4	0.33
JUMLAH	**12**	**0.98**

Pada pandangan Audit, bagi menjamin Kerajaan tidak kehilangan hasil, LHDN perlu menguatkuasakan peraturan berkaitan pungutan tunggakan cukai secara tegas dengan mengenakan kenaikan cukai, sekatan ke luar negara, tindakan guaman sivil dan kaveat hartanah terhadap individu berpendapatan perniagaan. Selain itu, LHDN perlu membangunkan satu sistem berkomputer yang berupaya mengeluarkan peringatan secara automatik apabila pembayar cukai gagal membayar cukai ansuran yang ditetapkan.

8.4.3. Pemantauan Terhadap Unit Audit Luar

8.4.3.1. Arahan Operasi Bilangan 2 Tahun 2008 yang berkuat kuasa mulai 30 April 2008 menghendaki pegawai Audit Luar mengisi Senarai Semak Tatacara Audit Luar mengenai tarikh setiap tindakan audit luar dilaksanakan bagi tujuan pemantauan kemajuan kerja pegawai Audit Luar. Tindakan audit luar melibatkan surat minta dokumen, analisis maklumat, pengesahan lawatan, surat lawatan audit, lawatan audit ke premis, laporan temuduga, laporan awal, kelulusan laporan awal, surat penemuan audit, nota perbincangan dengan pembayar cukai, laporan akhir/penyelesaian, kelulusan laporan penyelesaian kes, surat penyelesaian kes, surat persetujuan pelarasan, taksiran tambahan/kurangan, pemberitahuan kes ditutup tanpa pelarasan cukai (jika berkaitan) dan penutupan

kes. Semakan Audit mendapati Senarai Semak Tatacara Audit Luar tidak diisi oleh pegawai Audit Luar bagi 110 kes yang selesai diperiksa. Manakala Senarai Semak Tatacara Audit Luar tidak diisi dengan lengkap bagi 152 kes yang lain. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 8.15
SENARAI SEMAK TATACARA AUDIT LUAR TIDAK DIISI / TIDAK LENGKAP

CAWANGAN	SENARAI SEMAK TATACARA AUDIT LUAR TIDAK DIISI (BILANGAN PEMBAYAR CUKAI)	SENARAI SEMAK TATACARA AUDIT LUAR TIDAK DIISI DENGAN LENGKAP (BILANGAN PEMBAYAR CUKAI)
Jalan Duta Kuala Lumpur	32	73
Kuala Terengganu	11	16
Kuantan	43	–
Kuching	5	33
Shah Alam	19	30
JUMLAH	**110**	**152**

8.4.3.2. Arahan Operasi Bilangan 4 Tahun 2008 menghendaki pegawai Audit Luar menginput data ke *Case Management System (CMS)* sebaik sahaja sesuatu proses kerja disiapkan dan mencetak kertas kerja audit. Semakan Audit mendapati pegawai Audit Luar lewat menginput data dan tidak mencetak kertas kerja audit dari *CMS* selepas penyelesaian setiap proses kerja. Keadaan ini menyebabkan pemantauan melalui *CMS* kurang berkesan.

8.4.3.3. Manual Prosedur Kerja Audit Cukai menghendaki supaya lawatan mengejut terhadap pasukan pegawai Audit Luar yang berada di premis pembayar cukai dibuat oleh Pengurus Audit/Ketua Kumpulan sebagai salah satu kaedah pemantauan terhadap kerja pegawai Audit Luar. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati pemeriksaan mengejut ini tidak dijalankan di Cawangan Shah Alam.

8.4.3.4. Selain itu, berdasarkan maklum balas daripada cawangan, adalah didapati Jabatan Inspektorat dari Ibu Pejabat tidak pernah membuat pemeriksaan terhadap aktiviti audit luar bagi individu berpendapatan perniagaan di Cawangan Kuching bagi tempoh bulan Januari 2007 hingga Jun 2009.

Pada pandangan Audit, Senarai Semak Tatacara Audit Luar perlu diisi dengan lengkap oleh setiap pegawai Audit Luar bagi tujuan pemantauan kemajuan kerja pegawai Audit Luar. Semua data kerja audit perlu diinput dengan segera ke *CMS* dan kertas kerja audit dicetak berdasarkan peringkat proses kerja bagi memastikan data adalah utuh pada masa nyata *(realtime)*. Ini adalah penting kerana kelewatan menginput data ke *CMS* dan kelewatan mencetak kertas kerja audit boleh menyebabkan data kurang telus dan pemantauan kurang berkesan. Selain itu, Pengurus Audit/Ketua Kumpulan perlu mengadakan lawatan mengejut terhadap pasukan pegawai Audit Luar yang berada di premis pembayar cukai dari semasa ke semasa. Jabatan Inspektorat di Ibu Pejabat juga perlu membuat pemeriksaan terhadap aktiviti audit luar termasuk bayaran cukai tambahan bagi kes individu berpendapatan perniagaan di cawangan dari semasa ke semasa untuk memastikan peraturan yang ditetapkan sentiasa dipatuhi.

8.5. SYOR AUDIT

Berdasarkan kepada perkara yang dilaporkan diperenggan-perenggan tersebut, adalah disyorkan supaya pihak yang terlibat melaksanakan perkara-perkara berikut :-

8.5.1. Agensi Pusat perlu menimbangkan semula permohonan LHDN untuk menambah bilangan kakitangan yang diperlukan bagi menjalankan aktiviti audit luarnya. Ini adalah kerana berdasarkan bilangan jawatan yang sedia ada termasuk yang baru diluluskan, sukar bagi Unit Audit Luar LHDN untuk menjalankan pemeriksaan mengikut sasaran yang telah ditetapkan iaitu 2% daripada bilangan individu berpendapatan perniagaan. Sekiranya bilangan jawatan yang dipohon tidak diluluskan, LHDN akan mengambil masa melebihi 50 tahun untuk memeriksa kesemua individu berpendapatan perniagaan tersebut.

8.5.2. Latihan kemahiran khas berhubung dengan audit luar terhadap cukai pendapatan individu berpendapatan perniagaan perlu diberi kepada semua pegawai Audit Luar terutamanya pegawai baru. Manakala latihan berterusan perlu diberi kepada pegawai Audit Luar sedia ada bagi melengkapkan mereka dengan pengetahuan dan kemahiran dalam menjalankan audit luar selaras dengan perkembangan dan kompleksiti perniagaan serta perubahan teknologi semasa.

8.5.3. Kelulusan bayaran ansuran cukai perlu dibuat oleh pegawai yang diberi kuasa. LHDN juga perlu memastikan hanya pembayar cukai yang benar-benar menghadapi masalah kewangan diberikan kelulusan untuk membayar cukai secara ansuran. Selain itu, Notis Taksiran cukai tambahan perlu dikeluarkan segera bagi kes yang penyelesaiannya telah diluluskan oleh pegawai atasan untuk membolehkan cukai dipungut.

8.5.4. Menguatkuasakan sepenuhnya peraturan berkaitan pungutan tunggakan cukai seperti mengenakan kenaikan cukai, menyekat perjalanan ke luar negara, mengambil tindakan guaman sivil dan mengkaveat hartanah pihak yang terlibat. Selain itu, LHDN perlu membangunkan satu sistem berkomputer yang berupaya mengeluarkan peringatan secara automatik apabila pembayar cukai gagal membayar cukai ansuran yang ditetapkan.

8.5.5. Senarai Semak Tatacara Audit Luar perlu diisi dengan lengkap oleh setiap pegawai Audit Luar bagi membolehkan kemajuan kerja mereka dipantau oleh pihak pengurusan atasan.

8.5.6. Pengurus Audit/Ketua Kumpulan perlu mengadakan lawatan mengejut terhadap pasukan pegawai Audit Luar yang berada di premis pembayar cukai dari semasa ke semasa. Jabatan Inspektorat di Ibu Pejabat juga perlu membuat pemeriksaan dari semasa ke semasa untuk memastikan peraturan yang ditetapkan sentiasa dipatuhi.

KEMENTERIAN KEWANGAN

9. JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA - PENGURUSAN MESIN PENGIMBAS

9.1. LATAR BELAKANG

9.1.1. Jabatan Kastam Diraja Malaysia (Jabatan Kastam) telah menggunakan mesin pengimbas sejak tahun 2001 bagi mengimbas barang/kandungan yang terdapat dalam kargo yang diimport/eksport dan pemeriksaan terhadap penumpang di lapangan terbang, sempadan dan pelabuhan/jeti. Penguatkuasaan dan pemantauan yang ketat menggunakan mesin pengimbas di semua pintu masuk seluruh negara bertujuan memastikan barang yang diikrar dan duti/cukai yang dibayar adalah betul di samping mengesan dan menghalang kemasukan barang berbahaya dan terlarang seperti dadah dan senjata api.

9.1.2. Setakat bulan September 2009, Jabatan Kastam mempunyai 74 mesin pengimbas di seluruh negara iaitu 19 mesin pengimbas kontena, 54 mesin pengimbas bagasi dan satu mesin pengimbas badan. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 9.1
KEDUDUKAN MESIN PENGIMBAS SETAKAT BULAN SEPTEMBER 2009

MESIN PENGIMBAS	BILANGAN	JENIS	KEGUNAAN
Kontena	1	Portal Vacis	Mengesan barang/ kandungan yang dibawa masuk/keluar negara menggunakan kontena atau kargo
	2	Portal THSCAN HS3000	
	7	Relocatable Vacis II - CE/CS	
	1	Relocatable THSCAN MB1215 HS	
	1	Mobile THSCAN MB1213 LT	
	7	Mobile Rapidscan MAX 3345	
Jumlah	**19**		
Bagasi	9	Rapidscan 528	Mengesan barang/ kandungan yang dibawa masuk/keluar oleh penumpang menggunakan bagasi
	5	Rapidscan 520B	
	2	Rapidscan 628XR	
	1	Smiths-Heiman 6046si	
	3	Smiths-Heiman 100100T	
	34	Smiths-Heiman 9075	
Jumlah	**54**		
Badan	1	Soter RS	Mengesan barang di badan penumpang
JUMLAH BESAR	**74**		

9.1.3. Penggunaan mesin pengimbas adalah tertakluk kepada Akta Pelesenan Tenaga Atom 1984. Pemilik mesin pengimbas perlu memperolehi lesen dan surat pengiktirafan dari Lembaga Pelesenan Tenaga Atom bagi membolehkannya mengendalikan peralatan tersebut manakala pekerja yang terlibat juga perlu dilantik

dan diberi pentauliahan. Di samping itu, Peraturan Perlindungan Sinaran (Standard Keselamatan Asas) 1988 juga perlu dipatuhi untuk menjamin keselamatan kakitangan yang terlibat secara langsung dengan pengendalian mesin pengimbas.

9.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan mesin pengimbas telah dirancang dan diuruskan dengan cekap dan teratur selaras dengan objektif yang ditetapkan.

9.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini meliputi aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap perolehan, penggunaan dan penyenggaraan mesin pengimbas bagi tempoh tahun 2007 hingga 2009. Pengauditan ini dijalankan dengan menyemak fail, rekod dan dokumen yang berkaitan di Ibu Pejabat Jabatan Kastam dan 24 Stesen Kastam di 5 negeri iaitu Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Selangor, Johor, Kelantan dan Sabah. Lawatan dan temu bual dengan pegawai yang berkenaan juga dijalankan untuk meninjau keadaan dan tahap pengurusan mesin pengimbas.

9.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Mei hingga September 2009 mendapati **beberapa kelemahan dalam pengurusan mesin pengimbas. Antara kelemahan yang diperhatikan adalah mesin pengimbas tidak digunakan disebabkan kerosakan dan kekurangan kakitangan sama ada dari segi bilangan atau kelayakan untuk mengendalikannya. Semakan Audit di stesen Pelabuhan Utara, Selangor, Tanjung Puteri, Johor dan Rantau Panjang, Kelantan mendapati Jabatan Kastam telah membuat bayaran berjumlah RM1.17 juta bagi tempoh bulan Julai 2006 hingga Jun 2009 kepada kontraktor yang dilantik bagi kerja penyenggaraan yang tidak dilaksanakan atau hanya dilaksanakan sebahagiannya memandangkan dalam tempoh tersebut, mesin berkenaan mengalami kerosakan atau tidak digunakan.** Penjelasan lanjut mengenai perkara yang ditemui adalah seperti di perenggan-perenggan berikut :-

9.4.1. Perolehan Mesin Pengimbas Yang Tidak Teratur

9.4.1.1. Pada tahun 2007 dan 2008, Jabatan Kastam telah membeli 41 mesin pengimbas bernilai RM16.11 juta. Perolehan mesin pengimbas tersebut dibuat melalui kontrak pusat melibatkan 2 pembekal iaitu Central Management Catalogue Agency Sdn. Bhd. dan General Diesel Services Sdn. Bhd. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-


JADUAL 9.2
PEROLEHAN MESIN PENGIMBAS PADA TAHUN 2007 DAN 2008

TAHUN	MESIN PENGIMBAS	BILANGAN	JENIS	NAMA PEMBEKAL	KONTRAK PUSAT	NILAI PEROLEHAN (RM Juta)
2007	Bagasi	1	Smiths-Heiman 100100T	Central Management Catalogue Agency Sdn. Bhd.	Pembekalan alat *proprietary* elektronik dan alat ganti yang berkenaan	0.36
		15	Smiths-Heiman 9075			5.45
Jumlah		**16**				**5.81**

TAHUN	MESIN PENGIMBAS	BILANGAN	JENIS	NAMA PEMBEKAL	KONTRAK PUSAT	NILAI PEROLEHAN (RM Juta)
2008	Bagasi	2	Rapidscan 628XR	Central Management Catalogue Agency Sdn. Bhd.	Pembekalan alat *proprietary* elektronik dan alat ganti yang berkenaan	0.80
		1	Smiths-Heiman 6046si			0.26
		2	Smiths-Heiman 100100T			0.80
		19	Smiths-Heiman 9075			6.96
	Badan	1	Soter RS	General Diesel Services Sdn. Bhd.	Bekalan dan pengiriman bagi alatganti *proprietory* kenderaan berdasarkan jadual senarai harga untuk *scanner assembly*	1.48
Jumlah		**25**				**10.30**
JUMLAH BESAR		**41**				**16.11**

9.4.1.2. Semakan Audit mendapati **mesin pengimbas badan Soter RS bernilai RM1.48 juta seperti di Gambar 9.1 dan 9.2 telah diterima pada 18 Ogos 2008 dan bayarannya dibuat pada 27 Ogos 2008. Namun, kelulusan perolehan mesin pengimbas tersebut secara rundingan harga hanya dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan pada 31 Oktober 2008**. Perolehan mesin pengimbas badan Soter RS dibuat terlebih dahulu sebelum mendapat kelulusan Kementerian Kewangan atas alasan keperluan mendesak bagi mengesan kemasukan barang berbahaya seperti dadah yang berada pada tahap yang amat membimbangkan. Bagaimanapun, pemeriksaan Audit **pada 25 Mei 2009** mendapati sungguhpun mesin pengimbas tersebut telah ditempatkan di Unit Khas Pemeriksaan Penumpang I (UKPP1), Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) pada 31 Disember 2008, namun **ia masih belum digunakan disebabkan tiada pegawai yang layak mengendalikannya.** Selain itu, garis panduan penggunaan mesin berkenaan hanya dikeluarkan pada bulan Julai 2009 iaitu melalui Perintah Tetap Kastam Bilangan 82 - Tatacara Pemeriksaan Badan Penumpang Melalui Mesin Pengimbas Badan Di UKPP1, KLIA. Didapati mesin pengimbas tersebut mula digunakan pada bulan Januari 2010 setelah pegawai yang terlibat mendapat pentauliahan untuk mengendalikannya dan sehingga 24 Februari 2010, sebanyak 8 imbasan telah dibuat.

GAMBAR 9.1



GAMBAR 9.2



Unit Khas Pemeriksaan Penumpang KLIA
- Mesin Pengimbas Badan Soter RS Yang Belum Digunakan
(25.05.2009)

Pada pandangan Audit, Jabatan Kastam perlu menjalankan kajian yang lebih terperinci sebelum sesuatu perolehan peralatan dibuat termasuk perancangan penempatan pegawai yang berkelayakan bagi memastikan peralatan yang dibeli digunakan secara optimum dan penggunaannya mematuhi peraturan yang ditetapkan.

9.4.2. Mesin Pengimbas Tidak Digunakan Secara Optimum

9.4.2.1. Semakan Audit terhadap 37 mesin pengimbas di 24 Stesen Kastam mendapati selain daripada mesin pengimbas badan Soter RS yang tidak digunakan seperti mana yang dibangkitkan di **perenggan 9.4.1.2**., terdapat juga 5 mesin pengimbas kontena yang diperolehi sebelum tahun 2007 langsung tidak digunakan/tidak digunakan secara optimum. Mesin pengimbas tersebut langsung tidak digunakan/tidak digunakan secara optimum antaranya disebabkan oleh pelbagai kerosakan atau kekurangan pegawai yang berpengalaman untuk mengendalikannya seperti di **Jadual 9.3. Pada pandangan Audit, Jabatan Kastam sepatutnya mengambil tindakan awal untuk memperbaiki mesin pengimbas yang rosak bagi memastikan operasinya tidak terjejas.**

JADUAL 9.3
MESIN PENGIMBAS LANGSUNG TIDAK DIGUNAKAN/ TIDAK DIGUNAKAN SECARA OPTIMUM

JENIS MESIN PENGIMBAS KONTENA	STESEN	KOS PEROLEHAN (RM Juta)	DITERIMA PADA	SEBAB TIDAK/JARANG DIGUNAKAN	TEMPOH TIDAK DIGUNAKAN
Mobile Rapidscan MAX 3345	Bahagian Pencegahan, Kompleks Kargo Tanjung Puteri, Johor	4.94	01.04.2003	Kerosakan pada *truck pulling device*	Sejak Bulan Julai 2006
Mobile Rapidscan MAX 3345	Bahagian Pencegahan, Pelabuhan Utara, Selangor	4.94	06.01.2003	Kerosakan pada tiub x-ray	Sejak Bulan Januari 2008
Mobile Rapidscan MAX 3345	Bahagian Pencegahan, Rantau Panjang, Kelantan	4.94	06.01.2003	• Alat pengesan sinaran dihantar untuk kalibrasi • Pertukaran pegawai • Pegawai tidak mahir	Bulan Januari hingga Disember 2008
Mobile Rapidscan MAX 3345	Bahagian Pencegahan, Kompleks Kargo, KLIA	4.94	06.01.2003	Pegawai terlibat dengan operasi pencegahan	Jarang digunakan
Portal THSCAN HS 3000	Unit Mesin Pengimbas, Pelabuhan Barat, Selangor	12.20	01.12.2003	Kerosakan tidak dibaiki kerana tiada perjanjian	Bulan Disember 2008 hingga Jun 2009
JUMLAH		**31.96**			

9.4.2.2. Berdasarkan maklum balas, Jabatan Kastam telah mengemukakan permohonan pada bulan Disember 2009 kepada Kementerian Kewangan untuk melupuskan mesin pengimbas kontena Mobile Rapidscan MAX 3345 yang

ditempatkan di Bahagian Pencegahan, Kompleks Kargo Tanjung Puteri, Johor. Jabatan Kastam juga akan menjalankan kajian kesesuaian penggunaan baki 6 mesin pengimbas kontena Mobile Rapidscan MAX 3345 dan tindakan pelupusan akan diambil sekiranya didapati tidak ekonomi lagi untuk dibaiki. Bagaimanapun, didapati Kementerian Kewangan telah meluluskan permohonan Jabatan Kastam pada 14 Januari 2010 untuk melanjutkan tempoh kontrak perkhidmatan penyenggaraan secara rundingan terus selama 2 tahun mulai 1 Januari 2010 hingga 31 Disember 2011 dengan anggaran kos berjumlah RM4.55 juta. Kontrak ini adalah bagi perkhidmatan penyenggaraan kesemua 7 unit mesin pengimbas Mobile Rapidscan MAX 3345 tersebut termasuk mesin pengimbas yang ditempatkan di Kompleks Kargo, Tanjung Puteri, Johor yang sedang dalam proses pelupusan. **Sehubungan ini, pihak Audit tidak dapat menentukan justifikasi pelanjutan tempoh kontrak ini memandangkan Jabatan Kastam sedang menunggu keputusan pelupusan/dalam proses menjalankan kajian kesesuaian penggunaan kesemua mesin pengimbas tersebut.**

9.4.3. Kelemahan Penyenggaraan Mesin Pengimbas

9.4.3.1. Penyenggaraan mesin pengimbas dibuat berdasarkan syarat dalam perjanjian yang ditandatangani antara Jabatan Kastam dengan kontraktor. Butiran kontrak penyenggaraan mesin pengimbas yang sedang berkuat kuasa adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 9.4
KONTRAK PENYENGGARAAN MESIN PENGIMBAS

KONTRAKTOR	JENIS MESIN PENGIMBAS	BIL. MESIN PENGIMBAS	TEMPOH KONTRAK	KEKERAPAN PENYENGGARAAN	NILAI KONTRAK (RM Juta)
Wafada Technic & Consult Sdn. Bhd.	Smiths-Heiman 9075	15	04.03.2009 - 03.03.2012	3 Bulan sekali	1.46
	Smiths-Heiman 100100T	1		3 Bulan sekali	
	Mobile Rapidscan MAX 3345	7	01.09.2007 - 31.12.2009	Bulanan	5.31
Damansara Consult & Supplies Sdn. Bhd.	Rapidscan 528	9	01.04.2009 - 31.03.2012	3 Bulan sekali	1.43
	Rapidscan 520B	5			
Nm Resources Sdn. Bhd.	Portal Vacis	1	01.05.2008 - 30.04.2012	Bulanan	1.15
	Relocatable Vacis II - CE/CS	7	01.03.2008 - 28.02.2012	Bulanan	9.34
Global Technology Innovation Management Sdn. Bhd.	Relocatable THSCAN MB1215 HS	1	01.09.2005 - 31.08.2010	Bulanan	11.71
	Mobile THSCAN MB1213 LT	1		Bulanan	
Pan Asiatic Technologies Sdn. Bhd.	Portal THSCAN HS3000	2	20.07.2009 - 19.07.2010	Bulanan	2.00
JUMLAH		**49**			**32.40**

9.4.3.2. Semakan Audit mendapati Jabatan Kastam telah membayar sejumlah RM1.17 juta bagi tempoh bulan Julai 2006 hingga Jun 2009 kepada kontraktor yang dilantik untuk menjalankan kerja penyenggaraan mesin pengimbas di stesen Pelabuhan Utara, Selangor, Tanjung Puteri, Johor dan Rantau Panjang, Kelantan walaupun dalam tempoh tersebut, mesin berkenaan mengalami kerosakan atau tidak digunakan. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 9.5
PENYENGGARAAN UNTUK MESIN PENGIMBAS YANG TIDAK BEROPERASI

JENIS MESIN PENGIMBAS	STESEN	KOS PENYENGGARAAN DALAM TEMPOH TIDAK DIGUNAKAN (RM Juta)	TEMPOH TIDAK DIGUNAKAN
Mesin Pengimbas Kontena Mobile Rapidscan MAX 3345	Bahagian Pencegahan, Pelabuhan Utara, Selangor	0.45	Januari 2008 hingga Jun 2009
Mesin Pengimbas Kontena Mobile Rapidscan MAX 3345	Bahagian Pencegahan, Kompleks Kargo Tanjung Puteri, Johor	0.39	Julai 2006 hingga Oktober 2008
Mesin Pengimbas Kontena Mobile Rapidscan MAX 3345	Bahagian Pencegahan, Rantau Panjang, Kelantan	0.33	Januari 2008 hingga Disember 2008
JUMLAH		**1.17**	

9.4.3.3. Semakan Audit selanjutnya mendapati mesin pengimbas Mobile Rapidscan MAX 3345 yang ditempatkan di Bahagian Pencegahan, Pelabuhan Utara, Selangor telah mengalami kerosakan pada tiub x-ray selama 9 bulan iaitu antara bulan Januari hingga September 2008. Tindakan untuk membaikinya hanya dibuat pada bulan Oktober 2008. Bagaimanapun, semakan selanjutnya mendapati **walaupun mesin tersebut telah diperbaiki tetapi sehingga ke tarikh lawatan Audit pada 2 Jun 2009, ia masih belum digunakan** kerana stesen ini telah dibekalkan dengan mesin pengimbas yang baru. Adalah didapati bayaran berjumlah RM446,420 telah dibuat untuk kerja penyenggaraan dalam tempoh mesin pengimbas tersebut tidak digunakan. **Pada pandangan Audit, perbelanjaan ini adalah merupakan satu pembaziran memandangkan penyenggaraan dibuat terhadap mesin pengimbas yang langsung tidak digunakan.**

9.4.3.4. Mesin pengimbas yang ditempatkan di Kompleks Kargo, Tanjung Puteri, Johor tidak dapat digunakan sejak bulan Julai 2006 disebabkan kerosakan pada *truck pulling device,* namun penyenggaraan masih dijalankan sehingga diberhentikan pada bulan Oktober 2008. Sepanjang tempoh mesin tidak beroperasi iaitu pada bulan Julai 2006 hingga Oktober 2008, Jabatan Kastam telah membelanjakan sejumlah RM386,640 bagi kos penyenggaraannya.

9.4.3.5. Sepanjang tahun 2008, mesin pengimbas yang ditempatkan di Bahagian Pencegahan, Rantau Panjang, Kelantan pula tidak beroperasi disebabkan pertukaran pegawai yang mahir mengendalikannya dan alat

pengesan sinaran telah dihantar untuk kalibrasi. Bagaimanapun, Jabatan Kastam tetap menanggung kos penyenggaraan yang dijalankan berjumlah RM332,673.

Pada pandangan Audit, siasatan hendaklah dijalankan untuk menentukan sama ada terdapat kecuaian oleh pihak yang terlibat dengan pembayaran bagi kerja penyenggaraan yang tidak dilaksanakan atau tidak dilaksanakan dengan sempurna supaya tindakan tatatertib dapat diambil terhadap mereka.

9.5. SYOR AUDIT

Jabatan Kastam disyorkan melaksanakan beberapa langkah penambahbaikan berikut :-

9.5.1. Menjalankan kajian yang lebih terperinci sebelum sesuatu perolehan peralatan dibuat termasuk perancangan penempatan pegawai yang berkelayakan bagi memastikan peralatan yang dibeli digunakan secara optimum dan penggunaannya mematuhi peraturan yang ditetapkan.

9.5.2 Mengambil tindakan awal untuk memperbaiki mesin pengimbas yang rosak bagi memastikan operasinya tidak terjejas.

9.5.3. Siasatan hendaklah dijalankan untuk menentukan sama ada terdapat kecuaian oleh pihak yang terlibat dengan pembayaran bagi kerja penyenggaraan yang tidak dilaksanakan atau tidak dilaksanakan dengan sempurna supaya tindakan tatatertib dapat diambil terhadap mereka.

KEMENTERIAN KEWANGAN

10. JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA - PENGURUSAN BOT UNTUK AKTIVITI PENCEGAHAN

10.1. LATAR BELAKANG

10.1.1. Bagi tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9), Jabatan Kastam Diraja Malaysia (Jabatan Kastam) telah diluluskan peruntukan berjumlah RM90.80 juta untuk membeli bot, enjin dan kelengkapan alat ganti bot. Bot-bot ini digunakan untuk aktiviti pencegahan penyeludupan di perairan negara. Bagi tempoh tahun 2006 hingga 2009, Jabatan Kastam berjaya merampas barangan yang cuba diseludupkan bernilai RM34.40 juta melibatkan anggaran cukai berjumlah RM74.06 juta. Kebanyakan barangan tersebut adalah rokok dan minuman keras. Setakat bulan September 2009, Jabatan Kastam memiliki 152 bot pelbagai jenis. Bilangan dan fungsi bot adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 10.1
BILANGAN BOT MENGIKUT JENIS

JENIS BOT	BILANGAN BOT	UKURAN (METER)	USIA BOT (TAHUN)
Bahtera	2	32	25 - 26
Pembanteras	3	22	17
Perantas	26	15.25 – 16	2 - 7
Bot Ronda	10	13.5	6
Bot Pelabuhan	2	11	21
Penumpas	37	8.5 - 9.5	8 - 17
Pemintas	38	6.7 - 10	3 - 34
Sampan Risik	34	6.5 – 9.5	Sampan rampasan yang dilucut hak
JUMLAH	**152**		

JADUAL 10.2
FUNGSI MENGIKUT JENIS BOT

JENIS BOT		FUNGSI
Bahtera		Bot ronda terbesar yang boleh meronda di seluruh perairan negara untuk tempoh masa sehingga 2 minggu.
Pembanteras		Bot ini boleh membuat rondaan dalam lingkungan 200 batu dari pangkalan bagi tempoh selama 3 hingga 4 hari.

JENIS BOT		FUNGSI
Perantas		Bot ini untuk rondaan di kawasan pesisiran pantai berdekatan dengan pangkalan untuk tempoh 48 jam.
Bot Ronda		Bot ini digunakan untuk menjalankan kerja-kerja risikan di perairan negara.
Bot Pelabuhan		Bot ini digunakan untuk membuat rondaan di pelabuhan seperti di Pelabuhan Klang dan Pelabuhan Langkawi.
Penumpas		Bot paling laju yang boleh mencapai 60 knot dan mampu beroperasi di kawasan pesisiran pantai dalam keadaan laut bergelora dengan ketinggian ombak 1.5 meter.
Pemintas		Bot laju ini boleh beroperasi dalam keadaan cuaca baik dan kawasan berdekatan dengan pangkalan.
Sampan Risik		Digunakan untuk tujuan membuat intipan ke atas aktiviti penyeludupan.

10.1.2. Cawangan Marin Dan Khidmat Sokongan adalah salah satu cawangan di Bahagian Pencegahan yang bertanggungjawab untuk merancang perolehan, penempatan dan penyenggaraan bot Jabatan Kastam. Manakala Bahagian Perolehan bertanggungjawab menguruskan perolehan bot dan alat ganti yang telah diluluskan.

10.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada Jabatan Kastam telah merancang dan menguruskan bot dengan cekap, berkesan dan berhemat selaras dengan objektif yang ditetapkan.

10.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini meliputi aktiviti perolehan, penggunaan dan penyenggaraan bot Jabatan Kastam bagi tempoh tahun 2006 hingga 2009. Pengauditan ini dijalankan dengan menyemak fail, rekod dan dokumen yang berkaitan di Bahagian Perolehan, Ibu Pejabat; Cawangan Marin dan Khidmat Sokongan Dengkil, Selangor; Stesen Marin Johor Bahru dan Tanjung Surat, Johor; Stesen Marin Pelabuhan Klang, Selangor; Stesen Marin Langkawi, Kedah; Stesen Marin Kuching dan Stesen Marin Bintulu, Sarawak serta Stesen Marin Kota Kinabalu dan Stesen Marin Tawau, Sabah. Lawatan ke Cawangan dan Stesen Kastam telah diadakan dan temu bual dengan pegawai yang berkenaan juga telah diadakan.

10.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Mei hingga September 2009 mendapati beberapa kelemahan dari segi perolehan, penggunaan dan penyenggaraan bot. Antaranya ialah **bot lewat diterima; bot hanya ditempatkan di stesen Marin setelah 2 hingga 4 bulan ia diterima kerana penempatannya tidak dirancang semasa perolehan dibuat; penggunaan sebahagian besar bot tidak mencapai tahap optimum yang ditetapkan; kerja-kerja penyenggaraan bot kurang memuaskan dan kos pembaikan/penyenggaraan terlalu tinggi**. Penjelasan lanjut berhubung dengan perkara yang ditemui adalah seperti di perenggan-perenggan berikut :-

10.4.1. Kelewatan Penerimaan Dan Penempatan Bot

10.4.1.1. Pada tahun 2006 dan 2008, Jabatan Kastam telah menandatangani 3 kontrak untuk perolehan 12 bot bernilai RM52.48 juta seperti di jadual berikut :-

JADUAL 10.3
PEROLEHAN BOT PADA TAHUN 2006 DAN 2008

TAHUN	KONTRAKTOR	JENIS BOT	BILANGAN BOT	HARGA KONTRAK (RM Juta)	KAEDAH PEROLEHAN
2006	Destination Marine Services Sdn. Bhd.	Perantas	4	19.20	Rundingan Terus
2008	Destination Marine Services Sdn. Bhd.	Bot Laju 16.5 Meter	4	22.25	Tender Terbuka
	MSET Shipbuilding Corporation Sdn. Bhd.	Bot Laju 13 Meter	4	11.03	
JUMLAH			**12**	**52.48**	

10.4.1.2. Semakan Audit mendapati berlaku kelewatan dalam pembekalan bot laju melalui kontrak yang ditandatangani pada tahun 2008. Kontrak yang ditandatangani pada 29 Ogos 2008 dengan Destination Marine Services Sdn. Bhd. untuk merekabentuk, membina, melatih, menghantar dan mentauliahkan 4 bot laju ukuran 16.5 meter telah menetapkan supaya bot diserahkan kepada Jabatan Kastam selewat-lewatnya antara bulan Mac hingga Mei 2009. Manakala bagi kontrak yang ditandatangani pada 12 September 2008 dengan MSET Shipbuilding Corporation Sdn. Bhd. bagi pembekalan 4 bot laju ukuran 13 meter, tempoh penyerahannya adalah antara 10 hingga 12 bulan dari tarikh kontrak ditandatangani. Mengikut Laporan Kemajuan Projek Pembangunan bagi bulan September 2009, lanjutan masa telah diluluskan bagi kedua-dua kontrak

tersebut di mana tarikh penyerahan bot dilanjutkan sehingga 6 November 2009 bagi bot laju ukuran 16.5 meter dan 12 November 2009 bagi bot laju ukuran 13 meter. **Bagaimanapun, semakan Audit pada bulan Disember 2009 mendapati Destination Marine Services Sdn. Bhd. hanya menyerahkan 1 daripada 4 bot kepada Jabatan Kastam manakala MSET Shipbuilding Corporation Sdn. Bhd. belum menyerahkan kesemua 4 bot kepada Jabatan Kastam.**

10.4.1.3. Mengikut syarat kedua-dua kontrak, pihak kontraktor perlu membayar ganti rugi sekiranya berlaku kelewatan penyerahan bot. Pihak kontraktor akan dikenakan bayaran denda pada kadar ½ peratus daripada harga kontrak untuk setiap bot bagi setiap bulan kelewatan manakala bagi kelewatan melebihi 6 bulan, Kerajaan boleh membatalkan kontrak berkenaan. Setakat bulan Disember 2009, denda berjumlah RM238,285 telah dikenakan kepada Destination Marine Services Sdn. Bhd. di atas kelewatan pembekalan bot manakala MSET Shipbuilding Corporation Sdn. Bhd. akan dikenakan denda apabila syarikat tersebut membuat tuntutan bayaran. Denda yang boleh dikenakan kepada MSET Shipbuilding Corporation Sdn. Bhd. sehingga 31 Disember 2009 adalah berjumlah RM148,930.

10.4.1.4. Semakan Audit selanjutnya mendapati kesemua bot perantas melalui perolehan pada tahun 2006 daripada Destination Marine Services Sdn. Bhd. telah dibekalkan dalam tempoh yang ditetapkan. Bagaimanapun, **berlaku kelewatan menempatkan 3 daripada 4 bot tersebut iaitu antara 2 hingga 4 bulan kerana penempatannya tidak ditentukan semasa perolehan dirancang**. Adalah didapati bot Perantas KB87 hanya dihantar ke Stesen Marin Tawau, Sabah setelah tempoh kontraknya tamat dan ini menyebabkan Jabatan Kastam perlu menanggung tambahan kos berjumlah RM220,000 bagi tujuan penghantaran bot tersebut. Selain itu, kelewatan penempatan ketiga-tiga bot tersebut telah menjejaskan tempoh waranti bot kerana ia dikira selama 12 bulan bermula dari tarikh serahan rasmi bot kepada Jabatan Kastam. Butiran kelewatan penempatan bot adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 10.4
KELEWATAN PENEMPATAN BOT KEPADA STESEN MARIN

JENIS BOT	STESEN BOT DITEMPATKAN	TARIKH		TEMPOH KELEWATAN PENEMPATAN BOT
		PENGESAHAN PENERIMAAN BOT	STESEN MENERIMA BOT	
Perantas KB 84	Kuantan	09.01.2008	22.03.2008	2 bulan 14 hari
Perantas KB 85	Pelabuhan Klang	28.03.2008	14.06.2008	2 bulan 18 hari
Perantas KB 87	Tawau	20.08.2008	02.01.2009	4 bulan 14 hari

10.4.1.5. Jabatan Kastam memaklumkan bahawa ia telah mengenal pasti lokasi penempatan kesemua bot yang akan diperolehi melalui kontrak yang ditandatangani pada tahun 2008 bagi memastikan isu kelewatan penempatan bot tidak berulang. Manakala bagi perolehan bot di masa akan datang, Jabatan Kastam juga akan memastikan tempoh waranti bot hanya bermula setelah bot ditempatkan di lokasi yang ditetapkan. Sehubungan ini, **Jabatan Kastam perlu memastikan bot yang diterima nanti ditempatkan segera di stesen Marin**

yang dikenal pasti untuk digunakan supaya kerosakan/kecacatan yang ditemui semasa tempoh waranti diperbaiki oleh pembekal/kontraktor.

10.4.2. Bot Tidak Digunakan Secara Optimum

10.4.2.1. Bot yang diperolehi hendaklah digunakan secara optimum seperti kehendak Perintah Tetap Pencegahan Bilangan 16 (PTP Bil. 16) Tahun 2001. Bot perlu berada dalam kedudukan sekurang-kurangnya 60% membuat rondaan atau siap sedia. Semakan Audit terhadap Laporan Bulanan Rondaan Bot serta Buku Log Pelayaran JK58A/JK91A di stesen Marin yang dilawati iaitu di Pelabuhan Klang, Johor Bahru, Langkawi, Kota Kinabalu, Bintulu dan Kuching mendapati bagi tempoh tahun 2006 hingga bulan Mei 2009, **hanya beberapa bulan sahaja penggunaan bot telah mencapai tahap yang ditetapkan.** Malahan bagi tempoh tertentu, ada bot yang langsung tidak digunakan. Ringkasan penggunaan bot untuk operasi rondaan laut bagi tempoh tahun 2006 hingga bulan Mei 2009 adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 10.5
PERATUS RONDAAN BULANAN BOT
BAGI TEMPOH TAHUN 2006 HINGGA BULAN MEI 2009

STESEN MARIN	TAHUN	RONDAAN BULANAN (%)												*Range* (%)
		Jan	Feb	Mac	April	Mei	Jun	Julai	Ogos	Sept	Okt	Nov	Dis	
Pelabuhan Klang, Selangor	2009	40	26.7	33.3	26.7	20	-	-	-	-	-	-	-	20 - 40
	2008	35.7	50	42.9	50	42.9	35.7	46.7	46.7	46.7	26.7	33.3	20	20 - 50
	2007	**61.5**	53.9	30.8	46.2	46.2	53.9	46.2	30.8	30.8	53.9	46.1	30.8	30.8 - 61.5
	2006	30.8	30.8	30.8	23.1	38.5	53.8	53.8	53.8	**61.5**	**61.5**	38.5	53.8	23.1 - 61.5
Johor Bahru, Johor	2009	16.8	16.8	25	16.8	16.8	-	-	-	-	-	-	-	16.8 - 25
	2008	25	41.7	41.7	58.3	58.3	**66.7**	50	50	41.7	33.3	33.3	33.3	25 - 66.7
	2007	20	40	50	40	40	20	20	40	30	50	40	30	20 - 50
	2006	20	30	50	20	20	**60**	**60**	40	40	20	0	0	0 – 60
Langkawi, Kedah	2009	33.3	33.3	33.3	33.3	33.3	-	-	-	-	-	-	-	33.3
	2008	33.3	33.3	50	**66.7**	**66.7**	50	16.7	50	33.3	33.3	33.3	33.3	16.7 - 66.7
	2007	16.7	16.7	16.7	0	50	16.7	33.3	0	16.7	16.7	16.7	16.7	0 – 50
	2006	20	40	40	**60**	**60**	**80**	20	20	20	20	20	20	20 – 80
Kuching, Sarawak	2009	33.3	33.3	33.3	0	0	-	-	-	-	-	-	-	0 - 33.3
	2008	**66.7**	33.3	0	0	**66.7**	33.3	33.3	33.3	**66.7**	33.3	33.3	33.3	0 - 66.7
	2007	**66.7**	33.3	33.3	33.3	**66.7**	**66.7**	33.3	33.3	33.3	33.3	**100**	0	0 – 100
	2006	0	0	0	33.3	**66.7**	0	**66.7**	**66.7**	0	0	33.3	33.3	0 - 66.7
Bintulu, Sarawak	2009	0	0	25	0	0	-	-	-	-	-	-	-	0 - 25
	2008	0	0	25	25	25	25	0	0	25	25	0	0	0 - 25
	2007	0	0	25	25	0	25	25	25	25	0	0	0	0 - 25
	2006	0	0	0	0	0	25	25	25	25	0	0	0	0 - 25
Kota Kinabalu, Sabah	2009	33.3	33.3	16.7	0	16.7	-	-	-	-	-	-	-	0 - 33.3
	2008	16.7	0	33.3	50	16.7	33.3	16.7	16.7	16.7	0	33.3	0	0 - 50
	2007	0	0	33.3	16.7	33.3	50	50	50	**66.7**	50	33.3	0	0 - 66.7
	2006	0	0	16.7	0	0	16.7	16.7	16.7	33.3	0	0	0	0 - 33.3

10.4.2.2. Antara faktor bot tidak digunakan secara optimum adalah disebabkan bot berkenaan mengalami kerosakan dan masa yang lama diambil untuk memperbaikinya; ketidakseimbangan penempatan pegawai berkelayakan navigasi dan teknikal serta masalah kelodakan. Penjelasan lanjut adalah seperti berikut :-

a. Kerosakan Dan Pembaikan Bot Yang Berlarutan

i. Semakan Audit mendapati bot di stesen Marin yang dilawati sering mengalami kerosakan dan perlu berada di limbungan untuk pembaikan. Kerosakan ini telah menjejaskan operasi rondaan bot di kawasan berkenaan. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :

JADUAL 10.6
KEROSAKAN BOT

STESEN MARIN	2006		2007		2008		2009 (Sehingga Bulan Mei)	
	BILANGAN		BILANGAN		BILANGAN		BILANGAN	
	Bot	Bot Yang Rosak Setiap Bulan	Bot	Bot Yang Rosak Setiap Bulan	Bot	Bot Yang Rosak Setiap Bulan	Bot	Bot Yang Rosak Setiap Bulan
Pelabuhan Klang, Selangor	13	3 – 5	13	2 – 8	15	4 – 9	15	6 – 8
Johor Bahru, Johor	12	0	12	1 – 4	12	0 – 4	12	0 – 2
Langkawi, Kedah	5	0	6	0 – 1	6	0 – 1	6	0
Kuching, Sarawak	3	0 – 2	3	0 – 1	3	0 – 2	3	0
Bintulu, Sarawak	4	1 – 3	4	1 – 2	4	1 – 2	4	0 – 1
Kota Kinabalu, Sabah	6	0 – 5	6	0 – 3	6	0 – 6	6	0 – 5

ii. Jabatan Kastam tidak menandatangani sebarang kontrak untuk kerja pembaikan dan penyenggaraan bot. Bot yang rosak akan dihantar ke beberapa limbungan kapal yang ada di seluruh negara. Semakan Audit di stesen Marin yang dilawati mendapati masa yang lama diambil untuk membaiki bot yang rosak iaitu antara 3 hingga 13 bulan dari tarikh kerosakan dilaporkan disebabkan pihak Ibu Pejabat Jabatan Kastam perlu membuat penilaian terlebih dahulu sebelum kelulusan pembaikan dikeluarkan. Contoh masa yang diambil untuk kerja pembaikan adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 10.7
TEMPOH MASA YANG DIAMBIL UNTUK PEMBAIKAN BOT

STESEN MARIN	JENIS BOT	KEROSAKAN		PEMBAIKAN		
		Tarikh		Tarikh		Tempoh Pembaikan
		Kerosakan Bot Dilaporkan	Bot Digalang	Kelulusan Pembaikan Bot	Bot Siap Dibaiki	
Pelabuhan Klang, Selangor	Penumpas 037	25.05.2008	10.05.2008	24.07.2008	29.08.2008	3 bulan 4 hari
	Pemintas KG114	12.07.2006	29.01.2007	25.09.2006	29.03.2007	8 bulan 17 hari
	Pemintas KG876	12.09.2008	TM	04.11.2008	03.12.2008	3 bulan
Johor Bahru, Johor	Bahtera K39	26.01.2007	20.03.2007	TM	11.06.2007	4 bulan 16 hari

STESEN MARIN	JENIS BOT	KEROSAKAN		PEMBAIKAN		
		Tarikh		Tarikh		Tempoh Pembaikan
		Kerosakan Bot Dilaporkan	Bot Digalang	Kelulusan Pembaikan Bot	Bot Siap Dibaiki	
Kuching, Sarawak	Pemintas KG112	18.04.2007	24.07.2007	13.07.2007	09.10.2007	5 bulan 20 hari
Bintulu, Sarawak	Pemintas KG119	05.10.2007	TM	17.01.2008	Feb. 2008	4 bulan
	Pembanteras KA43	Ogos 2006	Ogos 2006	TM	28.09.2007	13 bulan
Kota Kinabalu, Sabah	Penumpas P017	09.10.2006	TM	07.03.2007	22.05.2007	7 bulan 12 hari
	Pemintas KG104	09.10.2006	TM	07.03.2007	15.07.2007	9 bulan 5 hari
	Pemintas KG117	25.04.2006	TM	07.03.2007	21.03.2007	10 bulan 25 hari

Nota : ***TM - Tiada Maklumat***

Pada pandangan Audit, situasi ini sedikit sebanyak telah menjejaskan kesiapsiagaan Jabatan Kastam untuk mencegah penyeludupan di perairan negara.

b. Ketidakseimbangan Penempatan Pegawai Berkelayakan Navigasi Dan Teknikal

i. Selaras dengan ketetapan yang dibuat oleh konvensyen antarabangsa, *International Convention On Standards Of Training, Certification And Watchkeeping For Seafares*, (STCW) 1995, pegawai Kastam yang menjalankan fungsi berkaitan dengan operasi dan senggaraan bot hendaklah mempunyai sijil kompetensi yang dikeluarkan oleh Jabatan Laut mengikut kelas bot dan enjin. Syarat untuk mendapatkan sijil kompetensi ini memerlukan pengalaman kerja di laut sekurang-kurangnya 3 tahun sebelum pegawai dibenarkan untuk menduduki ujian asas keselamatan. Hanya pegawai yang lulus ujian asas keselamatan dibenarkan untuk mengambil sijil kompetensi navigasi dan teknikal. Semakan Audit terhadap perjawatan di stesen Marin yang dilawati mendapati **wujud ketidakseimbangan penempatan pegawai berkelayakan navigasi dan teknikal berbanding bilangan bot**. Di Stesen Marin Pelabuhan Klang, Johor Bahru dan Langkawi, bilangan pegawai navigasi dan teknikal yang ditempatkan di stesen berkenaan melebihi daripada keperluan. Manakala di Stesen Marin Kuching dan Bintulu serta Stesen Marin Kota Kinabalu dan Tawau, bilangan pegawai navigasi dan teknikal tidak mencukupi berbanding bilangan bot yang perlu diuruskan. Keadaan ini mempengaruhi operasi rondaan bot di kawasan perairan stesen berkenaan. Selain itu, pihak Audit juga mendapati tiada jawatan Pegawai Kastam (Marin) diluluskan untuk Stesen Marin Bintulu, sebaliknya jawatan tersebut ditempatkan secara pentadbiran dari stesen lain semenjak tahun 2002. Kedudukan keperluan dan pengisian pegawai yang mempunyai kelayakan navigasi dan teknikal

di stesen Marin berbanding dengan bilangan bot adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 10.8
KEDUDUKAN KEPERLUAN DAN PENGISIAN PEGAWAI YANG MEMPUNYAI SIJIL KOMPETENSI NAVIGASI DAN TEKNIKAL BERBANDING DENGAN BILANGAN BOT

STESEN MARIN	BIL. BOT	KEDUDUKAN PEGAWAI	NAVIGASI				JUMLAH	TEKNIKAL				JUMLAH
			MD	WKO	CM	Master		EO	WKE	SE	CE	
Pelabuhan Klang, Selangor	15	Keperluan	12	0	3	0	15	8	0	7	0	15
		Diisi	5	14	7	4	30	2	9	4	3	18
Johor Bahru, Johor	12	Keperluan	7	0	4	1	12	1	6	4	1	12
		Diisi	0	29	5	1	35	0	15	2	1	18
Langkawi, Kedah	6	Keperluan	4	0	1	1	6	4	0	2	0	6
		Diisi	7	0	1	1	9	0	8	3	0	11
Kuching, Sarawak	3	Keperluan	1	0	2	0	3	1	0	2	0	3
		Diisi	0	1	1	0	2	2	0	0	0	2
Bintulu, Sarawak	4	Keperluan	3	0	0	1	4	3	0	1	0	4
		Diisi	0	0	1	1	2	3	0	0	0	3
Kota Kinabalu, Sabah	6	Keperluan	5	0	1	0	6	5	0	1	0	6
		Diisi	0	2	2	1	5	1	3	0	1	5
Tawau, Sabah	6	Keperluan	4	0	1	1	6	4	0	2	0	6
		Diisi	0	2	3	0	5	2	1	0	0	3

Nota :

MD - Mate Domestic
WKO - Watchkeeping Officer
CM - Chief Mate
CE - Chief Engineer
EO - Engineer Officer
WKE - Watchkeeping Engineer
SE - Second Engineer

ii. Jabatan Kastam telah mengenal pasti masalah ini dan tindakan telah diambil bagi menambah bilangan pegawai berkelayakan navigasi dan teknikal. Pegawai yang berpotensi telah dikenal pasti dan dihantar menjalani kursus yang berkaitan mulai tahun 2008. Tindakan ini merupakan satu langkah proaktif dan persediaan Jabatan Kastam bagi memastikan operasi rondaan bot tidak terjejas disebabkan oleh persaraan pegawai.

c. Kelodakan Di Jeti Marin

Kedudukan jeti di kuala sungai di Pangkalan Marin Bintulu dan Pangkalan Marin Pelabuhan Klang mendedahkan jeti kepada aktiviti alam semula jadi iaitu kelodakan yang mengakibatkan aras air menjadi cetek. Keadaan ini menjejaskan penggunaan bot kerana ia tidak dapat dibawa keluar dari kawasan jeti serta mendedahkan bot tersebut kepada risiko kerosakan seperti di gambar berikut :-

GAMBAR 10.1



Pangkalan Marin Bintulu, Sarawak
- Bot Berada Di atas Lumpur Ketika Air Surut
(13.07.2009)

GAMBAR 10.2



Pangkalan Marin Pelabuhan Klang, Selangor
- Bot Terdampar Di Atas Lumpur
Ketika Air Surut
(01.06.2009)

Pada pandangan Audit, Jabatan Kastam perlu meningkatkan pemantauan terhadap penggunaan serta penglibatan bot dalam operasi rondaan laut. Sehubungan ini, Jabatan Kastam perlu menetapkan petunjuk prestasi yang sesuai dan seragam bagi memudahkan pemantauan terhadap operasi rondaan laut. Selain itu, Jabatan Kastam perlu menyediakan rancangan kerjaya secara berterusan bagi pegawai Marin untuk memastikan mereka mendapat kelayakan navigasi/teknikal mengikut tempoh yang ditetapkan dan sesuai dengan jenis bot. Perancangan jangka panjang ini penting bagi memastikan wujudnya pasukan pelapis yang berkelayakan dan berkompetensi mengendalikan bot mengikut peraturan laut yang berkuat kuasa.

10.4.2.3. Perolehan alat ganti dan enjin dibuat lebih awal adalah sebagai satu strategi Jabatan Kastam untuk membaiki kerosakan enjin bot dengan segera bagi menjamin bot dapat beroperasi secara optimum dan berterusan. Bagaimanapun akibat daripada penggunaan bot yang tidak optimum, didapati alat ganti yang dibeli tidak digunakan sepenuhnya malahan ada yang telah luput tempoh waranti. Berikut diberikan beberapa contohnya :-

a. Pada tahun 2003, Jabatan Kastam telah membuat perolehan 4 bot Perantas CB90 bersama 1 set bekalan alat ganti bernilai RM1.82 juta dan 2 unit *boat lift system* bernilai RM2.69 juta dari Dawn Enterprise Sdn. Bhd. Bot tersebut telah ditempatkan di Stesen Marin Port Dickson, Melaka, Kuching dan Kota Kinabalu, manakala alat ganti ditempatkan di Stor Stesen Marin Pelabuhan Klang, Selangor. Berdasarkan rekod inventori, alat ganti bagi bot Perantas CB90 telah diterima pada bulan Januari 2005. Mengikut syarat kontrak, tempoh jaminan untuk peralatan adalah 12 bulan dari tarikh serahan. Lawatan Audit ke Stor Pusat Dengkil mendapati bekalan **alat ganti tersebut masih disimpan dalam 2 kontena dan tidak digunakan sepenuhnya semenjak diterima dari Stor Stesen Marin Pelabuhan Klang, Selangor pada 13 Mac 2007. Ada di antaranya tidak sesuai untuk digunakan sama ada kerana mengalami kerosakan, kualiti yang tidak terjamin kerana jangka hayat penggunaannya yang telah tamat serta set yang tidak lengkap**. Contoh alat ganti tersebut adalah seperti di gambar berikut :-

GAMBAR 10.3



Stor Pusat Dengkil, Selangor
- Komponen Luaran 1 Set Navigasi Furuno Terutama Yang Diperbuat Daripada Getah Telah Rosak
(12.05.2009)

GAMBAR 10.4



Stor Pusat Dengkil, Selangor
- Beberapa Komponen Set Diesel Generator Telah Ditanggalkan Untuk Dijadikan Alat Ganti Menyebabkan Set Tersebut Tidak Lengkap Untuk Digunakan
(12.05.2009)



GAMBAR 10.5

Stor Pusat Dengkil, Selangor
- Tiada Pergerakan Alat Ganti Penapis Minyak-Baki 46 Set Direkodkan Semenjak Tahun 2007
(12.05.2009)

b. Bot Pembanteras KA43 menggunakan 2 set enjin jenis MTU 12V396 TE84. Jabatan Kastam telah membuat perolehan berjumlah RM0.51 juta untuk mendapatkan 2 set *W6 Routine Kit* untuk tujuan *major overhaul* apabila enjin bot mencapai 5,000 jam perjalanan. Set alat ganti ini telah diterima pada 19 November 2007 dengan tempoh waranti selama 12 bulan dari tarikh serahan. Semakan Audit di Stesen Marin Bintulu mendapati jumlah jam perjalanan bot Pembanteras KA43 sehingga 30 April 2009 untuk enjin utama sebelah kanan adalah 1,717 jam dan enjin sebelah kiri adalah 1,749 jam. Perolehan terlalu awal menyebabkan alat ganti tidak dapat digunakan semasa di dalam tempoh waranti kerana masih belum mencapai tempoh jam perjalanan yang ditetapkan. Keadaan ini memberi kesan kepada kualiti dan ketahanan alat ganti tersebut. Semasa lawatan Audit pada bulan Mei 2009, **alat ganti tersebut masih berada di Stor Pusat Dengkil dan belum diserahkan kepada Stesen Marin Bintulu** seperti di gambar berikut :-

GAMBAR 10.6




GAMBAR 10.7



Stor Pusat Dengkil, Selangor
- Alat ganti Enjin MTU 12V396 TE84 Masih Berada Dalam Kotak Pembungkusan Asal
(12.05.2009)

c. Jabatan Kastam telah membeli 15 unit enjin jenis Steyr Marine Diesel model M0246K41 bersama dengan Bravo Drive bernilai RM2.09 juta. Semua peralatan tersebut diterima melalui 2 peringkat penghantaran iaitu 11 unit pada 25 April 2007 dan 4 unit pada 18 Disember 2007. Mengikut syarat kontrak, tempoh waranti enjin tersebut adalah selama 12 bulan mulai dari tarikh serahan. Semasa lawatan Audit pada bulan Mei 2009, didapati Jabatan Kastam hanya menggunakan 3 unit daripada keseluruhan unit yang dibekalkan. **Baki 12 unit enjin serta Bravo Drive yang telah luput tempoh waranti masih berada di Stor Pusat Dengkil, Selangor** seperti di gambar berikut :-

GAMBAR 10.8



GAMBAR 10.9



Stor Pusat Dengkil, Selangor
- Enjin Steyr Marine Diesel Dan Bravo Drive Luput Tempoh Waranti
(12.05.2009)

d. Perolehan 30 unit enjin model 495 MAG HO Mercruiser bersama Bravo Drive bernilai RM2.79 juta telah diterima sama ada pada 30 Januari 2007 atau 25 April 2007. Syarat kontrak menetapkan tempoh waranti adalah selama 12 bulan dari tarikh penerimaan barangan. Lawatan Audit pada bulan Mei 2009 mendapati **10 set enjin berkenaan bernilai RM0.93 juta belum diagihkan dan masih berada di Stor Pusat Dengkil** seperti di gambar berikut :-

GAMBAR 10.10



GAMBAR 10.11



Stor Pusat Dengkil, Selangor
- Enjin Mercruiser Dan Bravo Drive Belum Diagihkan Sungguhpun Telah Luput Tempoh Waranti
(12.05.2009)

e. Lawatan Audit ke beberapa bengkel stesen Marin mendapati **90% daripada alat ganti yang diperiksa seperti *o-ring, propeller, seal, oil filter, v-belts* dan pelbagai jenis alat ganti lain telah berusia melebihi 2 tahun masih tersimpan dan tidak digunakan seperti maklumat di Jadual 10.9**. Sehubungan ini, kesesuaian penggunaan alat ganti ini dari aspek ketahanan, kualiti serta keberkesanan penggunaannya dalam kerja penyenggaraan

adalah diragui. Contoh pelbagai jenis alat ganti yang tersimpan di bengkel adalah seperti di **Gambar 10.12 hingga 10.17**.

JADUAL 10.9
USIA ALAT GANTI

STESEN MARIN	BILANGAN ALAT GANTI DIPERIKSA	USIA ALAT GANTI		
		< 1 TAHUN	1 - 2 TAHUN	> 2 TAHUN
Pelabuhan Klang, Selangor	28	2	3	23
Tanjung Surat, Johor Bahru, Johor	13	-	1	12
Langkawi, Kedah	15	-	1	14
Bintulu, Sarawak	7	-	-	7
Kuching, Sarawak	9	-	-	9
JUMLAH	**72**	**2**	**5**	**65**

GAMBAR 10.12



GAMBAR 10.13



Stor Pusat Dengkil
- Alat Ganti Bot Yang Tidak Dikenalpasti Disimpan Di Dalam Kotak
(12.05.2009)

GAMBAR 10.14



Stor Pusat Dengkil
- Alat Ganti Bot Yang Tidak Dikenalpasti Disimpan Di Dalam Kotak
(12.05.2009)

GAMBAR 10.15



Bengkel Stesen Marin Bintulu
- Alat Ganti Diterima Pada Tahun 2005
(13.07.2009)

GAMBAR 10.16



Bengkel Stesen Marin Kuching
- Alat Ganti Diterima Antara Tahun 2003 Hingga 2005
(15.07.2009)

GAMBAR 10.17



Bengkel Stesen Marin Pelabuhan Klang
- Propeller {Tarikh Pengeluaran Terakhir Pada 2 Ogos 2006}
(04.06.2009)

10.4.2.4. Selain daripada penggunaan bot yang tidak optimum, beberapa faktor lain yang juga menyebabkan alat ganti/enjin bot tidak digunakan secara optimum adalah seperti berikut :-

a. Kekurangan kemudahan bengkel untuk melaksanakan penyenggaraan terancang dan baik pulih kerosakan kecil enjin seperti di Pangkalan Marin Bintulu, Kuching, Langkawi dan Tanjung Surat.

b. Kekurangan pegawai yang berkelayakan bagi membuat penyenggaraan terancang bagi enjin bot.

c. Alat ganti tidak dibekalkan kepada kontraktor yang dilantik bagi tujuan senggara dan pembaikan kerana pihak limbungan menggunakan alat ganti mereka sendiri.

d. Kaedah agihan bekalan alat ganti tidak sistematik sama ada alat ganti disimpan di stor pusat, diagihkan melebihi keperluan atau tanpa permohonan stesen serta tidak mempraktikkan kaedah pengeluaran yang sesuai seperti sistem masuk dahulu keluar dahulu. Akibatnya, alat ganti yang dibekalkan dengan lebih awal tidak digunakan berbanding bekalan yang diterima kemudiannya dan ini menyebabkannya alat ganti tersebut masih disimpan dan luput tempoh waranti selain ianya menjadi usang serta mengalami penurunan kualiti.

e. Kurang pemantauan oleh pegawai atasan dan tiada pegawai khusus bertanggungjawab serta mempunyai pengetahuan terhadap pengurusan stor. Semakan Audit mendapati pegawai yang dipertanggungjawabkan untuk menjaga bengkel dan menguruskan Stor Marin adalah Pegawai Kastam Marin yang berkelayakan juru enjin bot. Temu bual yang dijalankan mendapati pegawai ini tidak didedahkan kepada kaedah pengurusan stor yang baik.

f. Jarak untuk mengambil/melakukan penghantaran alat ganti kecil dari Stor Pusat kepada stesen Marin adalah tidak praktikal dan ekonomi memandangkan kos penghantarannya adalah tinggi terutamanya ke Stesen Marin Kuching dan Kota Kinabalu.

10.4.2.5. Berdasarkan maklum balas daripada Jabatan Kastam, tindakan telah diambil dengan mengagihkan baki 12 set enjin jenis Steyr Marine Diesel dan 10 set enjin model model 495 MAG HO Mercruiser ke stesen Marin di mana bot ditempatkan. Sebahagian daripada enjin tersebut telah dipasang pada bot yang berkenaan manakala sebahagian lagi dihantar ke limbungan untuk digunakan.

Pada pandangan Audit, Jabatan Kastam perlu membuat kajian terhadap perolehan alat ganti agar bersesuaian dengan keperluan semasa mengikut jenis bot yang digunakan. Ini adalah kerana kebanyakan alat ganti yang luput tempoh warantinya merupakan peralatan *wear and tear.* Selain itu, pegawai yang dipertanggungjawabkan untuk menguruskan stor perlu mempunyai kelayakan yang bersesuaian serta diberi pendedahan terhadap kaedah pengurusan stor yang baik.

10.4.3. Penyenggaraan Bot

10.4.3.1. Semakan Audit terhadap Laporan Kos Pembaikan Bot mendapati Jabatan Kastam menanggung kos yang tinggi untuk tujuan penyenggaraan dan pembaikan bot. Secara keseluruhannya, bagi tempoh tahun 2006 hingga bulan September 2009, Jabatan Kastam telah menanggung kos penyenggaraan bot berjumlah RM67.56 juta. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 10.10
KOS PENYENGGARAAN BOT BAGI TEMPOH TAHUN 2006 HINGGA 2009

NEGERI	TAHUN			
	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	2008 (RM Juta)	2009 (Sehingga September) (RM Juta)
Selangor	2.84	1.06	0.66	1.12
Johor	9.23	3.09	3.82	2.85
Kedah	2.95	1.10	1.11	0.21
Sarawak	2.69	2.50	1.23	0.59
Sabah	8.27	2.50	1.82	1.31
Perlis	0.57	0.15	0.19	0.51
Pulau Pinang	0.85	0.24	0.48	0.34
Perak	1.52	0.88	0.64	0.67
Negeri Sembilan	0.86	0.44	0.26	0.53
Melaka	0.75	0.07	0.67	0.37
Pahang	0.75	0.00	0.06	0.00
Kelantan	0.49	0.29	0.00	0.02
Terengganu	0.86	0.30	0.29	0.35
Wilayah Persekutuan Labuan	0.84	0.52	0.02	0.12
Kos Penyenggaraan Lain	0.67	0.04	0.00	0.00
JUMLAH	**34.14**	**13.18**	**11.25**	**8.99**
JUMLAH KESELURUHAN	**67.56**			

10.4.3.2. Analisis selanjutnya terhadap Laporan Kos Pembaikan Bot bagi tahun 2006 hingga bulan September 2009 mendapati pelbagai jenis pembaikan bot dijalankan termasuk pembaikan kecemasan. Contoh pembaikan yang dijalankan mengikut stesen Marin yang dilawati bagi tempoh tersebut adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 10.11
PEMBAIKAN BOT BAGI TEMPOH TAHUN 2006 HINGGA BULAN SEPTEMBER 2009

STESEN	JENIS BOT	BILANGAN		KOS (RM Juta)
		PEMBAIKAN KECEMASAN	PEMBAIKAN KECIL/TAHUNAN	
Johor Bahru, Johor	Bahtera K39	6	6	1.62
	Perantas KB70	4	7	0.99
Langkawi, Kedah	Pembanteras KA45	3	8	1.69
	Penumpas 027	1	6	0.43

STESEN	JENIS BOT	BILANGAN		KOS (RM Juta)
		PEMBAIKAN KECEMASAN	PEMBAIKAN KECIL/TAHUNAN	
Kota Kinabalu, Sabah	Penumpas 017	1	5	0.78
	Perantas KB81	1	8	1.08
Tawau, Sabah	Pembanteras KA50	3	10	5.03
Bintulu, Sarawak	Pembanteras KA43	5	11	2.12
Kuching, Sarawak	Perantas KB80	1	13	0.83
	Perantas KB55	-	9	1.27
Pelabuhan Klang, Selangor	Penumpas KG014	1	7	0.54
	Penumpas 032	1	6	0.67
	Perantas KB74	3	13	0.63
JUMLAH		**30**	**109**	**17.68**

10.4.3.3. Semakan Audit terhadap Buku Log Pelayaran JK91A/JK58A dan Buku Log Enjin JK91/JK58 di stesen Marin yang dilawati mendapati penyenggaraan berjadual terhadap enjin dan penggalangan tahunan bot tidak dilaksanakan mengikut tempoh yang sepatutnya. Pegawai stesen Marin berkenaan memaklumkan bahawa bot hanya disenggarakan apabila berlaku kerosakan dan setelah diluluskan oleh ibu pejabat. Bagi kes penyenggaraan kecil seperti menukar minyak pelincir, *oil filter* dan kerja pembersihan bot, ia dilakukan oleh kakitangan menggunakan stok alat ganti yang sedia ada di stor Marin. Penyenggaraan yang tidak dijalankan mengikut jadual menyebabkan kerosakan tidak dapat dikesan lebih awal dan kerap berlaku pembaikan bot termasuk pembaikan kecemasan. Contohnya adalah kerosakan pada *hull* Bot Perantas KB55, di Stesen Marin Kuching hanya dikesan selepas bot digalang untuk tujuan pembaikan enjin seperti di gambar berikut :-

GAMBAR 10.18



GAMBAR 10.19



Limbungan Global Shipyard, Kuching
- Kerosakan Pada Hull Bot Perantas KB55
(16.07.2009)

Pada pandangan Audit, bot hendaklah disenggarakan secara berjadual bagi memastikan keadaan fizikalnya sentiasa dalam keadaan baik dan selamat untuk digunakan. Sehubungan ini, peruntukan yang mencukupi hendaklah disediakan untuk tujuan penyenggaraan.

10.4.3.4. Berdasarkan Perintah Tetap Pangkalan Marin Kastam Bilangan 3 Tahun 2000, pembinaan Pangkalan Marin Kastam adalah satu kemudahan

logistik bagi menentukan bot jabatan dapat disenggarakan dengan baik, selamat, mengurangkan kadar kekerapan kerosakan dan mengurangkan kos senggaranya. Bagaimanapun lawatan Audit mendapati **kerja penyenggaraan bot tidak dapat dilakukan di Pangkalan Marin Bintulu, Pelabuhan Klang dan Tanjung Surat** disebabkan oleh faktor berikut :-

a. Landas angkat (*ramp*) di Pangkalan Marin Bintulu tidak digunakan sejak tahun 2002 kerana aras sungai tidak melepasi had yang sesuai untuk menaikkan bot ke atas *ramp*. Masalah lebih kritikal bila air surut kerana aras air berada di bawah *ramp.* Manakala kemudahan *slipway* di Pangkalan Marin Pelabuhan Klang tidak digunakan sejak bulan September 2007 juga disebabkan oleh masalah kelodakan. Kerja penyenggaraan bot tidak dapat dilakukan di bengkel kesan daripada masalah tersebut. **Gambar 10.20 dan 10.21** adalah contoh yang menunjukkan keadaan *ramp* dan *slipway* di Pangkalan Marin berkenaan.

GAMBAR 10.20



Pangkalan Marin Bintulu, Sarawak
- Aras Air Lebih Rendah Daripada Ramp
(14.07.2009)

GAMBAR 10.21



Pangkalan Marin Pelabuhan Klang, Selangor
- Slipway Tidak Boleh Digunakan
Disebabkan Masalah Kelodakan
(01.06.2009)

b. Adalah didapati bengkel dan kren pengangkat barang di Pangkalan Marin Tanjung Surat yang diserahkan kepada Jabatan Kastam pada 11 April 2008 tidak pernah digunakan untuk tujuan penyenggaraan bot. Pihak Audit dimaklumkan perkara ini berlaku disebabkan oleh lokasinya yang jauh dan dikhuatiri boleh menimbulkan masalah pencemaran kepada air laut sekiranya sisa minyak/kotoran daripada kerja senggara enjin bot tidak diuruskan dengan baik. **Gambar 10.22 dan 10.23** menunjukkan bengkel dan kren di Pangkalan Marin Tanjung Surat.

GAMBAR 10.22



GAMBAR 10.23



Pangkalan Marin Tanjung Surat, Johor Bahru
- Kren Dan Bengkel Tidak Digunakan Semenjak Tahun 2008
(23.06.2009)

Pada pandangan Audit, Jabatan Kastam perlu membuat perancangan yang teliti terhadap penyediaan kemudahan logistik agar kemudahan tersebut dapat digunakan secara optimum bagi tujuan penyenggaraan bot dan mengelakkan daripada berlakunya pembaziran.

10.5. SYOR AUDIT

Bagi memastikan pengurusan bot untuk aktiviti pencegahan dapat dipertingkatkan di samping Kerajaan mendapat *value for money* daripada perbelanjaan yang dibuat, adalah disyorkan supaya Jabatan Kastam melaksanakan perkara-perkara berikut :-

10.5.1. Memastikan bot yang diterima ditempatkan segera di stesen Marin yang telah dikenal pasti untuk digunakan supaya sebarang kerosakan/kecacatan yang ditemui semasa tempoh waranti diperbaiki oleh pembekal/kontraktor.

10.5.2. Meningkatkan pemantauan terhadap penggunaan serta penglibatan bot dalam operasi rondaan laut. Sehubungan ini, Jabatan Kastam perlu menetapkan petunjuk prestasi yang sesuai dan seragam bagi memudahkan pemantauan terhadap operasi rondaan laut.

10.5.3. Menyediakan rancangan kerjaya secara berterusan bagi pegawai Marin bagi memastikan mereka mendapat kelayakan navigasi/teknikal mengikut tempoh yang ditetapkan dan sesuai dengan jenis bot. Perancangan jangka panjang ini penting bagi memastikan wujud pasukan pelapis yang berkelayakan dan berkompetensi mengendalikan bot mengikut peraturan laut yang berkuat kuasa.

10.5.4. Membuat kajian terhadap perolehan alat ganti agar bersesuaian dengan keperluan semasa mengikut jenis bot yang digunakan. Ini adalah kerana kebanyakan alat ganti yang luput tempoh warantinya merupakan peralatan *wear and tear.* Selain itu, pegawai yang dipertanggungjawabkan untuk menguruskan stor perlu mempunyai kelayakan yang bersesuaian serta diberi pendedahan terhadap kaedah pengurusan stor yang baik.

10.5.5. Bot hendaklah disenggarakan secara berjadual bagi memastikan keadaan fizikalnya sentiasa dalam keadaan baik dan selamat untuk digunakan. Sehubungan ini, peruntukan yang mencukupi hendaklah disediakan untuk tujuan penyenggaraan.

10.5.6. Membuat perancangan yang teliti terhadap penyediaan kemudahan logistik agar kemudahan tersebut dapat digunakan secara optimum dan bagi mengelakkan daripada berlakunya pembaziran.

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

11. PROGRAM INSENTIF PENGELUARAN PADI

11.1. LATAR BELAKANG

11.1.1. Peningkatan harga minyak mentah yang mendadak di pasaran dunia pada tahun 2006 telah mengakibatkan kenaikan kos pengeluaran hasil padi (harga baja, racun, diesel dan peralatan) menyebabkan pendapatan bersih pesawah merosot sebanyak 20% hingga 40%. Bagi mengurangkan bebanan kos yang ditanggung oleh pesawah, Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani (Kementerian) telah memperkenalkan Program Insentif Pengeluaran Padi (Program Insentif) pada bulan Mac 2007. Program Insentif ini meliputi semua kawasan tanaman padi dan diberi kepada pesawah, pengusaha dan syarikat-syarikat berdaftar yang mengusahakan sawah di atas tanah sendiri, sewa atau pajakan. Insentif yang diberi adalah seperti berikut :-

a. Bantuan upah membajak yang menggunakan jentera pada kadar RM100 sehektar semusim.

b. Bantuan input pertanian iaitu baja organik/baja tambahan, tonik tanaman, penggalak percambahan benih dan agen pemulih tanah bernilai RM140 sehektar semusim.

11.1.2. Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu, Kelantan (KADA), Lembaga Kemajuan Pertanian Muda, Kedah (MADA) serta Jabatan Pertanian Sarawak merupakan agensi pelaksana. Manakala sebanyak 193 Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) di seluruh negara adalah terlibat dalam urusan pendaftaran pesawah, pengusaha dan pemilik jentera serta mengagihkan input pertanian.

11.1.3. Bagi tempoh tahun 2007 hingga 2009, Kerajaan telah meluluskan peruntukan berjumlah RM432.96 juta untuk melaksanakan Program Insentif. Manakala mulai bulan Mei 2008, sebahagian peruntukan ini juga digunakan untuk membayar komisen kepada PPK melalui agensi pelaksana atas perkhidmatan yang diberi untuk menjayakan Program Insentif ini. Bayaran komisen ini diluluskan oleh Kementerian Kewangan pada bulan Jun 2008.

11.1.4. Bagi tempoh musim 1/2007 hingga musim 1/2009, sejumlah RM318.42 juta (termasuk komisen berjumlah RM2.23 juta yang dibayar kepada PPK) telah dibelanjakan untuk memberi bantuan kepada 253,473 pesawah/pengusaha yang mengusahakan secara purata 328,932 hektar sawah padi pada setiap musim. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 11.1
PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN PROGRAM INSENTIF PENGELUARAN PADI BAGI TEMPOH TAHUN 2007 HINGGA 2009

TAHUN	PERUNTUKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN			
		BANTUAN INPUT PERTANIAN (RM Juta)	BANTUAN UPAH MEMBAJAK (RM Juta)	KOMISEN (RM Juta)	JUMLAH (RM Juta)
2007	132.96	75.00	47.38	-	122.38
2008	150.00	79.78	51.87	1.32	132.97
2009	150.00	35.81*	26.35*	0.91*	63.07*
JUMLAH	**432.96**	**190.59**	**125.60**	**2.23**	**318.42**

Nota : (*) - Jumlah Perbelanjaan Adalah Sehingga Musim 1/2009

11.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan Program Insentif Pengeluaran Padi telah diuruskan dengan teratur, cekap dan mencapai matlamat yang ditetapkan.

11.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini tertumpu kepada aspek pengurusan Program Insentif Pengeluaran Padi bagi tempoh tahun 2007 hingga 2009 (musim 1/2009). Pengauditan dijalankan dengan menyemak fail, rekod dan dokumen berkaitan di Bahagian Industri Padi Dan Beras, Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani; Ibu Pejabat Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP); Pejabat LPP Negeri Perak, Selangor dan Terengganu; Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA), Kelantan; Jabatan Pertanian Sarawak dan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), Kedah. Selain itu, lawatan fizikal ke 18 PPK di negeri Kedah, Kelantan, Perak, Sarawak, Selangor dan Terengganu juga dilaksanakan. Temu bual dengan seramai 231 pesawah juga diadakan.

11.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Julai hingga November 2009 mendapati **objektif Program Insentif iaitu untuk mengurangkan kos pengeluaran hasil padi yang ditanggung oleh pesawah/pengusaha telah dapat dicapai. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan dalam pengurusan Program Insentif seperti pendaftaran pesawah/pengusaha yang tidak teratur; input pertanian lewat dibekalkan dan tidak memenuhi spesifikasi kontrak; prosedur menimbang berat baja tidak dipatuhi; denda berjumlah RM7.56 juta belum dijelaskan oleh kontraktor; pengagihan input pertanian tidak teratur dan input pertanian yang tidak digunakan oleh pesawah/pengusaha.** Penjelasan lanjut berhubung dengan perkara yang ditemui adalah seperti di perenggan-perenggan berikut :-

11.4.1. Pendaftaran Pesawah/Pengusaha Tidak Teratur

Mengikut Manual Pelaksanaan Insentif Pengeluaran Padi yang dikeluarkan oleh LPP, seorang Pegawai Pengesah PPK yang dilantik perlu menandatangani setiap borang permohonan pendaftaran yang baru, untuk menambah lot/saiz atau menukar

pengusaha selepas mengesahkan kewarganegaraan pesawah/ pengusaha dan saiz sawah yang diusahakan dengan menyemak kepada kad pengenalan pemohon dan surat hak milik atau surat pajakan/sewa. Semakan Audit terhadap 243 sampel borang permohonan pendaftaran bagi semua kategori tersebut yang telah diluluskan/menerima bantuan Insentif mendapati **sebanyak 60 borang pendaftaran (24.7%) tidak mempunyai tandatangan Pegawai Pengesah PPK sebagai bukti semakan terhadap kad pengenalan pemohon dan surat hak milik atau surat pajakan/sewa telah dilakukan.** Selain itu, pihak Audit juga tidak dapat mengesahkan sama ada 45 pemohon (18.5%) adalah warganegara Malaysia dan 98 permohonan baru/menambah lot/saiz atau menukar pengusaha (40.3%) adalah layak kerana salinan dokumen seperti kad pengenalan, surat hak milik tanah dan surat pajakan/sewa tidak disertakan bagi menyokong permohonan tersebut. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 11.2
BORANG PERMOHONAN PENDAFTARAN YANG TIDAK DISAHKAN DAN TIDAK DISERTAKAN DENGAN DOKUMEN SOKONGAN

PERTUBUHAN PELADANG KAWASAN	BIL. SAMPEL	BORANG PERMOHONAN YANG TIDAK DISAHKAN OLEH PEGAWAI PENGESAH PPK	SALINAN DOKUMEN SOKONGAN YANG TIDAK DISERTAKAN	
			KAD PENGENALAN	SURAT HAK MILIK / PAJAKAN/SEWA
Kedah	53	23	6	-
Kelantan	55	17	34	33
Perak	24	-	2	-
Sarawak	24	12	1	48
Selangor	51	8	-	17
Terengganu	36	-	2	-
JUMLAH	**243**	**60**	**45**	**98**

Nota : ***PPK - Pertubuhan Peladang Kawasan***

Pada pandangan Audit, Kementerian perlu memastikan setiap permohonan pendaftaran baru diluluskan dengan teratur dan disokong dengan dokumen-dokumen yang berkaitan supaya kelulusan tersebut tidak dipertikaikan dan juga bagi mengelakkan Insentif ini diberi kepada mereka yang tidak layak.

11.4.2. Bantuan Upah Membajak

Bagi bantuan upah membajak, semua pemilik jentera (traktor 4 roda atau 2 roda) yang memberi perkhidmatan membajak perlu berdaftar dengan PPK di kawasan berkenaan. Pengusaha traktor yang selesai memberi perkhidmatan pembajakan akan menuntut bantuan upah daripada agensi pelaksana melalui PPK masing-masing. Pemilik jentera berkenaan adalah layak menuntut bantuan upah membajak pada kadar RM100 sehektar semusim. Semakan Audit di 18 PPK mendapati semua pemilik jentera yang memberi perkhidmatan membajak telah didaftarkan dengan PPK di kawasan berkenaan. Berdasarkan sampel audit yang disemak di LPP negeri, KADA dan MADA, didapati bayaran bantuan upah membajak kepada pemilik jentera adalah teratur.

11.4.3. Pengurusan Perolehan Input Pertanian

11.4.3.1. Pemilihan Pembekal Bagi Input Pertanian

Bagi bantuan input pertanian, Kementerian telah melantik pembekal dan PPK mendaftarkan semua pesawah/pengusaha yang layak. Pihak PPK berperanan sebagai stokis untuk membuat pesanan dan pengedaran input pertanian berkenaan pada masa yang ditetapkan. Semakan Audit terhadap perolehan input pertanian bagi Program Insentif mendapati perkara berikut :-

a. Pada 18 April 2007, Kementerian Kewangan telah meluluskan pelantikan ABH Mega Sdn. Bhd; Perintis Pelangi Sdn. Bhd. dan Organigro Sdn. Bhd. secara rundingan terus untuk membekalkan input pertanian bagi tempoh 1 April 2007 hingga 31 Mac 2010 dengan syarat harga hendaklah dirundingkan ke paras yang berpatutan berdasarkan kawasan pembekalan yang dipersetujui. Selepas rundingan harga dibuat, Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani telah mengeluarkan Surat Setuju Terima kepada ketiga-tiga pembekal pada 24 April 2007 dengan harga yang dipersetujui seperti di jadual berikut :-

JADUAL 11.3
KONTRAK PEROLEHAN INPUT PERTANIAN

PEMBEKAL	INPUT PERTANIAN	HARGA DIPERSETUJUI (RM/unit)	HARGA KONTRAK (RM Juta)
ABH Mega Sdn. Bhd.	i. Baja Organik	1.40/kg	94.47
Perintis Pelangi Sdn. Bhd.	i. Penggalak Percambahan Benih Padi	20.00/liter	92.54
	ii. Baja Semburan Dedaun	11.20/liter	
	iii. Tonik Tanaman	11.67/liter	
	iv. Baja Tambahan NS	1.00/kg	
Organigro Sdn. Bhd.	i. Baja Organik	0.80/kg	95.06
JUMLAH			**282.07**

b. Selaras dengan Arahan Perbendaharaan, Kementerian telah membuat kajian pasaran sebelum menyediakan anggaran kos untuk perolehan input pertanian. Manakala harga yang dipersetujui adalah tidak melebihi harga yang dianggarkan oleh Kementerian.

11.4.3.2. Input Pertanian Lewat Dibekalkan

Berdasarkan kajian yang dijalankan oleh Institut Penyelidikan Dan Kemajuan Pertanian (MARDI), input pertanian yang dibekalkan hendaklah diguna pada masa yang ditetapkan. Sebagai contoh, penggalak percambahan benih padi perlu digunakan sebelum padi ditanam; baja semburan dedaun disemburkan pada 20, 45, 65 dan 85 hari lepas tabur. Manakala baja organik perlu ditabur semasa penyediaan tanah sehingga 40 hari lepas tabur. Bagi memastikan input pertanian dapat digunakan dengan teratur dan mengikut kaedah kegunaannya, kontrak menetapkan pembekal hendaklah membekalkannya kepada PPK dalam tempoh 30 hari dari tarikh keperluan input pertanian seperti dinyatakan dalam

borang pesanan yang dikeluarkan oleh PPK. Sekiranya pembekal gagal membuat penghantaran dalam tempoh tersebut, ia boleh dikenakan denda sebanyak 2% sebulan atas nilai bekalan yang lewat dihantar. Semakan Audit mendapati perkara-perkara berikut :-

a. Pada tahun 2007, ketiga-tiga pembekal gagal membekalkan sepenuhnya input pertanian yang diperlukan dalam masa yang ditetapkan. Semakan Audit mendapati pihak pembekal telah diberi notis tunjuk sebab melalui mesyuarat Jawatankuasa Penyeliaan Pelaksanaan Bantuan Kerajaan. Bagaimanapun selaras dengan syarat kontrak, **Menteri Pertanian Dan Industri Asas Tani ketika itu telah bersetuju melanjutkan tempoh penghantaran input pertanian bagi tahun 2007. Oleh itu, kelewatan penghantaran sepanjang tahun 2007 tidak dikenakan denda.** Manakala bagi tahun 2008 dan 2009, Kementerian telah menuntut denda lewat berjumlah RM1.18 juta daripada ketiga-tiga pembekal berdasarkan laporan prestasi pembekalan input pertanian yang disediakan oleh agensi pelaksana. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 11.4
DENDA KELEWATAN BEKALAN INPUT PERTANIAN

PEMBEKAL	DENDA LEWAT PEMBEKALAN (RM Juta)	(%) KESELURUHAN DENDA
ABH Mega Sdn. Bhd.	0.23	19.5
Organigro Sdn. Bhd.	0.68	57.6
Perintis Pelangi Sdn. Bhd.	0.27	22.9
JUMLAH	**1.18**	**100**

b. Perbekalan input pertanian lewat dibuat antaranya disebabkan pembekal mempunyai masalah logistik dan tidak mempunyai kemampuan dari segi kapasiti pengeluaran input pertanian. Sebagai contoh, lawatan yang dijalankan oleh Jawatankuasa Teknikal Program Insentif Pengeluaran Padi (Jawatankuasa Teknikal) Kementerian ke kilang Organigro Sdn. Bhd. pada 3 November 2008 mendapati syarikat berkenaan tidak mempunyai kapasiti untuk membekalkan kuantiti baja organik yang diperlukan pada masa yang ditetapkan kerana kemudahan infrastruktur dan saiz kilangnya yang agak kecil dan kurang sempurna. Oleh itu, syarikat ini terpaksa mendapatkan bantuan daripada sumber lain bagi memenuhi keperluan Kementerian dan keadaan ini menyebabkan berlakunya kelewatan bekalan.

Pada pandangan Audit, kelewatan membekalkan input pertanian telah mengakibatkan penggunaannya tidak dapat dibuat pada masa yang ditetapkan kerana masa penanaman padi perlu diteruskan walaupun input pertanian belum terima. Sehubungan ini, Kementerian hendaklah memastikan semua pembekal dinilai dari segi kapasiti kilangnya untuk membekalkan kuantiti input pertanian yang diperlukan tanpa kelewatan sebelum memohon kelulusan Kementerian Kewangan melantik syarikat berkenaan secara rundingan terus.

11.4.3.3. Input Pertanian Tidak Memenuhi Spesifikasi Kontrak

a. Mengikut syarat kontrak, Kementerian atau wakilnya hendaklah menimbang berat dan menjalankan analisis kualiti input pertanian bagi menentukan ia mengikut spesifikasi yang ditetapkan. Mengikut syarat kontrak dan Manual Pelaksanaan Insentif Pengeluaran Padi, PPK perlu membuat timbangan baja bagi memastikan berat baja yang dibekalkan adalah mematuhi spesifikasi kontrak. Borang Timbangan Berat/Sukatan yang ditetapkan juga perlu diisi dan sebarang kekurangan berat hendaklah dimaklumkan kepada pembekal dan LPP Negeri/MADA/KADA atau Jabatan Pertanian Sarawak. Kaedah bilangan dan cara pensampelan adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 11.5
BILANGAN DAN CARA PENSAMPELAN BAJA

SAIZ PENGHANTARAN (Bilangan Beg)	SAIZ SAMPEL (Bilangan Beg)	CARA PENSAMPELAN
1 - 3	Semua	
4 - 15	3	Rawak
16 - 50	10	
51 - 150	15	
151 - 500	25	
501 - 2000	35	
2,001 ke atas	Ulang semula	

b. Analisis kualiti input pertanian perlu dilakukan pada setiap penghantaran atau sekurang-kurangnya sekali pada setiap musim dan keputusannya hendaklah diserah kepada pihak PPK. Memandangkan keputusan analisis hanya dapat diketahui kemudian (selepas input pertanian digunakan), Kerajaan boleh mengenakan denda yang sama banyak dengan nilai input pertanian yang dipesan itu. Semakan Audit di 18 PPK mendapati perkara-perkara berikut :-

i. Sebanyak 3 PPK tidak membuat timbangan baja seperti mana yang ditetapkan. Selain itu, pihak Audit tidak dapat mengesahkan sama ada PPK Sungai Besar, Selangor telah membuat timbangan baja kerana tiada rekod/borang timbangan berat baja dapat dikemukakan semasa pengauditan dijalankan. Didapati pula 6 PPK tidak menggunakan Borang Timbangan Berat/Sukatan yang ditetapkan dan satu PPK (Pasir Panjang Selangor) tidak mematuhi bilangan dan cara pensampelan yang ditetapkan. Bagi 2 daripada 6 PPK tersebut yang tidak menggunakan Borang Timbangan Berat/Sukatan yang ditetapkan, pihak Audit tidak dapat menentukan sama ada saiz sampel telah mematuhi kadar yang ditetapkan kerana borang yang digunakan tidak mempunyai maklumat yang dikehendaki. Butiran terperinci adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 11.6
PEMATUHAN TERHADAP PROSEDUR MENIMBANG BERAT BAJA

NEGERI/AGENSI PELAKSANA	PPK	SAMPEL TIMBANGAN BERAT BAJA		
		TELAH DIREKOD	DIREKODKAN MENGIKUT FORMAT	SAIZ SAMPEL MEMATUHI KADAR YANG DITETAPKAN
Kedah (MADA)	Tun Adam Malek	✓	X	✓
	MADA Tajar	✓	X	TM
	Gerak Maju, Alor Senibung	✓	X	TM
Kelantan (KADA)	Sungai Ketereh	X	✓	✓
	Jaya Peringat	X	✓	✓
	Kubang Sepat	✓	✓	✓
Perak (LPP)	Gunung Semanggol	✓	✓	✓
	Bagan Tiang	✓	✓	✓
	Bagan Serai	✓	X	✓
Sarawak (Jabatan Pertanian Sarawak)	Kuching	✓	X	✓
	Bau	X	✓	✓
	Sri Gading, Lundu	✓	✓	✓
Selangor (LPP)	Tanjung Karang	✓	✓	✓
	Sungai Besar	TM	TM	TM
	Pasir Panjang	✓	X	X
Terengganu (LPP)	Gerai	✓	✓	✓
	Setiu	✓	✓	✓
	Kerandang	✓	✓	✓

Nota : ***(✓) - Mematuhi*** ***(X) - Tidak Mematuhi*** ***(TM) - Tiada Maklumat***

ii. Di semua PPK yang dilawati, didapati pihak Kementerian tidak mengambil sampel ujian spesifikasi untuk setiap penghantaran kerana kekurangan pegawai Jabatan Pertanian. Sehubungan itu, pihak Audit tidak dapat mengesahkan bilangan penghantaran input pertanian yang tidak diambil sampel untuk dianalisis kerana salinan keputusan analisis tidak dipanjangkan kepada PPK berkenaan.

iii. Bagi tempoh musim 1/2007 hingga musim 1/2009, kuantiti input pertanian bernilai RM190.59 juta yang dibekalkan adalah 118,549 tan metrik baja dalam bentuk serbuk/*pellet* dan 5,436,891 liter input pertanian lain dalam bentuk cecair. Bagaimanapun, Kementerian hanya dapat menjalankan analisis input pertanian bagi penghantaran untuk 14,044 tan metrik baja dan 406,615 liter input pertanian lain. Walaupun ujian spesifikasi ini hanya merupakan 11.8% daripada jumlah bekalan baja dan 7.5% daripada jumlah input pertanian yang lain, sejumlah RM6.70 juta denda telah dikenakan terhadap ketiga-tiga pembekal kerana gagal membekalkan input pertanian mengikut spesifikasi yang ditetapkan. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 11.7
KUANTITI DAN DENDA BEKALAN INPUT PERTANIAN
YANG TIDAK MENGIKUT SPESIFIKASI

PEMBEKAL	KUANTITI (Metrik Tan/Liter)	DENDA (RM)
ABH Mega Sdn. Bhd.	6,028.90 mt	949,722
Organigro Sdn. Bhd.	8,015.26 mt	5,721,695
Perintis Pelangi Sdn. Bhd.	406,615 liter	26,283
JUMLAH	**14,044.16 mt dan 406,615 liter**	**6,697,700**

iv. Berdasarkan ujian spesifikasi yang dijalankan oleh Jawatankuasa Teknikal terhadap prestasi bekalan input pertanian, 70% daripada baja yang dibekalkan oleh Organigro Sdn. Bhd. tidak memenuhi spesifikasi yang ditetapkan. Oleh itu, pada 3 Disember 2008, Kementerian telah mengeluarkan Notis Untuk Menamatkan Kontrak kepada syarikat tersebut.

v. Bagi musim 1/2009, bekalan baja ke semua kawasan yang sepatutnya dikendalikan oleh Organigro Sdn. Bhd. telah tergendala disebabkan pelantikan pembekal yang baru hanya dibuat 9 bulan selepas kontrak berkenaan ditamatkan. Semakan Audit selanjutnya mendapati Kementerian hanya memohon kelulusan daripada Kementerian Kewangan untuk melantik pembekal yang baru iaitu Perintis Pelangi Sdn. Bhd. dan ABH Mega Sdn. Bhd. bagi mengagihkan input pertanian di kawasan yang sepatutnya dikendalikan oleh Organigro Sdn. Bhd. pada 26 Mei 2009 dan diluluskan oleh Kementerian Kewangan pada 26 Ogos 2009.

Pada pandangan Audit, Kementerian hendaklah memastikan sampel bagi setiap penghantaran input pertanian diambil untuk ujian spesifikasi bagi memastikan hanya input pertanian yang berkualiti diterima dan diedarkan kepada penerima Insentif agar tidak menjejaskan pengeluaran hasil padi.

11.4.3.4. Denda Belum Dijelaskan Sepenuhnya

Mengikut syarat ketiga-tiga kontrak, sekiranya pembekal berkenaan gagal atau enggan membayar suatu amaun denda, ganti rugi, pampasan atau lain-lain tuntutan yang dikenakan, Kerajaan boleh menolak dari apa-apa wang kena bayar oleh Kerajaan kepada pembekal bagi maksud pembayaran tersebut. Semakan Audit mendapati perkara-perkara berikut :-

a. Kementerian telah menuntut denda daripada pembekal dari semasa ke semasa, namun tuntutan bayaran oleh pembekal masih tetap diproses dan dibayar sepenuhnya tanpa menolak jumlah denda yang sepatutnya dikenakan. Denda yang dituntut oleh Kementerian dan bayaran kepada pembekal yang boleh ditolak denda adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 11.8
BAYARAN KEPADA PEMBEKAL TANPA MENOLAK DENDA

PEMBEKAL	BAYARAN SEBENAR DIBUAT (RM Juta)	TUNTUTAN DENDA OLEH KEMENTERIAN (RM Juta)	BAYARAN YANG SEPATUTNYA (RM Juta)
ABH Mega Sdn. Bhd.	49.23	1.17	48.06
Organigro Sdn. Bhd.	29.53	6.40	23.13
Perantis Pelangi Sdn. Bhd.	71.56	0.30	71.26
JUMLAH	**150.32**	**7.87**	**142.45**

b. Kegagalan Kementerian untuk menguatkuasakan syarat kontrak berhubung peruntukan denda telah mengakibatkan pembekal hanya menjelaskan tuntutan denda berjumlah RM0.31 juta atau 4% daripada jumlah keseluruhan tuntutan denda tersebut. Sehingga akhir tahun 2009 ketiga-tiga pembekal masih belum menjelaskan denda berjumlah RM7.56 juta seperti di jadual berikut :-

JADUAL 11.9
BAKI DENDA YANG BELUM DIJELASKAN

PEMBEKAL	DENDA DIKENAKAN (RM)	DENDA TELAH BAYAR (RM)	BAKI DENDA BELUM DIJELASKAN (RM)
ABH Mega Sdn. Bhd.	1,177,206	261,877	915,329
Organigro Sdn. Bhd.	6,403,311	43,000	6,360,311
Perintis Pelangi Sdn. Bhd.	296,387	8,691	287,696
JUMLAH	**7,876,904**	**313,568**	**7,563,336**

c. Memandangkan kontrak Organigro Sdn. Bhd. telah ditamatkan, Jawatankuasa Dasar Bantuan Kerajaan Kepada Industri Padi Dan Beras, Kementerian dalam mesyuaratnya pada 3 Disember 2009 telah memutuskan untuk menolak denda yang dikenakan daripada Bon Pelaksanaan dalam bentuk Jaminan Bank bernilai RM1.58 juta. Ini bermaksud syarikat berkenaan masih berhutang sejumlah RM4.78 juta kepada Kerajaan.

Pada pandangan Audit, Kementerian hendaklah menguatkuasakan dengan segera syarat kontrak yang membenarkan Kerajaan untuk menolak jumlah denda daripada wang yang kena bayar kepada pembekal. Bagi pembekal yang telah ditamatkan kontraknya, Kementerian hendaklah mengambil tindakan segera untuk mendapatkan semula denda yang dikenakan.

11.4.3.5. Pengagihan Input Pertanian

a. Sejumlah RM190.59 juta telah dibelanjakan bagi tempoh musim 1/2007 hingga musim 1/2009 untuk sebanyak 118,549 tan metrik baja organik serta sebanyak 5,436,891 liter input pertanian lain untuk diagihkan. Semasa Program Insentif ini dilancarkan pada tahun 2007, hanya seramai 147,585 pesawah/pengusaha dengan keluasan sawah berjumlah 254,405 hektar telah berdaftar. Bilangan ini telah meningkat sebanyak 70.6% pada musim 1/2009 dengan pesawah/pengusaha berdaftar seramai 251,734 orang yang mempunyai keluasan sawah sebanyak 351,793 hektar. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 11.10
PENGEDARAN INPUT PERTANIAN
BAGI TEMPOH MUSIM 1/2007 HINGGA MUSIM 1/2009

MUSIM	KELUASAN TANAMAN PADI (Hektar)	PESAWAH BERDAFTAR	KUANTITI YANG DIEDARKAN		NILAI (RM Juta)
			BAJA ORGANIK (Tan Metrik)	INPUT PERTANIAN LAIN (Liter)	
1/2007	254,405	147,585	21,477	935,597	32.39
2/2007	379,063	253,473	29,692	1,035,857	42.61
1/2008	319,882	217,371	25,436	1,046,031	39.28
2/2008	339,517	233,782	27,522	927,028	40.50
1/2009	351,793	251,734	14,422	1,492,378	35.81
JUMLAH			**118,549**	**5,436,891**	**190.59**

b. Mengikut Manual Pelaksanaan Insentif Pengeluaran Padi, PPK perlu menyemak senarai pesawah berdaftar mengikut kad bantuan yang dikemukakan oleh pesawah sebelum pengedaran baja dilakukan. Semasa penerimaan input pertanian bernilai RM140 sehektar semusim, pesawah perlu membuat akuan penerimaan pada resit penerimaan input. Sehubungan ini, semua PPK perlu merekodkan pengesahan penerimaan bahan input pertanian dalam Borang Ringkasan Penerimaan Baja serta mengemaskinikannya dalam Buku Stok Input Pertanian (Buku Stok). Buku Stok ini pula, perlu merekodkan pengedaran input pertanian mengikut kelompok/unit dan bukti pengeluaran boleh disemak silang kepada Borang Ringkasan Penerimaan Baja. Semakan Audit di PPK yang dilawati mendapati perkara-perkara berikut :-

i. Pengedaran input pertanian adalah berdasarkan kelayakan yang ditetapkan kecuali 3 PPK di Sarawak (Kuching, Bau dan Sri Gading Lundu) di mana setiap pesawah telah diberi input pertanian bernilai RM56 (2 beg/40 kg. baja organik) semusim tanpa mengambil kira saiz sawah yang diusahakan. Ini disebabkan pesawah berkenaan tidak dapat mengesahkan saiz sebenar sawah yang diusahakan memandangkan kawasan tersebut tidak mempunyai surat hak milik tanah.

ii. Pengedaran input pertanian telah direkodkan dengan baik kecuali 3 PPK (Kuching, Sarawak; Kerandang dan Setiu, Terengganu) yang menggunakan kaedah berbeza untuk mengemas kini Buku Stok. Di PPK Kuching dan Kerandang, setiap pengeluaran input pertanian direkodkan secara individu iaitu mengikut nama setiap penerima Insentif. Keadaan ini mengambil masa untuk merekodkan pengeluaran input pertanian yang banyak dalam Buku Stok serta telah menambahkan beban kerja kakitangan. Bagi PPK Setiu pula, pengeluaran input pertanian direkodkan serentak iaitu jumlah pengeluaran sama dengan jumlah penerimaan tanpa menyatakan maklumat pengeluaran mengikut tarikh dan unit-unit yang telah diagihkan.

Pada pandangan Audit, Lembaga Pertubuhan Peladang hendaklah memastikan pengedaran input pertanian dilaksanakan mengikut kadar insentif yang ditetapkan oleh Kerajaan. Sehubungan ini, semua PPK perlu mengamalkan kaedah penyelenggaraan Buku Stok yang seragam.

11.4.4. Keberkesanan Pelaksanaan Program

Bagi memastikan program ini telah dilaksanakan dengan berkesan dan mencapai matlamat yang ditetapkan, seramai 231 pesawah/pengusaha telah ditemu bual di 18 PPK yang dilawati. Berdasarkan maklum balas yang diterima, analisis Audit mendapati perkara-perkara berikut :-

11.4.4.1. Kesemua pesawah/pengusaha berpuas hati dengan pelaksanaan Program Insentif ini kerana telah dapat membantu mengurangkan kos penanaman padi.

11.4.4.2. Seramai 217 pesawah/pengusaha (94%) tidak menggunakan Tonik Tanaman dan Baja Semburan Dedaun yang dibekalkan kerana mereka perlu mengeluarkan kos upah menyembur.

11.4.4.3. Seramai 16 pesawah/pengusaha atau (6.9%) berpendapat baja organik dan penggalak percambahan benih padi sungguhpun dibekalkan secara percuma tetapi tidak digunakan kerana mereka perlu menanggung kos upah tambahan untuk menaburnya dan juga keberkesanan input pertanian tersebut masih tidak terbukti.

Pada pandangan Audit, program ini telah mencapai matlamat yang ditetapkan iaitu dapat membantu mengurangkan kos penanaman padi. Bagaimanapun, Kementerian perlu mengkaji semula penggunaan jenis input pertanian yang dibekalkan supaya mengikut kesesuaian kawasan pertanian serta memastikan tiada kos tambahan lain perlu ditanggung oleh pesawah/pengusaha.

11.5. SYOR AUDIT

Bagi memastikan pengurusan Program Insentif Pengeluaran Padi dapat dilaksanakan secara berkesan dan Kerajaan mendapat nilai pulangan yang terbaik, adalah disyorkan supaya Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani dan agensi pelaksana melaksanakan perkara-perkara berikut :-

11.5.1. Kementerian perlu mengkaji semula penggunaan jenis input pertanian yang dibekalkan supaya mengikut kesesuaian kawasan pertanian serta memastikan tiada kos tambahan lain perlu ditanggung oleh pesawah/pengusaha.

11.5.2. Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) perlu memastikan semua borang permohonan pendaftaran disahkan oleh Pegawai Pengesah yang dilantik dan salinan dokumen sokongan yang lengkap disertakan dan difailkan dengan teratur.

11.5.3. Kementerian hendaklah memastikan semua pembekal dinilai dari segi kapasiti kilangnya untuk membekalkan kuantiti input pertanian yang diperlukan tanpa kelewatan sebelum memohon kelulusan Kementerian Kewangan untuk melantik syarikat berkenaan secara rundingan terus.

11.5.4. Kementerian hendaklah memastikan sampel bagi setiap penghantaran input pertanian diambil untuk ujian spesifikasi bagi memastikan hanya input pertanian yang berkualiti diterima dan diedarkan kepada penerima insentif.

11.5.5. Kementerian hendaklah menguatkuasakan dengan segera syarat kontrak yang membenarkan Kerajaan untuk menolak jumlah denda daripada wang yang kena bayar kepada pembekal. Bagi pembekal yang telah ditamatkan kontraknya, Kementerian hendaklah mengambil tindakan segera untuk mendapatkan semula denda yang dikenakan.

11.5.6. Lembaga Pertubuhan Peladang hendaklah memastikan pengedaran input pertanian dilaksanakan mengikut kadar insentif yang ditetapkan oleh Kerajaan. Sehubungan ini, semua PPK perlu mengamalkan kaedah penyelenggaraan Buku Stok yang seragam.

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

12. PROJEK PENGELUARAN HASIL PADI DI KAWASAN PEMBANGUNAN PERTANIAN BERSEPADU

12.1. LATAR BELAKANG

12.1.1. Pembangunan jelapang padi telah diperkenalkan dengan penubuhan Lembaga Kemajuan Muda (MADA) di negeri Kedah pada tahun 1970 diikuti dengan Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) di negeri Kelantan pada tahun 1972. Konsep pembangunan kawasan pertanian secara bersepadu ini berkembang ke seluruh negara dengan penubuhan Projek Pertanian Bersepadu (IADP). Bagi memantapkan lagi pengurusannya, IADP telah ditukar kepada Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) pada tahun 2007 di mana struktur organisasinya telah dipinda daripada jawatan tambahsentara ke jawatan tetap.

12.1.2. Enam IADA jelapang padi yang ditubuhkan iaitu IADA Barat Laut, Selangor; IADA Kerian Sungai Manik dan IADA Seberang Perak, Perak; IADA Kemasin Semerak, Kelantan; IADA Pulau Pinang; dan IADA Terengganu Utara (KETARA), Terengganu diselia dan dipantau secara terus oleh Bahagian Industri Padi Dan Beras, Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani. Manakala 2 lagi IADA bukan jelapang padi (mengusahakan pelbagai tanaman lain) di Sarawak iaitu IADA Karakas Saribas dan IADA Samarahan pula diselia dan dipantau oleh Bahagian Industri Tanaman, Ternakan Dan Perikanan, Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani (Kementerian).

12.1.3. Jumlah keseluruhan kawasan jelapang padi di negara ini adalah 920,723 hektar di mana hanya 204,246 hektar (22.2%) merupakan kawasan padi yang sebahagian besarnya diusahakan 2 kali setahun. Daripada 204,246 hektar tersebut, sebanyak 128,725 hektar (63%) diuruskan oleh MADA dan KADA manakala bakinya 75,521 hektar (37%) diuruskan oleh 6 IADA jelapang padi yang ditubuhkan. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 12.1
MAKLUMAT JELAPANG PADI

KAWASAN JELAPANG PADI	TAHUN DITUBUHKAN	KELUASAN KAWASAN (Hektar)		(%) KELUASAN PADI
		KESELURUHAN	PADI	
MADA, Kedah	1970	126,155	96,558	47.3
KADA, Kelantan	1972	89,500	32,167	15.7
IADA Kerian Sungai Manik, Perak	1979	66,282	27,829	13.6
IADA Barat Laut, Selangor	1979	240,281	18,482	9.1
IADA Seberang Perak, Perak	1981	17,307	8,529	4.2
IADA Kemasin Semerak, Kelantan	1982	68,350	5,220	2.6
IADA Pulau Pinang	1983	104,636	10,305	5.0
IADA KETARA, Terengganu	1992	208,212	5,156	2.5
JUMLAH		**920,723**	**204,246**	**100**

12.1.4. Setiap IADA mempunyai objektif khusus selaras dengan keperluan setempat, namun secara amnya objektif IADA jelapang padi adalah untuk meningkatkan produktiviti dan memaksimumkan pendapatan golongan sasar; memodenkan sektor pertanian dan industri asas tani; membangunkan golongan sasar supaya menjadi masyarakat yang berdisiplin, berdikari, progresif dan bersemangat keusahawanan serta untuk meningkatkan pengeluaran hasil padi ke tahap 6.5 tan metrik sehektar semusim menjelang tahun 2010. IADA juga mensasarkan untuk mengekalkan atau meningkatkan kepadatan tanaman kepada 200% iaitu setiap kawasan padi diusahakan sebanyak 2 kali setahun.


12.1.5. Bagi tahun 2007 hingga 2009, sejumlah RM256.97 juta telah dibelanjakan untuk pembangunan bagi 6 IADA jelapang padi tersebut dengan peruntukan berjumlah RM271.80 juta. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 12.2
PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN IADA
TAHUN 2007 HINGGA 2009

KAWASAN PEMBANGUNAN PERTANIAN BERSEPADU (IADA)	PERUNTUKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN (RM Juta)	(%) BELANJA
Barat Laut	49.38	41.77	84.6
Kemasin Semerak	47.74	43.46	91.1
Kerian Sungai Manik	52.05	51.35	98.7
Pulau Pinang	44.62	43.71	98.0
Seberang Perak	44.92	43.78	97.5
KETARA	33.09	32.90	99.4
JUMLAH	**271.80**	**256.97**	**94.5**

12.1.6. Pelaksanaan projek IADA melibatkan Jabatan Pertanian dan Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP). Jabatan Pertanian bertanggungjawab untuk memberi khidmat nasihat pengembangan pertanian sementara LPP menguruskan bekalan baja dan input-input pertanian. Setiap IADA diketuai oleh seorang Pengarah gred 48. Beliau bertanggungjawab terhadap pengurusan dan pentadbiran IADA secara keseluruhannya. Beliau dibantu oleh ketua komponen yang mempunyai taraf gred jawatan yang sama kecuali di IADA Seberang Perak. Struktur pengurusan setiap IADA adalah seperti di carta berikut :-

CARTA 12.1
STRUKTUR PENGURUSAN
KAWASAN PEMBANGUNAN PERTANIAN BERSEPADU (IADA)



12.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan yang dijalankan adalah untuk menilai sama ada projek pengeluaran hasil padi di Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) telah diuruskan dengan cekap dan berkesan bagi mencapai objektif yang ditetapkan.

12.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini meliputi pengurusan kesemua 6 IADA jelapang padi iaitu IADA Barat Laut, Selangor; IADA Kerian Sungai Manik, Perak; IADA Kemasin Semerak, Kelantan; IADA Pulau Pinang; IADA Seberang Perak, Perak dan IADA KETARA, Terengganu. Semakan telah dibuat terhadap fail dan dokumen bagi tempoh tahun 2007 hingga 2009 di Bahagian Industri Padi Dan Beras, Kementerian dan kesemua pejabat IADA. Lawatan Audit ke 14 lokasi di kawasan IADA telah dilakukan dan perbincangan dengan pegawai juga telah dibuat. Temu bual dengan 94 orang pesawah di kawasan yang dilawati turut diadakan.

12.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Ogos hingga Disember 2009 mendapati sehingga kini **5 daripada 6 IADA jelapang padi masih belum dapat mencapai sasaran pengeluaran hasil padi yang telah ditetapkan iaitu pada 6.5 tan metrik sehektar pada setiap musim. Ini adalah disebabkan oleh beberapa faktor seperti sistem saliran tidak tersusun; keadaan tanah yang tidak sesuai; ketidakpadatan tanaman; kelemahan sistem dan infrastruktur pengairan dan saliran; kekurangan tenaga kerja serta serangan penyakit dan perosak.** Penjelasan lanjut mengenai perkara yang ditemui adalah seperti di perenggan-perenggan berikut :-

12.4.1. Pengeluaran Hasil Padi Kurang Daripada Sasaran

12.4.1.1. Kementerian telah menetapkan sasaran pengeluaran hasil padi bagi kesemua 6 IADA iaitu **sebanyak 6.5 tan metrik bagi setiap satu hektar semusim**. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati IADA masing-masingnya telah menetapkan sasaran pengeluaran hasil padi berdasarkan kepada keadaan setempat. Didapati IADA Barat Laut telah menetapkan sasaran lebih tinggi daripada sasaran yang ditetapkan oleh Kementerian dan sasaran IADA Pulau Pinang pula adalah bersamaan dengan sasaran Kementerian. Bagi 4 IADA yang lain, sasaran yang ditetapkan adalah lebih rendah iaitu antara 3.8 hingga 5.0 metrik tan/hektar/musim. Semakan Audit selanjutnya mendapati **IADA Barat Laut dapat mencapai sasaran yang ditetapkan oleh Kementerian tetapi gagal mencapai sasaran yang ditetapkan sendiri. Manakala 5 IADA yang lain tidak mencapai sasaran yang ditetapkan oleh IADA itu sendiri.** Bagi tempoh tahun 2007 hingga 2009, 5 IADA tersebut hanya dapat mengeluarkan antara 48.4% hingga 96.5% daripada sasaran yang ditetapkannya. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 12.3
JUMLAH SASARAN DAN PENGELUARAN HASIL PADI MENGIKUT IADA BAGI TEMPOH TAHUN 2007 HINGGA 2009


KAWASAN PEMBANGUNAN PERTANIAN BERSEPADU (IADA)	SASARAN DAN PENGELUARAN SEBENAR (Tan Metrik)								
	2007		2008		2009		JUMLAH		Perbezaan (b/a)
	Sasaran	Sebenar	Sasaran	Sebenar	Sasaran	Sebenar	Sasaran (a)	Sebenar (b)	
Barat Laut	238,693	229,670	243,443	227,840	256,214	202,633	738,350	660,143	89.4
Pulau Pinang	133,965	100,041	133,965	98,433	133,965	113,396	401,895	311,871	77.6
Kemasin Semerak	30,131	20,833	36,122	17,119	46,980	16,583	113,233	54,805	48.4
Kerian Sungai Manik	177,184	175,482	187,922	169,753	201,345	183,547	566,451	528,782	93.3
Seberang Perak	72,401	48,605	72,756	70,422	85,290	70,268	230,447	189,295	82.1
KETARA	44,496	42,707	46,566	46,097	51,740	49,048	142,802	137,852	96.5
JUMLAH	**696,870**	**617,338**	**720,774**	**629,664**	**775,534**	**635,475**	**2,193,178**	**1,882,748**	**85.8**

12.4.1.2. Semakan Audit selanjutnya mendapati antara faktor yang menyebabkan pengeluaran padi tidak dapat mencapai sasaran yang ditetapkan adalah seperti berikut :-

a. Sistem Saliran Tidak Tersusun

i. Kedudukan lot sawah yang tersusun dan teratur merupakan aspek penting dalam penanaman padi bagi membolehkan sistem saliran dibangunkan dan beroperasi dengan sistematik dan berkesan. Menurut Pengerusi Unit Peladang Sekinchan (IADA Barat Laut), pesawah di Sekinchan dapat mengeluarkan hasil padi sebanyak 13 tan metrik sehektar semusim pada tahun 2009. Ini adalah kerana sistem saliran di kawasan tersebut berupaya membekalkan air pada setiap petak di mana ini membolehkan setiap petak menerima sukatan jumlah air yang sama. Sistem saliran yang teratur dapat dibangunkan untuk IADA Barat Laut kerana kedudukan lot sawahnya yang tersusun seperti ditunjukkan di gambarajah berikut :-

GAMBARAJAH 12.1
SUSUN ATUR LOT SAWAH DI IADA BARAT LAUT



ii. Bagi IADA yang lain, pada umumnya didapati kedudukan lot sawah asal adalah kurang tersusun. Oleh itu, ia menyukarkan penyaluran air ke sawah padi berkenaan. Lot sawah yang tidak teratur dengan begitu ketara terdapat di IADA Kerian Sungai Manik. Penstrukturan semula lot bagi IADA ini tidak dapat dilakukan kerana sukar mendapat kerjasama daripada pemilik tanah di samping susunan lot pada asalnya memang tidak terancang.

b. Keadaan Tanah Yang Tidak Sesuai

Tahap kealkalian tanah yang tinggi diperlukan bagi membolehkan pokok padi membesar dengan baik iaitu sekurang-kurangnya pada tahap 5.5pH. Namun di kawasan IADA Kerian Sungai Manik, IADA Kemasin Semerak dan IADA Seberang Perak, tahap kealkalian tanah agak rendah iaitu antara 4.0pH dan 4.5pH. Oleh itu, kawasan tersebut didapati kurang sesuai untuk penanaman padi. Selain itu, IADA tersebut juga menghadapi masalah seperti kawasan tanah penanaman padi tidak kering walaupun selepas musim menuai kerana kedudukan sawah yang berada di bawah paras laut (IADA Kerian Sungai Manik), air laut memasuki kawasan semasa musim banjir (IADA Kemasin Semerak) dan tanah tidak rata (IADA Seberang Perak).

c. Ketidakpadatan Tanaman

Tanaman padi di IADA sepatutnya diusahakan sebanyak 2 kali setahun dengan kepadatan tanaman 100% setiap musim. Bagaimanapun bagi tahun 2007 dan 2008, purata kepadatan tanaman padi di 5 IADA adalah antara 53% hingga 98.9% kecuali IADA Pulau Pinang mencapai kepadatan tanaman 100%. Bagi IADA Kemasin Semerak pula, pencapaian puratanya adalah 53% untuk tempoh tersebut kerana sebahagian besar kawasan diusahakan hanya sekali setahun. Keadaan ini berlaku disebabkan masalah banjir dan program pengairan di IADA Kemasin Semerak masih dalam peringkat pembinaan yang meliputi sebahagian besar kawasan jelapang padinya. Bagaimanapun, kepadatan tanaman padi bagi tahun 2009 tidak dapat dipastikan kerana data mengenainya masih belum diperoleh daripada pihak yang bertanggungjawab. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 12.4
KEPADATAN TANAMAN IADA JELAPANG PADI
BAGI TAHUN 2007 DAN 2008

KAWASAN PEMBANGUNAN PERTANIAN BERSEPADU (IADA)	KEPADATAN TANAMAN PADI MENGIKUT MUSIM (%)				
	1/2007	2/2007	1/2008	2/2008	PURATA
Barat Laut	99.2	98.3	99.0	99.0	98.9
Kemasin Semerak	82.2	22.8	82.3	24.8	53.0
Kerian Sungai Manik	93.1	96.8	97.3	96.5	95.9
Pulau Pinang	100.0	100.0	100.0	100.0	100.0
Seberang Perak	93.2	93.2	85.3	85.3	89.3
KETARA	95.5	95.5	95.5	95.5	95.5

d. Kelemahan Sistem Dan Infrastruktur Pengairan Dan Saliran

Sistem pengairan dan saliran yang sistematik dan efisien merupakan aspek penting dalam memastikan pengeluaran padi yang optimum. Daripada 94 pesawah yang ditemu bual, seramai 63 pesawah atau 67% menyatakan bahawa kawasan sawah mereka menghadapi kelemahan pada sistem dan infrastruktur pengairan dan saliran seperti berikut :-

i. Sistem Pengairan Dan Saliran Tidak Efektif

Di IADA Kemasin Semerak, sistem pengairan dan salirannya tidak dapat memenuhi keperluan pesawah padi kerana pada asalnya ia dibangunkan untuk sistem tebatan banjir dan bukannya untuk pertanian. Pihak Audit dimaklumkan bahawa sistem pengairan di kawasan ini sedang diteliti semula untuk pembangunan penanaman kawasan padi.

ii. Penyenggaraan Parit Dan Tali Air Kurang Memuaskan

Beberapa infrastruktur tali air dan parit telah rosak/belum dibaiki serta tidak disenggarakan. Masalah penyenggaraan infrastruktur pengairan dan saliran adalah berpunca daripada kekurangan peruntukan untuk melakukan kerja senggaraan oleh IADA. Pihak Audit dimaklumkan bahawa senggaraan ke atas kemudahan pengairan dan saliran adalah merupakan tanggungjawab Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri kerana kawasan pengairan dan saliran ini telah dirizabkan di bawah Kerajaan Negeri. Oleh itu, pihak IADA tidak memohon peruntukan untuk kerja-kerja penyenggaraan bagi infrastruktur parit dan tali air yang sedia ada. Sebagai langkah untuk mengatasi permasalahan tersebut, setiap IADA telah membuat perancangan memohon peruntukan dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh bagi mengambil balik tanah di kawasan pengairan dan saliran yang terlibat. Gambar-gambar berikut adalah contohnya :-

GAMBAR 12.1



IADA Barat Laut, Selangor
- Palung Yang Bocor
(13.10.2009)

GAMBAR 12.2



IADA Barat Laut, Selangor
- Tali Air Yang Tidak Disenggarakan
(13.10.2009)

GAMBAR 12.3



IADA KETARA,Terengganu
- Tali Air Yang Rosak
(07.10.2009)

GAMBAR 12.4



IADA Kemasin Semerak, Kelantan
- Parit Buang Yang Tidak Disenggarakan
(02.07.2009)

GAMBAR 12.5



IADA Kerian Sungai Manik, Perak
- Tali Air Yang Tidak Disenggarakan
Dan Dipenuhi Sampah Sarap
(12.06.2009)

GAMBAR 12.6



IADA Kerian Sungai Manik, Perak
- Tali Air Yang Tidak Disenggarakan
(12.06.2009)



GAMBAR 12.7

IADA Seberang Perak, Perak
- Tali Air Yang Tidak Disenggarakan
(28.10.2009)

iii. Bekalan Air Tidak Mencukupi

Masalah kekurangan bekalan air didapati berlaku di beberapa IADA seperti berikut :-

- Di IADA Kemasin Semerak, masalah kekurangan air berlaku dengan ketara terutama di Jajahan Pasir Puteh. Pihak Audit dimaklumkan bahawa IADA sedang menyiapkan projek skim pengairan Semerak Hilir dan Semerak Hulu supaya dapat memastikan penyaluran air yang mencukupi dapat dibekalkan kepada pesawah di kawasan IADA ini agar dapat mempertingkatkan pengeluaran hasil padi ke tahap yang lebih baik berbanding purata 48.4% bagi sepanjang tempoh tahun 2007 hingga 2009.

- Di IADA KETARA, Terengganu, sistem pengairan tidak berfungsi dengan optimum ketika musim kemarau kerana ampang jajar yang sedia ada tidak dapat menakung bekalan air dengan sempurna. Bagi mengatasi masalah ini, pihak Kementerian pada tahun 2009 telah mengambil tindakan untuk membina Ampang Jajar Besut Baru dengan kos projek bernilai RM78.52 juta. Pelaksanaan pembinaan ampang jajar ini dijangka siap pada bulan Februari 2011. Kerja pembinaan yang sedang dijalankan adalah seperti di gambar berikut :-

GAMBAR 12.8



IADA KETARA, Terengganu
- Kerja-kerja Mengorek Sedang Dijalankan
(05.10.2009)

GAMBAR 12.9



IADA KETARA, Terengganu
- Kerja-kerja Mengorek Sedang Dijalankan
(05.10.2009)

e. Kekurangan Tenaga Kerja

Penggunaan sumber tenaga juga memainkan peranan penting dalam memastikan hasil pengeluaran padi dapat ditingkatkan untuk keperluan negara. Daripada 94 pesawah yang ditemu bual, hampir separuh di kalangan mereka adalah berusia 50 tahun ke atas. Disebabkan faktor usia yang semakin meningkat, mereka kurang berkemampuan untuk melakukan kerja-kerja berat berbanding dengan pesawah yang lebih muda. Selain itu, seramai 16 pesawah atau 17% pula memaklumkan kesukaran untuk mendapatkan tenaga kerja bagi mengusahakan kawasan sawah milikan mereka.

f. Serangan Penyakit Dan Perosak

Serangan penyakit dan perosak terhadap pokok padi akan menjejaskan pertumbuhannya dan seterusnya tidak dapat mengeluarkan buah yang berkualiti. Berdasarkan temu bual dengan pesawah, 81 orang pesawah atau 86.2% menyatakan bahawa serangan penyakit dan perosak merupakan masalah yang sering dihadapi oleh mereka. Contohnya di IADA Seberang Perak, tanaman mereka mengalami masalah penyakit virus merah yang menyebabkan pertumbuhan pokok padi terbantut, daun berwarna kuning dan menjejaskan pertumbuhan akar. Selain itu, serangan perosak seperti siput gondang emas, bena perang dan tikus merupakan ancaman utama tanaman padi. Pihak Audit dimaklumkan bahawa IADA telah mengambil langkah yang bersesuaian untuk mengawal makhluk perosak ini melalui kaedah penggunaan racun yang betul dalam kuantiti yang berpatutan.

Pasukan petugas khas juga ditubuhkan bagi menangani masalah penyakit dan makhluk perosak sekiranya keadaan menjadi kritikal. Bagaimanapun, seramai 64 atau 68.1% pesawah yang ditemu bual berpendapat racun yang dibekalkan oleh IADA adalah kurang berkesan. Sehubungan ini, ada yang mengakui bahawa mereka telah menggunakan racun alternatif yang tidak dibenarkan.

12.5. SYOR AUDIT

Bagi memastikan pengurusan pengeluaran hasil padi di Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) dapat mencapai sasaran yang ditetapkan, adalah disyorkan supaya Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani melaksanakan perkara-perkara berikut :-

12.5.1. Memastikan infrastruktur sistem pengairan dan saliran disenggarakan dengan sempurna supaya ia dapat berfungsi dengan baik dan membekalkan air secukupnya ke kawasan sawah apabila diperlukan. Sehubungan ini, peruntukan penyenggaraan yang mencukupi perlu disediakan.

12.5.2. Mempertingkatkan usaha untuk memulihkan tanah yang mempunyai tahap alkali yang rendah melalui penggunaan kapur secara lebih sistematik.

12.5.3. Membina sistem tebatan banjir di kawasan yang tidak rata ditanam padi disebabkan oleh banjir.

12.5.4. Mengkaji keperluan menaikkan gred jawatan Pengarah IADA ke tahap lebih tinggi berbanding ketua-ketua komponen supaya pemantauan dan penyeliaan rapi terhadap pengurusan pengeluaran padi di IADA dapat dilakukan dengan lebih berkesan.

12.5.5. Mengadakan promosi dan kempen secara meluas untuk menarik dan menggalakkan golongan muda setempat terlibat dalam sektor pertanian iaitu penanaman padi.

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

13. JABATAN PERIKANAN MALAYSIA
- **PENGURUSAN KAPAL LATIHAN PAUS INSTITUT PERIKANAN MALAYSIA, CHENDERING, TERENGGANU**

13.1. LATAR BELAKANG

13.1.1. Institut Latihan Perikanan Malaysia (ILPM) mula beroperasi pada awal tahun 1992 di Batu Maung, Pulau Pinang dan pada bulan Jun 1992, ILPM telah berpindah ke kompleks barunya di Chendering, Kuala Terengganu. Pada tahun 1999, nama ILPM telah ditukar kepada Institut Perikanan Malaysia (IPM). Antara lainnya, objektif utama IPM adalah untuk melahirkan tenaga pekerja yang mahir, berdaya maju, berhemah tinggi dan berdaya saing dalam bidang perikanan selaras dengan kehendak industri semasa serta meningkatkan pengenalan, pemindahan dan penggunaan teknologi perikanan moden kepada kumpulan sasaran melalui pelbagai kursus, latihan dan kerja khidmat pengembangan.

13.1.2. Bagi tujuan latihan, Jabatan Perikanan Malaysia (Jabatan) telah menyediakan 5 kapal yang terdiri daripada 2 kapal pukat jerut (satu untuk zon pantai dan satu untuk laut dalam) dan 3 kapal pukat tunda. Sehingga kini, hanya 2 kapal pukat jerut yang masih beroperasi dan 3 lagi kapal pukat tunda telah dilupuskan kerana telah uzur dan berusia lebih 25 tahun. Kapal pukat jerut laut dalam dinamakan sebagai Kapal Latihan Paus (KL Paus). Ia dibina oleh Malaysia Shipyard & Engineering, Pasir Gudang, Johor dengan kos berjumlah RM22 juta dan telah diserahkan kepada Jabatan pada bulan Oktober 1992 serta didaftarkan di Pelabuhan Klang, Selangor.

13.1.3. Kapal ini mempunyai enjin Yanmar dengan keupayaan 2,800 HP, beratnya 684 tan, berukuran panjang 51 meter, lebar 9.1 meter dan *draft* 6 meter. Ia mampu memuatkan 125,000 liter minyak diesel, 150 tan air tawar dan 100 tan tempat simpanan ikan. Selain itu, KL Paus juga dilengkapi dengan peralatan pelayaran dan teknologi penangkapan ikan laut dalam yang moden seperti *sonar, global positioning system, gyro compass*, 2 pukat jerut, sistem kren untuk menurun/ menarik semula pukat serta sebuah *skip boat* untuk menarik pukat jerut. Di samping itu, ia juga dibekalkan dengan peralatan kajian bagi tujuan penyelidikan seperti *acoustic echosounder*.

13.1.4. Tujuan perolehan KL Paus adalah untuk melatih nelayan laut dalam khususnya dalam bidang penangkapan ikan tuna dengan pukat jerut dan menjalankan penyelidikan dalam bidang biologi dan sumber ikan tuna serta *oceanography* supaya dapat membangunkan industri tangkapan ikan tuna di Malaysia. Gambar berikut menunjukkan Kapal Latihan Paus :-

GAMBAR 13.1



Kapal Latihan Paus

13.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada penggunaan dan penyenggaraan KL Paus telah diuruskan dengan teratur, cekap dan mencapai matlamat yang ditetapkan.

13.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini tertumpu kepada aspek pengurusan KL Paus bagi tempoh tahun 2007 hingga 2009. Pengauditan dijalankan dengan menyemak rekod dan dokumen berkaitan di peringkat Ibu Pejabat Jabatan Perikanan Malaysia; Institut Perikanan Malaysia, Chendering, Terengganu; Bahagian Kejuruteraan dan Pejabat Limbungan Perikanan Pelabuhan Klang, Jabatan Perikanan Malaysia. Selain itu, lawatan fizikal dan temu bual juga dijalankan.

13.4. PENEMUAN AUDIT

Pada umumnya pengauditan yang dijalankan antara bulan Disember 2009 hingga Februari 2010 mendapati **Kerajaan tidak mendapat *value for money* daripada KL Paus kerana ia tidak digunakan secara optimum untuk tempoh tahun 2007 hingga 2009 sungguhpun kos perolehan dan penyenggaraannya adalah tinggi. Kapal ini tidak digunakan secara optimum kerana ia sering kali rosak, kerja pembaikan mengambil masa yang lama dan kekurangan kakitangan serta kepakaran untuk membolehkannya beroperasi.** Penjelasan lanjut berhubung dengan perkara yang ditemui adalah seperti di perenggan-perenggan berikut :-

13.4.1. Penggunaan KL Paus

13.4.1.1. Pada peringkat awal, operasi KL Paus dikendalikan oleh 22 orang anak kapal yang terdiri dari seorang *Master Fisherman* selaku kapten kapal dari negara Jepun dan 5 kakitangan kontrak lain dari Jepun, Ghana dan Romania.

Semakan Audit mendapati penggunaan KL Paus untuk latihan tangkapan ikan tuna telah diberhentikan pada tahun 2002 sejak kontrak kakitangan luar negara ditamatkan dan tiada tenaga pengajar yang berkebolehan dalam bidang tersebut terutama dalam teknik menggunakan pukat jerut.

13.4.1.2. Semakan Audit selanjutnya mendapati pada masa kini, KL Paus hanya digunakan untuk memberi latihan amali pelayaran dan keselamatan di laut kepada pelatih dan kakitangan Jabatan Perikanan Malaysia. **Bagaimanapun berdasarkan Laporan Tahunan Pergerakan KL Paus, kapal ini hanya digunakan selama 137 hari (12.5%) dalam tempoh 3 tahun (2007 hingga 2009) untuk tujuan latihan dan kajian.** Daripada jumlah hari tersebut, hanya 66 hari digunakan untuk menjalankan kursus dan 71 hari untuk tujuan kajian, pengisian minyak dan aktiviti lain. Manakala untuk tempoh 494 hari yang lain, kapal tidak dapat digunakan kerana disenggarakan/baik pulih dan selama 464 hari (42.3%) lagi, kapal tersebut hanya berlabuh di Pulau Kapas, Kuala Terengganu atau Lumut, Perak tanpa sebarang aktiviti. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 13.1
PENGGUNAAN KL PAUS BAGI TEMPOH TAHUN 2007 HINGGA 2009

TAHUN	PENGGUNAAN (Hari)	BERLABUH (Hari)	PENYENGGARAAN/BAIK PULIH (Hari)	JUMLAH (Hari)
2007	26	98	241	**365**
2008	83	277	5	**365**
2009	28	89	248	**365**
JUMLAH	**137**	**464**	**494**	**1,095**

13.4.1.3. Ketiadaan tenaga pengajar yang pakar dalam bidang penangkapan ikan menggunakan pukat jerut sejak tahun 2002 telah **mengakibatkan kerosakan peralatan dan kemudahan teknologi akibat daripada begitu lama tidak digunakan.** Lawatan Audit ke atas kapal dan lokasi-lokasi penyimpanan peralatan KL Paus mendapati perkara-perkara berikut :-


a. **Semua peralatan penangkapan ikan termasuk sistem kren untuk operasi turun/naik pukat telah rosak dan tidak berfungsi.** Didapati sebatang tiang telah dipasang bagi menahan kren tersebut daripada jatuh. Alat kawalan kren dan kren turun/naik pukat yang tidak berfungsi adalah seperti di gambar-gambar berikut :-

GAMBAR 13.2



Kapal KL Paus
- Alat Kawalan Kren Yang Tidak Berfungsi
(09.03.2010)

GAMBAR 13.3



Kapal KL Paus
- Tiang Dipasang Untuk Mengelak Kren Daripada Jatuh
(09.03.2010)

b. *Skip boat* telah rosak dan diletakkan berhampiran bangunan stor Institut Perikanan Malaysia (IPM) seperti di gambar berikut :-



GAMBAR 13.4

Institut Perikanan Malaysia, Chendering
- Skip Boat Yang Rosak Terletak
Berhampiran Bangunan Stor
(30.03.2010)

c. Dua set pukat jerut bernilai RM3 juta telah dipinjamkan kepada Syarikat Langkawi Tuna Corporation Berhad untuk menjalankan operasi penangkapan ikan tuna di Lautan Hindi. Perjanjian pinjaman telah ditandatangani antara IPM dengan Syarikat Langkawi Tuna Corporation Berhad pada 28 Ogos 2008 untuk tempoh 2 tahun iaitu sehingga 1 Ogos 2010. Bagaimanapun pada 1 Disember 2009, syarikat berkenaan telah memulangkan pukat tersebut. Lawatan Audit pada bulan Februari 2010 mendapati pukat itu disimpan di dalam 2 kontena yang terletak di laluan masuk ke Kompleks Kuarters Jabatan Perikanan Langkawi dan dibiarkan tidak terurus seperti di **Gambar 13.5 dan 13.6**. Lokasi menempatkan pukat ini telah menyebabkan halangan kepada kakitangan yang hendak keluar masuk kompleks tersebut.

GAMBAR 13.5



GAMBAR 13.6



Kompleks Kuarters Jabatan Perikanan Langkawi
- Pukat Jerut Yang Tidak Digunakan Disimpan Di Dalam 2 Buah Kontena
(23.02.2010)

d. Beberapa komponen peralatan untuk pukat seperti rantai dan gelang pukat tidak dapat dipastikan sama ada mencukupi, hilang atau rosak kerana rekod berkaitan tidak diselenggarakan. Selain itu, peralatan ini tidak disimpan di tempat yang selamat, sebaliknya diletakkan di kawasan terbuka bersebelahan gudang penyimpanan di Pelabuhan Langkawi dan ada yang berada di atas Kapal Langkawi Tuna 1 kepunyaan syarikat Langkawi Tuna Corporation Berhad seperti di gambar-gambar berikut :-

GAMBAR 13.7



Pelabuhan Langkawi
- Sebahagian Peralatan Pukat Jerut Yang Disimpan Di Sebelah Gudang Penyimpanan
(23.02.2010)

GAMBAR 13.8



Pelabuhan Langkawi
- Penyauk Yang Disimpan Di Sebelah Gudang Penyimpanan
(23.02.2010)

GAMBAR 13.9



Pelabuhan Langkawi
- Sebahagian Pukat Yang Rosak Disimpan Bersebelahan Gudang Penyimpanan
(23.02.2010)

GAMBAR 13.10



Kapal Langkawi Tuna 1, Pelabuhan Langkawi
- Sebahagian Rantai Pukat Jerut Yang Disimpan Di Atas Kapal
(23.02.2010)

Pada pandangan Audit, tahap penggunaan kapal ini adalah rendah kerana lebih daripada 80% masa berada di limbungan untuk kerja-kerja penyenggaraan/baik pulih dan berlabuh.

13.4.2. Kos Operasi Dan Pengendalian KL Paus

Mengikut Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 2 Tahun 2003, penyenggaraan dan pembaikan kerosakan bot/kapal Kerajaan hendaklah dibuat di limbungan/ kontraktor tempatan yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan mengikut kelas dan kelayakan masing-masing. Bagi penyenggaraan berjadual, penyenggaraan boleh dibuat di limbungan/kontraktor berdaftar yang berdekatan secara giliran serta satu perjanjian hendaklah ditandatangani. Kadar bayaran bagi perkhidmatan yang disediakan hendaklah mengikut Jadual Kadar Pembaikan Dan Penyenggaraan Bot/Kapal Kerajaan. Semakan Audit mendapati perkara berikut :-

13.4.2.1. Pejabat Limbungan Perikanan Pelabuhan Klang yang bertanggungjawab menyenggarakan kapal-kapal Jabatan Perikanan Malaysia telah menguruskan penyenggaraan/baik pulih KL Paus dengan teratur di mana Jawatankuasa Pemeriksaan telah ditubuhkan untuk memeriksa butiran dan kos penyenggaraan/baik pulih yang telah dilakukan sebelum penetapan harga dimuktamadkan.

13.4.2.2. Kawalan keselamatan dititikberatkan semasa kapal berlabuh seperti mana kapal berlayar. Oleh itu, anak kapal KL Paus yang berpejabat di IPM Chendering, Terengganu perlu ditugaskan di atas kapal untuk tujuan kawalan keselamatan walaupun semasa kapal berada di Limbungan Pasir Gudang atau Lumut untuk tujuan penyenggaraan/baik pulih. **Bagi tempoh 3 tahun (2007 hingga 2009), sejumlah RM4.32 juta telah dibelanjakan untuk tujuan penyenggaraan/baik pulih kapal serta tuntutan perjalanan anak kapal.** Butiran lanjut kos penyenggaraan/baik pulih serta tuntutan perjalanan anak kapal KL Paus adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 13.2
KOS PENYENGGARAAN/BAIK PULIH DAN TUNTUTAN PERJALANAN BAGI TEMPOH TAHUN 2007 HINGGA 2009

PEJABAT PEMBAYAR/ BUTIRAN	PERBELANJAAN PENYENGGARAAN/ TUNTUTAN PERJALANAN (RM)			JUMLAH (RM)
	2007	2008	2009	
Pejabat Limbungan Perikanan Pelabuhan Kelang, Selangor	79,185	-	970,786	1,049,971
Ibu Pejabat Jabatan Perikanan Malaysia	2,799,816	-	-	2,799,816
Institut Perikanan Malaysia	-	44,756	88,965	133,721
Kos Tuntutan Perjalanan Bagi Anak Kapal KL Paus	159,083	50,284	122,296	331,663
JUMLAH	**3,038,084**	**95,040**	**1,182,047**	**4,315,171**

13.4.2.3. KL Paus akan berlabuh di Pulau Kapas, Kuala Terengganu apabila tiada sebarang aktiviti latihan atau penyelidikan dijalankan. **Pihak Audit dimaklumkan bahawa semasa KL Paus berlabuh, generator perlu dihidupkan sepanjang masa bagi tujuan keselamatan di laut dan penjagaan alat-alat elektronik atau semasa kerja-kerja penyenggaraan/baik pulih dan penggunaan bahan api (diesel) untuk generator adalah berjumlah hampir 500 liter sehari. Bagi tempoh tahun 2007 hingga 2009, sejumlah RM846,721 telah dibelanjakan untuk penggunaan bahan api. Ini bermakna secara puratanya, kos penggunaan bahan api adalah berjumlah RM773 sehari.**

13.4.2.4. Pada tahun 2009, sejumlah 21 jawatan anak kapal KL Paus telah diluluskan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam. Bagaimanapun sehingga tarikh pengauditan, hanya 11 jawatan telah diisi kerana KL Paus tidak beroperasi secara optimum. **Bagi jawatan yang telah diisi, semakan Audit mendapati sejumlah RM953,968 telah dibelanjakan untuk emolumen dan elaun anak-anak kapal KL Paus bagi tempoh tahun 2007 hingga 2009**. Kedudukan jawatan anak kapal KL Paus yang diluluskan, diisi serta kekosongan jawatan adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 13.3
KEDUDUKAN PERJAWATAN KL PAUS PADA 31 DISEMBER 2009

JAWATAN	GRED	LULUS	DIISI	KOSONG
Pegawai Laut	A48	1	0	1
Penolong Pegawai Laut	A38	1	1	0
Penolong Pegawai Laut	A29	1	0	1
Penolong Jurutera Laut	A29	1	0	1
Serang	A26	1	0	1
Serang	A22	2	2	0
Serang	A17	4	2	2
Juru Enjin Laut	A22	2	0	2
Juru Enjin Laut	A18	5	4	1
Operator Wayarles	N11	1	0	1
Tukang Masak	N1/N4	2	2	0
JUMLAH		**21**	**11**	**10**

13.4.2.5. Berdasarkan daftar yang diselenggarakan oleh Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia, kapal penangkap ikan yang paling besar di Malaysia adalah berkapasiti 200 tan sahaja. Memandangkan kapasiti KL Paus iaitu 684 tan telah melebihi kapasiti tersebut, ia tidak boleh berlabuh di jeti IPM, sebaliknya perlu berlabuh di Pulau Kapas yang terletak 5 batu nautika dari IPM. Selain itu, bagi tujuan pengisian bahan api, KL Paus terpaksa berlayar ke Pelabuhan Kuantan kerana tiada pelabuhan yang cukup besar di Terengganu. Semakan Audit mendapati kos bahan api bagi setiap perjalanan pergi balik dari IPM ke Pelabuhan Kuantan adalah berjumlah RM24,000.

Pada pandangan Audit, kos operasi dan pengendalian KL Paus yang terdiri daripada kos penyenggaraan/pembaikan kapal, bayaran emolumen, tuntutan perjalanan dan kos bahan api berjumlah RM6.12 juta bagi tempoh tahun 2007 hingga 2009 (RM2.04 juta setahun) tidak membawa nilai pulangan terbaik (value for money) memandangkan KL Paus hanya dapat digunakan pada puratanya 46 hari dalam setahun.

13.5. SYOR AUDIT

Bagi memastikan Kerajaan tidak berterusan mengalami kerugian akibat daripada membiayai kos penyenggaraan/pembaikan KL Paus yang tinggi berbanding dengan prestasi penggunaannya yang rendah, adalah disyorkan supaya Jabatan Perikanan Malaysia memberikan pertimbangan untuk melupuskan kapal ini. Sekiranya Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani bercadang untuk membeli kapal latihan bagi membangunkan industri penangkapan ikan tuna di Malaysia, ia hendaklah dirancang dengan lebih teliti dengan mengambil kira saiz kapal yang dapat disesuaikan dengan kemudahan pendaratan yang sedia ada atau yang akan dibina serta keupayaan Jabatan Perikanan Malaysia dari segi perjawatan dan kepakaran.

KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

14. PROJEK PEMBESARAN LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA KUCHING

14.1. LATAR BELAKANG

14.1.1. Pada bulan Disember 2002, Unit Perancang Ekonomi telah meluluskan cadangan Projek Pembesaran Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching (Projek LTAK) bagi menaik taraf lapangan terbang sedia ada supaya dapat menampung pesawat besar seperti Boeing B747-400. Kementerian Kewangan telah melantik Global Upline Sdn. Bhd. (kontraktor) secara rundingan terus bagi melaksanakan projek ini melalui kaedah reka dan bina. Kontrak yang ditandatangani pada 10 Januari 2005 dengan kos bernilai RM620 juta merangkumi 2 fasa iaitu pembesaran bangunan terminal dan landasan lapangan terbang (Fasa I) serta pembinaan *airside infrastructure* (Fasa II).

14.1.2. Pada 1 Ogos 2006, Malaysian Airlines System (MAS) telah meminta Kementerian Pengangkutan (Kementerian) menyediakan kemudahan pusat kargo dan *parking apron* disebabkan pertambahan muatan kargo dari semasa ke semasa. Sehubungan itu, kontraktor yang sama telah dilantik untuk membina kemudahan tersebut di bawah Fasa III melalui satu perjanjian tambahan yang ditandatangani pada 1 Ogos 2006 melibatkan kos berjumlah RM33 juta.

14.1.3. Kementerian juga telah menandatangani perjanjian tambahan kedua dengan kontraktor yang sama pada 17 Disember 2009 melibatkan kos bernilai RM118.90 juta bagi melaksanakan skop kerja tambahan iaitu pengalihan dan pembinaan semula bangunan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) serta kemudahan Jabatan Penerbangan Awam. Skop kerja tambahan ini perlu dilaksanakan setelah perunding yang dilantik oleh Kementerian mengenal pasti wujudnya 50 bangunan TUDM di sekitar kawasan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching (LTAK) yang perlu dirobohkan bagi memastikannya memenuhi syarat untuk diklasifikasikan di bawah Kod 4E iaitu lapangan terbang yang dapat menampung pesawat besar tanpa had operasi.

14.1.4. Setelah mengambil kira perjanjian tambahan, kos projek keseluruhan telah meningkat menjadi RM771.90 juta dan perbelanjaan sebenar setakat 12 November 2009 adalah berjumlah RM700.86 juta (90.8%). Bagi memastikan projek diuruskan dengan teratur, Kementerian telah melantik KLIA Consultancy Service Sdn. Bhd. (KLIACS) sebagai perunding pengurusan projek dengan bayaran berjumlah RM17.30 juta manakala EPR Sdn. Bhd. pula dilantik sebagai perunding terhadap penilaian impak alam sekitar dengan bayaran berjumlah RM146,517. Pelaksanaan projek ini perlu memenuhi kehendak International Civil Aviation Organisation (ICAO) mengikut Standard and Recommended Practice (SARPs) khususnya peruntukan pada *Annex 14 (Aerodrome).*

14.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada Projek Pembesaran Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching telah dirancang dan dilaksanakan dengan teratur dan berhemat bagi mencapai objektif yang ditetapkan.

14.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap Projek Pembesaran Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching. Pemeriksaan dijalankan terhadap kontrak, rekod dan dokumen yang berkaitan di Bahagian Udara, Pembangunan dan Kewangan, Kementerian Pengangkutan, Jabatan Penerbangan Awam, KLIACS dan Malaysia Airport Berhad. Lawatan ke tapak projek dan temu bual dengan pegawai yang bertanggungjawab juga diadakan untuk mendapatkan maklumat dan penjelasan lanjut berhubung isu yang dibangkitkan.

14.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Julai hingga Oktober 2009 mendapati **sungguhpun secara keseluruhannya Projek Pembesaran Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching telah mencapai objektif yang ditetapkan, namun pihak Audit menemui beberapa kelemahan di peringkat pelaksanaan. Antaranya ialah kelewatan menyiapkan projek mengikut tempoh kontrak yang ditetapkan; Arahan Perubahan Kerja No. 1 dilaksanakan oleh kontraktor sebelum mendapat kelulusan daripada Jawatankuasa Perubahan Kerja serta beberapa kerja pembinaan tidak mengikut spesifikasi dan tidak berkualiti yang disebabkan oleh kurang pemantauan oleh pihak yang bertanggungjawab.** Penjelasan lanjut berhubung dengan perkara yang ditemui adalah seperti di perenggan-perenggan berikut :-

14.4.1. Prestasi Projek

14.4.1.1. Kelewatan Menyiapkan Projek

a. Mengikut syarat kontrak, projek Fasa 1 hingga 3 perlu disiapkan pada 1 Mac 2008, namun ia tidak dapat disiapkan pada tarikh yang ditetapkan disebabkan kelewatan proses pengambilan tanah bagi Projek Fasa 2. Bagaimanapun, Kementerian melalui perjanjian tambahan kedua telah melanjutkan tempoh kontrak bagi kerja-kerja di Fasa 1 hingga 3 selama 20 bulan bagi menyelaraskan tarikh penyiapan kerja-kerja di bawah kesemua fasa itu dengan tarikh penyiapan Projek Pengalihan dan Pembinaan Semula Bangunan TUDM. Oleh itu, tarikh baru yang ditetapkan bagi menyiapkan keseluruhan projek adalah pada 16 Disember 2009. Namun begitu, semakan Audit mendapati kemajuan kerja pada ketika itu bagi Fasa 1 dan 2 adalah 97.6% manakala bagi Fasa 3 adalah 99.6%. Semakan Audit selanjutnya mendapati kelewatan adalah disebabkan baki kerja-kerja pembinaan *taxiway A* dan *turnpad 07* di bawah Fasa 2 tidak dapat disiapkan memandangkan pihak kontraktor menghadapi masalah mendapatkan bekalan bahan kuari.

Masalah ini seterusnya telah menyebabkan kerja pemasangan *Aeronautical Ground Lighting* di bawah Fasa 3 tidak dapat dilaksanakan. Sungguhpun projek tidak dapat disiapkan sepenuhnya mengikut jadual, namun sebahagian kemudahan yang telah disiapkan bagi Fasa 1, 2 dan 3 telah diserahkan kepada Malaysia Airports Holding Bhd. (MAB) untuk diguna pakai antara bulan September 2005 hingga bulan Januari 2008. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 14.1
PENYERAHAN KEMUDAHAN KEPADA MAB SECARA BERPERINGKAT

TAKING OVER CERTIFICATE	SERAHAN KERJA	TARIKH SERAHAN	TARIKH TAMAT TEMPOH TANGGUNGAN KECACATAN
1	- *Trolley 1st Batch* - *Ancillary Building* - *Trolley 2nd Batch* - *Landside Infra* - *Terminal Building*	1 September 2005 1 Januari 2006 15 April 2006 15 Mei 2006 15 Jun 2006	31 Ogos 2007 31 Disember 2007 14 April 2008 14 Mei 2008 14 Jun 2008
2	- *Parking Aprons (GAA, Bay 9 and Remote Bay)* - *New Taxiway J,F and H* - *Strenghtening works at taxiway shoulder G and B* - *New Line Marking for Existing Bays 1,2,3,4 and 5* - *Airside Service Road And Drainage* - *Passenger Boarding Bridges for Bay 1& 9* - *High Mast (excluding control circuit)*	20 Oktober 2006	19 Oktober 2008
3	- *Security Guard House* - *Cargo Parking Apron* - *Surface Water Drainage* - *Service Roads* - *Fencing and Gate* - *2 Nos. High Mast (excluding control circuit)* - *Electrical Infrastructure* - *Site Preparation and Earthwork* - *Taxiway and Flexible Pavement*	15 Ogos 2007	14 Ogos 2009
4	- *Landscape works for Terminal Building* - *Landscape works for DCA Training & Admin Building* - *Landscape works for Fire Fighting & Rescue Building* - *Landscape works for Meteorological Building*	1 Januari 2008	31 Disember 2009
5	- *Modification of Fixed Bridge Bridge for Bay 2* - *Modification of Fixed Bridge Bridge for Bay 3* - *Passenger Boarding Bridge c/w ADGS for Bay 5* - *Passenger Boarding Bridge c/w ADGS for Bay 6* - *Passenger Boarding Bridge c/w ADGS for Bay 7* - *Passenger Boarding Bridge c/w ADGS for Bay 8*	20 Disember 2006	19 Disember 2008

b. Bagi Projek Pengalihan dan Pembinaan Semula Bangunan TUDM, pihak Audit mendapati tahap kemajuan kerja pada tarikh projek sepatutnya siap adalah 79% di mana pada ketika itu, kerja-kerja bagi merobohkan 39 daripada 50 bangunan TUDM yang lama masih belum dilaksanakan memandangkan 24 daripada 32 bangunan TUDM yang baru masih belum disiapkan oleh kontraktor. **Gambar 14.1 dan 14.2** menunjukkan bangunan TUDM yang masih belum dirobohkan manakala **Gambar 14.3** menunjukkan *hanger* TUDM yang baru masih belum siap dibina.

GAMBAR 14.1



Bangunan Tentera Udara Diraja Malaysia - Hanger Sentra Masih Belum Dirobohkan (31.12.2009)

GAMBAR 14.2



Bangunan Tentera Udara Diraja Malaysia - Kantin Masih Belum Dirobohkan (31.12.2009)



GAMBAR 14.3

Bangunan Tentera Udara Diraja Malaysia - Hanger Yang Baru Masih Belum Siap Dibina (07.12.2009)

c. Semakan Audit selanjutnya mendapati bagi kerja-kerja Fasa 1 hingga 3 dan Projek Pengalihan dan Pembinaan Semula Bangunan TUDM yang tidak dapat disiapkan mengikut jadual, kontraktor telah diluluskan lanjutan masa selama 10 bulan iaitu sehingga 14 Oktober 2010. Lanjutan masa tersebut diluluskan setelah Kementerian mengambil kira faktor kenaikan mendadak harga binaan dan kekurangan bekalan bahan kuari yang menjejaskan pelaksanaan kerja.

14.4.1.2. Peningkatan Kos Projek

a. Semakan Audit mendapati kos pembinaan bagi keseluruhan projek telah meningkat sebanyak RM20.94 juta iaitu daripada RM771.90 juta menjadi RM792.85 juta. Peningkatan kos projek tersebut adalah disebabkan oleh 4 Arahan Perubahan Kerja (APK) yang telah diluluskan seperti di jadual berikut :-

JADUAL 14.2
ARAHAN PERUBAHAN KERJA YANG TELAH DILULUSKAN

ARAHAN PERUBAHAN KERJA	BUTIRAN KERJA	KOS (RM Juta)
No. 1	Membina dan menaik taraf *passenger boarding bridges* di Bay Nombor 1 hingga 9 kerana *passenger boarding bridges* sedia ada telah terlalu lama digunakan dan kerap mengalami masalah operasi.	17.87
No. 2	Kerja-kerja tambahan di Landasan 7 dan 25 bagi memenuhi piawaian *Runway End Safety Area* (RESA) yang berkuat kuasa pada bulan Julai 2007.	4.56
No. 3	Kerja melencongkan (diversion) Jalan Lapangan Terbang Lama keluar dari *runway strip* untuk mengelakkan halangan.	3.01
No. 4	Bagi mengaktifkan penggunaan peruntukan *Provisional Sum* yang disediakan dalam kontrak.	(4.50)
JUMLAH		**20.94**

b. Semakan Audit selanjutnya mendapati APK No. 1 bagi **kerja membina dan menaik taraf 9 unit *passenger boarding bridge* (PBB) telah dilaksanakan sebelum mendapat kelulusan daripada Jawatankuasa Perubahan Kerja yang mana adalah bertentangan dengan kehendak Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 7 Tahun 2007.** Didapati kontraktor telah memulakan kerja-kerja berkaitan sejak akhir tahun 2005 dan pembayaran berjumlah RM17.78 juta telah dibuat pada 18 Disember 2006, namun kelulusan daripada Jawatankuasa Perubahan Kerja hanya diperolehi pada 28 Mei 2008. Mengikut maklum balas Kementerian, KLIACS selaku perunding telah mengeluarkan 2 *Non-Comformance Report* (NCR) iaitu pada 25 Januari 2006 dan 9 Februari 2006 serta disusuli dengan surat amaran bertarikh 20 Februari 2006 dan 26 April 2006 supaya kontraktor tidak meneruskan kerja-kerja tersebut. Namun pihak kontraktor telah mengambil risiko dengan meneruskan kerja-kerja tersebut walaupun berkemungkinan tidak mendapat sebarang bayaran sekiranya APK tidak diluluskan. **Pada pandangan Audit, bagi projek-projek lain yang dilaksanakan di masa hadapan, Kementerian perlu memastikan Arahan Perubahan Kerja diluluskan oleh Jawatankuasa Perubahan Kerja terlebih dahulu sebelum kerja dijalankan/pembayaran dibuat selaras dengan kehendak Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 7 Tahun 2007.**

14.4.2. Pembinaan Tidak Mengikut Spesifikasi Kerja

14.4.2.1. Bagi kerja membina dan menaik taraf 9 unit PBB iaitu di bay nombor 1 hingga 9 yang dilaksanakan melalui APK No. 1, lawatan Audit mendapati pembinaan dan naik taraf PBB telah dibuat mengikut spesifikasi kerja kecuali PBB di bay nombor 5. Mengikut spesifikasi kerja, kontraktor dikehendaki menyediakan 2 jejambat operasi di bay nombor 5 untuk membolehkan penumpang pesawat besar (wide body type aircrafts) dari kelas 1/bisnes serta penumpang kelas ekonomi turun dan naik pesawat secara serentak. Bagi membolehkan kedua-dua jejambat digunakan untuk pesawat besar, kontraktor dikehendaki memendekkan *transfer pier* dan membina *rotunda foundation* yang baru. Semakan Audit mendapati kontraktor telah membina kedua-dua jejambat operasi tersebut, namun kerja-kerja untuk memendekkan *transfer pier* tidak dilaksanakan oleh kontraktor menyebabkan hanya satu jejambat yang boleh digunakan oleh penumpang dari pesawat besar. Mengikut penjelasan Kementerian, ketidakpatuhan kontraktor kepada skop kerja yang ditetapkan tidak memberi kesan yang ketara kepada operasi turun dan naik penumpang memandangkan jejambat yang tidak boleh digunakan tersebut hanya melibatkan penumpang kelas 1/bisnes iaitu kira-kira 15% daripada keseluruhan penumpang pesawat besar. Keadaan PPB di bay nombor 5 yang tidak mengikut skop kerja adalah seperti di gambar berikut :-



GAMBAR 14.4

Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching - Pembinaan Passenger Boarding Bridge Di Bay Nombor 5 Tidak Mengikut Skop Kerja Yang Ditetapkan (09.11.2009)

14.4.2.2. Semakan Audit selanjutnya mendapati berdasarkan laporan dan cadangan daripada KLIACS, Kementerian pada peringkat awal telah bersetuju secara dasarnya supaya PBB di bay nombor 5 diterima dan nilai kontrak dikurangkan selaras dengan nilai kerja yang tidak dibuat. Namun setelah diteliti semula, Jawatankuasa Perubahan Kerja pada 20 Mac 2009 telah memutuskan supaya kontraktor melaksanakan skop di PBB bay nombor 5 mengikut spesifikasi asal. Kontraktor telah mengemukakan rayuan namun ditolak sekali lagi oleh Jawatankuasa Perubahan Kerja pada 24 Disember 2009. Setakat tarikh pengauditan, keputusan berhubung perkara ini masih belum diputuskan oleh Kementerian. Berdasarkan maklum balas yang diterima daripada Kementerian pada 11 Jun 2010, Jawatankuasa Perubahan Kerja Kementerian yang bersidang pada 3 Jun 2010 telah meluluskan Arahan Perubahan Kerja No. 3A (Pengurangan) berjumlah RM201,065.42 yang berkaitan dengan PBB di bay nombor 5 berasaskan kepada perakuan KLIACS.

14.4.3. Kerja Tidak Berkualiti

14.4.3.1. Lawatan Audit mendapati landasan kapal terbang yang baru siap dibina dari *chainage* 2330 ke *chainage* 2450 dengan jarak 12.5 meter adalah tidak memuaskan kerana permukaannya yang tidak sekata **(Gambar 14.5)**. Pihak Audit difahamkan, keadaan landasan yang tidak memuaskan itu telah dibaiki oleh pihak kontraktor sebanyak 2 kali iaitu pada 3 Julai 2009 dan 15 Ogos 2009 sebelum diserahkan kepada Malaysia Airport Berhad (MAB) pada 16 September 2009 **(Gambar 14.6)**.

14.4.3.2. Mengikut maklum balas yang diterima daripada Kementerian, kaedah pengukuran profil landasan telah dilakukan dengan menggunakan sistem *Global Positioning System* dan didapati secara amnya keseluruhan permukaan landasan berada dalam toleran yang dibenarkan oleh ICAO. LTAK juga beroperasi pada tahap selamat dan menepati piawaian ICAO selaras dengan pengesahan pematuhan yang telah dikeluarkan oleh Piawaian Lapangan Terbang, Jabatan Penerbangan Awam pada 19 Jun 2009. Selain itu, kajian KLIACS menunjukkan rekahan hanya berlaku di bahagian permukaan landasan (kira-kira sedalam 40 mm) dan tidak melibatkan asas landasan. Kerja-kerja pemanjangan landasan ini masih dalam Tempoh Tanggungan Kecacatan dan pihak kontraktor telah dimaklumkan untuk membuat pembaikan segera sekiranya terdapat kerosakan baru.

GAMBAR 14.5



Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching
Chainage 2330 Hingga 2450 (12.5 meter)
- Permukaan Landasan Tidak Sekata
(5.08.2009)

GAMBAR 14.6



Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching
Chainage 2330 Hingga 2450 (12.5 meter)
- Permukaan Landasan Masih Tidak Sekata
Walaupun Telah Dibaiki Untuk Kali Kedua
(20.12.2009)

14.4.3.3. Pihak Audit juga mendapati berlaku 21 kejadian di mana jubin lantai tertanggal secara berulang melibatkan lebih daripada 1,802 keping jubin di beberapa lokasi di Aras 2 dan 3 bangunan terminal sejak bulan Mei 2008 sehingga Disember 2009. KLIACS telah mengarahkan pihak kontraktor supaya menjalankan kajian lebih lanjut dan terperinci untuk mengenal pasti punca kejadian dan satu *tapping pole test* telah dijalankan oleh kontraktor pada bulan Mac 2009. Bagaimanapun, laporan yang dikeluarkan tidak dapat memberikan penjelasan mengenai punca sebenar kejadian tersebut. Oleh itu, KLIACS telah mengkategorikan kejadian jubin tanggal ini sebagai e*ndemic failures* seperti yang terkandung di dalam syarat kontrak. Keadaan lantai di mana jubin tertanggal di bangunan terminal LTAK adalah seperti di **Gambar 14.7 dan 14.8**. Mengikut maklum balas Kementerian, sungguhpun pihak kontraktor dan KLIACS tidak dapat mengenal pasti punca sebenar kejadian jubin lantai tanggal ini, namun secara amnya ia mungkin disebabkan kekurangan dan ketidaksamaan penggunaan bahan pelekat; lantai tidak dibersihkan dari sebarang kotoran/debu sebelum jubin diletak dengan bahan pelekat serta kawasan yang baru diletakkan jubin tidak ditutup untuk laluan sebaik sahaja kerja dilakukan. Bagaimanapun, kontraktor telah diarah untuk mengambil tindakan pembaikan segera sekiranya masih terdapat jubin yang tertanggal. Pihak kontraktor juga telah bersetuju untuk melaksanakan kerja-kerja pembaikan selama 10 tahun bermula dari tarikh tamat Tempoh Tanggungan Kecacatan selaras dengan syarat kontrak.

GAMBAR 14.7



Aras 3, Bangunan Terminal Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching
- Jubin Tanggal
(22.11.2009)

GAMBAR 14.8



Bay Nombor 9, Bangunan Terminal Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching
- Jubin Tanggal
(22.11.2009)

14.5. SYOR AUDIT

Bagi memperbaiki kelemahan yang dibangkitkan dalam laporan ini, adalah disyorkan supaya Kementerian Pengangkutan (Kementerian) melaksanakan perkara-perkara berikut :-

14.5.1. Kementerian perlu memastikan perunding yang dilantik membuat pemantauan yang rapi terhadap pelaksanaan projek supaya ia dapat disiapkan dalam tempoh dan mengikut spesifikasi yang ditetapkan.

14.5.2. Bagi projek-projek lain yang dilaksanakan di masa hadapan, Kementerian perlu memastikan Arahan Perubahan Kerja diluluskan oleh Jawatankuasa Perubahan Kerja terlebih dahulu sebelum kerja dijalankan/pembayaran dibuat selaras dengan kehendak Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 7 Tahun 2007.

KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

15. JABATAN LAUT SEMENANJUNG MALAYSIA
- PROJEK MARINA AWAM

15.1. LATAR BELAKANG


15.1.1. Marina adalah pangkalan khas tempat kapal layar, bot persiar atau kapal rekreasi berlabuh. Pada kebiasaannya, marina dilengkapi dengan kemudahan ponton untuk kapal berlabuh, pejabat pengurusan, kemudahan bilik air/tandas dan kemudahan penyimpanan bahan minyak buangan.

15.1.2. Ketika ini, kebanyakan marina di Malaysia dibina oleh pihak swasta dan penggunaannya terbuka kepada ahli yang berdaftar sahaja. Bagi tempoh tahun 2002 hingga 2009, Jabatan Laut Semenanjung Malaysia (Jabatan Laut) telah diluluskan peruntukan berjumlah RM309.41 juta untuk projek pembinaan marina dan pembangunan infrastruktur yang dijangka dapat menggalak serta meningkatkan pertumbuhan aktiviti kapal rekreasi di kalangan pemilik kapal rekreasi tempatan dan luar negara. Sehingga akhir tahun 2009, Jabatan Laut telah membina 9 marina melibatkan kos berjumlah RM253.06 juta (81.8%). Butirannya adalah seperti di **Jadual 15.1** manakala lokasinya seperti di **Peta 15.1**.

JADUAL 15.1
PEMBINAAN PROJEK MARINA AWAM OLEH
JABATAN LAUT SEMENANJUNG MALAYSIA

LOKASI MARINA AWAM	TAHUN		NILAI KONTRAK ASAL (RM Juta)	KOS SEBENAR (RM Juta)
	DIBINA	SIAP		
Batu Uban, Pulau Pinang	2002	2003	3.53	3.53
Kuala Kedah, Kedah	2002	2003	26.00	37.28
Pulau Tioman, Pahang	2003	2007	42.00	42.47
Tanjung Gemok, Pahang	2005	2007	6.00	6.00
Muar, Johor	2003	2008	27.30	27.34
Tanjung Pengelih, Johor	2006	2008	34.30	37.57
Pulau Mentagor, Perak	2005	2007	22.00	24.27
Pulau Indah, Selangor	2006	2009	45.00	45.82
Muara Sungai Melaka, Melaka	2008	2009	24.30	28.78
JUMLAH			**230.43**	**253.06**

PETA 15.1
LOKASI PROJEK PEMBINAAN MARINA AWAM
KEDUDUKAN SEHINGGA AKHIR TAHUN 2009



15.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada projek marina awam telah dirancang dan dilaksanakan dengan teratur dan berhemat bagi mencapai objektif yang ditetapkan.

15.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini meliputi perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap 7 projek marina awam iaitu di Batu Uban, Pulau Pinang; Kuala Kedah, Kedah; Pulau Mentagor, Perak; Muar, Johor; Pulau Indah, Selangor; Tanjung Gemok dan Pulau Tioman, Pahang. Semakan Audit telah dibuat terhadap rekod dan dokumen berkaitan bagi tempoh tahun 2002 hingga 2009 di Kementerian Pengangkutan, Jabatan Laut, Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri dan Syarikat Perunding Sinar Sdn. Bhd. Lawatan Audit juga telah dilakukan ke marina yang berkenaan bagi meninjau keadaan dan aktiviti yang dilaksanakan. Temu bual dengan pegawai yang bertanggungjawab juga telah dibuat.

15.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Jun hingga Oktober 2009 mendapati **beberapa kelemahan dalam aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap projek pembinaan dan pengurusan marina awam. Antara kelemahan yang diperhatikan adalah marina yang telah lama disiapkan masih tidak beroperasi dan dimanfaatkan mengikut objektif pembinaannya; kemudahan yang dibangunkan melebihi keperluan serta bangunan/kemudahan dan peralatan tidak**

disenggarakan dengan baik. Penjelasan lanjut mengenai perkara yang ditemui adalah seperti di perenggan-perenggan berikut :-

15.4.1. Prestasi Pelaksanaan Projek

15.4.1.1. Peningkatan Kos Projek

Nilai asal kontrak bagi 7 projek marina awam yang diaudit adalah berjumlah RM171.83 juta dan telah **meningkat kepada RM186.71 juta disebabkan oleh Arahan Perubahan Kerja dan kos kerja pembaikan.** Peningkatan paling tinggi (43.4%) adalah bagi Marina Kuala Kedah kerana mengalami banyak kecacatan terutamanya berkaitan resapan air pada dinding yang menyebabkan kos tambahan untuk kerja pembaikan berjumlah RM5.78 juta. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 15.2
PENINGKATAN KOS PROJEK MARINA AWAM

MARINA	NILAI KONTRAK ASAL (RM Juta)	KOS TAMBAHAN (RM Juta)		JUMLAH KOS PROJEK KESELURUHAN (RM Juta)	PENINGKATAN KOS BERBANDING NILAI ASAL KONTRAK (%)
		APK*	KERJA PEMBAIKAN		
Pulau Indah, Selangor	45.00	0.82	-	45.82	1.8
Pulau Tioman, Pahang	42.00	0.47	-	42.47	1.1
Kuala Kedah, Kedah	26.00	5.50	5.78	37.28	43.4
Muar, Johor	27.30	0.04	-	27.34	0.1
Pulau Mentagor, Perak	22.00	2.27	-	24.27	10.3
Tanjung Gemok, Pahang	6.00	-	-	6.00	-
Batu Uban, Pulau Pinang	3.53	-	-	3.53	-
JUMLAH	**171.83**	**9.10**	**5.78**	**186.71**	**8.6**

Nota : (*) APK - Arahan Perubahan Kerja

15.4.1.2. Kelewatan Menyiapkan Projek

Semakan Audit mendapati **6 daripada 7 projek yang diaudit tidak dapat disiapkan dalam tempoh kontrak dan kontraktor berkenaan telah diluluskan lanjutan masa antara 92 hingga 686 hari**. Antara faktor yang menyumbang kepada kelewatan tersebut adalah perubahan skop kerja; tambahan kerja *outside boundary* bagi menyediakan bekalan air dan telefon serta kelewatan memperolehi kelulusan penilaian kesan alam sekitar. Bagi projek Marina Batu Uban, pihak Audit tidak dapat menentukan sama ada kelewatan berlaku kerana tiada maklumat mengenai tarikh sebenar projek disiapkan. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 15.3
TEMPOH MENYIAPKAN PROJEK MARINA AWAM

MARINA	TARIKH SEPATUT SIAP	LANJUTAN MASA DILULUSKAN (Hari)	TARIKH SIAP SEBENAR
Batu Uban, Pulau Pinang	22.01.2003	-	Tiada Maklumat
Kuala Kedah, Kedah	29.04.2003	108	15.08.2003
Pulau Tioman, Pahang	17.03.2005	686	31.01.2007
Muar, Johor	14.05.2005	205	12.06.2008

MARINA	TARIKH SEPATUT SIAP	LANJUTAN MASA DILULUSKAN (Hari)	TARIKH SIAP SEBENAR
Tanjung Gemok, Pahang	13.02.2006	321	28.02.2007
Pulau Mentagor, Perak	30.04.2007	92	31.07.2007
Pulau Indah, Selangor	14.06.2008	354	05.06.2009

15.4.1.3. Kualiti Kerja Kurang Memuaskan

Lawatan Audit ke Marina Muar mendapati rekahan pada dinding bangunan **(Gambar 15.1)** manakala di Marina Pulau Indah, cat pada dinding bangunan tidak sekata dan tangki airnya bocor **(Gambar 15.2)**. Selepas perbincangan diadakan antara Jabatan Laut dengan pihak Audit pada bulan Februari 2010, Jabatan Laut telah mengarahkan kontraktor yang bertanggungjawab iaitu Maju Holdings untuk membaiki kecacatan bagi Marina Pulau Indah. Manakala berdasarkan maklum balas daripada Kementerian yang diterima pada 16 Jun 2010, rekahan pada dinding bangunan di Marina Muar telah dibaiki oleh kontraktor.

GAMBAR 15.1



Marina Muar, Johor
- Rekahan Pada Dinding Bangunan
(01.09.2009)

GAMBAR 15.2



Marina Pulau Indah, Selangor
- Tangki Air Bocor
(12.10.2009)

Pada pandangan Audit, memandangkan Marina Pulau Indah masih dalam Tempoh Tanggungan Kecacatan sehingga 5 Januari 2011, Jabatan Laut perlu menjalankan pemeriksaan berkala dan memastikan segala kerosakan/kecacatan diambil tindakan segera oleh kontraktor sebelum Tempoh Tanggungan Kecacatan tamat.

15.4.2. Penggunaan Marina

15.4.2.1. Adalah didapati Jabatan Laut tidak memulakan operasi marina sebaik sahaja projek disiapkan di mana Marina Muar, Pulau Tioman dan Tanjung Gemok hanya mula beroperasi antara tempoh 1 hingga 4 bulan selepas ia disiapkan. **Marina di Kuala Kedah, Pulau Mentagor dan Pulau Indah pula masih belum beroperasi semasa lawatan Audit dijalankan pada bulan Ogos dan Oktober 2009.** Manakala tarikh bagi Marina Batu Uban memulakan operasi tidak dapat ditentukan. Bagaimanapun, berdasarkan maklum balas yang diterima daripada Jabatan Laut pada 8 Mac 2010, Marina Pulau Indah telah memulakan operasinya pada 26 Januari 2010 iaitu 7 bulan selepas tarikh projek siap. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 15.4
TEMPOH MARINA BEROPERASI BERBANDING TARIKH SIAP PROJEK

MARINA	TARIKH SEPATUT SIAP	TARIKH SIAP SEBENAR	TARIKH BEROPERASI	TEMPOH KELEWATAN BEROPERASI (Bulan)
Batu Uban, Pulau Pinang	22.01.2003	Tiada Maklumat	Tiada Maklumat	-
Kuala Kedah, Kedah	29.04.2003	15.08.2003	Belum Beroperasi	18***
	29.01.2008 *	07.05.2008		
Pulau Tioman, Pahang	17.03.2005	31.01.2007	15.03.2007	1
Muar, Johor	14.05.2005	12.06.2008	12.10.2008	4
Tanjung Gemok, Pahang	13.02.2006	28.02.2007	22.05.2007 **	2
Pulau Mentagor, Perak	30.04.2007	31.07.2007	Belum Beroperasi	28***
Pulau Indah, Selangor	14.06.2008	05.06.2009	26.01.2010	7

Nota : ***(*) - Kontrak Pembaikan Setelah Projek Disiapkan***
(**) - Tarikh Serah Projek Kepada Jabatan Laut Oleh Jabatan Kerja Raya
(***) - Kedudukan Sehingga Bulan November 2009

15.4.2.2. Semakan Audit terhadap 5 marina yang telah beroperasi mendapati perkara seperti berikut :-

a. Marina Batu Uban, Muar, Pulau Tioman dan Tanjung Gemok telah dibina dengan kapasiti antara 20 hingga 52 *berth.* Bagaimanapun, berdasarkan hasil kutipan penyewaan *berth* bagi tempoh tahun 2007 hingga 2009 di keempat-empat marina tersebut, hanya Marina Batu Uban dan Pulau Tioman yang mendapat sambutan menggalakkan. Didapati 5 daripada 6 unit ruang niaga yang terdapat di marina Pulau Tioman juga telah disewa pada kadar antara RM450 hingga RM500 sebulan. Marina Pulau Indah dengan kapasiti 150 *berth* pula belum mengutip hasil kerana baru memulakan operasinya pada bulan Januari 2010. Seorang pegawai telah ditempatkan secara sementara untuk menguruskan marina ini. **Jadual 15.5** menunjukkan kutipan hasil penyewaan *berth* bagi semua marina yang telah beroperasi manakala **Gambar 15.3 hingga 15.7** menunjukkan status aktiviti marina berkaitan pada tarikh lawatan Audit.

JADUAL 15.5
KUTIPAN HASIL SEWAAN *BERTH* MARINA BAGI TAHUN 2007 HINGGA 2009

MARINA	BILANGAN *BERTH*	TARIKH MULA BEROPERASI	KUTIPAN HASIL MENGIKUT TAHUN		
			2007	2008	2009
			(RM)	(RM)	(RM)
Batu Uban, Pulau Pinang	32	Tiada Maklumat	120,695	118,249	118,989
Pulau Tioman, Pahang	36	15.03.2007	24,729	65,638	96,557
Muar, Johor	52	12.10.2008	-	270	994
Tanjung Gemok, Pahang	20	22.05.2007	1,814	4,814	11,101
JUMLAH			**147,238**	**188,971**	**227,641**

GAMBAR 15.3



Marina Batu Uban, Pulau Pinang
- Pelbagai Jenis Kapal Layar Memenuhi Berth
(18.08.2009)

GAMBAR 15.4



Marina Muar,Johor
- Hanya 2 Daripada 52 Berth Yang Disewa
(01.09.2009)

GAMBAR 15.5



Marina Tanjung Gemok, Pahang
- Hanya 2 Berth Yang Disewa
(06.10.2009)

GAMBAR 15.6



Marina Pulau Indah, Selangor
- Marina Yang Dilengkapkan Dengan Kemudahan 150 Berth Masih Belum Beroperasi
(12.10.2009)



GAMBAR 15.7

Marina Pulau Tioman, Pahang
- Antara Peniaga Yang Menyewa Ruang Niaga Yang Disediakan
(07.10.2009)

b. Kedalaman air di lembangan marina merupakan antara faktor utama penentuan kesesuaian penggunaan sesebuah marina. Paras air yang sesuai semasa surut adalah sekurang-kurangnya 3 meter. Didapati sebahagian lembangan Marina Muar dan kawasan *landing ramp* Marina Tanjung Gemok mengalami masalah kelodakan (siltation) menyebabkan paras kedalaman air tidak sesuai untuk bot berlabuh **(Gambar 15.8 dan 15.9)**. Keadaan ini bukan sahaja **menjejaskan hasil kutipan penyewaan *berth* bahkan juga menyebabkan ruang niaga dan restoran di Marina Muar dan Tanjung Gemok tidak dapat disewakan**. Menurut maklum balas Jabatan Laut masalah kelodakan ini memerlukan kerja pengerukan dilakukan secara berterusan. Namun begitu ia tidak dapat dilaksanakan kerana melibatkan perbelanjaan yang tinggi. Manakala rancangan untuk penyewaan/

penswastaan marina pula sedang dilaksanakan di mana Jabatan Laut telah menerima permohonan daripada beberapa syarikat untuk tujuan tersebut.

GAMBAR 15.8



Marina Muar, Johor
- Sebahagian Lembangan Marina Mengalami Masalah Kelodakan
(01.09.2009)

GAMBAR 15.9



Marina Tanjung Gemok, Pahang
- Kelodakan Di Kawasan Landing Ramp
(06.10.2009)

Pada pandangan Audit, Jabatan Laut sepatutnya menjalankan kajian permintaan atau maklum balas bakal pelanggan sebelum menetapkan bilangan *berth* yang perlu dibina. Bilangan *berth* yang melebihi daripada keperluan/permintaan menjadikan penggunaannya tidak optimum dan menyebabkan pembaziran.

15.4.2.3. Semakan Audit selanjutnya terhadap 2 marina yang masih belum beroperasi mendapati perkara seperti berikut :-

a. Marina Kuala Kedah

i. Projek Marina Kuala Kedah pada asalnya merupakan projek di bawah Kerajaan Negeri Kedah. Disebabkan kekurangan peruntukan kewangan, kos pembiayaan projek telah dipohon kepada Kerajaan Persekutuan. Memandangkan peruntukan Kerajaan Persekutuan digunakan, Unit Perancang Ekonomi telah mengarahkan supaya projek ini dilaksanakan di bawah Kementerian Pengangkutan. Sehubungan itu, penglibatan Jabatan Laut (agensi di bawah Kementerian Pengangkutan) dalam projek ini bermula pada bulan Julai 2002 yang pada ketika itu prestasi projek telah mencapai tahap 22%.

ii. Semasa lawatan Audit pada 17 Ogos 2009, diperhatikan tiada sebarang aktiviti kapal rekreasi dijalankan di marina ini. Sebaliknya, sebahagian bangunan marina ini dijadikan pejabat dan diduduki secara sementara oleh Pejabat Pelabuhan Kuala Kedah dan Unit Pencegahan Penyeludupan Negeri Kedah mulai 4 Mac 2009 berikutan arahan pengosongan pejabat lama yang terletak di Bangunan Jeti Kargo Kuala Kedah yang akan dibangunkan semula. **Gambar 15.10 dan 15.11** adalah berkaitan.

GAMBAR 15.10



Marina Kuala Kedah, Kedah
- Siap Dibina Pada 15.08.2003 Dan Siap Dibaiki Pada 07.05.2008 Tetapi Masih Belum Beroperasi
(17.08.2009)

GAMBAR 15.11



Marina Kuala Kedah, Kedah
- Bangunan Marina Diduduki Sementara Oleh Pejabat Pelabuhan Kuala Kedah Mulai 04.03.2009
(17.08.2009)

iii. **Antara faktor yang menyebabkan Marina Kuala Kedah masih belum beroperasi adalah kerana lokasinya tidak sesuai dan mengalami kadar kelodakan yang tinggi.** Pada bulan Mac 2002 iaitu semasa projek masih di bawah pengurusan Kerajaan Negeri Kedah, Jabatan Laut telah memberikan pandangannya kepada Unit Perancang Ekonomi tentang ketidaksuaian lokasi tersebut dan mencadangkan lokasi alternatif yang lebih sesuai iaitu berhampiran jeti penumpang sedia ada kerana kawasan tersebut lebih terlindung daripada tiupan angin monsun dan tidak memerlukan pembinaan struktur perlindungan seperti *breakwater.* Selain itu, Institut Penyelidikan Hidraulik Kebangsaan Malaysia juga telah memberi pandangannya bahawa muara Sungai Kedah ini menghadapi kadar kelodakan yang tinggi iaitu kira-kira 0.8 meter/bulan yang memerlukan kerja pengerukan dilakukan untuk mengatasinya. Bagaimanapun projek ini tetap diteruskan oleh BF Infra Sdn. Bhd. di lokasi asal berdasarkan persetujuan secara prinsip oleh Kerajaan Negeri Kedah. Masalah kelodakan yang teruk ini menghalang kapal layar untuk berlabuh di lembangan marinanya. Bagi mengatasi masalah ini, sebanyak 2 kali kerja pengerukan di basin marina telah dijalankan oleh kontraktor yang dilantik oleh Jabatan Laut, namun kelodakan tetap berlaku dalam tempoh 4 bulan selepas dikeruk. Ini menyebabkan Marina Kuala Kedah tidak pernah beroperasi semenjak disiapkan pada 15 Ogos 2003 dan dibaiki pada 7 Mei 2008 **(Gambar 15.12)**.



GAMBAR 15.12

Marina Kuala Kedah, Kedah
- Lembangan Marina Yang Menghadapi Masalah Kelodakan
(17.08.2009)

iv. Masalah kelodakan di jalan masuk ke marina juga menyebabkan keretakan jalan di pintu utama. Kebocoran teruk berlaku di bumbung bangunan marina telah mengakibatkan keretakan pada siling dan tiang dalam bangunan. **Walaupun kontraktor yang bertanggungjawab (BF Infra Sdn. Bhd.) telah diarah untuk membaikinya semasa dalam Tempoh Tanggungan Kecacatan, namun kerja yang dibuat adalah tidak memuaskan.** Oleh itu, Prinsip Empayar (M) Sdn. Bhd. telah dilantik pada bulan September 2006 untuk menjalankan kerja pembaikan terhadap kerosakan/kecacatan marina. Kontrak pembaikan ini melibatkan kos berjumlah RM5.78 juta dan kerja sepatutnya disiapkan dalam tempoh 48 minggu mulai 27 Februari 2007 hingga 29 Januari 2008. Namun begitu, didapati kerja pembaikan tersebut hanya disiapkan pada 7 Mei 2008 iaitu 14 minggu lewat daripada tarikh sepatutnya. Kerja pembaikan ini menjadikan kos pembinaan marina meningkat daripada RM31.50 juta kepada RM37.28 juta. Jabatan Laut telah mengeluarkan notis tuntutan ganti rugi berjumlah RM3.15 juta kepada BF Infra Sdn. Bhd. pada bulan Mei 2008 di atas keingkarannya membaiki kecacatan berkenaan, namun menurut Jabatan Laut, notis berkenaan telah dikembalikan kerana syarikat berkenaan sudah tidak beroperasi.

v. Bagi mengelakkan kerosakan akibat terendam dalam kelodakan lumpur, ponton (tempat kapal berlabuh) telah diungkai dan dipindahkan untuk dipasang di Marina Batu Uban antara bulan April hingga Mei 2009. Bagaimanapun, ponton berkenaan tidak dipasang kerana didapati tidak sesuai dengan keadaan arus dan ombak kuat di Marina Batu Uban. Oleh itu, Jabatan Laut masih mengkaji tempat yang sesuai bagi memasang ponton tersebut dan antara tempat yang telah dikenal pasti adalah di Jeti Kuala Besut, Terengganu dan Jeti Kuantan, Pahang. **Gambar 15.13 hingga 15.15** adalah berkaitan.



GAMBAR 15.13

Marina Kuala Kedah, Kedah
- Ponton Telah Ditanggalkan
(17.08.2009)

GAMBAR 15.14



GAMBAR 15.15



Marina Batu Uban, Pulau Pinang
- Ponton Yang Dipindahkan Daripada Marina Kuala Kedah Tetapi Didapati Tidak Sesuai Untuk Dipasang Di Marina Batu Uban
(18.08.2009)

Pada pandangan Audit, projek marina Kuala Kedah gagal memperlihatkan *value for money* kerana kajian kemungkinan yang teliti tidak dilaksanakan. Sehubungan ini, pemilihan tapak marina perlu dibuat dengan teliti dan pandangan daripada pelbagai pihak berhubung dengan kesesuaian lokasi dari segi tanah, arus, angin, hakisan dan kelodakan sepatutnya diambil kira.

b. Marina Pulau Mentagor

i. Marina Pulau Mentagor yang mempunyai kemudahan 40 *berth* juga tidak beroperasi semenjak tarikh siap pembinaannya pada 31 Julai 2007. Semasa lawatan Audit pada 21 Ogos 2009, didapati marina itu tanpa sebarang perabot serta peralatan dan hanya 2 orang pengawal keselamatan yang ditugaskan mengawal bangunan tersebut **(Gambar 15.16 dan 15.17)**. Semakan Audit terhadap fail berkenaan mendapati perbincangan telah diadakan antara Jabatan Laut, Kementerian Pengangkutan dan Unit Perancang Ekonomi semenjak tahun 2008 lagi mengenai isu hak milik tanah dan terma rujukan berkaitan Penswastaan Operasi dan Pengurusan Marina Pulau Mentagor. Menurut maklum balas Jabatan Laut, YTL Land & Development Berhad telah memohon untuk mengambil alih Marina Pulau Mentagor secara penswastaan dan Jabatan Laut telah memaklumkan persetujuan cadangan penswastaan kepada Kementerian Pengangkutan memandangkan pengurusan marina bukanlah aktiviti utamanya.

GAMBAR 15.16



Marina Pulau Mentagor, Perak
- Bahagian Dalam Bangunan Kosong
(21.08.2009)

GAMBAR 15.17



Marina Pulau Mentagor, Perak
- Marina Siap Dibina Pada 31.07.2007 Tetapi Masih Belum Beroperasi
(21.08.2009)

Pada pandangan Audit, sesuatu projek perlu terus dimanfaatkan sebaik sahaja disiapkan bagi mendapat *value for money* terhadap perbelanjaannya. Sehubungan ini, adalah disyorkan supaya agensi berkaitan segera memuktamadkan cadangan penswastaan supaya marina ini yang telah lama disiapkan tidak terus terbiar.

ii. *Mooring buoy* digunakan untuk mengikat bot berlabuh buat sementara waktu di luar lembangan marina. Semakan Audit mendapati 5 unit *mooring buoy* terbiar di kawasan pantai (bekas tapak projek) iaitu di luar kawasan Marina Pulau Mentagor seperti di **Gambar 15.18**. Pihak Audit dimaklumkan bahawa 10 unit *mooring buoy* telah dipasang di luar lembangan Marina Pulau Mentagor namun 5 unit telah tenggelam. Oleh itu, baki 5 unit itu telah ditarik keluar dan diletakkan di luar kawasan marina. Anggaran kos bagi 10 set *mooring buoy* bagi Marina Pulau Mentagor adalah berjumlah RM150,000. **Pada pandangan Audit, *mooring buoy* tersebut perlu diletakkan dalam kawasan marina demi menjaga keselamatannya.**



GAMBAR 15.18

Marina Pulau Mentagor, Perak - 5 Unit Mooring Buoy Yang Diletakkan Di Pantai Iaitu Di Luar Kawasan Marina (21.08.2009)

15.4.3. Sistem *Bilge Water Reception Facilities* Tidak Digunakan

15.4.3.1. Sistem *Bilge Water Reception Facilities* (BWRF) adalah untuk menyedut air sisa buangan (sisa bilga) dari bot untuk dirawat. Sistem ini juga dirujuk dengan nama yang berbeza dalam 5 kontrak yang diperiksa seperti *Waste Oil Disposal System, Bilge (Waste) Water Treatment System, Reception Facilities For Bilge Waste Water* dan *Bilge Water Treatment Plant.* Adalah didapati kecuali Marina Batu Uban, 6 marina yang lain mempunyai kemudahan sistem BWRF. Mengikut kontrak, kos pembinaan sistem BWRF ini adalah antara RM0.26 juta hingga RM3.87 juta. Semakan terhadap dokumen dan temu bual dengan pegawai Jabatan Laut mendapati **sistem BWRF di Marina Muar, Pulau Tioman, Tanjung Gemok dan Pulau Indah masih belum digunakan** sama ada kerana tiada permintaan atau alat berkenaan tidak dapat berfungsi. Jadual dan gambar-gambar berikut adalah berkaitan :-

JADUAL 15.6
SISTEM *BILGE WATER RECEPTION FACILITIES* (BWRF) YANG TIDAK DIGUNAKAN

MARINA	KOS MENGIKUT KONTRAK (RM Juta)	TERMA YANG DIGUNAKAN PADA KONTRAK
Kuala Kedah, Kedah	3.87*	*Waste Water Treatment Plant*
Pulau Tioman, Pahang	0.70	*Supply And Installation Of Reception Facilities For Bilge Waste Water*
Muar, Johor	1.50	*Bilge (Waste) Water Treatment System*

MARINA	KOS MENGIKUT KONTRAK (RM Juta)	TERMA YANG DIGUNAKAN PADA KONTRAK
Tanjung Gemok, Pahang	1.48	*Waste Oil And Domestic Waste Treatment Plant*
Pulau Mentagor, Perak	0.26	*Waste Oil Disposal System*
Pulau Indah, Selangor	3.24	*Bilge Water Treatment Plant*

Nota : ***(*) - Kos Selepas Pelarasan Harga Kontrak***

GAMBAR 15.19



Marina Muar, Johor
- Sistem BWRF Tidak Berfungsi
(01.09.2009)

GAMBAR 15.20



Marina Tanjung Gemok, Pahang
- Sistem BWRF Tidak Pernah Digunakan
(Telah Berkarat Dan Sukar Digunakan)
(06.10.2009)



GAMBAR 15.21

Marina Pulau Indah, Selangor
- Sistem BWRF Tidak Berfungsi
(12.10.2009)

15.4.3.2. Menurut maklum balas Jabatan Laut, sistem BWRF disediakan sebagai menyokong Peraturan 12 Konvensyen Utama *International Maritime Organisation* iaitu MARPOL 73/78 yang menetapkan keperluan menyediakan sistem BWRF di pelabuhan yang dikendali. Bagaimanapun, pematuhan kepada peraturan ini masih belum terpakai bagi kapal layar. **Bagi memastikan kemudahan sistem BWRF tersebut sentiasa berada dalam keadaan baik dan boleh berfungsi ketika diperlukan, adalah disyorkan supaya Jabatan Laut memastikan penyenggaraan terhadapnya dilaksanakan secara berkala.**

15.4.4. Penyenggaraan Kurang Memuaskan

15.4.4.1. Penyenggaraan berkala perlu dijalankan terhadap bangunan/kemudahan yang dibangunkan serta peralatan yang diperolehi untuk mengoptimumkan penggunaannya. Semakan Audit mendapati penyenggaraan terhadap bangunan/kemudahan dan peralatan di marina berkenaan adalah kurang memuaskan seperti contoh berikut :-

a. Di Marina Kuala Kedah, Muar dan Pulau Mentagor, beberapa kerosakan berlaku pada bangunan/kemudahan dan peralatan seperti di gambar-gambar berikut :-

GAMBAR 15.22



Marina Muar, Johor
- Papan Ponton Tertanggal
(01.09.2009)

GAMBAR 15.23



Marina Kuala Kedah, Kedah
- Pintu Sebelah Belakang Marina Tertanggal
(17.08.2009)

GAMBAR 15.24




GAMBAR 15.25



Marina Pulau Mentagor, Perak
- Kerosakan Pada Ponton Seperti Pelapik Getah Tercabut Dan Ponton Tanggal/Terpisah Daripada Strukturnya Walaupun Marina Belum Beroperasi
(21.08.2009)

GAMBAR 15.26



Marina Kuala Kedah, Kedah
- Dinding Dewan Pelbagai Guna Diserang Anai-anai
(17.08.2009)

GAMBAR 15.27



Marina Muar, Johor
- Dewan Serbaguna Diserang Anai-anai
(01.09.2009)

b. Marina Muar dan Marina Pulau Indah menghadapi masalah sampah yang terperangkap di kawasan lembangan marina. Kesan daripada keadaan ini menyebabkan pencemaran pada persekitaran dan kebersihan kawasan marina seperti di gambar berikut :-

GAMBAR 15.28



Marina Muar, Johor
- Sampah Terperangkap Di Ponton Marina
(01.09.2009)

GAMBAR 15.29



Marina Pulau Indah, Selangor
- Sampah Terperangkap Di Ponton Marina
(12.10.2009)

15.4.4.2. Menurut maklum balas yang diterima daripada Jabatan Laut pada 16 Jun 2010, peruntukan kewangan untuk kerja penyenggaraan adalah tidak mencukupi. Oleh itu, penyenggaraan yang dilaksanakan adalah mengikut keutamaan Jabatan Laut yang mendahulukan keperluan pelanggan.

Pada pandangan Audit, peruntukan kewangan yang mencukupi perlu diberikan kepada Jabatan Laut supaya penyenggaraan berkala dapat dilakukan bagi memastikan aset Kerajaan berada dalam keadaan baik dan selamat.

15.5. SYOR AUDIT

Bagi memastikan Kerajaan mendapat *value for money* dan objektif pelaksanaan projek ini tercapai sepenuhnya, adalah disyorkan supaya Kementerian Pengangkutan dan Jabatan Laut melaksanakan perkara-perkara berikut :-

15.5.1. Menjalankan pemeriksaan dan memastikan segala kerosakan/kecacatan bagi Marina Pulau Indah diambil tindakan segera oleh kontraktor sebelum Tempoh Tanggungan Kecacatan tamat.

15.5.2. Pemilihan tapak marina perlu dibuat dengan teliti dan mengambil kira hasil kajian kesesuaian dari segi tanah, arus, angin, hakisan, kelodakan, maklum balas bakal pelanggan dan pandangan pelaut tempatan bagi mengelakkan masalah berbangkit yang memerlukan kos penyenggaraan yang tinggi dan menjejaskan penggunaan marina.

15.5.3. Rancangan penswastaan Marina Pulau Mentagor dimuktamadkan segera supaya marina yang telah lama disiapkan ini dapat memulakan operasi secepat mungkin untuk mengelakkan pembaziran dan Kerajaan mendapat *value for money* terhadap perbelanjaan yang telah dilakukan.

15.5.4. Memastikan penyenggaraan terhadap sistem *Bilge Water Reception Facilities* dilaksanakan secara berkala bagi memastikan kemudahan tersebut sentiasa berada dalam keadaan baik dan boleh berfungsi ketika diperlukan. Kemudahan-kemudahan yang dibangunkan seperti bilangan *berth* dan sistem BWRF hendaklah berdasarkan kepada keperluan bagi mengelakkan pembaziran.


KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

16. JABATAN PENERBANGAN AWAM
- **PEROLEHAN DAN PENYENGGARAAN PERALATAN KAWALAN TRAFIK UDARA**

16.1. LATAR BELAKANG

Jabatan Penerbangan Awam (Department of Civil Aviation - DCA) adalah bertanggungjawab menyediakan perkhidmatan pengurusan dan pengawalan trafik udara yang selamat serta mematuhi peraturan jabatan, perundangan negara dan piawaian Pertubuhan Penerbangan Awam Antarabangsa (International Civil Aviation Organisation - ICAO). Dalam melaksanakan tanggungjawab ini, Pengawai Kawalan Trafik Udara memerlukan peralatan bantuan khusus bagi memastikan keselamatan penerbangan awam dan melicinkan pengurusan pergerakan lalu lintas udara. Piawaian mengenai keperluan peralatan kawalan trafik udara terkandung dalam Garis Panduan *Convention on ICAO*. Antara lain, piawaian ini menetapkan *power requirements, frequency, modulation, signal characteristics and monitoring* yang diperlukan bagi memastikan sesebuah kapal terbang yang *suitably equipped* dapat menerima isyarat navigasi yang diyakini *(reliable).* Peralatan ini boleh dibahagikan kepada 3 kategori mengikut fungsi iaitu komunikasi, navigasi dan *surveillance* (Communication, Navigation and Surveillance – CNS) seperti contoh di jadual berikut :-

JADUAL 16.1
CONTOH PERALATAN KAWALAN TRAFIK UDARA

KATEGORI	FUNGSI	CONTOH PERALATAN KAWALAN TRAFIK UDARA
Komunikasi	- Menyediakan saluran komunikasi suara antara Pegawai Kawalan Trafik Udara dengan juruterbang bagi memberi arahan sepanjang penerbangan. - Menyediakan komunikasi suara dan data bagi tujuan koordinasi penerbangan antara unit-unit kawalan trafik udara bagi *aerodrome/approach/area control* di Malaysia atau dengan pusat kawalan trafik udara di negara-negara yang bersempadan dengan Malaysia. - Komunikasi dengan agensi-agensi berkaitan seperti Jabatan Meteorologi, Tentera Udara Diraja Malaysia, syarikat penerbangan dan lain-lain. - Komunikasi ini juga dirakam untuk dijadikan bukti sekiranya berlaku sebarang insiden di udara.	• *HF/VHF/UHF Radio System* • *Controller Working Position* • *Voice Communication Switching Systems (VCSS)* • *Voice Recorder* • *AFTN Message Switching System* • *Direct Speech Circuit* • *Controller Pilot Data Link Communication* • *Malaysian Automated Aeronautical Information System* ***VCSS*** 

<table>
<tr><th>KATEGORI</th><th>FUNGSI</th><th>CONTOH PERALATAN
KAWALAN TRAFIK UDARA</th></tr>
<tr><td rowspan="2">Navigasi</td><td rowspan="2">Alat pandu arah bagi membantu juruterbang dalam pengendalian kapal terbang dengan memberi maklumat seperti arah dan jarak lapangan terbang serta panduan dan sudut pendaratan bermula dari masa pelepasan sehingga pendaratan.</td><td>• Instrument Landing System (ILS - Localiser dan Glide Path)
• Doppler Very High Frequency Omni-Directional Radio Range/Distance Measuring Equipment (DVOR/DME)
• Automatic Dependent Surveillance
• Differential Global Positioning System
• Non Directional Beacon/Marker
• Precision Approach Path Indicator</td></tr>
<tr><td>ILS
  </td></tr>
<tr><td rowspan="2">Surveillance</td><td rowspan="2">- Menyediakan kemudahan pemantauan penerbangan bagi meningkatkan efisiensi penggunaan ruang udara di samping meningkatkan tahap keselamatan penerbangan.

- Alat ini juga membantu Pegawai Kawalan Trafik Udara membuat separation antara kapal terbang bagi mengelakkan pelanggaran.</td><td>• Primary and Secondary Surveillance Radar
• Terminal Approach Radar
• Surface Movement Radar
• Multi-static Dependent Surveillance/ Multi Lateration System
• Airport Surface Detection Equipment</td></tr>
<tr><td>RADAR
  </td></tr>
</table>

16.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada perolehan dan penyenggaraan peralatan kawalan trafik udara telah dirancang dan dilaksanakan dengan teratur dan berhemat.

16.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini meliputi aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap perolehan dan penyenggaraan peralatan kawalan trafik udara. Skop pengauditan ini meliputi 6 kontrak perolehan peralatan kawalan trafik udara bernilai RM71.06 juta dan 3 kontrak penyenggaraan bernilai RM129.85 juta. Semakan terhadap fail, rekod

kewangan dan dokumen kontrak berkaitan bagi tempoh tahun 2006 hingga 2009 telah dilaksanakan di Kementerian Pengangkutan, Ibu Pejabat DCA dan 6 pejabat cawangan DCA di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dan Subang, Selangor; Alor Setar dan Langkawi, Kedah; Kota Kinabalu, Sabah dan Kuching, Sarawak. Pemeriksaan fizikal dan temu bual juga telah diadakan dengan pegawai-pegawai yang terlibat.

16.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Ogos hingga November 2009 mendapati **beberapa kelemahan dalam perolehan dan penyenggaraan peralatan kawalan trafik udara. Antara kelemahan tersebut ialah perolehan/penggantian/menaik taraf peralatan kawalan trafik udara tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya sepertimana yang telah dirancang disebabkan peruntukan yang tidak mencukupi; permohonan Arahan Perubahan Kerja dibuat selepas tempoh kontrak tamat menyebabkan bayaran perlu diperakaunkan di bawah pendahuluan diri pegawai yang bertanggungjawab serta kelewatan menandatangani kontrak perolehan/ penyenggaraan peralatan mengakibatkan bayaran perlu dibayar di bawah Arahan Perbendaharaan 58(a) di mana telah menjejaskan peruntukan tahun semasa. Selain itu, pemantauan terhadap kerja penyenggaraan oleh DCA adalah kurang memuaskan kerana ketiadaan/kekurangan pegawai yang berkelayakan untuk melakukannya.** Penjelasan lanjut mengenai perkara yang ditemui adalah seperti di perenggan-perenggan berikut :-

16.4.1. Perolehan Tidak Dapat Dibuat Mengikut Perancangan

16.4.1.1. Di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9), DCA telah diluluskan siling peruntukan berjumlah RM4.22 bilion untuk melaksanakan 86 projek menaik taraf dan pembangunan lapangan terbang serta sistem kawalan dan pengurusan trafik udara/komunikasi/radar/ICT. Didapati 48 (55.8%) daripada projek yang diluluskan adalah untuk perolehan peralatan kawalan trafik udara bagi mengganti dan menaik taraf peralatan yang kebanyakannya telah lama dan usang. Bagaimanapun semasa kajian separuh penggal RMK-9 pada bulan September 2007, 41 (47.7%) projek telah dibatalkan dan siling peruntukan dipinda bagi projek yang dikekalkan. Perubahan ini antara lainnya adalah bagi membiayai projek menaik taraf Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu, Sabah dan Lapangan Terbang Kota Bharu, Kelantan; pemasangan *Primary Surveillance Radar/Secondary Surveillance Rada*r di Lapangan Terbang Tawau, Sabah serta pewujudan projek baru iaitu pengalihan galangan di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching, Sarawak. Semakan Audit mendapati 31 (75.6%) daripada 41 projek yang dibatalkan merupakan projek di bawah program perolehan/penggantian/menaik taraf peralatan kawalan trafik udara bernilai RM0.43 bilion. Ini menyebabkan hanya 17 projek perolehan/ penggantian/menaik taraf pelbagai peralatan kawalan trafik udara diluluskan di

bawah RMK-9 dengan siling berjumlah RM0.70 bilion manakala 28 projek lain dengan siling RM2.90 bilion adalah berkaitan projek infrastruktur menaik taraf/ pembesaran lapangan terbang dan pembangunan ICT. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 16.2
PROJEK JABATAN PENERBANGAN AWAM DI BAWAH RANCANGAN MALAYSIA KESEMBILAN

PROJEK RMK-9	PEROLEHAN/PENGGANTIAN/ MENAIK TARAF PERALATAN		PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR		KESELURUHAN	
	Bil.	RM Bilion	Bil.	RM Bilion	Bil.	RM Bilion
Lulus (Asal)	48	1.13	38	3.09	86	4.22
Batal	31	0.43	10	0.19	41	0.62
Diteruskan	17	0.70	28	2.90	45	3.60

16.4.1.2. **Pembatalan projek yang telah dirancang serta perubahan terhadap siling projek yang diteruskan telah menjejaskan program perolehan/penggantian/menaik taraf peralatan yang telah lama dan usang.** Berdasarkan kepada senarai peralatan kawalan trafik udara (komunikasi dan navigasi) yang diselenggarakan oleh Telekom Berhad (Telekom) dan senarai radar seperti pada bulan September 2009, didapati hanya **147 (36.9%) daripada keseluruhan 398 peralatan adalah berusia di bawah 10 tahun manakala bakinya sebanyak 251 (63.1%) telah berusia antara 10 hingga 27 tahun.** Menurut *original equipment manufacturer* iaitu International Aeradio (M) Sdn. Bhd., bagi peralatan komunikasi, jangka hayatnya adalah antara 10 hingga 15 tahun. Selain itu, semasa menjalankan *health check* terhadap *Instrument Landing System* dan *Doppler VHF Omni-Directional Radio Range/Distance Measuring Equipment*, Syarikat Thomson yang juga merupakan *original equipment manufacturer* telah mengisytiharkan bahawa peralatan ini sebagai usang (obsolete) serta mencadangkan ia diganti kerana keberkesanan fungsinya yang semakin merosot. Alat ganti bagi peralatan lama sedia ada juga tiada lagi di pasaran. Contoh peralatan yang telah berusia melebihi 10 tahun sering mengalami kerosakan adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 16.3
KEROSAKAN *DOPPLER VERY HIGH FREQUENCY OMNI-DIRECTIONAL RADIO RANGE* (DVOR)/*DISTANCE MEASURING EQUIPMENT* (DME) MENGIKUT STESEN BAGI TEMPOH TAHUN 2005 HINGGA 2008

DVOR/DME		JAM KEROSAKAN				
STESEN	USIA (Tahun)	MENGIKUT TAHUN				JUMLAH
		2005	2006	2007	2008	
Mersing, Johor	13	-	-	-	133.41	133.41
Pulau Tulai, Pahang	13	-	622.97	2,541.00	3,196.67	6,360.64
Pulau Pinang	14	0.75	-	13.00	60.66	74.41

DVOR/DME		JAM KEROSAKAN				
STESEN	USIA (Tahun)	MENGIKUT TAHUN				JUMLAH
		2005	2006	2007	2008	
Lain-lain	12 - 22	401.86	1,466.87	186.32	811.59	2,866.64
JUMLAH		**402.61**	**2,089.84**	**2,740.32**	**4,202.33**	**9,435.10**

Pada pandangan Audit, Kementerian Pengangkutan dan agensi pusat perlu meluluskan peruntukan yang mencukupi untuk perolehan/penggantian/ menaik taraf peralatan kawalan trafik udara yang telah dirancang supaya peralatan-peralatan berkenaan dapat berfungsi dengan berkesan pada setiap masa.

16.4.2. Perolehan Peralatan Kawalan Trafik Udara

16.4.2.1. Bagi tempoh antara tahun 2006 hingga awal tahun 2009, sebanyak 10 kontrak perolehan/penggantian/menaik taraf peralatan kawalan trafik udara bernilai RM341.09 juta telah dilaksanakan oleh DCA. Enam kontrak bernilai RM71.06 juta seperti di **Jadual 16.4** telah dipilih untuk diaudit.

JADUAL 16.4
KONTRAK PEROLEHAN PERALATAN KAWALAN TRAFIK UDARA YANG DIAUDIT

KONTRAK PEROLEHAN	PERALATAN	KAEDAH PEROLEHAN	NILAI KONTRAK (RM Juta)
Projek Memasang *Instrument Landing System* Di Lapangan Terbang Subang	*Instrument Landing System*	Tender Terbuka	5.30
Supply, Delivery, Installation, Testing And Commissioning Of GNSS PAN-OPS Hardware And Software System Di Ibu Pejabat DCA	*PAN-OPS Designer Tools*	Tender Terbuka	2.50
Design, Manufacture, Supply, Testing, Commissioning And Maintenance Of Doppler Very High Frequency Omni-Directional Radio Range/Distance Measuring Equipment (DVOR/DME) Di Sultan Abdul Halim Airport, Alor Setar, Kedah	*DVOR/DME*	Tender Terbuka	3.70
DCA Projects In Relation To Low Cost Aircraft Terminal At Kuala Lumpur International Airport (KLIA) : *Package A-Systems*	- *Multi Lateration System* - *Flight Data Processing System & Display And Processing Of Surveillance Data* - *CWP (DATAMSTRUCT)* - *Network (MATECH)* - *Voice Switch And Control System* - *Voice Recording And Replay System*	Tender Terhad	48.97
Sistem Komunikasi, Navigasi, *Surveillance* Dan Pengurusan Trafik Udara	*Automatic Dependent Surveillance/ Controller Pilot Data Link Communication-ADS/CPDLC*	Tender Terbuka	6.59
Design, Manufacture, Supply, Testing, Commissioning And Maintenance Of DVOR/ DME At KLIA	*DVOR/DME*	Tender Terbuka	4.00
JUMLAH			**71.06**

16.4.2.2. Hasil semakan Audit terhadap 6 kontrak tersebut mendapati perkara berikut :-

a. Kelemahan Koordinasi Antara Agensi

Salah satu daripada kontrak perolehan adalah berkaitan dengan reka bentuk, membekal, memasang, migrasi, integrasi, menguji dan mentauliah *Multi Lateration System*, *Flight Data Processing System*, *Display And Processing Of Surveillance Data*, menambah posisi kerja di menara Kawalan Apron dan menyambung *taxiway* di *Low Cost Aircraft Terminal* (LCAT) yang bernilai RM48.97 juta. Menurut DCA, 5 komponen kawalan trafik udara ini sepatutnya dibuat serentak dengan projek pembinaan LCAT supaya terminal ini boleh beroperasi dengan lancar dan selamat. **Namun demikian, kelemahan koordinasi antara agensi berkaitan menyebabkan DCA tidak dilibatkan semasa penyediaan kos projek pembinaan LCAT. Oleh itu, keperluan bagi 5 komponen itu tidak diambil kira dalam kos projek tersebut oleh Kementerian Pengangkutan**. Memandangkan projek pembinaan LCAT perlu dilaksanakan segera, Unit Perancang Ekonomi telah meminta Kementerian Pengangkutan menggunakan baki peruntukan RMK-8 dan sebahagian peruntukan RMK-9 yang pada asalnya telah diluluskan untuk program perolehan peralatan kawalan trafik udara yang lain bagi membiayai kos 5 komponen tersebut.

Pada pandangan Audit, Kementerian Pengangkutan sepatutnya melibatkan DCA untuk memberi input semasa penyediaan kos projek pembinaan LCAT. Kelemahan koordinasi ini telah menjejaskan pelaksanaan program perolehan peralatan kawalan trafik udara yang telah dirancang.

b. Arahan Perubahan Kerja Diluluskan Selepas Tamat Tempoh Kontrak

Kontrak reka bentuk, membekal, memasang, migrasi, integrasi, menguji dan mentauliah *Multi Lateration System* (MLAT), *Flight Data Processing System*, *Display and Processing of Surveillance Data*, menambah posisi kerja di menara Kawalan Apron di LCAT juga melibatkan 5 Arahan Perubahan Kerja **(**APK) bernilai RM6.02 juta. Didapati 4 APK bernilai RM3.90 juta yang diluluskan oleh Jawatankuasa Perubahan Kerja Kementerian Pengangkutan adalah selaras dengan peraturan yang ditetapkan. Terdapat satu lagi APK yang kelima (APK5) bernilai RM2.12 juta adalah bagi menukar lokasi pemasangan sensor MLAT. Pertukaran lokasi ini iaitu daripada bumbung bangunan (seperti syarat kontrak) ke tanah perlu dibuat sebagai mematuhi arahan Malaysia Airport Holdings Berhad kerana faktor nilai estetik dan memudahkan kerja penyenggaraan. Memandangkan nilai APK5 telah menyebabkan nilai keseluruhan APK bagi kontrak ini melebihi had amaun yang boleh diluluskan oleh Jawatankuasa Perubahan Kerja Kementerian Pengangkutan, kelulusan Kementerian Kewangan adalah diperlukan selaras

dengan Arahan Perbendaharaan (AP) 202.1. Didapati **Kementerian Kewangan telah meluluskan APK5 pada 29 Disember 2009 tetapi mengarahkan supaya bayaran bagi APK ini diperakaunkan di bawah pendahuluan diri pegawai yang bertanggungjawab (AP59).** Ini adalah kerana permohonan APK5 dibuat setelah tempoh kuat kuasa kontrak tamat iaitu pada 20 Julai 2008 dan kerja berkaitan juga dibuat sebelum kelulusan diperolehi. Kementerian Pengangkutan juga diminta supaya menjalankan siasatan untuk menentukan sama ada ketidakpatuhan itu adalah berpunca daripada salah laku pihak yang sepatutnya bertanggungjawab. Berdasarkan maklum balas yang diterima pada 11 Jun 2010, Lembaga Penyiasat telah menjalankan siasatan dan sedang menunggu pandangan Penasihat Undang-undang Kementerian Pengangkutan untuk tindakan selanjutnya.

c. Kontrak Lewat Ditandatangani

i. Berdasarkan Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 10 Tahun 1995/ Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 5 Tahun 2007, kontrak perlu ditandatangani selewat-lewatnya 4 bulan dari tarikh Surat Setuju Terima (SST) diterima/dikeluarkan daripada/kepada kontraktor. Didapati **5 dari 6 kontrak yang diperiksa telah lewat ditandatangani antara tempoh 3 hingga 6 bulan.** Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 16.5
TEMPOH KONTRAK PEROLEHAN PERALATAN KAWALAN TRAFIK UDARA DITANDATANGANI

KONTRAK PEROLEHAN	TARIKH SURAT SETUJU TERIMA DITERIMA/ DIKELUARKAN	TARIKH KONTRAK DITANDATANGANI	TEMPOH KELEWATAN* (Bulan)
Projek Memasang *Instrument Landing System* Di Lapangan Terbang Subang	18.10.2004	05.08.2005	6
Supply, Delivery, Installation, Testing & Commissioning Of GNSS PAN-OPS Hardware & Software System Di Ibu Pejabat DCA	06.10.2006	14.05.2007	3
Design, Manufacture, Supply, Testing, Commissioning & Maintenance Of DVOR/DME At Sultan Abdul Halim *Airport*, Alor Setar, Kedah	12.07.2007	13.03.2008	4
DCA Projects In Relation To Low Cost Aircraft Terminal At KLIA*: Package A-Systems*	11.01.2007	31.10.2007	5
Design, Manufacture, Supply, Testing, Commissioning & Maintenance Of DVOR/DME At KLIA	05.06.2008	17.03.2009	5

Nota : * - Selepas 4 Bulan Tempoh Yang Dibenarkan

ii. Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 10 Tahun 1995 juga menetapkan bayaran kemajuan kepada kontraktor yang melaksanakan kontrak kerja boleh dibayar hingga 3 bayaran kemajuan dalam tempoh 4 bulan pertama selepas keluarnya SST dan sebelum kontrak rasmi ditandatangani. Bayaran kemajuan seterusnya atau 4 bulan selepas SST dikeluarkan hanya boleh dibuat selepas kontrak ditandatangani. Adalah

didapati **kelewatan menandatangani kontrak telah menimbulkan masalah dari segi pembayaran kepada kontraktor** seperti contoh-contoh berikut :-

- Bagi kontrak *DCA Projects In Relation To Low Cost Aircraft Terminal At* KLIA : *Package A-System* yang bernilai RM48.97 juta, **tuntutan bayaran** kemajuan 1 dan 2 daripada kontraktor **berjumlah RM5.02 juta** telah diterima oleh DCA pada **bulan September 2007 iaitu 8 bulan dari tarikh SST dikeluarkan. Memandangkan pada ketika itu, kontrak berkaitan masih belum ditandatangani, kelulusan khas telah dipohon daripada Perbendaharaan Malaysia untuk membuat bayaran tersebut.**

- Bagi kontrak pemasangan *Instrument Landing System* di Lapangan Terbang Subang pula, kontraktor telah menuntut bayaran kemajuan no. 1 hingga 3 berjumlah RM1.79 juta mengikut jadual pada bulan April 2005. Namun begitu, DCA tidak boleh menjelaskan bayaran tersebut kerana kontrak hanya ditandatangani pada 5 Ogos 2005. Ini menyebabkan **bayaran dibayar pada bulan Ogos 2005 iaitu 4 bulan selepas tuntutan diterima.**

iii. Berdasarkan maklum balas daripada DCA, kelewatan menandatangani kontrak adalah disebabkan oleh masa yang lama diperlukan untuk memperincikan spesifikasi peralatan dan menyemak syarat-syarat kontrak oleh Penasihat Undang-undang (PUU) Jabatan yang pada ketika itu, DCA hanya mempunyai seorang PUU. Bagaimanapun, DCA memaklumkan masalah ini dapat diatasi dengan mewujud dan telah mengisikan tambahan 2 jawatan PUU Gred L41 masing-masingnya pada bulan Februari 2008 dan Julai 2009.

16.4.3. Penyenggaraan Peralatan Kawalan Trafik Udara

16.4.3.1. Sehingga bulan September 2009, terdapat 11 kontrak penyenggaraan peralatan kawalan trafik udara yang masih berkuat kuasa bernilai RM134.71 juta melibatkan 8 kontraktor. Daripada 11 kontrak tersebut, 3 kontrak dengan nilai RM129.85 juta (96.4% daripada nilai keseluruhan kontrak) seperti di **Jadual 16.6** telah dipilih untuk diaudit.

JADUAL 16.6
KONTRAK PENYENGGARAAN PERALATAN KAWALAN TRAFIK UDARA YANG DIAUDIT

KONTRAK PENYENGGARAAN	KONTRAKTOR	TEMPOK KONTRAK	NILAI KONTRAK (RM Juta)
Comprehensive Operation & Maintenance Of Air Traffic Control Systems Complete With Spares At KLIA, Sepang	AMP Corporation (M) Sdn. Bhd.	16.09.2006 - 15.09.2009	9.95

KONTRAK PENYENGGARAAN	KONTRAKTOR	TEMPOK KONTRAK	NILAI KONTRAK (RM Juta)
Penyenggaraan Sistem Trafik Udara Secara Komprehensif Di Semenanjung, Sabah Dan Sarawak	Syarikat Telekom Malaysia Berhad (Telekom)	01.01.2007 - 31.12.2009	48.90 *
Perkhidmatan Penyenggaraan Sistem Trafik Udara (MATSMP)	Syarikat Advanced Air Traffic Systems (M) Sdn. Bhd.	01.04.2007 - 31.03.2010	71.00
JUMLAH			**129.85**

Nota : * - Termasuk RM7.20 Juta Untuk Perolehan Alat Ganti

16.4.3.2. Hasil semakan terhadap 3 kontrak tersebut mendapati perkara berikut :-

a. Pemantauan DCA Terhadap Kerja Penyenggaraan Kurang Memuaskan

i. Mengikut syarat kontrak, kontraktor perlu menjalankan penyenggaraan terhadap semua sistem dan peralatan kawalan trafik udara dalam 2 kaedah iaitu penyenggaraan pembaikan dan penyenggaraan pencegahan. Penyenggaraan pembaikan perlu dilaksanakan serta-merta terhadap sebarang kerosakan kritikal yang dilaporkan manakala penyenggaran pencegahan perlu dijalankan secara harian, mingguan, bulanan dan tahunan mengikut jenis sistem dan peralatan. Syarat kontrak juga menetapkan bahawa *turn around time* bagi pembaikan komponen/alat ganti adalah 3 bulan. Kontraktor juga dikehendaki menyedia dan mengemukakan laporan bulanan dan laporan tahunan kepada DCA. Sehubungan ini, DCA perlu membuat pemantauan untuk mengesahkan sama ada kerja-kerja tersebut telah dilaksanakan mengikut syarat kontrak sebelum pembayaran dilakukan. Di 6 pejabat Cawangan DCA yang dilawati, semakan Audit mendapati laporan bulanan dan tahunan serta Buku Log peralatan telah disediakan oleh kontraktor. Namun demikian, **pihak Audit tidak menemui bukti semakan dan ulasan pegawai DCA dalam kesemua dokumen tersebut terhadap prestasi kerja penyenggaraan yang dibuat oleh kontraktor berkenaan. Oleh itu, pihak Audit tidak dapat menentukan sama ada pemeriksaan fizikal telah dilaksanakan oleh DCA.** Menurut maklum balas DCA, perkara ini berlaku kerana ketiadaan pegawai teknikal dan kejuruteraan untuk membuat pemantauan dan pengesahan kerja penyenggaraan yang telah dilakukan oleh kontraktor. Tugas ini dipertanggungjawabkan kepada Pegawai Kawalan Trafik Udara di Bahagian Pentadbiran Dan Kewangan yang tidak memiliki kelayakan bertauliah untuk mengesahkan kerja penyenggaraan berkaitan. Selain daripada tugas tersebut, mereka juga terlibat dengan tugas hakikinya iaitu operasi pengawalan trafik udara.

ii. Lawatan Audit ke 6 pejabat cawangan DCA mendapati alat ganti disimpan di beberapa lokasi penempatan peralatan. Didapati segala pengurusan alat ganti adalah di bawah jagaan kontraktor penyenggaraan. **Rekod stok alat ganti yang menunjukkan penerimaan, pengeluaran dan pembaikan kerosakan alat ganti juga disediakan oleh kontraktor. Bagaimanapun, tiada bukti yang menunjukkan pihak DCA telah menyemak rekod tersebut bagi memastikan ketepatannya.** Maklumat berhubung alat ganti/komponen yang rosak dan dihantar kepada kontraktor untuk pembaikan hanya dilaporkan dalam laporan bulanan dan rekod kontraktor. Semakan Audit terhadap sampel laporan bulanan untuk tempoh 6 bulan iaitu antara bulan Jun hingga November 2008 bagi stesen Interim Air Traffic Control System dan Subang Air Traffic System Control mendapati laporan bulanan yang dikemukakan oleh kontraktor kepada DCA adalah tidak lengkap. Contohnya, tarikh pengembalian alat ganti rosak yang telah dibaiki tidak dilaporkan dan maklumat mengenai pergerakan alat ganti tidak dilaporkan oleh Advanced Air Traffic Sistem (M) Sdn. Bhd. Selain itu, **tiada bukti yang menunjukkan bahawa pemeriksaan fizikal dan verifikasi stor telah dijalankan oleh DCA** untuk memastikan ketepatan baki stok alat ganti di lokasi penempatan peralatan. Selepas teguran Audit, pemantauan terhadap pengurusan alat ganti ini telah diambil tindakan oleh DCA. Surat peringatan telah dikeluarkan oleh Ketua Pengarah DCA kepada semua Pengarah Wilayah untuk memastikan pemeriksaan dijalankan.

Pada pandangan Audit, memandangkan alat ganti adalah aset Kerajaan dan bagi memudahkan pemantauan, adalah lebih wajar pengurusan alat ganti diletakkan secara langsung di bawah kawalan DCA yang perlu memastikan rekod berkaitan diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini. Selain itu, pihak pengurusan DCA perlu mengadakan pemeriksaan secara berkala bagi memastikan semua Pengarah Wilayah mematuhi arahan tersebut.

b. Syarat Kontrak Penyenggaraan Tidak Menjaga Kepentingan Kerajaan

Mengikut syarat kontrak, kontraktor dikehendaki menyediakan laporan bulanan berhubung dengan *Service Operational Availability* (SOA) bagi peralatan yang perlu disenggara. Unit Kawalselia CNS, Bahagian Piawaian Lapangan Terbang Ibu Pejabat DCA pula telah dipertanggungjawabkan membuat pemeriksaan terhadap peralatan CNS serta *menyediakan* Laporan *Annual Ground Test* bagi memastikan semua peralatan telah disenggara dengan baik, menepati spesifikasi yang ditetapkan dan bagi mempertingkat dan mengukur kompetensi kontraktor penyenggaraan. Adalah didapati tahap SOA yang dilaporkan oleh kontraktor penyenggaraan sebagaimana syarat

kontrak adalah berpandukan kepada prestasi sistem yang berfungsi secara keseluruhan dan selagi sistem masih berfungsi, tiada penalti akan dikenakan. Manakala laporan Unit Kawalselia CNS pula berasaskan kepada prestasi setiap komponen peralatan individu dalam sesuatu sistem. Keadaan ini menimbulkan keadaan di mana kontraktor melaporkan bahawa SOA peralatan yang disenggarakannya setiap bulan mencapai tahap yang ditetapkan iaitu antara 99.95% hingga 99.97% sedangkan laporan Unit Kawalselia CNS melaporkan terdapat kerosakan komponen antara 14% hingga 92% bagi bulan yang sama.

Pada pandangan Audit, SOA perlu diukur berasaskan setiap komponen peralatan individu bagi sesuatu sistem. Syarat kontrak yang menetapkan SOA berdasarkan prestasi sistem yang berfungsi secara keseluruhan didapati tidak menjaga kepentingan Kerajaan kerana penalti tidak dikenakan terhadap kerosakan komponen. Jika sesuatu komponen peralatan adalah rosak dan tidak diperbaiki dalam tempoh yang ditetapkan, penalti sepatutnya perlu dikenakan terhadap kontraktor penyenggaraan berkaitan.

c. Penyambungan Kontrak Penyenggaraan Lewat Dibuat

i. Semakan Audit terhadap **3 kontrak mendapati 2 kontrak di mana kontraktor telah diluluskan penyambungan kontrak penyenggaraan.** Namun begitu, **kontrak sambungan berkenaan lewat ditandatangani iaitu 20 dan 23 bulan masing-masingnya selepas kontrak asal tamat.** Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 16.7
TEMPOH MENANDATANGANI PENYAMBUNGAN KONTRAK PENYENGGARAAN PERALATAN KAWALAN TRAFIK UDARA

KONTRAK PENYENGGARAAN/ KONTRAKTOR/ RUJUKAN KONTRAK	TARIKH KONTRAK ASAL TAMAT	TARIKH SURAT SETUJU TERIMA UNTUK KONTRAK SAMBUNGAN	TARIKH KONTRAK SAMBUNGAN DITANDATANGANI	TEMPOH LEWAT MENANDATANGANI KONTRAK DARI TARIKH KONTRAK ASAL TAMAT (Bulan)
Comprehensive Operation And Maintenance Of Air Traffic Services/Telekom Malaysia Bhd./ DCA/KONT/PK/1/2007	30.12.2006	22.11.2007	05.12.2008	23
Perkhidmatan Penyenggaraan Sistem Trafik Udara (MATSMP)/ Advanced Air Traffic Sistem (M) Sdn. Bhd./ DCA/TAD/4/2007	31.03.2007	23.07.2008	05.12.2008	20

ii. Bagi *comprehensive operation and maintenance of air traffic services*, kontrak dengan Telekom Malaysia Bhd. (Telekom) telah tamat pada 30 Disember 2006. Enam bulan sebelum tamat kontrak iaitu pada bulan

Julai 2006, Telekom telah mengemukakan cadangan penyambungan perkhidmatan kepada DCA. Namun begitu, DCA hanya mengeluarkan Surat Setuju Terima berkaitan penyambungan kontrak tersebut pada bulan November 2007. Kontrak sambungan pula hanya ditandatangani pada bulan Disember 2008 iaitu 23 bulan selepas kontrak asal tamat. Bagaimanapun, Telekom masih dibenarkan oleh DCA untuk menjalankan kerja penyenggaraan tersebut sungguhpun kontrak sambungan belum ditandatangani. **Kelewatan dalam menandatangani kontrak sambungan ini menyebabkan urusan pembayaran bagi perkhidmatan penyenggaraan yang dilaksanakan pada tahun 2007 dan 2008 (Jadual 16.8) terpaksa dibuat di bawah AP58(a) iaitu bayaran dibuat dengan menggunakan peruntukan tahun semasa. Ini telah menjejaskan peruntukan untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti lain yang dirancang bagi tahun berkenaan.**

JADUAL 16.8
KELEWATAN DALAM PEMBAYARAN PERKHIDMATAN PENYENGGARAAN

TEMPOH PERKHIDMATAN	JUMLAH BAYARAN MENGIKUT KONTRAK (RM Juta)	REBET PENAMATAN OPERASI PERALATAN (RM Juta)	JUMLAH BAYARAN SEBENAR (RM Juta)	BAYARAN		
				AP58(a)	TARIKH	TEMPOH KELEWATAN (Bulan)
Jan. - Dis. 2007	13.62	0.20	13.41	√	06.07.2009	21 - 34
Jan. - Dis. 2008	13.94	0.49	13.45	TB √ √ √	22.12.2008 07.01.2009 09.01.2009 06.07.2009	7 - 9
Jan. - Mac 2009	3.53	0.01	3.52	TB	20.07.2009	3 - 5
JUMLAH	**31.09**	**0.70**	**30.38**			

Nota : TB – Tidak Berkenaan

iii. Bagi kontrak dengan Syarikat Advanced Air Traffic Sistem (M) Sdn. Bhd. untuk perkhidmatan penyenggaraan sistem trafik udara (MATSMP) pula, tarikh tamat kontrak ialah pada 31 Mac 2007. Namun demikian, Surat Setuju Terima untuk penyambungan kontrak tersebut hanya dikeluarkan oleh DCA pada 23 Julai 2008 kerana proses rundingan harga dan kelulusan harga kontrak diterima daripada Kementerian Kewangan pada bulan Jun 2008. Kontrak rasmi hanya ditandatangani pada **5 Disember 2008 iaitu selepas 20 bulan daripada tarikh kontrak asal tamat.** Bagaimanapun, Advanced Air Traffic Sistem (M) Sdn. Bhd. juga dibenarkan oleh DCA untuk menjalankan kerja penyenggaraan tersebut sungguhpun kontrak sambungan belum ditandatangani. **Kelewatan menandatangani kontrak ini menyebabkan bayaran kepada kontraktor berjumlah RM18.95 juta bagi kerja-kerja yang telah disempurnakan bagi tempoh bulan April 2007 hingga Februari 2008**

telah lewat dibuat antara 4 hingga 11 bulan dan perlu mendapat kelulusan khas daripada Kementerian Kewangan.

Pada pandangan Audit, DCA perlu memastikan kontrak ditandatangani dalam tempoh yang ditetapkan bagi mengelakkan daripada berlaku kelewatan bayaran kepada kontraktor dan menjejaskan pelaksanaan aktiviti-aktiviti tahun semasa disebabkan bayaran yang perlu dilakukan di bawah AP58(a). Selain itu, pelaksanaan kerja tanpa kontrak akan menjejaskan kepentingan Kerajaan sekiranya kontraktor gagal melaksanakan tanggungjawabnya. Sehubungan ini, DCA perlu mempercepatkan proses rundingan harga kontrak yang menyebabkan kelewatan menandatangani kontrak.

16.5. SYOR AUDIT

Bagi memastikan perolehan peralatan kawalan trafik udara dapat dilaksanakan dengan teratur dan Kerajaan mendapat *value for money* terhadap perbelanjaan yang telah dibuat, adalah disyorkan supaya Kementerian Pengangkutan dan DCA serta agensi pusat melaksanakan perkara-perkara berikut :-

16.5.1. Kementerian Pengangkutan dan agensi pusat perlu meluluskan peruntukan yang mencukupi untuk perolehan/penggantian/menaik taraf peralatan kawalan trafik udara yang telah dirancang supaya peralatan-peralatan berkenaan dapat berfungsi dengan berkesan pada setiap masa.

16.5.2. DCA perlu meningkatkan pemantauan terhadap prestasi kerja penyenggaraan sebelum membuat pengesahan terhadap tuntutan bayaran oleh kontraktor penyenggaraan. Pegawai Kawalan Trafik Udara tidak sepatutnya ditugaskan untuk memantau kerja penyenggaraan, sebaliknya tanggungjawab ini diberikan kepada mereka yang mempunyai pengetahuan dan kepakaran dalam bidang tersebut.

16.5.3. Memandangkan alat ganti adalah aset Kerajaan dan bagi memudahkan pemantauan serta menjamin kepentingan Kerajaan, adalah lebih wajar pengurusan alat ganti diletakkan secara langsung di bawah kawalan DCA. Bagi tujuan ini, syarat kontrak penyenggaraan berkenaan patut dikaji semula oleh DCA.

16.5.4. Syarat kontrak penyenggaraan juga perlu dikaji semula memandangkan asas pengukuran *Service Operational Availability* adalah berdasarkan komponen peralatan individu dan bukan berasaskan kepada keupayaan sistem beroperasi secara keseluruhan demi menjaga kepentingan Kerajaan. Kontrak juga perlu mempunyai peruntukan yang boleh mengenakan penalti terhadap kontraktor sekiranya komponen peralatan rosak dan tidak diperbaiki dalam tempoh yang ditetapkan.

16.5.5. Pihak pengurusan DCA perlu memastikan rekod berkaitan pengurusan alat ganti diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini serta menjalankan pemeriksaan fizikal secara berkala.

16.5.6. Pentadbiran kontrak perlu dibuat dengan lebih teratur bagi mengelakkan berlaku kelewatan dalam menandatangani kontrak dan permohonan Arahan Perubahan Kerja dibuat semasa kontrak masih berkuat kuasa.

KEMENTERIAN PELANCONGAN

17. PROGRAM *HOMESTAY*

17.1. LATAR BELAKANG

17.1.1. Program *Homestay* (Program) telah diperkenalkan oleh Kementerian Kebudayaan, Kesenian Dan Pelancongan (kini di bawah Kementerian Pelancongan) pada tahun 1988 sebagai satu usaha mempelbagaikan produk pelancongan melalui penawaran penginapan alternatif kepada pelancong. Program *Homestay* adalah menyediakan kemudahan tempat tinggal di mana pelancong yang tinggal bersama keluarga tuan rumah berpeluang untuk berinteraksi serta mengalami cara hidup seharian keluarga berkenaan. Antara objektif utama program *Homestay* adalah untuk menjadikannya sebagai sumber pendapatan sampingan bagi meningkatkan taraf ekonomi penduduk luar bandar dan sebagai satu alternatif penginapan untuk pelancong dari dalam dan luar negara. Program ini menawarkan perkhidmatan hospitaliti desa bertaraf antarabangsa dengan harga yang kompetitif. Justeru itu, Program *Homestay* boleh dilihat sebagai projek komuniti yang dapat memupuk perpaduan dan dalam masa yang sama dapat mendorong ke arah kemajuan komuniti.

17.1.2. Majlis Tindakan Pelancongan Negeri (MTPN) (bermula pada 1 Januari 2010 dikenali sebagai Pejabat Kementerian Pelancongan Malaysia Negeri) telah dipertanggungjawabkan oleh Kementerian Pelancongan Malaysia (Kementerian) untuk mengurus, menyelia, memantau program dan memproses permohonan pendaftaran *Homestay* iaitu dengan membuat pemeriksaan premis *Homestay*, menganjurkan kursus dan mengagihkan Sijil Pendaftaran yang dikeluarkan oleh Kementerian kepada peserta.

17.1.3. Sehingga 31 Disember 2009, terdapat 141 *Homestay* di seluruh negara yang melibatkan 3,283 rumah. Bagi tempoh tahun 2007 hingga 2009, seramai 249,509 pelancong tempatan dan 76,008 pelancong luar negara telah menginap di rumah-rumah *Homestay* yang memberikan pendapatan tambahan sebanyak RM22.20 juta kepada pengusaha *Homestay*.

17.1.4. Sejumlah RM42.30 juta diperuntukkan bagi tempoh tahun 2007 hingga 2009. Sehingga 31 Disember 2009, Kementerian telah membelanjakan sejumlah RM33.70 juta. Perbelanjaan tersebut antaranya adalah untuk menaik taraf kemudahan rumah peserta dan mempromosi Program *Homestay*.

17.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada Program *Homestay* telah diuruskan dengan cekap dan teratur serta mencapai objektif yang telah ditetapkan.

17.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap Program *Homestay.* Semakan Audit terhadap rekod dan dokumen berkaitan bagi tempoh tahun 2007 hingga 2009 di Cawangan Pembangunan Industri, Bahagian Perkhidmatan Pelancongan, Kementerian; Majlis Tindakan Pelancongan Negeri; Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia (LPPM) dan Kementerian Pembangunan Bandar Dan Pelancongan Sarawak (MUDT). Lawatan juga dibuat ke 14 *Homestay* yang berdaftar dengan Kementerian Pelancongan Malaysia di 5 negeri yang dipilih iaitu Pulau Pinang, Sarawak, Kelantan, Kedah dan Pahang melibatkan 70 rumah *Homestay.* Temu bual dan perbincangan telah diadakan dengan pegawai terlibat dan penyelaras serta peserta Program *Homestay* yang dilawati. Butiran lengkap bagi 14 *Homestay* yang dilawati adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 17.1
***HOMESTAY* YANG DIPILIH SEBAGAI SAMPEL AUDIT**

NEGERI	*HOMESTAY*	TARIKH *HOMESTAY* DIDAFTAR	BILANGAN RUMAH *HOMESTAY* YANG DILAWATI
Pulau Pinang	Kampung Jalan Bharu, Balik Pulau	Disember 2006	5
	Kampung Sungai Duri, Seberang Perai	Januari 2008	5
Sarawak	Kampung Pueh, Lundu	Mei 2006	5
	Kampung Santubong, Kuching	Mei 2008	5
	Kampung Panglima Seman, Kuching	Mei 2006	5
Kelantan	Kampung Pantai Suri, Tumpat	November 2002	5
	Kampung Kubang Telaga, Bachok	Disember 2006	5
	Kampung Seterpa, Kota Bharu	Oktober 2008	5
Kedah (Langkawi)	Kampung Wang Tok Rendong	Ogos 2002	5
	Kampung Sungai Itau	2006	5
	Kampung Pulau Tuba	Ogos 1997	5
Pahang	Kampung Baru Salong, Pekan	Mac 2004	5
	FELCRA Sri Makmur	Mac 2004	5
	Kampung Desa Murni, Kerdau, Temerloh	Disember 1995	5
JUMLAH			**70**


17.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Mei hingga Julai 2009 mendapati secara umumnya, **pengurusan Program *Homestay* masih perlu dipertingkatkan. Terdapat rumah yang dijadikan *Homestay* tidak diperiksa oleh panel pemeriksa, rumah yang telah beroperasi sebagai *Homestay* tetapi pemiliknya belum menghadiri kursus asas *Homestay* dan kedatangan pelancong tidak serata. Manakala projek menaik taraf kemudahan *Homestay* pula tidak dilaksanakan mengikut spesifikasi dan reka bentuk bagi beberapa kemudahan yang disediakan tidak sesuai.** Penjelasan lanjut mengenai perkara yang ditemui adalah seperti di perenggan-perenggan berikut :-

17.4.1. Pengurusan *Homestay* Perlu Dipertingkatkan

17.4.1.1. Semakan Audit mendapati Kementerian tidak menyediakan satu garis panduan yang menyeluruh bagi menjelaskan peranan dan tanggungjawab setiap pihak yang terlibat dalam pengurusan Program *Homestay.* Bagaimanapun, garis panduan mengenai pengurusan pengeluaran Sijil Pendaftaran rumah *homestay* telah disediakan. Mengikut garis panduan tersebut, antara syarat yang perlu dipatuhi untuk menyertai Program *Homestay* adalah pemohon hendaklah mempunyai kawasan persekitaran rumah yang bersih dan sistem perparitan yang baik, rumah mempunyai keluasan yang sesuai dan pelancong ditempatkan di bilik yang berasingan serta mempunyai kemudahan asas seperti tandas dan bilik air. Pemilik rumah yang dipilih akan diberikan kursus asas *Homestay* yang dianjurkan oleh Institut Kemahiran Desa, Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah (INFRA) sebelum rumah mereka didaftarkan sebagai *Homestay*. Lawatan Audit di 70 rumah melibatkan 14 *Homestay* di 5 negeri mendapati sebanyak 62 rumah *Homestay* telah mematuhi syarat yang ditetapkan. **Gambar 17.1 hingga 17.4** adalah contoh rumah *Homestay* yang memenuhi syarat yang ditetapkan. Bagaimanapun, terdapat 8 rumah yang kurang terurus di mana dinding bilik tidur berlubang serta tidak dijaga dengan kemas dan rapi manakala tandas yang disediakan perlu dipertingkatkan seperti yang ditunjukkan pada **Gambar 17.5 hingga 17.9.**

GAMBAR 17.1



Homestay Kampung Santubong, Kuching Sarawak
- Bilik Yang Bersih Dan Kemas
(17.06.2009)

GAMBAR 17.2



Homestay Kampung Sungai Duri, Pulau Pinang
- Bilik Yang Bersih Dan Kemas
(03.06.2009)

GAMBAR 17.3



Homestay Kampung Panglima Seman, Sarawak
- Tandas Dan Bilik Air Yang Bersih
(18.06.2009)

GAMBAR 17.4



Homestay Kampung Sungai Duri, Pulau Pinang
- Kawasan Persekitaran Yang Cantik Dan Bersih
(03.06.2009)

GAMBAR 17.5



Homestay Kampung Kubang Telaga, Bachok, Kelantan
- Dinding Bilik Tidur Berlubang
(30.06.2009)

GAMBAR 17.6



Homestay Kampung Kubang Telaga, Bachok, Kelantan
- Kain Yang Dipasang Di Siling Kurang Kemas
(30.06.2009)

GAMBAR 17.7



Homestay Kampung Seterpa, Kelantan
- Bilik Tidur Tidak Dijaga Dengan Kemas
(01.07.2009)

GAMBAR 17.8



Homestay Kampung Seterpa, Kelantan
- Bilik Tidur Tidak Dijaga Dengan Kemas
(01.07.2009)



GAMBAR 17.9

Homestay Kampung Seterpa, Kota Bharu, Kelantan
- Tandas Yang Perlu Dipertingkatkan
(01.07.2009)

a. Semakan Audit mendapati antara faktor yang menyebabkan keadaan rumah *Homestay* kurang terurus adalah kerana pemeriksaan terhadap premis *Homestay* tidak dibuat oleh Majlis Tindakan Pelancongan Negeri (MTPN) dan panel yang terlibat seperti Pihak Berkuasa Tempatan, Kementerian Kesihatan, Lembaga Penggalakkan Pelancongan Malaysia, Persatuan *Homestay* Malaysia dan Jawatankuasa Keselamatan Dan Kemajuan Kampung sebelum Sijil Pendaftaran dikeluarkan seperti *Homestay* Kampung Kubang Telaga, Bachok dan Kampung Seterpa, Kota Bharu, Kelantan. Selain itu, pihak Audit juga mendapati ada beberapa rumah yang kurang sesuai turut dijadikan *Homestay* dan telah diberi Sijil Pendaftaran.

b. Semakan Audit selanjutnya mendapati seramai 8 peserta dari *Homestay* Kampung Seterpa, Kelantan dan Kampung Sungai Duri, Pulau Pinang belum menghadiri kursus asas *Homestay* tetapi telah diberi Sijil Pendaftaran. Justeru itu, mereka tidak didedahkan dengan pengetahuan pengurusan

Homestay yang teratur dan sempurna. Tambahan pula, tidak ada sebarang garis panduan berkenaan pengurusan *Homestay* diberikan oleh pihak Kementerian kepada mereka untuk dijadikan rujukan dan panduan. Bagaimanapun pihak Audit dimaklumkan pada bulan Disember 2009, pihak Kementerian telah mengarahkan setiap MTPN untuk mengenal pasti dan mengemukakan senarai peserta *Homestay* yang belum menghadiri kursus dan juga premis di seluruh negara yang tiada dijalankan pemeriksaan. Antara tindakan yang diambil adalah peserta yang belum menghadiri kursus diwajibkan untuk menghadiri kursus berkenaan dan pemilik rumah yang tidak memenuhi syarat pendaftaran perlu meningkatkan kualiti rumah masing-masing.

17.4.1.2. Peserta Program *Homestay* hendaklah sentiasa bersedia menerima pelancong. Bagaimanapun, penyelaras menghadapi masalah untuk menempatkan pelancong yang datang secara berkumpulan kerana sikap peserta yang kadang kala tidak bersedia menerima pelancong atas pelbagai alasan antaranya tidak mampu melayan tetamu kerana uzur dan ada aktiviti lain pada ketika itu. Keadaan ini telah menyebabkan sebahagian pelancong terpaksa ditempatkan di rumah peserta lain sehingga melebihi had bilik yang sepatutnya disewa dan ada pula pelancong yang ditempatkan di rumah bukan peserta dalam kampung tersebut. Bagi memastikan hanya peserta yang benar-benar layak dan bersedia sahaja yang menyertai Program *Homestay,* pihak Kementerian telah memperketatkan pendaftaran *Homestay* mulai bulan Januari 2010. Bagi peserta Program *Homestay* sedia ada yang tidak memberikan komitmen dalam menerima pelancong, nama mereka akan digugurkan sebagai peserta Program *Homestay.*

Pada pandangan Audit, satu garis panduan yang menyeluruh untuk menjelaskan peranan dan tanggungjawab setiap pihak yang terlibat dalam pengurusan Program *Homestay* hendaklah dikeluarkan. Selain itu, Kementerian perlu sentiasa memastikan garis panduan yang disediakan berhubung pengeluaran Sijil Pendaftaran dipatuhi sebelum mengeluarkan sijil tersebut kepada peserta Program *Homestay*.

17.4.2. Kerja Menaik Taraf Kemudahan Awam *Homestay* Kampung Baru Salong, Pekan, Pahang Kurang Memuaskan

Projek menaik taraf kemudahan *Homestay* Kampung Baru Salong, Pekan, Pahang telah dilaksanakan oleh Pejabat Daerah Pekan, Pahang melalui peruntukan yang disalurkan daripada Unit Perancang Ekonomi Negeri. Kerja menaik taraf kemudahan awam tersebut melibatkan pembinaan pusat pengumpulan hasil pertanian, gelanggang gasing dan bangunan pusat pentadbiran kegiatan belia. Semakan Audit terhadap pelaksanaan projek naik taraf *Homestay* ini mendapati beberapa kelemahan seperti berikut :-

17.4.2.1. Pembinaan Pusat Pengumpulan Hasil Pertanian (PPHP) telah dibuat mengikut reka bentuk yang disediakan oleh Pejabat Daerah Pekan sebagai

agensi pelaksana dan dipersetujui oleh pihak Kementerian. Reka bentuk tersebut yang mengandungi 8 gerai perlu dibina di PPHP berkenaan. Bagaimanapun, setelah PPHP siap dibina didapati reka bentuk binaan gerai tidak sesuai kerana pembinaannya telah menghalang pintu dari dibuka dan menyebabkan 2 daripada 8 gerai yang telah dibina terpaksa dipecahkan untuk membolehkan pintu dibuka/tutup. **Gambar 17.10 dan 17.11** menunjukkan keadaan tersebut.

GAMBAR 17.10



Homestay Kampung Baru Salong, Pekan (Pusat Pengumpulan Hasil Pertanian) - Bahagian Gerai YangTelah Dipecahkan (28.07.2009)

GAMBAR 17.11



Homestay Kampung Baru Salong, Pekan (Pusat Pengumpulan Hasil Pertanian) - Pandangan Dari Sisi Hadapan (28.07.2009)

17.4.2.2. Didapati gelanggang gasing yang dibina tidak mengikut lukisan asal disebabkan reka bentuk yang tidak sesuai. Pihak Audit dimaklumkan bahawa mengikut lukisan asal, gelanggang tersebut adalah berbentuk segi lapan (*octagon*) di mana keluasannya tidak mencukupi untuk permainan gasing. Bagaimanapun, lawatan Audit pada 28 Julai 2009 mendapati gelanggang yang telah disiapkan masih belum digunakan. Berdasarkan maklum balas dari Pengerusi *Homestay* Kampung Baru Salong, keluasan gelanggang berkenaan masih tidak sesuai untuk permainan gasing. **Gambar 17.12 dan 17.13** menunjukkan gelanggang gasing tersebut.

GAMBAR 17.12



GAMBAR 17.13



Homestay Kampung Baru Salong,Pekan, Pahang - Gelanggang Gasing - Keluasan Terhad Dan Tidak Sesuai Untuk Permainan Gasing (28.07.2009)

17.4.2.3. Mengikut kontrak, sebanyak 2 tandas, satu bilik air dan 2 singki sepatutnya dibina. Bagaimanapun, lawatan Audit pada 28 Julai 2009 mendapati pembinaan tandas, bilik air dan singki di Bangunan Pusat Pentadbiran Kegiatan Belia tidak mengikut spesifikasi yang ditetapkan di mana hanya satu tandas, 2

bilik air dan 1 singki telah dibina. **Gambar 17.14 dan 17.15** adalah berkaitan. Arahan Perubahan Kerja bagi tandas/bilik air hanya diluluskan pada 15 September 2009. Manakala bagi pemasangan singki, berdasarkan laporan lawatan tapak oleh Kementerian pada 10 Mei 2010, singki kedua telah dipasang seperti yang ditetapkan.

GAMBAR 17.14



Homestay Kampung Baru Salong, Pekan, Pahang (Bangunan Pusat Pentadbiran Kegiatan Belia) - Tandas Dan Bilik Air Yang Dibina Tidak Mengikut Spesifikasi (28.07.2009)

GAMBAR 17.15



Homestay Kampung Baru Salong, Pekan, Pahang (Bangunan Pusat Pentadbiran Kegiatan Belia) - Hanya Satu Singki Dipasang (Sepatutnya 2 Singki) (28.07.2009)

Pada pandangan Audit, reka bentuk bangunan yang akan dibina perlu diteliti dan dipastikan sesuai oleh pihak yang berkelayakan dan berkemahiran sebelum kelulusan dikeluarkan bagi memastikan setiap binaan adalah sesuai untuk digunakan. Selain itu, agensi pelaksana hendaklah menjalankan pemantauan yang berterusan bagi memastikan kontraktor melaksanakan kerja mengikut spesifikasi yang ditetapkan.

17.4.3. Kedatangan Pelancong Tidak Serata

17.4.3.1. Promosi Program *Homestay* diterajui dan diselaraskan oleh Lembaga Penggalakkan Pelancongan Malaysia dengan kerjasama Kementerian dan Majlis Tindakan Pelancongan Negeri. Antara aktiviti promosi *Homestay* yang telah dijalankan adalah mengadakan *Homestay Roadshow* di Jepun, menyediakan brosur bagi pasaran di Korea, menyediakan laman *Web Homestay* dan promosi di media massa dan elektronik. Bagi tempoh tahun 2007 hingga 2009, sejumlah RM8.09 juta telah dibelanjakan untuk tujuan promosi dan pemasaran *Homestay*. Atas usaha-usaha tersebut, jumlah kedatangan pelancong dari tahun ke tahun telah bertambah. Bagi tempoh tahun 2007 hingga 2009, seramai 249,509 pelancong tempatan dan 76,008 pelancong luar negara telah menginap di rumah *Homestay.*

17.4.3.2. Selain itu, Persatuan *Homestay* Malaysia (PHM) iaitu satu Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) juga turut memainkan peranan mempromosi dan memasarkan *Homestay* ke pasaran domestik dan antarabangsa. Bagi tempoh tahun 2007 hingga 2009, sejumlah RM2.07 juta telah diberikan kepada PHM oleh Kementerian sebagai bantuan. Antara kejayaannya ialah PHM telah menandatangani sebanyak 271 Memorandum Persefahaman dengan pengetua

sekolah di Korea dan Jepun bagi Program Anak Angkat di mana menempatkan pelajar-pelajar di *Homestay*. Sungguhpun PHM telah memberi sumbangan yang besar dalam membawa pelancong dari luar negara, namun bagi 14 Homestay yang dilawati, didapati hanya Kampung Desa Murni, Kerdau, Temerloh mencatatkan kedatangan pelajar-pelajar Jepun dan Korea yang paling ramai manakala *Homestay* yang lainnya kurang mendapat faedah daripada Program Anak Angkat ini. Semakan Audit mendapati *Homestay* Kampung Pantai Suri, Tumpat, Kelantan dan FELCRA Sri Makmur, Maran, Pahang tidak pernah menerima pelajar di bawah Program Anak Angkat ini. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 17.2
KEDATANGAN PELANCONG LUAR NEGARA UNTUK 14 *HOMESTAY*
BAGI TEMPOH TAHUN 2007 HINGGA 2009

HOMESTAY	2007	2008	2009	JUMLAH
PULAU PINANG				
Kampung Jalan Bharu, Balik Pulau	TM	162	246	408
Kampung Sungai Duri, Seberang Perai	TB	10	0	10
SARAWAK				
Kampung Pueh, Lundu	18	67	4	89
Kampung Santubong, Kuching	TB	102	223	325
Kampung Panglima Seman Lama, Kuching	57	71	65	193
KELANTAN				
Kampung Pantai Suri, Tumpat	TM	0	0	0
Kampung Kubang Telaga, Bachok	TM	0	7	7
Kampung Seterpa, Kota Bharu	TB	20	177	197
KEDAH (LANGKAWI)				
Kampung Pulau Tuba	TM	45	65	110
Kampung Wang Tok Rendong	TM	241	119	360
Kampung Sungai Itau	TM	0	4	4
PAHANG				
Kampung Baru Salong, Pekan	10	150	377	537
FELCRA Sri Makmur, Maran	0	0	0	0
Kampung Desa Murni, Temerloh	7,097	677	1,957	9,731
JUMLAH	**7,182**	**1,545**	**3,244**	**11,971**

Nota : ***TM - Tiada Maklumat*** ***TB - Belum Didaftarkan Sebagai Homestay***

17.4.3.3. Berdasarkan maklum balas daripada Persatuan *Homestay* Malaysia dan penyelaras, pengagihan penempatan pelajar yang tidak serata ini antara lainnya disebabkan kekurangan kemudahan/kemudahan kurang sempurna di rumah *Homestay* seperti tandas/bilik air/bilik tidur dan tidak dapat menguruskan jumlah pelajar yang ramai kerana bilangan bilik tidak mencukupi.

17.5. SYOR AUDIT

Objektif program *Homestay* tidak akan dicapai sepenuhnya jika kelemahan dalam perancangan, pelaksanaan dan pemantauan program ini tidak diatasi dengan segera, Oleh itu, adalah disyorkan supaya Kementerian Pelancongan (Kementerian) dan agensi pelaksana melaksanakan perkara-perkara berikut :-

17.5.1. Kementerian perlu memastikan satu garis panduan yang menyeluruh dikeluarkan untuk menjelaskan peranan dan tanggungjawab setiap pihak yang terlibat dalam pengurusan Program *Homestay.* Selain itu, Kementerian perlu sentiasa memastikan garis panduan yang disediakan berhubung pengeluaran Sijil Pendaftaran dipatuhi sebelum mengeluarkan sijil tersebut kepada peserta Program *Homestay*.

17.5.2. Reka bentuk bangunan yang akan dibina perlu diteliti dan dipastikan sesuai oleh pihak yang berkelayakan dan berkemahiran sebelum kelulusan dikeluarkan bagi memastikan setiap binaan adalah sesuai untuk digunakan. Agensi pelaksana juga hendaklah menjalankan pemantauan yang berterusan bagi memastikan kontraktor melaksanakan kerja mengikut spesifikasi yang ditetapkan.

KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN DAN KESEJAHTERAAN BANDAR

18. PROGRAM PEMBASMIAN KEMISKINAN BANDAR

18.1. LATAR BELAKANG

18.1.1. Program Pembasmian Kemiskinan Bandar (Program) telah dimulakan oleh Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan (Kementerian) pada bulan Jun 2006. Bagaimanapun mulai 1 Januari 2010, Bahagian Kemiskinan Bandar yang menguruskan program ini telah diletakkan di bawah Kementerian baru iaitu **Kementerian Wilayah Persekutuan Dan Kesejahteraan Bandar**. Matlamat program ini adalah untuk membasmi kemiskinan tegar dan mengurangkan kemiskinan keseluruhan kepada 2.8% menjelang tahun 2010 seperti yang digariskan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (2006 - 2010). Objektif khusus program adalah seperti berikut :-

a. Membantu mengurangkan beban tanggungan keluarga melalui bantuan sewa rumah, bantuan kos jagaan kanak-kanak, bantuan kos kemasukan sekolah, bantuan pendidikan dan latihan, bantuan kos rawatan dialisis, bantuan kos pengangkutan ke sekolah dan ke tempat kerja.

b. Memotivasi keluarga ke arah kehidupan yang berkualiti melalui latihan dan kemahiran serta mewujudkan peluang-peluang pekerjaan dan perniagaan.

c. Memperkasakan keluarga melalui projek motivasi dan bina hubungan sosial.

d. Membina jati diri dan keluarga bermaklumat melalui penyertaan di dalam projek-projek yang dianjurkan di pusat sejahtera dan penyediaan pangkalan data/ maklumat kemiskinan bandar.

18.1.2. Golongan sasaran bagi program ini terdiri daripada keluarga miskin bandar yang mempunyai pendapatan (household income) kurang daripada Pendapatan Garis Kemiskinan yang ditetapkan. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 18.1
PENDAPATAN GARIS KEMISKINAN BAGI KAWASAN BANDAR

LOKASI	MISKIN		MISKIN TEGAR	
	PENDAPATAN ISI RUMAH SEBULAN (RM)	PENDAPATAN PER KAPITA SEBULAN (RM)	PENDAPATAN ISI RUMAH SEBULAN (RM)	PENDAPATAN PER KAPITA SEBULAN (RM)
Semenanjung	740	185	420	100
Sabah	970	200	540	110
Sarawak	860	190	530	120

Sumber Maklumat : Bahagian Kemiskinan Bandar - Oktober 2007

Nota :

- ***Pendapatan isi rumah merujuk kepada jumlah pendapatan yang diperolehi oleh semua ahli isi rumah iaitu pendapatan ibu dan bapa/penjaga, anak-anak yang tinggal bersama, bantuan/sumbangan tetap dari agensi atau pihak swasta, bantuan daripada anak-anak yang bekerja atau tinggal berasingan, hasil jualan pertanian dan lain-lain pendapatan/bantuan tetap dalam sebulan.***
- ***Pendapatan per kapita pula merujuk kepada pendapatan purata isi rumah dengan mengambil kira bilangan tanggungan atau ahli isi rumah. Perkiraan per kapita hanya akan diambil kira apabila pendapatan keluarga melebihi Pendapatan Garis Kemiskinan isi rumah.***

18.1.3. Sehingga 31 Disember 2009, seramai 110,017 orang telah menerima bantuan di bawah program ini yang melibatkan perbelanjaan berjumlah RM95.40 juta. Bagi tempoh tahun 2006 hingga 2009, terdapat 4 projek utama yang telah dilaksanakan di bawah program ini melibatkan perbelanjaan berjumlah RM94.33 juta. Projek-projek tersebut adalah seperti berikut :-

a. **Perumahan Keluarga Miskin** - Melalui projek ini, bantuan sewa rumah sebanyak RM124 atau kadar sewa bilik sebanyak RM70 sebulan diberi kepada penerima bantuan. Bagi tempoh tahun 2006 hingga 2009, seramai 14,047 ketua isi rumah telah menerima bantuan melibatkan perbelanjaan berjumlah RM44.23 juta.

b. **Pengurangan Beban Tanggungan Keluarga** - Melalui projek ini, bantuan yang diberi kepada penerima yang layak adalah bantuan kemasukan ke sekolah iaitu untuk membeli pakaian atau peralatan sekolah berjumlah RM200 untuk pelajar sekolah rendah dan RM250 untuk sekolah menengah; bantuan kepada pelajar di Institusi Pengajian Tinggi berjumlah RM1,000 diberi secara *one-off;* bantuan kos jagaan setiap anak yang dihantar ke taska atau tadika berjumlah RM200 sebulan; bantuan kos pengangkutan untuk anak ke sekolah berjumlah RM30 sebulan dan RM50 sebulan untuk ibu ke tempat kerja. Selain itu, projek ini juga memberi bantuan sejumlah RM60 kepada penerima yang menghidap penyakit buah pinggang setiap kali menjalani rawatan dialisis. Bagi tempoh tahun 2006 hingga 2009, seramai 92,813 orang menerima bantuan ini yang melibatkan perbelanjaan berjumlah RM44.94 juta.

c. **Bantuan Bagi Pendidikan Dan Latihan** - Terdapat 2 jenis bantuan di bawah projek ini iaitu bantuan latihan kemahiran dan latihan program motivasi. Jumlah bantuan yang diberi adalah bergantung kepada yuran penyertaan sebenar yang ditetapkan oleh penganjur. Bagi tempoh tahun 2006 hingga 2009, seramai 2,177 orang menerima bantuan ini yang melibatkan perbelanjaan berjumlah RM1.37 juta.

d. **Bantuan Ehsan Penduduk Miskin Bandar** - Bantuan ini diberi kepada mereka yang diberhentikan kerja, musnah tempat kediaman, hilang upaya akibat kemalangan, kematian ketua keluarga dan musnah tempat bekerja. Setiap keluarga miskin tegar akan dibayar secara *one-off* sebanyak RM3,000 manakala keluarga miskin sebanyak RM2,000. Bagi tempoh tahun 2006 hingga 2009, seramai 3,157 orang menerima bantuan ini yang melibatkan perbelanjaan berjumlah RM3.79 juta.

18.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada projek-projek di bawah Program Pembasmian Kemiskinan Bandar telah dilaksanakan dengan teratur dan berhemat serta dinikmati oleh golongan sasaran.

18.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan dilaksanakan dengan menyemak dokumen dan rekod-rekod berkaitan dengan pemberian bantuan kepada keluarga miskin di bawah Program Pembasmian

Kemiskinan Bandar bagi tempoh tahun 2007 sehingga 2009 di Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan, Pejabat Pembangunan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang berkaitan. Bilangan sampel yang dipilih adalah 476 penerima bantuan di Pejabat Pembangunan Daerah Petaling, Selangor serta di 14 PBT di Negeri Perak, Kedah, Sabah dan Terengganu. Di samping itu, temu bual juga diadakan dengan pegawai-pegawai yang berkenaan dan penerima bantuan yang dipilih.

18.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Mei hingga September 2009 mendapati **pada umumnya bantuan yang diberi di bawah Program Pembasmian Kemiskinan Bandar telah dapat meringankan kos sara hidup keluarga miskin bandar. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan dalam pengurusan program ini seperti bantuan mengambil masa antara 9 hingga 501 hari untuk diagihkan; tidak semua bantuan sampai kepada golongan sasaran dan kelemahan dalam pengurusan dana.** Penjelasan lanjut mengenai perkara yang ditemui adalah seperti di perenggan-perenggan berikut :-

18.4.1. Tempoh Masa Pengagihan Bantuan

18.4.1.1. Permohonan bantuan perlu dikemukakan melalui PBT kepada Kementerian untuk kelulusan. Setelah ia diluluskan, Kementerian akan mengemukakan senarai nama pemohon bersama-sama dengan peruntukan kepada PBT untuk diagihkan kepada pemohon yang berjaya. Bagaimanapun bagi Negeri Selangor, Kedah dan Pulau Pinang, tanggungjawab pengagihan bantuan telah diserahkan kepada Pejabat Pembangunan Negeri (PPN) mulai bulan September 2008. Semakan Audit terhadap surat kelulusan bantuan yang dikemukakan kepada PBT/PPN mendapati Kementerian hanya mengarahkan bantuan diagihkan **secepat mungkin**. Analisis yang dibuat terhadap tempoh masa pengagihan bantuan bagi tahun 2007, 2008 dan 2009 mendapati PBT/PPN **mengagihkan bantuan ini antara 9 hingga 501 hari dari tarikh agensi itu menerima peruntukan daripada Kementerian.** Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 18.2
TEMPOH MASA MENGAGIHKAN BANTUAN
KEPADA PENERIMA BAGI TAHUN 2007, 2008 DAN 2009

NEGERI	PIHAK BERKUASA TEMPATAN/PEJABAT PEMBANGUNAN NEGERI	2007 DAN 2008		2009	
		AMAUN PERUNTUKAN (RM)	TEMPOH PENGAGIHAN (HARI)	AMAUN PERUNTUKAN (RM)	TEMPOH PENGAGIHAN (HARI)
Perak	Majlis Daerah Perak Tengah	81,142	9 - 19	Tiada	-
	Majlis Perbandaran Teluk Intan	297,716	21 - 147	97,722	90 - 109
	Majlis Daerah Taiping	180,975	23 - 62	357,296	101 - 148
Johor	Majlis Bandaraya Johor Bahru	224,168	Bayaran Secara Bulanan	243,522	46 - 88
	Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah	191,104	36 - 241	165,720	19 - 83
	Majlis Perbandaran Muar	326,442	15 - 66	208,382	48 - 100

NEGERI	PIHAK BERKUASA TEMPATAN/PEJABAT PEMBANGUNAN NEGERI	2007 DAN 2008		2009	
		AMAUN PERUNTUKAN (RM)	TEMPOH PENGAGIHAN (HARI)	AMAUN PERUNTUKAN (RM)	TEMPOH PENGAGIHAN (HARI)
Terengganu	Majlis Bandaraya Kuala Terengganu	749,658	80 - 158	1,727,618	16 - 88
	Majlis Perbandaran Kemaman	319,596	34 - 121	771,366	21 - 122
	Majlis Daerah Marang	310,848	34 - 96	729,032	15 - 69
Sabah	Dewan Bandaraya Kota Kinabalu	2,428,249	16 - 196	346,132	46 - 237
	Majlis Perbandaran Tawau	2,394,469	79 - 501	824,606	23 - 146
Kedah	Majlis Bandaraya Alor Setar	266,984	29 - 238	31,864	43 - 70
	Majlis Perbandaran Sungai Petani	634,734	24 - 214	581,170	51 - 116
	Majlis Daerah Baling	432,024	28 - 155	438,746	37
Selangor	Pejabat Pembangunan Daerah Petaling	185,968	61 - 81	168,228	17 - 87

18.4.1.2. Berdasarkan maklum balas yang diterima daripada PBT/PPN, **kelewatan pengagihan ini adalah disebabkan oleh masalah mengesan pemohon kerana alamat yang tidak lengkap dan bagi pemohon yang meninggal dunia dan bercerai, PBT/PPN perlu mendapat kelulusan Kementerian terlebih dahulu sebelum mengagihkan bantuan kepada waris. Selain itu kelewatan menyerahkan bantuan ada kalanya disebabkan kesukaran PBT/PPN mendapatkan masa yang sesuai bagi mengadakan majlis penyerahannya.**

18.4.1.3. Mengikut arahan Kementerian, PBT perlu mengemukakan pengesahan permohonan baru dan permohonan sambungan kepada Kementerian pada bulan Disember tahun semasa untuk bantuan tahun berikutnya. Pemeriksaan Audit mendapati ada PBT yang lewat mengemukakan pengesahan permohonan dan ini menyebabkan bantuan tersebut lewat diagihkan kepada penerima. Sebagai contoh, Majlis Bandaraya Alor Setar hanya mengemukakan permohonan sambungan bantuan berjumlah RM95,584 bagi 134 penerima dan 45 permohonan bantuan baru berjumlah RM42,502 bagi tahun 2008 kepada Kementerian pada 8 Jun 2009. Manakala Majlis Daerah Baling pula sehingga tarikh pengauditan pada bulan Julai tahun 2009 **masih belum mengemukakan permohonan untuk menyambung bantuan tahun 2009 kepada 292 ketua isi rumah melibatkan bantuan berjumlah RM428,536.**

18.4.1.4. Untuk mengatasi masalah pengagihan wang bantuan, beberapa penambahbaikan telah dan sedang dirancang oleh Kementerian Wilayah Persekutuan Dan Kesejahteraan Bandar seperti berikut :-

a. Senarai penerima bantuan yang telah diluluskan dilengkapkan dengan alamat dan nombor telefon bagi memudahkan pengesanan oleh PBT/PPN.

b. Bagi pemohon yang mendiami rumah milik Majlis, Kerajaan Negeri atau Agensi Kerajaan, Kementerian akan menyalurkan bantuan sewaan secara terus kepada agensi berkenaan.

c. Membuat pembahagian tugas pegawai Kementerian mengikut zon.

d. Menggunakan daftar e-Kasih sepenuhnya untuk meluluskan bantuan kepada pemohon.

Pada pandangan Audit, bagi mengelakkan tempoh masa yang lama diambil untuk mengagihkan bantuan, Kementerian patut menetapkan norma masa pengagihan. PBT/PPN juga hendaklah diminta mengemukakan semua permohonan baru setiap suku tahun dan mengemukakan permohonan untuk menyambung bantuan ke tahun seterusnya selewat-lewatnya pada bulan Disember.

18.4.2. Bantuan Diluluskan Kepada Mereka Yang Tidak Layak/Diragui Kelayakannya

Kementerian telah menetapkan beberapa syarat yang melayakkan pemohon diluluskan bantuan ini. Antara syarat tersebut adalah pemohon mestilah Warganegara Malaysia dan mempunyai pendapatan isi rumah/keluarga bulanan kurang daripada Pendapatan Garis Kemiskinan di bandar. Adalah menjadi tanggungjawab PBT/PPN untuk menyemak dan menentukan status kewarganegaraan pemohon kerana setiap permohonan akan diperakukan oleh Jawatankuasa Program Pembasmian Kemiskinan Bandar di PBT terlibat. Namun demikian, semakan Audit mendapati ada **bantuan diberi kepada mereka yang tidak layak**. Berikut diberikan beberapa contohnya :-

18.4.2.1. Pihak Audit telah mengemukakan senarai nama berserta nombor kad pengenalan penerima bantuan yang diragui status kewarganegaraan kepada Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) untuk tujuan pengesahan. Mengikut rekod JPN, 7 daripada 476 penerima yang menerima bantuan berjumlah RM7,874 adalah bukan Warganegara Malaysia. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 18.3
PENERIMA BANTUAN BUKAN WARGANEGARA MALAYSIA


PIHAK BERKUASA TEMPATAN	BILANGAN PENERIMA BANTUAN	JENIS BANTUAN	JUMLAH (RM)
Majlis Daerah Tawau	1	Bantuan sewa rumah	1,488
Majlis Perbandaran Teluk Intan	1	Bantuan sekolah	450
Majlis Perbandaran Sungai Petani	1	i. Bantuan sewa rumah ii. Bantuan sekolah iii. Pengangkutan ke sekolah	1,488 450 480
	1	Bantuan sewa rumah	1,080
Majlis Daerah Marang	2	Bantuan sekolah	950
Majlis Perbandaran Kemaman	1	Bantuan sewa rumah	1,488
JUMLAH	**7**		**7,874**

18.4.2.2. Lawatan Audit ke rumah 110 penerima bantuan mendapati 4 penerima bantuan memiliki kereta, satu penerima memiliki kenderaan perniagaan dan 16 penerima melanggan perkhidmatan Astro. Ini menimbulkan keraguan terhadap kesahihan pendapatan yang dinyatakan dalam borang permohonan sama ada ia benar-benar di bawah Pendapatan Garis Kemiskinan. Butiran lanjut adalah seperti di gambar-gambar berikut :-

GAMBAR 18.1



GAMBAR 18.2



Majlis Daerah Marang
- Penerima Bantuan Mempunyai Lori Dan Permit Yang Didaftarkan Atas Namanya
(16.06.2009)

GAMBAR 18.3



GAMBAR 18.4



Majlis Bandaraya Kuala Terengganu
- Penerima Bantuan Mempunyai Kereta Jenis Perodua Kancil Dan Melanggan Perkhidmatan Astro
(15.06.2009)

GAMBAR 18.5



GAMBAR 18.6



Majlis Perbandaran Muar
- Penerima Bantuan Mempunyai Kereta Jenis Proton Wira Dan Melanggan Perkhidmatan Astro
(28.05. 2009)

GAMBAR 18.7



GAMBAR 18.8



Majlis Perbandaran Teluk Intan
- Penerima Bantuan Mempunyai Kereta Jenis Toyota Dan Melanggan Perkhidmatan Astro
(14.05.2009)

GAMBAR 18.9



GAMBAR 18.10



Majlis Bandaraya Kuala Terengganu
- Penerima Bantuan Melanggan Perkhidmatan Astro
(15.06.2009)



GAMBAR 18.11

Majlis Perbandaran Taiping
- Penerima Bantuan Memiliki Kereta
(22.07.2009)

18.4.2.3. **Kementerian dalam jawapannya mengakui bahawa pemeriksaan fizikal tidak dilakukan kerana pada tahun 2009 permohonan bantuan bagi program ini adalah terlalu banyak selain PBT/PPN juga menghadapi kekangan sumber manusia untuk menjalankan siasatan.** Mulai tahun 2010, bantuan yang disalurkan adalah berdasarkan **maklumat yang didaftarkan dalam sistem e-Kasih yang telah disahkan oleh Unit Penyelarasan Pelaksanaan dan Jabatan Perangkaan Malaysia**. Sehubungan ini, penerima bantuan yang didaftarkan oleh Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan (dahulu Bahagian Kemiskinan Bandar di bawah kementerian ini) akan diverifikasi terlebih dahulu oleh kedua-dua Jabatan berkaitan. **Pada pandangan Audit, bagi memastikan bantuan diberi kepada golongan sasaran, setiap permohonan hendaklah disemak dengan teliti dan maklumat berhubung dengan pemohon hendaklah disahkan oleh mereka yang telah dipertanggungjawabkan.**

18.4.3. Kelemahan Pengurusan Dana

18.4.3.1. Setiap PBT dan PPN perlu membuka **akaun khusus atas nama Program Pembasmian Kemiskinan Bandar** di mana-mana bank perdagangan dan menyimpan salinan penyata bulanan dari bank bagi tujuan perekodan dan penyemakan. Ia adalah bagi memudahkan kawalan dibuat terhadap peruntukan dan perbelanjaan di bawah program ini. Semakan Audit di 24 PBT mendapati **3 PBT iaitu Majlis Perbandaran Tawau, Majlis Perbandaran Selayang, Majlis Perbandaran Klang tidak membuka akaun khusus untuk program ini, sebaliknya menyimpan wang yang diterima di dalam akaun induk PBT berkenaan.** Ketidakpatuhan terhadap arahan ini telah menyukarkan pemeriksaan terhadap transaksi dan pengesahan baki dana program ini pada sesuatu masa. Selain daripada itu, pihak Audit juga tidak dapat mengesahkan sama ada wang bantuan yang diterima daripada Kementerian diagihkan sepenuhnya kepada penerima bantuan. Kementerian memaklumkan setelah mendapat teguran Audit, Majlis Perbandaran Tawau telah membuka akaun khusus atas nama Program Pembasmian Kemiskinan Bandar di Bank Islam Cawangan Tawau. Bagi Majlis Perbandaran Selayang dan Kelang, akaun khusus tidak dibuka pada masa ini kerana mulai bulan September 2008 bantuan telah disalurkan melalui PPN Selangor.

18.4.3.2. Pihak Berkuasa Tempatan perlu mengagihkan kesemua peruntukan yang diterima kepada penerima-penerima bantuan yang diluluskan oleh Kementerian. Walaupun begitu, terdapat peruntukan yang tidak dapat diagihkan disebabkan penerima bantuan telah berpindah, meninggal dunia atau telah melepasi Pendapatan Garis Kemiskinan. **Semakan mendapati setakat 31 Disember 2008, 13 PBT yang dipilih sebagai sampel Audit masih mempunyai baki peruntukan berjumlah RM319,305 yang belum diagihkan**. **Setelah mendapat teguran Audit, Kementerian bersetuju supaya baki peruntukan yang tidak dapat diagihkan diberi kepada pemohon-pemohon baru berdasarkan senarai e-Kasih dari PBT berkaitan.** Butiran lanjut mengenai baki peruntukan yang belum diagihkan adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 18.4
BAKI PERUNTUKAN BANTUAN YANG TIDAK DIAGIHKAN

PIHAK BERKUASA TEMPATAN	JUMLAH (RM)
Majlis Daerah Perak Tengah	4,464
Majlis Perbandaran Teluk Intan	11,550
Majlis Perbandaran Taiping	120
Majlis Bandaraya Johor Bahru	63,672
Majlis Perbandaran Muar	29,700
Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah	34,452
Majlis Bandaraya Kuala Terengganu	18,592
Majlis Daerah Marang	2,910
Majlis Perbandaran Kemaman	10,872

PIHAK BERKUASA TEMPATAN	JUMLAH (RM)
Majlis Perbandaran Tawau	31,940
Majlis Bandaraya Alor Setar	40,149
Majlis Daerah Baling	20,301
Majlis Perbandaran Sungai Petani	50,583
JUMLAH	**319,305**

18.4.3.3. Mulai bulan September 2008, bagi Pulau Pinang, Kedah, dan Selangor, penyaluran peruntukan Program Pembasmian Kemiskinan Bandar melalui PBT telah ditamatkan. Sebaliknya Pejabat Pembangunan Negeri telah ditugaskan untuk menyalurkan bantuan tersebut. Semakan Audit mendapati setakat 31 Disember 2008, jumlah peruntukan yang masih disimpan dalam akaun khusus Program Pembasmian Kemiskinan Bandar bagi PBT di Pulau Pinang, Kedah dan Selangor adalah berjumlah RM983,658. **Bagaimanapun, tiada arahan dikeluarkan oleh Kementerian kepada PBT di 3 negeri tersebut untuk menyerahkan baki peruntukan sama ada kepada Kementerian atau Pejabat Pembangunan Negeri terlibat**. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 18.5**. Mengikut ulasan Kementerian, surat telah dikeluarkan kepada PBT berkenaan pada 10 November 2009 supaya mengembalikan lebihan wang peruntukan ini. Setakat bulan Jun 2010, Majlis Bandaraya Alor Setar, Majlis Perbandaran Kajang, Majlis Daerah Machang, Majlis Perbandaran Sungai Petani, Majlis Perbandaran Pulau Pinang dan Pejabat Pembangunan Negeri Pulau Pinang telah mengembalikan wang lebihan tersebut. Surat ulangan dan peringatan telah dihantar kepada PBT lain yang belum berbuat demikian.

JADUAL 18.5
BAKI PERUNTUKAN BANTUAN DALAM AKAUN PBT SELANGOR, KEDAH DAN PULAU PINANG SETAKAT 31 DISEMBER 2008

NEGERI	PIHAK BERKUASA TEMPATAN	BAKI (RM)
Selangor	Majlis Perbandaran Ampang Jaya	6,055
	Majlis Bandaraya Shah Alam	1,524
	Majlis Perbandaran Klang	16,972
	Majlis Daerah Kuala Langat	1,905
	Majlis Perbandaran Sepang	1,668
	Majlis Perbandaran Subang Jaya	275,628
	Majlis Perbandaran Kajang	38,981
	Majlis Daerah Kuala Selangor	30,869
	Majlis Daerah Sabak Bernam	3,759
	Majlis Perbandaran Selayang	25,938
Kedah	Majlis Bandaraya Alor Setar	40,149
	Majlis Daerah Baling	431,294
	Majlis Perbandaran Sungai Petani	50,583
	Majlis Daerah Yan	1,200

NEGERI	PIHAK BERKUASA TEMPATAN	BAKI (RM)
	Majlis Perbandaran Langkawi	5,932
	Majlis Daerah Kubang Pasu	3,441
	Majlis Daerah Sik	5,000
	Majlis Daerah Pendang	Tidak dapat dipastikan kerana akaun khusus Program Pembasmian Kemiskinan Bandar bercampur dengan akaun Majlis
Pulau Pinang	Majlis Perbandaran Pulau Pinang	6,716
	Majlis Perbandaran Seberang Perai	36,044
JUMLAH		**983,658**

18.4.4. Kajian Penilaian Oleh Kementerian

18.4.4.1. Penilaian *outcome* terhadap Program Pembasmian Kemiskinan Bandar telah dijalankan oleh Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan pada pertengahan tahun 2008. Hasil daripada penilaian ini mendapati bantuan-bantuan yang disalurkan melalui program ini telah dapat meningkatkan pendapatan isi rumah di mana 56.4% mempunyai pendapatan bulanan antara RM451 hingga RM1,001 manakala 43.6% lagi kurang daripada RM450. Bantuan yang diterima juga meningkatkan keupayaan berbelanja ke atas keperluan lain seperti makanan (75.5%), pendidikan (70%), perubatan (63.8%) dan pakaian (53.3%). Melalui kajian ini, beberapa aspek penambahbaikan telah dicadangkan seperti berikut :-

a. Menaikkan kadar bantuan sewa rumah daripada RM124 sebulan kepada RM200 sebulan.

b. Memberi bantuan membaik pulih rumah kepada keluarga miskin yang memiliki rumah sendiri supaya lebih selesa dan selamat untuk didiami.

c. Memberi bantuan peralatan perniagaan atau modal pusingan bagi memulakan perniagaan kecil dan aktiviti penjanaan pendapatan berasaskan kemahiran dan kebolehan. Bantuan juga boleh diberi untuk menjalankan aktiviti pertanian, perikanan dan industri asas tani dengan kerjasama agensi-agensi yang berkaitan.

d. Memberi latihan dan kemahiran kepada peserta yang berminat mengikuti kursus/latihan kemahiran dengan agensi awam atau swasta dengan kos latihan dan sara hidup ditanggung di bawah program ini.

18.4.4.2. Menurut jawapan yang diterima, berikutan perpindahan program dan Bahagian Kemiskinan Bandar ke Kementerian Wilayah Persekutuan Dan Kesejahteraan Bandar (KWPKB) mulai 1 Januari 2010, KWPKB telah bersetuju untuk memberi bantuan peralatan perniagaan dan memperhebatkan latihan kemahiran pada tahun 2010. Bagaimanapun kadar bantuan sewa rumah dikekalkan manakala bantuan baik pulih rumah akan diambil kira pada tahun 2011.

18.5. SYOR AUDIT

Bagi memastikan program ini dapat mencapai objektif yang ditetapkan dengan sepenuhnya, Kementerian Wilayah Persekutuan Dan Kesejahteraan Bandar (Kementerian) yang telah mengambil alih pengurusan program ini disyorkan supaya mengambil tindakan terhadap perkara-perkara berikut :-

18.5.1. Bagi memastikan pemohon menerima agihan dengan secepat mungkin, Kementerian patut menetapkan norma masa pengagihan. PBT/PPN hendaklah diminta mengemukakan semua permohonan baru pada setiap suku tahun dan mengemukakan permohonan untuk menyambung bantuan ke tahun seterusnya selewat-lewatnya pada bulan Disember.

18.5.2. Bagi memastikan bantuan diberi kepada golongan sasaran, setiap permohonan hendaklah disemak dengan teliti dan maklumat berhubung dengan pemohon hendaklah disahkan oleh pihak yang dipertanggungjawabkan.

18.5.3. Mewujudkan jawatan khas di PBT bagi menguruskan program ini terutama bagi membolehkan aktiviti mengenal pasti keluarga miskin dapat dijalankan dengan kerap dari semasa ke semasa.

18.5.4. Mengadakan projek menjana pendapatan yang bertujuan untuk memberi peluang kepada keluarga miskin melibatkan diri dalam bidang perniagaan dan keusahawanan. Projek-projek yang sedia ada lebih merupakan projek memberi bantuan bagi meringankan beban tanggungan bukannya untuk menjana pendapatan keluarga miskin. Dengan ini akan mengurangkan beban kewangan Kerajaan dalam tempoh jangka panjang yang mana bantuan-bantuan yang diberi dapat dikurangkan atau diberhentikan.

18.5.5. Meningkatkan aktiviti pemantauan terhadap PBT dengan cara mengadakan dialog dan mesyuarat serta menekankan keperluan PBT untuk melaporkan kedudukan kewangan setiap kali peruntukan disalurkan kepada mereka.

KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN DAN KESEJAHTERAAN BANDAR

19. DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR
- PENGURUSAN PERUMAHAN AWAM

19.1. LATAR BELAKANG

19.1.1. Mengikut Undang-undang Kecil Perumahan Awam (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 2000, perumahan awam bermaksud sesuatu bangunan yang didirikan oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur untuk disewa kepada orang awam. Sehingga bulan Mei 2009, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menguruskan 28,839 unit rumah untuk disewakan. Selain itu, DBKL juga diminta oleh Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan untuk menguruskan penyewaan dan penyenggaraan 27,102 unit rumah yang dibina melalui peruntukan Kerajaan Persekutuan di bawah Program Perumahan Rakyat (PPR) bagi menempatkan semula penduduk setinggan. Kadar sewa rumah yang ditetapkan adalah antara RM94 hingga RM218 sebulan mengikut jenis rumah yang ditawarkan.

19.1.2. Pengurusan perumahan awam DBKL adalah di bawah tanggungjawab Jabatan Pengurusan Perumahan (JPP), DBKL. JPP diketuai oleh seorang Pengarah Gred N54 dan dibantu oleh 2 Timbalan Pengarah Gred N52 dan Gred N48 masing-masingnya serta 393 pegawai/kakitangan tetap, 630 pegawai/kakitangan kontrak serta 27 pegawai/kakitangan yang dipinjamkan daripada jabatan lain. Bagi menguruskan aktivitinya, JPP dibahagikan kepada 10 bahagian. Selain itu, JPP juga telah menubuhkan 4 pejabat zon di 98 kawasan perumahan mengikut kawasan Parlimen. Antara fungsi JPP adalah seperti berikut :-

a. Mengurus dan menyenggara keseluruhan perumahan awam DBKL, Program Perumahan Rakyat dan rumah untuk dijual.
b. Mengurus pendaftaran sewa dan jual melalui Sistem Pendaftaran Terbuka (SPT)/ePerumahan.
c. Menguruskan pemilihan dan tawaran kemasukan penyewa yang layak.
d. Menguruskan pemindahan setinggan.

19.1.3. Bagi tempoh tahun 2007 hingga 2009, DBKL telah memperuntukkan sejumlah RM562.07 juta untuk tujuan pengurusan perumahan awam. Daripada jumlah tersebut, sejumlah RM478.05 juta telah dibelanjakan pada akhir bulan Disember 2009. Bagi tempoh yang sama, sejumlah RM210.86 juta telah dikutip oleh DBKL daripada sewaan perumahan awam tersebut.

19.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada DBKL telah menguruskan perumahan awam dengan cekap dan berkesan serta kemudahan perumahan ini dinikmati oleh kumpulan sasaran.

19.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan dengan menyemak rekod dan dokumen berkaitan bagi tempoh tahun 2007 hingga 2009 di JPP dan pejabat zon. Di peringkat pejabat zon, sebanyak 258 fail penghuni bagi kawasan perumahan awam iaitu PPR Laksamana, PPR Perkasa dan PPR Seri Alam serta Perumahan Awam (PA) Seri Tioman 1 dan PA Seri Negeri Sembilan telah dipilih untuk disemak. Lawatan juga telah dibuat ke kawasan-kawasan perumahan tersebut untuk menentukan sama ada pengurusan/kerja penyenggaraannya telah dilaksanakan dengan baik. Soal selidik juga telah diedarkan kepada penghuni untuk mendapat maklum balas terhadap tahap kemudahan dan perkhidmatan yang disediakan oleh DBKL.

19.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Julai hingga September 2009 mendapati **secara keseluruhannya, DBKL telah dapat menyewakan 99% daripada perumahan awamnya dan 98.7% daripada PPR. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan seperti aduan-aduan kerosakan tidak diperbaiki segera yang boleh menjejaskan keselesaan/keselamatan penghuni dan kelemahan penguatkuasaan terhadap syarat-syarat perjanjian sewaan telah menyebabkan jumlah tunggakan sewa meningkat daripada RM29.45 juta pada tahun 2008 kepada RM37.76 juta pada tahun 2009. Pihak Audit juga tidak dapat mengesahkan sama ada mereka yang diluluskan untuk menyewa rumah-rumah berkenaan telah memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan kerana maklumat mengenainya tidak dapat diperolehi.** Penjelasan lanjut mengenai perkara yang diperhatikan adalah seperti di perenggan-perenggan berikut :-

19.4.1. Kelayakan Penyewa Tidak Dapat Disahkan

19.4.1.1. DBKL telah menetapkan supaya orang awam yang ingin memohon menyewa perumahan awam DBKL perlu memenuhi syarat dan antaranya adalah seperti berikut :-

a. Suami dan isteri Warganegara Malaysia.
b. Berdaftar dengan Jabatan Pengurusan Perumahan melalui Sistem Pendaftaran Terbuka atau ePerumahan.
c. Pendapatan terkumpul suami dan isteri hendaklah antara RM300 hingga RM2,000 sebulan bagi rumah kos rendah dan antara RM1,500 hingga RM3,500 sebulan bagi rumah kos sederhana rendah.

19.4.1.2. Bagi menempatkan semula penduduk setinggan, DBKL akan memperuntukkan rumah mengikut Senarai Bancian Setinggan. Penduduk yang layak hendaklah memenuhi syarat yang ditetapkan antaranya ialah suami dan isteri mestilah Warganegara Malaysia dan mengemukakan borang permohonan berserta dengan dokumen sokongan.

19.4.1.3. Semakan Audit terhadap 258 fail ketua penyewa bagi kawasan PA Seri Negeri Sembilan dan PA Seri Tioman 1 serta PPR Laksamana, PPR Perkasa dan PPR Seri Alam mendapati penghuni yang menduduki PA Seri Negeri Sembilan, PA Seri Tioman 1 dan PPR Seri Alam telah mematuhi kriteria

yang ditetapkan kecuali **PPR Laksamana dan PPR Perkasa di mana status kelayakan penghuni tidak dapat disahkan kerana Senarai Bancian Penduduk dan borang permohonan berserta dokumen sokongan seperti salinan kad pengenalan tidak diperolehi.** Berdasarkan maklum balas daripada DBKL, setiap fail mula dimasukkan dengan senarai bancian setinggan dan minit mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Perumahan Awam secara berperingkat dan dijangka selesai pada akhir tahun 2010.

19.4.2. Penyenggaraan Perumahan Awam Kurang Memuaskan

19.4.2.1. Bagi tempoh tahun 2007 hingga 2009, DBKL telah melantik 192 kontraktor untuk menjalankan kerja-kerja penyenggaraan perumahan awam dengan nilai kontrak keseluruhannya berjumlah RM358.13 juta. Penyenggaraan yang dijalankan adalah penyenggaraan pembaikan dan penyenggaraan pencegahan. Penyenggaraan pencegahan dilaksanakan secara berjadual seperti penyenggaraan bulanan bagi lif, pam air, *spiral waste bin* dan janakuasa tunggu sedia (standby) manakala penyenggaraan pembaikan pula dibuat berdasarkan laporan atau aduan yang diterima. Semakan Audit mendapati sungguhpun kerja-kerja penyenggaraan perumahan awam ada dijalankan, namun DBKL memberi lebih keutamaan kepada kerja-kerja penyenggaraan pembaikan terhadap kes-kes kecemasan. Antara kerja baik pulih yang dikategorikan sebagai kes kecemasan ialah paip pecah, saluran najis tersumbat, tandas tersumbat, tiada bekalan elektrik, lif rosak dan kerosakan pam.

19.4.2.2. Mengikut Garis Panduan Kerja Penyenggaraan Perumahan Awam DBKL, Arahan Kerja hendaklah dikeluarkan sebelum sesuatu kerja dimulakan kecuali bagi kes kecemasan. Antara lain, Arahan Kerja yang dikeluarkan perlu mengandungi butiran kerja yang hendak dibuat, tempoh kerja disiapkan dan kos yang terlibat. Ini adalah untuk tujuan pemantauan dan bagi memastikan peruntukan adalah mencukupi. Juruteknik/Pembantu Teknik hendaklah membuat pengesahan dalam tempoh 14 hari dari tarikh siap kerja. Manakala kontraktor hendaklah menyerahkan invois ke JPP dalam tempoh 14 hari dari tarikh pengesahan siap kerja. Semakan Audit terhadap 191 Arahan Kerja bernilai RM1.40 juta mendapati perkara berikut :-

a. Sejumlah 11 kes di mana kerja bernilai RM222,147 telah dibuat sebelum Arahan Kerja dikeluarkan. **Kelewatan mengeluarkan Arahan Kerja adalah antara 8 hingga 766 hari.** Bagaimanapun, kerja-kerja tersebut telah disahkan memuaskan oleh DBKL. Berdasarkan maklum balas daripada DBKL, kelewatan mengeluarkan Arahan Kerja adalah kerana proses pengeluaran Arahan Kerja mengambil sedikit masa terutamanya untuk menilai kos pembaikan berdasarkan kerosakan sebenar, sedangkan kerosakan perlu dibaiki segera. DBKL telah mengambil tindakan dengan mengeluarkan Arahan Kerja Sementara sebelum kerja dilaksanakan. Arahan Kerja sebenar yang lengkap akan dikeluarkan semasa kerja dijalankan. Bagaimanapun, **bagi mengawal penggunaan peruntukan dan prestasi kontraktor, DBKL perlu memastikan Arahan Kerja Sementara dilengkapkan dengan anggaran kos, skop kerja dan tempoh pembaikan.**

b. **Sejumlah 24 kes melibatkan nilai kerja berjumlah RM554,596 bagi zon 1 dan 4 disahkan siap antara 52 hingga 325 hari dari tarikh siap kerja. Manakala 16 kes yang melibatkan nilai kerja berjumlah RM184,983 bagi zon 2 dan 3 tidak dapat dipastikan kerana tarikh pengesahan tidak dicatat dalam Arahan Kerja berkenaan**. Kelewatan tersebut menyebabkan kontraktor lewat mengemukakan invois dan seterusnya lewat mendapat bayaran terhadap kerja yang telah dilaksanakan. Pihak Audit dimaklumkan antara sebabnya adalah beban kerja yang banyak kerana hanya seorang Pembantu Teknik dan antara 3 hingga 4 Juruteknik bagi setiap kerja mekanikal, elektrikal dan awam ditempatkan di setiap zon untuk menguruskan penyenggaraan terhadap antara 15,302 hingga 19,461 unit rumah. Bagaimanapun, beban tersebut akan berkurangan setelah 44,146 unit rumah dijual kepada orang awam mulai bulan November 2009.

c. Lima Arahan Kerja untuk kerja kalis air tandas/bilik air bernilai RM176,919 tidak dicatatkan dengan lengkap di mana **perihal kerja atau bahan bagi sejumlah RM81,231 tidak ditunjukkan dalam Arahan Kerja tersebut.** Oleh itu, pihak Audit tidak dapat mengesahkan ketepatan bayaran berjumlah RM81,231 tersebut. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 19.1
PERIHAL KERJA YANG TIDAK LENGKAP

ARAHAN KERJA		KOS KERJA YANG DIBUAT (RM)	PERIHAL KERJA/BAHAN YANG TIDAK DINYATAKAN (RM)	NOMBOR PESANAN
NOMBOR	TARIKH			
MAA/Z4/Seri Tioman 1/003	13.05.2008	33,177.21	15,230.88	4500287878
MAA/Z4/Seri Tioman 1/002	13.05.2008	36,856.90	16,923.20	4500287910
MAA/Z4/Seri Tioman 1/004	13.05.2008	29,485.52	13,538.56	4500287912
MAA/Z4/Seri Tioman 1/020	13.05.2008	18,428.45	8,461.60	4500292049
MBJ/Z4/Seri Tioman 1/003	21.05.2008	58,971.04	27,077.12	4500287914
JUMLAH		**176,919.12**	**81,231.36**	

d. **Terdapat 19 Arahan Kerja bernilai RM416,153 di mana tempoh kerja patut siap tidak dicatat di ruang yang disediakan pada Arahan Kerja yang berkenaan**. Oleh itu, pihak Audit tidak dapat memastikan sama ada kerja berkenaan telah disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan.

Pada pandangan Audit, Arahan Kerja yang dikeluarkan sebelum/semasa kerja dilaksanakan hendaklah diisi dengan lengkap untuk tujuan pemantauan.

19.4.2.3. Garis Panduan Penyenggaraan Perumahan Awam DBKL telah menetapkan tempoh baik pulih untuk kes kecemasan ialah serta merta hingga 2 hari dan untuk kes biasa antara 4 hingga 7 hari daripada tarikh aduan diterima. Semakan Audit mendapati sebanyak 4,460 aduan berhubung dengan pengurusan perumahan awam telah diterima pada tahun 2009. Bilangan aduan ini meningkat sebanyak 4,213 berbanding dengan tahun 2007 yang hanya berjumlah 247. Adalah didapati 3,357 (75.3%) daripada 4,460 aduan tersebut adalah melibatkan kerja-kerja penyenggaraan. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut :-


JADUAL 19.2
BILANGAN ADUAN YANG DITERIMA

JENIS ADUAN	TAHUN		
	2007	2008	2009
Penyenggaraan	131	269	3,357
Masalah Sewa/Caj Perkhidmatan/Air	5	45	755
Penguatkuasaan	45	119	133
Kebersihan Kawasan	29	69	60
Lain-lain	37	79	155
JUMLAH	**247**	**581**	**4,460**

19.4.2.4. Antara aduan yang diterima adalah berhubung dengan kerosakan lif, bekalan air dan saluran paip tersumbat serta bumbung/siling bocor. Semakan lanjut terhadap 100 kes aduan bagi tahun 2008 dan 2009 mendapati **33 kes aduan di mana JPP mengambil masa antara 11 hingga 257 hari untuk mengambil tindakan sungguhpun ada di antaranya merupakan kes kecemasan seperti saluran najis di tandas bocor dan paip pecah. Selain itu, didapati lif 2, Blok 4 PPR Seri Alam rosak semenjak 17 Oktober 2009 sungguhpun mengikut rekod, ia telah disenggarakan setiap bulan**. DBKL telah mengambil maklum tentang kelemahan kelewatan kerja baik pulih dan telah mewujudkan *Standard Operating Procedures* baru iaitu menetapkan tempoh masa bertindak (response time) mengikut jenis kerosakan iaitu 24 jam bagi kes kecemasan dan antara 3 hingga 14 hari bagi kes biasa daripada tarikh aduan diterima**. Pada pandangan Audit, memandangkan kelewatan membaik pulih kerosakan boleh membahayakan keselamatan dan keselesaan penghuni, DBKL perlu memastikan tempoh yang ditetapkan dalam melaksanakan kerja tersebut dipatuhi.**

19.4.2.5. Lawatan Audit ke 5 kawasan perumahan mendapati rumah-rumah yang telah dikosongkan oleh penyewa tidak disenggarakan. **Gambar 19.1 hingga 19.6** menunjukkan 5 unit rumah yang telah dikosongkan berada dalam keadaan yang kotor dan mengalami beberapa kerosakan. Rumah-rumah tersebut telah dikosongkan antara bulan Ogos 2008 hingga April 2009. Mengikut DBKL, kerja pembersihan/pembaikan rumah itu akan dibuat oleh kontraktor dalam tempoh seminggu dari tarikh tawaran diterima oleh penghuni baru. Bagaimanapun, beberapa tindakan telah diambil bagi mengawasi rumah-rumah yang kosong seperti mempercepatkan pengeluaran tawaran kepada penghuni yang baru (dalam tempoh 3 hari dari tarikh rumah siap dibaik pulih); memasang jeriji besi bagi mengelakkan vandalisme dan mempertingkatkan pengawasan terhadap rumah-rumah yang kosong dengan mengadakan rondaan yang lebih kerap. Selain itu DBKL juga menjalankan pemeriksaan bersama-sama dengan penyewa semasa mereka menyerahkan kembali kunci rumah. Penyewa diminta untuk membersihkan rumah sebelum menyerahkan kunci dan wang deposit penyewa akan dipotong jika terdapat kerosakan di dalam rumah. Bagaimanapun, dimaklumkan terdapat sebahagian penyewa yang mengosongkan rumah tanpa menyerahkan kunci secara teratur.

GAMBAR 19.1



GAMBAR 19.2



Unit 3-4-6, PPR Seri Alam
- Unit Kosong Yang Berkeadaan Kotor Sejak 01.04.2009
(09.09.2009)

GAMBAR 19.3



Unit B03-05, PPR Perkasa
- Unit Kosong Yang Berkeadaan Kotor Sejak 07.01.2009
(09.09.2009)

GAMBAR 19.4



Unit 69-02-07, PA Seri Negeri Sembilan
- Unit Kosong Yang Berkeadaan Kotor Sejak 16.02.2009
(10.09.2009)

GAMBAR 19.5



Unit 3-3-11, PPR Seri Alam
- Cermin Tingkap Di Unit Kosong Yang Telah Dipecahkan
(09.09.2009)

GAMBAR 19.6



Unit A-15-03, PPR Perkasa
- Pintu Bilik Di Unit Kosong Yang Dirosakkan Sejak 15.08.2008
(09.09.2009)

19.4.2.6. Adalah didapati beberapa kerosakan di dalam dan luar unit memerlukan tindakan pembaikan segera seperti di gambar-gambar berikut :-

GAMBAR 19.7



Unit C-12-15, PPR Laksamana
- Unit Terbakar Yang Belum Dibaiki
(03.03.2010)

GAMBAR 19.8



Unit C-13-11, PPR Laksamana
- Unit Terbakar Yang Belum Dibaiki
(03.03.2010)

GAMBAR 19.9



PPR Laksamana
- Kerosakan Bahu Jalan Akibat Dilanggar Kenderaan
(30.10.2009)

GAMBAR 19.10



Blok 65, PA Seri Negeri Sembilan
- Tangga Blok Yang Pecah
(10.09.2009)

GAMBAR 19.11



Blok 69, PA Seri Negeri Sembilan
- Kerosakan Pada Peti Surat
(10.09.2009)

GAMBAR 19.12



Blok 34, PA Seri Tioman 1
- Keretakan Pada Dinding Dan Siling Blok
(03.03.2010)

19.4.3. Tunggakan Sewa Dan Bayaran Bil Air

19.4.3.1. Mengikut syarat perjanjian, tindakan penguatkuasaan yang perlu diambil terhadap penyewa yang gagal membayar sewa dan bil air ialah :-

a. Mengeluarkan notis peringatan yang menetapkan bayaran sewa dan bil air perlu dibuat dalam tempoh 14 hari.

b. Mengeluarkan notis mengunci bekalan air (tempoh 30 hari untuk membuat bayaran) setelah gagal patuhi notis peringatan.

c. Mengeluarkan notis kunci unit (tempoh 7 hari untuk membuat bayaran) setelah gagal patuhi notis 30 hari.

d. Mengeluarkan Surat Penamatan Perjanjian Penyewaan (tempoh 30 hari untuk membuat bayaran).

19.4.3.2. Semakan Audit mendapati jumlah tunggakan sewa dan bayaran bil air kepada DBKL pada 31 Disember 2009 adalah berjumlah RM37.76 juta berbanding dengan tahun 2008 yang berjumlah RM29.45 juta. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM13.52 juta (35.8%) merupakan tunggakan melebihi 12 bulan. **Jadual 19.3** menunjukkan usia tunggakan sewa dan bayaran bil air. Berdasarkan maklum balas daripada DBKL, usaha-usaha yang berterusan telah diambil untuk memungut tunggakan sewa dan bayaran bil air. Akan tetapi, terdapat halangan-halangan yang menyebabkan tindakan penguatkuasaan

seperti mana yang termaktub dalam syarat perjanjian penyewaan tidak dapat dilaksanakan.

JADUAL 19.3
USIA TUNGGAKAN SEWA DAN BAYARAN BIL AIR SETAKAT 31 DISEMBER 2009

ZON	JUMLAH TUNGGAKAN SEWA DAN BIL AIR (RM Juta)	USIA TUNGGAKAN				
		<3 BULAN (RM Juta)	<6 BULAN (RM Juta)	<9 BULAN (RM Juta)	<12 BULAN (RM Juta)	>12 BULAN (RM Juta)
1	8.38	2.56	1.58	0.94	0.71	2.59
2	9.49	2.18	1.62	1.15	0.89	3.65
3	10.21	2.00	1.65	1.29	0.91	4.35
4	9.68	2.72	1.82	1.33	0.89	2.93
JUMLAH	**37.76**	**9.46**	**6.67**	**4.71**	**3.40**	**13.52**

19.4.3.3. Semakan Audit selanjutnya mendapati notis tunggakan dan Senarai Penyewa Yang Mempunyai Tunggakan Sewa 1 Bulan Ke Atas Dan Tunggakan Bil Air telah dikemukakan setiap bulan oleh Bahagian Kewangan, JPP kepada Bahagian Penguatkuasaan, JPP untuk tindakan lanjut. Namun demikian, pihak Audit tidak dapat menentukan **sejauh mana tindakan penguatkuasaan telah diambil oleh bahagian berkenaan terhadap setiap penyewa terbabit kerana tiada daftar disediakan untuk tujuan tersebut.** Selepas teguran Audit, DBKL memaklumkan Daftar Tunggakan telah diselenggarakan secara berperingkat mulai bulan April 2010.

19.4.4. Kelemahan Pengurusan Deposit

19.4.4.1. Mengikut Manual Prosedur Kerja DBKL, Laporan Unit Kosong akan disediakan oleh pejabat zon apabila penghuni menamatkan penyewaan unit berkenaan. Pelarasan deposit kepada akaun sewaan penghuni berkenaan akan dibuat selepas Bahagian Kewangan (Unit Sewa), JPP menerima Laporan Unit Kosong daripada pejabat zon. Sekiranya ada lebihan kredit hasil daripada pelarasan itu, Unit Sewa, JPP akan mengemukakan baucar bayaran kepada Jabatan Kewangan DBKL untuk diproses dan menyediakan cek bayaran lebihan kredit kepada bekas penyewa yang terlibat. Bagi tempoh tahun 2007 hingga bulan Jun 2009, didapati JPP telah mengemukakan baucar bayaran bernilai RM254,222 kepada Jabatan Kewangan DBKL **(Jadual 19.4).** Bagaimanapun**, JPP tidak memantau status pemulangan lebihan kredit tersebut kerana Jabatan Kewangan DBKL tidak memaklumkan kepada Unit Sewa, JPP tentang status pembayaran seperti bilangan dan maklumat penyewa yang telah terima cek atau sebaliknya.**

JADUAL 19.4
LEBIHAN KREDIT YANG DIPULANGKAN BAGI TEMPOH TAHUN 2007 HINGGA 2009

TAHUN	PEMULANGAN LEBIHAN KREDIT (RM)
2007	109,123
2008	71,752
2009 (setakat bulan Jun)	73,347
JUMLAH	**254,222**

19.4.4.2. Mengikut rekod DBKL, **lebihan kredit bagi bekas penyewa yang tidak dikembalikan telah meningkat daripada sejumlah RM589,941 pada tahun 2007 kepada RM763,305 pada tahun 2008**. Keadaan ini berlaku kerana ada bekas penyewa tidak menuntut lebihan kredit itu atau mereka gagal dikesan disebabkan alamat/nombor telefon terkini bekas penyewa tidak diketahui. Selepas teguran Audit, DBKL telah mensyaratkan bahawa penyewa baru perlu mengemukakan alamat tetap yang lain untuk tujuan surat-menyurat.

Pada pandangan Audit, usaha perlu diambil bagi mengembalikan lebihan kredit (sekiranya ada) kepada bekas penyewa. Koordinasi antara Jabatan Kewangan DBKL dan Unit Sewa JPP adalah diperlukan bagi memantau status pemulangan lebihan kredit.

19.4.5. Kelemahan Penguatkuasaan Dan Pemantauan

19.4.5.1. DBKL telah menempatkan seorang atau 2 orang Pelawat Perumahan di setiap kawasan bagi memastikan penghuni mematuhi syarat perjanjian. Antara tugasnya adalah menjalankan bancian bagi memastikan ketua penyewa menetap di rumah berkenaan dan rumah tidak diduduki oleh pihak lain tanpa izin. Bagaimanapun, **tiada norma masa ditetapkan oleh DBKL untuk menjalankan bancian tersebut.** Semakan Audit terhadap 258 fail mendapati 184 rumah telah dibuat bancian antara 1 hingga 7 kali manakala bagi **74 rumah yang lain, tiada bukti yang menunjukkan bahawa bancian pernah dibuat. Didapati kesemua rumah tersebut mula diduduki oleh penghuni yang sedia ada antara tahun 2001 hingga 2009.** Didapati juga tiada daftar bancian disediakan untuk memudahkan pemantauan. **Kedudukan bancian adalah seperti di Jadual 19.5.** Berdasarkan maklum balas daripada DBKL, mulai bulan April 2010, satu perancangan berjadual telah disediakan di mana setiap rumah akan dibuat bancian secara terperinci sekurang-kurangnya 2 kali setahun.

JADUAL 19.5
KEDUDUKAN BANCIAN YANG DIJALANKAN

KAWASAN PERUMAHAN	JUMLAH FAIL DISEMAK	BILANGAN RUMAH YANG TIDAK PERNAH DIBUAT BANCIAN	BANCIAN YANG DIJALANKAN	
			BILANGAN RUMAH	KEKERAPAN (kali)
PA Seri Negeri Sembilan	50	2	48	1- 7
PA Seri Tioman 1	55	19	36	1- 6
PPR Laksamana	48	33	15	1- 5
PPR Perkasa	52	8	44	1- 2
PPR Seri Alam	53	12	41	1- 3
JUMLAH	**258**	**74**	**184**	**1- 7**

Nota : PA - Perumahan Awam PPR - Program Perumahan Rakyat

19.4.5.2. Pemantauan terhadap pengurusan perumahan awam DBKL juga dibuat melalui Mesyuarat Jabatan. Mesyuarat ini dipengerusikan oleh Pengarah Jabatan Pengurusan Perumahan dan dihadiri oleh pegawai dari setiap bahagian dan zon. Antara perkara yang dibincangkan ialah mengenai pengisian unit kosong, kerja penyenggaraan, masalah kutipan tunggakan sewa dan pengurusan aduan awam. Semakan Audit mendapati hanya 4 kali mesyuarat

diadakan masing-masingnya pada tahun 2007 dan 2008 dan 3 kali sehingga bulan Mei 2009.

19.4.5.3. Lawatan Audit ke 5 kawasan perumahan awam mendapati beberapa penghuni tidak mematuhi peraturan-peraturan yang ditetapkan. Antaranya ialah meletak barangan di kaki lima dan memasang jubin di kaki lima yang menghalang laluan serta meletak motosikal di ruang legar/kaki lima. Contohnya adalah seperti di **Gambar 19.13 hingga 19.18**. Berdasarkan maklum balas daripada DBKL, usaha meningkatkan pemantauan seperti meningkatkan jumlah rondaan penguatkuasaan sedang dijalankan.

GAMBAR 19.13



Unit 05-00-01, PPR Seri Alam
- Barangan Diletakkan Di Luar Rumah
(09.09.2009)

GAMBAR 19.14



Unit 05-00-01, PPR Seri Alam
- Kerusi Diletakkan Di Kaki Lima
(09.09.2009)

GAMBAR 19.15



GAMBAR 19.16



PPR Seri Alam
- Penghuni Meletakkan Motor Di Ruang Legar/Kaki Lima
(09.09.2009)

GAMBAR 19.17



Unit 63-01-16, PA Negeri Sembilan
- Jubin Yang Dipasang Menghalang Laluan
(03.03.2010)

GAMBAR 19.18



Unit 69-00-05, PA Negeri Sembilan
- Meletakkan Barangan Perniagaan Di Kaki Lima
(03.03.2010)

Pada pandangan Audit, DBKL perlu memastikan pemantauan dan penguatkuasaan dibuat secara berterusan bagi memastikan penyewa mematuhi syarat-syarat perjanjian penyewaan.

19.4.6. Pengurusan Sampah Yang Kurang Memuaskan

19.4.6.1. Pada tahun 2008, JPP melalui Jabatan Arkitek telah membelanjakan sejumlah RM7.89 juta untuk membina 57 rumah sampah di 57 kawasan perumahan awam untuk memudahkan penghuni melupuskan sampah mereka. Rumah sampah tersebut akan beroperasi setelah dipasang dengan mesin *Spiral Waste Bin.* Lawatan Audit ke PPR Perkasa dan PPR Laksamana pada bulan Oktober 2009 mendapati 6 rumah sampah yang siap dibina pada bulan November 2008 dengan kos berjumlah RM753,370 berkunci dan tidak digunakan kerana mesin *Spiral Waste Bin* masih belum dipasang. Pihak Audit dimaklumkan bahawa Jabatan Kejuruteraan Mekanikal, DBKL akan memasang mesin *Spiral Waste Bin* di 57 rumah sampah tersebut secara berperingkat mulai 16 Julai 2009 hingga 31 Disember 2009. Rumah sampah tersebut dijangka beroperasi sepenuhnya pada bulan Januari 2010. **Pada pandangan Audit, kekurangan koordinasi antara kedua-dua jabatan tersebut telah menyebabkan rumah sampah tersebut tidak dapat beroperasi sebaik sahaja ia disiapkan.**

19.4.6.2. Semakan Audit selanjutnya mendapati bagi kemudahan penghuni, JPP telah menyediakan 18 tong sampah di PPR Perkasa dan juga di PPR Laksamana. Namun demikian, didapati 8 dan 9 tong sampah yang disediakan masing-masingnya di PPR Perkasa dan PPR Laksamana tidak dapat digunakan kerana rosak. Terdapat juga air lecak dari tong sampah di PPR Laksamana, Blok D yang tidak dibersihkan menyebabkan persekitaran berbau busuk. Masalah yang dihadapi oleh penghuni telah dilaporkan dalam akhbar pada bulan Oktober 2009. Selain itu, didapati segelintir penghuni di PA Seri Negeri Sembilan dan PA Seri Tioman 1 yang tidak memanfaatkan kemudahan rumah sampah yang telah disediakan di mana sampah telah diletakkan di luar rumah sampah. Contohnya adalah seperti di **Gambar 19.19 hingga 19.24.** Selepas teguran Audit, DBKL telah melupuskan 18 tong sampah termasuk 17 tong sampah tersebut pada bulan Mei 2010. DBKL juga memaklumkan bahawa pemantauan kerja-kerja kontraktor pembersihan telah dilaksanakan setiap bulan melalui Jawatankuasa Panel Pembersihan.

GAMBAR 19.19



Blok B, PPR Perkasa
- Rumah Sampah Yang Siap Dibina Tetapi Tidak Digunakan Kerana Mesin (Spiral Waste Bin) Belum Dipasang
(30.10.2009)

GAMBAR 19.20



Blok B, PPR Perkasa
- 3 Tong Sampah Yang Rosak
(30.10.2009)

GAMBAR 19.21



Blok C, PPR Laksamana
- Tong Sampah Yang Rosak
(30.10.2009)

GAMBAR 19.22



Blok D, PPR Laksamana
- Air Lecak Yang Tidak Dibersihkan
Menyebabkan Persekitaran Berbau Busuk
(30.10.2009)

GAMBAR 19.23



Blok 59, PA Seri Negeri Sembilan
- Sampah Diletakkan Di Luar Rumah Sampah
(03.03.2010)

GAMBAR 19.24



PA Seri Tioman 1
- Sampah Diletakkan Di Luar Rumah Sampah
(03.03.2010)

19.4.7. Kegagalan Sistem ePerumahan Berfungsi Sepenuhnya

19.4.7.1. Sistem ePerumahan yang dibangunkan pada 30 Mei 2005 dengan kos berjumlah RM2.50 juta oleh Century Software (M) Sdn. Bhd. adalah untuk menggantikan Sistem Pendaftaran Terbuka (SPT) yang digunakan sebelum ini. Pembangunan Sistem ePerumahan adalah untuk membantu DBKL meningkatkan kecekapan dan kualiti perkhidmatan yang diberikan kepada penghuni perumahan awam DBKL. Sistem ini akan digunakan untuk merekodkan keseluruhan maklumat perumahan yang melibatkan 4 zon secara *online* serta dapat dicapai melalui laman web. Mengikut perjanjian kontrak yang ditandatangani pada 14 November 2005, kontraktor hendaklah menyiapkan pembangunan sistem ini dalam tempoh 117 minggu bermula pada 30 Mei 2005 hingga 27 Ogos 2007.

19.4.7.2. Semakan Audit mendapati setakat 31 Disember 2009, sebanyak 9 daripada 10 modul yang sepatutnya dibangunkan telah disiapkan kecuali Modul Penyenggaraan. Bagaimanapun bagi modul yang telah siap dibangunkan, didapati hanya Modul Pendaftaran yang dapat digunakan. Sungguhpun begitu, bagi Modul Pendaftaran, data penghuni yang dimuat naik ke dalam sistem juga tidak lengkap dan kemas kini. Lapan modul lain tidak dapat digunakan kerana berlaku perubahan proses kerja semasa/selepas modul-modul tersebut dibangunkan. Semakan selanjutnya mendapati **tiada tindakan diambil oleh DBKL terhadap kontraktor tersebut. Bagaimanapun, didapati DBKL masih belum menjelaskan baki nilai kontrak berjumlah RM104,000 kepada**

kontraktor dan kontraktor melalui suratnya bertarikh 28 Julai 2009 telah bersetuju untuk menambaik baik sistem ini sehingga ia boleh digunakan. Berdasarkan maklum balas daripada DBKL pada 7 Jun 2010, Sistem ePerumahan telah pun siap dan digunakan.

19.4.8. Tahap Kepuasan Penghuni

Bagi menilai tahap kepuasan penghuni terhadap kemudahan dan perkhidmatan yang disediakan oleh DBKL, pihak Audit telah mengedarkan 318 borang soal selidik kepada penghuni di beberapa kawasan perumahan. Antara kemudahan yang disediakan oleh DBKL ialah tong/rumah sampah; tempat letak kereta; padang permainan; taman permainan kanak-kanak; surau dan kemudahan telefon awam. Manakala perkhidmatan yang diberi melibatkan kerja membaik pulih luar rumah; menyenggara sistem pembuangan sampah; menyenggara lif; kawalan keselamatan; kerja memotong rumput dan membersihkan longkang/parit. Berdasarkan 303 borang soal selidik yang telah dikembalikan, secara umumnya didapati 23.1 % dan 31% daripada penghuni masing-masingnya berpuas hati dengan kemudahan dan perkhidmatan yang disediakan. Manakala **76.9% penghuni tidak berpuas hati dengan kemudahan yang disediakan terutamanya mengenai tempat letak kereta yang terhad. Bagi perkhidmatan pula, terdapat 69% penghuni tidak berpuas hati dengan sistem pembuangan sampah dan tahap keselamatan**. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 19.6
TAHAP KEPUASAN PENGHUNI TERHADAP
KEMUDAHAN DAN PERKHIDMATAN YANG DISEDIAKAN

PERKARA	TAHAP KEPUASAN PENGHUNI			
	BERPUAS HATI		TIDAK BERPUAS HATI	
	Bilangan Penghuni	%	Bilangan Penghuni	%
Kemudahan Yang Disediakan	70	23.1	233	76.9
Perkhidmatan Yang Disediakan	94	31.0	209	69.0

19.5. SYOR AUDIT

Pada umumnya, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah mengambil tindakan pembetulan terhadap kebanyakan kelemahan yang dibangkitkan dalam laporan ini kecuali beberapa perkara lain yang masih memerlukan tindakan susulan DBKL seperti berikut :-

19.5.1. Bagi mengawal penggunaan peruntukan dan prestasi kontraktor, DBKL perlu memastikan Arahan Kerja Sementara yang dikeluarkan kepada kontraktor untuk kerja pembaikan dilengkapkan dengan anggaran kos, skop kerja dan tempoh pembaikan.

19.5.2. Mewujudkan mekanisme pemantauan bagi memastikan tindakan pembaikan terhadap kes kecemasan dan biasa dilaksanakan dalam tempoh yang ditetapkan dalam *Standard Operating Procedures* yang baru dikeluarkan.

19.5.3. Melaksanakan penguatkuasaan secara berterusan bagi memastikan penyewa mematuhi syarat-syarat perjanjian penyewaan.

20. PENGURUSAN RANCANGAN MAKANAN TAMBAHAN DI SEKOLAH

20.1. LATAR BELAKANG

20.1.1. Rancangan Makanan Tambahan (RMT) telah dilaksanakan semenjak 30 tahun lalu untuk memperbaiki keadaan kesihatan murid yang memerlukan makanan tambahan yang berzat dan seimbang supaya satu suasana dan hasil pembelajaran yang lebih berkesan dapat diwujudkan di kalangan murid. Objektif RMT adalah untuk memberi makanan tambahan sebanyak 25% hingga 33% daripada keperluan harian secara percuma kepada murid daripada golongan keluarga berpendapatan rendah.

20.1.2. Nilai bantuan RMT bagi setiap pelajar sehari adalah RM1.80 di Semenanjung Malaysia dan RM2.05 sehari di Sabah, Sarawak serta Wilayah Persekutuan Labuan. Berdasarkan kadar ini, jumlah bantuan RMT bagi setiap pelajar setahun di Semenanjung Malaysia adalah RM342 dan RM389.50 di Sabah, Sarawak serta Wilayah Persekutuan Labuan.

20.1.3. Murid yang layak menerima bantuan adalah mereka daripada keluarga/ibu bapa/penjaga yang mempunyai jumlah pendapatan bulanan tidak melebihi RM400; atau jika jumlah pendapatan bulanan keluarga tersebut dibahagikan dengan bilangan ahli keluarga (perkapita) tidak melebihi RM80. Bagaimanapun murid-murid yang mengalami malnutrisi (disahkan oleh Pegawai Perubatan); murid yang tinggal jauh dari sekolah serta tidak mempunyai kemudahan pengangkutan; sekolah-sekolah kecil di mana bilangan muridnya kurang daripada 100 orang dan keluarga/ ibu bapa/penjaga murid di sekolah tersebut berpendapatan bulanan tidak melebihi RM600 adalah juga layak diberi bantuan jika perlu.

20.1.4. Pada tahun 2009, seramai 689,950 murid di 138 daerah telah menerima bantuan RMT melibatkan perbelanjaan berjumlah RM249.26 juta. Jumlah murid yang menerima bantuan dan perbelanjaan yang terlibat bagi tahun 2007, 2008 dan 2009 adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 20.1
JUMLAH MURID DAN PERBELANJAAN RANCANGAN MAKANAN TAMBAHAN BAGI TAHUN 2007, 2008 DAN 2009

TAHUN	BILANGAN MURID	PERUNTUKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN (RM Juta)
2007	699,209	234.06	233.02
2008	680,912	276.00	243.52
2009	689,950	254.92	249.26
JUMLAH		**764.98**	**725.80**

20.1.5. Pembekal dilantik untuk membekalkan makanan yang telah dimasak bagi sekolah-sekolah di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak serta Wilayah

Persekutuan Labuan. Selain itu, di Sarawak, terdapat juga pembekalan makanan kantung (*pouch*) melalui kontrak pusat serta kontraktor dilantik untuk membekal bahan makanan mentah/kering ke sekolah.

20.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan Rancangan Makanan Tambahan telah dilaksanakan dengan teratur, berhemat dan mencapai objektif yang ditetapkan.

20.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap pengurusan RMT bagi tempoh tahun 2007 hingga 2009. Pengauditan ini dilaksanakan di Kementerian Pelajaran Malaysia (Kementerian), 4 Jabatan Pelajaran Negeri (JPN), 14 Pejabat Pelajaran Daerah (PPD) dan 47 sekolah yang dipilih. Temu bual juga telah diadakan dengan pegawai yang terlibat dalam pengurusan RMT serta beberapa murid di setiap sekolah yang dilawati. Senarai auditi yang dilawati adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 20.2
JABATAN PELAJARAN NEGERI, PEJABAT PELAJARAN DAERAH DAN SEKOLAH YANG DILAWATI

JPN	PPD	SEKOLAH		
Perak	Kuala Kangsar, Batang Padang	1. SK Sultan Idris II 2. SK Pos Piah 3. SK Pos Poi 4. SK Manong	5. SK Senggang 6. SK Batu 14 7. SK Jernang 8. SJK(T) Tun Sambanthan	9. SJK(C) Choong Hua 2 10. SK Batu 7 11. SK Bidor
Sabah	Kota Kinabalu, Tuaran, Lahad Datu, Semporna	1. SK Bantayan 2. SK Gudon 3. SJK(C) St. Peter, Telipok 4. SK Sg. Damit	5. SK Pekan Tuaran 6. SK Kennedy Bay 7. SK Jeroco 8. SK Amalania	9. SK Lahad Datu II 10. SK Bangau-Bangau 11. SK Pulau Sumandi 12. SK Bubul
Sarawak	Kuching, Lundu, Padawan, Tatau	1. SK RPR Batu Kawa 2. SK Siol Kanan 3. SK St. Paul 4. SK Selampit	5. SK Bokah 6. SK Stunggang Melayu 7. SK Stapok 8. SK Beradek	9. SK Sangan Iban 10. SK Tatau 11. SJK(C) Chung Hua
Terengganu	Kuala Terengganu, Marang, Hulu Terengganu, Dungun	1. SK Pulau Rusa 2. SK Pagar Besi 3. SK Batu Rakit 4. SK Pusat Kuala Ibai 5. SK Bukit Tunggal	6. SK Manir 7. SK Padang Mengkuang 8. SJK(C) Chong Hwa 9. SK Sg. Buloh 10. SK Sg. Berua	11. SK Felda Kerteh I 12. SK Seri Paka 13. SK Balai Besar

Nota : ***JPN – Jabatan Pelajaran Negeri*** ***PPD – Pejabat Pelajaran Daerah***

20.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Jun hingga Oktober 2009 mendapati **prestasi pengurusan RMT di 10 sekolah atau 21% daripada sekolah yang dilawati adalah memuaskan. Bagi sekolah yang lain, terdapat beberapa kelemahan dalam pengurusan RMT yang boleh menjejaskan pencapaian objektif pengurusan dan menyebabkan Kerajaan tidak mendapat *value for money* atas perbelanjaannya. Antara kelemahan yang dikenal pasti ialah kelayakan menerima RMT tidak dipatuhi; pembekal/pihak sekolah tidak mematuhi panduan RMT dalam menyediakan makanan; makanan yang disediakan tidak berkualiti; pengurusan dan penyediaan makanan yang kurang memuaskan serta kelemahan dalam**

pemantauan. Penjelasan lanjut mengenai perkara yang ditemui adalah seperti di perenggan-perenggan berikut :-

20.4.1. Kelayakan Murid Menerima Bantuan Makanan

20.4.1.1. Semakan Audit mendapati seramai **14 murid di 7 sekolah di 4 negeri tidak layak menerima bantuan RMT** berasaskan kepada jumlah pendapatan ibu/bapa dan pendapatan perkapita keluarga mereka dan tiada bukti bahawa murid-murid tersebut mengalami malnutrisi atau memenuhi lain-lain kelayakan yang dinyatakan dalam panduan RMT. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 20.3
BILANGAN MURID YANG TIDAK LAYAK MENERIMA BANTUAN RMT

SEKOLAH	BILANGAN MURID	DARJAH	JUMLAH PENDAPATAN BULANAN KELUARGA (RM)	JUMLAH PENDAPATAN BULANAN PERKAPITA KELUARGA (RM)
SK Sultan Idris II, Kuala Kangsar, Perak	3	3 - 6	500 -1,200	83.00 - 201.00
SK Kennedy Bay, Lahad Datu, Sabah	1	6	2,828	471.33
SK RPR Batu Kawa, Padawan, Sarawak	2	3 dan 5	450 dan 500	83.33 - 90.00
SK Pulau Rusa, Kuala Terengganu, Terengganu	1	6	500	85.71
SK Felda Kerteh 1, Dungun, Terengganu	3	4	500 - 800	114.29 - 250.00
SK Pagar Besi, Kuala Terengganu, Terengganu	2	6	700 dan 741.19	116.67 dan 185.30
SK Manir, Kuala Terengganu, Terengganu	2	5 dan 6	780 dan 500	86.66 dan 83.33

20.4.1.2. Mengikut maklum balas dari SK Sultan Idris II, Kuala Kangsar, Perak, bantuan diberi kepada 3 murid tersebut kerana berlaku kesilapan dalam proses pemilihan dan telah membatalkan pemberian bantuan RMT bagi ketiga-tiga murid berkenaan. Bagi SK Kennedy Bay, Lahad Datu, Sabah dan SK Pagar Besi, Kuala Terengganu, Terengganu, 2 murid telah diberi bantuan kerana bapa mereka telah diberhentikan kerja pada tahun 2009 dan seorang lagi penerima adalah anak yatim. Bagi SK Pulau Rusa, Kuala Terengganu, murid tersebut adalah murid ganti, manakala 2 murid diberi bantuan RMT di SK Manir, Kuala Terengganu, Terengganu adalah atas dasar simpati guru kerana fizikal badan murid adalah kurus dan seorang lagi anak yatim. Bagi SK RPR Batu Kawa, Padawan, Sarawak dan SK Felda Kerteh 1, Dungun, Terengganu, tiada alasan diberikan tetapi pihak sekolah telah membatalkan pemberian bantuan RMT bagi kelima-lima murid berkenaan. **Pada pandangan Audit, maklum balas dan tindakan yang telah diambil oleh sekolah-sekolah berkenaan adalah memuaskan.**

20.4.1.3. Berdasarkan maklum balas daripada soal selidik yang diedarkan oleh Jabatan Audit Negara kepada 188 murid yang menerima bantuan RMT, didapati 112 (59.6%) murid di mana ibu bapa mereka mempunyai harta sama ada

memiliki rumah batu 2 tingkat, kereta, siaran ASTRO atau telefon bimbit. Oleh itu, adalah **diragui sama ada ibu bapa mereka adalah daripada golongan miskin tegar seperti mana yang dinyatakan dalam borang permohonan.** Mengikut maklum balas Kementerian, mulai tahun 2011, Kementerian akan menggunakan data dalam Sistem Bank Data Kemiskinan Nasional (eKasih) yang diselenggarakan oleh Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri sebagai asas dalam penyaluran bantuan RMT. Bagaimanapun **memandangkan pengurusan bantuan melalui eKasih belum lagi dilaksanakan, pihak sekolah melalui Jawatankuasa RMT perlu meneliti kelayakan murid-murid berdasarkan maklumat pendapatan keluarga dari rekod Sistem Maklumat Murid (SMM) dan juga maklumat mengenai harta yang dimiliki oleh ibu bapa atau keluarga bagi setiap murid . Sehubungan ini, SMM juga hendaklah mengandungi maklumat mengenai harta tersebut.**

20.4.2. Pematuhan Terhadap Panduan Rancangan Makanan Tambahan

20.4.2.1. Makanan Yang Telah Dimasak

a. Panduan Rancangan Makanan Tambahan Di Sekolah (Panduan RMT) yang disediakan oleh Kementerian telah menyenaraikan 20 pilihan menu untuk dihidangkan di mana setiap menu perlu terdiri daripada makanan, buah dan minuman. Contoh salah satu pilihan menu adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 20.4
SAMPEL PILIHAN MENU

KANDUNGAN UTAMA	KANDUNGAN BAHAN	SUKATAN	KILOKALORI (Kkal)
MAKANAN (Bihun Goreng)	Bihun Isi Ayam Udang Kubis Lobak Merah Tauge Bawang Goreng Minyak Kicap + Cili Potong	40 gram 40 gram 20 gram 30 gram 10 gram 10 gram 5 gram 12 gram (1 Sudu Makan) 17 gram (1 Sudu Makan)	69 60 15 6.6 3.5 3 22.5 108 13
BUAH	Tembikai	200 gram (1 Potong Sederhana)	56
MINUMAN	Air Soya (Kurang Manis)	150 ml (Satu Gelas)	118.5
JUMLAH KALORI			**475.1**

b. Panduan RMT tersebut juga menetapkan sekurang-kurangnya 5 daripada 20 pilihan menu tersebut hendaklah dipilih oleh sekolah untuk disediakan/ dihidangkan secara bergilir oleh pembekal. Kandungan bahan makanan tidak boleh diubah sewenang-wenangnya bagi tujuan mencapai makanan seimbang. Semakan Audit mendapati perkara berikut :-

i. Di SK Lahad Datu II, Lahad Datu; SK Sg. Damit, Tuaran dan SK Gudon, Kota Kinabalu di Sabah serta SK Bidor, Bidor dan SK Manong, Kuala Kangsar di Perak, pelaksanaan RMT adalah memuaskan di mana makanan dan kandungan bahan yang disediakan adalah mengikut panduan RMT seperti di **Gambar 20.1 hingga 20.6**.

GAMBAR 20.1



GAMBAR 20.2



SK Lahad Datu II, Lahad Datu, Sabah
- Makanan Dengan Kandungan Bahan Yang Lengkap Serta Cara Hidangan Makanan Yang Bersih Dan Teratur (04.08.2009)

GAMBAR 20.3



SK Sg. Damit, Tuaran, Sabah
- Makanan Dengan Kandungan Bahan Yang Lengkap (11.08.2009)

GAMBAR 20.4



SK Gudon, Kota Kinabalu, Sabah
- Makanan Yang Lengkap Dengan Kandungan Bahan (10.08.2009)

GAMBAR 20.5



SK Bidor, Bidor, Perak
- Koko Krunch Dan Buah Tembikai Yang Disediakan (17.07.2009)

GAMBAR 20.6



SK Manong, Kuala Kangsar, Perak
- Buah Epal Yang Dibelah Dua Untuk Setiap Murid (15.07.2009)

ii. Di SK Jernang, Batang Padang, Perak, menu yang disenaraikan oleh pihak sekolah untuk dihidangkan oleh pembekal secara bergilir **adalah 4 set menu sahaja dan bukannya 5 set**. Set menu tersebut adalah bihun goreng, mi goreng, nasi lemak dan nasi putih kari daging. **Pihak sekolah tidak memberikan alasan tentang ketidakpatuhan terhadap 5 set menu.** Selain itu, lawatan Audit ke sekolah tersebut pada 16 Julai 2009 mendapati set menu yang dihidangkan adalah bihun goreng kosong tanpa kandungan bahan seperti sayur, ayam dan udang **(Gambar 20.7)**. Manakala buah epal dipotong 1/6 bahagian (sepatutnya 1/2 biji setiap murid seperti **Gambar 20.8**). Minuman yang disediakan pula adalah teh 'O' (tiada dalam senarai Panduan RMT). Sehubungan ini, pihak sekolah tersebut memaklumkan bahawa pembekal berkenaan telah diberi

teguran supaya mematuhi pilihan menu yang ditetapkan. Pemeriksaan Audit selanjutnya mendapati makanan kari daging lembu untuk dihidangkan kepada murid pada 17 Julai 2009, jam 7.30 pagi telah dimasak pada 16 Julai 2009, sebelum jam 1.00 petang. Ini menunjukkan makanan tersebut telah disimpan selama 18 jam sebelum dihidangkan. Menurut pembekal makanan/tukang masak, ini adalah satu amalan biasa kerana sekolah berada jauh dari rumah pembekal yang mana makanan tidak sempat dimasak pada waktu pagi hari berkenaan. **Pada pandangan Audit, bagi memastikan kualiti makanan yang dihidangkan kepada murid tidak terjejas, Kementerian sepatutnya mengenal pasti alternatif lain yang membolehkan pembekal menyediakan makanan pada hari yang sama.**

GAMBAR 20.7



GAMBAR 20.8



SK Jernang, Batang Padang, Perak
(16.07.2009)

- Bihun Goreng Tanpa Ayam, Udang Dan Sayuran

- Sebiji Buah Epal Dipotong 6 Untuk Setiap Murid. Sepatutnya Setengah Biji Epal Untuk Setiap Murid

iii. Di SK Felda Kerteh 1, Dungun dan SK Pagar Besi, Kuala Terengganu, Terengganu, **menu yang perlu disediakan oleh pembekal tidak dinyatakan di dalam perjanjian RMT**. Ini menyebabkan makanan yang disediakan oleh pembekal tidak mengikut menu yang disenaraikan dalam Panduan RMT. Semasa lawatan Audit ke SK Felda Kerteh 1 pada 5 Oktober 2009, didapati set menu yang dihidangkan kepada murid adalah **nasi minyak berlauk ayam masak merah**. Manakala di SK Pagar Besi, set menu yang dihidangkan adalah **nasi goreng cina bercampur daging**. Kedua-dua set menu ini tidak disenaraikan dalam menu Panduan RMT. Selepas teguran Audit, kedua-dua sekolah ini telah menyenaraikan menu baru mengikut Panduan RMT untuk disediakan oleh pembekal.

iv. Di 6 sekolah, **pembekal tidak mematuhi menu yang ditetapkan** oleh pihak sekolah **(Jadual 20.5)**. Tiada bukti yang menunjukkan perubahan menu tersebut telah diluluskan oleh Guru Besar. Selain daripada SK Jernang, Batang Padang, Perak yang dibangkitkan di **perenggan 20.4.2.1. (b) (ii)**, terdapat juga 6 sekolah yang lain di mana makanan yang disediakan **tidak mempunyai kandungan bahan yang sepatutnya (Jadual 20.6)**. Berdasarkan maklum balas yang diterima daripada pakar dietetik, Bahagian Pemakanan Kementerian Kesihatan Malaysia, didapati menu yang disediakan itu boleh menyebabkan murid mengalami malnutrisi.

JADUAL 20.5
SEKOLAH DI MANA PEMBEKAL TIDAK MEMATUHI MENU

SEKOLAH	TARIKH LAWATAN AUDIT	MENU YANG DITETAPKAN OLEH SEKOLAH	MENU YANG DISEDIAKAN OLEH PEMBEKAL	ALASAN/TINDAKAN SELEPAS TEGURAN AUDIT
SK Manong, Kuala Kangsar, Perak	15.07.2009	Susu Kacang Soya (kurang manis)	Minuman Serbuk Coklat	Pihak sekolah telah memberi teguran kepada pembekal tetapi beliau masih bersikap sambil lewa dan tidak menghiraukan teguran tersebut. Sekolah akan mengambil tindakan membatalkan perjanjian kontrak tersebut.
SJK(C) Choong Hua 2, Bidor, Perak	17.07.2009	Bihun Goreng	Mi Cintan Goreng	Pihak sekolah telah memberi teguran kepada pembekal tetapi beliau bersikap sambil lewa dan tidak menghiraukan teguran tersebut. Sekolah akan mengambil tindakan membatalkan perjanjian kontrak tersebut.
SK Jeroco, Lahad Datu, Sabah	05.08.2009	Soto Nasi Himpit dan Milo	Sandwic Marjerin Kosong	Pejabat Pelajaran Daerah (PPD) diminta memantau perkhidmatan pembekal dari semasa ke semasa.
SK RPR Batu Kawa, Padawan, Sarawak	17.08.2009	Bubur Nasi dengan Ayam, Ikan Bilis dan Sayuran	Bubur dengan Sardin	Pihak pembekal tidak dapat menyediakan menu tersebut kerana menghadapi masalah mendapat bekalan bahan mentah.
SK Beradek, Padawan, Sarawak	17.08.2009	Bihun dengan Sosej dan Tauge	Nasi Kari Ayam (Kari Ayam Dalam Tin)	Makanan yang disediakan adalah makanan kantung yang diluluskan oleh PPD Padawan.
SK Stapok, Padawan, Sarawak	17.08.2009	Nasi Telur Rebus, Sup Sayur	Bihun Sup Daging Lembu	Pihak pembekal tidak dapat menyediakan menu tersebut kerana menghadapi masalah mendapat bekalan bahan mentah.

JADUAL 20.6
PEMBEKAL MENYEDIAKAN MENU TIDAK MENGIKUT PANDUAN KANDUNGAN BAHAN MAKANAN RANCANGAN MAKANAN TAMBAHAN


SEKOLAH	MENU YANG DISEDIAKAN OLEH PEMBEKAL	CATATAN	ALASAN/TINDAKAN SELEPAS TEGURAN AUDIT
SK Senggang, Kuala Kangsar, Perak	Bihun Sup dengan Daging Lembu	Daging lembu tidak tersenarai dalam menu Kementerian	Daging lembu tidak lagi dibekalkan dalam menu RMT.
SK Sultan Idris II, Kuala Kangsar, Perak	Bihun Goreng Singapura	Tiada kandungan bahan seperti ayam, udang, kubis, lobak merah dan tauge	Sekolah telah mematuhi kandungan menu bahan makanan.
SK Jeroco, Lahad Datu, Sabah	Sandwich Sardin	Roti biasa diguna bukannya roti penuh berbijirin. Tiada kandungan bahan seperti sardin, timun, tomato dan salad **(Gambar 20.9)**	Arahan pemantauan berkala telah dikeluarkan oleh JPN kepada PPD Lahad Datu.
SK Bangau-Bangau, Semporna, Sabah	Bubur Ayam	Tiada kandungan bahan seperti ayam, lobak merah, kacang tanah goreng dan ikan bilis goreng	Arahan pemantauan berkala telah dikeluarkan oleh JPN kepada PPD Lahad Datu.
SK Seri Paka, Dungun, Terengganu	Bihun Goreng Singapura	Tiada kandungan bahan seperti ayam, udang, kubis, lobak merah dan tauge	Pihak sekolah telah memberi teguran kepada pembekal berkenaan.
SK Bukit Tunggal, Kuala Terengganu, Terengganu	Nasi Ayam	Tiada kandungan bahan seperti kentang dan lobak merah	Pembekal bersetuju untuk menyediakan makanan mengikut kandungannya.
	Minuman Teh 'O'	Minuman teh 'O' tidak disenaraikan dalam menu Kementerian **(Gambar 20.10)**	

GAMBAR 20.9



SK Jeroco, Lahad Datu, Sabah
- Sandwic Marjerin Tanpa Sardin, Timun,Tomato Dan Salad
(05.08.2009)

GAMBAR 20.10



SK Bukit Tunggal, Kuala Terengganu, Terengganu
- Minuman Teh 'O' Tidak Disenaraikan Dalam Menu Kementerian
(06.10.2009)

v. Di 10 sekolah, **menu yang dipilih oleh pihak sekolah adalah berlainan daripada 20 menu yang disenaraikan dalam Panduan RMT (Jadual 20.7)**. Berdasarkan maklum balas daripada SK Manir, Kuala Terengganu, menu berkenaan dipilih adalah atas dasar makanan kesukaan murid sekolah. Bagi 9 sekolah yang lain, maklum balas berkenaan tidak dikemukakan kepada pihak Audit.

JADUAL 20.7
SEKOLAH MEMILIH MENU TIDAK MENGIKUT PANDUAN RANCANGAN MAKANAN TAMBAHAN

SEKOLAH	CONTOH MENU YANG DIPILIH OLEH SEKOLAH
SK Jernang, Batang Padang, Perak	Kari daging, minuman air sirap, teh
SK Kennedy Bay, Lahad Datu, Sabah	Nasi campur
	Nasi kuning, mi goreng *seafood*, nasi goreng ikan masin
SK Bangau-Bangau, Semporna, Sabah	Mi goreng
	Semua menu adalah tanpa buah dan minuman
SK Pekan Tuaran, Tuaran, Sabah	"Minuman" tanpa menetapkan jenis minuman
SK Gudon Menggatal, Kota Kinabalu, Sabah	Nasi minyak dengan rendang daging dan acar
SJK(C) Chung Hua, Tatau, Sarawak	Roti bun dan minuman kotak bunga kekwa
SK Sg. Berua, Kuala Berang, Terengganu	Nasi berlauk ikan dan minuman Teh 'o'
SK Batu Rakit, Kuala Terengganu, Terengganu	Nasi minyak
SK Manir, Kuala Terengganu, Terengganu	Nasi minyak, ayam masak kurma
SK Balai Besar, Dungun, Terengganu	Serbuk coklat ais

vi. Di 7 sekolah, didapati murid cuma **diberi makanan dan minuman tanpa buah atau makanan dan buah tanpa minuman** dan harga yang dibayar adalah berbeza dengan harga yang ditetapkan dalam Panduan RMT. Keadaan ini boleh menjejaskan pencapaian objektif RMT memandangkan murid-murid tidak dibekalkan dengan makanan yang berzat dan seimbang. Mengikut maklum balas Kementerian, perkara ini berlaku antara lainnya disebabkan oleh kadar makanan yang berkuat kuasa pada masa sekarang tidak dapat menampung kos makanan (mengikut menu) yang sepatutnya dibekalkan oleh pembekal, buah

bukannya kegemaran murid serta kesukaran mendapat bekalan bahan makanan terutama sekali bagi lokasi sekolah di pedalaman. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 20.8
SEKOLAH DI MANA MENU UTAMA TIDAK LENGKAP


SEKOLAH	MENU YANG DISEDIAKAN	KOS MAKANAN (RM)	MAKLUM BALAS KEMENTERIAN SETELAH TEGURAN AUDIT
SK Sultan Idris II, Kuala Kangsar, Perak	Bihun Goreng Singapura dan minuman bercoklat	1.80	Mengikut pembekal, murid tidak suka makan buah dan kos makanan tidak mencukupi untuk membekalkan buah.
SJK(C) Chung Hua, Tatau, Sarawak	i. Roti Bun dan minuman air kotak **(Gambar 20.11)** ii. Nasi Lemak dan Air Mineral	1.62 2.24	Pembekal mempunyai masalah kekurangan bahan mentah kerana sekolah berada di kawasan pedalaman.
SK Sangan Iban, Tatau, Sarawak	Kuih dan minuman	1.38	Pihak sekolah tidak diberitahu mengenai menu yang sepatutnya diberi kepada murid kerana sekolah pertama kali mendapat peruntukan RMT dan pembekal hanya membekalkan kuih dan minuman sahaja kerana lokasi sekolah berada di kawasan pedalaman.
SK Tatau, Tatau, Sarawak	Nasi Goreng dan minuman air mineral	2.24	Pembekal tidak dapat membekalkan buah kerana kos penyediaan makanan melebihi RM2.05 (peruntukan satu menu bagi seorang murid).
SK Stunggang Melayu, Lundu Sarawak	Roti Burger dan buah **(Gambar 20.12)**	2.05	Pembekal tidak dapat membekalkan minuman kerana kos penyediaan makanan sahaja telah mencapai RM2.05 (peruntukan satu menu bagi seorang murid).
SK Beradek, Padawan, Sarawak	Kari ayam (makanan kantung) dan minuman	2.05	Pembekal tidak dapat membekalkan buah kerana kos penyediaan makanan sahaja telah mencapai RM2.05 (peruntukan satu menu bagi seorang murid).
SK Siol Kanan, Kuching, Sarawak	Nasi goreng (makanan kantung) dan minuman	2.05	Pembekal tidak dapat membekalkan buah kerana kos penyediaan makanan sahaja telah mencapai RM2.05 (peruntukan satu menu bagi seorang murid).

GAMBAR 20.11



SJK(C) Chung Hua, Tatau, Sarawak
- Makanan Dan Minuman Tanpa Buah
(14.08.2009)

GAMBAR 20.12



SK Stunggang Melayu, Lundu, Sarawak
- Makanan Dan Buah Tanpa Minuman
(18.08.2009)

vii. Di Sarawak, bekalan makanan yang telah masak juga disediakan melalui makanan kantung. Ia dilaksanakan melalui kontrak pusat oleh Perbendaharaan Malaysia Sarawak (PMS). Ika Food Industries Sdn. Bhd. telah dilantik untuk menyedia, membekal dan menghantar makanan siap dimasak dalam kantung. Harga yang ditawarkan bagi sekantung yang mengandungi makanan untuk 7 orang murid adalah RM14.35 iaitu bersamaan dengan RM2.05 bagi seorang murid. Tempoh kontrak adalah selama 2 tahun iaitu mulai 1 Januari 2008 hingga 31 Disember 2009.

Semakan Audit terhadap 11 sekolah di Sarawak mendapati perkara berikut :-

- Sebanyak 26 menu telah disenaraikan dalam kontrak pembekalan makanan kantung seperti di **Jadual 20.9**. Semakan Audit mendapati 22 daripada 26 menu tersebut tidak tersenarai dalam senarai menu Panduan RMT Kementerian kecuali bubur ayam, bihun goreng, nasi goreng dan nasi lemak.

JADUAL 20.9
SENARAI MENU MAKANAN KANTUNG DALAM KONTRAK PUSAT

1. Ayam Masak Kari	8. Nasi Briyani (Daging/Ayam)	15. Bubur Oat	22. Bubur Pulut Hitam
2. Ayam Masak Kurma	9. Nasi & Daging (Kari/Rendang/Masak Merah/ Kurma/Kicap/Lada)	16. Bubur (Ayam/Daging /Lambuk/Ikan Bilis)	23. Mi/Bihun Goreng (Ayam/Daging)
3. Ayam Masak Merah	10. Nasi Goreng	17. Bubur Cha-cha	24. Mi/Bihun Goreng Melaka (Ayam/Daging)
4. Ayam Masak Rendang	11. Nasi Lemak	18. Bubur Gandum	25. Mi/Bihun Goreng Thai (Ayam/Daging)
5. Daging Masak Kari	12. Nasi Minyak	19. Bubur Jagung	26. Spageti (Ayam/Daging)
6. Daging Masak Kurma	13. Nasi Tomato	20. Bubur Kacang (Merah/Hijau/Barli)	
7. Nasi *With Yam* (Daging/Ayam)	14. Nasi & Ayam (Kari/ Rendang/Masak Merah)	21. Bubur Oat Gandum	

- Menu tersebut tidak mengandungi buah-buahan dan minuman serta 6 daripadanya adalah masakan ayam/daging. Mengikut kontrak, pembekal hanya dikehendaki membekalkan salah satu daripada 26 menu tersebut pada sesuatu hari atas pilihan pihak sekolah pada harga yang bersamaan dengan nilai bantuan bagi setiap murid iaitu RM2.05. Keadaan ini menyebabkan **pihak sekolah terpaksa memasak nasi sendiri pada hari di mana hanya masakan ayam/ daging dibekalkan. Pihak sekolah juga terpaksa membeli buah dan minuman secara berasingan.** Contoh makanan kantung adalah seperti di **Gambar 20.13 hingga 20.16**.

GAMBAR 20.13



GAMBAR 20.14



SK Beradek Padawan, Sarawak
- Menu (Ayam Masak Rendang) Dalam Bentuk Bungkusan Makanan Kantung Dan Siap Dimasak (17.08.2009)

GAMBAR 20.15



GAMBAR 20.16



SK Siol Kanan, Kuching, Sarawak
- Menu (Nasi Goreng {Tanpa Sayur})Dalam Bentuk Bungkusan Makanan Kantung Yang Telah Siap Dimasak Dan Sedang Direbus
(19.08.2009)

- Mengikut panduan RMT, nasi goreng bagi setiap sajian perlu mengandungi antara 437 hingga 625 kilokalori (kkal) tenaga dan 10 hingga 12 gm protein iaitu **1/4 hingga 1/3** daripada jumlah keperluan tenaga harian bagi murid-murid sekolah rendah berumur antara 7 hingga 12 tahun. Bagaimanapun, **analisis yang dibuat oleh Kementerian Kesihatan Malaysia mendapati makanan kantung Nasi Goreng Kampung hanya membekalkan 265 kilokalori (kkal) dan 5.1 gm protein bagi setiap sajian dan ia tidak sesuai bagi murid-murid tersebut.**

20.4.2.2. Bekalan Bahan Mentah

Di Sarawak, terdapat juga sekolah yang dibekalkan dengan bahan mentah dan dimasak sendiri oleh pihak sekolah. Bekalan bahan mentah dilaksanakan melalui kontraktor yang dilantik oleh JPN Sarawak/PPD. Kontraktor tersebut akan membekalkan bahan mentah untuk sekolah-sekolah rendah termasuk pra sekolah bagi sesuatu daerah (contohnya di Daerah Padawan, Sarawak, harga kontrak bagi pembekalan bahan mentah untuk tempoh 3 tahun adalah berjumlah RM1.78 juta). Semakan Audit mendapati perkara berikut :-

a. Panduan RMT menetapkan bekalan bahan mentah adalah terdiri daripada makanan yang berzat, segar, mengenyangkan dan tidak mengandungi bahan kimia serta pewarna yang boleh memudaratkan kesihatan murid. Semakan Audit selanjutnya mendapati antara bekalan bahan mentah yang dibekalkan mengikut kontrak adalah susu pekat manis, mi segera, daging lembu, minuman kordial, udang kering, telur masin dan makanan dalam tin. Sehubungan ini, **adalah diragui bahan makanan yang dibekalkan itu memenuhi kriteria yang ditetapkan dalam panduan RMT.** Contohnya adalah seperti di **Jadual 20.10** serta **Gambar 20.17 hingga 20.20**.

JADUAL 20.10
BEKALAN BAHAN MENTAH DI SARAWAK YANG DIBUAT MELALUI KONTRAK

PEMBEKAL BAHAN	KAWASAN (DAERAH) KUATKUASA KONTRAK	SEKOLAH	BAHAN MENTAH YANG DIBEKALKAN
Syarikat Awang Radin, Belaga	Lundu	SK Stunggang Melayu	Susu pekat (F&N), mi segera, daging lembu, udang kering dan telur masin
		SK Selampit	Susu pekat, mi segera, daging lembu dan udang kering
		SK Bokah	Susu pekat , mi segera dan daging lembu
Global Mas Sdn. Bhd.	Lundu	SK Stunggang Melayu	Makanan dalam tin (kari lembu, kari ayam, sambal ikan bilis, ikan dengan kacang hitam dan sambal udang)
		SK Bokah	Makanan dalam tin (rendang daging)
	Padawan	SK Stapok	
B. D. Resources Kuching	Padawan	SK Beradek,	Telur masin, susu pekat, mi segera, udang kering, teh, *corned beef* dan makanan dalam tin (ikan berkuah tomato, kari ayam dan kari lembu).
		SK RPR Batu Kawa	Makanan dalam tin (ikan berkuah tomato, kari lembu dan kari ayam), telur masin, mi segera, susu pekat, kordial dan daging lembu.
		SK Stapok	Daging lembu, susu pekat, serbuk teh dan makanan dalam tin (ikan berkuah tomato, kari lembu dan kari ayam).
Hosiman Enterprise, Kuching	Lundu	SK Selampit	Makanan dalam tin (ikan berkuah tomato, kari lembu, kari ayam), telur masin, udang kering, mi segera dan susu pekat manis
Syarikat Jati Mas Sdn. Bhd.	Kuching	SK Siol Kanan	Mi segera dan susu pekat
Pawada Food Industries	Kuching	SK Siol Kanan	Kordial dan serbuk kopi

GAMBAR 20.17



GAMBAR 20.18



SK RPR Batu Kawa, Padawan, Sarawak
- Mi Segera dan Kari Lembu Dalam Tin Sebagai Salah Satu Menu
(17.08.2009)

GAMBAR 20.19



SK RPR Batu Kawa, Padawan, Sarawak
- Minuman Kordial Berperisa Barli
(17.08.2009)

GAMBAR 20.20



SK Stunggang Melayu, Lundu, Sarawak
- Makanan Mi Segera, Tin (Kari Ayam)
Dan Susu Pekat Manis
(18.08.2009)

b. Terdapat sekolah yang dibekalkan dengan bahan mentah tidak mempunyai pengusaha kantin atau tukang masak. Oleh itu, makanan disediakan oleh ibu bapa murid secara bergilir/pekerja upahan yang upahnya dibayar oleh ibu bapa murid/kakitangan Pekerja Rendah Am sekolah. Contohnya di SK Bokah Lundu dan SK Stapok di Sarawak. **Pada pandangan Audit, Kementerian/Perbendaharaan Malaysia Sarawak (PMS) sepatutnya mengkaji semula kesesuaian untuk membekalkan bahan makanan kepada sekolah memandangkan ada alternatif lain iaitu melantik pembekal untuk menyediakan makanan yang telah dimasak atau makanan disediakan oleh pihak kantin bagi sekolah yang mempunyai kantin.**

20.4.2.3. Mengikut maklum balas daripada Kementerian, pembekalan makanan kantung/bahan mentah melalui kontrak pusat/kontrak JPN/PPD adalah tidak tersenarai dalam Panduan RMT dan tidak mendapat kelulusan Kementerian. Sehubungan ini, Bahagian Kewangan, Kementerian akan berbincang dengan PMS dan JPN Sarawak mengenai penyediaan makanan kantung/bekalan bahan mentah melalui kontrak pusat/ kontrak JPN/PPD. Selain itu, Kementerian juga sedang menyediakan *template* perjanjian antara pembekal dan pihak sekolah dengan memasukkan syarat-syarat yang akan menjamin kepentingan Kerajaan.

Pada pandangan Audit, bagi menjamin murid-murid mendapat makanan tambahan yang berzat dan seimbang selaras dengan objektif Kerajaan dalam melaksanakan RMT dan memastikan Kerajaan memperolehi *value for money* dalam perbelanjaannya, Kementerian disarankan mengambil tindakan tegas terhadap sekolah/PPD yang gagal memastikan menu/kandungan makanan disediakan dengan lengkap dan sempurna mengikut Panduan RMT. Kementerian perlu mengeluarkan surat amaran atau menamatkan kontrak serta menyenaraihitamkan pembekal berkenaan. Memandangkan pembekal tidak berkeupayaan menyediakan makanan yang lengkap dan seimbang berdasarkan nilai bantuan RMT yang sedia ada, adalah disyorkan supaya Kementerian mengkaji sama ada wajar untuk menaikkan nilai bantuan RMT itu.

20.4.3. Pengurusan Dan Penyediaan Makanan

20.4.3.1. Di 9 sekolah, didapati makanan yang disediakan adalah tidak memuaskan. Rasa makanan tersebut adalah sama ada *flat taste*/masin dan nasi yang dihidangkan adalah keras. Minuman pula sama ada terlalu manis atau terlalu cair. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 20.11
KUALITI MAKANAN TIDAK MEMUASKAN

SEKOLAH	MENU YANG DIHIDANGKAN		KUALITI/RASA MAKANAN OLEH PEGAWAI AUDIT
	MAKANAN	MINUMAN	
SK Manong, Kuala Kangsar, Perak		Serbuk Coklat	Terlalu cair (kurang penggunaan serbuk coklat) dan terlebih manis.
SK Batu 14, Tapah, Perak		Serbuk Coklat	Terlalu cair (kurang penggunaan serbuk coklat).
SK Jeroco, Lahad Datu, Sabah		Serbuk Coklat	Terlalu cair (kurang penggunaan serbuk coklat) dan terlebih manis.
SK Bangau-Bangau, Semporna, Sabah		Air Bandung	Terlalu cair.
SK Sg. Damit, Tuaran, Sabah		Susu Kacang Soya	Terlalu cair. Jenama "Yeos" diguna tetapi dicampurkan dengan air.
SK Gudon, Menggatal, Kota Kinabalu, Sabah		Serbuk Coklat	Terlalu cair (kurang penggunaan serbuk coklat).
SK Beradek, Padawan, Sarawak	Nasi Kari Lembu		Rasa terlalu dahaga selepas makan.
SK Stunggang Melayu, Lundu, Sarawak	Bihun Goreng	Serbuk Coklat	Makanan terlebih masin dan minuman terlebih manis.
SK Bukit Tunggal, Kuala Terengganu	Nasi Sup Ayam	Air Teh	Makanan adalah masin dan minuman terlebih manis.

20.4.3.2. Mengikut maklum balas dari SK Bukit Tunggal, Kuala Terengganu, pihak sekolah telah memaklumkan kepada pembekal makanan supaya menyediakan makanan yang berkualiti dan segar. Manakala bagi sekolah lain, tiada maklum balas yang diterima. Bagaimanapun mengikut maklum balas Kementerian, satu Surat Pekeliling Kewangan (SPK) akan dikeluarkan pada bulan Jun 2010 untuk menggantikan SPK sedia ada. SPK ini akan menggariskan tugas dan tanggungjawab Jawatankuasa RMT Sekolah/guru HEM dalam pengurusan dan pentadbiran RMT.

20.4.3.3. Panduan RMT telah menggariskan kaedah dan peraturan-peraturan untuk menjaga kesihatan murid serta pengurusan makanan secara berkesan dan bersih sebagai panduan untuk dipatuhi oleh setiap sekolah yang terlibat dengan pelaksanaan RMT. Semakan Audit mendapati perkara berikut :-

a. Di SJK(T) Tun Sambanthan, Batang Padang, Perak, bahan mentah disimpan dengan kemas dan bersih dalam peti sejuk manakala di SK Pulau Rusa, Kuala Terengganu, Terengganu, kantinnya adalah cantik, kondusif, bersih dan selesa. **(Gambar 20.21 dan 20.22)**

GAMBAR 20.21



SJK(T) Tun Sambanthan, Batang Padang, Perak - Penyimpanan Bahan Mentah Basah Yang Kemas Dan Bersih Dalam Peti Sejuk (17.07.2009)

GAMBAR 20.22



SK Pulau Rusa, Kuala Terengganu, Terengganu - Kantin Yang Cantik, Kondusif, Bersih Dan Selesa (05.10.2009)

b. Di 12 sekolah, terdapat beberapa kekurangan/kelemahan seperti tiada kantin disediakan menyebabkan murid-murid terpaksa makan di dalam bilik darjah, di laluan pejalan kaki atau di tempat letak kereta; tiada tempat khas yang disediakan untuk memasak; tiada peti sejuk untuk menyimpan sayur dan buah-buahan, singki untuk membasuh tangan tidak disediakan dan peralatan yang kurang sesuai digunakan. Maklumat lanjutnya dan sekolah terlibat adalah seperti di **Jadual 20.12** dan **Gambar 20.23 hingga 20.33**.

JADUAL 20.12
SEKOLAH DAN SUASANA TEMPAT MAKAN, PERALATAN YANG TIDAK MEMUASKAN DAN LAIN-LAIN KETIDAKPATUHAN/KEKURANGAN

SEKOLAH	PERIHAL MASALAH/LAIN-LAIN KETIDAKPATUHAN
A. TIADA KANTIN	
SK Gudon, Menggatal, Kota Kinabalu, Sabah	Murid terdedah kepada habuk semasa makan **(Gambar 20.23).**
SK Pulau Sumandi, Semporna, Sabah	Murid terdedah kepada habuk semasa makan.
SK Bokah, Lundu, Sarawak	Ibu bapa bergilir memasak di stor yang tidak sesuai (berhabuk, kotor dan terbuka) dan murid makan di kelas **(Gambar 20.24).**
SK Stunggang Melayu, Lundu, Sarawak	Murid makan di bilik yang diubahsuai.
SK Tatau, Tatau, Sarawak	Murid makan di sekitar perkarangan sekolah.
SK Pagar Besi, Kuala Terengganu, Terengganu	Kantin sedia ada telah dirobohkan untuk membina bangunan baru bilik darjah. Makanan terpaksa dimasak di kuarters dan murid makan di tempat letak kereta yang terdedah kepada habuk dan keadaan berbecak bila hujan **(Gambar 20.25 dan 20.26).**
B. PERSEKITARAN KANTIN/TEMPAT MAKAN KURANG MEMUASKAN	
SK Kennedy Bay, Lahad Datu, Sabah	Ruangan kantin yang amat sempit/kecil. Murid terpaksa makan di dalam bilik darjah. Manakala persekitaran di luar bangunan kantin tidak bersih dan selamat - air dari kantin bertakung dan kotoran tersekat serta berbau **(Gambar 20.27 dan 20.28).**
SK Bantayan, Kota Kinabalu, Sabah	Ruang kantin sempit/kecil. Murid terpaksa makan di sekitar kawasan sekolah.
SJK(C) St. Peter, Kota Kinabalu, Sabah	Ruangan kantin yang amat sempit/kecil. Makanan yang dimasak terpaksa dibawa dan dihidangkan di Dewan Sekolah.
SK Stapok, Padawan, Sarawak	Murid terpaksa makan di sekitar kawasan sekolah kerana ruang yang sedia ada tidak mencukupi.
SK Sg. Damit, Tuaran, Sabah	Air kotor cucian melimpah dan bertakung di luar kantin. Tiada saluran keluar air dari kantin **(Gambar 20.29 dan 20.30).**
C. PERALATAN YANG KURANG SESUAI DIGUNA	
SK Sg. Damit, Tuaran, Sabah	Gayung diguna untuk mencedok minuman dan bukannya senduk khas.
SK Gudon, Menggatal, Kota Kinabalu, Sabah	Gayung diguna untuk mencedok minuman dan bukannya senduk khas dan tong plastik diguna untuk menyimpan minuman **(Gambar 20.31).**
SK Beradek, Padawan, Sarawak	Tong plastik diguna untuk menyimpan minuman **(Gambar 20.32).**
D. LAIN-LAIN MASALAH MENGENAI RMT	
SK Gudon Menggatal, Kota Kinabalu, Sabah	Makanan dimasak bersebelahan tong gas terdedah kepada risiko kebakaran **(Gambar 20.33).**
SK Stunggang Melayu, Lundu, Sarawak	Tukang masak adalah Pekerja Rendah Awam (R1) yang tidak mempunyai pengalaman dalam menyediakan makanan yang berkualiti.

c. Mengikut maklum balas daripada Kementerian, sebaik sahaja menerima teguran Audit, Kementerian telah mengkaji semula dan menambahbaik pekeliling berhubung dengan pengurusan RMT yang sedia ada untuk diedarkan kepada PPD/sekolah.

GAMBAR 20.23



SK Gudon Menggatal, Kota Kinabalu, Sabah
- Tiada Kantin. Murid Terpaksa Makan Di Tempat Yang Tidak Sesuai/Kurang Selesa Dan Berhabuk
(10.08.2009)

GAMBAR 20.24



SK Bokah, Lundu, Sarawak
- Tiada Kantin. Stor Terbuka Dan Berhabuk Terpaksa Diguna Untuk Memasak Makanan RMT.
(18.08.2009)

GAMBAR 20.25



GAMBAR 20.26



SK Pagar Besi, Kuala Terengganu, Terengganu
- Makanan Terpaksa Dimasak Di Kuarters Dan Murid Memakannya Di Tempat Letak Kereta (Garaj) Dengan Keadaan Tanah Merah Yang Becak (Bila Hujan) Dan Berhabuk (Pada Waktu Tengah Hari)
(06.10.2009)

GAMBAR 20.27



GAMBAR 20.28



SK Ladang Kennedy Bay, Lahad Datu, Sabah
- Air Dari Kantin Yang Bertakung Dan Kotoran Yang Tersekat Menyebabkan Persekitaran Di Luar Bangunan Kantin Tidak Bersih Dan Selamat
(04.08.2009)

GAMBAR 20.29



GAMBAR 20.30



SK Sg. Damit, Tuaran, Sabah
- Persekitaran Di Tepi Bangunan Kantin Tidak Bersih - Kotoran Tersekat Di Bawah Singki Cuci Tangan/Pinggan Dan Pengaliran Airnya Dari Singki Yang Bertakung. Tiada Longkang Dibina Untuk Memudahkan Pengaliran Air (11.08.2009)

GAMBAR 20.31



SK Gudon, Menggatal, Kota Kinabalu, Sabah
- Gayung Dan Tong Plastik Diguna Untuk Mencedok Dan Menyimpan Minuman (10.08.2009)

GAMBAR 20.32



SK Beradek, Padawan, Sarawak
- Tong Plastik Diguna Untuk Menyimpan Minuman (17.08.2009)



GAMBAR 20.33

SK Gudon, Menggatal, Kota Kinabalu, Sabah
- Makanan Dimasak Bersebelahan Tong Gas (10.08.2009)

Pada pandangan Audit, bagi meningkatkan keberkesanan pelaksanaan RMT, Kementerian perlu menyediakan peruntukan kewangan yang mencukupi untuk membolehkan pembinaan kantin terutamanya bagi sekolah di Sarawak dan Sabah.

20.4.4. Pemantauan

Panduan RMT telah menetapkan bahawa sekolah perlu memantau pengurusan RMT di sekolah masing-masing. Antaranya ialah disiplin murid di tempat makan, pematuhan peraturan kesihatan dan kebersihan serta kursus atau orientasi khas tentang pemakanan, kebersihan dan kesihatan bagi pekerja-pekerja yang menyediakan makanan. Semakan Audit mendapati perkara berikut :-

20.4.4.1. Di SK Pulau Sumandi, Semporna, Sabah dan SK Pos Piah, Kuala Kangsar, Perak, murid-murid berbaris untuk mengambil makanan seperti di **Gambar 20.34 hingga 20.36**. Amalan ini memupuk budaya bersopan santun, berdisiplin dan bertimbang rasa di kalangan murid.

20.4.4.2. Penggunaan sistem kehadiran murid telah diwujudkan di SJK(C) Chong Hwa, Wakaf Tapai, Marang, Terengganu; SK Batu Rakit, Kuala Terengganu, Terengganu dan SK Padang Mengkuang, Marang, Terengganu bagi memudahkan kawalan dan pengesanan murid hadir/tidak hadir untuk makan makanan seperti di **Gambar 20.37 hingga 20.39**.

20.4.4.3. Di SK Padang Mengkuang, Marang, Terengganu, sudut uji rasa disediakan untuk Guru RMT merasakan makanan sebelum dihidangkan seperti di **Gambar 20.40.**

GAMBAR 20.34



SK Pulau Sumandi, Semporna, Sabah
- Murid-murid Berbaris Untuk Mengambil Makanan
(06.08.2009)

GAMBAR 20.35



SK Pos Piah, Kuala Kangsar, Perak
- Murid-murid Berbaris Untuk Mengambil Makanan
(15.07.2009)

GAMBAR 20.36



SK Pos Piah, Kuala Kangsar, Perak
- Murid-murid Cuci Tangan Dengan Sabun Sebelum Makan
(15.07.2009)

GAMBAR 20.37



SJK(C) Chong Hwa Wakaf Tapai, Marang, Terengganu
- Penggunaan Sistem Kehadiran Murid
(07.10.2009)

GAMBAR 20.38



GAMBAR 20.39



SK Batu Rakit, Kuala Terengganu, Terengganu
- Penggunaan Sistem Kehadiran Murid
(06.10.2009)



GAMBAR 20.40

SK Padang Mengkuang, Marang, Terengganu
- Sudut Uji Rasa Disediakan Untuk
Guru RMT Merasakan Makanan
(05.10.2009)

20.4.4.4. Di 23 sekolah yang lain, didapati tata kelakuan murid yang kurang memuaskan di tempat makan; taklimat pemakanan seimbang tidak diberi dan Daftar Kehadiran Murid/Laporan Harian RMT/Minit Mesyuarat RMT tidak disediakan. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 20.13
LAIN-LAIN KETIDAKPATUHAN

SEKOLAH	PERIHAL MASALAH/LAIN-LAIN KETIDAKPATUHAN
A. TATA KELAKUAN MURID YANG KURANG MEMUASKAN DI TEMPAT MAKAN	
SK Pekan Tuaran, Tuaran, Sabah	Murid tidak berbaris semasa mengambil makanan, tidak basuh tangan sebelum makan dan bekas makanan dibiarkan atas meja.
SJK(C) Chung Hua, Tatau, Sarawak	Murid tidak membasuh tangan sebelum makan.
SK Beradek, Padawan, Sarawak	Murid tidak berbaris semasa mengambil minuman dan tidak basuh tangan sebelum makan.
SK Stapok, Padawan, Sarawak	Lebihan makanan ditinggalkan oleh murid.
SK Sg. Berua, Kuala Berang, Hulu Terengganu, Terengganu	Murid tidak membasuh tangan sebelum makan.
SK Pagar Besi, Kuala Terengganu, Terengganu	Murid tidak berbaris semasa mengambil minuman.
B. PENGURUSAN AKTIVITI RMT OLEH SEKOLAH KURANG MEMUASKAN	
SK Senggang, Kuala Kangsar, Perak	Jadual guru bertugas untuk memantau pelaksanaan dan Daftar Kehadiran/Laporan Harian RMT tidak disediakan.
SK Jernang, Batang Padang, Perak	Taklimat pemakanan seimbang tidak diberi dan Daftar Kehadiran/Laporan Harian RMT tidak disediakan.
SK Kennedy Bay, Lahad Datu, Sabah	Taklimat pemakanan seimbang tidak diberi.
SK Jeroco, Lahad Datu, Sabah	Taklimat pemakanan seimbang tidak diberi.
SK Bangau-Bangau, Semporna, Sabah	Taklimat pemakanan seimbang tidak diberi.
SK Amalania, Lahad Datu, Sabah	Jadual guru bertugas untuk memantau pelaksanaan RMT tidak disediakan.
SK Pekan Tuaran, Tuaran, Sabah	Taklimat pemakanan seimbang tidak diberi dan guru bertugas RMT tidak memantau aktiviti pengambilan makanan.
SK Gudon, Menggatal,Kota Kinabalu,Sabah	Taklimat pemakanan seimbang tidak diberi.
SJK(C) Chung Hua, Tatau, Sarawak	Taklimat pemakanan seimbang tidak diberi dan jadual guru bertugas untuk memantau pelaksanaan RMT serta Daftar Kehadiran/Laporan Harian RMT tidak disediakan.
SK Beradek, Padawan, Sarawak	Taklimat pemakanan seimbang tidak diberi dan guru bertugas RMT tidak memantau secara teliti serta tiada arahan terhadapnya.
SK Stunggang Melayu, Lundu, Sarawak	Taklimat pemakanan seimbang tidak diberi.
SK Sg. Berua, Kuala Berang, Hulu Terengganu, Terengganu	Taklimat pemakanan seimbang tidak diberi dan Daftar Kehadiran/ Laporan Harian RMT tidak disediakan.

SEKOLAH	PERIHAL MASALAH/LAIN-LAIN KETIDAKPATUHAN
SK Pulau Rusa, Kuala Terengganu, Terengganu	Taklimat pemakanan seimbang tidak diberi dan Daftar Kehadiran/ Laporan Harian RMT tidak disediakan.
SK Felda Kerteh 1, Dungun, Terengganu	Taklimat pemakanan seimbang tidak diberi.
SK Pagar Besi, Kuala Terengganu, Terengganu	Taklimat pemakanan seimbang tidak diberi dan tiada guru bertugas untuk memantau pelaksanaan RMT.
SK Batu Rakit , Kuala Terengganu, Terengganu	Tiada guru bertugas untuk memantau pelaksanaan RMT.
SK RPR Batu Kawa, Padawan, Sarawak	Daftar Kehadiran/Laporan Harian RMT tidak disediakan.
SK Selampit, Lundu, Sarawak	Daftar Kehadiran/Laporan Harian RMT tidak disediakan.
SK Bokah, Lundu, Sarawak	Daftar Kehadiran/Laporan Harian RMT tidak disediakan.
SK Tatau, Tatau, Sarawak	Daftar Kehadiran/Laporan Harian RMT tidak disediakan.
SK Sg. Buloh, Kuala Berang, Terengganu	Daftar Kehadiran/Laporan Harian RMT tidak disediakan.
C. PENGURUSAN DOKUMEN RMT OLEH SEKOLAH KURANG MEMUASKAN	
SK Lahad Datu II, Lahad Datu, Sabah	Minit Mesyuarat RMT tidak difailkan.
SK Amalania, Lahad Datu, Sabah	Minit Mesyuarat RMT tidak difailkan.
SJK(C) Chung Hua, Tatau, Sarawak	Fail khas untuk aktiviti RMT tidak diselenggarakan. Panduan/Pekeliling/ Surat tiada dalam simpanan sekolah.
SK Beradek, Padawan, Sarawak	Fail khas untuk aktiviti RMT tidak diselenggarakan. Panduan/Pekeliling/ Surat tiada dalam simpanan sekolah.
SK Sangan Iban, Bintulu, Sarawak	Fail khas untuk aktiviti RMT tidak diselenggarakan. Panduan/Pekeliling/ Surat tiada dalam simpanan sekolah.

Pada pandangan Audit, pihak sekolah perlu meningkatkan pemantauannya dengan melatih murid supaya lebih berdisiplin, mengadakan taklimat makanan sihat dan menyedia Daftar Kehadiran Murid.

20.4.5. Waran Peruntukan Lewat Diagihkan

Semakan Audit terhadap pengagihan waran peruntukan RMT bagi tahun 2008 dan 2009 di negeri yang dilawati mendapati kecuali Sabah dan Terengganu, negeri lain tidak berlaku kelewatan pengagihan waran peruntukan. Bagi Sabah, pihak Audit mendapati Kementerian telah mengeluarkan waran peruntukan ke JPN di Sabah pada 14 Januari 2008 tetapi peruntukan ini hanya diagihkan kepada PPD berkenaan pada 11 April 2008 iaitu mengambil masa selama 85 hari. Sehubungan ini pada tahun 2009, Kementerian telah mengagihkan waran terus kepada PPD di Sabah. Namun, tempoh masa yang diambil oleh PPD untuk mengakaunkan peruntukan ke akaun sekolah melalui *electronic funds transfer* (EFT) masih lama iaitu 79 hari. Selain itu, didapati JPN Terengganu juga mengambil masa selama 16 hari dan 43 hari untuk mengagihkan peruntukan bagi tahun 2008 dan 2009 masing-masingnya kepada PPD berkenaan. Kelewatan mengagihkan peruntukan tersebut telah menyebabkan sekolah di Sabah dan Terengganu lewat membuat bayaran kepada pembekal. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 20.14
PERIHAL WARAN PERUNTUKAN DAN PENGAGIHANNYA

TARIKH WARAN DITERIMA DARIPADA KEMENTERIAN (a)	TARIKH WARAN DIMASUK DALAM SISTEM e-SPKB	TARIKH WARAN DIAGIH KE PPD/ SEKOLAH (b)	BIL. HARI DIAMBIL UNTUK AGIH WARAN (b) – (a)
SABAH			
14.01.2008	-	11.04.08 (baucar)	85
23.01.2009 (surat makluman dari Kementerian)	-	14.04.09 (EFT dari PPD Ke Sekolah)	79
TERENGGANU			
20.01.2008	15.01.08	06.02.08 (baucar)	16
11.01.2009	15.01.09	24.02.09 (baucar)	43

Nota : ***JPN - Jabatan Pelajaran Negeri***
PPD - Pejabat Pelajaran Daerah
EFT - Electronic Fund Transfer

Pada pandangan Audit, JPN/PPD hendaklah mempercepatkan pengagihan peruntukan ke sekolah supaya tidak berlaku kelewatan bayaran kepada pembekal makanan. Sehubungan ini, Kementerian perlu menetapkan norma masa untuk JPN/PPD mengagihkan peruntukan tersebut.

20.5. SYOR AUDIT

Bagi meningkatkan prestasi pengurusan Rancangan Makanan Tambahan supaya dapat mencapai objektif yang ditetapkan, adalah disyorkan supaya Kementerian Pelajaran Malaysia (Kementerian)/Jabatan Pelajaran Negeri (JPN)/Pejabat Pelajaran Daerah (PPD)/sekolah melaksanakan perkara-perkara berikut :-

20.5.1. Bagi memastikan hanya murid yang sebenarnya layak diberi bantuan RMT, pihak sekolah melalui Jawatankuasa RMT hendaklah meneliti kesesuaian murid-murid yang layak selain daripada maklumat pendapatan keluarga dari rekod Sistem Maklumat Murid (SMM). Sehubungan ini, sistem juga hendaklah mengandungi maklumat mengenai harta yang dimiliki oleh ibu bapa atau keluarga bagi setiap murid.

20.5.2. Bagi menjamin murid-murid mendapat makanan tambahan yang berzat dan seimbang selaras dengan objektif Kerajaan dalam melaksanakan RMT dan memastikan Kerajaan memperolehi *value for money* dalam perbelanjaannya, Kementerian disarankan mengambil tindakan tegas terhadap PPD/sekolah yang gagal memastikan menu/kandungan makanan disediakan dengan lengkap dan sempurna mengikut Panduan RMT. Kementerian perlu mengeluarkan surat amaran atau menamatkan kontrak serta menyenaraihitamkan pembekal berkenaan. Memandangkan pembekal tidak berkeupayaan menyediakan makanan yang lengkap dan seimbang berdasarkan nilai bantuan RMT yang sedia ada, Kementerian sepatutnya mengkaji sama ada wajar untuk menaikkan nilai bantuan RMT itu.

20.5.3. Kementerian perlu menyediakan peruntukan kewangan yang mencukupi untuk membolehkan pembinaan kantin terutamanya bagi sekolah di Sarawak dan Sabah.

20.5.4. Pihak sekolah perlu meningkatkan pemantauannya dengan melatih murid supaya lebih berdisiplin, mengadakan taklimat makanan seimbang dan menyediakan Daftar Kehadiran.

20.5.5. Pihak JPN/PPD hendaklah mempercepatkan pengagihan peruntukan ke sekolah supaya tidak berlaku kelewatan bayaran kepada pembekal.

20.5.6. Kementerian hendaklah menyediakan kemudahan *helpdesk* di peringkat Kementerian/JPN serta muat naik panduan/pekeliling/arahan yang berkaitan di dalam laman web Kementerian bagi memudahkan rujukan oleh mana-mana pihak yang memerlukannya.

21. PENGURUSAN KUMPULAN WANG AMANAH PELAJAR MISKIN

21.1. LATAR BELAKANG

21.1.1. Kementerian Pelajaran Malaysia (Kementerian) telah melaksanakan Dasar Pendidikan Wajib mulai bulan Januari 2003 yang mewajibkan ibu bapa menghantar anak mereka ke sekolah mulai Tahun 1 sekolah rendah. Selaras dengan pelaksanaan dasar ini, satu tabung yang dinamakan Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin (KWAPM) telah ditubuhkan untuk tujuan memberi bantuan kepada ibu bapa yang tidak berkemampuan menghantar anak mereka ke sekolah. Bantuan KWAPM terdiri daripada 2 jenis iaitu Bantuan Persekolahan dan Bantuan Am. Bantuan Persekolahan adalah untuk membiayai kos membeli pakaian seragam dan peralatan sekolah serta bayaran yuran manakala Bantuan Am pula bagi membiayai perbelanjaan harian murid seperti wang saku dan tambang pengangkutan. Kadar bantuan yang ditetapkan untuk setiap murid sekolah rendah ialah RM200 bagi Bantuan Persekolahan dan RM500 bagi Bantuan Am.

21.1.2. Selaras dengan kehendak Surat Ikatan Amanah KWAPM, Jawatankuasa Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin (Jawatankuasa KWAPM) telah ditubuhkan dengan dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian. Jawatankuasa KWAPM antara lainnya bertanggungjawab menentukan dasar dan tatacara berhubung dengan penerimaan dan penggunaan wang KWAPM adalah selaras dengan tujuan penubuhannya. Manakala Cawangan Bantuan, Bahagian Kewangan, Kementerian pula bertanggungjawab menguruskan tabung KWAPM mengikut dasar dan tatacara yang ditentukan oleh Jawatankuasa KWAPM. Selain itu, Jawatankuasa Pengurusan Bantuan telah diwujudkan di peringkat sekolah yang antara lainnya bertanggungjawab memilih, mengesah dan memperakukan murid/pelajar miskin yang layak menerima bantuan dan mengemukakannya kepada Kementerian untuk kelulusan serta mengenal pasti kaedah terbaik pengagihan bantuan kepada murid. Jawatankuasa Pengurusan Bantuan dipengerusikan oleh Guru Besar serta dianggotai oleh sekurang-kurangnya 2 wakil bukan guru daripada Persatuan Ibu Bapa Dan Guru (PIBG).

21.1.3. Kementerian telah mengeluarkan Pekeliling Biasiswa Bilangan 1 Tahun 2006 - Pemberian Bantuan Murid/Pelajar Di Bawah Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin dan Surat Pekeliling Bilangan 1 Tahun 2009 - Garis Panduan Kehilangan Dan Hapus Kira Wang Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin sebagai panduan kepada pihak yang menguruskan KWAPM. Sejak ditubuhkan pada tahun 2003, Kerajaan telah memperuntukkan sejumlah RM1.45 bilion untuk aktiviti tabung KWAPM. Di samping itu, tabung ini turut menerima sumbangan daripada sektor

awam dan swasta, orang awam serta pulangan daripada simpanan tetap di bank tempatan. Bagi tempoh yang sama sejumlah RM1.62 bilion telah dibelanjakan untuk memberi bantuan kepada pelajar miskin. Prestasi perbelanjaan dan bilangan murid/pelajar yang menerima bantuan sejak ia ditubuhkan sehingga bulan Disember 2009 adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 21.1
PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN KUMPULAN WANG AMANAH PELAJAR MISKIN BAGI TEMPOH TAHUN 2003 HINGGA 2009

TAHUN	BILANGAN MURID	PERUNTUKAN KERAJAAN (RM Juta)	PERBELANJAAN (RM Juta)
2003	730,833	50	87.70*
2004	1,003,698	200	124.73
2005	857,310	100	102.87*
2006	545,386	200	181.58
2007	621,108	200	326.82*
2008	743,019	300	406.62*
2009	821,695	400	388.15
JUMLAH		**1,450**	**1,618.47***

Nota : (*) - Lebihan Perbelanjaan Dibiayai Menerusi Sumbangan Pelbagai Sumber

21.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin telah dilaksanakan dengan cekap dan teratur bagi mencapai objektif yang ditetapkan.

21.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap pengurusan KWAPM. Pengauditan ini dijalankan di 45 sekolah yang melibatkan 4 negeri iaitu Selangor, Kelantan, Pahang dan Sarawak. Semakan telah dibuat terhadap fail, rekod dan dokumen yang berkaitan bagi tempoh tahun 2007 hingga 2009 di peringkat Kementerian, 4 Jabatan Pelajaran Negeri dan 13 Pejabat Pelajaran Daerah di negeri yang dipilih. Pihak Audit juga menemu bual murid yang menerima bantuan di sekolah yang dilawati.

21.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Julai hingga November 2009 mendapati **prestasi pengurusan KWAPM adalah kurang memuaskan. Terdapat beberapa kelemahan dalam pengurusannya di semua sekolah yang dilawati yang boleh menjejaskan pencapaian objektifnya. Antara kelemahan tersebut adalah beberapa peraturan mengenai pengurusan permohonan dan pengagihan wang bantuan tidak dipatuhi. Penyelenggaraan rekod berhubung bayaran juga kurang memuaskan. Kelemahan-kelemahan tersebut antaranya berpunca daripada**

Jawatankuasa Pengurusan Bantuan yang tidak menjalankan fungsinya dengan berkesan; kekurangan Pembantu Tadbir serta latihan yang secukupnya tidak diberi kepada pihak yang terlibat dengan pengurusan KWAPM. Penjelasan lanjut berhubung dengan perkara yang ditemui adalah seperti di perenggan-perenggan berikut :-

21.4.1. Kelemahan Menguruskan Permohonan Bantuan

21.4.1.1. Mengikut garis panduan yang dikeluarkan oleh Kementerian, bantuan KWAPM hanya diberikan kepada murid miskin yang mana pendapatan bulanan keluarga atau pendapatan perkapita keluarga murid tidak melebihi kadar yang ditetapkan seperti di **Jadual 21.2**. Pendapatan keluarga bermaksud semua jenis pendapatan terkini yang diperolehi oleh ibu dan bapa/penjaga murid meliputi gaji pokok; elaun-elaun tetap; sumbangan tetap daripada Agensi Kerajaan dan Pusat Zakat; sumbangan daripada anak-anak yang telah bekerja; hasil jualan pertanian dan lain-lain pendapatan tetap. Manakala pendapatan perkapita pula ialah pendapatan bulanan keluarga yang dibahagikan mengikut bilangan tanggungan.

JADUAL 21.2
KRITERIA KELAYAKAN PEMBERIAN BANTUAN KWAPM

KAWASAN	KRITERIA
Semenanjung Malaysia	Pendapatan Keluarga Tidak Melebihi RM530 Sebulan / Pendapatan Perkapita Tidak Melebihi RM106 Sebulan
Sarawak	Pendapatan Keluarga Tidak Melebihi RM585 Sebulan / Pendapatan Perkapita Tidak Melebihi RM117 Sebulan
Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan	Pendapatan Keluarga Tidak Melebihi RM685 Sebulan / Pendapatan Perkapita Tidak Melebihi RM137 Sebulan

21.4.1.2. Murid yang memerlukan bantuan perlu membuat permohonan setiap tahun dengan melengkapkan Borang Permohonan KWAPM serta mengemukakan dokumen sokongan seperti sijil lahir murid, kad pengenalan ibu bapa/penjaga dan penyata gaji untuk diproses sebelum dikemukakan kepada Jawatankuasa Pengurusan Bantuan untuk pertimbangan. Pihak sekolah kemudiannya perlu menyediakan rumusan permohonan murid dalam Borang Rumusan untuk dikemukakan kepada Kementerian melalui Pejabat Pelajaran Daerah (PPD) bagi tujuan kelulusan muktamad. Semakan Audit terhadap Borang Permohonan KWAPM bagi 1,350 murid yang telah diluluskan bantuan mendapati perkara berikut :-

a. Borang permohonan bagi 10 murid di 4 sekolah di Selangor dan Kelantan tidak disokong dengan dokumen-dokumen yang diperlukan menyebabkan pihak Audit tidak dapat mengesahkan sama ada penerima bantuan telah memenuhi kriteria yang ditetapkan. Dokumen sokongan yang tidak disertakan adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 21.3
BORANG PERMOHONAN KWAPM TIDAK DISOKONG DENGAN DOKUMEN YANG DIPERLUKAN

SEKOLAH	SALINAN DOKUMEN SOKONGAN YANG TIDAK DISERTAKAN				
	SIJIL LAHIR	KAD PENGENALAN IBU	KAD PENGENALAN BAPA	PENYATA GAJI	PENGESAHAN MAJIKAN
SK Berjaya, Tanjong Karang, Selangor	2	1	1	-	-
SJK(T) Ladang Pasir Gajah, Kuala Krai, Kelantan	5	5	5	5	2
SJK(C) Yuk Chai, Kuala Krai, Kelantan	2	-	-	-	-
SK Sungai Sam, Kuala Krai, Kelantan	-	1	1	-	-
JUMLAH	**9**	**7**	**7**	**5**	**2**

b. Bantuan diberikan kepada murid yang tidak memenuhi kriteria yang ditetapkan. Contohnya adalah seperti berikut :-

i. Seramai 12 murid di 4 sekolah telah diluluskan bantuan walaupun pendapatan yang dicatatkan dalam borang permohonan tidak melayakkan murid tersebut mendapat bantuan. Semakan Audit mendapati ruangan pendapatan dalam borang permohonan 12 murid tersebut hanya dicatatkan gaji bersih walaupun ruangan ini sepatutnya mencatatkan semua jenis pendapatan yang diperolehi oleh keluarga murid. Butirannya adalah seperti di **Jadual 21.4. Pada pandangan Audit, Jawatankuasa Pengurusan Bantuan sepatutnya menyemak dengan teliti terhadap maklumat dalam Borang Permohonan KWAPM sebelum meluluskan sesuatu permohonan bagi memastikan hanya murid yang layak diberikan bantuan.**

JADUAL 21.4
BANTUAN DILULUSKAN WALAUPUN PENDAPATAN KELUARGA TIDAK MEMENUHI KRITERIA YANG DITETAPKAN

BILANGAN PERMOHONAN	TAHUN	PENDAPATAN PADA SLIP GAJI (RM)	PENDAPATAN PADA BORANG PERMOHONAN (RM)	PENDAPATAN PERKAPITA BERDASARKAN SLIP GAJI (RM)
SJK (T) Taman Permata, Dengkil, Selangor				
3	2007 dan 2008	700 - 1,500	600 - 877	140 - 250
SK Bandar Teknologi Kajang, Semenyih, Selangor				
1	2008	950	712	190
SK Felda Keratong 1, Bandar Tun Razak, Pahang				
7	2009	1,000 -1,842	765 - 1,000	200 - 490
SK Sungai Puteri, Kuala Rompin, Pahang				
1	2008	933	755	156

ii. Seramai 35 murid di 6 sekolah juga diluluskan bantuan sungguhpun pendapatan yang dicatatkan dalam borang permohonan tidak

melayakkan murid berkenaan menerima bantuan. Perkara ini berlaku kerana kelulusan telah diberi berdasarkan kepada maklumat pendapatan dan tanggungan yang dinyatakan dalam Borang Rumusan yang disediakan oleh pihak sekolah di mana pihak sekolah telah mencatatkan angka pendapatan yang lebih rendah dan menambah bilangan tanggungan daripada yang ditunjukkan dalam borang permohonan murid bagi melayakkan mereka menerima bantuan. Selain itu, terdapat juga sekolah yang mengisi Borang Rumusan terlebih dahulu untuk dihantar kepada PPD dan kemudiannya mengarahkan murid melengkapkan borang permohonan. Contoh kes adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 21.5
PERBEZAAN MAKLUMAT BERKENAAN PENDAPATAN DAN TANGGUNGAN PADA BORANG PERMOHONAN KWAPM DENGAN BORANG RUMUSAN

BILANGAN MURID	BORANG PERMOHONAN		BORANG RUMUSAN		PERBEZAAN	
	PENDAPATAN (RM)	BILANGAN TANGGUNGAN	PENDAPATAN (RM)	BILANGAN TANGGUNGAN	PENDAPATAN (RM)	BILANGAN TANGGUNGAN
SK Bandar Teknologi Kajang, Semenyih, Selangor						
8	713.00 - 1,765.59	4 - 9	420.00 - 1,264.00	5 - 10	100.00 - 850.00	1 - 4
SJK(T) Taman Permata, Dengkil, Selangor						
7	600.00 - 1,345.08	3 - 6	450.00 - 600.00	5 - 8	50.00 - 895.08	1 - 5
SK Felda Keratong 1, Bandar Tun Razak, Pahang						
13	765.00 - 2,000.00	3 - 8	450.00 - 650.00	5 - 8	250.00 - 1,500.00	2 - 5
SK Jaya Gading, Kuantan, Pahang						
4	650.00 - 900.00	4 - 6	400.00 - 600.00	5 - 6	200.00 - 300.00	1
SK Sungai Puteri, Kuala Rompin, Pahang						
2	700.00 - 754.69	4 - 6	500.00 - 754.00	3 - 8	0.69 - 200.00	1 - 2
SK Leban Chondong, Kuala Rompin, Pahang						
1	650.00	5	370.00	6	280.00	1

21.4.1.3. Bagi mendapatkan pengesahan lanjut mengenai kelayakan penerima bantuan, pihak Audit telah menemu bual 404 murid yang menerima bantuan pada tahun 2009 di 42 sekolah yang dilawati. Pemilihan murid adalah berdasarkan data daripada Sistem Maklumat Murid yang dicetak, Borang Rumusan Tahun 2009 atau dipilih oleh Guru Besar sekolah berkenaan secara rawak. Hasil temu bual ini mendapati wujud keraguan terhadap maklumat pendapatan yang diberi kerana jumlah pendapatan yang dilaporkan tidak memungkinkan keluarga mereka memiliki kemudahan ASTRO; kenderaan melebihi daripada sebuah dan memasang penghawa dingin di rumah. Ringkasan penemuan Audit daripada maklum balas yang diterima adalah seperti berikut :-

a. Sebanyak 75 (18.6%) keluarga memiliki kemudahan ASTRO di rumah.

b. Sebanyak 72 (17.8%) keluarga memiliki antara 2 hingga 6 kenderaan sama ada motosikal, kereta, van atau lori.

c. Sebanyak 9 keluarga memiliki pendingin hawa antara 1 hingga 2 unit di rumah masing-masing.

21.4.1.4. Jawatankuasa Pengurusan Bantuan perlu mengadakan mesyuarat bagi menyemak, memilih dan memperakukan murid yang layak menerima bantuan. Selepas mesyuarat diadakan, pihak sekolah perlu menyediakan rumusan permohonan murid dalam Borang Rumusan untuk dikemukakan kepada Kementerian melalui PPD bagi tujuan kelulusan. Semakan Audit mendapati Jawatankuasa Pengurusan Bantuan di beberapa sekolah tidak ditubuhkan/tidak menjalankan fungsinya dengan berkesan seperti penjelasan berikut :-

a. Dua daripada 45 sekolah yang dilawati iaitu **SJK(C) Su Lee, Sarikei** dan **SK Gumbang, Bau di Sarawak** tidak menubuhkan Jawatankuasa Pengurusan Bantuan. Bagaimanapun, **SJK(C) Su Lee, Sarikei** telah menubuhkan jawatankuasa berkenaan selepas teguran Audit.

b. Bagi 43 sekolah yang telah menubuhkan jawatankuasa tersebut, 21 sekolah dapat mengemukakan semua minit mesyuarat; 17 sekolah tidak dapat mengemukakan minit mesyuarat dengan lengkap manakala 5 sekolah langsung tidak dapat mengemukakan minit mesyuarat untuk semakan Audit. Sekolah yang terlibat adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 21.6
MINIT MESYUARAT TIDAK DIKEMUKAKAN/TIDAK LENGKAP

NEGERI	SEKOLAH	TAHUN 2007		TAHUN 2008		TAHUN 2009	
		TAHUN 2 - 6	TAHUN 1 DAN PELARASAN / TINGKATAN 1	TAHUN 2 - 6	TAHUN 1 DAN PELARASAN / TINGKATAN 1	TAHUN 2 - 6	TAHUN 1 DAN PELARASAN / TINGKATAN 1
Selangor	SK Bandar Teknologi Kajang, Semenyih	/	x	x	x	x	/
	SJK (T) Ladang Jugra, Kuala Langat	x	x	x	x	x	x
	SJK (T) Sungai Buaya, Kuala Langat	/	x	/	x	/	x
Kelantan	SJK (T) Ladang Pasir Gajah, Kuala Krai	x	x	x	x	x	x
	SK Chuchoh Puteri, Kuala Krai	x	x	x	x	x	x
	SK Ulu Kusial, Tanah Merah	/	x	/	x	/	x
Pahang	SK Jaya Gading, Kuantan	x	x	/	/	/	/
	SK Tanjong Gemok, Kuala Rompin	x	x	/	/	/	/
	SK Sarang Tiong, Kuala Rompin	/	x	/	/	/	/
	SK Felda Keratong 1, Bandar Tun Razak	x	x	/	/	/	x

NEGERI	SEKOLAH	TAHUN 2007		TAHUN 2008		TAHUN 2009	
		TAHUN 2 - 6	TAHUN 1 DAN PELARASAN / TINGKATAN 1	TAHUN 2 - 6	TAHUN 1 DAN PELARASAN / TINGKATAN 1	TAHUN 2 - 6	TAHUN 1 DAN PELARASAN / TINGKATAN 1
Sarawak	SK Jagoi, Bau	/	/	/	/	/	x
	SK Serabak, Bau	x	x	x	/	/	/
	SK Opar, Bau	/	x	/	x	/	/
	SJK (C) Kwong Kok, Sibu	x	/	/	/	/	/
	SK Bandaran Sibu No.2, Sibu	x	x	x	x	x	x
	SK Sibu Jaya, Sibu	x	x	x	x	x	x
	SK Plaman Baki / Menaul, Serian	x	/	x	/	x	/
	SK Gemang, Serian	x	/	x	x	/	/
	SK St. Dominic, Pichin, Serian	x	/	/	/	/	/
	SK St. James, Quop, Serian	/	/	/	/	x	x
	SK St. Francis Xavier, Kanowit	/	x	/	x	/	x
	SMK Kanowit, Kanowit	/	x	/	x	/	/

Nota : ***(/) - Minit Mesyuarat Dapat Dikemukakan*** ***(x) - Minit Mesyuarat Tidak Dapat Dikemukakan***

c. Pihak Audit telah membuat semakan secara terperinci terhadap minit mesyuarat yang dikemukakan oleh 38 sekolah dan mendapati 19 daripadanya menyediakan minit mesyuarat secara umum di mana minit tersebut tidak menyatakan bilangan permohonan yang diterima; bilangan yang diperakukan untuk kelulusan bantuan dan asas perakuan dibuat.

d. Bagi permohonan yang melibatkan murid Tahun 2 hingga 6, Borang Rumusan hendaklah dikumpul dan diselaraskan oleh JPN/PPD dan seterusnya dikemukakan kepada Kementerian pada atau sebelum 15 Ogos tahun sebelumnya bagi sekolah di Semenanjung Malaysia/1 September tahun sebelumnya bagi sekolah di Sabah dan Sarawak. Bagi permohonan yang melibatkan murid Tahun 1/pelarasan permohonan murid Tahun 2 hingga 6 (murid yang layak tetapi belum diberi bantuan pada tahun berkenaan), Borang Rumusan perlu dikemukakan kepada Kementerian pada atau sebelum 1 Mac tahun semasa bagi Semenanjung Malaysia/15 Mac bagi Sabah dan Sarawak. Semakan Audit mendapati **SK Jagoi, Bau, Sarawak dan SK Sokor, Tanah Merah, Kelantan telah mengadakan mesyuarat pemilihan murid Tahun 2 hingga 6 pada awal tahun bagi permohonan tahun 2007 hingga 2009 sedangkan Borang Rumusan bagi permohonan tersebut telah dikemukakan pada tahun sebelumnya.**

e. Bagi 5 sekolah di Kelantan dan satu sekolah di Pahang, didapati borang permohonan tidak dilengkapkan dengan catatan kelulusan oleh Jawatankuasa Pengurusan Bantuan sebagai bukti kelulusan telah diberikan. Contoh kes mengikut sekolah adalah seperti berikut :-

JADUAL 21.7
KELULUSAN TIDAK DICATATKAN DALAM BORANG PERMOHONAN

SEKOLAH	KELULUSAN JAWATANKUASA PENGURUSAN BANTUAN TIDAK DICATATKAN DALAM BORANG PERMOHONAN (Bilangan Kes)
SK Ulu Kusial, Tanah Merah, Kelantan	14
SJK(C) Yuk Chai, Kuala Krai, Kelantan	5
SJK(T) Ladang Pasir Gajah, Kuala Krai, Kelantan	5
SJK(C) Yuk Cheng,Tanah Merah, Kelantan	4
SK Sungai Sam, Kuala Krai, Kelantan	2
SK Jaya Gading, Kuantan, Pahang	5
JUMLAH KES	**35**

Pada pandangan Audit, bagi memastikan kelayakan penerima bantuan tidak dipertikaikan, Jawatankuasa Pengurusan Bantuan hendaklah memastikan semua borang permohonan diisi dengan lengkap dan disokong dengan dokumen sokongan. Minit mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Bantuan pula perlu menyatakan dengan jelas maklumat-maklumat yang berhubung dengan jumlah pemohon, bilangan yang diperakukan untuk kelulusan bantuan serta asas perakuan dibuat. Bagi kes di mana pihak sekolah mencatatkan maklumat pendapatan dan tanggungan yang tidak benar pada Borang Rumusan bagi tujuan melayakkan seseorang murid menerima bantuan, Kementerian hendaklah menyiasat perkara ini dan seterusnya mengambil tindakan ke atas guru yang berkenaan.

21.4.2. Kelemahan Menguruskan Pengagihan Bantuan

Bagi sekolah-sekolah di Semenanjung Malaysia, wang bantuan disalurkan oleh Kementerian dengan cara mengkreditkannya terus ke dalam akaun sekolah. Manakala bagi sekolah-sekolah di Sabah dan Sarawak, wang bantuan dikredit ke dalam akaun PPD terlebih dahulu sebelum diagihkan kepada sekolah. Bantuan Persekolahan bagi murid Tahun 2 hingga 6 perlu disalurkan sebelum sesi persekolahan tahun baru bermula. Bagi murid-murid Tahun 1/pelarasan Tahun 2 hingga 6 yang mana permohonan bantuan diterima pada tahun semasa, tiada norma masa ditetapkan oleh Kementerian untuk mengagihkan wang Bantuan Persekolahan kepada murid berkenaan. Didapati wang Bantuan Persekolahan tersebut disalurkan kepada sekolah atau PPD antara bulan April hingga September tahun semasa. Bagi Bantuan Am pula, wang bantuan disalurkan 2 kali setahun iaitu pada bulan April dan Julai. Semakan Audit mendapati beberapa kelemahan dalam urusan pengagihan bantuan kepada sekolah atau PPD di negeri yang dilawati seperti berikut :-

21.4.2.1. Bagi tempoh tahun 2007 hingga 2009, Kementerian lewat menyalurkan wang Bantuan Persekolahan bagi murid Tahun 2 hingga 6 kepada sekolah-sekolah atau PPD antara 7 hingga 68 hari daripada tarikh bermulanya sesi persekolahan tahun baru. Selain itu, bagi Bantuan Am kedua yang

sepatutnya diagihkan pada bulan Julai, didapati Kementerian hanya menyalurkan wang bantuan itu bagi tahun 2007 pada bulan September dan Oktober 2007 manakala wang bantuan bagi tahun 2008 pada bulan November 2008 iaitu kelewatan antara 26 hingga 72 hari. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 21.8
WANG BANTUAN LEWAT DISALURKAN
KEPADA SEKOLAH DAN PEJABAT PENDIDIKAN DAERAH

JENIS BANTUAN	TAHUN	SELANGOR		KELANTAN		PAHANG		SARAWAK	
		TARIKH BAYARAN	TEMPOH KELEWATAN (HARI)	TARIKH BAYARAN	TEMPOH KELEWATAN (HARI)	TARIKH BAYARAN	TEMPOH KELEWATAN (HARI)	TARIKH BAYARAN	TEMPOH KELEWATAN (HARI)
Bantuan Persekolahan Murid Tahun 2 - 6	2007	16.02.07	35	28.12.06	-	29.12.06	-	22.01.07	16
	2008	15.01.08	11	15.01.08	11	09.01.08	7	17.01.08	13
	2009	19.02.09	36	31.03.09	64	20.03.09	57	06.04.09	68
Bayaran Kedua Bantuan Am	2007	05.09.07	26	11.09.07	30	17.09.07	34	01.10.07	44
	2008	11.11.08	72	07.11.08	70	10.11.08	71	03.11.08	67

21.4.2.2. Mengikut penjelasan Kementerian, kelewatan agihan Bantuan Persekolahan bagi murid Tahun 2 hingga 6 pada tahun 2007 dan 2008 adalah disebabkan bilangan sekolah yang banyak dan proses kelulusan untuk bayaran adalah dilaksanakan secara manual. Mulai tahun 2009, Kementerian telah menggunakan data daripada Sistem Bank Data Kemiskinan Nasional (e-Kasih) sebagai asas pemberian bantuan KWAPM bagi menggantikan maklumat murid yang diperolehi daripada Borang Rumusan yang dihantar oleh sekolah. Data e-Kasih yang diselenggarakan oleh Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri adalah untuk menyimpan maklumat penerima bantuan bagi semua jenis bantuan yang disalurkan oleh Kerajaan untuk mengelakkan pertindihan penyampaian bantuan. Bagaimanapun, didapati data e-Kasih tidak dilengkapkan dengan nama sekolah murid yang menerima bantuan menyebabkan Kementerian terpaksa merujuk kepada Borang Rumusan yang dihantar oleh sekolah untuk mengagihkan bantuan kepada murid yang diluluskan permohonannya.

21.4.2.3. Semakan Audit selanjutnya mendapati 2 daripada 4 PPD yang dilawati di Sarawak iaitu PPD Serian dan Bau telah mengambil masa yang panjang iaitu antara 7 hingga 39 hari untuk menyalurkan wang bantuan kepada sekolah selepas menerima wang tersebut daripada Kementerian **(Jadual 21.9)**. Manakala bagi PPD Sibu dan PPD Sarikei, analisis tempoh masa penyaluran bantuan tidak dapat dibuat kerana rekod kewangan, subsidiari dan fail surat-menyurat berkenaan KWAPM tidak diselenggara dengan teratur. Mengikut penjelasan Kementerian, kelewatan berlaku kerana PPD terpaksa menguruskan

penyaluran wang bantuan kepada banyak sekolah seperti PPD Serian yang perlu menguruskan penyaluran bantuan kepada 79 sekolah. Selain itu, kelewatan ini juga disebabkan masalah logistik kerana lokasi sekolah yang jauh serta kesukaran perhubungan/komunikasi disebabkan ketiadaan mesin faks dan telefon. Bagaimanapun, Kementerian telah mengenal pasti sekolah di Sarawak yang mempunyai Akaun Kumpulan Wang Kerajaan bagi membolehkan penyaluran bantuan KWAPM dibuat secara terus ke dalam akaun sekolah mulai tahun 2011.

JADUAL 21.9
TEMPOH MASA YANG DIAMBIL OLEH PEJABAT PELAJARAN DAERAH UNTUK MENYALURKAN WANG BANTUAN KE SEKOLAH

TAHUN	TUJUAN BAYARAN	JENIS BANTUAN	PPD	TARIKH TERIMA EFT / CATAT PADA BUKU TUNAI	TARIKH BANTUAN DIAGIHKAN KEPADA SEKOLAH	TEMPOH DIAMBIL (HARI)
2007	Bayaran Pertama Permohonan Murid Tahun 2 - 6	Persekolahan	Serian	25.01.07	12.03.07	32
			Bau	25.01.07	06.03.07	28
		Am	Serian	22.02.07	16.04.07	37
			Bau	25.01.07	06.03.07	28
	Bayaran Pertama Permohonan Murid Tahun 1 dan Pelarasan	Persekolahan	Bau	12.07.07	05.09.07	39
		Am	Bau	12.07.07	05.09.07	39
2008	Bayaran Pertama Permohonan Murid Tahun 2 - 6	Persekolahan	Serian	18.01.08	29.01.08	7
			Bau	17.01.08	29.02.08	31
		Am	Serian	22.01.08	11.02.08	14
			Bau	17.01.08	29.02.08	31
	Bayaran Pertama Permohonan Murid Tahun 1 dan Pelarasan	Persekolahan	Serian	05.09.08	22.10.08	33
			Bau	15.09.08	22.10.08	27
		Am	Serian	05.09.08	22.10.08	33
			Bau	15.09.08	22.10.08	27
	Bayaran Kedua	Am	Serian	05.11.08	26.11.08	15
			Bau	05.11.08	01.12.08	18
2009	Bayaran Pertama Permohonan Murid Tahun 2 - 6	Persekolahan	Bau	09.04.09	20.04.09	7
		Am	Serian	07.04.09	22.04.09	11
			Bau	09.04.09	20.04.09	7

21.4.2.4. Mengikut garis panduan KWAPM, wang bantuan perlu diserahkan kepada murid yang layak dalam masa 7 hari bekerja selepas cek/tunai diterima oleh sekolah. Semakan Audit di 45 sekolah mendapati 29 sekolah telah lewat membuat pembayaran antara 12 hingga 152 hari daripada tarikh cek/tunai diterima **(Jadual 21.10)**. Semakan Audit selanjutnya mendapati kelewatan ini antara lainnya disebabkan oleh Kementerian tidak memaklumkan kepada pihak sekolah sebaik sahaja wang telah dikreditkan ke dalam akaun sekolah. Guru Besar hanya menyedari kemasukan wang tersebut apabila menerima penyata bank pada bulan berikutnya. Terdapat juga sekolah di mana tarikh pengagihan wang bantuan KWAPM adalah tertakluk kepada jadual kehadiran wakil rakyat kawasan/wakil PIBG untuk bersama menyampaikan wang itu kepada murid

berkenaan. Selain itu, kelewatan juga disebabkan pertukaran guru besar yang menandatangani cek, proses pembukaan akaun murid mengambil masa serta kelewatan ibu bapa hadir ke sekolah untuk menerima bayaran walaupun telah diberi peringatan oleh sekolah.

JADUAL 21.10
SEKOLAH LEWAT MEMBAYAR WANG BANTUAN KEPADA MURID

NEGERI	BILANGAN SEKOLAH	TEMPOH KELEWATAN (Hari)
Selangor	4	14 - 152
Kelantan	9	20 -142
Pahang	8	19 - 70
Sarawak	8	12 - 41
JUMLAH	**29**	**12 - 152**

21.4.2.5. Pengagihan wang bantuan kepada murid dibuat melalui 2 kaedah iaitu bayaran secara tunai atau melalui akaun bank murid. Berdasarkan rekod yang diselenggarakan di Kementerian dan Jabatan Pelajaran Negeri, pihak Audit mendapati ada aduan mengenai kes kehilangan wang bantuan di sekolah-sekolah yang membuat pengagihan secara tunai. Kehilangan tersebut berlaku sama ada kerana dirompak semasa wang dikeluarkan dari bank atau diselewengkan oleh guru besar. Sebagai contoh, terdapat 8 kes kehilangan berjumlah RM196,550 dilaporkan dari tahun 2004 hingga 2008 di mana 3 daripadanya telah disiasat oleh Kementerian dan pihak yang terlibat telah dikenakan tindakan. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 21.11
ADUAN KEHILANGAN DAN PENYELEWENGAN WANG KWAPM

SEKOLAH	TAHUN ADUAN	JUMLAH (RM)	SEBAB	STATUS TERKINI
SK Kuala Tatau, Bintulu, Sarawak	2004	23,400	Menyalahgunakan Wang KWAPM Oleh Guru Besar	Dikenakan hukuman tatatertib iaitu Ámaran dan Turun Pangkat
SJK(T) Sungai Buaya, Kuala Langat, Selangor	2006	16,450	Kehilangan Wang KWAPM Oleh Guru Besar	Kes tidak dapat diselesaikan kerana maklumat tidak lengkap. Murid-murid berkenaan telah tamat sekolah
SJK(T) Kuang, Rawang, Selangor	2007	13,300	Kehilangan Wang KWAPM Oleh Guru Besar	Guru Besar telah dikenakan tindakan surcaj
SJK(T) Ladang Nigel Gadner, Batang Berjuntai, Selangor	2007	12,000	Kehilangan Wang KWAPM Oleh Guru Besar	Guru Besar telah dikenakan tindakan surcaj
SK Lubok Mawang, Kapit, Sarawak	2007	6,800	Kegagalan Guru Besar Menyerahkan Duit KWAPM	Tiada maklumat
SK Oyan Tengah, Kapit, Sarawak	2007	10,500	Kegagalan Guru Besar Menyerahkan Duit KWAPM	Tiada maklumat
SK Kalabakan, Tawau, Sabah	2007	70,000	Menyalahgunakan Wang KWAPM Oleh Guru Besar	Sukar diteruskan memandangkan tiada rekod kewangan sekolah
SK Long Busang, Belaga, Sarawak	2008	44,100	Aduan Penyelewengan Kewangan Oleh Guru Besar	Tiada maklumat
JUMLAH		**196,550**		

Pada pandangan Audit, bagi memastikan norma masa pengagihan wang bantuan dipatuhi oleh pihak sekolah, Kementerian perlu memaklumkan kepada pihak sekolah sebaik sahaja wang bantuan telah dikreditkan ke dalam akaun sekolah dengan menggunakan medium elektronik seperti e-mel atau sistem pesanan ringkas. Di peringkat sekolah pula, Kementerian disyorkan supaya mewajibkan semua sekolah mengkreditkan wang bantuan terus ke akaun penerima bantuan. Tindakan ini juga dapat mengelakkan kes kehilangan dan penyelewengan wang bantuan. Selain itu, bagi kes-kes kehilangan yang masih belum selesai, Kementerian perlu mempercepatkan siasatan dan mengambil tindakan terhadap pihak yang didapati bersalah.

21.4.2.6. Bagi **SK Sungai Sireh, Tanjong Karang, Selangor, SK Felda Keratong 1, Bandar Tun Razak, Pahang dan SK St. Francis Xavier, Kanowit, Sarawak,** pihak Audit mendapati pihak sekolah telah membuat potongan ke atas wang bantuan bagi bayaran seperti yuran PIBG, tanda nama murid, yuran untuk kelas intensif, yuran Majlis Sukan Sekolah Malaysia, insurans murid, kertas ujian dalaman dan sukan tahunan sekolah tanpa persetujuan daripada Jawatankuasa Pengurusan Bantuan. Selain itu, potongan secara *lump sum* juga telah dibuat terhadap Bantuan Am yang diterima pada bulan April 2009 berjumlah RM250 bagi 3 murid untuk tujuan bayaran yuran pengangkutan bagi bulan Januari hingga Mei 2009 di **SK Felda Keratong 1, Bandar Tun Razak, Pahang**. Bagi penerima bantuan yang lain, potongan bayaran tidak dapat disemak untuk pengesahan kerana rekod berkaitannya tidak dapat dikemukakan. **Pada pandangan Audit, Kementerian hendaklah memastikan wang bantuan digunakan mengikut tujuan yang ditetapkan. Bagi tujuan ini, rekod-rekod yang berhubung dengannya hendaklah disemak dari semasa ke semasa oleh Bahagian Audit Dalam Kementerian dan Bahagian Audit Sekolah.**

21.4.3. Rekod Bayaran Tidak Diselenggarakan Dengan Lengkap

Pihak sekolah perlu menyelenggara Borang KWAPM B (Akuan Penerimaan Bantuan KWAPM) yang ditandatangani oleh ibu bapa/penjaga murid sebagai bukti wang bantuan KWAPM telah diterima. Selain itu, pihak sekolah juga perlu menyelenggara rekod kewangan seperti Buku Tunai dan rekod subsidiari. Semakan Audit mendapati perkara berikut :-

21.4.3.1. **SJK(T) Taman Permata, Dengkil, Selangor** tidak dapat mengemukakan Borang KWAPM B untuk tahun 2007 dan 2008 untuk semakan Audit. Bagaimanapun, pihak sekolah telah mengemaskinikan rekod tersebut selepas teguran Audit. Selain itu, 2 sekolah di Sarawak iaitu **SK Plaman Baki/Menaul, Serian dan SK Jagoi, Bau** tidak mengguna pakai Borang KWAPM B, sebaliknya menggunakan borang mengikut format sendiri. Bagaimanapun, borang tersebut tidak mengandungi ruangan tarikh dan jumlah bantuan yang diterima. Semakan Audit terhadap Borang KWAPM B bagi 5 sekolah di Selangor, Pahang dan Sarawak mendapati borang tersebut tidak

dilengkapkan dengan maklumat seperti tarikh, jumlah bantuan diterima, tandatangan dan nombor kad pengenalan ibu bapa/penjaga.

21.4.3.2. Adalah didapati **PPD Sibu** tidak menyelenggara rekod subsidiari KWAPM manakala 3 sekolah iaitu **SK Sungai Sireh, Tanjong Karang dan SJK(T) Ladang Jugra, Kuala Langat dan SK Chuchoh Puteri, Kuala Krai** tidak mengemaskinikan rekod subsidiari. Ini menyebabkan PPD dan pihak sekolah sukar menentukan urusan terimaan, bayaran dan pulangan balik kepada pihak yang berkenaan. Selain itu, ketepatan mengenai bayaran tidak dapat disahkan. Perkara ini berlaku kerana Pembantu Tadbir yang menguruskan rekod kewangan kurang mahir menyelenggara Buku Tunai dan rekod subsidiari disebabkan tidak mendapat latihan yang secukupnya.

21.4.3.3. Mengikut rekod di JPN Sarawak, **PPD Bintulu** telah memulangkan wang lebihan KWAPM berjumlah RM77,900 dan RM89,300 masing-masingnya bagi tahun 2006 dan 2007 kepada Kementerian manakala **PPD Sibu** pula telah mengembalikan sejumlah RM59,850 bagi tahun 2007. Kedua-dua kes pemulangan ini dibuat tanpa disertai dengan senarai nama murid yang tidak dapat diberi bantuan yang antara sebabnya ialah telah bertukar ke sekolah lain. Semakan Audit selanjutnya mendapati kedua-dua PPD berkenaan tidak menyelenggarakan Buku Tunai dan rekod subsidiari dengan lengkap. Bagaimanapun, kedua-dua PPD berkenaan mula mengambil tindakan mengemaskinikan rekod masing-masing selepas menerima teguran dari pihak Audit.

Pada pandangan Audit, guru dan Pembantu Tadbir yang bertanggungjawab menguruskan KWAPM perlu diberi latihan mengenai penyelenggaraan rekod yang berkaitan secara berterusan.

21.5. SYOR AUDIT

Bagi memastikan pengurusan Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin diuruskan dengan cekap dan teratur, Kementerian Pelajaran Malaysia (Kementerian) disyorkan supaya melaksanakan perkara-perkara berikut :-

21.5.1. Bagi memastikan kelayakan penerima bantuan tidak dipertikaikan, Jawatankuasa Pengurusan Bantuan hendaklah memastikan semua borang permohonan diisi dengan lengkap dan disokong dengan dokumen sokongan. Minit mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Bantuan pula perlu menyatakan dengan jelas maklumat-maklumat yang berhubung dengan jumlah pemohon, bilangan yang diperakukan untuk kelulusan bantuan serta asas perakuan dibuat. Bagi kes di mana pihak sekolah mencatatkan maklumat pendapatan dan tanggungan yang tidak benar pada Borang Rumusan bagi tujuan melayakkan seseorang murid menerima bantuan, Kementerian hendaklah menyiasat perkara ini dan seterusnya mengambil tindakan ke atas guru yang berkenaan.

21.5.2. Bagi memastikan norma masa pengagihan wang bantuan dipatuhi oleh pihak sekolah, Kementerian perlu memaklumkan kepada pihak sekolah sebaik sahaja wang bantuan telah dikreditkan ke dalam akaun sekolah dengan menggunakan medium elektronik seperti e-mel atau sistem pesanan ringkas.

21.5.3. Bagi mengelakkan kes kehilangan dan penyelewengan wang bantuan, adalah disyorkan supaya Kementerian mewajibkan semua sekolah mengkreditkan wang bantuan terus ke akaun penerima bantuan. Selain itu, bagi kes-kes kehilangan wang bantuan yang masih belum selesai, Kementerian perlu mempercepatkan siasatan dan mengambil tindakan terhadap pihak yang didapati bersalah.

21.5.4. Memastikan wang bantuan digunakan mengikut tujuan yang telah ditetapkan. Bagi tujuan ini, rekod-rekod berhubung dengannya hendaklah disemak dari semasa ke semasa oleh Bahagian Audit Dalam Kementerian dan Bahagian Audit Sekolah.

21.5.5. Menyediakan kemudahan *helpdesk* serta muat naik panduan/pekeliling/ arahan yang berkaitan di laman web Kementerian bagi memudahkan rujukan serta memastikan segala peraturan dapat diakses oleh pihak-pihak yang memerlukan. Manakala bagi mempertingkatkan pengurusan rekod-rekod kewangan di peringkat sekolah, guru dan Pembantu Tadbir perlu diberi latihan yang berkaitan secara berterusan.

22. PROJEK MEREKABENTUK, MEMBINA, MEMBEKAL, MENYIAP DAN MENYENGGARA SET JANAKUASA DI SEKOLAH-SEKOLAH KAWASAN LUAR BANDAR NEGERI SARAWAK

22.1. LATAR BELAKANG

22.1.1. Projek Merekabentuk, Membina, Membekal, Menyiap Dan Menyenggara Set Janakuasa Bagi Sekolah-sekolah Di Kawasan Luar Bandar Negeri Sarawak (Projek) pada asalnya melibatkan 432 sekolah iaitu 424 sekolah rendah dan 8 sekolah menengah di seluruh negeri Sarawak. Bagaimanapun, bilangan sekolah yang terlibat telah dikurangkan kepada 429 akibat daripada 2 sekolah akan ditutup dan 1 sekolah telah mempunyai bekalan elektrik. Objektif Projek adalah untuk membekalkan tenaga elektrik 24 jam ke semua sekolah di negeri Sarawak sebelum hujung tahun 2007. Sekolah-sekolah ini dibekalkan dengan tenaga elektrik sama ada daripada janakuasa ataupun grid bekalan elektrik awam.

22.1.2. Projek ini melibatkan 2 peringkat iaitu peringkat pembangunan dan peringkat operasi. Kos projek dianggarkan berjumlah RM1,005.60 juta di mana kos pembangunan berjumlah RM445.01 juta manakala kos operasi pula berjumlah RM560.59 juta. Di peringkat pembangunan, skop kerja adalah berkaitan dengan penyediaan infrastruktur seperti penyediaan janakuasa, pembinaan rumah janakuasa, pendawaian luaran dan dalaman, pendawaian semula serta pembekalan dan pemasangan peralatan elektrik. Peringkat operasi pula berkaitan dengan penyenggaraan dan pembekalan bahanapi diesel untuk menjanakan elektrik. Bagi sekolah-sekolah yang berdekatan dengan grid bekalan elektrik awam, hanya kerja-kerja pendawaian sahaja dijalankan.

22.1.3. Kementerian Pelajaran Malaysia (Kementerian) telah menganugerahkan projek ini kepada 11 kontraktor secara rundingan terus setelah mendapat kelulusan daripada Kementerian Kewangan. Projek ini dilaksanakan secara reka dan bina di mana kontraktor bertanggungjawab merekabentuk, membina, membekal, menyiap dan menyenggara semua janakuasa. Pelaksanaan Projek telah dibahagikan kepada 11 pakej di mana setiap kontraktor adalah bertanggungjawab terhadap 1 pakej. Pakej tersebut adalah meliputi 11 bahagian iaitu Kuching, Sarikei, Miri, Samarahan, Sri Aman, Sibu, Limbang, Kapit, Bintulu, Mukah dan Betong.

22.1.4. Pengarah Projek ialah Ketua Setiausaha Kementerian Pelajaran Malaysia manakala Pengarah Jabatan Kerja Raya (JKR) Sarawak dilantik sebagai wakil Kementerian yang antara lainnya bertanggungjawab memantau pelaksanaan projek; mengesahkan kerja yang dilaksanakan oleh kontraktor serta membuat verifikasi terhadap tuntutan bayaran yang dikemukakan oleh kontraktor kepada Kementerian. Selaras dengan kaedah reka dan bina, pihak kontraktor telah melantik perundingnya

bagi mengesahkan tuntutan bayaran dan kerja-kerja yang dilaksanakan sebelum tuntutan tersebut dikemukakan kepada JKR Sarawak.

22.1.5. Bagi tempoh tahun 2006 hingga 2009, kesemua 429 sekolah yang terlibat telah mendapat bekalan elektrik di mana sebanyak 367 sekolah telah mendapat bekalan elektrik daripada set janakuasa dan 62 sekolah daripada grid bekalan awam melibatkan perbelanjaan berjumlah RM840.80 juta.

22.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada Projek Merekabentuk, Membina, Membekal, Menyiap Dan Menyenggara Set Janakuasa Bagi Sekolah-sekolah Di Kawasan Luar Bandar Negeri Sarawak telah dirancang dan dilaksanakan dengan teratur, cekap dan berhemat bagi mencapai objektif yang ditetapkan.

22.3. SKOP DAN KAEDAH PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi perancangan, pelaksanaan, pemantauan terhadap Projek Merekabentuk, Membina, Membekal, Menyiap Dan Menyenggara Set Janakuasa Di Sekolah – sekolah Kawasan Luar Bandar Negeri Sarawak bagi tempoh tahun 2006 hingga 2009. Pemeriksaan terhadap dokumen-dokumen yang berkaitan dengan pelaksanaan projek ini telah dijalankan di peringkat Kementerian, Jabatan Pelajaran Negeri Sarawak dan JKR Sarawak. Lawatan Audit telah dilakukan ke 46 sekolah yang meliputi 11 pakej. Selain itu, borang soal selidik juga telah diedarkan kepada sekolah-sekolah terlibat melalui Jabatan Pelajaran Negeri Sarawak untuk mendapat maklum balas berhubung dengan keberkesanan projek ini.

22.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan April hingga September 2009 mendapati **secara keseluruhannya Projek Merekabentuk, Membina, Membekal, Menyiap Dan Menyenggara Set Janakuasa Di Sekolah-Sekolah Kawasan Luar Bandar Negeri Sarawak telah mencapai objektifnya kerana telah berjaya membekal elektrik secara mencukupi dan berterusan untuk kegunaan sekolah-sekolah tersebut. Bagaimanapun, pihak Audit mendapati beberapa kelemahan dalam pelaksanaan projek ini yang perlu diperbetulkan dengan segera. Antaranya ialah kelewatan menandatangani perjanjian kontrak; perancangan projek yang kurang memuaskan sehingga menyebabkan pembaziran; projek lewat disiapkan; kerja tidak mengikut spesifikasi; syarat kontrak berhubung dengan penggunaan bahanapi diesel tidak menjaga kepentingan Kerajaan kerana tiada peruntukan yang membenarkan pelarasan dibuat mengikut penggunaannya yang sebenar; perubahan skop kerja tidak disokong dengan Arahan Perubahan Kerja dan bayaran dibuat bagi kerja/perkhidmatan yang tidak dilaksanakan/dibekalkan.** Penjelasan lanjut berhubung dengan perkara yang ditemui adalah seperti di perenggan-perenggan berikut :-

22.4.1. Kelewatan Menandatangani Kontrak

Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 2 Tahun 1995 menetapkan kontrak hendaklah ditandatangani secepat mungkin selepas semua syarat dipersetujui oleh kedua-dua pihak dan selewat-lewatnya 4 bulan dari tarikh Surat Setuju Terima (SST) dikeluarkan. Berdasarkan 11 pakej yang diaudit, pihak Audit mendapati perjanjian kontrak bagi 7 pakej telah lewat ditandatangani antara 88 hingga 165 hari **(Jadual 22.1)**. Kelewatan menandatangani kontrak menyukarkan Kerajaan untuk mengambil tindakan terhadap kontraktor sekiranya ia tidak melaksanakan kerja-kerjanya dengan teratur. Mengikut penjelasan daripada Kementerian, kontrak lewat ditandatangani kerana Kementerian memerlukan masa untuk menyelaraskan keperluannya dengan cadangan daripada kontraktor dan kelewatan perunding mengesahkan dokumen-dokumen yang akan dijadikan dokumen kontrak seperti kelulusan jenama, lukisan kerja dan spesifikasi yang dicadangkan. Bagi Pakej Kuching pula, pihak Audit tidak dapat menentukan sama ada berlaku kelewatan menandatangani kontrak kerana tarikh tidak dicatatkan pada dokumen kontrak.

JADUAL 22.1
KELEWATAN MENANDATANGANI KONTRAK

PAKEJ	NAMA KONTRAKTOR	TARIKH SURAT SETUJU TERIMA	TARIKH PERJANJIAN	TEMPOH KELEWATAN (HARI)
Sri Aman	Raya Khas Sdn. Bhd.	30.01.07	27.08.07	88
Sibu	Visulume Energy Sdn. Bhd.	05.12.06	28.08.07	146
Limbang	Valkua(M) Sdn. Bhd.	30.01.07	28.08.07	89
Kapit	Gabungan Binaan Jurutenaga Sdn. Bhd.	01.02.07	25.09.07	117
Bintulu	Rina Enterprise	02.02.07	28.08.07	89
Mukah	Masama Sdn. Bhd.	30.11.06	23.08.07	145
Betong	Intra Emas Sdn. Bhd.	28.11.06	12.09.07	165

22.4.2. Kelemahan Dalam Perancangan Projek

Perancangan hendaklah dibuat dengan teliti untuk memastikan projek dapat dilaksanakan dengan cekap dan berkesan. Semakan Audit mendapati wujud beberapa kelemahan yang berpunca daripada perancangan yang kurang memuaskan seperti berikut :-

22.4.2.1. Kerja Pendawaian Dan Pemasangan Peralatan Elektrik Yang Dirobohkan

a. Skop kerja bagi projek ini adalah termasuk kerja pendawaian serta pembekalan dan pemasangan peralatan elektrik seperti kipas siling, lampu, suis lampu dan soket elektrik. Bagaimanapun, pemeriksaan Audit di 4 sekolah mendapati beberapa bangunan seperti sekolah, asrama, dewan makan dan stor yang telah siap dibuat kerja-kerja pendawaian dan pemasangan peralatan elektrik terpaksa dirobohkan untuk projek

penggantian/menaik taraf/pengubahsuaian bangunan sekolah yang dilaksanakan oleh Kementerian/Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri/pihak sekolah. Butirannya adalah seperti di **Jadual 22.2**. Pihak Audit tidak dapat menentukan perbelanjaan yang telah dilakukan bagi kerja-kerja pendawaian dan pemasangan peralatan elektrik tersebut memandangkan bayaran dibuat secara *lump sum* dan perincian harga tidak disediakan.

JADUAL 22.2
BANGUNAN SEKOLAH YANG TELAH DILAKSANAKAN KERJA-KERJA PENDAWAIAN DAN PEMASANGAN PERALATAN ELEKTRIK TERPAKSA DIROBOHKAN

NAMA SEKOLAH/ (PAKEJ)	TARIKH SIAP KERJA PENDAWAIAN DAN PEMASANGAN PERALATAN ELEKTRIK	PEMERHATIAN AUDIT SEMASA LAWATAN DIJALANKAN	TARIKH DIROBOH
SK Telagus Jerok (Samarahan)	22.01.2008	Bangunan sekolah lama yang telah dibuat kerja pendawaian dan pemasangan peralatan elektrik telah dirobohkan **akibat daripada pembinaan sekolah baru di bawah Projek Penggantian Bangunan Sekolah di bawah Rancangan Malaysia Ke-9**. **(Gambar 22.1)**	25.09.2008
		Lampu-lampu jalan serta tiangnya yang dipasang di bawah projek janakuasa diturunkan semula untuk tujuan pembinaan sekolah baru tersebut. **(Gambar 22.2)**	
SK Kambug, Padawan (Kuching)	04.01.2008	Sebuah bangunan asrama yang telah dijalankan kerja pendawaian dan pemasangan peralatan elektrik telah dirobohkan **untuk pembinaan dewan makan baru di bawah Projek Menaik Taraf Bangunan Sekolah oleh ICU; Jabatan Perdana Menteri. (Gambar 22.3)**	19.10.2008
SK Kuala Nyalau (Bintulu)	04.12.2007	Blok Pentadbiran sedang diubahsuai dan diperbesarkan **menyebabkan pendawaian dan pemasangan peralatan elektrik yang telah dibuat perlu ditanggalkan dan diganti baru. (Gambar 22.4)**	04.07.2008
		Sebuah bangunan yang menempatkan asrama dan dewan makan yang telah dijalankan kerja pendawaian dan pemasangan peralatan elektrik telah dirobohkan **akibat daripada pelaksanaan Projek Ubahsuai Dan Naik Taraf SK Kuala Nyalau (Bintulu)**.	
SK Sg. Badengan (Mukah)	14.11.2007	Stor yang telah dijalankan kerja pendawaian dan pemasangan peralatan elektrik dirobohkan oleh pihak sekolah. **Sebabnya tidak dapat ditentukan.**	17.10.2008

GAMBAR 22.1



SK Telagus Jerok, Samarahan
- Sekolah Lama Yang Telah Dipasang Pendawaian Dan Peralatan Elektrik Dirobohkan Bagi Membina Sekolah Baru
(15.05.2009)

GAMBAR 22.2



SK Telagus Jerok, Samarahan
- Lampu Jalan Diturunkan Setelah Siap Dipasang
(15.05.2009)

GAMBAR 22.3



SK Kambug, Padawan
- Bangunan Asrama Yang Telah Dijalankan Kerja Pendawaian Dan Pemasangan Peralatan Elektrik Dirobohkan Dan Tapaknya Telah Dibina Dewan Makan Baru
(22.04.2009)

GAMBAR 22.4



SK Kuala Nyalau, Bintulu
- Pengubahsuaian Blok Pentadbiran Sedang Dijalankan Semasa Lawatan Audit
(05.05.2009)

b. Mengikut penjelasan Kementerian, Projek Merekabentuk, Membina, Membekal, Menyiap Dan Menyenggara Set Janakuasa Di Sekolah - sekolah Kawasan Luar Bandar Negeri Sarawak bersifat *ad-hoc* dan berkeperluan segera di mana perancangannya dibuat secara tergesa-gesa tanpa mengambil kira perancangan projek lain yang telah diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Ke-9.

22.4.2.2. Pendawaian Dan Peralatan Elektrik Dipasang Pada Bangunan Sekolah Yang Daif

Lawatan Audit ke beberapa sekolah mendapati bangunan seperti dewan makan, bilik darjah, asrama serta kuarters guru dan kakitangan sekolah dipasang pendawaian dan peralatan elektrik walaupun bangunannya berada dalam keadaan yang daif/tidak kukuh. Contohnya adalah seperti di **Gambar 22.5 hingga 22.8**. Sungguhpun lokasi tersebut yang dibuat kerja pendawaian dan peralatan elektrik adalah mengikut syarat kontrak, namun bagi menjaga keselamatan murid dan guru di sekolah tersebut sekiranya berlaku litar pintas, adalah wajar ia dipasang pada bangunan yang kukuh seperti mana pandangan yang telah diberi oleh Syarikat SESCO Berhad.

GAMBAR 22.5



GAMBAR 22.6



SK Nanga Budu, Betong
- Kuarters Guru Yang Daif Tidak Sesuai Dipasang Pendawaian Dan Peralatan Elektrik
(19.05.2009)

GAMBAR 22.7



GAMBAR 22.8



SK Rumah Undi, Miri
- Dewan Makan Yang Daif Tidak Sesuai Dipasang Pendawaian Dan Peralatan Elektrik
(18.05.2009)

Pada pandangan Audit, bagi mengelakkan pembaziran wang awam akibat daripada berlaku pertindihan projek, Kementerian perlu mengadakan perancangan yang rapi dan meningkatkan koordinasi dengan pihak yang terlibat seperti Jabatan Perdana Menteri, Jabatan Pelajaran Negeri Sarawak dan Pejabat Pendidikan Daerah bagi pelaksanaan projek-projek yang akan datang.

22.4.3. Kelewatan Menyiapkan Projek

Mengikut syarat kontrak, kerja-kerja peringkat pembangunan seperti pembinaan rumah janakuasa, pendawaian, pendawaian semula dan pemasangan peralatan elektrik sepatutnya disiapkan dalam tempoh 8 bulan dari tarikh SST dikeluarkan. Semakan Audit mendapati kerja-kerja di peringkat pembangunan bagi 161 sekolah tidak dapat disiapkan mengikut tempoh yang ditetapkan dan kontraktor telah diluluskan lanjutan masa antara 76 hingga 165 hari. Lanjutan masa ini diberikan oleh Kementerian atas kelewatannya meluluskan penukaran jenama set janakuasa; menguruskan pelantikan *Multimodal Transport Operator (MTO)* dan memberi persetujuan kepada Syarikat SESCO Bhd. membuat kerja-kerja penyambungan. Bagaimanapun, **didapati kerja-kerja tersebut masih tidak dapat disiapkan pada tarikh akhir lanjutan masa. Tempoh kelewatan adalah antara 7 hingga 658 hari.** Kementerian telah mengenakan denda berjumlah RM4.17 juta kepada kontraktor yang berkaitan dan denda tersebut telah dikutip melalui pemotongan bayaran kemajuan kerja. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 22.3
KELEWATAN MENYIAPKAN PROJEK DAN DENDA YANG DIKENAKAN

PAKEJ	NAMA KONTRAKTOR	BILANGAN SEKOLAH TERLIBAT	TEMPOH KELEWATAN SELEPAS BERAKHIRNYA LANJUTAN MASA (Hari)	DENDA DIKENAKAN KEPADA KONTRAKTOR TERLIBAT (RM Juta)
Kuching	Syarikat Punang Kelapang Sdn. Bhd.	17	7 - 361	0.14
Sri Aman	Raya Khas Sdn. Bhd.	-	-	-
Sibu	Visulume Energy Sdn. Bhd.	31	7 - 658	0.89
Miri	Tele Kenyalang Engineering Sdn. Bhd.	2	58 - 77	0.11
Limbang	Valkua(M) Sdn. Bhd.	4	30 - 345	0.10

PAKEJ	NAMA KONTRAKTOR	BILANGAN SEKOLAH TERLIBAT	TEMPOH KELEWATAN SELEPAS BERAKHIRNYA LANJUTAN MASA (Hari)	DENDA DIKENAKAN KEPADA KONTRAKTOR TERLIBAT (RM Juta)
Sarikei	Semariang Bumi PJ	35	115	1.57
Kapit	Gabungan Binaan Jurutenaga Sdn. Bhd.	16	7 - 117	0.33
Samarahan	Letrik Synergy Sdn. Bhd.	47	120	0.85
Bintulu	Rina Enterprise	1	12	0.01
Mukah	Masama Sdn. Bhd.	8	37 - 126	0.17
Betong	Intra Emas Sdn. Bhd.	-	-	-
JUMLAH		**161**	**7 - 658**	**4.17**

22.4.4. Perbezaan Butiran Terperinci Di *Contract Sum Analysis* Dalam Perjanjian Kontrak

Semakan Audit terhadap dokumen kontrak bagi 11 pakej mendapati butiran kos yang dinyatakan dalam *Contract Sum Analysis* tidak seragam di mana hanya 3 kontrak menunjukkan butiran kos terperinci terhadap *Contractual and General Requirements* manakala 8 kontrak yang lain menetapkan kos secara *lump-sum* sahaja. Selain itu, butiran lain dalam *Contract Sum Analysis* seperti *building works, other works* dan *turnkey elements* juga didapati tidak seragam di mana ada kontrak yang tidak menetapkan kos terperinci bagi kerja-kerja tersebut. Masalah ini berlaku kerana kurangnya penyelarasan antara pihak Kementerian dan perunding di mana perunding yang berbeza telah dilantik sendiri oleh 11 kontraktor yang terlibat. Ketiadaan penyelarasan dan penyeragaman dalam *Contract Sum Analysis* telah menyebabkan perbandingan skop dan kos kerja tidak dapat dilakukan dengan tepat. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 22.4
PERBEZAAN BUTIRAN DALAM *CONTRACT SUM ANALYSIS*

PAKEJ	*CONTRACT SUM ANALYSIS*							
	i	ii	iii	iv	v	vi	vii	viii
Kuching	x	x	/	/	/	/	/	/
Sri Aman	x	x	/	/	/	x	/	/
Sibu	x	x	/	/	/	x	/	/
Miri	/	x	/	/	/	x	/	x
Limbang	x	x	/	/	/	/	/	/
Sarikei	x	x	/	/	/	x	/	x
Kapit	/	x	/	/	/	x	/	x
Samarahan	x	x	/	/	/	x	/	x
Bintulu	x	x	/	/	/	x	/	/
Betong	/	/	/	/	/	x	/	x
Mukah	x	x	/	/	/	x	/	/

Nota : ***(x) - Tidak Ada Butiran Terperinci*** ***(/) - Ada Butiran Terperinci***

i. Contractual and General Requirement
ii. Building Works
iii. External Works
iv. Electrical Works
v. Mechanical Services
vi. Other Works
vii. Maintenance
viii. Turnkey Elements

Pada pandangan Audit, setiap kontrak perlu disediakan dengan terperinci yang mengandungi butiran dan kos bagi setiap kerja supaya penilaian dan pemantauan dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan.

22.4.5. Spesifikasi Kontrak Tidak Dipatuhi

22.4.5.1. Peralatan Elektrik Kurang Dipasang

Lawatan Audit ke 46 sekolah mendapati peralatan elektrik seperti *oscillating ceiling fan, power point* dan *lighting double* (*bare)* tidak dipasang mengikut spesifikasi kontrak di mana kuantiti yang sebenarnya dipasang kurang dari bilangan yang ditetapkan **(Jadual 22.5)**. Kementerian dalam maklum balasnya menjelaskan bahawa sebarang percanggahan/kekurangan akan diselaraskan semula semasa penyediaan akaun muktamad.

JADUAL 22.5
PEMASANGAN PERALATAN ELEKTRIK TIDAK MENGIKUT KUANTITI YANG DITETAPKAN DALAM KONTRAK

PERALATAN	BILANGAN PERALATAN ELEKTRIK		
	MENGIKUT SPESIFIKASI (Unit)	SEBENAR DIPASANG (Unit)	PERBEZAAN (Unit)
Oscillating Ceiling Fan	382	362	20
Power Point	6,422	6,380	42
Lighting Double (Bare)	343	187	156

Pada pandangan Audit, Kementerian tidak sepatutnya menunggu sehingga peringkat penyediaan akaun muktamad untuk menyelaraskan bayaran. Sebaliknya pemotongan bagi nilai kerja yang tidak dilaksanakan boleh dibuat melalui bayaran kemajuan kerja.

22.4.5.2. Sistem Pencegahan Kebakaran Rumah Janakuasa

Mengikut syarat kontrak, setiap rumah janakuasa hendaklah dipasang dengan sistem pencegahan kebakaran. Sistem ini perlu dilengkapi dengan pengesan asap dan hawa panas yang disambungkan kepada silinder-silinder karbon dioksida melalui alat *relay*. Lawatan Audit mendapati *relay* tidak disambung kepada sistem pencegahan kebakaran bagi 9 sekolah di Sri Aman, Betong, Kapit dan Bintulu walaupun pembayaran bagi pemasangan sistem pencegahan kebakaran adalah termasuk kos pemasangan *relay.* Oleh itu, sistem pencegahan kebakaran tersebut tidak berfungsi seperti yang sepatutnya. Mengikut penjelasan kontraktor, *relay* tersebut tidak disambung kerana ianya akan mengaktifkan *pilot cylinder* untuk semburan karbon dioksida di dalam rumah janakuasa sekiranya asap dari pembakaran ladang dan sampah di kawasan sekitar masuk ke rumah janakuasa. Di samping itu, kontraktor juga berpendapat bahawa janakuasa akan rosak apabila ianya disembur oleh karbon dioksida. Butirannya adalah seperti di jadual dan gambar-gambar berikut :-

JADUAL 22.6
***RELAY* TIDAK DISAMBUNG KEPADA SISTEM PENCEGAHAN KEBAKARAN**

PAKEJ	NAMA SEKOLAH
Sri Aman	SJK(C) Chung Hua, Bangkong, Sri Aman
	SK Nanga Kesit, Sri Aman
	SK Ulu Engkari, Sri Aman
	SK Ulu Lemanak, Sri Aman
Betong	SJK St. John, Ng. Tiga, Betong
	SK Nanga Lawih, Betong
	SK Ulu Awik, Betong
Kapit	SK Nanga Merit, Kapit
Bintulu	SK Ulu Kakus, Bintulu

GAMBAR 22.9



SK Ulu Awik, Betong
- Relay Yang Tidak Disambung
(11.05.2009)

GAMBAR 22.10



SK Nanga Kesit, Sri Aman
- Relay Yang Tidak Disambung
(11.05.2009)

Pada pandangan Audit, Kementerian sepatutnya merujuk perkara ini kepada Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia bagi menentukan kesesuaian penyambungan *relay* tersebut kepada sistem pencegahan kebakaran atau untuk mendapat alternatif lain bagi membolehkan kontraktor melaksanakannya supaya sistem tersebut dapat berfungsi sepenuhnya. Perkara ini perlu diberi perhatian apabila tawaran kontrak baru dibuat selepas kontrak sedia ada tamat pada bulan Jun 2010.

22.4.6. Penggunaan Bahanapi Diesel

Mengikut dokumen *pre-bid*, pengiraan harga bahanapi diesel merangkumi ciri-ciri seperti kos bahanapi diesel, kos pengangkutan dan untung kasar. Kuantiti bahanapi diesel yang dibekalkan pula dikira mengikut kapasiti operasi penuh janakuasa. Semua unsur di atas telah diambil kira semasa menetapkan jumlah penggunaan bahanapi diesel yang diperlukan untuk tempoh penyenggaraan selama 24 bulan. Jumlah kos bekalan bahanapi diesel yang melibatkan 11 pakej adalah berjumlah RM390.75 juta seperti di **Jadual 22.7**. Semakan Audit terhadap SK Kambug, Padawan; SK Daha, Serian; SMK Bairo, Baram dan SJK Chung Hwa Bangkong, Sri Aman mendapati sekolah-sekolah ini menggunakan antara 2 hingga 4 unit Generator (Saiz 40KVA/100KVA). Semakan Audit selanjutnya mendapati purata

bahanapi diesel yang digunakan untuk generator berkenaan di sekolah tersebut bagi bulan Januari hingga Jun 2009 adalah antara 2,400 liter hingga 3,133 liter sebulan. Bagaimanapun, jumlah penggunaan bahanapi diesel yang dituntut oleh kontraktor berkenaan adalah antara 9,636 liter hingga 16,381 liter sebulan seperti mana yang ditetapkan dalam kontrak. Didapati **syarat kontrak tidak menjaga kepentingan Kerajaan kerana tiada peruntukan yang membenarkan pelarasan dibuat mengikut penggunaan bahanapi diesel yang sebenarnya.** Ini menyebabkan Kerajaan perlu menanggung lebihan kos penggunaan bahanapi diesel sehingga kontrak tamat. **Selain daripada 4 sekolah tersebut, pihak Audit tidak dapat menentukan sama ada perkara yang sama juga berlaku di 2 sekolah lain yang diaudit iaitu SK Nanga Budu, Saratok dan SK Ulu Awik, Saratok kerana dokumen *pre-bid* tidak dikemukakan. Bagi kontrak baru yang akan dibuat selepas kontrak sedia ada tamat pada bulan Jun 2010, Kementerian perlu memastikan peruntukan yang membenarkan pelarasan dibuat mengikut penggunaan bahanapi diesel yang sebenarnya dimasukkan dalam kontrak bagi menjaga kepentingan Kerajaan.**

JADUAL 22.7
KOS BEKALAN BAHANAPI DIESEL
UNTUK 24 BULAN TEMPOH PENYENGGARAAN

PAKEJ	AMAUN (RM JUTA)
Kuching	9.73
Sri Aman	31.69
Sibu	34.55
Miri	78.15
Limbang	13.49
Sarikei	24.76
Kapit	92.04
Samarahan	14.42
Bintulu	44.42
Betong	23.50
Mukah	24.00
JUMLAH	**390.75**

22.4.7. Bayaran Terhadap Kerja-kerja Dan Perkhidmatan Yang Tidak Dilaksanakan/Disempurnakan

Mengikut Arahan Perbendaharaan 102, setiap pembayaran hendaklah dibuat berdasarkan kepada pengesahan terhadap barangan, perkhidmatan dan kerja yang telah dibekalkan/disempurnakan. Ketidakpatuhan terhadap peraturan ini boleh menyebabkan pegawai yang berkenaan dikenakan tindakan *surcaj* selaras dengan kehendak Akta Acara Kewangan 1957. Semakan Audit terhadap baucar bayaran mendapati **5 jenis kerja dan perkhidmatan bernilai RM10.73 juta telah dibayar tetapi kerja dan perkhidmatan tidak disempurnakan (Jadual 22.8)**. Butiran lanjut mengenai kerja/perkhidmatan yang terlibat adalah seperti berikut :-

22.4.7.1. Papan Tanda Projek

Kementerian telah membuat pembayaran berjumlah RM0.17 juta kepada kontraktor-kontraktor bagi Pakej Kuching, Sri Aman, Sibu, Limbang, Bintulu dan Mukah untuk kerja pemasangan papan tanda projek walaupun kerja-kerja tersebut tidak dilaksanakan. Pihak Audit juga mendapati kontrak tidak ada menyatakan mengenai kerja-kerja pemasangan papan tanda projek bagi 6 pakej tersebut.

22.4.7.2. Pematuhan Terhadap Peraturan Pihak Berkuasa Tempatan

Kementerian telah membuat pembayaran berjumlah RM0.22 juta kepada kontraktor-kontraktor bagi Pakej Miri, Sarikei, Kapit, Samarahan dan Betong di bawah perkara *Compliance With Requirement of Local Authorities.* Bagaimanapun, pihak Audit tidak menemui sebarang bukti berhubung kerja/ perkhidmatan yang telah dilaksanakan oleh kontraktor bagi memenuhi keperluan Pihak Berkuasa Tempatan.

22.4.7.3. Pembinaan Jalan Masuk Dan Jalan Sementara

Pihak Audit mendapati tiada jalan masuk dan jalan sementara baru yang dibina di sekolah-sekolah yang dilawati melainkan jalan asal yang sedia ada sebelum projek ini bermula. Bagaimanapun, Kementerian telah membuat pembayaran berjumlah RM2.59 juta kepada kontraktor-kontraktor bagi 11 pakej terlibat di bawah perkara *Access And Temporary Roads.*

22.4.7.4. Penjagaan Alam Sekitar Dan Laporan *Environmental Impact Assessment*

Dokumen *pre-bid* telah menyatakan bahawa tiada keperluan untuk menyediakan laporan *Environmental Impact Assessment* (EIA) kerana ianya tidak relevan dengan projek janakuasa ini. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati Kementerian telah membuat pembayaran berjumlah RM0.22 juta kepada kontraktor-kontraktor bagi Pakej Miri, Sarikei, Kapit, Samarahan dan Betong walaupun laporan tersebut tidak disediakan. Selain itu, tiada peruntukan dalam kontrak mengenai keperluan menyediakan laporan EIA ini bagi Pakej Sarikei dan Samarahan.

22.4.7.5. Penyediaan Jalan Masuk Ke Sekolah

Semakan Audit mendapati *Contract Sum Analysis* bagi Pakej Kuching dan Limbang ada menunjukkan perincian kos bagi kerja penyediaan jalan masuk ke sekolah. Bagaimanapun, pihak Audit mendapati tiada jalan masuk baru yang dibina di sekolah-sekolah yang dilawati bagi kedua-dua pakej tersebut kecuali jalan asal yang sedia ada sebelum projek ini bermula. Bagaimanapun, Kementerian telah membuat pembayaran berjumlah RM7.53 juta kepada kontraktor terlibat di bawah perkara *Preparation For Accessibility To Rural*

School And Logistic Unit. Berdasarkan penjelasan yang diterima dari Kementerian, kerja penyediaan jalan masuk ke sekolah hanya melibatkan kawasan di dalam sekolah sahaja dan bergantung kepada cadangan asal kontraktor dan kelulusan perunding. Kementerian juga mengakui wujud kelemahan dalam *needs statement* di mana ianya adalah tidak jelas dan membawa maksud yang berbeza-beza.

JADUAL 22.8
BAYARAN TERHADAP KERJA-KERJA DAN PERKHIDMATAN YANG TIDAK DILAKSANAKAN/DISEMPURNAKAN

PAKEJ	JENIS KERJA/PERKHIDMATAN					JUMLAH
	PAPAN TANDA PROJEK	KEPATUHAN TERHADAP PERATURAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN	JALAN MASUK DAN JALAN SEMENTARA	PENJAGAAN ALAM SEKITAR DAN LAPORAN EIA	PENYEDIAAN JALAN MASUK KE SEKOLAH	
	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)
Kuching	0.01	-	0.13	-	0.11	0.25
Sri Aman	0.03	-	0.36	-	-	0.39
Sibu	0.04	-	0.47	-	-	0.51
Miri	-	0.08	0.19	0.08	-	0.35
Limbang	0.02	-	0.26	-	7.42	7.70
Sarikei	-	0.03	0.07	0.03	-	0.13
Kapit	-	0.07	0.18	0.07	-	0.32
Samarahan	-	0.02	0.04	0.02	-	0.08
Bintulu	0.04	-	0.47	-	-	0.51
Mukah	0.03	-	0.37	-	-	0.40
Betong	-	0.02	0.05	0.02	-	0.09
JUMLAH	**0.17**	**0.22**	**2.59**	**0.22**	**7.53**	**10.73**

22.4.8. Arahan Perubahan Kerja Tidak Dikeluarkan Bagi Perubahan Skop Kerja Yang Dilakukan

Mengikut syarat kontrak, sekiranya ada perubahan skop kerja, Arahan Perubahan Kerja Tambahan/Pengurangan perlu dipohon oleh pihak kontraktor, dinilai dan disokong oleh pihak perunding serta diluluskan oleh Pengarah Projek. Semakan Audit mendapati perubahan skop kerja tambahan bernilai RM6.54 juta dan perubahan skop kerja pengurangan bernilai RM9.43 juta telah dilakukan oleh kontraktor, namun Arahan Perubahan Kerja tidak dikeluarkan. Di samping itu, bagi perubahan kerja tambahan/pengurangan yang lain seperti penukaran jenis paip; rumah janakuasa tanpa pagar dan perparitan; saiz rumah janakuasa yang lebih kecil dan penukaran skop penyambungan elektrik awam, kos yang terlibat belum ditentukan. Butirannya adalah seperti di **Jadual 22.9**. Mengikut penjelasan yang diterima dari Kementerian, perkara ini akan diselaraskan di peringkat akaun muktamad. Oleh yang demikian, penambahan atau pengurangan skop kerja yang telah dilaksanakan masih belum dikeluarkan Arahan Perubahan Kerja dan kos berkaitan masih belum dipelaraskan.

JADUAL 22.9
PERUBAHAN SKOP KERJA TAMBAHAN DAN PENGURANGAN YANG TIDAK DISOKONG DENGAN ARAHAN PERUBAHAN KERJA

PAKEJ	NAMA KONTRAKTOR	PERUBAHAN SKOP KERJA	AMAUN		
			TAMBAHAN (RM Juta)	PENGURANGAN (RM Juta)	KOS BELUM DITENTUKAN
Kuching	Syarikat Punang Kelapang	Tiga sekolah digugurkan:- i. SK Semban, Padawan ii. SK Taba Sait, Padawan iii. SK Pedaun Bawah, Bau	-	5.86	
Sibu	Visulume Energy Sdn. Bhd.	i. SK Iban Union - tukar skop asal dan tambahan sekolah untuk skop *Operations & Maintenance* sahaja	2.54	-	-
		ii. Saiz rumah janakuasa kecil daripada *Working Drawings*	-	-	/
		iii. *GI pipe* ditukar kepada *PVC*	-	-	/
		iv. Rumah janakuasa tanpa pagar	-	-	/
		v. Kurang 4 *bay*	-	-	/
		vi. Tidak ada jalan laluan kecil ke rumah janakuasa	-	-	/
		vii. Tidak ada parit di sekeliling rumah janakuasa	-	-	/
Miri	Tele Kenyalang Engineering Sdn. Bhd.	3 tangki minyak 5,000 liter setiap satu bagi 3 sekolah tidak dibekalkan atas sebab sekolah menggunakan tangki yang sedia ada	-	-	/
Samarahan	Letrik Synergy Sdn. Bhd.	i. Bangunan sekolah dirobohkan	-	-	/
		ii. Tukar skop kepada sambungan elektrik awam	-	-	/
Bintulu	Rina Enterprise	*GI pipe* ditukar kepada *PVC*	-	-	/
Mukah	Masama Sdn. Bhd.	i. SK Batang Igan - Tambahan kepada skop asal	3.57	-	-
		ii. Rumah janakuasa untuk 29 sekolah tidak dipasang dengan *acoustic wall*	-	0.07	-
		iii. Tukar skop kepada penyambungan elektrik awam	-	3.50	-
		iv. *GI pipe* ditukar kepada *PVC*	-	-	/
Betong	Intra Emas Sdn. Bhd.	i. 9 sekolah terlibat pendawaian ke bangunan baru	0.43	-	-
		ii. *GI pipe* ditukar kepada *PVC*	-	-	/
JUMLAH			**6.54**	**9.43**	

Pada pandangan Audit, Arahan Perubahan Kerja hendaklah dikeluarkan dengan segera. Bagi beberapa perubahan kerja yang lain di mana kos terlibat belum ditentukan, Kementerian perlu menyelaraskan kosnya semasa membuat bayaran kemajuan projek.

22.4.9. Tindakan Pelupusan Tidak Diambil

Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 5 Tahun 2007, pelupusan terhadap aset Kerajaan hendaklah dijalankan dengan segera sekiranya aset tersebut tidak ekonomi untuk dibaiki, rosak, usang, tidak boleh digunakan atau berlebihan. Mengikut rekod Jabatan Pelajaran Negeri Sarawak setakat 30 Jun 2009, sebanyak 1,047 unit janakuasa lama yang dibekalkan di bawah RMK-8 masih disimpan di sekolah masing-masing walaupun telah didapati rosak, usang, tidak digunakan atau berlebihan. Perkara ini berlaku disebabkan Kementerian belum membuat keputusan

terhadap pelupusan janakuasa berkenaan. Janakuasa yang belum dilupuskan adalah seperti di gambar-gambar berikut :-

GAMBAR 22.11



SK Telok Melano, Kuching
- Janakuasa Rosak Dan Tidak Ekonomi Dibaiki Masih Belum Dilupuskan
(25.05.2009)

GAMBAR 22.12



SK Nanga Budu, Betong
- Janakuasa Rosak Dan Tidak Ekonomi Dibaiki Masih Belum Dilupuskan
(19.05. 2009)



GAMBAR 22.13

SK Ulu Engkari, Sri Aman
- Janakuasa Rosak Dan Tidak Ekonomi Dibaiki Masih Belum Dilupuskan
(14.05.2009)

Pada pandangan Audit, tindakan pelupusan perlu dibuat dengan segera terhadap janakuasa yang telah rosak dan usang supaya Kerajaan mendapat hasil melalui jualan sisa. Manakala janakuasa yang berlebihan boleh disumbangkan kepada penduduk tempatan atau agensi lain yang memerlukannya.

22.4.10. Maklum Balas Kepuasan Pelanggan

Maklum balas kepuasan pelanggan adalah penting untuk mendapat pandangan daripada pelanggan setakat mana pembekalan elektrik 24 jam kepada 429 sekolah luar bandar di Sarawak telah mencapai matlamatnya. Kajian kepuasan pelanggan telah dijalankan melalui soal selidik dan temu bual dengan guru di 46 sekolah yang dipilih. Daripada jumlah tersebut, 42 (89%) responden telah memberikan maklum balas. Rumusan terhadap maklum balas tersebut adalah seperti berikut :-

22.4.10.1. Seramai 38 atau 90% responden berpendapat bekalan elektrik mencukupi.

22.4.10.2. Seramai 37 atau 88% responden berpuas hati dengan bekalan elektrik yang disediakan.

22.4.10.3. Seramai 5 atau 12% responden tidak berpuas hati terhadap bekalan elektrik yang disediakan kerana kuasa janakuasa yang rendah; perkhidmatan kurang efisien diberi oleh kontraktor semasa bekalan elektrik terputus; masalah pendawaian dan putus bekalan bahanapi.

22.5. SYOR AUDIT

Bagi mempertingkatkan lagi prestasi pengurusan projek pembekalan elektrik ke sekolah luar bandar di negeri Sarawak dan projek lain di masa akan datang, Kementerian Pelajaran Malaysia (Kementerian) disyorkan supaya mengambil tindakan-tindakan berikut :-

22.5.1. Bagi mengelakkan pembaziran wang awam akibat daripada berlaku pertindihan projek, Kementerian perlu mengadakan perancangan yang rapi dan meningkatkan koordinasi dengan pihak yang terlibat seperti Jabatan Perdana Menteri, Jabatan Pelajaran Negeri Sarawak dan Pejabat Pendidikan Daerah bagi pelaksanaan projek-projek yang akan datang.

22.5.2. Memastikan setiap kontrak disediakan dengan terperinci yang mengandungi butiran dan kos bagi setiap kerja supaya penilaian dan pemantauan dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan.

22.5.3. Kementerian tidak sepatutnya menunggu sehingga peringkat penyediaan akaun muktamad untuk menyelaraskan bayaran. Sebaliknya pemotongan bagi nilai kerja yang tidak dilaksanakan boleh dibuat melalui bayaran kemajuan kerja.

22.5.4. Merujuk masalah penyambungan *relay* kepada sistem pencegahan kebakaran kepada Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia bagi menentukan kesesuaian penyambungannya atau mendapat alternatif lain bagi membolehkan kontraktor melaksanakannya supaya sistem tersebut dapat berfungsi sepenuhnya. Perkara ini perlu diberi perhatian apabila tawaran kontrak baru dibuat selepas kontrak sedia ada tamat pada bulan Jun 2010.

22.5.5. Selain daripada 4 sekolah yang diaudit di mana penggunaan bahanapi diesel adalah lebih rendah daripada jumlah yang boleh dituntut oleh kontraktor, siasatan yang menyeluruh juga perlu dijalankan untuk menentukan sama ada perkara yang sama berlaku di sekolah-sekolah lain. Bagi kontrak baru yang akan dibuat selepas kontrak sedia ada tamat pada bulan Jun 2010, Kementerian perlu memastikan peruntukan yang membenarkan pelarasan dibuat mengikut penggunaan bahanapi diesel yang sebenarnya dimasukkan dalam kontrak bagi menjaga kepentingan Kerajaan.

22.5.6. Arahan Perubahan Kerja hendaklah dikeluarkan dengan segera. Bagi beberapa perubahan kerja yang lain di mana kos terlibat belum ditentukan, Kementerian perlu menyelaraskan kosnya semasa membuat bayaran kemajuan projek.

22.5.7. Tindakan pelupusan dibuat dengan segera terhadap janakuasa yang telah rosak dan usang supaya Kerajaan mendapat hasil melalui jualan sisa. Manakala janakuasa yang berlebihan boleh disumbangkan kepada penduduk tempatan atau agensi lain yang memerlukannya.

23. PENYEDIAAN MAKANAN SECARA *OUTSOURCING*

23.1. LATAR BELAKANG

Sajian dan Dietetik merupakan salah satu daripada aktiviti di bawah Program Rawatan Perubatan di hospital Kementerian Kesihatan Malaysia (Kementerian). Objektif penswastaan perkhidmatan penyediaan makanan (*outsourcing*) ialah untuk mempertingkatkan kualiti perkhidmatan makanan kepada pesakit. Kementerian telah menandatangani kontrak bernilai RM67.92 juta dengan 2 syarikat untuk membekalkan makanan bermasak kepada 7 hospital bagi tempoh 3 tahun. Skop perkhidmatan penyediaan makanan secara *outsourcing* adalah :-

a. Makanan dimasak dan disediakan di Jabatan Dietetik Dan Sajian Hospital.

b. Perolehan bahan mentah, penyimpanan, penyediaan, penghidangan makanan bermasak ke dalam *tray* individu, penghantaran dan penghidangan makanan di wad, pengumpulan semula peralatan hidangan dan mencuci peralatan di Jabatan Dietetik Dan Sajian.

c. Menerima pesanan dan menyediakan makanan dalam bentuk diet normal dan diet terapeutik untuk pesakit di wad, ibu/penjaga yang mengiringi anak, *Doctor On Call*, pesakit di wad Rawatan Harian (*Day Care Unit*) dan di Unit Hemodialisis.

23.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada penyediaan makanan secara *outsourcing* di hospital-hospital Kerajaan telah dirancang dan dilaksanakan dengan teratur selaras dengan objektifnya.

23.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan dengan menyemak fail, rekod dan dokumen kontrak yang berkaitan bagi tempoh tahun 2007 hingga 2009 serta mengadakan lawatan ke 5 hospital iaitu Hospital Sungai Buloh, Hospital Ampang dan Hospital Selayang, Selangor; Hospital Pulau Pinang; Pulau Pinang dan Hospital Sultan Ismail, Johor.

23.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Mei hingga September 2009 mendapati **secara keseluruhannya, penyediaan makanan secara *outsourcing* di 5 hospital yang dilawati telah diuruskan dengan baik dan mencapai matlamat yang ditetapkan. Bagaimanapun, terdapat kelemahan dalam pelaksanaan aktiviti**

terutamanya mengenai ketidakpatuhan kontraktor terhadap terma kontrak yang boleh menjejaskan kepentingan Kerajaan. Antaranya ialah kontraktor lewat menjelaskan tunggakan sewa peralatan dan bil utiliti; gagal menggantikan peralatan dapur, kutleri dan krokeri yang telah rosak atau hilang; skala porsi makanan (food portion size) tidak dipatuhi dan perkhidmatan penyediaan makanan kurang *hygenic* yang boleh menjejaskan kesihatan pesakit seperti kontaminasi makanan. Penjelasan lanjut berhubung dengan perkara yang ditemui adalah seperti di perenggan-perenggan berikut :-

23.4.1. Aktiviti Penyediaan Makanan Kurang Memuaskan

23.4.1.1. Sejumlah RM42.29 juta telah diperuntukkan bagi membiayai aktiviti sajian dan makanan di 5 hospital yang dilawati bagi tempoh tahun 2007 hingga 2009 dan sejumlah RM36.39 juta telah dibelanjakan setakat bulan Jun 2009. Bayaran kepada kontraktor pengendali makanan dibuat mengikut bilangan hidangan atau diet yang disediakan mengikut kategori kelas wad atau jenis pesakit seperti di jadual berikut :-

JADUAL 23.1
KOS SEUNIT HIDANGAN MENGIKUT KONTRAK

BUTIRAN HARGA SET MAKANAN, KELAS WAD DAN TAHUN OPERASI			HOSPITAL AMPANG (RM)	HOSPITAL SUNGAI BULOH (RM)	HOSPITAL SULTAN ISMAIL (RM)	HOSPITAL SELAYANG (RM)	HOSPITAL PULAU PINANG (RM)
			KONTRAKTOR PENGENDALI MAKANAN				
			SYKT. SHAIK ISMAIL SHARIFF	SYKT. SHAIK ISMAIL SHARIFF	BESTA CORP. SDN. BHD.	BESTA CORP. SDN. BHD.	BESTA CORP. SDN. BHD.
HARGA SET HIDANGAN MENGIKUT WAD	KELAS 1 & VIP	TAHUN I	22.80	23.90	26.25	23.00	21.75
		TAHUN II	23.70	24.70			
		TAHUN III	24.50	25.50			
	KELAS 2	TAHUN I	19.10	19.90	25.50	21.50	18.90
		TAHUN II	19.90	20.70			
		TAHUN III	20.70	21.50			
	KELAS 3	TAHUN I	17.60	18.40	24.75	20.30	17.90
		TAHUN II	18.40	19.20			
		TAHUN III	19.20	20.00			
	KANAK-KANAK	TAHUN I	14.80	15.40	20.25	17.00	15.50
		TAHUN II	15.40	16.00			
		TAHUN III	16.00	16.60			
HARGA SET HIDANGAN MENGIKUT WAD	HEMODIALISIS	TAHUN I	3.80	4.00	6.50	5.50	-
		TAHUN II	3.90	4.10			
		TAHUN III	4.00	4.20			
	HARIAN *(DAY CARE)*	TAHUN I	9.50	8.80	24.75 *	5.50	-
		TAHUN II	9.90	9.20			
		TAHUN III	10.30	9.60			

Nota : **** - Terdiri Daripada Pecahan Seperti Berikut :-***
Sarapan Pagi RM4.95, Makan Tengahari RM8.70, Minum Petang RM3.70 dan Makan Malam RM7.40

23.4.1.2. Semakan Audit terhadap prestasi penyediaan makanan secara *outsourcing* mendapati beberapa kelemahan seperti berikut :-

a. Kad Menu Tidak Disediakan

Mengikut kontrak, kontraktor hendaklah menyedia dan mengedarkan kad menu harian ke wad VIP dan wad kelas satu bagi pesakit membuat pilihan masakan pedas, tidak pedas atau makanan barat manakala pesakit di wad kelas 2 dan 3 hanya diberi pilihan sama ada pedas atau tidak pedas sahaja. Pilihan menu adalah hanya untuk diet normal dan diet *vegetarian* sahaja manakala tiada pilihan menu bagi diet terapeutik dan diet kanak-kanak. Bagaimanapun pihak Audit mendapati di Hospital Sungai Buloh dan Hospital Ampang, kontraktor **tidak menyediakan kad menu** menyebabkan pesakit tiada alternatif untuk memilih menu makanan. Mengikut maklum balas yang diterima dari Kementerian, kontraktor di kedua-dua hospital tersebut telah mengambil tindakan mengedarkan kad menu ke wad yang berkaitan.

b. Skala Porsi Makanan Tidak Mengikut Kontrak

Kontrak menetapkan skala porsi makanan bagi jenis makanan seperti lauk, sayur-sayuran, buah-buahan, bijirin, minuman dan snek. Penetapan skala porsi adalah berdasarkan berat bahan mentah sebagai contoh, berat ayam setiap hidangan bagi diet dewasa mestilah melebihi 150 gram manakala bagi diet kanak-kanak melebihi 90 gram. Skala porsi ditetapkan berdasarkan kandungan nutrien dan kalori bagi setiap jenis makanan yang diperlukan oleh setiap pesakit. Jabatan Dietetik Dan Sajian dari semasa ke semasa akan mengukur dan menimbang berat bahan makanan mentah bagi memastikan skala porsi yang ditetapkan dipatuhi. Kegagalan kontraktor mematuhi skala porsi makanan akan dikenakan denda/penalti seperti mana yang ditetapkan dalam kontrak. Semakan Audit mendapati **skala porsi makanan telah dipatuhi oleh kontraktor di 4 hospital dan penalti telah dikenakan terhadap kontraktor di Hospital Pulau Pinang yang tidak membekalkan roti bun mengikut berat yang sepatutnya. Kontraktor juga diarahkan supaya membekalkan roti bun seberat 60 gram mulai bulan Januari 2010.**

c. Kontaminasi Makanan Dan Diet Bermutu Rendah

Mengikut kontrak, kontraktor perlu menyediakan sampel makanan untuk diuji rasa oleh Pegawai Dietetik pada setiap waktu hidangan bagi menentukan sama ada diet memenuhi mutu yang telah ditetapkan. Sebarang kontaminasi dan diet bermutu rendah akan dikenakan penalti tertakluk kepada kadar yang ditetapkan dalam kontrak. Sampel uji rasa yang disediakan semasa pengauditan di Hospital Sultan Ismail mendapati **diet bermutu rendah iaitu ayam goreng masih berdarah dan di Hospital Pulau Pinang berlaku kontaminasi makanan iaitu terdapat bulu/rambut dalam sup sayur yang dihidangkan. Gambar 23.1 dan 23.2** adalah berkaitan. Kontaminasi makanan dan makanan bermutu rendah berpunca daripada proses pengendalian makanan tidak mematuhi garis panduan piawai/*Standard Operation Procedure*. Keadaan ini boleh menyebabkan keracunan makanan

atau gejala lain. Bagaimanapun, tindakan mengenakan denda terhadap kontraktor telah dibuat oleh hospital terlibat dengan serta merta.

GAMBAR 23.1



Hospital Sultan Ismail, Johor Bahru
Diet Bermutu Rendah - Ayam Goreng Yang Masih Berdarah
(08.07.2009)

GAMBAR 23.2



Hospital Pulau Pinang
Kontaminasi Makanan - Sup Sayur Yang Tercemar Dengan Bulu/Rambut
(22.07.2009)

d. Terma Mengenai Suhu Makanan Tidak Dikuatkuasakan

Terma kontrak turut menetapkan suhu makanan yang dihantar kepada pesakit perlu dikekalkan iaitu bagi hidangan panas tidak kurang dari 63º celsius dan hidangan sejuk tidak melebihi 3º celsius. Ini adalah bagi mengekalkan mutu dan vitamin makanan yang dihidangkan. Selain itu, kontrak juga menetapkan bahawa kontraktor perlu menyediakan peralatan memasak, menghidang dan menyimpan makanan panas/sejuk. Semakan Audit mendapati Jabatan Dietetik Dan Sajian di hospital yang dilawati ada menjalankan pemantauan terhadap suhu makanan. Namun **tiada sebarang tindakan seperti pengenaan penalti boleh diambil terhadap kontraktor sekiranya terdapat kes di mana penyediaan makanan tidak mematuhi suhu tersebut. Ini adalah kerana kontrak yang ditandatangani tidak mempunyai peruntukan mengenai pengenaan penalti terhadap kes tersebut** kecuali di Hospital Pulau Pinang. Lawatan Audit ke 5 hospital mendapati hanya Hospital Sultan Ismail yang menggunakan peralatan yang sesuai iaitu *Ready To Serve-Burlodge* untuk mengekalkan suhu makanan. Berdasarkan maklum balas Kementerian, satu *template* perjanjian baru telah disediakan dengan mengambil kira peruntukan pengenaan penalti berkaitan suhu makanan untuk diguna pakai di hospital lain bermula dengan kontrak Hospital Sungai Buloh. Sehubungan ini**, Kementerian juga perlu mengkaji tentang keperluan untuk penggunaan peralatan *Ready To Serve-Burlodge* atau mengenal pasti alternatif lain yang sesuai bagi mengekalkan suhu makanan bagi setiap hidangan untuk diguna pakai oleh semua hospital yang terlibat.**

e. Kepuasan Pelanggan

Bagi mengukur sejauh mana kepuasan pesakit/pelanggan terhadap perkhidmatan penyediaan makanan secara *outsourcing*, sebanyak 250 borang soal selidik telah diedarkan di 5 hospital yang dilawati. Sebanyak 233 atau 93.2% borang soal selidik telah dikembalikan dan hasil analisis borang tersebut mendapati perkara-perkara seperti di jadual berikut :-

JADUAL 23.2
ANALISIS BORANG SOAL SELIDIK

PERKARA	BILANGAN RESPONDEN	PERATUS
Tidak menerima kad menu hidangan atau mengetahui bahawa kad menu hidangan disediakan.	96	41.2
Merasakan bahawa menu yang dihidangkan hampir serupa pada setiap hari.	73	31.3
Mendapati makanan telah sejuk pada masa dihidangkan.	110	47.2
Pernah menemui bendasing di dalam hidangan yang disediakan.	60	25.8
Menggemari makanan yang disediakan oleh kontraktor.	142	60.9
Bersetuju dengan jadual masa penghantaran makanan yang ditetapkan oleh hospital.	213	91.4
Berpuas hati dengan tahap kebersihan peralatan hidangan yang disediakan.	210	90.1
Berpuas hati dengan tahap perkhidmatan makanan yang disediakan melalui perkhidmatan *outsourcing*.	179	76.8

Pada pandangan Audit, bagi meningkatkan prestasi penyediaan makanan secara *outsourcing*, adalah disyorkan supaya komen yang diberi oleh pesakit/pelanggan terutamanya mengenai kualiti makanan diambil perhatian.

23.4.2. Pengurusan Kontrak

23.4.2.1. Terma Kontrak Tidak Seragam

Semakan terhadap dokumen kontrak di 5 hospital yang dilawati mendapati wujud ketidakseragaman terma kontrak berkaitan sewa premis/peralatan; pemeriksaan kesihatan; bayaran utiliti; caj cukai perkhidmatan; denda/penalti suhu makanan yang dihidangkan; pemeriksaan peralatan dan kajian kepuasan pelanggan seperti di **Jadual 23.3**. Pihak Audit dimaklumkan ketidakseragaman ini disebabkan terma kontrak dibuat mengikut keperluan hospital masing-masing pada masa itu.

JADUAL 23.3
KETIDAKSERAGAMAN TERMA KONTRAK

BUTIRAN TERMA KONTRAK	HOSPITAL				
	SUNGAI BULOH	PULAU PINANG	SULTAN ISMAIL	SELAYANG	AMPANG
Kekerapan Pemeriksaan Kesihatan Pekerja Secara Berkala Iaitu 3 Bulan Sekali	X	X	X	✓	X
Sewa Premis/Peralatan Dijelaskan Ditetapkan Sebelum 10 Haribulan Bulan Berkenaan	✓	X	X	✓	✓
Bayaran Utiliti (Elektrik, Gas Dan Air) Perlu Dijelaskan Dalam Tempoh 14 Hari Dari Tarikh Bil	✓	X	X	✓	✓
Kekerapan Pemeriksaan Peralatan Dan Penyenggaraan Fizikal 6 Bulan Sekali	✓	✓	X	✓	✓
Cukai Perkhidmatan (5%)	X	X	✓	X	X
Denda/Penalti Suhu Makanan Yang Dihidangkan	X	✓	X	X	X
Kontraktor Menjalankan Kajian Kepuasan Pelanggan 2 Kali Setahun	X	✓	✓	✓	✓

23.4.2.2. Pemeriksaan Kesihatan Tidak Dibuat Secara Berkala

Terma kontrak menetapkan semua pekerja yang diambil oleh kontraktor perlu menjalani pemeriksaan kesihatan, mendapatkan *typhoid vaccine* sebelum mereka dibenarkan bekerja. Pemeriksaan dan suntikan tersebut hendaklah dibuat secara berkala dan laporan mengenainya hendak dikemukakan kepada Kementerian. Bagaimanapun kontrak tidak menyatakan kekerapan pemeriksaan kesihatan dan *typhoid vaccine* serta tempoh masa laporan kesihatan perlu diserahkan kepada pihak Kementerian kecuali Hospital Selayang iaitu setiap 3 bulan sekali bagi laporan *typhoid vaccine* dan setiap tahun bagi laporan pemeriksaan kesihatan. Semakan Audit mendapati Laporan Kesihatan Pekerja tidak disediakan secara berkala, manakala maklumat berkaitan pemeriksaan kesihatan dan *typhoid vaccine* tidak lengkap dan kemas kini. Butirannya adalah seperti di **Jadual 23.4**. Mengikut maklum balas Kementerian, pindaan telah dibuat dalam kontrak baru berkaitan pemeriksaan kesihatan di mana kontraktor disyaratkan memaklumkan kepada pihak hospital mengenai pemeriksaan kesihatan pekerja baru. Manakala *typhoid vaccine* adalah untuk 3 tahun sekali dan setiap pekerja diwajibkan mengambil *typhoid vaccine* dan pemeriksaan kesihatan apabila mula bekerja.

JADUAL 23.4
KEDUDUKAN KAKITANGAN SYARIKAT KONTRAKTOR YANG TELAH/BELUM MENJALANI PEMERIKSAAN KESIHATAN DAN *TYPHOID VACCINE*

NAMA HOSPITAL	TARIKH LAPORAN KESIHATAN	BILANGAN KAKITANGAN KONTRAKTOR	BILANGAN YANG MEMBUAT PEMERIKSAAN KESIHATAN	BILANGAN YANG MENDAPATKAN *TYPHOID VACCINE*
Sungai Buloh	29.02.2008	44	43	24
Pulau Pinang	09.07.2009	92	TM	92
Sultan Ismail	02.12. 2009	56	TM	56
Selayang	TM	TM	TM	TM
Ampang	15.01.2009	62	25	62

Nota : ***TM - Tiada Maklumat***

23.4.2.3. Bayaran Sewa Dapur/Peralatan Dan Utiliti Lewat Dijelaskan

a. Bagi 3 hospital iaitu Hospital Sungai Buloh, Hospital Selayang dan Hospital Ampang, kontrak telah menetapkan bahawa kontraktor perlu menjelaskan sewa bulanan penggunaan dapur dan peralatan sebelum 10 haribulan bulan berkenaan. Semakan Audit mendapati kontraktor lewat menjelaskan sewa bulanan antara 3 hingga 216 hari. Terdapat juga sewa berjumlah RM0.24 juta bagi tempoh bulan Ogos hingga Disember 2009 masih belum dijelaskan oleh 3 hospital tersebut dan juga 2 hospital lain yang dilawati. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 23.5
BAYARAN SEWA DAPUR/PERALATAN

HOSPITAL/ TEMPOH KONTRAK/ SEWA BULANAN	2007		2008		2009		TUNGGAKAN (RM)	CATATAN
	JUMLAH (RM)	LEWAT (Hari)	JUMLAH (RM)	LEWAT (Hari)	JUMLAH (RM)	LEWAT (Hari)		
Sungai Buloh 1/2/2007 - 31/1/2010 RM15,000	TM	TM	165,000	5 - 92	150,000	3 - 93	30,000	Kutipan Januari 2008 Tidak Dapat Disahkan Kerana Tiada Maklumat. Tunggakan Bulan November Hingga Disember 2009
Ampang 1/10/2006 - 30/9/2009 RM4,055.84 (hingga Okt 2007) RM6,344.70 (hingga Okt 08) RM7,771.67 (hingga Okt 2009)	55,536	21-177	80,411	5 - 26	69,945	31- 85	23,315	Tunggakan Bulan Oktober Hingga Disember 2009. Masih Beroperasi Tetapi Kontrak Belum Disambung.
Pulau Pinang 1/10/2007 - 30/9/2010 RM16,000 (hingga Sept 2007) RM20,000 (hingga Sept 2010)	204,000	TS	240,000	TS	140,000	TS	100,000	Kontrak Asal 1/4/2005 - 31/3/2007 Tunggakan Bulan Ogos Hingga Disember 2009
Selayang 5/2/2008 - 14/2/2011 RM18,000 (hingga Jan 2008) RM13,200 (hingga Feb 2011)	216,000	26 -157	163,200	94 - 216	132,000	89 -197	26,400	Kontrak Asal 15/11/2004 - 14/11/2007 Tunggakan Bulan November Hingga Disember 2009.
Sultan Ismail 2/5/2008 - 1/5/2011 RM19,000	TB	TB	152,000	TS	171,000	TS	57,000	Tunggakan Bulan Oktober Hingga Disember 2009
JUMLAH	**475,536**	**21 - 177**	**800,611**	**5 - 216**	**662,945**	**3 - 197**	**236,715**	

Nota : ***TM - Tiada Maklumat*** ***TB - Tidak Berkenaan***
TS - Kontrak Tidak Menetapkan Tempoh Bayar Sewa

b. Mengikut kontrak, penggunaan utiliti seperti elektrik, air dan gas bagi keperluan dapur perlu dijelaskan oleh kontraktor kepada pihak hospital. Bacaan meter utama akan dipecahkan mengikut penggunaan dan bagi tujuan tersebut meter berasingan bagi kegunaan dapur telah disediakan. Setiap bulan pihak hospital akan membaca meter berkaitan dan mengemukakan bil tuntutan kepada kontraktor. Bagi 3 hospital iaitu Hospital Sungai Buloh, Hospital Selayang dan Hospital Ampang, kontrak juga menetapkan bil tersebut hendaklah dijelaskan dalam tempoh 14 hari daripada tarikh bil dikeluarkan. Semakan Audit mendapati kontraktor di 3 hospital tersebut telah lewat menjelaskan bil utiliti antara 11 hingga 231 hari. Sehingga Disember 2009, terdapat juga sejumlah RM0.18 juta bil utiliti masih belum dijelaskan oleh 5 hospital yang dilawati. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 23.6
KELEWATAN KONTRAKTOR MENJELASKAN BIL UTILITI

JENIS UTILITI/TAHUN HOSPITAL/TEMPOH KONTRAK		SUNGAI BULOH	AMPANG	PULAU PINANG	SELAYANG	SULTAN ISMAIL
		1/2/2007 – 31/1/2010	1/10/2006 – 30/9/2009	1/10/2007– 30//9/2010	15/2/2008 – 14/2/2011	2/5/2008 – 1/5/2011
ELEKTRIK						
2007	Purata Guna Sebulan **(RM)**	451.31	241.70	20,108.44	TB	TB
	Tempoh Lewat bayar **(hari)**	217 **(a)**	18 -154	11 - 37	TB	TB
2008	Purata Guna Sebulan **(RM)**	919.54	261.85	21,846.16	15,926.89	214.31
	Tempoh lewat bayar **(hari)**	29 - 217	16 - 39	55 - 90	TM	80 – 170
2009	Purata Guna Sebulan **(RM)**	1,787.06	235.23	25,074.54	13,276.38	1,838.40
	Tempoh lewat bayar **(hari)**	32 - 150	28 - 91	55 - 147	TM	69 – 241
	Tunggakan **(RM)/Tempoh**	3,067.44 (Nov. – Dis.)	1,830.34 (Sept. – Dis.)	105,984.82 (Ogos – Nov.)	TM	3,476.16 (Nov. – Dis.)
AIR						
2007	Purata Guna Sebulan **(RM)**	TM	136.13	1,904.05	TB	TB
	Tempoh lewat bayar **(hari)**	TM **(b)**	18 - 154	11 - 37	TB	TB
2008	Purata Guna Sebulan **(RM)**	654.06	210.47	1,952.16	2,384.47	685.06
	Tempoh lewat bayar **(hari)**	29 - 217	16 - 39	55 - 90	67 - 187	180 – 299
2009	Purata Guna Sebulan **(RM)**	2,053.46	267.36	2,482.62	2,454.60	1,284.39
	Tempoh lewat bayar **(hari)**	32 - 150	28 - 91	55 - 139	67 - 231	93 -241
	Tunggakan **(RM)/Tempoh**	6,272.80 (Nov. – Dis.)	8,312.43 (Sept. – Dis.)	10,609.86 (Ogos – Nov.)	5,104.99 (Nov. –Dis.)	5,787.21 (Okt. – Dis.)
GAS						
2007	Purata Guna Sebulan **(RM)**	387.82	5,296.98	TB	TB	TB
	Tempoh Lewat bayar **(hari)**	223 **(c)**	18 - 154	TB	TB	TB
2008	Purata Guna Sebulan **(RM)**	556.92	8,901.89	TB	3,626.68	493.38
	Tempoh lewat bayar **(hari)**	29 - 223	16 - 39	TB	67 - 187	80 – 170
2009	Purata Guna Sebulan **(RM)**	440.07	5,547.35	TB	3,375.27	311.17
	Tempoh lewat bayar **(hari)**	32 - 150	29 - 91	TB	67 - 231	69 – 241
	Tunggakan **(RM)/Tempoh**	3,074.14 (Nov. – Dis.)	15,324.01 (Sept. – Dis.)	TB	6,620.24 (Nov.- Dis.)	572.40 (Nov. – Dis.)
JUMLAH TERTUNGGAK (RM)		12,414.38	25,466.78	116,594.68	11,725.23	9,835.77
JUMLAH KESELURUHAN (RM)		**176,036.84**				

Nota: ***TM – Tiada Maklumat*** ***TB – Tidak Berkenaan***

a. *Bacaan meter elektrik bagi tempoh Julai 2007 hingga Julai 2008 hanya di baca pada 16.09.2008.*
b. *Bacaan meter air bagi tempoh Julai 2007 hingga Disember 2007 tidak dapat dikesan.*
c. *Bacaan meter gas bagi tempoh Julai 2007 hingga Februari 2008 hanya dibaca pada 12.02.2008*

c. Mengikut maklum balas Kementerian, pihak hospital telah mengambil tindakan dengan mengkontrakan tunggakan sewa dapur/peralatan dan utiliti dengan invois tuntutan bayaran bekalan makanan. Bagi memastikan kontraktor menjelaskan bil dalam tempoh yang ditetapkan, klausa mengenai denda lewat menjelaskan bil utiliti telah dimasukkan dalam kontrak baru.

23.4.2.4. Peralatan Yang Rosak Tidak Diganti

Mengikut kontrak, peralatan dapur, krokeri dan kutleri untuk kegunaan kontraktor disediakan oleh pihak hospital, manakala kontraktor bertanggungjawab membuat gantian dengan kuantiti dan kualiti yang sama sekiranya berlaku kerosakan, pecah atau hilang. Bagi memastikan tanggungjawab ini dipatuhi, pengiraan krokeri dan kutleri hendaklah dibuat setiap 6 bulan sekali atau apabila diperlukan. Semua 5 hospital terlibat didapati tidak membuat pemeriksaan kecuali Hospital Sungai Buloh dan Hospital Selayang. Semakan Audit terhadap dokumen berkaitan mendapati Hospital Sungai Buloh telah membuat pemeriksaan peralatan pada 21 Februari 2008 dan hasil pemeriksaan tersebut mendapati bilangan krokeri dan kutleri yang sedia ada adalah kurang berbanding semasa penyerahan kepada kontraktor berkenaan menyebabkan nilai kerugian berjumlah **RM104,686**. Pemeriksaan yang dilakukan di Hospital Selayang juga menunjukkan nilai peralatan yang hilang atau pecah berjumlah **RM322,888.** Bagaimanapun, tarikh pemeriksaan berkaitan tidak dapat dipastikan. Butiran peralatan adalah seperti di **Jadual 23.7 dan 23.8**. Semakan Audit mendapati **tiada sebarang tuntutan dibuat oleh kedua-dua hospital tersebut kepada kontraktor yang terlibat**. Selepas teguran Audit, hospital terlibat pada 25 Februari 2010 telah menuntut daripada kontraktor untuk mengganti semua peralatan yang didapati rosak, pecah dan hilang.

JADUAL 23.7
PERBEZAAN BILANGAN KUTLERI
DAN KROKERI DI HOSPITAL SUNGAI BULOH

BUTIRAN	BILANGAN DISERAH	BAKI STOK	BEZA	HARGA SEUNIT (RM)	NILAI KERUGIAN (RM)
Plain Mug 3.25 “	800	296	504	15.00	7,560
Fibreglass Tray (Purple)	600	544	56	TM	TM
Plate Main Course	800	551	249	39.00	9,711
Salad Bowl	600	119	481	27.00	12,987
Bowl Soup 0.4 Litre	1,000	632	368	54.00	19,872
Hospital Insulated Bowl Base 162 mm	900	806	94	81.00	7,614
Hospital Insulated Bowl Cover 175 mm	900	801	99	81.00	8,019
Hospital Insulated Plate Base 251 mm	700	591	109	81.00	8,829
Hospital Insulated Plate Cover 267 mm	700	532	168	81.00	13,608
Round Flat Plate 8 “	600	335	265	9.50	2,518.
Baguette Table Spoon	800	265	535	8.50	4,548
Baguette Table Fork	800	625	175	10.00	1,750
Baguette Table Knife	600	509	91	20.00	1,820
Baguette Tea Spoon	600	188	412	5.00	2,060
Fast Food Tray 14x18 Brown	600	591	9	TM	TM
Coffee Cup 200 ml	600	358	242	15.00	3,690
Coffee Cup Saucer 5½”	600	596	4		
Glass Tumbler Patient	600	590	10	10.00	100
JUMLAH					**104,686**

Nota : ***TM - Tiada Maklumat***

JADUAL 23.8
PERBEZAAN BILANGAN KUTLERI DAN KROKERI DI HOSPITAL SELAYANG

BUTIRAN	BILANGAN DISERAH	BAKI STOK	BEZA	HARGA SEUNIT (RM)	NILAI KERUGIAN (RM)
Base And Lids Thermotray	1,500	1,439	61	630.20	38,442
Crystation Tumbler	2,020	4	2,016	7.48	15,080
Cup and Saucer	600	383	217	17.25	3,743
Fork	1,000	358	642	5.57	3,576
Glassteel Fiberglass Tray	1,850	1,725	125	86.25	10,781
Insulated Base	620	542	78	58.00	4,524
Insulated Cover	620	578	42	58.00	2,436
Knife	500	496	4	5.75	23
Mug	1,500	0	1,500	11.50	17,250
Paper Shaker	600	390	210	21.85	4,589
Plain Plate 10”	2,020	1,505	515	24.15	12,437
Plastic Lid For Soup Bowl	4,040	2,010	2,030	33.93	68,878
Plate 3 Compartments	2,020	1,116	904	57.50	51,980
Salad Bowl (Square)	2,000	23	1,977	13.80	27,283
Soup Bowl	4,040	834	3,206	17.25	55,304
Soya Sauce Container	600	550	50	23.00	1,150
Spoon	1,000	297	703	5.75	4,042
Tea Spoon S/S	2,000	1,208	792	1.73	1,370
JUMLAH					**322,888**

23.5. SYOR AUDIT

Sungguhpun Kementerian Kesihatan Malaysia (Kementerian) telah mengambil tindakan untuk memperbetulkan kebanyakan kelemahan yang dibangkitkan dalam laporan ini, namun bagi memastikan perkara yang berbangkit ini tidak berlaku di hospital yang lain yang telah/akan menyediakan makanan secara *outsourcing,* Kementerian adalah disyorkan untuk mengambil tindakan terhadap perkara berikut :-

23.5.1. Menyeragamkan terma kontrak bagi menjaga kepentingan Kerajaan dan memudahkan pemantauan.

23.5.2. Mempertingkat pemantauan bagi menjaga kualiti dari segi skala porsi, kontaminasi, mutu makanan, pengedaran kad menu dan pengekalan suhu makanan yang dihidangkan.

23.5.3. Mengkaji tentang keperluan untuk penggunaan peralatan *Ready To Serve-Burlodge* atau mengenal pasti alternatif lain yang sesuai bagi mengekalkan suhu makanan yang dihidangkan untuk diguna pakai oleh semua hospital yang terlibat.

23.5.4. Pemeriksaan kesihatan dan suntikan *typhoid vaccine* perlu diambil perhatian khususnya dari segi kekerapan.

23.5.5. Mengenakan penalti terhadap kontraktor yang lewat menjelaskan sewa dapur/peralatan dan bil-bil utiliti.

23.5.6. Menjalankan pemeriksaan secara berkala terhadap peralatan/inventori bagi memastikan pihak kontraktor membuat penggantian terhadap peralatan yang rosak atau hilang.

24. AKTIVITI RAWATAN PENYAKIT BUAH PINGGANG

24.1. LATAR BELAKANG

24.1.1. Buah pinggang merupakan organ penting yang menjadi mesin penapis darah dalam badan. Kegagalan buah pinggang berfungsi boleh mengakibatkan keadaan seperti badan rasa gatal akibat kotoran dalam darah; hilang selera makan; rasa mual dan muntah-muntah; bengkak pada muka dan kaki disebabkan air berlebihan yang terhasil dalam badan dan kekurangan hormon untuk membantu tulang sum-sum menghasilkan sel-sel darah merah, memelihara tulang serta mengimbangkan tekanan darah. Rawatan yang dijalankan terhadap pesakit buah pinggang adalah rawatan Hemodialisis (HD), Dialisis Peritoneal (PD) dan pemindahan buah pinggang (transplan ginjal). Butirannya adalah seperti berikut :-

a. **Hemodialisis (HD)** ialah proses penapisan darah yang dilakukan dengan bantuan mesin. Darah yang mengandungi bahan buangan dibersihkan melalui *dialyzer* (buah pinggang tiruan) dan dikembalikan semula ke dalam badan. Pesakit yang menjalani HD perlu mengunjungi pusat dialisis 3 kali seminggu untuk rawatan yang mengambil masa antara 4 hingga 5 jam setiap sesi.

b. **Dialisis Peritoneal (PD)** menggunakan membran peritoneum atau selaput abdomen sebagai penapis. Satu tiub kecil dan lembut yang dikenali sebagai kateter dimasukkan menerusi pembedahan melalui dinding abdomen ke dalam ruang peritoneum di mana dialisis berlaku. Larutan dialisis kemudian diisi ke dalam abdomen melalui kateter untuk memerangkap bahan buangan dari darah. Selepas beberapa jam, larutan yang telah diguna dialirkan keluar dari badan. Buat masa ini, terdapat 2 jenis PD iaitu dialisis peritoneum bergerak berterusan iaitu *Continuous Ambulatory Peritoneal Dialysis* (CAPD) dan dialisis peritoneum automatik *Automated Peritoneal Dialysi*s (APD). Pesakit CAPD perlu menjalani 4 dialisis setiap hari, dengan setiap pertukaran mengambil masa antara 20 hingga 30 minit. APD pula dilakukan semasa pesakit tidur dan mengambil masa antara 8 hingga 12 jam setiap malam.

c. **Pemindahan Buah Pinggang (Transplan Ginjal)** adalah rawatan paling ideal bagi pesakit yang mengalami kegagalan ginjal secara kekal. Penerima buah pinggang perlu mengambil ubat sepanjang hayat untuk menggelakkan berlaku penolakan buah pinggang baru kerana ia tetap dianggap benda asing walaupun didermakan oleh saudara sendiri. Buah pinggang yang hendak didermakan mesti boleh berfungsi antara 80 hingga 90 peratus.

24.1.2. Berdasarkan laporan *The Malaysian Dialysis And Transplant Registry*, bilangan pesakit buah pinggang yang menjalani rawatan dialisis di hospital Kerajaan, kemudahan swasta dan NGO adalah seramai 19,221 pesakit bagi tahun

2008 di mana bilangan rawatan yang diberikan telah meningkat sebanyak 339,724 atau (12.96%) dalam tahun 2008 iaitu sebanyak 2,960,034 rawatan berbanding tahun 2007 sebanyak 2,620,310 rawatan. Daripada seramai 19,221 pesakit tersebut, didapati 17,477 atau 90.9% pesakit menerima rawatan hemodialisis berbanding 1,744 atau 9.1% pesakit menerima rawatan CAPD. Selain itu, terdapat 100 pesakit menerima rawatan transplan ginjal.

24.1.3. Bagi tempoh tahun 2007 hingga 2009, daripada peruntukan mengurus berjumlah RM337.32 juta, sejumlah RM332.22 juta telah dibelanjakan bagi mengurus aktiviti nefrologi termasuk dialisis dan transplan di hospital Kerajaan manakala sejumlah RM106.28 juta telah dibelanjakan sebagai sumbangan kepada Badan Bukan Kerajaan (NGO) yang terlibat dengan aktiviti rawatan hemodialisis.

24.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan aktiviti rawatan penyakit buah pinggang telah dirancang dan dilaksanakan secara cekap dan berhemat serta selaras dengan objektif yang ditetapkan.

24.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini meliputi perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap pengurusan aktiviti rawatan penyakit buah pinggang. Semakan telah dibuat terhadap rekod, fail dan dokumen berkaitan bagi tempoh tahun 2007 hingga 2009 melibatkan Bahagian Amalan Perubatan, Bahagian Perkembangan Perubatan, Bahagian Perolehan Dan Penswastaan, Bahagian Kewangan dan Bahagian Pengurusan Latihan di Kementerian Kesihatan Malaysia (Kementerian). Lawatan fizikal ke Jabatan Nefrologi (Unit Hemodialisis dan Unit CAPD) dan temu bual dengan pegawai serta kakitangan telah dilakukan di Hospital Kuala Lumpur; Hospital Melaka; Hospital Sultanah Nur Zahirah, Terengganu; Hospital Sultanah Bahiyah, Kedah dan Hospital Umum Sarawak. Lawatan juga dibuat ke 13 pusat hemodialisis yang dikelolakan oleh NGO.

24.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Jun hingga Disember 2009 mendapati **beberapa kelemahan dalam pelaksanaan aktiviti rawatan penyakit buah pinggang. Antara kelemahan yang ditemui ialah tempoh menunggu yang lama untuk mendapatkan rawatan hemodialisis; perolehan peralatan, ubat dan bukan ubat dibayar sebelum diterima; tiada pemantauan terhadap kontrak perolehan menyebabkan bayaran denda tidak dikenakan; penyeliaan pengurusan hasil yang tidak memuaskan; bayaran subsidi rawatan terlebih dituntut oleh NGO; *capital grant* bagi perolehan peralatan hemodialisis kepada NGO terlebih dibayar atau dibayar sebelum pusat hemodialisis beroperasi serta pusat hemodialisis NGO beroperasi tanpa kelulusan penubuhan dan lesen pengendalian.** Penjelasan lanjut berhubung dengan perkara yang ditemui adalah seperti di perenggan-perenggan berikut :-

24.4.1. Program Rawatan Di Hospital Kerajaan

24.4.1.1. Masa Yang Lama Untuk Mendapatkan Rawatan

Daftar Induk Pesakit Menunggu perlu diselenggarakan dengan seragam, teratur dan kemas kini di semua hospital untuk memudahkan pemilihan pesakit dan pemantauan dibuat. Semakan Audit mendapati perkara berikut :-

a. Masa menunggu bagi pesakit yang memerlukan rawatan hemodialisis secara kekal di Hospital Kuala Lumpur dan Hospital Sultanah Bahiyah, Kedah adalah antara 12 hingga 48 bulan. Manakala bagi pesakit CAPD adalah antara 1 hingga 34 bulan. Semasa tempoh menunggu, pesakit mendapat rawatan di pusat hemodialisis yang diuruskan oleh NGO atau pusat perubatan swasta. Antara faktor menyumbang kepada tempoh menunggu yang lama untuk mendapat rawatan hemodialisis/CAPD adalah disebabkan oleh kekurangan mesin hemodialisis dan staf serta ruang rawatan dan bekalan ubatan yang terhad.

b. Bagi Jabatan Nefrologi di 5 hospital yang dilawati, didapati 279 (80.9%) daripada 345 jawatan yang diluluskan telah diisi manakala sebanyak 66 (19.1%) kekosongan masih belum diisi khususnya Pegawai Perubatan (UD41/UD42/UD43/UD44), Penolong Pegawai Perubatan (UD41/UD36) dan Juruteknologi Makmal Perubatan (U29).

c. Pihak Audit tidak dapat menentukan masa menunggu bagi Hospital Melaka, Hospital Sultanah Nur Zahirah, Terengganu dan Hospital Umum Sarawak kerana ketiga-tiga hospital berkenaan tidak menyelenggarakan Daftar Induk Pesakit Menunggu dengan lengkap dan kemas kini.

Pada pandangan Audit, Kementerian perlu memastikan semua hospital menyelenggarakan Daftar Induk Pesakit Menunggu dengan lengkap dan kemas kini bagi membolehkan Jawatankuasa Pemilihan Pesakit membuat penilaian rawatan pesakit mengikut keutamaan. Pengisian jawatan yang masih kosong, peruntukan yang mencukupi untuk memperolehi mesin hemodialisis dan bekalan ubat serta kemudahan lain juga diperlukan bagi mengurangkan masa menunggu. Selain itu, Kementerian juga patut memperluaskan rawatan CAPD kerana ia boleh dilakukan sendiri oleh pesakit di rumah.

24.4.1.2. Pemilihan Pesakit

Pemilihan pesakit bagi mendapatkan rawatan di Unit Hemodialisis dan Unit CAPD di hospital dilakukan oleh Jawatankuasa Pemilihan Pesakit yang diwujudkan untuk menilai status ekonomi dan tahap keseriusan pesakit. Semakan Audit mendapati Jawatankuasa Pemilihan Pesakit tidak diwujudkan di Hospital Umum Sarawak dan pesakit dipilih berdasarkan budi bicara Pakar Nefrologi. Selepas teguran Audit, Kementerian memaklumkan telah mengambil tindakan untuk menyeragamkan prosedur penyenaraian dan pemilihan pesakit

dengan memasukkannya ke dalam *Standard Operating Procedure* Perkhidmatan Nefrologi.

24.4.1.3. Petunjuk Prestasi Utama/*Key Performance Indicators (KPI)*

Bagi memantau keberkesanan rawatan yang diterima oleh pesakit, ujian *Dialysis Adequacy* perlu dijalankan oleh pusat dialisis terhadap pesakit. *Dialysis Adequacy* dikira mengikut formula KT/V (*representing fractional urea clearance*) atau URR (*urea reduction ratio*). Bacaan dos minima KT/V hendaklah sekurang-kurangnya 1.2 bagi setiap individu seperti yang ditetapkan dalam *KPI For Clinical Departments-Nefrology* yang dikeluarkan oleh Bahagian Perkembangan Perubatan Kementerian. Manakala URR bagi setiap pesakit hendaklah pada tahap minimum 65% dan juga lebih 80% daripada jumlah pesakit yang mendapat rawatan di pusat berkenaan hendaklah mencapai tahap ini. Semakan Audit mendapati bacaan *Dialysis Adequacy* bagi kelima-lima hospital yang dilawati mencapai piawaian yang ditetapkan.

24.4.1.4. Kemudahan Rawatan Tidak Mematuhi Peraturan

Bilik rawatan air dan bilik pemprosesan semula *dialyzer* (buah pinggang tiruan) perlu disediakan berasingan bagi memastikan *dialyzer* yang diproses semula tidak tercemar. Di samping itu, keluasan ruang rawatan dialisis hendaklah tidak kurang daripada 4.5 meter persegi bagi seorang pesakit. Satu bilik berasingan bagi pesakit buah pinggang yang menghidap hepatitis juga perlu disediakan bagi membendung penularan jangkitan hepatitis kepada pesakit lain. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati perkara ini tidak dipatuhi sepenuhnya oleh pihak hospital dan contohnya adalah seperti berikut :-

a. Unit Hemodialisis di 2 hospital didapati menempatkan mesin rawatan air serta mesin pemprosesan semula *dialyze*r dalam satu bilik yang sama, stok cecair dialisis diletakkan di bilik rawatan air dan mesin pemprosesan semula *dialyzer* diletakkan di laluan pesakit seperti di **Gambar 24.1 hingga 24.3**. Tindakan pengasingan telah dibuat oleh hospital berkenaan setelah mendapat teguran daripada pihak Audit.

b. Keadaan Unit Hemodialisis di Hospital Sultanah Bahiyah pula adalah sempit seperti di **Gambar 24.4** dan memerlukan ruang yang lebih selesa dan sesuai. Sungguhpun terdapat bilik berasingan untuk pesakit hepatitis dengan pesakit lain, namun laluan bagi pesakit hepatitis adalah tidak sesuai kerana terbuka dan boleh dilalui oleh semua pesakit. Mengikut maklum balas Kementerian, ruang rawatan sedia ada merupakan pengubahsuaian Dewan Bedah dan telah merancang untuk membina tempat baru yang lebih besar dan sesuai.

GAMBAR 24.1



Hospital Sultanah Nur Zahirah, Kuala Terengganu - Rawatan Air Serta Mesin Pemprosesan Semula Dialyzer Diletakkan Dalam Bilik Yang Sama (22.06.2009)

GAMBAR 24.2



Hospital Sultanah Bahiyah, Alor Setar - Stok Cecair Dialisis Diletakkan Di Bilik Rawatan Air (20.07.2009)

GAMBAR 24.3



Hospital Sultanah Bahiyah, Alor Setar - Mesin Pemprosesan Semula Dialyzer Diletakkan Di Laluan Pesakit (20.07.2009)

GAMBAR 24.4



Hospital Sultanah Bahiyah, Alor Setar - Unit Hemodialisis Mempunyai Ruang Rawatan Yang Sempit (20.07.2009)

Pada pandangan Audit, Kementerian perlu mengambil langkah segera bagi memastikan kemudahan rawatan yang disediakan mematuhi peraturan yang ditetapkan antaranya bilik rawatan dan bilik pemprosesan yang berasingan serta ruangan rawatan yang selesa dan sesuai untuk pesakit.

24.4.1.5. Perolehan Peralatan, Ubat Dan Bukan Ubat Tidak Teratur

Kementerian telah menandatangani 12 kontrak bagi bekalan peralatan, ubat dan bukan ubat bagi rawatan penyakit buah pinggang. Bagi kontrak perolehan peralatan, Kerajaan akan membayar 75% daripada nilai kontrak selepas peralatan dihantar kepada pengguna dalam tempoh yang ditetapkan manakala baki 25% dibuat selepas kontraktor menguji dan mentauliahkan peralatan yang dibekalkan. Kontraktor dikehendaki membekalkan pesanan dalam tempoh 2 hingga 12 minggu daripada tarikh Pesanan Kerajaan dikeluarkan. Kegagalan mematuhi syarat kontrak menyebabkan kontraktor boleh dikenakan denda sebanyak 2% setiap bulan terhadap bekalan yang lewat diterima. Semakan Audit mendapati perkara berikut :-

a. Bayaran Dibuat Sebelum Pesanan Diterima/Ditauliah

i. Bagi kontrak perolehan peralatan *Hemdialfiltrarion Machine* (KKM 42/2008), **baki bayaran 25% iaitu sejumlah RM548,768 telah dibayar kepada kontraktor sebelum peralatan diperiksa, diuji dan ditauliahkan.**

ii. **Bayaran melalui 31 baucar bayaran berjumlah RM3.67 juta untuk perolehan *Disposable Integrated Disconnect CAPD* (KKM-76/2007) dan *Arterial And Venous Bloodlines Set* (KKM-139/2007) oleh 4 hospital kecuali Hospital Sultanah Nur Zahirah telah dibuat sebelum bekalan diterima.** Daripada jumlah tersebut, perolehan bekalan bernilai RM0.63 juta masih belum diterima setakat tarikh pengauditan dijalankan sedangkan bayaran telah dibuat antara bulan Ogos 2007 hingga Januari 2009.

iii. Bagi perolehan peralatan yang dibuat melalui pembelian terus oleh Hospital Melaka; Hospital Sultanah Nur Zahirah dan Hospital Umum Sarawak, **didapati pembayaran berjumlah RM0.37 juta melalui 52 baucar bayaran juga dibuat sebelum peralatan diterima daripada pembekal.** Penghantaran bekalan ini lewat dilakukan antara 13 hingga 117 hari daripada tarikh bayaran.

b. Denda Tidak Dikenakan Terhadap Kelewatan Penghantaran Peralatan/ Ubat/Bukan Ubat

Berdasarkan perkiraan Audit bagi 6 kontrak bekalan yang disemak, denda berjumlah RM0.09 juta perlu dikenakan terhadap pembekal yang lewat membekalkan peralatan kepada hospital antara 1 hingga 91 hari. Bagi kontrak ubat/bukan ubat untuk rawatan CAPD pula, denda berjumlah RM0.13 juta perlu dikenakan terhadap pembekal kerana lewat membekalkan perolehan ini kepada hospital iaitu antara 43 hingga 728 hari (2 tahun 8 hari) sehingga tarikh pengauditan.

Pada pandangan Audit, Kementerian perlu mengambil tindakan tatatertib terhadap pihak yang memperakukan terimaan bekalan yang belum dihantar sebagai telah disempurnakan kerana menyebabkan berlakunya pembayaran sebelum barangan diterima atau ditakrifkan sebagai *improper payment*. Syarikat yang sering gagal membekalkan bekalan dalam tempoh yang ditetapkan perlu disenaraihitamkan. Selain itu, denda patut dikenakan terhadap pembekal yang lewat membuat bekalan.

24.4.1.6. Pengurusan Caj Rawatan Tidak Teratur

Semakan Audit terhadap pengurusan caj rawatan yang dikenakan oleh pihak hospital kepada pesakit buah pinggang mendapati perkara berikut :-

a. Pesakit Terlebih Dikenakan Caj

Caj semasa yang dikenakan bagi rawatan CAPD sebanyak RM100 adalah berdasarkan Bahagian 5 (Nefrologi), Jadual C kepada Perintah Fi (Perubatan) 1982 iaitu rawatan pesakit dalam kelas ketiga. Manakala bagi rawatan hemodialisis, caj sebanyak RM13 adalah berdasarkan Garis Panduan Caj Rawatan Pesakit Pusat Rawatan Harian yang dikeluarkan pada bulan November 1998. Kadar-kadar bayaran ini adalah untuk pesakit yang dimasukkan ke dalam wad. Semakan Audit mendapati kedua-dua jenis

rawatan tersebut adalah merupakan rawatan pesakit luar yang sepatutnya dikenakan caj sebanyak RM5 (rawatan pakar). Ini menyebabkan sebanyak RM0.14 juta telah terlebih caj kepada pesakit seperti di **Jadual 24.1**. Bagaimanapun berdasarkan maklum balas Kementerian, pindaan terhadap Perintah Fi (Perubatan) 1982 sedang dibuat untuk mewartakan takrif Rawatan Harian dan caj yang diguna pakai bagi rawatan hemodialisis.

JADUAL 24.1
LEBIHAN CAJ BAGI PESAKIT HEMODIALISIS & CAPD

HOSPITAL	JUMLAH RAWATAN (Tahun)						JUMLAH	JUMLAH TERLEBIH CAJ (RM)
	2007		2008		2009			
	A	B	A	B	A	B		
Sultanah Bahiyah	337	-	1,101	17	604	26	2,085	17,967
Kuala Lumpur	1,446	256	1,300	254	871	156	4,283	85,296
Melaka	563	-	1,428	-	154	-	2,145	9,100
Sultanah Nur Zahirah	-	193	623	99	247	34	1,196	23,816
Umum Sarawak	67	-	157	45	102	21	392	7,150
JUMLAH	**2,413**	**449**	**4,609**	**415**	**1,978**	**237**	**10,101**	**143,329**

Terdapat pesakit yang mendapat pengurangan bayaran antara RM30 hingga RM100 sebulan bagi rawatan CAPD
Nota : A - Pesakit Hemodialisis B - Pesakit CAPD

b. Daftar Kehadiran Pesakit

Kesemua hospital yang dilawati kecuali Hospital Kuala Lumpur tidak menyediakan Daftar Kehadiran Pesakit yang lengkap; tidak menggunakan bil rawatan pesakit yang rasmi, sebaliknya menggunakan format sendiri serta tidak memantau kutipan caj rawatan hemodialisis dan CAPD. Keadaan ini menyukarkan untuk menentukan sama ada pesakit yang menjalani rawatan hemodialisis dan CAPD telah membuat bayaran atau sebaliknya.

Pada pandangan Audit, Kementerian perlu mengembalikan bayaran yang terlebih dibuat oleh pesakit. Setiap hospital hendaklah menyelenggarakan Daftar Kehadiran Pesakit dengan lengkap serta mengikut format yang seragam.

24.4.1.7. Pengurusan Aset Tidak Teratur

a. Menurut Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007 berhubung Tatacara Pengurusan Aset Alih Kerajaan, aset yang dibeli hendaklah didaftar dan diberi tanda pengenalan "**Hak Kerajaan Malaysia**" dengan nama Kementerian/Jabatan. Semakan Audit mendapati 35 aset di Hospital Melaka, Hospital Sultanah Bahiyah dan Hospital Umum Sarawak bernilai RM0.63 juta yang diterima antara bulan November 2008 hingga Mac 2009 masih belum didaftarkan manakala sebanyak 74 aset di semua 5 hospital bernilai RM1.93 juta yang diterima antara tahun 2001 hingga bulan Februari 2009 masih belum ditandakan "**Hak Kerajaan Malaysia**".

b. Pemeriksaan Aset hendaklah dilakukan sekurang-kurangnya sekali dalam setahun ke atas kewujudan, perekodan dan prestasi aset. Semakan Audit mendapati 36 aset bernilai RM1.37 juta di Hospital Kuala Lumpur, Hospital Melaka dan Hospital Umum Sarawak yang diterima antara bulan Disember 1996 hingga bulan Ogos 2008 tidak pernah diperiksa oleh pihak pengurusan hospital.

c. Berdasarkan maklum balas Kementerian, tindakan pembetulan dengan mendaftar dan menyemak aset tersebut telah dibuat di hospital terlibat.

Pada pandangan Audit, Kementerian perlu meningkatkan pemantauan terhadap pengurusan aset dan sentiasa mematuhi peraturan yang sedang berkuat kuasa bagi mengelakkan berlakunya kehilangan dan penyalahgunaan aset Kerajaan.

24.4.1.8. Pengurusan Stor Tidak Teratur

a. Unit Hemodialisis dan Unit CAPD di semua 5 hospital yang dilawati mempunyai stor simpanan yang berasingan daripada Stor Ubat Utama. Semakan Audit mendapati stor Unit Hemodialisis dan Unit CAPD tidak diurus dengan teratur dan tiada rekod yang lengkap diselenggarakan bagi merekodkan keluar/masuk stok. Bekalan dan pengeluaran ubat/bukan ubat diuruskan sendiri oleh Paramedik yang juga mengendalikan urusan rawatan pesakit dan tidak mahir dalam pengurusan stor. Semakan Audit selanjutnya mendapati simpanan stok bagi item bukan ubat adalah melebihi keperluan untuk kegunaan 3 bulan iaitu antara 4 hingga 12 bulan seperti di **Jadual 24.2**. Berdasarkan maklum balas Kementerian, hospital yang terlibat telah mengambil tindakan menyelaras simpanan stok agar tidak melebihi 3 bulan.

JADUAL 24.2
SIMPANAN MELEBIHI KEGUNAAN 3 BULAN

HOSPITAL	ITEM	KEPERLUAN SEBULAN (UNIT)	JUMLAH STOK (UNIT)	TEMPOH STOK (BULAN)	NILAI STOK (RM)
Sultanah Nur Zahirah	*Arterio Venous Fistula 16G*	1,900	22,000	12	14,080
	Arterio Venous Fistula 15G	1,900	9,000	5	5,760
	Minicap	9,840	30,240	3	22,680
	Jumlah Kecil				**42,520**
Kuala Lumpur	*Minicap*	29,400	315,980	11	236,985
	Face Mask	245	1,300	5	6,500
	Desmanol	245	1,730	7	43,250
	Povidone Iodine	245	1,350	6	20,250
	Jumlah Kecil				**306,985**
Melaka	*Minicap*	3,600	29,040	8	21,780
	Dressing Set	900	6,600	7	9,900
	Povidone Iodine	30	127	4	1,905
	Jumlah Kecil				**33,585**
JUMLAH BESAR					**383,090**

b. Hospital Negeri menjadi pusat rujukan pesakit CAPD di mana pesakit dari sesebuah negeri akan datang ke hospital itu untuk membuat pemeriksaan dan mengambil stok ubat/peralatan CAPD. Pihak hospital ada menyediakan stor khusus bagi stok ubat/peralatan CAPD seperti **Gambar 24.5 hingga 24.8**. Berdasarkan amalan semasa, pesakit akan datang sebulan sekali dengan menyewa kenderaan untuk mengambil ubat dan peralatan CAPD daripada Stor Unit CAPD di hospital berkenaan.

GAMBAR 24.5



Stor CAPD, Hospital Melaka
- Bangunan Lama Pentadbiran Digunakan Khusus Bagi Stor CAPD
(19.05.2009)

GAMBAR 24.6



Stor CAPD, Hospital Umum Sarawak
- Bangunan Lama Dapur Digunakan Khusus Bagi Stor CAPD
(07.07.2009)

GAMBAR 24.7



Stor CAPD Hospital Sultanah Nur Zahirah
- Bangunan Baru Khusus Bagi Stor CAPD
(22.06.2010)

GAMBAR 24.8



Stor CAPD Hospital Kuala Lumpur
- Bangunan Khusus Bagi Stor CAPD
(18.08.2010)

Pada pandangan Audit, pengurusan stor Unit Hemodialisis dan Unit CAPD perlu diuruskan oleh Stor Ubat Utama hospital bagi menambah baik pengurusan stor sedia ada. Bagi memudahkan urusan pesakit mendapatkan stok ubat/peralatan CAPD, disyorkan penghantaran dibuat terus ke rumah pesakit oleh pembekal dengan kos penghantaran ditanggung oleh pesakit. Amalan ini telah dipraktikkan oleh pesakit yang mendapat bantuan bayaran perubatan daripada Jabatan Perkhidmatan Awam dan Agensi Kerajaan yang lain. Penghantaran juga boleh dibuat terus ke beberapa hospital daerah bagi memudahkan pesakit mendapatkannya tanpa perlu ke stor hospital negeri.

24.4.2. Program Rawatan Di Badan Bukan Kerajaan (NGO)

24.4.2.1. Bantuan Subsidi Rawatan

Bagi tempoh tahun 2007 hingga 2009, Kementerian telah memberi bantuan subsidi rawatan berjumlah RM66.73 juta kepada 109 pusat hemodialisis di bawah kelolaan NGO. Bantuan tersebut adalah dalam bentuk pemberian subsidi kos rawatan hemodialisis sebanyak RM50 setiap rawatan kepada pesakit miskin dan bantuan subsidi suntikan erythropoietin (epoietin) sebanyak RM30 bagi sekali suntikan untuk seorang pesakit. Semakan Audit mendapati perkara-perkara berikut :-

a. Perbezaan Caj Rawatan Hemodialisis

Caj maksimum sebanyak RM110 bagi setiap rawatan boleh dikenakan oleh pusat hemodialisis terhadap pesakit yang menerima bantuan subsidi Kementerian. Kementerian menanggung sebanyak RM50/rawatan manakala baki RM60 dibayar oleh pesakit. Terdapat pusat hemodialisis yang tidak mengenakan sebarang bayaran atau mengenakan bayaran minima sebanyak RM10 sahaja kepada pesakit. Namun begitu, terdapat perbezaan ketara caj yang dikenakan ke atas pesakit lain yang dibiayai oleh agensi Kerajaan seperti Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) seperti di jadual berikut :-

JADUAL 24.3
PERBEZAAN CAJ RAWATAN PESAKIT DI PUSAT HEMODIALISIS NGO YANG DILAWATI

PUSAT HEMODIALISIS	CAJ RAWATAN PESAKIT (RM)		
	KKM	JPA	PERKESO
Pusat Hemodialisis Yayasan Emkay & Yayasan Sultanah Bahiyah	110	200	130
Buddhist Tzu-Chi Dialisis Centre (Cawangan Jitra)	50	-	130
Pusat Hemodialisis Yayasan FELDA	110	200	110
Kuala Lumpur Lions Foundation	99	200	130
Pusat Hemodialisis Mawar Cawangan Seputeh, Kuala Lumpur	110	-	130
Yayasan Kebajikan Hemodialisis Pakar Putra Melaka	110	200	130
Pusat Hemodialisis SJAM Bacang	60	200	130
Pusat Rawatan Dialisis Terengganu-NKF Dialisis Centre	110	200	130
KAS/Rotary Kuching-NKF Dialisis Centre	110	200	130
MAA-Medicare Charity Dialisis Centre Kuching	110	200	130

Nota : ***KKM -Kementerian Kesihatan Malaysia*** ***JPA- Jabatan Perkhidmatan Awam***
PERKESO - Pertubuhan Keselamatan Sosial

b. NGO Mendapat Bayaran Lebih Daripada Kadar Yang Ditetapkan Oleh Kementerian

Caj rawatan hemodialisis yang dikenakan oleh Pusat Hemodialisis Yayasan FELDA kepada pesakit adalah RM30 untuk setiap rawatan. Kementerian pula membayar sebanyak RM50 bagi setiap pesakit yang mendapat rawatan di pusat ini. Selain itu, terdapat kes pesakit yang sama juga menerima bantuan daripada Lembaga Zakat Selangor (LZS) dan bayaran rawatannya dibuat terus kepada pusat ini. Oleh itu, bayaran rawatan yang diterima oleh

pusat ini adalah melebihi RM110 (kadar yang ditetapkan oleh Kementerian). Semakan juga mendapati pesakit dari Pusat Hemodialisis Yayasan FELDA yang menerima bantuan suntikan erythropoietin dari Kementerian turut mendapat bantuan suntikan erythropoietin dari agensi lain. Keadaan ini boleh menyebabkan NGO berkenaan mendapat bayaran yang lebih tinggi. Contohnya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 24.4
PESAKIT MENERIMA DUA BANTUAN SUBSIDI KOS RAWATAN HEMODIALISIS/SUNTIKAN EPOIETIN

PESAKIT	BANTUAN KKM (RM)	BANTUAN LZS (RM)	BAYARAN PESAKIT (RM)	JUMLAH DITERIMA (RM)
A	50	90	30	170
B	50	90	30	170
C	50	90	30	170
D	50	150	30	230
E*	30	60	-	90

Nota : **** - Menerima Suntikan Epoietin***

c. NGO Menuntut Bayaran Bagi Pesakit Yang Tidak Membuat Rawatan

Terdapat kes di mana NGO telah menuntut bayaran subsidi rawatan hemodialisis bagi pesakit yang sebenarnya tidak hadir membuat rawatan. Keadaan ini menyebabkan Kementerian perlu menanggung tambahan bayaran subsidi berdasarkan tuntutan yang dibuat oleh NGO. Contohnya adalah seperti di **Jadual 24.5**. Berdasarkan maklum balas Kementerian, bayaran yang dibuat adalah berdasarkan tuntutan yang dikemukakan oleh NGO dan surat untuk menuntut balik bantuan yang terlebih dibayar telah dikeluarkan kepada NGO yang berkenaan.

JADUAL 24.5
TUNTUTAN BAGI PESAKIT YANG TIDAK HADIR

BADAN BUKAN KERAJAAN (NGO)	BILANGAN PESAKIT	JUMLAH TUNTUTAN NGO		JUMLAH PATUT TUNTUT		BEZA (RM)
		BIL DIALISIS	RM	BIL DIALISIS	RM	
KL Lions Foundation	2	19	950	17	850	100
Pusat Hemodialisis Yayasan FELDA	1	12	600	11	550	50
KAS/Rotary Kuching-NKF Dialisis Centre	2	25	1,250	23	1,150	100
MAA-Medicare Charity Dialisis Centre Kuching	2	23	1,150	20	1,000	150
Yayasan Emkay & Yayasan Sultanah Bahiyah	10	228	11,900	213	10,650	1,250

d. Kemudahan Rawatan Tidak Mematuhi Peraturan

Menurut Peraturan-peraturan Kemudahan Dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 2006, satu bilik rawatan berasingan bagi pesakit buah pinggang yang mengidap hepatitis perlu disediakan bagi membendung penularan jangkitan hepatitis kepada pesakit lain. Begitu juga bilik rawatan air dan bilik pemprosesan semula *dialyzer* (buah pinggang tiruan) hendaklah disediakan berasingan. Keluasan ruang bilik rawatan dialisis tersebut tidak

kurang daripada 4.5 meter persegi bagi seorang pesakit. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati peraturan ini tidak dipatuhi sepenuhnya. Contohnya adalah seperti berikut :-

i. Yayasan Kebajikan Hemodialisis Pakar Putra Melaka dan Pusat Hemodialisis SJAM Bacang tidak menyediakan bilik berasingan bagi pesakit hepatitis seperti di **Gambar 24.9 dan 24.10**.


ii. Pusat Hemodialisis KL Lions Foundation menempatkan mesin rawatan air dan mesin pemprosesan semula *dialyzer* dalam satu bilik yang sama seperti di **Gambar 24.11**.

GAMBAR 24.9



Yayasan Kebajikan Hemodialisis, Pakar Putra Melaka - Ruang Terbuka Pesakit Hepatitis (20.05.2009)

GAMBAR 24.10



Pusat Hemodialisis SJAM Bachang, Melaka - Ruang Terbuka Pesakit Hepatitis (20.05.2009)



GAMBAR 24.11

Pusat Hemodialisis KL Lion Foundation - Mesin Rawatan Air Dan Mesin Pemprosesan Semula Dialyzer Diletakkan Dalam Bilik Yang Sama (10.06.2009)

e. Ketidakcapaian Petunjuk Prestasi Utama/*Key Performance Indicators (KPI)*

Semakan Audit mendapati bacaan *Dialysis Adequacy* di Kas-Rotary-NKF Kuching, MAA-Medicare Charity Dialisis Centre Kuching dan Yayasan Kebajikan Hemodialisis Pakar Putra Melaka tidak mencapai piawaian yang ditetapkan oleh Kementerian iaitu pesakit mencapai URR minimum 65% dan lebih 80% daripada jumlah pesakit yang mendapat rawatan di pusat berkenaan hendaklah mencapai URR minimum ini. Bagi 3 pusat hemodialisis tersebut, URR yang dicapai hanya 40.6% hingga 79.4% daripada bilangan pesakit. Berdasarkan maklum balas daripada pihak Kementerian, antara faktor KPI ini tidak dapat dicapai adalah disebabkan oleh rawatan dialisis kurang daripada masa yang ditetapkan; masalah pada aliran darah; kerosakan pada fistula atau penggunaan *dialyzer* yang kurang sesuai.

Pada pandangan Audit, Kementerian patut menyeragamkan caj rawatan pesakit yang dikenakan oleh pusat hemodialisis memandangkan terdapat perbezaan yang ketara antara caj yang perlu dibiayai oleh Kementerian dan agensi Kerajaan. Kementerian juga perlu memantau keadaan kemudahan rawatan di semua pusat hemodialisis bagi memastikan peraturan sedia ada sentiasa dipatuhi.

24.4.2.2. Bantuan *Capital Grant*

Selain daripada subsidi kos rawatan hemodialisis dan bantuan subsidi suntikan erythropoietin, Kementerian juga memberi bantuan *capital grant* kepada pusat hemodialisis yang baru/sedia ada dengan bilangan maksimum 10 unit mesin berasaskan *matching grant* dan terhad kepada jumlah maksimum RM338,500. Semakan Audit mendapati perkara-perkara berikut :-

a. Bantuan Berdasarkan Aset Yang Diperolehi Melalui Sumbangan

Sejumlah RM278,131 bantuan *capital grant* dibayar kepada Pusat Dialisis Fungates Superflow-NKF Kepong pada 19 Jun 2009. Daripada jumlah tersebut, sejumlah RM183,500 adalah bagi perolehan 10 unit mesin dialisis. Semakan Audit mendapati kesemua 12 mesin (termasuki 10 mesin yang dibiayai Kementerian) yang ditempatkan di pusat tersebut diperolehi secara percuma melalui sumbangan daripada NGO antaranya Lion Group Sdn. Bhd.; Tanjung Balai Group Sdn. Bhd.; Fungates Enrichment Centre Sdn. Bhd.; Sekolah Sri Nobel; GCC Group Of School; Glorykids dan FunKids Child Development Centre. Contoh adalah seperti di **Gambar 24.12 hingga 24.15**. Berdasarkan maklum balas Kementerian, surat arahan telahpun dikeluarkan kepada NGO yang mengelola pusat tersebut supaya membayar balik bantuan *capital grant* yang telah diluluskan.

GAMBAR 24.12



Mesin Hemodialisis
Sumbangan Lion Group Medical Assistance Fund
(16.12.2009)

GAMBAR 24.13



Mesin Hemodialisis
Sumbangan Tanjung Balai Group Sdn. Bhd.
(16.12.2009)

GAMBAR 24.14



Mesin Hemodialisis
Sumbangan Fungates Enrichment Centre Sdn. Bhd.
(16.12.2009)

GAMBAR 24.15



Mesin Hemodialisis
Sumbangan Sekolah Sri Nobel
(16.12.2009)

b. Bantuan Berdasarkan Aset Yang Dibeli Oleh Hospital Swasta

Pada 4 September 2009, Yayasan Kebajikan Hemodialisis Pakar Putra Melaka telah menerima bantuan berjumlah RM252,000 bagi perolehan 10 unit mesin dialisis dan mesin pemprosesan semula *dialyzer.* Semakan Audit mendapati perolehan mesin berkenaan telah dibiayai oleh Putra Specialist Hospital (Melaka) Sdn. Bhd., iaitu sebuah hospital pakar swasta. Pihak Audit juga mendapati aset tersebut tidak menjadi hak milik NGO yang mengelola pusat hemodialisis tersebut tetapi didaftarkan sebagai aset Putra Specialist Hospital (Melaka) Sdn. Bhd. NGO ini yang beralamat di Unit Hemodialisis di hospital tersebut didapati tidak mempunyai lesen penubuhan dan pengendalian pusat hemodialisis. Semakan Audit selanjutnya mendapati permohonan bantuan tidak disertakan dengan Laporan Kewangan yang telah diaudit oleh Juruaudit bertauliah. Selepas teguran Audit, Kementerian telah mengeluarkan surat meminta NGO berkenaan untuk mendapatkan lesen dan sekiranya gagal, bantuan *capital grant* yang diluluskan hendaklah dibayar balik.

c. Bantuan Berdasarkan Kepada Peralatan Sedia Ada

Kementerian pada 30 April 2008 telah membayar bantuan berjumlah RM100,000 kepada Persatuan Hemodialisis Klang. Semakan Audit mendapati sebahagian bantuan tersebut berjumlah RM45,000 adalah bagi membiayai 2 mesin dialisis yang sama yang telah dibayar pada 30 Mac 2006. Ini bermakna tuntutan 2 kali dibuat oleh persatuan berkenaan terhadap mesin yang sama. Berdasarkan maklum balas Kementerian, NGO terbabit telah membayar balik bantuan berjumlah RM45,000 melalui cek bernombor 503891 bertarikh Mac 2010.

d. Bantuan Kepada Pusat Hemodialisis Yang Belum Beroperasi

Pada 5 September 2009, Kementerian telah membayar bantuan berjumlah RM296,000 kepada Persatuan Hemodialisis Klang bagi penubuhan cawangan ke-2. Lawatan Audit pada 16 Disember 2009 mendapati pusat

hemodialisis tersebut masih belum beroperasi di mana hanya terdapat satu bangunan kosong tanpa sebarang peralatan dan prasarana bagi operasi pusat hemodialisis itu. Semakan Audit mendapati semasa bantuan dibayar, pusat ini juga tidak mempunyai kelulusan penubuhan pusat hemodialisis serta lesen operasi daripada Kementerian. Keadaan pusat tersebut adalah seperti di **Gambar 24.16 hingga 24.19**. Mengikut maklum balas, Kementerian telah menghantar surat meminta NGO berkenaan membayar balik bantuan tersebut.

GAMBAR 24.16



Pusat Hemodialisis Cawangan Klang 2 - Keadaan Luar Bangunan Pusat Hemodialisis Yang Masih Belum Beroperasi (16.12.2009)

GAMBAR 24.17



Pusat Hemodialisis Cawangan Klang 2 - Keadaan Ruang Kosong Di Tingkat 2 (16.12.2009)

GAMBAR 24.18



Pusat Hemodialisis Cawangan Klang 2 - Keadaan Sebahagian Peralatan Pendawaian Elektrik Di Tingkat 1 (16.12.2009)

GAMBAR 24.19



Pusat Hemodialisis Cawangan Klang 2 - Kerja Pemasangan Pendawaian Elektrik Sedang Dijalankan Di Tingkat Bawah (16.12.2009)

e. Bantuan Terlebih Dibayar

Persatuan Hemodialisis Klang pada 30 Mac 2006 dan Pusat Hemodialisis Mawar pada 16 Jun 2008 telah diluluskan oleh Kementerian bantuan *capital grant* berjumlah RM1.76 juta. Bayaran Ini adalah untuk memperoleh peralatan bagi 7 cawangan pusat hemodialisis di bawah pengurusan 2 NGO seperti di **Jadual 24.6**. Semakan Audit mendapati jumlah yang diluluskan dan dibayar adalah tidak berdasarkan *matching grant,* menyebabkan sejumlah RM0.54 juta terlebih dibayar. Berdasarkan maklum balas, Kementerian telah mengeluarkan surat kepada NGO terlibat untuk membayar balik bantuan *capital grant* yang telah terlebih dibayar.

JADUAL 24.6
BANTUAN TERLEBIH DIBAYAR KEPADA PUSAT HEMODIALISIS NGO

CAWANGAN	JUMLAH KOS PERALATAN (RM)	*MATCHING GRANT* 50% (RM)	JUMLAH LULUS (RM)	JUMLAH TERLEBIH BAYAR (RM)
Persatuan Hemodialisis Klang				
Cawangan 1	406,000	203,000	220,500	17,500
Pusat Hemodialisis Mawar				
Seremban	220,996	110,498	220,300	109,802
Lukut	193,000	96,500	186,000	89,500
Gemas	168,280	84,140	168,000	83,860
Bahau	450,000	225,000	338,500	113,500
Seri Kembangan	543,860	271,930	338,500	66,570
Seputeh	445,000	225,500	284,000	58,500
JUMLAH		**1,216,568**	**1,755,800**	**539,232**

f. Bantuan Kepada Pusat Perubatan Swasta

Semakan Audit mendapati bantuan berjumlah RM7 juta telah diberikan kepada Mawar Renal Medical Centre, iaitu sebuah hospital swasta yang dimiliki oleh Pusat Hemodialisis Mawar bagi tujuan perolehan kelengkapan peralatan perubatan hospital tersebut seperti *Operating Theatre (OT), Intensive Care Unit (ICU), Diagnostic, Obstrectics/Gynea, Labour Room, Magnetic Resonance Imaging (MRI) System), ESWL External/Internal Lithtripter, Pacho Machine* dan peralatan perubatan lain. Bayaran berjumlah RM3 juta dan RM4 juta masing-masingnya telah dibuat pada 24 Julai 2008 dan 19 Jun 2009 sungguhpun permohonan bantuan perolehan kelengkapan peralatan yang sama daripada pusat ini pernah ditolak pada tahun 2007. Penolakan tersebut dibuat setelah Kementerian berpendapat permohonan berkenaan tidak termasuk dalam skop pemberian bantuan kewangan di bawah aktiviti/program. Antaranya ialah ceramah, seminar, pameran dan mencetak risalah seperti yang dinyatakan dalam Garis Panduan Dasar Bantuan Kewangan Kepada Badan-badan Bukan Kerajaan NGO yang dikeluarkan oleh Kementerian pada 15 Disember 2006.

Pada pandangan Audit, Kementerian perlu mengkaji semula prosedur kelulusan dan pemberian *capital grant* kepada NGO. Pemantauan melalui lawatan ke pusat hemodialisis perlu dibuat bagi memastikan kewujudan aset yang dibeli oleh pusat berkenaan. Laporan kepada pihak berkuasa perlu dibuat terhadap NGO yang dikenal pasti mengemukakan permohonan palsu kepada Kerajaan. Tindakan tatatertib juga perlu diambil terhadap pegawai yang cuai dalam meluluskan bantuan berkenaan.

24.4.2.3. Daftar Penerimaan Laporan Kewangan Tahunan Tidak Diselenggara

Perjanjian yang ditandatangani antara Kementerian dengan NGO mensyaratkan supaya laporan tahunan dan kewangan yang diaudit perlu dihantar kepada Kementerian sebelum 31 Mei tahun berikutnya. Semakan Audit mendapati

Kementerian tidak menyelenggarakan daftar bagi memantau penghantaran laporan ini dan tiada bukti semakan telah dibuat terhadap laporan yang dikemukakan oleh NGO.

Pada pandangan Audit, **pemantauan terhadap laporan kewangan perlu dibuat supaya peruntukan diberi dimanfaatkan sepenuhnya untuk membantu pesakit dan memastikan hanya NGO yang layak sahaja diteruskan pemberian bantuan kewangan.**

24.4.2.4. Pusat Hemodialisis NGO Beroperasi Tanpa Lesen Penubuhan Dan Pengendalian

a. Menurut Akta Kemudahan Dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 (Akta 586), pusat hemodialisis swasta diwajibkan mempunyai kelulusan menubuhkan atau menyenggarakan dan lesen untuk mengendalikan atau menyediakan kemudahan serta perkhidmatan jagaan kesihatan swasta. Sekiranya peruntukan akta tersebut tidak dipatuhi, denda boleh dikenakan antara RM300,000 hingga RM500,000 atau 6 tahun penjara. Setiap permohonan menubuhkan atau menyenggarakan pusat hemodialisis akan dikenakan bayaran pemprosesan sebanyak RM1,000 bagi tempoh 3 tahun manakala lesen untuk mengendalikan atau menyediakan kemudahan adalah antara RM1,000 hingga RM4,000 bagi tempoh 2 tahun mengikut bilangan mesin. Semakan Audit di Cawangan Kawalan Amalan Perubatan Swasta, Bahagian Amalan Perubatan, Kementerian mendapati sebanyak 94 daripada 109 pusat hemodialisis NGO atau 86.2% seperti di **Jadual 24.7** yang menerima bantuan subsidi rawatan daripada Kementerian tidak mempunyai lesen pengendalian manakala 5 pusat hemodialisis atau 4.6% tidak mempunyai kelulusan penubuhan. Sehingga ke tarikh pengauditan, Kementerian masih belum mengambil sebarang tindakan terhadap pusat hemodialisis yang terlibat. Mengikut perkiraan Audit, Kerajaan kehilangan hasil kutipan lesen dan bayaran pemprosesan permohonan penubuhan berjumlah RM0.29 juta.

JADUAL 24.7
PUSAT HEMODIALISIS YANG MENERIMA BANTUAN SUBSIDI RAWATAN BEROPERASI TANPA KELULUSAN PENUBUHAN/LESEN PENGENDALIAN

NEGERI	BILANGAN PUSAT HEMODIALISIS	KELULUSAN PENUBUHAN			LESEN PENGENDALIAN		
		ADA	TIADA	% TIADA	ADA	TIADA	% TIADA
Perlis	1	1	0	-	0	1	100
Kedah	7	7	0	-	0	7	100
Pulau Pinang	14	14	0	-	4	10	71.4
Perak	12	12	0	-	1	11	91.7
Selangor	18	18	0	-	3	15	83.3
Kuala Lumpur	12	10	2	16.7	1	11	91.7
Negeri Sembilan	4	4	0	-	1	3	75
Melaka	3	1	2	66.7	1	2	66.7

NEGERI	BILANGAN PUSAT HEMODIALISIS	KELULUSAN PENUBUHAN			LESEN PENGENDALIAN		
		ADA	TIADA	% TIADA	ADA	TIADA	% TIADA
Johor	22	22	0	-	2	20	90.1
Pahang	4	4	0	-	1	3	75
Terengganu	1	1	0	-	0	1	100
Kelantan	2	2	0	-	0	2	100
Sabah	4	4	0	-	0	4	100
Sarawak	5	4	1	20	1	4	80
JUMLAH	**109**	**104**	**5***	**4.6**	**15**	**94***	**86.2**

Nota : Kedudukan Pada Bulan April 2009

b. Berdasarkan maklum balas Kementerian, Pusat Hemodialisis swasta tidak mempunyai lesen disebabkan kegagalan memenuhi syarat pengamal perubatan yang perlu mempunyai latihan secukupnya di tempat bertauliah. Kementerian telah memberi tempoh 3 tahun semenjak tahun 2006 kepada pusat hemodialisis yang beroperasi tanpa lesen untuk mendapatkan lesen operasi. Bagaimanapun, tindakan tidak diambil terhadap pusat hemodialisis swasta berkenaan kerana kekurangan kemudahan di hospital Kerajaan. Sehubungan itu, Kementerian telah memutuskan untuk tidak memberikan bantuan kepada NGO baru yang tidak mempunyai lesen.

Pada pandangan Audit, Kementerian perlu meningkatkan penguatkuasaan bagi memastikan semua pusat hemodialisis mematuhi keperluan Akta yang berkuat kuasa.

24.4.2.5. Latihan Kepada Paramedik

a. Setiap tahun Kementerian melalui Bahagian Pengurusan Latihan menawarkan sebanyak 200 tempat bagi kursus *Post Basic Renal* kepada Penolong Pegawai Perubatan/Jururawat (Paramedik) yang terlibat dalam pengendalian rawatan penyakit buah pinggang. Kursus tersebut memakan masa selama 6 bulan diadakan 2 kali setahun di Kolej Sains Dan Kesihatan Bersepadu Sungai Buloh dan Kolej Kejururawatan Ipoh. Bagaimanapun, jumlah peserta bagi latihan *Post Basic Renal* bagi tempoh tahun 2007 hingga 2009 hanya antara 99 hingga 164 paramedik dari hospital/klinik Kerajaan dan 13 hingga 22 paramedik daripada hospital/klinik/pusat kesihatan swasta/NGO. Berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada Bahagian Pengurusan Latihan, penyertaan Paramedik daripada hospital/klinik/pusat kesihatan swasta/NGO adalah kurang iaitu antara 3 hingga 13 orang berbanding 60 hingga 92 orang daripada hospital/klinik Kerajaan bagi setiap sesi latihan. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati keadaan ini wujud disebabkan pengambilan peserta adalah kurang daripada permohonan yang diterima terutamanya daripada hospital/klinik/pusat kesihatan swasta/NGO. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 24.8
JUMLAH PESERTA BAGI LATIHAN *POST BASIC RENAL*

PARAMEDIK	2007		2008		2009	
	JUMLAH	%	JUMLAH	%	JUMLAH	%
Hospital/Klinik Kerajaan	99	81.8	134	91.2	164	89.6
Hospital/Klinik/Pusat Kesihatan Swasta/NGO	22	18.2	13	8.8	19	10.4
JUMLAH	**121**	**100**	**147**	**100**	**183**	**100**

JADUAL 24.9
JUMLAH PERMOHONAN BAGI LATIHAN *POST BASIC RENAL*

PARAMEDIK	KAPASITI	JULAI 2008				JANUARI 2009				JULAI 2009			
		a	b	c	d	a	b	c	d	a	b	c	d
Hospital/Klinik Kerajaan	100	61	60	60	37	98	98	92	2	79	77	72	15
Hospital/Klinik/Pusat Kesihatan Swasta/NGO		10	4	3		34	8	6		18	13	13	
JUMLAH	**100**	**71**	**64**	**63**	**37**	**132**	**106**	**98**	**2**	**97**	**90**	**85**	**15**

Nota : ***a - Permohonan*** ***b - Pengambilan*** ***c - Lapor Diri*** ***d - Kekosongan***

b. Menurut Peraturan-peraturan Kemudahan Dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 2006 (Hospital Swasta Dan Kemudahan Jagaan Kesihatan Lain), rawatan dan jagaan hemodialisis hendaklah dijalankan oleh Pengamal Perubatan Berdaftar, Penolong Pegawai Perubatan Berdaftar dan Jururawat Berdaftar yang mempunyai kelayakan, latihan dan pengalaman dalam rawatan dan jagaan hemodialisis. Semakan Audit mendapati 34 daripada 111 Paramedik di peringkat hospital dan 57 daripada 68 paramedik di peringkat NGO tidak mempunyai latihan *Post Basic Renal*. Butiran paramedik yang terlibat adalah seperti jadual berikut :-

JADUAL 24.10
PERATUS PARAMEDIK YANG TIDAK MEMPUNYAI LATIHAN *POST BASIC RENAL*

PARAMEDIK	HOSPITAL				NGO			
	JUMLAH	A	B	% TIADA SIJIL	JUMLAH	A	B	% TIADA SIJIL
Penolong Pegawai Perubatan	51	28	23	45.1	4	4	-	-
Jururawat	60	49	11	18.3	64	7	57	89.1%
JUMLAH	**111**	**77**	**34**	**30.6**	**68**	**11**	**57**	**83.8 %**

Nota : ***A - Pegawai Ada Sijil Latihan Post Basic Renal*** ***B - Pegawai Tiada Sijil Latihan Post Basic Renal***

Pada pandangan Audit, Kementerian perlu menambahkan bilangan pengambilan Paramedik daripada hospital/klinik/pusat kesihatan swasta/ NGO untuk menghadiri latihan *Post Basic Renal* memandangkan sebahagian besar pesakit hemodialisis mendapatkan rawatan di pusat hemodialisis yang diuruskan oleh NGO. Kementerian juga perlu memastikan peratus Paramedik yang mempunyai *Post Basic Renal* dipertingkatkan sehingga 100% memandangkan peratus Paramedik yang tidak mempunyai *Post Basic Renal* adalah tinggi iaitu 30.6% di hospital manakala 83.8% di pusat hemodialisis

NGO. Penguatkuasaan terhadap keperluan sijil ini perlu dipertingkatkan bagi memastikan kualiti rawatan dan keselamatan pesakit terpelihara.

24.5. SYOR AUDIT

Berdasarkan kelemahan-kelemahan yang dibangkitkan, Kementerian Kesihatan Malaysia (Kementerian) adalah disyorkan supaya mengambil tindakan terhadap perkara-perkara berikut :-

24.5.1. Bagi mengatasi masalah waktu menunggu, Kementerian perlu mengisi jawatan yang kosong, memberi peruntukan yang mencukupi untuk memperolehi mesin hemodialisis dan bekalan ubat serta kemudahan lain. Selain itu, rawatan *Continuous Ambulatory Peritoneal Dialysis* (CAPD) perlu dipertingkatkan dan menjadi pilihan pertama pesakit kerana rawatan boleh dijalankan sendiri oleh pesakit di rumah.

24.5.2. Bagi memudahkan urusan pesakit mendapatkan stok ubat/peralatan CAPD, dicadangkan agar penghantarannya dibuat terus ke rumah pesakit atau di hospital daerah oleh pembekal.

24.5.3. Membayar balik caj yang terlebih dikutip kepada pesakit yang terlibat.

24.5.4. Mengambil tindakan yang sewajarnya terhadap mereka yang terbukti melakukan *improper payment.* Sekiranya melibatkan pegawai awam, tindakan tatatertib atau surcaj patut diambil terhadap mereka. Sebaliknya jika melibatkan syarikat, kesalahan syarikat berkenaan patut dilaporkan kepada pihak yang berkuasa untuk tujuan disenaraihitamkan.

24.5.5. Denda kelewatan perlu dikira dan dikutip daripada pembekal bagi bekalan yang lewat dibekalkan meliputi tempoh sebelum dan selepas tarikh pengauditan.

24.5.6. Bagi pemberian subsidi rawatan dan *capital grant* kepada NGO, Kementerian perlu mematuhi prosedur sedia ada dan membuat lawatan sebelum kelulusan diberi. Kementerian juga perlu mengutip balik bantuan terlebih dibayar kepada NGO. Laporan kepada pihak berkuasa perlu dibuat terhadap NGO yang dikenal pasti mengemukakan permohonan palsu kepada Kerajaan. Tindakan tatatertib juga perlu diambil terhadap pegawai yang cuai dalam meluluskan bantuan tersebut.

25. AKTIVITI TRANSFUSI DARAH, PUSAT DARAH NEGARA

25.1. LATAR BELAKANG

25.1.1. Kementerian Kesihatan Malaysia (Kementerian) telah dipertanggungjawabkan mengutip darah untuk keperluan negara dan bagi tujuan tersebut, Pusat Darah Negara (PDN) serta semua hospital Kerajaan di negeri telah diamanahkan untuk melaksanakan tanggungjawab tersebut. PDN adalah satu pusat perkhidmatan transfusi darah di peringkat nasional yang bertanggungjawab merancang dan memperkembangkan perkhidmatan transfusi darah dan aktiviti pendermaan darah di seluruh negara. Di hospital Kerajaan negeri pula, Unit atau Jabatan Transfusi Darah berperanan menguruskan aktiviti pengutipan darah. Antara fungsi dan tanggungjawab PDN dan hospital Kerajaan ketika ini adalah mengutip, menyimpan dan membekalkan darah yang selamat mengikut standard yang ditetapkan serta menyediakan darah yang mencukupi bagi kegunaan dalam negara.

25.1.2. Objektif utama aktiviti transfusi darah adalah bagi mewujudkan dan mengekalkan sekumpulan penderma darah yang selamat dan menyediakan darah serta komponen-komponen darah yang selamat, mencukupi dan sesuai melalui prosedur saringan serta penstoran mengikut piawaian antarabangsa. Darah yang dikutip daripada penderma boleh diproses dan dipecahkan kepada komponen darah seperti sel darah merah, plasma dan platelet. Komponen darah ini boleh digunakan untuk pelbagai rawatan seperti pendarahan teruk akibat kebakaran, demam denggi, leukemia, talasemia dan kegagalan hati/buah pinggang. Adalah dianggarkan Kementerian telah membelanjakan antara RM144 hingga RM210 bagi setiap beg darah yang dipungut dan diproses sebelum ia boleh digunakan.

25.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan aktiviti transfusi darah telah diuruskan dengan teratur serta mencapai objektif yang ditetapkan.

25.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini meliputi aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan pengurusan aktiviti transfusi darah bagi tempoh tahun 2007 hingga 2009 yang dilaksanakan oleh PDN dan 4 hospital Kerajaan negeri telah dipilih iaitu di Hospital Queen Elizabeth, Kota Kinabalu; Hospital Sultanah Aminah, Johor Bahru; Hospital Sultanah Bahiyah, Alor Setar dan Hospital Sultanah Nur Zahirah, Kuala Terengganu. Pengauditan dijalankan dengan menyemak fail, rekod, dan dokumen serta perbincangan dengan pegawai-pegawai yang bertanggungjawab terhadap pengurusan

aktiviti transfusi darah. Bagi mendapatkan maklum balas kepuasan penderma terhadap perkhidmatan aktiviti transfusi darah, soal selidik juga digunakan.

25.4. PENEMUAN AUDIT

Pada keseluruhannya, pengauditan yang dijalankan antara bulan Ogos hingga Disember 2009 mendapati **pengurusan aktiviti transfusi darah di PDN dan 4 hospital yang dilawati telah diuruskan dengan memuaskan. Bagaimanapun, terdapat kelemahan yang perlu diperbaiki dari aspek pencapaian sasaran kutipan darah negara; kekurangan stok darah; kekurangan peralatan Unit Bergerak seperti kenderaan; perolehan reagen tidak teratur; tindakan pemakluman darah yang hampir luput tarikh ke hospital lain kurang berkesan; tunggakan bayaran bekalan darah oleh hospital/pusat perubatan swasta; perolehan di luar kaedah fraksinasi dan sistem pengurusan darah berkomputer yang tidak seragam.** Penjelasan lanjut mengenai perkara yang dibangkitkan adalah seperti di perenggan-perenggan berikut :-

25.4.1. Aktiviti Transfusi Darah

Secara amnya aktiviti transfusi darah meliputi pendaftaran penderma, pengutipan darah sama ada di Pusat Perolehan Darah atau di Unit Bergerak, penyaringan darah, penyimpanan dan pengeluaran darah.

25.4.1.1. Sasaran Jumlah Penderma Tidak Tercapai

a. Kementerian pada 20 Julai 2005 telah menetapkan matlamat jangka panjang untuk mencapai bilangan penderma darah sebanyak 5% atau 50 penderma bagi setiap 1,000 orang penduduk negara. Kadar ini adalah selaras dengan saranan *World Health Organization*. Pada tahun 2007, 2008 dan 2009, Kementerian melalui PDN dan semua hospital di seluruh negara telah berjaya mendapat penderma masing-masingnya seramai 507,808 orang, 527,898 dan 556,359 orang. Pencapaian ini adalah secara purata 1.9% berbanding sasaran 1.40 juta orang (5%) daripada jumlah penduduk negara.

b. Semakan Audit terhadap prestasi kutipan darah oleh PDN dan hospital-hospital yang dilawati untuk tempoh tahun 2007 hingga 2009, mendapati pada umumnya berupaya mengutip darah mengikut sasaran yang ditetapkan malahan ada yang melebihi daripada sasarannya seperti di **Jadual 25.1** kecuali Hospital Sultanah Bahiyah pada tahun 2008 dan Hospital Sultanah Aminah pada tahun 2009 masing-masingnya hanya mencapai 88.7% dan 62%. Bagaimanapun Hospital Queen Elizabeth, Hospital Sultanah Aminah dan Hospital Sultanah Nur Zahirah menetapkan jumlah sasaran kurang 5% daripada jumlah penduduk di sekitarnya. **Jadual 25.2** menunjukkan peratus sasaran berbanding penduduk di sekitarnya.

JADUAL 25.1
PENCAPAIAN DAN KUTIPAN DARAH BAGI TEMPOH TAHUN 2007 HINGGA 2009

TAHUN	PERKARA	PDN	HQE	HSB	HSA	HSNZ	JUMLAH
2007	Sasaran	120,000	16,200	12,500	23,000	9,000	**180,700**
	Kutipan	122,792	19,533	13,073	23,129	9,469	**187,996**
	% Kutipan	102.3	120.6	104.6	100.6	105.2	**104.0**
	Unit Bergerak	101,411	14,306	10,032	18,850	7,649	**152,248**
	% Unit Bergerak	82.6	73.2	76.7	81.5	80.8	**81.0**
2008	Sasaran	125,000	17,400	13,500	24,000	9,000	**188,900**
	Kutipan	130,925	18,824	11,978	24,998	9,631	**196,356**
	% Kutipan	104.7	108.2	88.7	104.2	107.0	**104.0**
	Unit Bergerak	116,067	14,462	8,209	20,637	7,808	**167,183**
	% Unit Bergerak	88.7	76.8	68.5	82.6	81.1	**85.1**
2009	Sasaran	130,000	18,000	14,500	25,000	9,000	**196,500**
	Kutipan	138,759	19,337	15,274	15,496	9,657	**198,523**
	% Kutipan	106.7	107.4	105.3	62.0	107.30	**101.0**
	Unit Bergerak	116,964	8,904	10,387	13,375	7,649	**157,279**
	% Unit Bergerak	84.3	46.0	68.0	86.3	79.2	**79.2**

Nota : PDN - Pusat Darah Negara ***HQE - Hospital Queen Elizabeth***
HSB - Hospital Sultanah Bahiyah ***HSA - Hospital Sultanah Aminah***
HSNZ- Hospital Sultanah Nur Zahirah

JADUAL 25.2
PENCAPAIAN SASARAN BERBANDING PENDUDUK

TAHUN	PERKARA	PDN	HQE	HSB	HSA	HSNZ	JUMLAH
2007	Bilangan Penduduk	1,456,278	528,496	215,864	853,709	376,665	**3,431,012**
	Sasaran	120,000	16,200	12,500	23,000	9,000	**180,700**
	% Sasaran Berbanding Penduduk Sekitar	8.2	3.1	5.8	2.7	2.4	**5.3**
	Sasaran 5%	72,814	26,425	10,793	42,685	18,833	**171,550**
2008	Bilangan Penduduk	1,462,631	553,900	219,531	874,609	386,549	**3,497,220**
	Sasaran	125,000	17,400	13,500	24,000	9,000	**188,900**
	% Sasaran Berbanding Penduduk Sekitar	8.6	3.1	6.2	2.7	2.3	**5.4**
	Sasaran 5%	73,132	27,695	10,977	43,730	19,327	**174,861**
2009	Bilangan Penduduk	1,468,984	579,304	223,199	895,509	396,433	**3,563,429**
	Sasaran	130,000	18,000	14,500	25,000	9,000	**196,500**
	% Sasaran Berbanding Penduduk Sekitar	8.9	3.1	6.5	2.8	2.3	**5.5**
	Sasaran 5%	73,449	28,965	11,160	44,775	19,822	**178,171**

Nota : ***PDN - Pusat Darah Negara*** ***HQE - Hospital Queen Elizabeth***
HSB - Hospital Sultanah Bahiyah ***HSA - Hospital Sultanah Aminah***
HSNZ- Hospital Sultanah Nur Zahirah

c. Antara faktor yang menyebabkan sasaran ditetapkan oleh hospital tidak berasaskan 5% daripada jumlah penduduk sekitarnya adalah kekurangan kenderaan. Memandangkan sebahagian besar darah yang dikutip adalah melalui Unit Bergerak Tabung Darah iaitu antara 46% hingga 88.7%, tetapi bagi Unit Bergerak Tabung Darah Hospital Queen Elizabeth dan Hospital Sultanah Aminah masing-masing hanya memiliki 2 buah kenderaan.

Keadaan ini menyebabkan keupayaan unit-unit tersebut terhad kepada satu pasukan sahaja pada sesuatu masa. Selain itu, kenderaan yang digunakan oleh Unit Bergerak Tabung Darah, Hospital Queen Elizabeth sudah uzur iaitu berusia 16 tahun dan hanya boleh digunakan di sekitar bandar Kota Kinabalu sahaja di samping berkongsi penggunaannya dengan Jabatan Patologi. Pada 9 Disember 2008, pengurusan hospital ini telah mengemukakan permohonan kepada Bahagian Perkembangan Perubatan, Kementerian untuk mendapatkan kenderaan baru.

d. Kementerian melalui maklum balasnya menyatakan bahawa sasaran 5% adalah bagi perancangan jangka panjang dan menekankan kutipan darah mestilah diukur berdasarkan keperluan sebenar agar tidak berlaku kutipan berlebihan hingga menyebabkan pembaziran. Sehubungan ini, Kementerian juga mengkaji keperluan membekalkan kenderaan baru bagi Unit Bergerak Hospital Sultanah Aminah dan Hospital Queen Elizabeth.

Pada pandangan Audit, sasaran yang ditetapkan hendaklah dipertingkatkan selaras dengan hasrat Kementerian untuk mencapai bilangan penderma darah sebanyak 5% atau 50 penderma bagi setiap 1,000 orang penduduk negara. Sasaran ini dijangka tercapai dengan mempertingkatkan peralatan dan lain-lain keperluan Unit Bergerak Tabung Darah di kesemua hospital Kerajaan di seluruh negara.

25.4.1.2. Stok Darah Kurang Daripada Tahap Minimum

a. Setiap hospital ada menetapkan paras stok minimum darah yang perlu ada/disimpan pada setiap hari. Semakan Audit mendapati paras stok darah utuh (darah yang belum diproses) pada tempoh tahun 2007 hingga 2009 di PDN, Hospital Queen Elizabeth dan Hospital Sultanah Aminah telah mengalami kekurangan antara 104,976 hingga 142,784 beg darah (**Jadual 25.3**). Manakala, maklumat berkaitan bagi Hospital Sultanah Bahiyah dan Hospital Sultanah Nur Zahirah tidak diberikan. Analisis Audit selanjutnya terhadap tahap bekalan darah harian yang ada di PDN dan di hospital yang dilawati bagi tempoh bulan Oktober hingga Disember 2009 mendapati berlaku kekurangan stok darah **antara 2 hingga 30 hari sebulan.** Pada hari-hari tertentu tahap kekurangannya adalah kritikal kerana stok darah yang ada **hanya pada kadar 15.1% daripada stok minimum harian** seperti di **Jadual 25.4.**

JADUAL 25.3
KEKURANGAN DARAH DI BAWAH PARAS SELAMAT/STOK MINIMUM DARAH UTUH BAGI TEMPOH TAHUN 2007 HINGGA 2009

PDN / HOSPITAL	STOK MINIMUM PATUT ADA PADA SETIAP HARI (Unit / Beg)	JUMLAH KEKURANGAN DARAH BERBANDING STOK MINIMUM HARIAN SEPANJANG TAHUN (Unit / Beg)		
		2007	2008	2009
Pusat Darah Negara	2,500	138,074	100,577	119,367
Hospital Queen Elizabeth	73	3,127	2,693	3,913

PDN / HOSPITAL	STOK MINIMUM PATUT ADA PADA SETIAP HARI (Unit / Beg)	JUMLAH KEKURANGAN DARAH BERBANDING STOK MINIMUM HARIAN SEPANJANG TAHUN (Unit / Beg)		
		2007	2008	2009
Hospital Sultanah Bahiyah	230	TM	TM	TM
Hospital Sultanah Aminah	560	1,583	1,706	1,875
Hospital Sultanah Nur Zahirah	230	TM	TM	TM
JUMLAH		**142,784**	**104,976**	**125,155**

Nota : TM - Tiada Maklumat

JADUAL 25.4
KEKURANGAN DARAH DI BAWAH PARAS SELAMAT/STOK MINIMUM DARAH BAGI BULAN OKTOBER HINGGA DISEMBER 2009

PDN / HOSPITAL	STOK MINIMUM PATUT ADA SETIAP HARI (Unit/Beg)	OKTOBER			NOVEMBER			DISEMBER		
		JUMLAH HARI KURANG DARAH	JUMLAH STOK DARAH PALING RENDAH	% STOK DARAH	JUMLAH HARI KURANG DARAH	JUMLAH STOK DARAH PALING RENDAH	% STOK DARAH	JUMLAH HARI KURANG DARAH	JUMLAH STOK DARAH PALING RENDAH	% STOK DARAH
Pusat Darah Negara	2,500	29	1,265	50.6	18	1,101	44.0	23	1,037	41.5
Hospital Queen Elizabeth	73	21	11	15.1	20	27	37.0	20	14	27.4
Hospital Sultanah Bahiyah	230	6	151	65.7	2	185	80.4	3	143	62.2
Hospital Sultanah Aminah	560	30	267	47.7	21	340	60.7	30	210	37.5
Hospital Sultanah Nur Zahirah	230	2	177	77.0	-	-	-	-	-	-

b. Sungguhpun mengikut maklum balas Kementerian tiada berlaku kes-kes pembedahan yang ditunda akibat kekurangan darah, **namun pada pandangan Audit, kekerapan stok darah berada di bawah paras minimum perlu diberi perhatian oleh PDN dan semua hospital yang terlibat bagi memastikan bekalan darah sentiasa mencukupi pada setiap masa terutamanya pada musim perayaan.**

25.4.1.3. Perolehan Reagen Untuk Penyaringan Darah Tidak Teratur

a. Setiap unit darah yang didermakan perlu disaring terlebih dahulu sebelum boleh digunakan. Ini bagi memastikan darah tersebut selamat daripada sebarang jangkitan virus seperti hepatitis B (HBV), hepatitis C (HCV), kurang daya tahan melawan penyakit (HIV) dan siflis. Darah yang dikesan mengandungi virus berkenaan akan dimusnahkan dan pendermanya disenaraihitamkan. Bagi tujuan ini, PDN dan semua hospital yang dilawati menggunakan kaedah serologi. Manakala bagi PDN, selain kaedah serologi,

kaedah *Nucleic Acid Testing* (NAT) juga digunakan. Kedua-dua kaedah ini menggunakan bahan reagen dalam proses penyaringan darah.

b. Bagi mengesahkan darah yang dikesan dijangkiti virus HIV, HBV, HCV dan siflis, ujian semula/ulangan terhadap darah terlibat akan dibuat. Bagi tahun 2007 dan 2008 sebanyak 7,075 dan 7,857 ujian telah dijalankan. Daripada jumlah tersebut sebanyak 5,153 (72.8%) dan 5,016 (63.8%) telah disahkan dijangkiti virus. Jumlah darah yang disahkan positif adalah bersamaan 1.0% dan 0.9% daripada kutipan darah di seluruh negara bagi tahun 2007 dan 2008. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 25.5
UJIAN ULANGAN BAGI DARAH DIJANGKITI VIRUS

TAHUN	HIV		HBV		HCV		SIFLIS		JUMLAH			
	a	b	a	b	a	b	a	b	a	b	c	d
2007	459	134	3,967	3,451	1,655	1,003	994	565	7,075	5,153	72.8	1.0
2008	479	108	4,687	3,472	1,657	848	1,034	588	7,857	5,016	63.8	0.9

Nota: ***HBV - Hepatitis B*** ***HCV - Hepatitis C***

a – Ujian Ulangan
b – Disahkan Positif
c – % Darah Sah Positif Berbanding Ujian Ulangan
d – % Darah Sah Positif Berbanding Bilangan Penderma Seluruh Negara
Bilangan Penderma Darah Seluruh Negara Tahun : 2007 - 507,808 orang
2008 - 527,898 orang

c. Kementerian telah melantik Tree Med Sdn. Bhd. (TMSB) untuk membekalkan reagen dengan nilai kontrak RM14.55 juta bagi tempoh tahun 2009 hingga 2011. Semakan Audit di Hospital Sultanah Aminah pada 10 Disember 2009 mendapati **pembelian 180 kit reagen bernilai RM489,024 masih belum dibekalkan walaupun bayaran telah dibuat pada 8 Disember 2009 berdasarkan kepada pengesahan penerimaan bekalan yang dibuat oleh pihak hospital pada 1 Disember 2009.** Selain itu, di Hospital Sultanah Nur Zahirah, **pembayaran sepenuhnya mengikut nilai keseluruhan pesanan berjumlah RM122,256 telah dibuat pada 15 November 2009** walaupun sebanyak **9 kit bernilai RM17,496** hanya diterima pada 9 Disember 2009 seperti di **Jadual 25.6**. Perkara ini berlaku disebabkan amalan pihak hospital membuat bayaran penuh apabila pembekal berjanji akan membekalkan baki pesanan melalui *Letter Of Undertaking.*

JADUAL 25.6
PEMBAYARAN TELAH DIBUAT BAGI BEKALAN REAGEN
YANG BELUM DITERIMA/BELUM DITERIMA SEPENUHNYA

NAMA HOSPITAL	TARIKH PESANAN	BUTIRAN	KUANTITI PESANAN (KIT)	HARGA SEUNIT (RM)	TARIKH PENGESAHAN PENERIMAAN BEKALAN	TARIKH TERIMA BEKALAN	KUANTITI DITERIMA (KIT)
HOSPITAL SULTANAH AMINAH	20.11.2009	Monolisa Anti HCV (480 tests/kit)	60	4,310.40	01.12.2009	Semua Reagen Belum Diterima Pada 10.12.2009	
		Genscreen Ultra HIV AG-AB (480 tests/kit)	60	2,136.00			
		Monolisa HBS AG Ultra (480 tests/kit)	60	1,704.00			
JUMLAH			**180**	**489,024.00**			

NAMA HOSPITAL	TARIKH PESANAN	BUTIRAN	KUANTITI PESANAN (KIT)	HARGA SEUNIT (RM)	TARIKH PENGESAHAN PENERIMAAN BEKALAN	TARIKH TERIMA BEKALAN	KUANTITI DITERIMA (KIT)
HOSPITAL SULTANAH NUR ZAHIRAH	08.09.2009	Monolisa Anti HCV plus (480 test/kit)	15	4,310.40	14.11.2009	22.7.2009 - 26.10.2009	15
		Monolisa HBS AG ULTRA (480 tests/kit)	15	1,704.00	04.11.2009	27.08.2009	1
						01.10.2009	5
						06.10.2009	3*
						27.10.2009	4
							2*
						09.12.2009	4**
		Genscreen Ultra HIVAG-AB (480 tests/kit)	15	2,136.00	04.11.09	26.08.2009	5
						06.10.2009	3*
						27.10.2009	4
							2*
						09.12.2009	5**
JUMLAH			**45**	**122,256.00**			

Nota: ***(*) – Kit Kecil Untuk 96 Ujian***
(**) – Bekalan Belum Diterima Semasa Bayaran Dibuat

d. Mengikut maklum balas Kementerian, pembelian 180 kit reagen adalah bagi penggunaan dalam bulan Disember 2009 hingga Mac 2010. Ini bagi mengelakkan bekalan reagen yang kritikal pada awal tahun kerana dikhuatiri waran peruntukan lewat diterima dan mengganggu pelaksanaan tugas makmal saringan. Selain itu, reagen mempunyai tarikh luput yang pendek dan tempat penyimpanan yang terhad menyebabkan jabatan berkaitan memohon kepada pembekal untuk menghantar bekalan secara berperingkat. Sehubungan itu, Kementerian akan menubuhkan satu jawatankuasa siasatan berhubung dengan perkara ini.

Pada pandangan Audit, amalan membuat bayaran terhadap barangan yang belum dibekalkan perlu diberhentikan kerana ia bertentangan dengan peraturan kewangan. Sehubungan ini, tindakan tatatertib patut diambil terhadap pihak yang terlibat.

25.4.1.4. Pelupusan Darah

Selain darah yang tercemar dengan jangkitan virus HIV, HBV, HCV dan siflis, darah yang tamat tempoh juga perlu dilupuskan. Jangka hayat bagi darah utuh adalah 42 hari, platelet 5 hari dan *fresh frozen plasma* adalah antara 3 hingga 36 bulan. Mengikut standard yang ditetapkan oleh Kementerian, darah yang dilupuskan kerana tamat tempoh mestilah kurang daripada 5% daripada darah yang dikutip/disimpan. Oleh itu bagi memastikan stok yang ada digunakan secara optimum dan mengelakkan berlakunya darah luput tempoh, pemakluman ke hospital lain perlu dibuat. Semakan Audit terhadap pelupusan darah utuh bagi tempoh tahun 2007 hingga 2009 mendapati PDN dan hospital-hospital dilawati telah melupuskan antara 234 hingga 1,462 beg darah setahun. Mengambil kira 1% daripada darah yang dikutip adalah tercemar, kadar pelupusan darah setahun adalah antara 0.2 hingga 10.5% daripada darah yang dikutip. Antara

sebab darah perlu dilupuskan ialah kerana permohonan untuk jenis darah berkenaan kurang diterima dan kelewatan jabatan/wad mengembalikan darah yang tidak digunakan. Selain itu didapati tiada bukti pihak Tabung Darah hospital yang dilawati memaklumkan kepada hospital lain mengenai stok darah yang hampir luput tempohnya untuk kegunaan segera. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 25.7
PELUPUSAN DARAH DISEBABKAN TAMAT TEMPOH

PDN/ HOSPITAL	2007			2008			2009		
	JUMLAH KUTIPAN BERSIH* (Beg)	JUMLAH LUPUS	% LUPUS	JUMLAH KUTIPAN BERSIH* (Beg)	JUMLAH LUPUS	% LUPUS	JUMLAH KUTIPAN BERSIH* (Beg)	JUMLAH LUPUS	% LUPUS
Pusat Darah Negara	121,564	234	0.2	129,615	260	0.2	137,371	874	0.6
Hospital Queen Elizabeth	19,337	588	3.0	18,635	814	4.4	19,143	883	4.6
Hospital Sultanah Bahiyah	12,943	580	4.4	11,858	531	4.5	12,471	416	3.3
Hospital Sultanah Aminah	22,898	1,246	5.4	24,748	1,380	5.6	15,341	1,462	9.5
Hospital Sultanah Nur Zahirah	9,375	991	10.5	9,534	365	3.8	9,560	303	3.2

Nota: (*) - Setelah Mengambil Kira 1% Darah Yang Tercemar/Tidak Boleh Digunakan

Pada pandangan Audit, walaupun pada puratanya pelupusan darah di hospital yang dilawati adalah kurang 5%, namun pihak Kementerian perlu memantau penggunaan darah bagi mengurangkan kadar pelupusannya kerana kos untuk mengutip dan memproses darah adalah tinggi iaitu antara RM144 hingga RM210 setiap beg. Selain itu kaedah pemakluman ke hospital lain perlu diwujudkan melalui sistem maklumat darah berpusat.

25.4.2. Bekalan Darah Kepada Hospital/Pusat Perubatan Swasta Kurang Teratur

Selain membekalkan darah ke hospital atau institusi Kerajaan, PDN dan hospital dilawati juga membekalkan darah kepada hospital/pusat perubatan swasta. Sehingga bulan November 2009, sebanyak 136 hospital/pusat perubatan swasta telah menandatangani perjanjian pembekalan darah dengan PDN dan 4 hospital berkenaan. Semakan Audit terhadap bekalan darah kepada hospital/pusat perubatan swasta mendapati perkara berikut :-

25.4.2.1. Pada tahun 1995, Kementerian telah menetapkan kadar caj bayaran sebanyak RM20.00 seunit/beg bagi bekalan darah utuh atau *whole blood* kepada hospital/pusat perubatan swasta. Pada bulan Januari 2008, pihak PDN telah mencadangkan kepada Kementerian supaya menaikkan caj tersebut kepada RM71.27 bagi setiap unit. Sehubungan ini Kementerian sedang membuat semakan semula kadar caj darah tersebut. Semakan Audit selanjutnya

mendapati kos pengeluaran sebenar seunit/beg darah adalah tinggi iaitu RM144 dan meningkat kepada RM210 sekiranya melibatkan *Nucleic Acid Testing* (NAT). Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 25.8
PERKIRAAN KOS PENGELUARAN SEUNIT/BEG DARAH

PERKARA	KOS SEUNIT/BEG (RM)	
	UJIAN SEROLOGI	UJIAN SEROLOGI DAN NAT
Beg Darah	20	20
Ujian Serologi	17	17
Nucleic Acid Testing	-	66
Sajian Makanan	5	5
Lain-lain Bahan Pakai Habis*	102	102
JUMLAH	**144**	**210**

Nota :(*) - Meliputi Kos Kaunter, Makmal, Jarum, Promosi, Penyenggaraan Kenderaan/Alat Dan Utiliti

25.4.2.2. Walaupun caj yang dikenakan kepada hospital/pusat perubatan swasta amat minimum tetapi perjanjian yang ditandatangani tidak menetapkan tempoh pembayaran dan juga elemen denda bagi kelewatan membuat bayaran. Ini menyebabkan denda tidak dapat dikenakan terhadap kelewatan bayaran oleh hospital/pusat perubatan swasta. Sehingga bulan Disember 2009 sejumlah RM2.57 juta caj masih tertunggak bagi PDN dan 4 hospital yang dilawati. Daripada jumlah tersebut sebanyak RM2.47 juta atau 95.9% adalah tunggakan bagi PDN **(Jadual 25.9)**. Selain itu, bagi memastikan pihak hospital/pusat perubatan swasta tidak mengenakan bayaran kepada pesakit melebihi kadar harga yang dibayar kepada Kerajaan bagi penggunaan seunit darah, Kementerian dikehendaki membuat pemantauan terhadap hospital berkenaan. Semakan di Hospital Tawakal, Kuala Lumpur mendapati tiada bukti pemantauan telah dibuat oleh Kementerian. Berdasarkan maklum balas Kementerian, perjanjian perbekalan darah ini telah disemak semula dan disahkan oleh Penasihat Undang-undang Kementerian pada 17 Mac 2010. Pemantauan terhadap hospital/pusat perubatan swasta yang mengenakan caj tinggi ke atas penggunaan seunit darah sukar dilaksanakan oleh PDN dan hospital-hospital lain disebabkan tidak mempunyai kakitangan yang mencukupi.

JADUAL 25.9
CAJ BEKALAN DARAH YANG BELUM DIKUTIP
BAGI TEMPOH TAHUN 2007 HINGGA 2009

PDN/HOSPITAL	TUNGGAKAN (RM)			JUMLAH (RM)
	2007	2008	2009	
Pusat Darah Negara*	815,089	635,537	1,018,867	2,469,493
Hospital Queen Elizabeth	15,580	6,600	550	22,730
Hospital Sultanah Bahiyah	TM	TM	Tiada	TM
Hospital Sultanah Aminah	34	38,504	41,520	80,058
Hospital Sultanah Nur Zahirah	2,290	Tiada	Tiada	2,290
JUMLAH	**832,993**	**680,641**	**1,060,937**	**2,574,571**

Nota: (*) - Termasuk Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia (HUKM)
TM - Tiada Maklumat

Pada pandangan Audit, pihak PDN/hospital perlu meningkatkan usaha untuk mengutip tunggakan tersebut dan menjalankan pemeriksaan secara rambang terhadap hospital swasta bagi memantau caj bayaran penggunaan darah yang dikenakan kepada pesakit.

25.4.2.3. Kementerian telah memberi kelonggaran kepada hospital/pusat perubatan swasta membuat bayaran sama ada dalam bentuk kewangan atau menggantikannya dengan bahan pakai habis dan reagen. Sebagai contoh, bagi tempoh tahun 2007 hingga 2009, Hospital Pakar Johor dan Hospital Pakar Puteri telah mendapatkan bekalan darah daripada Hospital Sultanah Aminah. Setakat 31 Disember 2009 nilai bekalan darah yang belum diganti oleh hospital terlibat kepada Hospital Sultanah Aminah ialah RM81,864. Butirannya adalah seperti di **Jadual 25.10**. **Pada pandangan Audit, pihak hospital terlibat hendaklah membuat susulan dengan lebih kerap bagi memastikan bahan gantian dibekalkan dengan segera.**

JADUAL 25.10
NILAI BEKALAN DARAH YANG BELUM DIGANTI

TAHUN	JUMLAH		
	CAJ DARAH YANG PERLU DIJELASKAN (RM)	NILAI BEKALAN DARAH YANG TELAH DIJELASKAN (RM)	TUNGGAKAN (PERBEZAAN) (RM)
2008	54,070	15,566	38,504
2009	43,360	-	43,360
JUMLAH	**97,470**	**15,566**	**81,864**

25.4.3. Fraksinasi Darah Plasma

Fraksinasi darah plasma adalah merupakan satu kaedah di mana komponen darah plasma diproses menjadi produk ubat seperti Biostate, Prothrombinex, Albumex, Intragram, Pekatan Faktor VIII dan Pekatan Faktor IX. Bagi tujuan tersebut plasma yang dikumpul akan dibekukan dan dihantar ke Commonwealth Serum Laboratory (CSL), Australia untuk diproses. Syarat perjanjian dengan CSL antaranya menetapkan supaya syarikat ini mengenakan bayaran pemprosesan atau kos fraksinasi manakala kos penghantaran plasma dibiayai oleh Kementerian. Bagi tempoh tahun 2007 hingga 2009, PDN telah membayar sebanyak RM60.88 juta bagi kos fraksinasi dan anggaran melebihi RM3.66 juta bagi pengangkutan. Semakan Audit mendapati perkara berikut :-

25.4.3.1. Selain daripada mendapatkan bekalan ubat melalui fraksinasi, PDN juga membuat perolehan ubat yang sama atau ubat gantian yang mempunyai kegunaan yang sama dari Primabumi Sdn. Bhd. dan Pharmaniaga Logistics Sdn. Bhd. bagi memenuhi keperluan hospital-hospital Kerajaan. Bagaimanapun semakan Audit mendapati **kos perolehan seunit bagi ubat-ubatan tersebut di pasaran tempatan adalah lebih tinggi antara RM39.00 hingga RM365.00 seunit berbanding kos yang diperoleh melalui fraksinasi**. Butiran perbezaan harga adalah seperti di **Jadual 25.11**. Selain itu syarat kontrak dengan Primabumi Sdn. Bhd. menghendaki syarikat memperoleh ubat daripada CSL. Mengikut maklum balas Kementerian, kemampuan PDN dalam menghasilkan

plasma untuk dihantar ke CSL adalah terhad dan buat masa kini hanya PDN, Tabung Darah Hospital Melaka dan Pulau Pinang sahaja yang memenuhi/ menepati piawaian antarabangsa *(International Standards).* Usaha untuk mempertingkatkan piawaian antarabangsa di hospital-hospital Kerajaan telah dimasukkan dalam RMK-10.

JADUAL 25.11
PERBEZAAN HARGA ANTARA PEROLEHAN
MELALUI CSL DENGAN PEMBEKAL TEMPATAN

HARGA PASARAN/ PEROLEHAN TEMPATAN		PEROLEHAN DARIPADA CSL		PERBEZAAN HARGA SEUNIT (RM)
NAMA PRODUK	HARGA SEUNIT (RM)	NAMA PRODUK	HARGA SEUNIT *	
Aleviate 250IU	250.00	Biostate 250IU*	AUD57.50 =RM172.50	77.50
Profilnine 590vial	590.00	Prothrombinex*	AUD75 = RM225	365.00
Albumex 20	177.00	Albumex 20	AUD46 = RM138	39.00
Intragam P 50ml	406.00	Intragam P 50ml	AUD81 = RM243	163.00

Nota: ***Anggaran (Purata) Pertukaran Wang Asing AUD1.00 = RM3.00***
****Biostate 250IU Mempunyai Fungsi Sama Dengan Aleviate 250IU***
****Prothrombinex Mempunyai Fungsi Yang Sama Dengan Profilnine 590***
Tidak Termasuk Kos Pengangkutan Untuk Tahun 2008 Dan 2009 (RM2.1 Juta)

25.4.3.2. Semakan selanjutnya mendapati pada tahun 2008 dan 2009, PDN telah membelanjakan sebanyak RM18.84 juta bagi perolehan 75,397 unit Aleviate 250IU (pengganti *biostate*) daripada Primabumi Sdn. Bhd. dan RM7.99 juta bagi 13,545 unit Profilnine (pengganti *prothrombinex*) daripada Pharmaniaga Logistics Sdn. Bhd. Berdasarkan perbezaan harga tersebut, PDN boleh **menjimatkan sejumlah RM10.78 juta** iaitu RM5.84 juta bagi perolehan Aleviate dan RM4.94 juta bagi Profilnine sekiranya perolehan dibuat melalui fraksinasi. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 25.12
PENJIMATAN WANG KERAJAAN SEKIRANYA
ALEVIATE DAN PROFILNINE DIPEROLEH MELALUI FRAKSINASI

TAHUN	PEROLEHAN ALEVIATE			PEROLEHAN PROFILNINE		
	KUANTITI	PENJIMATAN HARGA SEUNIT (RM)	JUMLAH PENJIMATAN (RM)	KUANTITI	PENJIMATAN HARGA SEUNIT (RM)	JUMLAH PENJIMATAN (RM)
2008	40,000	77.50	3,100,000.00	6,545	365.00	2,388,925.00
2009	35,397	77.50	2,743,267.50	7,000	365.00	2,555,000.00
JUMLAH			**5,843,267.50**	**JUMLAH**		**4,943,925.00**

Pada pandangan Audit, Kerajaan boleh mendapat penjimatan dengan memperoleh ubat melalui fraksinasi berbanding dengan perolehan ubat daripada pembekal tempatan dan Kementerian perlu mengkaji semula kaedah perolehannya.

25.4.4. Pandangan Penderma Terhadap Aktiviti Pendermaan Darah

25.4.4.1. Bagi mendapatkan pandangan penderma darah terhadap tahap pengendalian pengutipan darah oleh PDN atau hospital, borang soal selidik

telah diedarkan kepada 150 orang penderma darah di PDN dan 4 hospital yang dilawati. Bagaimanapun, hanya 139 atau (92.7%) penderma telah mengemukakan maklum balas. Analisis Audit terhadap maklum balas yang diterima mendapati lebih 90% daripada penderma berpuas hati dengan proses pendaftaran, layanan oleh pihak hospital/PDN, kemudahan tempat menderma darah dan keistimewaan yang diberikan oleh Kerajaan kepada mereka. Manakala kurang dari 6% penderma tidak berpuas hati dengan kemudahan tempat letak kereta, masa menunggu yang lama dan faedah kemudahan wad dan rawatan percuma yang dihadkan untuk tempoh tertentu sahaja. Selain dari itu, 70 penderma (50.4%) telah memaklumkan bahawa mereka mengetahui aktiviti derma darah yang dijalankan oleh PDN/hospital melalui kempen-kempen derma darah, rakan dan media massa.

25.4.4.2. Kementerian melalui maklum balasnya merancang untuk menyediakan soal selidik dari masa ke semasa bagi mendapatkan pandangan penderma darah berhubung aspek perkhidmatan yang perlu diperbaiki atau dipertingkatkan di samping menggalakkan lebih ramai orang awam tampil menderma dan terus kekal sebagai penderma tetap.

25.4.5. Sistem Pengurusan Darah Berkomputer

25.4.5.1. Sistem pengurusan darah berkomputer yang cekap adalah penting bagi memastikan darah yang dikutip dapat digunakan dengan sebaiknya. Semakan Audit mendapati di PDN dan keempat-empat hospital yang dilawati ada mempunyai sistem pengurusan darah berkomputer seperti Sistem *Blood Bank Information, Darah Link* dan *e-Delphyn.* Namun sistem berkenaan didapati tidak diintegrasikan antara satu sama lain dan juga dengan Ibu Pejabat Kementerian.

25.4.5.2. Semakan Audit yang dijalankan mendapati sistem pengurusan darah di PDN telah dibangunkan secara *in-house* pada tahun 2003 dengan kos RM9.61 juta. Bagaimanapun sistem pengurusan darah di hospital lain adalah dipinjamkan oleh syarikat yang membekalkan bahan pakai habis yang digunakan untuk aktiviti transfusi darah. Mengikut perjanjian kontrak, sistem ini akan diserah kembali kepada syarikat berkenaan selepas tamat tempoh kontrak.

25.4.5.3. Bagi membangunkan satu sistem pengurusan darah yang seragam, bersepadu dan diintegrasikan antara semua hospital dan PDN selaras dengan perancangan jangka panjang Unit Pengurusan Maklumat PDN dan Bahagian Pengurusan Maklumat, Kementerian, telah pun memohon peruntukan kewangan kepada Kerajaan di bawah Rancangan Malaysia Ke-10 dengan anggaran kos RM20 juta.

25.5. SYOR AUDIT

Bagi meningkatkan tahap pengurusan aktiviti ini, Kementerian Kesihatan Malaysia (Kementerian) disyorkan supaya melaksanakan perkara-perkara berikut :-

25.5.1. Sasaran kutipan darah hendaklah dipertingkatkan selaras dengan hasrat untuk mencapai 5% daripada jumlah penduduk. Kempen dan promosi derma darah hendaklah diperbanyakkan bagi meningkatkan kesedaran orang ramai untuk menderma darah serta memastikan stok darah sentiasa mencukupi dan selamat.

25.5.2. Tindakan tatatertib hendaklah diambil terhadap pegawai yang membuat pengesahan dan pembayaran bagi bekalan reagen yang belum diterima.

25.5.3. Meningkatkan pemantauan terhadap penggunaan darah bagi memastikan darah yang hampir tamat tempoh penggunaannya diagihkan kepada hospital/bahagian lain yang memerlukannya dengan segera.

25.5.4. Mengkaji semula caj bayaran bagi bekalan darah kepada pihak perubatan swasta agar lebih munasabah. Selain itu, tindakan susulan hendaklah dipertingkatkan bagi memastikan tunggakan hutang pihak perubatan swasta dibayar segera.

25.5.5. Peruntukan yang mencukupi perlu disediakan bagi mempertingkatkan keupayaan hospital bagi menghasilkan plasma.

25.5.6. Membuat perolehan ubat Aleviate dan Profilnine terus daripada Commonwealth Serum Laboratory, Australia kerana lebih menjimatkan.

25.5.7. Menyeragamkan sistem pengurusan darah berkomputer dengan mengintegrasikannya antara Kementerian, PDN dan semua hospital terlibat.

26. PROJEK PEMBAIKAN DAN NAIK TARAF FASILITI KLINIK KESIHATAN

26.1. LATAR BELAKANG

26.1.1. Pada bulan April 2005, Apex Communications Sdn. Bhd. (Apex) dan juga Pristine Hub Sdn. Bhd. (Prestine) telah mengemukakan cadangan untuk menaik taraf dan menyenggara kemudahan-kemudahan kesihatan luar bandar kepada Kementerian Kesihatan Malaysia (Kementerian). Sehubungan ini, Kementerian telah mewujudkan satu Jawatankuasa Teknikal Kajian yang berperanan menilai cadangan tersebut. Hasil penilaian ini mendedahkan banyak kekurangan dan kelemahan dalam perkhidmatan sokongan Kementerian khususnya di fasiliti-fasiliti kesihatan luar bandar. Jawatankuasa Teknikal Kajian seterusnya telah membuat penambahbaikan terhadap cadangan kontraktor untuk kelulusan Kementerian Kewangan.

26.1.2. Kementerian Kewangan pada bulan Mac 2007 telah meluluskan cadangan tersebut dengan menetapkan had siling berjumlah RM200 juta. Apex telah dilantik secara rundingan terus bagi pelaksanaan projek Pembaikan Dan Naik Taraf Fasiliti Klinik Kesihatan di Johor, Pahang, Melaka, Negeri Sembilan, Sabah, Sarawak, Selangor dan Wilayah Persekutuan manakala Pristine di negeri Kedah, Kelantan, Perak, Pulau Pinang dan Terengganu.

26.1.3. Projek ini dilaksanakan secara reka dan bina (design and build) di mana Apex dan Pristine bertanggungjawab sepenuhnya dalam menyedia skop kerja dan menyelia/memantau kerja penyenggaraan/pembaikan yang dilaksanakan dengan melantik perunding sehingga tamat Tempoh Tanggungan Kecacatan. Manakala Pengarah Projek adalah Ketua Setiausaha Kementerian.

26.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada projek Pembaikan Dan Naik Taraf Fasiliti Klinik Kesihatan telah dirancang dan dilaksanakan dengan cekap dan berhemat serta selaras dengan objektif yang ditetapkan.

26.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini meliputi perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap projek Pembaikan Dan Naik Taraf Fasiliti Klinik Kesihatan yang dilaksanakan oleh kontraktor yang dilantik dengan melihat kepada beberapa aspek seperti pematuhan syarat kontrak dan kualiti kerja. Bagi tujuan ini, semakan terhadap fail, rekod dan dokumen telah dibuat di Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan, Bahagian Perancangan & Pembangunan serta Bahagian Perolehan & Penswastaan di Kementerian. Semakan juga dibuat di Unit Kejuruteraan, Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan, Negeri Sembilan, Perak, Sabah dan Sarawak serta lawatan fizikal dan temu bual dengan pegawai terlibat di 54 klinik kesihatan dan klinik desa.

26.4. PENEMUAN AUDIT

Pada keseluruhannya pengauditan yang dijalankan antara bulan Jun hingga Disember 2009 mendapati **pelaksanaan projek Pembaikan Dan Naik Taraf Fasiliti Klinik Kesihatan adalah kurang memuaskan. Antara kelemahan yang ditemui adalah projek lewat disiapkan; spesifikasi kontrak tidak jelas; kerja-kerja yang dilaksanakan oleh kontraktor tidak dipantau dengan rapi oleh Kementerian kerana kekurangan pegawai teknikal di peringkat negeri; bayaran dibuat terhadap kerja yang tidak dilaksanakan atau tidak disempurnakan.** Penjelasan lanjut berhubung dengan perkara yang ditemui adalah seperti di perenggan-perenggan berikut :-

26.4.1. Pelantikan Kontraktor

Pelantikan Apex dan Pristine untuk melaksanakan projek ini telah diluluskan secara rundingan terus oleh Kementerian Kewangan. Nilai kontrak adalah berjumlah RM99.99 juta bagi Apex (162 tapak) dan RM98.80 juta bagi Pristine (159 tapak). Apex dan Pristine merupakan kontraktor Kelas A dan Gred G7 yang berdaftar dengan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan. Berdasarkan semakan di portal PKK, Apex mula berdaftar dengan PKK pada 12 Julai 2000 dan mempunyai pengalaman dalam 2 projek pembinaan sebelum diluluskan kontrak ini manakala Pristine berdaftar dengan PKK pada 12 Julai 2007 tetapi tidak mempunyai pengalaman dalam projek pembinaan. Memandangkan kontrak ini melibatkan banyak tapak, kontraktor dibenarkan untuk melantik subkontraktor dan diberi insentif bagi pelantikan kontraktor Kelas F.

Pada pandangan Audit, pelantikan kontraktor yang tidak mempunyai pengalaman dalam pembinaan secara rundingan terus adalah tidak wajar. Sekiranya perolehan dibuat secara tender, Kerajaan berpeluang memilih kontraktor yang lebih berwibawa dari segi keupayaan teknikal dan kewangan serta dapat memperolehi harga tender yang lebih kompetitif.

26.4.2. Kontrak Lewat Ditandatangani

Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 5 Tahun 2007 menetapkan kontrak perlu ditandatangani dalam tempoh 4 bulan selepas Surat Setuju Terima dikeluarkan. Didapati kontrak ditandatangani pada 17 November 2008 bagi Apex dan 19 Disember 2008 bagi Pristine sungguhpun Surat Setuju Terima telah dikeluarkan pada 24 Mac 2008 iaitu kelewatan selama 116 hari dan 148 hari masing-masingnya. Berdasarkan maklum balas Kementerian, penyediaan dan persetujuan skop kerja serta penyediaan pelan arkitek, struktur, mekanikal dan elektrikal bagi setiap klinik menyumbang kepada kelewatan tersebut. **Pada pandangan Audit, Kementerian sepatutnya mempercepatkan proses menandatangani kontrak untuk tujuan penguatkuasaan syarat dan spesifikasi kontrak demi menjaga kepentingan Kerajaan.**

26.4.3. Kelewatan Menyiapkan Projek

26.4.3.1. Mengikut kontrak, projek ini perlu disiapkan pada 7 Januari 2009 iaitu 9 bulan dari tarikh pemilikan tapak pada 7 April 2008. Bagaimanapun pada tarikh projek sepatutnya siap, terdapat 145 tapak projek belum disiapkan oleh Apex dan 159 tapak projek bagi Pristine. Semakan Audit juga mendapati sehingga 31 Disember 2009, Pristine masih belum menyerahkan 20 tapak projek di Kedah, Kelantan dan Terengganu. Butiran bagi penyerahan tapak projek adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 26.1
TARIKH PENYERAHAN TAPAK OLEH APEX DAN PRISTINE
SEHINGGA 31 DISEMBER 2009

BIL. TAPAK PROJEK	BULAN																BELUM SERAH	TEMPOH SERAH TAPAK PROJEK
	09.2008	10.2008	11.2008	12.2008	*01.2009	02.2009	03.2009	04.2009	05.2009	06.2009	07.2009	08.2009	09.2009	10.2009	11.2009	12.2009		
Apex Communications Sdn. Bhd.																		
162	2	1	10	4	18	27	29	28	33	10	-	-	-	-	-	-	-	26.09.2008 - 26.06.2009
Pristine Hub Sdn. Bhd.																		
159	-	-	-	-	-	-	-	2	11	3	17	7	9	31	24	35	20	30.04.2009 - 31.12.2009

Nota : * Diserah Selepas 07.01.2009

26.4.3.2. Antara faktor yang menyebabkan kelewatan menyiapkan projek adalah kerana kontraktor lewat menduduki tapak. Berdasarkan kontrak, Apex dan Pristine sepatutnya mula menduduki tapak projek pada 7 April 2008. Kementerian boleh menamatkan kontrak sekiranya kontraktor gagal memulakan kerja dalam tempoh 2 minggu daripada tarikh tersebut. Semakan Audit mendapati Apex memasuki tapak-tapak projek antara 12 Mei 2008 hingga 15 April 2009 iaitu lewat antara 35 hingga 371 hari. Pristine pula memasuki tapak-tapak projek antara 18 Julai 2008 hingga 3 Mac 2009 iaitu lewat antara 101 hingga 329 hari. Sehingga tarikh projek sepatutnya siap iaitu pada 7 Januari 2009, Apex belum menduduki satu tapak di Sarawak manakala bagi Pristine, 35 tapak di Kedah, Kelantan dan Terengganu. Semakan Audit selanjutnya mendapati sungguhpun Apex dan Pristine lewat menduduki tapak, Kementerian tidak mengambil tindakan untuk menamatkan kontrak. Butiran lanjut mengenai kontraktor yang menduduki tapak projek adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 26.2
TARIKH MENDUDUKI TAPAK APEX DAN PRISTINE

BIL. TAPAK PROJEK	BULAN													TEMPOH MASUK TAPAK PROJEK
	04.2008	05. 2008	06. 2008	07.2008	08.2008	09.2008	10.2008	11.2008	12.2008	*01.2009	01.2009	02.2009	03.2009	04.2009	
Apex Communications Sdn. Bhd.															
162	-	70	51	16	6	12	1	2	3	-	-	-	-	1	13.05.2008 - 15.04.2009
Pristine Hub Sdn. Bhd.															
159	-	-	-	3	5	10	56	28	20	2	28	3	4	-	18.07.2008 - 03.03.2009

Nota : * Sehingga Tarikh Projek Sepatutnya Siap Pada 07.01.2009

26.4.3.3. Berdasarkan maklum balas daripada pihak Kementerian, kelewatan kontraktor memasuki tapak pula disebabkan kelewatan perunding menyediakan *Bills of Quantities*, reka bentuk, pelan-pelan arkitek, struktur, mekanikal dan elektrikal serta mendapatkan persetujuan skop kerja daripada pelanggan.

26.4.4. *Liquidated And Ascertained Damages* (LAD) Kurang Dikenakan

26.4.4.1. Mengikut kontrak, kontraktor boleh memohon lanjutan masa (*extension of time - EOT*) kepada Kementerian sekiranya mendapati projek tidak menepati jadual pelaksanaan. Semakan Audit mendapati Apex dan Pristine telah diluluskan 2 lanjutan masa bagi tempoh bulan Januari hingga Julai 2009 dengan alasan-alasan seperti di **Jadual 26.3**. Bagaimanapun, semakan Audit selanjutnya mendapati asas kelulusan EOT tersebut adalah diragui kerana kontraktor tersebut sebenarnya telah lewat memulakan kerja antara 35 hingga 371 hari daripada tempoh yang sepatutnya dan ini telah menyumbang kepada kelewatan menyiapkan projek.

JADUAL 26.3
LANJUTAN MASA YANG DIKELUARKAN KEPADA KONTRAKTOR

SYARIKAT	TEMPOH EOT (Hari)	TEMPOH DILIPUTI	TARIKH PERAKUAN	SEBAB LANJUTAN MASA
EOT 1				
Apex	120	07.01.2009 - 07.05.2009	22.01.2009	• Pindaan skop kerja • Kelewatan kelulusan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) • Penukaran tapak dan lokasi penggerudian serta kesukaran memasuki tapak • Kenaikan harga binaan dan bahan api
Pristine	120	07.01.2009 - 07.05.2009	22.01.2009	• Pindaan skop kerja • Masalah struktur bangunan tidak selamat • Kenaikan harga binaan dan bahan api
EOT 1 Tambahan				
Apex	182	07.01.2009 - 08.07.2009	11.09.2009	• Kelewatan kelulusan PBT dan Jabatan Warisan • Kelewatan pihak Syarikat Air Johor & Tenaga Nasional Berhad (TNB) • Keadaan cuaca luar jangka • Penukaran tapak dan lokasi penggerudian serta kesukaran memasuki tapak
Pristine	192	07.01.2009 - 18.07.2009	11.09.2009	• Pindaan skop kerja • Tambahan skop kerja bagi 12 fasiliti bekalan air • Kelewatan kerja pakar • Kelewatan kelulusan PBT • Kelewatan pihak TNB dan Air Kelantan Sdn. Bhd.

26.4.4.2. Pengarah Projek perlu menimbang dan meluluskan EOT sebelum tarikh projek sepatutnya siap. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati **EOT 1 telah diluluskan pada 22 Januari 2009 iaitu selepas 14 hari daripada tarikh projek sepatutnya siap.** EOT 1 adalah meliputi tempoh 7 Januari 2009 hingga 7 Mei 2009. Semakan Audit selanjutnya mendapati EOT 1 Tambahan telah diluluskan pada 11 September 2009 yang meliputi tempoh 7 Januari 2009 hingga 8 dan 18 Julai 2009. Ini menunjukkan tempoh EOT 1 Tambahan yang diluluskan bertindih dengan tempoh masa EOT 1. Sepatutnya EOT 1 Tambahan bermula pada 8 Mei 2009 iaitu selepas berakhirnya EOT 1 pada 7 Mei 2009.

Mengikut penjelasan dari Kementerian, EOT 1 Tambahan ini dikeluarkan bagi mematuhi surat daripada Kementerian Kewangan bertarikh 16 Mei 2007 yang tidak membenarkan pemberian EOT yang berulang kepada kontraktor yang lewat menyiapkan projek.

26.4.4.3. Kementerian pada 11 September 2009 telah meluluskan EOT 1 Tambahan bagi memanjangkan tempoh masa EOT 1 selama 62 hari dari 7 Mei 2009 kepada 8 dan 18 Julai 2009 sungguhpun pada masa kelulusan dibuat, Kementerian telah meluluskan Perakuan Kerja Tidak Siap Pertama (*Certificate Of Non Completion - CNC 1*) pada 3 Julai 2009 iaitu lewat 57 hari selepas EOT 1 tamat tempohnya pada 7 Mei 2009. Selanjutnya pada 16 Oktober 2009, CNC 2 telah dikeluarkan iaitu lewat 91 hari daripada tarikh EOT 1 Tambahan yang berakhir pada 8 dan 18 Julai 2009.

26.4.4.4. Mengikut kontrak, Apex dan Pristine boleh dikenakan denda/gantirugi yang ditentukan dan ditetapkan (LAD*)* sekiranya gagal menyiapkan kerja dalam tempoh yang ditetapkan iaitu RM18,492.79 sehari bagi Apex dan RM18,278.63 sehari bagi Pristine. LAD akan berkurangan apabila Kementerian menerima tapak projek yang telah disiapkan berdasarkan nilai tapak projek tersebut. Semakan Audit mendapati LAD sejumlah RM1.66 juta yang dikira daripada 19 Julai 2009 sehingga 30 November 2009 telah dikutip daripada Pristine atas kelewatan menyerah tapak. Bagaimanapun disebabkan kelulusan EOT 1 Tambahan, jumlah LAD yang dikenakan tidak mengambil kira tapak yang lewat disiapkan ketika CNC pertama dikeluarkan pada 3 Julai 2009 iaitu sebanyak RM1.14 juta bagi tempoh 8 Mei 2009 hingga 18 Julai 2009. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 26.4
LAD YANG TIDAK DIKENAKAN TERHADAP APEX DAN PRISTINE
MULAI PADA 8 MEI 2009 HINGGA 18 JULAI 2009

KONTRAKTOR	TARIKH SIAP*	BIL. LEWAT (Hari)	JUMLAH KLINIK	NILAI (RM)	JUMLAH LAD (RM)
Apex	14.05.2009 - 26.06.2009	3 - 49	27	18,675,026	76,697
Pristine	11.05.2009 - 17.07.2009**	3 -72	145	85,730,899	1,064,410
JUMLAH			**172**	**104,405,925**	**1,141,107**

Nota : **** Tarikh Siap Adalah Tarikh Fasiliti Diserahkan Kepada Pegawai Yang Menjaga Klinik***
***** Sebanyak 119 Klinik Belum Siap Pada 17 Julai 2009***

26.4.4.5. Berdasarkan maklum balas daripada pihak Kementerian, Pengarah Projek mempunyai hak untuk menimbangkan EOT sekiranya alasan yang diberikan oleh kontraktor adalah munasabah dan kontraktor bersungguh-sungguh menyiapkan projek tersebut. Syarat kontrak tidak menghalang Pengarah Projek untuk meluluskan EOT di luar tempoh penyiapan kerja. Oleh itu tindakan mengenakan LAD tidak seharusnya dilakukan bagi maksud memberi pengajaran sebaliknya ia adalah pendorong kepada kontraktor untuk menyiapkan kerja dengan segera. **Pada pandangan Audit, sungguhpun**

Kementerian berhak meluluskan EOT, namun ia perlu memastikan kelulusan EOT dibuat dengan teratur. Kementerian sepatutnya mengambil kira kelewatan memasuki tapak antara 35 hingga 371 hari sebelum EOT diluluskan; tidak mengeluarkan EOT selepas meluluskan CNC kepada pihak kontraktor dan wajar mengenakan denda terhadap kelewatan kontraktor menyiapkan projek. Kelewatan mengeluarkan CNC menyebabkan LAD lambat diambil tindakan. Kelulusan EOT yang diberi selepas CNC dikeluarkan perlu dipandang serius kerana ia boleh memberi implikasi perundangan yang merugikan Kerajaan.

26.4.5. Naik Taraf Kemudahan Bekalan Air Klinik Desa Di Negeri Kelantan

Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan telah diluluskan peruntukan berjumlah RM5.49 juta bagi melaksanakan kerja naik taraf kemudahan bekalan air di 54 klinik desa. Kerja utama yang dibuat adalah pembinaan menara tangki air, rumah pam air dan pemasangan pam air elektronik. Berdasarkan lukisan kontrak dan lukisan pembinaan, rumah pam air sepatutnya dibina berasingan daripada menara tangki air dengan kos pembinaan berjumlah RM10,918/unit manakala menara tangki air dibina dengan struktur tangga konkrit bersilang pada kos berjumlah RM28,649/unit. Pemeriksaan Audit mendapati rumah pam air telah dibina bersama menara tangki air di mana kedudukannya berada di bawah menara tersebut manakala tangga yang dibina di menara tangki air telah diubah kepada tangga besi dengan kedudukan menegak. Bagaimanapun didapati kos asal tidak diubah sedangkan kuantiti binaan telah berkurangan. Sehubungan ini, kos berjumlah RM0.59 juta dan RM1.55 juta bagi pembinaan 54 rumah pam air dan 54 menara tangki air masing-masingnya patut dikaji dan dikurangkan oleh Kementerian. Selepas teguran Audit, Kementerian telah menyemak semula harga tersebut di mana harga baru yang telah dipersetujui ialah RM5,023 bagi rumah pam air dengan penjimatan berjumlah RM5,895/unit dan RM27,216 bagi menara tangki air dengan penjimatan berjumlah RM1,433/unit atau penjimatan berjumlah RM0.40 juta bagi 54 rumah pam air dan menara tangki air.

26.4.6. Bekalan Air Alternatif Untuk Klinik Kesihatan Di Negeri Sabah Dan Sarawak

26.4.6.1. Peruntukan berjumlah RM21.07 juta telah diluluskan kepada Jabatan Kesihatan Negeri Sabah dan Sarawak untuk menaik taraf kemudahan bekalan air sedia ada melibatkan 41 klinik melalui sedutan air bawah tanah (*Tubewell System*) dan tadahan air hujan (*Rain Water Harvesting System).* Projek ini dilaksanakan bagi memastikan klinik yang berada di luar bandar mendapat kemudahan air bersih. Butiran kerja bekalan air melalui *Tubewell System* dan *Rain Water Harvesting System* adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 26.5
BUTIRAN KERJA BEKALAN AIR ALTERNATIF DI SABAH DAN SARAWAK

BIL.	PERKARA	KUANTITI	HARGA	
			CONVENTIONAL (RM)	SOLAR (RM)
Tubewell System				
1	*Drilling a borehole - Max. depth is 50m*	Lump Sum	122,260	122,260
2	***Conventiona**l - Tubewell submersible pump system*	Set	38,840	-
3	***Conventional** - Control Panel*	Unit	17,260	-
4	***Solar** - Panel Tubewell submersible pump system*	Set	-	111,100
5	***Solar** - Panel Support Structure*	Unit	-	51,000
6	***Multimedia Filter***	Unit	83,440	83,440
7	***Water Tower*** *- 2 unit 1,800 liters water storage tanks* *- 5 meter high water tower*	Set	71,200	71,200
8	***Testing & Commissioning** of Conventional Tubewell System/Solar Powered Tubewell System*	Lump Sum	21,580	21,580
Rain Water Harvesting System				
9	***Rainwater Harvesting System*** *- 3 unit 1,800 liters water storage tanks* *- concrete platform* *-replacement roofing if necessary*	Set	105,430	105,430
JUMLAH			**460,010**	**566,010**

26.4.6.2. Semakan Audit terhadap pemasangan *Rain Water Harvesting System* dan *Tubewell System* di Sabah dan Sarawak mendapati perkara berikut :-

a. Pemasangan *Rain Water Harvesting System*

Kementerian telah bersetuju dengan kontraktor untuk memasukkan *Rain Water Harvesting System* (RWHS) dalam projek bekalan air alternatif di mana kos bagi RWHS adalah berjumlah RM105,430 bagi satu klinik. Kementerian telah memasang RWHS di 41 klinik melibatkan perbelanjaan berjumlah RM4.32 juta. Fungsi RWHS yang dipasang hanyalah sebagai alternatif kedua (*back up*) sekiranya air bawah tanah tidak dapat disedut kerana tiada bekalan elektrik. Semakan Audit mendapati beberapa kelemahan dalam pemasangan RWHS akibat daripada **kelemahan spesifikasi kerja** yang dinyatakan dalam kontrak. Berikut diberikan beberapa contohnya :-

i. Di semua 15 klinik yang dilawati, didapati paip bagi RWHS yang baru tidak disambungkan terus ke klinik kerana aras tangkinya lebih rendah daripada klinik berkenaan. Oleh itu, bekalan air ke klinik masih lagi menggunakan RWHS yang sedia ada. Contohnya Klinik Tagas-tagas, Sabah (**Gambar 26.1**). Perkara ini berlaku kerana spesifikasi kontrak hanya menyatakan tangki dibina di paras ketinggian 0.95 meter di atas tanah dan tidak menyatakan keperluan menyambungkan paip dari tangki ke klinik. Berdasarkan maklum balas, Kementerian mengambil serius teguran Audit dan akan mengambil langkah-langkah yang boleh memaksimumkan penggunaan RWHS yang dipasang dan seterusnya

menilai kembali mengenai keperluan penggunaan RWHS pada projek-projek yang akan datang.



GAMBAR 26.1

Klinik Kesihatan Tagas-Tagas, Sabah
- Tangki Air Lebih Rendah Daripada Kedudukan Bangunan Klinik
(06.08.2009)

ii. Menurut kontrak, kerja-kerja penukaran bumbung adalah termasuk dalam skop kerja RHWS tetapi hanya dibuat sekiranya perlu dan kos penukaran bumbung tersebut telah diambil kira dalam kos pemasangan RWHS. Semakan Audit mendapati tidak semua bumbung klinik telah diganti. Sebagai contoh, di Klinik Kesihatan Gaya Ratau, Sabah, bumbungnya tidak diganti kerana ia baru dibina pada tahun 2007 dan masih dalam keadaan baik. Di Klink Desa Pukak, Sabah (**Gambar 26.2**) dan Klinik Kesihatan Krokong (**Gambar 26.3**) serta Klinik Kesihatan Menalun di Sarawak pula, sungguhpun bumbung klinik telah berkarat tetapi ia tidak diganti oleh kontraktor. Keadaan ini berlaku kerana syarat kontrak tidak menetapkan dengan jelas kriteria keperluan penukaran bumbung dan ia memberi peluang kepada kontraktor menggunakan budi bicaranya.

GAMBAR 26.2



Klinik Desa Pukak, Sabah
- Bumbung Karat Yang Tidak Diganti Baru
(03.08.2009)

GAMBAR 26.3



Klinik Kesihatan Krokong, Sarawak
- Bumbung Karat Yang Tidak Diganti Baru
(20.10.2009)

Pada pandangan Audit, Kementerian perlu menetapkan spesifikasi kerja yang jelas dalam kontrak bagi memudahkan pemantauan terhadap kerja kontraktor.

iii. Terdapat perbezaan harga yang ketara bagi pemasangan RWHS di bawah kerja penggantian RWHS yang lama dengan pemasangan yang baru. Sebagai contoh, kos bagi penggantian RWHS di bawah kerja pembaikan di Klinik Kesihatan Melalap, Sabah (**Gambar 26.4**) dan Klinik Kesihatan Sook, Sabah (**Gambar 26.5**) hanya berjumlah RM12,901 berbanding dengan kos pemasangan RWHS baru berjumlah RM105,430

iaitu berbeza sejumlah RM92,529 atau RM3.79 juta bagi 41 klinik. Butirannya adalah seperti jadual berikut :-

JADUAL 26.6
PERBEZAAN HARGA PEMBAIKAN DAN PEMASANGAN BARU *RAIN WATER HARVESTING SYSTEM*

BUTIRAN KERJA	KERJA DI BAWAH PEMBAIKAN			PEMASANGAN BARU
	HARGA/UNIT (RM)	ANGGARAN KUANTITI	JUMLAH (RM)	
Supply water tank and install new HDPE water tank 400 gallon complete with all necessary accessories	1,229	3 unit	3,687	• 3 unit bagi 1,800 liters *water storage tanks* • *concrete platform* • *replacement roofing if necessary* • *Set / Lump Sum*
Supply gutter and install 150mm wide PVC gutter as described fixed to fascia board with including bracket	50.88	15m	763	
Supply downpipe and supply PVC rainwater downpipe as decribed embedded in concrete slab	52.64	10m	526	
Supply metal deck roofing sheet, c/w fixing accessories including one layer of single sided aluminium foil and chicken wire mesh	79.25	100m2	7,925	
JUMLAH			**12,901**	**RM 105,430**
PERBEZAAN (RM105,430 - RM 12,901)				**RM 92,529**
JUMLAH PERBEZAAN (RM92,529 X 41 KLINIK)				**RM 3,793,689**

GAMBAR 26.4



Klinik Kesihatan Melalap, Sabah
- Tangki Air, Gutter & Down Pipe Baru
(08.08.2009)

GAMBAR 26.5



Klinik Kesihatan Sook, Sabah
- Tangki Air, Gutter & Down Pipe Baru
(07.08.2009)

Pada pandangan Audit, Kementerian perlu mengkaji semula harga pemasangan *Rain Water Harvesting System* yang baru memandangkan perbezaan kos yang terlalu tinggi iaitu 717% berbanding dengan kos penggantian sistem yang lama.

b. Pemasangan *Tubewell System*

i. Bagi memastikan kualiti air yang diperolehi melalui *Tubewell System* adalah bersih, penapis air (*Multimedia Filter)* juga dipasang di setiap klinik. Kos perolehan dan pemasangan penapis air tersebut adalah RM83,440 bagi setiap klinik atau RM3.42 juta bagi 41 klinik. Semakan Audit mendapati bilangan penapis air yang perlu dipasang di setiap klinik tidak dinyatakan dengan jelas dalam kontrak. Oleh itu bilangan penapis air yang dipasang ditentukan sendiri oleh kontraktor berdasarkan keputusan ujian analisis air (*water sample analysis*) yang dijalankannya. Lawatan Audit di 15 klinik mendapati bilangan penapis air yang dipasang

di klinik berkenaan berbeza jumlahnya antara 1 hingga 5 unit. Bagaimanapun harga yang dibayar oleh Kementerian adalah sama iaitu RM83,440 bagi setiap klinik. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:-

JADUAL 26.7
BILANGAN PENAPIS AIR YANG DIPASANG DI KLINIK

KLINIK KESIHATAN	PENAPIS AIR (Bilangan)	KOS PEMASANGAN
SABAH		
Pukak, Tuaran	2	RM83,440 bagi setiap klinik
Gayaratau, Tuaran	2	
Taginambur, Kota Belud	2	
Bundutuhan, Ranau	1	
Tagas-Tagas, Ranau	5	
Kiabau, Ranau	2	
Karamatoi, Keningau	3	
SARAWAK		
Bunuk, Kuching	1	RM83,440 bagi setiap klinik
Krokong, Kuching	4	
Nanga Kesit, Lubuk Antu	1	
Nanga Lasi, Sarikei	1	
Menalun, Kanowit	3	
Suai Tegaging, Miri	3	
Kuala Nyalau, Bintulu	1	
Passai Siong, Sibu	3	

GAMBAR 26.6



Klinik Kesihatan Tagas-Tagas, Sabah
- 5 Penapis Air Yang Dipasang
(06.08.2009)

GAMBAR 26.7



Klinik Kesihatan Pukak, Sabah
- 2 Penapis Air Yang Dipasang
(03.08.2009)

ii. Kementerian telah memasukkan dalam kontrak kos *Testing And Commissioning* (TNC) *Tubewell System* berjumlah RM21,580 bagi setiap klinik atau RM0.89 juta bagi 41 klinik sedangkan kos bagi TNC berjumlah RM41,000 (lump sum) juga ada dinyatakan dalam kontrak. Semakan Audit terhadap bayaran kemajuan kerja mendapati kedua-dua kos tersebut telah dibayar kepada kontraktor berkenaan. Ini menunjukkan 2 kali bayaran telah dibuat bagi kerja yang sama.

Pada pandangan Audit, Kementerian sepatutnya hanya membuat bayaran berdasarkan jumlah penapis air yang sebenarnya dipasang dan bagi

tujuan ini, harga bekalan dan pemasangan bagi setiap unit penapis air hendaklah ditentukan. Manakala lebihan bayaran bagi *Testing and Commissioning Tubewell System* hendaklah didapatkan semula daripada kontraktor

26.4.7. Bayaran Dibuat Terhadap Kerja Yang Tidak Dilaksana/Disempurnakan

Projek ini dilaksanakan secara reka dan bina (design and build) di mana kontraktor bertanggungjawab sepenuhnya dalam menyedia skop kerja dan menyelia/memantau kerja penyenggaraan/pembaikan yang dilaksanakan dengan melantik perunding sehingga tamat Tempoh Tanggungan Kecacatan. Kontraktor dan perunding juga bertanggungjawab untuk memperakukan sama ada kerja telah disiapkan sebelum bayaran dibuat. Pengesahan terhadap kerja yang telah disiapkan dibuat oleh Jurutera Kesihatan Umum atau Penolong Jurutera di peringkat Jabatan Kesihatan Negeri. Bayaran kepada kontraktor dibuat oleh Bahagian Perancangan Dan Pembangunan, Kementerian setelah kerja disahkan siap dengan sempurnanya. Semakan Audit mendapati perkara berikut :-

26.4.7.1. Lawatan Audit di 7 klinik di Perak dan satu klinik di Sabah seperti di **Jadual 26.8** mendapati **bayaran berjumlah RM59,928 telah dibuat bagi 25 butiran kerja penyenggaraan/pembaikan yang tidak dilaksanakan.** Bayaran tersebut telah dijelaskan berdasarkan perakuan siap kerja yang dibuat oleh kontraktor dan perunding. Semakan Audit juga mendapati Sijil Perakuan Pendudukan Separa *(*Certificate of Partial Occupation - CPO) telah diperakukan oleh wakil Pengarah Projek sungguhpun kerja-kerja tersebut masih belum disiapkan pada tarikh *CPO* dikeluarkan.

JADUAL 26.8
KERJA YANG TIDAK DILAKSANAKAN TETAPI TELAH DIPERAKUKAN DAN DIBAYAR

KLINIK KESIHATAN	KERJA YANG TIDAK DILAKSANAKAN	TARIKH PENYERAHAN	NILAI KERJA (RM)
Perak - Lawatan Audit Pada 3 hingga 9 Disember 2009			
Tronoh	*Construct half brickwall 23m*	01.10.2009	10,336
	Mengecat garisan ruangan tempat letak kereta & motosikal		148
Lekir	Memecah dinding & membekal *solid door*	14.07.2009	1,338
Bagan Serai	Membekal dan mengganti *flush door*	16.10.2009	414
	Membekal dan memasang tirai langsir		374
	Membina kabinet kayu rendah dengan *worktop*		6,019
	Mengecat garisan ruangan tempat letak kereta & motosikal		666
Trong	Membekal dan mengganti 7 unit *flush door*	15.10.2009	3,235
	Membekal dan memasang kanopi		7,057
	Mengecat garisan ruangan tempat letak kereta dan motosikal		653
Sungai Kerang	Memasang 3 pintu saiz 900mm x 2100mm	06.11.2009	991
	Memasang jeriji besi		216
	Membuang dinding sedia ada		730
	Membekal dan memasang tirai langsir		84

KLINIK KESIHATAN	KERJA YANG TIDAK DILAKSANAKAN	TARIKH PENYERAHAN	NILAI KERJA (RM)
Plang	Membekal dan memasang *gypsium wall partition*	24.12.2009	1,611
	Membuang dinding sedia ada		795
	Membina *half brick wall* termasuk kerja mengecat		406
	Membekal dan memasang tanda nama pada bilik		2,078
Chenderong Balai	Membuang dinding sedia ada di Jabatan Pesakit Luar	13.07.2009	5,027
	Membekal dan memasang kaunter pendaftaran di Jabatan Pesakit Luar		10,629
	Membekal dan memasang tirai langsir		31
	Membekal dan memasang kanopi		2,389
	Mengecat garisan ruangan tempat letak kereta & motosikal		2,814
Sabah - Lawatan Audit Pada 3 hingga 8 Ogos 2009			
Tamparuli	*Hack and replace existing diameter salt glazed* (Y2-01.01.02)	04.05.2009	658
	Replace of existing water tank and install new HDPE water tank 400 gallon complete with all accessories necessary (Y2-08.02)		1,229
JUMLAH			**59,928**

26.4.7.2. Adalah juga didapati kerja penyenggaraan/pembaikan di 10 klinik tidak dibuat dengan sempurna dan tidak berkualiti sehingga boleh menjejaskan keselesaan pengguna seperti di **Jadual 26.9** dan **Gambar 26.8 hingga 26.17**. Bagaimanapun, bayaran sepenuhnya telah dibuat bagi kerja-kerja tersebut. Kos bagi kerja yang tidak disempurnakan tidak dapat ditentukan kerana ia telah diambil kira secara *lump sum* bagi keseluruhan projek klinik berkenaan. Berdasarkan maklum balas Kementerian, arahan telah dikeluarkan kepada kontraktor untuk membaiki kecacatan kerana kerja tersebut masih dalam Tempoh Tanggungan Kecacatan.

JADUAL 26.9
CONTOH KERJA YANG TIDAK DISIAPKAN DENGAN SEMPURNA/SEPENUHNYA

KLINIK KESIHATAN	BUTIRAN KERJA	TARIKH PENYERAHAN
Perak - Lawatan Audit Pada 03-09.12.2009		
Lekir	Pemasangan *Rain Water Down Pipe* (RWDP) yang tidak disambung ke longkang menyebabkan air bertakung di hadapan Unit Kecemasan **(Gambar 26.8)**	14.07.2009
	Kerja penurapan bitumen yang tidak rata menyebabkan air bertakung **(Gambar 26.9)**	
	Air bertakung dalam tandas	
	Air bertakung di kawasan mandian kecemasan di makmal	
Trong	Pemasangan pagar yang tidak sempurna	15.10.2009
Kelantan - Lawatan Audit Pada 28.06 - 02.07.2009		
Badang	Permukaan jalan tidak rata	02.09.2009
	Singki rendah dan tiada perangkap sampah **(Gambar 26.10)**	
	Kemasan dinding tidak rata	
	Air penghawa dingin disalurkan ke singki **(Gambar 26.11)**	

KLINIK KESIHATAN	BUTIRAN KERJA	TARIKH PENYERAHAN
Pahi	Kedudukan kepala paip yang jauh dari tandas untuk kegunaan orang kurang upaya **(Gambar 26.12)**	13.05.2009
Bachok	Saluran paip keluar di permukaan tanah boleh menyebabkan ia mudah pecah **(Gambar 26.13)**	22.10.2009
Kandis	Lepaan simen yang tidak rata pada menara tangki air	01.10.2009
Negeri Sembilan - Lawatan Audit Pada 08-12.06.2009		
Teluk Kemang	Permukaan jalan tidak rata	25.02.2009
	Kabinet kayu yang tidak sesuai dan mudah rosak	
Sendayan	Kerja mengecat yang tidak sempurna **(Gambar 26.14)**	03.03.2009
	Kabinet kayu yang tidak sesuai dan mudah rosak **(Gambar 26.15)**	
Sabah - Lawatan Audit Pada 03-08.08.2009		
Bundutuhan	Kerja mengecat yang tidak sempurna iaitu lebih kapur dari cat	29.05.2009
	Besi pemegang tidak diletakkan di tandas bilik bersalin **(Gambar 26.16)**	
Taginambur	Pembinaan longkang yang cetek dan tidak lurus	29.05.2009
	Renggangan yang besar pada lantai papan ditutup dengan gam kayu **(Gambar 26.17)**	

GAMBAR 26.8



Klinik Kesihatan Lekir, Perak
- Rain Water Down Pipe Yang Tidak Disambung Ke Longkang
(04.12.2009)

GAMBAR 26.9



Klinik Kesihatan Lekir, Perak
- Penurapan Bitumen Tidak Rata
(04.12.2009)

GAMBAR 26.10



Klinik Kesihatan Badang, Kelantan
- Singki Rendah Dan Tiada Perangkap Sampah
(28.06.2009)

GAMBAR 26.11



Klinik Kesihatan Badang, Kelantan
- Air Penghawa Dingin Disalur Ke Singki
(28.06.2009)

GAMBAR 26.12



Klinik Kesihatan Pahi, Kelantan
Paip Jauh Dari Mangkuk Tandas - Kegunaan Orang Kurang Upaya
(30.06.2009)

GAMBAR 26.13



Klinik Kesihatan Bachok, Kelantan
Salur Paip Di Permukaan Tanah - Mudah Pecah
(29.06.2009)

GAMBAR 26.14



Klinik Kesihatan Sendayan, Negeri Sembilan
-Kerja Mengecat Tidak Sempurna;Cat Terkopek
(10.06.2009)

GAMBAR 26.15



Klinik Kesihatan Sendayan, Negeri Sembilan
- Kabinet Kayu Tidak Sesuai;Mudah Rosak
(10.06.2009)

GAMBAR 26.16



Klinik Kesihatan Bundutuhan, Sabah
-Tiada Besi Pemegang Di Tandas Bilik Bersalin
(05.08.2009)

GAMBAR 26.17



Klinik Kesihatan Taginambur, Sabah
- Renggangan Lantai Papan Ditutup Dengan Gam Kayu
(05.08.2009)

26.4.7.3. Di 4 klinik di Negeri Sembilan, Sabah dan Sarawak, 6 butiran kerja penyenggaraan/pembaikan yang bernilai RM181,139 telah terlebih dibayar kerana ada kerja yang dibayar dua kali dan ada juga tuntutan yang dibuat oleh kontraktor melebihi kuantiti kerja yang dilaksanakan. Kerja ini telah dibayar berdasarkan kepada pengesahan yang dibuat oleh kontraktor/perunding/Jurutera Kesihatan Umum atau Penolong Jurutera di peringkat Jabatan Kesihatan Negeri yang memperakukan bahawa semua kerja penyenggaraan/pembaikan telah disiapkan dengan sempurna. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 26.10
BAYARAN TERLEBIH DITUNTUT/BAYAR

KLINIK KESIHATAN	BUTIRAN KERJA	TARIKH PENYERAHAN	NILAI KERJA/ LEBIHAN (RM)
Negeri Sembilan - Lawatan Audit Pada 08-12.06.2009			
Astana Raja	Pembinaan *Ambulance Bay* dituntut 2 kali dalam senarai *Bills Of Quantities* yang sama.	**07.05.2009**	**27,055**
Sabah - Lawatan Audit Pada 03-08.08.2009			
Bundutuhan	Kerja-kerja menukar bumbung, *gutter* dan *rain water down pipe* dituntut walaupun kos tersebut sebenarnya telah diambil kira dalam kos kerja *Rain Water Harvesting System*	**29.05.2009**	**56,671**
Sarawak - Lawatan Audit Pada 19-27.10.2009			
Sungai Asap	Pangantian *Mosquito Netting* bingkai aluminium sebanyak 616m^2 pada harga RM116.85/m^2 sedangkan kerja yang sebenar dibuat adalah *Mosquito Netting* bingkai kayu dengan harga RM10.93/m^2 dan keluasan 396m^2.	**22.04.2009**	**67,651**
	Pemasangan *Gutter* yang baru sepanjang 165m sedangkan kerja yang sebenar dibuat adalah 135m. Perbezaan sebanyak 30m pada kadar RM31.26/m.		**938**
	Pemasangan *Rain Water Down Pipe* yang baru sepanjang 105m sedangkan kerja yang sebenar dibuat adalah 80m. Perbezaan sebanyak 20m pada kadar RM 32.78/m.		**656**
	Pembinaan tambahan *Apron* sedia ada sebanyak 155.8m^2 sedangkan kerja yang sebenar dibuat adalah 87.2m^2. Perbezaan sebanyak 68.6m^2 pada kadar RM136.70/m^2.		**9,378**
Suai Tegageng	Pengantian dinding *plywood* 4 unit kuarters sedia ada sebanyak 578.68m^2 sedangkan kerja yang sebenar dibuat adalah 470.60m^2. Perbezaan sebanyak 108.08m^2 pada kadar RM173.85/m^2.	**14.04.2009**	**18,790**
JUMLAH			**181,139**

Pada pandangan Audit, Kementerian perlu mengambil tindakan yang sewajarnya terhadap pihak yang memperakukan kerja yang tidak dilaksanakan sebagai telah disempurnakan kerana ia merupakan satu *improper payment* dan mendapatkan kembali bayaran yang telah terlebih dibayar.

26.4.8. Kerja-kerja Yang Tidak Sesuai

26.4.8.1. Di Klinik Kesihatan Kuala Kurau, Perak, pemasangan pintu cermin di Unit Kecemasan dan bilik ibu bersalin adalah tidak sesuai. Pintu cermin tersebut mudah pecah sekiranya dilanggar oleh troli ketika kecemasan (**Gambar 26.18**). Jalan masuk ke bilik bersalin pula berbukit dan keadaan ini menyukarkan untuk menolak troli ke bilik tersebut. Ia juga mengundang bahaya kerana boleh mengelungsur ke bawah (**Gambar 26.19**). Kementerian perlu menilai kembali pemasangan pintu cermin di bilik kecemasan dan menukar dengan pintu yang lebih sesuai. Kementerian juga perlu memperbaiki jalan masuk yang curam bagi mengelakkan kejadian yang tidak diingini berlaku ketika pesakit berada di atas troli.

GAMBAR 26.18



Klinik Kesihatan Kuala Kurau, Perak - Pintu Cermin Di Unit Kecemasan Mudah Pecah (07.12.2009)

GAMBAR 26.19



Klinik Kesihatan Kuala Kurau, Perak - Jalan Masuk Curam Di Bilik Ibu Bersalin. Sukar Untuk Menolak Troli (07.12.2009)

26.4.8.2. Selepas teguran Audit, Kementerian telah mengeluarkan arahan kepada kontraktor untuk menyemak spesifikasi pintu di bilik kecemasan dan bilik ibu bersalin serta menukar pintu cermin kepada pintu kayu. Kementerian juga telah merujuk kepada perunding untuk meminimumkan kecerunan jalan masuk. **Pada pandangan Audit, Kementerian patut menyemak keseluruhan projek bagi mengenal pasti kerja-kerja yang telah dilaksanakan tetapi tidak sesuai dan boleh menjejaskan keselamatan pesakit.**

26.5. SYOR AUDIT

Bagi memastikan Kerajaan mendapat *value for money* terhadap perbelanjaan yang telah dibuat, adalah disyorkan supaya Kementerian Kesihatan Malaysia (Kementerian) melaksanakan perkara-perkara berikut :-

26.5.1. Menyediakan skop kerja penyenggaraan/pembaikan yang jelas dan boleh diukur bagi memudahkan rujukan pegawai yang menyelia kerja tersebut di peringkat klinik dan Pejabat Kesihatan Daerah/Bahagian. Arahan tanpa skop kerja yang jelas menyebabkan pemantauan yang tidak berkesan.

26.5.2. Mengambil tindakan yang sewajarnya terhadap mereka yang terbukti memperakukan kerja yang tidak dilaksanakan sebagai telah disempurnakan kerana ia merupakan satu *improper payment.* Sekiranya perakuan dibuat oleh pegawai awam, tindakan tatatertib atau surcaj patut diambil terhadap mereka yang terlibat. Sebaliknya jika ia melibatkan kontraktor/perunding, kesalahan syarikat/perunding berkenaan patut dilaporkan kepada pihak yang berkuasa untuk tujuan disenaraihitamkan. Selain itu, tindakan juga perlu diambil terhadap pegawai yang meluluskan lanjutan masa selepas *Certificate of Non Completion* dikeluarkan kerana boleh memberi implikasi perundangan yang merugikan Kerajaan.

26.5.3. Menilai semula kerja yang telah diperakukan dari segi kuantiti dan harga bagi memastikan bayaran yang dibuat adalah teratur dengan harga yang munasabah.

26.5.4. Bagi kontrak yang seumpamanya di masa hadapan, Kementerian perlu mengkaji jadual pelaksanaan yang dicadangkan oleh kontraktor supaya tempoh masa bagi menyiapkan projek lebih realistik berbanding dengan jumlah tapak projek terlibat.

KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN

27. PROJEK PEMBINAAN KOMPLEKS SUKAN KOMUNITI

27.1. LATAR BELAKANG

27.1.1. Di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9), Kementerian Belia Dan Sukan (Kementerian) telah diluluskan peruntukan berjumlah RM150 juta untuk membina 50 kompleks sukan komuniti. Objektif pembinaan kompleks ini adalah bagi menyediakan kemudahan sukan kepada masyarakat setempat supaya terlibat secara aktif dalam aktiviti sukan dan kecergasan. Ianya juga bermatlamat untuk membudayakan sukan di kalangan masyarakat Malaysia ke arah masyarakat yang sihat, cergas dan bersatu di samping dapat mencungkil bakat-bakat sukan hingga ke peringkat akar umbi.

27.1.2. Pembinaan 50 kompleks sukan komuniti pada awalnya dirancang secara satu pakej. Bagaimanapun disebabkan masalah tapak, pada 31 Oktober 2005, Kementerian Kewangan telah bersetuju untuk membenarkan pembinaannya dilaksanakan dalam 3 pakej. Status kemajuan pelaksanaan projek pada 31 Ogos 2009 adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 27.1
KEDUDUKAN PROJEK KOMPLEKS SUKAN KOMUNITI PADA 31 OGOS 2009

PAKEJ	BILANGAN KOMPLEKS TERLIBAT	STATUS
1	7	Siap
2	12	Senarai projek telah dikenal pasti dan dalam proses mempelawa tender
3	31	Telah diganti dengan Gelanggang Rakyat
JUMLAH	**50**	

27.1.3. Pakej 1 telah dilaksanakan secara *design and build* dan kontraktor dilantik secara rundingan terus atas kelulusan Kementerian Kewangan pada bulan April 2006. Pelaksanaan projek ini adalah di bawah seliaan Jabatan Kerja Raya (JKR). Kementerian Kewangan telah melantik Ranhill Engineers and Constructors Sdn. Bhd. sebagai kontraktor utama. Kontraktor yang dilantik tersebut merupakan kontraktor kelas A yang telah berdaftar dengan Pusat Khidmat Kontraktor dan mempunyai modal berbayar berjumlah RM2.60 juta. Kontrak pembinaan bernilai RM22.65 juta telah ditandatangani pada 28 Disember 2007 antara Kerajaan Malaysia dengan kontraktor. Pakej 1 melibatkan 7 lokasi iaitu di Ledang, Pagoh dan Kota Tinggi di negeri Johor; Bukit Katil, Melaka; Bentong, Pahang; Sungai Siput, Perak dan di Besut, Terengganu.

27.1.4. Kerja-kerja pembinaan Kompleks Sukan Komuniti melibatkan pembinaan sebuah bangunan yang dilengkapi dengan dewan sukan, ruang serbaguna, pejabat, surau lelaki dan perempuan, tandas Orang Kurang Upaya (OKU), bilik persalinan lelaki dan perempuan, 2 bilik stor, ruang penyediaan makanan dan ruang makan.

27.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada pembinaan Kompleks Sukan Komuniti telah dirancang dan dilaksanakan dengan teratur dan berhemat bagi mencapai objektif yang ditetapkan.

27.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini meliputi perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap projek pembinaan Kompleks Sukan Komuniti di bawah Pakej 1. Sebanyak 4 Kompleks Sukan Komuniti telah dipilih untuk pengauditan iaitu Kompleks Sukan Komuniti Bentong; Kompleks Sukan Komuniti Sungai Siput; Kompleks Sukan Komuniti Ledang; dan Kompleks Sukan Komuniti Besut. Bagi tujuan ini, semakan terhadap fail, rekod dan dokumen berkaitan telah dibuat di Kementerian, Ibu Pejabat JKR, Pejabat Jurutera Daerah yang berkaitan dan Jabatan Ketua Pengarah Tanah Dan Galian. Perbincangan dan temu bual juga diadakan dengan pegawai JKR, Kementerian, Pegawai Belia dan Sukan Daerah Bentong, Kuala Kangsar, Muar dan Besut. Pihak Audit juga telah membuat lawatan ke kompleks sukan komuniti yang berkaitan.

27.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Mei hingga Ogos 2009 mendapati secara umumnya, **pelaksanaan projek Pembinaan Kompleks Sukan Komuniti adalah kurang memuaskan. Antara kelemahan yang diperhatikan ialah projek lewat disiapkan, beberapa spesifikasi kontrak didapati kurang sesuai atau tidak dipatuhi sepenuhnya dan kualiti pembinaannya kurang memuaskan. Antara faktor yang menyebabkan kelemahan-kelemahan tersebut adalah kurangnya pemantauan dan penyeliaan oleh JKR terhadap kerja-kerja yang dilaksanakan oleh kontraktor.** Penjelasan lanjut mengenai perkara yang ditemui adalah seperti di perenggan-perenggan berikut :-

27.4.1. Prestasi Projek

27.4.1.1. Kelewatan Menyiapkan Projek

Mengikut syarat kontrak, tarikh pemilikan tapak bagi ketujuh-tujuh projek kompleks sukan komuniti ialah pada 14 Jun 2007 manakala tarikh penyiapan kerja bagi keseluruhan projek adalah pada 5 Mac 2008. Setiap tapak juga telah disediakan jadual penyiapan sebahagian (sectional completion) masing-masing di mana berdasarkan jadual tersebut kerja-kerja pembinaan perlu disiapkan antara 24 Januari hingga 5 Mac 2008. Semakan Audit mendapati perkara-perkara berikut :-

a. **Kerja-kerja pembinaan bagi Kompleks Sukan Komuniti Ledang telah dimulakan 4 bulan lebih awal daripada tarikh surat setuju terima yang telah dikeluarkan pada 25 Mei 2007.** Pihak JKR memaklumkan bahawa tiada arahan yang dikeluarkan oleh mereka kepada kontraktor untuk menjalankan kerja-kerja pembinaan lebih awal dari tarikh yang sepatutnya dan kontraktor telah mengambil risiko sendiri atas kerja-kerja tersebut.

b. Memandangkan kerja tidak dapat disiapkan pada tarikh projek sepatutnya siap, JKR telah meluluskan lanjutan masa antara 87 hingga 117 hari kepada kontraktor atas sebab-sebab seperti perubahan cuaca yang luar biasa; kelewatan kelulusan oleh Pihak Berkuasa Tempatan dan keperluan pihak berwajib. Butirannya adalah seperti di **Jadual 27.2 dan 27.3**.

JADUAL 27.2
TARIKH MULA KERJA DAN PENYIAPAN PROJEK

KOMPLEKS SUKAN KOMUNITI	TARIKH KERJA SEPATUTNYA DIMULAKAN	TARIKH PENYIAPAN KERJA	TARIKH KERJA SEBENAR DIMULAKAN	TEMPOH LANJUTAN MASA	TARIKH SEBENAR KERJA DISIAPKAN
Bentong	19.07.2007	05.03.2008	10.9.2007	06.03.2008 - 30.06.2008 (117 hari)	30.06.2008
Sungai Siput	19.07.2007	05.03.2008	04.08.2007	06.03.2008 - 31.05.2008 (87 hari)	31.05.2008
Ledang	14.06.2007	24.01.2008	25.01.2007	25.01.2008 - 31.05.2008 (128 hari)	21.05.2008
Besut	19.07.2007	05.03.2008	19.07.2007	06.03.2008 - 30.06.2008 (117 hari)	30.06.2008

JADUAL 27.3
SEBAB-SEBAB LANJUTAN MASA DILULUSKAN

SEBAB-SEBAB KELEWATAN	KOMPLEKS SUKAN KOMUNITI			
	Bentong	Sungai Siput	Ledang	Besut
	(Bil. Hari)	(Bil. Hari)	(Bil. Hari)	(Bil. Hari)
Perubahan cuaca yang luar biasa	13	33	55	47
Kelewatan Kebenaran oleh Pihak Berkuasa Tempatan	12	-	59	70
Kelewatan penyerahan tapak bina	86	-	-	-
Keperluan Pihak Berwajib (Tenaga Nasional Berhad dan Telekom Malaysia)	-	-	14	-
Kerja-kerja tambahan	-	54	-	-
Faktor luar jangka - Larangan penggunaan kenderaan berat semasa cuti perayaan	6	-	-	-
Bilangan Hari Lanjutan Masa	**117**	**87**	**128**	**117**

27.4.1.2. Kerja-Kerja Tambahan Yang Disiapkan Sebelum Kelulusan Diperolehi

Adalah didapati **kontraktor telah memohon perubahan kerja bernilai RM289,708 pada 22 April 2009 atas kerja-kerja yang telah siap dilaksanakan di Kompleks Sukan Komuniti Besut; Kompleks Sukan Komuniti Sungai Siput dan Kompleks Sukan Komuniti Bukit Katil.** Perubahan kerja yang dibuat adalah melibatkan kerja-kerja tambahan seperti perubahan punca jalan masuk utama ke tapak bina yang melibatkan perubahan sempadan; merobohkan 4 bangunan kuarters JKR dan membuat penyambungan paip sisa kumbahan **(Jadual 27.4)**. Berdasarkan maklum balas yang diperolehi, pihak JKR telah meluluskan permohonan perubahan kerja bagi Kompleks Sukan Komuniti Sungai Siput dan Besut pada 20 Mac 2010 manakala permohonan perubahan kerja bagi Kompleks Sukan Komuniti Bukit Katil tidak layak dipertimbangkan. **Pada pandangan Audit, sungguhpun bayaran belum dibuat kepada kontraktor berkenaan, namun kerja tambahan yang dibuat sebelum kelulusan JKR adalah tidak teratur.**

JADUAL 27.4
PERMOHONAN ARAHAN PERUBAHAN KERJA

KOMPLEKS SUKAN KOMUNITI	KETERANGAN ARAHAN PERUBAHAN KERJA	KOS TERLIBAT (RM)
Besut	Perubahan punca jalan masuk utama ke tapak bina melibatkan perubahan sempadan dan kerja lain yang berkaitan.	80,343
Sungai Siput	Merobohkan 4 bangunan kuarters JKR, jalan tar dan longgokan sampah di atas tapak bina.	58,418
Bukit Katil	Membuat penyambungan paip sisa kumbahan dari bangunan kompleks sukan komuniti ke paip penyambungan kumbahan sepusat sedia ada berhampiran.	150,947
	JUMLAH	**289,708**

27.4.1.3. Perabot Dan Peralatan Sukan Tidak Dibekalkan Sepenuhnya

Mengikut syarat kontrak, Sijil Perakuan Siap Kerja sepatutnya dikeluarkan setelah kontraktor menyiapkan segala kerja pembinaan dan membekalkan perabot/peralatan dengan sempurna bagi semua kompleks sukan komuniti. Sijil **Perakuan Siap Kerja telah dikeluarkan oleh JKR antara tempoh 21 Mei hingga 30 Jun 2008 berdasarkan kepada pengesahan yang dibuat oleh perunding bagi 4 kompleks sukan komuniti yang dilawati sungguhpun masih terdapat 4 jenis perabot dan 1 peralatan sukan tidak dibekalkan sepenuhnya seperti di Jadual 27.5. Kos peralatan yang terlibat adalah RM44,760 dan telah dibayar sepenuhnya.** Bagi membolehkan kompleks sukan komuniti ini beroperasi, Jabatan Belia dan Sukan Daerah terpaksa membeli perabot dari peruntukannya sendiri atau menempatkan perabotnya yang sedia ada di kompleks tersebut. Pihak Audit dimaklumkan bahawa pihak JKR akan membuat pelarasan harga semasa penyediaan akaun muktamad bagi peralatan yang tidak dibekalkan.

JADUAL 27.5
BUTIRAN PERABOT DAN PERALATAN SUKAN YANG TIDAK DIBEKALKAN DI KOMPLEKS SUKAN KOMUNITI YANG DILAWATI

BIL.	PERABOT DAN PERALATAN SUKAN YANG TIDAK DIBEKALKAN	HARGA SEUNIT (RM)	KUANTITI DIBEKALKAN	JUMLAH (RM)
PERABOT				
1	Meja Pejabat	500	8	4,000
2	Kerusi Pejabat Dengan Penyandar	350	8	2,800
3	Kerusi Pelawat	225	16	3,600
4	Rak Utiliti	340	24	8,160
PERALATAN SUKAN				
5	Tiang Dan Jaring Bola Keranjang	6,550	4	26,200
	JUMLAH	**7,965**	**60**	**44,760**

Pada pandangan Audit, mengeluarkan Sijil Perakuan Siap Kerja dan membuat bayaran bagi perabot/peralatan yang belum dibekalkan dengan sempurna oleh kontraktor adalah bertentangan dengan peraturan kewangan. Sehubungan ini, siasatan lanjut perlu dijalankan dan seterusnya mengambil tindakan tatatertib terhadap pihak yang terlibat.

27.4.1.4. Pembinaan Tidak Berkualiti/Tidak Mengikut Spesifikasi

Lawatan Audit ke 4 kompleks sukan komuniti iaitu di Bentong, Sungai Siput, Ledang dan Besut pada bulan Julai 2009 mendapati berlaku kerosakan/ kecacatan yang ketara akibat daripada kerja-kerja yang tidak dibuat dengan sempurna atau kerja yang dibuat tidak mengikut spesifikasi. Contohnya adalah seperti berikut :-

a. Kerja-kerja pembinaan perlu dilaksanakan dengan kemas dan pada tahap piawaian yang boleh diterima. Pemeriksaan Audit mendapati pembinaan Kompleks Sukan Komuniti Ledang kurang berkualiti kerana terdapat keretakan yang serius di sekeliling kaki lima dan di dalam bangunan Kompleks tersebut. Pihak JKR memaklumkan keretakan yang berlaku adalah disebabkan oleh mendapan tanah yang ditambak di bawah sebahagian kaki lima yang telah siap dibina. Walaupun keretakan ini telah dibaiki oleh kontraktor, namun ia masih berlaku. Pihak JKR bagaimanapun telah menggesa kontraktor supaya membaik pulih masalah yang berlaku ini dengan segera tanpa sebarang kos tambahan sebelum tamat Tempoh Tanggungan Kecacatan. Berdasarkan maklum balas daripada Pejabat Jurutera Daerah Muar pada 21 Mei 2010, kerja-kerja pembaikan sedang dalam peringkat pelaksanaan. Gambar berikut menunjukkan bahagian yang mengalami keretakan :-

GAMBAR 27.1



Kompleks Sukan Komuniti Ledang
- Keretakan Di Sepanjang Kaki Lima
(21.07.2009)

GAMBAR 27.2



Kompleks Sukan Komuniti Ledang
- Keretakan Yang Serius Di Kaki Lima
(21.07.2009)

GAMBAR 27.3



Kompleks Sukan Komuniti Ledang
- Keretakan Yang Masih Berlaku Walaupun Telah Dibaik Pulih
(21.07.2009)

GAMBAR 27.4



Kompleks Sukan Komuniti Ledang
- Keretakan Pada Tiang Dan Dinding Di Dalam Bangunan
(21.07.2009)

b. Mengikut kontrak, kontraktor perlu memastikan semua laluan yang dibina hendaklah sesuai dengan menyediakan kemudahan laluan kerusi roda dan juga laluan troli barang-barang. Berdasarkan kepada pelan seni bina tingkat bawah, *ramp* atau kemudahan laluan tersebut hendaklah dibina di laluan pintu masuk bangunan. **Semakan Audit mendapati bagi Kompleks Sukan Komuniti Bentong, laluan di pintu masuk adalah tidak mematuhi spesifikasi yang ditetapkan di mana ia tidak sesuai untuk pergerakan kerusi roda dan troli kerana *ramp* tidak dibina di bahagian lantai yang bertebing di laluan pintu masuk ke dalam dewan (Gambar 27.5 dan 27.6).**

GAMBAR 27.5



Kompleks Sukan Komuniti Bentong
- Ramp Tidak Dibina Di Bahagian Lantai Yang Bertebing
(06.07.2009)

GAMBAR 27.6



Kompleks Sukan Komuniti Besut
- Laluan Ke Pintu Masuk Yang Mempunyai Ramp Selaras Dengan Spesifikasi
(28.07.2009)

c. Berdasarkan spesifikasi, sebanyak 8 buah *exhaust fan* yang bernilai RM2,565.86 seunit perlu dibekalkan di setiap kompleks sukan komuniti. *Exhaust fan* yang dibekalkan hendaklah dari jenis "*20" High Pressure Exhaust Fan"* dengan penutup aluminium automatik dan tahap kebisingan yang dibenarkan hanyalah setakat 45 hingga 51 Decibel (dBa). Semakan Audit mendapati perkara-perkara seperti berikut :-

i. *Exhaust fan* yang dibekalkan di Kompleks Sukan Komuniti Bentong dan Ledang telah mengikut spesifikasi yang ditetapkan di dalam kontrak. **Manakala bagi Kompleks Sukan Komuniti Besut, *exhaust fan* yang dipasang adalah dari jenis aluminium *fixed louvres* dan bukannya jenis penutup aluminium automatik. Didapati *exhaust fan* itu juga mengeluarkan bunyi yang bising.** Pihak Audit dimaklumkan bahawa JKR telah mengambil tindakan dengan mengeluarkan surat peringatan kepada kontraktor dan memastikan kipas tersebut diganti mengikut keperluan yang ditetapkan dalam spesifikasi.

ii. **Kesemua *exhaust fan* yang dibekalkan di Kompleks Sukan Komuniti Sungai Siput tidak mempunyai penutup.** Ini menyebabkan air hujan dan haiwan seperti burung dan kelawar memasuki dewan melalui *exhaust fan* tersebut dan telah merosakkan permukaan lapisan lantai parket dan najis haiwan pula telah mengotorkan persekitaran kompleks sukan komuniti berkenaan. **Didapati juga *exhaust fan* tersebut mengeluarkan bunyi bising yang boleh menjejaskan keselesaan pengguna kompleks. Gambar 27.7 dan 27.8** menunjukkan contoh *exhaust fan* yang dibekalkan.

GAMBAR 27.7



Kompleks Sukan Komuniti Sungai Siput
- Exhaust Fan Yang Tidak Mematuhi Spesifikasi
Kerana Tiada Penutup Pada Bahagian Hadapannya
(16.07.2009)

GAMBAR 27.8



Kompleks Sukan Komuniti Ledang
- Exhaust Fan Dari Jenis Auto Shutter
Yang Mematuhi Spesifikasi
(21.07.2009)

d. Berdasarkan kontrak, semua cermin tingkap tandas perlulah dipasang dengan kaca jenis *frosted glass*. Bagaimanapun, didapati **cermin tingkap yang dipasang di dalam tandas Kompleks Sukan Komuniti Bentong adalah dari jenis *clear float glass* walaupun pembayaran telah dibuat mengikut jenis kaca yang ditetapkan dalam spesifikasi. Penggunaan *clear float glass* juga boleh menjejaskan keselesaan pengguna tandas. Bagaimanapun, berdasarkan maklum balas Kementerian, tindakan penggantian kepada cermin *frosted glass* telah diambil oleh JKR.** Gambar berikut menunjukkan perbezaan *glass* yang dipasang :-

GAMBAR 27.9



Kompleks Sukan Komuniti Bentong
- Cermin Tingkap Tandas Jenis Clear Float Glass
Tidak Mematuhi Spesifikasi
(06.07.2009)

GAMBAR 27.10



Kompleks Sukan Komuniti Sungai Siput
- Cermin Tingkap Tandas Jenis Frosted Glass Yang
Mematuhi Spesifikasi
(16.07.2009)

e. Mengikut kontrak, dalam tempoh tanggungan kecacatan selama 24 bulan, pihak kontraktor bertanggungjawab memastikan kawasan persekitaran kompleks sukan komuniti termasuk pokok-pokok tanaman landskap disenggarakan dan sentiasa berada dalam keadaan berfungsi dan terjaga. **Didapati di Kompleks Sukan Komuniti Sungai Siput dan Besut, tanaman landskap tidak disenggara seperti sepatutnya di mana terdapat pokok yang telah mati tidak diganti dengan yang baru; tumbuhan liar yang tidak dibersihkan dan rumput yang tumbuh sehingga menutupi longkang.** Contohnya adalah seperti di **Gambar 27.11 hingga 27.15.** Berdasarkan maklum balas yang diperolehi, JKR akan mengeluarkan surat kepada kontraktor tentang kewajipan pihaknya menjalankan kerja-kerja penyenggaraan selama 2 tahun.

GAMBAR 27.11



Kompleks Sukan Komuniti Besut
- Tanaman Landskap Yang Tidak Disenggara
(28.07.2009)

GAMBAR 27.12



Kompleks Sukan Komuniti Besut
- Tumbuhan Liar Yang Tidak Dibersihkan/Dipotong
(28.07.2009)

GAMBAR 27.13



Kompleks Sukan Komuniti Besut
- Tanaman Landskap Yang Tidak Disenggara
(28.07.2009)

GAMBAR 27.14



Kompleks Sukan Komuniti Besut
- Pokok Yang Telah Mati Tidak Diganti
Dengan Yang Baru
(28.07.2009)



GAMBAR 27.15

Kompleks Sukan Komuniti Sungai Siput
- Rumput Yang Telah Tumbuh Sehingga
Menutupi Longkang
(16.07.2009)

Pada pandangan Audit, penyeliaan yang berkesan sepatutnya dibuat bagi memastikan sebarang masalah di tapak bina dibaiki oleh kontraktor sebelum Sijil Kelayakan Menduduki dikeluarkan. Memandangkan Sijil Kelayakan Menduduki telah pun dikeluarkan, JKR perlu membuat pemeriksaan dan memastikan kontraktor membaiki sebarang kerosakan/kecacatan yang ditemui sebelum Sijil Perakuan Siap Membaiki Kecacatan dikeluarkan memandangkan tempoh tanggungan kecacatan masih belum tamat. Pelarasan harga terhadap kerja-kerja yang tidak disempurnakan oleh kontraktor perlu dibuat semasa penyediaan Akaun Muktamad.

27.4.1.5. Spesifikasi Tidak Sesuai

a. Lawatan Audit mendapati reka bentuk dinding yang dibina di Kompleks Sukan Komuniti terbabit terdedah kepada tempias hujan yang masuk melalui ruang pengudaraan di bahagian atas bangunan dan pintu masuk dewan. Contohnya adalah seperti **Gambar 27.16**. Keadaan ini menyebabkan lantai parket di dalam dewan sukan dan dewan serba guna basah dan lembap sehingga menyebabkan lantai rosak. Berdasarkan maklum balas pengguna yang menggunakan kompleks sukan komuniti, tempias hujan juga menyebabkan lantai menjadi licin dan boleh membahayakan pemain-pemain yang menggunakan dewan tersebut.



GAMBAR 27.16

Kompleks Sukan Komuniti Besut
- Ruang Pengudaraaan Di Bahagian Atas Dewan Yang Menyebabkan Tempias Pada Waktu Hujan
(28.07.2009)

b. Berdasarkan Garis Panduan Dan Peraturan Bagi Perancangan Bangunan Oleh Jawatankuasa Kecil Piawaian Dan Kos Bagi Jawatankuasa Perancang Pembangunan Negara yang dikeluarkan oleh Jabatan Perdana Menteri, bagi gelanggang-gelanggang untuk sukan bola jaring, bola keranjang, bola tampar, badminton, sepak takraw dan futsal yang dibina di dalam kawasan yang bertutup, jenis permukaan lantai yang digunakan adalah dari jenis parket. **Sungguhpun kesemua kompleks sukan komuniti yang dilawati telah dipasang dengan lantai jenis parket sebagai permukaan lantai gelanggang, namun didapati ia tidak sesuai kerana telah berlaku kerosakan pada permukaan lantai tersebut seperti kesan calar yang teruk akibat geselan dengan tiang gol futsal. Ada juga yang telah rosak dan tertanggal disebabkan oleh serapan air hujan di permukaan gelanggang tersebut.** Ini memerlukan kos yang tinggi untuk membaik pulih kesan calar akibat geselan yang teruk dan kerosakan pada lantai parket tersebut. Gambar berikut menunjukkan kerosakan yang dinyatakan :-

GAMBAR 27.17



Kompleks Sukan Komuniti Sungai Siput
- Kerosakan Akibat Geseran Dengan Tiang Gol
(16.07.2009)

GAMBAR 27.18



Kompleks Sukan Komuniti Bentong
- Kerosakan Parket Akibat Geseran Dengan Tiang Gol
(06.07.2009)



GAMBAR 27.19

Kompleks Sukan Komuniti Besut
- Lantai Parket Yang Tertanggal
(29.07.2009)

c. Pemeriksaan Audit mendapati berlaku kerosakan terhadap kelengkapan di dalam dewan seperti kerosakan pada pemegang lampu kalimantang, pintu dewan dan lampu tanda "KELUAR" disebabkan terkena bola. Pihak Audit juga dimaklumkan terdapat kes di mana bola terkena kotak suis elektrik hingga menyebabkan kerosakan litar elektrik. **Keadaan ini berlaku disebabkan oleh spesifikasi kontrak tidak menetapkan keperluan kontraktor memasang jaring di sekeliling dewan sukan di samping kurangnya penyeliaan terhadap penggunaan kompleks sukan komuniti tersebut.** Bagi mengurangkan kos penyenggaraan, Kompleks Sukan Komuniti Ledang telah mengambil langkah memasang sangkar pada lampu-lampu dan alat-alat elektrik yang terdapat di sekeliling dewan bagi mengelakkan terkena bola. Gambar-gambar berikut adalah berkaitan :-

GAMBAR 27.20




Kompleks Sukan Komuniti Bentong
- Reka Bentuk Gelanggang Yang Tidak Disediakan Jaring Untuk Sukan Futsal
(06.07.2009)

GAMBAR 27.21



Kompleks Sukan Komuniti Sungai Siput
- Lampu Tanda "KELUAR" Yang Telah Pecah Akibat Terkena Bola
(06.07.2009)

GAMBAR 27.22



Kompleks Sukan Komuniti Bentong
Kedudukan Lampu Yang Rendah Di Dalam Dewan Dan Pemegang Lampu Kalimantang Yang Telah Rosak Akibat Terkena Bola
(06.07.2009)

GAMBAR 27.23



Kompleks Sukan Komuniti Ledang
- Sangkar Yang Dipasang Pada Lampu Di Dalam Dewan
(21.07.2009)

Pada pandangan Audit, peralatan yang dipasang dan pembinaan yang dilaksanakan hendaklah selaras dengan fungsi dan operasi bangunan bagi mengelakkan berlakunya kemalangan dan kerosakan harta benda serta mengakibatkan Kerajaan menanggung kos penyenggaraan yang tinggi.

27.4.2. Penggunaan Kompleks

27.4.2.1. Lawatan Audit ke 4 kompleks sukan komuniti mendapati kesemua kompleks tersebut telah digunakan sepenuhnya untuk sukan badminton, sepak takraw, bola jaring, bola tampar dan futsal. Kompleks Sukan Komuniti Bentong, Sungai Siput dan Ledang telah mempunyai Sijil Layak Menduduki Bangunan. Manakala **bagi Kompleks Sukan Komuniti Besut, pihak JKR tidak dapat mengemukakan Sijil Layak Menduduki Bangunan semasa pengauditan dijalankan.**

27.4.2.2. Penggunaan bagi 2 kompleks sukan komuniti iaitu di Bentong dan Sungai Siput tidak dikenakan bayaran manakala 2 kompleks yang lain telah dikenakan bayaran. Kadar yang digunakan oleh Kompleks Sukan Komuniti Ledang ialah mengikut kadar Kompleks Belia Dan Sukan Negeri yang ditetapkan oleh JBSN Johor manakala bagi Kompleks Sukan Komuniti Besut pula menggunakan kadar berdasarkan Kompleks Rakan Muda. Jadual berikut menunjukkan maklumat berkaitan :-

JADUAL 27.6
BAYARAN PENGGUNAAN KOMPLEKS SUKAN KOMUNITI

KOMPLEKS SUKAN KOMUNITI	TARIKH MULA DIBUKA	BAYARAN DIKENAKAN	KADAR BAYARAN
Bentong	Mei 2009	X	Tiada
Sungai Siput	Mac 2009	X	Masih belum dikenakan. Dalam tempoh percubaan.
Ledang	Mac 2009	/	Mengikut kadar Kompleks Belia dan Sukan Negeri Ditetapkan JBSN Johor Kadar Bayaran : 1. Bola Tampar/Takraw/Badminton :RM 10/jam 2. Futsal (Komersial) : RM 30/jam (Antarabangsa) : RM 60/jam 3. Sewa dewan : RM 10/jam : RM300/hari
Besut	April 2009	/	Mengikut kadar Kompleks Rakan Muda Kadar Bayaran : 1. Bola Tampar/Takraw/ Badminton :RM 8/jam 2. Futsal : RM 20-30/jam 3. Sewa dewan : RM 30/jam : RM 300/hari 4. Bola Jaring : RM 3-8/jam

27.4.2.3. Setiap kompleks sukan komuniti telah disediakan dengan sebuah tempat pembuangan sampah selaras dengan spesifikasi kontrak. **Bagaimanapun, pemeriksaan Audit mendapati tempat pembuangan sampah yang dibina tidak digunakan.** Perkara ini menyebabkan sampah diletakkan di tepi bangunan atau dikumpulkan sebelum dibakar di dalam kawasan kompleks sukan komuniti tersebut seperti ditunjukkan di gambar-gambar berikut :-

GAMBAR 27.24



Kompleks Sukan Komuniti Sungai Siput
- Tempat Pembuangan Sampah Yang Dijadikan Tapak Semaian
(16.07.2009)

GAMBAR 27.25



Kompleks Sukan Komuniti Sungai Siput
- Tempat Pembuangan Dan Pembakaran Sampah Di Dalam Kawasan Kompleks Sukan Komuniti
(16.07.2009)

GAMBAR 27.26



Kompleks Sukan Komuniti Besut
- Tempat Pembuangan Sampah Yang Tidak Digunakan
(28.07.2009)

GAMBAR 27.27



Kompleks Sukan Komuniti Besut
- Tong Sampah Yang Dikumpulkan Di Tepi Bangunan, Bukannya Di Tempat PembuanganSampah
(28.07.2009)

Pada pandangan Audit, memandangkan kerja penyenggaraan kompleks sukan komuniti perlu dilaksanakan dari semasa ke semasa untuk menjamin keselesaan pengguna kompleks berkenaan, adalah wajar Kementerian mengenakan bayaran mengikut kadar yang standard terhadap penggunaan kompleks bagi membiayai sebahagian daripada kos penyenggaraan tersebut.

27.4.3. Penyenggaraan Dan Kawalan Keselamatan Kurang Memuaskan

27.4.3.1. Lawatan Audit ke 4 kompleks sukan komuniti yang dipilih mendapati pihak Kementerian telah menyerahkan pengurusan kompleks tersebut kepada Jabatan Belia Dan Sukan Negeri (JBSN) berkenaan. JBSN bertanggungjawab untuk menguruskan kompleks sukan komuniti berkaitan, termasuklah memastikan tahap keselamatan serta pengurusan premis berada dalam keadaan baik. Tarikh penyerahan kompleks sukan komuniti berkaitan kepada JBSN dan tarikh kompleks sukan mula dibuka kepada orang ramai adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 27.7
PENYERAHAN KOMPLEKS SUKAN KOMUNITI KEPADA JABATAN BELIA DAN SUKAN NEGERI

KOMPLEKS SUKAN KOMUNITI	TARIKH PENYERAHAN KEPADA JBSN	TARIKH MULA BEROPERASI
Bentong	18 September 2008	Mei 2009
Sungai Siput	10 Oktober 2008	Mac 2009
Ledang	20 Ogos 2008*	Mac 2009
Besut	9 Oktober 2008	April 2009

Nota : ***(*) - Tarikh Diserahkan Kepada Kementerian***

27.4.3.2. Berdasarkan Surat Pekeliling Am Bilangan 2 Tahun 1995, perancangan bagi sistem penyenggaraan yang meliputi aspek struktur, mekanikal, elektrik dan luar persekitaran bagi kompleks sukan komuniti terlibat perlu diwujudkan. Adalah didapati JBSN bagi semua kompleks sukan komuniti yang dilawati telah mempunyai perancangan bagi sistem penyenggaraan kecuali JBSN Terengganu. **Pada pandangan Audit, sungguhpun projek ini masih berada dalam Tempoh Tanggungan Kecacatan, tanggungjawab kontraktor adalah setakat penyenggaraan terhadap kerosakan dan kecacatan yang berpunca daripada kerja-kerja yang dilaksanakan oleh kontraktor sahaja. Sehubungan itu, JBSN Terengganu perlu menyediakan perancangan penyenggaraan yang teratur bagi memastikan Kompleks Sukan Komuniti Besut sentiasa berada dalam keadaan baik dan selesa.**

27.4.3.3. Setiap premis Kerajaan yang dibina perlu dijaga bagi memastikan keselamatan peralatan dan bangunan. Semasa lawatan Audit dijalankan pada 6 Julai 2009**, di dapati 8 alat pemadam api yang telah dibekalkan oleh kontraktor telah disahkan hilang oleh pihak JKR.** Semakan selanjutnya mendapati pengawal keselamatan di Kompleks Sukan Komuniti Bentong dan Kompleks Sukan Komuniti Ledang telah dilantik oleh Jabatan Belia dan Sukan Negeri. **Bagaimanapun, bagi Kompleks Sukan Komuniti Bentong, pengawal keselamatan hanya dilantik pada 4 Mac 2009 iaitu setelah lebih 6 bulan ia diserahkan kepada JBSN Pahang. Sementara itu, di Kompleks Sukan Komuniti Sungai Siput dan Besut masih tiada pengawal keselamatan ditempatkan di kedua-dua kompleks sukan komuniti tersebut walaupun penyerahan bangunan kepada JBSN telah dibuat lebih setahun lalu, iaitu sejak 9 dan 10 Oktober 2008.**

27.4.3.4. Terdapat kaedah yang berbeza-beza digunakan dalam aspek kerja-kerja pembersihan bangunan dan pembaikan kerosakan di 4 kompleks sukan komuniti yang dilawati. Bagi Kompleks Sukan Komuniti Besut misalnya, pembersihan kompleks dilakukan oleh pekerja yang melakukan pembersihan di Kompleks Rakan Muda yang berdekatan yang juga di bawah seliaan JBSN tanpa sebarang kontrak. Manakala bagi Kompleks Sukan Komuniti Ledang, kerja-kerja penyenggaraan kebersihan kawasan persekitaran dan dalam bangunan dilaksanakan oleh kontraktor yang dilantik pada 4 Mei 2009. Seterusnya, di Kompleks Sukan Komuniti Bentong, urusan pembersihan kawasan sekitar dan dalam bangunan dijalankan secara gotong-royong oleh persatuan belia setempat. Adalah didapati semasa lawatan dijalankan, tahap kebersihan semua kompleks sukan komuniti adalah memuaskan kecuali Kompleks Sukan Komuniti Besut. Gambar berikut menunjukkan keadaannya :-

GAMBAR 27.28



Kompleks Sukan Komuniti Besut
- Sampah Dilonggokkan Di Dalam Kawasan Kompleks
(28.07.2009)

GAMBAR 27.29



Kompleks Sukan Komuniti Besut
- Sampah Yang Tidak Dibersihkan
(28.07.2009)



GAMBAR 27.30

Kompleks Sukan Komuniti Besut
- Pagar Yang Rosak
(28.07.2009)

Pada pandangan Audit, perancangan penyenggaraan yang sistematik termasuk kawalan keselamatan dan pembersihan perlu diwujudkan dengan segera untuk memastikan kompleks sukan ini dijaga dengan baik bagi mengelakkan masalah kecurian dan vandalisme serta bagi menjamin keselamatan dan keselesaan pengguna kompleks.

27.4.4. Kelewatan Mendapat Hak Milik Tanah

Berdasarkan surat bertarikh 8 Februari 2005 dan 31 Oktober 2005, didapati Kementerian Kewangan telah meluluskan pembinaan 30 kompleks sukan komuniti dengan syarat tapak tanah setiap kompleks sukan komuniti hendaklah bebas daripada sebarang bebanan dan halangan dan dipindah milik kepada Kerajaan Persekutuan sebelum pembinaan kompleks tersebut dilaksanakan. Bagaimanapun, semakan Audit di Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian pada bulan September 2009 mendapati daripada 4 kompleks sukan komuniti yang diaudit, **hanya tapak tanah bagi Kompleks Sukan Komuniti Bentong yang telah didaftarkan atas nama Pesuruhjaya Tanah Persekutuan.** Pihak Kementerian memaklumkan bahawa Pentadbir Tanah telah bersetuju untuk memberi kelulusan pelaksanaan projek awal sebelum kelulusan rasmi tanah diperolehi daripada Pihak Berkuasa Negeri. Manakala tapak tanah bagi 3 kompleks sukan komuniti yang lain iaitu Kompleks Sukan Komuniti Sungai Siput, Ledang dan Besut, Pejabat Tanah Daerah masih dalam peringkat meluluskan pembayaran premium walaupun permohonan telah dikemukakan pada 3 April 2006 dan 10 September 2006.

Pada pandangan Audit, Kementerian perlu memastikan tapak tanah kompleks sukan komuniti tersebut telah didaftarkan atas nama Pesuruhjaya Tanah Persekutuan sebelum pembinaan dimulakan bagi mengelakkan sebarang risiko dan kerugian kepada Kerajaan Persekutuan.

27.5. SYOR AUDIT

Bagi memastikan segala kelemahan yang dibangkitkan diperbaiki dan juga bagi mengelakkan kelemahan yang sama berlaku di masa hadapan, adalah disyorkan supaya Kementerian Belia Dan Sukan (Kementerian)/Jabatan Kerja Raya (JKR) mengambil tindakan-tindakan berikut :-

27.5.1. Tindakan mengeluarkan Sijil Perakuan Siap Kerja dan membuat bayaran bagi perabot/peralatan yang belum dibekalkan dengan sempurna oleh kontraktor adalah bertentangan dengan peraturan kewangan. Sehubungan ini, siasatan lanjut perlu dijalankan dan seterusnya mengambil tindakan tatatertib terhadap pihak yang terlibat.

27.5.2. JKR perlu membuat pemeriksaan dan memastikan kontraktor membaiki sebarang kerosakan/kecacatan yang ditemui sebelum Sijil Perakuan Siap Membaiki Kecacatan dikeluarkan. Pelarasan harga terhadap kerja-kerja yang tidak disempurnakan oleh kontraktor perlu dibuat semasa penyediaan Akaun Muktamad.

27.5.3. JKR perlu memastikan peralatan yang dipasang dan pembinaan yang dilaksanakan selaras dengan fungsi dan operasi bangunan bagi mengelakkan berlakunya kemalangan dan kerosakan harta benda serta mengakibatkan Kerajaan menanggung kos penyenggaraan yang tinggi.

27.5.4. Kementerian perlu mengadakan perancangan penyenggaraan yang sistematik termasuk kawalan keselamatan dan pembersihan dengan segera untuk memastikan kompleks sukan ini dijaga dengan baik bagi mengelakkan masalah kecurian dan vandalisme serta bagi menjamin keselamatan dan keselesaan pengguna kompleks.

27.5.5. Memandangkan kerja penyenggaraan kompleks sukan komuniti perlu dilaksanakan dari semasa ke semasa untuk menjamin keselesaan pengguna kompleks berkenaan, adalah wajar Kementerian mengenakan bayaran mengikut kadar yang standard terhadap penggunaan kompleks bagi membiayai sebahagian daripada kos penyenggaraan tersebut.

27.5.6. Kementerian perlu memastikan tapak tanah bagi kompleks sukan komuniti yang telah siap dibina didaftarkan atas nama Pesuruhjaya Tanah Persekutuan dan memastikan tapak tanah bagi projek-projek yang akan datang telah didaftarkan hak miliknya sebelum pembinaan dimulakan bagi mengelakkan sebarang risiko dan kerugian kepada Kerajaan Persekutuan.

KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN

28. PEROLEHAN PERALATAN DI INSTITUT KEMAHIRAN BELIA NEGARA TEMERLOH, PAHANG

28.1. LATAR BELAKANG

28.1.1. Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) Temerloh, Pahang telah siap dibina pada tahun 2006. Pembinaannya bermatlamat untuk menyediakan tempat bagi kemudahan pengendalian latihan yang meliputi pembangunan modal insan melalui aktiviti *soft skill* dan latihan kemahiran melalui pembelajaran secara teori dan latihan praktikal sama ada di dalam bilik kuliah mahupun di bengkel-bengkel. Pengajian di IKBN Temerloh adalah berpandukan sistem semester.

28.1.2. Sebanyak 17 program ditawarkan di IKBN Temerloh, meliputi 12 program untuk peringkat Diploma/Sijil Teknologi dan 5 program peringkat Sijil Kemahiran. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 28.1
PROGRAM DAN PERINGKAT KURSUS DI IKBN TEMERLOH

PROGRAM	PERINGKAT PENGAJIAN / TEMPOH
Teknologi Pembungkusan	Sijil (2 Tahun) ; Diploma (3 Tahun)
Teknologi Automotif (Penyelenggaraan)	Sijil (2 Tahun) ; Diploma (3 Tahun)
Teknologi Automotif (Pembuatan)	Sijil (2 Tahun) ; Diploma (3 Tahun)
Teknologi Automotif (Rekabentuk Produk)	Sijil (2 Tahun) ; Diploma (3 Tahun)
Teknologi Tuangan Logam (Acuan Kekal)	Sijil (2 Tahun) ; Diploma (3 Tahun)
Teknologi Tuangan Logam (Acuan Boleh Musnah)	Sijil (2 Tahun) ; Diploma (3 Tahun)
Penyembur Cat Automotif	Sijil Tahap 1, 2 dan 3 (2 Tahun)
Mekanik Kenderaan Motor	Sijil Tahap 1 dan 2 (1 Tahun)

28.1.3. Pengurusan IKBN di seluruh negara diletakkan di bawah Bahagian Pembangunan Kemahiran yang bertanggungjawab untuk merancang, mengurus dan memastikan perjalanan latihan berjalan dengan lancar, termasuk urusan pengambilan pelajar serta menentukan jenis dan spesifikasi peralatan latihan yang hendak dibeli. Manakala Cawangan Pembangunan pula bertanggungjawab untuk menyediakan, mengagih dan mengawal peruntukan pembangunan projek yang diluluskan.

28.1.4. Bagi tujuan membekalkan peralatan dan kemudahan kursus, satu kontrak telah ditandatangani pada 26 Jun 2007 antara Kementerian Belia Dan Sukan dengan Sinar Bekal (M) Sdn. Bhd. Syarikat ini mempunyai modal berbayar berjumlah RM500,000. Kaedah perolehan adalah secara rundingan terus dengan nilai kontrak berjumlah RM137.78 juta. Dari jumlah tersebut, sejumlah RM100.67 juta telah dibelanjakan (setakat 14 Oktober 2009) bagi tujuan pembekalan peralatan dan kemudahan kursus di IKBN Temerloh.

28.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada perolehan peralatan di IKBN Temerloh telah dirancang dan dilaksanakan dengan teratur, berhemat dan memenuhi keperluannya.

28.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan di Ibu Pejabat Kementerian Belia Dan Sukan dan IKBN Temerloh dengan menyemak fail, rekod dan dokumen yang berkaitan dengan pengurusan peralatan dari aspek perolehan, penerimaan, penggunaan, penyimpanan dan penyenggaraan. Selain itu, lawatan fizikal juga dijalankan di IKBN Temerloh untuk menentukan tahap penggunaan, penyimpanan dan penyenggaraan peralatan berkenaan. Temu bual dan perbincangan dengan pegawai di peringkat Kementerian dan IKBN Temerloh juga turut dilaksanakan.

28.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Mei hingga Ogos 2009 mendapati **kesemua peralatan telah dihantar ke IKBN Temerloh dalam tempoh yang diluluskan. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan dalam pengurusan peralatan antaranya peralatan bernilai RM26.51 juta yang telah diterima antara bulan September 2007 hingga Mei 2009 masih belum digunakan atau tidak digunakan secara optimum. Antara sebabnya ialah kursus yang memerlukan penggunaan peralatan tersebut masih belum bermula; peralatan masih belum ditauliahkan; latihan kepada tenaga pengajar masih belum diberi; dan komponen sokongan untuk membolehkan peralatan beroperasi tidak dibekalkan kerana tidak termasuk di dalam kontrak. Selain itu, beberapa peralatan telah diletakkan di tempat yang tidak sesuai yang mana boleh menjejaskan kualiti dan jangka hayat peralatan tersebut serta tiada jadual penyenggaraan dibekalkan oleh kontraktor menyebabkan peralatan tidak disenggarakan secara berjadual.** Penjelasan lanjut mengenai perkara yang ditemui adalah seperti di perenggan-perenggan berikut :-

28.4.1. Perolehan Peralatan

28.4.1.1. Pada 14 Jun 2005, Kementerian Kewangan telah mengeluarkan surat persetujuan untuk melantik Sinar Bekal Sdn. Bhd. bagi membangunkan modul, mengendalikan kursus-kursus dan membekalkan peralatan berkaitan di IKBN Temerloh. Pemilihan kontraktor secara rundingan terus adalah dibuat atas cadangan oleh Kementerian Kewangan. Berdasarkan Surat Arahan Perbendaharaan bertarikh 17 April 2002 berkaitan dengan Garis Panduan Permohonan Perolehan Secara Rundingan Terus, permohonan perolehan secara rundingan terus hendaklah menyertakan profil syarikat serta skop projek. Profil syarikat hendaklah mengandungi maklumat syarikat termasuk kod bidang dan pengalaman kerja. Semakan Audit terhadap profil kontraktor yang terlibat mendapati syarikat ini hanya mempunyai pengalaman dalam membekalkan peralatan pencucian/bahan-bahan kimia dan ianya tidak meliputi item-item di dalam kontrak. **Oleh itu, pihak Audit tidak dapat menentukan dengan jelas**

asas pelantikan kontraktor untuk membangunkan modul, mengendalikan kursus dan membekalkan peralatan berkaitan di IKBN, Temerloh. Bagaimanapun, pihak Audit dimaklumkan bahawa syarikat ini ada menjalin kerjasama dengan Universiti Tun Hussein Onn untuk mendapatkan khidmat nasihat dan menyediakan dokumentasi untuk kelulusan Lembaga Akreditasi Malaysia dan juga Georgian College, Canada bagi pemindahan teknologi.

28.4.1.2. Kementerian telah menubuhkan Jawatankuasa Rundingan Harga dan Jawatankuasa Teknikal bagi merundingkan harga ke paras yang terendah seperti mana yang disyaratkan oleh Kementerian Kewangan. Kos asal yang dicadangkan oleh kontraktor ialah RM163.09 juta. Bagaimanapun setelah melalui beberapa rundingan harga, Jawatankuasa Rundingan Harga dan Jawatankuasa Teknikal telah mengurangkan harga kontrak kepada RM139.13 juta. Namun demikian, Kementerian Kewangan pada 13 November 2006 telah meluluskan harga kontrak berjumlah RM137.78 juta bagi perolehan peralatan tersebut.

28.4.2. Penerimaan Peralatan

28.4.2.1. Berdasarkan syarat kontrak, kesemua peralatan perlu dihantar, dipasang, diuji terima dan ditauliahkan di IKBN Temerloh dalam tempoh 12 bulan dari tarikh kontrak ditandatangani iaitu antara 26 Jun 2007 sehingga 25 Jun 2008. Jika pelanjutan masa diperlukan, kontraktor hendaklah dengan serta merta memberi notis bertulis mengenai sebab-sebab kelewatan kepada Kerajaan untuk mendapatkan kelulusan. Semakan Audit mendapati pihak kontraktor telah diluluskan 2 lanjutan masa selama 432 hari bagi bekalan peralatan berkaitan. Bagi lanjutan masa pertama yang melibatkan 279 hari (26 Jun 2008 hingga 31 Mac 2009), kelulusan diberi atas sebab peralatan hanya akan digunakan pada bulan April 2009; peralatan tidak diperlukan pada semester 1 Sesi 2/2008; supaya peralatan tidak disimpan terlalu lama tanpa digunakan dan bagi mengelakkan tempoh waranti daripada luput sebelum peralatan digunakan. Bagi lanjutan masa kedua yang melibatkan 153 hari (1 April 2009 hingga 31 Ogos 2009), sebab-sebab kelewatan telah tidak dinyatakan dengan jelas, sebaliknya dinyatakan sebagai “tidak disebabkan oleh perbuatan kecuaian, kemungkiran atau pecah kontrak oleh kontraktor”. Bagaimanapun, sebab tersebut adalah selaras dengan syarat kontrak.

28.4.2.2. **Berdasarkan kontrak, aktiviti uji terima dan pentauliahan peralatan perlu dibuat secara bersama antara kontraktor dengan pihak Kerajaan. Semakan Audit pada bulan Disember 2009 terhadap 9 peralatan yang bernilai RM15.23 juta yang telah diterima antara 10 April 2008 hingga 30 Mac 2009 mendapati peralatan tersebut masih belum ditauliahkan.** Semakan Audit selanjutnya mendapati kelewatan tersebut adalah disebabkan oleh masalah IKBN tidak mempunyai tenaga pengajar yang mencukupi dari segi bilangan/kepakaran untuk terlibat dalam aktiviti pengujian dan pentauliahan peralatan. Senarai peralatan berkaitan adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 28.2
SENARAI PERALATAN YANG DITERIMA TETAPI BELUM DITAULIAH

PERALATAN	KUANTITI	TARIKH TERIMA	LOKASI	JUMLAH HARGA (RM)
Engine Test System (Petrol)	1	10.04.2008	Bengkel 2	2,013,120
Engine Test System (Diesel)	1	10.04.2008	Bengkel 2	2,414,043
Hydraulic Distribution System	1	11.09.2008	Bengkel 2	587,108
Hot Chamber Machine	1	26.02.2009	Bengkel 9	1,317,775
Cold Chamber Machine	1	26.02.2009	Bengkel 9	1,072,210
Investing Casting Package	1	25.05.2009	Bengkel 9	3,537,516
100 Kw Pour Furnace With Power Supply, Heat Station, Pour Station (CHC-1)	1	27.02.2009	Bengkel 9	1,134,109
100 Kw Pour Furnace With Power Supply, Heat Station, Pour Station (CSC-1)	1	27.02.2009	Bengkel 9	1,134,109
2 - 1/2D Software With Computer And Mill (11 setiap satu)	1	30.03.2009	Bengkel 4	2,015,037
JUMLAH	**9**			**15,225,027**

Pada pandangan Audit, Kementerian sepatutnya menggunakan tenaga pengajar daripada IKBN yang lain yang mempunyai kepakaran yang bersesuaian untuk membantu pihak IKBN Temerloh dalam menjalankan pengujian dan pentauliahan bersama kontraktor terhadap peralatan yang telah dibekalkan.

28.4.3. Peralatan Tidak Digunakan/Tidak Digunakan Secara Optimum

28.4.3.1. Setiap peralatan yang diterima perlu digunakan mengikut fungsi dan tujuan sebenar peralatan tersebut dibeli. **Daripada sampel 59 peralatan bernilai RM67.03 juta yang telah diperiksa pada bulan Disember 2009, didapati 22 peralatan yang telah diterima antara bulan September 2007 hingga Mei 2009 yang bernilai RM26.51 juta masih belum digunakan atau tidak digunakan secara optimum.** Antara sebabnya ialah kursus yang memerlukan penggunaan peralatan tersebut masih belum bermula; peralatan masih belum ditauliahkan; latihan kepada tenaga pengajar masih belum diberi dan komponen sokongan untuk membolehkan peralatan beroperasi tidak dibekalkan kerana tidak termasuk di dalam kontrak perjanjian. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 28.3
PERALATAN TIDAK DIGUNAKAN/TIDAK DIGUNAKAN SECARA OPTIMUM

PERALATAN	KUANTITI	TARIKH TERIMA	LOKASI	JUMLAH HARGA (RM)	CATATAN
TechWorld Applications In Information Technology 1 & 2	1	25.01.2008	Bengkel 5	1,222,581	Hanya akan digunakan mulai bulan April hingga Julai 2010
Weathering Equipment: Ci3000+ Controlled Irradiance Xenon Arc Weather-Ometer® 4500 Watt c/w SmartDAQ	1	11.12.2007	Bengkel 2	734,833	Hanya akan digunakan mulai bulan April hingga Julai 2010

PERALATAN	KUANTITI	TARIKH TERIMA	LOKASI	JUMLAH HARGA (RM)	CATATAN
Solar Climatic Chamber c/w Accessories & Reserve Osmosis System With Storage Tank	1	23.11.2007	Bengkel 2	880,640	Hanya akan digunakan mulai bulan April hingga Julai 2010
Engine Test System, 160 kW	1	10.04.2008	Bengkel 2	2,013,120	
CNC Wire Cut **(Gambar 28.1)**	1	15.05.2008	Bengkel 2	979,311	
CNC RAM EDM Machine	1	15.05.2008	Bengkel 2	795,247	
Car-o-liner And Car-o-tronic	1	11.12.2007	Bengkel 4	376,284	
Insight 10 Material Testing Workstation With Accessories	1	11.09.2008	Bengkel 1	656,365	Perlu Komponen Lain Untuk Berfungsi
Insight 50 Material Testing Workstation With Accessories	1	11.09.2008	Bengkel 1	531,668	
Mechatronic Compact Training System	1	13.09.2007	Bengkel 1	967,634	
Hydraulic Distribution System	1	11.09.2008	Bengkel 2	587,108	Belum Ditauliahkan
Hot Chamber Machine **(Gambar 28.2)**	1	26.02.2009	Bengkel 9	1,317,775	
Cold Chamber Machine	1	26.02.2009	Bengkel 9	1,072,210	
Engine Test System (Diesel)	1	10.04.2008	Bengkel 2	2,414,043	
100 Kw Pour Furnace With Power Supply, Heat Station, Pour Station (CHC-1)	1	27.02.2009	Bengkel 9	1,134,109	
100 Kw Pour Furnace With Power Supply, Heat Station, Pour Station (CSC-1) **(Gambar 28.3)**	1	27.02.2009	Bengkel 9	1,134,109	
2 – 1/2D Software With Computer And Mill (11 setiap satu)	1	30.03.2009	Bengkel 4	2,015,037	
Vibration Related Product (Linear Hydraulic Actuator, 28kN, 150mm Stroke) & Dactron Laser Shaker Controller	1	11.09.2008	Bengkel 2	1,060,690	Latihan Masih Belum Diberikan
Mechatronic Flexible Production System	1	13.09.2007	Bengkel 1	711,141	
Investing Casting Package	1	25.05.2009	Bengkel 9	3,537,516	
Electronic Control System	1	11.09.2008	Bengkel 1	1,145,068	
Coordinate Measuring Machine (Probe + Camera)	1	23.11.2007	Bengkel 8	1,228,500	
JUMLAH				**26,514,989**	

GAMBAR 28.1



Bengkel 8
- Mesin CNC Wire Cut Tidak Digunakan Sejak Diterima Pada 15.05.2008 (15.12.2009)

GAMBAR 28.2



Bengkel 9
- Mesin Hot Chamber Yang Masih Belum Ditauliahkan Sejak Diterima Pada 26.02.2009 (16.12.2009)



GAMBAR 28.3

Bengkel 9
- Mesin 100 Kw Pour Furnace With Power Supply, Heat Station, Pour Station (CSC - 1) Yang Masih Belum Ditauliahkan Sejak Diterima Pada 27.02.2009 (16.12.2009)

28.4.3.2. Berdasarkan syarat kontrak, kontraktor dikehendaki memberikan latihan kepada sekurang-kurangnya 2 orang pengajar yang dipilih mengenai cara mengguna dan membaiki peralatan dalam tempoh 14 hari daripada tarikh ia ditauliahkan. Semakan Audit mendapati hanya 25 daripada 50 pengajar yang telah menghadiri latihan penggunaan peralatan berkenaan manakala baki 25 orang pengajar masih belum diberikan latihan. Bagi 25 pengajar yang masih belum diberikan latihan, mereka merupakan pengajar yang baru dilantik di mana 2 pengajar mula ditempatkan di IKBN Temerloh dalam tahun 2008 manakala 23 pengajar yang lain mula ditempatkan dalam tahun 2009. Pihak Audit dimaklumkan bahawa bagi pengajar yang masih belum mendapat latihan, mereka akan diberikan latihan secara berperingkat. Sebelum mendapat latihan tersebut, mereka tidak dibenarkan untuk menggunakan peralatan tersebut sebagai alat pengajaran.

28.4.3.3. Pihak Audit juga dimaklumkan **kekosongan 19 (27.5%) jawatan pengajar yang masih belum diisi berbanding 69 jawatan pengajar yang diwujudkan di IKBN Temerloh telah menyebabkan tiada pengajar yang layak untuk mengikuti latihan penggunaan peralatan bagi jurusan tertentu.** Bagi mengatasi masalah ini, Bahagian Pembangunan Kemahiran telah pun memohon kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam bagi mengisi kekosongan jawatan tersebut. Sungguhpun pengajar lain boleh diberi latihan peralatan berkaitan, namun ianya tidak menepati sasaran kerana mereka mengajar di bidang lain dan pemindahan teknologi tidak dapat dilaksanakan secara berkesan.


Pada pandangan Audit, perolehan peralatan yang terlalu awal menyebabkan Kerajaan terdedah kepada risiko kerugian kerana peralatan berkenaan akan menjadi usang dan rosak sebelum digunakan. Sehubungan ini, Kementerian sepatutnya menyelaraskan perolehan peralatan dengan kursus yang akan dilaksanakan di IKBN Temerloh dan memastikan setiap peralatan yang dibekalkan mempunyai komponen sokongan yang membolehkannya berfungsi.

28.4.4. Penempatan Peralatan Yang Tidak Sesuai Dan Tidak Teratur

28.4.4.1. Pemeriksaan yang telah dijalankan di 9 bengkel di IKBN Temerloh mendapati beberapa peralatan telah diletakkan di tempat yang tidak sesuai. Terdapat peralatan yang ditempatkan di bengkel yang berkeadaan berhabuk;

siling yang bocor dan lantai yang berair. Selain itu, ruang penyimpanan yang terhad di bengkel telah menyebabkan peralatan terpaksa ditempatkan di dalam bilik kuliah, bilik perbincangan dan di ruang yang terbuka yang kurang selamat. Terdapat juga peralatan simulasi yang memerlukan penempatan di tempat tertutup telah diletakkan di tempat yang terbuka. Ini boleh menjejaskan kualiti dan jangka hayat peralatan tersebut selain terdedah kepada risiko kehilangan. Semakan Audit selanjutnya mendapati ada peralatan yang tidak disimpan dengan teratur di dalam bilik penyimpanan. Gambar-gambar berikut menunjukkan contoh keadaan penyimpanan peralatan :-

GAMBAR 28.4



Bengkel 1
- Peralatan Diletakkan Berdekatan Siling Yang Bocor
(16.12.2009)

GAMBAR 28.5



Bengkel 2
- Rak Yang Terbuka Dan Kurang Selamat
(16.12.2009)

GAMBAR 28.6



Bengkel 6
- Peralatan HT17 Unsteady - State Heat Transfer Yang Terpaksa Diletakkan Di Atas Lantai Bilik Kuliah
(16.12.2009)

GAMBAR 28.7



Bengkel 7
- Air Bertakung Di Lantai Makmal Yang Menempatkan Peralatan Komputer
(16.12.2009)

GAMBAR 28.8




Bengkel 1
- Pandangan Dari Luar Bilik Stor Yang Berhabuk Dan Kotor
(16.12.2009)

GAMBAR 28.9




Bengkel 2
- Peralatan Simulasi Ditempatkan Di Ruang Yang Terbuka Dan Berhabuk
(16.12.2009)

GAMBAR 28.10



Bengkel 6
- Dinding Dan Siling Bocor Di Bilik Yang Menempatkan Peralatan Seperti Complete Heat Transfer System
(15.12.2009)

GAMBAR 28.11



Bengkel 6
- Peralatan Computer Controlled Combined Convection & Radiation Yang Terpaksa Diletakkan Di Dalam Bilik Kuliah
(16.12.2009)

28.4.4.2. Pihak Audit dimaklumkan bahawa Bahagian Pembangunan Kemahiran telah mengambil tindakan dengan mengarahkan kontraktor pembinaan bersama dengan pihak ketiga untuk membaiki kecacatan yang berlaku terhadap bengkel-bengkel yang menempatkan peralatan tersebut. Bagaimanapun, **Kementerian adalah disyorkan supaya mewujudkan jawatan khusus untuk penjaga stor yang bertanggungjawab membantu Ketua Unit Bengkel bagi menjaga hal ehwal peralatan yang terdapat di bengkel secara sepenuh masa bagi meningkatkan lagi tahap kecekapan pengurusan dan keselamatan peralatan di IKBN Temerloh.**

28.4.5. Penyenggaraan Peralatan

Semakan Audit terhadap 59 peralatan mendapati 24 daripadanya yang bernilai RM30.69 juta yang diterima antara bulan Disember 2007 hingga Mei 2009 memerlukan penyenggaraan secara berjadual. Berdasarkan syarat kontrak, kontraktor dikehendaki menyediakan satu set Manual Penyenggaraan dan Jadual Penyenggaraan Pencegahan bagi setiap peralatan yang diperolehi. Kontraktor juga perlu menjalankan penyenggaraan peralatan secara berjadual dan menggantikan alat ganti yang dijadualkan dalam Manual Penyenggaraan. **Berdasarkan sampel baucar bayaran yang disemak dan maklum balas daripada Kementerian, didapati tiada pembayaran mengenai kerja-kerja penyenggaraan telah dibuat kepada kontraktor. Selain itu, semasa pemeriksaan dijalankan pada bulan Disember 2009, pihak IKBN/Kementerian juga tidak dapat mengemukakan Jadual Penyenggaraan Pencegahan. Jadual tersebut hanya dapat dikemukakan oleh pihak kontraktor pada bulan Mac 2010 sedangkan kerja-kerja penyenggaraan sepatutnya mula dilaksanakan pada bulan Jun 2009. Oleh itu, pihak Audit tidak dapat mengesahkan sama ada kerja-kerja penyenggaraan telah dilaksanakan terhadap peralatan-peralatan tersebut.** Jadual berikut menunjukkan peralatan yang tidak dapat dibuktikan telah disenggarakan secara berjadual :-

JADUAL 28.4
SENARAI PERALATAN YANG TIDAK DAPAT DIBUKTIKAN TELAH DISENGGARAKAN SECARA BERJADUAL

NAMA PERALATAN	TARIKH TERIMA	KOS PENYENGGARAAN BERDASARKAN KONTRAK (RM)
Electromechanical Training System With Data Acquisition & Management System With Prime Mover/Dynamometer	24.12.2007	18,150
Process Control Technology	30.08.2007	7,900
Process Plant Trainer	30.08.2007	7,900
Complete Modular Servo System	09.08.2007	9,150
Mechanical Training System LEVEL 3	23.12.2007	3,025
Automation 5200 Robotics Training System	23.12.2007	9,000
Complete Heat Transfer System	30.08.2007	6,050
Complete Heat Exchanger System	30.08.2007	6,050
Thermodynamics Package: Temperature Measurement & Calibration; Saturation Pressure & Throttling Calorimeter; Recycle Loops; Expansion Processes Of A Perfect Gas	30.08.2007	6,050
2-1/2D Software With Computer And Mill (11 each)	30.03.2009	92,418
CNC Turning Center	30.05.2008	92,418
Investing Casting Package	25.05.2009	TM
100W Pour Furnace With Power Supply, Heat Station, Pour Station (CSC-1)	27.02.2009	6,745
100W Pour Furnace With Power Supply, Heat Station, Pour Station (CHC-1)	27.02.2009	54,000
Hot Chamber Machine	26.02.2009	54,000
Cold Chamber Machine	26.02.2009	54,000
Injection Moulding Package: Injection Moulding Machine; Supplies For Injection Moulding; Blow Moulding And Vacum Forming; Regrinder	07.01.2009	137,038
Industrial Finishing: Disc Finishing Machine	31.12.2008	138,675
Vehicle Safety Testing Lane	19.07.2007	33,500
Power Transmission	10.12.2007	35,000
Spray Booth System	14.07.2008	32,000
Heavy Duty Turret Mill 942VS, Table Size 203 x 1067mm, Supplied Complete With All Standard Accessories	23.11.2007	53,500
Heavy Duty Universal Mill, Working Table Size 300 x 1150mm, Supplied Complete With All Standard Accessories	23.11.2007	55,000
Universal Cylindrical Grinding Machine CG250, Maximum Working Length 500mm, Supplied Complete With All Std Accessories	23.11.2007	52,000
JUMLAH KOS PENYENGGARAAN		**963,569**

Pada pandangan Audit, IKBN Temerloh perlu memastikan kontraktor melaksanakan kerja-kerja penyenggaraan mengikut Jadual Penyenggaraan Pencegahan tersebut bagi menjamin jangka hayat dan mutu peralatan tersebut. Tindakan yang sewajarnya hendaklah diambil sekiranya kontraktor gagal melaksanakan tanggungjawab ini.

28.5. SYOR AUDIT

Bagi memastikan peralatan yang dibeli dapat digunakan dengan cekap dan berkesan serta Kerajaan mendapat *value for money* terhadap perbelanjaan yang telah dibuat, adalah disyorkan supaya Kementerian Belia Dan Sukan (Kementerian)/IKBN Temerloh/ Suruhanjaya Perkhidmatan Awam mengambil langkah-langkah yang berikut :-

28.5.1. Kementerian sepatutnya menggunakan tenaga pengajar daripada IKBN yang lain untuk membantu pihak IKBN Temerloh dalam menjalankan aktiviti uji terima dan pentauliahan bersama kontraktor bagi peralatan yang telah dibekalkan.

28.5.2. Memandangkan perolehan peralatan yang terlalu awal menyebabkan Kerajaan terdedah kepada risiko kerugian kerana peralatan berkenaan akan menjadi usang dan rosak sebelum digunakan, Kementerian sepatutnya menyelaraskan perolehan peralatan dengan kursus yang akan dilaksanakan di IKBN Temerloh dan memastikan setiap peralatan yang dibekalkan mempunyai komponen sokongan yang membolehkannya berfungsi.

28.5.3. Bagi memastikan proses latihan penggunaan peralatan dan pembelajaran dapat berjalan dengan lancar, adalah disyorkan supaya Suruhanjaya Perkhidmatan Awam mempertimbangkan dan mengambil tindakan segera terhadap permohonan Kementerian mengenai pengisian jawatan pengajar.

28.5.4. IKBN Temerloh perlu mengenal pasti jika terdapat sebarang kecacatan dan kerosakan pada peralatan yang masih belum digunakan atau tidak digunakan dengan optimum serta melaporkan kepada kontraktor bagi memastikan ia dibaiki dan boleh berfungsi sepenuhnya.

28.5.5. Kementerian perlu mewujudkan jawatan penjaga stor untuk menjaga hal ehwal peralatan yang terdapat di bengkel secara sepenuh masa bagi meningkatkan lagi tahap kecekapan pengurusan dan keselamatan peralatan di IKBN Temerloh.

28.5.6. IKBN Temerloh perlu memastikan kerja-kerja penyenggaraan dilaksanakan mengikut Jadual Penyenggaraan Pencegahan bagi menjamin jangka hayat dan mutu peralatan tersebut. Tindakan yang sewajarnya hendaklah diambil sekiranya kontraktor gagal melaksanakan tanggungjawab ini.

KEMENTERIAN PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN

29. AKTIVITI PENJUALAN MASA SIARAN IKLAN RADIO DAN TELEVISYEN

29.1. LATAR BELAKANG

29.1.1. Aktiviti pengiklanan melalui siaran radio telah bermula pada tahun 1962 manakala pengiklanan melalui siaran televisyen pula pada tahun 1965. Aktiviti ini diuruskan oleh Cawangan Perdagangan dan Bahagian Pemasaran RTM. Tanggungjawab kedua-dua pejabat ini adalah seperti berikut :-

a. Cawangan Perdagangan adalah salah satu cawangan di bawah Bahagian Kewangan, Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan. Fungsi utama Cawangan ini adalah untuk mengawal hasil pengiklanan dan menjalankan penguatkuasaan peraturan serta syarat pengiklanan seperti memberi pentauliahan kepada agensi pengiklanan, mengeluarkan bil siaran iklan, memproses dan mengeluarkan surat kelulusan iklan serta mengawal tunggakan hasil pengiklanan.

b. Bahagian Pemasaran RTM pada awalnya diwujudkan secara pentadbiran dan beroperasi mulai 1 Januari 2004. Fungsi bahagian ini adalah untuk mengurus penjualan masa siaran iklan, perhubungan awam dan pengurusan acara, penjadualan siaran iklan, pembentukan imej RTM, menguruskan aktiviti promosi dan bantuan grafik serta membuat penyelidikan pasaran. Bahagian ini juga berperanan memantau aktiviti yang dijalankan oleh agensi pemasaran serta mengawal selia siaran iklan radio dan televisyen (TV). Berkuat kuasa pada 1 Januari 2009, Bahagian Pemasaran Dan Promosi telah diwujudkan secara rasmi melalui Waran Perjawatan Bil. S7/2009.

29.1.2. Bagi tujuan pelaksanaan aktiviti pengiklanan, Kementerian telah melantik Utusan Melayu (M) Bhd. (UMMB) secara rundingan terus sebagai agensi pemasaran bagi penjualan masa siaran iklan radio dan TV. Agensi pemasaran ini bertanggungjawab untuk memasarkan slot iklan kepada agensi pengiklanan bertauliah. Mengikut Akta Telekomunikasi 1950, orang perseorangan atau mana-mana pihak lain perlu ditauliahkan sebelum dapat menyediakan bahan untuk siaran iklan radio dan TV.

29.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada aktiviti penjualan masa siaran iklan radio dan TV termasuk kawalan tunggakan hasil telah diurus dengan teratur bagi memastikan Kerajaan tidak mengalami kehilangan hasil.

29.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini meliputi aspek pengurusan aktiviti siaran iklan termasuk pelantikan agensi pemasaran dan tanggungjawabnya, pentauliahan agensi pengiklanan, kawalan kredit, bayaran komisen kepada agensi pemasaran dan agensi pengiklanan bertauliah serta kawalan hasil. Pengauditan dijalankan dengan menyemak dokumen-dokumen berkaitan bagi tempoh tahun 2007 hingga 2009. Selain itu, perbincangan dan temu bual dengan pegawai yang terlibat dengan siaran iklan radio dan TV juga telah diadakan.

29.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Julai hingga Disember 2009 mendapati secara umumnya, pengurusan aktiviti penjualan masa siaran iklan melalui radio dan TV serta kawalan hasil adalah **kurang memuaskan. Terdapat beberapa kelemahan seperti prestasi jualan masa siaran iklan yang tidak mencapai sasaran; percanggahan terma antara perjanjian kontrak dengan Surat Tawaran Kerajaan mengenai jadual bayaran komisen dan aktiviti penjualan masa siaran iklan yang tidak mengikut peraturan**. Penjelasan lanjut mengenai perkara yang ditemui adalah seperti di perenggan-perenggan berikut :-

29.4.1. Kontrak Penjualan Masa Siaran Iklan Radio dan Televisyen Belum/ Lewat Ditandatangani

Kontrak Kerajaan hendaklah ditandatangani dalam tempoh 4 bulan seperti yang ditetapkan di dalam Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 5 Tahun 2007. Bagi memastikan kontrak dapat ditandatangani dalam tempoh yang ditetapkan, segala terma dan syarat kontrak hendaklah dimuktamadkan secepat mungkin dengan pihak kontraktor. Semakan Audit terhadap urusan menandatangani kontrak mendapati perkara berikut :-

29.4.1.1. Bagi kontrak penjualan masa siaran iklan TV, kelulusan Kementerian Kewangan telah diperolehi pada 29 Januari 2007 bagi melantik Utusan Melayu (M) Bhd. (UMMB) sebagai agensi pemasaran masa siaran iklan TV melalui rundingan terus. Dengan kelulusan tersebut, Kementerian pada 15 Mei 2007 telah mengeluarkan Surat Tawaran Kerajaan (STK) kepada UMMB. Mengikut STK tersebut, UMMB dilantik sebagai agen pemasaran bagi jualan masa siaran iklan televisyen untuk tempoh 1 Julai 2007 hingga 30 Jun 2010. Pihak Audit difahamkan bahawa mesyuarat untuk menyediakan dokumen kontrak telah diadakan pada 31 Mac 2008, namun sehingga tarikh pengauditan pada bulan Disember 2009, **kontrak dengan UMMB masih belum ditandatangani iaitu kelewatan selama 30 bulan daripada tarikh STK ditandatangani.** Antara punca berlaku kelewatan menandatangani kontrak tersebut adalah disebabkan kedua-dua pihak mengambil masa untuk mencapai persetujuan terhadap syarat-syarat tambahan yang dikemukakan oleh pihak UMMB berhubung dengan formula baru perkongsian pendapatan (70:30), hak eksklusif semua jualan dan tempoh sah laku kontrak yang lebih panjang.

29.4.1.2. Satu kontrak berasingan pula diikat antara Kerajaan dengan UMMB bagi menguruskan pemasaran penjualan masa siaran iklan di radio. Pada 23 Mei 2006, Kementerian Kewangan telah meluluskan pelantikan UMMB sebagai agensi pemasaran masa siaran iklan radio secara rundingan terus. Surat Tawaran Kerajaan (STK) telah dikeluarkan oleh Kementerian pada 30 Jun 2006 untuk melantik UMMB sebagai agen pemasaran selama 3 tahun bagi tempoh 1 Oktober 2006 hingga 30 September 2009. Bagaimanapun, **kontrak antara Kerajaan dengan UMMB hanya ditandatangani pada 5 Jun 2007 iaitu lewat 11 bulan dari tarikh STK ditandatangani.** Punca kelewatan kontrak ditandatangani antara lainnya adalah disebabkan oleh kegagalan UMMB menyediakan pelan strategik pemasaran masa siaran iklan yang memenuhi kehendak Kementerian untuk dimasukkan ke dalam perjanjian.

29.4.1.3. Kementerian telah memaklumkan setelah mendapat teguran Audit, satu aplikasi dikenali sebagai 'Sistem Pemantauan Pengurusan Kontrak Bersepadu' telah dibangunkan secara dalaman bagi mengatasi masalah kelewatan menandatangani kontrak pada masa hadapan.

29.4.2. Prestasi Penjualan Masa Siaran Iklan Oleh UMMB Tidak Mencapai Sasaran

29.4.2.1. Mengikut perjanjian, sasaran minimum penjualan tahunan bagi masa siaran iklan TV yang perlu dicapai oleh agensi pemasaran adalah RM70 juta manakala bagi radio ialah RM13 juta. Semakan Audit mendapati penjualan masa siaran iklan bagi radio telah melepasi sasaran yang ditetapkan. Namun **bagi penjualan masa siaran iklan TV, ia tidak mencapai sasaran minimum sejak tahun pertama UMMB dilantik.** Kutipan hasil jualan masa siaran iklan TV menunjukkan penurunan yang ketara bagi tahun kedua kerana hanya mencapai hasil jualan masa berjumlah RM45.87 juta berbanding dengan tahun pertama yang berjumlah RM68.30 juta. Adalah diperhatikan juga jumlah kutipan hasil **jualan masa oleh UMMB tersebut adalah jauh lebih rendah daripada yang pernah dicapai pada tahun 2005 dan 2006 ketika siaran iklan diurus oleh satu agensi pemasaran lain sebelumnya.** Jualan tahunan bagi agensi pemasaran sebelum ini adalah antara RM84.81 juta hingga RM94.36 juta setahun. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 29.1
PERBANDINGAN PRESTASI JUALAN MASA SIARAN IKLAN TV
ANTARA UMMB DENGAN AGENSI SEBELUMNYA

AGENSI PEMASARAN	PRESTASI JUALAN MASA SIARAN IKLAN TV	
	TAHUN PERTAMA (RM Juta/Tahun)	TAHUN KEDUA (RM Juta/Tahun)
Agensi Sebelumnya	84.81	94.36
UMMB	68.30	45.87

29.4.2.2. Mengikut maklum balas daripada Kementerian, antara faktor yang menyebabkan prestasi penjualan masa siaran iklan yang kurang memuaskan

adalah kerana UMMB tiada pengalaman di dalam bidang pemasaran siaran iklan TV. Syarikat ini hanya mempunyai pengalaman dalam bidang pemasaran iklan radio. Oleh itu UMMB tidak dapat meyakinkan Perancang Media dan Pengiklanan untuk memilih TV RTM dalam plan media mereka. UMMB juga tidak mempunyai strategi pemasaran yang berkesan.

29.4.2.3. Semakan Audit selanjutnya mendapati pada 31 Mac 2008, pihak Kementerian pernah memberi peringatan kepada UMMB supaya meningkatkan prestasi jualan masa siaran iklannya. Namun, didapati jumlah hasil jualan masa siaran iklan TV masih tidak menunjukkan peningkatan malah terus merosot pada tahun kedua tempoh kontrak. Mengikut syarat perjanjian, Kementerian berhak untuk menamatkan perkhidmatan UMMB sekiranya UMMB gagal menyempurnakan tanggungjawab menyebabkan hasil jualan tidak mencapai jumlah sasaran tahunan iaitu RM70 juta. Namun mengikut maklum balas Kementerian, penamatan kontrak tidak dapat dilakukan kerana :-

a. Jika agen pemasaran yang baru dilantik ia akan menjejaskan sentimen pasaran di kalangan para pengiklan kerana mereka mengiktiraf UMMB sebagai agen pemasaran masa siaran iklan RTM. Syarikat baru akan mengambil masa untuk mengubah sentimen pasaran tersebut.

b. RTM belum bersedia sepenuhnya untuk mengambil alih peranan UMMB tersebut kerana terdapat kekangan dari segi tenaga kerja dan lojistik seperti penyediaan sistem penjadualan, pelantikan pegawai pemasaran tetap dan sementara kerana pada masa itu, Bahagian Pemasaran RTM tidak dapat berfungsi secara berkesan kerana penubuhannya belum mendapat kelulusan daripada Jabatan Perkhidmatan Awam.

Pada pandangan Audit, bagi meningkatkan pendapatan daripada hasil jualan masa iklan, Kementerian perlu memastikan agensi pemasaran lebih agresif dalam strategi pemasarannya dan seterusnya memantau aktiviti pemasaran yang dilaksanakan oleh agensi pemasaran dengan lebih rapi.

29.4.3. Pelaksanaan Kontrak Penjualan Masa Siaran Iklan Radio Tidak Mengikut Terma Yang Dipersetujui

29.4.3.1. Mengikut syarat kontrak, Kementerian dan UMMB perlu berkongsi membayar komisen kepada agensi pengiklanan bertauliah. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati tiada kuantum atau peratusan perkongsian pembahagian bayaran komisen dinyatakan dalam kontrak. Berdasarkan bil yang dikeluarkan oleh Kementerian kepada agensi pengiklanan bertauliah, didapati **bayaran komisen sebanyak 15% telah ditanggung sepenuhnya oleh Kementerian, namun Kementerian tidak pernah menuntut sebahagian daripada jumlah komisen yang telah dibayar kepada agensi pengiklanan bertauliah itu daripada UMMB.** Setakat ini, Kementerian telah menanggung pembayaran komisen berjumlah RM7.50 juta. Butiran terperinci adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 29.2
BAYARAN KOMISEN KEPADA
AGENSI PENGIKLANAN RADIO OLEH KEMENTERIAN

TAHUN	TEMPOH	JUMLAH (RM Juta)
1	Oktober 2006 - September 2007	1.95
2	Oktober 2007 - September 2008	2.65
3	Oktober 2008 - September 2009	2.90
	JUMLAH	**7.50**

Pada pandangan Audit, ketiadaan penetapan kadar perkongsian bayaran komisen menyebabkan Kementerian tidak dapat menentukan jumlah komisen yang sepatutnya dituntut daripada UMMB. Sehubungan ini, Kementerian perlu menetapkan kuantum pembahagian bayaran komisen yang perlu ditanggung oleh Kerajaan dan UMMB.

29.4.3.2. Semakan Audit yang dijalankan terhadap bayaran komisen kepada UMMB mendapati perkara-perkara berikut :-

a. Terdapat **percanggahan terma antara perjanjian kontrak dengan STK**. Percanggahan ini telah mengakibatkan kekeliruan dalam pengiraan komisen bulanan dan juga untuk menentukan kelayakan penerimaan komisen bulanan oleh agensi pemasaran sebagaimana yang telah berlaku pada tahun pertama dan tahun kedua perkhidmatan. Mengikut syarat kontrak, agensi pemasaran layak diberi komisen bulanan sehingga RM330,000 sekiranya jumlah jualan bulanan melebihi RM1.10 juta dan agregat jualan bulanan mencapai antara RM13,000,001 hingga RM17,000,001. Bagaimanapun, STK yang berkaitan hanya menyatakan bayaran komisen bulanan sehingga RM330,000 boleh dibayar kepada agensi pemasaran apabila jumlah jualan bulanan melebihi RM1.10 juta. Kontrak juga menyatakan komisen bulanan tersebut perlu diselaraskan daripada komisen tahunan di akhir tahun.

b. Berdasarkan kepada terma perjanjian, pihak Audit mendapati pada tahun pertama, komisen bulanan hanya layak dibayar pada bulan Ogos dan September 2007 masing-masingnya berjumlah RM330,000. Manakala bagi tahun kedua, komisen bulanan hanya layak dibayar pada bulan Julai dan Ogos 2008 masing-masingnya berjumlah RM330,000. Bagaimanapun **bagi tahun pertama, Kementerian telah membuat bayaran berjumlah RM990,000 terlebih awal iaitu pada 22 Januari 2007 dan 19 Julai 2007**. Bagi tahun kedua pula, Kementerian telah membayar RM1 juta sebagai pendahuluan kepada UMMB pada 15 Februari 2008 yang mana jumlah ini telah diselaraskan daripada bayaran komisen bagi tahun berkenaan. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 29.3
ANALISIS PEMBAYARAN KOMISEN SIARAN IKLAN RADIO KEPADA AGENSI PEMASARAN (UMMB) BAGI TEMPOH BULAN OKTOBER 2006 HINGGA SEPTEMBER 2008

TEMPOH	JUALAN BULANAN (RM)	RM13,000,000 AGREGAT JUALAN BULANAN	LEBIHAN JUALAN BULANAN SELEPAS DITOLAK RM1,100,000	KOMISEN MAKSIMUM RM330,000 YANG BOLEH DITUNTUT	KOMISEN SEBENAR YANG DIBAYAR/ TARIKH (RM)
TAHUN PERTAMA					
Oktober 2006	2,166,476	2,166,476	1,066,476	-	-
November 2006	1,250,428	3,416,904	150,428	-	-
Disember 2006	1,326,757	4,743,661	226,757	-	-
Januari 2007	1,044,808	5,788,469	(55,192)	-	693,000 (22.01.2007)
Februari 2007	922,464	6,710,933	(177,536)	-	-
Mac 2007	981,610	7,692,543	(118,390)	-	-
April 2007	1,094,028	8,786,571	(5,972)	-	-
Mei 2007	1,362,704	10,149,275	262,704	-	-
Jun 2007	1,215,492	11,364,767	115,492	-	-
Julai 2007	1,432,477	12,797,244	332,477	-	297,000 (19.07.2007)
Ogos 2007	1,468,519	14,265,763	368,519	330,000	-
September 2007	1,998,634	16,264,397	898,634	330,000	-
JUMLAH JUALAN BULANAN	**16,264,397**	**JUMLAH BAYARAN KOMISEN**		**660,000**	**990,000**
TAHUN KEDUA					
Oktober 2007	1,890,549	1,890,549	790,549	-	-
November 2007	1,293,246	3,183,795	193,246	-	-
Disember 2007	1,413,869	4,597,664	313,869	-	-
Januari 2008	1,380,381	5,978,045	280,381	-	-
Februari 2008	1,208,279	7,186,324	108,279	-	1,000,000* (15.02.2008)
Mac 2008	1,190,628	8,376,952	90,628	-	-
April 2008	1,527,082	9,904,034	427,082	-	-
Mei 2008	1,451,717	11,355,751	351,717	-	-
Jun 2008	1,639,916	12,995,667	539,916	-	-
Julai 2008	1,599,867	14,595,534	499,867	330,000	-
Ogos 2008	2,003,554	16,599,088	903,554	330,000	-
September 2008	2,616,812	19,215,900	1,516,812	-	-
JUMLAH JUALAN BULANAN	**19,215,900**	**JUMLAH BAYARAN KOMISEN**		**660,000**	**1,000,000**

Nota : ***(*) - Pendahulan Yang Diberi Kepada UMMB***

Pada pandangan Audit, Kementerian hendaklah memastikan bayaran komisen dibuat kepada UMMB mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam kontrak.

29.4.4. Kawalan Tunggakan Hasil Penjualan Masa Siaran Iklan Radio Dan TV

29.4.4.1. Jumlah tunggakan hasil penjualan masa siaran iklan radio dan TV bagi tahun 2009 adalah RM6.79 juta berbanding RM6.59 juta pada tahun 2008 dan RM99.86 juta pada 2007. Pengurangan tunggakan hasil penjualan masa siaran iklan yang ketara pada tahun 2008 adalah kerana Kementerian telah mendapat kelulusan daripada Kementerian Kewangan pada 24 April 2008 untuk menghapus kira tunggakan hasil bagi siaran iklan radio dan TV berjumlah RM90.65 juta. Amaun yang dihapus kira ini adalah terdiri daripada amaun prinsipal dan caj kelewatan bayaran 1% sebulan. Daripada jumlah yang telah dihapus kira itu, 99.9% merupakan caj kelewatan di mana pihak penghutang hanya menjelaskan bayaran prinsipal sahaja dan enggan membayar caj kelewatan yang dikenakan itu. Butiran terperinci adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 29.4
JUMLAH HUTANG YANG TIDAK DAPAT DIPUNGUT DAN DIHAPUS KIRA

NAMA AGENSI PENGIKLANAN	POKOK (RM)	CAJ LEWAT (RM)	JUMLAH TUNGGAKAN (RM)	USIA TUNGGAKAN
Idris Associates Sdn. Bhd.	1,809,356	86,922,990	88,732,346	> 9 Tahun
Strategy Powerhouse	236,670	324,210	560,880	> 5 Tahun
Fine Network Sdn. Bhd.	38,003	6,171	44,173	> 8 Tahun
Media Partners Sdn. Bhd.	66,212	123,500	189,712	> 6 Tahun
Interface Comm. (M) Sdn. Bhd.	204,042	42,552	246,593	> 8 Tahun
World Infonexus Sdn. Bhd.	215,898	0.00	215,898	> 10 Tahun
Business Navigations	655,052	1,583	656,634	> 6 Tahun
JUMLAH	**3,225,233**	**87,421,006**	**90,646,236**	
PERATUS (%)	**0.04%**	**99.96%**	**100.00%**	

29.4.4.2. Semakan Audit terhadap Laporan Akaun Belum Terima (ABT) pada 31 Disember 2009 mendapati hasil jualan masa siaran iklan berjumlah RM352,402 tertunggak antara 1 hingga 3 tahun melibatkan 7 agensi pengiklanan bertauliah. Manakala hasil jualan masa iklan berjumlah RM6.40 juta melibatkan 32 agensi pengiklanan bertauliah pula tertunggak antara 1 hingga 12 bulan. **Sungguhpun agensi-agensi berkenaan mempunyai bayaran tertunggak, namun Kementerian masih menyiarkan tempahan siaran iklan mereka kerana ada antaranya merupakan tempahan agensi Kerajaan yang berhasrat menyalurkan mesej Kerajaan**. Butiran terperinci analisis usia tunggakan hasil siaran iklan pada 31 Disember 2009 adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 29.5
ANALISIS USIA TUNGGAKAN HASIL PENJUALAN MASA SIARAN IKLAN
PADA 31 DISEMBER 2009

USIA TUNGGAKAN HASIL	TUNGGAKAN HASIL (RM)
Hingga satu (1) tahun	6,403,753
Lebih dari satu (1) tahun hingga 3 tahun	352,402
Lebih dari tiga (3) tahun hingga enam (6) tahun	32,809
Lebih dari enam (6) tahun	0.00
JUMLAH	**6,788,964**

Pada pandangan Audit, Kementerian perlu memastikan semua agensi pengiklanan bertauliah menjelaskan bayaran iklan masing-masing dalam tempoh yang ditetapkan. Sekiranya terdapat bayaran yang tertunggak, ia hendaklah dipotong daripada bayaran komisen.

29.4.5. Nilai Tempahan Masa Siaran Iklan Melebihi Nilai Jaminan Bank

29.4.5.1. Mengikut Peraturan Komunikasiradio (Pengiklanan) 1985 (Pindaan 1998), agensi pengiklanan bertauliah hendaklah mendepositkan wang tunai atau gerenti bank ke Cawangan Perdagangan meliputi nilai jumlah tempahan bulanan. Sekiranya nilai tempahan masa siaran iklan melebihi nilai deposit wang tunai atau gerenti bank, agensi pengiklanan bertauliah hendaklah membayar lebihan itu atau menambah gerenti bank dalam masa 7 hari dari tarikh diberitahu oleh Cawangan Perdagangan. **Semakan Audit mendapati peraturan ini tidak dipatuhi sepenuhnya malah terdapat agensi yang masih terus dibenarkan membuat tempahan iklan.**

29.4.5.2. UMMB adalah dipertanggungjawabkan untuk memantau nilai tempahan yang dibuat oleh agensi pengiklanan bertauliah tidak melebihi nilai jaminan bank yang diserahkan oleh mereka. Pihak Audit juga difahamkan bahawa Cawangan Perdagangan Kementerian ada mengambil tindakan menahan tempahan agensi pengiklanan bertauliah yang nilai tempahan masa siaran iklannya melebihi nilai jaminan bank. Bagaimanapun, proses penahanan ini hanya dilakukan sekiranya dimaklumkan oleh UMMB. Akan tetapi, dalam kes-kes tertentu, Kementerian memberi kelonggaran kepada agensi pengiklanan bertauliah untuk membuat tempahan masa siaran iklan tanpa menjelaskan tunggakan masing-masing bagi mengelakkan kehilangan perniagaan daripada agensi pengiklanan tersebut. Ini memandangkan RTM menghadapi persaingan yang kuat daripada syarikat-syarikat penyiaran swasta dalam pemasaran masa siaran iklan radio dan TV. Contoh nilai tempahan yang melebihi jaminan bank adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 29.6
NILAI TEMPAHAN SIARAN IKLAN TV DAN RADIO MELEBIHI JAMINAN BANK

KOD AGENSI	JAMINAN BANK (RM)	AMAUN MELEBIHI JAMINAN BANK (RM)	% MELEBIHI HAD JAMINAN	AMAUN TEMPAHAN YANG MASIH DITERIMA (RM)
TV				
2008				
A0171	50,000	167,522	335.04	17,850
A0194	300,000	598,137	199.38	911,782
A0191	100,000	17,060	17.06	137,017
A0155	50,000	24,250	48.50	108,000
A0135	100,000	27,475	27.48	110,880
A0165	50,000	5,450	10.90	304,830
2009				
A0165	50,000	1,117,230	2,234.46	111,780
A0185	50,000	27,770	55.54	76,500
RADIO				
2008				
A0145	70,000	207,130	295.90	57,889
A0171	50,000	70,946	141.89	7,872
A0188	20,000	93,193	465.97	26,502
A0194	200,000	197,684	98.84	437,738
2009				
A0165	50,000	442,466	884.93	157,532
A0185	50,000	74,147	148.29	4,833
A0145	70,000	54,678	78.11	50,862
A0188	20,000	34,022	170.11	21,407

Pada pandangan Audit, Kementerian hendaklah mempertingkatkan pemantauan bagi memastikan nilai jaminan bank melebihi nilai tempahan yang dibuat oleh agensi pengiklanan bertauliah. Sekiranya amaun jaminan bank tidak mencukupi, jaminan tambahan hendaklah diperolehi daripada agensi pengiklanan berkenaan.

29.5. SYOR AUDIT

Bagi mempertingkatkan kutipan hasil daripada penjualan masa siaran iklan radio dan televisyen, Kementerian Penerangan, Komunikasi Dan Kebudayaan adalah disyorkan supaya mengambil langkah-langkah yang berikut :-

29.5.1. Pelantikan agensi pemasaran hendaklah dibuat secara tender terbuka supaya Kerajaan mendapat tawaran yang lebih kompetitif di samping berpeluang mendapat perkhidmatan firma-firma pemasaran yang lebih berdaya saing.

29.5.2. Menandatangani kontrak dalam tempoh yang ditetapkan oleh pekeliling yang berkuat kuasa bertujuan untuk melindungi kepentingan Kerajaan dan memastikan semua syarat kontrak dipatuhi dengan sewajarnya.

29.5.3. Memantau aktiviti penjualan masa siaran iklan yang dilaksanakan oleh agensi pemasaran dengan lebih rapi bagi meningkatkan pendapatan daripada hasil iklan.

29.5.4. Menetapkan kuantum pembahagian bayaran komisen yang perlu ditanggung oleh Kerajaan dan UMMB memandangkan syarat kontrak yang sedia ada tidak menetapkan kadar pembahagian tersebut.

29.5.5. Memastikan semua agensi pengiklanan bertauliah menjelaskan bayaran iklan masing-masing dalam tempoh yang ditetapkan. Sekiranya terdapat bayaran yang tertunggak, ia hendaklah dipotong daripada bayaran komisen. Kementerian juga sepatutnya tidak menyiarkan tempahan iklan daripada agensi pengiklanan bertauliah yang mempunyai tunggakan bayaran.

29.5.6. Mempertingkatkan pemantauan bagi memastikan nilai jaminan bank melebihi nilai tempahan masa siaran iklan yang dibuat oleh agensi pengiklanan bertauliah. Sekiranya amaun jaminan bank tidak mencukupi, jaminan tambahan hendaklah diperolehi daripada agensi pengiklanan berkenaan.

KEMENTERIAN PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN

30. PROGRAM PEMBERIAN PERKHIDMATAN SEJAGAT FASA V

30.1. LATAR BELAKANG

30.1.1. Kerajaan telah meluluskan pelaksanaan Program Pemberian Perkhidmatan Sejagat (Universal Services Provision - USP) pada bulan Mei 2001. Program ini mula dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Ke-8. Objektif Program USP ialah untuk menyediakan peralatan dan kelengkapan komunikasi serta peralatan lain yang berkaitan kepada masyarakat di luar bandar dan kawasan pedalaman bagi merapatkan jurang digital dengan golongan dari kawasan bandar. Objektif ini adalah selari dengan Dasar Kebangsaan bagi Industri Komunikasi Dan Multimedia yang berhasrat menjadikan Malaysia sebagai pusat dan tumpuan utama dunia bagi perkhidmatan komunikasi dan multimedia; menggalakkan pewujudan masyarakat yang mengamalkan perkhidmatan teknologi maklumat sebagai asas pembangunan kualiti hidup yang berterusan serta memastikan penyediaan perkhidmatan sama rata yang mampu dibayar melalui infrastruktur kebangsaan yang sedia ada.

30.1.2. Kementerian Tenaga, Air Dan Komunikasi telah diperuntukkan sejumlah RM228.81 juta bagi melaksanakan USP Fasa I hingga IV dan perbelanjaan yang terlibat adalah berjumlah RM230.20 juta (100.6%). Bagi melaksanakan Program USP Fasa V pula, Kementerian Tenaga, Air Dan Komunikasi telah menandatangani kontrak bernilai RM119 juta dengan penyedia perkhidmatan iaitu Maxis Broadband Sdn. Bhd. (Maxis) yang mempunyai modal berbayar berjumlah RM1 juta pada tahun 2006 dan perjanjian tambahan berjumlah RM10 juta pada 3 Disember 2007. Tempoh pelaksanaan yang ditetapkan dalam kontrak ialah 5 tahun iaitu bermula dari tahun 2007 dan akan berakhir pada tahun 2012. Perbelanjaan sebenar bagi melaksanakan projek Fasa V setakat 31 Disember 2009 adalah berjumlah RM111.47 juta.

30.1.3. Skop kerja utama yang perlu dilaksanakan oleh Maxis di bawah Program USP Fasa V ialah menyediakan peralatan dan kelengkapan komunikasi di 300 perpustakaan awam/desa serta membangunkan Laman Web Komuniti di 500 lokasi yang terlibat dengan Program USP Fasa I hingga V. Selain itu, Maxis juga dikehendaki mewujudkan 250 Pusat Perkhidmatan Ilmu Komuniti untuk memberi latihan yang berkaitan dengan komputer kepada 250,000 peserta dari masyarakat setempat dalam tempoh 18 bulan. Sehubungan itu, Maxis telah melantik seorang petugas di setiap Pusat Perkhidmatan Ilmu Komuniti untuk mengendalikan latihan tersebut dengan membayar elaun berjumlah RM680 sebulan.

30.1.4. Selaras dengan penyusunan semula fungsi kementerian/jabatan Persekutuan yang dilaksanakan pada 9 April 2009, Bahagian Komunikasi di Kementerian Tenaga, Air Dan Komunikasi yang bertanggungjawab melaksanakan Program USP ini telah diletakkan di bawah kementerian baru iaitu **Kementerian Penerangan, Komunikasi Dan Kebudayaan** (Kementerian).

30.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada Program Pemberian Perkhidmatan Sejagat Fasa V telah dirancang dan dilaksanakan dengan cekap dan teratur bagi mencapai objektif yang ditetapkan.

30.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini meliputi perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap Program Pemberian Perkhidmatan Sejagat Fasa V yang dilaksanakan oleh Kementerian Penerangan, Komunikasi Dan Kebudayaan. Semakan terhadap fail, rekod dan dokumen berkaitan telah dilakukan di peringkat Kementerian Tenaga, Air Dan Komunikasi; Kementerian Penerangan, Komunikasi Dan Kebudayaan dan Jabatan Kerja Raya (JKR) selaku perunding projek. Lawatan ke 69 perpustakaan awam/desa dan 34 Pusat Perkhidmatan Ilmu Komuniti (PPIK) telah dijalankan melibatkan 5 negeri iaitu Terengganu, Perak, Kedah, Sarawak dan Sabah bagi menilai kelancaran proses pembekalan, penggunaan dan keselamatan peralatan serta keberkesanan program ini. Perbincangan telah diadakan dengan pegawai yang bertanggungjawab di peringkat Kementerian dan JKR serta wakil penyedia perkhidmatan. Selain itu, borang soal selidik juga diedarkan untuk mendapatkan maklum balas daripada petugas dan pengguna berhubung pelaksanaan Program USP Fasa V.

30.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Mei hingga Julai 2009 mendapati secara keseluruhannya **program ini telah dilaksanakan dengan memuaskan di mana peralatan dan kelengkapan komunikasi yang dibekalkan di 50 (72.5%) perpustakaan awam/desa dan 29 (85.3%) PPIK boleh berfungsi mengikut tujuan ia dibekalkan serta digunakan setiap masa oleh golongan sasaran. Namun begitu, terdapat beberapa kelemahan yang berpunca dari kurangnya penguatkuasaan terhadap syarat kontrak dan pemantauan yang kurang berkesan. Antara kelemahan tersebut adalah data daripada Sistem Pemantauan Berpusat yang memantau penggunaan komputer mengikut lokasi di bawah Program USP Fasa I hingga V diragui ketepatannya; penyenggaraan pencegahan terhadap peralatan yang dibekalkan tidak dijalankan mengikut tempoh yang ditetapkan; pembekalan toner tidak dibuat mengikut syarat kontrak; serta petugas perpustakaan desa tidak merekodkan peralatan dan kelengkapan komunikasi yang dibekalkan dalam daftar dan kad harta modal/inventori. Bagaimanapun, Kementerian telah**

mengambil tindakan pembetulan/penambahbaikan terhadap kelemahan yang dibangkitkan sebaik sahaja mendapat teguran dari pihak Audit. Penjelasan lanjut berhubung dengan perkara yang ditemui adalah seperti di perenggan-perenggan berikut :-

30.4.1. Pembekalan Dan Pemasangan Peralatan/Kelengkapan Komunikasi

30.4.1.1. Mengikut kontrak, Maxis bertanggungjawab untuk membekal, menghantar, memasang, menguji dan mentauliah peralatan dan kelengkapan komunikasi termasuk menyediakan perabot untuk menempatkan peralatan dan kelengkapan tersebut di 300 perpustakaan awam/desa serta membangunkan Laman Web Komuniti di 500 lokasi USP. Senarai peralatan dan kelengkapan yang perlu dibekalkan oleh Maxis bagi setiap perpustakaan awam/desa dan lokasi Laman Web Komuniti telah dinyatakan dengan jelas dalam kontrak seperti di **Jadual 30.1**. Lawatan Audit ke 69 perpustakaan awam/desa dan 21 lokasi Laman Web Komuniti mendapati **penghantaran, pemasangan dan pentauliahan peralatan serta kelengkapan komunikasi telah dibuat mengikut senarai yang ditetapkan dalam kontrak.** Pemeriksaan dan pengujian telah dilakukan oleh Jabatan Kerja Raya dengan sewajarnya dan *Certificate Of Practical Completion* telah dikeluarkan kepada perpustakaan awam/desa yang terlibat.

JADUAL 30.1
SENARAI PERALATAN DAN KELENGKAPAN
YANG PERLU DIBEKALKAN MENGIKUT KONTRAK

LOKASI	SENARAI PERALATAN PERLU DIBEKALKAN MENGIKUT KONTRAK
Perpustakaan Awam	Pembekalan dan pemasangan 4 komputer peribadi, satu pencetak, satu pengimbas, satu kipas berdiri serta perabot untuk peralatan dan kelengkapan *Information Communication Technology* (ICT).
Perpustakaan Desa	Pembekalan dan pemasangan 2 unit komputer, satu pencetak, satu pengimbas, satu kipas berdiri serta perabot untuk peralatan dan kelengkapan ICT.
Laman Web Komuniti	Satu unit kamera digital.

30.4.1.2. Maxis telah mewujudkan 250 Pusat Perkhidmatan Ilmu Komuniti (PPIK) selaras dengan syarat kontrak untuk memberikan latihan kepada 250,000 peserta dari komuniti setempat dalam tempoh 18 bulan. Didapati Kementerian telah membayar sejumlah RM21.51 juta kepada Maxis bagi tujuan membekal dan memasang peralatan dan kelengkapan komunikasi di 250 pusat tersebut. Sungguhpun kontrak tidak menyatakan secara terperinci mengenai jenis dan bilangan peralatan yang perlu dibekalkan kepada setiap PPIK, namun lawatan Audit ke 34 PPIK mendapati setiap pusat tersebut telah dibekalkan dengan 3 komputer peribadi, satu komputer riba, satu pencetak pelbagai guna (pencetak, penyalin dan pengimbas), satu kamera digital serta perabot bagi menempatkan komputer. Bagaimanapun, semakan Audit selanjutnya mendapati **kontrak juga tidak menyatakan mengenai penyenggaraan yang perlu dijalankan dan pembekalan toner kepada setiap Pusat Perkhidmatan Ilmu Komuniti.**

30.4.2. Penggunaan Peralatan Dan Kelengkapan Yang Dibekalkan

30.4.2.1. Lawatan Audit mendapati peralatan dan kelengkapan komputer yang dibekalkan kepada 50 dari 69 perpustakaan awam/desa dan 29 dari 34 Pusat Perkhidmatan Ilmu Komuniti boleh berfungsi mengikut tujuan ia dibekalkan serta boleh digunakan oleh golongan sasaran pada setiap masa. Bagaimanapun bagi **19 perpustakaan awam/desa dan 5 Pusat Perkhidmatan Ilmu Komuniti yang lain, didapati peralatan dan kelengkapan komunikasi yang dibekalkan tidak dapat digunakan oleh golongan sasaran kerana ketiadaan bekalan elektrik; tidak dapat mengakses internet; peralatan dicuri atau perpustakaan desa/Pusat Perkhidmatan Ilmu Komuniti ditutup kerana ketiadaan petugas.** Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 30.2
PERALATAN TIDAK DAPAT DIGUNAKAN

NEGERI	LOKASI	SEBAB PERALATAN TIDAK DIGUNAKAN
Terengganu	PD Medan Jaya	Tidak dapat mengakses internet
Perak	PD Kg. Tersusun Bukit Jana	Peralatan dicuri
	PD Kg. Expo Sg. Ranting	
Kedah	PD Kg. Kuala Lanjut	Tidak dapat mengakses internet
	PA Kuala Kedah	
	PD Kg. Lampam	
	PD Kg. Belat	
	PD Kg. Yooi	
	PD Masjid Al-Istiqamah	
	PPIK Felda Sg. Tiang	
	PPIK Kepala Bukit	
	PPIK KEDA Lahar Tunjung	
	PPIK KEDA Bendang Perang	PPIK tutup kerana ketiadaan petugas
Sarawak	PD Pelaman Dunuk	Ketiadaan bekalan elektrik
	PD Kg. Semadang	
	PD Kg. Giam Lama	
	PD Kg. Segedup	PD tutup kerana ketiadaan petugas
	PD Bdr. Baru Semariang	Peralatan dicuri
	PD Pekan Beratok	
	PD Pekan Tapah	
Sabah	PD Kg. Pomotodon	PD tutup kerana ketiadaan petugas
	PD Kg. Taginambur	Tidak dapat mengakses internet
	PD Kg. Benoni	
	PPIK Merotai Besar	

Nota : ***PA - Perpustakaan Awam*** ***PD - Perpustakaan Desa***
PPIK - Pusat Perkhidmatan Ilmu Komuniti

30.4.2.2. Adalah diperhatikan Daftar Penggunaan Komputer telah disediakan oleh petugas perpustakaan di 56 perpustakaan awam/desa yang dilawati manakala 13 yang lain langsung tidak menyediakannya. Bagi 56 perpustakaan awam/desa yang telah menyelenggarakan daftar, pihak Audit mendapati purata

penggunaan komputer yang direkodkan adalah antara 3 hingga 25 orang sehari yang sebahagiannya merupakan pelajar sekolah. **Gambar 30.1 dan 30.2** menunjukkan masyarakat setempat menggunakan peralatan dan kelengkapan komunikasi yang dibekalkan.

GAMBAR 30.1



PD Langgar, Terengganu
- Komuniti Menggunakan Peralatan Dan Kelengkapan Komunikasi Yang Dibekalkan
(22.06.2009)

GAMBAR 30.2



PD Ng. Tada, Sarawak
- Komuniti Menggunakan Peralatan Dan Kelengkapan Komunikasi Yang Dibekalkan
(20.05.2009)

30.4.2.3. Kementerian menggunakan Sistem Pemantauan Berpusat (Central Monitoring System – CMS) untuk memantau penggunaan komputer mengikut lokasi di bawah Program USP Fasa I hingga V. Sistem ini mampu menganalisis dan mengeluarkan statistik serta laporan penggunaan komputer seperti umur, jantina dan bangsa serta dikemas kini secara automatik setiap 15 minit di setiap perpustakaan awam/desa. Mengikut kontrak, Maxis perlu mengguna pakai CMS yang telah sedia ada di Kementerian untuk tujuan pemantauan. Oleh itu, perisian CMS perlu dipasang kepada setiap komputer peribadi yang dibekalkan di 300 perpustakaan awam/desa di bawah Program USP Fasa V dan dihubungkan kepada CMS peringkat Kementerian. Semasa lawatan Audit dijalankan, didapati **16 komputer di 11 perpustakaan desa masih tidak dipasang dengan perisian CMS tersebut (Jadual 30.3)**. Ini menyebabkan CMS di peringkat Kementerian tidak dapat memantau penggunaan komputer di 11 perpustakaan desa berkenaan. Bagaimanapun selepas menerima teguran dari pihak Audit, Kementerian telah mengeluarkan arahan kepada Maxis pada bulan November 2009 supaya melaksanakan instalasi semula perisian CMS di lokasi terlibat. Kementerian dalam maklum balasnya pada 2 Jun 2010 telah mengesahkan instalasi semula yang dilaksanakan oleh pihak Maxis di lokasi terlibat.

JADUAL 30.3
KOMPUTER YANG TIDAK DIPASANG DENGAN PERISIAN *CENTRAL MONITORING SYSTEM* (CMS)

NEGERI	PERPUSTAKAAN DESA	BILANGAN KOMPUTER YANG DIBEKALKAN	BILANGAN KOMPUTER YANG TIADA PERISIAN CMS
Terengganu	Medan Jaya	2	1
Perak	Kg. Batu 15	2	2
Sabah	Kauluan	2	2

NEGERI	PERPUSTAKAAN DESA	BILANGAN KOMPUTER YANG DIBEKALKAN	BILANGAN KOMPUTER YANG TIADA PERISIAN CMS
	Kg. Unggun	2	2
	Kg. Tembilok Buansa	2	1
	Kg. Taginambur	2	2
	Kg. Pasir Putih	2	2
Sabah	Tembovo	2	1
	Kogopon	2	1
	Kg. Benoni	2	1
	Kg. Brunei	2	1
JUMLAH		**22**	**16**

30.4.2.4. Pemeriksaan Audit selanjutnya mendapati sungguhpun 52 komputer di 27 perpustakaan awam/desa yang dilawati mempunyai perisian CMS dan sedang digunakan, namun data statistik dan laporan pemantauan CMS Kementerian menunjukkan komputer tersebut tidak digunakan selama antara 14 hingga 679 hari termasuk tarikh lawatan Audit ke lokasi-lokasi berkenaan. Selain itu, CMS juga tidak menunjukkan kewujudan 7 komputer yang telah ditempatkan di 7 perpustakaan. Oleh itu, adalah **diragui kebolehpercayaan (reliability) sistem dan ketepatan data CMS yang ada di peringkat Kementerian.** Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 30.4
DATA *CENTRAL MONITORING SYSTEM* SETAKAT 15 JULAI 2009

NEGERI	LOKASI	BIL. PC	DATA CMS DI KEMENTERIAN		PENGGUNAAN KOMPUTER SEMASA LAWATAN AUDIT
			TARIKH TERAKHIR DIGUNAKAN	TEMPOH TIDAK DIGUNAKAN (Hari)	
Terengganu	PD Kg. Getang	1			✓
	PD Kg. Kua	1	05.09.2007	679	✓
		2	16.09.2007	668	✓
	PD Kg. Padang Tanjung	1	05.05.2008	436	✓
		2	05.05.2008	436	✓
	PD Atas Tol	1	05.05.2008	436	✓
		2	05.05.2008	436	✓
	PD Kg. Binjai Rendah	1	05.05.2008	436	✓
		2	05.05.2008	436	✓
	PD Kg. Langgar	1	21.05.2008	420	✓
		2	23.06.2008	387	✓
	PD Kg. Padang Nanas	1	28.10.2007	629	✓
		2			✓
	PD Kg. Bukit Diman	1	01.07.2009	14	✓
		2	14.01.2009	182	✓
	PD Kg. Nasi Dingin	1	15.04.2008	456	✓
		2	17.12.2008	210	✓
	PD Masjid Al-Taqwa Durian Burung	1	30.03.2009	107	✓
		2			✓

NEGERI	LOKASI	BIL. PC	DATA CMS DI KEMENTERIAN		PENGGUNAAN KOMPUTER SEMASA LAWATAN AUDIT
			TARIKH TERAKHIR DIGUNAKAN	TEMPOH TIDAK DIGUNAKAN (Hari)	
Perak	PD Padang Tembak	1	01.12.2007	592	✓
		2	15.02.2008	516	✓
	PD Kg. Batu 3	1	09.09.2008	309	✓
		2	09.09.2008	309	✓
Perak	PD Kg. Expo Sg. Ranting	1	05.05.2008	436	✓
		2	05.05.2008	436	✓
Kedah	PD Kg. Yooi	1	01.03.2009	136	✓
		2	01.03.2009	136	✓
	PDSI Kg. Belat	1	05.05.2008	436	✓
		2	05.05.2008	436	✓
	PA Kuala Kedah	1	20.05.2009	56	✓
		2	20.05.2009	56	✓
		3	20.05.2009	56	✓
		4	19.04.2009	87	✓
	PD Kg. Bukit	1	09.11.2008	248	✓
	PDSI KEDA Tanjong Setol	1	05.05.2008	436	✓
		2	05.05.2008	436	✓
	PDSI Kg. Telok Malek	1	15.01.2009	181	✓
		2			✓
	PD Kg. Lampam	1	19.05.2009	57	✓
	PDSI Kg. Kuala Lanjut	1	12.04.2009	94	✓
		2	12.04.2009	94	✓
	PDSI Felda Bukit Tembaga	1	17.12.2008	210	✓
		2	14.01.2009	182	✓
	PD Masjid Al - Istiqamah	1	04.03.2009	133	✓
		2	04.03.2009	133	✓
Sarawak	PD Kg. Sapena	1			✓
		2	20.11.2008	237	✓
	PD Sg. Tulai	1	21.12.2007	572	✓
		2	01.04.2008	470	✓
	PD Kg. Pueh	2			✓
Sabah	PD Kg. Ulu Putatan	1			✓
		2	26.11.2008	231	✓

Nota : ***✓ - Ada Digunakan*** ***PD - Perpustakaan Desa*** ***PDSI - Perpustakaan Desa Sumber Ilmu***
PC - Komputer Peribadi ***PA - Perpustakaan Awam***

CMS Kementerian Tidak Menunjukkan Kewujudan Komputer Di Perpustakaan Awam/Desa

Pada pandangan Audit, Kementerian perlu mengatasi kelemahan *Central Monitoring System* supaya dapat menghasilkan data yang tepat bagi mewujudkan pemantauan yang berkesan terhadap Program USP Fasa V.

30.4.2.5. Bagi Pusat Perkhidmatan Ilmu Komuniti (PPIK), didapati JKR selaku perunding projek telah mengesahkan seramai 250,247 peserta menghadiri latihan yang dianjurkan di kesemua 250 PPIK dan pencapaian tersebut telah melebihi sasaran yang ditetapkan. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 30.5
BILANGAN PESERTA YANG MENGIKUTI LATIHAN

NEGERI	BILANGAN PPIK	BILANGAN PESERTA
Perlis	6	1,985
Kedah	19	35,094
Pulau Pinang	16	15,348
Perak	26	24,644
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur Dan Labuan	2	5,628
Selangor	20	9,744
Negeri Sembilan	12	9,841
Melaka	15	7,239
Johor	24	19,835
Pahang	21	4,948
Terengganu	20	31,524
Kelantan	8	40,652
Sarawak	35	21,905
Sabah	26	21,860
JUMLAH	**250**	**250,247**

Nota : ***PPIK - Pusat Perkhidmatan Ilmu Komuniti***

30.4.2.6. *Response time* adalah tempoh masa peralatan komunikasi boleh mengakses internet dan Kementerian menggunakan teknologi *Very Small Aperture Terminal* (VSAT) dan *Asymmetrical Digital Subscriber Line* (ADSL) bagi membolehkan perpustakaan awam/desa dan Pusat Perkhidmatan Ilmu Komuniti (PPIK) mengakses internet. Data berhubung dengan *response time* diselenggarakan oleh Telekom Malaysia Berhad melalui sistem *Network Operating Centre* (NOC). Semakan Audit terhadap sistem NOC pada 26 Ogos 2009 mendapati **semua lokasi yang menggunakan sistem ADSL hanya dapat mencapai antara 17.6% hingga 86.5% capaian internet. Manakala bagi 10 lokasi yang menggunakan sistem VSAT, 80% daripadanya mencapai 100% capaian internet.** Butirannya adalah seperti di **Jadual 30.6.** Mengikut maklum balas Kementerian, Bahagian Komunikasi yang bertanggungjawab terhadap program ini akan mengenal pasti lokasi USP yang memerlukan peningkatan *bandwidth* supaya tahap kebolehcapaian internet dapat ditingkatkan.

JADUAL 30.6
TAHAP KEBOLEHAN CAPAIAN INTERNET PADA 26 OGOS 2009

NEGERI	TAHAP KEBOLEHAN CAPAIAN INTERNET	
	Very Small Aperture Terminal (VSAT) (%)	*Asymmetrical Digital Subscriber Line* (ADSL) (%)
Perlis	100	55
Kedah	100	17.6

NEGERI	TAHAP KEBOLEHAN CAPAIAN INTERNET	
	Very Small Aperture Terminal (VSAT) (%)	*Asymmetrical Digital Subscriber Line* (ADSL) (%)
Pulau Pinang*	-	86.5
Perak	100	67.5
Selangor	100	54.6
Negeri Sembilan	100	58.3
Melaka*	-	46.6
Johor*	-	23.2
Pahang	75	52.1
Terengganu	100	68.2
Kelantan	100	40.3
Sarawak	73.9	19.1
Sabah	100	471

Nota : ***(*) - Lokasi Yang Melaksanakan USP Di Pulau Pinang, Johor Dan Melaka Hanya Menggunakan ADSL***

30.4.3. Penyimpanan Peralatan

30.4.3.1. Semua peralatan dan kelengkapan komunikasi serta peralatan lain yang dibekalkan kepada perpustakaan awam/desa serta Pusat Perkhidmatan Ilmu Komuniti perlu disimpan dengan teratur dan selamat supaya dapat digunakan sepanjang masa oleh golongan sasaran. Lawatan Audit mendapati **beberapa peralatan seperti pencetak, kipas berdiri dan kamera digital yang dibekalkan ke 7 perpustakaan awam/desa dan 12 Pusat Perkhidmatan Ilmu Komuniti di Terengganu, Perak, Kedah dan Sabah tidak disimpan/ ditempatkan di perpustakaan awam/desa dan Pusat Perkhidmatan Ilmu Komuniti tersebut.** Hasil temu bual dengan petugas terlibat mendapati ada petugas yang membawa pulang peralatan tersebut ke rumah masing-masing atas faktor keselamatan. Selain itu, ada juga petugas yang telah bertukar ke perpustakaan lain dengan membawa peralatan tersebut tanpa memaklumkannya kepada petugas yang baru. Butiran terperinci mengenai peralatan yang tidak disimpan di perpustakaan awam/desa dan Pusat Perkhidmatan Ilmu Komuniti adalah seperti di **Jadual 30.7**. Memandangkan Kementerian tidak bertanggungjawab secara langsung terhadap pentadbiran perpustakaan awam/desa, maka Kementerian telah meminta Perpustakaan Negara/Negeri mengeluarkan arahan kepada semua petugas supaya memastikan peralatan dan kelengkapan yang dibekalkan di bawah Program USP Fasa V disimpan dengan teratur untuk kegunaan golongan sasaran.

JADUAL 30.7
PERALATAN DAN KELENGKAPAN TIDAK DISIMPAN DI PERPUSTAKAAN AWAM/DESA DAN PUSAT PERKHIDMATAN ILMU KOMUNITI (PPIK)

NEGERI	LOKASI	JENIS PERALATAN
Terengganu	PPIK Jerong Seberang	Kamera digital
	PPIK Sg. Serai	Kamera digital
	PPIK FELDA Bukit Bading	Komputer riba
	PPIK Kuala Telemong	Kamera digital
	PPIK Kg. Merchang	Kamera digital

NEGERI	LOKASI	JENIS PERALATAN
Perak	PD Padang Tembak	Kipas berdiri
	PD Masjid Nurul Hidayah	Kipas berdiri
	PD Kg. Expo Sg. Ranting	Pencetak
	PPIK Kg. Aulong	Komputer riba dan kamera digital
Kedah	PD Kg. Teluk Malek	Kamera digital
	PA Kuala Kedah	Kamera digital
	PD Bukit Tembaga	Kamera digital
	PD Tanjung Setol	Kamera digital
	PPIK Kepala Bukit	Kamera digital
	PPIK Kg. Padang Lalang	Komputer riba
Sabah	PPIK Kg. Kokol	Kamera digital
	PPIK Kg. Merotai Besar	Kamera digital
	PPIK Kauluan	Kamera digital
	PPIK Kg. Kiau Taburi	Kamera digital

30.4.3.2. Lawatan Audit selanjutnya mendapati **2 perpustakaan desa dan 3 Pusat Perkhidmatan Ilmu Komuniti di Kedah, Sarawak dan Sabah ditutup kerana ketiadaan petugas.** Mengikut pegawai Maxis/Perpustakaan Negeri, ada petugas telah meletakkan jawatan atau meninggal dunia tetapi belum diganti dengan petugas baru seperti di **Jadual 30.8**. Pemeriksaan Audit di Perpustakaan Desa Kg. Segedup, Sarawak; Kg. Pomotodon, Sabah dan 3 Pusat Perkhidmatan Ilmu Komuniti (PPIK) di Kedah mendapati **peralatan dan kelengkapan yang dibekalkan terbiar dan berselerakan** seperti di **Gambar 30.3 hingga 30.5**.

JADUAL 30.8
PERPUSTAKAAN DESA DAN PUSAT PERKHIDMATAN ILMU KOMUNITI DITUTUP KERANA KETIADAAN PETUGAS

NEGERI	LOKASI	TARIKH MULA DITUTUP	CATATAN
Kedah	PPIK KEDA Bendang Perang	TM	Tiada petugas
	PPIK Kg. Tradisi Paya Pahlawan	TM	Tiada petugas
	PPIK Banggol Besi	Februari 2009	Tiada petugas
Sarawak	PD Kg. Segedup	Mei 2009	Petugas meninggal dunia
Sabah	PD Kg. Pomotodon	Jun 2008	Petugas letak jawatan

Nota : TM - Tiada Maklumat

GAMBAR 30.3



GAMBAR 30.4



PPIK KEDA Bendang Perang, Kedah
- Peralatan Komputer Yang Dibekalkan Terbiar Dan Berselerakan
(26.07.2009)



GAMBAR 30.5

PD Kg. Pomotodon, Sabah
- Ditutup Kerana Ketiadaan Petugas
(01.07.2009)

Pada pandangan Audit, masyarakat setempat tidak mendapat manfaat sepenuhnya dari program ini sekiranya peralatan yang dibekalkan disimpan oleh petugas atau tidak dapat digunakan kerana perpustakaan awam/desa dan Pusat Perkhidmatan Ilmu Komuniti ditutup.

30.4.4. Penyenggaraan Peralatan

Mengikut Surat Pekeliling Am Bilangan 2 Tahun 1995, pengurusan penyenggaraan aset perlu dijalankan dengan cekap dan berkesan untuk memelihara aset Kerajaan serta menjimatkan perbelanjaan dan kos penggantian. Penyenggaraan yang terancang melibatkan 2 peringkat iaitu penyenggaraan pencegahan dan pembaikan. Penyenggaraan pencegahan (preventive maintenance) ialah kerja-kerja memeriksa, servis, membaiki atau mengganti komponen secara berkala supaya peralatan dapat beroperasi dengan cekap secara berterusan manakala penyenggaraan pembaikan (corrective maintenance) ialah tindakan untuk membaiki atau mengganti komponen supaya peralatan dapat berfungsi mengikut standard yang ditetapkan. Mengikut kontrak, sejumlah RM8.30 juta dari nilai kontrak adalah untuk kerja penyenggaraan pencegahan dan pembaikan serta pembekalan sebanyak 3 toner setiap tahun selama 5 tahun di 300 perpustakaan awam/desa. Penyenggaraan perlu bermula dari tarikh *Certificate Of Practical Completion* (CPC) dikeluarkan oleh JKR. Didapati JKR telah mengeluarkan CPC pada 1 Disember 2007 bagi 231 perpustakaan awam/desa dan pada 16 Ogos 2008 kepada 69 perpustakaan awam/desa. Sehubungan itu, penyenggaraan bagi 231 perpustakaan awam/desa perlu bermula pada 2 Disember 2007 dan tamat pada 30 November 2012. Manakala bagi 69 perpustakaan awam/desa yang lain, penyenggaraan bermula pada 17 Ogos 2008 dan tamat pada 15 Ogos 2013. Semakan Audit mendapati perkara berikut :-

30.4.4.1. Penyenggaraan Pencegahan

Penyenggaraan pencegahan perlu dilakukan setiap 3 bulan dari tarikh CPC dikeluarkan atau sekurang-kurangnya sebanyak 20 kali untuk tempoh 5 tahun. Lawatan Audit ke 69 perpustakaan awam/desa mendapati perkara seperti berikut :-

a. Jadual lawatan penyenggaraan yang perlu dibuat oleh Maxis sepatutnya boleh dimuat naik oleh petugas perpustakaan menerusi laman web JKR, namun temu bual Audit mendapati **semua petugas tidak mengetahui mengenai jadual tersebut.**

b. Pihak Audit mendapati bagi **44 perpustakaan awam/desa yang CPCnya dikeluarkan pada 1 Disember 2007, penyenggaraan pencegahan tidak dijalankan mengikut tempoh yang ditetapkan.** Setakat 31 Mei 2009, penyenggaraan sepatutnya dijalankan adalah sebanyak 6 kali, namun penyenggaraan sebenar hanya antara 3 hingga 5 kali. **Didapati bayaran bagi perkhidmatan penyenggaraan termasuk pembekalan toner berjumlah RM3.32 juta telah dibuat sepenuhnya bagi tempoh 2 tahun pertama, namun pihak Audit tidak dapat menentukan bayaran sebenar bagi penyenggaraan pencegahan memandangkan bayaran dibuat secara *lump-sum*.** Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 30.9
PENYENGGARAAN PENCEGAHAN TIDAK DIJALANKAN MENGIKUT TEMPOH YANG DITETAPKAN

NEGERI	LOKASI	BILANGAN PENYENGGARAAN PENCEGAHAN YANG DIJALANKAN SETAKAT 31 MEI 2009	
		SEPATUT (Kali)	SEBENAR (Kali)
Terengganu	PD Kg. Tok Amat	6	4
	PD Kg. Padang Tanjung	6	4
	PD Kg. Binjai Rendah	6	4
	PD Medan Jaya	6	4
	PD Kg. Merchang	6	4
	PD Kg. Bukit Diman	6	4
	PD Kg. Kua	6	4
	PD Wakaf Tembusu	6	4
	PD Masjid Al-Taqwa Durian Burung	6	4
	PD Kg. Padang Nanas	6	4
	PD Kg. Pulau Bahagia	6	4
	PD Atas Tol	6	4
Perak	PD Kg. Expo Sg. Ranting	6	4
	PD Kg. Sg. Ara	6	4
	PD Kg. Tersusun Bukit Jana	6	4
	PD Masjid Nurul Hidayah Seri Manjung	6	4
	PD Padang Tembak	6	4
	PD Kg. Batu 3	6	4
	PD Teluk Raja Bayang	6	4
Kedah	PDSI Kg. Telok Malek	6	4
	PDSI Kg. Kuala Lanjut	6	4
	PDSI Kuala Kedah	6	4
	PD Kg. Bukit	6	4
	PD Kg. Lampam	6	4
	PD Pekan Naka	6	4
	PD Al-Khairiah Barokhas	6	4
	PD Bukit Tembaga	6	4
	PDSI Felda Tanjung Setol	6	4
	PD Bukit Jenun	6	4

NEGERI	LOKASI	BILANGAN PENYENGGARAAN PENCEGAHAN YANG DIJALANKAN SETAKAT 31 MEI 2009	
		SEPATUT (Kali)	SEBENAR (Kali)
Kedah	PD Kg. Belat	6	4
	PD Kg. Yooi	6	5
	PD Masjid Al-Istiqamah	6	5
	PD Kg. Padang Lalang	6	5
Sarawak	PD Kg. Sapena	6	4
	PDSI Kg. Pueh	6	3
	PA Sematan	6	4
	PD Kg. Semaba	6	4
	PD Pekan Beratok	6	4
	PD Pekan Tapah	6	4
	PD Kg. Giam Lama	6	3
	Pusat Komuniti Kg. Buntal	6	4
	PD RPR Taman Muhibah Indah	6	4
	PD Ng. Tada	6	4
	PD Kg. Stabut	6	4

Nota : ***PDSI - Perpustakaan Desa Sumber Ilmu***

30.4.4.2. Penyenggaraan Pembaikan

Bagi sebarang kerosakan yang memerlukan pembaikan, petugas perpustakaan awam/desa dikehendaki menghubungi pegawai penyenggara Maxis yang ditempatkan di setiap bandar utama. Maxis perlu membaik pulih peralatan dan kelengkapan komputer dalam tempoh 3 hari dari tarikh laporan kerosakan dibuat. Bagaimanapun, **pihak Audit tidak dapat mengesahkan tempoh yang diambil oleh pegawai penyenggara Maxis untuk membaiki kerosakan kerana petugas tidak menyediakan daftar kerosakan peralatan dan tarikh laporan dibuat**. Setelah menerima teguran dari pihak Audit, Kementerian melalui Perpustakaan Negara/Negeri telah mengarahkan perpustakaan awam/ desa supaya menyediakan laporan lengkap mengenai kerosakan peralatan berserta tarikh pembaikan oleh wakil Maxis bagi memudahkan pemantauan.

30.4.4.3. Pembekalan Toner Tidak Mengikut Kontrak

Mengikut kontrak, Maxis dikehendaki membekalkan 3 unit toner pencetak setiap tahun kepada 300 perpustakaan awam/desa yang terlibat dengan Program USP Fasa V selama 5 tahun. Pembekalan toner ini bermula dari tarikh CPC dikeluarkan oleh JKR. Bagi perpustakaan awam/desa yang dikeluarkan CPC pada bulan Disember 2007, jumlah toner yang sepatutnya diterima ialah 4 unit. Manakala bagi perpustakaan awam/desa yang dikeluarkan CPC pada bulan Ogos 2008, jumlah toner yang sepatutnya diterima ialah 2. Lawatan Audit di 69 perpustakaan awam/desa mendapati setakat bulan Mei 2009, sebanyak 13 perpustakaan desa hanya menerima antara 1 hingga 3 unit toner berbanding 4

unit toner yang sepatutnya. Butirannya adalah seperti di **Jadual 30.10**. Bagaimanapun, didapati **bayaran pembekalan toner bagi tempoh 2 tahun pertama telah dibuat kepada Maxis mengikut kontrak.** Setelah menerima teguran dari pihak Audit, Kementerian telah mengarahkan Maxis supaya membuat penghantaran toner mengikut jumlah yang sepatutnya kepada perpustakaan awam/desa yang berkenaan. Didapati Maxis telah selesai menghantar baki toner yang sepatutnya pada bulan Ogos 2009.

JADUAL 30.10
PEMBEKALAN TONER TIDAK MENGIKUT KONTRAK

NEGERI	PERPUSTAKAAN DESA	BILANGAN TONER SETAKAT 31 MEI 2009	
		SEPATUT (Unit)	SEBENAR (Unit)
Terengganu	Medan Jaya	4	3
	Wakaf Tembusu	4	3
	Masjid Al-Taqwa Durian Burung	4	3
	Kg. Nanas	4	3
	Kg. Atas Tol	4	3
Perak	Kg. Expo Sg. Ranting	4	3
	Kg. Sg. Ara	4	1
	Teluk Raja Bayang	4	3
Sarawak	Kg. Sapena	4	1
	Kg. Semaba	4	3
	Kg. Giam Lama	4	3
	Pusat Komuniti Kg. Buntal	4	3
	RPR Taman Muhibah Indah	4	3

Pada pandangan Audit, Kementerian patut memastikan penyenggaraan peralatan dan pembekalan toner dibuat mengikut syarat kontrak bagi membolehkan semua kemudahan dapat digunakan oleh masyarakat setempat pada bila-bila masa.

30.4.5. Keselamatan Peralatan Dan Kelengkapan Komunikasi

Ciri keselamatan asas di lokasi bangunan perpustakaan awam/desa dan Pusat Perkhidmatan Ilmu Komuniti (PPIK) yang menempatkan peralatan dan kelengkapan komunikasi perlu berada di tahap yang memuaskan bagi mengelakkan pencerobohan, kehilangan atau risiko kepada keselamatan petugas dan pengguna. Antaranya ialah dengan memasang jeriji besi pada pintu dan tingkap, menempatkan alat pemadam api yang masih aktif dan memastikan kawasan sekitar dipagar. Berdasarkan lawatan Audit, didapati **tahap keselamatan di perpustakaan awam/desa dan Pusat Perkhidmatan Ilmu Komuniti masih kurang memuaskan** seperti butiran berikut :-

30.4.5.1. Di Pusat Perkhidmatan Ilmu Komuniti Kg. Padang Lalang, Kedah yang terletak di Perpustakaan Desa Kg. Padang Lalang, **siling bangunan yang menempatkan peralatan dan kelengkapan komunikasi telah bocor. Siling**

yang bocor tersebut berkedudukan di atas peralatan komputer dan pencetak yang ditempatkan, namun petugas tidak dapat mengubah kedudukan peralatan kerana ruangan yang terhad. Gambar berikut menunjukkan keadaan siling yang bocor.

GAMBAR 30.6



GAMBAR 30.7



PD Kg. Padang Lalang, Kedah
- Siling Bangunan Bocor
(30.07.2009)

30.4.5.2. Di 10 perpustakaan desa di Sarawak, **jeriji besi di pintu dan tingkap bangunan tidak dipasang sebagai ciri keselamatan asas** bagi mengelakkan kecurian. Perpustakaan desa yang terlibat adalah seperti di jadual dan gambar berikut :-

JADUAL 30.11
PERPUSTAKAAN DESA YANG TIDAK DIPASANG JERIJI BESI

NEGERI	PERPUSTAKAAN DESA	JERIJI BESI	
		PINTU	TINGKAP
Sarawak	Ng. Tada	X	✓
	Pekan Tapah **(Gambar 30.8)**	X	✓
	Kg. Giam Lama **(Gambar 30.9)**	X	X
	Kg. Semadang	X	X
	Kg. Pakan	X	X
	Kg. Muara Lebaan	X	X
	Kg. Sapena	X	✓
	Kg. Stabut **(Gambar 30.10)**	X	X
	Pekan Beratok	X	X
	Kg. Semaba	X	✓

Nota : ***✓ - Ada*** ***X - Tiada***

GAMBAR 30.8



PD Pekan Tapah, Sarawak
- Pintu Hadapan Tidak Dipasang Jeriji Besi
(21.05.2009)

GAMBAR 30.9



PD Kg. Giam Lama, Sarawak
- Tingkap Tidak Dipasang Jeriji Besi
(21.05. 2009)



GAMBAR 30.10

PD Kg. Stabut, Sarawak
- Pintu Hadapan Tidak Dipasang Jeriji Besi
(21.05.2009)

30.4.5.3. Kes kecurian peralatan dan kelengkapan komunikasi telah dilaporkan berlaku di 8 perpustakaan desa termasuk 2 perpustakaan desa di Sarawak yang tidak dipasang jeriji besi iaitu Perpustakaan Desa Pekan Beratok dan Perpustakaan Desa Pekan Tapah. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 30.12
KES KECURIAN PERALATAN DAN KELENGKAPAN KOMUNIKASI

NEGERI	PERPUSTAKAAN DESA	PERALATAN YANG DICURI
Terengganu	Jerong Seberang	1 set komputer dan *uninterrupted power supply*
	Nasi Dingin	Wayar peralatan *Very Small Aperture Terminal* (VSAT)
Perak	Kg. Tersusun Bukit Jana	2 unit *processor* komputer
	Kg. Expo Sg. Ranting	2 set komputer, *uninterrupted power supply* dan pengimbas
Sarawak	RPR Bdr Baru Samariang	2 set komputer dan *uninterrupted power supply*
	Pekan Beratok	2 set komputer dan *uninterrupted power supply*
	Pekan Tapah	2 set komputer, *uninterrupted power supply*, pengimbas, pencetak, daftar pengguna dan *In Door Unit*
Sabah	Kg. Pomotodon	Pengimbas

30.4.5.4. Kawasan yang menempatkan VSAT perlu dipagar dan dikunci bagi memastikan alat tersebut tidak diceroboh, dirosakkan atau dicuri. Didapati **pintu pagar kawasan menempatkan VSAT di Perpustakaan Desa Kg. Atas Tol dan Perpustakaan Desa Nasi Dingin, Terengganu; Perpustakaan Desa Kg. Semaba, Sarawak serta Perpustakaan Desa Kg. Kauluan, Sabah tidak berkunci sama ada tidak mempunyai anak kunci atau pintu pagar telah rosak** seperti di **Gambar 30.11 dan 30.12**. Berdasarkan maklum balas yang diterima dari Kementerian, Perpustakaan Negara telah dimaklumkan mengenai keperluan menyediakan ciri keselamatan asas di perpustakaan awam/desa terlibat bagi mengelakkan risiko kecurian/kerosakan terhadap peralatan dan kelengkapan yang dibekalkan.

GAMBAR 30.11



PD Kg. Atas Tol, Terengganu
- Pintu Pagar Menempatkan VSAT Tidak Berkunci
(22.06.2009)

GAMBAR 30.12



PD Kg. Kauluan, Sabah
- Pintu Pagar Menempatkan VSAT Tidak Berkunci
(01.07. 2009)

30.4.6. Penyelenggaraan Rekod Aset

30.4.6.1. Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 5 Tahun 2007, sebarang aset Kerajaan perlu diselenggarakan dan direkod dengan teratur serta mengikut peraturan yang ditetapkan bagi memudahkan pemeriksaan harta modal/inventori dijalankan. Semakan Audit mendapati **45 perpustakaan desa tidak merekodkan peralatan dan kelengkapan komunikasi yang dibekalkan dalam daftar dan kad harta modal/inventori. Selain itu, nota penerimaan peralatan dan toner serta surat berkaitan dengan penyenggaraan tidak disimpan dengan teratur**. Butirannya adalah seperti di **Jadual 30.13.** Selepas menerima teguran daripada pihak Audit, Kementerian pada 19 Februari 2010 telah meminta supaya Perpustakaan Negara/Negeri memastikan petugas di perpustakaan awam/desa merekodkan peralatan dan kelengkapan yang dibekalkan di bawah Program USP Fasa V.

JADUAL 30.13
DAFTAR HARTA MODAL/INVENTORI TIDAK DISELENGGARA

NEGERI	PERPUSTAKAAN DESA	NEGERI	PERPUSTAKAAN DESA
Terengganu	Kg. Tok Amat	Sarawak	Kg. Sapena
	Medan Jaya		Muara Lebaan
	Jerong Seberang		Sg. Tulai
	Kg. Merchang		Pakan
	Nasi Dingin		Kg. Pueh
	Wakaf Tembusu		Sematan
	Masjid Al-Taqwa Durian Burung		Kg. Semaba
	Kg. Pulau Bahagia		Pekan Beratok
	Kg. Atas Tol		Pekan Tapah
Perak	Kg. Expo Sg. Ranting		Kg. Giam Lama
	Kg. Batu 3		Kg. Stabut
	Kg. Batu 15		Kg. Semadang
Kedah	Kuala Kedah	Sabah	Kg. Tompulan
	Kg. Bukit		Kg. Sailan
	Kg. Lampam		Kg. Kauluan

NEGERI	PERPUSTAKAAN DESA	NEGERI	PERPUSTAKAAN DESA
Kedah	Pekan Naka	Sabah	Kg. Unggun
	Al-Khairiah Barokhas		Kg. Tembiluk Buansa
	Bukit Tembaga		Kg. Taginambur
	Felda Tanjung Setol		Kg. Ulu Putatan
	Bukit Jenun		Kg. Pasir Putih
	Kg. Yooi		Tembovo
	Kg. Padang Lalang		Kg. Benoni
			Kg. Brunei

30.4.6.2. Bagi Pusat Perkhidmatan Ilmu Komuniti, pihak Audit mendapati **tiada sebarang daftar diselenggarakan** bagi merekodkan peralatan dan kelengkapan komunikasi yang dibekalkan di bawah Program USP Fasa V.

Pada pandangan Audit, Perpustakaan Negara/Negeri perlu memastikan daftar aset diselenggarakan di semua perpustakaan awam/desa terlibat bagi menjaga aset Kerajaan selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 5 Tahun 2007.

30.4.7. Kajian Terhadap Keberkesanan Program

30.4.7.1. Mengikut kontrak bagi Program USP Fasa V, Maxis dikehendaki menyedia dan menyerahkan kajian impak bertujuan mengukur keberkesanan Program USP Fasa II, III dan IV terhadap penggunaan dan pengetahuan komputer serta latihan dan kesedaran berkaitan teknologi maklumat. Ia juga mengukur kejayaan dalam mencapai objektif merapatkan jurang digital antara penduduk luar bandar dan bandar. Semakan Audit mendapati kajian impak ini telah dilaksanakan oleh Maxis dengan kerjasama Universiti Kebangsaan Malaysia dan hasilnya telah dikemukakan kepada Kementerian pada bulan Disember 2007. Antara penemuan hasil kajian tersebut adalah seperti berikut :-

a. Pengguna kerap menggunakan kemudahan yang disediakan. Bagaimanapun, bagi mereka yang tidak pernah menggunakan kemudahan yang disediakan tidak merasakan ia suatu keperluan.

b. Petugas yang dilantik di perpustakaan awam/desa tidak berpengalaman dan kurang pengetahuan berhubung teknologi maklumat. Ini menyebabkan pengguna yang menghadapi masalah tidak dapat dibantu sepenuhnya.

c. Wakil komuniti yang dilantik kurang melaksanakan tanggungjawabnya kerana penglibatan mereka adalah di tahap yang minimum terutama dalam membuat keputusan.

30.4.7.2. Pasukan kajian tersebut telah mencadangkan supaya latihan kepada masyarakat diperbanyakkan bagi membantu mereka memanfaatkan kemudahan yang disediakan secara optimum berdasarkan keperluan yang paling utama. Pemantauan yang kerap harus dilakukan bagi mengenal pasti masalah yang

dihadapi serta penyelesaian terbaik bagi memastikan objektif program tercapai. Latihan kepada petugas juga harus diperbanyakkan bagi memberi lebih pendedahan berhubung teknologi maklumat agar mereka dapat membimbing dan memberi bantuan kepada masyarakat setempat. Selain itu, penglibatan Kerajaan Negeri sehingga ke peringkat Pihak Berkuasa Tempatan dan Ketua Kampung diperlukan bagi menjayakan program ini. Sehubungan ini, pihak Audit mendapati sungguhpun beberapa tindakan susulan telah diambil oleh Kementerian, namun masih terdapat beberapa perkara yang masih perlu dilaksanakan seperti menambahkan latihan kepada petugas dan mempelbagaikan program berasaskan teknologi maklumat kepada masyarakat setempat.

30.5. SYOR AUDIT

Bagi memastikan kelemahan yang dibangkitkan dalam laporan ini tidak berulang lagi terhadap program-program lain yang dilaksanakan, pihak yang terlibat disyorkan melaksanakan perkara-perkara seperti berikut :-

30.5.1. Kementerian perlu mengatasi kelemahan *Central Monitoring System* supaya menghasilkan data yang tepat bagi mewujudkan pemantauan yang berkesan terhadap Program USP Fasa V.

30.5.2. Kementerian/JKR perlu memastikan penyenggaraan peralatan dan pembekalan toner dibuat mengikut syarat kontrak bagi membolehkan semua kemudahan dapat digunakan oleh masyarakat setempat pada bila-bila masa.

30.5.3. Perpustakaan Negara/Negeri perlu memastikan daftar aset diselenggarakan di semua perpustakaan awam/desa terlibat selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 5 Tahun 2007.

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

31. KERJA PEMBAIKAN/PEMBESARAN/NAIK TARAF/PENGUBAHSUAIAN INSTITUSI KEBAJIKAN MASYARAKAT

31.1. LATAR BELAKANG

31.1.1. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat (Kementerian) telah menubuhkan pelbagai institusi kebajikan masyarakat bagi memberi perlindungan, perkhidmatan sosial dan pemulihan kepada golongan sasaran. Sehingga akhir tahun 2009, terdapat 91 institusi kebajikan masyarakat (institusi) di seluruh negara di mana 45 institusi dibina untuk kanak-kanak, sebanyak 35 institusi untuk warga emas dan 11 institusi untuk Orang Kurang Upaya (OKU).

31.1.2. Bagi memastikan institusi tersebut berada dalam keadaan yang selamat, kondusif dan boleh digunakan secara optimum, Kementerian telah menyediakan peruntukan kewangan tahunan untuk menjalankan kerja-kerja pembaikan dan pembesarannya. Bagi tempoh tahun 2007 hingga 2009, sejumlah RM24.70 juta telah diperuntukkan bagi tujuan tersebut di mana RM22.62 juta (91.6%) telah dibelanjakan setakat bulan Disember 2009. Kementerian juga telah diluluskan peruntukan berjumlah RM39.63 juta di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi Kedua (PRE 2) pada tahun 2009 bagi melaksanakan kerja-kerja naik taraf dan pengubahsuaian institusi kebajikan masyarakat serta Pejabat Kebajikan Masyarakat di negeri dan daerah. Daripada jumlah tersebut, sejumlah RM34.72 juta (87.6%) telah dibelanjakan setakat 31 Disember 2009. Jumlah peruntukan dan perbelanjaan yang terlibat adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 31.1
PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN SETAKAT 31 DISEMBER 2009

TAHUN	PERUNTUKAN (RM Juta)	JUMLAH PERBELANJAAN (RM Juta)	% PERBELANJAAN (RM Juta)
RMK – 9 : Pembaikan/Pembesaran Institusi Sedia Ada			
2007	10.80	9.54	88.3
2008	11.50	10.68	92.9
2009	2.40	2.40	100
JUMLAH	**24.70**	**22.62**	**91.6**
PRE 2 : Naik Taraf/Pengubahsuaian Institusi Kebajikan Dan Pejabat Kebajikan Masyarakat			
2009	39.63	34.72	87.6
JUMLAH BESAR	**64.33**	**57.34**	**89.1**

31.1.3. Kerja-kerja pembaikan dan pembesaran institusi pada tahun 2007 melibatkan 45 institusi manakala pada tahun 2008 dan 2009 melibatkan 59 institusi dan 1 institusi masing-masingnya. Kerja-kerja naik taraf dan pengubahsuaian yang dilaksanakan di bawah PRE-2 pula melibatkan 52 institusi. Setakat 31 Disember 2009, kerja-kerja tersebut di kesemua institusi terlibat telah selesai dilaksanakan oleh kontraktor yang dilantik secara sebut harga.

31.1.4. Kementerian telah menetapkan skop kerja utama yang perlu dilaksanakan adalah seperti membaiki, mengubah suai, menaik taraf, membaik pulih dan membina kemudahan baru. Contoh kerja adalah membaiki siling, bumbung, tandas, asrama, surau, kelas, dewan makan dan dapur; menaik taraf pagar, lantai dan bilik mesyuarat; mengubah suai bilik tahanan, bilik tidur penghuni dan pejabat pentadbiran; membaik pulih sistem pembetungan dan sistem pendawaian serta membina tembok dan stor yang boleh memberi manfaat secara langsung atau tidak langsung kepada penghuni institusi.

31.1.5. Perolehan kerja dilaksanakan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri bersama Jabatan Kerja Raya selaku penasihat teknikal. Manakala institusi kebajikan yang terlibat bertanggungjawab menyediakan spesifikasi, memantau pelaksanaan projek dan membuat pengesahan kerja sebelum bayaran dijelaskan kepada kontraktor.

31.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada kerja pembaikan/pembesaran/naik taraf/pengubahsuaian institusi kebajikan masyarakat telah dirancang dan dilaksanakan dengan teratur, cekap dan berhemat bagi mencapai objektif yang ditetapkan.

31.3. SKOP DAN METODOLOGI AUDIT

Pengauditan ini meliputi perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap kerja pembaikan/pembesaran/naik taraf/pengubahsuaian institusi kebajikan masyarakat di bawah peruntukan Rancangan Malaysia Ke - 9 dan PRE 2. Sebanyak 21 institusi kebajikan masyarakat di Selangor, Johor, Sarawak, Kedah dan Terengganu telah dipilih untuk tujuan pengauditan. Semakan telah dibuat terhadap fail, rekod dan dokumen yang berkaitan di Bahagian Pembangunan Kementerian, Jabatan Kebajikan Masyarakat dan institusi yang dipilih. Lawatan ke tapak projek dan temu bual dengan pihak terlibat juga telah diadakan.

31.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan November 2009 hingga Februari 2010 terhadap 21 institusi kebajikan masyarakat mendapati **prestasi kerja pembaikan/ pembesaran/naik taraf/pengubahsuaian yang dilaksanakan di 14 (66.7%) institusi adalah memuaskan. Manakala bagi 7 institusi yang lain, terdapat beberapa kelemahan ketara seperti skop/spesifikasi kerja tidak disediakan dengan jelas dan terperinci menyebabkan kerja yang dilaksanakan tidak dapat dinilai/tidak**

sempurna. Terdapat juga kerja-kerja yang dilaksanakan oleh kontraktor tidak mengikut spesifikasi/tidak berkualiti disebabkan kurangnya pemantauan dan penyeliaan oleh pihak Kementerian/Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri/institusi yang berkenaan. Bagaimanapun, Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri/institusi terlibat telah mengambil tindakan untuk memperbetulkan sebahagian daripada kelemahan/kecacatan yang dibangkitkan sebaik sahaja mendapat teguran daripada pihak Audit. Penjelasan lanjut berhubung dengan perkara yang ditemui adalah seperti di perenggan-perenggan berikut :-

31.4.1. Kelemahan Dalam Menentukan Skop/Spesifikasi Kerja

31.4.1.1. Skop/spesifikasi kerja untuk dilaksanakan oleh kontraktor perlu disediakan dengan jelas, tepat dan terperinci dalam *Bill Of Quantities* (BQ). Skop/spesifikasi kerja tersebut juga perlu mendapat pandangan dari jabatan teknikal iaitu Jabatan Kerja Raya (JKR) selaras dengan Arahan Perbendaharaan 182.1. Semakan Audit mendapati skop/spesifikasi kerja bagi pembaikan/ pembesaran/naik taraf/pengubahsuaian institusi kebajikan masyarakat telah disediakan oleh pihak institusi sendiri dan diluluskan oleh Kementerian. Semakan Audit selanjutnya mendapati perkara berikut :-

a. Bagi kerja bernilai RM498,530 yang dilaksanakan di 5 institusi di Kedah, Johor dan Sarawak, hanya satu institusi iaitu Sekolah Tunas Bakti (Perempuan) Miri, Sarawak yang mengemukakan skop kerja bagi sistem pendawaian elektrik bernilai RM135,200 kepada JKR untuk mendapatkan pandangan. Namun demikian, didapati **kesemua skop kerja tersebut tidak disediakan dengan lengkap dan terperinci di mana butiran dari segi kuantiti, ukuran serta jenis dan bahan yang digunakan tidak dinyatakan.** Ini menyebabkan kerja-kerja yang dilaksanakan oleh kontraktor tidak dapat diselia dan dinilai dengan sewajarnya. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 31.2
SKOP KERJA TIDAK JELAS

INSTITUSI	PERIHAL KERJA	SKOP KERJA TIDAK JELAS/ TIDAK TERPERINCI	NILAI KERJA (RM)
Taman Sinar Harapan Jitra,Kedah	Kerja-kerja memasang almari *stainless steel* jenis gantung dan kabinet almari di bahagian bawah	Bilangan almari yang perlu dipasang tidak dinyatakan	26,730
	Kerja-kerja menanggal dan mengemas serta membawa keluar besi pemegang tangan di laluan pejalan kaki berbumbung keseluruhannya	Panjang besi pemegang tangan di laluan berbumbung tidak dinyatakan	23,500
Taman Sinar Harapan Jubli, Johor Bahru, Johor	Kerja-kerja mengecat keseluruhan 2 bangunan iaitu bangunan klinik dan Asrama Permata	Jenis dan lapisan cat serta keluasan bangunan tidak dinyatakan	35,000
	Kerja-kerja mengecat bahagian dalam dewan dengan cat yang sesuai dan kerja-kerja lain berkaitan	Jenis dan lapisan cat serta keluasan bangunan tidak dinyatakan	21,200
	Kerja-kerja penurapan jalan di sekeliling bangunan pentadbiran dengan jalan bertar	Kelebaran dan panjang jalan tidak dinyatakan	81,700
	Kerja-kerja membaiki dan menukar atap dan siling dewan besar yang telah rosak dan bocor.	Jenis atap tidak dinyatakan	24,000
	Kerja-kerja memasang lantai jubin di bilik muzik dan memasang kadbod penyerap bunyi	Keluasan lantai dan dinding di bilik muzik tidak dinyatakan	25,200

INSTITUSI	PERIHAL KERJA	SKOP KERJA TIDAK JELAS/ TIDAK TERPERINCI	NILAI KERJA (RM)
Rumah Seri Kenangan Johor Bahru, Johor	Kerja-kerja membaiki dan mengubah suai serta memasang jeriji besi di lokap Asrama Melati (lelaki) bagi membolehkan pengasingan penghuni lama dan baru	Saiz besi dan bilangan jeriji besi yang hendak dipasang tidak dinyatakan	45,000
	Kerja-kerja membaiki dan mengubahsuai serta memasang jeriji besi di lokap Asrama Anggerik (perempuan) bagi membolehkan pengasingan penghuni lama dan baru	Saiz besi dan bilangan jeriji besi yang hendak dipasang tidak dinyatakan	45,000
Desa Bina Diri Mersing, Johor	Kerja-kerja menggantikanq saluran paip lama kesemua blok asrama yang sedia ada	Panjang paip yang hendak dibaiki di semua asrama tidak dinyatakan	36,000
Sekolah Tunas Bakti (Perempuan) Miri, Sarawak	Kerja-kerja menggantikan sistem pendawaian elektrik	Kuantiti lampu, kipas dan suis yang akan diganti tidak dinyatakan	135,200
JUMLAH			**498,530**

b. Terdapat juga kes di mana institusi melakukan kesilapan semasa menyediakan skop kerja menyebabkan kerja yang dilaksanakan tidak sempurna. Sebagai contoh, di Sekolah Tunas Bakti (STB) (Perempuan) Marang, Terengganu yang menempatkan remaja-remaja perempuan bermasalah, kontraktor Nas Teras Enterprise telah dilantik untuk membina pagar *anti climb* di sekeliling institusi dengan nilai kontrak berjumlah RM429,555 bagi mengelakkan penghuni melarikan diri. Semasa lawatan Audit dijalankan, didapati **pagar yang telah dipasang sepanjang 600 kaki tidak mengelilingi keseluruhan kawasan institusi memandangkan masih terdapat kawasan sepanjang 74 kaki yang belum dipasang pagar (Gambar 31.1). Keadaan ini berlaku kerana panjang pagar yang dimasukkan dalam skop kerja hanya 600 kaki tanpa mengambil kira ukuran pagar yang sebenar perlu dipasang** selepas kerja-kerja pembersihan dan perataan tanah dilaksanakan. Bagaimanapun selepas teguran Audit, institusi tersebut telah mendapat persetujuan kontraktor supaya memasang pagar *anti-climb* di kawasan terlibat sepanjang 74 kaki tanpa mengenakan sebarang caj. Didapati kerja tersebut telah selesai dilaksanakan pada 23 Januari 2010 **(Gambar 31.2)**.

GAMBAR 31.1 **GAMBAR 31.2**

SEKOLAH TUNAS BAKTI (P) MARANG, TERENGGANU



- Pagar Tidak Dibina Di Kawasan Institusi Sepanjang 74 Kaki Semasa Lawatan Audit (19.01.2010)



- Pagar Sepanjang 74 Kaki Telah Dibina Oleh Kontraktor Selepas Teguran Audit (Sumber Gambar : STB (P) Marang, Terengganu - 05.04.2010)

c. Bagi Projek Rumah Kanak-kanak Kuching, didapati **institusi tidak memberikan spesifikasi kerja yang jelas kepada kontraktor untuk kerja-kerja membaiki cerun dan membina dinding penahan bernilai RM107,500 sungguhpun JKR telah mengemukakan cadangan spesifikasi termasuk lukisan reka bentuk cerun bagi kerja-kerja tersebut.** Ini menyebabkan longkang utama di bawah cerun dipenuhi dengan mendapan lumpur semasa berlakunya hujan lebat **(Gambar 31.3 dan 31.4)**.

GAMBAR 31.3



Rumah Kanak-kanak Kuching, Sarawak
- Kerja Membaiki Cerun Dan Membina Dinding Penahan Yang Telah Siap Dilaksanakan
(19.12.2009)

GAMBAR 31.4



Rumah Kanak-kanak Kuching, Sarawak
- Mendapan Lumpur Di Dalam Longkang Utama
(19.12.2009)

31.4.1.2. Berdasarkan perbincangan dengan pegawai bertanggungjawab di Kementerian, pihak Audit merumuskan kelemahan dalam menetapkan skop kerja adalah disebabkan oleh beberapa faktor. Antaranya ialah kekurangan pegawai teknikal di peringkat Kementerian di mana hanya 8 jawatan diwujudkan dan diisi iaitu satu Penolong Jurutera yang dilantik secara tetap serta 4 Jurutera, satu Penolong Jurutera dan 2 Juruteknik yang dilantik secara kontrak. Pegawai-pegawai tersebut bertanggungjawab terhadap kesemua projek pembangunan yang dilaksanakan oleh Kementerian dan jabatan-jabatan di bawahnya. Ini mengakibatkan semakan yang teliti tidak dibuat terhadap skop kerja yang disediakan oleh Pegawai Pembangunan Masyarakat di institusi kebajikan terlibat sebelum ianya diluluskan. Selain itu, didapati Pegawai Pembangunan Masyarakat yang ditempatkan di institusi juga tidak diberikan latihan yang secukupnya berhubung aspek teknikal dan pemantauan projek.

Pada pandangan Audit, bagi memastikan projek-projek pembangunan yang dilaksanakan di masa hadapan dapat diurus dengan lebih cekap dan berkesan, adalah disyorkan supaya Kementerian mengambil tindakan segera untuk mengatasi masalah kekurangan pegawai teknikal. Memandangkan keperluan mendapat pandangan teknikal daripada JKR telah pun ditetapkan dalam Arahan Perbendaharaan 182.1, institusi berkenaan perlu memastikan pandangan dan nasihat JKR tentang skop kerja diperolehi sebelum sesuatu projek dilaksanakan. Sebagai penasihat teknikal, JKR disyorkan untuk memberi nasihat yang lebih berkesan bagi membantu institusi kebajikan masyarakat melaksanakan kerjanya dengan sempurna.

31.4.2. Kerja Tidak Mematuhi Spesifikasi/Tidak Sempurna

31.4.2.1. Kontraktor perlu melaksanakan kerja mengikut spesifikasi yang ditetapkan dalam *Bill Of Quantities* (BQ) dan sebarang perubahan kerja perlu mendapat kelulusan daripada Kementerian. Lawatan Audit di 3 institusi di Johor dan Terengganu mendapati **kontraktor tidak mematuhi spesifikasi yang ditetapkan bagi 5 kerja tetapi pembayaran telah dibuat sepenuhnya mengikut harga bagi spesifikasi yang ditetapkan dalam BQ. Didapati perakuan kerja dibuat oleh pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri/ Pengetua/Penguasa di institusi terlibat. Bagaimanapun selepas menerima teguran dari pihak Audit, sebahagian institusi yang terlibat telah mengambil tindakan segera dengan mengarahkan kontraktor memperbaiki kerja-kerja tersebut mengikut keperluan spesifikasi.** Butiran lanjut adalah seperti di jadual dan gambar berikut :-

JADUAL 31.3
KERJA TIDAK MEMATUHI SPESIFIKASI

INSTITUSI	PERIHAL KERJA	KOS KERJA (RM)	PEMERHATIAN SEMASA LAWATAN AUDIT	STATUS SELEPAS TEGURAN AUDIT
Rumah Seri Kenangan Johor Bahru, Johor	Memasang singki dan paip di rumah dobi	TM	Singki dan paip tidak dipasang di rumah dobi	Singki dan paip telah dipasang di rumah dobi **(Gambar 31.5 dan 31.6)**
	Memasang singki mencuci tangan kecil	TM	Singki mencuci tangan kecil tidak dipasang	Singki mencuci tangan kecil telah dipasang **(Gambar 31.7)**
Taman Sinar Harapan Tampoi, Johor	Kerja-kerja membekal dan memasang pintu bilik air jenis kayu *solid* 2 daun berjumlah 12 unit di 6 asrama pelatih/penghuni	8,400	Pintu bilik air hanya dipasang dengan kayu jenis *plywood* **(Gambar 31.8)**	-
Rumah Ehsan Bandar Al-Muktafi Billah Shah Dungun, Terengganu	Memasang papan agihan fius	2,600	Papan agihan fius tidak dipasang	Papan agihan fius telah dipasang
	Memasang 2 unit nako 4 ruang di stor	TM	Hanya memasang 2 unit nako 3 ruang	2 unit nako 3 ruang telah ditukar kepada 2 unit nako 4 ruang

Nota : ***(TM) - Tiada Maklumat Kerana Harga Ditentukan Secara Pukal (Perincian Harga Mengikut Jenis Kerja Tidak Disediakan)***

GAMBAR 31.5



GAMBAR 31.6



Rumah Seri Kenangan Johor Bahru, Johor
- Singki Dan Paip Di Rumah Dobi Yang Tidak Dipasang Semasa Lawatan Audit Telah Dipasang Selepas Teguran Audit
(Sumber Gambar : Rumah Seri Kenangan Johor Bahru, Johor - 31.03.2010)

GAMBAR 31.7



Rumah Seri Kenangan (RSK) Johor Bahru, Johor -Singki Mencuci Tangan Kecil Yang Tidak Dipasang Semasa Lawatan Audit Telah Dipasang Selepas Mendapat Teguran Audit (Sumber Gambar : RSK Johor Bahru, Johor - 31.03.2010)

GAMBAR 31.8



Taman Sinar Harapan Tampoi, Johor - Pintu Bilik Air Asrama 2 Daun Hanya Dipasang Kayu Dari Jenis Plywood Berbanding Jenis Solid Yang Ditetapkan Dalam Spesifikasi (21.01.2010)

31.4.2.2. Kerja-kerja pembaikan/pembesaran/naik taraf dan pengubahsuaian perlu dilaksanakan dengan kemas dan pada tahap piawaian yang boleh diterima. Lawatan Audit mendapati **6 kerja bernilai RM143,251 yang dilaksanakan di 6 institusi di Johor, Terengganu dan Sarawak adalah kurang berkualiti, namun pembayaran telah dibuat sepenuhnya berdasarkan kepada perakuan yang dibuat oleh pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri/Pengetua/Penguasa di institusi terlibat.** Bagaimanapun, Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri/institusi terlibat telah mengambil tindakan untuk memperbetulkan sebahagian daripada kelemahan/kecacatan yang berlaku sebaik sahaja menerima teguran dari pihak Audit. Beberapa contoh kerja yang terlibat adalah seperti di jadual dan gambar berikut :-

JADUAL 31.4
KERJA TIDAK BERKUALITI

INSTITUSI	PERIHAL KERJA	KOS KERJA (RM)	PEMERHATIAN SEMASA LAWATAN AUDIT	STATUS SELEPAS TEGURAN AUDIT
Rumah Seri Kenangan Johor Bahru, Johor	Kerja-kerja menaikkan tembok batu setinggi 3 kaki x 52 kaki	Pukal	Batu hiasan tidak disimen dengan sempurna menyebabkannya boleh diangkat/bergerak apabila dipegang. Keadaan ini boleh mendatangkan bahaya kepada penghuni yang terdiri dari warga tua **(Gambar 31.9)**	Batu hiasan telah disimen **(Gambar 31.10)**
Desa Bina Diri Mersing, Johor	Kerja-kerja menggantikan pagar dawai lama yang rosak kepada pagar dawai hijau yang baru	40,950	Tiang pagar dibina senget **(Gambar 31.11)**	Pagar telah diperbaiki **(Gambar 31.12)**
Sekolah Tunas Bakti (Perempuan) Marang, Terengganu	Kerja-kerja membina pagar *anti-climb* di sekeliling kawasan institusi	7,500	Pintu pagar hanya dipasang dengan kepingan besi nipis yang dilekatkan dengan *spot welding* berbanding kepingan besi padat sepertimana yang ditetapkan dalam BQ. Pintu pagar yang dipasang telah terkopak semasa lawatan Audit **(Gambar 31.13)**	Pintu pagar zink biasa telah digantikan dengan besi padat dan telah *welding* sepenuhnya **(Gambar 31.14)**
		8,000	Kerja membina *kerb beam* pada bahagian bawah pagar tidak sempurna kerana saluran air dipenuhi timbunan tanah. Keadaan ini boleh menyebabkan air hujan tidak dapat mengalir dengan lancar melalui lubang air **(Gambar 31.15)**	Saluran air telah dibersihkan dari timbunan tanah **(Gambar 31.16)**

INSTITUSI	PERIHAL KERJA	KOS KERJA (RM)	PEMERHATIAN SEMASA LAWATAN AUDIT	STATUS SELEPAS TEGURAN AUDIT
Sekolah Tunas Bakti (Perempuan) Miri, Sarawak	Memecah lantai *parquet mossaic* sedia ada, membuang sisa kerja dan melepa simen lantai hijau	11,726	Terdapat tompokan pecahan di permukaan simen yang dibina **(Gambar 31.17)**	Permukaan simen telah dicat semula **(Gambar 31.18)**
Taman Sinar Harapan Jubli, Johor Bahru, Johor	Kerja-kerja membuang dan mengganti baru tiang, kayu kekuda, siling dan bumbung yang rosak	Pukal	Lubang tempat pemegang kayu bumbung terlalu besar dan tidak standard **(Gambar 31.19)**	Lubang tempat pemegang kayu bumbung telah diperbaiki
Rumah Kanak-kanak Kuching, Sarawak	- Kerja-kerja mengecat bangunan pentadbiran 3 tingkat, dewan serbaguna dan dewan makan - Membuang cat lama (waterjet) dan menampung rekahan menggunakan *wall sealer*	75,075	- Lepaan cat kasar dan kusam **(Gambar 31.20)** - Kerja-kerja menampung rekahan tidak kemas	- Cat yang kusam dan berlumut telah dicat semula - Kerja-kerja menampung rekahan tidak dapat dibuat kerana ia membabitkan struktur bangunan
JUMLAH		**143,251***		

Nota : (*) - Tidak Termasuk Kos Bagi Kerja Yang Dibuat Secara Pukal

GAMBAR 31.9

GAMBAR 31.10

RUMAH SERI KENANGAN JOHOR BAHRU, JOHOR



- Batu Hiasan Tidak Disimen Sempurna Menyebabkannya Boleh Diangkat/Bergerak (18.11.2009)



- Batu Hiasan Telah Disimen Selepas Teguran Audit (Sumber Gambar : Rumah Seri Kenangan Johor Bahru, Johor - 31.03.2010)

GAMBAR 31.11

GAMBAR 31.12

DESA BINA DIRI MERSING, JOHOR



- Tiang Pagar Dipasang Senget (17.11.2009)



- Tiang Pagar Telah Diperbetulkan Selepas Teguran Audit (Sumber Gambar : Desa Bina Diri Mersing, Johor - 09.04.2010)

GAMBAR 31.13 **GAMBAR 31.14**

SEKOLAH TUNAS BAKTI (PEREMPUAN) MARANG, TERENGGANU




- Pintu Pagar Dari Kepingan Zink Nipis Dan Menggunakan Spot Welding Telah Terkopak (19.01.2010)



- Pintu Pagar Zink Biasa Telah Digantikan Dengan Besi Padat Dan Telah Welding Dengan Sepenuhnya Selepas Teguran Audit (Sumber Gambar : Sekolah Tunas Bakti (Perempuan) Marang, Terengganu - 05.04.2010)

GAMBAR 31.15 **GAMBAR 31.16**

SEKOLAH TUNAS BAKTI (PEREMPUAN) MARANG, TERENGGANU



- Saluran Air Yang Dipenuhi Timbunan Tanah Boleh Menyekat Pengaliran Air Hujan (19.01.2010)



- Saluran Air Telah Dibersihkan Dari Timbunan Tanah Selepas Teguran Audit (Sumber Gambar : Sekolah Tunas Bakti (Perempuan) Marang, Terengganu - 02.02.2010)

GAMBAR 31.17 **GAMBAR 31.18**

SEKOLAH TUNAS BAKTI (PEREMPUAN) MIRI, SARAWAK



- Terdapat Tompokan Pecahan Di Permukaan Lantai Yang Dilepa Simen Hijau (11.12.2009)



- Kerja Pembaikan Yang Dilakukan Selepas Teguran Audit (Sumber Gambar : Sekolah Tunas Bakti (Perempuan) Miri, Sarawak - 01.04.2010)

GAMBAR 31.19



Taman Sinar Harapan Jubli Johor Bahru, Johor - Lubang Tempat Pemegang Kayu Bumbung Terlalu Besar Dan Tidak Standard (19.11.2009)

GAMBAR 31.20



Rumah Kanak-kanak Kuching, Sarawak -Lepaan Simen Yang Kasar Dan Kusam (09.12.2009)

31.4.2.3. Pihak Audit mendapati pelaksanaan kerja yang tidak mematuhi spesifikasi/tidak berkualiti ini adalah disebabkan kurangnya pemantauan dan penyeliaan oleh pegawai-pegawai di peringkat Kementerian/Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri. Manakala pegawai-pegawai di institusi pula tidak dapat menjalankan pemantauan dengan berkesan kerana tidak mempunyai kepakaran dalam bidang teknikal serta tidak diberikan latihan yang secukupnya berhubung aspek pemantauan projek.

Pada pandangan Audit, sungguhpun pihak institusi telah mengambil tindakan pembaikan sebaik sahaja mendapat teguran dari pihak Audit, namun pihak Kementerian perlu membuat pemeriksaan secara menyeluruh untuk mengenal pasti sama ada kelemahan yang sama juga berlaku di institusi lain dan mengambil tindakan pembaikan serta-merta memandangkan pengauditan yang dibuat adalah berdasarkan kepada sampel. Selain itu, bagi memastikan projek yang dilaksanakan berkualiti dan selaras dengan spesifikasi yang ditetapkan, pegawai-pegawai kebajikan masyarakat di peringkat negeri/ daerah/institusi perlu diberikan latihan yang secukupnya supaya pemantauan dapat dijalankan dengan kerap dan berkesan.

31.5. SYOR AUDIT

Bagi memastikan kelemahan yang dibangkitkan dalam laporan ini tidak berulang lagi terhadap projek-projek lain yang dilaksanakan, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat disyorkan supaya melaksanakan perkara-perkara berikut :-

31.5.1. Mengambil tindakan segera untuk mengatasi masalah kekurangan pegawai teknikal. Memandangkan keperluan mendapat pandangan teknikal daripada Jabatan Kerja Raya (JKR) telah pun ditetapkan dalam Arahan Perbendaharaan 182.1, institusi berkenaan perlu memastikan pandangan dan nasihat JKR tentang skop kerja diperolehi sebelum sesuatu projek dilaksanakan. Sebagai penasihat teknikal, JKR disyorkan untuk memberi nasihat yang lebih berkesan bagi membantu institusi kebajikan masyarakat melaksanakan kerjanya dengan sempurna.

31.5.2. Membuat pemeriksaan secara menyeluruh bagi mengenal pasti sama ada kelemahan yang sama juga berlaku di institusi lain dan mengambil tindakan pembaikan serta-merta memandangkan pengauditan yang dibuat adalah berdasarkan kepada sampel.

31.5.3. Bagi memastikan projek yang dilaksanakan berkualiti dan selaras dengan spesifikasi yang ditetapkan, pegawai-pegawai kebajikan masyarakat di peringkat negeri/daerah/institusi perlu diberikan latihan yang secukupnya supaya pemantauan dapat dijalankan dengan kerap dan berkesan.

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

32. JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT
- PROGRAM BANTUAN KEBAJIKAN

32.1. LATAR BELAKANG

32.1.1. Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) merupakan sebuah jabatan di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat. Fungsi utama JKM adalah melaksanakan program-program bagi membangunkan golongan yang kurang bernasib baik ke arah kesejahteraan sosial. JKM juga bertanggungjawab melindungi dan memulihkan penerima bantuan, menggalakkan perubahan sikap untuk berdikari dan mewujudkan masyarakat penyayang. Bagi tujuan tersebut, JKM telah mewujudkan Program Bantuan Kebajikan (Program) di bawah peruntukan Kerajaan Persekutuan untuk memberikan bantuan kepada individu atau keluarga yang berkelayakan. Melalui Program ini, JKM telah mewujudkan 11 skim bantuan iaitu Bantuan Orang Tua, Elaun Pekerja Cacat, Bantuan Anak Pelihara, Bantuan Geran Pelancaran, Bantuan Kanak-kanak, Bantuan Orang Kurang Upaya (OKU) Tidak Berupaya Bekerja, Bantuan Latihan Aperantis, Bantuan Am, Bantuan Penjagaan OKU Terlantar/Pesakit Kronik Terlantar, Bantuan Alat Tiruan/Sokongan dan Tabung Bantuan Mangsa Serangan Binatang Buas. Jumlah keseluruhan penerima bantuan, peruntukan yang diluluskan dan perbelanjaan sebenar bagi tempoh tahun 2007 hingga 2009 adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 32.1
PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN
PROGRAM BANTUAN KEBAJIKAN BAGI TEMPOH TAHUN 2007 HINGGA 2009

TAHUN	BILANGAN PENERIMA (Orang)	PERUNTUKAN DILULUSKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN SEBENAR (RM Juta)	% PERBELANJAAN
2007	207,828	121.61	120.93	99.4
2008	250,600	340.15	340.30	100
2009	357,135	814.85	802.78	98.5
JUMLAH		**1,276.61**	**1,264.01**	**99**

32.1.2. Antara skim yang mempunyai bilangan penerima bantuan terbesar ialah Bantuan Orang Tua, Elaun Pekerja Cacat dan Bantuan Kanak-kanak. Tujuan pemberian bantuan bagi 3 skim tersebut adalah seperti berikut :-

a. Bantuan Orang Tua - Memberi saraan hidup kepada warga tua yang memerlukan bantuan supaya dapat terus tinggal dalam komuniti. Kadar bantuan bagi setiap warga tua yang layak adalah sebanyak RM300 sebulan. Jumlah perbelanjaan yang dibuat bagi tempoh tahun 2007 hingga 2009 bagi skim ini adalah RM434.28 juta melibatkan 143,469 penerima.

b. Bantuan Kanak-kanak - Membantu kanak-kanak miskin dan berkeperluan supaya dapat terus tinggal bersama keluarga mereka untuk menikmati kasih sayang, perhatian dan penjagaan sewajarnya. Selain itu, ia juga membantu memelihara dan memperkukuhkan institusi keluarga yang terlibat supaya dapat berdikari dan terus menjaga anak-anak dengan sempurna. Kadar bantuan bagi setiap kanak-kanak ialah RM100 sebulan dan tertakluk kepada nilai maksimum RM450 sebulan bagi keluarga yang mempunyai lebih daripada 4 orang anak. Jumlah perbelanjaan yang dibuat bagi tempoh tahun 2007 hingga 2009 bagi skim ini adalah RM337.85 juta melibatkan 133,194 penerima.

c. Elaun Pekerja Cacat - Memberi insentif untuk menggalakkan Orang Kurang Upaya (OKU) bekerja, hidup berdikari dan menjadi ahli masyarakat yang produktif. Selain itu, ia juga membantu menampung keperluan hidup seharian dan meningkatkan taraf hidup OKU dalam masyarakat. Kadar bantuan bagi setiap OKU yang layak ialah RM300 sebulan. Jumlah perbelanjaan yang dibuat bagi tempoh tahun 2007 hingga 2009 bagi skim ini adalah RM202.33 juta melibatkan 77,319 penerima.

32.1.3. Bahagian Sosio Ekonomi Dan Bantuan di peringkat Ibu Pejabat Jabatan Kebajikan Masyarakat bertanggungjawab menyelaras dan mengawal selia pelaksanaan program bantuan di semua negeri. Manakala urusan penerimaan permohonan, proses siasatan, kelulusan, pembayaran bantuan bulanan dan kajian semula kes bagi tujuan penerusan bantuan adalah di bawah tanggungjawab Unit Sosio Ekonomi Bantuan, Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah/Jajahan/Bahagian. Setiap bantuan yang diberi adalah bagi tempoh setahun.

32.1.4. Bagi memastikan program ini diuruskan dengan sempurna, JKM telah mengeluarkan Arahan Kerja dan Prosedur Kualiti yang berkaitan dengan pengendalian bantuan kebajikan seperti yang terkandung di dalam MS ISO 9001:2000. Selain itu, JKM juga mengeluarkan surat pekeliling jabatan dari semasa ke semasa untuk rujukan dan panduan Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah/Jajahan/Bahagian di seluruh Malaysia.

32.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada Program Bantuan Kebajikan bagi 3 skim iaitu Bantuan Orang Tua, Elaun Pekerja Cacat dan Bantuan Kanak-kanak telah dilaksanakan dengan teratur, cekap dan mencapai objektif yang ditetapkan.

32.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

32.3.1. Skop pengauditan meliputi perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap Program Bantuan Kebajikan di bawah skim Bantuan Orang Tua, Elaun Pekerja Cacat dan Bantuan Kanak-kanak bagi tempoh tahun 2007 hingga 2009. Pemeriksaan Audit dijalankan di peringkat Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia

(Ibu Pejabat), Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Johor, Sabah, Selangor, Perak dan Kelantan serta 10 Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah/Jajahan/Bahagian seperti di jadual berikut :-

JADUAL 32.2
JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT NEGERI DAN DAERAH YANG DIAUDIT

JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT MALAYSIA	JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT NEGERI	PEJABAT KEBAJIKAN MASYARAKAT
Ibu Pejabat, Kuala Lumpur	Johor	Daerah Batu Pahat
		Daerah Kota Tinggi
	Sabah	Bahagian Kota Kinabalu
		Bahagian Beaufort
	Selangor	Daerah Petaling
		Daerah Kuala Selangor
	Perak	Daerah Kinta
		Daerah Kerian
	Kelantan	Jajahan Kota Bharu
		Jajahan Machang

32.3.2. Pengauditan ini dijalankan dengan menyemak dokumen seperti daftar permohonan, laporan siasatan, minit kelulusan, fail individu penerima bantuan (fail kes), rekod bayaran dan dokumen lain yang berkaitan. Pengesahan juga dibuat dengan rekod Jabatan Pendaftaran Negara untuk menentukan sama ada pembayaran bantuan telah dibuat kepada penerima yang masih hidup. Temu bual dengan pegawai JKM dan penerima bantuan dijalankan bagi mendapatkan maklumat dan pengesahan terhadap isu-isu yang dibangkitkan. Selain itu, lawatan Audit juga telah dilakukan bagi melihat sendiri pelaksanaan proses siasatan dan agihan wang bantuan.

32.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Mei hingga Julai 2009 mendapati secara umumnya **pengurusan Program Bantuan Kebajikan telah dilaksanakan dengan memuaskan di mana bantuan telah dapat disampaikan kepada golongan sasaran. Namun begitu, terdapat beberapa kelemahan dalam pelaksanaan program ini yang berpunca daripada kekurangan kakitangan. Antara kelemahan yang diperhatikan ialah beberapa permohonan baru/kajian semula kes tidak dapat diselesaikan mengikut tempoh yang ditetapkan dalam Piagam Pelanggan; kelewatan Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah/Jajahan/Bahagian mengembalikan wang bantuan yang tidak dapat diagihkan ke Jabatan Kebajikan Negeri telah menyebabkan wang tersebut lewat dimasukkan ke Akaun Bank Kerajaan serta penyelenggaraan rekod yang tidak teratur. Bagaimanapun, Jabatan Kebajikan Masyarakat telah mengambil tindakan untuk memperbetulkan sebahagian daripada kelemahan yang dibangkitkan sebaik sahaja mendapat teguran dari pihak Audit.** Penjelasan lanjut berhubung perkara yang ditemui adalah seperti di perenggan-perenggan berikut :-

32.4.1. Kelemahan Dalam Menguruskan Permohonan Bantuan

32.4.1.1. Mengikut Piagam Pelanggan JKM, keputusan permohonan bagi skim Bantuan Orang Tua, Elaun Pekerja Cacat dan Bantuan Kanak-kanak sama ada diluluskan atau ditolak hendaklah dimaklumkan kepada pemohon dalam tempoh sebulan dari tarikh permohonan diterima. Semakan Audit telah dijalankan terhadap 830 permohonan yang telah diluluskan di 10 Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah/Jajahan/Bahagian dan mendapati **kelulusan bagi 248 permohonan (29.9%) telah lewat dimaklumkan kepada pemohon antara 6 hingga 1,309 hari.** Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 32.3
KELULUSAN PERMOHONAN LEWAT DIMAKLUMKAN KEPADA PEMOHON

NEGERI	PEJABAT KEBAJIKAN MASYARAKAT DAERAH/ JAJAHAN/BAHAGIAN	BIL. FAIL DISEMAK	BIL. KES LEWAT DILULUS	TEMPOH KELEWATAN (Hari)	KELEWATAN BERBANDING FAIL DISEMAK (%)
Johor	Batu Pahat	90	31	8 - 1,309	34.4
	Kota Tinggi	90	34	10 - 352	37.8
Sabah	Kota Kinabalu	104	37	8 - 90	35.6
	Beaufort	37	2	14 - 70	5.4
Perak	Kinta	90	30	9 - 716	33.3
	Kerian	90	21	27 - 133	23.3
Kelantan	Kota Bharu	90	15	6 - 411	16.7
	Machang	72	31	21 - 254	43.1
Selangor	Petaling	123	29	27 - 429	23.6
	Kuala Selangor	44	18	16 - 705	40.9
JUMLAH		**830**	**248**	**6 - 1,309**	**29.9**

32.4.1.2. Sebelum sesuatu permohonan diluluskan, Pegawai Kes perlu menjalankan 2 peringkat siasatan terhadap pemohon iaitu siasatan awal dan siasatan terperinci. Siasatan awal dijalankan bagi menentukan kelayakan pemohon dan jenis bantuan yang boleh disalurkan. Manakala siasatan terperinci dibuat dengan cara mengadakan lawatan ke rumah pemohon bertujuan untuk menilai keadaan sosio-ekonomi dan kehidupan pemohon. Piagam Pelanggan JKM menetapkan setiap permohonan bagi skim Bantuan Orang Tua, Elaun Pekerja Cacat dan Bantuan Kanak-kanak hendaklah disiasat dalam tempoh 2 minggu dari tarikh permohonan diterima supaya keputusannya dapat dikeluarkan dalam tempoh sebulan. Semakan Audit mendapati **proses siasatan bagi 177 (21.3%) dari 830 permohonan tidak dapat diselesaikan mengikut tempoh yang ditetapkan di mana berlaku kelewatan antara 6 hingga 1,322 hari.** Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 32.4
PROSES SIASATAN LEWAT DISELESAIKAN

NEGERI	PEJABAT KEBAJIKAN MASYARAKAT DAERAH/JAJAHAN/ BAHAGIAN	BIL. FAIL DISEMAK	BIL. KES LEWAT DISELESAIKAN SIASATAN	TEMPOH KELEWATAN (Hari)	KELEWATAN BERBANDING FAIL DISEMAK (%)
Johor	Batu Pahat	90	27	7 - 1,322	30.0
	Kota Tinggi	90	30	13 - 562	33.3
Sabah	Kota Kinabalu	104	3	14 - 66	2.9
	Beaufort	37	-	-	-
Perak	Kinta	90	21	7 - 730	23.3
	Kerian	90	18	7 - 141	20.0
Kelantan	Kota Bharu	90	12	6 - 341	13.3
	Machang	72	24	6 - 252	33.3
Selangor	Petaling	123	28	14 - 415	22.8
	Kuala Selangor	44	14	40 - 715	31.8
JUMLAH		**830**	**177**	**6 - 1,322**	**21.3**

32.4.1.3. Kajian semula terhadap penerima bantuan sedia ada perlu dilaksanakan bagi menentukan sama ada bantuan boleh diteruskan atau diberhentikan. Selain itu, ianya juga bertujuan mengkaji semula kadar bantuan di bawah skim Bantuan Kanak-kanak serta mengemas kini maklumat penerima bantuan bagi mengelakkan pembayaran kepada penerima yang telah meninggal dunia. Kajian semula tersebut hendaklah dijalankan setiap tahun iaitu sekurang-kurangnya 2 bulan sebelum tempoh kelulusan bantuan yang terdahulu tamat. Semakan Audit mendapati **bantuan berjumlah RM50,800 masih diteruskan kepada 42 penerima bagi tempoh antara 1 hingga 11 bulan sungguhpun kajian semula kes tersebut belum diluluskan oleh pegawai yang diberi kuasa.** Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 32.5
BAYARAN BANTUAN DITERUSKAN
WALAUPUN KAJIAN SEMULA KES BELUM DILULUSKAN

PEJABAT KEBAJIKAN MASYARAKAT DAERAH/ JAJAHAN/BAHAGIAN	BILANGAN PENERIMA BANTUAN	BAYARAN BANTUAN DITERUSKAN SEBELUM MENDAPAT KELULUSAN	
		JUMLAH BANTUAN (RM)	TEMPOH BAYARAN (Bulan)
Kinta	1	100	1
Kerian	16	32,400	1 - 11
Kota Bharu	4	4,500	2 - 5
Kota Tinggi	1	300	1
Batu Pahat	6	5,400	1 - 7
Petaling	5	1,800	1 - 2
Kuala Selangor	9	6,300	1 - 5
JUMLAH	**42**	**50,800**	**1 - 11**

32.4.2. Faktor-faktor Yang Menyebabkan Kelewatan Memberi Kelulusan

Semakan Audit selanjutnya mendapati kelewatan memaklumkan keputusan kepada pemohon sama ada permohonan baru atau pelanjutan tempoh bantuan adalah disebabkan oleh beberapa faktor. Antaranya ialah bilangan kes bantuan yang meningkat dengan ketara setiap tahun serta kekurangan kakitangan yang mengakibatkan bebanan kerja pegawai sedia ada melebihi standard antarabangsa yang ditetapkan. Penjelasannya adalah seperti berikut :-

32.4.2.1. Pertambahan permohonan baru telah meningkat dengan ketara sejak Projek Cari diperkenalkan pada bulan Julai 2008. Projek Cari bertujuan mengesan kumpulan sasaran yang terpencil dan terpinggir yang tidak berpeluang mendapat bantuan JKM termasuklah keluarga miskin, warga emas yang terlantar dan kanak-kanak tidak bersekolah. Projek ini merupakan satu pendekatan proaktif di mana Pegawai Pembangunan Masyarakat keluar mencari golongan yang memerlukan bantuan dan ia berbeza dengan pendekatan sebelum ini yang hanya menunggu permohonan diterima. Semakan Audit mendapati **bilangan kes baru yang perlu diproses di seluruh negara pada tahun 2009 (setakat bulan Oktober 2009) ialah 268,997 berbanding hanya 207,828 kes pada tahun 2007 sebelum Projek Cari dilancarkan.** Bagi 10 Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah/Jajahan/Bahagian yang dilawati, **bilangan kes telah meningkat dari tahun ke tahun manakala bilangan kes yang dikesan di bawah Projek Cari menjangkau sehingga 32,916 kes.** Selain itu, **sebanyak 32,143 kes bantuan memerlukan kajian semula pada tahun 2009**. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 32.6
BILANGAN KES BARU DILAPORKAN DAN KAJIAN SEMULA KES

NEGERI	PEJABAT KEBAJIKAN MASYARAKAT DAERAH/JAJAHAN/ BAHAGIAN	BILANGAN KES BARU				KAJIAN SEMULA KES TAHUN 2009	JUMLAH KES
		PERMOHONAN BIASA MENGIKUT TAHUN			PROJEK CARI		
		2007	2008	2009	(Julai 2008 - Oktober 2009)		
Johor	Batu Pahat	76	1,718	2,794	1,647	4,425	10,660
	Kota Tinggi	52	406	1,753	757	2,065	5,033
Sabah	Kota Kinabalu	216	575	542	11,850	703	13,886
	Beaufort	-	-	2,042	4,242	TM	6,284
Perak	Kinta	1,787	3,789	7,382	1,731	6,719	21,408
	Kerian	431	869	1,345	818	2,078	5,541
Kelantan	Kota Bharu	977	1,302	1,693	5,791	5,198	14,961
	Machang	287	282	381	1,561	2,519	5,030
Selangor	Petaling	1,878	2,181	5,649	3,313	5,593	18,614
	Kuala Selangor	840	1,141	1,458	1,206	2,843	7,488
JUMLAH		**6,544**	**12,263**	**25,039**	**32,916**	**32,143**	**108,905**

Nota : TM - Tiada Maklumat

32.4.2.2. Selaras dengan pertambahan bilangan kes bantuan, bebanan kerja pegawai-pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat di Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah/Jajahan/Bahagian juga sentiasa meningkat khususnya Pegawai Pembangunan Masyarakat Daerah Gred S44/41 selaku pegawai pelulus permohonan bantuan dan Penolong/Pembantu Pembangunan Masyarakat Gred S32/27/22/17 di Unit Sosio Ekonomi Bantuan yang bertanggungjawab sebagai Pegawai Kes. Analisis Audit di 10 Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah/Jajahan/Bahagian menunjukkan pada tahun 2009, **seorang Pegawai Kes telah mengendalikan antara 279 hingga 976 kes di bawah program bantuan persekutuan dan negeri.** Pegawai Kes ini bertanggungjawab terhadap semua urusan yang berkaitan dengan bantuan termasuklah memproses permohonan, menjalankan siasatan, menjalankan kajian semula kes serta mengagihkan bantuan. **Berdasarkan kepada standard antarabangsa, nisbah bebanan kerja yang ditetapkan adalah 1:35 kes di mana seorang Pegawai Kes sepatutnya mengendalikan 35 kes sahaja pada sesuatu masa.** Perbandingan di antara Pegawai Kes dengan kes bantuan bagi tahun 2009 ditunjukkan seperti di jadual berikut :-

JADUAL 32.7
BILANGAN PEGAWAI BERBANDING KES BANTUAN PADA TAHUN 2009

NEGERI	PEJABAT KEBAJIKAN MASYARAKAT DAERAH/JAJAHAN/ BAHAGIAN	BILANGAN PEGAWAI KES	BILANGAN KES BANTUAN TAHUN 2009 (Baru Dan Kajian Semula)	PEGAWAI KES BERBANDING KES BANTUAN TAHUN 2009
Johor	Batu Pahat	13	8,866	1: 682
	Kota Tinggi	5	4,575	1: 915
Perak	Kinta	19	15,832	1: 833
	Kerian	14	4,241	1: 303
Kelantan	Machang	16	4,461	1: 279
	Kota Bharu	13	12,682	1: 976
Selangor	Petaling	22	14,555	1: 662
	Kuala Selangor	10	5,507	1: 551
Sabah	Kota Kinabalu	26	13,095	1: 504
	Beaufort	10	6,284	1: 628

32.4.2.3. Pihak Audit mendapati sebanyak 1,960 jawatan baru telah diluluskan pada tahun 2007. Dengan pertambahan tersebut, bilangan jawatan di Jabatan Kebajikan Masyarakat pada tahun 2007 adalah 6,396 jawatan berbanding 4,436 jawatan pada tahun 2006. Setakat 31 Disember 2009, sebanyak 5,972 (93.4%) jawatan telah diisi manakala 424 jawatan lagi masih kosong. **JKM tidak diluluskan sebarang pertambahan jawatan pada tahun 2008 dan 2009 walaupun permohonan baru untuk mendapatkan bantuan telah meningkat dengan ketara.** Selanjutnya, didapati JKM telah mengemukakan 2 kertas cadangan pengukuhan perjawatan di pejabat-pejabat kebajikan masyarakat daerah dan Depoh Bencana pada tahun 2009 melibatkan pertambahan 181 jawatan. Bagaimanapun setakat bulan Disember 2009, kedua-dua kertas cadangan tersebut masih dalam pertimbangan Jabatan Perkhidmatan Awam.

32.4.2.4. Berdasarkan perbincangan Audit dengan Pegawai Kes di 10 Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah/Jajahan/Bahagian, pihak Audit mendapati faktor-faktor berikut juga menyumbang kepada kelewatan memaklumkan keputusan kepada pemohon :-

a. Pemohon gagal menghadirkan diri pada tarikh temu janji yang ditetapkan menyebabkan siasatan tidak dapat diselesaikan dalam tempoh yang sepatutnya.

b. Pemohon tidak mengemukakan dokumen sokongan yang lengkap seperti disyaratkan. Contoh dokumen tersebut adalah seperti salinan kad OKU, slip gaji dan sijil kelahiran anak.

c. Siasatan terperinci di rumah pemohon tidak dapat dijalankan kerana pelbagai sebab seperti rumah pemohon tidak dapat dikesan; pemohon telah berpindah/bertukar alamat dan pemohon tiada di rumah semasa lawatan Pegawai Kes.

32.4.2.5. Berdasarkan maklum balas yang diterima dari JKM, langkah-langkah penambahbaikan dalaman telah diperkenalkan bagi memastikan Bidang Keberhasilan Utama Nasional (NKRA) dapat dicapai. Penambahbaikan tersebut termasuklah memperluaskan kuasa memberi kelulusan bantuan secara bertulis kepada pegawai-pegawai yang dinamakan sama ada di peringkat Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah/Jajahan/Bahagian dan Ibu Pejabat JKM Negeri bagi mempercepatkan proses kelulusan permohonan bantuan.

Pada pandangan Audit, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam/Jabatan Perkhidmatan Awam patut mengisi jawatan-jawatan yang kosong atau meluluskan jawatan tambahan sekiranya perlu bagi mengatasi kelemahan yang wujud dalam pengurusan permohonan bantuan. Selain itu, ianya juga bagi memperkasakan JKM untuk mencapai NKRA yang ditetapkan di bawah Inisiatif Mempertingkatkan Taraf Kehidupan Isi Rumah Berpendapatan Rendah.

32.4.3. Kelemahan Dalam Menguruskan Pengagihan Bantuan

32.4.3.1. Setiap bulan, Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah/Jajahan/ Bahagian akan menyediakan senarai penerima bantuan dan mengemukakannya kepada JKM Negeri. Bantuan kebajikan dibayar secara tunai atau dibankkan ke akaun penerima selepas 5 haribulan pada setiap bulan. Pembayaran secara tunai dibuat di pusat bayaran yang ditetapkan seperti Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah/Jajahan/Bahagian dan Pejabat Penghulu mengikut tarikh temu janji yang dicatatkan pada kad bantuan penerima. Penerima dikehendaki hadir pada tarikh yang ditetapkan dan sekiranya gagal, tuntutan boleh dibuat di Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah/Jajahan/Bahagian dalam masa 21 hari. Bagi penerima uzur atau tidak berupaya untuk hadir di pusat bayaran, Pegawai

Kes akan melawat rumah mereka untuk menyerahkan bantuan berkenaan. Semakan Audit mendapati secara umumnya pemberian bantuan telah dibuat dengan teratur kecuali perkara-perkara berikut :-

a. Di Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Petaling dan Kuala Selangor, satu akaun bank rasmi telah dibuka sejak tahun 1970an atas nama Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah bagi memasukkan wang bantuan yang diterima sama ada daripada Kerajaan Negeri Selangor atau peruntukan Kerajaan Persekutuan. Semakan Audit mendapati beberapa kelemahan dalam pengendalian akaun tersebut seperti berikut :-

   i. **Tiada bukti menunjukkan kebenaran bertulis** bagi membuka akaun tersebut telah diperolehi daripada Perbendaharaan Malaysia.

   ii. Buku akaun utama seperti buku tunai dan lejar atau rekod-rekod kecil hendaklah diselenggarakan sebagaimana yang dikehendaki oleh Akta Tatacara Kewangan dan Arahan Perbendaharaan. Semua buku akaun hendaklah diimbang tiap-tiap bulan dan baki dalam lejar-lejar kecil hendaklah disamakan dengan akaun kawalan yang berkenaan. Semakan Audit mendapati **buku akaun utama seperti buku tunai dan lejar tidak diselenggarakan di kedua-dua Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah tersebut. Terimaan dan bayaran hanya dicatat dalam Buku Daftar Terimaan Cek. Bagaimanapun, buku daftar tersebut juga tidak kemas kini.**

   iii. Mengikut Arahan Perbendaharaan 146, pada hujung setiap bulan, urusan bank yang direkodkan dalam lejar tunai hendaklah disemak dengan urusan yang terdapat dalam penyata bank dan satu penyata penyesuaian hendaklah disediakan. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati **Penyata Penyesuaian Bank tidak disediakan di kedua-dua Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah tersebut. Berdasarkan penjelasan yang diterima dari JKM Ibu Pejabat, penyesuaian tidak pernah dibuat sejak tahun 1970an dan ini menyebabkan perbezaan yang wujud sekian lama antara baki buku tunai dengan baki di penyata bank tidak dapat dikenal pasti.**

   iv. Secara keseluruhannya, baki akaun bank setakat bulan Mei 2009 adalah berjumlah RM353,194 bagi Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Petaling dan RM190,489 bagi Kuala Selangor. Bagaimanapun, **wang bantuan dari peruntukan persekutuan dan negeri telah dimasukkan bersekali ke dalam akaun bank ini menyebabkan pihak Audit tidak dapat menentukan baki sebenar bantuan persekutuan di dalam akaun tersebut. Bahkan pegawai yang bertanggungjawab di Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah berkenaan juga tidak dapat memastikan baki sebenar peruntukan persekutuan dan negeri.**

v. Berdasarkan perbincangan yang diadakan dengan Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) pada bulan Oktober 2009, JKM telah diarahkan supaya menutup akaun tersebut serta-merta atau selewat-lewatnya pada 31 Disember 2009. Bagaimanapun, JANM telah meluluskan permohonan JKM untuk menangguhkan penutupan akaun tersebut sehingga bulan Mac 2010. Berdasarkan maklum balas yang diterima dari JKM, akaun bank tersebut sedang dalam proses penutupan.

b. Mengikut Prosedur Kualiti, penerima bantuan secara tunai dikehendaki menurunkan cap ibu jari sebagai akuan penerimaan di ruangan yang dikhaskan dalam Senarai Nama Penerima Bantuan yang dilampirkan bersama-sama dengan baucar. Pegawai Kes yang membuat bayaran perlu mengesahkan pembayaran yang dibuat manakala seorang pegawai lain yang menjadi saksi pembayaran juga perlu menandatangani di senarai yang sama. Ini bermakna, bagi setiap pembayaran yang dilakukan perlu ada pengesahan daripada 3 pihak iaitu penerima, pegawai kes yang membuat bayaran dan saksi. Bagaimanapun, semakan Audit terhadap senarai penerima mendapati ada kes-kes di mana **tandatangan Pegawai Kes yang membuat bayaran dan saksi tidak diturunkan di Senarai Nama Penerima Bantuan seperti yang ditetapkan dalam peraturan.** Berikut diberikan contohnya :-

JADUAL 32.8
SENARAI NAMA PENERIMA BANTUAN
TIDAK MEMPUNYAI TANDATANGAN PEGAWAI PEMBAYAR DAN SAKSI

PEJABAT KEBAJIKAN MASYARAKAT DAERAH	KAWASAN	SKIM	BAUCAR	BILANGAN PENERIMA BANTUAN	JUMLAH BANTUAN (RM)
Petaling	Subang Jaya	EPC	Januari 2009	6	1,800
	Subang Jaya	EPC	Mac 2009	3	900
Batu Pahat	Parit Yaani	BKK	Februari 2009	66	16,650
JUMLAH				**75**	**19,350**

Nota : ***EPC - Elaun Pekerja Cacat*** ***BKK - Bantuan Kanak-Kanak***

c. Mengikut Prosedur Kualiti JKM, semua Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah/Jajahan/Bahagian perlu menghantar surat kepada Ketua Balai Polis Daerah bagi mendapatkan khidmat pengiring keselamatan pada hari bayaran untuk mengiringi ke bank dan tempat bayaran. Semakan Audit mendapati surat permohonan untuk mendapatkan khidmat pengiring polis telah dikemukakan kepada Ketua Balai Polis Daerah yang berkenaan. Bagaimanapun, berdasarkan pemerhatian Audit di Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah/Jajahan/Bahagian yang dilawati, didapati **tiada pegawai polis yang mengiringi ke bank dan tempat bayaran semasa pengagihan bantuan dibuat.** Secara puratanya, jumlah wang yang dibawa untuk diagihkan adalah antara RM310,797 hingga RM587,288. Berdasarkan maklum balas yang diterima dari JKM, pihaknya tidak mempunyai masalah untuk mendapatkan kerjasama dari pihak polis di peringkat operasi.

Bagaimanapun, berlaku keadaan di mana pihak polis tidak dapat memberi bantuan anggotanya dalam semua permohonan yang dibuat oleh Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah. Ini adalah kerana pihak polis juga mempunyai kekangan dari segi bilangan keanggotaan di peringkat negeri dan daerah terutamanya apabila berlaku pertembungan program-program tempatan yang memerlukan perkhidmatan pihak polis untuk mengawal keadaan. Sehubungan ini, JKM telah memohon peruntukan di bawah dasar baru bagi mendapatkan perkhidmatan pengawal keselamatan swasta bagi menggantikan peranan pihak polis selaku pengiring semasa pengangkutan wang bantuan dibuat oleh pegawai JKM.

d. Arahan Perbendaharaan 96(c) menetapkan sekiranya bantuan tersebut tidak dapat diagihkan dalam masa 21 hari, wang tersebut mestilah dengan serta merta dimasukkan ke dalam Akaun Bank Kerajaan dan baucar yang berkaitan hendaklah dihantar kepada Perbendaharaan Malaysia atau Perbendaharaan Kecil. Semakan Audit mendapati di Perak, wang bantuan yang tidak dapat diagihkan pada tahun 2007 hingga 2009 telah dimasukkan terus ke Akaun Bank Kerajaan oleh Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah yang berkenaan. Bagi wang bantuan yang tidak dapat diagihkan oleh Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah/Jajahan/Bahagian di Johor, Selangor, Sabah dan Kelantan, ia telah diserahkan kepada JKM Negeri terlebih dahulu untuk dimasukkan ke dalam Akaun Bank Kerajaan. Semakan Audit selanjutnya mendapati **6 daripada 10** Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah/Jajahan/Bahagian yang dilawati lewat menyerahkan wang bantuan yang tidak diagihkan berjumlah RM407,900 kepada JKM Negeri berkenaan dan seterusnya menyebabkan wang tersebut **lewat dimasukkan ke Akaun Bank Kerajaan**. Tempoh kelewatan pengembalian wang bantuan itu adalah antara 8 hingga 190 hari. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 32.9
KELEWATAN MENGEMBALIKAN WANG BANTUAN YANG TIDAK DITUNTUT KEPADA JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT NEGERI

NEGERI	PEJABAT KEBAJIKAN MASYARAKAT DAERAH/JAJAHAN/ BAHAGIAN	BILANGAN BAUCAR MENGIKUT TAHUN			BANTUAN TIDAK DITUNTUT YANG LEWAT DIMASUKKAN KE AKAUN BANK KERAJAAN (RM)			KELEWATAN (Hari)		
		2007	2008	2009	2007	2008	2009	2007	2008	2009
Johor	Batu Pahat	-	3	-	-	1,400	-	-	15-143	-
Sabah	Kota Kinabalu	-	-	4	-	-	9,350	-	-	15-70
	Beaufort	-	-	1	-	-	15,000	-	-	12
Kelantan	Kota Bharu	1	6	2	4,350	8,100	3,600	70	14-66	8-68
Selangor	Petaling	22	21	13	51,100	78,800	142,800	16-39	18-190	11-64
	Kuala Selangor	19	15	13	29,850	41,800	21,750	17-70	18-164	18-56
JUMLAH		**42**	**45**	**33**	**85,300**	**130,100**	**192,500**	**16-70**	**14-190**	**8-70**

32.4.3.2. Berdasarkan maklum balas yang diterima dari JKM, beberapa usaha telah diambil bagi memperkemas dan mempercepatkan sistem bayaran di peringkat negeri dan daerah seperti berikut :-

a. Menggalakkan lebih ramai penerima bantuan menggunakan kaedah bayaran melalui bank.

b. Hasil perbincangan yang berterusan, Jabatan Akauntan Negara Malaysia telah meluluskan permohonan JKM untuk menubuhkan Pusat Tanggungjawab (PTJ) dan Panjar Khas Bantuan Persekutuan di Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah. Pendekatan ini masih di peringkat kajian rintis yang dijalankan di Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Seremban dan Petaling. Ianya akan diperluaskan ke Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah lain yang mempunyai bebanan tugas yang tinggi setelah pelaksanaan di 2 Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah tersebut berjalan lancar dan stabil. Perancangan ini dijangka dilaksanakan sepenuhnya pada bulan Julai 2010.

32.4.4. Sistem e-Bantuan JKM

Pada tahun 2007, JKM telah membangunkan Sistem e-Bantuan dengan kos keseluruhan berjumlah RM4.50 juta. Tujuannya ialah untuk memudahkan permohonan didaftarkan, disiasat dan diluluskan; melancarkan proses pembayaran serta memudahkan penjanaan surat dan laporan. Semakan Audit mendapati pelaksanaan sistem ini tidak berjalan lancar kerana infrastruktur sedia ada tidak dapat menyokong keupayaan sistem untuk digunakan oleh seramai 1,500 pegawai kebajikan dalam sesuatu masa di seluruh negara. Sistem sering kali terganggu kerana *bandwidth* tidak berupaya untuk menampung keperluan pengguna yang semakin meningkat. Bagaimanapun pada tahun 2009, JKM telah memperkemas dan meningkatkan keupayaan talian sistem ini dari intranet kepada internet. Selain itu, peralatan/perkakasan seperti *server, bandwidth* dan peralatan komputer yang lebih menyeluruh telah dibekalkan kepada Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah/ Jajahan/Bahagian. Hasil dari peningkatan sistem ini, ia telah beroperasi pada awal tahun 2010 dan proses kemasukan data sedang dilaksanakan dan dijangka selesai pada bulan Jun 2010. **Pada pandangan Audit, JKM telah mengambil tindakan yang sewajarnya untuk memastikan pengurusan wang bantuan dibuat dengan lebih cekap dan teratur. Dengan beroperasinya Sistem e-Bantuan ini, sebahagian besar isu-isu yang dibangkitkan oleh pihak Audit akan dapat diselesaikan.**

32.4.5. Kelemahan Penyelenggaraan Rekod

32.4.5.1. Mengikut Arahan Perbendaharaan 98(a), Daftar Pembayaran hendaklah diselenggarakan di semua pejabat mengikut format yang ditetapkan bagi menunjukkan butiran mengenai wang tunai dan cek terbuka yang diterima untuk dibahagi-bahagikan. Semakan Audit di 10 Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah/Jajahan/Bahagian mendapati **daftar ini tidak diselenggarakan mengikut format yang ditetapkan dalam Arahan Perbendaharaan.** Sebaliknya, setiap Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah/Jajahan/Bahagian

menyelenggarakan daftar mengikut format yang tersendiri bagi merekodkan penerimaan dan pembayaran wang tunai untuk dibahagi-bahagikan. Format yang digunakan tidak seragam antara satu Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah/Jajahan/Bahagian dengan yang lain serta tidak lengkap kerana tidak mengandungi 8 perihal yang ditetapkan dalam Arahan Perbendaharaan seperti tarikh terima wang untuk dibahagi-bahagikan dan tarikh bayaran disempurnakan.

32.4.5.2. Fail individu perlu dibuka bagi setiap permohonan bantuan yang diterima. Ia perlu dilengkapkan dengan maklumat mengenai pemohon seperti borang permohonan, salinan kad pengenalan pemohon, kad OKU bagi pemohon skim Elaun Pekerja Cacat, surat temu janji, surat makluman kelulusan serta borang kajian semula kes pada setiap tahun. Semakan Audit terhadap **830 fail individu di 10 Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah/Jajahan/Bahagian mendapati ianya tidak diselenggarakan dengan lengkap.** Beberapa maklumat penting seperti salinan kad pengenalan, kad OKU bagi pemohon Elaun Pekerja Cacat dan sijil kelahiran anak bagi pemohon Bantuan Kanak-kanak tidak terdapat dalam fail individu yang disemak.

Pada pandangan Audit, Jabatan Kebajikan Masyarakat perlu memastikan Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah/Jajahan/Bahagian menyelenggarakan rekod dan dokumen yang berkaitan dengan teratur dan kemas kini untuk mengelakkan pertindihan kelulusan dan pembayaran bantuan. Sehubungan ini, satu format Daftar Pembayaran hendaklah diwujudkan bagi merekod penerimaan dan pembayaran wang tunai selaras dengan Arahan Perbendaharaan 98(a) untuk digunakan oleh semua Pejabat Kebajikan Masyarakat di seluruh negara.

32.4.6. Kekurangan Kemudahan

32.4.6.1. Mengikut Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 10 Tahun 1991, kemudahan yang sesuai dan mencukupi perlu disediakan untuk orang awam yang berurusan dengan pejabat Kerajaan. Antaranya adalah dengan menyediakan ruangan tempat menunggu yang selesa serta sistem giliran yang teratur. Lawatan Audit ke 10 Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah/Jajahan/ Bahagian mendapati **kesemua pejabat tersebut mempunyai ruang menunggu yang sempit mengakibatkan penerima bantuan terpaksa menunggu dan berdiri di luar pejabat semasa bantuan diagihkan.** Selain itu, didapati **kesemua pejabat tersebut tidak mempunyai sistem giliran yang sistematik menyebabkan penerima bantuan berkumpul di hadapan kaunter.** Contohnya adalah seperti di gambar berikut :-

GAMBAR 32.1



Pejabat Kebajikan Masyarakat
Daerah Petaling, Selangor
- Kaunter Yang Sempit Tanpa Sistem
Giliran Yang Sistematik
(07.07.2009)

GAMBAR 32.2



Pejabat Kebajikan Masyarakat Jajahan
Kota Bharu, Kelantan
- Penerima Bantuan Terpaksa Menunggu
Di Kaki Lima Pejabat
(12.07.2009)

32.4.6.2. Berdasarkan maklum balas yang diterima, JKM pada dasarnya menyedari wujudnya persekitaran kerja yang kurang selesa di kebanyakan Pejabat Kebajikan Masyarakat Negeri dan Daerah/Jajahan/Bahagian. Bagaimanapun, JKM sebelum ini tidak mempunyai peruntukan yang besar untuk membuat perolehan pejabat-pejabat baru yang luas dan selesa walaupun pada hakikatnya ianya adalah satu keperluan kepada pekerja dan orang awam yang datang berurusan setiap hari. Namun dijangkakan masalah ini dapat diatasi pada tahun 2010 memandangkan di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi Kedua, JKM telah diluluskan peruntukan berjumlah RM45 juta untuk menambah baik infrastruktur bangunan dan kelengkapan peralatan di Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah/Jajahan/Bahagian seluruh negara. Tindakan Kerajaan ini merupakan satu langkah yang bijaksana bagi menyokong pelaksanaan Bidang Keberhasilan Utama Nasional (NKRA) dan selaras dengan Dasar 1 Malaysia, Rakyat Didahulukan.

32.5. SYOR AUDIT

Sungguhpun Jabatan Kebajikan Masyarakat telah mengambil tindakan penambahbaikan terhadap teguran yang dibuat oleh pihak Audit, namun bagi meningkatkan keberkesanan Program ini, pihak yang terlibat adalah disyorkan supaya mengambil tindakan berikut :-

32.5.1. Suruhanjaya Perkhidmatan Awam/Jabatan Perkhidmatan Awam patut mengisi jawatan-jawatan yang kosong atau meluluskan jawatan tambahan bagi mengatasi kelemahan yang wujud dalam pengurusan permohonan bantuan. Selain itu, ianya juga bagi memperkasakan JKM untuk mencapai NKRA yang ditetapkan di bawah Inisiatif Mempertingkatkan Taraf Kehidupan Isi Rumah Berpendapatan Rendah.

32.5.2. Jabatan Kebajikan Masyarakat perlu memastikan Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah menyelenggarakan rekod dan dokumen yang berkaitan dengan teratur dan kemas kini untuk mengelakkan pertindihan kelulusan dan pembayaran bantuan. Sehubungan ini, satu format Daftar Pembayaran hendaklah diwujudkan bagi merekod penerimaan dan pembayaran wang tunai selaras dengan Arahan Perbendaharaan 98(a) untuk digunakan oleh semua Pejabat Kebajikan Masyarakat di seluruh negara.

KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

33. PROJEK PEMBINAAN POLITEKNIK MUADZAM SHAH, PAHANG

33.1. LATAR BELAKANG

33.1.1. Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah merancang pembinaan Politeknik Muadzam Shah di atas Lot 6964, Mukim Bebar, Bandar Muadzam Shah, Daerah Pekan, Pahang Darul Makmur yang meliputi kawasan seluas 150 ekar.

33.1.2. Pada peringkat awal, projek ini dilaksana secara reka dan bina oleh Yayasan Kontraktor Melayu Pahang Corporation Bhd. (YKMP) yang dilantik secara rundingan terus. Nilai kontrak adalah berjumlah RM219 juta dan tempoh siap projek selama 24 bulan iaitu daripada 15 September 2001 hingga 14 September 2003. YKMP telah melantik anak syarikat Kausar Corporation Sdn. Bhd. iaitu V.C. Technologies Sdn. Bhd. (V.C. Technologies) sebagai subkontraktor untuk melaksanakan projek tersebut. Pada masa yang sama, KPM melantik Kumpulan Ikram Perunding Management Sdn. Bhd. (KIP Management) sebagai perunding pengurusan projek (PMC) bagi menyelia projek ini. Projek ini gagal disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan dan kontraktor berkenaan telah ditamatkan kontraknya pada 15 Disember 2003.

33.1.3. Syarikat Kausar Corporation Sdn. Bhd. (Kausar) telah dilantik untuk menyiapkan projek ini antara 10 November 2005 hingga 9 Mei 2007. Bagaimanapun, syarikat ini juga gagal menyiapkannya dalam tempoh yang ditetapkan dan kontraknya telah ditamatkan pada 6 Mei 2008. Seterusnya, syarikat MMN Bina Sdn. Bhd. (MMN Bina) telah dilantik untuk menyiapkan projek tersebut dalam tempoh 12 bulan mulai 24 Februari 2009 hingga 23 Februari 2010. Keadaan projek pembinaan Politeknik Muadzam Shah pada bulan Disember 2009 adalah seperti di gambar berikut : -

GAMBAR 33.1



Politeknik Muadzam Shah Sedang Dalam Pembinaan (02.12.2009)

33.1.4. Pada bulan Mac 2004, projek ini telah diserahkan kepada **Kementerian Pengajian Tinggi** (Kementerian) berikutan penyusunan semula fungsi kementerian/jabatan Persekutuan dan pada bulan November 2004, Kementerian Kewangan telah melantik Jabatan Kerja Raya (JKR) sebagai Penguasa Projek untuk menggantikan KIP Management bagi membolehkan projek ini dilaksanakan secara konvensional.

33.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan projek pembinaan Politeknik Muadzam Shah telah dirancang dan dilaksanakan dengan cekap dan berhemat serta selaras dengan objektif yang ditetapkan.

33.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan dengan menyemak fail, dokumen dan rekod berkaitan projek pembinaan Politeknik Muadzam Shah di Bahagian Pembangunan, Kementerian Pengajian Tinggi dan Cawangan Pendidikan, JKR bagi tempoh tahun 2001 hingga 2009. Maklumat tambahan berkaitan prestasi kontraktor turut diperolehi dari Pusat Khidmat Kontraktor dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB). Semakan juga dibuat di Politeknik Muadzam Shah yang beroperasi secara menumpang di Sekolah Menengah Teknik Muadzam Shah. Di samping itu, lawatan fizikal ke tapak projek juga dijalankan bagi meninjau kedudukan prestasi pelaksanaan projek dan menemu bual pegawai serta kakitangan yang terlibat.

33.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan September hingga Disember 2009 mendapati **sungguhpun pelaksanaan projek pembinaan Politeknik Muadzam Shah sepatutnya disiapkan pada 14 September 2003, namun sehingga kini setelah hampir 10 tahun projek ini dimulakan, ia masih belum siap dibina. Kos projek telah meningkat di mana setakat bulan Februari 2010, sejumlah RM294.74 juta telah dibelanjakan berbanding dengan kos asal projek berjumlah RM219 juta iaitu peningkatan sejumlah RM75.74 juta (34.6%). Jumlah ini tidak mengambil kira kos perkhidmatan perunding yang perlu dibiayai oleh Kementerian bagi projek ini berjumlah RM10.55 juta. Memandangkan politeknik ini masih belum disiapkan, Kerajaan terpaksa menanggung kos sewaan tempat belajar sebanyak RM2,500 sebulan dan setakat bulan Disember 2009, sejumlah RM130,000 telah dibelanjakan untuk tujuan tersebut. Selain itu, bilangan pengambilan pelajar juga terpaksa dihadkan setakat 64 hingga 347 pelajar sahaja berbanding 5,000 pelajar yang dirancang.** Penjelasan lanjut mengenai perkara yang ditemui adalah seperti di perenggan-perenggan berikut :-

33.4.1. Prestasi Projek

33.4.1.1. Semenjak projek ini dimulakan pada tahun 2001 sehingga ke tarikh pengauditan pada tahun 2009, 3 kontraktor terlibat dengan pelaksanaannya. YKMP dan Kausar gagal menyiapkan projek ini dalam tempoh yang ditetapkan dan telah ditamatkan kontrak. Seterusnya, MMN Bina telah dilantik untuk menyiapkan projek ini, namun kemajuan kerja pada tarikh projek sepatutnya siap iaitu 23 Februari 2010 hanya 87%. Didapati MMN Bina telah diluluskan lanjutan masa selama 112 hari iaitu sehingga 15 Jun 2010. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 33.1
KONTRAKTOR YANG MELAKSANAKAN PROJEK
PEMBINAAN POLITEKNIK MUADZAM SHAH

NAMA KONTRAKTOR/ NILAI KONTRAK	TEMPOH KONTRAK	TEMPOH LANJUTAN MASA	BILANGAN HARI LANJUTAN MASA	PERATUS KERJA PADA TARIKH PROJEK SEPATUTNYA SIAP (%)	PERBELANJAAN YANG TELAH DILAKUKAN (RM Juta)
Yayasan Kontraktor Melayu Pahang Corporation Bhd./ RM219 juta	15.09.2001 hingga 14.09.2003	14.09.2003 hingga 20.09.2003	6 hari	41.5	66.23
Syarikat Kausar Corporation Sdn. Bhd./ RM193 juta	10.11.2005 hingga 09.05.2007	09.05.2007 hingga 30.11.2007	205 hari	72.5	126.07
MMN Bina Sdn. Bhd./ RM148 juta	24.02.2009 hingga 23.02.2010	23.02.2010 hingga 15.06.2010	112 hari	87	102.44 *
JUMLAH					**294.74**

Nota : (*) - Setakat 23 Februari 2010

33.4.1.2. Semakan Audit mendapati antara faktor yang menyebabkan YKMP dan Kausar tidak berupaya menyiapkan projek tersebut dalam tempoh yang ditetapkan adalah kerana mereka mengalami masalah kewangan, kesukaran mendapatkan pekerja dan kelemahan pengurusan projek. Manakala MMN Bina pula lewat menyiapkan projek kerana masalah mendapatkan pekerja, kelewatan JKR melantik subkontraktor untuk kerja-kerja elektrik dan kelewatan subkontraktor tersebut menyiapkan kerja-kerja berkenaan.

Pada pandangan Audit, prestasi kerja dan kedudukan kewangan sesebuah syarikat perlu dijadikan asas dalam pemilihan kontraktor dan subkontraktor bagi melaksanakan projek Kerajaan supaya projek berjalan lancar dan tidak merugikan Kerajaan. Selain itu, pihak Kementerian dan JKR juga hendaklah memantau dan memberikan pengawasan yang rapi terhadap kerja-kerja yang dilaksanakan oleh kontraktor serta perunding bagi memastikan projek dilaksanakan mengikut spesifikasi dan siap dalam tempoh yang ditetapkan.

33.4.1.3. JKR mengeluarkan 6 surat amaran kepada Kausar dalam tempoh bulan Mac hingga November 2007 dan notis untuk tujuan penamatan kontrak Kausar juga telah dikeluarkan pada bulan Disember 2007. Bagaimanapun, Kausar telah mengemukakan beberapa rayuan kepada Y.B. Menteri Kerja Raya supaya dikekalkan sebagai kontraktor. Oleh demikian, pada 13 Februari 2008, JKR membatalkan notis penamatan kontrak berdasarkan kepada mesyuarat yang dipengerusikan oleh Y.B. Menteri Kerja Raya pada 21 Januari 2008 yang memutuskan supaya Kausar diberi peluang untuk menyiapkan projek sehingga 30 Jun 2008. Bagaimanapun pemeriksaan yang dijalankan oleh Kementerian Kerja Raya dan Kementerian Pengajian Tinggi pada bulan Mac 2008 mendapati tiada langsung aktiviti pembinaan dijalankan di tapak projek. Oleh itu, JKR telah menamatkan kontrak Kausar pada 6 Mei 2008.

33.4.1.4. Denda kelewatan yang sepatutnya dikenakan kepada YKMP dan Kausar masing-masingnya berjumlah RM5.10 juta dan RM4.34 juta. Setakat 31 Disember 2009, denda ini masih belum dijelaskan oleh kedua-dua kontraktor tersebut. Bagaimanapun, Kementerian telah memungut Wang Jaminan Pelaksanaan berjumlah RM6.62 juta daripada YKMP melalui potongan bayaran kemajuan. Bagi Kausar pula, sungguhpun JKR telah mengambil tindakan untuk mencairkan Bon Pelaksanaan yang bernilai RM9.65 juta, namun Kausar telah merujuk pertikaian dan perselisihan tentang kes pencairan bon pelaksanaan tersebut untuk proses timbang tara. Mahkamah telah membenarkan permohonan injunksi daripada pihak Kausar untuk menghalang JKR daripada mencairkan Bon Pelaksanaan sehingga pertikaian tersebut diputuskan oleh Penimbangtara. Memandangkan kes ini masih belum selesai, JKR perlu terlebih dahulu mengambil tindakan bagi memungut denda berjumlah RM4.34 juta daripada Kausar.

33.4.2. Impak Kegagalan Menyiapkan Projek


Kegagalan menyiapkan Politeknik Muadzam Shah, Pahang mengikut tempoh yang ditetapkan telah menimbulkan implikasi kepada kewangan dan menjejaskan imej Kerajaan serta prestasi Politeknik Muadzam Shah seperti berikut :-

33.4.2.1. Objektif pembinaan projek ini iaitu untuk menyediakan peluang pendidikan dan kemahiran di politeknik serta menambah bilangan pelajar tidak tercapai. Sekiranya politeknik ini siap mengikut jadual, dianggarkan 5,000 pelajar dapat melanjutkan pelajaran. Bagaimanapun dengan status menumpang, enrolmen pelajar bagi setiap sesi bagi tempoh tahun 2004 hingga 2009 adalah antara 64 hingga 347 pelajar sahaja iaitu hanya mencapai kira-kira 7% daripada sasaran yang ditetapkan.

33.4.2.2. Sasaran 22 kursus yang dirancang terutamanya kursus berbentuk teknikal antaranya teknologi maklumat, rekabentuk komputer grafik, kejuruteraan pembuatan, kejuruteraan automatif dan rekabentuk produk tidak dapat dilaksanakan kecuali kursus bukan teknikal iaitu pengurusan perniagaan.

33.4.2.3. Pensyarah/pelajar politeknik terpaksa berkongsi kemudahan pendidikan dengan Sekolah Menengah Teknik Muadzam Shah yang ditumpanginya. Sebagai contoh bilik darjah telah dijadikan bilik pensyarah, dewan syarahan dan pejabat pentadbiran yang mana telah menimbulkan keadaan yang amat tidak selesa, tidak sesuai dan tidak setaraf dengan kemudahan yang sepatutnya dinikmati oleh pensyarah dan pelajar. Selain itu, pelajar juga ditempatkan di asrama sekolah berbentuk *dorm* yang dihuni seramai 14 pelajar. Keadaan ruang pejabat, bilik perpustakaan dan asrama pelajar adalah seperti di gambar-gambar berikut : -

GAMBAR 33.2



- Keadaan Pejabat Yang Sempit Menempatkan Pensyarah-Pensyarah Bagi Jabatan Perdagangan (30.11.2009)

GAMBAR 33.3



- Keadaan Perpustakaan Yang Sempit Hanya Boleh Memuatkan 15 Pelajar Dalam Satu Masa (30.11.2009)

GAMBAR 33.4



GAMBAR 33.5



- ***Peralatan Untuk Kerja-kerja Penyenggaraan Yang Ditempatkan Dalam Bilik Unit Pembangunaan Dan Senggaraan (30.11.2009)***

GAMBAR 33.6



GAMBAR 33.7



- ***Bilik Simpanan Kertas Soalan Peperiksaan Ditempatkan Dalam Satu Bilik Bersama Dengan Pegawai Unit Peperiksaan. Kawalan Hanya Dibuat Dengan Mengunci Pintu Bilik Berkenaan. (30.11.2009)***

GAMBAR 33.8



GAMBAR 33.9



Asrama Pelajar
- Keadaan Dorm Yang Sempit Menempatkan Antara 12 Hingga 14 Pelajar Lelaki/Perempuan
(30.11.2009)

33.4.2.4. Kos projek telah meningkat di mana setakat bulan Februari 2010, sejumlah RM294.74 juta telah dibelanjakan berbanding dengan kos asal projek sebanyak RM219 juta. Jumlah ini tidak mengambil kira kos perkhidmatan perunding yang perlu dibiayai oleh Kementerian yang berjumlah RM10.55 juta seperti berikut : -

JADUAL 33.2
KOS PERKHIDMATAN PERUNDING

BIDANG	PERUNDING PERINGKAT AWAL	PERUNDING SEMASA	ASAL (RM juta)	TAMBAHAN 1 (RM juta)	TAMBAHAN 2 (RM juta)
Arkitek	• Halim Shahriman & Associates • Fau Arkitek	Pace Design Architect	2.44	0.51	0.10
Kejuruteraan Awam dan Struktur	SAR Jurutera Perunding	Jurutera Perunding Bestari	2.70	0.52	0.20
Kejuruteraan Mekanikal dan Elektrikal	SAR Jurutera Perunding	Ilham Consults Sdn. Bhd.	2.20	0.24	-
Ukur Bahan	FL Associates	FL Associates	1.34	0.19	0.11
JUMLAH			**8.68**	**1.46**	**0.41**

33.4.2.5. Pihak pengurusan politeknik juga terpaksa menyewa Bangunan Galeri Ilmu untuk dijadikan kelas sejak bulan September 2005 sehingga sekarang dengan kos sewaan berjumlah RM2,500 sebulan. Sehingga bulan Disember 2009, sejumlah RM130,000 telah dibayar untuk tujuan tersebut.

33.4.2.6. Mengikut syarat kontrak, Kerajaan boleh menuntut apa-apa kerugian daripada YKMP dan Kausar jika kontrak mereka ditamatkan akibat daripada kegagalannya menyiapkan projek pembinaan Politeknik Muadzam Shah, Pahang. Sehubungan ini, setelah projek disiapkan oleh kontraktor penyelamat, Pegawai Penguasa perlu menyediakan satu perakuan yang menunjukkan dengan jelas jumlah kos penyiapan projek seperti jumlah yang telah dibayar kepada kontraktor asal, jumlah yang perlu dibayar kepada kontraktor penyelamat dan lain-lain kos yang terlibat untuk menyiapkan projek ini. Sebarang perbezaan antara kos untuk menyiapkan projek ini dengan kos asal perlu dituntut daripada kontraktor asal dan kontraktor penyelamat pertama.

Pada pandangan Audit, sebaik sahaja projek ini disiapkan, Kementerian perlu mengenal pasti dan menuntut jumlah kos kerugian daripada YKMP dan Kausar yang gagal menyiapkan projek dalam tempoh yang ditetapkan.

33.4.3. Kualiti Kerja Pembinaan

Lawatan Audit ke tapak projek pada bulan Disember 2009 untuk meninjau kemajuan dan kualiti kerja pembinaan oleh Syarikat MMN Bina Sdn. Bhd. mendapati perkara berikut :-

33.4.3.1. Beberapa reka bentuk pembinaan tidak sesuai dan boleh menjejaskan keselesaan pengguna seperti di gambar berikut :-

GAMBAR 33.10



Bilik Kuliah Di Zon B
- Kipas Yang Dipasang Dilindungi Oleh Rasuk Menyebabkannya Tidak Berfungsi Dengan Berkesan
(02.12.2009)

GAMBAR 33.11



Asrama Di Zon C
- Kipas Yang Dipasang Di Bawah Lampu Menyebabkan Bayang-bayang
(02.12.2009)

GAMBAR 33.12



GAMBAR 33.13



Laluan Berbumbung Asrama
- Kerangka Bumbung Yang Rendah Merbahayakan Pengguna
(02.12.2009)



GAMBAR 33.14

Bilik Bengkel Di Zon A
- Kipas Angin Yang Digantung Terlalu Tinggi Tidak Sesuai Dengan Ketinggian Bilik Bengkel
(02.12.2009)

33.4.3.2. Mengikut spesifikasi kontrak, kawasan tanah perlu dirata, dicerun dan digredkan (*trim, level and grade*) dan kemudiannya dilapis dengan *vegetable earth* dan tanah hitam sebelum penanaman rumput dilakukan. Semakan Audit mendapati proses penanaman rumput di kawasan Zon B dan Pusat Islam tidak mengikut spesifikasi yang ditetapkan, sebaliknya mengandungi sampah dan batu-batan seperti di gambar-gambar berikut : -

GAMBAR 33.15



Core Facilities Block
- Sampah Dan Batu Tidak Dibersihkan Terlebih Dahulu Sebelum Kerja-kerja Penanaman Rumput Dilakukan
(02.12.2009)

GAMBAR 33.16



Core Facilities Block
- Kawasan Tanaman Rumput Yang Mengandungi Kayu Dan Batu
(02.12.2009)



GAMBAR 33.17

Pusat Islam
- Tanah Tidak Rata Menyebabkan Air Bertakung
(02.12.2009)

33.4.4. Keselamatan Di Tapak Projek

Syarat kontrak menetapkan Syarikat MMN Bina Sdn. Bhd. bertanggungjawab terhadap keselamatan di tapak projek dengan memastikan amalan kerja selamat sentiasa dipraktikkan bagi mengelakkan sebarang bahaya. Didapati kontraktor berkenaan kurang menitikberatkan ciri-ciri keselamatan seperti di gambar berikut :-

GAMBAR 33.18



GAMBAR 33.19



Core Facilities Block
- Pekerja Tidak Memakai Topi Keselamatan Semasa Menjalankan Kerja-kerja Pembinaan
(02.12.2009)

33.5. SYOR AUDIT

Bagi memastikan Politeknik Muadzam Shah boleh beroperasi secepat mungkin serta Kerajaan mendapat *value for money* bagi pelaksanaan projek-projek di masa hadapan, adalah disyorkan supaya Kementerian Pengajian Tinggi/Jabatan Kerja Raya (JKR) mengambil tindakan terhadap perkara-perkara seperti berikut :-

33.5.1. JKR hendaklah memantau dan memberikan pengawasan yang rapi terhadap kerja-kerja yang dilaksanakan oleh kontraktor serta perunding bagi memastikan projek dilaksanakan mengikut spesifikasi dan siap dalam tempoh yang ditetapkan.

33.5.2. Prestasi kerja dan kedudukan kewangan sesebuah syarikat perlu dijadikan asas dalam pemilihan kontraktor dan subkontraktor bagi melaksanakan projek Kerajaan supaya projek berjalan lancar dan tidak merugikan Kerajaan.

33.5.3. Memandangkan kes pencairan bon pelaksanaan daripada Kausar masih belum diputuskan oleh Penimbang Tara, JKR perlu terlebih dahulu mengambil tindakan bagi memungut denda berjumlah RM4.34 juta daripada kontraktor tersebut.

33.5.4. Memandangkan YKMP (kontraktor asal) dan Kausar (kontraktor penyelamat pertama) gagal menyiapkan projek dalam tempoh yang ditetapkan, Kementerian/JKR perlu mengenal pasti dan menuntut jumlah kos kerugian dari kedua-dua kontraktor tersebut sebaik sahaja projek ini disiapkan oleh kontraktor penyelamat kedua yang dilantik.

KEMENTERIAN PERTAHANAN

34. PENGURUSAN PAJAKAN PREMIS KEPADA PERBADANAN PERWIRA NIAGA MALAYSIA (PERNAMA)

34.1. LATAR BELAKANG

34.1.1. PERNAMA adalah sebuah perbadanan milik penuh Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) yang diperbadankan di bawah Seksyen 23, Akta Tabung Angkatan Tentera 1973 dengan tujuan menjalankan aktiviti perniagaan, peruncitan, pemborongan, pengedaran, sewa beli barang dan memberi khidmat pengurusan kepada anggota tentera. Penubuhan PERNAMA telah diwartakan pada 7 Julai 1983 dan telah mengambil alih sepenuhnya operasi perniagaan *Navy, Army and Air Force Institute* (NAAFI), United Kingdom yang ketika itu mempunyai rangkaian 35 buah kedai. Pada tahun 1995, kedai PERNAMA di seluruh Malaysia adalah sebanyak 61 buah dengan kadar pajakan bulanan bersamaan 30% daripada kadar sewa pasaran yang ditetapkan oleh Bahagian Pengurusan Bangunan Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri (dikenali sebagai Bahagian Pengurusan Hartanah mulai tahun 1996). Manakala kadar sewa pasaran akan ditetapkan oleh Jabatan Penilaian Dan Perkhidmatan Harta (JPPH), Kementerian Kewangan.

34.1.2. Pada 16 Jun 1999, Kerajaan telah meluluskan pajakan bagi 61 buah kedai tersebut bagi tempoh 1 Jun 1999 hingga 31 Mei 2014. Pada 28 Ogos 2000, Bahagian Pengurusan Perolehan Kerajaan, Kementerian Kewangan telah meluluskan pajakan 171 ruang pejabat dan kedai lagi di kem tentera seluruh negara kepada PERNAMA.

34.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan untuk menilai sama ada urusan pajakan premis dilaksanakan dengan cekap dan teratur mengikut peraturan yang ditetapkan.

34.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan dengan menyemak rekod serta dokumen berhubung dengan pajakan premis kepada PERNAMA yang terdapat di Unit Pengurusan Tanah, Bahagian Pembangunan; Bahagian Akaun serta Cawangan Berek. Lawatan telah dijalankan ke 15 kedai PERNAMA di Kuala Lumpur, Selangor, Pahang, Kedah dan Sarawak untuk meneliti aktiviti yang dilaksanakan serta menemu bual anggota dan pegawai yang terlibat.

34.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Mei hingga Ogos 2009 mendapati secara umumnya **pengurusan pajakan premis kepada PERNAMA adalah kurang**

memuaskan. Antara kelemahan yang diperhatikan ialah sebahagian premis yang diduduki oleh PERNAMA tanpa kelulusan Kerajaan, perjanjian lewat ditandatangani dengan PERNAMA, rekod berhubung premis yang dipajakkan tidak diselenggarakan dengan lengkap, PERNAMA tidak menjelaskan bayaran pajakan premis dan bil utiliti untuk tempoh-tempoh tertentu dan kurang pemantauan oleh unit yang berkaitan. Penjelasan lanjut berhubung dengan perkara yang ditemui adalah seperti di perenggan berikut :-

34.4.1. Premis Yang Diduduki Oleh PERNAMA Tanpa Kelulusan

34.4.1.1. Jemaah Menteri di dalam mesyuaratnya pada 16 Jun 1999 telah meluluskan pajakan 61 premis Kementerian Pertahanan (Kementerian) kepada PERNAMA. Selain itu, Ketua Setiausaha Kementerian di dalam Mesyuarat Bagi Membincangkan Isu-isu Berhubung PERNAMA yang diadakan pada 1 April 2008 telah menetapkan bahawa pajakan yang boleh diteruskan adalah bagi lot-lot yang diluluskan oleh Jemaah Menteri sahaja. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati bilangan premis yang diambil kira untuk tujuan menandatangani kontrak pajakan dengan PERNAMA adalah termasuk 9 unit kedai yang tiada dalam senarai 61 premis yang diluluskan oleh Jemaah Menteri. Kesemua 9 premis tersebut telah mula beroperasi di antara bulan Ogos 2000 hingga bulan September 2003 iaitu selepas tarikh kelulusan oleh Jemaah Menteri pada 16 Jun 1999. Senarai premis yang terlibat adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 34.1
PREMIS YANG TIADA DALAM SENARAI ASAL 61 LOKASI YANG DILULUSKAN OLEH JEMAAH MENTERI

RUJUKAN KEDAI PERNAMA	ALAMAT	MULA BEROPERASI
PN 040 Sg. Petani	KD 6 - Lamaniaga PERNAMA, Lapangan Terbang Sg. Petani, Jln. Kolam Air, Kedah	Oktober 2003
PN 040 Sg. Petani	KD 5 - Lamaniaga PERNAMA, Lapangan Terbang Sg. Petani, Jln. Kolam Air, Kedah	Ogos 2000
PN 110 Sg. Besi	KL 6 - Kedai PERNAMA Kem Sg. Besi, Kuala Lumpur	
PN 110 Sg. Besi	KL 5 - Kedai PERNAMA Kem Sg. Besi, Kuala Lumpur	
PN 110 Sg. Besi	KL 10 - Kedai PERNAMA Kem Sg. Besi, Kuala Lumpur	
PN 270 Kuching	SW 4 - Kedai PERNAMA Kem Penrissen, Kuching, Sarawak	
PN 270 Kuching	SW 3 - Kedai PERNAMA Kem Penrissen, Kuching, Sarawak	
PN 200	JH 17 - Kedai PERNAMA Kem Majidee, Johor Baru	
PN 220	PH 6 - Kedai PERNAMA Kem Batu 5, Mentakab, Pahang	September 2003

34.4.1.2. Berdasarkan kepada maklum balas yang diterima, sebaik sahaja menerima teguran Audit, Kementerian telah mengarahkan supaya PERNAMA menyediakan pelan *pre comp* bagi membolehkan JPPH membuat penilaian untuk menentukan kadar pajakan premis-premis berkenaan. Kelulusan Jemaah Menteri akan dipohon setelah penyediaan pelan *pre comp* dan urusan penilaian tersebut diselesaikan

34.4.2. Perjanjian Pajakan Lewat Ditandatangani

Semakan Audit mendapati Kementerian telah mengemukakan perjanjian bagi 61 premis yang diluluskan oleh Jemaah Menteri yang telah ditandatangani oleh PERNAMA untuk ditandatangani oleh Ketua Pengarah Tanah dan Galian (KPTG) (mewakili Kerajaan) pada bulan Jun 2001. Perjanjian tersebut adalah bagi tempoh 1 Jun 1999 hingga 31 Mei 2014 dengan kadar pajakan RM12,915 sebulan untuk kesemua 61 premis. Bagaimanapun, perjanjian berkenaan dikembalikan pada bulan April 2002 kerana mengikut KPTG, perjanjian tersebut tidak mengikut format perjanjian pajakan yang sepatutnya dan tidak mempunyai kesemua maklumat yang diperlukan. Antaranya adalah maklumat tanah seperti nombor hak milik, nombor lot/PT Mukim, daerah dan keluasan tanah disenaraikan mengikut negeri. Selain itu, pelan yang lengkap bagi setiap lot yang diperlukan oleh KPTG juga tidak dikemukakan. Setelah maklumat tersebut disediakan, PERNAMA telah menandatangani semula perjanjian pajakan bagi 61 premis pada 30 Mac 2010. Manakala KPTG selaku Pesuruhjaya Tanah Persekutuan dan pemilik tanah yang berdaftar sedang dalam tindakan untuk menandatangani perjanjian tersebut.

Pada pandangan Audit, KPTG perlu menandatangani perjanjian dengan PERNAMA secepat mungkin supaya Kementerian dapat melaksanakan aktiviti penguatkuasaan untuk memastikan semua syarat perjanjian dipatuhi oleh Perbadanan tersebut. Tanpa perjanjian tersebut, bayaran pajakan yang dipungut daripada PERNAMA boleh dipertikaikan dari segi undang-undang.

34.4.3. Tunggakan Bayaran Pajakan/Utiliti

34.4.3.1. Tunggakan Bayaran Pajakan

Berdasarkan maklumat dalam draf perjanjian tahun 2001, PERNAMA sepatutnya membayar pajakan sebanyak RM12,915 sebulan bagi 61 premis yang diluluskan oleh Mesyuarat Jemaah Menteri. Ini bermakna bagi tempoh bulan Julai 1999 hingga Disember 2009, PERNAMA sepatutnya membayar sebanyak RM1.63 juta kepada Kementerian. Bagi 171 lokasi yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan untuk pajakan pula, PERNAMA perlu menjelaskan bayaran pajakan yang dianggarkan berjumlah RM540,880 setahun atau RM45,073 sebulan. Berdasarkan kepada kadar ini, PERNAMA sepatutnya membayar sebanyak RM5.05 juta bagi tempoh bulan September 2000 hingga Disember 2009. Oleh itu bayaran pajakan bagi 61 premis dan 171 lokasi yang perlu dijelaskan oleh PERNAMA setakat bulan Disember 2009 adalah dianggarkan berjumlah RM6.68 juta. Bagaimanapun setakat bulan Mac 2010, PERNAMA hanya membayar sebanyak RM2.27 juta. Ini menunjukkan **jumlah hasil pajakan yang tidak dijelaskan oleh PERNAMA dianggarkan berjumlah RM4.41 juta**.

34.4.3.2. Tunggakan Bayaran Utiliti

Kementerian mempunyai 8 Cawangan Berek di seluruh Malaysia yang bertanggungjawab untuk mengeluarkan bil air dan elektrik bagi premis-premis yang diletakkan di bawah tanggungjawabnya termasuk premis yang dipajak

kepada PERNAMA. Cawangan-cawangan tersebut itu ialah Cawangan Berek Utara 1, Utara 2, Timur, Barat, Tengah, Selatan, Sabah dan Sarawak. Semua penyewa termasuk PERNAMA dikenakan bayaran elektrik dan air berdasarkan bacaan meter mengikut jumlah penggunaannya. PERNAMA menjelaskan bil berkaitan di Unit Pungutan, Bahagian Akaun Kementerian (BAK). Semakan Audit terhadap rekod kutipan bayaran bil elektrik dan air di Cawangan Berek Tengah dan Unit Pungutan, BAK mendapati perkara berikut :-

a. Mengikut rekod di Cawangan Berek Tengah (CBT), PERNAMA masih belum menjelaskan bil elektrik dan air bagi tempoh-tempoh tertentu berjumlah RM929,590 bagi premis yang dipajaknya di Wilayah Persekutuan dan Selangor. Bagaimanapun, semakan Audit di Unit Pungutan, BAK yang bertanggungjawab menyelaraskan rekod Akaun Belum Terima Kementerian tidak menunjukkan jumlah tunggakan bagi tahun 1993 hingga 2001, 2003 dan 2005 berjumlah RM724,614. Selain daripada itu, terdapat juga perbezaan antara jumlah tunggakan bil utiliti yang ditunjukkan di rekod Berek dan Unit Akaun bagi tahun 2002, 2004, 2006 hingga 2008. Butirannya adalah seperti di **Jadual 34.2**. Memandangkan adanya perbezaan antara kedua-dua rekod tersebut, pihak Audit tidak dapat menentukan tunggakan bil utiliti yang masih belum dijelaskan oleh PERNAMA.

JADUAL 34.2
PERBEZAAN TUNGGAKAN BAYARAN ELEKTRIK DAN AIR PERNAMA ANTARA REKOD CAWANGAN BEREK TENGAH DAN UNIT PUNGUTAN, BAHAGIAN AKAUN KEMENTERIAN MENGIKUT TAHUN

TAHUN	CAWANGAN BEREK TENGAH	BAHAGIAN AKAUN	BEZA
	(RM)	(RM)	(RM)
1993	2,035	TM	2,035
1994	5,543	TM	5,543
1995	5,993	TM	5,993
1996	65,977	TM	65,977
1997	91,911	TM	91,911
1998	99,313	TM	99,313
1999	91,555	TM	91,555
2000	120,013	TM	120,013
2001	102,790	TM	102,790
2003	76,650	TM	76,650
2005	62,834	TM	62,834
Jumlah	**724,614**		**724,614**
2002	70,480	14,994	55,486
2004	37,406	120,600	83,194
2006	32,772	240	32,532
2007	50,860	44,105	6,755
2008	13,458	6,324	7,134
Jumlah	**204,976**	**186,263**	**185,101**
JUMLAH 1993 HINGGA 2008	**929,590**	**186,263**	**909,715**

Nota : ***TM - Tiada Maklumat di Unit Pungutan, Bahagian Akaun Kementerian***

b. Unit Pungutan, BAK menerima bayaran daripada PERNAMA sebanyak RM326,717 bagi tempoh antara bulan Mac tahun 2004 hingga bulan November 2007 seperti di **Jadual 34.3**. Bagaimanapun tiada salinan bil elektrik dan air diterima oleh Unit tersebut daripada CBT untuk rujukan bagi penyelesaian bayaran. Tanpa rujukan bil berkaitan menyebabkan CBT tidak dapat mengemas kini bayaran yang telah dibuat oleh PERNAMA bagi tempoh berkaitan. Sehubungan itu, rekod BAK pula menunjukkan PERNAMA mempunyai lebihan bayaran dengan jumlah tersebut.

JADUAL 34.3
BAYARAN ELEKTRIK DAN AIR OLEH PERNAMA

BULAN	TAHUN	JUMLAH DIBAYAR (RM)
Mac	2004	37,941
Mei	2004	31,720
Julai	2004	37,408
September	2004	29,720
Oktober	2004	770
November	2004	31,140
Februari	2005	32,562
November	2005	17,994
Disember	2005	6,473
Januari	2006	18,254
Mac	2006	21,363
April	2006	12,961
Jun	2006	15,900
Julai	2006	23,387
November	2007	9,124
JUMLAH		**326,717**

c. Kementerian telah mengeluarkan bil elektrik/air berjumlah RM432,473 bagi tempoh bulan Januari sehingga Disember 2009 melalui Cawangan Berek Tengah. Sehingga bulan Disember 2009, PERNAMA hanya membayar sejumlah RM138,777 dan masih mempunyai baki belum selesai berjumlah RM293,696 bagi bil tahun 2009. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 34.4
PENGGUNAAN ELEKTRIK DAN AIR OLEH PERNAMA
MENGIKUT REKOD CBT DAN UNIT PUNGUTAN,
BAHAGIAN AKAUN KEMENTERIAN UNTUK TAHUN 2009

BULAN	REKOD CBT DAN REKOD UNIT PUNGUTAN BAK		
	JUMLAH (RM)	TERIMAAN (RM)	BAKI (RM)
Januari	33,154	33,110	44
Februari	38,484	-	38,484
Mac	32,946	32,896	50
April	33,651	-	33,651
Mei	25,057	25,057	-

BULAN	REKOD CBT DAN REKOD UNIT PUNGUTAN BAK		
	JUMLAH (RM)	TERIMAAN (RM)	BAKI (RM)
Jun	47,714	47,714	-
Julai	40,078	-	40,078
Ogos	31,649	-	31,649
September	35,562	-	35,562
Oktober	45,178	-	45,178
November	34,221	-	34,221
Disember	34,779	-	34,779
JUMLAH	**432,473**	**138,777**	**293,696**

Pada pandangan Audit, Kementerian perlu menyiasat perbezaan yang wujud di antara rekod Cawangan Berek Tengah dan Unit Pungutan, Bahagian Akaun Kementerian. Sekiranya PERNAMA dapat mengemukakan resit pembayaran, pelarasan sewajarnya perlu dilaksanakan bagi mengemas kini baki hutang untuk tempoh yang berkaitan. Selain itu, Kementerian hendaklah mengeluarkan surat peringatan dan tuntutan kepada PERNAMA terhadap baki hutang yang belum selesai.

34.4.4. Kelemahan Pemantauan

34.4.4.1. Urusan berhubung dengan pajakan premis kepada PERNAMA dilaksanakan oleh Unit Pengurusan Tanah yang bertanggungjawab menguruskan hal ehwal tanah Kementerian di seluruh negara. Unit ini diketuai oleh seorang pegawai Gred M48 dan dibantu oleh 9 pegawai yang lain. Semakan Audit mendapati unit ini tidak memantau dengan berkesan aktiviti-aktiviti berhubung dengan pajakan premis kepada PERNAMA. Berdasarkan maklum balas Kementerian, kelemahan pemantauan ini adalah disebabkan oleh ketidakcukupan anggota di Unit Pengurusan Tanah.

34.4.4.2. Semakan Audit terhadap rekod yang diselenggarakan oleh Unit Pengurusan Tanah mendapati ia tidak diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini. Mengikut rekod tersebut setakat 31 Disember 2009, terdapat 166 premis yang telah dipajak kepada PERNAMA. Bagaimanapun, lawatan fizikal ke 15 premis PERNAMA mendapati 3 premis kedai yang telah ditutup tetapi masih ditunjukkan di dalam rekod sebagai sedang dipajak oleh PERNAMA. Sebaliknya, kedai PN100 bertempat di Akademi Tentera Malaysia (Universiti Pertahanan Malaysia) yang diduduki oleh PERNAMA tetapi tidak ditunjukkan dalam rekod berkenaan. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 34.5
MAKLUMAT KEDAI PERNAMA YANG TIDAK LENGKAP/KEMAS KINI

RUJUKAN PERNAMA	MAKLUMAT DI UNIT PENGURUSAN TANAH	SEMAKAN AUDIT	CATATAN
PN500	Pelan dan nombor rujukan kedai PERNAMA merujuk kepada Kedai PERNAMA di Hospital Angkatan Tentera Kem Kinrara, Puchong dan telah ditutup pada bulan Jun 1999.	Kedai PERNAMA merujuk kepada Kem Paya Jaras, Sg. Buloh dan tiada pelan mengenainya.	Rujukan kedai PERNAMA yang sama digunakan untuk 2 premis yang berlainan lokasi.

RUJUKAN PERNAMA	MAKLUMAT DI UNIT PENGURUSAN TANAH	SEMAKAN AUDIT	CATATAN
PN680	Lamaniaga Desa Tun Hussein Onn (DTHO) telah ditukar kepada kedai PERNAMA PN370 yang berada di kuarters DTHO.	Hanya kedai runcit PERNAMA PN680 telah ditutup, tetapi 8 buah gerai masih beroperasi di lokasi yang sama.	Menempatkan kedai PERNAMA, pasar basah dan gerai-gerai makanan dan disewakan kepada pihak ketiga.
PN370	Disenaraikan sebagai Jalan Sundang dan diberi nama kedai PERNAMA Kem Imphal dengan menyatakan 3 lokasi berikut :- i. KL-3 Bertempat di JKR 600 bagi operasi Anjung Selera, PERNAMA Jimat, gerai makan dan kedai jahit.	- Bangunan JKR 600 tidak dapat ditentukan lokasinya.	- Mula beroperasi bulan Mei 2002 dan tutup pada bulan Januari 2007.
	ii. KL-2 Kedai PERNAMA Bertempat di JKR 247 bagi operasi kedai jahit.	- Bangunan JKR 247 terletak di Maktab Turus Angkatan Tentera bukan di Kem Imphal.	- Mula operasi bulan Ogos 2000 dan tutup pada bulan September 2007.
	iii. KL-4 Kedai PERNAMA Bertempat di JKR 845 bagi operasi kedai PERNAMA.	- Bangunan JKR 845 terletak di Kem Kementah bukan di Kem Imphal dan menempatkan J.Sulaiman Tailor.	- Mula operasi bulan Ogos 2000 dan masih beroperasi.

34.4.4.3. Mengikut Seksyen 221(4) dan Seksyen 222(4) di bawah Bab 1 Kanun Tanah Negara, setiap pajakan tanah hendaklah mempunyai pelan yang menunjukkan keterangan yang tepat berkenaan bahagian tanah yang dipajak. Bagaimanapun, 6 daripada 14 lokasi PERNAMA yang dilawati mendapati perbezaan keadaan fizikal sebenar premis berbanding catatan di dalam pelan yang disediakan. Butir-butir premis serta perbezaan yang dimaksudkan ditunjukkan di **Jadual 34.6** dan **Gambar 34.1 hingga 34.3**. Perbezaan keadaan fizikal sebenar premis di lokasi berbanding catatan di dalam pelan akan menyukarkan penentuan kadar pajakan yang sebenar dan maklumat berkaitan pertambahan atau pengurangan keluasan premis yang diduduki oleh PERNAMA. Berdasarkan maklum balas daripada Kementerian selepas menerima teguran Audit, pengurusan kem telah diminta memantau dan memaklumkan kepada Bahagian Pembangunan sekiranya terdapat sebarang perubahan terhadap premis berkaitan tanpa kelulusan daripada Kementerian.

JADUAL 34.6
SENARAI PREMIS YANG BERBEZA KEADAAN FIZIKAL DARIPADA PELAN

RUJUKAN PERNAMA	LOKASI PREMIS MENGIKUT SENARAI	CATATAN BERKAITAN PERBEZAAN
PN 230	Lot 5315, Kem Batu 10, Kuantan, Pahang	2 unit kedai bagi pasar harian dan kedai runcit tiada dalam pelan. **(Gambar 34.1)**
PN 460	Lot 5315, Pangkalan TUDM, Kuantan, Pahang	1 unit kedai bagi pasar harian tiada dalam pelan. **(Gambar 34.2)**
PN 110 (KL 11)	Lot 3019, Kem Kentonmen, Sg. Besi, Kuala Lumpur	Bangunan kedai runcit dan stor tidak ditunjukkan dalam pelan. **(Gambar 34.3)**
PN 500	Lot 3119, Hospital Tentera, Kem TUDM, Kinrara, Puchong, Selangor	Operasi telah ditutup pada bulan Jun 1999 tetapi tidak dinyatakan dalam pelan.
PN 570	Lot 14543, Depot Simpanan Pertahanan, Kem Sg. Buloh, Selangor	Pelan yang dikemukakan kepada pihak Audit adalah bagi lokasi PERNAMA bernombor PN 500, Kem Paya Jaras, Sg. Buloh.

RUJUKAN PERNAMA	LOKASI PREMIS MENGIKUT SENARAI	CATATAN BERKAITAN PERBEZAAN
PN 370	Lot 5399, Kem Imphal, Jln. Padang Tembak, Kuala Lumpur	Pelan yang dikemukakan kepada Audit adalah bagi lokasi PERNAMA bernombor PN 370, Jalan Sundang, Kuala Lumpur.
PN 110 (KL 10)	Lot 3019, Kem Kentonmen, Sg. Besi, Kuala Lumpur	Kedai Jahit Chong Yong Su mula beroperasi pada tahun 1990 tetapi tidak ditunjukkan dalam pelan.

GAMBAR 34.1



PN230 Kem Batu 10, Kuantan
- Keadaan Fizikal Berbeza Daripada Pelan
(16.06.2009)

GAMBAR 34.2



PN460 Pangkalan TUDM, Kuantan
- Keadaan Fizikal Berbeza Daripada Pelan
(17.06.2009)



GAMBAR 34.3

PN110 Kem Kentonmen, Sg. Besi
- Bangunan Kedai Runcit Dan Stor
Tidak Ditunjukkan Dalam Pelan
(01.07.2009)

Pada pandangan Audit, perbezaan yang wujud antara pelan, lokasi dan keluasan premis akan memberi kesan terhadap penilaian JPPH dan kadar pajakan yang sepatutnya dibayar oleh PERNAMA. Oleh itu, Kementerian perlu menentukan status, bilangan, lokasi dan keluasan premis yang dipajak kepada PERNAMA. Seterusnya, Kementerian perlu memastikan pelan yang dikemukakan oleh PERNAMA adalah bersamaan dengan rekod yang telah dikemaskinikan itu.

34.4.4.4. Terdapat premis-premis yang telah disewakan semula oleh PERNAMA kepada pihak lain (pihak ketiga). Semakan Audit di 10 premis yang dipajak oleh PERNAMA mendapati bayaran pajakan berjumlah RM8,172 sebulan telah dibayar kepada Kementerian. Bagaimanapun, PERNAMA telah mengutip sewa daripada pihak ketiga berjumlah RM53,560 sebulan iaitu 6.5 kali ganda lebih tinggi daripada jumlah yang dibayar kepada Kementerian. Peratus perbezaan sewa yang dikutip oleh PERNAMA berbanding bayaran pajakan kepada Kementerian adalah antara 95.5% hingga 3,233.3% seperti ditunjukkan dalam **Jadual 34.7**. Pihak Kementerian telah memaklumkan bahawa ia akan mengkaji semula syarat-syarat pajakan kepada PERNAMA.

JADUAL 34.7
SENARAI PERBEZAAN BAYARAN PAJAKAN
KEPADA KEMENTERIAN DAN KUTIPAN SEWA OLEH PERNAMA
DARIPADA PIHAK KETIGA UNTUK TAHUN 2009

LOKASI PREMIS	JUMLAH BAYARAN PAJAKAN/SEWA BULANAN		BEZA	PERATUS PERBEZAAN (%)
	DIBAYAR OLEH PERNAMA (RM)	DIKUTIP OLEH PERNAMA (RM)		
	a	b	c = b - a	d = c/a %
Lamaniaga PERNAMA, Kem Lapangan Terbang, Jalan Kolam Air, Sungai Petani, Kedah	354	3,850	3,496	987.6
Kedai PERNAMA, Jalan Bellamy, Kuala Lumpur	1,560	3,050	1,490	95.5
Kedai PERNAMA, Kem Sungai Besi, Kuala Lumpur	930	4,625	3,695	397.3
Kedai PERNAMA, Kem Batu Kentomen, Jalan Ipoh, Kuala Lumpur	860	3,270	2,410	280.2
Lamaniaga PERNAMA, Kompleks Angkatan Tentera Kem Batu 10, Kuantan, Pahang	530	1,850	1,320	249.1
Lamaniaga PERNAMA, Kem Penrissen, Kuching, Sarawak	1,008	10,550	9,542	946.6
Kem DTHO Kuarters ATM Desa Tun Hussein Onn, Jalan Jelatek, Kuala Lumpur (Baru), PERNAMA Jalan Sundang, Kuala Lumpur (Lama)	1,720	9,650	7,930	461.0
Lamaniaga PERNAMA, Kem Wardieburn Setapak Kuala Lumpur	640	8,015	7,375	1,152.3
Kedai PERNAMA Pangkalan TUDM, Kuantan, Pahang	60	2,000	1,940	3,233.3
Kedai PERNAMA Pangkalan TUDM Shah Alam, Selangor	510	6,700	6,190	1,213.7
JUMLAH	**8,172**	**53,560**	**45,388**	**555.4**


34.4.4.5. Pajakan premis/tanah Kerajaan di kem ATM yang diduduki oleh PERNAMA yang diluluskan oleh Jemaah Menteri pada bulan Jun 1999 dikenakan syarat antara lainnya adalah premis/tanah tersebut digunakan bagi maksud aktiviti perniagaan PERNAMA sahaja. Bagaimanapun, lawatan Audit mendapati 5 premis kedai PERNAMA telah digunakan sebagai kediaman kakitangannya iaitu di PN270 Kem Penrissen Kuching; PN390 Kem TUDM, Sungai Besi; PN110 Kem Kentomen Sungai Besi; PN120 Kem Batu Kentomen; dan PN090 Kedai PERNAMA Jalan Bellamy, Kuala Lumpur. Contoh premis terlibat ditunjukkan di gambar-gambar berikut :-

GAMBAR 34.4



PN390 Kuarters TUDM, Kuala Lumpur
- Premis Digunakan Sebagai Kediaman Kakitangan PERNAMA
(01.07.2009)

GAMBAR 34.5



PN270 Kem Penrissen, Kuching
- Premis Digunakan Sebagai Kediaman Kakitangan PERNAMA
(29.07.2009)

Pada pandangan Audit, Kementerian perlu mempertingkatkan pemantauannya terhadap aktiviti yang berkaitan dengan pajakan premis kepada PERNAMA bagi memastikan PERNAMA mematuhi sepenuhnya keputusan yang telah dibuat oleh Kerajaan berhubung dengan aktiviti tersebut.

34.5. SYOR AUDIT

Bagi memastikan urusan pajakan premis kepada PERNAMA dilaksanakan dengan teratur dan kepentingan Kerajaan terpelihara, adalah disyorkan supaya pihak yang terlibat mengambil langkah-langkah yang berikut :-

34.5.1. KPTG perlu menandatangani perjanjian dengan PERNAMA secepat mungkin dan melaksanakan aktiviti penguatkuasaan untuk memastikan semua syarat perjanjian dipatuhi oleh Perbadanan tersebut. Tanpa perjanjian tersebut, kutipan bayaran pajakan yang dibuat terhadap PERNAMA boleh dipertikaikan dari segi undang-undang.

34.5.2. Kementerian perlu memastikan 9 lokasi yang tidak termasuk dalam senarai pajakan yang diluluskan oleh Jemaah Menteri diangkat untuk kelulusan sewajarnya sebelum kontrak ditandatangani.

34.5.3. Kementerian perlu mempertingkatkan pemantauannya terhadap aktiviti yang berkaitan dengan pajakan premis kepada PERNAMA bagi memastikan PERNAMA mematuhi sepenuhnya keputusan yang telah dibuat oleh Kerajaan berhubung dengan aktiviti tersebut. Bagi membolehkan pemantauan dijalankan dengan lebih berkesan, Kementerian hendaklah memastikan rekod-rekod berkaitan diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini dan perjanjian ditandatangani dengan segera. Sehubungan ini, Unit Audit Dalam Kementerian patut dipertanggungjawabkan menjalankan pemeriksaan dari semasa ke semasa terhadap rekod-rekod yang diselenggarakan untuk menentukan kesempurnaannya dan membuat lawatan ke premis-premis PERNAMA untuk memastikan syarat-syarat perjanjian dipatuhi dengan sewajarnya.

KEMENTERIAN PERTAHANAN

35. PROJEK PEMBINAAN HOSPITAL ANGKATAN TENTERA MALAYSIA, KUALA LUMPUR

35.1. LATAR BELAKANG

35.1.1. Hospital Angkatan Tentera yang terletak di Kem Kinrara, Puchong dikenali sebagai 95 Hospital Angkatan Tentera Malaysia (95 Hospital ATM) telah dibina pada akhir tahun 1940an oleh Tentera British sebagai *"British Military Hospital"* untuk memberi bantuan kesihatan kepada Tentera British di Malaya pada masa itu. Pada tahun 1967, hospital ini yang menempatkan 60 katil telah dijadikan sebagai Hospital Angkatan Tentera oleh Kerajaan Persekutuan.

35.1.2. Bagi memenuhi keperluan semasa, Kementerian Pertahanan (Kementerian) bercadang untuk membina semula 95 Hospital ATM di tapak baru di kawasan seluas 40 ekar yang terletak di sempadan timur laut Kem Segenting Kelang. Hospital baru ini akan menyediakan kemudahan Perubatan Trauma serta Perubatan Nuklear Biologi Dan Kimia.

35.1.3. Projek pembinaan 95 Hospital ATM yang menempatkan 282 katil dilaksanakan dalam 2 pakej. Pakej 1 dibiayai di bawah peruntukan RMK-8 berjumlah RM28.36 juta manakala pakej 2 di bawah RMK-9 dengan peruntukan berjumlah RM240.09 juta. Pakej 1 adalah meliputi kerja-kerja tanah; penanaman cerucuk; tetopi cerucuk untuk kerja bangunan; sebahagian kerja infrastruktur dan kerja-kerja awalan dan sebahagian bayaran kepada juru perunding. Manakala pakej 2 meliputi pembinaan bangunan utama hospital; asrama jururawat; kemudahan-kemudahan seperti kompleks sukan, kantin, surau, berek bujang, tempat menyimpan senjata dan rumah pengawal serta perolehan peralatan perubatan.

35.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada pembinaan 95 Hospital ATM telah dirancang dan dilaksanakan dengan cekap dan berhemat selaras dengan objektif pembangunannya.

35.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan yang dijalankan meliputi aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap projek pembinaan 95 Hospital ATM. Semakan dilakukan terhadap fail, rekod dan dokumen kontrak yang berkaitan di bahagian-bahagian berkenaan di Kementerian. Lawatan ke tapak projek serta perbincangan dengan pegawai berkenaan untuk mendapat maklumat lanjut juga diadakan.

35.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Februari hingga Mac 2009 mendapati **beberapa kelemahan seperti perancangan yang tidak teliti mengakibatkan arahan perubahan kerja dikeluarkan dan projek tidak dapat disiapkan mengikut jadual; kerja pembinaan tidak sesuai/tidak berkualiti dan hospital tidak dapat beroperasi sepenuhnya akibat daripada kelewatan perolehan linen/lain-lain keperluan.** Penjelasan lanjut berhubung dengan perkara yang ditemui adalah seperti di perenggan-perenggan berikut :-

35.4.1. Kelemahan Perancangan Projek

35.4.1.1. Kontrak bagi pembinaan 95 Hospital ATM telah ditawarkan kepada Perbadanan Perwira Harta Malaysia (PPHM) pada harga RM267.89 juta secara rundingan terus melalui kaedah *design and build*. Kementerian telah melantik QSC Projects Sdn. Bhd. (QSCP) sebagai *Project Management Consultant* (PMC) untuk memantau pelaksanaan projek.

35.4.1.2. PPHM telah menawarkan harga kontrak berjumlah RM379.41 juta. Bagaimanapun selepas rundingan harga antara PPHM dengan Kementerian pada bulan Mac 2002, harga tersebut telah dikurangkan kepada RM341 juta. Harga yang dipersetujui itu telah dikemukakan kepada Kementerian Kewangan untuk pertimbangan dan kelulusan. Bagaimanapun, Kementerian Kewangan telah menetapkan harga tawaran adalah berjumlah RM267.89 juta berdasarkan kepada harga yang diperakukan oleh *Project Management Consultant* (PMC). Kementerian Pertahanan melalui suratnya kepada Kementerian Kewangan pada bulan April dan September 2002 merayu agar harga tawaran ditambah menjadi RM341 juta. Bagaimanapun rayuan tersebut ditolak oleh Kementerian Kewangan dan telah mengarahkan supaya Kementerian menawarkan pelaksanaan projek secara tender sekiranya tidak bersetuju dengan harga yang ditetapkan.

35.4.1.3. Semakan Audit mendapati walaupun kontraktor bersetuju dengan harga RM267.89 juta tersebut, namun ia telah memohon supaya Kementerian membuat beberapa pindaan terhadap skop kerja. **Tiada bukti menunjukkan perubahan skop kerja seperti berikut telah dikemukakan kepada Kementerian Kewangan untuk kelulusan :-**

a. Keluasan bangunan hospital dikurangkan sebanyak 7000m^2.

b. Penghawa dingin di semua kawasan koridor dan laluan dalam bangunan hospital dibatalkan.

c. Mengurangkan sistem *intercom* kepada 15 *station* kritikal sahaja berbanding 52 *station*.

d. Bangunan *Amenities* seperti rumah keluarga untuk pegawai dan lain-lain pangkat, Wisma Perwira serta Wisma Bintara tidak dibangunkan/dibina.

e. Peralatan perubatan telah dikurangkan kepada 60% daripada sasaran asal.

35.4.1.4. Sungguhpun Kementerian telah melantik QSC Projects Sdn. Bhd. sebagai PMC untuk memantau pelaksanaan projek ini, namun perkhidmatannya telah ditamatkan pada 19 Ogos 2004 selepas kerja pembinaan pakej 1 disiapkan. Bagi melaksanakan pakej 2, Ketua Setiausaha Kementerian dipertanggungjawabkan sebagai Pegawai Penguasa projek dan Setiausaha Bahagian Pembangunan Kementerian sebagai wakil Pegawai Penguasa projek.

35.4.1.5. Mengikut syarat kontrak, keseluruhan projek pembinaan hospital ini perlu disiapkan pada 30 Jun 2007. Tempoh kontrak bagi pakej 1 ialah dari 16 Mei 2003 hingga 15 Mei 2004 manakala bagi pakej 2 mulai dari 1 November 2004 hingga 30 Jun 2007. Semakan Audit mendapati pakej 1 telah disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan dengan pertambahan kos berjumlah RM0.84 juta melibatkan 5 Arahan Perubahan Kerja dan 1 Pelarasan Kerja Sementara. Bagi pakej 2, ia tidak dapat disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan di mana kemajuan kerja pada tarikh akhir kontrak iaitu pada 30 Jun 2007 adalah setakat 75%. Kontraktor hanya dapat menyiapkan kerja yang ditetapkan pada 10 September 2008 setelah diberi lanjutan masa selama 438 hari. Bagaimanapun, sebelum Sijil Perakuan Siap Kerja dikeluarkan iaitu pada 9 Julai 2009, Kementerian telah meluluskan 2 lagi lanjutan masa berjumlah 263 hari untuk melaksanakan kerja-kerja tambahan bernilai RM16.38 juta dengan melibatkan 11 Arahan Perubahan Kerja seperti di **Jadual 35.1**. **Akibat daripada kerja-kerja tambahan ini yang kebanyakan dibuat atas permintaan pengguna, kos projek telah meningkat 6.4% daripada RM267.89 juta kepada RM285.11 juta.**

JADUAL 35.1
SENARAI ARAHAN PERUBAHAN KERJA BAGI PAKEJ 1 DAN PAKEJ 2

ARAHAN PERUBAHAN KERJA	KETERANGAN	JUMLAH (RM Juta)
PAKEJ 1		
1	Kerja-kerja penyediaan tapak untuk pencawang Tenaga Nasional Berhad	0.40
2	Kerja-kerja baik pulih cerun runtuh di kediaman pegawai menggunakan kaedah '*Geogrid Wall*' dan '*Mortared Masonry Block*'	0.47
3	Kerja-kerja pembaikan cerun di jalan masuk ke Wisma Perwira	0.37
4	Pengurangan kepada kerja yang tidak dilaksanakan dalam pakej 1	(0.56)
PKS 1	Pelarasan harga bagi pengukuran sementara	(0.53)*
5	Kerja-kerja tambahan bagi penanaman cerucuk	0.69**
JUMLAH KECIL		**0.84**
PAKEJ 2		
1	Menaik taraf 18 bilik *single* kepada *1st class bedrooms*	0.08
2	*Increase in suction tank volume from 66,000 m^3 to 90,000 m^3*	0.04
3	*Additional air-condition to entrance*	0.39
4	*Additional padded wall at CMR and interview room*	0.10
5	*Pharmacy Conveyor Belt System*	0.27
6	Tambahan alat-alat keselamatan	1.15
7	*New tap off point and upgrading of existing pump house*	1.77

ARAHAN PERUBAHAN KERJA	KETERANGAN	JUMLAH (RM Juta)
8	*Upgrading Of Existing Oxidation Pond At* Taman Wangsa Melawati	2.51
9	*Additional security to amenities block*	0.91
10	*Additional medical equipment due to end user*	8.30
11	*Enhancement functionality for hospital project*	0.86
JUMLAH KECIL		**16.38**
JUMLAH		**17.22**

Nota : ***PKS - Pelarasan Kerja Sementara***
**** - Dikemukakan Kepada Jawatankuasa Peringkat Setiausaha Bahagian (SUB) Untuk Kelulusan.***
***** - Dikemukakan Kepada Jawatankuasa Peringkat Ketua Setiausaha Untuk Kelulusan.***

Pada pandangan Audit, tambahan kerja yang menyebabkan peningkatan kos dan projek lewat disiapkan boleh dielakkan jika perancangan projek dibuat dengan teliti setelah mengambil kira kehendak pengguna semasa menentukan skop pembinaan.

35.4.2. Pembinaan Tidak Sesuai/Tidak Berkualiti

Lawatan Audit ke hospital ini mendapati beberapa kelemahan dari segi pembinaan seperti reka bentuk tidak sesuai, kerja yang dibuat tidak sempurna atau tidak berkualiti. Berikut diberikan beberapa contohnya :-

35.4.2.1. Reka Bentuk Pembinaan Yang Tidak Sesuai

a. Wad 4 katil di Wad Lelaki dan Wanita - Pintu Masuk Utama bertembung dengan pintu tandas dan kedudukan singki yang hampir dengan pintu tandas akan mendedahkan bahaya kepada pengguna **(Gambar 35.1 dan 35.2)**.

b. Wad *Paediatric* dan Wad Bersalin - Keadaan tab mandi bayi yang dalam dan jauh boleh menyebabkan kemalangan semasa memandikan bayi **(Gambar 35.3 dan 35.4)**.

c. Unit *Haemodialysis* - Kaunter yang menempatkan ruang kerja jururawat berada di bahagian tengah dan dipisahkan oleh dinding. Keadaan ini menyebabkan ia terlindung dari pesakit dan menyukarkan pemantauan dilakukan **(Gambar 35.5 dan 35.6)**.

GAMBAR 35.1



- Singki Yang Terletak Di Belakang Pintu (04.03.2009)

GAMBAR 35.2



- Pintu Utama Bertembung Dengan Pintu Tandas (04.03.2009)

Wad 4 Katil Di Wad Lelaki Dan Wanita

GAMBAR 35.3



Wad Paediatric


GAMBAR 35.4



Wad Bersalin

- Keadaan Tab Mandi Bayi Yang Dalam Dan Jauh
(10.12.2009)

GAMBAR 35.5



GAMBAR 35.6



Unit Haemodialysis
- Tembok Penghalang Antara Pesakit Dan Nurse Station
(19.03.2009)

35.4.2.2. Kerja pembinaan tidak dibuat dengan sempurna atau tidak berkualiti. Berikut diberikan contohnya :-

a. Tempat letak kereta - Semburan *polyurethane foam* pada siling tidak menyeluruh dan terdedah serta mencacatkan pemandangan **(Gambar 35.7 dan 35.8)**. **Mengikut maklum balas Kementerian, semburan hanya dibuat pada bahagian di mana tingkat atasnya menggunakan penyaman udara yang berfungsi tanpa berhenti selama 24 jam bagi mengelakkan berlakunya pemeluwapan yang boleh menyebabkan kecacatan lantai.**

b. *Medical And Dental Depot*

   i. Tiada sebarang tanda atau arah tunjuk pada kedudukan tangga selepas pintu yang menghubungkan Aras 3 dengan koridor stor. Keadaan ini boleh membahayakan pengguna yang melalui kawasan ini. **(Gambar 35.9 dan 35.10)**

   ii. Kebocoran pada paip dapur kafeteria mengganggu urusan seharian pekerja di samping menyebabkan kekotoran di kawasan berkenaan. **(Gambar 35.11 dan 35.12)**

GAMBAR 35.7



GAMBAR 35.8



Tempat Letak Kereta
- Semburan Polyurethane Foam Pada Siling Dilakukan Dengan Tidak Sempurna
(05.03.2009)

GAMBAR 35.9



GAMBAR 35.10



Medical And Dental Depot
- Kedudukan Pintu Dan Tangga Ke Stor Yang Membahayakan Pengguna
(05.03.2009)

GAMBAR 35.11



GAMBAR 35.12



Medical And Dental Depot
- Kebocoran Paip Di Kafeteria
(10.12.2009)

iii. Pemeriksaan Audit di bilik sejuk dan bilik beku bangunan *Medical And Dental Depot* (bangunan yang berasingan di kawasan hospital) mendapati alat penghawa dingin di bilik-bilik ini tidak berfungsi dan ini boleh menjejaskan kualiti ubat-ubatan yang disimpan di dalamnya **(Gambar 35.13 dan 35.14)**. Pihak Audit dimaklumkan kerosakan alat tersebut berlaku kerana *compressor* diletakkan di luar bangunan dan tidak bertutup menyebabkan boleh dimasuki air apabila hujan **(Gambar 35.15 dan 35.16)**. Sebagai alternatif, peti sejuk lama terpaksa digunakan bagi menyimpan sebahagian ubat-ubatan manakala bakinya disimpan di bangunan hospital **(Gambar 35.17)**.

GAMBAR 35.13



GAMBAR 35.14



Medical And Dental Depot
- Keadaan Bilik Sejuk Dan Bilik Beku Tanpa Ubat-ubatan Disimpan
(10.12.2009)

GAMBAR 35.15



GAMBAR 35.16



Bangunan Medical And Dental Depot
- Compressor Diletakkan Di Luar Bangunan Dan Tidak Ditutup
(10.12.2009)



GAMBAR 35.17

Medical And Dental Depot
- Peti Sejuk Lama Yang Digunakan Sebagai Alternatif Untuk Menyimpan Ubat-ubatan
(10.12.2009)

35.4.2.3. Mengikut maklum balas yang diterima daripada Kementerian, kontraktor telah diminta untuk memperbaiki sebahagian besar kerosakan/kecacatan yang telah dibangkitkan oleh pihak Audit.

Pada pandangan Audit, masalah reka bentuk boleh diminimumkan jika *design audit* dijalankan oleh perunding sebelum pembinaan dimulakan. Kualiti kerja yang tidak memuaskan juga boleh dielakkan jika kerja-kerja yang dilaksanakan oleh kontraktor diselia dan dipantau dengan rapi oleh Kementerian. Sehubungan ini Kementerian perlu membuat pemeriksaan dan memastikan kontraktor membaiki segala kerosakan/kecacatan yang ditemui sebelum Tempoh Tanggungan Kecacatan tamat pada 31 Mei 2011.

35.4.3. Hospital Belum Beroperasi Sepenuhnya

Sijil Perakuan Siap Kerja telah dikeluarkan pada 9 Julai 2009 sungguhpun kerja pembinaan disiapkan pada 10 September 2008. Kelewatan mengeluarkan sijil tersebut telah menjejaskan rancangan pemindahan ke 95 Hospital ATM dan seterusnya menyebabkan perkhidmatannya lewat beroperasi. Didapati hospital ini hanya diserahkan kepada pihak pengguna pada 23 Julai 2009 dan beroperasi secara berperingkat mulai 28 September 2009. Sehingga lawatan Audit pada 10 Disember 2009, bahagian yang telah mula beroperasi adalah Klinik Pakar, *Primary Care* dan *Dental.* Bagaimanapun **kemudahan wad dan bilik pembedahan belum dapat digunakan kerana perolehan linen belum dibuat**. **Pada pandangan Audit, perolehan linen/lain-lain keperluan sepatutnya diselaraskan dengan kemajuan kerja pembinaan hospital. Perolehan patut dibuat semasa kemajuan kerja pada tahap 80% supaya hospital dapat beroperasi sepenuhnya apabila pembinaannya disiapkan.**

35.5. SYOR AUDIT

Bagi memperbaiki kelemahan yang dibangkitkan dan juga memastikan perkara yang sama tidak berulang dalam pelaksanaan projek yang lain, adalah disyorkan supaya Kementerian Pertahanan melaksanakan perkara-perkara seperti berikut :-

35.5.1. Membuat perancangan dengan teliti dan mengambil kira kehendak pengguna semasa menentukan skop pembinaan bagi mengelakkan tambahan kerja yang akan menyebabkan peningkatan kos dan projek lewat disiapkan.

35.5.2. Membuat pemeriksaan dan memastikan kontraktor membaiki segala kerosakan/kecacatan yang ditemui sebelum Tempoh Tanggungan Kecacatan tamat pada 31 Mei 2011.

35.5.3. Menyelaraskan perolehan linen/lain-lain keperluan dengan kemajuan kerja pembinaan hospital. Perolehan patut dibuat semasa kemajuan kerja pada tahap 80% supaya hospital dapat beroperasi sepenuhnya.

35.5.4. Mewujudkan *Independent Review Panel* bagi projek-projek besar yang kosnya melebihi RM100 juta untuk membuat penilaian bebas dari segi reka bentuk, kos dan bahan binaan yang digunakan supaya Kerajaan mendapat *value for money* bagi perbelanjaan yang dilakukan.

KEMENTERIAN PERTAHANAN

36. PENGURUSAN BEKALAN MAKANAN UNTUK PASUKAN TENTERA DARAT

36.1. LATAR BELAKANG

36.1.1. Perkhidmatan pembekalan makanan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dilaksanakan melalui 2 kaedah iaitu masak sendiri dan secara katering. Bagi perkhidmatan bekalan makanan secara masak sendiri, tanggungjawab memperoleh bekalan bahan makanan dilaksanakan oleh Pusat Kawalan Rangsum. Manakala penyediaan makanan dikendalikan oleh 143 rumah masak Angkatan Tentera Malaysia dan pekerjanya yang terdiri daripada anggota tentera dan pekerja awam.

36.1.2. Perkhidmatan katering pula dilaksanakan dengan mendapatkan bekalan makanan bermasak daripada kontraktor yang dilantik. Perkhidmatan ini bermula pada 27 Februari 1999 di 5 rumah masak iaitu 3 di Kem Sungai Besi; satu di Kem Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM), Subang dan satu lagi di TUDM Kuala Lumpur sebagai projek perintis. Perkhidmatan katering telah diperluaskan kepada 61 rumah masak di kawasan tengah (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) dan selatan (Negeri Sembilan dan Melaka) bermula pada 19 April 2007.

36.1.3. Mengikut Perintah Majlis Angkatan Tentera Malaysia (PMAT) Bil. 10 Tahun 1980, anggota tentera yang layak menikmati kemudahan rangsum percuma terdiri daripada semua anggota yang sedang menjalankan operasi, mengikuti kursus atau latihan. Selain itu, anggota-anggota tentera yang tinggal di mess atau di berek (bujang) juga layak menikmati kemudahan rangsum tetapi dikenakan kadar bayaran sebanyak RM1.95 sehari.

36.1.4. Bagi tempoh tahun 2007 hingga 2009, Kementerian Pertahanan (Kementerian) telah membelanjakan sejumlah RM554.18 juta untuk bekalan rangsum segar dan RM163.48 juta untuk bekalan makanan secara katering bagi tujuan penyediaan bekalan makanan kepada pasukan Tentera Darat.

36.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan bekalan makanan untuk pasukan Tentera Darat yang merangkumi pembekalan rangsum dan penyajian makanan serta perkhidmatan katering telah dirancang dan dilaksanakan dengan cekap dan berhemat bagi mencapai objektif yang ditetapkan.

36.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini melibatkan urusan perolehan bahan makanan di 5 Pusat Kawalan Rangsum, penyediaan makanan di 22 rumah masak pasukan dan Stor Rangsum Pasukan serta 24 rumah masak di bawah kaedah katering. Semakan telah dijalankan terhadap fail, kontrak dan dokumen yang berkaitan bagi tempoh tahun 2007 hingga 2009. Temu bual dan perbincangan juga telah diadakan dengan pegawai yang terlibat.

36.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Mei hingga Oktober 2009 mendapati **pengurusan bekalan makanan untuk pasukan Tentera Darat pada umumnya adalah kurang memuaskan. Antara kelemahan yang diperhatikan ialah kontraktor tidak membekalkan bahan makanan mengikut pesanan; kualiti bahan makanan yang dibekalkan kurang memuaskan dan keadaan rumah masak serta dewan makan yang tidak selesa. Bagi penyediaan makanan melalui khidmat katering, didapati beberapa syarat kontrak tidak dipatuhi seperti rumah masak yang diambil alih belum diubah suai dan sewa bulanan rumah masak yang digunakan oleh kontraktor masih belum dikutip.** Penjelasan lanjut mengenai perkara yang dibangkitkan adalah seperti di perenggan-perenggan berikut :-

36.4.1. Makanan Dimasak Sendiri Oleh Pasukan Tentera Darat

Kementerian memperoleh bekalan bahan makanan melalui 66 kontrak bernilai RM383.88 juta yang ditandatangani bagi tempoh tahun 2007 hingga 2013. Pembekalan bahan makanan oleh kontraktor dibuat kepada 18 Pusat Kawalan Rangsum/Depoh Bekalan Pusat yang bertanggungjawab membuat pesanan dan menerima tempahan daripada kontraktor. Seterusnya, bekalan bahan makanan yang diterima diagihkan kepada kem-kem berdekatan oleh pihak tentera. Bagi kem-kem di sekitar Kuala Lumpur, bekalan bahan makanan dihantar terlebih dahulu ke Depoh Bekalan Pusat, Batu Caves. Pemeriksaan Audit yang dijalankan mendapati perkara-perkara berikut :-

36.4.1.1. Bayaran Dibuat Untuk Kuantiti Yang Kurang Dibekalkan

a. Pemeriksaan Audit yang dilakukan semasa bekalan rangsum segar diterima oleh 2 Pusat Kawalan Rangsum mendapati ada perbezaan antara kuantiti dan jenis bahan makanan yang dibekalkan dengan pesanan yang dikeluarkan. Bagaimanapun, **pegawai penerima telah mengaku terima semua bekalan seperti dinyatakan di invois tanpa membuat catatan atau pindaan walaupun jumlah yang dihantar adalah berkurangan daripada jumlah yang dinyatakan di invois.** Didapati invois yang disediakan oleh kontraktor adalah berdasarkan pesanan dan bukannya mengikut jenis bekalan yang sebenarnya dibekalkan. Semakan selanjutnya terhadap baucar bayaran mendapati **sungguhpun pembekalan beberapa jenis ikan seperti Ikan Kurau, Ikan Bawal Hitam dan Ikan Merah yang dipesan telah**

digantikan dengan ikan lain yang mana harganya lebih rendah daripada harga dalam pesanan, namun tiada pelarasan harga serta denda dikenakan terhadap kontraktor dan bayaran telah dibuat berdasarkan item dan kuantiti dalam pesanan. Oleh itu, amaun yang terlebih bayar kepada kontraktor bagi penerimaan bekalan pada tarikh pemeriksaan Audit adalah berjumlah RM7,640. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 36.1
PERBEZAAN ANTARA PESANAN DAN PENERIMAAN BAHAN MAKANAN

PESANAN			PENERIMAAN			PERBEZAAN (KG)	LEBIHAN BAYARAN (RM)
ITEM	KUANTITI (KG)	HARGA (RM/KG)	ITEM	KUANTITI (KG)	HARGA (RM/KG)		
73 BN KPD, KEM TERENDAK, MELAKA							
19.05.2009							
Ikan Kurau	355.20	8.00	Ikan Jenahak	355.20	4.00	-	1,420.80
21.05.2009							
Ikan Bawal Hitam	355.20	8.20	Ikan Jenahak	355.20	4.00	-	1,491.84
Ikan Merah	356.30	8.00	Ikan Jenahak	356.30	4.00	-	1,425.20
22.05.2009							
Ikan Selar Besar	361.30	6.00	Ikan Kembong	270	6.00	(91.30)	547.80
Ikan Bawal Hitam	360.30	8.20	Ikan Bawal Hitam Potong	270	8.20	(90.30)	740.46
Ikan Kerapu	360.30	8.20	Ikan Kerapu	270	8.20	(90.30)	740.46
Ikan Jenahak	361.30	4.00	Ikan Tenggiri	270	8.20	(91.30)	-
*Ayam	861.36	6.70	Ayam	747.36	6.70	(114)	763.80
Ubi Kentang	286.72	1.77	Ubi Kentang	175	1.77	(111.72)	197.74
Bawang Besar	286.72	1.71	Bawang Besar	189.28	1.71	(97.44)	166.62
6 PLATUN, KEM SG. PETANI, KEDAH							
10.08.2009							
Bawang Besar	83.44	1.82	Bawang Besar	54	1.82	(29.44)	53.58
Ubi Kentang	83.44	1.89	Ubi Kentang	54	1.89	(29.44)	55.64
Pisang Emas	208.60	1.28	Pisang	180.60	1.28	(28)	35.84
11.08.2009							
* Ikan Kurau	230.52	-	Ikan Kurau	214.52	-	(16)	*
* Ikan Jenahak	237.96	-	Ikan Jenahak	248.96	-	11	*
JUMLAH							**7,639.78**

Nota : ***(*) - Baucar Tidak Diperolehi Dari Markas Logistik Tentera Darat***

Pada pandangan Audit, Kementerian perlu mengeluarkan arahan dalaman bagi memastikan pegawai penerima membuat pengakuan ke atas jumlah/ jenis item yang sebenarnya diterima setelah membuat semakan terhadap bekalan yang dihantar oleh kontraktor. Seterusnya, Kementerian perlu mengarahkan pegawai penyelia membuat semakan/pemeriksaan mengejut dari semasa ke semasa untuk memastikan pegawai penerima mematuhi arahan tersebut.

b. Semakan terhadap 23 borang BAT L163 (Ringkasan Pengeluaran Rangsum ATM) bagi tahun 2007 di Depoh Bekalan Pusat, Batu Caves juga mendapati pembekal telah menggantikan beberapa item yang dipesan dengan item yang lain. Contohnya buah belimbing digantikan dengan buah nenas. Semakan Audit selanjutnya mendapati sungguhpun harga bagi item yang dipesan dan diganti ada disenaraikan dalam kontrak, namun harga yang dicatatkan dalam invois bagi item gantian adalah mengikut harga item yang dipesan yang mana adalah lebih tinggi bagi kebanyakan item yang telah diganti itu. Mengikut perkiraan Audit**, harga yang terlebih/terkurang dikenakan oleh kontraktor masing-masingnya adalah berjumlah RM16,520 dan RM2,267 (Jadual 36.2).** Bagaimanapun, pihak Audit tidak dapat menentukan sama ada **pelarasan harga dan denda dikenakan terhadap pembekal berkenaan kerana baucar bayaran berkaitan tidak diperolehi dari Markas Logistik Tentera Darat.**

JADUAL 36.2
ITEM YANG DIBEKALKAN BERBEZA DENGAN YANG DIPESAN

TARIKH	KUANTITI DIPESAN (Kg)	BAHAN DIPESAN	HARGA (RM)	BAHAN DITERIMA	HARGA (RM)	PERBEZAAN HARGA (RM)	TERLEBIH/ (TERKURANG) BAYAR (RM)
	(b)	(c)	(d)	(e)	(f)	(g)	(b x g)
25.10.2007	680.40	Belimbing	4.00	Nenas	2.00	2.00	1,360.80
29.10.2007	290.96	Terung	4.90	Timun	2.00	2.90	843.78
29.10.2007	215.52	Tauhu	2.20	Kubis Bulat	3.50	(1.30)	(280.18)
29.10.2007	718.40	Limau Tempatan	4.80	Betik	3.80	1.00	718.40
29.10.2007	718.40	Epal	5.60	Nenas	2.00	3.60	2,586.24
30.10.2007	807.40	Pisang Emas	3.50	Pisang Rastali	3.50	-	-
30.10.2007	662.90	Ketola	3.50	Tauge	2.20	1.30	861.77
30.10.2007	662.90	Pisang Hijau	3.50	Pisang Berangan	3.50	-	-
30.10.2007	718.40	Kacang Buncis	6.00	Kubis Bulat	3.50	2.50	1,796.00
02.11.2007	270.76	Bendi	4.90	Tomato	5.00	(0.10)	(27.08)
02.11.2007	676.90	Kubis Bulat	3.50	Kubis Panjang	4.00	(0.50)	(338.45)
02.11.2007	629.90	Kacang Panjang	4.50	Tauge	2.20	2.30	1,448.77
02.11.2007	629.90	Sawi Hijau	4.50	Sawi putih	5.00	(0.50)	(314.95)
02.11.2007	629.90	Pisang Emas	3.50	Nenas	2.00	1.50	944.85
02.11.2007	629.90	Limau Import	5.60	Tembikai	2.50	3.10	1,952.69
07.11.2007	218.36	Kacang Bendi	4.90	Timun	2.00	2.90	633.24
07.11.2007	545.90	Kacang Panjang	4.50	Petola	3.50	1.00	545.90
07.11.2007	545.90	Tembikai	2.50	Nenas	2.00	0.50	272.95
07.11.2007	250.76	Lobak Merah	4.00	Tomato	5.00	(1.00)	(250.76)
20.11.2007	707.90	Epal	6.00	Belimbing	3.90	2.10	1,486.59
20.11.2007	703.90	Nenas	2.50	Betik	4.00	(1.50)	(1,055.85)
20.11.2007	703.90	Pisang emas	4.00	Pisang Berangan	4.00	-	-
21.11.2007	711.90	Sawi putih	5.00	Kubis Bulat	3.50	1.50	1,067.85
JUMLAH TERLEBIH BAYAR							**16,519.83**
JUMLAH TERKURANG BAYAR							**(2,267.27)**

36.4.1.2. Rangsum Segar Yang Dibekalkan Tidak Berkualiti/Tidak Mengikut Spesifikasi

Syarat kontrak menetapkan spesifikasi bagi ikan segar adalah saiz panjang minimum antara 12 hingga 30 sentimeter mengikut jenis; isi ikan hendaklah keras; kulit tidak pecah-pecah; mata ikan cerah; insang berwarna merah dan tidak berbau busuk. Spesifikasi bagi sayur-sayuran seperti bayam, kangkung dan sawi hendaklah segar, bebas daripada penyakit dan batang sayur tidak berserat. Pemeriksaan Audit mendapati kualiti ikan dan sayur yang dibekalkan di kem yang diaudit adalah memuaskan kecuali di **73 BN KPD, Kem Terendak, Melaka di mana ikan yang dibekalkan bersaiz kecil, isi ikan lembik dan sayur telah layu (Gambar 36.1 dan 36.2)**. Didapati 73 BN KPD, Kem Terendak tidak mengamalkan kaedah yang digunakan di kem-kem lain yang dilawati iaitu dengan merendam ikan di dalam air untuk mencairkan air batu bagi menentukan ikan yang dibekalkan masih segar. Sebaliknya ikan yang diterima terus diagihkan tanpa terlebih dahulu memeriksa kualiti ikan berkenaan.

GAMBAR 36.1



Kem Terendak, Melaka
- Ikan Tenggiri Lembik Dan Bersaiz Kecil
(18.05.2009)

GAMBAR 36.2



Kem Terendak, Melaka
- Keadaan Sayur Yang Layu
(18.05.2009)

36.4.1.3. Pengendalian Rangsum Segar Yang Kurang Memuaskan

a. Lawatan Audit ke Kem Sri Kudat yang menjadi pusat pengedaran bekalan kepada 6 pulau di perairan Sabah mendapati pengagihan bahan makanan ke pulau-pulau berkenaan dibuat menggunakan bot yang disewa khas daripada Syarikat Kinabalu Makmur Sdn. Bhd. Kementerian telah menandatangani kontrak bernilai RM16.34 juta dengan syarikat ini bagi perkhidmatan penghantaran bekalan untuk tempoh 3 tahun. Syarat kontrak menetapkan kontraktor perlu menyediakan fasiliti, ruang dan lain-lain kemudahan yang bersesuaian bagi memastikan bekalan bahan makanan yang dihantar berada dalam keadaan baik dan selamat serta bekalan dibuat dalam tempoh yang ditetapkan. Pemeriksaan Audit terhadap **bot yang digunakan untuk menghantar bekalan mendapati kemudahan tempat penyimpanan seperti *chiller* dan *freezer* tidak berfungsi (Gambar 36.3 dan 36.4). Ini boleh menyebabkan bahan makanan yang dihantar ke 6 pulau tersebut menjadi rosak (Gambar 36.5 dan 36.6). Tiada bukti menunjukkan denda telah dikenakan kepada kontraktor yang tidak mematuhi syarat kontrak**

walaupun peruntukan mengenakan denda ada dinyatakan dalam kontrak.

GAMBAR 36.3



- Bot Menghantar Bekalan Rangsum Ke Pulau (10.06.2009)

GAMBAR 36.4



- Chiller Di Dalam Bot Didapati Rosak Semasa Lawatan Audit (10.06.2009)

GAMBAR 36.5



GAMBAR 36.6



- Keadaan Buah Tembikai Yang Rosak (Sumber Gambar : Kem Sri Kudat) (03.06.2009)

b. Tempat penerimaan dan pengagihan rangsum yang disediakan di semua Pusat Kawalan Rangsum yang dilawati adalah memuaskan kecuali di Kem Terendak, Melaka di mana rangsum yang diterima dilonggokkan di atas lantai dan terdapat banyak lalat serta bau yang kurang menyenangkan seperti di **Gambar 36.7 dan 36.8**.

GAMBAR 36.7



GAMBAR 36.8



Kem Terendak, Melaka
- Makanan Dilonggokkan Atas Lantai (21.05.2009)

c. Pemeriksaan Audit selanjutnya di 4 kem mendapati **keadaan stor pasukan/unit yang menempatkan bekalan bahan makanan kurang memuaskan.** Didapati ayam disimpan di dalam bekas berisi air batu; sayur-

sayuran ditempatkan di atas rak terbuka; bawang dan ubi kentang serta kelapa ditempatkan di luar stor dan berhampiran tempat membuang sampah. Keadaan ini boleh menyebabkan bahan-bahan makanan berkenaan menjadi rosak. Selain itu, rak besi untuk menempatkan bekalan rangsum didapati usang dan berkarat manakala lantai stor telah rosak dimakan anai-anai. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 36.3
KEADAAN STOR PASUKAN/UNIT

KEM	PASUKAN/ UNIT	KEADAAN STOR PASUKAN/UNIT
Kem Lok Kawi, Sabah	i) 1 Markas Staf Stesen ii) 71 Worksyop iii) 6 Artileri Di Raja	• Sayur-sayuran ditempatkan di atas rak terbuka • Ayam disimpan di dalam bekas berisi air batu **(Gambar 36.9 dan 36.10)** • Bekalan rangsum segar disimpan di tempat yang tidak sesuai disebabkan *chiller* rosak **(Gambar 36.11 hingga 36.13)** • Kelapa **(Gambar 36.14 hingga 36.16)**, bawang dan ubi kentang ditempatkan di luar stor
Kem Sungai Petani, Kedah	i) 1 Markas Staf Stesen ii) 3 Armor Di Raja iii) 19 Rejimen Askar Melayu Di Raja	
Kem Terendak, Melaka	17 Rejimen Askar Melayu Di Raja	• Bekalan rangsum segar disimpan di tempat yang tidak sesuai disebabkan *chiller* rosak
	9 Rejimen Askar Melayu Di Raja	• Rak besi untuk menempatkan bekalan rangsum didapati usang dan berkarat
Kem Kementah, Kuala Lumpur	Kem Kementah (Lelaki)	• Lantai stor telah rosak dimakan anai-anai • Bekalan stok susu rosak dan tidak dapat digunakan kerana dipenuhi anai-anai **(Gambar 36.17)**

GAMBAR 36.9



GAMBAR 36.10



Kem Lok Kawi, Sabah
6 Artileri Di Raja
- Sayuran Dan Ayam Disimpan Di Tempat Yang Tidak Sesuai/Sempurna Kerana Chiller Rosak
(11.06.2009)

GAMBAR 36.11



Kem Lok Kawi, Sabah
6 Artileri Diraja
- Keadaan Chiller Dan Freezer Yang Telah Rosak
(11.06.2009)

GAMBAR 36.12



Kem Lok Kawi, Sabah
71 Worksyop
- Keadaan Chiller Dan Freezer Yang Telah Rosak
(11.06.2009)

GAMBAR 36.13



Kem Sungai Petani, Kedah
1 Markas Staf Stesen
- Keadaan Chiller Dan Freezer Yang Telah Rosak
(10.08.2009)

GAMBAR 36.14



Kem Sg. Petani, Kedah
1 Markas Staf Stesen
- Kelapa Diletakkan Di Luar Stor Berhampiran Tempat Pembuangan Sampah
(10.08.2009)

GAMBAR 36.15



Kem Sg. Petani, Kedah
19 Rejimen Askar Melayu Di Raja
- Kelapa Diletakkan Di Luar Stor Berhampiran Tempat Pembuangan Sampah
(10.08.2009)

GAMBAR 36.16



Kem Sg. Petani, Kedah
3 Armor Diraja
- Kelapa Diletakkan Di Luar Stor Berhampiran Tempat Pembuangan Sampah
(10.08.2009)



GAMBAR 36.17

Kem Kementah, Kuala Lumpur
Kem Kementah (Lelaki)
- Stok Susu Tidak Dapat Digunakan Kerana Dipenuhi Anai-Anai
(28.10.2009)

36.4.1.4. Keadaan Rumah Masak Dan Dewan Makan Yang Tidak Selesa

a. Pemeriksaan Audit di 5 kem mendapati **rumah masak berada dalam keadaan yang kurang memuaskan** di mana lantai pecah dan berlubang; siling bocor dan berkulat; longkang tidak dibersihkan dan dipenuhi sisa makanan serta paip rosak tidak dibaiki menyebabkan pembaziran air. Selain itu, terdapat peralatan yang digunakan tidak sesuai dan usang. Butiran lanjut adalah seperti di jadual dan gambar berikut :-

JADUAL 36.4
KEADAAN RUMAH MASAK

KEM	PASUKAN/UNIT	KEADAAN RUMAH MASAK
Kem Terendak, Melaka	i. 8 Rejimen Renjer Di Raja ii. 32 Rejimen Artileri Di Raja iii. 10 Rejimen Askar Jurutera Di Raja iv. 21 Komando	• Rumah masak usang • Siling berkulat dan bocor **(Gambar 36.18)** • Lantai pecah dan berlubang • Longkang tersumbat kerana dipenuhi sisa bahan mentah **(Gambar 36.19)**
Kem Sungai Petani, Kedah	i. 19 Rejimen Askar Melayu Di Raja ii. 3 Armor iii. 1 Markas Staf Stesen	• Keadaan rumah masak kotor • Persekitaran rumah masak tidak dibersihkan selepas digunakan di mana terdapat sisa-sisa bahan mentah di atas lantai • Tempat menyimpan bahan makanan dan beberapa perkakas yang digunakan seperti periuk dan penapis usang • Peralatan kurang sesuai untuk mengambil lauk seperti botol plastik yang dipotong **(Gambar 36.20)**
	1 Markas Staf Stesen	• Paip air rosak dan tidak dibaiki menyebabkan berlakunya pembaziran air **(Gambar 36.21)**
Kem Lok Kawi, Sabah	1 Markas Staf Stesen	• Rumah masak dan rak tempat menyimpan peralatan masak telah usang
	71 Worksyop	• Keadaan rumah masak usang • Kepala paip rosak tidak dibaiki dan menyebabkan berlakunya pembaziran air **(Gambar 36.22)**

GAMBAR 36.18



Rumah Masak Kem Terendak, Melaka
32 Rejimen Artileri Di Raja
- Siling Berkulat Dan Bocor
(15.10.2009)

GAMBAR 36.19



Rumah Masak Kem Terendak, Melaka
21 Komando
- Longkang Tersumbat Kerana Dipenuhi Sisa Bahan Mentah
(15.10.2009)

GAMBAR 36.20




Rumah Masak Kem Sungai Petani, Kedah
1 Markas Staf Stesen
- Botol Plastik Digunakan Untuk Mengambil Lauk
(10.08.2009)

GAMBAR 36.21



Rumah Masak Kem Sungai Petani, Kedah
1 Markas Staf Stesen
- Paip Air Rosak Tidak Dibaiki
(10.08.2009)



GAMBAR 36.22

Rumah Masak Kem Lok Kawi, Sabah
71 Worksyop
- Paip Air Rosak Tidak Dibaiki
(11.06.2009)

b. Setiap unit yang dilawati telah disediakan dewan makan sebagai kemudahan kepada anggota untuk menikmati sajian. Semakan Audit mendapati secara keseluruhannya keadaan dewan makan adalah memuaskan kecuali di **3 unit iaitu 1 Markas Staf Stesen, Kem Lok Kawi, Sabah di mana siling bocor dan berkulat; 71 Worksyop, Kem Lok Kawi, Sabah di mana soket dan lampu tertanggal daripada siling serta 17 Rejimen Askar Melayu Di Raja, Kem Terendak, Melaka di mana siling tertanggal dan berlubang (Gambar 36.23 hingga 36.26).** Keadaan di 3 unit tersebut bukan sahaja mengganggu keselesaan pengguna tetapi juga membahayakan keselamatan pengguna.

GAMBAR 36.23



Dewan Makan Kem Lok Kawi, Sabah
1 Markas Staf Stesen
- Siling Bocor Dan Berkulat
(11.06.2009)

GAMBAR 36.24



Dewan Makan Kem Lok Kawi, Sabah
71 Worksyop
- Lampu Tertanggal
(11.06.2009)

GAMBAR 36.25



Dewan Makan Kem Lok Kawi, Sabah
71 Worksyop
- Soket Tergantung Tidak Dibaiki
(11.06.2009)

GAMBAR 36.26



Dewan Makan Kem Terendak, Melaka
17 Rejimen Askar Melayu Di Raja
- Siling Tertanggal Dan Berlubang
(14.10.2009)

36.4.1.5. Bekalan Rangsum Segar Yang Berlebihan

Penghantaran bekalan rangsum segar dilakukan bagi keperluan antara satu hingga 3 hari bergantung kepada cuti hujung minggu dan cuti umum. Lawatan Audit ke Kem Sungai Petani, Kedah; Kem Lok Kawi, Sabah; Kem Rasah, Negeri Sembilan dan Kem Terendak, Melaka mendapati **lebihan bekalan rangsum segar dalam stor di pasukan yang telah disimpan melebihi 3 hari.** Antaranya ialah ayam, ikan, daging lembu, sayuran, kelapa dan roti. Selain itu, terdapat juga bekalan yang telah tamat tempoh penggunaannya dan diletakkan di luar stor. Butirannya adalah seperti di **Jadual 36.5** dan **Gambar 36.27 hingga 36.32.** Semakan Audit mendapati lebihan bekalan rangsum segar terjadi disebabkan oleh lebihan permintaan dari pasukan di mana permohonan yang dikemukakan adalah berdasarkan bilangan anggota pasukan tanpa mengambil kira anggota yang tiada pada hari berkenaan.

JADUAL 36.5
LEBIHAN BEKALAN RANGSUM

KEM	UNIT/PASUKAN	LEBIHAN BEKALAN				
		AYAM	IKAN	SAYUR	KELAPA	ROTI
Kem Sungai Petani, Kedah	1 Markas Staf Stesen **(Gambar 36.14, 36.27 dan 36.28)**				/	/
	19 Rejimen Askar Melayu Di Raja **(Gambar 36.15, 36.29 dan 36.30)**	/	/		/	
	3 Armor Di Raja **(Gambar 36.16)**				/	
Kem Lok Kawi, Sabah	6 Artileri Di Raja **(Gambar 36.31)**			/		
Kem Rasah, Negeri Sembilan	15 Rejimen Askar Melayu Di Raja **(Gambar 36.32)**					/
Kem Terendak, Melaka	i. 9 Rejimen Askar Melayu Di Raja ii. 8 Rejimen Renjer Di Raja			/		

GAMBAR 36.27



GAMBAR 36.28



Kem Sungai Petani, Kedah
1 Markas Staf Stesen
- Bekalan Roti Yang Berlebihan Dan Telah Tamat Tempoh
(10.08.2009)

GAMBAR 36.29



GAMBAR 36.30



Kem Sungai Petani, Kedah
19 Rejimen Askar Melayu Di Raja
- Bekalan Ayam Dan Ikan Yang Berlebihan
(11.06.2009)

GAMBAR 36.31



Kem Lok Kawi, Sabah
6 Artileri Di Raja, Sabah
- Bekalan Sayuran Yang Berlebihan
(11.06.2009)

GAMBAR 36.32



Kem Rasah, Negeri Sembilan
15 Rejimen Askar Melayu Di Raja
- Bekalan Roti Yang Berlebihan Dan Telah Tamat Tempoh
(29.07.2009)

Pada pandangan Audit, pasukan perlu memastikan bilangan anggota yang sebenarnya memerlukan makanan pada hari-hari tertentu bagi mengelakkan pembaziran. Selain itu, Pusat Kawalan Rangsum perlu membuat pemeriksaan berkala terhadap stok bagi mengelakkan lebihan bekalan dipesan oleh pasukan.

36.4.1.6. Penyediaan Makanan Yang Berlebihan

Makanan yang dimasak di rumah masak pasukan adalah berdasarkan kepada pesanan yang dibuat dalam borang permohonan (BAT L 96) dan bukannya berdasarkan keperluan sebenar pada hari berkenaan. Lawatan Audit ke rumah masak di 1 Markas Staf Stesen dan 6 Artileri Di Raja, Kem Lok Kawi, Sabah pada 11 Jun 2009 serta 1 Markas Staf Stesen, 3 Armor dan 19 Rejimen Askar Melayu Di Raja, Kem Sg. Petani, Kedah pada 10 Ogos 2009 mendapati makanan yang dimasak untuk makan tengah hari adalah berlebihan. **Gambar 33 hingga 38** menunjukkan lebihan makanan selepas waktu makan tengah hari pada tarikh lawatan Audit. Pihak Audit dimaklumkan lebihan makanan ini disebabkan anggota tidak mengambil makanan di dewan makan, menghadiri latihan, kursus atau bertugas di tempat lain. Pihak Audit juga dimaklumkan

perkara ini berlaku pada hari cuti umum dan hari penerimaan gaji. **Sungguhpun isu yang sama ini telah dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2002, namun Kementerian masih belum melaksanakan kajian semula terhadap kaedah menetapkan bilangan anggota yang akan mengambil makanan terutamanya pada hari cuti umum dan hari penerimaan gaji.**

GAMBAR 36.33



GAMBAR 36.34



Kem Lok Kawi, Sabah
1 Markas Staf Stesen
- Makanan Disediakan Berlebihan
(11.06.2009)

GAMBAR 36.35



GAMBAR 36.36



Kem Sungai Petani, Kedah
3 Armor Di Raja
- Makanan Disediakan Berlebih
(10.08.2009)

GAMBAR 36.37



Kem Sungai Petani, Kedah
1 Markas Staf Stesen
- Makanan Disediakan Berlebihan
(10.08.2009)

GAMBAR 36.38



Kem Sungai Petani, Kedah
19 Rejimen Askar Melayu Di Raja
- Makanan Disediakan Berlebihan
(10.08.2009)

36.4.2. Bekalan Makanan Bermasak Melalui Perkhidmatan Katering

36.4.2.1. Pada bulan Februari 1999, Kementerian telah menandatangani satu kontrak penswastaan perkhidmatan katering dengan Syarikat Desatera Sdn. Bhd. bagi tempoh 15 tahun untuk kem Tentera Darat di Sungai Besi dan kem Tentera Udara di Subang melibatkan 5 rumah masak. Kadar bayaran yang dikenakan adalah RM15.65 seorang. Pada bulan April 2007, Kementerian menandatangani satu lagi kontrak dengan kontraktor yang sama berkuat kuasa selama 16 tahun bagi perkhidmatan katering di 28 kem melibatkan 61 rumah masak. Kadar bayaran pada peringkat permulaan adalah RM15.65 seorang dan dinaikkan kepada RM21.45 seorang mulai bulan April 2009.

36.4.2.2. Mengikut kontrak, kontraktor bertanggungjawab sepenuhnya untuk mendapatkan bekalan bahan mentah, memasak dan menghidangkan makanan kepada anggota tentera. Perjanjian ini hanya melibatkan penyediaan makanan bagi anggota lain-lain pangkat dan tidak termasuk anggota berpangkat sarjan ke atas. Selain itu, kontraktor juga bertanggungjawab dalam aspek pengurusan harian kompleks sajian seperti penyediaan menu, menjaga kebersihan dewan makan dan rumah masak. Semakan Audit mendapati beberapa kelemahan seperti berikut :-

a. Kerja Mengubah Suai Dan Membersihkan Rumah Masak Tidak Dilaksanakan Oleh Kontraktor

i. Syarat kontrak menetapkan rumah masak (termasuk dewan makan) yang diambil alih oleh kontraktor dibahagikan kepada 2 kategori iaitu A dan B. Di bawah kategori A, kontraktor perlu menanggung kos untuk menambah baik, mengubah suai serta membersihkan rumah masak. Manakala bagi kategori B pula, kontraktor perlu menanggung kos membina semula rumah masak yang diambil alih. Pemeriksaan yang dijalankan di kem yang dilawati mendapati **rumah masak dan dewan makan di 6 pasukan masih belum diubah suai** seperti butiran di jadual berikut :-

JADUAL 36.6
RUMAH MASAK/DEWAN MAKAN BELUM DIUBAH SUAI

PASUKAN	TARIKH MULA PENSWASTAAN
Rejimen Perhubungan Strategik, Kem Paya Jaras, Selangor	14.03.2009
Markas Staf Stesen, Kem Sg. Buloh, Selangor	21.02.2009
Kombat, Kem Sg. Besi, Kuala Lumpur	Jun 2009
Institut Latihan Kesihatan Di Raja (INSAN), Kem Terendak, Melaka	09.08.2008
96 Depoh Penyimpanan Peluru, Kem Terendak, Melaka	23.08.2008
PULNORD Kem Bt. Kantonmen, Kuala Lumpur	13.09.2008

ii. Pasukan di Kem Sg. Besi, Kuala Lumpur merupakan pasukan yang terawal melaksanakan penswastaan penyediaan makanan atau dikenali sebagai projek perintis. Bagaimanapun lawatan Audit ke Institut Komunikasi Dan Elektronik Di Raja Kem Sg. Besi, Kuala Lumpur

mendapati **keadaan dapur tidak memuaskan dengan bumbung bocor dan longkang kotor** (**Gambar 36.39 dan 36.40)**. Pihak kontraktor gagal memastikan rumah masak dan kawasan sekitarnya sentiasa berada dalam keadaan bersih seperti yang ditetapkan dalam kontrak.

GAMBAR 36.39



GAMBAR 36.40



Institut Komunikasi Dan Elektronik Di Raja Kem Sg. Besi - Bumbung Bocor Dan Longkang Kotor (05.10.2009)

b. Kegagalan Mematuhi Prosedur Membuat Pesanan Makanan

i. Unit Pengurusan Dan Pemantauan Katering (UPPK) perlu mengemukakan Borang Pesanan Rasmi (BAT L 153) kepada kontraktor dalam tempoh 24 jam sebelum tarikh sajian. Selepas sajian disedia dan dihidangkan, kontraktor akan menyerahkan Nota Hantaran kepada pasukan bagi tujuan pengesahan.

ii. Pemeriksaan Audit di Kem Terendak, Melaka dan Kem Kementah, Kuala Lumpur mendapati **Borang Pesanan Rasmi (BAT L 153) tidak disediakan sebelum tarikh sajian.** Di UPPK Kem Terendak, BAT L 153 hanya disediakan setakat 15 Ogos 2009. Tiada bukti menunjukkan BAT L 153 telah disediakan untuk pesanan sajian dari 16 Ogos 2009 hingga ke tarikh lawatan Audit pada 16 Oktober 2009. Keadaan yang sama juga berlaku di Kem Kementah di mana BAT L 153 tidak disediakan bagi tempoh 12 Oktober 2009 hingga tarikh lawatan Audit pada 28 Oktober 2009. Didapati UPPK sekadar menyerahkan anggaran kekuatan mingguan pasukan kepada kontraktor bagi tujuan penyediaan makanan. **Pada pandangan Audit, UPPK perlu memastikan BAT L 153 disediakan terlebih dahulu memandangkan ia merupakan dokumen pesanan rasmi dan bukti pesanan telah dibuat. Selain itu, tindakan UPPK memberi anggaran kekuatan anggota untuk tempoh seminggu lebih awal boleh menyebabkan pembaziran sekiranya anggota yang sebenarnya mengambil makanan adalah kurang.**

iii. Mengikut kontrak, sebarang pindaan terhadap jumlah keperluan makanan anggota mestilah dibuat secara bertulis dan dikemukakan kepada kontraktor selewat-lewatnya 24 jam sebelum sajian. Semakan Audit terhadap 39 BAT L 153 dan Nota Hantaran bagi bulan Januari, Februari,

Mac, April dan Ogos 2009 di Kem Kementah, Kuala Lumpur mendapati **jumlah sajian yang dipesan telah dibuat pindaan tanpa sebarang kelulusan dari Markas Logistik Tentera Darat.** Pihak Audit tidak dapat mengesahkan sama ada jumlah sajian sebenar yang dibekalkan adalah mengikut jumlah yang telah dipinda kerana pengesahan terhadap sajian tidak dibuat. Bagaimanapun, didapati bayaran telah dibuat mengikut jumlah sajian yang dipinda pada borang pesanan.

Pada pandangan Audit, bagi memastikan ketepatan bayaran, pihak UPPK perlu mengeluarkan arahan dalaman mengenai keperluan pasukan mendapatkan kelulusan terhadap pindaan sajian yang perlu dibuat dan membuat pengesahan terhadap sajian yang telah dibekalkan.

c. Kualiti Makanan Bermasak Kurang Memuaskan

i. Semakan Audit terhadap buku aduan dari anggota mendapati ada rungutan mengenai mutu masakan yang kurang memuaskan dan kuantiti makanan yang tidak mencukupi. Selain itu, semasa lawatan Audit ke Asrama Putera di Kem Terendak, Melaka pada 13 Oktober 2002 mendapati hanya 3 jenis lauk yang disajikan berbanding 6 jenis mengikut menu pada hari tersebut. Tindakan untuk menyajikan baki 3 jenis lauk hanya dilakukan selepas teguran Audit.

ii. Di Markas Staf Stesen, Kem Sg. Buloh, didapati lauk paru untuk hidangan tengah hari pada 30 September 2009 telah busuk dan tidak boleh dimakan. Bagaimanapun selepas ditegur oleh pihak Audit, kontraktor telah menggantikannya dengan ayam goreng pada jam 2 petang.

iii. Di Institut Komunikasi Dan Elektronik Di Raja, Kem Sg. Besi Kuala Lumpur, didapati kualiti ikan goreng yang dihidangkan pada 5 Oktober 2009 adalah kurang memuaskan di mana ikan yang digoreng hancur seperti di **Gambar 36.41**.



GAMBAR 36.41

Institut Komunikasi Dan Elektronik Di Raja, Kem Sungai Besi Kuala Lumpur - Ikan Goreng Hancur (05.10.2009)

d. Stok Bekalan Makanan Tidak Disimpan Dengan Sempurna

Lawatan Audit di stor-stor penyimpanan bahan makanan oleh kontraktor mendapati beberapa kelemahan seperti berikut :-

i. Di Kem Sg. Buloh**, kontraktor masih menggunakan stor lama yang belum diubah suai. Terdapat kebocoran pada bumbung stor yang boleh menjejaskan keselamatan bahan makanan yang disimpan** di dalam stor tersebut.

ii. Di Institut Komunikasi Dan Elektronik Di Raja, Kem Sg. Besi, terdapat 5 bilik sejuk beku (cold room) untuk menyimpan bahan makanan. Bagaimanapun semasa lawatan Audit, didapati bahan makanan yang disimpan dalam salah **satu bilik sejuk beku tersebut tidak disusun dengan teratur** di mana terdapat ketulan ais dan bebola ikan bertaburan di atas lantai.

iii. Di Kem Terendak, Melaka, **stok bahan makanan segar seperti ikan, daging dan ayam disimpan terlalu banyak dan dimaklumkan mampu untuk digunakan bagi tempoh 3 bulan.** Bagaimanapun, tempoh penyimpanan bahan makanan tersebut yang lama ini boleh menjejaskan kualiti makanan yang disediakan.

Pada pandangan Audit, UPPK perlu memantau dengan lebih teliti berhubung kualiti dan keadaan bahan makanan yang disimpan oleh kontraktor bagi menjamin keselamatan makanan yang disediakan.

e. Sewa Rumah Masak Tidak Dipungut Daripada Kontraktor

i. Syarat kontrak menetapkan kontraktor perlu membayar sewa bulanan terhadap rumah masak yang digunakan sepanjang tempoh kontrak berkuat kuasa. Syarat kontrak juga menetapkan tarikh kuat kuasa bermula pembayaran sewa tersebut ialah setelah kerja-kerja ubah suai dilaksanakan bagi kategori A dan pembinaan disiapkan bagi kategori B.

ii. Semakan Audit terhadap pengurusan bayaran sewa bagi rumah masak di bawah kategori A mendapati **bayaran sewa belum pernah dijelaskan oleh kontraktor kerana perjanjian untuk menduduki rumah masak masih belum ditandatangani walaupun kerja-kerja pengubahsuaian telah siap dilaksanakan.** Kadar sewa bulanan bagi rumah masak yang diaudit dan anggaran sewa yang perlu dijelaskan oleh kontraktor sehingga bulan Disember 2009 adalah berjumlah RM78,700 seperti di jadual berikut :-

JADUAL 36.7
ANGGARAN SEWA YANG PERLU DIJELASKAN OLEH KONTRAKTOR

KOMPLEKS KATERING	KEM	KADAR SEWA BULANAN (RM)	TARIKH PELAKSANAAN KATERING	TARIKH SIAP PENGUBAHSUAIAN	ANGGARAN SEWA YANG PERLU DIBAYAR (RM)
Sel Perumahan Bt. Kantonmen	Bt Kantonmen	1,200	06.09.08	06.07.09	6,000
92 RAJD	Bt Kantonmen	1,200	20.09.08	10.05.09	8,400
PUZIDA	Sungai Besi	350	20.02.09	06.04.09	2,800

KOMPLEKS KATERING	KEM	KADAR SEWA BULANAN (RM)	TARIKH PELAKSANAAN KATERING	TARIKH SIAP PENGUBAHSUAIAN	ANGGARAN SEWA YANG PERLU DIBAYAR (RM)
Kem Kementah (Lelaki)	Kementah	2,100	18.10.08	12.06.09	12,600
Kem Kementah (Perempuan)	Kementah	500	18.10.08	05.05.09	3,500
932 Kompeni Angkut	Semarak	400	31.10.08	30.05.09	2,800
MK PLTD	Imphal	600	31.10.08	28.05.09	4,200
93 RSD	Imphal	550	31.10.08	05.06.09	3,300
Kem Div/3 RSD	Terendak	1,100	8.11.08 /15.11.08	09.09.09/02.09.09	3,300
94 HAT	Terendak	1,700	14.08.08	05.09.08	25,500
PULPAK	Sungai Udang	900	26.07.08	05.05.09	6,300
JUMLAH					**78,700**

Nota : ***RAJD - Rejimen Askar Jurutera DiRaja*** ***PUZIDA - Pusat Latihan Muzik Tentera Darat***
RSD - Rejimen Semboyan DiRaja ***PULPAK - Pusat Latihan Peperangan Khusus***
MK PLTD - Markas Pemerintahan Latihan Tentera Darat ***HAT - Hospital Angkatan Tentera***

Pada pandangan Audit, Kementerian perlu menguatkuasakan syarat perjanjian dengan memastikan kontraktor membayar sewa yang tertunggak dan juga sewa bulanan. Sehubungan ini, tindakan untuk memungut sewa tersebut boleh dibuat melalui potongan daripada bayaran penyediaan makanan kepada kontraktor berkenaan.

36.5. SYOR AUDIT

Bagi memperbaiki kelemahan dalam pengurusan bekalan makanan sama ada secara masak sendiri atau katering seperti yang dibangkitkan, adalah disyorkan supaya pihak yang terlibat melaksanakan perkara-perkara seperti berikut :-

36.5.1. Kementerian perlu mengeluarkan arahan dalaman bagi memastikan pegawai penerima membuat pengakuan ke atas jumlah/jenis item yang sebenarnya diterima setelah membuat pemeriksaan atas bekalan yang dihantar oleh kontraktor. Seterusnya, Kementerian perlu mengarahkan pegawai penyelia membuat semakan/pemeriksaan mengejut dari semasa ke semasa untuk memastikan pegawai penerima mematuhi arahan tersebut.

36.5.2. Pasukan perlu memastikan bilangan anggota yang sebenarnya memerlukan makanan pada hari-hari tertentu bagi mengelakkan pembaziran. Selain itu, Pusat Kawalan Rangsum perlu membuat pemeriksaan berkala terhadap stok bagi mengelakkan lebihan bekalan dipesan oleh pasukan.

36.5.3. Pihak Unit Pengurusan Dan Pemantauan Katering (UPPK) perlu memastikan Borang Pesanan Rasmi (BAT L 153) disediakan terlebih dahulu memandangkan ia merupakan dokumen pesanan rasmi dan bukti pesanan telah dibuat. Selain itu, tindakan UPPK memberi anggaran kekuatan anggota untuk tempoh seminggu lebih awal boleh menyebabkan pembaziran sekiranya bilangan anggota yang sebenarnya mengambil makanan adalah kurang.

36.5.4. Bagi memastikan ketepatan bayaran, pihak UPPK perlu mengeluarkan arahan dalaman mengenai keperluan pasukan mendapatkan kelulusan terhadap pindaan sajian yang perlu dibuat dan membuat pengesahan terhadap sajian yang telah dibekalkan.

36.5.5. Pihak UPPK perlu memantau dengan lebih teliti berhubung kualiti dan keadaan bahan makanan yang disimpan oleh kontraktor bagi menjamin keselamatan makanan yang disediakan.

36.5.6. Kementerian perlu menguatkuasakan syarat kontrak dengan memastikan kontraktor membayar sewa yang tertunggak dan juga sewa bulanan. Sehubungan ini, tindakan untuk memungut sewa tersebut boleh dibuat melalui potongan daripada bayaran penyediaan makanan kepada kontraktor berkenaan.

KEMENTERIAN PERTAHANAN

37. PEMBINAAN RUMAH PANGSA KELUARGA ANGGOTA TENTERA DI KEM MAHKOTA, KLUANG, JOHOR

37.1. LATAR BELAKANG

37.1.1. Projek Pembinaan Rumah Pangsa Keluarga Anggota Tentera di Kem Mahkota, Kluang, Johor adalah untuk memenuhi keperluan tempat kediaman dan memberi keselesaan kepada anggota tentera. Projek ini dilaksanakan di atas tapak seluas 7.71 hektar di dalam Kem Mahkota, Kluang bagi menggantikan kuarters lama yang sudah tidak sesuai lagi untuk diduduki. Jabatan Kerja Raya (JKR) bertanggungjawab terhadap pembinaan projek ini di mana Pengarah JKR Negeri Johor dilantik sebagai Pegawai Penguasa projek manakala wakil Pegawai Penguasa adalah Jurutera Daerah Kluang.

37.1.2. Syarikat Bandi Bina Sdn. Bhd. telah dipilih secara tender terbuka untuk melaksanakan projek ini dalam tempoh 78 minggu iaitu dari 11 Ogos 2004 hingga 8 Mac 2006 dengan kontrak bernilai RM40.81 juta. Bagaimanapun, projek ini hanya siap sepenuhnya pada 31 Mac 2008 dengan kos berjumlah RM43.87 juta.

37.1.3. Projek ini melibatkan kerja-kerja bangunan yang terdiri daripada 6 blok rumah pangsa kelas 'D'; 5 blok rumah pangsa kelas 'F'; 3 blok rumah pangsa kelas 'G'; 1 blok Surau; 1 blok Tadika; 1 blok Dewan Auditorium; 8 unit rumah sampah dan 2 unit pencawang Tenaga Nasional Berhad (TNB). Selain itu, skop kerja projek ini juga melibatkan kerja-kerja di sekitar bangunan seperti pembersihan tapak; kerja tanah dan kerja meroboh bangunan sedia ada; menanam rumput dan hias taman; jalan, dataran kejat dan laluan pejalan kaki; saliran permukaan; pembetungan; pagar dan pintu pagar; retikulasi air luaran dan padang permainan.

37.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada Projek Pembinaan Rumah Pangsa Keluarga di Kem Mahkota, Kluang, Johor telah dirancang dan dilaksanakan dengan teratur dan berhemat serta selaras dengan matlamat pembinaannya.

37.3. SKOP DAN METODOLOGI AUDIT

Pengauditan telah dijalankan dengan menyemak fail, rekod dan dokumen berkaitan di Cawangan Kerja Keselamatan, JKR; Bahagian Pembangunan (Unit Perumahan), Kementerian Pertahanan; JKR Negeri Johor dan JKR Daerah Kluang. Di samping itu, pemeriksaan fizikal juga telah dijalankan di tapak projek untuk meninjau pelaksanaannya.

37.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Januari hingga Mac 2009 mendapati **Projek Pembinaan Rumah Pangsa Keluarga Anggota Tentera di Kem Mahkota, Kluang, Johor lewat disiapkan selama 754 hari dan terdapat kerja-kerja pembinaan yang dihasilkan tidak berkualiti/tidak mengikut spesifikasi yang ditetapkan. Terdapat juga kes di mana kemudahan yang disediakan tidak sesuai digunakan kerana kelemahan spesifikasi/reka bentuk. Dua daripada tiga blok rumah pangsa iaitu rumah pangsa kelas 'F' dan 'G' yang telah disiapkan lewat diduduki selama 13 bulan. Kelewatan ini berlaku kerana pasukan pemeriksaan bersama yang dianggotai oleh wakil Kementerian Pertahanan, JKR dan kontraktor lewat menjalankan pemeriksaan bagi menentukan sama ada bangunan tersebut telah dibina dengan sempurna dan selamat untuk digunakan. Kelewatan ini menyebabkan Kementerian Pertahanan terpaksa menanggung elaun perumahan anggota tentera yang sepatutnya ditempatkan di rumah pangsa tersebut.** Penjelasan lanjut berhubung dengan perkara yang ditemui adalah seperti di perenggan-perenggan berikut :-

37.4.1. Pelantikan Kontraktor

Pada 2 Disember 2002, Lembaga Tender JKR telah memperakukan Syarikat Bandi Bina Sdn. Bhd. dilantik untuk melaksanakan projek ini dengan kos RM40.81 juta. Syarikat ini merupakan kontraktor Kelas A, berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia dan Pusat Khidmat Kontraktor serta mempunyai modal berbayar RM2 juta. **Pihak Audit tidak dapat menentukan asas Lembaga Tender memperakukan syarikat berkenaan untuk melaksanakan projek ini memandangkan ia tidak melepasi penilaian teknikal yang dibuat oleh Jawatankuasa Teknikal**. Surat Setuju Terima kepada Syarikat Bandi Bina Sdn. Bhd. hanya dikeluarkan pada 11 Ogos 2004 iaitu kelewatan selama 20 bulan. Kelewatan untuk mengeluarkan Surat Setuju Terima tersebut adalah kerana Kementerian Pertahanan lewat memberikan pengesahannya kepada JKR berhubung dengan jumlah siling peruntukan bagi projek ini. Kelewatan ini menyebabkan projek tidak dapat dimulakan mengikut perancangan dan kemudahan tempat tinggal tidak dapat disediakan dengan awal kepada anggota tentera yang memerlukannya.

37.4.2. Prestasi Projek

37.4.2.1. Projek Lewat Disiapkan

a. Mengikut kontrak, tempoh penyiapan projek ini adalah selama 78 minggu iaitu bermula daripada 11 Ogos 2004 hingga 8 Mac 2006. Bagaimanapun, kontraktor telah gagal menyiapkan keseluruhan kerja pembinaan pada tarikh yang telah ditetapkan. Pembinaan hanya dapat disiapkan sepenuhnya pada

31 Mac 2008 setelah diluluskan 5 lanjutan masa selama 754 hari. Antara faktor utama kelewatan menyiapkan projek ini adalah seperti berikut :-

i. JKR telah mengarahkan pihak IKRAM menjalankan siasatan tanah di tapak projek ini. Hasil daripada siasatan tersebut, sebanyak 13 *point* diperlukan untuk ditanam cerucuk sebagai asas binaan bagi rumah pangsa Blok F2. Semasa penanaman cerucuk dijalankan, didapati ia tidak mencapai kedalaman yang diperlukan. Reka bentuk semula asas binaan telah dilakukan dengan menambah bilangan cerucuk untuk menjamin struktur yang akan dibina. Seterusnya kontraktor telah diberi lanjutan masa selama 150 hari.

ii. Semakan Audit mendapati lanjutan masa selama 150 hari diluluskan dengan alasan kontraktor tidak dapat memulakan kerja-kerja lanskap akibat daripada kelewatan pihak TNB melantik sub-kontraktor bagi melaksanakan kerja-kerja penanaman kabel luaran. Ini menyebabkan kerja-kerja luaran telah terganggu terutamanya kerja premix dan lanskap. **Pada pandangan Audit, koordinasi antara JKR dengan TNB perlu dipertingkatkan bagi memastikan projek dilaksanakan mengikut jadual.**

iii. Perjanjian tambahan telah ditandatangani antara Kerajaan dengan kontraktor untuk memberi lanjutan masa kepada kontraktor selama 236 hari. Lanjutan masa ini diberi disebabkan oleh kelewatan JKR membuat bayaran kemajuan kepada kontraktor. Kelewatan ini menyebabkan kontraktor menghadapi masalah modal untuk meneruskan projek ini. Semakan Audit mendapati 16 daripada 57 bayaran kemajuan berjumlah RM9.14 juta tidak dijelaskan mengikut kontrak iaitu dalam tempoh 44 hari daripada tarikh penilaian kerja oleh JKR. Kelewatannya adalah antara 6 hingga 64 hari. Antara faktor kelewatan tersebut adalah kelewatan Pegawai Penguasa (PP) memperakukan Sijil Perakuan Interim antara 5 hingga 37 hari dan juga berlaku kelewatan mengemukakan Sijil Perakuan Interim tersebut kepada Bahagian Kewangan, JKR Kluang untuk bayaran.

b. Berdasarkan senarai yang dikeluarkan oleh pihak pengurusan Kem Mahkota, terdapat seramai 134 pegawai dan anggota yang akan menduduki rumah pangsa kelas ‘F’ dan ‘G’. Daripada jumlah tersebut, seramai 114 anggota masih menyewa rumah di luar kawasan kem dan akan dipindahkan ke rumah kediaman baru apabila bangunan berkenaan siap sepenuhnya. Walaupun Perakuan Siap Kerja telah dikeluarkan pada 31 Mac 2008, namun sehingga 30 April 2009 anggota tentera berkenaan masih belum menduduki rumah pangsa berkenaan. Disebabkan oleh kelewatan ini, Kerajaan terpaksa

membayar elaun perumahan berjumlah RM411,450 kepada anggota yang masih menyewa rumah. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 37.1
JUMLAH ELAUN YANG DIBAYAR OLEH KERAJAAN SEHINGGA 30 APRIL 2009

PANGKAT	KELAS RUMAH	ELAUN BULANAN (RM)	BIL. PEGAWAI YANG AKAN MENDUDUKI	BIL. PEGAWAI YANG MENYEWA DI LUAR	TARIKH PERAKUAN SIAP KERJA	TARIKH MENDUDUKI RUMAH	TEMPOH SEWAAN (Bulan)	JUMLAH ELAUN YANG DIBAYAR OLEH KERAJAAN (RM)
PTTK	F	280	80	60	31.03.2008	-	13	218,400
LLP	G	275	54	54	31.03.2008	-	13	193,050
JUMLAH			**134**	**114**				**411,450**

Pada pandangan Audit, kelewatan menyiapkan projek/tempoh lanjutan masa sehingga 754 hari boleh dielakkan sekiranya koordinasi antara pelanggan, agensi pelaksana dan pembekal utiliti semasa di peringkat merekabentuk dan pembinaan dibuat dengan lebih teliti, bayaran kemajuan dibuat dalam tempoh yang sepatutnya dan kontraktor yang dilantik berkeupayaan dari segi kewangan dan teknikal.

37.4.2.2. Pembinaan Tidak Berkualiti/Tidak Sesuai/Tidak Mengikut Spesifikasi

Lawatan Audit yang dijalankan pada 24 dan 25 Mac 2009 untuk meninjau kualiti kerja rumah kediaman dan kemudahan yang dibina mendapati perkara-perkara berikut :-

a. Sungguhpun beberapa pembinaan dibuat mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan dalam kontrak namun ia didapati kurang sesuai dari segi reka bentuknya. Bagaimanapun, JKR telah mengambil tindakan untuk memperbetulkan kelemahan tersebut selepas menerima teguran daripada pihak Audit. Berikut diberikan beberapa contohnya :-

JADUAL 37.2
REKA BENTUK YANG TIDAK SESUAI

LOKASI	KEADAAN FIZIKAL	STATUS SELEPAS TEGURAN AUDIT
Rumah Pangsa Kelas 'D'	Di rumah pangsa kelas 'D', didapati jarak di antara dinding langkan (balkoni) tingkat satu dengan bumbung lobi adalah rapat iaitu 150mm. Ini telah menyebabkan air hujan dari bumbung lobi mengalir turun ke dinding dan seterusnya ke siling. Kesan daripada air hujan tersebut menyebabkan dinding dan siling menjadi kotor dan berlumut **(Gambar 37.1 dan 37.2)**.	Kerja-kerja memasang *gutter* bagi mengelakkan air hujan menyerap ke siling (Blok C) di rumah pangsa kelas 'D' telah siap dijalankan **(Gambar 37.3)**.
Rumah Pangsa Kelas 'F'	Bukaan antara dinding ke tandas duduk ialah 875mm. Jarak mangkuk tandas dengan dinding tandas adalah sempit disebabkan sebahagian bukaan telah digunakan untuk menempatkan paip-paip sanitari dan bekalan air di belakang tandas duduk **(Gambar 37.4)**.	Kerja-kerja mengubah suai kedudukan tandas kepada orientasi yang betul di rumah pangsa kelas 'F' telah siap dijalankan **(Gambar 37.5)**

LOKASI	KEADAAN FIZIKAL	STATUS SELEPAS TEGURAN AUDIT
	Lantai atas yang menempatkan tangki air di bilik tangki air rumah pangsa kelas 'F' mempunyai beberapa bukaan lantai berukuran lebih kurang 700mm x 1200mm. Tujuan bukaan lantai tersebut adalah untuk menempatkan paip-paip bekalan air. Bukaan terdedah dan tidak ditutup berpotensi menjadi punca kemalangan dan kecederaan terutama kepada individu-individu yang menjalankan kerja-kerja penyenggaraan **(Gambar 37.6)**.	Kerja-kerja memasang *grating* penutup lubang yang terbuka di bilik tangki air di rumah pangsa kelas 'F' telah siap dijalankan **(Gambar 37.7)**.
	Percikan air hujan daripada bumbung ruang jemuran ke dinding konkrit di rumah pangsa kelas 'F' telah menyebabkan dinding berkenaan berkulat **(Gambar 37.8)**. Ini kerana kedudukan bumbung tersebut dengan dinding konkrit jenis berongga yang terlalu hampir di rumah pangsa kelas 'F' **(Gambar 37.9)**.	Kerja pemasangan aluminium *louvers* bagi menutup *hollowbrick* telah disiapkan **(Gambar 37.10)**.
	Paip-paip sanitari di ruang serba guna tingkat bawah rumah pangsa kelas 'F' terdedah tanpa ditutup oleh dinding. Keadaan ini tidak sesuai kerana ruang serba guna tersebut digunakan untuk kegiatan penduduk di rumah pangsa ini **(Gambar 37.11)**.	Kerja-kerja menutup paip sanitari di ruang bilik serba guna pertama dan kedua di bangunan rumah pangsa kelas 'F' telah siap dijalankan **(Gambar 37.12)**.
	Kedudukan paip sanitari di ruang dapur rumah pangsa kelas 'F' adalah tidak sesuai kerana ia berada di atas tempat memasak.	Kerja-kerja menutup paip sanitari di ruang dapur rumah pangsa kelas 'F' telah siap dijalankan.
Bangunan Surau	Jarak antara sinki dengan dinding tandas lelaki di bangunan surau adalah terlalu dekat menyebabkan pengguna sukar keluar masuk ke kawasan tersebut **(Gambar 37.13)**.	Kerja-kerja mengubah suai ruang masuk ke sinki di tandas lelaki bangunan surau telah siap dijalankan bagi memudahkan laluan keluar masuk **(Gambar 37.14)**.
Rumah Pangsa Kelas 'G'	Tangga di rumah pangsa kelas 'G' telah dipasang dengan susur tangan jenis keluli sederhana keras. Bagaimanapun didapati ada ruang terbuka di antara tangga yang tidak dilindungi susur tangan dan ini boleh membahayakan pengguna **(Gambar 37.15)**.	Kerja-kerja untuk menutup ruang yang terdedah dengan plat keluli di rumah pangsa kelas 'G' telah siap dijalankan **(Gambar 37.16).**

GAMBAR 37.1



Rumah Pangsa Kelas 'D'
- Jarak Bumbung Yang Terlalu Dekat
(24.03.2009)

GAMBAR 37.2



Rumah Pangsa Kelas 'D'
- Siling Kotor Dan Berlumut
(24.03.2009)



GAMBAR 37.3

-Kerja-kerja Memasang Gutter Bagi Mengelakkan Air Hujan Menyerap Ke Siling
Telah Siap Dijalankan Selepas Teguran Audit
(Sumber Gambar : Jabatan Kerja Raya – 10.06.2010)

GAMBAR 37.4



Rumah Pangsa Kelas 'F'
- Jarak Antara Mangkuk Tandas Dengan Dinding Yang Terlalu Rapat
(25.03.2009)

GAMBAR 37.5



-Kerja-kerja Mengubah Suai Kedudukan Tandas Kepada Orientasi Yang Betul Telah Disiapkan Selepas Teguran Audit
(Sumber Gambar : Jabatan Kerja Raya – 10.06.2010)

GAMBAR 37.6



Rumah Pangsa Kelas 'F'
- Bukaan Yang Tidak Ditutup
(25.03.2009)

GAMBAR 37.7



-Kerja Memasang Grating Penutup Lubang Yang Terbuka Di Bilik Tangki Air Telah Siap Dijalankan Selepas Teguran Audit
(Sumber Gambar : Jabatan Kerja Raya – 10.06.2010)

GAMBAR 37.8



Rumah Pangsa Kelas 'F'
- Kesan Percikan Air Hujan Menyebabkan Kulat
(25.03.2009)

GAMBAR 37.9



Rumah Pangsa Kelas 'F'
- Jarak Antara Bumbung Dengan Dinding Yang Terlalu Dekat
(25.03.2009)



GAMBAR 37.10

- Kerja Pemasangan Aluminium Louvers Bagi Menutup Hollowbrick Telah Siap Dijalankan Selepas Teguran Audit
(Sumber Gambar : Jabatan Kerja Raya – 10.06.2010)

GAMBAR 37.11



Rumah Pangsa Kelas 'F'
- Kedudukan Paip Sanitari Di Bilik Serba Guna Yang Terdedah
(25.03.2009)

GAMBAR 37.12



-Kerja-kerja Menutup Paip Sanitari Telah Siap Dijalankan Selepas Teguran Audit
(Sumber Gambar : Jabatan Kerja Raya – 10.06.2010)

GAMBAR 37.13



Bangunan Surau (Tandas Lelaki)
- Jarak Antara Singki Dengan Dinding Yang Terlalu Rapat
(25.03.2009)

GAMBAR 37.14



- Kerja-kerja Mengubah Suai Ruang Masuk Ke Singki Di Tandas Lelaki Telah Siap Dijalankan Selepas Teguran Audit
(Sumber Gambar : Jabatan Kerja Raya – 10.06.2010)

GAMBAR 37.15



Rumah Pangsa Kelas 'G'
- Ruang Tidak Ditutup
(25.03.2009)

GAMBAR 37.16




- Kerja-kerja Menutup Ruang Yang Terdedah Dengan Plat Keluli Telah Siap Dijalankan Selepas Teguran Audit
(Sumber Gambar : Jabatan Kerja Raya – 10.06.2010)

Pada pandangan Audit, kelemahan-kelemahan dalam reka bentuk dapat dielakkan sekiranya wujud koordinasi antara Bahagian Arkitek dan Mekanikal serta penyeliaan yang rapi dibuat oleh Pegawai Penguasa terhadap kerja-kerja yang dijalankan oleh kontraktor.

b. Terdapat kerja pembinaan yang tidak mengikut spesifikasi kontrak. Contohnya kelebaran anak tangga bangunan auditorium yang sepatutnya 250mm seperti yang ditetapkan dalam kontrak dibina hanya 178mm lebar iaitu kurang 72mm daripada spesifikasi. Bagaimanapun, JKR telah

mengambil tindakan mengubah suai jarak anak tangga berkenaan selepas menerima teguran daripada pihak Audit. Gambar berikut adalah berkaitan :-

GAMBAR 37.17



GAMBAR 37.18



Bangunan Auditorium
- Kelebaran Anak Tangga Yang Tidak Mengikut Spesifikasi
(25.03.2009)

GAMBAR 37.19



- Kerja-Kerja Mengubahsuai Jarak Anak Tangga Di Auditorium Telah Siap Dijalankan Selepas Teguran Audit
(Sumber Gambar : Jabatan Kerja Raya – 10.06.2010)

37.4.2.3. Bangunan Siap Tetapi Tidak Diduduki Dan Digunakan

Rumah Pangsa kelas 'G', Surau, Tadika dan Dewan Auditorium telah diberikan Sijil Perakuan Pendudukan Separa pada 28 Disember 2007. Tarikh tamat Tempoh Tanggungan Kecacatan bangunan tersebut adalah pada 14 November 2008. Bagaimanapun sehingga lawatan Audit pada bulan Mac 2009, bangunan-bangunan tersebut masih belum diduduki. Semakan Audit mendapati antara faktor yang menyebabkan bangunan ini tidak diduduki adalah kerana kelulusan untuk menduduki belum diterima daripada Bahagian Pembangunan, Unit Perumahan, Kementerian Pertahanan. Kelewatan menduduki bangunan ini juga telah menyebabkan berlaku beberapa kerosakan akibat perbuatan vandalisme terutamanya di rumah pangsa kelas 'G'. Bagaimanapun, JKR telah mengambil tindakan untuk memperbaiki kerosakan-kerosakan tersebut selepas menerima teguran daripada pihak Audit. Gambar-gambar berikut menunjukkan beberapa contoh kerosakan akibat daripada perbuatan vandalisme dan pembaikan yang telah dilakukan :-

GAMBAR 37.20




Rumah Pangsa Kelas 'G'
- Kerosakan Pada Pintu
(25.03.2009)

GAMBAR 37.21



-Kerosakan Pada Pintu Telah Diperbaiki
Selepas Teguran Audit
(Sumber Gambar : Jabatan Kerja Raya – 10.06.2010)

GAMBAR 37.22



Rumah Pangsa Kelas 'G'
- Kerosakan Pada Siling Ruang Legar Blok C
(25.03.2009)

GAMBAR 37.23



-Kerosakan Pada Siling Telah Diperbaiki
Selepas Teguran Audit
(Sumber Gambar : Jabatan Kerja Raya – 10.06.2010)

GAMBAR 37.24



Rumah Pangsa Kelas 'G'
- Kerosakan Pada Kerusi
(25.03.2009)

GAMBAR 37.25



- Kerusi Yang Dipatahkan Telah Digantikan Dengan
Yang Baru Selepas Teguran Audit
(Sumber Gambar : Jabatan Kerja Raya
– 10.06.2010)

GAMBAR 37.26



Rumah Pangsa Kelas 'G'
- Kerosakan Pada Pintu Kabinet Dapur
(25.03.2009)

GAMBAR 37.27



-Cermin Di Kabinet Dapur Yang Dipecahkan
Telah Diperbaiki Selepas Teguran Audit
(Sumber Gambar : Jabatan Kerja Raya – 10.06.2010)

GAMBAR 37.28



Rumah Pangsa Kelas 'G'
- Kerosakan Pada Rak TV
(25.03.2009)

GAMBAR 37.29



-Perabot Rak Hiasan Yang Dirosakkan
Telah Diganti Selepas Teguran Audit
(Sumber Gambar : Jabatan Kerja Raya – 10.06.2010)

GAMBAR 37.30



Rumah Pangsa Kelas 'G'
- Kerosakan Pada Tingkap Ruang Tamu
(25.03.2009)

GAMBAR 37.31



-Tingkap Di Ruang Tamu Yang Dipecahkan Telah
Diperbaiki Selepas Teguran Audit
(Sumber Gambar : Jabatan Kerja Raya – 10.06.2010)

Pada pandangan Audit, Kementerian Pertahanan perlu mengambil tindakan segera untuk memastikan bangunan dan kemudahan yang telah dibina digunakan sepenuhnya. Bagaimanapun, jika ada halangan yang menyebabkan penggunaannya terpaksa ditangguhkan, kawalan keselamatan terhadap bangunan-bangunan tersebut perlu diwujudkan.

37.5. SYOR AUDIT

Bagi memperbaiki kelemahan yang dibangkitkan dalam laporan ini dan juga memastikan perkara yang sama tidak berulang dalam pelaksanaan projek yang lain, adalah disyorkan supaya pihak yang terlibat mengambil tindakan terhadap perkara-perkara berikut :-

37.5.1. JKR perlu memastikan koordinasi antara pelanggan, agensi pelaksana dan pembekal utiliti semasa di peringkat merekabentuk dan pembinaan dipertingkatkan.

37.5.2. JKR perlu menjalankan pemantauan dan pemeriksaan yang rapi terhadap bangunan/kemudahan yang dibina bagi memastikan sebarang kerosakan yang berlaku dalam Tempoh Tanggungan Kecacatan diperbaiki oleh kontraktor.

37.5.3. JKR perlu memastikan reka bentuk untuk bangunan/kemudahan yang dibina disediakan dengan sempurna dan memenuhi keperluan pengguna. Bagi tujuan ini, tahap koordinasi antara pasukan reka bentuk dan mekanikal serta pengguna perlu dipertingkatkan.

37.5.4. Kementerian Pertahanan perlu mengambil tindakan segera untuk memastikan bangunan dan kemudahan yang telah dibina digunakan sepenuhnya. Bagaimanapun, jika ada halangan yang menyebabkan penggunaannya terpaksa ditangguhkan, kawalan keselamatan terhadap bangunan-bangunan tersebut perlu diwujudkan.

KEMENTERIAN DALAM NEGERI

38. PENGURUSAN KOMPLEKS LAPANG SASAR ANTARABANGSA LANGKAWI MALAYSIA

38.1. LATAR BELAKANG

38.1.1. Kompleks Lapang Sasar Antarabangsa Langkawi Malaysia [*Langkawi International Shooting Range Malaysia* (Kompleks)] di Kedah telah dibina oleh Jabatan Kerja Raya dan diserahkan secara rasmi kepada Kementerian Dalam Negeri (Kementerian) pada tahun 1997. Ia dibina di atas tanah seluas 211.80 hektar di Mukim Ulu Melaka, Daerah Langkawi dengan kos berjumlah RM64 juta. Tanah untuk lapang sasar ini yang diperolehi dengan kos berjumlah RM11.40 juta masih berstatus Hak Milik Sementara dan dalam peringkat kelulusan EXCO Negeri Kedah untuk mengeluarkan Hak Milik Kekal.

38.1.2. Tujuan asal Kompleks ini dibina adalah untuk digunakan sebagai lokasi acara menembak bagi Sukan Komanwel (SUKOM) pada tahun 1998. Ia mempunyai 6 jenis kemudahan lapang sasar menembak *indoor* dan *outdoor ranges* serta dilengkapi dengan pelbagai kemudahan seperti di **Jadual 38.1**. Lapang sasar ini disediakan mengikut piawaian antarabangsa dan telah diiktiraf oleh *International Shooting Sport Federation* pada 10 November 1998. Ketika ini, Kompleks diuruskan oleh Bahagian Khidmat Pengurusan Dan Aset, Kementerian yang diketuai oleh Setiausaha Bahagian Gred JUSA C dan dibantu oleh seorang pengurus Gred 41 (Terbuka), 8 anggota Polis Diraja Malaysia (PDRM) pelbagai pangkat dan seorang Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N17.

JADUAL 38.1
JENIS KEMUDAHAN DI KOMPLEKS LAPANG SASAR ANTARABANGSA LANGKAWI MALAYSIA

<table>
<tr><th>KEMUDAHAN</th><th colspan="3">KETERANGAN</th></tr>
<tr><td rowspan="3">Lapang Sasar</td><td colspan="3">Indoor Ranges</td></tr>
<tr><td>10 Meter</td><td> 
Air Rifle</td><td> 
Air Pistol</td></tr>
<tr><td>25 Meter</td><td colspan="2"> 
Sport Pistol</td></tr>
</table>

<table>
<tr><th>KEMUDAHAN</th><th colspan="3">KETERANGAN</th></tr>
<tr><td rowspan="5">Lapang Sasar</td><td>50 Meter</td><td> 
Sport Pistol</td><td> 
Sport Rifle</td></tr>
<tr><td colspan="3">Outdoor Ranges</td></tr>
<tr><td>1000 Ela</td><td colspan="2"> 
Fullbore Rifle</td></tr>
<tr><td>Side Arm (Jarak Maksimum 30 Meter)</td><td> 
Pistol</td><td> 
Revolver</td></tr>
<tr><td>Skeet And Trap</td><td colspan="2"> 
Shotgun</td></tr>
<tr><td>Am</td><td colspan="3">Pejabat pentadbiran; pejabat penyelia teknikal; bilik mesyuarat; bilik kuliah; bilik persalinan; bilik perubatan; bilik kebal/senjata; bilik VIP; bilik siar raya; kuarters; dewan makan; surau; rumah penjaga dan lain-lain.</td></tr>
</table>

38.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada Kompleks Lapang Sasar Antarabangsa Langkawi Malaysia telah diuruskan dengan teratur bagi memastikan ia digunakan secara optimum dan Kerajaan mendapat *value for money* terhadap pembinaannya.

38.3 SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini meliputi aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap pengurusan Kompleks Lapang Sasar. Pengauditan dijalankan dengan menyemak fail, rekod dan dokumen berkaitan bagi tempoh tahun 2007 hingga 2009 di Bahagian Khidmat Pengurusan Dan Aset, Bahagian Pembangunan dan Bahagian Kewangan Kementerian serta di Pejabat Lapang Sasar Antarabangsa Langkawi Malaysia, Kedah. Lawatan ke Kompleks dijalankan bagi menentukan tahap penggunaan, penyenggaraan dan keselamatannya. Temu bual dengan pegawai/kakitangan Kementerian serta pengguna lapang sasar dibuat dan maklum balas juga diperolehi daripada soal selidik yang diedarkan kepada mereka yang berkaitan.

38.4 PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Februari hingga Jun 2009 mendapati pada umumnya **pengurusan Kompleks Lapang Sasar Antarabangsa Langkawi Malaysia tidak memuaskan. Sebahagian daripada kemudahan di Kompleks ini jarang digunakan; bangunan, kemudahan dan peralatan tidak disenggarakan dengan memuaskan serta tahap keselamatan Kompleks kurang memuaskan. Antara faktornya disebabkan oleh pentadbiran Kompleks sering kali bertukar pengurusannya, *Standard Operating Procedures* berhubung dengan penggunaan serta penyenggaraan Kompleks tidak lengkap dan kurang jelas, jenis penggunaan lapang sasar yang dibenarkan tidak jelas dan kekurangan peruntukan bagi tujuan penyenggaraan dan pembaikan.** Penjelasan lanjut mengenai perkara yang ditemui adalah seperti di perenggan-perenggan berikut :-


38.4.1. Kemudahan Kompleks Jarang Digunakan

38.4.1.1. Adalah diperhatikan kemudahan Kompleks ini jarang digunakan. Bagi tempoh tahun 2007 hingga bulan April 2009 (28 bulan), kemudahan *outdoor ranges* hanya digunakan sebanyak 185 kali manakala *indoor ranges* sebanyak 23 kali **(Jadual 38.2)**. Malahan pada tahun 2008, kemudahan *indoor ranges* langsung tidak digunakan pada bulan Januari, September hingga Disember. **Carta 38.1** menunjukkan kedudukan penggunaan *indoor ranges* dan *outdoor ranges* bagi tahun 2008. Manakala **Gambar 38.1 hingga 38.3** menunjukkan contoh kemudahan yang kurang digunakan. Mengikut maklum balas Kementerian, kemudahan *indoor ranges* hanya digunakan oleh Majlis Sukan Negara kerana lapang sasar ini dikhaskan kepada *air rifle* (.22m) dimana agensi lain tidak mempunyai senjata tersebut. Ia digunakan hanya ketika persiapan untuk sesuatu kejohanan.

JADUAL 38.2
TAHAP PENGGUNAAN LAPANG SASAR *INDOOR RANGES* DAN *OUTDOOR RANGES* ANTARA TEMPOH TAHUN 2007 HINGGA BULAN APRIL 2009 (28 BULAN)


LOKASI	JENIS LAPANG SASAR		TAHUN									JUMLAH		
			2007			2008			APRIL 2009					
			Bil. Hari	Bil. Kekerapan	Bil. Peserta	Bil. Hari	Bil. Kekerapan	Bil. Peserta	Bil. Hari	Bil. Kekerapan	Bil. Peserta	Bil. Hari	Bil. Kekerapan	Bil. Peserta
Indoor Ranges	10 Meter		40	2	23	9	3	15	20	1	10	**69**	**6**	**48**
	25 Meter		40	2	23	115	8	32	20	1	10	**175**	**11**	**65**
	50 Meter		40	2	23	9	3	15	20	1	10	**69**	**6**	**48**
	Jumlah Kecil *Indoor Ranges*			**6**	**69**		**14**	**62**		**3**	**30**		**23**	**161**
Outdoor Ranges	*Side-Arm (Jarak Maksimum 30 Meter)*		95	26	1,509	89	36	2,239	22	16	807	**206**	**78**	**4,555**
	Skeet And Trap	*Clay A*	4	2	161	20	8	713	0	-	-	**24**	**10**	**1,564**
		Clay B	9	4	180	4	3	340	0	-	-	**13**	**7**	
		Clay C	0	-	-	2	1	170	0	-	-	**2**	**1**	
	1,000 Ela		312	43	2,691	297	33	2,686	120	13	958	**729**	**89**	**6,335**
	Jumlah Kecil *Outdoor Ranges*			**75**	**4,541**		**81**	**6,148**		**29**	**1,765**		**185**	**12,454**
JUMLAH KESELURUHAN				**81**	**4,610**		**95**	**6,210**		**32**	**1,795**		**208**	**12,615**

GAMBAR 38.1



Lapang Sasar 10 Meter, Indoor Ranges

GAMBAR 38.2



Lapang Sasar 25 Meter, Indoor Ranges

- Penggunaan Minimum. Hanya Digunakan Penembak Kebangsaan Bagi Acara Menggunakan Air Rifle, Air Pistol Dan Sport Pistol Di Bawah Program Latihan Menembak Majlis Sukan Negara (17.02.2009)


GAMBAR 38.3



Lapang Sasar 50 Meter, Indoor Ranges

- Penggunaan Minimum. Hanya Digunakan Penembak Kebangsaan Bagi Acara Menggunakan Sport Rifle Dan Sport Pistol Di Bawah Program Latihan Menembak Majlis Sukan Negara (17.02.2009)

CARTA 38.1
PERBANDINGAN KEKERAPAN PENGGUNAAN *INDOOR RANGES* DAN *OUTDOOR RANGES* BAGI TAHUN 2008



38.4.1.2. Kompleks lapang sasar mempunyai 4 komponen bangunan utama iaitu blok pentadbiran, blok persenjataan, lapang sasar *indoor ranges* dan kuarters. Kesemuanya dibina mengikut spesifikasi dan fungsi yang diperlukan bagi menjayakan temasya SUKOM 1998. Semakan Audit pada bulan April 2009

mendapati hanya 7 ruang/bilik (26.9%) digunakan sepenuhnya manakala baki 19 ruang/bilik (73.1%) tidak digunakan sejak berakhirnya SUKOM pada tahun 1998.

38.4.1.3 Semakan Audit selanjutnya mendapati antara faktor yang menyebabkan penggunaan Kompleks kurang memuaskan adalah kerana pengurusannya kerap kali bertukar tangan semenjak ia disiapkan pada tahun 1997. Pada peringkat awal, ia diletakkan di bawah tanggungjawab Pejabat Polis Daerah Langkawi. Sebelum ia diserahkan kepada Bahagian Khidmat Pengurusan Dan Aset Kementerian pada tahun 2006, ia diuruskan oleh Bahagian Pembangunan Kementerian. Kekerapan pertukaran pengurusan ini menyebabkan perancangan dan pelaksanaan aktiviti Kompleks tidak dapat dilaksanakan dengan cekap dan kurang berkesan. Selain itu, mengikut penjelasan Kementerian, kemudahan ini tidak digunakan sepenuhnya kerana badan sukan/jabatan/agensi kurang berminat untuk menggunakannya disebabkan lokasi yang jauh dan kos perjalanan yang tinggi.

Pada pandangan Audit, bagi memastikan Kerajaan mendapat *value for money* daripada perbelanjaan yang dibuat untuk membina Kompleks Lapang Sasar Antarabangsa Langkawi Malaysia, Kementerian hendaklah memastikan pihak yang diberi tanggungjawab menguruskan Kompleks merancang dan melaksanakan aktivitinya dengan teratur. Seterusnya, Kementerian hendaklah memantau kemajuan aktiviti tersebut daripada laporan kemajuan yang dikemukakan oleh pengurusan Kompleks dari semasa ke semasa. Sehubungan ini, Kementerian hendaklah memastikan jawatan yang diwujudkan di Kompleks diisi.

38.4.2. Penyenggaraan Bangunan, Kemudahan Dan Peralatan Yang Tidak Memuaskan

38.4.2.1. Penyenggaraan hartanah (bangunan, kemudahan/infrastruktur, peralatan dan persekitaran) secara terancang hendaklah dilaksanakan seperti yang ditetapkan di dalam Surat Pekeliling Am Bilangan 2 Tahun 1995 (Pengurusan Penyenggaraan - Pewujudan Sistem Penyenggaraan Terancang). Penyenggaraan terancang ini melibatkan 2 peringkat iaitu penyenggaraan pembetulan (tindakan membaiki atau mengganti komponen supaya dapat berfungsi mengikut standard yang ditetapkan) dan penyenggaraan pencegahan (kerja memeriksa, servis, membaiki atau mengganti komponen secara berkala supaya ia dapat beroperasi dengan cekap secara berterusan). Bagi melaksanakan penyenggaraan terancang ini, Kementerian perlu mengambil tindakan utama seperti berikut :-

a. Melantik pegawai kanan bagi mengawasi pelaksanaan penyenggaraan ini.
b. Menyediakan Daftar Aset Penyenggaraan Bangunan yang melibatkan 4 aspek utama merangkumi struktur, elektrik, mekanikal dan persekitaran luar.

c. Mewujudkan jadual penyenggaraan bagi setiap item dalam Daftar Aset Penyenggaraan dengan memperincikan jenis, kekerapan, keutamaan serta proses pelaksanaan aktiviti penyenggaraan berkaitan.

d. Merancang Pelan Operasi Penyenggaraan bagi pengurusan hartanah dalam jangka masa yang telah dijadualkan. Kerja penyenggaraan dipantau menggunakan pelbagai kaedah antaranya Carta *Gantt*.

e. Menilai program penyenggaraan hartanah untuk menentukan sama ada matlamat program tercapai serta dapat mengenal pasti usaha yang harus dilakukan bagi memperbaiki kelemahan yang wujud.

38.4.2.2. Semakan Audit mendapati tahap penyenggaraan dan pembaikan terhadap bangunan, kemudahan dan peralatan kurang memuaskan. Lawatan Audit pada bulan April 2009 mendapati perkara berikut :-

a. Terdapat beberapa kerosakan yang ketara yang masih belum diperbaiki seperti contoh di **Gambar 38.4 hingga 38.13**. Antara lainnya adalah disebabkan oleh Pelan Operasi Penyenggaraan Kompleks tidak dapat disediakan dengan sempurna kerana Pelan Lukisan Siap Bina Kompleks ini hanya diterima daripada Jabatan Kerja Raya Negeri Kedah pada bulan Mei 2008 iaitu selepas 11 tahun dari tarikh *handing over* bangunan pada tahun 1997.

GAMBAR 38.4



Bangunan 3 Dalam 1
- 15 Unit Roller Shutter Di Lapang Sasar 25 Meter Dan 50 Meter Tidak Berfungsi
(28.04.2009)

GAMBAR 38.5



Lapang Sasar 1000 Ela
- Kipas Siling Tempat Duduk Penonton Berkarat Dan Tidak Berfungsi
(28.04.2009)

GAMBAR 38.6



GAMBAR 38.7



Bangunan 3 Dalam 1
- Kerja Pendawaian Elektrik Kurang Sempurna. Sebahagian Soket Punca Kuasa Di Lapang Sasar 10 Meter, 25 Meter dan 50 Meter Tidak Mempunyai Bekalan Kuasa Elektrik (Gambar 38.6) Serta Laluan Koridor Tingkat Atas Dan Bawah Bangunan Gelap (Gambar 38.7)
(28.04.2009)

GAMBAR 38.8



Blok Persenjataan
- Dinding Berlumut Pada Gerbang Pintu Masuk Kompleks
(28.04.2009)

GAMBAR 38.9



Lapang Sasar 1000 Ela
- Kerusi Tidak Tahan Lasak Dan Mudah Pecah
(28.04.2009)

GAMBAR 38.10



Blok Persenjataan
- Cat Dinding Lobi Berlumut Dan Tertanggal
(28.04.2009)

GAMBAR 38.11



Kuarters Kakitangan
- Bingkai Kayu Tingkap Dan Perabot Kayu Rosak
(28.04.2009)

GAMBAR 38.12



Bangunan 3 Dalam 1
- Lapisan Cat Pada Permukaan Siling Di Anjung Blok Tertanggal
(28.04.2009)


GAMBAR 38.13



Bangunan 3 Dalam 1
- Keretakan Pada Dinding Di Bilik Anggerik
(28.04.2009)

b. Terdapat kemudahan/peralatan yang tidak dapat digunakan. Contohnya adalah seperti di **Jadual 38.3**. Pihak Kementerian memaklumkan kemudahan/peralatan ini akan dibaiki secara berperingkat bergantung kepada peruntukan kewangan yang sedia ada.

JADUAL 38.3
KEMUDAHAN/PERALATAN YANG
TIDAK DAPAT DIGUNAKAN/BERFUNGSI SEPENUHNYA

JENIS KEMUDAHAN/ PERALATAN	FUNGSI	SEBAB PENGGUNAAN PERALATAN TIDAK OPTIMUM	GAMBAR DIAMBIL SEMASA LAWATAN PASUKAN AUDIT PADA 28.04.2008
Monitor M921 (Manual) Monitor ME921 (Elektronik) Pencetak CU921	Memaparkan keputusan tembakan secara automatik di skrin serta mencetak markah bagi acara di lapang sasar 10 meter, 25 meter dan 50 meter	Sebanyak 90 set peralatan ini tidak dapat digunakan sepenuhnya sejak bulan November 2008	**GAMBAR 38.14** 
Horn speaker	Alat pengesan suara bagi acara *Skeet And Trap*	Alat ini tidak dapat digunakan disebabkan kerosakan pada Panel Penyambung *Horn Speaker* kerana diserang anai-anai	**GAMBAR 38.15** 
Auto fixed trap	Alat bagi melepaskan *pigeon clay* untuk acara *Skeet And Trap* secara manual atau automatik	*Auto Control Unit* rosak dan tidak disenggarakan di mana *pigeon clay* hanya dapat dilepaskan secara manual dan tidak secara automatik	**GAMBAR 38.16** 


c. Berdasarkan maklum balas daripada Kementerian, didapati antara bulan Februari hingga September 2009, Kementerian telah memperuntukkan sejumlah RM303,316 untuk melaksanakan kerja penyenggaraan oleh kontraktor yang dilantik. Sehubungan ini, **Kementerian perlu memastikan kerja penyenggaraan secara pencegahan dan pembaikan sepertimana yang ditetapkan dalam Surat Pekeliling Am Bilangan 2 Tahun 1995 dilaksanakan oleh kontraktor berkenaan.**

38.4.2.3. Tahap Keselamatan Kurang Memuaskan

Lapang sasar di Kompleks merupakan satu kawasan di mana senjata api digunakan untuk tujuan latihan dan pertandingan menembak. Oleh itu, ia perlu mempunyai sistem kawalan yang tertentu untuk menjamin keselamatan pegawai dan penggunanya serta penghuni di sekitar kawasan. Semakan Audit mendapati perkara berikut :-

a. Pemeriksaan Audit pada bulan April 2009 mendapati keadaan beberapa peralatan keselamatan adalah kurang memuaskan dan boleh menjejaskan keberkesanan fungsinya. **Gambar 38.17 hingga 38.22** adalah contoh peralatan yang tidak berfungsi. Punca utama keadaan ini berlaku adalah disebabkan peralatan tidak diselenggarakan mengikut jadual dan yang rosak pula tidak diperbaiki.

GAMBAR 38.17



Bilik Kebal, Blok Persenjataan
- Kamera Litar Tertutup (CCTV) Tidak Berfungsi Dan Tiada Monitor Kawalan Keselamatan CCTV Dipasang
(28.04.2009)

GAMBAR 38.18



Pejabat Di Blok Persenjataan
- Transmisi Perhubungan Bagi Alat Walkie-Talkie Yang Dibeli Pada Tahun 2002 Tidak Jelas Dan Kuat Kerana Tidak Disenggarakan Dengan Sempurna
(28.04.2009)

GAMBAR 38.19



Semua Blok Bangunan Dan Lokasi Lapang Sasar
- Pemadam Api Mudah Alih Jenis Debu Kering Dan Gas Telah Tamat Tempoh Penggunaan Pada 27.08.2006
(28.04.2009)

GAMBAR 38.20



Bilik Generator Set Di Blok Persenjataan
- Sistem Pemadam Api Jenis Gas CO2 Tidak Disenggarakan
(28.04.2009)

GAMBAR 38.21



GAMBAR 38.22



Bilik Kebal, Blok Persenjataan
- Alat Akses Keselamatan Digital Pintu Bilik Kebal Yang Tidak Berfungsi
(28.04.2009)

b. Bilik kebal di blok persenjataan digunakan untuk menyimpan peralatan menembak seperti *rifle, pistol* dan peluru. Bagaimanapun, didapati rekod pergerakan keluar masuk ke bilik ini tidak diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini, rak di dalam bilik kebal tidak dilabel dan senarai peralatan yang disimpan berserta nama pemilik/agensi tidak didaftarkan dengan lengkap. Selain itu, terdapat kelongsong peluru juga disimpan di dalam bilik kebal tersebut dan masih belum dilupuskan. Pelupusan kelongsong peluru ini perlu diambil segera berdasarkan Tatacara Pengurusan Aset Alih Kerajaan bagi mengelakkan penyalahgunaan dengan membuat pengubahsuaian terhadapnya atau dijual. Contoh penyimpanan peralatan di bilik kebal adalah seperti di gambar berikut :-

GAMBAR 38.23



Bilik Kebal, Blok Persenjataan
- Peralatan Menembak Pasukan Full Bore Kebangsaan Yang Disimpan Di Rak Tetapi Tidak Dilabel
(17.02.2009)

GAMBAR 38.24



Bilik Kebal, Blok Persenjataan
- Amunisi Milik Pasukan Full Bore Kebangsaan Yang Tidak Dilabel
(17.02.2009)



GAMBAR 38.25

Bilik Kebal, Blok Persenjataan
- Pelbagai Jenis Kelongsong Peluru Yang Dikumpul Dan Disimpan Serta Tiada Tindakan Pelupusan
(17.02.2009)

Pada pandangan Audit, Kementerian perlu mempertingkatkan tahap keselamatan Kompleks bagi memastikan kemudahan peralatan yang ada sentiasa berada dalam keadaan selamat dan boleh digunakan pada bila-bila masa.

38.4.2.4. Kelemahan Lain Dalam Pengurusan Kompleks

a. Hala tuju Kompleks selepas berakhirnya SUKOM 1998 yang tidak jelas dan tidak dikaji semula merupakan penyebab utama kelemahan pengurusan

Kompleks. Ini mengakibatkan banyak polisi/dasar dan pelan bagi pembangunan Kompleks tidak dapat ditetapkan antaranya dasar/polisi mengenai jenis aktiviti yang dibenarkan diadakan di Kompleks. Pihak Audit mendapati selain daripada aktiviti latihan/pertandingan menembak yang dibenarkan untuk dijalankan di Kompleks, pelbagai aktiviti lain juga telah diadakan seperti aktiviti *bomb testing* oleh pasukan *VAT 69* dari Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan aktiviti perkhemahan/hari keluarga. Kesemuanya tidak termasuk dalam skop asal kelulusan penggunaan lapang sasar. Memandangkan pembangunan sukan menembak bukan merupakan *core business* Kementerian, Ketua Setiausaha Kementerian memutuskan Kompleks diserahkan kepada PDRM pada 27 Julai 2009. Namun demikian, pada 24 Mei 2010, Kementerian pula memaklumkan bahawa perbincangan telah diadakan dengan Kementerian Belia Dan Sukan (KBS)/Majlis Sukan Negara (MSN) dan mencadangkan Kompleks dijadikan satu tarikan pelancongan atau diserahkan kepada KBS/MSN. **Pada pandangan Audit, Kementerian perlu membuat keputusan muktamad dengan segera mengenai pihak yang sepatutnya bertanggungjawab terhadap pengurusan Kompleks.**

b. Sejak pengurusan Kompleks diambil alih pada 1 November 1997, jawatan pengurus Kompleks [Gred 41 (Terbuka)] tidak diisi sehingga kini (kecuali diisi untuk tempoh 2 bulan sahaja iaitu pada bulan Julai dan Ogos 2008). Antara sebab jawatan ini tidak diisi sepenuhnya kerana tiada calon yang layak dan mahir dari aspek pengurusan sesebuah lapang sasar dan pengendalian hal persenjataan. Bagaimanapun, pengurusan Kompleks pada ketika ini diletakkan di bawah tanggungjawab seorang anggota PDRM berpangkat Sarjan Gred YY6 dan dibantu oleh 7 Koperal/Lans Koperal/Konstabel Gred YY4/2 serta seorang Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N17. Kesemua 8 anggota PDRM yang dipinjamkan daripada PDRM terpaksa menguruskan hal pentadbiran Kompleks mengikut senarai tugas yang diberi tanpa mendapat latihan yang mencukupi terutamanya berkaitan pengurusan kewangan, pengurusan fail serta sistem pengurusan aset dan stor.

c. Terdapat 3 bentuk peraturan/garis panduan utama bagi pelaksanaan pengurusan di Kompleks iaitu Manual Prosedur Kerja, *Standard Operating Procedure* (SOP) dan Fail Meja. Semakan Audit mendapati kesemua dokumen tersebut telah diguna pakai di Kompleks, namun ia tidak lengkap dan kurang jelas kaitannya antara satu sama lain seperti di **Jadual 38.4**. Sebagai contoh di dalam Manual Prosedur Kerja, terdapat 3 aktiviti utama yang digariskan iaitu aktiviti mengurus dan menyelaras penggunaan lapang sasar; menyelaras urusan penyenggaraan bangunan, kemudahan/peralatan Kompleks dan mengurus program/aktiviti. Bagaimanapun, hanya satu proses

pelaksanaan aktiviti diperincikan dalam SOP dan Fail Meja iaitu mengenai aktiviti mengurus dan menyelaras penggunaan lapang sasar sahaja.

JADUAL 38.4
MANUAL PROSEDUR KERJA (MPK), *STANDARD OPERATING PROCEDURE* (SOP) DAN FAIL MEJA (FM) BERDASARKAN AKTIVITI UTAMA KOMPLEKS LAPANG SASAR ANTARABANGSA LANGKAWI MALAYSIA

JENIS AKTIVITI	MPK	SOP	FM
Pengurusan Pentadbiran	X	X	/
Pengurusan Operasi	X	/	/
Penggunaan Lapang Sasar Dan Kemudahan - Mengurus Dan Menyelaras	/	/	/
Penyenggaraan Lapang Sasar - Bangunan Kemudahan Dan Peralatan	/	X	X
Keselamatan	X	/	/
Pengurusan Program/Aktiviti	/	X	X

Nota : ***/ - Ada Terdapat Dalam Dokumen Berkaitan.***
X - Tidak Terdapat Dalam Dokumen Berkaitan.

d. Kesan daripada ketiadaan pegawai tetap berjawatan pengurus; perancangan latihan kakitangan yang tidak komprehensif dan peraturan/garis panduan pelaksanaan pengurusan Kompleks yang tidak jelas telah menyebabkan pengurusan kompleks lapang sasar hanya terhad kepada penyeliaan minimum lokasi lapang sasar, pengendalian beberapa ruang/bilik tertentu sahaja serta penyenggaraan kemudahan/peralatan yang minimum dan tidak terancang. Pengetahuan dan kemahiran bagi kedua aspek pentadbiran Kompleks dan hal persenjataan adalah penting bagi menjamin kesempurnaan pengurusan serta keselamatan umum. Keadaan ini secara tidak langsung dapat mengelakkan masalah penggunaan yang tidak optimum serta kerugian/pembaziran kepada Kerajaan yang terpaksa menanggung kos tinggi dalam pembaikan kerosakan bangunan dan kemudahan.

Pada pandangan Audit, Kementerian seharusnya berusaha mendapatkan seorang pengurus Kompleks berjawatan tetap secepat mungkin; merangka latihan yang komprehensif dari segi kedua aspek pentadbiran dan persenjataan bagi kesemua kakitangan Kompleks serta menyeragamkan semua prosedur/proses kerja dalam Manual Prosedur Kerja, *Standard Operating Procedure* dan Fail Meja supaya pengurusan Kompleks dapat dilaksanakan dengan berkesan.

38.4.2.5. Penilaian Terhadap Kepuasan Pengguna

Pihak Audit telah menjalankan penilaian untuk menilai sama ada pembangunan infrastruktur dan kemudahan yang disediakan memberi kepuasan kepada pengguna. Penilaian ini dijalankan dengan mendapatkan maklum balas melalui soal selidik yang diedarkan kepada pegawai/kakitangan dan pengguna kemudahan di Kompleks. Selain itu, temu bual bersama Setiausaha Eksekutif

Persatuan Menembak Kebangsaan bertempat di Pejabat Persatuan Menembak Kebangsaan Malaysia di Lapang Sasar Subang juga diadakan. Hasil daripada penilaian mendapati perkara berikut :-

a. Sebanyak 5 daripada 9 pegawai/kakitangan telah memberi maklum balas berkaitan pengurusan Kompleks seperti di jadual berikut :-

JADUAL 38.5
MAKLUM BALAS PEGAWAI/KAKITANGAN BERKAITAN PENGURUSAN KOMPLEKS LAPANG SASAR ANTARABANGSA LANGKAWI MALAYSIA

PERKARA	MAKLUM BALAS
Pentadbiran	• Pengurusan Kompleks tidak menyediakan ruang tempat bekerja yang khusus di pejabat untuk kakitangan yang berjawatan Lans Koperal dan Konstabel. • Tiada juruteknik dipertanggungjawabkan bagi membantu dalam urusan pembaikan dan penyenggaraan peralatan serta kemudahan di sekitar Kompleks.
Kemudahan Lapang Sasar	• Peralatan yang terdapat dalam Bangunan Lapang Sasar *Indoor Ranges* jarang digunakan dan sering kali rosak. • Peralatan menembak terutamanya di Lapang Sasar Pistol rosak dan perlu dibaiki.
Kemudahan Awam	• Umumnya sangat baik.
Infrastruktur Dan Persekitaran	• Keperluan membina kolam renang dan gimnasium.
Lain-lain	• Pakaian seragam khas pegawai dan kakitangan Kompleks perlu dibekalkan. • Sistem menggunakan Pas Keselamatan bagi pelawat/pengguna perlu diadakan bagi mempertingkatkan tahap keselamatan.

b. Hasil analisis terhadap maklum balas daripada 100 responden (pelatih/ pengguna) dari pelbagai agensi Kerajaan dan bukan Kerajaan antaranya PDRM; Jabatan Penjara Malaysia; Majlis Sukan Negara; Persatuan *Rifle* Kebangsaan dan Persatuan Menembak Kebangsaan adalah diringkaskan seperti berikut :-

i. Majoriti pengguna menyedari tentang kewujudan Kompleks melalui agensi yang menganjurkan aktiviti menembak (68.7%) berbanding dengan sumber yang lain iaitu media massa (23.6%), internet (6.6%) dan papan tanda Kompleks (1.1%).

ii. Pengguna/pelatih berpuas hati dengan kemudahan yang terdapat di *outdoor ranges* manakala bagi *indoor ranges* pula banyak kelemahan yang perlu diperbaiki antaranya kelengkapan peralatan tidak mencukupi atau tidak sesuai; peralatan sistem pemarkahan elektronik yang tidak berfungsi; sistem penghawa dingin yang rosak serta papan tanda amaran/larangan tentang perkara yang boleh dilakukan tidak mencukupi/sesuai.

iii. Pengguna/pelatih juga mencadangkan supaya kemudahan/peralatan di Kompleks dipertingkatkan seperti menyediakan peralatan *water cooler*; kawasan istirahat; kemudahan kolam renang; surau dan bilik air untuk kegunaan para pengunjung dan juga pelatih menembak.

c. Sebagai perbandingan, lawatan Audit juga telah dijalankan di Lapang Sasar Subang dan mendapati lapang sasar ini telah digunakan sebanyak 316 kali iaitu pada puratanya 26 kali sebulan bagi sepanjang tahun 2008. Antara faktor yang menyebabkan Lapang Sasar Subang kerap digunakan adalah kerana ia menyediakan pelbagai kemudahan rekreasi antaranya seperti kolam renang, gimnasium, bilik rehat dan kafeteria; mempunyai peralatan menembak yang lengkap; sering kali menganjurkan kejohanan menembak peringkat tempatan mahupun antarabangsa dan lokasinya yang berhampiran dengan pusat bandar.

Pada pandangan Audit, bagi mempertingkatkan tahap penggunaan Kompleks Lapang Sasar Antarabangsa Langkawi Malaysia, infrastruktur dan kemudahan yang sedia ada patut dipertingkatkan; promosi diadakan dan kerap menganjurkan kejohanan menembak.

38.5. SYOR AUDIT

Bagi mengelakkan kemudahan bertaraf antarabangsa ini bertukar menjadi projek "gajah putih", Kementerian Dalam Negeri (Kementerian) perlu membuat keputusan muktamad dengan segera mengenai pihak yang sepatutnya bertanggungjawab terhadap pengurusan Kompleks. Pada masa yang sama, Kementerian disyorkan supaya mengambil tindakan pembetulan terhadap perkara berikut :-

38.5.1. Mempertingkatkan infrastruktur dan kemudahan sedia ada serta memantau kemajuan aktivitinya daripada laporan kemajuan yang dikemukakan oleh pengurusan Kompleks dari semasa ke semasa.

38.5.2. Memastikan kontraktor melaksanakan kerja penyenggaraan secara pencegahan dan pembetulan sepertimana yang ditetapkan dalam Surat Pekeliling Am Bilangan 2 Tahun 1995.

38.5.3. Mempertingkatkan tahap keselamatan Kompleks bagi memastikan kemudahan dan peralatan di Kompleks sentiasa berada dalam keadaan selamat dan boleh digunakan pada bila-bila masa.

38.5.4. Mendapatkan seorang pengurus Kompleks berjawatan tetap secepat mungkin; merangka latihan yang komprehensif dari aspek pentadbiran dan persenjataan bagi kesemua kakitangan Kompleks serta menyeragamkan semua prosedur/proses kerja dalam Manual Prosedur Kerja, *Standard Operating Procedure* dan Fail Meja.


39. POLIS DIRAJA MALAYSIA
- **PEMBINAAN PANGKALAN POLIS MARIN DI PELABUHAN KLANG, SELANGOR**

39.1. LATAR BELAKANG

39.1.1. Pangkalan Polis Marin Pelabuhan Klang dibina untuk menampung keperluan Pasukan Polis Marin Pelabuhan Klang yang masih belum mempunyai pejabat dan jeti yang tetap serta lain-lain kemudahan asas. Sebelum pembinaannya, kedudukan pejabat dan jeti Pasukan Polis Marin adalah berasingan iaitu pejabat Polis Marin ditempatkan di Balai Polis Pelabuhan Klang dan kapal ronda pula ditempatkan di jeti yang disewa daripada Lembaga Pelabuhan Klang.

39.1.2. Pembinaan projek ini adalah di bawah penyeliaan Jabatan Kerja Raya (JKR). Projek ini terbahagi kepada 2 fasa. Fasa 1 merangkumi kerja pembinaan jeti, bangunan pentadbiran, pontun dan sistem pengisian minyak. Fasa 2 pula merangkumi kerja-kerja pembinaan Kuarters Kelas 'D', 'E' dan 'F'; Kelab Rekreasi; Surau; Astaka; Dewan Serba Guna; Bengkel dan Garaj Bot Laju; Rumah Kedai; Rumah Sampah; Pondok Pengawal; Stor Peluru; *Store Yard*; Wakaf; Tempat Letak Kenderaan dan Pencawang Tenaga Nasional Berhad (TNB). **Gambarajah 39.1** menunjukkan kedudukan pelan projek ini.

GAMBARAJAH 39.1
PELAN PROJEK PEMBINAAN PANGKALAN POLIS MARIN
PELABUHAN KLANG FASA 2



39.1.3. Projek (Fasa 2) yang dianggarkan bernilai RM70 juta terletak di atas tanah seluas 12.5 ekar di Pulau Indah, Klang, Selangor. Lokasi pangkalan ini yang strategik dijangka akan memberi impak yang tinggi dan berkesan kepada Polis Marin bagi menjalankan operasi dengan lebih efektif.

39.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada Projek Pembinaan Pangkalan Polis Marin di Pelabuhan Klang, Selangor (Fasa 2) telah dirancang dan dilaksanakan dengan teratur dan berhemat serta selaras dengan matlamat pembinaannya.

39.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini telah dijalankan dengan menyemak fail, rekod dan dokumen berkaitan Projek Pembinaan Pangkalan Polis Marin di Pelabuhan Klang, Selangor (Fasa 2) di Bahagian Pembangunan, Kementerian Dalam Negeri (KDN); Bahagian Pembangunan dan Logistik, Polis Diraja Malaysia; dan Unit Maritim, Cawangan Pangkalan Udara Dan Maritim, JKR. Di samping itu, pemeriksaan fizikal juga telah dijalankan di tapak projek untuk meninjau pelaksanaannya.

39.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Julai hingga Oktober 2009 mendapati **beberapa kelemahan dalam perancangan dan pelaksanaan di mana projek pembinaan Pangkalan Polis Marin di Pelabuhan Klang (Fasa 2) lambat dimulakan; lewat disiapkan selama 1 tahun; perjanjian kontrak lewat ditandatangani; terdapat kerja pembinaan yang dihasilkan tidak berkualiti, reka bentuk/spesifikasi yang tidak sesuai, bangunan siap tetapi lewat digunakan serta jalan masuk ke Pangkalan Polis Marin yang tidak sempurna.** Penjelasan lanjut mengenai perkara yang ditemui adalah seperti di perenggan-perenggan berikut :-

39.4.1. Pelantikan Kontraktor Dan Penetapan Harga

39.4.1.1. Untuk mempercepatkan pelaksanaan Projek Pangkalan Polis Marin, Pelabuhan Klang, KDN telah mendapat kelulusan daripada Kementerian Kewangan pada 28 September 2004 untuk memilih kontraktor bagi projek ini secara rundingan terus. Selepas kelulusan diperoleh, Surat Niat telah dikeluarkan kepada kontraktor pada 22 Oktober 2004 bagi keseluruhan pembangunan Pangkalan Polis Marin. Fasa 1 telah siap sepenuhnya pada 10 Oktober 2007 manakala Fasa 2 pula siap pada 31 Mac 2009.

39.4.1.2. Kontraktor yang dilantik bagi melaksanakan Fasa 2 adalah kontraktor yang sama melaksanakan Fasa 1 iaitu Syarikat Pulau Reka-Kembang Maju JV (kontraktor). Syarikat ini adalah usaha sama antara Syarikat Pulau Reka Sdn. Bhd. dan Syarikat Kembang Maju Sdn. Bhd. Kedua-dua syarikat tersebut merupakan kontraktor Kelas A yang berdaftar dengan Pusat Khidmat Kontraktor

dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia dan mempunyai modal berbayar berjumlah RM2 juta dan RM1 juta masing-masingnya.

39.4.1.3. Rundingan harga telah diadakan antara JKR, kontraktor dan Kementerian Dalam Negeri bagi memuktamadkan harga kontrak sebelum ia dikemukakan kepada Kementerian Kewangan untuk kelulusan. Pada awalnya, kontraktor telah mengemukakan harga tawaran berjumlah RM82.13 juta dengan tempoh siap selama 18 bulan berbanding kos anggaran JKR yang berjumlah RM62.42 juta. Bagaimanapun selepas beberapa rundingan harga diadakan, harga yang dipersetujui adalah sebanyak RM70 juta dengan tempoh siap selama 18 bulan. Seterusnya, pihak Audit mendapati kelulusan daripada Kementerian Kewangan telah diperoleh pada 12 Julai 2006.

39.4.2. Kelewatan Menandatangani Kontrak

Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 10 Tahun 1995 menetapkan kontrak perlu ditandatangani dalam tempoh 4 bulan selepas Surat Setuju Terima (SST) dikemukakan oleh kontraktor. Kontraktor yang melaksanakan kontrak kerja boleh dibayar hingga 3 bayaran kemajuan dalam tempoh 4 bulan pertama selepas keluarnya SST dan sebelum perjanjian ditandatangani secara rasmi. Bayaran kemajuan seterusnya hanya boleh dibuat selepas kontrak yang rasmi ditandatangani. Semakan Audit mendapati perkara berikut :-

39.4.2.1. Kontrak hanya ditandatangani pada 4 Jun 2007 sungguhpun SST telah diterima daripada kontraktor pada 2 Oktober 2006. Ini menunjukkan **berlaku kelewatan selama 4 bulan.**

39.4.2.2. Bayaran kemajuan pertama hingga ke-3 yang dibayar antara bulan Disember 2006 hingga Januari 2007 adalah selaras dengan surat pekeliling tersebut. Bagaimanapun, **bayaran kemajuan seterusnya iaitu bayaran ke-4 dan ke-5 yang berjumlah RM8.70 juta telah dibayar kepada kontraktor sebelum kontrak ditandatangani.** Menurut JKR, pembayaran tersebut dibuat berdasarkan kepada komitmen yang ditunjukkan oleh kontraktor bagi memastikan projek dapat berjalan dengan lancar. Selain itu, kontraktor juga tidak mengambil wang pendahuluan, oleh itu aliran tunai adalah diperlukan bagi mengelakkan kelewatan projek.

39.4.2.3. Kelewatan menandatangani kontrak telah menyebabkan bayaran kemajuan ke-6 dan ke-7 berjumlah RM2.17 juta hanya dibuat pada 27 Jun 2007 sungguhpun JKR telah memperakukan nilai kerja siap tersebut pada 27 Mac 2007 dan 26 April 2007 masing-masingnya.

Pada pandangan Audit, JKR perlu mematuhi peraturan yang ditetapkan dengan memastikan kontrak ditandatangani dengan segera dan bayaran dibuat mengikut ketetapan bagi menjamin kepentingan Kerajaan.

39.4.3. Prestasi Projek

39.4.3.1. Pembinaan Lewat Disiapkan

Mengikut syarat kontrak, tempoh penyiapan Projek Pembinaan Pangkalan Polis Marin (Fasa 2) ini adalah selama 18 bulan iaitu bermula daripada 2 Oktober 2006 hingga 31 Mac 2008. **Bagaimanapun sehingga tarikh akhir projek ini patut disiapkan, kemajuan kerja hanya setakat 69%. Kontraktor berkenaan hanya dapat menyiapkan projek ini pada 1 April 2009 iaitu setelah 3 lanjutan masa selama 1 tahun atau 365 hari diluluskan oleh JKR.** Lanjutan masa tersebut telah diberi kerana ada beberapa kerja tambahan yang diperlukan. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 39.1
LANJUTAN MASA YANG DILULUSKAN

LANJUTAN MASA	TEMPOH	JUMLAH (HARI)	SEBAB LANJUTAN MASA
1	31.03.2008 hingga 22.09.2008	175	• Tambahan pembinaan jalan masuk utama. • Kelewatan lukisan pembinaan retikulasi air. • Kelewatan pengesahan penanaman cerucuk pagar berhias.
2	22.09.2008 hingga 30.11.2008	69	• Kesukaran kontraktor mendapat bekalan kesan daripada kenaikan harga bahan binaan.
3	30.11.2008 hingga 31.03.2009	121	• Kelewatan pembekalan elektrik oleh Tenaga Nasional Berhad (TNB). • Pemasangan Pam Pneumatik bagi meningkatkan tekanan untuk memastikan air mencukupi ke bangunan kediaman Kelas F.
JUMLAH		**365**	

39.4.3.2. Pembinaan Tidak Berkualiti/Tidak Mengikut Spesifikasi/Tidak Sesuai

Lawatan Audit telah dijalankan pada 10 hingga 13 Ogos 2009 untuk meninjau kualiti kerja bangunan yang dibina dan mendapati beberapa kualiti kerja yang tidak memuaskan serta reka bentuk/spesifikasi yang tidak sesuai. Butiran lanjut adalah seperti berikut :-

a. Kualiti Kerja Tidak Memuaskan

Didapati beberapa kerja yang dilaksanakan adalah tidak berkualiti dan perlu diperbaiki segera. Bagaimanapun, JKR telah mengambil tindakan untuk memperbetulkan kesemua kelemahan/kecacatan yang berlaku sebaik sahaja menerima teguran dari pihak Audit. Berikut diberikan contohnya :-

JADUAL 39.2
KUALITI KERJA YANG TIDAK MEMUASKAN

LOKASI	KEADAAN FIZIKAL	STATUS SELEPAS TEGURAN AUDIT
Gelanggang Sepak Takraw	- Lapisan atas gelanggang takraw mengalami rekahan. **(Gambar 39.1)**	- Rekahan telah ditampal dengan bahan asal. **(Gambar 39.2)**
Bangunan Bengkel dan Garaj Bot	- Permukaan meja kerja mengalami rekahan. **(Gambar 39.3)**	- Rekahan telah digantikan dengan lapisan *plywood*. **(Gambar 39.4)**
	- Siling di tingkat satu telah terbuka disebabkan oleh tiupan angin. **(Gambar 39.5)**	- Siling bumbung telah dipasang semula dengan pemasangan klip. **(Gambar 39.6)**

LOKASI	KEADAAN FIZIKAL	STATUS SELEPAS TEGURAN AUDIT
Kuarters Kelas 'F' (Kemboja)	- Lampu di tingkat 7 tidak dipasang dengan sempurna pada *beam*. **(Gambar 39.7)**	- Lampu telah dipasang semula mengikut piawaian. **(Gambar 39.8)**
	- Lapisan cat di atas tembok ruang santai di tingkat 9 mengalami pengelupasan. **(Gambar 39.9)**	- Tembok ruang santai telah dicat semula. **(Gambar 39.10)**
	- Sambungan kepada *hose reel* untuk memadam kebakaran di tingkat 9 telah berkarat. **(Gambar 39.11)**	- *Hose Reel* untuk memadam kebakaran yang berkarat telah diganti dengan model yang tahan karat. **(Gambar 39.12)**
	- Rumput yang ditanam di luar pangsapuri tidak disenggarakan dengan baik. **(Gambar 39.13)**	- Rumput yang mati telah ditanam semula. **(Gambar 39.14)**
	- Skru aerial televisyen di Bilik Servis telah berkarat. **(Gambar 39.15)**	- Skru aerial yang berkarat telah diganti dengan skru tahan karat. (**Gambar 39.16)**
	- Bukaan terdedah dan tidak ditutup di Bilik Tangki Air. **(Gambar 39.17)**	- Bukaan terdedah telah ditutup dengan *chequered plate*. **(Gambar 39.18)**
Kuarters Kelas 'F' (Mawar)	- Pintu jeriji tidak dipasang secara seragam dan tidak sama aras dengan lantai pintu. **(Gambar 39.19)**	- Pintu jeriji yang tidak seragam telah diperbaiki. **(Gambar 39.20)**


GAMBAR 39.1

GELANGGANG SEPAK TAKRAW



- Rekahan Di Permukaan Gelanggang (12.08.2009)


GAMBAR 39.2



- Rekahan Telah Ditampal Dengan Bahan Asal Selepas Teguran Audit (Sumber Gambar – Jabatan Kerja Raya – 30.01.2010)

GAMBAR 39.3

BANGUNAN BENGKEL DAN GARAJ BOT



- Rekahan Di Permukaan Meja Kerja (12.08.2009)

GAMBAR 39.4



- Permukaan Meja Telah Digantikan Dengan Lapisan Plywood Selepas Teguran Audit (Sumber Gambar – Jabatan Kerja Raya – 30.01.2010)

GAMBAR 39.5 **GAMBAR 39.6**

TINGKAT 1, BANGUNAN BENGKEL DAN GARAJ BOT



- Siling Terbuka Akibat Ditiup Angin
(12.08.2009)



- Siling Bumbung Telah Dipasang Semula
Dengan Pemasangan Klip Selepas Teguran Audit
(Sumber Gambar – Jabatan Kerja Raya – 30.01.2010)

GAMBAR 39.7 **GAMBAR 39.8**

TINGKAT 7, KUARTERS KELAS 'F' (KEMBOJA)



- Lampu Tidak Dipasang Dengan Sempurna
(11.08.2009)



- Lampu Telah Dipasang Semula
Mengikut Piawaian Selepas Teguran Audit
(Sumber Gambar – Jabatan Kerja Raya – 30.01.2010)

GAMBAR 39.9 **GAMBAR 39.10**

TINGKAT 9, KUARTERS KELAS 'F' (KEMBOJA)



- Pengelupasan Cat Di Tembok Ruang Santai
(12.08.2009)



- Tembok Ruang Santai Telah Dicat
Semula Selepas Teguran Audit
(Sumber Gambar – Jabatan Kerja Raya – 30.01.2010)

GAMBAR 39.11 **GAMBAR 39.12**

TINGKAT 9, KUARTERS KELAS 'F' (KEMBOJA)



- Sambungan Hose Reel Berkarat
(12.08.2009)



- Hose Reel Berkarat Telah Digantikan Dengan
Model Yang Tahan Karat Selepas Teguran Audit
(Sumber Gambar – Jabatan Kerja Raya – 30.01.2010)

GAMBAR 39.13 **GAMBAR 39.14**

KUARTERS KELAS 'F' (KEMBOJA)




- Rumput Yang Ditanam Tidak Diselenggara Dengan Baik (12.08.2009)




- Rumput Telah Ditanam Semula Selepas Teguran Audit (Sumber Gambar – Jabatan Kerja Raya – 30.01.2010)

GAMBAR 39.15 **GAMBAR 39.16**

BILIK SERVIS, KUARTERS KELAS 'F' (KEMBOJA)



- Skru Aerial Televisyen Telah Berkarat (11.08.2009)



Skru Yang Berkarat Telah diganti Dengan Skru Tahan Karat Selepas Teguran Audit (Sumber Gambar – Jabatan Kerja Raya – 30.01.2010)

GAMBAR 39.17 **GAMBAR 39.18**

BILIK TANGKI, KUARTERS KELAS 'F' (KEMBOJA)



- Bukaan Yang Terdedah Di Bilik Tangki Air Masih Belum Ditutup (11.08.2009)



-Bukaan Terdedah Telah Ditutup Dengan Chequered Plate Selepas Teguran Audit (Sumber Gambar – Jabatan Kerja Raya – 31.05.2010)

GAMBAR 39.19 **GAMBAR 39.20**

KUARTERS KELAS 'F' (MAWAR)



- Pintu Jeriji Tidak Dipasang Dengan Seragam Dan Tidak Sama Aras Dengan Lantai (12.08.2009)



- Kedudukan Pintu Jeriji Yang Tidak Seragam Telah Diperbaiki Selepas Teguran Audit (Sumber Gambar – Jabatan Kerja Raya – 30.01.2010)

b. Reka Bentuk/Spesifikasi Yang Tidak Sesuai


Beberapa pembinaan yang dibuat sungguhpun mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan dalam kontrak namun ia didapati kurang sesuai dan ada yang boleh membahayakan pengguna. Bagaimanapun, JKR telah mengambil tindakan untuk memperbetulkan kesemua kelemahan/kecacatan yang berlaku sebaik sahaja menerima teguran dari pihak Audit. Berikut diberikan beberapa contohnya :-

JADUAL 39.3
REKA BENTUK PEMBINAAN YANG TIDAK SESUAI

LOKASI	KEADAAN FIZIKAL	STATUS SELEPAS TEGURAN AUDIT
Kuarters Kelas 'F' (Kemboja)	Kedudukan soket di laluan ke Bilik Tangki Air terdedah kepada air hujan kerana bahagian atas bangunan tersebut tidak mempunyai bumbung. Ini boleh menyebabkan berlakunya litar pintas **(Gambar 39.21)**	Soket telah digantikan dengan jenis *Weather-proof* **(Gambar 39.22)**
	Ruang terbuka di laluan ke Bilik Tangki Air di mana air akan memasuki ke bahagian dalam bangunan tersebut sekiranya hujan **(Gambar 39.23)**	Ruang terbuka telah diperbaiki **(Gambar 39.24)**
Bangunan Surau	Kedudukan beberapa lubang saliran air (*weephole*) di bebendul jalan didapati lebih tinggi daripada permukaan jalan di bahagian luar surau. Ini boleh menyebabkan air bertakung ketika hujan kerana tidak dapat mengalir sepenuhnya ke longkang yang berhampiran **(Gambar 39.25)**	Lubang saliran air (weephole) telah direndahkan **(Gambar 39.26)**
	Sekeliling e*arth chamber* di luar surau tidak diturap dengan sempurna **(Gambar 39.27)**	Sekeliling *earth chamber* telah diturap dengan konkrit **(Gambar 39.28)**
Bangunan Kelab Rekreasi	Pagar/*railing* berhadapan dengan Tadika di tingkat satu mempunyai bukaan yang besar dan berisiko kepada keselamatan kanak-kanak **(Gambar 39.29)**	Bukaan pagar/*railing* telah ditutup dengan kepingan perspek **(Gambar 39.30)**

GAMBAR 39.21

LALUAN KE BILIK TANGKI AIR, KUARTERS KELAS'F' (KEMBOJA)



- Kedudukan Soket Yang Terdedah
(11.08.2009)

GAMBAR 39.22



- Soket Telah Diganti Dengan Jenis Weather-proof Selepas Teguran Audit
(Sumber Gambar – Jabatan Kerja Raya – 30.01.2010)

LALUAN KE TANGKI AIR, KUARTERS KELAS 'F' (KEMBOJA)

GAMBAR 39.23



- Ruang Terbuka Di Laluan Ke Bilik Tangki Air
(11.08.2009)


GAMBAR 39.24



- Ruangan Terbuka Telah Diperbaiki Selepas Teguran Audit
(Sumber Gambar – Jabatan Kerja Raya – 31.05.2010)

GAMBAR 39.25 **GAMBAR 39.26**

LUAR BANGUNAN SURAU



- Kedudukan Lubang Saliran Air Lebih Tinggi Dari Permukaan Jalan (11.08.2009)



- Kedudukan Saliran Air Telah Direndahkan Selepas Teguran Audit (Sumber Gambar – Jabatan Kerja Raya – 30.01.2010)

GAMBAR 39.27 **GAMBAR 39.28**

LUAR BANGUNAN SURAU



-Sekeliling Earth Chamber Tidak Diturap Dengan Sempurna (11.08.2009)



- Sekeliling Earth Chamber Telah Diturap Dengan Konkrit Selepas Teguran Audit (Sumber Gambar – Jabatan Kerja Raya – 30.01.2010)

GAMBAR 39.29 **GAMBAR 39.30**

BANGUNAN KELAB REKREASI



- Pagar/Railing Mempunyai Bukaan Yang Besar Berhadapan Dengan Kelas Tadika (11.08.2009)



- Bukaan Pagar/Railing Telah Ditutup Dengan Kepingan Perspek Selepas Teguran Audit (Sumber Gambar – Jabatan Kerja Raya – 31.05.2010)

Pada pandangan Audit, tindakan segera yang diambil oleh JKR adalah satu usaha yang baik. Namun, JKR hendaklah mempertingkatkan penyeliaan dan pemantauan bagi memastikan hasil kerja adalah berkualiti, mengikut spesifikasi dan bersesuaian bagi memenuhi kehendak pelanggan.

39.4.3.3. Bangunan Siap Tetapi Lewat Diduduki/Digunakan

Perakuan Siap Kerja bagi projek Pembinaan Pangkalan Polis Marin telah dikeluarkan oleh JKR pada 1 April 2009. Tempoh tamat tanggungan kecacatan ialah pada 31 Mac 2010. Semakan Audit mendapati pemeriksaan pra-ambilalih

telah dijalankan oleh pihak pelanggan iaitu Pasukan Polis Marin bersama dengan JKR dan kontraktor bagi mengesan kecacatan pada 7 hingga 9 April 2009 dan pada 10 dan 11 Jun 2009. Bagaimanapun sehingga lawatan Audit dibuat pada 10 hingga 13 Ogos 2009, penyerahan projek kepada pihak pelanggan belum dapat dilaksanakan kerana pihak pelanggan mahu semua kecacatan diperbaiki terlebih dahulu. Antara kerja/kecacatan yang tidak dilaksanakan ialah dari segi kemasan lantai, lubang sesalur elektrik tidak ditutup, pintu tandas rosak, tombol pintu berkarat dan rumput serta pokok yang ditanam tidak dijaga dan kebanyakannya telah mati. Pemeriksaan bersama kali ke-3 telah dijalankan pada 11 dan 12 Ogos 2009. Penyerahan projek Pembinaan Pangkalan Polis Marin di Pelabuhan Klang (Fasa 2) kepada pelanggan telah diadakan pada 1 September 2009 iaitu 5 bulan selepas Perakuan Siap Kerja dikeluarkan dan Pasukan Polis Marin Pelabuhan Klang telah mula berpindah masuk ke bangunan ini pada 8 September 2009.

Pada pandangan Audit, bangunan yang siap dan telah menerima sijil Perakuan Siap Kerja hendaklah diduduki segera agar kecacatan kepada bangunan dapat dikenal pasti dan diperbaiki dengan segera sebelum tempoh kecacatan berakhir. Selain itu, ia dapat mengelak Kerajaan daripada menanggung kos-kos tambahan seperti sewaan dan bayaran elaun perumahan.

39.4.3.4. Jalan Masuk Ke Pangkalan Polis Marin Tidak Sempurna

Projek pembinaan jalan masuk utama yang kekal ke Pulau Indah telah siap direka bentuk oleh Cawangan Jalan, JKR pada tahun 2004 bagi keperluan Jabatan yang terlibat iaitu Polis Marin, Jabatan Laut Malaysia, Lembaga Perikanan dan Jabatan Kastam. Bagaimanapun, projek ini tidak disenaraikan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9). JKR ada memaklumkan kepada KDN supaya memohon kepada Unit Perancang Ekonomi (UPE) supaya jalan masuk utama disenaraikan semula dalam RMK-9. Namun, sehingga kini tiada maklum balas diterima daripada UPE. Oleh yang demikian, laluan masuk ke tapak projek ini terpaksa menggunakan jalan masuk sementara yang sedia ada iaitu melalui tanah rizab kereta api serta tanah Kerajaan di bawah pentadbiran Pejabat Tanah Daerah Klang. Pihak Kereta Api Tanah Melayu Berhad bersetuju untuk memberi kebenaran menggunakan jalan sementara melintasi landasan kereta api dengan syarat beberapa keperluan tambahan dibuat dengan mengambil kira aspek keselamatan, sistem perparitan, membuat permohonan menggunakan jalan sementara setiap dua tahun dan kebersihan. Satu Arahan Kerja telah diluluskan bagi pembinaan jalan masuk sementara yang melibatkan kos berjumlah RM965,726.59. Gambar berikut adalah berkaitan :-

GAMBAR 39.31



GAMBAR 39.32



Jalan Masuk Ke Pangkalan Polis Marin Dari Jalan Utama (10.08.2009)

GAMBAR 39.33



Jalan Masuk Di Bawah Landasan Kereta Api Milik KTMB (10.08.2009)

GAMBAR 39.34



Kiri Dan Kanan Jalan Masuk Ditakungi Air Laut (10.08.2009)

Pada pandangan Audit, pembinaan jalan masuk kekal yang menghubungkan jalan utama ke Pangkalan Polis Marin perlu dilaksanakan segera memandangkan Pangkalan Polis Marin telah pun beroperasi. Selain daripada Pangkalan Polis Marin, Jabatan Laut Malaysia juga telah membina Institut Latihan Laut Malaysia yang terletak bersebelahan dengan Pangkalan Polis Marin. Dengan adanya jalan masuk kekal yang sempurna akan memudahkan perjalanan keluar masuk anggota-anggota yang bertugas di Pangkalan Polis Marin, Institut Latihan Laut Malaysia dan orang awam yang berurusan dengan kedua-dua agensi tersebut. Tambahan pula, kedudukan jalan masuk sementara adalah bersebelahan dengan laut. Ketika air laut pasang, air akan melimpahi ke kawasan jalan kerana kedudukannya yang rendah. Keadaan ini akan menimbulkan kesulitan kepada pengguna yang menggunakan jalan tersebut. Selain daripada itu faktor keselamatan juga perlu diambil kira.

39.5. SYOR AUDIT

Bagi memperbaiki kelemahan yang dibangkitkan dalam laporan ini dan juga memastikan perkara yang sama tidak berulang dalam pelaksanaan projek yang lain, adalah disyorkan supaya pihak yang terlibat mengambil tindakan terhadap perkara-perkara berikut :-

39.5.1. Jabatan Kerja Raya (JKR) perlu mematuhi peraturan yang ditetapkan dengan memastikan kontrak ditandatangani dengan segera bagi menjamin kepentingan Kerajaan.

39.5.2. JKR perlu mempertingkatkan penyeliaan dan pemantauan bagi memastikan projek dilaksanakan mengikut jadual yang telah ditetapkan.

39.5.3. Kementerian Dalam Negeri (KDN) perlu memastikan bangunan yang siap dan telah menerima Sijil Perakuan Siap Kerja diduduki segera agar kecacatan kepada bangunan dapat dikenal pasti dan diperbaiki dengan segera sebelum Tempoh Tanggungan Kecacatan berakhir.

39.5.4. KDN perlu memastikan pembinaan jalan masuk kekal yang menghubungkan jalan utama ke Pangkalan Polis Marin dilaksanakan segera.

KEMENTERIAN DALAM NEGERI

40. POLIS DIRAJA MALAYSIA

- PROJEK PEMBINAAN PERUMAHAN DAN IBU PEJABAT POLIS KONTINJEN KEDAH

40.1. LATAR BELAKANG

40.1.1. Projek Pembinaan Perumahan Dan Ibu Pejabat Polis Kontinjen Kedah di Daerah Kota Setar adalah bertujuan untuk menyediakan perumahan dan premis kerja yang lebih selesa kepada anggota polis dan ahli keluarga mereka. Projek ini dilaksanakan oleh Syarikat YMY Resources Sdn. Bhd. yang dilantik secara rundingan terus. Kos pembinaan projek ini yang berjumlah RM90 juta dibiayai daripada peruntukan Jabatan Perdana Menteri yang disalurkan kepada Kementerian Dalam Negeri (Kementerian). Projek ini dibina secara konvensional merangkumi satu blok bangunan pejabat 12 tingkat dan satu bangunan annex 5 tingkat serta 2 blok bangunan perumahan 9 tingkat yang mengandungi 128 unit kuarters kelas F dan sebuah dewan serba guna.

40.1.2. Kementerian telah melantik 4 perunding pada 10 Ogos 2004 untuk memberi khidmat perunding pakar daripada peringkat pra-tender sehingga projek ini siap dibina. Perunding-perunding tersebut adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 40.1
FIRMA YANG DILANTIK UNTUK KHIDMAT PERUNDING PAKAR

NAMA FIRMA	BIDANG
Arkitek Rusman	Perunding Arkitek
Irnaza Runding Sdn. Bhd.	Perunding Kejuruteraan Awam Dan Struktur
Antara Jurutera Perunding Sdn. Bhd.	Perunding Mekanikal Dan Elektrikal
Ilham Kos Konsultan Sdn. Bhd.	Perunding Ukur Bahan

40.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada Projek Pembinaan Perumahan Dan Ibu Pejabat Polis Kontinjen Kedah telah dirancang dan dilaksanakan dengan cekap, berhemat serta kemudahan perumahan dan premis kerja dinikmati oleh kumpulan sasaran.

40.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini meliputi perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap projek dengan tumpuan diberikan kepada aspek pelantikan kontraktor, penetapan harga kontrak, prestasi projek dan kualiti kerja kontraktor. Semakan terhadap fail, rekod dan dokumen projek yang berkaitan telah dibuat di Bahagian Pembangunan Kementerian;

Jabatan Logistik Ibu Pejabat Polis Diraja Malaysia (PDRM) Bukit Aman; Jabatan Logistik Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Kedah dan pejabat tapak projek. Pihak Audit juga telah membuat lawatan ke tapak projek bagi menjalankan pemeriksaan fizikal di samping mengadakan perbincangan dengan perunding serta pegawai Kementerian dan PDRM yang bertanggungjawab.

40.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Julai hingga Oktober 2009 mendapati **pelaksanaan Projek Pembinaan Perumahan Dan Ibu Pejabat Polis Kontinjen Kedah adalah tidak memuaskan. Projek ini masih belum disiapkan dan kerja-kerja yang dilaksanakan tidak mengikut spesifikasi/tidak berkualiti disebabkan oleh masalah kontraktor dan subkontraktor. Kegagalan menyiapkan projek ini menyebabkan Kerajaan terpaksa membayar imbuhan balik gaji Jurutera dan Kerani Tapak serta Imbuhan Tetap Perumahan/Elaun Sara Hidup kepada pegawai/anggota polis dan pegawai/kakitangan awam berjumlah RM4.68 juta dan menanggung kos tambahan untuk menyiapkan projek ini.** Penjelasan lanjut mengenai perkara yang ditemui adalah seperti di perenggan-perenggan berikut :-

40.4.1. Pelantikan Kontraktor

Kementerian Kewangan telah meluluskan pelantikan Syarikat YMY Resources Sdn. Bhd. sebagai kontraktor bagi pelaksanaan Projek Pembinaan Perumahan Dan Ibu Pejabat Polis Kontinjen Kedah secara rundingan terus pada 27 Disember 2002. Syarikat ini merupakan kontraktor kelas A dan mempunyai modal berbayar RM1 juta. Ia juga berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia dan Pusat Khidmat Kontraktor. Rundingan harga bagi melaksanakan projek ini telah dijalankan oleh Jawatankuasa Rundingan Harga yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha (KSU) Kementerian dengan berpandukan kepada *Preliminary Detailed Abstract* yang disediakan oleh Perunding Ukur Bahan serta diluluskan oleh Jawatankuasa Kecil Piawaian Dan Kos, Jabatan Perdana Menteri. Secara umumnya, hasil rundingan harga tersebut telah dapat mengurangkan kos projek daripada RM106.56 juta yang ditawarkan oleh kontraktor kepada RM90 juta. Kementerian Kewangan pada 26 September 2006 juga telah bersetuju dengan harga RM90 juta dan tempoh siap kerja selama 104 minggu. Kementerian telah mengeluarkan Surat Setuju Terima (SST) pada 3 Oktober 2006 kepada kontraktor untuk melaksanakan projek. Kontraktor mengaku terima SST ini pada 7 Oktober 2006. Bagaimanapun, **kontrak hanya ditandatangani pada 11 Jun 2007 iaitu selepas 8 bulan SST dikeluarkan. Ini menunjukkan kontrak telah lewat ditandatangani selama 4 bulan daripada tempoh yang sepatutnya. Mengikut maklum balas Kementerian, kelewatan ini adalah disebabkan penyelarasan harga untuk mengimbangkan kadar harga kerja dengan skop kerja yang hanya disiapkan pada bulan Februari 2007.**

40.4.2. Prestasi Projek

40.4.2.1. Projek Gagal Disiapkan

a. Mengikut syarat kontrak asal, projek ini perlu disiapkan pada 17 Oktober 2008 iaitu dalam tempoh 104 minggu dari tarikh milik tapak bina oleh kontraktor. Bagaimanapun, kemajuan kerja pada tarikh tersebut hanya 66.3%. KSU Kementerian selaku Pegawai Penguasa telah mengeluarkan Perakuan Kelambatan Dan Lanjutan Masa bertarikh 9 Oktober 2008 untuk melanjutkan tempoh menyiapkan projek selama 12 bulan sehingga 17 Oktober 2009. Antara sebab lanjutan masa diluluskan adalah kontraktor lewat masuk tapak kerana kerja meroboh bangunan lama tidak dapat dilakukan berikutan penghuni belum berpindah sepenuhnya; barang/bahan binaan lewat diterima di tapak; perubahan lukisan oleh perunding dan faktor cuaca. Selain itu, sebanyak 15 Arahan Perubahan Kerja (APK) melibatkan RM2 juta atau 2.2% daripada kos kontrak asal yang telah dikeluarkan juga menyebabkan tempoh kontrak perlu dilanjutkan.

b. Semakan Audit mendapati pada tarikh akhir lanjutan masa, kontraktor masih gagal menyiapkan projek. Kemajuan kerja keseluruhan projek hanya 68.4% di mana peratusan penyiapan pembinaan bangunan pejabat IPK 58% dan pembinaan bangunan kuarters 88%. **Gambar 40.1 dan 40.2** adalah berkaitan. Kementerian telah mengeluarkan Perakuan Kerja Tidak Siap pada 18 Oktober 2009 dan seterusnya perkhidmatan kontraktor ditamatkan pada 2 Disember 2009. **Namun demikian, Ganti Rugi Tertentu Dan Ditetapkan berjumlah RM782,080 masih belum dituntut daripada kontraktor**. Jumlah ini adalah berdasarkan RM16,640 bagi setiap hari kelewatan yang dikira dari tarikh akhir lanjutan masa hingga tarikh kontrak ditamatkan pada 2 Disember 2009. Sehingga bulan Oktober 2009, kontraktor dan keempat-empat perunding masing-masingnya telah dibayar sejumlah RM53.88 juta dan RM9.19 juta.

GAMBAR 40.1



Tapak Bina Ibu Pejabat Polis Kontinjen Kedah - Kemajuan Kerja Setakat 58% (15.10.2009)

GAMBAR 40.2



Tapak Bina Bangunan Perumahan Ibu Pejabat Polis Kontinjen Kedah - Kemajuan Kerja Setakat 88% (15.10.2009)

c. Kelewatan menyiapkan projek ini antara lainnya disebabkan oleh kontraktor menghadapi masalah kewangan sehingga tidak dapat membayar tuntutan subkontraktor seperti tercatat di minit mesyuarat tapak bertarikh 11 Jun

2008, 21 Mei 2009 dan 30 Jun 2009. Semakan Audit dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) mendapati kedudukan kewangan syarikat ini bagi tahun berakhir 30 Jun 2005 adalah tidak memuaskan di mana syarikat ini mengalami kerugian terkumpul berjumlah RM87,032. Status kewangan syarikat kontraktor ini bagi tempoh tahun 2006 hingga 2008 pula tidak dapat ditentukan kerana kontraktor tidak mengemukakan Penyata Kewangan Tahunannya kepada SSM. Setakat 15 Oktober 2009, kontraktor belum membuat bayaran bagi kerja bernilai RM2.85 juta yang telah dilaksanakan oleh 6 subkontraktor. Sehubungan itu, subkontraktor yang tidak mendapat bayaran menghadapi masalah kewangan yang serius dan tidak dapat melaksanakan kerja binaan dengan baik atau memperlahankan kerja di tapak.

d. Semasa lawatan Audit pada bulan Oktober 2009, sebanyak 6 Arahan Perubahan Kerja (APK) melibatkan kos berjumlah RM1.47 juta yang telah siap dilaksanakan dan dituntut oleh kontraktor pada 1 April 2009 masih belum dibuat kerana Perunding Ukur Bahan masih belum mengemukakan borang APK dan Perakuan Pelarasan Harga Kontrak untuk kelulusan Pegawai Penguasa. Berdasarkan maklum balas daripada Kementerian pada bulan Februari 2010, kelewatan mengemukakan borang APK dan Perakuan Pelarasan Harga Kontrak berlaku kerana kegagalan kontraktor mengemukakan dokumen sokongan yang diperlukan untuk menyemak kuantiti dan kadar harga kerja perubahan. Kontraktor juga tidak mempunyai staf yang berpengalaman untuk menyediakan tuntutan perubahan kerja.

e. Mengikut Garis Panduan Untuk Urusan Penamatan Pengambilan Kerja Kontraktor yang dikeluarkan oleh Jabatan Kerja Raya pada 1 Oktober 2006, kontraktor yang telah ditamatkan kontrak perlu membayar tuntutan berdasarkan Perakuan Muktamad Kontraktor Yang Ditamatkan dalam tempoh 9 bulan selepas kontraknya ditamatkan. Tuntutan ini perlu diselaraskan dengan mengambil kira perbezaan antara kos penyiap dan jumlah harga kontrak asal terlaras (termasuk rampasan Bon Pelaksanaan/ Wang Jaminan Pelaksanaan dan rampasan atas baki bayaran pendahuluan serta kos kerugian Kerajaan kerana projek tidak dapat disiapkan mengikut perancangan). Mengikut maklum balas yang diterima daripada Kementerian pada akhir bulan Mac dan Mei 2010, kontraktor penyiap sedang dilantik dan tambahan peruntukan kewangan sedang diperolehi daripada Jabatan Perdana Menteri untuk menampung kos tambahan bagi meneruskan projek ini.

f. Kegagalan Syarikat YMY Resources Sdn. Bhd. menyiapkan pembinaan projek ini mengakibatkan perkara berikut :-

    i. Kerajaan masih belum mencapai objektif asal pembinaan projek ini iaitu menyediakan perumahan dan premis kerja yang lebih selesa kepada anggota polis dan ahli keluarga mereka.

ii. Pihak Kementerian/PDRM perlu menanggung kos perbelanjaan tambahan dari aspek bayaran imbuhan balik gaji Jurutera dan Kerani Tapak sebanyak RM582,979 serta Imbuhan Tetap Perumahan/Elaun Sara Hidup kepada pegawai/anggota polis dan pegawai/kakitangan awam berjumlah RM4.10 juta.

iii. Kementerian tidak dapat menuntut balik sejumlah RM3.25 juta daripada kontraktor iaitu baki wang pendahuluan berjumlah RM2.80 juta dan baki Wang Jaminan Pelaksanaan berjumlah RM450,000 kerana kontrak telah ditamatkan.

iv. Kerajaan perlu menanggung kos tambahan pembinaan apabila ia ditender semula dan dilaksanakan oleh kontraktor penyiap yang akan dilantik.

Pada pandangan Audit, bagi membolehkan tuntutan awal diambil terhadap Syarikat YMY Resources Sdn. Bhd. dan untuk mengelakkan kos projek berterusan meningkat, adalah disyorkan supaya Jabatan Perdana Menteri meluluskan peruntukan kewangan yang diperlukan dengan secepat mungkin bagi meneruskan pembinaan projek ini oleh kontraktor penyiap yang akan dilantik.

40.4.2.2. Kerja Tidak Mengikut Spesifikasi Kontrak/Tidak Berkualiti

a. Bagi tempoh bulan Julai 2008 hingga Mac 2009, Perunding Arkitek telah mengeluarkan sebanyak 12 Laporan Ketidakpatuhan (Non Compliance Report) kepada kontraktor terhadap kerja binaan di kedua-dua tapak projek yang tidak menepati piawaian dan spesifikasi yang ditetapkan seperti di **Jadual 40.2**. Sungguhpun kontraktor bersetuju membaiki ketidakpatuhan kerja binaan ini dalam tempoh kontrak, namun **sehingga kontrak ditamatkan pada bulan Disember 2009, kerosakan/kecacatan tersebut masih belum dibaiki/diperbetulkan.**

JADUAL 40.2
KERJA BINAAN TIDAK DIBAIKI/DIPERBETULKAN
OLEH KONTRAKTOR SEHINGGA KONTRAK DITAMATKAN

PERIHAL	TARIKH NCR DIKELUARKAN
Membaik pulih permukaan yang tidak rata di permukaan luaran dinding; bahagian atas tembok; *trouting; R.C. roof gutter; concrete fin and R.C. column* di Kuarters Blok B.	20.07.2008
Membaik pulih permukaan yang tidak rata di permukaan luaran dinding; bahagian atas tembok; *trouting; R.C. roof gutter; concrete fin and R.C. column* di Kuarters Blok A.	29.07.2008
Memecah/memotong dan membaik pulih permukaan *R.C. roof gutter* yang tidak rata di Kuarters Blok B.	03.08.2008
Membaik pulih dan menyediakan 25 mm *inclination riser* di *step riser* Kuarters Blok B.	03.08.2008
Menukar dan membaik pulih *aluminium foil* dan *wire net* yang telah pecah/rosak di bumbung utama Kuarters Blok A.	03.08.2008
Menukar dan membaik pulih *aluminium foil* dan *wire net* yang telah pecah/rosak di bumbung utama Kuarters Blok B.	03.08.2008

PERIHAL	TARIKH NCR DIKELUARKAN
Merobohkan dan membina semula dinding bata di Bangunan Annex dan menyediakan segala komponen dan spesifikasi yang perlu seperti dinyatakan dalam dokumen kontrak.	07.08.2008
Membuka dan menukar profil bumbung dewan serba guna yang tidak mengikut spesifikasi kontrak.	13.08.2008
Membaik pulih, mengisi semula dan mengemas/membersihkan garisan plaster dinding bata di balkoni dan ruang tamu Kuarters Blok A dan Blok B (Nombor Unit 1 hingga 128).	17.02.2009
Membaik pulih dan membuat kemasan dinding lif di Kuarters Blok A dan Blok B.	17.02.2009
Membaik pulih dan membina semula *corridor scupper drain* Kuarters Blok A dan B.	10.03.2009
Membaik pulih dan membina semula *mild steel* dan *brickwall railing* di balkoni 1 dan 2 Kuarters Blok A dan Blok B.	10.03.2009

Nota : NCR - Laporan Ketidakpatuhan

b. Lawatan Audit ke tapak projek pada bulan Oktober 2009 juga mendapati beberapa syarat kontrak berhubung dengan keselamatan dan kebersihan tapak tidak dipatuhi oleh kontraktor walaupun pihak Kementerian/IPK Kedah/ Perunding Arkitek telah berulang kali meminta kontraktor mematuhinya. Jadual berikut memberikan contoh kerja berkaitan.

JADUAL 40.3
SYARAT KONTRAK BERHUBUNG DENGAN KESELAMATAN/ KEBERSIHAN YANG TIDAK DIPATUHI OLEH KONTRAKTOR

KETERANGAN KEPERLUAN/ARAHAN YANG DITETAPKAN	ARAHAN KERJA YANG TIDAK DIPATUHI
Tapak kerja perlu dipagar sepenuhnya dengan adang pelindung supaya orang awam akan dilindungi daripada kerja yang sedang dijalankan dan mencegah orang lain daripada menceroboh ke dalam tapak kerja.	Pagar adang pelindung/*metal hoarding* tidak dipasang di sekitar kawasan kerja sistem pembentungan. **(Gambar 40.3 dan 40.4)**
Tapak projek hendaklah sentiasa berada dalam keadaan bersih dan selamat.	Sisa buangan bahan binaan yang terdapat di kawasan tapak bina tidak dibersihkan.
Garis Panduan Bagi Keselamatan Dan Kesihatan Awam Di Tapak Pembinaan menghendaki jaring keselamatan disangkut kepada tambatan atau tupang yang secukupnya di sebelah luar dan melampaui kawasan yang mana seseorang mungkin terjatuh dan ditupang yang tingginya mencukupi untuk mengelakkan daripada melendut ke permukaan atau barang di bawah semasa menahan kejatuhan seseorang.	Jaring keselamatan tidak dipasang.

GAMBAR 40.3



Tapak Bina Ibu Pejabat Polis Kontinjen Kedah - Kawasan Kerja Sistem Pembentungan Tidak Dipasang Pagar Adang Pelindung/ Metal Hoarding Yang Boleh Mendatangkan Bahaya Kepada Penduduk Sekitar (13.10.2009)

GAMBAR 40.4



Tapak Bina Ibu Pejabat Polis Kontinjen Kedah - Kawasan Kerja Sistem Pembentungan Tidak Dipasang Pagar Dan Dipenuhi Dengan Air (13.10.2009)

Pada pandangan Audit, Kementerian perlu mengenal pasti pihak yang bertanggungjawab terhadap kegagalan menyiapkan projek ini dalam tempoh yang ditetapkan dan mengambil tindakan yang sewajarnya terhadap mereka yang terlibat.

40.4.2.3. Penyediaan Kemudahan

a. Mengikut Spesifikasi Kerja Binaan Bangunan dan *Bill Of Quantities*, sejumlah RM220,000 telah diambil kira di dalam kontrak untuk tujuan penyediaan kemudahan tempat tinggal sementara pekerja. Semakan Audit mendapati kontraktor telah dibayar sejumlah RM181,200 bagi menyediakan kemudahan tempat tinggal pekerja di tapak pembinaan. Namun lawatan Audit ke tapak bina mendapati kemudahan ini telah digunakan untuk menyimpan barang kontraktor. Pekerja kontraktor pula menduduki blok kuarters lama IPK Kedah di Blok G, H dan I Jalan Kolam Air. Mengikut penjelasan Perunding Arkitek, perkara ini berlaku untuk memudahkan pergerakan pekerja yang tidak perlu berulang alik dari Jalan Stadium ke Jalan Kolam Air di mana tapak pembinaan sedia ada.

Pada pandangan Audit, keperluan menyediakan kemudahan ini boleh dielakkan dan perbelanjaan Kerajaan boleh dijimatkan memandangkan pada peringkat awal pelaksanaan projek ini, pihak IPK Kedah telah membenarkan kontraktor menggunakan bangunan kuarters lama di Blok J, K dan L Jalan Kolam Air yang akan dirobohkan sebagai kuarters pekerjanya.

b. Kontrak juga mensyaratkan kontraktor memasang satu Sistem Litar Tertutup (CCTV) bernilai RM35,000 yang lengkap merangkumi kamera, *digital network video recorder,* kabel dan peralatan lain yang diluluskan oleh Perunding Mekanikal Dan Elektrikal untuk kegunaan khusus Pegawai Penguasa. Melalui sistem ini, kamera dipasang di tapak bina dan dihubungkan ke internet untuk merakam kemajuan kerja projek setiap hari yang disalurkan ke Laman Web IDS Solutions Sdn. Bhd. Sehubungan ini, kerja di kedua-dua tapak projek dapat dipantau oleh pihak Kementerian; Ibu Pejabat PDRM Bukit Aman; IPK Kedah dan keempat-empat perunding. Semakan Audit mendapati sejumlah RM26,760 telah dibayar kepada kontraktor bagi sistem CCTV dalam tempoh bulan Jun 2007 hingga September 2009 berdasarkan pengesahan daripada keempat-empat perunding yang dilantik. Bagaimanapun, pemeriksaan Audit mendapati **pihak Kementerian menghadapi kesukaran mengguna sistem tersebut sejak tahun 2007.** Pegawai yang terlibat dalam pemantauan projek memaklumkan mereka tidak pernah menggunakan sistem CCTV untuk tujuan pengawasan kerja di tapak. Antara tempoh 24 Julai 2009 hingga 20 Ogos 2009, pihak Audit dengan mengikut tatacara dan kata laluan yang diberi oleh Perunding Arkitek juga gagal melayari sistem CCTV tersebut. Semasa lawatan Audit ke tapak projek tersebut, kamera berkenaan tidak

dapat dikemukakan untuk pengesahan Audit. Perunding Arkitek hanya menunjukkan tempat tiang kamera digantung sebelum ini dan alat perakam sistem CCTV yang disimpan di dalam pejabatnya seperti di gambar berikut :-

GAMBAR 40.5



Tapak Bina Kuarters Ibu Pejabat Polis Kontinjen Kedah
- Tempat Tiang Kamera Sepatutnya Digantung
(13.10.2009)

GAMBAR 40.6



Pejabat Tapak Bina Kuarters Ibu Pejabat Polis Kontinjen Kedah
- Alat Perakam Tidak Digunakan Dan Disimpan Di Pejabat Tapak
(13.10.2009)

Pada pandangan Audit, Kementerian perlu memastikan bayaran pembekalan CCTV ini dituntut balik daripada kontraktor semasa membuat pengiraan Perakuan Muktamad Kontraktor Yang Ditamatkan.

40.5. SYOR AUDIT

Bagi membolehkan Projek Pembinaan Perumahan Dan Ibu Pejabat Polis Kontinjen Kedah diteruskan segera, Jabatan Perdana Menteri perlu memberi peruntukan kewangan kepada Kementerian Dalam Negeri (Kementerian). Manakala bagi memperbaiki kelemahan yang dibangkitkan dalam laporan ini dan juga memastikan perkara yang sama tidak berulang dalam pelaksanaan projek yang lain, adalah disyorkan supaya pihak Kementerian dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) mengambil tindakan terhadap perkara berikut :-

40.5.1. Melantik kontraktor penyiap dengan segera untuk menyiapkan projek terbengkalai ini supaya anggota polis dan ahli keluarga mereka mendapat manfaat sebagaimana yang dirancang dan juga tuntutan awal dapat dibuat terhadap Syarikat YMY Resources Sdn. Bhd. Bagi memastikan kontraktor penyiap melaksanakan projek mengikut jadual dan kerjanya berkualiti, Kementerian/PDRM perlu meningkatkan pemantauan terhadap kerja kontraktor berkenaan.

40.5.2. Kementerian perlu mengenal pasti pihak yang bertanggungjawab terhadap kegagalan menyiapkan projek ini dalam tempoh yang ditetapkan dan mengambil tindakan yang sewajarnya terhadap mereka yang terlibat.

40.5.3. Kementerian perlu memastikan Perakuan Muktamad Kontraktor Yang Ditamatkan dibuat dengan segera selepas kontraktor penyiap dilantik. Pelarasan tuntutan ini perlu mengambil kira antara lainnya Ganti Rugi Tertentu Dan Ditetapkan; baki wang pendahuluan dan baki wang jaminan pelaksanaan yang perlu dibayar balik oleh kontraktor asal.

KEMENTERIAN DALAM NEGERI

41. POLIS DIRAJA MALAYSIA

- KERJA PEMBAIKAN DAN PENYENGGARAAN BALAI DAN KUARTERS POLIS

41.1. LATAR BELAKANG

41.1.1. Sehingga akhir tahun 2009, Polis Diraja Malaysia (PDRM) mempunyai 768 balai polis. Daripada jumlah tersebut, 158 (20.6%) balai polis berusia 19 tahun dan ke bawah. Manakala 444 (57.8%) balai polis berusia antara 20 hingga 50 tahun dan 92 (12%) balai polis berusia lebih daripada 51 tahun. Baki sebanyak 74 (9.6%) balai polis tidak dapat ditentukan usianya kerana tiada maklumat bagi balai yang ditempatkan di bangunan yang disewa dan di terminal serta tiada rekod berkaitan status pemilikan bangunan. Selain itu, maklumat mengenai jumlah kuarters/perumahan PDRM juga tidak dapat ditentukan disebabkan data berhubung kuarters/perumahan diselenggarakan oleh Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK), Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) dan balai polis masing-masing.

41.1.2. Bagi memastikan balai dan kuarters sentiasa berada dalam keadaan yang selamat, kondusif dan boleh digunakan secara optimum, bangunan ini perlu dibaiki/ disenggarakan dari semasa ke semasa. Perbelanjaan untuk kerja-kerja pembaikan/ penyenggaraan balai dan kuarters polis dibiayai di bawah peruntukan pembangunan dan mengurus Kementerian. Bagaimanapun, peruntukan secara berasingan tidak dapat dikenal pasti untuk kerja-kerja pembaikan dan penyenggaraan balai serta kuarters polis.

41.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada kerja pembaikan dan penyenggaraan balai dan kuarters polis telah dirancang dan dilaksanakan dengan teratur, cekap dan berhemat bagi mencapai objektif yang ditetapkan.

41.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan terhadap kerja pembaikan dan penyenggaraan di 23 balai polis dan kuarters polis di 30 kawasan perumahan PDRM di Ibu Pejabat Polis Diraja Malaysia Bukit Aman serta 4 Ibu Pejabat Polis Kontinjen di Kedah, Selangor, Johor dan Sarawak. Sebanyak 94 sampel baucar bayaran bernilai RM4.16 juta yang berkaitan dengan 469 kerja pembaikan/penyenggaraan melalui sebut harga dan pembelian terus telah disemak untuk tujuan pengesahan ketepatan bayaran. Semakan juga telah dibuat terhadap fail, rekod dan dokumen yang berkaitan bagi tahun 2008 dan 2009. Pihak Audit juga menemu bual pihak yang terlibat dalam pengurusan pembaikan/ penyenggaraan serta kakitangan balai dan penghuni kuarters polis.

41.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Julai hingga Disember 2009 mendapati **pengurusan kerja pembaikan/penyenggaraan balai dan kuarters polis tidak dilaksanakan dengan memuaskan. Terdapat kerosakan yang tidak diperbaiki/disenggarakan yang boleh menjejaskan keselamatan/keselesaan pengguna. Kerja pembaikan/penyenggaraan tidak dibuat dengan memuaskan sama ada kerana skop kerja tidak dipatuhi atau tidak dinyatakan dengan jelas oleh pihak PDRM. Sebanyak 37 kerja berjumlah RM63,800 telah dibayar kepada kontraktor untuk kerja yang tidak dilaksanakan atau dilaksanakan dengan tidak sempurna. Harga perolehan bagi beberapa kerja lebih tinggi daripada harga yang ditetapkan dalam Jadual Kadar Harga Kerja-kerja Kecil Dan Memperbaiki Jabatan Kerja Raya serta harga yang berbeza-beza dibayar bagi kerja yang sama di pejabat yang sama. Kelemahan ini pada umumnya adalah berpunca daripada kurangnya penyeliaan/ pemantauan terhadap kerja pembaikan/penyenggaraan oleh PDRM.** Penjelasan lanjut mengenai perkara yang ditemui adalah seperti di perenggan-perenggan berikut :-

41.4.1. Kerja Pembaikan/Penyenggaraan Tidak Dilaksanakan/Dilaksanakan Dengan Tidak Sempurna Tetapi Bayaran Telah Dibuat

41.4.1.1. Ibu Pejabat Polis Bukit Aman/IPK melantik kontraktor untuk melaksanakan kerja pembaikan/penyenggaraan berdasarkan skop kerja yang disediakan oleh Ketua Unit Penyenggaraan Bahagian Bangunan Ibu Pejabat Bukit Aman atau Pegawai Turus Logistik Bangunan, Jabatan Logistik IPK atau Ketua Bahagian Logistik Daerah. Ketiga-tiga pihak ini bertanggungjawab menyelia/memantau kerja pembaikan/penyenggaraan yang dilaksanakan oleh kontraktor sehingga tamat Tempoh Tanggungan Kecacatan. Bayaran bagi kerja tersebut dibuat oleh Ibu Pejabat Polis Bukit Aman/IPK/IPD setelah diperakukan oleh Ketua Unit Penyenggaraan Bahagian Bangunan Ibu Pejabat Bukit Aman/ Pegawai Turus Logistik Bangunan, Jabatan Logistik IPK/Ketua Bahagian Logistik Daerah bahawa semua kerja pembaikan/penyenggaraan tersebut telah disiapkan dengan sempurna.

41.4.1.2. Semakan Audit mendapati **28 kerja pembaikan/penyenggaraan yang bernilai RM31,100** di Balai Polis Anak Bukit di Kedah, Balai Polis Asajaya dan Balai Polis Bintawa di Sarawak serta 16 unit kuarters di Taman Desa Baiduri, Cheras, Kelumpuk Perumahan PDRM Hulu Kelang, Berek Kelamin Bukit Aman dan kuarters di IPD Serian **tidak dilaksanakan tetapi kontraktor yang terlibat telah dibayar sepenuhnya**. Bagaimanapun selepas menerima teguran Audit, pihak PDRM telah mengarahkan kontraktor melaksanakan kerja tersebut. Kontraktor telah melaksanakan kesemua 28 kerja pembaikan/ penyenggaraan tersebut. Antara contoh kerja yang tidak dilaksanakan tetapi bayaran telah dibuat adalah seperti di gambar berikut :-

GAMBAR 41.1



Perumahan PDRM Taman Desa Baiduri, Cheras, Kuala Lumpur
(No. 16, Lorong Tan Sri Abdul Rahman Hashim 16)
- Jenang Pintu Bilik Air Yang Reput Tidak Diganti Hanya Disimen Di Bahagian Bawah. Kos RM550
(07.12.2009)

GAMBAR 41.2



Perumahan PDRM Taman Desa Baiduri, Cheras, Kuala Lumpur
(No. 22, Jalan Tan Sri Khoo Choo Kong 1)
- Kerangka Pintu Dalam Bilik Air Tidak Diganti Sebaliknya Hanya Disimen Di Bahagian Bawah Kerangka Pintu. Kos RM700
(07.12.2009)

GAMBAR 41.3



Kelumpuk Melati
Perumahan PDRM Hulu Kelang, Kuala Lumpur
(No. 8-3-2, Melati 8)
- Kepala Paip Angsa Di Dapur Tidak Dipasang. Kos (Termasuk Singki Dan Aksesori) RM350
(08.12.2009)

GAMBAR 41.4



Kelumpuk Kenanga
Perumahan PDRM Hulu Kelang, Kuala Lumpur
(No. 1-4-11, Kenanga 1)
- Bingkai Tingkap Di Dapur Tidak Diganti. Kos RM400
(09.12.2009)



GAMBAR 41.5

Kelumpuk Cempaka
Perumahan PDRM Hulu Kelang, Kuala Lumpur
(No. 54-0-10, Cempaka 54)
- Kolah Dalam Bilik Air Tidak Diganti. Kos RM530
(10.12.2009)

GAMBAR 41.6



Kelumpuk Sri Mahang
Perumahan PDRM Hulu Kelang, Kuala Lumpur
(No. 8-12A-5, Sri Mahang)
- Kabinet Dapur Yang Reput Tidak Dibaik Pulih. Kos RM1,300
(09.12.2009)

GAMBAR 41.7



Balai Polis Asajaya (Bilik Gerakan)
- Papan Kenyataan Untuk Peta Tidak Dipasang. Kos RM1,900
(16.11.2009)

41.4.1.3. Adalah didapati **9 kerja pembaikan/penyenggaraan** di Ibu Pejabat Polis Bukit Aman, IPK Kedah, Selangor dan Sarawak **bernilai RM32,700 tidak dibuat dengan sempurna atau tidak berkualiti tetapi bayaran telah dibuat sepenuhnya**. Bayaran bagi kerja tersebut dibuat berdasarkan kepada perakuan oleh Ketua Unit Penyenggaraan Bahagian Bangunan Ibu Pejabat Polis Bukit Aman/Pegawai Turus Logistik (Bangunan), Jabatan Logistik IPK/Ketua Bahagian Logistik Daerah di IPD berkenaan yang telah mengesahkan bahawa semua kerja pembaikan/penyenggaraan tersebut telah disiapkan dengan sempurna. Bagaimanapun, pengesahan siap kerja tersebut telah dibuat tanpa penilaian prestasi terhadap kerja kontraktor dilakukan terlebih dahulu oleh Pegawai Turus Logistik (Bangunan)/Pegawai Turus Kewangan dan pengguna/pemohon sepertimana yang ditetapkan dalam Arahan Jabatan Logistik Bilangan 44 bertarikh 14 Januari 2001. Selepas teguran Audit, kontraktor telah melaksanakan kesemua 9 kerja pembaikan/penyenggaraan tersebut. Kerja yang terlibat adalah seperti di jadual dan gambar berikut :-

JADUAL 41.1
KERJA YANG DILAKSANAKAN TIDAK SEMPURNA/
TIDAK BERKUALITI TETAPI BAYARAN TELAH DIBUAT

PEJABAT	LOKASI	KONTRAKTOR/ JUMLAH BAYARAN (RM)	PERIHAL KERJA	KERJA YANG DILAKSANAKAN TIDAK SEMPURNA/TIDAK BERKUALITI
Ibu Pejabat Polis Bukit Aman	Kelumpuk Sri Mahang	Uzma Engineering/ RM19,780	Pembaikan kerosakan perumahan PDRM	Kos bekal, pasang serta baik pulih lantai *parkey* yang rosak di 2 bilik ialah RM1,200. Bagaimanapun kontraktor hanya membaik pulih sebahagian daripada lantai *parkey* tersebut. Ini telah disahkan oleh penghuni.
	Kelumpuk Cempaka 56	Nazarman Enterprise/ RM18,150	Baiki perumahan PDRM	*Cistern* tidak ditukar. Hanya penutup mangkuk tandas sahaja ditukar. Kos kerja membuka *cistern* RM400 telah dikenakan oleh kontraktor.
IPK Kedah	Kuarters Balai Polis Tanjong Dawai, IPD Kuala Muda	Ambang Klasik Enterprise/ RM197,950	Kerja pembaikan am	Lampu kalimantang tidak dipasang semula dengan sempurna selepas kerja pembaikan siling dilakukan. **(Gambar 41.8 dan 41.9)**
				Permukaan lantai dipenuhi sisa binaan dan sampah yang tidak dibersihkan selepas kerja pembaikan dilakukan. Kos pembersihan RM3,000 telah dibayar.**(Gambar 41.10)**
	Balai Polis Anak Bukit, IPD Kota Setar	Elit Dinamik Trading/ RM197,350	Kerja membaiki dan ubah suai ruang pejabat persenjataan, tandas serta kerja berkaitan	Papan tanda tidak dipasang dengan lampu dan perkataan '**IPD Kota Setar'** tidak dimasukkan. Kos RM3,500.
				Perkataan **'IPD Kota Setar'** tidak dimasukkan di dalam papan tanda lutsinar yang dipasang. Kos RM6,500.
	Berek Kelamin Derga Jaya, IPD Kota Setar	Wawasan Kristal Enterprise/ RM148,995	Kerja membaiki kerosakan pintu, tingkap serta pembaikan am	Hanya sebahagian dinding berek telah dicat. Kos RM7,500.
IPK Selangor	Kuarters Balai Polis Bandar Baru Bangi, IPD Kajang	Era Sepakat Jaya Enterprise/ RM195,360	Kerja pembaikan tandas	Kerja pembersihan dan membuang sampah dari tapak kerja tidak dilakukan. Kos RM4,000. **(Gambar 41.11 dan 41.12)**
IPK Sarawak	Balai Polis Asajaya, IPD Kota Samarahan	UCU AKI Enterprise/ RM19,760	Memasang siling plaster baru (20'x 8')	Kebocoran siling masih berlaku walaupun kerja pembaikan bumbung telah dilaksanakan. Kos RM6,600. **(Gambar 41.13 dan 41.14)**
JUMLAH				**RM32,700**

GAMBAR 41.8



GAMBAR 41.9



Kuarters Balai Polis Tanjong Dawai, IPD Kuala Muda, Kedah
- Lampu Kalimantang Tidak Dipasang Semula Dengan Sempurna Selepas Kerja Pembaikan Siling Dilakukan
(14.10.2009)



GAMBAR 41.10

Kuarters Balai Polis Tanjong Dawai,
IPD Kuala Muda, Kedah
- Keadaan Lantai Yang Dipenuhi Sisa Binaan Dan Sampah Yang Tidak Dibersihkan Selepas Kerja Pembaikan Dilakukan. Kos Pembersihan RM3,000 Telah Dibayar
(14.10.2009)

GAMBAR 41.11



GAMBAR 41.12



Kuarters Balai Polis Bandar Baru Bangi, IPD Kajang, Selangor
- Kerja Pembersihan Dan Membuang Sampah Dari Tapak Kerja Tidak Dilakukan.
Kos Pembersihan Sebanyak RM4,000 Telah Dibayar
(28.07.2009)

GAMBAR 41.13



GAMBAR 41.14



Balai Polis Asajaya, IPD Kota Samarahan, Sarawak.
- Siling Masih Bocor Walaupun Kerja Pembaikan Bumbung Telah Dilakukan. Kos RM6,600
(16.11.2009)

Pada pandangan Audit, sungguhpun kontraktor telah mengambil tindakan untuk menyempurnakan sebahagian kerja yang belum dilaksanakan, namun Kementerian dan PDRM perlu menyiasat dan mengambil tindakan terhadap mereka yang terbukti memperakukan kerja telah disempurnakan sungguhpun

pada hakikatnya ia tidak dilaksanakan/dilaksanakan dengan tidak sempurna kerana ia merupakan satu *improper payment.* Tindakan yang setimpal patut diambil terhadap mereka yang terlibat. PDRM perlu menjalankan pemeriksaan terhadap kerja pembaikan/penyenggaraan yang lain untuk memastikan perkara yang sama tidak berlaku.

41.4.2. Kerja Pembaikan/Penyenggaraan Yang Diperlukan Tidak Dilaksanakan

Kementerian/PDRM perlu menjalankan pembaikan dan penyenggaraan secara *preventive* dan *corrective* sepertimana yang ditetapkan dalam Surat Pekeliling Am Bilangan 2 Tahun 1995. Di 4 balai polis dan 14 kuarters, terdapat beberapa bahagian bangunannya mengalami kerosakan yang tidak dibaiki. Antara sebab kerja pembaikan/penyenggaraan tidak dijalankan adalah kerana kekurangan peruntukan kewangan. Kelewatan menjalankan kerja pembaikan/penyenggaraan dikhuatiri boleh mengancam keselamatan para pengguna/penghuni bangunan dan menyebabkan kos meningkat yang membebankan Kerajaan. Beberapa contoh kerosakan/keadaan bangunan/persekitaran yang memerlukan tindakan segera adalah seperti di jadual dan gambar berikut :-

JADUAL 41.2
KERJA PEMBAIKAN/PENYENGGARAAN YANG DIPERLUKAN TIDAK DILAKSANAKAN

PEJABAT	LOKASI	PERIHAL KEROSAKAN/KECACATAN SEMASA PEMERIKSAAN AUDIT
Ibu Pejabat Polis Bukit Aman	No. 2, JTSKCK 1, Taman Desa Baiduri, Cheras.	Tingkap hadapan rumah tanggal. **(Gambar 41.15)**
		Bingkai pintu bilik air reput dimakan anai-anai.
	No. 23, LTSARH 6, Taman Desa Baiduri, Cheras.	Bumbung bocor menyebabkan penghuni terpaksa menadah air dengan menggunakan tikar getah. **(Gambar 41.16)**
	No. 29, JTSKCK 1, Taman Desa Baiduri, Cheras.	Dinding bersebelahan dengan bingkai pintu utama pecah.
	No. 16, JTSKCK 1, Taman Desa Baiduri, Cheras.	Bumbung bocor mengakibatkan berlaku resapan di dinding.
	No. 2-1-4, Jerijit 4, Kelumpuk Perumahan PDRM Hulu Kelang.	Bingkai bilik air reput.
		Alat pam tandas rosak.
		Besi pagar balkoni rosak. **(Gambar 41.17)**
	No. 3-4-9, Kenanga 3, Kelumpuk Perumahan PDRM Hulu Kelang.	Siling rosak.
	No. 20-0-16, Teratai 20, Kelumpuk Perumahan PDRM Hulu Kelang.	Tingkap dapur tanggal.
	No. 56-4-16, Cempaka 56, Kelumpuk Perumahan PDRM Hulu Kelang.	Bumbung bocor menyebabkan berlaku resapan pada dinding dan siling.
IPK Kedah	Balai Polis Langgar, IPD Kota Setar	Jenang siling reput.
	Balai Polis Anak Bukit, IPD Kota Setar	Siling diresapi air dalam bilik gerakan.
	Kuarters IPD Kuala Muda	Saluran buangan najis bocor di dapur (Blok E-2-2-3). **(Gambar 41.18)**
	Kuarters Balai Polis Tanjong Dawai	Siling pecah/rosak di kaki lima kuarters.
IPK Selangor	Kompleks Perumahan IPD Sepang	Bingkai pintu belakang, bingkai pintu bilik rumah dan bilik air reput akibat serangan anai-anai (Blok B No. 15).
		Bumbung bocor menyebabkan air meresap ke dinding (Blok I-13). **(Gambar 41.19)**
	Perumahan Balai Polis Cyberjaya, IPD Sepang	Dinding rumah retak (B1-8-7).
		Air bertakung menyebabkan wujudnya lumut (B1-1-1).
		Lantai di atas bumbung perumahan pecah (Blok B1).

PEJABAT	LOKASI	PERIHAL KEROSAKAN/KECACATAN SEMASA PEMERIKSAAN AUDIT
IPK Sarawak	Balai Polis Padungan, IPD Kuching	Kamera litar tertutup dalam lokap rosak.
		Lantai lokap pecah. **(Gambar 41.20)**
	Kuarters Balai Polis Siburan	Siling pecah di Blok G3. **(Gambar 41.21)**
	Balai Polis Asajaya, IPD Kota Samarahan	Lampu dalam Bilik Gerakan tidak menyala kerana masalah pendawaian.
	Kuarters IPD Bau	*Tile* lantai di kuarters H12 pecah. **(Gambar 41.22)**

GAMBAR 41.15



Ibu Pejabat Polis Bukit Aman
(No. 2, JTSKCK 1, Taman Desa Baiduri, Cheras)
- Tingkap Hadapan Rumah Tanggal
(07.12.2009)

GAMBAR 41.16



Ibu Pejabat Polis Bukit Aman
(No. 23, LTSARH 6, Taman Desa Baiduri, Cheras)
- Bumbung Bocor Menyebabkan Penghuni Terpaksa Menadah Air Dengan Menggunakan Tikar Getah
(08.12.2009)

GAMBAR 41.17



Ibu Pejabat Polis Bukit Aman
(No. 2-1-4, Jerijit 4, Kelumpuk Perumahan PDRM Hulu Kelang)
- Besi Pagar Balkoni Rosak
(09.12.2009)

GAMBAR 41.18



IPK Kedah
(Blok E-2-2-3, Kuarters IPD Kuala Muda)
- Saluran Buangan Najis Bocor Di Dapur
(14.10.2009)

GAMBAR 41.19



IPK Selangor
(Blok I-13, Kompleks Perumahan IPD Sepang)
- Bumbung Bocor Menyebabkan Air Meresap Ke Dinding
(29.07.2009)

GAMBAR 41.20



IPK Sarawak
(Balai Polis Padungan)
- Lantai Lokap Pecah
(16.11.2009)

GAMBAR 41.21



IPK Sarawak
(Kuarters Balai Polis Siburan)
- Siling Pecah Di Blok G3
(12.11.2009)

GAMBAR 41.22



IPK Sarawak
(Kuarters IPD Bau)
- Tile Lantai Di Kuarters H12 Pecah
(17.11.2009)

41.4.3. Skop Kerja Pembaikan/Penyenggaraan Tidak Dipatuhi

Semua kerja pembaikan/penyenggaraan hendaklah dilaksanakan mengikut skop kerja yang ditetapkan oleh Jabatan Logistik di Bukit Aman dan IPK. Sebarang perubahan skop kerja perlu mendapat kelulusan daripada Pegawai Turus Logistik (Bangunan) di peringkat Ibu Pejabat Polis Bukit Aman manakala Ketua Jabatan Logistik hendaklah memberi kelulusan di peringkat IPK. Didapati 6 kerja pembaikan/penyenggaraan bernilai RM19,600 di 3 balai dan 3 kuarters polis yang dilaksanakan tidak mengikut skop kerja yang ditetapkan. Perubahan skop ini dibuat atas permintaan Ketua Polis Balai kerana keperluan pembaikan/penyenggaraan yang lebih mendesak tanpa memaklumkan kepada Ibu Pejabat Polis Bukit Aman atau IPK yang bertanggungjawab terhadap urusan pembayaran. Ini menyebabkan harga yang dibayar kepada kontraktor adalah berdasarkan skop kerja yang telah ditetapkan. Namun demikian, **pihak Audit tidak dapat menentukan harga yang telah dibayar itu adalah sepadan dengan kerja yang telah dilaksanakan. Pada pandangan Audit, pihak PDRM sepatutnya membuat pelarasan terhadap harga yang dibayar itu bagi menyesuaikannya dengan nilai kerja sebenar.** Bagaimanapun, pihak Audit dimaklumkan kontraktor telah melaksanakan 3 daripada 6 kerja yang tersebut di atas mengikut skop kerja yang ditetapkan. Butiran kerja yang berkaitan adalah seperti di jadual dan gambar berikut :-

JADUAL 41.3
SKOP KERJA PEMBAIKAN/PENYENGGARAAN YANG DITETAPKAN TIDAK DIPATUHI

PEJABAT	LOKASI	KONTRAKTOR	PERIHAL SKOP KERJA YANG SEPATUTNYA DAN JUMLAH (RM)	KETERANGAN MENGENAI KERJA TIDAK MENGIKUT SKOP YANG DITETAPKAN	TINDAKAN TELAH DIAMBIL (/) / BELUM DIAMBIL (X)
Ibu Pejabat Polis Bukit Aman	Kelumpuk Cempaka	Inter Millenia Enterprise	Kerja saluran pembuangan air sepatutnya dipasang di dalam konkrit dengan memecah simen. Kos RM900.	Saluran pembuangan air dipasang di luar dinding. **(Gambar 41.23)**	X
	Perumahan Taman Baiduri Cheras	Madzi Enterprise	Kerangka pintu depan diganti. Kos RM600.	Kerja ditukar dengan mangkuk tandas dan *cistern* atas permintaan penghuni.	X
	Perumahan Hulu Kelang	Nazarman Enterprise	Kepala paip dalam bilik air ditukar. Kos RM100.	Ditukar dengan pili penutup pam tandas.	X

PEJABAT	LOKASI	KONTRAKTOR	PERIHAL SKOP KERJA YANG SEPATUTNYA DAN JUMLAH (RM)	KETERANGAN MENGENAI KERJA TIDAK MENGIKUT SKOP YANG DITETAPKAN	TINDAKAN TELAH DIAMBIL (/) / BELUM DIAMBIL (X)
IPK Kedah	Balai Polis Kodiang, IPD Kubang Pasu	Terabina Enterprise	Pagar jenis *chain link* dan kawat duri dengan mengganti mana-mana bahagian yang rosak di sekeliling balai. Kos RM500.	Membuat rak bagi melindungi suis utama elektrik di balai serta membaiki lantai lokap yang rosak. **(Gambar 41.24)**	/
	Balai Polis Tanjong Dawai, IPD Kuala Muda	Ambang Klasik Enterprise	Mengganti meja mesyuarat termasuk laci. Kos RM17,000.	Meja mesyuarat yang dibekalkan tidak termasuk laci. **(Gambar 41.25)**	/
	Balai Polis Bukit Kayu Hitam, IPD Kubang Pasu	Perniagaan Nayaba Jaya	Kerja memasang *awning* bagi setiap tingkap. Kos RM500.	*Awning* tingkap tidak dipasang tetapi diganti dengan pemasangan permaidani di bilik maklumat. **(Gambar 41.26 dan 41.27)**	/
JUMLAH			**RM19,600**		

GAMBAR 41.23



Kelumpuk Cempaka, Perumahan PDRM Hulu Kelang, Kuala Lumpur (No.52-1-11, Cempaka 52) - Saluran Pembuangan Air Yang Sepatutnya Dipasang Di Dalam Konkrit Sebaliknya Dipasang Di Luar Dinding. Kos RM900 (10.12.2009)

GAMBAR 41.24



Balai Polis Kodiang, IPD Kubang Pasu, Kedah - Rak Bagi Melindungi Suis Utama Elektrik Bagi Menggantikan Kerja Pembaikan Pagar. Kos RM500 (12.10.2009)



GAMBAR 41.25

Balai Polis Tanjong Dawai, IPD Kuala Muda, Kedah - Laci Tidak Disertakan Semasa Pembekalan Meja Mesyuarat. Kos RM17,000 (Lump Sum) (14.10.2009)

GAMBAR 41.26



GAMBAR 41.27



Balai Polis Bukit Kayu Hitam, IPD Kubang Pasu, Kedah
- Kerja Pemasangan Awning Di Setiap Tingkap Tidak Dilakukan Sebaliknya Digantikan Dengan Pemasangan Permaidani Di Bilik Maklumat. Kos RM500 (12.10.2009)

41.4.4 Skop Kerja Pembaikan/Penyenggaraan Tidak Jelas

Setiap skop kerja pembaikan/penyenggaraan hendaklah dinyatakan dengan jelas dari segi kuantiti, ukuran, lokasi, jenis dan bahan yang digunakan untuk memudahkan pelaksanaan dan pemantauan kerja. Sebanyak 38 skop kerja pembaikan/penyenggaraan bernilai RM137,200 di 6 balai dan 6 kuarters polis yang dilawati tidak dinyatakan dengan jelas. Bagaimanapun selepas teguran Audit, sebanyak 34 skop kerja ini yang bernilai RM126,850 telah diperincikan. Namun begitu, **pihak Audit tidak dapat memastikan bagaimana PDRM dapat/telah menentukan bahawa kerja-kerja yang telah dilaksanakan oleh kontraktor adalah sepadan dengan harga yang telah dibayarnya.** Contoh kerja adalah seperti di gambar berikut :-

GAMBAR 41.28



Balai Polis Changloon, IPD Kubang Pasu, Kedah.
- Keluasan/Ukuran Awning Yang Dipasang Di Bahagian Hadapan Balai Tidak Dinyatakan. Kos RM4,000
(12.10.2009)

GAMBAR 41.29



Balai Polis Bukit Kayu Hitam, IPD Kubang Pasu, Kedah.
- Bilangan Tingkap Sliding Yang Dipasang Di Belakang Balai Tidak Dinyatakan. Kos RM8,000
(12.10.2009)

GAMBAR 41.30



Balai Polis Jitra, IPD Kubang Pasu, Kedah.
- Ukuran/Bilangan Metal Deck Awning Yang Dipasang Di Luar Lokap Tidak Dinyatakan. Kos RM5,500
(12.10.2009)

GAMBAR 41.31



Balai Polis Asajaya, IPD Kota Samarahan, Sarawak.
- Keluasan/Ukuran/Bilangan Siling (Termasuk Dinding) Yang Diubah Suai Dalam Bilik Gerakan Tidak Dinyatakan. Kos RM2,200
(16.11.2009)

GAMBAR 41.32



Balai Polis Asajaya, IPD Kota Samarahan, Sarawak.
- Saiz Papan Kenyataan Untuk Peta Dalam Bilik Gerakan Tidak Dinyatakan. Kos RM1,900
(16.11.2009)

GAMBAR 41.33



Kuarters IPD Serian, Sarawak.
- Bilangan Jubin Tabletop Yang Dipasang Di Dapur Tidak Dinyatakan. Kos RM1,500
(18.11.2009)

Pada pandangan Audit, PDRM hendaklah menyediakan skop kerja pembaikan dan penyenggaraan yang jelas dan boleh diukur bagi memudahkan rujukan kontraktor dan juga pegawai yang menyelia kerja tersebut. Ini bertujuan untuk memastikan Kerajaan mendapat *value for money* bagi perbelanjaan yang telah dibuat. Kementerian/PDRM juga perlu memberi keutamaan bagi membaiki kerosakan seperti kebocoran pada bumbung/bilik air.

41.4.5. Harga Perolehan Yang Lebih Tinggi

41.4.5.1. Sesuatu perolehan yang dibuat perlu menguntungkan Kerajaan dari aspek kualiti, harga, kegunaan, kos penyenggaraan dan faktor lain yang berkaitan. Semakan Audit mendapati harga yang ditetapkan dalam sebut harga bagi kerja membekal dan memasang pintu PVC atau pintu *plywood* di balai dan kuarters polis di Ibu Pejabat Polis Bukit Aman dan IPK/IPD yang dilawati mempunyai perbezaan yang ketara seperti berikut :-

a. Harga yang dibayar kepada 4 kontraktor untuk membekal dan memasang 4 pintu jenis yang sama di kuarters Ibu Pejabat Polis Bukit Aman berbeza antara 23.1% hingga 103.1%. Perkara yang sama juga berlaku di IPK Kedah, Selangor, Johor dan Sarawak di mana harga yang dibayar kepada kontraktor untuk melaksanakan **kerja-kerja yang sama** di **pejabat yang sama** mempunyai perbezaan antara 5.3% hingga 89.7%.

b. Mengikut **Jadual Kadar Harga Kerja-kerja Kecil Dan Memperbaiki yang dikeluarkan oleh Jabatan Kerja Raya,** kos kerja membekal dan memasang satu pintu PVC (termasuk engsel dan kunci) adalah RM212.26. Di Ibu Pejabat Polis Bukit Aman, 4 kontraktor telah melaksanakan kerja membekal dan memasang 6 pintu PVC (termasuk engsel dan kunci) dengan harga RM380, RM650 dan RM800 satu pintu masing-masingnya. Perbezaan harga tersebut adalah antara 79% hingga 276.9% bagi setiap pintu.

41.4.5.2. Perkara ini berlaku disebabkan pegawai yang bertanggungjawab terhadap perolehan kerja tidak meneliti butiran dan kos kerja yang dikenakan oleh kontraktor dalam dokumen sebut harga sebelum meluluskan kerja perolehan pembaikan/penyenggaraan tersebut. Selain itu, tiada bukti yang menunjukkan pejabat berkenaan telah menjalankan kajian pasaran selaras dengan kehendak Arahan Perbendaharaan 169 bagi memastikan harga yang dibayar bagi sesuatu perolehan adalah berpatutan dan menguntungkan.

Pada pandangan Audit, pegawai yang terlibat dengan perolehan kerja hendaklah lebih teliti dalam membuat penilaian butiran dan kos kerja yang dikenakan oleh kontraktor dalam dokumen sebut harga yang dikemukakan sebelum meluluskan kerja dan melantik kontraktor untuk menjalankan kerja pembaikan/penyenggaraan. Mereka juga hendaklah merujuk kepada Jadual

Kadar Harga Kerja-kerja Kecil Dan Memperbaiki yang dikeluarkan oleh Jabatan Kerja Raya sebagai satu panduan bagi memastikan harga perolehan kerja pembaikan/penyenggaraan yang dikenakan oleh kontraktor adalah berpatutan dan munasabah. Selain itu, PDRM hendaklah memastikan kajian pasaran dijalankan bagi memastikan Kerajaan mendapat nilai terbaik bagi setiap ringgit yang dibelanjakan.

41.4.6. Harga Kerja Diputuskan Mengikut Jumlah Peruntukan Dan Tidak Diperincikan

Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 7 Tahun 2008 dan Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 9 Tahun 2008, agensi/jabatan adalah bertanggungjawab bagi memastikan segala perbelanjaan dibuat berdasarkan amalan terbaik supaya pengurusan kewangan sentiasa berada pada tahap terkawal dan telus. Didapati 62 kerja pembaikan/penyenggaraan bernilai RM330,460 di mana harga kerja adalah berbentuk *lump sum* (mengikut jumlah peruntukan) dan tidak diperincikan mengikut item dan kos kerja. Ini menyebabkan kos kerja sebenar mengikut item kerja tersebut sukar dikenal pasti. **Pegawai penyelia juga sukar menentukan sama ada kerja telah dijalankan mengikut skop kerja yang diperlukan dan harga yang dibayar adalah sepadan dengan kerja yang telah dilakukan.**

Pada pandangan Audit, PDRM hendaklah memastikan kos kerja pembaikan/penyenggaraan yang dikemukakan oleh kontraktor diperincikan mengikut item kerja pembaikan/penyenggaraan yang dilaksanakan bagi memudahkan harga kerja tersebut dikenal pasti dan dinilai.

41.5. SYOR AUDIT

Bagi memastikan anggota polis disediakan dengan tempat kerja serta perumahan yang kondusif dan selamat serta Kerajaan mendapat *value for money* terhadap perbelanjaan yang dibuat, adalah disyorkan supaya Kementerian Dalam Negeri dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) mengambil tindakan terhadap perkara berikut :-

41.5.1. Menyediakan rancangan penyenggaraan secara berjadual yang meliputi penyenggaraan secara *preventive* dan *corrective* terhadap semua bangunan khususnya balai dan kuarters polis di seluruh negara berdasarkan kepada Surat Pekeliling Am Bilangan 2 Tahun 1995. Bagi tujuan ini, peruntukan kewangan yang secukupnya hendaklah disediakan.

41.5.2. Memperbaiki segera kerosakan yang kritikal seperti kebocoran pada bumbung atau bilik air.

41.5.3. Mempertingkatkan pemantauan terhadap kerja pembaikan/penyenggaraan. Sehubungan ini, Jawatan Pembantu Teknik Gred J32/J36 perlu diwujudkan di peringkat IPK dan IPD serta satu daftar lawatan pemantauan diselenggarakan di peringkat IPK, IPD dan balai polis.

41.5.4. Mengambil tindakan yang sewajarnya terhadap mereka yang terbukti memperakukan kerja telah disempurnakan sungguhpun pada hakikatnya ia tidak dilaksanakan/dilaksanakan dengan tidak sempurna kerana ia merupakan satu *improper payment.* Tindakan tatatertib termasuk surcaj patut diambil terhadap mereka yang terlibat. PDRM perlu menjalankan pemeriksaan terhadap kerja pembaikan/penyenggaraan yang lain untuk memastikan perkara yang sama tidak berlaku.

41.5.5. Memastikan semua pihak yang terlibat dengan perolehan kerja pembaikan/penyenggaraan mematuhi peraturan kewangan yang berkaitan. Jumlah nilai kerja pembaikan/penyenggaraan yang dipersetujui dengan pembekal ditetapkan setelah rundingan harga dibuat bagi setiap jenis kerja secara terperinci dan tidak diputuskan mengikut jumlah peruntukan yang diluluskan. Sehubungan ini, kajian pasaran perlu dibuat untuk dijadikan panduan semasa menentukan harga kerja yang akan dibuat untuk memastikan harga tersebut adalah munasabah.

KEMENTERIAN DALAM NEGERI


42. JABATAN IMIGRESEN MALAYSIA
- AKTIVITI PENGUATKUASAAN PENDATANG ASING TANPA IZIN

42.1. LATAR BELAKANG

42.1.1. Kemasukan dan kehadiran orang asing ke dalam negara ini secara tidak sah iaitu tidak memiliki dokumen perjalanan yang sah; tinggal melebihi tempoh yang dibenarkan; menyalah guna pas lawatan/melanggar syarat pas dan masuk di negara ini atas visa/pas yang palsu adalah merupakan perlakuan kesalahan yang tertakluk kepada Akta Imigresen 1959/63 (Pindaan 2002) dan Peraturan-peraturan Imigresen 1963. Pelaku kesalahan ini adalah dianggap Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI). Pada 31 Disember 2009, jumlah PATI yang ditahan adalah seramai 8,936 orang.

42.1.2. Bahagian Penguat Kuasa Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) adalah bertanggungjawab menguatkuasakan Akta Imigresen 1959/63 (Pindaan 2002) dan Peraturan-peraturan Imigresen 1963 termasuk hal berkaitan PATI. Objektif bahagian ini antaranya adalah untuk mencegah kehadiran PATI dan warganegara asing yang tidak mematuhi undang-undang Imigresen Malaysia serta memastikan jumlah PATI yang berada dalam negara ini di tahap minima dan terkawal. Bahagian Pengurusan Depot Dan Pengusiran pula bertanggungjawab mengurus 13 depot tahanan Imigresen di seluruh Malaysia kecuali Sabah dan menyelaras urusan berkaitan dengan pengusiran; pentadbiran; perundangan; perjawatan dan keselamatan depot berkaitan. Di Sabah, tanggungjawab tersebut diletakkan di bawah Pasukan Petugas Khas Persekutuan (Sabah/Labuan). **Gambarajah 42.1** menunjukkan proses pelaksanaan aktiviti penguatkuasaan PATI Bahagian Penguat Kuasa Ibu Pejabat JIM dan 16 Bahagian Penguat Kuasa JIM Negeri.

GAMBARAJAH 42.1
PROSES PELAKSANAAN AKTIVITI PENGUATKUASAAN PENDATANG ASING TANPA IZIN



Nota : JIM – Jabatan Imigresen Malaysia; TPR – Timbalan Pendakwa Raya; PP – Pegawai Pendakwa

42.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada aktiviti penguatkuasaan PATI oleh Jabatan Imigresen Malaysia telah dirancang dan dilaksanakan dengan cekap dan teratur selaras dengan objektif yang telah ditetapkan.

42.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini meliputi aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap aktiviti penguatkuasaan PATI yang merangkumi proses aduan; risikan; operasi; tangkapan; siasatan; pendakwaan dan kompaun; penahanan serta pengusiran. Semakan terhadap fail, rekod dan dokumen serta penganalisisan data yang berkaitan bagi tempoh tahun 2007 hingga 2009 telah dijalankan di Bahagian Penguat Kuasa, Ibu Pejabat JIM dan 4 Bahagian Penguat Kuasa Jabatan Imigresen Negeri di Selangor, Kedah, Kelantan dan Sabah. Perbincangan/temu bual turut diadakan dengan pegawai/anggota penguat kuasa Imigresen. Selain itu, lawatan ke beberapa lokasi operasi dan depot tahanan Imigresen juga telah dilakukan. Pemeriksaan secara khusus telah dibuat terhadap data/maklumat tahanan dan pengusiran PATI di Depot Tahanan Belantek, Kedah dan Depot Tahanan Lenggeng, Negeri Sembilan.

42.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Mei hingga November 2009 mendapati **beberapa kelemahan dalam pelaksanaan aktiviti penguatkuasaan PATI. Antara kelemahan tersebut adalah JIM tidak menyelenggarakan rekod berhubung dengan aktiviti penguatkuasaan PATI dengan teratur.** ***Mobile Imigration Enforcement System*** **(MIES) dan peralatan berkaitan yang dibeli dengan kos berjumlah RM3.86 juta juga tidak digunakan sepenuhnya untuk operasi PATI kerana masalah liputan serta sistem tidak stabil.** Penjelasan lanjut mengenai perkara yang ditemui adalah seperti di perenggan-perenggan berikut :-

42.4.1. Prestasi Aktiviti Penguatkuasaan

42.4.1.1. Bagi tahun 2008 dan 2009, sebanyak 14,873 operasi telah dilaksanakan di mana seramai 113,359 orang PATI telah ditangkap. Bagi tempoh yang sama, seramai 47,482 orang PATI telah didakwa manakala 106,987 orang PATI telah diusir pulang ke negara asal mereka. Seramai 61,148 orang PATI pula telah dikenakan kompaun berjumlah RM70.28 juta. **Pihak Audit tidak dapat menentukan sama ada aktiviti yang telah dijalankan ini dapat** memenuhi objektif Penguatkuasaan PATI yang telah ditetapkan iaitu **mengurangkan PATI ke tahap yang minimum** kerana faktor-faktor yang berikut :-

a. Bahagian Penguat Kuasa JIM tidak mempunyai data/maklumat mengenai orang asing yang tinggal melebihi tempoh yang dibenarkan untuk dianalisis. Selain itu, bahagian ini juga tidak menyediakan satu daftar induk yang

mempunyai maklumat mengenai semua sasaran lokasi operasi yang berkemungkinan menempatkan/melindungi PATI dan pelaksanaan operasi ke lokasi tersebut bagi memudahkan perancangan sasaran kerja aktiviti penguatkuasaan PATI.

b. Sungguhpun Bahagian Penguat Kuasa ada menetapkan sasaran operasi dan pada umumnya dapat mencapai sasaran itu, namun tahap pencapaian objektif Bahagian Penguat Kuasa JIM juga tidak dapat ditentukan kerana **tidak dapat mengenal pasti asas yang digunakan untuk menetapkan sasaran tersebut.**

42.4.1.2. Adalah didapati salah satu faktor yang menyumbang kepada kekangan dalam pencapaian objektif penguatkuasaan PATI adalah kerana **peralatan *Mobile Imigration Enforcement System* (MIES) (Gambar 42.1) tidak dapat digunakan sepenuhnya** sungguhpun telah diperolehi sejak bulan Mac 2008. MIES yang diaplikasikan dengan Sistem Pekerja Asing dan Sistem Biometrik dari server Sistem Imigresen Malaysia (SIM) merupakan salah satu kaedah untuk memastikan aktiviti penguatkuasaan PATI dapat dilaksanakan dengan cekap dan berkesan. Sebanyak 100 MIES bernilai RM3.86 juta telah diperolehi dan diagihkan kepada kesemua 16 Bahagian Penguat Kuasa JIM bagi memudahkan penyemakan dan pengesanan data/maklumat pekerja asing yang terdapat dalam Sistem Pekerja Asing. Manakala Sistem Biometrik boleh membaca data/maklumat MyKad; i-Kad; pasport dan cap jari semasa proses penguatkuasaan PATI dari mana-mana lokasi yang dijalankan. Antara sebab MIES tidak digunakan adalah seperti berikut :-

a. MIES menggunakan talian 3G Celcom di mana liputannya tidak cukup meluas. Ini menyebabkan penyemakan dan pengesahan data/maklumat pekerja asing secara terus ke server SIM melalui MIES tidak dapat dilakukan di sesetengah kawasan di mana aktiviti operasi dilaksanakan.

b. MIES tidak boleh membaca data/maklumat pekerja asing warganegara Bangladesh yang diwujudkan melalui FORMS (Foreign Worker Monitoring System) dan bukan melalui Sistem Pekerja Asing. FORMS merupakan sistem yang berasingan dan tersendiri (stand alone) dan tidak boleh dibaca oleh server SIM.

c. Sistem Biometrik yang diperolehi pada bulan Disember 2004 bertujuan mendaftarkan PATI menggunakan kaedah biometrik (cap jari) di semua depot tahanan Imigresen juga tidak dilaksanakan sepenuhnya oleh semua depot ini kerana sistem tersebut tidak stabil.

42.4.1.3. Mengikut maklum balas JIM pada bulan Mei 2010, MIES tidak dapat digunakan langsung setelah penggunaan SIM diberhentikan sejak bulan Mac 2010. Kontrak dengan pembekal berhubung projek SIM telah ditamatkan pada

bulan April 2009. Bagaimanapun, pihak JIM sedang berusaha untuk memastikan peralatan MIES dapat diguna pakai semula dalam projek peralihan sistem yang sedang dilaksanakan.



GAMBAR 42.1

Bahagian Penguat Kuasa,
Jabatan Imigresen Kelantan
- Mobile Imigration Enforcement System (MIES)
Yang Terdiri Daripada Karsof Smart Chip Card
Reader, Mobile Reader For Enforcement Officer
Dan Cabling Networking Product
(17.11.2009)

Pada pandangan Audit, Jabatan Imigresen Malaysia perlu mengumpul data/ maklumat mengenai orang asing yang tinggal melebihi tempoh yang dibenarkan untuk dianalisis dan menyediakan satu daftar induk yang mempunyai maklumat mengenai semua sasaran lokasi operasi yang berkemungkinan menempatkan/melindungi PATI dan pelaksanaan operasi ke lokasi tersebut. Ini bertujuan memudahkan perancangan sasaran kerja aktiviti penguatkuasaan PATI dan mengukur *outcome* aktiviti untuk menilai pencapaian objektif yang ditentukan. Sehubungan ini, Jabatan Imigresen Malaysia perlu merancang dengan lebih teliti aktiviti operasinya dan menetapkan asas dalam menentukan sasaran operasinya dengan mengambil kira lokasi yang berkemungkinan menempatkan/melindungi PATI. Adalah juga disyorkan pembelian sebarang sistem perlu dirancang dengan teliti supaya penggunaannya dapat dimanfaatkan dengan optimum bagi menjamin Kerajaan mendapat *value for money* daripada perbelanjaan yang dibuat.

42.4.2. Kelonggaran Hukuman Terhadap Pendatang Asing Tanpa Izin

42.4.2.1. Akta Imigresen 1959/63 (Pindaan 2002) dan Peraturan-peraturan Imigresen 1963 menetapkan hukuman tertentu yang boleh dikenakan terhadap PATI jika disabitkan kesalahan seperti di **Jadual 42.1**. Prosedur mengkompaun kesalahan di bawah Akta/Peraturan Imigresen adalah seperti yang diwartakan di dalam Warta Khas pada 1 Februari 2003. Sehubungan ini, peraturan secara pentadbiran telah dibuat melalui Pekeliling Imigresen Malaysia Bilangan 11 Tahun 2003 dan Bilangan 21 Tahun 2003 berhubung kesalahan yang boleh dikenakan kompaun dan had maksimum kompaun adalah seperti di **Jadual 42.2**.

JADUAL 42.1
HUKUMAN JIKA DISABITKAN KESALAHAN DI BAWAH AKTA/PERATURAN IMIGRESEN

KESALAHAN DI BAWAH AKTA/PERATURAN IMIGRESEN	HUKUMAN JIKA DISABITKAN KESALAHAN MENGIKUT AKTA/PERATURAN IMIGRESEN
Subseksyen 6(3) - Berkaitan Kesalahan 6(1)(c) iaitu tidak memiliki dokumen perjalanan yang sah/masuk secara haram.	• Denda tidak lebih RM10,000; atau • Penjara tidak lebih 5 tahun; atau • Kedua-dua di atas. • Sebatan rotan tidak lebih 6 kali.

KESALAHAN DI BAWAH AKTA/PERATURAN IMIGRESEN	HUKUMAN JIKA DISABITKAN KESALAHAN MENGIKUT AKTA/PERATURAN IMIGRESEN
Subseksyen 15(4) - Berkaitan Kesalahan 15(1)(c) iaitu tinggal melebihi tempoh yang dibenarkan.	• Denda tidak kurang RM10,000; atau • Penjara tidak lebih 5 tahun; atau • Kedua-dua di atas.
Seksyen 55B(1) - Mengambil kerja satu atau lebih orang, selain daripada warganegara atau pemegang suatu Permit Masuk, yang tidak memiliki suatu pas sah.	• Denda tidak kurang RM10,000 tetapi tidak lebih RM50,000 (bagi setiap seorang yang diambil bekerja); atau • Penjara tidak lebih 12 bulan; atau • Kedua-dua di atas.
Seksyen 56(1)(d) - Melindungi mana-mana orang yang ia ketahui atau mempunyai sebab munasabah untuk mempercayai bahawa orang itu telah bertindak berlawanan dengan Akta.	• Denda tidak kurang RM10,000 dan tidak lebih RM50,000 (bagi setiap seorang yang diambil bekerja); dan • Penjara tidak kurang 6 bulan dan tidak lebih 5 tahun (sekiranya mengambil pekerja lebih 5 orang); dan • Sebatan rotan tidak lebih 6 kali (sekiranya mengambil pekerja lebih 5 orang).
Seksyen 56(1)(l) - Masuk ke dalam Negara atas visa/pas yang tidak tulen (palsu).	• Denda tidak lebih RM10,000; atau • Penjara tidak lebih 5 tahun.
Peraturan 39(b) - Menyalah guna pas lawatan/melanggar syarat pas.	• Denda tidak lebih RM1,000; atau • Penjara tidak lebih 6 bulan; atau • Kedua-dua di atas.

JADUAL 42.2
JADUAL KOMPAUN YANG DITAWARKAN

KESALAHAN DI BAWAH AKTA/ PERATURAN IMIGRESEN	HAD MAKSIMUM KOMPAUN
Subseksyen 6(3)	RM3,000
Subseksyen 15(4)	RM3,000
Seksyen 55B(1)	RM15,000 setiap seorang (Kesalahan kali pertama RM5,000 setiap seorang)
Seksyen 56(1)(d)	RM15,000 setiap seorang (Kesalahan kali pertama RM5,000 setiap seorang)
Peraturan 39(b)	30% daripada denda maksimum ditetapkan di bawah Peraturan-peraturan Imigresen 1963 (30% daripada RM1,000 = RM300) [Kesalahan kali pertama RM200]

42.4.2.2. Pekeliling Imigresen Malaysia Bilangan 11 Tahun 2003 juga memberi kuasa kepada Ketua Pengarah, Timbalan Ketua Pengarah, Pengarah dan Timbalan Pengarah Bahagian/Negeri untuk mengurangkan amaun kompaun yang ditawarkan kepada PATI/majikan yang terlibat. **Jadual 42.3** menunjukkan had pengurangan amaun kompaun mengikut kuasa pegawai yang bertanggungjawab. Pada 16 September 2008, didapati JIM telah mengeluarkan Surat Arahan Pentadbiran Bilangan 2 Tahun 2008 mengenai penubuhan Jawatankuasa Rayuan Imigresen bagi menimbangkan rayuan pengurangan amaun kompaun. Penubuhan Jawatankuasa tersebut yang dianggotai oleh Ketua Pengarah Imigresen; Timbalan Ketua Pengarah Imigresen (Kawalan); Timbalan Ketua Pengarah Imigresen (Pengurusan); Penasihat Undang-undang; Pengarah Audit Dalaman dan Pengarah-pengarah Bahagian antara lainnya bertujuan untuk melaksanakan tanggungjawab secara kolektif; adanya unsur menyemak dan mengimbangi; perbincangan intensif; mengelakkan kerenah birokrasi serta telus dan jelas. Namun demikian, terdapat kes di mana pengurangan amaun kompaun telah diluluskan oleh pegawai atasan yang diberi

kuasa di bawah Pekeliling Imigresen Malaysia Bilangan 11 Tahun 2003 tanpa melalui Jawatankuasa tersebut. **Jadual 42.4** menunjukkan antara kes pengurangan kompaun yang telah diputuskan oleh Ketua Pengarah, Timbalan Ketua Pengarah, Pengarah dan Timbalan Pengarah Bahagian/Negeri berdasarkan semakan Audit secara rawak terhadap Fail Kertas Siasatan di Bahagian Penguat Kuasa Ibu Pejabat JIM bagi tempoh tahun 2007 hingga 2009.

JADUAL 42.3
PENGURANGAN AMAUN KOMPAUN MENGIKUT KESALAHAN DAN JAWATAN

KESALAHAN DI BAWAH AKTA/ PERATURAN IMIGRESEN	AMAUN TAWARAN KOMPAUN (RM)	PENGARAH BAHAGIAN/NEGERI/ TIMBALAN	TIMBALAN KETUA PENGARAH	KETUA PENGARAH IMIGRESEN
Subseksyen 6(3)	RM3,000	30% dari amaun kompaun	70% dari amaun kompaun	Budi bicara dan tiada had
Subseksyen 15(4)	RM30 hingga RM3,000	30% dari amaun kompaun	70% dari amaun kompaun	Budi bicara dan tiada had
Seksyen 55B(1)	RM5,000 hingga RM15,000	30% dari amaun kompaun	50% dari amaun kompaun	Budi bicara dan tiada had
Seksyen 56(1)(d)	RM5,000 hingga RM15,000	30% dari amaun kompaun	50% dari amaun kompaun	Budi bicara dan tiada had
Peraturan 39(b)	RM200 hingga RM2,000	30% dari amaun kompaun	70% dari amaun kompaun	Budi bicara dan tiada had

JADUAL 42.4
PENGURANGAN AMAUN KOMPAUN YANG TELAH DIPUTUSKAN BAGI KESALAHAN DI BAWAH SEKSYEN 55B(1) AKTA IMIGRESEN 1959/63 (PINDAAN 2002)

NO. KERTAS SIASATAN (IP)	NO. LAPORAN POLIS/ TARIKH	KOMPAUN YANG DITAWARKAN (RM)	KOMPAUN YANG DIBAYAR SETELAH DIBERI PENGURANGAN (RM)	JUMLAH PENGURANGAN DIBERI (RM)	CATATAN
IM.101/HQ-E(S)/803/04/01/08	Pandan Indah/ 000449/08 (07.01.2008)	65,000	5,000	60,000	Diberi diskaun 92.3%. Bayar kompaun pada 31.01.2008.
IM.101/HQ-E(S)/803/16/13/08 (ops kutip)	Putrajaya/ 001954/08 (26.03.2008)	35,000	14,000	21,000	Diberi diskaun 60%. Bayar kompaun pada 18.04.2008.
IM.101/HQ-E(S)/803/16/05/09 (ops kutip)	Kajang/ 004370/09 (10.02.2009)	15,000	10,500	4,500	Diberi diskaun 30%. Bayar kompaun pada 19.02.2009.
IM.101/HQ-E(S)/803/05/52/08 (ops sayang)	Kajang/ 030967/09 (12.11.2008)	15,000	10,500	4,500	Diberi diskaun 30%. Bayar kompaun pada 21.11.2008.
IM.101/HQ-E(S)/803/01/03/07 (ops minyak)	Putrajaya/ 000401/07 (23.01.2007)	15,000	10,500	4,500	Diberi diskaun 30%. Tarikh bayaran tidak dapat ditentukan.
IM.101/HQ-E(S)/803/16/03/09	Bukit Puchong/ 000972/09 (21.01.2009)	10,000	7,000	3,000	Diberi diskaun 30%. Bayar kompaun pada 30.01.2009.

Pada pandangan Audit, pengurangan amaun kompaun oleh pegawai atasan tanpa melalui Jawatankuasa Rayuan Imigresen dikhuatiri boleh menyebabkan berlakunya penyalahgunaan kuasa. Sehubungan ini, adalah disyorkan supaya semua rayuan pengurangan kompaun perlu dibincang dan diputuskan dalam Jawatankuasa ini. Pekeliling Imigresen Malaysia Bilangan 11 Tahun 2003 yang memberi kuasa kepada Ketua Pengarah, Timbalan Ketua Pengarah, Pengarah dan Timbalan Pengarah Bahagian/Negeri untuk mengurangkan amaun kompaun perlu dibatalkan.

42.4.3. Pelaksanaan Proses Kerja Aktiviti Penguatkuasaan Yang Tidak Teratur

42.4.3.1. Keberkesanan aktiviti penguatkuasaan PATI juga bergantung kepada pematuhan terhadap peraturan/proses kerja yang ditetapkan. Mengikut peraturan, semua aduan yang diterima hendaklah didaftarkan/difailkan dan melalui proses risikan untuk menentukan kesahihannya dan seterusnya sama ada operasi perlu dijalankan atau sebaliknya. Tindakan risikan terhadap sebarang aduan yang diterima hendaklah dibuat dalam tempoh 3 hari daripada tarikh maklumat aduan diterima manakala operasi dilakukan selepas 3 hari daripada tarikh risikan. Semakan Audit mendapati **Bahagian Penguat Kuasa Ibu Pejabat JIM dan JIM Sabah tidak menyediakan daftar aduan dengan sempurna**. Manakala 3 Bahagian Penguat Kuasa JIM Negeri lain telah menyediakan daftar ini bagi sepanjang tempoh 3 tahun yang diaudit.

42.4.3.2. Sebanyak 377 daripada 2,711 kes laporan aduan yang telah didaftar/ difailkan di 5 pejabat Bahagian Penguat Kuasa JIM telah dipilih untuk diaudit. Bagaimanapun, sebanyak **95 (25.2%) fail aduan tidak dapat dikemukakan untuk pengauditan** kerana tidak dapat dikesan. Oleh itu, pihak Audit tidak dapat menentukan status aduan yang diterima dan sama ada tindakan susulan yang sewajarnya telah diambil terhadap 95 kes tersebut. Hasil semakan Audit terhadap 282 fail yang dikemukakan mendapati sebanyak 147 aduan telah diambil tindakan susulan sewajarnya termasuk 41 aduan melibatkan tangkapan PATI dan kertas siasatan telah dibuka/didaftarkan. Bagi 135 aduan yang lain, pihak Audit **tidak dapat menentukan status 129 aduan (95.6%) kerana fail tidak mempunyai sebarang maklumat mengenai tindakan yang telah diambil. Selain itu, 3 aduan pula ditutup (Tiada Tindakan Lanjut) dan 3 aduan lain diletakkan sebagai 'Simpan Dalam Perhatian' tanpa alasan diberi.**

Pada pandangan Audit, aduan perlu dikendalikan dengan teratur dan rekod berkaitan disediakan dan dikemas kini. Perkara ini penting bagi meningkatkan keyakinan pihak lain terutamanya orang awam bahawa segala aduan yang dikemukakan telah diambil tindakan oleh Bahagian Penguat Kuasa. Sehubungan ini, seorang pegawai ditugaskan untuk memastikan setiap aduan yang berkaitan diambil tindakan penyelesaian dengan cepat dan berkesan serta rekod berkaitan diselenggarakan.

42.4.3.3. Fail Kertas Siasatan perlu diselenggarakan untuk menyimpan dokumen asas penyiasatan bagi Orang Kena Tangkap (OKT)/pelaku kesalahan yang melanggar Akta/Peraturan Imigresen. Setiap kertas siasatan yang dibuka mesti didaftar di dalam Buku Daftar Kertas Siasatan dan mengandungi kes tangkapan melibatkan satu atau lebih OKT/pelaku kesalahan. Semakan Audit terhadap 1,050 daripada 35,566 fail kertas siasatan di pejabat yang dipilih untuk diaudit mendapati perkara berikut :-

a. **Sebanyak 346 kertas siasatan (33%) melibatkan seramai 5,239 PATI tidak dapat dikemukakan** untuk pemeriksaan Audit kerana tidak dapat dikesan. Oleh itu, pihak Audit tidak dapat mengesahkan status kertas

siasatan yang telah didaftar tersebut dan sama ada tindakan sewajarnya telah diambil terhadap PATI terlibat. Buku Rekod Pergerakan Kertas Siasatan juga tidak diselenggarakan di semua pejabat yang dilawati. Ini bertentangan dengan kehendak Arahan Tetap Ketua Pengarah Imigresen Malaysia dalam Pekeliling Imigresen Malaysia Bilangan 18 Tahun 2006 yang memerlukan setiap pergerakan kertas siasatan yang merupakan dokumen TERHAD direkodkan.

b. Hasil pengauditan terhadap 704 kertas siasatan yang dikemukakan melibatkan seramai 701 PATI yang ditangkap diringkaskan seperti di jadual berikut :-

JADUAL 42.5
STATUS PENDATANG ASING TANPA IZIN (PATI) YANG DITANGKAP BERDASARKAN FAIL KERTAS SIASATAN YANG DIDAFTAR/DIBUKA DAN DIKEMUKAKAN

<table>
<tr><th rowspan="2">PEJABAT BAHAGIAN PENGUAT KUASA</th><th rowspan="2">JUMLAH TANGKAPAN PATI DISEMAK</th><th rowspan="2">TIADA MAKLUMAT SELEPAS DITANGKAP DAN DISIASAT</th><th colspan="4">TANGKAPAN PATI TELAH DISIASAT DAN STATUS DIPASTIKAN</th></tr>
<tr><th>DIBEBAS</th><th>DIDAKWA</th><th>KOMPAUN DAN USIR</th><th>USIR</th></tr>
<tr><td>Ibu Pejabat</td><td>69</td><td>2</td><td>17</td><td>26</td><td>10</td><td>14</td></tr>
<tr><td>Selangor</td><td>177</td><td>24</td><td>53</td><td>50</td><td>6</td><td>44</td></tr>
<tr><td>Kedah</td><td>229</td><td>1</td><td>29</td><td>118</td><td>24</td><td>57</td></tr>
<tr><td>Kelantan</td><td>94</td><td>-</td><td>26</td><td>22</td><td>9</td><td>37</td></tr>
<tr><td>Sabah</td><td>132</td><td>1</td><td>23</td><td>38</td><td>-</td><td>70</td></tr>
<tr><td rowspan="4">JUMLAH</td><td rowspan="4">701</td><td rowspan="4">28</td><td rowspan="3">148</td><td rowspan="2">254</td><td>49</td><td>222</td></tr>
<tr><td colspan="2">271</td></tr>
<tr><td colspan="3">525</td></tr>
<tr><td colspan="4">673</td></tr>
</table>

c. Memo Periksa Keluar perlu disediakan secara manual oleh JIM sebagai bukti yang mengesahkan PATI telah keluar dari negara ini. **Sebanyak 204 PATI tidak dapat dipastikan sama ada telah meninggalkan Malaysia** kerana 100 kes tidak disokong dengan Memo Periksa Keluar sungguhpun tarikh usir telah ditetapkan manakala tiada maklumat mengenai tarikh usir PATI bagi 104 kes di dalam fail berkenaan.

d. Kertas siasatan boleh dibatalkan atas sebab yang ditetapkan. Bagaimanapun, Bahagian Penguat Kuasa JIM Selangor gagal menjelaskan sebab atau menunjukkan bukti/pengesahan pegawai bertanggungjawab terhadap 9 daripada 10 kertas siasatan yang telah dibatalkan. Pihak Audit mendapati Bahagian Penguat Kuasa JIM Selangor **tidak menetapkan prosedur untuk menguruskan pembatalan kertas siasatan.**

Pada pandangan Audit, setiap tangkapan PATI perlu didaftar dan disiasat dengan sewajarnya. Maklumat tangkapan sehingga kepada pengusiran PATI hendaklah direkodkan dalam kertas siasatan dengan lengkap. Ibu Pejabat JIM

perlu menetapkan satu prosedur tetap berhubung dengan pembatalan kertas siasatan untuk diguna pakai oleh semua pihak yang terlibat. Kertas siasatan yang tidak dikawal serta tidak disimpan dengan teratur dan sempurna boleh mengakibatkan sesuatu kes yang disiasat, diselewengkan atau disalahgunakan untuk kepentingan pihak tertentu.

42.4.4. Pengurusan Tahanan Dan Pengusiran

42.4.4.1. Akta Imigresen 1959/63 (Pindaan 2002) dan Akta Pasport 1966 memberi kuasa kepada Ketua Pengarah Imigresen Malaysia untuk menahan orang asing di depot tahanan sebelum diusir. Selaras dengan Akta tersebut, mana-mana orang asing yang boleh diusir perlu diambil tindakan pengusiran dengan secepat yang mungkin. Proses tahanan dan pengusiran ini akan diuruskan oleh Bahagian Depot Dan Pengusiran JIM. Bahagian ini perlu memastikan semua warganegara asing yang diusir, hendaklah dihantar pulang dengan segera selewat-lewatnya dalam tempoh 90 hari dari tarikh masuk depot tahanan Imigresen. Didapati di Depot Tahanan Belantek dan Depot Tahanan Lenggeng, **338 PATI telah ditahan melebihi tempoh 90 hari**. Antara sebab adalah PATI tidak mempunyai dokumen perjalanan dan pihak perwakilan/ kedutaan negara dari mana PATI berasal mengambil masa menguruskan pengeluaran dokumen ini. Selain itu, terdapat PATI tidak mempunyai wang bagi membeli tiket pulang untuk ke negara asal. Kos pengangkutan pulang (tiket kapal terbang/feri) terpaksa dibiayai oleh Kerajaan yang mana adalah tertakluk kepada kemampuan kewangan negara. Bagi PATI yang terlibat sebagai saksi kes mahkamah, mereka tidak boleh diusir keluar negara selagi kes belum selesai. Terdapat juga PATI warganegara Myanmar (Rohingya) masih menunggu pengesahan taraf dari Suruhanjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa Bersatu Bagi Pelarian (United Nations High Commissioner For Refugees) sebelum dihantar keluar dari negara ini.

42.4.4.2. **Masalah dalam pengurusan untuk mengusir PATI antara lain telah memberi kesan kepada kesesakan depot tahanan Imigresen**. Berdasarkan maklum balas JIM yang diterima pada 31 Disember 2009, sebanyak 5 daripada 17 depot tahanan mempunyai bilangan tahanan PATI yang melebihi kapasiti yang ditetapkan. Lebihan tahanan PATI daripada kapasiti yang ditetapkan di depot tahanan serta tempoh tahanan PATI yang panjang telah memberi kesan kepada persekitaran tahanan PATI yang tidak selamat dan terjamin kepada mereka dan juga kepada pegawai/anggota penguat kuasa yang mengawal depot tahanan. Contohnya, kejadian merusuh di Depot Tahanan Lenggeng pada awal bulan April 2008 serta di Depot Tahanan Semenyih pada bulan Jun dan Julai 2009. Maklumat tahanan PATI di semua depot tahanan pada 31 Disember 2009 adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 42.6
MAKLUMAT TAHANAN PENDATANG ASING TANPA IZIN
DI DEPOT TAHANAN/PUSAT TAHANAN SEMENTARA
JABATAN IMIGRESEN MALAYSIA PADA 31 DISEMBER 2009

DEPOT TAHANAN/PUSAT TAHANAN SEMENTARA	KAPASITI BILANGAN TAHANAN PATI DITETAPKAN	BILANGAN PATI DITAHAN	JUMLAH LEBIHAN/ (KURANGAN) PATI DITAHAN
Semenyih, Selangor	1,250	139	(1,111)
Lenggeng, Negeri Sembilan	1,250	1,522	272
Langkap, Perak	1,000	578	(422)
Pekan Nanas, Johor	700	619	81
Machap Umboo, Melaka	500	161	(339)
Ajil, Terengganu	700	340	(360)
Semuja, Sarawak	500	138	(362)
Bekenu, Sarawak	800	18	(782)
Belantek, Kedah	350	537	187
Juru, Pulau Pinang	450	545	95
KLIA, Selangor	600	656	56
Kemayan, Pahang	400	34	(366)
Tanah Merah, Kelantan	500	221	(279)
Menggatal, Sabah	1800	1,251	(549)
Sandakan, Sabah	600	432	(168)
Tawau, Sabah	2,000	1,560	(440)
Kota Belut, Sabah	800	185	(615)
JUMLAH		**8,936**	

Nota : ***Bilangan Tahanan PATI Melebihi Kapasiti Yang Ditetapkan***

Pada pandangan Audit, bagi mengurangkan kepadatan PATI di depot tahanan Imigresen, JIM boleh menempatkan/mengagihkan PATI yang ditahan mengikut kekosongan di depot tahanan Imigresen.

42.5. SYOR AUDIT

Bagi memastikan kehadiran/kemasukan Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) dalam negara dapat dicegah atau sekurang-kurangnya dapat dikawal pada tahap yang minimum, Jabatan Imigresen Malaysia disyorkan supaya mengambil tindakan terhadap perkara-perkara seperti berikut :-

42.5.1. Merancang sasaran kerja yang disokong dengan asas yang ditetapkan antaranya ialah sasaran mengikut lokasi. Selain itu, satu daftar induk yang mempunyai maklumat mengenai semua sasaran lokasi operasi yang berkemungkinan menempatkan/melindungi PATI serta pelaksanaan operasi yang telah dibuat ke lokasi tersebut perlu disediakan untuk memudahkan penyediaan perancangan ini.

42.5.2. Merancang pembelian sebarang sistem yang berkaitan dengan aktiviti penguatkuasaan dengan teliti supaya penggunaannya dapat dimanfaatkan dengan optimum bagi menjamin Kerajaan mendapat *value for money* daripada perbelanjaan yang telah dibuat.

42.5.3. Bagi memastikan pengurangan kompaun diuruskan dengan teratur dan telus, semua rayuan pengurangan kompaun perlu dibincang dan diputuskan dalam Jawatankuasa Rayuan Imigresen.

42.5.4. Aduan perlu dikendalikan dengan teratur dan rekod berkaitan disediakan dan dikemas kini. Perkara ini penting bagi meningkatkan keyakinan pihak lain terutamanya orang awam bahawa segala aduan yang dikemukakan telah diambil tindakan oleh Bahagian Penguat Kuasa. Sehubungan ini, seorang pegawai khusus ditugaskan untuk memastikan setiap aduan yang berkaitan diambil tindakan penyelesaian dengan cepat dan berkesan serta rekod berkaitan diselenggarakan.

42.5.5. Setiap tangkapan PATI perlu didaftar dan disiasat dengan sewajarnya. Maklumat tangkapan sehingga kepada pengusiran PATI hendaklah diurus dan direkodkan dalam kertas siasatan dengan lengkap serta rekodnya disimpan dengan selamat.

42.5.6. JIM boleh menempatkan/mengagihkan PATI yang ditahan mengikut kekosongan di depot tahanan Imigresen.

PELBAGAI KEMENTERIAN/JABATAN

43. PENGURUSAN PROJEK DI BAWAH PAKEJ RANGSANGAN EKONOMI PERTAMA

43.1. LATAR BELAKANG

Kerajaan telah melancarkan Pakej Rangsangan Ekonomi Pertama (PRE 1) pada 4 November 2008 bagi menangani krisis kewangan global yang turut memberi impak negatif kepada ekonomi negara. Peruntukan mengurus berjumlah RM7 bilion telah disalurkan kepada pelbagai kementerian/jabatan bagi melaksanakan 53 program yang dijangka dapat merangsang dan merancakkan pertumbuhan ekonomi. Program yang dilaksanakan ini adalah selaras dengan 5 teras Misi Nasional dan 3 strategi khusus bajet tahun 2009 iaitu menjamin kesejahteraan rakyat, membangunkan modal insan berkualiti dan memperkukuhkan daya tahan negara. Peruntukan PRE 1 yang diluluskan mengikut strategi khusus bajet tahun 2009 dan program yang terlibat adalah seperti di **Jadual 43.1**. Manakala peruntukan sebenar yang diagihkan kepada 15 kementerian/ jabatan untuk melaksanakan 65,087 projek adalah seperti di **Jadual 43.2**.

JADUAL 43.1
PERUNTUKAN PRE 1 YANG DILULUSKAN
MENGIKUT STRATEGI KHUSUS BAJET TAHUN 2009

STRATEGI KHUSUS BAJET/PROGRAM	PERUNTUKAN DILULUSKAN (RM Juta)
Menjamin Kesejahteraan Rakyat	
Pembinaan Rumah Kos Rendah Dan Sederhana	1,200
Projek Perumahan Terbengkalai	200
Menyenggara Dan Memantapkan Sistem Pengangkutan Awam Di Bandar Utama	500
Menambah Premis Perniagaan Untuk Usahawan Kecil Dan Sederhana	100
Program Penyenggaraan Infrastruktur Awam (PIA) Dan Projek Infrastruktur Asas (PIAS)	600
Jumlah Kecil	**2,600**
Membangunkan Modal Insan Berkualiti	
Dana Program Latihan Kemahiran	300
Program Latihan Kemahiran Golongan Belia Di Institusi Latihan Swasta	200
Program Rakan Muda Sekolah Dan Rakan Muda Sektoral	100
Program Pendidikan Awal Seperti PERMATA, Tadika KEMAS, Tadika Perpaduan Dan Kelas Pra Sekolah	200
Bantuan Kewangan Kepada Sekolah Agama Bantuan Kerajaan, *Mission Schools*, Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Dan Tamil	200
Jumlah Kecil	**1,000**
Memperkukuhkan Daya Tahan Negara	
Dana Pelaburan Swasta	1,500
Menaik Taraf, Membaik Pulih Dan Menyenggara Kemudahan Awam Seperti Sekolah, Hospital Dan Jalanraya	500
Menaik Taraf, Membaik Pulih Dan Menyenggara Jalan Luar Bandar, Jalan Kampung Dan Jalan Pertanian	500
Menaik Taraf, Membaik Pulih Dan Menyenggara Balai Dan Kuarters Polis Serta Kem Dan Kuarters Tentera	500
Projek Jalur Lebar Berkelajuan Tinggi	400
Jumlah Kecil	**3,400**
JUMLAH KESELURUHAN	**7,000**

JADUAL 43.2
PENGAGIHAN PERUNTUKAN PRE 1 KEPADA KEMENTERIAN/JABATAN

KEMENTERIAN/JABATAN	PERUNTUKAN DIAGIHKAN (RM Juta)	BIL. PROGRAM	BIL. PROJEK
Kementerian Belia Dan Sukan	150.00	3	12,771
Kementerian Dalam Negeri	250.00	1	1,080
Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah	1,248.10	7	22,114
Kementerian Kerja Raya	95.00	5	438
Kementerian Kesihatan Malaysia	200.00	1	3,062
Kementerian Kewangan : Jabatan Kastam Diraja Malaysia Syarikat Kerajaan * Kerajaan Negeri/Agensi Kerajaan Negeri * Lain-lain Agensi *	 35.00 1,602.14 179.40 9.00	 1 9 3 2	 282 4,180 4 8
Kementerian Pelajaran Malaysia	450.00	3	6,358
Kementerian Penerangan, Komunikasi Dan Kebudayaan	374.60	1	1
Kementerian Pengangkutan	160.00	2	47
Kementerian Perdagangan Antarabangsa Dan Industri	142.40	2	322
Kementerian Pertahanan	250.00	1	2,819
Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan	205.00	2	65
Kementerian Sumber Manusia	280.00	3	521
Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau Dan Air	160.90	3	3
Jabatan Perdana Menteri	931.68	4	11,012
JUMLAH	**6,723.22**	**53**	**65,087**

Nota : ***Data Diperolehi Daripada Kementerian/Jabatan Berkenaan Kecuali Bertanda * Di Mana Maklumat Diperolehi Daripada Unit Pemantauan Projek PRE 1, Kementerian Kewangan***

43.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada peruntukan Pakej Rangsangan Ekonomi Pertama (PRE 1) telah dibelanjakan mengikut tujuan yang telah ditetapkan dan projek yang berkaitan telah dilaksanakan dengan teratur serta disiapkan pada akhir tahun 2009.

43.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan terhadap 18 program melibatkan 1,129 projek bernilai RM495.48 juta yang dilaksanakan oleh 11 kementerian/jabatan pada tahun 2009. Semakan telah dijalankan terhadap fail, rekod dan dokumen berkaitan perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap projek berkenaan. Lawatan ke tapak projek dan temu bual dengan pegawai yang bertanggungjawab di kementerian/jabatan tersebut serta kontraktor dan perunding yang terlibat juga telah diadakan. Butiran program/projek yang diaudit adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 43.3
PROGRAM/PROJEK YANG DIAUDIT

KEMENTERIAN/ JABATAN	NAMA PROGRAM	BIL. PROJEK	PERUNTUKAN DITERIMA (RM Juta)	PROJEK DIAUDIT		
				BIL.	PERUNTUKAN (RM Juta)	LOKASI
Kementerian Belia Dan Sukan	Program Latihan Dan Kemahiran	2	50.00	2	50.00	Kelantan, Negeri Sembilan, Sabah, Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
Kementerian Dalam Negeri	Menaik Taraf Dan Membaik Pulih Balai Dan Kuarters Polis	1,080	249.95	19	6.00	Ibu Pejabat Polis Bukit Aman, IPK Kedah, Melaka, Sarawak, Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah	Projek Jalan Kampung	2,334	179.50	165	11.90	Johor, Perak, Negeri Sembilan dan Sabah
	Projek Jalan Pertanian	2,004	169.99	77	6.98	Johor, Kedah, Kelantan, Pahang dan Terengganu
Kementerian Kerja Raya	Projek Kecil Infrastruktur Awam Kelas 'F'	245	40.51	47	7.26	Melaka, Negeri Sembilan dan Selangor
	Program Keselamatan Jalan Raya Dan *Black Spot*	96	21.97	43	8.97	Johor, Kedah, Kelantan dan Terengganu
	Projek Penyenggaraan Jalan Persekutuan Sabah	10	9.99	10	10.00	Beaufort, Kota Kinabalu, Kudat, Lahad Datu, Sandakan dan Tawau
	Projek Penyenggaraan Jalan Persekutuan Sarawak	5	5.00	5	5.00	Bintulu, Kota Samarahan, Miri dan Sibu
Kementerian Kesihatan Malaysia	Menyenggara Dan Membaik Pulih Kemudahan Hospital Dan Klinik Kesihatan	3,062	199.74	109	6.44	Johor, Sabah, Sarawak dan Terengganu
Kementerian Kewangan	Pengubahsuaian, Pembaikan Dan Penyenggaraan Pejabat Dan Perumahan Kastam	282	33.86	56	5.80	Pahang, Perak, Negeri Sembilan dan Terengganu
	Infrastruktur Pengangkutan - Prasarana Negara Bhd.	1,060	340.00	13	22.08	Pulau Pinang dan Selangor
	Skim Pengurusan Tambah Nilai Graduan (GEMS) - GEMS (M) Sdn. Bhd.	1	100.00	1	100.00	Johor, Selangor dan Terengganu
	Skim Rumah Mesra Rakyat - Syarikat Perumahan Negara Bhd.	2,733	200.00	150	10.47	Johor, Kedah, Kelantan, Terengganu dan Sarawak

KEMENTERIAN/ JABATAN	NAMA PROGRAM	BIL. PROJEK	PERUNTUKAN DITERIMA (RM Juta)	PROJEK DIAUDIT		
				BIL.	PERUNTUKAN (RM Juta)	LOKASI
Kementerian Pelajaran Malaysia	Menaik Taraf Sekolah Agama Bantuan Penuh Dan Sekolah Bantuan Penuh Bukan Milik Kerajaan (Sekolah Cina Dan Sekolah Mubaligh)	1,713	150.00	113	10.96	Johor, Perlis, Pulau Pinang, Sabah dan Selangor
Kementerian Pengangkutan	Penyenggaraan Dan Pemantapan Pengangkutan Awam	46	98.09	16	30.31	Johor, Kelantan, Selangor Dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
Kementerian Pertahanan	Membaik Pulih Dan Menyenggara Kem Dan Kuarters Tentera	2,819	250.00	148	47.12	Johor, Kedah, Pahang, Perak, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Labuan
Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan	Pembaikan Kerosakan Dan Peningkatan Kemudahan Projek Perumahan Rakyat	64	200.00	38	144.04	Johor, Pahang, Sabah, Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
Jabatan Perdana Menteri	Penyenggaraan Infrastruktur Awam (PIA) Dan Projek Infrastruktur Asas (PIAS)	9,642	598.34	117	12.15	Kelantan, Pahang, Perlis dan Wilayah Persekutuan Labuan
JUMLAH		**27,198**	**2,896.94**	**1,129**	**495.48**	

43.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan pada tahun 2009 mendapati 93.9% daripada peruntukan yang diagihkan telah dibelanjakan dan 89.1% projek yang dirancang telah disiapkan. Bagaimanapun, tempoh pelaksanaan yang singkat telah menyebabkan beberapa prosedur/peraturan kewangan/perolehan yang ditetapkan tidak dipatuhi sepenuhnya. Di samping itu, penyeliaan yang kurang teliti oleh kementerian/jabatan dan perunding telah mengakibatkan prestasi kerja/bekalan yang dilaksanakan/diterima kurang memuaskan. Antaranya ialah peruntukan tidak digunakan untuk tujuan asal program/projek; perancangan perolehan yang kurang teliti; sebahagian daripada peserta program tidak memenuhi kriteria penyertaan yang ditetapkan; bayaran dibuat bagi kerja/bekalan yang tidak disempurnakan; skop dan spesifikasi kerja tidak disediakan dengan jelas/tepat serta tidak dipatuhi. Penjelasan lanjut mengenai perkara yang ditemui adalah seperti di perenggan-perenggan berikut :-

43.4.1. Prestasi Program/Projek

43.4.1.1. Peruntukan yang diagihkan bagi melaksanakan projek PRE 1 perlu digunakan sepenuhnya dan semua projek yang dirancang perlu disiapkan sebelum penghujung tahun 2009 bagi memastikan objektif PRE 1 dicapai. Mengikut rekod di Kementerian/Jabatan yang diaudit/Unit Pemantauan Projek PRE-1, Kementerian Kewangan, sejumlah RM6.31 bilion (93.9%) daripada RM6.72 bilion peruntukan PRE 1 telah dibelanjakan dan 57,970 (89.1%)

daripada 65,087 projek yang dirancang telah disiapkan. Prestasi keseluruhan pelaksanaan projek PRE 1 setakat 31 Disember 2009 adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 43.4
PRESTASI KESELURUHAN PROJEK PRE 1 SETAKAT 31 DISEMBER 2009

KEMENTERIAN/JABATAN	BIL. PROGRAM	BIL. PROJEK	PRESTASI KEWANGAN			PRESTASI FIZIKAL (BIL. PROJEK)	
			PERUNTUKAN (RM Juta)	BELANJA (RM Juta)	% BELANJA	SIAP	BELUM SIAP
Kementerian Belia Dan Sukan	3	12,771	150.00	149.94	99.9	12,771	0
Kementerian Dalam Negeri	1	1,080	250.00	249.42	99.8	1,080	0
Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah	7	22,114	1,248.10	1,076.86	86.3	17,333	4,781
Kementerian Kerja Raya	5	438	95.00	94.24	99.2	438	0
Kementerian Kesihatan Malaysia	1	3,062	200.00	199.74	99.9	3,062	0
Kementerian Kewangan : Jabatan Kastam Diraja Malaysia Syarikat Kerajaan * Kerajaan Negeri/Agensi Kerajaan Negeri * Lain-lain Agensi *	 1 9 3 2	 282 4,180 4 8	 35.00 1,602.14 179.40 9.00	 33.83 1,602.14 179.40 9.00	 96.7 100.0 100.0 100.0	 282 4,180 4 8	 0 0 0 0
Kementerian Pelajaran Malaysia	3	6,358	450.00	360.89	80.2	4,719	1,639
Kementerian Pengangkutan	2	47	160.00	156.95	98.1	31	16
Kementerian Pertahanan	1	2,819	250.00	249.32	99.7	2,819	0
Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan	2	65	205.00	201.47	98.3	64	1
Jabatan Perdana Menteri	4	11,012	931.68	903.88	97.0	10,746	266
Jumlah Kecil	**44**	**64,240**	**5,765.32**	**5,467.08**	**94.8**	**57,537**	**6,703**
Kementerian Penerangan, Komunikasi Dan Kebudayaan	1	1	374.60	374.55	99.9	1	0
Kementerian Perdagangan Antarabangsa Dan Industri	2	322	142.40	142.40	100*	322	0
Kementerian Sumber Manusia	3	521	280.00	166.91	59.6	107	414
Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau Dan Air	3	3	160.90	160.90	100	3	0
Jumlah Kecil	**9**	**847**	**957.90**	**844.76**	**88.1%**	**433**	**414**
JUMLAH BESAR	**53**	**65,087**	**6,723.22**	**6,311.84**	**93.9**	**57,970**	**7,117**

Nota : Data Diperolehi Daripada Kementerian/Jabatan Berkenaan Kecuali Bertanda * Di Mana Maklumat Diperolehi Daripada Unit Pemantauan Projek PRE 1, Kementerian Kewangan

Kementerian/Jabatan Yang Diaudit

43.4.1.2. Setakat 31 Disember 2009, kesemua 11 Kementerian/Jabatan yang diaudit telah membelanjakan sejumlah RM5.47 bilion untuk melaksanakan 44 program yang melibatkan 64,240 projek. Semakan Audit telah dijalankan terhadap 18 program yang melibatkan 1,129 projek dan mendapati 1,051 (93.1%) projek telah siap dilaksanakan dengan bayaran berjumlah RM459.72 juta (92.8%) daripada peruntukan berjumlah RM495.48 juta yang diluluskan. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 43.5
PRESTASI PROJEK PRE 1 YANG DIAUDIT SETAKAT 31 DISEMBER 2009

KEMENTERIAN/ JABATAN	NAMA PROGRAM	BIL. PROJEK DIAUDIT	PRESTASI KEWANGAN			PRESTASI FIZIKAL * (Bil. Projek)	
			PERUNTUKAN (RM Juta)	BELANJA (RM Juta)	% BELANJA	SIAP	BELUM SIAP
Kementerian Belia Dan Sukan	Program Latihan Dan Kemahiran	2	50	49.94	99.9	2	0
Kementerian Dalam Negeri	Menaik Taraf Dan Membaik Pulih Balai Dan Kuaters Polis	19	6.00	5.95	99.2	19	0
Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah	Projek Jalan Kampung	165	11.90	11.54	97.0	165	0
	Projek Jalan Pertanian	77	6.98	6.78	97.1	77	0
Kementerian Kerja Raya	Projek Kecil Infrastruktur Awam Kelas 'F'	47	7.26	7.15	98.5	47	0
	Program Keselamatan Jalan Raya Dan *Black Spot* **	43	8.97	8.98	100.1	43	0
	Projek Penyenggaraan Jalan Persekutuan Sabah	10	10.00	9.99	99.9	10	0
	Projek Penyenggaraan Jalan Persekutuan Sarawak **	5	5.00	5.22	104.4	5	0
Kementerian Kesihatan Malaysia	Menyenggara Dan Membaik Pulih Kemudahan Hospital Dan Klinik Kesihatan	109	6.44	6.44	100	109	0
Kementerian Kewangan	Pengubahsuaian, Pembaikan Dan Penyenggaraan Pejabat Dan Perumahan Kastam	56	5.80	5.77	99.5	56	0
	Infrastruktur Pengangkutan – Prasarana Negara Bhd.	13	22.08	22.08	100	13	0
	Skim Pengurusan Tambah Nilai Graduan (GEMS) – GEMS (M) Sdn. Bhd.	1	100	80.20	80.2	0	1
	Skim Rumah Mesra Rakyat - Syarikat Perumahan Negara Bhd.	150	10.47	10.47	100	83	67
Kementerian Pelajaran Malaysia	Menaik Taraf Sekolah Agama Bantuan Penuh Dan Sekolah Bantuan Penuh Bukan Milik Kerajaan (Sekolah Cina Dan Sekolah Mubaligh)	113	10.96	10.96	100	107	6
Kementerian Pengangkutan	Penyenggaraan Dan Pemantapan Pengangkutan Awam	16	30.31	17.24	56.9	13	3
Kementerian Pertahanan	Membaik Pulih Dan Menyenggara Kem Dan Kuarters Tentera	148	47.12	46.12	97.8	148	0
Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan	Pembaikan Kerosakan Dan Peningkatan Kemudahan Projek Perumahan Rakyat	38	144.04	142.87	99.19	38	0
Jabatan Perdana Menteri	Penyenggaraan Infrastruktur Awam (PIA) Dan Projek Infrastruktur Asas (PIAS)	117	12.15	12.02	99.0	116	1
JUMLAH		**1,129**	**495.48**	**459.72**	**92.8**	**1,051**	**78**

Nota : (*) - Berdasarkan Perakuan Siap Kerja

(**) - Untuk Program Keselamatan Jalan Raya Dan Black Spot, Lebihan Belanja Sebanyak RM10,000 Tidak Berlaku Sekiranya Dibandingkan Dengan Jumlah Keseluruhan Harga Projek. Manakala Untuk Projek Penyenggaraan Jalan Persekutuan Sarawak, Lebihan Belanja Berjumlah RM220,000 Ditampung Dengan Menggunakan Baki Peruntukan PRE 1 Di Bawah Kementerian Kerja Raya

43.4.1.3 Mengikut laporan kemajuan pelaksanaan projek PRE 1 yang disediakan oleh kementerian berkenaan, prestasi kewangan bagi 3 program yang dilaksanakan oleh 3 kementerian menunjukkan perbelanjaan telah mencapai hampir 100%. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati **prestasi perbelanjaan tersebut tidak menggambarkan keadaan yang sebenar. Ini adalah kerana kementerian berkaitan mengganggap peruntukan tersebut telah dibelanjakan apabila ia disalurkan kepada agensi pelaksana sungguhpun projek tersebut sebenarnya belum dilaksanakan/belum siap sepenuhnya.** Penjelasan lanjut mengenai program yang terlibat adalah seperti di perenggan-perenggan berikut :-

a. Kementerian Pelajaran Malaysia mendapat peruntukan berjumlah RM150 juta untuk melaksanakan projek menaik taraf Sekolah Agama Bantuan Penuh dan Sekolah Bantuan Penuh Bukan Milik Kerajaan (Sekolah Cina dan Sekolah Mubaligh). Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM50 juta telah disalurkan kepada Lembaga Pengelola Sekolah (LPS) untuk melaksanakan 547 projek di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC). Berdasarkan Laporan Prestasi Pelaksanaan Projek Fizikal/Bukan Fizikal Sehingga 31 Disember 2009 yang disediakan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia, kesemua peruntukan yang disalurkan untuk melaksanakan projek di SJKC telah dibelanjakan. Namun demikian, semakan Audit terhadap 43 projek pada bulan November/Disember 2009 mendapati 3 projek masih belum dilaksanakan manakala 2 projek masih dalam pelaksanaan. Peruntukan berjumlah RM976,280 masih belum dibelanjakan kerana LPS menangguhkan pelaksanaan projek tersebut.

b. Kementerian Kewangan telah menyalurkan sejumlah RM200 juta kepada Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) untuk melaksanakan program Skim Rumah Mesra Rakyat (RMR). Mengikut Laporan Status Peruntukan Skim RMR sehingga 31 Disember 2009 yang dikemukakan oleh SPNB kepada Kementerian Kewangan, SPNB telah membelanjakan kesemua peruntukan berjumlah RM200 juta bagi program tersebut dan berjaya menyiapkan 2,733 unit rumah seperti mana yang dirancang. Bagaimanapun, semakan Audit terhadap laporan di Bahagian Kewangan SPNB mendapati hanya sejumlah RM85.98 juta yang dibelanjakan oleh SPNB. Pihak Audit dimaklumkan SPNB telah menggunakan baki peruntukan tersebut berjumlah RM114.02 juta untuk membiayai kos pembinaan RMR yang diluluskan di bawah Peruntukan Dana Khas Kerajaan Persekutuan disebabkan kekurangan peruntukan di bawah dana tersebut.

c. Kementerian Pengangkutan menunjukkan prestasi perbelanjaan dari peruntukan PRE 1 telah mencapai 98.9% sungguhpun bilangan projek yang sebenarnya disiapkan adalah 65.2% daripada keseluruhan 46 projek. Ini adalah disebabkan prestasi perbelanjaan tersebut mengambil kira keseluruhan peruntukan berjumlah RM96.95 juta yang telah disalurkan kepada agensi pelaksana iaitu Keretapi Tanah Melayu Berhad.

43.4.1.4. Pada umumnya, projek gagal disiapkan atau peruntukan dibelanjakan kurang dari 90% antaranya disebabkan masalah kekurangan pekerja, bekalan bahan binaan lewat diterima, keadaan cuaca yang tidak menentu dan masalah kelulusan pembinaan dari Pihak Berkuasa Tempatan serta tempoh pelaksanaan projek yang singkat. Bagi satu projek di bawah skim Pengurusan Tambah Nilai Graduan (GEMS) yang belum dilaksanakan sepenuhnya, ia telah mendapat kelulusan Kementerian Kewangan untuk dilaksanakan sehingga bulan Julai 2010.

Pada pandangan Audit, bagi menggambarkan kedudukan perbelanjaan sebenar daripada peruntukan PRE 1, peruntukan yang disalurkan kepada agensi/syarikat hanya boleh diambil kira sebagai perbelanjaan setelah peruntukan tersebut telah sebenarnya dibelanjakan oleh agensi/syarikat berkenaan. Bagi tujuan pemantauan, kementerian/jabatan yang berkenaan perlu mendapatkan laporan perbelanjaan daripada agensi/syarikat berkenaan secara berkala.

43.4.2. Perbelanjaan Tidak Mengikut Tujuan Asal Peruntukan

Peruntukan yang diluluskan untuk setiap program PRE 1 hendaklah digunakan mengikut tujuan asal yang ditetapkan. Kelulusan daripada Kementerian Kewangan perlu diperolehi sekiranya peruntukan tersebut digunakan untuk tujuan lain. Pengauditan yang dijalankan mendapati 3 kementerian telah membelanjakan sebahagian daripada peruntukan yang diluluskan untuk tujuan lain tanpa mendapat kelulusan Kementerian Kewangan.

43.4.2.1. Kementerian Pertahanan

Peruntukan PRE 1 berjumlah RM250 juta diberi kepada Kementerian Pertahanan bertujuan untuk program membaik pulih dan penyenggaraan kem dan kuarters tentera di seluruh negara. Semakan Audit mendapati Kementerian Pertahanan telah membuat **perolehan beberapa item dan pelaksanaan kerja yang tidak mengikut tujuan asal tanpa justifikasi yang jelas serta menjurus kepada unsur pemborosan** seperti berikut :-

a. Sejumlah RM459,460 telah dibelanjakan oleh pihak Pangkalan Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM), Lumut pada bulan April 2009 untuk membeli 836 unit lampu hiasan jalan termasuk kos pemasangan. Mengikut perancangan, lampu hiasan tersebut akan dipasang di sepanjang jalan masuk ke Wisma Samudera. Harga seunit lampu siap pasang adalah RM580 manakala harga seunit tanpa kos pemasangan ialah RM490. Berdasarkan catatan dalam Daftar Keluar Masuk Stok, hanya 236 unit telah dipasang manakala 600 unit bernilai RM294,000 disimpan sebagai stok gantian seperti di **Gambar 43.1 dan 43.2**. Pihak Audit tidak dapat menentukan justifikasi pembelian yang melebihi keperluan ini.

GAMBAR 43.1



TLDM, Lumut Perak
- Lampu Hiasan Yang Dipasang Di Sepanjang Jalan Masuk Ke Wisma Samudera
(09.02.2010)

GAMBAR 43.2



TLDM, Lumut Perak
- Stok Lampu Hiasan Jalan Yang Berlebihan Diletakkan Dalam Keadaan Terbuka
(09.02.2010)

b. Sejumlah RM301,900 telah digunakan untuk membeli item mewah seperti lampu jalan, sofa, set meja makan, set *home theatre*, lampu *chandelliar* dan pemasangan karpet serta *wall paper* **(Gambar 43.3 hingga 43.9)** di Pangkalan Udara Labuan, Markas Wilayah Laut (Mawilla 3) Langkawi Kedah dan Pangkalan TLDM Lumut, Perak.

GAMBAR 43.3



TUDM Labuan
- 28 Tiang Lampu Bernilai RM84,500 Dan 30 Lantera Lampu Hiasan Bernilai RM29,700
(17.12.2009)

GAMBAR 43.4



TLDM Lumut
- Set SofaTerdiri Dari 2 Unit Kerusi Panjang Bernilai RM11,000 Dan 3 Unit Kerusi Pendek Bernilai RM10,500 Di Bilik Rehat Pegawai KD Duyong
(09.02.2010)



GAMBAR 43.5

TLDM Lumut
- 2 Set Meja Makan Bulat Bernilai RM6,000 Dan 20 Unit Kerusi Makan Bernilai RM3,000 Di Bilik Rehat Pegawai KD Duyong
(09.02.2010)

GAMBAR 43.6



Bilik Rehat VVIP Mawilla 3, Langkawi Kedah - Set Sofa Bernilai RM13,000 Dan Karpet Bernilai RM13,320 (19.01.2010)

GAMBAR 43.7



Bilik Rehat VVIP Mawilla 3, Langkawi Kedah - Set Home Theatre bernilai RM12,000 Dan Set Sofa (2 Tempat Duduk Dan Meja) Bernilai RM13,000 (19.01.2010)

GAMBAR 43.8



Bilik Rehat VVIP Mawilla 3, Langkawi Kedah - Set Chandelliar Bernilai RM10,000 (19.01.2010)


GAMBAR 43.9



Bilik Rehat VVIP Mawilla 3, Langkawi Kedah - Solid Wall Paper Vinyl With PVC Dan Washable Bernilai RM95,880 (19.01.2010)

c. Markas Wilayah Laut (Mawilla 3) Langkawi mula beroperasi pada bulan April 2007 dan pihak JKR bertanggungjawab menjalankan penyenggaraan dengan anggaran kos RM2 juta setahun mulai bulan Julai 2007. Kerja penyenggaraan ini sepatutunya dilaksanakan melalui peruntukan penyenggaraan tahunan yang disediakan oleh Kementerian Pertahanan. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati sejumlah RM144,118 daripada peruntukan PRE 1 telah digunakan untuk mengganti jubin lantai (RM72,960), pemasangan plaster siling (RM31,008), *cornice* (RM5,950) dan 9 unit penghawa dingin (RM34,200) di dewan makan. Semakan Audit selanjutnya mendapati kerja tersebut tidak sepatutnya dibuat memandangkan tiada kerosakan yang serius dilaporkan berlaku di dewan makan tersebut. Contoh keadaan dewan makan sebelum dan selepas kerja naik taraf adalah seperti di gambar berikut :-

GAMBAR 43.10



Mawilla 3 Langkawi, Kedah
- Keadaan Ruang Lantai Sebelum Di Naik Taraf Yang Masih Elok Dan Boleh Digunakan
[Sumber Gambar : Kementerian Pertahanan]

GAMBAR 43.11



Mawilla 3 Langkawi, Kedah
- Seluruh Ruang Dalam Dan Luar Dewan Makan Dipasang Dengan Jubin White Horse Berukuran 500 mm X 500 mm x 8 mm Bernilai RM72,960
(19.01.2010)

43.4.2.2. Kementerian Kewangan - Syarikat Prasarana Negara Berhad

Syarikat Prasarana Negara Berhad adalah bertanggungjawab untuk menguruskan infrastruktur pengangkutan awam di kawasan Lembah Klang dan Pulau Pinang. Di bawah PRE 1, syarikat ini telah diberi peruntukan berjumlah RM340 juta bagi tujuan melaksanakan projek-projek di bawah program menyenggara dan memantapkan sistem pengangkutan awam. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati **sejumlah RM5.24 juta telah digunakan bagi membiayai perbelanjaan emolumen kakitangan tetap yang baru dilantik oleh RapidKL dan perbelanjaan ini telah diluluskan oleh Kementerian Kewangan.** Perbelanjaan emolumen ini adalah merupakan perbelanjaan operasi harian RapidKL yang perlu ditanggung secara tetap oleh RapidKL.

43.4.2.3. Kementerian Kerja Raya

Kementerian Kerja Raya telah menerima peruntukan PRE 1 berjumlah RM40.51 juta untuk Projek Kecil Infrastruktur Awam Kelas 'F'. Bagaimanapun, sejumlah RM646,831 telah digunakan oleh JKR Daerah Hulu Langat bagi menjalankan kerja ubah suai dan naik taraf bangunan pejabat dan kuarters. Kerja-kerja ini telah dilaksanakan oleh 4 kontraktor kelas 'F'. Perbelanjaan ini telah diluluskan oleh Bahagian Pembangunan Dan Penswastaan, Kementerian Kerja Raya. Berdasarkan maklum balas daripada Kementerian Kerja Raya, tindakan segera perlu diambil untuk mengubah suai/menaik taraf bangunan tersebut kerana keadaan pejabat dan kuarters yang telah usang.

43.4.2.4. Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah

Peruntukan PRE 1 berjumlah RM170 juta untuk Projek Jalan Pertanian di bawah kendalian Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah merangkumi kerja-kerja membersih, menambak, membina jambatan/*culvert*, menyediakan saliran dan apa-apa kerja yang berkaitan. Bagaimanapun, didapati Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah telah menggunakan sejumlah RM33,900 daripada jumlah peruntukan tersebut untuk kerja-kerja memagar di jalan masuk ke Projek Limau Madu Bandar Al-Muktafi Billah Shah; memasang pintu pagar utama ; membina

dataran kejat serta membina laluan berbumbung di jalan masuk ke tempat penetasan puyuh di Bandar Seri Bandi.

43.4.3. Perancangan Perolehan

Semakan Audit mendapati perbelanjaan yang telah dibuat bagi kerja/bekalan yang telah dilaksanakan/diterima di bawah 4 program adalah tidak teratur dan ada yang tidak memberi manfaat kepada golongan sasaran. Butirannya adalah seperti berikut :-

43.4.3.1. Kementerian Dalam Negeri

Kerja mekanikal untuk memasang saluran paip air baru bernilai RM456,700 telah diluluskan untuk dilaksanakan di Pusat Latihan Luar Pasukan Gerakan Am Tupah, Kedah. Kerja pemasangan saluran paip air ini telah selesai dilaksanakan pada bulan Ogos 2009 dan bayaran berjumlah RM417,130 (91.3%) telah dibuat. Bagaimanapun, semakan Audit pada bulan Oktober 2009 mendapati masalah bekalan air masih belum ditangani kerana **paip baru ini belum disambung dengan paip air utama milik Jabatan Bekalan Air (JBA) Kedah. Perkara ini berlaku kerana kerja pemasangan paip gagal mematuhi peraturan yang ditetapkan oleh JBA.** Antaranya ialah kerja telah dijalankan tanpa kebenaran Jurutera Daerah JBA Kedah Tengah; ujian tekanan paip air belum dijalankan dan tukang paip yang dilantik tidak berdaftar dengan Jabatan Kerja Raya. Sungguhpun Kementerian pada bulan Disember 2009 memaklumkan peraturan ini telah dipatuhi, namun setakat bulan Mac 2010, air masih belum dapat dibekalkan untuk kegunaan pusat ini.

43.4.3.2. Kementerian Kerja Raya

Projek pemasangan lampu jalan bernilai RM132,400 di bawah Program Keselamatan Jalan Raya dan *Blackspot* di Jalan Kuala Terengganu-Kuantan (Persimpangan Durian Mentangau, Terengganu) telah disiapkan pada 30 Jun 2009. Bagaimanapun semasa lawatan Audit pada 16 Disember 2009, didapati **30 unit lampu jalan yang telah dipasang masih belum berfungsi kerana belum mendapat bekalan elektrik daripada Tenaga Nasional Berhad.** Perkara ini berlaku disebabkan pihak yang bertanggungjawab untuk menanggung kos pembekalan elektrik dan bil bulanan masih belum diputuskan.

43.4.3.3. Kementerian Pelajaran Malaysia

Kementerian Pelajaran Malaysia telah melaksanakan projek menaik taraf Dewan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) Sri Lalang, Kluang, Johor dengan peruntukan PRE 1 berjumlah RM63,575. Projek **naik taraf dewan tersebut telah siap dilaksanakan pada 13 Ogos 2009**. Bagaimanapun pada 15 September 2009, Kementerian Pelajaran Malaysia telah menyalurkan peruntukan khas berjumlah **RM200,000 kepada sekolah yang sama**. Peruntukan ini telah digunakan oleh Lembaga Pengelola Sekolah **untuk membina dewan baru**. Lawatan Audit pada 15 Disember 2009 mendapati

dewan yang dinaik taraf telah dirobohkan dan kerja-kerja pembinaan dewan baru melalui peruntukan khas sedang dijalankan. Dengan itu, **perbelanjaan berjumlah RM63,575 di bawah PRE 1 merupakan pembaziran dana Kerajaan**.

Pada pandangan Audit, sungguhpun peruntukan PRE 1 perlu dibelanjakan dengan segera, namun penggunaan peruntukan ini perlu dirancang dengan teliti bagi mengelakkan daripada berlaku pembaziran dan memastikan Kerajaan mendapat *value for money* bagi perbelanjaan yang telah dibuat.

43.4.4. Kumpulan Sasaran

Setiap program PRE 1 menetapkan kumpulan sasaran yang akan mendapat manfaat daripada pelaksanaan program berkenaan. Semakan Audit mendapati peserta yang telah dipilih untuk menyertai 2 program yang dilaksanakan oleh Kementerian Kewangan tidak menepati kriteria yang ditetapkan :-

43.4.4.1. Skim Pengurusan Tambah Nilai Graduan (GEMS) – GEMS (M) Sdn. Bhd.

Skim Pengurusan Tambah Nilai Graduan (GEMS) merupakan inisiatif Kerajaan bagi melengkapkan graduan dengan pengalaman dan kemahiran perniagaan yang berguna bagi meningkatkan keupayaan mereka mendapatkan pekerjaan di sektor swasta. Kriteria pemilihan peserta bagi program ini adalah warga negara Malaysia berumur tidak melebihi 27 tahun; mempunyai ijazah yang diiktiraf dengan mendapat Jumlah Purata Markah keseluruhan (CGPA) sekurang-kurangnya 2.5 serta telah menganggur sekurang-kurangnya 6 bulan. Semakan Audit mendapati di bawah GEMS, sebanyak 38,000 permohonan telah diterima untuk mengikuti program ini. Semakan Audit selanjutnya terhadap 5,000 peserta mendapati 4,385 peserta (87.7%) telah memenuhi semua kriteria yang ditetapkan. Manakala seramai **289 peserta (5.8%) tidak memenuhi salah satu kriteria yang ditetapkan iaitu dari aspek pematuhan terhadap kriteria CGPA.**

43.4.4.2. Skim Rumah Mesra Rakyat - Syarikat Perumahan Negara Berhad

Mengikut syarat permohonan Skim Rumah Mesra Rakyat (RMR), antara kriteria yang melayakkan pemohon menduduki rumah di bawah Skim RMR ialah pendapatan kasar seisi rumah tidak melebihi RM1,500 sebulan; mempunyai tanggungan; pemohon tidak mempunyai rumah atau rumah telah usang. Semakan Audit mendapati 6 daripada 31 peserta skim RMR diragui kelayakannya seperti berikut :-

a. Pendapatan bulanan bagi 5 peserta adalah melebihi RM1,500 sebulan dan seorang daripadanya merupakan kakitangan Kerajaan yang telah membeli rumah menggunakan kemudahan pinjaman perumahan.

b. Lawatan Audit pada 18 November 2009 mendapati seorang peserta yang telah menduduki rumah di bawah Skim RMR mulai bulan Ogos 2009 telah membuat penambahan bahagian belakang rumah dengan kos berjumlah RM47,000. Kos tersebut adalah hampir bersamaan dengan nilai sebuah rumah di bawah skim tersebut. Ini menunjukkan peserta berkemampuan dan tidak layak menikmati kemudahan skim ini. Keadaan rumah peserta selepas diubah suai adalah seperti di gambar berikut :-

GAMBAR 43.12



RMR Muar, Johor
- Pengubahsuaian Rumah Dengan Penambahan Bahagian Belakang
(18.11.2009)

GAMBAR 43.13



RMR Muar, Johor
- Lantai Telah Ditukar Daripada Simen Kepada Jubin
(18.11.2009)

Pada pandangan Audit, pemilihan peserta bagi sesuatu program perlu mematuhi kriteria yang ditetapkan agar objektif program dapat dicapai dan manfaatnya dinikmati oleh kumpulan sasaran yang sepatutnya.

43.4.5. Pengurusan Bayaran Perolehan

Mengikut Arahan Perbendaharaan 99, bayaran hanya boleh dibuat apabila kerja/ perkhidmatan/peralatan telah dilaksanakan/dibekalkan dengan sempurna. Semakan Audit mendapati perkara berikut :-

43.4.5.1. Bayaran Dibuat Bagi Kerja/Bekalan Yang Tidak Dilaksanakan/Diterima

Sebanyak **67 kes perolehan bernilai RM753,723 melibatkan 31 projek di 6 kementerian/jabatan tidak dilaksanakan/diterima tetapi bayaran telah dibuat** seperti di **Jadual 43.6**. Berdasarkan maklum balas yang diterima daripada 5 kementerian/jabatan, sebanyak 38 kes bernilai RM580,983 telah dilaksanakan/diterima selepas mendapat teguran Audit. Manakala **29 kes bernilai RM172,740 belum diambil tindakan pembetulan**. Bagi 14 kes yang belum dilaksanakan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (Kementerian), didapati Kementerian telah melaporkan kes tersebut kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, mengeluarkan surat tunjuk sebab kepada perunding terlibat pada bulan Mei 2010 dan menarik balik surat niat bagi projek baru yang dikeluarkan kepada perunding yang sama. Antara kerja/bekalan yang masih belum dilaksanakan/diterima selepas teguran Audit adalah seperti di **Jadual 43.7**.

JADUAL 43.6
KERJA/BEKALAN TIDAK DILAKSANAKAN/DITERIMA TETAPI BAYARAN DIBUAT

KEMENTERIAN/ JABATAN/PROGRAM	KERJA/BEKALAN TIDAK DILAKSANAKAN/DITERIMA SEBELUM TEGURAN AUDIT			TINDAKAN DIAMBIL SELEPAS TEGURAN AUDIT		TINDAKAN BELUM DIAMBIL SELEPAS TEGURAN AUDIT	
	BIL. PROJEK	BIL. KERJA/ BEKALAN	BAYARAN (RM)	BIL. KERJA	NILAI KERJA (RM)	BIL. KERJA	NILAI KERJA (RM)
Kementerian Dalam Negeri - Menaik Taraf Dan Membaik Pulih Balai Dan Kuaters Polis	5	11	121,430	2	29,410	9	92,020
Kementerian Kesihatan Malaysia - Menyenggara Dan Membaik Pulih Kemudahan Hospital Dan Klinik Kesihatan	11	29	325,788	23	284,613	6	41,175
Jabatan Kastam Diraja Malaysia - Pengubahsuaian, Pembaikan Dan Penyenggaraan Pejabat Dan Perumahan Kastam	6	11	21,960	11	21,960	0	0
Kementerian Kewangan [GEMS (M) Sdn. Bhd.] - Skim Pengurusan Tambah Nilai Graduan (GEMS)	1	1	225,000	1	225,000	0	0
Kementerian Pelajaran Malaysia – Menaik Taraf Sekolah Agama Bantuan Penuh Dan Sekolah Bantuan Penuh Bukan Milik Kerajaan (Sekolah Cina Dan Sekolah Mubaligh)	7	14	39,545	0	0	14	39,545
Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan – Pembaikan Kerosakan Dan Peningkatan Kemudahan Projek Perumahan Rakyat	1	1	20,000	1	20,000	0	0
JUMLAH	**31**	**67**	**753,723**	**38**	**580,983**	**29**	**172,740**

JADUAL 43.7
KERJA/BEKALAN YANG MASIH BELUM DILAKSANAKAN/DITERIMA SELEPAS TEGURAN AUDIT

KEMENTERIAN/ JABATAN/PROGRAM	KERJA/BEKALAN YANG TIDAK DILAKSANAKAN	
	PERIHAL	BAYARAN (RM)
Kementerian Dalam Negeri – Menaik Taraf Dan Membaik Pulih Balai Dan Kuarters Polis	**Berek Kelamin Blok 28 Hingga 33 di Batalion 2 Pasukan Gerakan Am Kulim, Kedah :** - Membekal dan memasang 96 tandas cangkung lengkap dengan sepasang pepijak dan perangkap dan disambungkan kepada paip curahan dan paip saliran (RM310 x 96). - Membekal dan memasang sinki 500 mm x 1520 mm (RM290 x 96).	29,760 27,840
Kementerian Kesihatan Malaysia - Menyenggara Dan Membaik Pulih Kemudahan Hospital Dan Klinik Kesihatan	**Menaik Taraf Kuarters Klinik Kesihatan Menalun, Sarawak :** - *To supply, deliver & install Cleans C PVC water distribution & supply pipe lines including all fittings (Replace all the GP pipes)* - *To replace the existing window frames that is rusty with new one and replace the lowers glass that are missing* - *Dismantle / replace the existing GIP supply line and*	28,600

KEMENTERIAN/ JABATAN/PROGRAM	KERJA/BEKALAN YANG TIDAK DILAKSANAKAN	
	PERIHAL	BAYARAN (RM)
	distribution line with Class C PVC pipes including all fittings and taps. Replace all sinks with new stainless steel sink. - *To carry out complete rewiring of all buildings and supply of lightings, fans and power points as required by the end-users* - *Dismantle & install aluminium mosquito netting for all window & doors.*	
Kementerian Pelajaran Malaysia – Menaik Taraf Sekolah Agama Bantuan Penuh dan Sekolah Bantuan Penuh Bukan Milik Kerajaan (Sekolah Cina dan Sekolah Mubaligh)	**Sekolah Agama Menengah Paya Jaras, Gombak, Selangor :** - Menutup lubang angin dengan konkrit di pusat sumber dan bilik gerakan - Bina pagar batu untuk menggantikan pagar *chain link*	 700 24,360
	Sekolah Menengah Agama Al-Quran Waddin, Johor Bahru, Johor : Bengkel Kemahiran Hidup : - Kerja mengecat - Bekal dan pasang *roller shutter*	 1,140 3,606

43.4.5.2. Bayaran Dibuat Bagi Kerja/Bekalan Yang Tidak Dilaksanakan/ Diterima Dengan Sempurna

Didapati 78 kes bernilai RM3.74 juta melibatkan 41 projek di 6 kementerian/ jabatan tidak dilaksanakan dengan sempurna mengikut skop/ spesifikasi kerja/ bekalan yang ditetapkan tetapi bayaran sepenuhnya telah dibuat kepada kontraktor seperti di **Jadual 43.8**. Daripada jumlah ini, **58 kes telah terlebih dibayar dengan sejumlah RM734,989** manakala 20 kes lagi tidak dapat ditentukan amaunnya kerana tiada butiran kos bagi setiap kerja. Selepas teguran Audit, didapati kerja/bekalan bagi 27 kes telah disempurnakan. Bagi 28 kes yang belum dilaksanakan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (Kementerian), didapati Kementerian juga telah melaporkan kes tersebut kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, mengeluarkan surat tunjuk sebab kepada perunding terlibat pada bulan Mei 2010 dan menarik balik surat niat bagi projek baru yang dikeluarkan kepada perunding yang sama. Contoh kerja/ bekalan yang masih tidak dilaksanakan/diterima selepas teguran Audit adalah seperti di **Jadual 43.9**.

JADUAL 43.8
KERJA/BEKALAN TIDAK DILAKSANAKAN/DITERIMA DENGAN SEMPURNA TETAPI BAYARAN DIBUAT

KEMENTERIAN/JABATAN/PROGRAM	KERJA/BEKALAN TIDAK SEMPURNA				
	BIL. PROJEK	BIL. KERJA/ BEKALAN	BAYARAN SEBENAR (RM)	BAYARAN SEPATUTNYA (RM)	LEBIH BAYAR (RM)
Kementerian Dalam Negeri – Menaik Taraf Dan Membaik Pulih Balai Dan Kuarters Polis	8	9	92,166	38,690	53,476
		13	342,637	Tidak Dapat Ditentukan	Tidak Dapat Ditentukan

KEMENTERIAN/JABATAN/PROGRAM	KERJA/BEKALAN TIDAK SEMPURNA				
	BIL. PROJEK	BIL. KERJA/ BEKALAN	BAYARAN SEBENAR (RM)	BAYARAN SEPATUTNYA (RM)	LEBIH BAYAR (RM)
Kementerian Kesihatan Malaysia – Menyenggara Dan Membaik Pulih Kemudahan Hospital Dan Klinik Kesihatan	4	4	232,110	216,775	15,335
Jabatan Kastam Diraja Malaysia - Pengubahsuaian, Pembaikan Dan Penyenggaraan Pejabat Dan Perumahan Kastam	6	5	16,600	9,100	7,500
		5	110,999	Tidak Dapat Ditentukan	Tidak Dapat Ditentukan
Kementerian Pelajaran Malaysia – Menaik Taraf Sekolah Agama Bantuan Penuh Dan Sekolah Bantuan Penuh Bukan Milik Kerajaan (Sekolah Cina Dan Sekolah Mubaligh)	17	28	1,314,785	1,189,095	125,690
Kementerian Pertahanan – Membaik Pulih Dan Menyenggara Kem Dan Kuarters Tentera	2	2	13,194	Tidak Dapat Ditentukan	Tidak Dapat Ditentukan
Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan – Pembaikan Kerosakan Dan Peningkatan Kemudahan Projek Perumahan Rakyat	4	12	1,615,353	1,082,365	532,988
JUMLAH	**41**	**78**	**3,737,844**	**2,536,025**	**734,989**

JADUAL 43.9
CONTOH KERJA/BEKALAN TIDAK DILAKSANAKAN/DITERIMA DENGAN SEMPURNA TETAPI BAYARAN DIBUAT

KEMENTERIAN/ JABATAN/PROGRAM	KERJA/BEKALAN YANG TIDAK DILAKSANAKAN/DITERIMA DENGAN SEMPURNA				
	PERIHAL KERJA/BEKALAN MENGIKUT SKOP	KERJA/ BEKALAN YANG TIDAK SEMPURNA	BAYARAN SEBENAR (RM)	BAYARAN SEPATUTNYA (RM)	LEBIH BAYAR (RM)
Kementerian Dalam Negeri – Menaik Taraf Dan Membaik Pulih Balai Dan Kuarters Polis	**Markas Taktikal Bukit Kayu Hitam, Kedah** Kemasan Lantai - mengetuk dan memasang 300 mm x 300 mm jubin seramik lantai (385 m^2 x RM84).	Kemasan lantai di ruang dapur Blok A dan B tidak ditukar kecuali ruang dewan makan yang berukuran 55.74 m^2	32,340	4,682	27,658
Kementerian Pelajaran Malaysia – Menaik Taraf Sekolah Agama Bantuan Penuh dan Sekolah Bantuan Penuh Bukan Milik Kerajaan (Sekolah Cina dan Sekolah Mubaligh)	**SJKC Phooi Tee, Sabak Bernam, Selangor :** Binaan Dataran Kejat dengan keluasan 462 m^2.	Ukuran yang dibina kurang 111 m^2	27,614	20,979	6,634
	SMK Convent Batu Pahat, Johor : Bekal dan pasang jubin *homogenous* di dewan perhimpunan dengan keluasan 616 m^2.	Ukuran yang dipasang kurang 245 m^2	73,489	44,260	29,228

KEMENTERIAN/ JABATAN/PROGRAM	KERJA/BEKALAN YANG TIDAK DILAKSANAKAN/DITERIMA DENGAN SEMPURNA				
	PERIHAL KERJA/BEKALAN MENGIKUT SKOP	KERJA/ BEKALAN YANG TIDAK SEMPURNA	BAYARAN SEBENAR (RM)	BAYARAN SEPATUTNYA (RM)	LEBIH BAYAR (RM)
Jabatan Kastam Diraja Malaysia – Pengubahsuaian, Pembaikan dan Penyenggaraan Pejabat dan Perumahan Kastam	**Stor Pencegah Kuala Terengganu :** - Membekalkan 3 *air-cond split unit* (13,000 btu) dalam bilik pegawai @ RM1,700 satu unit.	1 unit tidak dibekalkan	5,100	3,400	1,700
	- Membekalkan 1 *air-cond ceilling cassette type* (30,000 btu) di bilik mesyuarat @ RM7,000 satu unit.	Hanya membekal dan memasang 2 *wall mounted split type air-cond* (13,000 btu) @ RM 2,000 satu unit.	7,000	4,000	3,000

43.4.6. Kerja/Bekalan Tidak Berkualiti

Kerja/bekalan yang dilaksanakan/diterima hendaklah memenuhi standard/kualiti yang ditetapkan. Didapati 64 kes bernilai RM1.27 juta melibatkan 46 projek di 8 kementerian/jabatan telah dilaksanakan/dibekalkan, namun kualitinya adalah kurang memuaskan. Selepas teguran Audit, 46 kes bernilai RM812,828 telah dibaiki/diambil tindakan. Contoh kerja/bekalan yang masih belum diambil tindakan adalah seperti di gambar berikut :-

GAMBAR 43.14




GAMBAR 43.15



KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA
SJKC Chung Kuang, Sungai Bakap, Seberang Prai Selatan, Pulau Pinang
- Kerja-Kerja Pemasangan Jubin Yang Tidak Sempurna Menyebabkan Air Bertakung Di Kantin. Kos Kerja adalah RM55,933
(03.12.2009)

GAMBAR 43.16



GAMBAR 43.17



KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA
SK Monfort, Batu Pahat, Johor
- Padang Yang Dinaik Taraf Masih Tidak Sesuai Digunakan Kerana Tidak Rata Dan Penanaman Rumput Yang Tidak Sempurna. Kos Kerja Adalah RM49,680
(16.12.2009)

Pada pandangan Audit, bayaran terhadap kerja/bekalan yang tidak dilaksanakan/diterima adalah satu kesalahan yang serius. Tindakan tegas perlu diambil terhadap penjawat awam/perunding yang terlibat. Arahan hendaklah dikeluarkan kepada kontraktor supaya menyelesaikan semua kerja/bekalan yang belum disempurnakan. Sekiranya kontraktor masih gagal melaksanakannya, tuntutan balik bayaran bagi kerja/bekalan yang tidak dilaksanakan/diterima perlu dibuat. Selain itu, pegawai/perunding yang bertanggungjawab perlu menjalankan pemeriksaan menyeluruh dan memastikan semua kecacatan yang berlaku diperbaiki dengan sempurna oleh kontraktor sebelum tamat Tempoh Tanggungan Kecacatan.

43.4.7. Skop/Spesifikasi Kerja/Bekalan Tidak Dipatuhi

Semua kerja/bekalan hendaklah dilaksanakan/diterima mengikut skop/spesikasi kerja yang ditetapkan. Sebarang perubahan skop/spesifikasi kerja perlu mendapat kelulusan daripada pihak yang bertangggungjawab. Semakan Audit mendapati sebanyak 55 kes bernilai RM664,513 telah dilaksanakan/dibekalkan tidak mengikut skop/spesifikasi kerja yang ditetapkan tetapi bayaran dibuat berdasarkan skop kerja asal. Perubahan skop/spesifikasi kerja/bekalan ini telah dibuat tanpa mendapat kelulusan secara bertulis daripada pihak yang bertanggungjawab. Bagaimanapun selepas teguran Audit, sebanyak 2 kementerian/jabatan telah mengeluarkan skop/spesifikasi kerja yang baru melibatkan 17 kes bernilai RM110,770 untuk diselaraskan dengan kerja yang telah disiapkan. Bagaimanapun, pihak Audit tidak dapat menentukan sama ada harga yang dibayar adalah sepadan dengan kerja/bekalan yang dilaksanakan/diterima. Sehingga bulan Mei 2010, tiada tindakan diambil terhadap baki 38 kes yang lain yang bernilai RM553,743. Jadual berikut menunjukkan contoh kerja/bekalan yang dilaksanakan/ diterima tidak mematuhi skop/spesifikasi kerja/bekalan :-

JADUAL 43.10
CONTOH SKOP/SPESIFIKASI KERJA/BEKALAN TIDAK DIPATUHI

NAMA PROJEK	LOKASI PROJEK	SKOP KERJA ASAL	PERUBAHAN SKOP KERJA
Kementerian Dalam Negeri – Menaik Taraf Dan Membaik Pulih Balai Dan Kuaters Polis	Berek Kelamin Di Blok Kediaman 28 Hingga 33 Di Batalion 2, PGA Kulim Kedah	Membekal dan memasang 576 pintu panel kayu keras (6 unit pintu setiap rumah x 16 unit setiap blok x 6 blok) pada kadar RM440 satu unit	- 190 pintu panel kayu keras dipasang - 58 pintu jenis *plywood* dipasang - 227 pintu bilik lagi tidak ditukar tetapi hanya dibaiki dan dicat - 101 pintu tidak dipasang
Kementerian Kesihatan Malaysia - Menyenggara dan Membaik Pulih Kemudahan Hospital Dan Klinik Kesihatan	Klinik Kesihatan Menalun, Sarawak	- Membekal dan memasang *cistern jenis TS39 Porcelain China high level* - Membekal dan memasang pintu masuk *HW Timber Solid Door*	- Cistern jenis PVC dipasang - Pintu jenis *plywood* dipasang
Kementerian Pelajaran Malaysia - Menaik Taraf Sekolah Agama Bantuan Penuh dan Sekolah Bantuan Penuh Bukan Milik Kerajaan (Sekolah Cina dan Sekolah Mubaligh)	SJKC Simpang Morib, Kuala Langat, Selangor	Membekal dan memasang jubin seluas 322 m^2 di Pejabat Guru	Lokasi ditukar ke bilik darjah
	SAM Muhammadiah, Sabak Bernam, Selangor	Membekal dan memasang jubin di Makmal Sains di tingkat bawah Blok B	Lokasi ditukar ke tingkat 1 Blok B (Bilik Guru Lelaki, Unit Peperiksaan dan Ekonomi Rumah Tangga)

Pada pandangan Audit, penyediaan skop kerja perlu mengambil kira kesesuaian dan mengikut keperluan semasa bagi meminimumkan kemungkinan berlakunya perubahan skop kerja. Tindakan mengubah skop kerja tanpa kelulusan dan seterusnya diperakukan sebagai kerja telah selesai adalah satu kesalahan dan pihak yang terlibat perlu dikenakan tindakan yang sewajarnya. Pihak yang bertanggungjawab sepatutnya membuat pelarasan terhadap harga yang dibayar bagi menyesuaikannya dengan nilai kerja sebenar.

43.4.8. Skop/Spesifikasi Kerja/Bekalan Tidak Jelas/Tidak Tepat

43.4.8.1. Penyediaan skop/spesifikasi kerja/bekalan yang jelas dan tepat akan memudahkan kontraktor melaksanakan kerja/membuat bekalan serta memudahkan kementerian/jabatan mengesahkan sama ada kerja/bekalan yang dilaksanakan telah mematuhi skop/spesifikasi yang ditetapkan. Semakan Audit terhadap *Bill of Quantities* mendapati 46 kerja/bekalan bernilai RM465,590 di 4 kementerian/jabatan tidak dinyatakan dengan jelas dan tepat. Kesan daripada skop/spesifikasi kerja/bekalan yang tidak jelas/tepat adalah seperti berikut :-

a. Pihak kontraktor membekal dan melaksanakan kerja mengikut interpretasi sendiri.
b. Kualiti kerja/bekalan berbeza-beza antara kontraktor walaupun jenis kerja/bekalan adalah sama.
c. Pihak pengguna tidak puas hati kerana mendapat bekalan yang berbeza-beza.
d. Pematuhan terhadap skop/spesifikasi dan kos sebenar kerja/bekalan tidak dapat disahkan.

43.4.8.2. Contoh skop/spesifikasi kerja/bekalan yang tidak jelas/tidak tepat adalah seperti di jadual dan gambar berikut :-

JADUAL 43.11
CONTOH SKOP/SPESIFIKASI KERJA/BEKALAN TIDAK JELAS/TIDAK TEPAT

KEMENTERIAN/ JABATAN/PROGRAM	LOKASI PROJEK	SKOP/SPESIFIKASI KERJA/BEKALAN	CATATAN
Kementerian Kesihatan Malaysia - Menyenggara dan Membaik Pulih Kemudahan Hospital Dan Klinik Kesihatan	Hospital Sultanah Aminah Johor Bahru	Menaik taraf tempat penyimpanan peralatan, buku dan dokumen lain di Jabatan Oftalmologi (RM61,200)	Tidak dinyatakan ukuran, bentuk dan jenis kayu
Jabatan Kastam Diraja Malaysia - Pengubahsuaian, Pembaikan dan Penyenggaraan Pejabat Dan Perumahan Kastam	Rumah Pangsa Blok Teratai Kuarters Kastam Port Dickson, Negeri Sembilan **(Gambar 43.18)**	Membekal kabinet di ruang tamu berukuran 2,915 mm x 2,134 mm x 450 mm bernilai RM1,500 satu unit	Jenis kayu dan reka bentuk kabinet tidak dinyatakan
	Rumah Pangsa Blok Mawar Kuarters Kastam Port Dickson, Negeri Sembilan **(Gambar 43.19)**		

KEMENTERIAN/ JABATAN/PROGRAM	LOKASI PROJEK	SKOP/SPESIFIKASI KERJA/BEKALAN	CATATAN
Kementerian Pelajaran Malaysia – Menaik Taraf Sekolah Agama Bantuan Penuh Dan Sekolah Bantuan Penuh Bukan Milik Kerajaan (Sekolah Cina Dan Sekolah Mubaligh)	Sekolah Agama Menengah Muhammadiah, Sabak Bernam, Selangor	Bekal dan pasang jeriji pada tingkap di Makmal Sains (RM3,265)	Kesilapan penyediaan *Bill of Quantities* di mana jeriji pintu telah dinyatakan sebagai jeriji tingkap
	SK Methodist Telok Datok, Kuala Langat, Selangor	Mengecat dinding luar dan dalam bilik darjah seluas 1,000 m^2 (RM15,025)	Lokasi blok bilik darjah yang perlu dicat tidak dinyatakan. Terdapat 2 blok bilik darjah di mana Blok A telah dicat tetapi Blok B tidak dicat
Jabatan Perdana Menteri – Penyenggaraan Infrastruktur Awam Dan Projek Infrastruktur Asas	Klinik Desa Lajau, Klinik Desa Bukit Kallam dan Klinik Desa Bebuluh di Wilayah Persekutuan Labuan	Membuka wayar dan membuat pendawaian semula termasuk peralatan dan kelengkapan lain serta kerja-kerja berkaitan mengikut arahan Pegawai Pelaksana (RM51,000)	Bilangan, kos dan jenis peralatan seperti kipas dan lampu yang dipasang tidak dinyatakan

GAMBAR 43.18



Rumah Pangsa Blok Teratai Kuarters Kastam, Port Dickson, Negeri Sembilan - Kabinet Ruang Tamu Berbeza Bentuk Dengan Nilai Kerja Berjumlah RM1,500 (17.12.2009)

GAMBAR 43.19



Rumah Pangsa Blok Mawar Kuarters Kastam Port Dickson, Negeri Sembilan - Kabinet Ruang Tamu Berbeza Bentuk Dengan Nilai Kerja Berjumlah RM1,500 (17.12.2009)

Pada pandangan Audit, skop dan spesifikasi kerja/bekalan perlu disediakan dengan jelas dan tepat bagi mengelak daripada dimanipulasikan oleh kontraktor dan memudahkan kementerian/jabatan menyelia dan menilai kualiti kerja yang dijalankan oleh kontraktor serta pengesahan bayaran yang perlu dibuat.

43.5. SYOR AUDIT

Bagi memastikan Kerajaan mendapat *value for money* bagi setiap perbelanjaan yang dibuat, adalah disyorkan supaya semua kementerian/jabatan yang terlibat dalam pelaksanaan perolehan di masa hadapan mengambil langkah-langkah yang berikut :-

43.5.1. Mendapat kelulusan daripada pihak yang bertanggungjawab terlebih dahulu sebelum melaksanakan program/projek yang lain daripada tujuan asal yang diluluskan.

43.5.2. Sungguhpun peruntukan PRE 1 perlu dibelanjakan dengan segera, namun penggunaan peruntukan ini perlu dirancang dengan teliti bagi mengelakkan daripada berlaku pembaziran.

43.5.3. Bagi program/projek yang mempunyai kumpulan sasaran yang tertentu, pemilihan peserta perlu mematuhi kriteria yang ditetapkan agar objektif program/projek dapat dicapai dan manfaatnya dinikmati oleh kumpulan sasaran yang sepatutnya.

43.5.4. Mengambil tindakan terhadap penjawat awam/perunding yang mengesahkan bayaran dibuat walaupun kerja/bekalan tidak dilaksanakan/diterima. Arahan hendaklah dikeluarkan kepada kontraktor untuk menyelesaikan kerja/bekalan yang belum disempurnakan. Sekiranya kontraktor masih gagal melaksanakannya, tuntutan balik bayaran bagi kerja/bekalan yang tidak dilaksanakan/diterima perlu dibuat. Selain itu, pegawai bertanggungjawab/perunding perlu menjalankan pemeriksaan menyeluruh dan memastikan semua kecacatan yang berlaku diperbaiki dengan sempurna oleh kontraktor sebelum tamat Tempoh Tanggungan Kecacatan.

43.5.5. Penyediaan skop kerja perlu mengambil kira kesesuaian dan mengikut keperluan semasa bagi meminimumkan kemungkinan berlakunya perubahan skop kerja. Tindakan mengubah skop kerja tanpa kelulusan dan bayaran yang dibuat berdasarkan skop kerja asal adalah satu kesalahan dan pihak yang terlibat sepatutnya dikenakan tindakan tatatertib. Pihak yang bertanggungjawab perlu membuat pelarasan terhadap harga yang dibayar bagi menyesuaikannya dengan nilai kerja sebenar.

43.5.6. Skop dan spesifikasi kerja/bekalan perlu disediakan dengan jelas dan tepat bagi mengelak daripada dimanipulasikan oleh kontraktor dan memudahkan kementerian/jabatan menyelia dan menilai kualiti kerja yang dijalankan serta pengesahan bayaran yang perlu dibuat.

HASIL PENGAUDITAN YANG DILAPORKAN SECARA RINGKAS

44. KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR

Jabatan Ukur Dan Pemetaan Malaysia

- Perolehan Peralatan Bagi Aktiviti Utama

44.1. Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM) memainkan peranan sebagai penasihat Kerajaan dalam bidang ukur kadaster dan pemetaan serta persempadanan negeri dan antarabangsa. JUPEM juga menjadi Pangkalan Data Ukur Kadaster dan Pemetaan yang efisien serta terlibat dalam menerbitkan peta-peta topografi, kadaster, tematik dan utiliti. JUPEM turut menyediakan infrastruktur geodetik bagi ukuran kadaster, pemetaan, kejuruteraan dan kajian saintifik. Di bawah Rancangan Malaysia Ke-9, sejumlah RM400 juta telah diperuntukkan kepada JUPEM untuk menaik taraf peralatan sedia ada dan membangunkan sistem ukur dan pemetaan secara talian terus.

44.2. Pengauditan yang dijalankan pada tahun 2009 terhadap 7 projek utama yang melibatkan perolehan alat ukur dan pemetaan untuk kegunaan aktiviti utama JUPEM mendapati perkara-perkara seperti berikut :-

44.2.1. Semakan Audit terhadap dokumen kontrak mendapati nilai bagi sesuatu fasa kerja telah ditetapkan dalam kontrak. Namun, syarat kontrak juga menetapkan pembayaran bagi fasa kerja tersebut dibuat mengikut peratusan nilai kontrak setelah fasa berkenaan disiapkan. **Percanggahan antara kedua-dua syarat tersebut telah menyebabkan bayaran yang dibuat pada sesuatu masa bagi sesuatu fasa kerja adalah melebihi nilai kerja yang telah ditetapkan dalam kontrak.** Contohnya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 44.1
BAYARAN MELEBIHI NILAI BEKALAN/KERJA YANG DIBUAT

NO. RUJUKAN KONTRAK	NAMA KONTRAK	FASA KERJA	NILAI BARANGAN / KERJA MENGIKUT KONTRAK (RM Juta) (A)	NILAI BAYARAN DIBUAT MENGIKUT PERATUSAN NILAI KONTRAK (RM Juta) (B)	LEBIHAN BAYARAN (RM Juta) (B) – (A)
JUPEM T5/2006	Pengautomasian Proses Kerja Topografi Untuk Pemetaan Fasa II (CATMAPS II)	Kerja Penyediaan Tapak	0.42	2.99	2.57
JUPEM T6/2007	Perolehan Sistem Kamera Udara Digital	Kerja Penyediaan Tapak	0.71	2.30	1.59
JUMLAH			**1.13**	**5.29**	**4.16**

44.2.2. Adalah diperhatikan kerja penyediaan tapak bagi Projek Jaringan RTK GPS Fasa II (MyRTKNet), Mesin Cetak Ofset dan Tolok Air Pasang Surut Telemetri adalah termasuk bekalan perabot dan kelengkapan pejabat. Bagaimanapun, perincian harga perabot dan kelengkapan berkenaan **tidak dinyatakan di dalam ketiga-tiga kontrak berkenaan. Sejumlah RM1.02 juta telah dibayar untuk kerja**

penyediaan tapak berserta pembekalan perabot yang tidak mempunyai perincian harga yang jelas ini. Selain itu, bagi Projek Mesin Cetak Ofset, spesifikasi perabot seperti jenis dan kuantiti juga tidak dinyatakan di dalam dokumen kontrak. Tanpa maklumat tersebut, pihak Audit tidak dapat menentukan asas yang digunakan oleh JUPEM semasa membuat pengesahan bayaran.

44.2.3. Mengikut Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 7 Tahun 2002, perolehan barangan import/*ex-stock* yang melebihi RM50,000 perlu terlebih dahulu mendapat kelulusan masing-masing daripada Kementerian Perdagangan Antarabangsa Dan Industri/Kementerian Kewangan. Kelulusan tersebut hanya diberi sekiranya barangan tersebut tidak dikeluarkan oleh pengilang tempatan. Semakan Audit mendapati perolehan peralatan bagi Projek Jaringan RTK GPS Fasa II (MyRTKNet) bernilai RM5.96 juta telah dibeli daripada Amerika Syarikat **tanpa mendapat kelulusan daripada Kementerian Perdagangan Antarabangsa Dan Industri atas alasan keperluan mendesak. Peralatan ex-stock bagi 6 daripada 7 projek bernilai RM13.57 juta pula telah dibuat tanpa mendapatkan kelulusan daripada Kementerian Kewangan**.

44.2.4. Kesemua kontrak pembekalan peralatan dan pembangunan sistem ukur serta pemetaan yang diaudit antara lainnya melibatkan kerja-kerja awam dan elektrik. Arahan Perbendaharaan 184.1 menetapkan semua Kementerian/Jabatan dikehendaki mempelawa hanya kontraktor kerja awam dan kerja elektrik yang berdaftar dengan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK). Semakan Audit mendapati sub kontraktor yang dilantik oleh kontraktor utama tidak berdaftar dengan PKK semasa melaksanakan projek pewujudan Sistem Pemetaan Utiliti dan perolehan Sistem Kamera Udara Digital.

44.2.5. Mengikut syarat kontrak, kontraktor perlu mengambil insurans perlindungan peralatan daripada syarikat yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia sebelum tarikh penerimaan muktamad. Bagaimanapun, tiada bukti yang menunjukkan bahawa perlindungan insurans peralatan telah diambil oleh kontraktor bagi melindungi peralatan yang bernilai RM54.55 juta.

44.2.6. Bagi memastikan Kerajaan mendapat *value for money* bagi perolehan yang dibuat dan juga kelemahan-kelemahan yang sama tidak berulang, adalah disyorkan supaya Kementerian/JUPEM mengambil langkah-langkah yang berikut :-

44.2.6.1. Syarat-syarat kontrak perlu diperiksa dengan teliti bagi memastikan tiada berlaku percanggahan syarat yang akan menjejaskan kepentingan Kerajaan. Spesifikasi dan kos bagi setiap kerja atau peralatan perlu dinyatakan dengan jelas di dalam kontrak. Selain itu, kontraktor/sub kontraktor yang menjalankan kerja penyediaan tapak hendaklah berdaftar dengan Pusat Khidmat Kontraktor bagi memastikan mereka mempunyai kepakaran/ pengalaman dalam kerja yang berkaitan.

44.2.6.2. Memastikan perolehan barangan import/*ex-stock* yang melebihi RM50,000 mendapat kelulusan daripada Kementerian Perdagangan

Antarabangsa Dan Industri/Kementerian Kewangan selaras dengan Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 7 Tahun 2002.

44.2.6.3. Memastikan kontraktor mematuhi syarat kontrak mengenai keperluan memperoleh perlindungan insurans terhadap peralatan yang dibekalkan bagi mengelakkan Kerajaan/pihak yang berkepentingan daripada menanggung kerugian sekiranya sesuatu berlaku kepada peralatan tersebut.

45. KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA

- *Pengurusan Perolehan Peralatan Sukan Sekolah*

45.1. Bahagian Sukan Seni Dan Kokurikulum (Bahagian Sukan), Kementerian Pelajaran Malaysia bertanggungjawab merancang, mengurus dan menyelaras keperluan perolehan peralatan sukan serta memantau perkembangan sukan di sekolah-sekolah seluruh Negara. Bagi tempoh tahun 2007 hingga 2009, sejumlah RM26.52 juta peruntukan mengurus dan pembangunan telah diluluskan kepada Bahagian Sukan bagi perolehan peralatan sukan. **Dari jumlah tersebut, pihak Audit hanya dapat mengesahkan perbelanjaan berjumlah RM19.43 juta tidak termasuk perbelanjaan mengurus tahun 2007 disebabkan tiada laporan lengkap terhadap perbelanjaan yang telah dilaksanakan.** Bahagian Sukan telah membelanjakan peruntukan berkenaan bagi melaksanakan perolehan 16 jenis peralatan sukan seperti olahraga, hoki, golf, badminton, bola sepak, memanah, sepak takraw, bola tampar, bola jaring, ragbi, gimnastik/mini gimnastik, gimrama, tenis, gimnasium, sukan layar dan peralatan *talent identification* (TID).

45.2. Pengauditan yang dijalankan di Jabatan Pelajaran Negeri (JPN) Sabah, Johor, Kelantan dan Kedah serta 51 sekolah pada tahun 2009 mendapati perkara-perkara seperti berikut :-

45.2.1. Pada tahun 2008, 9 syarikat telah berjaya memenangi tender membekal 10 jenis peralatan sukan di bawah projek RMK-9 berjumlah RM7.96 juta. **Lapan daripada kontrak tersebut lewat ditandatangani antara 4 hingga 49 hari** selepas 4 bulan dari tarikh Surat Setuju Terima dikeluarkan. Selepas teguran Audit, Kementerian telah mengambil langkah menyediakan sistem e-Kontrak dan menetapkan *Key Performance Indicator* bagi meningkatkan pemantauan pengurusan kontraknya.

45.2.2. Bagi perolehan secara tender, 1 pembekal telah lewat membekalkan peralatan sukan ragbi bernilai RM611,940 kepada 6 sekolah. **Kelewatannya adalah antara 4 hingga 6 hari**. Bagaimanapun, tuntutan denda lewat sepertimana yang diperuntukkan dalam kontrak tidak dikenakan. Mengikut pengiraan Audit, jumlah denda yang boleh dikenakan terhadap pembekal berkenaan adalah RM4,470. Mengikut maklum balas Kementerian, pihak pembekal telah membuat rayuan supaya tidak dikenakan denda atas alasan 13 daripada 14 item sukan ragbi telah pun dibekalkan ke sekolah-sekolah kecuali satu item tidak dapat dibekalkan dalam tempoh yang ditetapkan. Ini adalah kerana stok item *contact suit* begitu terhad dan sukar diperolehi di pasaran serta pembuatan item ini mengambil masa yang lama.

Setelah meneliti dan mempertimbangkan surat rayuan pembekal yang jelas menyatakan kelewatan berpunca dari pengeluar utama peralatan, Kementerian telah mengecualikan denda terhadap pembekal berkenaan. **Kelewatan juga berlaku selama 4 hingga 44 hari** bagi perolehan peralatan sukan olahraga, hoki, memanah, sepak takraw dan TID bernilai RM363,990 yang diuruskan oleh 4 JPN bagi tempoh tahun 2007 hingga 2009. Denda tidak dikenakan terhadap pembekal terlibat kerana perolehan dibuat secara sebut harga dan pembelian terus.

45.2.3. Di JPN Johor, Unit Sukan telah menerima peralatan sukan sepak takraw dan memanah bernilai RM44,990 dari 2 pembekal masing-masing bernilai RM16,241 dan RM28,749 pada bulan Ogos dan September 2008 tetapi **hanya mengagihkan peralatan tersebut kepada 10 sekolah pada 10 Ogos 2009 selepas menerima teguran dari pihak Audit**. Kelewatan pengagihan peralatan selama 328 hingga 355 hari antaranya adalah disebabkan berlaku pertukaran 3 pegawai di Unit Sukan sebelum penerimaan peralatan sukan dan berlaku banjir pada awal tahun 2009 yang menyebabkan stor Unit Sukan memerlukan kerja penyenggaraan. Selepas teguran Audit, Kementerian telah mengeluarkan surat tunjuk sebab kepada semua JPN yang terlibat.

45.2.4. Peralatan sukan olahraga seperti *spikes*, tape pengukur, *starting block*, peluru, *medicine balls*, lembing, *harness belt* dan peralatan perakam masa sukan renang yang dibeli oleh JPN Johor, Kedah dan Sekolah Sukan Bandar Penawar, Kota Tinggi, Johor dalam tahun 2007 dan 2008 bernilai RM53,909 telah dibekalkan tetapi **tidak mengikut spesifikasi yang ditetapkan**. Pihak JPN Kedah telah mengeluarkan surat tunjuk sebab kepada syarikat berkenaan pada bulan Mac 2010 dan masih dalam pertimbangan untuk tindakan selanjutnya. Berdasarkan perjelasan dari Sekolah Sukan Bandar Penawar, pembekal memaklumkan bahawa jenama peralatan tersebut telah tiada di pasaran. Oleh itu, sekolah bersetuju menerima jenis lain yang mempunyai kualiti yang lebih baik, spesifikasi yang sama dan tidak melibatkan perbezaan kos yang ketara.

45.2.5. Peralatan sukan seperti gimnastik/mini gimnastik, bola tampar, olahraga, tenis dan golf bernilai RM783,955 yang dibekalkan kepada 27 sekolah/unit sukan oleh Bahagian Sukan dan dibeli oleh 4 JPN antaranya sejak Disember 2007 **tidak digunakan langsung atau tidak digunakan secara optimum oleh pihak sekolah kerana peralatan kurang sesuai dengan keperluan jurulatih/atlet; tiada keperluan pihak sekolah sama ada tiada jurulatih/atlet; peralatan dibekalkan melebihi keperluan atau tidak berpeluang menggunakan peralatan tersebut disebabkan tiada/kekurangan kemudahan tempat latihan di sekolah**. Mengikut maklum balas dari Bahagian Sukan, pihaknya telah mengeluarkan surat siaran kepada JPN bagi meningkatkan kualiti pengurusan peralatan sukan di sekolah-sekolah, membuat penempatan semula peralatan dan melakukan pemantauan berjadual ke semua sekolah yang berkenaan.

45.2.6. Peralatan sukan yang dibekalkan oleh Bahagian Sukan bernilai RM679,655 di 15 sekolah **tidak disimpan di tempat yang bersesuaian dan**

secara teratur seperti ditempatkan dalam bilik jurulatih/guru; terbiar di padang; di ruang koridor yang tidak tertutup dan tanpa kawalan yang sewajarnya bagi mengelakkan kerosakan dan kehilangan. Peralatan itu juga tidak tersusun dan bercampur aduk di dalam stor. Selain itu, **peralatan sukan bernilai RM588,612 di 15 sekolah antaranya diterima sejak tahun 2007 belum direkod ke Daftar Harta Modal (KEW. PA-2), Daftar Inventori (KEW.PA-3) dan Daftar Stok Bekalan Pejabat atau Kad Petak (KEW.PS-4).** Bagi daftar aset yang diselenggara, maklumat aset tidak diisikan dengan lengkap dan kemas kini. Berdasarkan maklumbalas yang diterima, pihak sekolah yang terlibat telah mengambil tindakan sewajarnya. Bahagian Sukan akan terus meningkatkan usaha dengan menyampaikan pengetahuan tentang pengurusan aset; mempertingkatkan pemantauan serta merancang untuk menyediakan panduan khusus berkenaan pendaftaran peralatan sukan.

Pada pandangan Audit, Kementerian hendaklah memastikan setiap peralatan yang dibekalkan adalah mengikut spesifikasi yang ditetapkan. Kementerian juga hendaklah merancang perolehan dengan mengambil kira keperluan jurulatih/atlet dan mengagihkan segera peralatan sukan kepada sekolah yang memerlukan. Selain itu, masalah ketiadaan tempat/tempat yang tidak mencukupi untuk penyimpanan peralatan sukan di sekolah hendaklah diatasi segera supaya peralatan sukan sentiasa dalam keadaan baik dan selamat. Daftar aset di sekolah-sekolah hendaklah disediakan dan diselenggarakan dengan lengkap, kemas kini dan teratur bagi memudahkan kawalan dan rujukan. Kementerian juga hendaklah mempertingkatkan mekanisme pemantauan peralatan sukan supaya perolehan Kerajaan mendapat *value for money* atas setiap ringgit yang dibelanjakan dan peralatan sukan digunakan secara optimum.

46. KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

- *Pengurusan Aktiviti Penyelidikan, Institut Penyelidikan Perubatan*

46.1. Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) ditubuhkan pada 1900 sebagai Institut Patologi di Kuala Lumpur oleh Jeneral Residen British Malaya, Sir Frank Swettenham dengan tujuan untuk meningkatkan status kesihatan penduduk tempatan dan menerokai bidang perubatan tropika yang luas dan belum diketahui umum ketika itu. IMR terlibat secara aktif dalam pelbagai disiplin penyelidikan perubatan dan telah memberi sumbangan yang signifikan kepada diagnosis, pencegahan dan pengawalan penyakit penting dalam negara. Fungsi utama IMR adalah untuk menjalankan penyelidikan perubatan, perkhidmatan diagnostik khas, latihan dalam bidang kepakaran dan perkhidmatan nasihat/perundingan. Matlamat utama IMR dalam bidang penyelidikan perubatan adalah untuk memperbaiki diagnosis serta pengurusan dan pencegahan penyakit yang disebabkan oleh penyakit berjangkit dan tidak berjangkit yang terdapat di kalangan masyarakat.

46.2. IMR dalam Rancangan Malaysia Ke-9 (RMK-9) telah menerima sejumlah RM38.79 juta di bawah peruntukan pembangunan bagi tujuan penyelidikan dan sejumlah RM35.82 juta (92.3%) telah dibelanjakan setakat bulan Oktober 2009.

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada aktiviti penyelidikan di IMR telah diurus dan dilaksanakan dengan cekap, berhemat dan berkesan bagi mencapai objektif yang ditetapkan. Hasil daripada pengauditan yang dijalankan pada tahun 2009 di 3 pusat penyelidikan iaitu Pusat Penyelidikan Penyakit Berjangkit, Pusat Penyelidikan Perubatan Herba dan Pusat Penyelidikan Kanser mendapati perkara-perkara berikut :-

46.2.1. Sehingga akhir tahun 2009, IMR telah menyiapkan 28 projek penyelidikan berbanding 164 projek yang dirancang melalui peruntukan RMK-9. Daripada jumlah tersebut, 18 projek telah menghasilkan pengetahuan baru seperti pengetahuan saintifik dalam metodologi penyelidikan kanser dan meningkatkan pengetahuan dalam *cancer etiology;* pengetahuan saintifik penyelidikan kanser *oral squamous cell carcinomas* dan strategi mengawal kematian akibat wabak bawaan tikus (rodent infection and leptospirosis*).* Selain itu, 10 projek telah menghasilkan kaedah baru seperti kaedah berkesan bagi mengesan masalah bayi yang mengalami *metabolic disorders* secara keturunan; membangunkan kaedah baru dan inovatif dalam pengesanan dan pengawalan vektor pembawa denggi dan sistem amaran awal wabak denggi. Bagaimanapun, tiada arahan atau garis panduan dikeluarkan oleh Kementerian untuk mengguna pakai atau mengaplikasikan hasil penyelidikan yang bermutu di semua klinik kesihatan atau hospital Kerajaan.

46.2.2. Unit yang bertanggungjawab terhadap urusan paten dan komersialisasi hasil penyelidikan masih belum ditubuhkan bagi mempercepatkan urusan dan mengurangkan beban kerja Penyelidik. Berdasarkan maklum balas Kementerian, kertas cadangan pengukuhan fungsi dan struktur organisasi IMR telah dibuat melalui penubuhan unit khas bagi menguruskan hal berkaitan dengan paten dan pengkomersialan.

46.2.3. Keanggotaan Jawatankuasa Penilaian Penyelidikan (JPP) yang bertujuan untuk menilai dan meluluskan permohonan penyelidikan tidak dilantik secara bertulis. Selain itu, keahlian jawatankuasa hanya terdiri daripada pegawai IMR tanpa penglibatan pihak luar seperti wakil daripada Bahagian Penyelidikan Dan Sokongan Teknikal (P&ST), Bahagian Kewangan atau pakar luar dalam bidang penyelidikan. Berdasarkan maklum balas Kementerian, **surat lantikan telah dikeluarkan oleh Pengarah IMR secara bertulis, bagaimanapun surat tersebut hanya dikeluarkan mulai tahun 2010,** urusetia National Institute of Health yang mewakili Program P&ST dijemput untuk menghadiri Mesyuarat Panel JPP-IMR yang diadakan dan pakar dari luar akan dijemput berdasarkan kepada *case by case basis* **sekiranya perlu.**

46.2.4. Sehingga bulan September 2009, seramai 164 Penyelidik gagal mengemukakan *Financial Report* setiap 3 bulan; 97 Penyelidik gagal mengemukakan *Milestone Report* dan 88 Penyelidik gagal mengemukakan *Project Activity Report* setiap 6 bulan kepada Unit Urusetia JPP. Ini menyukarkan Unit Urusetia JPP memantau prestasi kemajuan projek dan mengenal pasti kelemahan yang wujud. Sementara itu, 8 Penyelidik telah menamatkan projek penyelidikan tetapi gagal menghantar Laporan Muktamad atau *End of Project Report* selepas 3 bulan projek tamat. Berdasarkan maklum balas Kementerian, tindakan tegas akan diambil terhadap Penyelidik yang gagal menghantar laporan berkaitan seperti

menghantar peringatan secara email dan menyenaraihitamkan Penyelidik dari memohon peruntukan baru.

46.2.5. Sebanyak 132 daripada 238 jawatan Pegawai Penyelidik dan Pegawai Perubatan masih belum diisi. Bagi menampung keperluan, seramai 116 Pegawai Penyelidik sambilan telah diambil. Berdasarkan maklum balas Kementerian, kekosongan jawatan telah diisi secara berperingkat mulai tahun 2010 dan senarai nama pegawai sambilan akan dibawa kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam bagi tujuan pelantikan ke jawatan tetap.

46.2.6. Ruang dan persekitaran kerja bagi para Penyelidik sempit dan tidak selesa kerana ditimbuni oleh fail, bahan kimia, bahan guna habis dan aset lama. Aset lama bernilai RM974,294 yang tidak digunakan dan rosak melebihi 3 tahun atau telah mendapat status *Beyond Economic Repair* (‘*BER*’) masih belum dilupuskan di bahagian Virologi, Bakterialogi dan Unit Sumber Haiwan. Ini menyumbang kepada ruang kerja dan persekitaran yang sempit dan tidak selesa. Berdasarkan maklum balas Kementerian, pembangunan Kompleks Institut Kesihatan Bersepadu yang menempatkan semua institut termasuk IMR telah dicadangkan bagi mengatasi masalah ruang kerja yang sempit dan tidak selesa. Selain itu, tindakan untuk melupuskan aset lama telah diambil oleh IMR dengan mengemukakan cadangan pelupusan kepada Kementerian untuk kelulusan.

46.2.7. Perolehan tidak dibuat secara berpusat bagi aset, barangan gunasama seperti alat tulis *(stationery)* dan bahan pakai habis *(consumables),* sebaliknya dilakukan oleh setiap Penyelidik. Berdasarkan maklum balas Kementerian, pemusatan perolehan gunasama telah dipertingkatkan bermula dengan perolehan peralatan ICT.

46.2.8. Kad petak (KEW.PS-4) tidak diselenggarakan bagi mengawal penggunaan bahan pakai habis (*consumable)* dan bahan kimia (*reagen*) yang dibeli bagi tujuan penyelidikan. Bagaimanapun, arahan penggunaan kad petak (KEW.PS-4) telah dikeluarkan oleh IMR selepas mendapat teguran dari pihak Audit.

46.2.9. Peralatan/aset bernilai RM210,944 masih belum direkodkan dalam daftar aset yang ditetapkan. Bagaimanapun selepas mendapat teguran dari pihak Audit, peralatan/harta benda tersebut telah didaftarkan secara berperingkat mulai bulan Mac 2010.

46.2.10. Soal selidik Audit telah dijalankan terhadap 71 Penyelidik bagi melihat kekangan yang dihadapi dalam menghasilkan penyelidikan yang bermutu. Hasil daripada soal selidik yang dijalankan mendapati 43 Penyelidik (61%) menyatakan masa untuk kerja-kerja penyelidikan adalah terhad memandangkan mereka juga terpaksa membuat kerja-kerja pentadbiran; 39 Penyelidik (55%) menyatakan masalah kekurangan kemudahan dan peralatan serta ruang yang sempit dan 27 Penyelidik (38%) menyatakan kakitangan penyelidikan kurang mahir. Masalah-masalah lain yang dihadapi ialah sumber kewangan yang terhad; ketiadaan kakitangan kewangan di peringkat unit dan pusat bagi memantau perbelanjaan penyelidikan; kekurangan kakitangan terutama semasa kerja di lapangan dijalankan;

banyak laporan yang perlu dihantar menyebabkan banyak masa digunakan untuk merekod dan melapor mengenai kerja; pengurusan perolehan yang kurang cekap dan komitmen yang kurang dari pihak atasan.

Pada pandangan Audit, pengurusan penyelidikan di Institut Penyelidikan Perubatan adalah memuaskan. Bagaimanapun, Kementerian perlu mengeluarkan arahan atau garis panduan bagi mengguna pakai atau mengaplikasikan hasil penyelidikan bermutu ke semua klinik kesihatan atau hospital milik Kerajaan. Bagi meningkatkan kualiti penyelidikan, pandangan para penyelidik hendaklah diambil kira.

47. KEMENTERIAN PERTAHANAN

- Projek Pembinaan Asrama Anggota Bujang Kapal Di Pangkalan Tentera Laut Diraja Malaysia Lumut, Perak

47.1. Kementerian Kewangan telah meluluskan siling peruntukan di bawah Rancangan Malaysia Ke-9 berjumlah RM40 juta bagi melaksanakan projek Pembinaan Asrama Anggota Bujang Kapal di Pangkalan Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM), Lumut. Projek tersebut melibatkan pembinaan 5 blok asrama 6 tingkat sebagai transit bagi menempatkan anggota bujang TLDM yang bertugas di atas kapal mengikut giliran dan tidak mempunyai kediaman tetap.

47.2. Kementerian Pertahanan (Kementerian) telah melantik Jabatanarah Perumahan Dan Pembinaan, Markas Angkatan Tentera Malaysia sebagai agensi pelaksana bagi projek ini. Selain itu, Kementerian juga melantik 4 perunding untuk memantau pelaksanaan projek tersebut. Syarikat Aman Selama Sdn. Bhd. (ASSB) telah dilantik melalui tender terbuka untuk membina asrama tersebut dengan harga kontrak bernilai RM39.50 juta. Pengauditan yang dijalankan pada tahun 2009 untuk menilai sama ada projek pembinaan Asrama Anggota Bujang Kapal TLDM telah dirancang dan dilaksanakan dengan teratur, berhemat serta selaras dengan objektif yang ditetapkan mendapati perkara berikut :-

47.2.1. Kontraktor telah memulakan kerja pada 15 Januari 2007. Mengikut syarat kontrak, projek ini perlu disiapkan pada 10 Januari 2009. Bagaimanapun, projek tidak dapat disiapkan dalam tempoh kontrak dan kontraktor telah diluluskan lanjutan masa selama 220 hari mulai 11 Januari hingga 28 Ogos 2009. Sehingga tarikh akhir lanjutan masa, kemajuan kerja projek hanya setakat 88%. Berdasarkan Sijil Perakuan Siap Kerja yang telah dikeluarkan oleh Penguasa Projek pada 29 Januari 2010, projek ini hanya disiapkan pada 26 Disember 2009. Kelewatan menyiapkan projek adalah selama 120 hari dan denda lewat berjumlah RM1,137,012 (RM9,475.10 sehari) telah dikenakan terhadap ASSB. Kontraktor berkenaan telah menjelaskan denda tersebut melalui potongan bayaran kemajuan ke 41 pada 17 Mac 2010.

47.2.2. Semakan Audit mendapati antara faktor kelewatan projek disiapkan adalah seperti berikut :-

47.2.2.1. ASSB mengalami masalah kewangan yang menyebabkan berlaku *turn over* pekerja yang tinggi dan sukar mendapat bekalan bahan binaan. Semakan Audit telah dijalankan di Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) mendapati prestasi kewangan kontraktor kurang memuaskan. Kontraktor ini tidak mengemukakan penyata kewangan mulai tahun 2004 hingga 2006 seperti yang disyaratkan oleh SSM. Berdasarkan Ringkasan Penyata Kewangan bagi tahun berakhir 2007, didapati ASSB mengalami masalah kewangan di mana aset semasanya tidak dapat menampung liabiliti semasanya. Sehubungan ini, pihak Audit tidak dapat menentukan justifikasi syarikat ini dipilih oleh Lembaga Perolehan Kerja A bagi melaksanakan projek ini.

47.2.2.2. Sungguhpun projek telah dimulakan pada bulan Januari 2007, perunding hanya menempatkan seorang jurutera tapak sepenuh masa mulai bulan Disember 2008. Ini menyebabkan dalam tempoh pelaksanaan, pemantauan terhadap pelaksanaan projek tidak dibuat dengan rapi oleh perunding.

47.2.2.3. Pihak perunding sukar untuk menjalankan pemantauan terhadap pelaksanaan kerja di tapak disebabkan oleh kelewatan menerima jadual pelaksanaan kerja daripada kontraktor.

47.2.3. Kelewatan menyiapkan projek ini menyebabkan kakitangan perunding yang terlibat masih diperlukan untuk mengawasi pelaksanaan projek tersebut. Sehubungan ini, Kementerian telah meluluskan tambahan kos berjumlah RM224,018 termasuk cukai perkhidmatan 5%. Ini bermakna kos perunding telah meningkat daripada RM630,726 kepada RM854,744.

47.2.4. Lawatan Audit ke tapak projek mendapati beberapa binaan projek tidak menepati keperluan pengguna/kurang sesuai seperti di **Gambar 47.1 hingga 47.4**. Semakan selanjutnya mendapati tiada bukti menunjukkan lukisan pelan bagi projek ini telah disemak dan disahkan oleh pegawai yang diberi kuasa.

GAMBAR 47.1



Blok A
- Kedudukan Top Hung Window Yang Rendah Boleh Membahayakan Pengguna Apabila Dibuka (20.11.2009)

GAMBAR 47.2



Blok A
- Bumbung Porch Yang Rendah Tidak Boleh Dilalui Kenderaan Seperti Lori/Ambulans (20.11.2009)

GAMBAR 47.3



Blok A
- Binaan Coping Di Tiang Pintu Masuk Yang Rendah Boleh Membahayakan Pengguna (20.11.2009)

GAMBAR 47.4



Blok A
- Hose Reel Yang Tidak Bertutup Dan Menghalang Laluan Ketika Kecemasan (20.11.2009)

47.3. Bagi memastikan Kerajaan mendapat *value for money* dan objektif pelaksanaan projek ini dapat dicapai sepenuhnya serta memastikan kelemahan yang sama tidak berulang dalam pelaksanaan projek yang lain, adalah disyorkan supaya Kementerian Pertahanan mengambil tindakan terhadap perkara-perkara berikut :-

47.3.1. Mengesahkan kedudukan kewangan dan pengalaman sesebuah syarikat di Suruhanjaya Syarikat Malaysia bagi memastikan hanya kontraktor yang berwibawa dilantik untuk menjalankan sesuatu projek supaya ianya dapat disiapkan mengikut jadual dan berkualiti.

47.3.2. Menjalankan pemeriksaan secara menyeluruh bagi memastikan sebarang kerosakan/kecacatan yang diperhatikan diambil tindakan pembaikan oleh kontraktor sebelum Tempoh Tanggungan Kecacatan bagi projek ini berakhir pada 26 Disember 2010.

47.3.3. Memastikan perunding yang dilantik menyelia dan memantau kerja yang dilaksanakan oleh kontraktor supaya kerja-kerja tersebut berkualiti dan menepati spesifikasi kontrak serta melaporkan sebarang kelemahan kepada Pegawai Penguasa Projek.

48. KEMENTERIAN PERTAHANAN

- Projek Pembinaan Kompleks 7 Briged, Kem Skudai, Johor Bahru

48.1. Pembinaan Kompleks 7 Briged, Kem Skudai, Johor Bahru adalah untuk menempatkan beberapa unit tentera yang dahulunya ditempatkan di Kem Tebrau; Majidee dan Kluang. Antara unit yang akan ditempatkan di Kompleks 7 Briged adalah Markas Staf Station, Skuadron Semboyan Briged, Woksyop Briged dan Markas Rejimen 501 Askar Wataniah daripada Kem Tebrau serta Markas 7 Briged dan Unit Batalion Infantri daripada Kem Kluang. Lokasi Kompleks 7 Briged yang akan dibina adalah lebih strategik untuk menempatkan pasukan bersenjata bagi memenuhi keperluan keselamatan negara di selatan tanah air.

48.2. Projek ini dilaksanakan oleh Kausar Corporation Sdn. Bhd. (KCSB) Konsortium iaitu syarikat usahasama antara Kausar Corporation Sdn. Bhd. dengan Syarikat Koperasi Angkatan Tentera Malaysia Bhd. Mengikut perjanjian di antara Kerajaan dengan konsortium yang ditandatangani pada 10 Julai 1997, konsortium dikehendaki membangunkan Kompleks 7 Briged di atas tanah milik Kerajaan Persekutuan seluas 222.955 hektar di Skudai dengan kos berjumlah RM256 juta. Sebagai balasan bagi pelaksanaan tersebut, Kementerian Pertahanan akan menyerahkan kepada konsortium hak milik tanah Kerajaan (land swap) yang menempatkan Kem Majidee dan Kem Tebrau di Lot 1876 (125.756 hektar) Mukim Plentong dan di Lot 139 (29.080 hektar) Mukim Tebrau untuk dibangunkan secara komersial. Skop pembinaan merangkumi kemudahan kediaman, bangunan pentadbiran, kemudahan keselamatan seperti balai pengawal, menara kawalan dan tempat simpanan peluru, kemudahan latihan seperti lapang sasar dan sirkit merempuh halangan serta kemudahan umum seperti rumah Bakat dan Taska. Pembinaan projek ini hendaklah disiapkan pada bulan Jun 2001. Bagaimanapun, oleh kerana kontraktor menghadapi masalah kelewatan melaksanakan kerja daripada peringkat awal, tarikh siap projek telah dilanjutkan sehingga bulan Januari 2003.

48.3. Satu kajian Audit terhadap pembinaan projek ini telahpun dijalankan pada tahun 2001 dan dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2002. Dalam Laporan tersebut, saya telah melaporkan bahawa **kemajuan kerja pada bulan Disember 2002 hanya setakat 18.3%.** Saya juga memberi pandangan bahawa Kerajaan menghadapi risiko menanggung kerugian kerana tanah yang menempatkan Kem Majidee dan Kem Tebrau seluas 154.836 hektar telah dipindah milik kepada kontraktor dan seterusnya tanah tersebut digadaikan oleh kontraktor kepada Malaysian Building Society Berhad untuk mendapat pinjaman bagi membiayai projek ini. Dengan itu, Kementerian perlu mengambil tindakan tegas terhadap kontraktor berkenaan yang gagal menyiapkan projek tersebut.

48.4. Pengauditan yang dijalankan pada tahun 2009 untuk menentukan kedudukan terkini pembinaan Kompleks 7 Briged Kem Skudai, Johor mendapati perkara-perkara berikut :-

48.4.1. **Lawatan Audit yang dilakukan pada 22 Disember 2009 mendapati tahap kemajuan projek masih pada tahap 18.3%.** Tapak projek terbiar tanpa pengawasan oleh pihak konsortium. Bangunan-bangunan yang separa siap didapati telah rosak teruk. Manakala cerucuk yang ditanam didapati dipotong oleh penceroboh untuk mengambil besi tetulang. Selain itu bumbung atap di bangunan Kumpulan Ordnan Briged juga telah rosak dan dicuri. Gambar di bawah adalah berkaitan.

GAMBAR 48.1



GAMBAR 48.2



Kumpulan Ordnans Briged - Besi Cerucuk Yang Telah Dipotong Dan Dicuri (22.12.2009)

GAMBAR 48.3



GAMBAR 48.4



Kumpulan Ordnans Briged - Rangka Bangunan Yang Telah Rosak Teruk (22.12.2009)

48.4.2. Akibat daripada tapak projek terbiar terlalu lama, terdapat hakisan yang teruk dan terbentuk lurah antara 5 meter hingga 10 meter dalam. *Piling* bangunan yang terbengkalai juga terdedah disebabkan hakisan tanah yang serius **(Gambar 48.5 hingga 48.8)**. Ini juga menyebabkan tanah runtuh dan saluran parit tersumbat. Selain itu, didapati bangunan separa siap telah dipenuhi pokok-pokok dan semak samun **(Gambar 48.9 dan 48.10)**. Ini mengakibatkan kawasan tersebut terdedah kepada risiko untuk menjadi tempat kegiatan tidak bermoral.

GAMBAR 48.5



Tapak Bangunan Woksyop - Hakisan Tanah Menyebabkan Tiang Tergantung

GAMBAR 48.6



Tapak Bangunan Woksyop - Saluran Parit Runtuh Dan Tersumbat

(22.12.2009)

GAMBAR 48.7



Tapak Depoh Simpanan Peluru
- Lurah Terbentuk Di Jalan Susur Utama

GAMBAR 48.8



Tapak Kawasan Woksyop
- Hakisan Yang Telah Menyebabkan Lurah Terbentuk

(22.12.2009)

GAMBAR 48.9



Rangka Bangunan WoksyopYang
Dipenuhi Semak Samun

GAMBAR 48.10



Tapak Binaan Yang Dipenuhi Semak Samun

(22.12.2009)

48.4.3. Projek yang terbengkalai ini telah menyebabkan masalah seperti banjir kilat yang sering melanda kawasan perumahan berdekatan sejak dari mula lagi. Majlis Perbandaran Johor Bahru melalui suratnya bertarikh 31 Januari 2003 membangkitkan masalah kejadian tanah runtuh dan banjir lumpur. Perkara ini sekali lagi dibangkitkan oleh Ahli Dewan Undangan Negeri kawasan Skudai pada 23 November 2006. Selain itu, masalah kecurian besi dan kegiatan tidak bermoral juga telah dibangkitkan oleh Ahli Dewan Undangan Negeri kawasan Skudai.

48.4.4. Semakan Audit mendapati punca utama projek ini terbengkalai adalah disebabkan kontraktor menghadapi masalah kewangan di mana ia menjadi bertambah serius apabila Malaysian Building Society Berhad (MBSB) selaku rakan kongsi dan pembiaya kewangan telah menarik diri daripada terlibat dengan projek ini. Sehingga kini, kontraktor berkenaan masih gagal mendapatkan pinjaman kewangan dari punca lain untuk membiayai projek ini.

48.4.5. Mengikut syarat kontrak, konsortium dikehendaki mengemukakan bon pelaksanaan bernilai RM12.80 juta sebelum memulakan kerja-kerja pembinaan dan bon tersebut hendaklah berkuat kuasa sehingga tarikh pengeluaran Sijil Siap Kerja. Bagaimanapun, Bon Pelaksanaan yang dikemukakan oleh konsortium adalah berkuat kuasa 25 Oktober 1997 hingga 24 Oktober 2000 sahaja. Pihak Kementerian telah beberapa kali mengarahkan konsortium untuk mengemukakan Bon Pelaksanaan yang baru memandangkan tempoh projek telah dilanjutkan kepada 16

Januari 2003. Sehingga pengauditan dijalankan, konsortium masih gagal mengemukakan Bon Pelaksanaan tersebut.

48.4.6. **Sehingga bulan April 2010, tindakan untuk menamatkan kontrak secara rasmi masih belum dibuat walaupun projek ini telah terbengkalai sejak tahun 2002 dan kemajuan kerja masih tidak berubah iaitu setakat 18.3%. Dalam maklum balasnya, Kementerian memaklumkan bahawa Penasihat Undang-undang Kementerian Pertahanan sedang meneliti beberapa isu yang berkaitan supaya penamatan tersebut kelak tidak menjejaskan kepentingan Kerajaan. Antara isu-isu yang diteliti adalah seperti berikut :-**

a. Kementerian kehilangan tanah yang menempatkan kem Majidee dan Tebrau yang telah di *swap* untuk membiayai projek pembinaan Kompleks 7 Briged Skudai tanpa sebarang pampasan. Ini kerana tanah tersebut telah pun dicagarkan oleh kontraktor kepada MBSB untuk mendapat pinjaman berjumlah RM465 juta. Sekiranya kontrak ditamatkan, anggota tentera di kem sedia ada terpaksa dipindahkan.

b. Tuntutan kerugian kepada KCSB atas kegagalannya menyiapkan projek memandangkan Bon Pelaksanaan bernilai RM12.80 juta dan *Land Bond* bernilai RM256 juta yang dikemukakan oleh kontraktor telah tamat tempoh sah lakunya.

c. Adanya pertikaian antara KCSB dan MBSB yang merupakan pembiaya kepada projek berkenaan yang telah difailkan di mahkamah.

Pada pandangan Audit, Kementerian perlu menyegerakan penamatan kontrak ini dan seterusnya melantik kontraktor baru supaya hasrat Kerajaan untuk membina Kompleks 7 Briged dapat direalisasikan daripada terus membiarkan KCSB memberi berbagai alasan dan harapan tanpa menunjukkan komitmen yang serius untuk meneruskan projek ini. Kementerian harus mengambil iktibar dan pengajaran dari kegagalan projek penswastaan ini agar kelemahan yang sama tidak berulang dan menyebabkan kerugian yang besar kepada Kerajaan.

49. KEMENTERIAN DALAM NEGERI

Ikatan Relawan Rakyat Malaysia

- Pengurusan Pendaftaran Keahlian Dan Pemberian Pakaian Seragam

49.1. Ikatan Relawan Rakyat Malaysia (RELA) merupakan sebuah agensi sukarelawan pertahanan negara yang ditubuhkan pada tahun 1972 bertujuan untuk membantu memelihara dan mengekalkan keselamatan serta keamanan negara. Pengauditan yang dijalankan pada tahun 2009 bertujuan untuk menilai sama ada pendaftaran keahlian dan pemberian pakaian seragam telah diuruskan dengan teratur mendapati perkara-perkara berikut :-

49.1.1. Pihak Audit tidak dapat mengesahkan jumlah ahli RELA yang sebenar kerana terdapat perbezaan bilangan ahli yang dilaporkan antara rekod Bahagian Pembangunan Pasukan, Ibu Pejabat RELA Malaysia dengan Laman Web Kementerian Dalam Negeri (Kementerian) dan rekod Pejabat-pejabat RELA Daerah seperti di **Jadual 49.1**.

JADUAL 49.1
PERBEZAAN BILANGAN KEAHLIAN YANG DILAPORKAN
DALAM PELBAGAI SUMBER REKOD SEHINGGA BULAN DISEMBER 2009

SUMBER REKOD	BILANGAN AHLI
Bahagian Pembangunan Pasukan, IPRM	944,639
Laman Web Kementerian	682,749
Pejabat-Pejabat RELA Daerah	576,845

Nota : ***IPRM - Ibu Pejabat RELA Malaysia***

49.1.2. Semakan Audit terhadap 397 ahli RELA mendapati maklumat bagi 186 ahli (46.8%) telah didaftarkan ke dalam sistem *i*-RELA dan 200 ahli (50.4%) lain telah direkodkan dalam daftar lain (sistem SISMAR dan daftar manual). Manakala baki 11 ahli (2.8%) tidak diketahui status pendaftarannya. Semakan Audit selanjutnya mendapati maklumat bagi 44 ahli RELA telah ditunjukkan di dalam sistem *i*-RELA dan juga daftar lain di mana telah menyebabkan berlaku *double counting* dalam pengiraan ahli.

49.1.3. Kementerian telah menandatangani kontrak untuk membekalkan 2.70 juta meter kain bernilai RM27.54 juta bagi tempoh bulan Disember 2006 hingga November 2009 dan perkhidmatan menjahit 240,000 pasang pakaian seragam bernilai RM7.01 juta bagi tempoh bulan April 2007 hingga Mac 2010. Berdasarkan perkiraan Audit, sebanyak 2.70 juta meter kain boleh menghasilkan 600,000 pakaian seragam (purata 4.50 meter kain bagi sepasang pakaian seragam). **Memandangkan bilangan pakaian yang perlu dijahit adalah hanya 240,000 pasang, ini telah menyebabkan lebihan kain yang tidak digunakan bernilai RM16.52 juta.** Mengikut maklum balas pihak RELA, perkhidmatan menjahit kain tidak dapat ditambah mengikut stok kain sedia ada kerana kekurangan peruntukan pada tahun 2009 dan 2010 serta tindakan memohon peruntukan baru pada tahun 2011 telah dikemukakan kepada Kementerian.

49.1.4. Ibu Pejabat RELA Malaysia mengagihkan pakaian seragam kepada setiap stor unit di Pejabat RELA Negeri berdasarkan kuota yang ditetapkan dan tidak mengikut pesanan keperluan semasa Pejabat RELA Negeri/Pejabat RELA Daerah. Bagaimanapun, pihak Audit tidak dapat menentukan asas pihak RELA menetapkan kuota tersebut kerana terdapat pejabat-pejabat yang mempunyai ahli yang besar tetapi mempunyai kuota bekalan yang kecil dan sebaliknya. Keadaan ini boleh mengakibatkan ahli tidak dapat menyertai operasi/aktiviti RELA kerana tiada pakaian diberi. Kelemahan pengagihan stok berlaku antara lainnya disebabkan oleh pengurusan Ibu Pejabat RELA Malaysia tidak menetapkan justifikasi pengagihan yang jelas di mana prosedur khusus tidak dikeluarkan bagi mengagihkan stok

secara sistematik ke Pejabat RELA Negeri/Pejabat RELA Daerah. Antara lainnya peraturan mengenai norma kekerapan penerimaan kelengkapan pakaian seragam kepada setiap ahli tidak ditetapkan.

49.1.5. Secara keseluruhannya, pengurusan pendaftaran keahlian dan pemberian pakaian seragam boleh dipertingkatkan. Sehubungan itu, pihak Kementerian dan RELA adalah disyorkan supaya mengambil tindakan terhadap perkara berikut :-

49.1.5.1. Melaporkan bilangan ahli dengan tepat dengan menggunakan satu sistem pendaftaran keahlian yang ditetapkan dan memastikan rekodnya diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini.

49.1.5.2. Menjalankan kajian semula yang terperinci untuk menentukan bilangan pakaian seragam yang sebenarnya diperlukan dan menambahkan perkhidmatan menjahit pakaian untuk memenuhi keperluan semasa berdasarkan kelulusan peruntukan yang diberikan.

49.1.5.3. Mewujudkan mekanisme pengurusan pengagihan pakaian seragam secara berpusat mengikut zon melalui Pusat Latihan RELA Wilayah yang sedia ada dan mengagihkan pakaian seragam kepada ahli berdasarkan kepada pesanan keperluan semasa.



BAHAGIAN II

PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN

BAHAGIAN II
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN

50. PENDAHULUAN

50.1. Mengikut Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan bagi tahun berakhir 31 Disember 2009, Kerajaan mempunyai pelaburan berjumlah RM26.49 bilion dalam 104 syarikat berbanding dengan tahun 2008 di mana ia mempunyai pelaburan berjumlah RM24.21 bilion dalam 99 syarikat. Kerajaan mempunyai kepentingan dalam 104 syarikat tersebut dengan pegangan saham biasa/keutamaan/emas/khas. Objektif pelaburan Kerajaan adalah untuk mendapatkan pulangan yang munasabah; mengekalkan kepentingan Kerajaan dalam sektor strategik dan melabur dalam sektor yang kurang mendapat sambutan daripada sektor swasta. Jumlah pelaburan mengikut kategori syarikat pada akhir tahun 2009 adalah seperti berikut :-

a. Sejumlah RM26.25 bilion telah dilaburkan dalam 58 syarikat di mana Kerajaan memegang lebih daripada 50% ekuitinya (48 daripadanya adalah syarikat aktif manakala 10 yang lain berstatus tidak aktif/*dormant/special purpose vehicle).*

b. Sejumlah RM0.20 bilion telah dilaburkan dalam 5 syarikat di mana Kerajaan memegang antara 20% hingga 50% ekuitinya.

c. Sejumlah RM0.04 bilion telah dilaburkan dalam 41 syarikat di mana Kerajaan memegang kurang daripada 20% ekuitinya.

50.2. Selaras dengan kehendak Akta Syarikat 1965, penyata kewangan syarikat Kerajaan diaudit oleh juruaudit yang dilantik oleh syarikat berkenaan. Manakala Seksyen 5(1)(d), Akta Audit 1957 memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara untuk mengaudit syarikat yang menerima geran/pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan atau Negeri dan sesebuah syarikat di mana lebih daripada 50% modal saham berbayar dipegang oleh Kerajaan Persekutuan atau Negeri atau Agensi Kerajaan setelah mendapat perintah daripada Yang di-Pertuan Agong. Sehubungan ini, satu perintah yang dinamakan Perintah Audit (Akaun Syarikat) 2009 telah diwartakan pada 17 Disember 2009 bagi membolehkan Ketua Audit Negara menjalankan pengauditan terhadap syarikat berkenaan.

51. PRESTASI KEWANGAN SYARIKAT SECARA KESELURUHAN

51.1. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada kepentingan Kerajaan sebagai pemegang ekuiti dan pembiaya sumber kewangan dijaga serta pelaburan dalam syarikat Kerajaan tersebut diuruskan dengan cekap, berkesan dan berhemat.

51.2. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Jabatan Audit Negara telah menjalankan semakan terhadap data kewangan bagi 58 syarikat di mana Kerajaan mempunyai ekuiti lebih daripada 50%. Bagaimanapun, analisis Audit hanya dapat dijalankan terhadap kedudukan kewangan bagi 40 syarikat kerana syarikat yang lain sama ada tidak aktif atau maklumat berhubung kewangannya tidak dapat diperolehi. Bagi tujuan ini, semakan telah dijalankan terhadap data kewangan tahun 2006 hingga 2008 yang diperolehi daripada Sistem Maklumat Syarikat Kerajaan Dan Badan Berkanun (GCSIS) yang diselenggarakan oleh Kementerian Kewangan. Bagi syarikat yang diaudit secara terperinci, semakan dijalankan terhadap penyata kewangan syarikat yang beraudit (Audited Financial Statement). Senarai 40 syarikat yang diaudit mengikut sektor adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 51.1
SYARIKAT DI MANA KERAJAAN MEMPUNYAI PEGANGAN EKUITI MELEBIHI 50%

SEKTOR EKONOMI	SEKTOR SOSIAL
1. Amanah Raya Berhad 2. Bank Pembangunan Malaysia Berhad 3. Bank Perusahaan Kecil & Sederhana Malaysia Berhad 4. Export-Import Bank of Malaysia Berhad 5. FELCRA Berhad 6. Kedah Aquaculture Sdn. Bhd. 7. Kumpulan Modal Perdana Sdn. Bhd. 8. Malaysia Venture Capital Management Berhad 9. Pengurusan Danaharta Nasional Berhad 10. Perbadanan Nasional Berhad 11. Petroliam Nasional Berhad 12. Prokhas Sdn. Bhd. 13. International Rubber Consolidated Limited 14. Malaysia Kuwaiti Investment Corporation Berhad 15. UDA Holdings Berhad	1. Indah Water Konsortium Sdn. Bhd. 2. IJN Holdings Sdn. Bhd. 3. Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad 4. JKP Sdn. Bhd. 5. Pembinaan BLT Sdn. Bhd. 6. Pengurusan Aset Air Berhad 7. Percetakan Nasional Malaysia Berhad 8. Rangkaian Hotel Seri Malaysia Sdn. Bhd.. 9. Syarikat Perumahan Negara Berhad 10. Sepang International Circuit Sdn. Bhd.
SEKTOR TEKNOLOGI	**SEKTOR INFRASTRUKTUR**
1. Composites Technology Research Malaysia Sdn. Bhd. 2. Cyberview Sdn. Bhd. 3. Jaring Communications Sdn. Bhd. 4. Khazanah Nasional Berhad 5. Malaysian Biotechnology Corporation Sdn. Bhd. 6. MIMOS Berhad 7. Multimedia Development Corporation Sdn. Bhd. 8. Piramid Pertama Sdn. Bhd. 9. Professional Services Development Corporation Sdn. Bhd. 10. SIRIM Berhad 11. Technology Park Malaysia Corporation Berhad	1. Assets Global Network Sdn. Bhd. 2. Penang Port Sdn. Bhd. 3. Keretapi Tanah Melayu Berhad 4. Syarikat Prasarana Negara Berhad

51.3. PENEMUAN AUDIT


Hasil analisis yang telah dijalankan terhadap 40 syarikat mendapati perkara-perkara berikut :-

51.3.1. Pendapatan Syarikat

51.3.1.1. Adalah didapati pendapatan bagi 40 syarikat pada tahun 2008 adalah berjumlah RM116.48 bilion. Ini menunjukkan penurunan pendapatan berjumlah RM0.75 bilion (0.6%) berbanding RM117.23 bilion pada tahun 2007. Pendapatan tertinggi adalah daripada sektor ekonomi yang memperolehi

pendapatan berjumlah RM107 bilion daripada jumlah keseluruhan pendapatan pada tahun 2008. Ini diikuti oleh sektor teknologi dengan pendapatan berjumlah RM7.11 bilion, sektor sosial berjumlah RM1.50 bilion dan sektor infrastruktur berjumlah RM0.87 bilion. Carta di bawah menunjukkan pendapatan syarikat mengikut sektor bagi tempoh tahun 2006 hingga 2008 :-

CARTA 51.1
PENDAPATAN SYARIKAT KERAJAAN MENGIKUT SEKTOR
BAGI TEMPOH TAHUN 2006 HINGGA 2008



Pendapatan/Tahun	2006	2007	2008
Ekonomi	170.83	106.96	107.00
Sosial	1.29	1.56	1.50
Infrastruktur	0.75	0.83	0.87
Teknologi	2.78	7.88	7.11

51.3.1.2. Analisis Audit mendapati hanya 17 syarikat berjaya memperolehi peningkatan pendapatan bagi 3 tahun berturut-turut. Jumlah pendapatan yang diperolehi oleh syarikat-syarikat ini ialah RM3.88 bilion pada tahun 2006 telah meningkat kepada RM5.35 bilion pada tahun 2008. Pendapatan bagi 3 syarikat lain pula menunjukkan penurunan bagi 3 tahun berturut-turut. Kedudukan pendapatan bagi syarikat-syarikat berkenaan adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 51.2
SYARIKAT YANG MEMPEROLEHI PENINGKATAN/PENURUNAN PENDAPATAN
BAGI TEMPOH TAHUN KEWANGAN 2006 HINGGA 2008

SYARIKAT	TAHUN		
	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	2008 (RM Juta)
SYARIKAT YANG MEMPEROLEHI PENINGKATAN PENDAPATAN			
FELCRA Berhad	1,566.74	2,163.47	2,493.79
Keretapi Tanah Melayu Berhad	410.06	419.54	423.16
Indah Water Konsortium Sdn. Bhd.	354.56	370.85	374.80
IJN Holdings Sdn. Bhd.	257.53	287.32	310.47
Penang Port Sdn. Bhd.	225.07	274.25	277.04
Composites Technology Research Malaysia Sdn. Bhd.	210.85	237.61	265.59
Percetakan Nasional Malaysia Berhad	155.67	161.19	245.47

SYARIKAT	TAHUN		
	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	2008 (RM Juta)
Export-Import Bank of Malaysia Berhad	190.41	200.02	223.31
Bank Perusahaan Kecil & Sederhana Malaysia Berhad	199.57	213.51	214.52
Malaysia Kuwaiti Investment Corporation Berhad	73.75	75.62	123.08
Jaring Communications Sdn. Bhd.	97.72	102.08	115.25
Syarikat Prasarana Negara Berhad	40.00	65.37	99.98
Sepang International Circuit Sdn. Bhd.	67.52	74.39	78.12
Prokhas Sdn. Bhd.	31.96	35.04	58.68
Malaysian Biotechnology Corporation Sdn. Bhd.	1.47	31.35	36.96
Pengurusan Aset Air	0.13	3.39	10.97
Professional Services Development Corporation Sdn. Bhd.	0.03	0.49	0.67
JUMLAH	**3,883.04**	**4,715.49**	**5,351.86**
SYARIKAT YANG MENUNJUKKAN PENURUNAN PENDAPATAN			
Malaysia Venture Capital Management Sdn. Bhd.	20.01	19.17	13.71
Kedah Aquaculture Sdn. Bhd.	8.03	3.18	0.96
International Rubber Consolidated Limited	0.66	0.48	0.32
JUMLAH	**28.70**	**22.83**	**14.99**

51.3.2. Keuntungan Sebelum Cukai

51.3.2.1. Pada tahun 2008, sebanyak 25 syarikat telah memperolehi keuntungan sebelum cukai berjumlah RM56.39 bilion manakala 15 syarikat yang lain mengalami kerugian berjumlah RM0.70 bilion. Jumlah keuntungan sebelum cukai secara keseluruhannya bagi 40 syarikat adalah berjumlah RM55.69 bilion. Kesemua sektor menunjukkan penurunan prestasi pada tahun 2008 berbanding tahun 2007. Keuntungan/kerugian sebelum cukai syarikat mengikut sektor adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 51.3
KEUNTUNGAN/(KERUGIAN) SEBELUM CUKAI SECARA KESELURUHAN MENGIKUT SEKTOR BAGI TEMPOH TAHUN KEWANGAN 2006 HINGGA 2008

SEKTOR	TAHUN		
	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	2008 (RM Juta)
Ekonomi	69,818.55	77,636.89	54,585.97
Teknologi	755.64	4,931.41	1,556.40
Sosial	45.66	53.38	(110.08)
Infrastruktur	(275.37)	(259.34)	(342.28)
JUMLAH	**70,344.48**	**82,362.34**	**55,690.01**

51.3.2.2. Adalah diperhatikan 19 syarikat telah memperolehi keuntungan sebelum cukai untuk tempoh 3 tahun berturut-turut berjumlah RM209.80 bilion. Manakala 11 syarikat mengalami kerugian terkumpul bagi tempoh 3 tahun berturut-turut berjumlah RM1.49 bilion. Syarikat yang memperolehi keuntungan

atau mengalami kerugian bagi 3 tahun berturut-turut adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 51.4
SYARIKAT YANG MEMPEROLEHI KEUNTUNGAN/MENGALAMI KERUGIAN SEBELUM CUKAI 3 TAHUN BERTERUSAN BAGI TEMPOH TAHUN KEWANGAN 2006 HINGGA 2008

SYARIKAT	TAHUN		
	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	2008 (RM Juta)
SYARIKAT YANG MEMPEROLEHI KEUNTUNGAN SEBELUM CUKAI			
Petroliam Nasional Berhad	69,399.78	76,345.66	53,099.00
Khazanah Nasional Berhad	943.21	4,275.40	1,553.89
Bank Pembangunan Malaysia Berhad	441.15	767.43	960.91
FELCRA Berhad	45.88	132.89	154.39
Amanah Raya Berhad	41.18	128.34	72.33
Malaysia Kuwaiti Investment Corporation Berhad	23.24	28.88	64.31
Percetakan Nasional Malaysia Berhad	36.74	36.94	54.62
UDA Holdings Berhad	73.27	92.87	46.19
Cyberview Sdn. Bhd.	145.10	243.51	35.81
IJN Holdings Sdn. Bhd.	32.63	20.62	32.48
Prokhas Sdn. Bhd.	16.71	19.16	32.05
Composites Technology Research Malaysia Sdn. Bhd.	145.10	37.61	27.04
SIRIM Berhad	8.21	13.05	13.12
Technology Park Malaysia Corporation Sdn. Bhd.	1.05	8.90	10.45
JKP Sdn. Bhd.	10.13	23.29	7.36
Penang Port Sdn. Bhd.	12.68	28.60	6.07
Sepang International Circuit Sdn. Bhd.	10.54	11.15	5.28
Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad	6.25	5.83	5.21
Rangkaian Hotel Seri Malaysia Sdn. Bhd.	1.57	2.32	0.88
JUMLAH	**71,394.42**	**82,222.45**	**56,181.39**
SYARIKAT YANG MENGALAMI KERUGIAN SEBELUM CUKAI			
Syarikat Prasarana Negara Berhad	(159.87)	(183.37)	(214.96)
Indah Water Konsortium Sdn. Bhd.	(33.40)	(28.64)	(131.37)
Keretapi Tanah Melayu Berhad	(99.17)	(81.82)	(116.28)
Syarikat Perumahan Negara Berhad	(12.75)	(0.47)	(72.74)
Multimedia Development Corporation Sdn. Bhd.	(36.18)	(83.21)	(30.99)
Assets Global Network Sdn. Bhd.	(29.02)	(22.76)	(17.11)
Pembinaan BLT Sdn. Bhd.	(5.33)	(17.18)	(15.35)
Jaring Communications Sdn. Bhd.	(26.42)	(14.70)	(10.95)
Profesional Services Development Corporation Sdn. Bhd.	(1.43)	(1.35)	(5.12)
International Rubber Consolidated Limited	(0.84)	(1.29)	(1.75)
Kedah Aquaculture Sdn. Bhd.	(11.38)	(22.58)	(1.65)
JUMLAH	**(415.79)**	**(457.37)**	**(618.27)**

51.3.2.3. Berdasarkan rekod MKD, didapati antara punca syarikat mengalami kerugian adalah syarikat masih baru ditubuhkan atau masih belum menjana hasil daripada operasi; penubuhan syarikat bagi memenuhi kepentingan sosial atau sebagai *Special Purpose Vehicle* yang tidak bermotifkan keuntungan;

penurunan pendapatan dan jumlah hasil yang tidak dapat menampung perbelanjaan operasi.

51.3.3. Pegangan Aset

51.3.3.1. Aset yang dipegang oleh syarikat merupakan aset semasa dan aset bukan semasa yang terdiri daripada hartanah dan peralatan, pelaburan dalam syarikat subsidiari dan bersekutu, inventori, penghutang, tunai dan simpanan tetap. Secara keseluruhannya, terdapat peningkatan pegangan aset daripada tahun 2007 yang berjumlah RM200.95 bilion kepada RM304.89 bilion pada tahun 2008. Sejumlah RM219.15 bilion (71.9%) daripada aset tersebut adalah dimiliki oleh syarikat di bawah sektor ekonomi diikuti sejumlah RM57.70 bilion (18.9%) dimiliki oleh syarikat di bawah sektor teknologi. Petroliam Nasional Berhad adalah merupakan syarikat Kerajaan yang mempunyai aset terbesar iaitu RM171.53 bilion dan diikuti oleh Khazanah Nasional Berhad yang mempunyai aset berjumlah RM52 bilion. Pegangan aset syarikat mengikut sektor adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 51.5
PEGANGAN ASET SYARIKAT KERAJAAN MENGIKUT SEKTOR
BAGI TEMPOH TAHUN KEWANGAN 2006 HINGGA 2008

SEKTOR	TAHUN		
	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	2008 (RM Juta)
Ekonomi	303,091.91	139,324.19	219,147.76
Teknologi	41,846.73	47,995.71	57,697.86
Infrastruktur	4,126.22	3,763.83	14,500.61
Sosial	4,183.45	9,867.59	13,546.57
JUMLAH	**353,248.31**	**200,951.32**	**304,892.80**

51.3.3.2. Semakan Audit selanjutnya mendapati 20 syarikat telah menunjukkan pertambahan aset untuk 3 tahun berturut-turut manakala 6 syarikat merekodkan penurunan pegangan aset secara berterusan bagi tempoh yang sama. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 51.6
SYARIKAT YANG MENUNJUKKAN PENINGKATAN/PENURUNAN
PEGANGAN ASET BAGI TEMPOH TAHUN KEWANGAN 2006 HINGGA 2008

SYARIKAT	TAHUN		
	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	2008 (RM Juta)
SYARIKAT YANG MENUNJUKKAN PENINGKATAN PEGANGAN ASET			
Khazanah Nasional Berhad	37,429.88	41,218.48	52,006.42
Export-Import Malaysia Berhad	5,132.73	5,521.33	5,531.97
Pembinaan BLT Sdn. Bhd.	217.08	5,253.10	5,523.02
Bank Perusahaan Kecil & Sederhana Malaysia Berhad	4,204.40	4,652.04	5,127.84
FELCRA Berhad	2,860.93	3,253.20	3,526.96
Syarikat Perumahan Negara Berhad	1,334.13	1,839.23	2,618.82
Pengurusan Aset Air Berhad	10.14	102.10	2,476.05
Pengurusan Danaharta Nasional Berhad	1,956.04	1,957.66	1,998.39
Amanah Raya Berhad	375.44	1,232.95	1,601.32

SYARIKAT	TAHUN		
	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	2008 (RM Juta)
SIRIM Berhad	1,055.74	1,125.91	1,217.03
Penang Port Sdn. Bhd.	701.16	889.67	1,107.32
IJN Holdings Sdn. Bhd.	545.59	587.60	808.89
Piramid Pertama Sdn. Bhd.	252.28	252.31	690.95
Composites Technology Research Malaysia Sdn. Bhd.	398.52	416.37	470.03
JKP Sdn. Bhd.	299.51	324.02	324.46
Malaysia Kuwaiti investment Corporation Berhad	202.24	210.82	257.00
Percetakan Nasional Malaysia Berhad	185.49	197.40	227.75
Rangkaian Hotel Seri Malaysia Berhad	197.45	202.25	205.51
Malaysia Biotechnology Corporation Sdn. Bhd.	60.08	165.25	201.36
Prokhas Sdn. Bhd.	78.72	85.37	110.99
JUMLAH	**57,497.55**	**69,487.06**	**86,032.08**
SYARIKAT YANG MENUNJUKKAN PENURUNAN PEGANGAN ASET			
Keretapi Tanah Melayu Berhad	1,240.75	1,222.83	1,206.91
Assets Global Network Sdn. Bhd.	927.51	904.92	887.93
Malaysia Venture Capital Management Sdn. Bhd.	657.30	546.36	500.61
Kumpulan Modal Perdana Sdn. Bhd.	159.65	155.54	126.55
Kedah Aquaculture Sdn. Bhd.	47.47	40.72	32.10
International Rubber Consolidated Limited	16.13	14.80	13.40
JUMLAH	**3,048.81**	**2,885.17**	**2,767.5**

51.3.4. Liabiliti Syarikat

51.3.4.1. Antara liabiliti semasa dan liabiliti jangka panjang syarikat Kerajaan adalah overdraf, pemiutang, deposit, pendahuluan dan pinjaman. Didapati liabiliti syarikat Kerajaan secara keseluruhannya telah meningkat sejumlah RM50.60 bilion (50%) iaitu daripada RM101.20 bilion pada tahun 2007 menjadi RM151.80 bilion pada tahun 2008. Syarikat Kerajaan di bawah sektor ekonomi mempunyai liabiliti tertinggi iaitu berjumlah RM87.58 bilion (57.7%) dan ini diikuti oleh syarikat di bawah sektor teknologi yang mana jumlah liabilitinya ialah RM40.23 bilion (26.5%).

51.3.4.2. Semakan Audit selanjutnya mendapati liabiliti bagi 13 syarikat telah meningkat 3 tahun berturut-turut. Sebaliknya 6 syarikat menunjukkan penurunan liabiliti. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 51.7
SYARIKAT YANG MENUNJUKKAN PENINGKATAN/PENURUNAN LIABILITI BAGI TEMPOH TAHUN KEWANGAN 2006 HINGGA 2008

SYARIKAT	TAHUN		
	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	2008 (RM Juta)
SYARIKAT YANG MENUNJUKKAN PENINGKATAN LIABILITI			
Syarikat Prasarana Negara Berhad	56.99	2,122.35	7,707.89
Pembinaan BLT Sdn. Bhd.	122.92	5,176.12	5,455.31

SYARIKAT	TAHUN		
	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	2008 (RM Juta)
Syarikat Perumahan Negara Berhad	1,817.30	1,839.23	2,700.56
FELCRA Berhad	1,807.17	2,439.20	2,532.19
Amanah Raya Berhad	125.18	892.75	1,334.85
Piramid Pertama Sdn. Bhd.	625.01	625.01	1,065.01
Assets Global Network Sdn. Bhd.	1,032.67	1,032.83	1,032.95
SIRIM Berhad	801.66	865.79	952.06
Penang Port Sdn. Bhd.	341.34	511.10	706.70
IJN Holdings Sdn. Bhd.	184.10	185.80	631.15
MIMOS Berhad	181.80	350.73	351.97
Malaysian Biotechnology Corporation Sdn. Bhd.	3.93	7.95	161.73
Perbadanan Nasional Berhad	35.85	43.08	44.63
JUMLAH	**7,135.92**	**16,091.94**	**24,677.00**
SYARIKAT YANG MENUNJUKKAN PENURUNAN LIABILITI			
Composites Technology Research Malaysia Sdn. Bhd.	526.05	490.32	476.36
Malaysia Venture Capital Management Sdn. Bhd.	453.63	351.06	301.31
Pengurusan Danaharta Nasional Berhad	211.32	134.30	67.62
International Rubber Consolidated Limited	15.92	0.11	0.06
Percetakan Nasional Malaysia Berhad	145.55	40.15	35.11
Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad	25.10	20.33	12.38
JUMLAH	**1,377.57**	**1,036.27**	**892.84**

51.3.5. Pinjaman Syarikat

Semakan Audit mendapati sehingga 31 Disember 2008, hanya 17 daripada 40 syarikat yang dianalisis mempunyai pinjaman yang diperolehi daripada Kerajaan Persekutuan. Baki pinjaman bagi 17 syarikat tersebut pada akhir tahun 2008 ialah RM9.69 bilion. Adalah diperhatikan 7 syarikat menunjukkan peningkatan baki pinjaman belum selesai pada akhir tahun 2008 berbanding tahun 2007. Manakala baki pinjaman belum selesai bagi 5 syarikat tidak bergerak sejak tahun 2006. Kedudukan baki pinjaman syarikat yang belum selesai adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 51.8
KEDUDUKAN BAKI PINJAMAN SYARIKAT YANG BELUM SELESAI PADA AKHIR TAHUN KEWANGAN 2006 HINGGA 2008

SYARIKAT	TAHUN		
	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	2008 (RM Juta)
Export-Import Bank of Malaysia Berhad	1,978.21	1,978.21	1,978.21
Indah Water Konsortium Sdn. Bhd.	1,376.69	1,472.80	1,575.76
Bank Pembangunan Malaysia Berhad	862.33	965.2	1,051.60
Bank Perusahaan Kecil & Sederhana Malaysia Berhad	-	-	929.88
Keretapi Tanah Melayu Berhad	880.50	880.50	880.50
Cyberview Sdn. Bhd.	525.76	566.47	576.68
FELCRA Berhad	435.61	513.55	548.25
Piramid Pertama Sdn. Bhd.	460.00	460.00	460.00

SYARIKAT	TAHUN		
	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	2008 (RM Juta)
Malaysia Venture Capital Management Berhad	450.00	350.00	418.00
Composites Technology Research Malaysia Sdn. Bhd.	506.97	393.29	382.75
UDA Holdings Berhad	-	-	285.42
Syarikat Perumahan Negara Berhad	-	223.40	223.40
Kumpulan Modal Perdana Sdn. Bhd.	190.00	190.00	190.00
MIMOS Berhad	76.00	76.00	76.00
Kedah Aquaculture Sdn. Bhd.	65.00	65.00	72.00
JKP Sdn. Bhd.	7.74	6.74	25.39
Multimedia Development Corporation Sdn. Bhd.	175.00	145.00	14.44
JUMLAH	**7,989.81**	**8,286.16**	**9,688.28**

Sumber : ***Bahagian Pengurusan Pinjaman, Pasaran, Kewangan Dan Aktuari***

51.3.6. Dana Pemegang Saham

51.3.6.1. Dana Pemegang Saham adalah merupakan modal yang dibayar oleh pemegang saham dan keuntungan terkumpul syarikat. Prestasi sebuah syarikat dianggap baik sekiranya ia berjaya meningkatkan dana pemegang saham secara berterusan. Sehubungan ini, 16 syarikat menunjukkan peningkatan dana pemegang saham bagi tempoh tahun 2006 hingga 2008 manakala 5 syarikat menunjukkan penurunan dana secara berterusan bagi tempoh yang sama. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 51.9
SYARIKAT YANG MENUNJUKKAN PENINGKATAN/PENURUNAN
DANA PEMEGANG SAHAM BAGI TEMPOH TAHUN KEWANGAN 2006 HINGGA 2008

SYARIKAT	TAHUN		
	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	2008 (RM Juta)
SYARIKAT YANG MENUNJUKKAN PENINGKATAN DANA PEMEGANG SAHAM			
Khazanah Nasional Berhad	12,935.48	16,946.68	18,150.14
Bank Pembangunan Malaysia Berhad	5,558.88	6,257.04	7,002.44
FELCRA Berhad	738.47	812.33	984.83
IJN Holdings Sdn. Bhd.	388.23	401.80	425.90
Penang Port Sdn. Bhd.	356.10	375.92	399.06
Pengurusan Aset Air Berhad	9.27	101.92	411.13
SIRIM Berhad	254.08	260.12	264.97
JKP Sdn. Bhd.	227.88	247.71	250.58
Malaysia Kuwaiti Investment Corporation Berhad	157.92	167.86	202.12
Percetakan Nasional Malaysia Berhad	65.00	156.60	192.64
Rangkaian Hotel Seri Malaysia Sdn. Bhd.	128.25	129.70	130.11
Technology Park Malaysia Corporation Sdn. Bhd.	82.16	90.38	97.39
Malaysian Biotechnology Corporation Sdn. Bhd.	38.74	39.10	39.63
Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad	26.12	31.50	36.20
Sepang International Circuit Sdn. Bhd.	(22.03)	(11.01)	(5.88)
Composites Technology Research Malaysia Sdn. Bhd.	(128.59)	(75.00)	(6.34)
JUMLAH	**20,815.96**	**25,932.65**	**28,574.92**

SYARIKAT	TAHUN		
	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	2008 (RM Juta)
SYARIKAT YANG MENUNJUKKAN PENURUNAN DANA PEMEGANG SAHAM			
Multimedia Development Corporation Sdn. Bhd.	154.59	100.31	69.25
MIMOS Berhad	105.26	89.36	57.85
Assets Global Network Sdn. Bhd.	(105.15)	(127.91)	(145.02)
Keretapi Tanah Melayu Berhad	(249.93)	(332.22)	(391.26)
Indah Water Konsortium Sdn. Bhd.	(428.01)	(455.78)	(587.14)
JUMLAH	**(523.24)**	**(726.24)**	**(996.32)**

51.3.6.2. Analisis selanjutnya mendapati 5 syarikat telah mengalami ketidakcukupan dana pemegang saham bagi tempoh 3 tahun berturut-turut iaitu dari tahun 2006 hingga 2008. Jumlah ketidakcukupan dana bagi syarikat yang terlibat telah meningkat daripada RM933.71 juta pada tahun 2006 kepada RM1 bilion pada tahun 2007 dan meningkat lagi kepada RM1.14 bilion pada tahun 2008. Syarikat yang terlibat adalah Sepang International Circuit Sdn. Bhd.; Composites Technology Research Malaysia Sdn. Bhd.; Indah Water Konsortium Sdn. Bhd.; Keretapi Tanah Melayu Berhad dan Assets Global Network Sdn. Bhd. Antara punca ketidakcukupan dana adalah disebabkan oleh tanggungjawab sosial untuk memberikan perkhidmatan kepada rakyat pada kadar yang telah dipersetujui oleh Kerajaan; mengalami kerugian berterusan serta beberapa kelemahan dalam pengurusan operasi.

51.3.7. Nisbah Semasa

51.3.7.1. Nisbah semasa merupakan pendekatan yang sering digunakan untuk menilai kecairan sesebuah syarikat iaitu sejauh mana aset semasa yang ada dapat menampung liabiliti semasa. Kedudukan nisbah antara aset dengan tanggungan semasa pada kadar 2:1 menunjukkan prestasi yang baik. Analisis Audit hanya dapat dijalankan terhadap 37 syarikat memandangkan maklumat berkenaan aset semasa dan liabiliti semasa tidak dapat dikemukakan bagi 3 syarikat yang lain. Didapati hanya 20 syarikat telah memperolehi nisbah semasa melebihi kadar 2 : 1 pada tahun 2008.

51.3.7.2. Nisbah semasa bagi 17 syarikat pada tahun 2008 didapati kurang daripada 2 : 1 dan ini menunjukkan prestasi yang kurang baik kerana aset semasa bagi syarikat yang berkenaan tidak mempunyai keupayaan untuk menampung tanggungan semasanya. Sepang International Circuit Sdn. Bhd.; Kedah Aquaculture Sdn. Bhd.; Keretapi Tanah Melayu Berhad dan Piramid Pertama Sdn. Bhd. mempunyai nisbah semasa kurang daripada 1 secara berterusan bagi tempoh 3 tahun. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 51.10
KEDUDUKAN NISBAH SEMASA
BAGI TEMPOH TAHUN KEWANGAN 2006 HINGGA 2008

SYARIKAT	TAHUN		
	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	2008 (RM Juta)
SEKTOR EKONOMI			
International Rubber Consolidated Limited	316.08 : 1	139.01 : 1	228.98 : 1
Pengurusan Danaharta Nasional Berhad	3.85 : 1	8.49 : 1	23.82 : 1
Malaysian Kuwaiti Investment Corporation Sdn. Bhd.	8.81 : 1	12.06 : 1	10.04 : 1
Prokhas Sdn. Bhd.	4.32 : 1	9.70 : 1	8.71 : 1
Malaysia Venture Capital Management Berhad	5.41 : 1	4.17 : 1	6.79 : 1
Petroliam Nasional Berhad	2.56 : 1	2.73 : 1	3.61 : 1
UDA Holdings Berhad	3.18 : 1	2.49 : 1	2.49 : 1
Kumpulan Modal Perdana Sdn. Bhd.	4.69 : 1	1.17 : 1	1.37 : 1
Amanah Raya Berhad	13.4 : 1	1.27 : 1	1.34 : 1
FELCRA Berhad	0.72 : 1	0.86 : 1	1.11 : 1
Bank Perusahaan Kecil & Sederhana Malaysia Berhad	5.24 : 1	141.78 : 1	0.72 : 1
Kedah Aquaculture Sdn. Bhd.	-1.62 : 1	0.65 : 1	0.19 : 1
SEKTOR SOSIAL			
Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad	1.27 : 1	1.33 : 1	20.95: 1
Pembinaan BLT Sdn. Bhd.	0.39: 1	37.29 : 1	19.16 : 1
Pengurusan Aset Air Berhad	11.79 : 1	578.68: 1	8.55: 1
Percetakan Nasional Malaysia Berhad	3.69: 1	5.04: 1	6.98: 1
JKP Sdn. Bhd.	6.08: 1	5.17: 1	6.27: 1
IJN Holdings Sdn. Bhd.	1.50 : 1	5.68 : 1	3.70 : 1
Indah Water Konsortium Sdn. Bhd.	3.68 : 1	4.38 : 1	3.66 : 1
Rangkaian Hotel Seri Malaysia Sdn. Bhd.	1.14: 1	1.16: 1	1.18 : 1
Syarikat Perumahan Negara Berhad	3.71 : 1	6.67 : 1	1.02 : 1
Sepang International Circuit Sdn. Bhd.	0.88 : 1	0.87 : 1	0.91 : 1
SEKTOR TEKNOLOGI			
Professional Services Development Corporation Sdn. Bhd.	160.01 : 1	161.56 : 1	19.88 : 1
Technology Park Malaysia Corporation Sdn. Bhd.	5.43 : 1	10.67 : 1	9.89 : 1
MIMOS Berhad	9.25 : 1	14.26 : 1	6.95 : 1
SIRIM Berhad	3.85 : 1	2.58 : 1	2.17 : 1
Multimedia Development Corporation Sdn. Bhd.	1.54 : 1	2.15 : 1	1.89 : 1
Malaysian Biotechnology Corporation Sdn. Bhd.	15.29 : 1	20.79 : 1	1.54 : 1
Khazanah Nasional Berhad	0.83 : 1	0.89 : 1	1.54 : 1
Cyberview Sdn. Bhd.	2.42 : 1	1.86 : 1	1.44 : 1
Composites Technology Research Malaysia Sdn. Bhd.	0.54 : 1	1.01 : 1	1.15 : 1
Jaring Communications Sdn. Bhd.	0.49 : 1	1.04 : 1	0.85 : 1
Piramid Pertama Sdn. Bhd.	0.27 : 1	0.27 : 1	0.16 : 1
SEKTOR INFRASTRUKTUR			
Assets Global Network Sdn. Bhd.	3.90 : 1	4.58 : 1	5.41 : 1
Syarikat Prasarana Negara Berhad	24.45 : 1	0.35 : 1	2.90 : 1
Penang Port Sdn. Bhd.	1.15 : 1	0.59 : 1	0.62 : 1
Keretapi Tanah Melayu Berhad	0.38 : 1	0.27 : 1	0.19 : 1

51.3.8. Pembayaran Cukai Kepada Kerajaan

51.3.8.1. Mengikut data daripada Sistem Maklumat Syarikat Kerajaan Dan Badan Berkanun (GCSIS), sebanyak 27 daripada 40 Syarikat Kerajaan telah membayar cukai berjumlah RM30.63 bilion kepada Kerajaan pada tahun 2008. Cukai yang dibayar pada tahun 2008 meningkat sebanyak RM6.11 bilion (24.9%) berbanding RM24.52 bilion pada tahun 2007. Syarikat daripada sektor ekonomi membayar RM30.22 bilion (98.7%) daripada jumlah cukai tersebut di mana Petroliam Nasional Berhad membayar jumlah cukai terbesar iaitu RM30.08 bilion (98.2%). Jumlah cukai yang diterima daripada syarikat Kerajaan bagi tempoh tahun 2006 hingga 2008 mengikut sektor adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 51.11
CUKAI YANG DITERIMA DARIPADA SYARIKAT KERAJAAN
MENGIKUT SEKTOR BAGI TEMPOH TAHUN KEWANGAN 2006 HINGGA 2008

SEKTOR	TAHUN		
	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	2008 (RM Juta)
Ekonomi	21,666.64	24,276.66	30,219.37
Teknologi	235.37	211.71	366.44
Sosial	22.72	21.71	27.02
Infrastruktur	(3.69)	5.75	19.91
JUMLAH	**21,921.04**	**24,515.83**	**30,632.72**

51.3.8.2. Analisis seterusnya mendapati 12 syarikat telah membayar cukai kepada Kerajaan berjumlah RM76.73 bilion bagi 3 tahun berturut-turut seperti di jadual berikut : -

JADUAL 51.12
SYARIKAT YANG MEMBAYAR CUKAI BERTERUSAN
BAGI TEMPOH TAHUN KEWANGAN 2006 HINGGA 2008

SYARIKAT	TAHUN			JUMLAH (RM Juta)
	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	2008 (RM Juta)	
Petroliam Nasional Berhad	21,462.37	24,195.25	30,075.00	75,732.62
Khazanah Nasional Berhad	221.01	194.21	350.43	765.65
FELCRA Berhad	32.52	56.43	40.37	129.32
Percetakan Nasional Malaysia Berhad	10.46	9.55	12.83	32.84
Perbadanan Nasional Berhad	11.26	0.19	0.09	11.54
SIRIM Berhad	0.51	5.84	7.06	13.41
Composites Technology Research Malaysia Sdn. Bhd.	3.91	7.83	6.51	18.25
JKP Sdn. Bhd.	0.98	3.53	4.43	8.94
Cyberview Sdn. Bhd.	7.31	0.02	0.13	7.46
Keretapi Tanah Melayu Berhad	0.07	0.49	2.63	3.19
Technology Park Malaysia Corporation Sdn. Bhd.	0.62	0.02	1.23	1.87
Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad	0.19	0.45	0.12	0.76
JUMLAH	**21,751.21**	**24,473.81**	**30,500.83**	**76,725.85**

51.3.9. Pembayaran Dividen Kepada Kerajaan

Dividen sekurang-kurangnya 10% daripada keuntungan selepas cukai setiap tahun perlu dibayar kepada Kerajaan sebagai pemegang saham. Sekiranya keuntungan lebih diperolehi bagi sesuatu tahun kewangan, dividen perlu dibayar ke tahap yang lebih tinggi tanpa menjejaskan kedudukan kewangan syarikat. Mengikut Laporan Pembayaran Dividen kepada MKD, didapati hanya 11 daripada 25 syarikat yang memperolehi keuntungan telah membayar dividen kepada Kerajaan berjumlah RM119.26 bilion pada tahun 2008. Namun demikian, semakan Audit terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2009 mendapati Petroliam Nasional Berhad dan Amanah Raya Berhad juga telah membayar dividen kepada Kerajaan bagi tahun kewangan 2008 **(Jadual 51.13)**. Semakan Audit selanjutnya mendapati hanya 4 syarikat telah membayar dividen kepada Kerajaan secara berterusan dalam tempoh 3 tahun iaitu Petroliam Nasional Malaysia Berhad; Percetakan Nasional Malaysia Berhad; Technology Park Malaysia Corporation Sdn. Bhd. dan Amanah Raya Berhad. Syarikat yang membayar dividen kepada Kerajaan adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 51.13
DIVIDEN BERSIH KEPADA KERAJAAN
BAGI TEMPOH TAHUN KEWANGAN 2006 HINGGA 2008

SYARIKAT	TAHUN			JUMLAH (RM Juta)**
	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	2008 (RM Juta)	
Petroliam Nasional Berhad	24,000.00	30,000.00	30,000.00	84,000.00
Bank Pembangunan Malaysia Berhad	-	-	80.00	80.00
Perbadanan Nasional Berhad	10.90	-	16.59	27.49
Percetakan Nasional Malaysia Berhad	8.39	5.00	2.44	15.83
Penang Port Sdn. Bhd.	3.22	-	5.51	8.73
Technology Park Malaysia Corporation Sdn. Bhd.	0.65	2.21	3.36	6.22
IJN Holdings Sdn. Bhd.	-	-	4.99	4.99
Malaysia Kuwaiti Investment Corporation Berhad	-	-	4.29	4.29
Amanah Raya Berhad	1.80	4.44	1.80	8.04
SIRIM Berhad	-	0.91	0.91	1.82
Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad	-	0.40	0.51	0.91
JKP Sdn. Bhd.	-	0.40	0.29	0.69
Rangkaian Hotel Seri Malaysia Sdn. Bhd.	-	-	0.37	0.37
JUMLAH	**24,024.96**	**30,013.36**	**30,121.06**	**84,159.38**

Pada pandangan Audit, maklumat yang diselenggarakan oleh MKD berhubung pembayaran dividen adalah diragui ketepatannya memandangkan ia berbeza dengan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan. Sehubungan ini, Bahagian MKD perlu mempercepatkan usaha untuk mengatasi kelemahan tersebut supaya pemantauan terhadap prestasi syarikat MKD dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan.

52. PENGAWASAN TERHADAP SYARIKAT KERAJAAN OLEH KEMENTERIAN KEWANGAN

52.1. Bahagian Pelaburan, Menteri Kewangan Diperbadankan Dan Penswastaan (MKD), Kementerian Kewangan adalah bertanggungjawab mengawasi pelaburan Kerajaan Persekutuan dengan melaksanakan perkara berikut :-

52.1.1. Memastikan pelaburan Kerajaan terpelihara dan memberi pulangan yang munasabah.

52.1.2. Meluluskan pelantikan Pengerusi/Ahli Lembaga Pengarah/Ketua Eksekutif, struktur gaji, pelantikan proksi, bayaran elaun Pengerusi dan Ahli Lembaga Pengarah serta bayaran bonus dan dividen.

52.1.3. Menilai kedudukan kewangan dan pelan perniagaan syarikat.

52.1.4. Mengkaji, menggubal dan menetapkan dasar Kerajaan berkaitan dengan pengurusan syarikat.

52.2. Bagi melaksanakan tanggungjawabnya, Bahagian MKD perlu berpandukan kepada undang-undang dan peraturan yang berkaitan dengan Akta Menteri Kewangan Diperbadankan 1957; Akta Syarikat 1965; Tatacara Syarikat/Undang-undang Tubuh syarikat berkenaan; Pekeliling Perbendaharaan serta Surat Arahan Perbendaharaan berkaitan syarikat yang dikeluarkan dari semasa ke semasa.

52.3. Pengauditan telah dijalankan untuk menentukan sama ada urusan pelantikan/pelanjutan Pengerusi/Ahli Lembaga Pengarah/Ketua Eksekutif dan pelantikan wakil MKD telah dibuat dengan teratur. Pengauditan juga telah dibuat untuk menentukan sama ada pemantauan terhadap pengurusan syarikat adalah berkesan. Hasil daripada pengauditan tersebut mendapati perkara berikut :-

52.3.1. Urusan Pelantikan Pengerusi/Ahli Lembaga Pengarah/Ketua Eksekutif

52.3.1.1 Mengikut Surat Pekeliling Am bertarikh 14 Julai 1980, Kementerian Kewangan telah menetapkan semua keahlian Lembaga Pengarah syarikat Kerajaan serta penentuan elaun, faedah dan keistimewaan mereka perlu mendapat persetujuan bertulis daripada Menteri Kewangan. Semakan Audit mendapati pelantikan serta penentuan elaun, faedah dan keistimewaan Pengerusi bagi 40 daripada 58 syarikat telah diluluskan secara bertulis oleh Menteri Kewangan manakala pelantikan Pengerusi bagi 18 syarikat yang lain tidak dapat disahkan kerana tiada maklumat mengenainya. Selain itu, semakan Audit mendapati urusan pelantikan Ahli Lembaga Pengarah bagi 49 daripada 58 syarikat telah diluluskan oleh Menteri Kewangan manakala pelantikan Ahli Lembaga Pengarah di 9 syarikat lagi tidak dapat disahkan kerana tiada maklumat mengenainya. Permohonan kenaikan atau semakan elaun Ahli Lembaga Pengarah bagi 33 daripada 54 syarikat (sebanyak 4 syarikat tidak diperuntukkan elaun tersebut) telah diluluskan secara bertulis oleh Menteri Kewangan.

52.3.1.2. Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 1 Tahun 1985 telah menetapkan pelantikan Ketua Eksekutif/Pengarah Urusan bagi semua syarikat milik Menteri Kewangan Diperbadankan perlu mendapat kelulusan daripada Menteri Kewangan. Semakan Audit mendapati pelantikan Ketua Eksekutif/ Pengarah Urusan bagi 40 daripada 58 syarikat telah diluluskan oleh Menteri Kewangan manakala pelantikan Ketua Eksekutif/Pengarah Urusan di 18 syarikat tidak dapat disahkan kerana tiada maklumat mengenainya.

52.3.1.3. Semakan Audit selanjutnya mendapati pelantikan Pengerusi dan Ahli Lembaga Pengarah seperti yang diamalkan di Bahagian MKD dibuat daripada kalangan pegawai yang berkebolehan daripada sektor awam yang telah bersara atau swasta berdasarkan kelulusan, kelayakan dan pengalaman mereka supaya dapat memberi sumbangan kepada syarikat Kerajaan. Bagaimanapun, terdapat juga pelantikan Ahli Lembaga Pengarah dibuat daripada kalangan ahli politik, ahli perniagaan dan ahli profesional. Kebolehan calon akan dinilai oleh Bahagian MKD dan dipersetujui oleh Ketua Setiausaha Perbendaharaan sebelum diangkat kepada Menteri Kewangan untuk kelulusan. Pemilihan Ketua Eksekutif/ Pengarah Urusan pula dibuat berdasarkan cadangan daripada Menteri, Kementerian berkaitan atau Lembaga Pengarah. Berdasarkan cadangan berkenaan, Bahagian MKD akan mengemukakan beberapa calon setelah dipersetujui oleh Ketua Setiausaha Perbendaharaan untuk kelulusan Menteri Kewangan. Bagi memantapkan lagi urusan pemilihan dan pelantikan Pengerusi, Ahli Lembaga Pengarah serta Ketua Eksekutif/Pengarah Urusan syarikat Kerajaan, MKD telah menyediakan draf arahan mengenai Dasar Dan Garis Panduan Pelantikan Pengerusi, Ahli Lembaga Pengarah Dan Ketua Pegawai Eksekutif/Pengarah Urusan Syarikat-syarikat Menteri Kewangan Diperbadankan. Bagaimanapun, draf arahan tersebut masih belum dimuktamadkan. **Pada pandangan Audit, Bahagian MKD perlu memuktamadkan draf arahan tersebut dengan segera supaya mereka yang dilantik mempunyai kelayakan dan pengalaman yang bersesuaian bagi menyumbang kepada peningkatan prestasi syarikat.**

52.3.2. Pembayaran Bonus Kepada Kakitangan

Mengikut Akta Syarikat 1965, bonus boleh dibayar kepada kakitangan sekiranya syarikat berkenaan memperolehi keuntungan. Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 10 Tahun 1993 juga menetapkan bahawa bonus boleh dibayar jika syarikat memperolehi keuntungan operasi yang munasabah sebelum cukai. Keuntungan munasabah perlu mengambil kira antaranya objektif penubuhan sesebuah syarikat termasuk obligasi sosial jika ada. Jika syarikat memperolehi keuntungan cemerlang (pertambahan keuntungan operasi yang besar bagi 3 tahun yang lalu) bayaran bonus melebihi 2 bulan gaji boleh dipertimbangkan. Semakan Audit terhadap 58 fail syarikat mendapati 31 syarikat telah memohon dan diluluskan oleh Menteri Kewangan untuk membayar bonus bagi tahun 2007 dan 2008. Bagaimanapun, 1 daripada syarikat tersebut iaitu Inno Bio Ventures Sdn. Bhd. telah membuat

pembayaran bonus walaupun mengalami kerugian sebelum cukai sejumlah RM10.29 juta pada tahun 2007 dan RM12.86 juta pada tahun 2008. Manakala bonus yang diterima mengikut gandaan gaji pokok adalah 1.5 hingga 2.5 bulan pada tahun 2007 dan 1 hingga 2 bulan pada tahun 2008. Antara justifikasi kelulusan pembayaran bonus adalah untuk mengurangkan beban kewangan pekerja dan peningkatan prestasi syarikat yang diukur daripada peningkatan pendapatan. Pihak Audit tidak dapat menyemak kedudukan bayaran bonus bagi 27 syarikat yang lain kerana tiada maklumat lengkap mengenainya.

52.3.3. Peranan Pegawai Kerajaan Sebagai Ahli Lembaga Pengarah

52.3.3.1. Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 1985 menetapkan bahawa seorang pegawai Kerajaan boleh dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah dalam 5 syarikat induk dan tidak lebih daripada 3 syarikat subsidiarinya. Bagaimanapun, berdasarkan rekod yang diselenggarakan oleh Bahagian MKD setakat bulan Disember 2009, didapati **Ketua Setiausaha Perbendaharaan dan Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Sistem dan Kawalan) telah dilantik menjadi Ahli Lembaga Pengarah bagi mewakili Perbendaharaan di dalam 13 dan 19 syarikat masing-masingnya.** Mengikut penjelasan Bahagian MKD, pemilihan mereka adalah untuk menjaga kepentingan Kerajaan terutamanya bagi syarikat yang bermasalah. Pekeliling yang sama juga menetapkan wakil Kerajaan yang dilantik perlu menyediakan laporan sekurang-kurangnya 3 bulan sekali berhubung dengan perjalanan syarikat berkenaan. Semakan Audit terhadap 58 syarikat mendapati hanya 7 syarikat di mana wakil Kerajaan yang dilantik telah menyediakan laporan bertulis setelah menghadiri mesyuarat Lembaga Pengarah. Laporan tersebut antaranya adalah mengenai persetujuan yang dicapai berhubung agenda mesyuarat, prestasi dan operasi syarikat, isu yang berkaitan Perbendaharaan, agensi lain dan perkara yang perlu disampaikan kepada YB Menteri Kewangan II untuk perhatian/pertimbangan beliau. Namun, penyediaan laporan tidak disediakan bagi setiap mesyuarat yang dihadiri atas alasan sebahagian perkara yang dibincangkan lebih kepada isu dalaman syarikat berkaitan serta dianggap tidak material.

52.3.3.2. Berdasarkan maklum balas Kementerian Kewangan, wakil Kementerian dalam Lembaga Pengarah syarikat-syarikat MKD telah menggunakan format laporan yang ditetapkan oleh Ketua Setiausaha Perbendaharaan pada 16 Disember 2009. Laporan tersebut akan dikemukakan kepada pihak pengurusan atasan selewat-lewatnya 3 hari selepas menghadiri mesyuarat Lembaga Pengarah mengenai isu yang memerlukan perhatian Menteri Kewangan dan pihak pengurusan tertinggi Kementerian Kewangan.

52.3.4. Tanggungjawab Ketua Pegawai Eksekutif/Pengarah Urusan

Syarat dan terma pelantikan Ketua Pegawai Eksekutif/Pengarah Urusan Syarikat yang menjadi sebahagian daripada Surat Pelantikan yang dipersetujui oleh Kementerian Kewangan antaranya menyatakan beberapa tanggungjawab yang

mesti ditunaikan oleh seseorang Ketua Pegawai Eksekutif/Pengarah Urusan di sepanjang tempoh beliau memegang jawatan berkenaan. Selain itu, ia juga menetapkan imbuhan dan faedah yang layak diterima oleh Ketua Pegawai Eksekutif/Pengarah Urusan. Antara syarat penting yang terdapat dalam terma pelantikan adalah seperti berikut :-

52.3.4.1. Mencapai Sasaran Yang Ditetapkan Dalam *Key Performance Indicator* (KPI) Bagi Kenaikan Gaji Ketua Pegawai Eksekutif/ Pengarah Urusan

Walaupun pencapaian sasaran dalam KPI yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah merupakan syarat bagi kenaikan gaji Ketua Pegawai Eksekutif/ Pengarah Urusan, didapati Bahagian MKD belum menetapkan agar semua syarikat MKD mengemukakan salinan KPI setiap tahun kepadanya bagi tujuan pemantauan. Setakat ini, syarikat hanya mengemukakan KPI berserta dengan pencapaian mereka kepada Bahagian MKD jika ada keperluan untuk menaikkan gaji Ketua Pegawai Eksekutif/Pengarah Urusan atau bagi menyokong pelanjutan tempoh perkhidmatan mereka. Selain itu, didapati 31 dari 48 syarikat aktif telah mengemukakan KPI atau laporan prestasi aktiviti ke Bahagian MKD semasa memohon kelulusan pembayaran bonus kepada kakitangannya. Berdasarkan maklum balas MKD, surat berhubung ketetapan KPI bagi tahun 2010 telah dikeluarkan pada 27 Januari 2010 kepada semua Ketua Pegawai Eksekutif/Pengarah Urusan syarikat MKD yang aktif. Syarikat tersebut dikehendaki mengemukakan pencapaian KPI secara berkala iaitu untuk setiap suku tahun.

52.3.4.2. Keperluan Mengisytiharkan Harta

Keperluan mengisytiharkan harta semasa pelantikan dan pada setiap tahun sepanjang tempoh memegang jawatan adalah merupakan salah satu syarat yang ditetapkan dalam terma pelantikan Ketua Pegawai Eksekutif/Pengarah Urusan. Semakan Audit mendapati hanya 2 daripada 40 syarikat yang mempunyai Ketua Pegawai Eksekutif/Pengarah Urusan mematuhi peraturan ini kerana pengisytiharan harta dilakukan ketika pelantikan mereka. **Pada pandangan Audit, keperluan mengisytiharkan harta perlu dikuatkuasakan dengan segera sebagaimana syarat dan terma pelantikan yang ditetapkan oleh Bahagian MKD.**

52.4. Usaha Bahagian MKD Bagi Meningkatkan Pemantauan Dan Prestasi Syarikat Kerajaan

Bahagian MKD telah mengambil beberapa tindakan pada tahun 2009 bagi meningkatkan peranan wakil Kerajaan dan meningkatkan prestasi syarikat Kerajaan seperti berikut :-

52.4.1. Laporan Pengurusan Dan Laporan Kewangan Syarikat Milik Menteri Kewangan Diperbadankan

Bagi memperkemaskan lagi pemantauan terhadap syarikat MKD, Ketua Setiausaha Perbendaharaan telah mengeluarkan arahan pada bulan Oktober 2009 kepada semua Ahli Lembaga Pengarah Wakil Perbendaharaan untuk mengemukakan Laporan Pengurusan dan Laporan Kewangan kepada Kementerian Kewangan selewat-lewatnya hari ke-15 berakhir setiap suku tahun mengikut tahun kewangan syarikat.

52.4.2. Arahan Terhadap Pembayaran Dividen Dan Pengurangan Kos Operasi Syarikat

Bagi memastikan Kerajaan mendapat pulangan daripada pelaburan dalam syarikat Kerajaan bagi tahun 2010 dan tahun seterusnya, Ketua Setiausaha Perbendaharaan pada bulan April 2009 telah mengeluarkan arahan seperti berikut :-

52.4.2.1. Syarikat milik penuh MKD yang mengalami kerugian dikehendaki mengurangkan kos operasi syarikat sekurang-kurangnya 10% tanpa menjejaskan operasinya. Sekiranya pengurangan kos gagal dicapai, syarikat perlu memberikan alasan kukuh mengenai kegagalan berkenaan dan seterusnya menetapkan jumlah dan kadar pengurangan kos mengikut kemampuan syarikat.

52.4.2.2. Cadangan pembayaran dividen atau pengurangan kos operasi syarikat dijadikan sebagai salah satu Petunjuk Prestasi Utama Tahunan Syarikat.

52.4.3. Pihak MKD juga berusaha untuk memantapkan lagi pemantauan dengan menyediakan draf arahan serta garis panduan untuk dimuktamadkan seperti berikut :-

52.4.3.1. Peranan Dan Tanggungjawab Wakil-Wakil Kementerian Kewangan Yang Menganggotai Lembaga Pengarah Agensi Dan Syarikat Kerajaan.

52.4.3.2. Arahan Mengenai Dasar Dan Garis Panduan Pelaburan Serta Pemantauan Oleh Syarikat-syarikat Menteri Kewangan Diperbadankan.

52.4.3.3. Arahan Mengenai Dasar Dan Garis Panduan Bayaran Bonus Oleh Syarikat-syarikat Menteri Kewangan Diperbadankan.

Pada pandangan Audit, terdapat peningkatan terhadap usaha yang telah dilaksanakan oleh Bahagian MKD bagi menambah baik pemantauan dan prestasi syarikat. Bagaimanapun, Bahagian MKD melalui wakil Kerajaan yang dilantik perlu memantau dengan rapi bagi memastikan syarikat Kerajaan berkenaan mematuhi sepenuhnya arahan yang dikeluarkan oleh Ketua Setiausaha Perbendaharaan.

53. PENGURUSAN AKTIVITI SYARIKAT

Selain daripada membuat analisis terhadap prestasi kewangan syarikat, pengauditan dilakukan terhadap pengurusan bagi 7 syarikat seperti berikut :-

a. Cyberview Sdn. Bhd.
b. Halal Industry Development Corporation Sdn. Bhd.
c. Keretapi Tanah Melayu Berhad
d. MIMOS Berhad
e. Penang Port Sdn. Bhd.
f. Prokhas Urus Sdn. Bhd. (syarikat subsidiari Prokhas Sdn. Bhd.)
g. Technology Park Malaysia Corporation Berhad

Hasil daripada pengauditan yang dijalankan adalah seperti di perenggan 54 hingga perenggan 60.

KEMENTERIAN KEWANGAN

54. PENGURUSAN KERETAPI TANAH MELAYU BERHAD

54.1. LATAR BELAKANG

54.1.1. Perkhidmatan rel di Semenanjung Malaysia telah bermula sejak tahun 1948 dan dikendalikan oleh sebuah agensi yang dikenali sebagai Pentadbiran Keretapi Tanah Melayu. Setelah dikorporatkan pada bulan Ogos 1992, agensi tersebut dikenali sebagai Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB). Ia merupakan sebuah syarikat milik penuh Kerajaan Persekutuan melalui Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD). Modal dibenarkan syarikat adalah berjumlah RM1 bilion manakala modal diterbitkan berjumlah RM858.30 juta. KTMB memiliki 14 subsidiari milik penuh yang turut memberi sumbangan perolehan kepada kumpulan KTMB.

54.1.2. Perniagaan utama KTMB adalah menyediakan perkhidmatan berkaitan rel meliputi perkhidmatan **kargo**; perkhidmatan **komuter** dan juga perkhidmatan **antarabandar**. Bagaimanapun dengan perkembangan ekonomi semasa, KTMB telah melaksanakan beberapa aktiviti lain seperti menyediakan perkhidmatan pengiklanan; sewaan kontena; tempat letak kereta dan hartanah.

54.1.3. KTMB mempunyai 10 Ahli Lembaga Pengarah (termasuk Pengerusi) di mana seorang daripada ahlinya adalah wakil daripada Kementerian Kewangan. Pengurusan syarikat diketuai oleh Ketua Pegawai Eksekutif dan beliau dibantu oleh seramai 5,108 kakitangan eksekutif serta bukan eksekutif.

55.1.4. Sebagai sebuah syarikat yang dimiliki oleh Kerajaan, KTMB perlu mematuhi undang-undang dan peraturan yang ditetapkan di bawah Akta Syarikat 1965 dan peraturan lain berkaitan dengan syarikat Kerajaan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan dari semasa ke semasa.

54.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada :-

54.2.1. Prestasi kewangan KTMB adalah memuaskan atau sebaliknya dan menentukan faktor yang menyumbang kepada prestasi tersebut.

54.2.2. Pengurusan aktiviti KTMB telah dilaksanakan dengan teratur serta selaras dengan objektif yang ditetapkan.

54.2.3. Pengurusan kewangan dan tadbir urus korporat KTMB adalah selaras dengan peraturan yang ditetapkan.

54.2.4. Pengurusan syarikat subsidiari telah dipantau oleh syarikat induk selaras dengan objektif yang ditetapkan.

54.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini meliputi aspek kewangan dan aktiviti utama KTMB. Semakan terhadap dokumen, fail serta rekod yang berkaitan bagi tempoh tahun 2007 hingga 2009 telah dibuat di pejabat KTMB serta Kementerian Kewangan. Analisis prestasi kewangan hanya dapat dijalankan berdasarkan penyata kewangan Kumpulan KTMB bagi tahun 2006, 2007 dan 2008 yang beraudit. Temu bual dengan pegawai yang bertanggungjawab di KTMB serta pemeriksaan fizikal terhadap aset juga turut dibuat.

54.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Jun hingga Ogos 2009 mendapati pada umumnya, KTMB telah mengendalikan perkhidmatan kargo; komuter dan antarabandar sebagaimana mandat yang diberikan. Namun, Kumpulan KTMB mengalami kerugian bersih selepas cukai bagi 3 tahun berturut-turut iaitu bagi tempoh tahun 2006 hingga 2008. Selain itu, terdapat beberapa kelemahan seperti ketidakcapaian pendapatan dan Petunjuk Prestasi Utama; ketepatan masa perjalanan tren kurang memuaskan; penyenggaraan *rolling stock* tidak mengikut jadual; projek baik pulih *Electrical Multiple Unit* lewat disiapkan; kelemahan pengurusan diesel bersubsidi serta kelewatan menyiapkan pembinaan dan naik taraf 5 stesen di Pantai Timur. Penjelasan lanjut berhubung dengan prestasi dan pengurusan kewangan KTMB serta aktivitinya adalah seperti di perenggan-perenggan berikut :-

54.4.1. Prestasi Kewangan

54.4.1.1. Bagi tempoh tahun 2006 hingga 2008, prestasi kewangan Kumpulan KTMB **adalah kurang memuaskan di mana ia mengalami kerugian bersih selepas cukai bagi 3 tahun berturut-turut.** Pada tahun 2008, ia mengalami kerugian semasa berjumlah RM118.91 juta berbanding RM82.31 juta pada tahun 2007. Mulai tahun 1994 hingga 2008, KTMB terpaksa mendapatkan bantuan Kerajaan dalam bentuk suntikan dana tunai (funding gap) berjumlah RM760 juta.

54.4.1.2. Peningkatan kerugian berjumlah RM36.60 juta (44.5%) pada tahun 2008 adalah didorong oleh peningkatan perbelanjaan operasinya berjumlah RM49.03 juta iaitu 9.6% lebih tinggi daripada tahun 2007. Antara faktor yang menyumbang kepada peningkatan perbelanjaan operasi adalah emolumen, susutnilai aset tetap dan juga kos bahan api. Kedudukan pendapatan dan perbelanjaan serta untung rugi Kumpulan KTMB bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2006, 2007 dan 2008 adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 54.1
KEDUDUKAN PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN SERTA UNTUNG RUGI KUMPULAN KTMB BAGI TAHUN KEWANGAN 2006, 2007 DAN 2008

PERKARA	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	2008 (RM Juta)
Pendapatan	410.06	419.54	423.16
Lain-lain Pendapatan	79.67	34.52	68.82
Perubahan Dalam Inventori	(6.08)	3.80	(0.43)
Tolak : Perbelanjaan Operasi			
Perbelanjaan Manfaat Kakitangan	(226.83)	(206.91)	(228.84)
Susutnilai	(52.99)	(56.63)	(63.53)
Minyak Dan Tenaga	(66.06)	(64.57)	(68.65)
Lain-lain Perbelanjaan	(176.54)	(185.06)	(201.18)
(Kerugian) Operasi	**(38.77)**	**(55.31)**	**(70.65)**
Kos Kewangan	(63.09)	(61.55)	(61.65)
Bahagian Keuntungan Syarikat-syarikat Bersekutu	2.69	35.04	16.02
(Kerugian) Sebelum Cukai	**(99.17)**	**(81.82)**	**(116.28)**
Cukai*	(0.07)	(0.49)	(2.63)
(Kerugian) Bagi Tahun	**(99.24)**	**(82.31)**	**(118.91)**

Nota : Merupakan cukai subsidiari yang mencatat keuntungan

54.4.1.3. Analisis Audit mendapati bayaran emolumen KTMB bagi tempoh tahun 2006 hingga 2008 secara kasarnya adalah antara 45.6% hingga 46.5% daripada jumlah pendapatan KTMB. Perbelanjaan manfaat kakitangan telah meningkat 10.6% pada tahun 2008 berbanding 2007 walaupun jumlah kakitangan berkurangan sebanyak 0.5%. Bayaran kerja lebih masa juga meningkat setiap tahun dan ia melebihi bajet yang diluluskan bagi tahun 2007 dan 2008. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 54.2
KEDUDUKAN PERBELANJAAN EMOLUMEN DAN BAYARAN KERJA LEBIH MASA

PERKARA	2006	2007	2008
Perbelanjaan Emolumen			
Jumlah Pendapatan dan Lain-lain Pendapatan (RM Juta)	489.73	454.05	491.98
Perbelanjaan Manfaat Kakitangan (RM Juta)	226.83	206.91	228.84
% Perbandingan	46.3	45.6	46.5
Jumlah Kakitangan (orang)	5,106	5,136	5,108
Bayaran Kerja Lebih Masa			
Bayaran Kerja Lebih Masa (RM Juta)	17.47	17.82	20.26
Bajet (RM Juta)	17.84	16.28	15.56
Lebihan Perbelanjaan (RM Juta)	(0.36)	1.54	4.69

54.4.1.4. Analisis Terhadap Bayaran Balik Pinjaman

a. Semakan Audit mendapati sehingga 31 Disember 2008, KTMB telah memperoleh 5 pinjaman mudah daripada Kerajaan Persekutuan berjumlah

RM880.50 juta. Didapati 4 pinjaman telah matang dan tarikh permulaan bayaran balik anuiti pinjaman perlu dibuat antara bulan September 2001 hingga Ogos 2007. Namun begitu, pihak Audit mendapati KTMB belum membuat sebarang bayaran balik pinjaman sejak 2 hingga 8 tahun yang lalu. Kedudukan tunggakan anuiti bagi 4 pinjaman tersebut sehingga tahun 2008 adalah berjumlah RM501.53 juta. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 54.3
JUMLAH BAYARAN BALIK PINJAMAN TERTUNGGAK SEHINGGA 31 DISEMBER 2008

PINJAMAN	JUMLAH (RM Juta)	TARIKH PINJAMAN DILULUSKAN	TEMPOH BAYARAN BALIK		AMAUN TERTUNGGAK		
			DARI	HINGGA	POKOK (a) (RM Juta)	FAEDAH (b) (RM Juta)	JUMLAH (a+b) (RM Juta)
1	97.00	15.09.1990	15.09.2001	15.09.2020	22.55	56.49	79.04
2	73.95	01.02.1995	01.02.2006	01.02.2025	5.25	17.35	22.60
3	404.55	13.01.1996	13.01.2002	13.01.2016	132.94	197.90	330.84
4	25.00	16.07.1999	16.07.2010	16.07.2019	-	-	-
5	280.00	25.08.2001	25.08.2007	25.08.2016	47.58	21.47	69.05
JUMLAH	**880.50**				**208.32**	**293.21**	**501.53**

b. Pihak Audit juga mendapati satu pinjaman mudah berjumlah RM25 juta akan matang pada bulan Julai 2010. Ini bermakna pada tahun 2010, bayaran balik anuiti perlu dibuat bagi kelima-lima pinjaman tersebut dan akan menyebabkan jumlah tunggakan anuiti meningkat kepada RM703 juta. Selain itu, bayaran balik pinjaman terhadap kelima-lima pinjaman mudah itu yang berakhir selewat-lewatnya pada tahun 2025 akan melibatkan aliran tunai pembayaran berjumlah RM1.43 bilion. Antara faktor kegagalan KTMB membuat pembayaran anuiti berjadual tersebut adalah disebabkan oleh kedudukan aliran tunai KTMB yang kurang memuaskan sejak diperbadankan. **Ia mengalami kerugian bersih terkumpul yang tinggi berjumlah RM1.45 bilion** (sehingga tahun 2008) dan pendapatan operasinya tidak mencukupi untuk menampung perbelanjaan operasi dan membayar balik pinjamannya.

c. Bagi mengatasi masalah penyelesaian pinjamannya, KTMB telah mengemukakan permohonan kepada Kementerian Kewangan untuk menukarkan pinjaman itu kepada ekuiti Kerajaan. Pada bulan November 2008, Kementerian Kewangan telah meminta KTMB mengemukakan cadangan opsyen untuk menstrukturkan semula semua pinjaman mudah berkenaan. KTMB telah mengemukakan cadangan penstrukturan semula pada bulan April 2009 dan ia telah mendapat kelulusan Kementerian Kewangan pada bulan September 2009.

54.4.1.5. Analisis Terhadap Kedudukan Penghutang

a. Kemudahan kredit diberikan oleh KTMB kepada syarikat swasta atau Kerajaan yang terlibat dengan perkhidmatan KTMB secara berterusan bagi

memudahkan urusan perkhidmatan dilakukan. Penghutang KTMB adalah terdiri daripada pelanggannya bagi perkhidmatan kargo; perkhidmatan antarabandar dan perkhidmatan penyewaan. Semakan Audit terhadap Penyata Kewangan Kumpulan KTMB mendapati jumlah penghutang tertunggak pada akhir tahun 2008 adalah RM40.72 juta. Selain itu, KTMB juga gagal memungut hutang daripada syarikat subsidiarinya berjumlah RM3.71 juta pada tahun 2008. Butirannya adalah seperti di jadual-jadual berikut :-

JADUAL 54.4
TUNGGAKAN PENGHUTANG MENGIKUT KATEGORI
PADA AKHIR TAHUN KEWANGAN 2006, 2007 DAN 2008

KATEGORI PENGHUTANG	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	2008 (RM Juta)
Perkhidmatan Kargo (meliputi pengangkutan barang; pengangkutan sisian; sewaan gerabak kepada kontraktor dan penggunaan wagon melebihi 15 hari di Thailand)	20.04	18.01	21.91
Perkhidmatan Antarabandar	1.22	0.74	0.82
Perkhidmatan Penyewaan Hartanah	23.10	23.37	17.99
JUMLAH	**44.36**	**42.12**	**40.72**

JADUAL 54.5
HUTANG TERTUNGGAK SYARIKAT SUBSIDIARI KEPADA KTMB
PADA AKHIR TAHUN KEWANGAN 2006, 2007 DAN 2008

SYARIKAT SUBSIDIARI	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	2008 (RM Juta)	CATATAN
Multimodal Freight Sdn. Bhd.	1.17	2.07	1.20	Yuran pengurusan, dividen, yuran gudang, polis bantuan, staf pinjaman dan caj penghantaran barang
KTM Distribution Sdn. Bhd.	-	-	0.63	Staf pinjaman
KTMB (Car Park) Sdn. Bhd.	1.33	1.21	1.07	Urusniaga dagangan, yuran pengurusan, sewa pejabat dan staf pinjaman
KTMB Catering Services Sdn. Bhd.	0.18	0.18	0.18	Yuran pengurusan
KTMB Consultancy Services Sdn. Bhd.	0.01	0.01	0.01	Yuran pengurusan
KTMB (Petaling) Sdn. Bhd.	0.02	0.02	0.02	Yuran pengurusan
KTMB (Johor Bahru) Sdn. Bhd.	0.01	0.01	0.01	Yuran pengurusan dan yuran lain
KTMB (Sungei Petani) Sdn. Bhd.	0.01	0.01	0.02	Yuran pengurusan
KTMB Heritage Hotel Sdn. Bhd.	0.03	0.03	0.03	Yuran pengurusan dan yuran lain
KTMB (Kluang) Sdn. Bhd.	0.21	0.21	0.21	Yuran pengurusan dan yuran lain
KTMB (Segamat) Sdn. Bhd.	0.33	0.33	0.33	Yuran pengurusan
JUMLAH	**3.29**	**4.08**	**3.71**	

b. Mengikut Pekeliling Kewangan KTMB 03/2007 berhubung Dasar Kawalan Kredit KTMB Dan Anak-anak Syarikat, pelanggan KTMB yang berurus niaga secara kredit perlu menyelesaikan bayaran dalam tempoh kredit yang dibenarkan iaitu 90 hari dan dihadkan kepada 95% dari jumlah jaminan yang disandarkan kepada KTMB dan/atau anak-anak syarikat. Selain itu, pekeliling tersebut juga menyatakan bahawa salah satu cara untuk

memastikan jumlah tunggakan pelanggan sentiasa berada dalam had tempoh kredit yang ditetapkan adalah dengan mengenakan caj faedah ke atas tunggakan yang melebihi tempoh masa kredit. Bagaimanapun, semakan Audit terhadap rekod dan temu bual dengan pegawai kewangan mendapati **caj faedah tidak pernah dikenakan terhadap pelanggan kredit yang melebihi tempoh yang ditetapkan** dan ini menyebabkan sebahagian pelanggan masih gagal menjelaskan tunggakan sungguhpun ada yang telah berlarutan sejak 25 tahun yang lalu. Ini disebabkan antaranya oleh ketiadaan penetapan syarat kredit di dalam perjanjian (bagi pelanggan lama) sungguhpun polisi kredit telah dikeluarkan serta kegagalan mengesan dokumen akibat kebakaran. Contohnya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 54.6
JUMLAH DAN TEMPOH TUNGGAKAN PENGHUTANG PADA AKHIR BULAN JULAI 2009

PELANGGAN	KATEGORI PENGHUTANG	JUMLAH BAKI PENGHUTANG PADA AKHIR BULAN JULAI 2009 (RM)	TEMPOH TUNGGAKAN SEHINGGA AKHIR BULAN JULAI 2009 (TAHUN)
Associated Kaolin Industries Bhd.	Kargo	32,247	10
Prestige Connections Sdn. Bhd.		216,002	9
Tenaga Nasional Bhd.		79,294	9 - 14
CIMA		44,889	4 - 18
Kemajuan Timbermin Sdn. Bhd.		43,675	23
Pamar Timber Sdn. Bhd.		28,435	24 - 25
Sem Wah Holdings Sdn. Bhd.		22,380	17
Lands & Estate Division		21,980	19
Lafarge Malayan Cement Sdn. Bhd.		25,166	11 - 14
Angkatan Tentera Malaysia (ATM)	Antarabandar	55,497	2-9
Eastern & Oriental		100,420	8
Markas 1 Briged NE		14,205	7
Markas 1 Divisyen		9,585	9
Markas 10 Briged P		7,725	4
Markas 6 Briged Su		27,869	9

Pada pandangan Audit, KTMB perlu mengambil tindakan sewajarnya untuk mengatasi masalah peningkatan tunggakan penghutangnya bagi mengelakkan masalah aliran tunai yang lebih serius kelak. Tindakan undang-undang juga patut diambil terhadap penghutang yang enggan menjelaskan hutang-hutang mereka.

54.4.2. Pengurusan Aktiviti

KTMB menyediakan 3 perkhidmatan utama iaitu kargo, komuter dan perkhidmatan antarabandar. Semakan Audit terhadap prestasi 3 perkhidmatan utama tersebut mendapati perkara berikut :-

54.4.2.1. Pendapatan Berbanding Sasaran

a. Perkhidmatan Kargo

i. Perkhidmatan kargo merupakan perkhidmatan terpenting dan menjadi sumber pendapatan terbesar kepada KTMB. Perkhidmatan kargo adalah di bawah tanggungjawab Jabatan Perkhidmatan Kargo yang menawarkan beberapa jenis perkhidmatan pelanggan seperti di jadual berikut :-

JADUAL 54.7
JENIS PERKHIDMATAN

JENIS PERKHIDMATAN	PENERANGAN	SEKTOR PERNIAGAAN
Landbridge Services	Pengangkutan kargo berkontena antara Malaysia dan Thailand di bawah perjanjian trafik bersama	• Pelabuhan Klang - Bangsue (2 tren seminggu) • Pelabuhan Klang - Hatyai (2 tren seminggu) • Pelabuhan Klang - Maptaput (1 tren seminggu) • Pasir Gudang - Hatyai (2 tren seminggu) • Prai - Trang (3 tren seminggu) • Prai - Surat Thani (3 tren seminggu)
Landfeeder Services	*Container feedering service* antara pelabuhan dan *hinterland*	• Pasir Gudang - Pelabuhan Klang (3 tren seminggu) • Padang Besar - Pelabuhan Klang (2 tren seminggu) • Prai - Pelabuhan Klang (3 tren seminggu)
South Thai Cargo	Pengangkutan melintasi sempadan kargo dari selatan Thailand ke Penang Port	• Padang Besar - Prai (5 tren seminggu tidak termasuk Ahad)
Inter Terminal Transfer (ITT)	*Movement of transhipment cargo* dari satu pelabuhan ke pelabuhan yang lain	• West Port - North Port (1 tren sehari) • Johor Port - Tanjung Pelepas (3 tren seminggu)
Inland Depot	*Movement of container cargo from dry port to port*	• Terminal Kargo Ipoh - Pelabuhan Klang (5 tren seminggu) • *Nilai Inland Port* - Pelabuhan Klang • *Segamat Inland Port* - Pelabuhan Klang
Island Train	Pergerakan tren dari Pasir Gudang ke Singapura	• Pasir Gudang - Singapura (3 tren seminggu)
Kargo Simen	Dari Perlis dan Perak ke Lembah Klang	• Bukit Ketri - Kuang (CIMA) - (2 tren seminggu) • Padang Rengas - Batu Caves (YTL) (1 tren sehari) • Chemor - Padang Jawa (Lafarge) (1 tren sehari) • Tasek - Sg Buloh (TCB) (1 tren sehari)
Kargo Gula	Dari Prai ke Lembah Klang dan Johor/Singapura (70% dari Malaya Sugar Manufacturing)	• Prai - Sg Buloh (1 tren sehari) • Prai - Tampoi (2 tren seminggu) • Prai - Singapura (2 tren seminggu)

ii. Pendapatan sebenar yang diperoleh pada tahun 2006 hingga 2008 berkurangan antara 3.4% hingga 21.4% berbanding dengan sasaran yang ditetapkan. Kekurangan ini ketara pada tahun 2008 di mana pendapatan sebenar adalah berjumlah RM115.12 juta berbanding dengan RM146.42 juta yang diunjurkan. Ini adalah disebabkan oleh pendapatan sebenar bagi hampir kesemua jenis kargo khususnya simen

dan *klinker*; kontena perkapalan dan *landbridge* tidak mencapai sasaran yang ditetapkan. Antara faktor yang mendorong kepada kegagalan pencapaian sasaran tersebut adalah penurunan permintaan tren *landbridge* yang dipengaruhi oleh masalah politik Thailand; pemberhentian tren minyak pada tahun 2008 akibat tergelincir serta kekurangan promosi. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 54.8
JUMLAH PENDAPATAN SEBENAR KARGO MENGIKUT KATEGORI PERNIAGAAN

KATEGORI PERNIAGAAN KARGO	2006 (RM Juta)		2007 (RM Juta)		2008 (RM Juta)	
	SASARAN	SEBENAR	SASARAN	SEBENAR	SASARAN	SEBENAR
Simen & *Klinker*	23.46	20.78	25.71	24.67	33.09	26.32
Kontena Perkapalan	41.82	38.97	44.60	44.17	51.91	44.35
Petrol / Minyak Galian	2.54	2.29	3.33	2.90	3.33	1.71
Kimia	4.45	4.45	4.96	6.90	3.94	5.25
Kayu Gergaji	-	0.03	-	0.01	-	-
Beras / Padi & Bran	0.18	1.03	0.35	0.10	4.21	0.16
Makanan / Minuman Proses	9.95	9.63	12.07	11.83	12.07	11.76
Bijih & Lain-lain Galian	0.91	4.42	-	3.11	-	2.14
Demurrage	-	0.00	-	0.03	-	0.17
Haulage Charge	-	0.01	-	0.01	-	0.01
RMS Charge*	-	0.00	-	0.03	-	0.01
Landbridge	32.64	30.27	39.53	25.73	36.07	20.35
Sewa Wagon	-	-	-	-	-	0.02
Lain-lain	0.96	0.91	-	2.16	1.80	2.70
Siding	-	0.18	-	0.12	-	0.17
JUMLAH	**116.91**	**112.97**	**130.55**	**121.77**	**146.42**	**115.12**

Nota : ***(*) - Road Motor Service***

b. Perkhidmatan Komuter

i. Perkhidmatan komuter mula diperkenalkan pada tahun 1995 dan ia merupakan sistem tren elektrik yang pertama di Malaysia. Sejak diperkenalkan, bilangan penumpang mencecah seramai 33,000 orang sehari dan telah meningkat kepada 110,000 orang sehari sehingga bulan Disember 2009. Bilangan penumpang tahunan yang dicatatkan pada tahun 2006, 2007 dan 2008 masing-masingnya adalah sebanyak 34.97 juta orang, 36.96 juta orang dan 36.54 juta orang. Sepanjang perkhidmatan ini diperkenalkan kepada orang ramai, pihak KTMB mempunyai 62 unit set tren yang dikenali sebagai *Electrical Multiple Unit* (EMU) dan dikategorikan mengikut kelas seperti di jadual berikut :-

JADUAL 54.9
KATEGORI DAN KELAS *ELECTRICAL MULTIPLE UNIT*

KELAS EMU	PEMBEKAL	NO. EMU	BIL. UNIT
81	JTS Hungary/Austria	1 - 18	18
82	UCW, South Africa	41 - 62	22
83	Hyundai, Korea Selatan	19 - 40	22
JUMLAH			**62**

ii. Pendapatan sebenar yang diperolehi daripada perkhidmatan komuter telah meningkat dari setahun ke setahun. Bagaimanapun, terdapat pengurangan pendapatan sebenar berbanding sasaran ditetapkan bagi tahun 2007 dan 2008 seperti di jadual berikut :-

JADUAL 54.10
PENDAPATAN SEBENAR BERBANDING SASARAN BAGI TEMPOH TAHUN 2006 HINGGA 2008

JENIS TERIMAAN	2006		2007		2008	
	SASARAN (RM Juta)	SEBENAR (RM Juta)	SASARAN (RM Juta)	SEBENAR (RM Juta)	SASARAN (RM Juta)	SEBENAR (RM Juta)
Tunai	84.00	77.56	83.70	80.91	88.20	80.69
Touch N Go	-	7.05	9.30	8.36	9.80	9.01
Lain-lain	-	0.03	-	0.03	-	0.02
JUMLAH	**84.00**	**84.64**	**93.00**	**89.30**	**98.00**	**89.72**

c. Perkhidmatan Antarabandar

i. Perkhidmatan antarabandar adalah perkhidmatan tertua KTMB. Sehingga kini, perkhidmatan antarabandar beroperasi di 47 stesen utama seluruh Malaysia dan Singapura. KTMB menawarkan 43 perkhidmatan antarabandar setiap hari merangkumi tren pantas (express) sebanyak 17 tren dan tren tempatan (secara berhenti-henti) sebanyak 26 tren. Perkhidmatan ini dibahagikan kepada 3 aliran utama iaitu Aliran Utara Selatan (Padang Besar - Singapura); Aliran Pantai Timur (Gemas - Tumpat) dan Aliran Rantau Panjang (Pasir Mas - Rantau Panjang). Bilangan penumpang yang dicatatkan pada tahun 2006 adalah 3.79 juta orang manakala jumlah penumpang bagi tahun 2007 dan 2008 adalah sama iaitu 3.71 juta orang.

ii. Adalah diperhatikan **pendapatan yang diperoleh pada tahun 2008 adalah lebih tinggi** daripada sasaran yang ditetapkan. Bagaimanapun pada tahun 2006 dan 2007, pendapatan sebenar tidak dapat mencapai sasaran yang ditetapkan. Ini antaranya disebabkan oleh faktor gerabak yang tidak dapat digunakan kerana dipinjamkan kepada perkhidmatan teras yang lain seperti komuter. Kedudukan pendapatan sebenar berbanding sasaran bagi tempoh tahun 2006 hingga 2008 adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 54.11
PENDAPATAN SEBENAR BERBANDING SASARAN
BAGI TEMPOH TAHUN 2006 HINGGA 2008

JENIS PENDAPATAN	2006 (RM Juta)		2007 (RM Juta)		2008 (RM Juta)	
	SASARAN	SEBENAR	SASARAN	SEBENAR	SASARAN	SEBENAR
Penjualan Tiket :						
Parcel	-	0.28	-	0.32	-	0.34
Kelas 1	6.29	6.36	6.51	7.07	5.76	8.10
Kelas 2	40.35	39.45	41.79	41.58	38.66	45.32
Kelas 3	22.31	21.64	23.10	22.77	28.08	23.19
Haulage Charges:						
International Express	0.91	0.86	0.90	0.94	0.90	0.62
Eastern & Orient Express	1.22	0.86	1.20	1.43	1.20	1.24
Parcels -KTMB	0.91	0.67	0.90	0.29	0.90	0.50
Penalty charges for cancellation of tickets	-	0.34	-	0.43	-	0.52
Hire of KTMB Coaches	0.10	0.05	0.10	0.24	-	0.12
Refund of tickets	-	-	-	(0.01)	-	-
Pendapatan pelbagai	-	0.44	-	-	-	-
Pendapatan pelanggan	0.91	-	0.90	0.12	0.10	0.23
JUMLAH	**73.00**	**70.95**	**75.40**	**75.18**	**75.60**	**80.18**

54.4.2.2. Pencapaian Petunjuk Prestasi Utama (KPI)

Bagi menjamin kesinambungan pengukuran produktiviti, pihak pengurusan KTMB telah mewujudkan KPI bagi setiap *Strategic Business Units* (SBU) berdasarkan kepada beberapa pengukuran iaitu aspek kewangan; pelanggan; proses dalaman serta pertumbuhan dan pembelajaran yang masing-masingnya mengandungi antara 2 hingga 14 kriteria penilaian. Semakan Audit mendapati bagi tahun 2006 hingga 2008, **SBU Kargo hanya berjaya memenuhi antara 44.8% dan 46.4% KPI yang ditetapkan**, **SBU Komuter memenuhi antara 23.5% dan 46.2% manakala SBU Antarabandar pula hanya memenuhi antara 31.8% dan 42.9% KPI yang telah ditetapkan.** Butiran pencapaian ketiga-tiga SBU untuk tahun 2006, 2007 dan 2008 adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 54.12
PENCAPAIAN TAHAP PETUNJUK PRESTASI UTAMA

SBU	2006			2007			2008		
	KRITERIA KPI	CAPAI	CAPAI (%)	KRITERIA KPI	CAPAI	CAPAI (%)	KRITERIA KPI	CAPAI	CAPAI (%)
Kargo	28	13	46.4	29	13	44.8	24	11	45.8
Komuter	26	12	46.2	26	10	38.5	17	4	23.5

SBU	2006			2007			2008		
	KRITERIA KPI	CAPAI	CAPAI (%)	KRITERIA KPI	CAPAI	CAPAI (%)	KRITERIA KPI	CAPAI	CAPAI (%)
Antarabandar	22	7	31.8	25	8	32.0	21	9	42.9
JUMLAH	**76**	**32**	**42.1**	**80**	**31**	**38.8**	**62**	**24**	**38.7**

Nota : ***KPI - Petunjuk Prestasi Utama***
SBU - Strategic Business Units

Pada pandangan Audit, pihak pengurusan KTMB perlu menilai semula pencapaian KPI bagi setiap SBU dan menetapkan strategi terbaik bagi mencapainya.

54.4.2.3. Pengurusan Aset Operasi

Semakan Audit mendapati pada umumnya, aset pengangkutan darat yang dimiliki oleh KTMB telah dapat digunakan bagi tujuan pengangkutan. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan pengurusan aktiviti KTMB seperti berikut :-

a. Ketepatan Masa Perjalanan (*Punctuality)* Tren

Daripada analisis Audit terhadap laporan *punctuality* yang dikeluarkan oleh Jabatan Operasi, adalah diperhatikan bahawa perkhidmatan KTMB berhubung aspek ketepatan masa perjalanan masih belum sepenuhnya mencapai KPI yang ditetapkan. Butirannya adalah seperti berikut :-

i. Tren Antarabandar

Berdasarkan KPI yang ditetapkan bagi tempoh tahun 2006 hingga 2009, perkhidmatan tren antarabandar perlu mencapai peratusan antara 60% (tahun 2006 dan 2007) dan 90% (tahun 2008 dan 2009) dari aspek ketepatan masa (punctuality). Semakan Audit mendapati pencapaian berhubung *punctuality* tren antarabandar bagi tahun 2006 dan 2007 secara puratanya adalah lebih baik jika dibandingkan pencapaian purata pada tahun 2008 dan 2009. Ini disebabkan KPI untuk tahun 2006 dan 2007 hanya 60% berbanding dengan 90% untuk tahun 2008 dan 2009. **Bagaimanapun, pada umumnya, pencapaian *punctuality* secara purata pada tahun 2006, 2008 dan 2009 tidak mencapai sasaran KPI yang ditetapkan**. Pihak Audit juga mendapati masalah **sistem elektrifikasi** merupakan penyumbang utama kepada masalah *punctuality* tren antarabandar pada tahun 2006. Ini berpunca daripada kegagalan peralatan; kegagalan bekalan kuasa dan talian eletrik tren terputus. Bagaimanapun, pada tahun 2007 dan 2008 masalah ini telah dapat dikurangkan. Penyumbang utama kepada masalah *punctuality* tren antarabandar pada tahun 2007 dan 2008 pula antaranya adalah disebabkan oleh perintah awas sementara oleh KTMB; kerosakan landasan; kerosakan jambatan dan struktur; kecurian peralatan

landasan; kes rel patah dan landasan disabotaj. Pencapaian berhubung *punctuality* tren antarabandar adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 54.13
TAHAP PENCAPAIAN *PUNCTUALITY* TREN-ANTARABANDAR
BAGI TEMPOH TAHUN 2006 HINGGA 2009

BULAN	JAN (%)	FEB (%)	MAC (%)	APR (%)	MEI (%)	JUN (%)	JUL (%)	OGOS (%)	SEPT (%)	OKT (%)	NOV (%)	DIS (%)	PURATA BULANAN (%)
2006	47.6	63.0	65.3	70.3	71.5	68.0	71.8	59.6	34	54.4	47.9	25.6	56.6
2007	47.2	65.2	61.0	69.1	61.1	57.5	69.4	60.7	66	73.8	67.6	42.4	61.8
2008	56	42	53	39	15	32	38	42	64	58	55	61	46.3
2009*	78	86	83	85	84	-	-	-	-	-	-	-	83.2

Nota : * - Sehingga Bulan Mei

ii. Tren Komuter

Berdasarkan KPI yang ditetapkan pada tahun 2006 hingga 2009, perkhidmatan tren komuter perlu mencapai peratusan antara 86% (tahun 2006 hingga 2008) dan 90% (tahun 2009) dari aspek ketepatan masa. **Adalah diperhatikan tahap *punctuality* tren komuter pada tahun 2006 adalah lebih baik jika dibandingkan dengan tahun 2007, 2008 dan 2009 yang tidak mencapai KPI**. Ini disebabkan antaranya oleh perselisihan tren di stesen; kekerapan kerosakan *rolling stock* serta ketidakseragaman dalam pemanduan tren. Pencapaian berhubung *punctuality* tren komuter adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 54.14
TAHAP PENCAPAIAN *PUNCTUALITY* TREN-KOMUTER
BAGI TEMPOH TAHUN 2006 HINGGA 2009

BULAN	JAN (%)	FEB (%)	MAC (%)	APR (%)	MEI (%)	JUN (%)	JUL (%)	OGOS (%)	SEPT (%)	OKT (%)	NOV (%)	DIS (%)	PURATA BULANAN (%)
2006	88	90	84	88	84	86	87	84	86	86	78	78	84.9
2007	83	84	83	78	85	83	86	75	78	80	73	77	80.4
2008	82	72	69	76	75	81	85	80	83	81	83	88	79.6
2009*	86	82	77	87	84	-	-	-	-	-	-	-	83.2

Nota : * - Sehingga bulan Mei

Pada pandangan Audit, misi KTMB untuk menyediakan perkhidmatan rel yang cekap sukar dicapai sekiranya masalah *punctuality* tidak diatasi.

b. Tahap Kebolehgunaan *Rolling Stock*

Rolling stock bagi perkhidmatan kargo terdiri daripada lokomotif dan wagon; manakala bagi perkhidmatan komuter adalah *Electrical Multiple Unit* (EMU). Bagi perkhidmatan antarabandar pula, *rolling stock* meliputi Power Generating Car (PGC - bekalan kuasa elektrik bagi kegunaan tren), lokomotif (kepala keretapi untuk menarik set-set tren dan gerabak) dan wagon. Setakat

31 Disember 2008, **KTMB mempunyai sebanyak 4,228 unit *rolling stock* di mana 192 (4.5%) daripadanya tidak dapat digunakan lagi**. Sebagai contoh, 7 daripada 60 unit EMU akan dilupuskan manakala 24 unit yang lain tidak lagi boleh berfungsi. Ini bermakna hanya 29 unit (48.3%) yang boleh berfungsi dan beroperasi sepenuhnya. Adalah diperhatikan juga usia hayat EMU adalah antara 12 hingga 15 tahun. Ini disebabkan antaranya oleh kos penyenggaraan yang tinggi serta kegagalan menyenggarakan *rolling stock* mengikut jadual. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 54.15
KEDUDUKAN UNIT *ROLLING STOCK*
YANG TIDAK DAPAT DIGUNAKAN SETAKAT 31 DISEMBER 2008

JENIS	KUANTITI ASAL	KUANTITI YANG TIDAK DAPAT DIGUNAKAN	
		UNIT	%
Power Generating Car (PGC)	24	-	-
Lokomotif	109	6	5.5
Electrical Multiple Unit (EMU)	60	(7 akan dilupuskan) (24 tidak berfungsi)	51.7
Gerabak Penumpang	282	27	9.6
4 *Wheeler Wagon*	197	128 (kesemua gerabak ini dalam proses pelupusan)	65.0
8 *Wheeler Bogie Wagon*	3,556	-	-
JUMLAH	**4,228**	**192**	**4.5**

Pada pandangan Audit, pihak pengurusan perlu mengkaji tindakan yang sesuai dengan segera bagi mengatasi masalah kekurangan *rolling stock* terutamanya *Electrical Multiple Unit* dan 4 *Wheeler Wagon* yang boleh menjejaskan operasinya.

c. Usia *Rolling Stock*

Berdasarkan Rekod Jabatan Kejuruteraan Dan Penyenggaraan Fleet bulan Mei 2010, semakan Audit mendapati **422 unit (12.1%) daripada 3,490 unit *rolling stock* KTMB mempunyai usia hayat yang melebihi 30 tahun/usia hayat yang ditetapkan**. Ini disebabkan antaranya oleh kekurangan bajet untuk pembelian *rolling stock* serta ketiadaan perancangan bagi mewujudkan program penggantian aset. Sehubungan itu, *rolling stock* KTMB dijangka berdepan dengan risiko kerosakan yang tinggi. Selain itu, penyenggaraan yang lebih kerap perlu dibuat dari semasa ke semasa bagi memastikan tahap ketersediaan (availability) *rolling stock* untuk beroperasi yang lebih baik. Analisis terhadap usia hayat *rolling stock* KTMB adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 54.16
USIA HAYAT *ROLLING STOCK* KTMB

JENIS	JUMLAH UNIT	JUMLAH UNIT MELEBIHI 30 TAHUN/USIA HAYAT YANG DITETAPKAN	PENJELASAN
Power Generating Car (PGC)	24	-	Kesemua di bawah jangka hayat 30 tahun.
Lokomotif	92	5	Kesemua 5 koc dalam proses pelupusan.
Wagon	3,133	377**	136 wagon dalam proses pelupusan; 122 wagon dalam proses *overhaul* manakala hanya 119 wagon yang lain masih digunakan.
Gerabak Penumpang	241	40	Dalam proses pelupusan/penyenggaraan.
JUMLAH	**3,490***	**422**	

Nota :

**** - Jumlah Rolling Stock KTMB Setakat Bulan Mei 2010 Berdasarkan Rekod Jabatan Kejuruteraan Dan Penyenggaraan Fleet***

***** - Usia Hayat Yang Ditetapkan Melebihi 40 Tahun***

d. Penyenggaraan *Rolling Stock*

Semakan terhadap Buku Daftar *Rolling Stock* mendapati sebahagian *rolling stock* tidak disenggara sebagaimana yang dijadualkan dalam *Master Maintenance Schedule*. Analisis Audit terhadap buku daftar yang dikemukakan pada 1 Januari 2009 mendapati **sebanyak 1,438 *rolling stock* telah melepasi tarikh penyenggaraan (overhaul) yang sepatutnya di mana sebanyak 1,062 (73.9%) *rolling stock* tidak disenggara melebihi 2 tahun dari tarikh yang ditetapkan.** Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 54.17**. Ini antaranya disebabkan oleh kekurangan depoh penyenggaraan serta tempoh penyenggaraan mengambil masa yang lama. Keadaan ini akan mendedahkan kepada risiko kerosakan yang lebih serius jika *rolling stock* berkenaan dibenarkan beroperasi seperti biasa serta mendedahkan kepada risiko keselamatan sama ada kepada pengguna atau kepada krew KTMB yang menguruskan tren berkenaan.

JADUAL 54.17
***ROLLING STOCK* YANG TIDAK DISENGGARA MENGIKUT JADUAL**

JENIS	KUANTITI *ROLLING STOCK* YANG TIDAK DIJALANKAN *OVERHAUL* BERBANDING DENGAN TARIKH SEPATUTNYA DIJALANKAN *OVERHAUL* MENGIKUT *AGEING*		
	KURANG 1 TAHUN (UNIT)	1-2 TAHUN (UNIT)	LEBIH 2 TAHUN (UNIT)
PGC	5	5	8
Locomotive	11	8	20
Coach	13	47	148
4 Wheeler Wagon	-	-	69
Crane	-	-	2
Bogie Bulk Cement	5	10	30
Bogie Bulk Sugar	2	13	11
Bogie Container Freight	68	119	216
Bogie Covered Goods	14	21	102
Bogie Covered Parcel	1	-	11
Bogie Engineering Ballast	-	-	106
Bogie Flat Low Side	6	13	46
Bogie Flat Wagon	-	1	10
Bogie Guard Brake	-	-	24

JENIS	KUANTITI *ROLLING STOCK* YANG TIDAK DIJALANKAN *OVERHAUL* BERBANDING DENGAN TARIKH SEPATUTNYA DIJALANKAN *OVERHAUL* MENGIKUT *AGEING*		
	KURANG 1 TAHUN (UNIT)	1-2 TAHUN (UNIT)	LEBIH 2 TAHUN (UNIT)
Bogie High Side	-	-	2
Bogie Horse Truck	-	-	2
Bogie Hopper Wagon	-	-	18
Bogie Log Container	6	4	55
Bogie Loco Tool Van	-	-	3
Bogie Log Wagon	-	-	20
Bogie Motor Van	-	-	13
Bogie Pallet Wagon	-	-	9
Bogie Rail Wagon	4	-	14
Bogie Tank Ammonia	-	-	11
Bogie Tank Latex	-	-	2
Bogie Tank Oil	-	-	105
Bogie Tank Water	-	-	3
Bogie Well Wagon	-	-	2
JUMLAH	**135**	**241**	**1,062**

e. Projek Baik Pulih *Electrical Multiple Unit*

i. Pada tahun 2007, Kerajaan telah menawarkan kontrak baik pulih terhadap 50 set *Electrical Multiple Unit (EMU)* kepada MKR Consortium Sdn. Bhd. (MKRC) dengan kos berjumlah RM170 juta. Surat Setuju Terima telah dikeluarkan pada 26 Disember 2006 yang memperuntukan tempoh penyiapan projek selama 33 bulan iaitu berakhir pada 11 Oktober 2009. Adalah didapati EMU telah diserahkan kepada MKRC secara berperingkat bermula pada 15 Jun 2007 dan set terakhir telah diserahkan pada 5 November 2007. Bagaimanapun, sehingga 19 Februari 2009, hanya 15 set EMU kelas 83 yang diserah kepada KTMB. Manakala 30 set EMU kelas 81 dan 82 belum dibaik pulih. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 54.18
KEMAJUAN KERJA KONTRAKTOR SEHINGGA 19 FEBRUARI 2009

KELAS EMU	KUANTITI YANG DISERAH PADA KONTRAKTOR			KEMAJUAN KERJA
	SET AKTIF	SET TIDAK AKTIF	JUMLAH	
81	10	0	10	Kerja belum dimulakan
82	13	7	20	Kerja belum dimulakan
83	20	0	20	Hanya 15 set telah diserah kepada KTMB
JUMLAH	**43**	**7**	**50**	

Nota : ***Set Aktif - Set Yang Masih Operasi***
Set Tidak Aktif - Set Yang Telah Dihentikan Dari Operasi Atas Sebab Teknikal

ii. Memandangkan kemajuan kerja yang tidak memuaskan, KTMB telah mengeluarkan surat amaran pada 14 April 2008 kepada kontraktor yang berkenaan. KTMB juga telah mencadangkan kepada Kementerian Pengangkutan untuk menamatkan perkhidmatan kontraktor tersebut. Bagaimanapun, **Kementerian Pengangkutan telah mencadangkan**

kepada Kementerian Kewangan supaya tidak menamatkan perkhidmatan kontraktor tersebut dan sebaliknya mengurangkan skop kerja kontraktor dengan mengekalkan kos asal. Cadangan tersebut telah diluluskan oleh Kementerian Kewangan. Perubahan skop kerja yang telah diluluskan adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 54.19
KELULUSAN PERUBAHAN SKOP KERJA BAIK PULIH EMU

KELAS EMU	KUANTITI YANG DISERAH PADA KONTRAKTOR		KUANTITI SEBENAR SELEPAS PENGURANGAN SKOP KERJA YANG DILULUSKAN	KELULUSAN PERUBAHAN SKOP KERJA
	KEADAAN SET	SET	SET	
81	Set Aktif	10	-	Dikeluarkan dari skop kerja kontraktor. (KTMB akan menyenggara sendiri 10 set ini untuk keperluan operasi semasa).
82	Set Aktif	13	-	13 set dikeluarkan daripada skop kerja.
	Set Tidak Aktif	7	5	5 set telah diubah skop kerja daripada *overhaul* kepada *refurbish* manakala 2 set yang lain dikeluarkan dari skop kerja.
83	Set Aktif	20	20	Kerja baik pulih hanya melibatkan 16 set sahaja. Baki 4 set ditukar skop kepada *resurrection*.
JUMLAH		**50**	**25**	

iii. Akibat ketiadaan tindakan tegas oleh pihak Kerajaan, sehingga bulan Oktober 2009 (selepas perubahan skop kerja), **status kemajuan kerja adalah 34.7% berbanding perancangan asal yang ditetapkan iaitu 59.5%. Ini menunjukkan kontraktor masih lagi gagal melaksanakan kerjanya sungguhpun skop kerja telah dikurangkan**. Semakan Audit selanjutnya mendapati kontrak tambahan ada disediakan bagi perubahan skop kerja yang dibuat tetapi masih belum ditandatangani.

Pada pandangan Audit, memandangkan skop kerja kontraktor telah dikurangkan daripada membaik pulih 50 set EMU kepada 25 set, Kementerian Kewangan tidak sepatutnya meluluskan pengurangan skop kerja tersebut tanpa mengurangkan harga kontrak selaras dengan skop kerja yang telah dikurangkan.

f. Keselamatan Laluan Tren

Berdasarkan Akta Keretapi 1991 (Akta 463), adalah menjadi tanggungjawab pengendali keretapi untuk memastikan keselamatan terjamin bagi perkhidmatan yang dilaksanakannya. Keselamatan perkhidmatan tren adalah di bawah tanggungjawab Jabatan Keselamatan KTMB. Jabatan ini dikawal oleh Unit Polis Bantuan dengan kuasa di bawah Seksyen 50, Akta Polis 1967. Jabatan

Keselamatan mempunyai 3 eksekutif dan 232 jawatan lain termasuk 20 CID (pegawai risik). Adalah didapati 3 syarikat keselamatan telah dilantik bagi menampung kekurangan kakitangan Jabatan Keselamatan. Analisis Audit terhadap rekod tangkapan dan siasatan mendapati **kejadian jenayah yang paling tinggi adalah melibatkan kes melintasi landasan dan hampir 100% tangkapan terhadap kes ini telah dibuat. Bagaimanapun, lawatan Audit ke beberapa lokasi mendapati penduduk setempat mudah untuk melintasi landasan serta tiada amaran dan tangkapan dibuat**. **Gambar 54.1 dan 54.2** menunjukkan orang awam melintasi landasan. Bilangan kes jenayah dan tangkapan yang dibuat pula adalah seperti di **Jadual 54.20.**

GAMBAR 54.1



Prai, Pulau Pinang
- Penduduk Setempat Melintas Kawasan Landasan
(20.08.2009)

GAMBAR 54.2



Pasir Mas, Kelantan
- Penduduk Setempat Melintas Kawasan Landasan
(18.08.2009)

JADUAL 54.20
STATISTIK LAPORAN KES JENAYAH DAN TANGKAPAN YANG DIBUAT OLEH POLIS BANTUAN KTMB BAGI TEMPOH TAHUN 2006 HINGGA 2008

JENIS JENAYAH	2006		2007		2008	
	LAPORAN	TANGKAPAN	LAPORAN	TANGKAPAN	LAPORAN	TANGKAPAN
Kecurian Kabel Dan ACI	54	21	37	18	42	29
Kecurian Klip	29	15	12	6	23	16
Kecurian Besi Landasan	1	1	8	6	23	14
Kecurian Pelapik Landasan	3	1	1	-	11	7
Melintasi Landasan	**233**	**224**	**155**	**155**	**92**	**92**
Seluk Saku Dalam Tren	76	39	26	14	32	16
Peras Ugut Dalam Tren	2	1	-	-	1	1
Mabuk Dalam Tren	7	4	3	3	2	2
Tiada Tiket	-	106	-	250	-	172
Mencabul	1	1	1	1	2	2

Nota : ACI - Air Core Inductor

i. Semakan Audit mendapati *Standard Operating Procedure* (SOP) yang diguna pakai oleh Penyelia Keselamatan adalah tidak seragam dan tidak diluluskan secara formal oleh Ketua Pegawai Eksekutif. SOP yang

disediakan di setiap kawasan hanya ditandatangani oleh penyelia polis bantuan KTMB di cawangan masing-masing dan pengurus besar keselamatan KTMB dan bukannya oleh Ketua Pegawai Eksekutif. Perbandingan antara SOP yang disediakan untuk kawasan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur; Butterworth, Pulau Pinang; Gemas, Negeri Sembilan; Ipoh, Perak dan Wilayah Timur mendapati butiran dalam SOP yang tidak seragam adalah seperti Peraturan Penggunaan Senjata; Baris Masuk Kerja; Pengaduan Tidak Puas Hati; Tatatertib Pemakaian Uniform; Arahan Tetap Senjata Api; Senarai Senjata Api dan Peluru Polis Bantuan; Perintah Tetap Eskot dan Perintah Tetap Kawalan Keselamatan. Selain itu, pihak Audit juga tidak dapat memastikan bahawa Jabatan Keselamatan ada menyediakan perancangan jangka panjang bagi operasinya.

Pada pandangan Audit, *Standard Operating Procedure* yang disediakan perlulah seragam dan diluluskan oleh pengurusan atasan. Selain itu, perancangan jangka panjang Jabatan Keselamatan perlu disediakan bagi menetapkan hala tuju Jabatan untuk mencapai objektifnya.

g. Pengurusan Diesel Bersubsidi

i. KTMB ketika ini memperoleh kemudahan diesel bersubsidi daripada Kerajaan apabila Kerajaan melaksanakan pemberian kemudahan ini kepada industri yang terpilih. Pemberian subsidi selepas bulan Mac 2004 dibuat melalui 2 kaedah iaitu berdasarkan penggunaan had kuota mengikut depoh (sebanyak 2.3 juta liter sebulan mulai bulan Mei 2007) dan secara *blanket approval (*sebanyak 2.5 juta liter sebulan mulai bulan Ogos 2009 hingga bulan Julai 2010).

ii. Semakan Audit mendapati semua depoh telah mendapat surat kuasa yang disahkan oleh Bahagian Penguatkuasaan, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi Dan Kepenggunaan (KPDNKK) sejak KTMB menerima subsidi minyak diesel mengikut tempoh pembaharuan surat kuasa setiap tahun. Selain itu, semua *skid tank* di setiap depoh yang dilawati tidak melebihi kuantiti (liter) minyak diesel yang ditetapkan pada satu-satu masa seperti mana arahan yang dikeluarkan melalui surat kuasa KPDNKK. Bagaimanapun, lawatan Audit ke depoh terpilih iaitu di Tumpat, Prai dan Falim mendapati beberapa kelemahan berhubung pengurusan diesel. Ini disebabkan kurangnya pemantauan dan komitmen pengurusan. Butirannya adalah seperti berikut :-

- Panduan Pengurusan Bekalan Api menggariskan beberapa perkara antaranya Buku Pengeluaran Minyak hendaklah dikemas kini setiap kali pengeluaran diesel dilakukan. Pemerhatian di depoh Tumpat mendapati **rekod berkenaan ada disediakan tetapi tidak kemas**

kini antaranya tiada tandatangan akuan penerimaan diesel oleh pemandu lokomotif.

- Peralatan yang terlibat dalam penyimpanan diesel perlu diletakkan di dalam kawasan yang berpagar dan mempunyai ciri-ciri keselamatan bagi mengelakkan risiko kecurian diesel. Bagaimanapun di depoh Falim, **didapati *outlet hose* berada di luar kawasan berpagar *skid tank* serta tiada tanda amaran diletakkan di *skid tank*. (Gambar 54.3 dan 54.4)**

GAMBAR 54.3



Depoh Falim, Perak
- Kedudukan Outlet Hose Di Luar Kawasan Berpagar Skid Tank
(21.08.2009)

GAMBAR 54.4



Depoh Falim, Perak
- Skid Tank Tidak Diletakkan Tanda Amaran
(21.08.2009)

- Alat keselamatan seperti alat mencegah kebakaran perlu disediakan dan disenggarakan mengikut tempoh tertentu bagi memastikan ianya masih boleh digunakan. Semakan Audit mendapati **alat mencegah kebakaran ada disediakan di Falim tetapi pihak Audit tidak dapat mengesahkan tarikh terakhir ia disenggarakan** kerana tiada maklumat mengenainya.

h. Pembinaan Dan Naik Taraf 5 Stesen Di Pantai Timur

i. KTMB telah melaksanakan satu perolehan secara tender terhad/terpilih dan melantik Tetuan Bharun & Associates Sdn. Bhd. melalui Kementerian Pengangkutan sebagai kontraktor setelah mendapat kelulusan daripada Kementerian Kewangan untuk membina/menaik taraf stesen di Pantai Timur iaitu di Gua Musang; Kuala Krai; Wakaf Baru; Pasir Mas dan Tanah Merah. Projek ini dibiayai oleh Kerajaan di bawah peruntukan pembangunan Rancangan Malaysia Ke-Sembilan dengan harga kontrak berjumlah RM14.13 juta. Mengikut kontrak, projek pembinaan/naik taraf ini sepatutnya dimulakan pada 18 September 2006 dan disiapkan pada 17 September 2008 iaitu dalam tempoh 24 bulan. Sekiranya kontraktor gagal menyiapkan projek ini mengikut tempoh yang ditetapkan, jumlah denda (LAD) yang boleh dikenakan adalah berjumlah

RM1,260 sehari. Semakan Audit mendapati **projek ini telah mengalami kelewatan dan lanjutan masa selama 6 bulan telah diluluskan kepada kontraktor sehingga 17 Mac 2009.**

ii. Semakan Audit selanjutnya terhadap penyata kemajuan bayaran mendapati KTMB telah membuat bayaran kepada kontraktor sehingga 31 Disember 2008 berjumlah RM12.05 juta atau 85.3% daripada jumlah keseluruhan kos projek. Bagaimanapun, **kontraktor berkenaan telah menghentikan semua kerja tapak kerana pihak kontraktor telah mengemukakan tuntutan *Variation of Price* terhadap KTMB dan hanya akan meneruskan kerja jika permintaan mereka dipenuhi. Jumlah tuntutan yang dikemukakan oleh kontraktor adalah berjumlah RM800,000 sedangkan tuntutan yang diluluskan oleh Kerajaan adalah berjumlah RM264,864 sahaja**. Perkara ini telah beberapa kali dibincangkan semasa mesyuarat KTMB dengan Kementerian Pengangkutan. **Cadangan KTMB supaya menamatkan kontraktor berkenaan juga telah dibuat**. Berikutan daripada itu, surat KTMB kepada Kementerian Pengangkutan bertarikh 20 Mei 2009 telah mengesyorkan agar status projek ini dikemukakan kepada Jawatankuasa Penyelamat Projek Sakit Peringkat Kementerian Pengangkutan (JPPSPKP) untuk keputusan selanjutnya memandangkan tiada perkembangan positif berhubung perkara tersebut. Menurut minit mesyuarat JPPSPKP pada 31 Julai 2009, **notis penamatan yang dikeluarkan oleh KTMB adalah tidak sah** dan Jawatankuasa memutuskan perkara berikut :-

- Walaupun *Extension of Time (*EOT) telah diberikan sehingga 17 Mac 2009, EOT kedua diluluskan bermula dari 18 Mac 2009 hingga 17 Jun 2009.
- *Liquidated And Ascertained Damages* (LAD) dikenakan kepada kontraktor bermula dari 18 Jun 2009 sehingga tarikh siap selepas persetujuan kedua-dua pihak.
- Rayuan *Variation of Price* hanya akan dipertimbangkan selepas mendapat kelulusan Kementerian Pengangkutan. Sekiranya kontraktor tidak menerima cadangan tersebut ataupun bersetuju dengan syarat tetapi tidak menyiapkan kerja seperti yang sepatutnya, maka kontrak akan ditamatkan.

iii. Semasa lawatan Audit ke pejabat KTMB pada 15 September 2009, pihak Audit dimaklumkan **bahawa kontraktor berkenaan masih belum meneruskan sebarang kerja tapak**. Penangguhan kerja yang masih belum sempurna dikhuatiri akan menimbulkan implikasi negatif ke atas perkhidmatan KTMB. Semakan Audit selanjutnya mendapati **tiada EOT dan Sijil Mengenai Kerja Yang Tidak Siap dikeluarkan selepas 17**

Jun 2009. Kementerian Pengangkutan (MOT) telah mengeluarkan notis penamatan kontrak di bawah Klausa 54 Perjanjian kepada kontraktor pada 30 April 2010. Walau bagaimanapun, pihak kontraktor telah mengemukakan rayuan kepada MOT agar penamatan kontrak dilaksanakan secara penamatan bersama (*mutual termination)* dengan mendapatkan kembali 50% wang tahanan. Berdasarkan perkiraan Audit, LAD yang boleh dikenakan kepada kontraktor adalah berjumlah RM399,420 untuk tempoh 317 hari.

Pada pandangan Audit, Kementerian perlu tegas dengan memastikan tindakan diambil terhadap kontraktor sebagaimana peruntukan kontrak.

54.4.3. Pematuhan Terhadap Peraturan Pengurusan Dan Kewangan Syarikat

54.4.3.1. Akta Syarikat 1965, pekeliling yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan serta Kod Tadbir Urus Korporat telah memperincikan elemen penting yang perlu dipatuhi untuk memastikan tadbir urus korporat dan kewangan yang baik dipatuhi oleh syarikat. Bagi memastikan wujudnya kawalan dalaman yang mantap terhadap pengurusan dan kewangan syarikat, KTMB juga telah menetapkan polisi dan menggariskan beberapa peraturan untuk dipatuhi seperti di jadual berikut :-

JADUAL 54.21
PERATURAN PENGURUSAN DAN KEWANGAN SYARIKAT

PERATURAN YANG DITETAPKAN	CATATAN
Discretionary Authority Limits	Menetapkan tanggungjawab dan limitasi bagi sesuatu urusan perolehan.
Pekeliling Kewangan	Menerangkan kaedah yang perlu diikuti berhubung urusan kewangan antaranya meliputi proses perolehan; prosedur pembayaran dan kutipan; dasar kawalan kredit; penggunaan panjar wang runcit serta dasar dan tatacara pentadbiran kontrak.
Perjanjian Bersama Ke-3 Antara KTMB Dengan Persatuan Pegawai KTMB Dan Perjanjian Bersama Ke-5 Antara KTMB Dengan Kesatuan Pekerja KTMB	Menerangkan tatacara berhubung terma dan syarat perkhidmatan, faedah dan lain-lain perkara yang berkaitan dengan perkhidmatan bagi kakitangan eksekutif dan bukan eksekutif.

54.4.3.2. Pekeliling Perbendaharaan Bil.12 Tahun 1993 menyatakan bahawa setiap syarikat perlu menyediakan rancangan korporat dan menetapkan strateginya bagi menentukan hala tuju syarikat dan merangka strategi pelaksanaannya. Semakan Audit mendapati KTMB telah menyediakan pelan perniagaan syarikat melalui Rancangan Perniagaan KTMB 2008 hingga 2010. Selain itu, adalah didapati pengurusan penilaian prestasi KTMB dibuat melalui pengwujudan KPI dengan menggunakan kaedah *balance score card* di mana setiap peringkat pengurusan ditetapkan sasaran yang ingin dicapai dan dipantau pencapaiannya oleh Lembaga Pengarah. Ini selaras dengan *the Blue Book-Intensifying Performance Management Practices* yang dilancarkan pada tahun 2005 oleh *Putrajaya Committee on GLC High Performance* sebagai Amalan Terbaik yang menyatakan kepentingan menyediakan Petunjuk Prestasi Utama (KPI).

54.4.3.3. Peranan wakil Kementerian Kewangan adalah penting untuk memastikan antaranya semua dasar dan arahan Kerajaan dipatuhi dan dilaksanakan sepenuhnya; syarikat berfungsi selaras dengan objektif dan tujuan penubuhannya serta sebarang tanda penyelewengan oleh mana-mana Ahli Lembaga Pengarah atau pihak pengurusan dapat dikenalpasti dengan awal. Didapati **tiada wakil Kementerian Kewangan yang dilantik menjadi Ahli Lembaga Pengarah sejak 27 April 2009 iaitu selepas perletakan jawatan wakil Kementerian Kewangan terdahulu**. **Bagaimanapun pada 16 Disember 2009, Kementerian Kewangan telah melantik seorang wakilnya.**

54.4.3.4. Pekeliling Perbendaharaan Bil. 12 Tahun 1993 pula antaranya menetapkan bahawa peraturan berkaitan dengan perbelanjaan syarikat perlu diperkemas bagi tujuan mengurangkan kos operasi dan mengelakkan pembaziran. Semakan Audit mendapati beberapa **kelemahan dalam pengurusan rekod kewangan KTMB khususnya berhubung dengan pendahuluan kepada kakitangan untuk tugas rasmi di dalam/luar negara; membeli kenderaan atau perbelanjaan kecemasan. Terdapat baki pendahuluan yang tidak berubah sejak beberapa tahun malahan ada yang berbaki negatif.** Mengikut rekod KTMB pada akhir tahun 2008, baki pendahuluan kepada kakitangan; pinjaman bagi pembelian kenderaan dan pendahuluan stesen adalah masing-masingnya berjumlah -RM45,563; RM0.26 juta dan RM0.72 juta. Bagaimanapun, pihak Audit tidak dapat mengesahkan ketepatan baki ini memandangkan rekod-rekod kewangan KTMB yang tidak kemas kini.

Pada pandangan Audit, memandangkan nilai baki pendahuluan yang tidak dapat disahkan adalah tinggi, Unit Audit Dalam disyorkan supaya membuat semakan terperinci dan melaporkan hasil semakannya kepada Jawatankuasa Audit untuk keputusan sewajarnya.

54.4.3.5. Pekeliling Perbendaharaan Bil. 10 Tahun 1993 menetapkan bahawa syarikat Kerajaan yang memperoleh keuntungan operasi yang munasabah sebelum cukai dibenarkan membayar bonus kepada kakitangannya. Pekeliling ini juga antara lainnya menjelaskan bahawa syarikat Kerajaan perlu mengemukakan cadangan bayaran bonus kakitangannya kepada Kementerian Kewangan untuk pertimbangan dan kelulusan Menteri Kewangan. Semakan Audit mendapati **sungguhpun KTMB telah mengalami kerugian bagi 3 tahun berturut-turut, namun ia telah membayar bonus kepada pegawai dan kakitangannya pada tahun 2006 dan 2008 pada kadar antara satu dan dua bulan gaji yang melibatkan perbelanjaan keseluruhan berjumlah RM17.20 juta**. Bagaimanapun, didapati pembayaran bonus bagi 2 tahun tersebut telah mendapat kelulusan daripada Kementerian Kewangan.

54.4.4. Pengurusan Syarikat Subsidiari

54.4.4.1. KTMB mempunyai 14 syarikat subsidiari milik penuh di mana 3 daripadanya adalah aktif iaitu Multimodal Freight Sdn. Bhd.; KTMB (Car Park) Sdn. Bhd. dan KTM Distribution Sdn. Bhd. **Manakala syarikat subsidiari KTMB yang lain adalah tidak aktif (dormant)**. Selain itu, KTMB juga mempunyai 5 sub-subsidiari di mana 3 **daripadanya didapati tidak aktif**. Senarai syarikat subsidiari dan sub-subsidiari KTMB adalah seperti di jadual-jadual berikut :-

JADUAL 54.22
SENARAI SYARIKAT SUBSIDIARI KTMB

SUBSIDIARI	STATUS	JENIS PERNIAGAAN	TARIKH PENUBUHAN
Multimodal Freight Sdn. Bhd.	Aktif	Penyediaan perkhidmatan, pengangkutan barang, penghantaran dan perkhidmatan berkaitan	26.09.1988
KTM Distribution Sdn. Bhd.	Aktif	Memberi khidmat kiriman ekspres dan kiriman bungkusan	08.02.1984
KTMB (Car Park) Sdn. Bhd.	Aktif	Pengendali tempat letak kereta	21.12.1994
KTMB Catering Services Sdn. Bhd.	Tidak Aktif	Katerer dan pemilik restoran	18.06.1994
KTMB (Johor Bahru) Sdn. Bhd.	Tidak Aktif	Pelaburan hartanah	21.12.1994
KTMB (Sentul) Sdn. Bhd.	Tidak Aktif	Pelaburan hartanah	01.11.1993
KTMB Consultancy Services Sdn. Bhd.	Tidak Aktif	Penyediaan perkhidmatan perundingan keretapi	16.08.1993
KTMB (Brickfields) Sdn. Bhd.	Tidak Aktif	Pelaburan hartanah	02.11.1993
KTMB (Petaling) Sdn. Bhd.	Tidak Aktif	Pelaburan hartanah	02.11.1993
KTMB (Sungei Petani) Sdn. Bhd.	Tidak Aktif	Pelaburan hartanah	21.02.1995
KTMB Heritage Hotel Sdn. Bhd.	Tidak Aktif	Pengusaha hotel, restoran dan kafe	20.12.1994
KTMB (Prai) Sdn. Bhd.	Tidak Aktif	Pelaburan hartanah	21.02.1995
KTMB (Kluang) Sdn. Bhd.	Tidak Aktif	Pelaburan hartanah	08.02.1996
KTMB (Segamat) Sdn. Bhd.	Tidak Aktif	Pelaburan hartanah	08.02.1996

JADUAL 54.23
SENARAI SUB-SUBSIDIARI KTMB

SUB-SUBSIDIARI	DIPEGANG OLEH	STATUS	BAHAGIAN KEPENTINGAN PEMILIKAN (%)	JENIS PERNIAGAAN	TAHUN PENUBUHAN
Syarikat Pengangkutan Rel Utara Sdn. Bhd.	Multimodal Freight Sdn. Bhd.	Aktif	63	Penyediaan perkhidmatan penghantaran dan pengangkutan barang	22.05.1964
KTMB Parking Pte. Ltd.	KTMB (Car Park) Sdn. Bhd.	Aktif	100	Pengurusan tempat letak kereta	Tiada Maklumat
MMF Logistics Pte. Ltd.	Multimodal Freight Sdn. Bhd.	Tidak Aktif	100	Penyediaan perkhidmatan penghantaran dan pengangkutan barang	25.09.1991

SUB-SUBSIDIARI	DIPEGANG OLEH	STATUS	BAHAGIAN KEPENTINGAN PEMILIKAN (%)	JENIS PERNIAGAAN	TAHUN PENUBUHAN
Kiriman Ekspress Sdn. Bhd.	KTM Distribution Sdn. Bhd.	Tidak Aktif	100	Penyediaan penghantaran bungkusan pintu ke pintu	20.12.1990
KTMB (Railway Village) Sdn. Bhd.	KTMB (Sentul) Sdn. Bhd.	Tidak Aktif	100	Pelaburan harta	05.11.1993

54.4.4.2. **Adalah didapati 10 daripada 14 syarikat subsidiari mengalami kerugian terkumpul secara keseluruhan yang berjumlah RM4.75 juta pada tahun 2006; RM4.95 juta pada tahun 2007 dan sejumlah RM5.18 juta pada tahun 2008**. Peningkatan kerugian secara berterusan ini turut menyumbang kepada kerugian terkumpul KTMB. Kedudukan kewangan syarikat subsidiari dan sub-subsidiari bagi tahun 2006, 2007 dan 2008 adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 54.24
KEDUDUKAN KEWANGAN SYARIKAT SUBSIDIARI BAGI TAHUN 2006, 2007 DAN 2008

PERKARA	2006		2007		2008	
	PENDAPATAN	UNTUNG/ (RUGI) TERKUMPUL	PENDAPATAN	UNTUNG/ (RUGI) TERKUMPUL	PENDAPATAN	UNTUNG/ (RUGI) TERKUMPUL
	(RM Juta)		(RM Juta)		(RM Juta)	
Multimodal Freight Sdn. Bhd.	80.55	19.24	74.65	16.19	105.73	19.84
KTM Distribution Sdn. Bhd.	16.81	17.32	17.77	18.73	19.97	20.58
KTMB (Car Park) Sdn. Bhd.	2.52	2.01	2.45	2.39	2.47	2.79
KTMB Catering Services Sdn. Bhd.	-	(0.62)	-	(0.63)	-	(0.63)
KTMB (Sentul) Sdn. Bhd.	-	13.09	-	13.06	-	13.03
KTMB Consultancy Services Sdn. Bhd.	-	(0.01)	-	(0.02)	-	(0.02)
KTMB (Brickfields) Sdn. Bhd.	-	(0.03)	-	(0.04)	-	(0.04)
KTMB (Petaling) Sdn. Bhd.	-	(0.02)	-	(0.02)	-	(0.02)
KTMB (Johor Bahru) Sdn. Bhd.	-	(0.01)	-	(0.01)	-	(0.02)
KTMB (Sungei Petani) Sdn. Bhd.	-	(0.01)	-	(0.02)	-	(0.02)
KTMB Heritage Hotel Sdn. Bhd.	-	(0.03)	-	(0.03)	-	(0.03)
KTMB (Prai) Sdn. Bhd.	-	(1.98)	-	(2.14)	-	(2.36)
KTMB (Kluang) Sdn. Bhd.	-	(0.90)	-	(0.90)	-	(0.90)
KTMB (Segamat) Sdn. Bhd.	-	(1.14)	-	(1.14)	-	(1.14)

JADUAL 54.25
KEDUDUKAN KEWANGAN SUB-SUBSIDIARI BAGI TEMPOH 2006, 2007 DAN 2008

PERKARA	2006		2007		2008	
	PENDAPATAN	UNTUNG/ (RUGI) TERKUMPUL	PENDAPATAN	UNTUNG/ (RUGI) TERKUMPUL	PENDAPATAN	UNTUNG/ (RUGI) TERKUMPUL
	(SGD Juta)		(SGD Juta)		(SGD Juta)	
MMF Logistics Pte Ltd	-	(0.83)	-	(0.83)	-	(0.84)
KTMB Parking Pte Ltd	0.33	(0.25)	0.36	(0.14)	0.42	(0.02)
(RM Juta)			(RM Juta)		(RM Juta)	
Syarikat Pengangkutan Rel Utara Sdn. Bhd.	0.11	(0.19)	0.11	(0.16)	0.11	(0.12)
Kiriman Ekspress Sdn. Bhd.	-	(0.02)	-	(0.02)	-	(0.02)
KTMB (Railway Village) Sdn. Bhd.	-	3.72	-	3.71	-	3.69

54.4.4.3. Semakan Audit mendapati cadangan untuk menutup syarikat subsidiari dan sub-subsidiari KTMB yang dormant telah dibincang dalam Mesyuarat Jawatankuasa Audit pada 31 Januari 2007 serta Mesyuarat Lembaga Pengarah pada 22 Mac dan 19 Julai 2007. Pengekalan subsidiari *dormant* tersebut menyebabkan KTMB mengalami peningkatan kerugian terkumpul berterusan dan akan terus menanggung kos yuran pengurusan seperti yuran audit dan yuran kesetiausahaan sedangkan tiada mendapat apa-apa pulangan daripada syarikat berkenaan. Penutupan kesemua syarikat subsidiari *dormant* ini dianggarkan akan memberi penjimatan berjumlah RM243,473 setahun kepada KTMB (merangkumi bayaran yuran profesional). Sehingga bulan Februari 2010, KTMB telah mengambil tindakan menutup 3 subsidiari seperti yang telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah iaitu KTMB (Kluang) Sdn. Bhd.; KTMB (Segamat) Sdn. Bhd. dan KTMB (Petaling) Sdn. Bhd.

54.4.4.4. Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 11 Tahun 1993 menyatakan bahawa semua Kumpulan Syarikat yang mempunyai keuntungan pada sesuatu tahun perlu mengemukakan cadangan pembayaran dividen kepada Kementerian Kewangan dan juga memastikan syarikat subsidiari membayar dividen kepada syarikat induk. Sekiranya tidak berbuat demikian, alasan yang munasabah perlu dikemukakan kepada Kementerian Kewangan. Terdapat 3 syarikat subsidiari yang mencatat keuntungan iaitu Multimodal Freight Sdn. Bhd. bagi tahun 2006 dan 2008 manakala KTM Distribution Sdn. Bhd. dan KTMB (Car Park) Sdn. Bhd. bagi tahun 2006, 2007 dan 2008. Semakan Audit mendapati wujud cadangan pemberian dividen kepada KTMB selaku pemegang saham dan disusuli dengan permohonan kepada Kementerian Kewangan, namun tiada sebarang maklum balas berhubung perkara tersebut diperoleh daripada Kementerian Kewangan. Semakan Audit selanjutnya mendapati tiada pembayaran dividen dibuat oleh syarikat subsidiari berkenaan bagi tahun 2006 hingga 2008 kepada KTMB. Butiran syarikat subsidiari yang mencatat keuntungan tahunan adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 54.26
SYARIKAT SUBSIDIRI YANG MENCATAT KEUNTUNGAN

SYARIKAT SUBSIDIARI	KEUNTUNGAN SEMASA		
	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	2008 (RM Juta)
Multimodal Freight Sdn. Bhd.	3.38	(3.04)	3.64
KTM Distribution Sdn. Bhd.	0.52	1.41	1.84
KTMB (Car Park) Sdn. Bhd.	0.52	0.38	0.40

Pada pandangan Audit, KTMB perlu mengkaji semula pelaburannya di dalam syarikat subsidiari dan sub-subsidiari bagi memastikan pelaburan yang dibuat memberi pulangan yang memuaskan kepada KTMB dan mengambil tindakan segera untuk menutup syarikat subsidiari dan sub-subsidiari KTMB lain yang didapati *dormant*.

54.5. SYOR AUDIT

Misi KTMB untuk menjadi pilihan utama sistem pengangkutan darat dengan menyediakan perkhidmatan rel bersepadu yang selamat, cekap dan boleh dipercayai untuk penumpang dan barang tidak mungkin dapat dicapai sekiranya kelemahan khususnya berhubung pengurusan aktiviti KTMB tidak diperbetulkan segera. Sehubungan ini, adalah disyorkan pihak pengurusan KTMB melaksanakan perkara-perkara seperti berikut :-

54.5.1. Mengkaji tindakan yang bersesuaian dengan segera bagi mengatasi masalah ketepatan masa perjalanan tren; kekurangan dan kelemahan penyenggaraan *rolling stock* serta isu berhubung keselamatan tren dan persekitaran stesen yang boleh menjejaskan operasi KTMB.

54.5.2. Mengambil tindakan sewajarnya bagi memastikan semua aset yang usang diambil tindakan pelupusan mengikut peraturan sedia ada.

54.5.3. Meminta Unit Audit Dalam membuat kajian terperinci terhadap beberapa perkara yang boleh memberi kesan ke atas prestasi kewangan syarikat khususnya seperti penyelesaian tunggakan oleh penghutang; pengesahan terhadap amaun pinjaman dan pendahuluan serta prestasi pelaburan di dalam syarikat subsidiari dan sub-subsidiari dan melaporkannya kepada Jawatankuasa Audit untuk keputusan sewajarnya.

54.5.4. Mengkaji semula pelaburan di dalam syarikat subsidiari dan sub-subsidiari bagi memastikan KTMB mendapat pulangan yang memuaskan daripada pelaburannya dan mengambil tindakan segera untuk menutup syarikat subsidiari dan sub-subsidiari KTMB yang didapati *dormant.*

54.5.5. Kementerian perlu bertindak tegas dengan mengenakan denda terhadap kontraktor kerana ketidakpatuhan pada syarat kontrak yang telah dipersetujui.

55. PENGURUSAN CYBERVIEW SDN. BHD.

55.1. LATAR BELAKANG

55.1.1. Cyberjaya telah diwujudkan untuk menjadi sebuah Bandaraya Teknologi Maklumat (Cybercity) yang lengkap dengan pelbagai kemudahan infrastruktur berasaskan *Information And Communication Technology*. Sehubungan ini, Kerajaan telah menubuhkan sebuah syarikat yang dikenali sebagai Cyberview Sdn. Bhd. (Cyberview) pada 10 Oktober 1996 dengan modal berbayar berjumlah RM332.50 juta. Tanggungjawab utama Cyberview adalah untuk memantau dan memastikan pembangunan Cyberjaya adalah selaras dengan inspirasi Kerajaan serta memberi nasihat kepada Kerajaan terhadap perkara-perkara berkaitan *Multimedia Super Corridor* (MSC).

55.1.2. Pada 7 April 1997, Kerajaan telah mempelawa 4 syarikat di bawah sektor hartanah yang terdiri daripada Kumpulan Emkay, Kumpulan Renong, Kumpulan Country Heights dan Kumpulan Landmark bersama-sama menggembeling kepakaran dalam bidang pembangunan dan membuat suntikan modal bagi menubuhkan satu konsortium yang dinamakan Setia Haruman Sdn. Bhd. (Setia Haruman) yang akan menjadi pemegang saham utama dalam Cyberview. Bagi tujuan ini, satu Perjanjian Usahasama telah ditandatangani pada 7 Mei 1997 yang menetapkan 57.9% ekuiti Cyberview dimiliki oleh Setia Haruman dan bakinya dipegang oleh 4 syarikat lain iaitu Multimedia Development Corporation Sdn. Bhd. (10.5%), Golden Hope Plantations Bhd. (10.5%), Japan Cyberview Investment Corporation (15.8%) dan Permodalan Nasional Berhad (5.3%).

55.1.3. Krisis ekonomi pada tahun 1997 telah menjejaskan perancangan pembangunan Cyberjaya ketika itu dan Cyberview mengalami masalah untuk mendapatkan pinjaman daripada pihak bank untuk membiayai projek pembangunan di Cyberjaya. Sehubungan ini, Kerajaan melalui Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD) pada 30 September 1998 mengambil alih keseluruhan saham Cyberview yang dimiliki oleh Setia Haruman dan Japan Cyberview Investment Corporation. Dengan itu MKD menjadi pemegang saham utama Cyberview dengan pegangan ekuiti berjumlah RM245 juta (73.7%).

55.1.4. Pada 30 Mac 1999, Cyberview telah menandatangani Perjanjian Pembangunan dengan Setia Haruman untuk membangunkan Cyberjaya. Syarat perjanjian tersebut telah menetapkan Cyberview sebagai pemilik tanah manakala pembangunan Cyberjaya dan penyediaan kemudahan infrastruktur diserahkan kepada Setia Haruman sebagai pemaju utama (Master Developer). Pada tarikh

yang sama, Cyberview juga telah menandatangani *Power Of Attorney* yang memberi kuasa mutlak kepada Setia Haruman untuk mentadbir dan menjual tanah kepada pihak ketiga. Pada 8 Mei 2006, satu Perjanjian Pembangunan Tambahan telah ditandatangani antara Cyberview dan Setia Haruman di mana peranan Cyberview ditambah sebagai salah satu pemaju di Cyberjaya.

55.1.5. Mulai tahun 2006, Cyberview telah diberi tanggungjawab untuk menyediakan kemudahan awam seperti pengangkutan, penyenggaraan taman awam dan lanskap yang dibiayai sepenuhnya melalui geran Kerajaan. Oleh itu, Cyberview bertanggungjawab dan berperanan sebagai pemilik, pengurus dan pemaju hartanah di samping sebagai penyedia dan penyenggara kemudahan awam. Butiran berhubung aktiviti utamanya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 55.1
AKTIVITI UTAMA CYBERVIEW

PERANAN	KETERANGAN AKTIVITI	TAHUN BERMULA AKTIVITI
Pemilik Hartanah	Menguruskan pindah milik tanah dan menyelenggara rekod berkaitan hak milik dan status tanah serta memantau pembangunan Cyberjaya	1997
Pemaju Hartanah	Menguruskan projek pembinaan hartanah	2006
Pengurus Hartanah	Mengurus pajakan bangunan dan kutipan sewa	2006
Penyedia Pengangkutan	Menyediakan sistem pengangkutan di Cyberjaya	2006
Penyenggara	Menyenggara jalan, lanskap dan taman awam	2006

55.1.6. Cyberview mempunyai 7 Ahli Lembaga Pengarah terdiri daripada Pengerusi yang merupakan wakil daripada Kementerian Kewangan, seorang Pengarah Eksekutif iaitu Pengarah Urusan Cyberview dan 5 Pengarah Bukan Eksekutif. Pengurusan Cyberview diketuai oleh Pengarah Urusan dan dibantu oleh 63 kakitangan eksekutif serta bukan eksekutif.

55.1.7. Sebagai sebuah syarikat sendirian berhad yang dimiliki oleh Kerajaan, Cyberview perlu mematuhi undang-undang dan peraturan yang ditetapkan di bawah Akta Syarikat 1965 dan peraturan lain berkaitan dengan syarikat Kerajaan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan dari semasa ke semasa.

55.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada :-

55.2.1. Prestasi kewangan Cyberview adalah memuaskan atau sebaliknya dan menentukan faktor-faktor yang mempengaruhi kepada prestasi tersebut.

55.2.2. Pengurusan aktiviti Cyberview telah dilaksanakan dengan teratur serta selaras dengan objektif yang ditetapkan.

55.2.3. Pengurusan kewangan dan tadbir urus korporat Cyberview adalah selaras dengan peraturan yang ditetapkan.

55.2.4. Pengurusan syarikat subsidiari telah dipantau oleh syarikat induk selaras dengan objektif syarikat yang ditetapkan.

55.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini meliputi aspek kewangan dan aktiviti utama Cyberview. Semakan terhadap dokumen, fail serta rekod yang berkaitan bagi tempoh tahun 2006 hingga 2009 telah dibuat di pejabat Cyberview dan Kementerian Kewangan. Analisis prestasi kewangan dijalankan berdasarkan kepada Penyata Kewangan tahun 2006, 2007 dan 2008 yang beraudit. Selain itu, temu bual dengan pegawai dan kakitangan Cyberview serta pegawai Kementerian Kewangan turut diadakan. Lawatan ke tapak projek yang dipilih juga telah dilakukan.

55.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Julai hingga November 2009 mendapati pada umumnya, kedudukan kewangan Kumpulan Cyberview adalah baik dengan mencatatkan keuntungan bagi 3 tahun berturut-turut. Bagaimanapun, pengurusan aktiviti berkaitan pentadbiran tanah, pemantauan terhadap pembangunan Cyberjaya dan perkhidmatan pengangkutan adalah kurang memuaskan. Terdapat beberapa kelemahan seperti rekod berkaitan status tanah tidak diselenggarakan dengan sempurna, kelemahan dalam pemantauan terhadap pembangunan yang dijalankan oleh Setia Haruman dan perkhidmatan sistem pengangkutan tidak dilaksanakan secara ekonomik dan cekap serta pendapatan sewa tidak diakaunkan sewajarnya. Selain itu, terdapat juga beberapa kelemahan dalam aspek pengurusan kewangan seperti ketiadaan polisi dan prosedur syarikat berkaitan aktiviti utama serta kelemahan dalam pengurusan pembayaran, aset dan sumber manusia. Penjelasaan lanjut berhubung dengan prestasi kewangan dan aktiviti Cyberview adalah seperti di perenggan-perenggan berikut :-

55.4.1. Prestasi Kewangan

Bagi tempoh tahun 2006 hingga 2008, prestasi kewangan Kumpulan Cyberview secara keseluruhannya adalah baik dengan mencatatkan keuntungan bagi 3 tahun berturut-turut sungguhpun menunjukkan pengurangan keuntungan pada tahun 2008 berbanding tahun sebelumnya. Keuntungan bersih pada tahun 2008 telah menurun dengan ketara berbanding dengan tahun 2007 disebabkan oleh Cyberview telah menerima sejumlah RM206.60 juta geran pada tahun 2007 untuk tujuan pembelian tanah di Cyberjaya. Selain itu, perbelanjaan am dan pentadbiran juga telah meningkat dari RM52.57 juta pada tahun 2007 kepada RM68.72 juta pada tahun 2008 disebabkan peningkatan perbelanjaan operasi dan emolumen. Kedudukan pendapatan dan perbelanjaan serta untung rugi bagi tempoh tahun 2006 hingga 2008 adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 55.2
PENDAPATAN, PERBELANJAAN SERTA UNTUNG RUGI KUMPULAN CYBERVIEW BAGI TAHUN KEWANGAN 2006, 2007 DAN 2008

BUTIRAN	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	2008 (RM Juta)
Pendapatan	2.66	50.55	43.78
Perbelanjaan Operasi	(1.11)	(45.41)	(30.54)
Untung Kasar	**1.55**	**5.14**	**13.24**
Lain-lain Pendapatan	242.23	364.35	159.44
Perbelanjaan Am Dan Pentadbiran	(28.05)	(52.57)	(68.72)
Untung/(Rugi) Operasi	**215.73**	**316.92**	**103.96**
Kos Kewangan	(70.63)	(73.41)	(68.15)
Untung/(Rugi) Sebelum Cukai	**145.10**	**243.51**	**35.81**
Cukai	(3.91)	(0.02)	(0.13)
Untung/(Rugi) Selepas Cukai	**141.19**	**243.49**	**35.68**

55.4.2. Prestasi Dan Pengurusan Aktiviti

55.4.2.1. Pentadbiran Tanah

a. Pada tahun 1996, Kerajaan Persekutuan telah mengenal pasti tanah seluas 2,894 hektar di Mukim Dengkil, Daerah Sepang, Selangor untuk diwartakan sebagai *Cyberjaya Flagship Zone* (CFZ) yang meliputi sebahagian besar kawasan Cyberjaya. Kerajaan Negeri Selangor melalui Seksyen 3(a), Akta Pengambilan Tanah 1960 telah membuat pengambilan tanah tersebut dan mewartakan dalam Warta Kerajaan Negeri 243. Mesyuarat Jemaah Menteri pada 19 November 1997 pula telah bersetuju bahawa keseluruhan tanah ini dipindah milik daripada Kerajaan Negeri Selangor kepada Pesuruhjaya Tanah Persekutuan melalui peruntukan Perkara 83(8), Perlembagaan Persekutuan dan seterusnya dipindah milik kepada Cyberview melalui Perkara 86(1), Perlembagaan Persekutuan iaitu secara pajakan 99 tahun. Bagaimanapun, Cyberview telah membuat rayuan untuk mendapatkan status CFZ secara pegangan kekal (freehold land) dan ini telah dipersetujui semasa Mesyuarat Jemaah Menteri pada 19 Januari 1998. Lot tanah yang diambil alih meliputi tanah milik individu, tanah milik Kerajaan Negeri Selangor dan tanah rizab adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 55.3
LOT TANAH YANG DIAMBIL ALIH OLEH KERAJAAN PERSEKUTUAN

TANAH	JUMLAH LOT	LUAS (Hektar)
Hak Milik Individu	331	2,388
Kerajaan Negeri Selangor	33	382
Rizab	-	124
JUMLAH	**364**	**2,894**

b. Cyberview telah menanggung kos pengambilan tanah hak milik individu manakala tanah Kerajaan Negeri Selangor dan tanah rizab telah ditukar hak milik tanpa sebarang kos pengambilan. Setakat 30 Ogos 2009, sejumlah RM1.37 bilion telah dibayar kepada pemilik tanah individu. Cyberview membayar pampasan ini melalui pinjaman Kerajaan Persekutuan berjumlah RM408.50 juta dan pinjaman Bank Pembangunan Dan Infrastruktur Malaysia Berhad berjumlah RM500 juta. Manakala bayaran pampasan selebihnya dibiayai melalui bantuan Kerajaan Persekutuan.

c. Berdasarkan kepada Pelan Susun Atur yang diluluskan oleh Majlis Perbandaran Sepang bertarikh 3 September 2009, hanya 1,580 daripada 2,817 hektar boleh digunakan bagi tujuan pembangunan dan selebihnya dikekalkan sebagai kawasan lapang, utiliti/infrastruktur dan rizab jalan serta pemisah jalan. Daripada 1,580 hektar tanah tersebut, sejumlah 1,499 hektar tanah adalah untuk dijual kepada pelabur untuk dimajukan manakala sebanyak 81 hektar pula dibangunkan bagi projek kemudahan awam. Setakat 31 Disember 2009, sejumlah 35% hektar tanah tersebut telah dijual kepada pelabur. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 55.4
STATUS PENJUALAN TANAH SETAKAT 31 DISEMBER 2009

KAWASAN	JUMLAH KELUASAN (Hektar)	KELUASAN TANAH YANG TELAH DIJUAL	
		(Hektar)	(%)
Perumahan	633	110	17.4
Perdagangan	620	285	45.9
Industri Kecil	4	0	-
Institusi Awam Dan Swasta	125	81	64.8
Pembangunan Bercampur	117	49	41.9
JUMLAH	**1,499**	**525**	**35.0**

d. Semakan Audit mendapati perkara-perkara seperti berikut :-

i. Mengikut Perjanjian Pembangunan, Setia Haruman perlu mengemukakan laporan berkaitan status penjualan tanah, perjanjian jual beli ditandatanganinya dengan pembeli dan status pembangunan infrastruktur yang telah dilaksanakan kepada Cyberview bagi tujuan pemantauan. Bagaimanapun didapati Setia Haruman tidak mengemukakan laporan berkaitan kepada Cyberview sejak tahun 2004. Selepas teguran Audit, pihak pengurusan Cyberview pada 3 Mei 2010 telah meminta Setia Haruman mengemukakan laporan berkala dan didapati satu unit iaitu *Legal And Government Liasion Department* telah dipertanggungjawabkan untuk memantau pembangunan Cyberjaya.

ii. Mengikut Perjanjian Pembangunan, Setia Haruman dikehendaki memastikan urusan pentadbiran tanah dibuat mengikut undang-undang. Sehubungan ini, Setia Haruman perlu memastikan pembeli tanah (pihak ketiga) yang membina bangunan memohon hak milik strata di bawah

Seksyen 8, Akta Hak Milik Strata 1985. Bagaimanapun tindakan ini tidak dilaksanakan oleh Setia Haruman dan ini telah mengakibatkan notis siasatan telah dikeluarkan oleh Pejabat Tanah Dan Galian Negeri Selangor kepada Cyberview sebagai pemilik tanah kerana gagal memohon hak milik strata. Menurut maklum balas, Setia Haruman tidak memindahkan tanah tersebut kepada pembeli kerana pembeli tidak membayar sepenuhnya harga jualan tanah. Pada bulan Mei 2010, Setia Haruman telah menghantar surat peringatan kepada pembeli untuk menjelaskan segera bayaran tertunggak agar proses pengeluaran hak milik dapat diselesaikan. Pihak Audit juga telah dimaklumkan bahawa Pejabat Tanah Dan Galian Negeri Selangor telah mengetahui status kes ini dan sedang berurusan secara terus dengan Setia Haruman.

Pada pandangan Audit, Cyberview perlu memastikan Setia Haruman mengemukakan laporan status penjualan tanah dan pembangunan Cyberjaya agar pemantauan dapat dijalankan dengan cekap dan berkesan.

55.4.2.2. Pembangunan Cyberjaya

a. Bagi merealisasikan visi pembangunan Cyberjaya, Cyberview telah diberi tanggungjawab untuk membangunkan Cyberjaya sebagai sebuah bandaraya yang lengkap dengan pelbagai kemudahan infrastruktur. Mengikut model pembangunan Cyberjaya, Cyberview bertanggungjawab untuk memantau keseluruhan pembangunan di Cyberjaya manakala Setia Haruman sebagai pemaju utama (Master Developer) perlu menguruskan penjualan tanah dan menyediakan infrastruktur asas. Multimedia Development Corporation (MDeC) pula perlu membantu Cyberview mempromosikan Cyberjaya serta menarik pelabur. Selain menyediakan kawasan perumahan, perdagangan dan institusi kepada pelabur, Cyberview juga perlu memastikan kemudahan utama seperti taman; fasiliti rekreasi; terminal pengangkutan bas; masjid; sekolah; balai polis; balai bomba dan *market centre* disediakan untuk kemudahan orang awam.

b. Berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada Setia Haruman, pihak Audit mendapati setakat 31 Disember 2009, sebanyak 34% hektar tanah sedang dan telah dimajukan melibatkan 80 projek di mana 7 daripada 8 kemudahan awam yang dirancang telah disediakan sama ada oleh Setia Haruman, Cyberview atau pihak berkuasa terlibat. Hanya pembinaan masjid masih dalam perancangan Majlis Perbandaran Sepang walaupun tanah bagi pembangunan tersebut telah pun diperuntukkan oleh Setia Haruman kepadanya. Didapati pembangunan di Cyberjaya telah dilaksanakan melalui 2 fasa iaitu Fasa 1 dan Fasa 2 di mana bagi tempoh tahun 1999 hingga 2008, Setia Haruman telah menumpukan pembangunan di Fasa 1 dan mulai tahun 2008 pula, penumpuan pembangunan adalah meliputi kedua-dua fasa tersebut. Setakat 31 Disember 2009, prestasi pembangunan bagi Fasa 1


adalah 60%. Selain itu, 60.5% daripada keseluruhan jalan yang merangkumi infrastruktur asas di Cyberjaya telah disiapkan oleh Setia Haruman. Butiran mengenai status pembangunan tanah Cyberjaya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 55.5
STATUS PEMBANGUNAN TANAH CYBERJAYA SETAKAT 31 DISEMBER 2009

JENIS PEMBANGUNAN	KELUASAN TANAH UNTUK PEMBANGUNAN	KELUASAN TANAH YANG TELAH DIBANGUNKAN		KELUASAN TANAH DALAM PEMBANGUNAN		JUMLAH KESELURUHAN	
	(Hektar)	(Hektar)	(%)	(Hektar)	(%)	(Hektar)	(%)
Perumahan	633	20	3.2	90	14.2	110	17.4
Perdagangan	620	123	19.8	60	9.7	183	29.5
Industri Kecil	4	-	-	-	-	-	-
Institusi Awam Dan Swasta	125	81	64.8	-	-	81	64.8
Pembangunan Bercampur	117	94	80.3	8	6.8	102	87.2
Projek Kegunaan Awam	81	61	75.3	-	-	61	75.3
JUMLAH	**1,580**	**379**	**24.0**	**158**	**10.0**	**537**	**34.0**

c. Tahap pembangunan yang dicatatkan adalah rendah berbanding pelan perniagaan asal pada tahun 1997. Antara faktor yang mempengaruhi kelembapan pembangunan di Cyberjaya adalah krisis kewangan yang melanda negara-negara Asia pada tahun 1997 dan 1998, persaingan yang sengit daripada Bandaraya Teknologi Maklumat di sekitar negara Asia serta pemberian status MSC yang tertumpu kepada syarikat teknologi yang berasaskan penyelidikan dan pembangunan. Mulai tahun 2003, MDeC yang bertanggungjawab mempromosikan Cyberjaya telah membuka peluang kepada syarikat teknologi dalam bidang *Shared Service Outsourcing* untuk beroperasi di Cyberjaya dengan menyewa atau memajak bangunan. Secara tidak langsung langkah ini telah meningkatkan aktiviti penjualan tanah di Cyberjaya. Carta berikut menunjukkan peningkatan berterusan penjualan tanah di Cyberjaya mulai tahun 2004 :-

CARTA 55.1
STATUS PENJUALAN TANAH BAGI TEMPOH TAHUN 1998 HINGGA 2009



d. Bagi tempoh tahun 2002 hingga 2009, Cyberview telah merancang untuk melaksanakan 22 projek bernilai RM953.53 juta. Setakat bulan Ogos 2009, sebanyak 13 projek telah disiapkan, 4 projek masih dalam pelaksanaan manakala 5 projek masih belum dilaksanakan seperti di jadual berikut :-

JADUAL 55.6
PROJEK PEMBINAAN DIRANCANG DAN DILAKSANAKAN SETAKAT 31 OGOS 2009

PROJEK	TAHUN DIRANCANG UNTUK DILAKSANAKAN	KOS PROJEK (RM Juta)	STATUS PELAKSANAAN
Malaysia Design Technology Centre	2002	58.68	Siap
InventQjaya	2003	82.08	Siap
SME Technopreneur Centre 1	2004	38.47	Siap
Kelab Komuniti Tasik Cyberjaya	2005	24.25	Siap
SME Technopreneur Centre 2	2006	27.52	Siap
Dell Global Business Centre	2006	94.91	Siap
Sport Arena	2006	2.99	Siap
Jambatan ke Rumah Kelab	2007	1.90	Siap
Satyam Global Delivery Campus	2008	155.22	Siap
Basis Bay Data Centre	2008	21.09	Siap
Park n Ride	2008	3.23	Siap
IMPACT Building	2008	23.88	Siap
Creative Multimedia Complex/Digital Media Zone	2009	21.18	Siap
Perhentian Bas Berbumbung Dan Lorong Pejalan Kaki	2006 2007 2008	4.49	Dalam Pelaksanaan
Pembinaan Rumah Mampu Milik	2007	5.00	Dalam Pelaksanaan
Knowledge Worker Development Institute (KWDI)	2008	88.64	Dalam Pelaksanaan
Hewlett Packard Office Campus	2009	233.00	Dalam Pelaksanaan
Sekolah Antarabangsa	2007	23.00	Belum Dilaksanakan
Terminal Pengangkutan Awam	2007	3.00	Belum Dilaksanakan
Incubator	2008	9.00	Belum Dilaksanakan
Klinik Kesihatan	2008	20.00	Belum Dilaksanakan
Pembesaran Rumah Kelab	2008	12.00	Belum Dilaksanakan
JUMLAH		**953.53**	

e. Semakan Audit selanjutnya mendapati beberapa kelemahan dalam pengurusan pembangunan Cyberjaya oleh pihak-pihak yang terlibat seperti berikut :-

i. Cyberview tidak memantau pembangunan yang dilaksanakan oleh Setia Haruman walaupun tanggungjawabnya sebagai pemantau terhadap pembangunan Cyberjaya telah jelas dinyatakan dalam objektif penubuhannya. Ketiadaan kakitangan bagi tempoh tahun 1999 hingga 2003 dan bilangan kakitangan yang terhad iaitu antara 8 hingga 63 bagi tempoh tahun 2004 hingga 2009 telah menyebabkan Cyberview tidak dapat memantau pembangunan Cyberjaya secara menyeluruh. Ini telah

mengakibatkan maklumat berkaitan pembangunan Cyberjaya tidak diselenggarakan dengan lengkap oleh Cyberview.

ii. Bagi meluaskan lagi peranan Cyberview sebagai pemaju hartanah, Kementerian Kewangan telah meluluskan pelantikan OPUS International (M) Bhd. (OPUS) sebagai Perunding Pengurus Projek pada bulan Oktober 2005. Mengikut *Project Management Agreement* yang ditandatangani antara Cyberview dan OPUS bertarikh 13 September 2006, antara lainnya OPUS dikehendaki menyimpan dan merekodkan data berkaitan tanah serta melaporkan status pindah milik tanah. Semakan Audit mendapati **sejak daripada tarikh pelantikan sehingga 31 Disember 2009, laporan berhubung dengan pentadbiran tanah tidak pernah dikemukakan kepada Cyberview. Tiada bukti menunjukkan Cyberview mengambil sebarang tindakan terhadap kegagalan OPUS mematuhi syarat perjanjian ini**. Menurut maklum balas, perkara berkaitan pentadbiran tanah telah dikeluarkan daripada skop kerja OPUS mulai tahun 2010 dan ia diarahkan untuk memberikan tumpuan terhadap pelaksanaan projek pembangunan.

iii. Projek perumahan D'Cassia yang mula dibina oleh Setia Haruman pada tahun 2001 telah terbengkalai sejak tahun 2003 (**Gambar 55.1 dan 55.2**). Setia Haruman memaklumkan antara punca projek terbengkalai adalah kerana masalah kewangan yang dihadapi olehnya pada ketika itu. Bagaimanapun pada bulan Mac 2010, syarikat telah menender semula projek tersebut untuk dibangunkan semula.

GAMBAR 55.1



GAMBAR 55.2



Apartmen D'Cassia, Cyberjaya
- Projek Terbengkalai Sejak 2003
(21.10.2009)

Pada pandangan Audit, pihak Cyberview perlu meneruskan usaha untuk mempertingkatkan pemantauan terhadap pembangunan Cyberjaya bagi memastikan inspirasi Kerajaan untuk menjadikan Cyberjaya sebuah Bandaraya Teknologi Maklumat yang serba lengkap tercapai.

55.4.2.3. Sistem Pengangkutan di Cyberjaya

a. Pada 7 September 2006, Cyberview telah dimandatkan oleh Kerajaan untuk menyediakan 2 jenis pengangkutan bas di Cyberjaya iaitu *Dedicated*

Transportation System (DTS) dan *Cyberjaya Shuttle Services* (CSS). Perkhidmatan DTS telah dimulakan pada bulan Julai 2006 dan ia merupakan satu sistem pengangkutan khusus kepada pekerja syarikat multinasional di Cyberjaya. Manakala CSS pula merupakan perkhidmatan bas percuma kepada orang awam di Cyberjaya. Kedua-dua sistem pengangkutan ini menggunakan perkhidmatan Rangkaian Pengangkutan Integrasi Deras Sdn. Bhd. (RAPID KL) yang dilantik secara rundingan terus dengan kelulusan Kementerian Kewangan. Kedua-dua perkhidmatan ini dibiayai sepenuhnya melalui geran Kerajaan. Bagi tempoh bulan Julai 2006 hingga Jun 2009, sejumlah RM83.80 juta telah diperuntukkan. Setakat 30 Ogos 2009, sejumlah RM67.70 juta telah dibelanjakan untuk tujuan tersebut.

b. Perkhidmatan bas CSS bermula pada bulan Julai 2007 dengan penganugerahan kontrak perkhidmatan bernilai RM1.83 juta setiap tahun dengan penyediaan 7 bas bagi 3 laluan bas di sekitar Cyberjaya. Semakan Audit mendapati pengurusan perkhidmatan bas CSS telah diuruskan dengan baik.

c. Pada 12 April 2007, satu Perjanjian Perkhidmatan *(Service Agreement)* bagi DTS telah ditandatangani antara Cyberview dengan RAPID KL. Mengikut perjanjian, sebanyak 53 bas disediakan oleh RAPID KL untuk beroperasi 24 jam sehari untuk 7 hari seminggu bagi 7 laluan di sekitar Lembah Klang dan Seremban. Caj yang dikenakan bagi setiap bas adalah RM1,400 sehari termasuk cukai perkhidmatan. Perjanjian ini berkuat kuasa pada 1 Julai 2006 sehingga 30 Jun 2008. Syarat perjanjian membenarkan penyambungan kontrak dibuat berdasarkan *month to month basis* berkuat kuasa dari 1 Julai 2008 sehingga *Service Agreement* yang baru ditandatangani oleh kedua-dua pihak. Adalah didapati *Service Agreement* yang baru telah ditandatangani pada 12 Mac 2010. Semakan Audit terhadap pengurusan perkhidmatan DTS mendapati perkara berikut :-

    i. Perkhidmatan DTS telah disediakan berdasarkan permintaan daripada syarikat multinasional yang beroperasi di Cyberjaya dan setiap penumpang perlu membeli pas bulanan yang bernilai RM213.00 untuk perjalanan yang disediakan. Sebahagian besar (75%) daripada permintaan adalah daripada Hongkong Shanghai Bank Corporation (HSBC). Semakan Audit terhadap laporan yang disediakan mendapati tempahan pas bulanan berbanding pembelian sebenar oleh HSBC adalah kurang iaitu antara 22.4% hingga 24.8% bagi tempoh bulan Jun 2007 hingga Ogos 2009. Ini telah menyebabkan Cyberview mengalami kekurangan pendapatan jangkaan berjumlah RM3.65 juta bagi tempoh bulan Jun 2007 hingga November 2009 seperti di **Jadual 55.7**. Cyberview memaklumkan ia akan mengkaji semula tempahan syarikat ini secara berkala serta telah mendapat persetujuan daripada Kementerian Kewangan untuk mengurangkan kekerapan perjalanan bagi waktu bukan puncak.

JADUAL 55.7
STATUS PAS BULANAN MENGIKUT TEMPAHAN DAN SEBENAR BAGI HONGKONG SHANGHAI BANK CORPORATION

TEMPOH	TEMPAHAN (Bilangan)	SEBENAR (Bilangan)	PERBEZAAN (%)	KEKURANGAN HASIL (RM Juta)
Jun - Disember 2007	17,696	13,730	22.4	0.84
Januari - Disember 2008	30,252	22,757	24.8	1.60
Januari - November 2009	23,875	18,182	23.8	1.21
JUMLAH	**71,823**	**54,669**	**23.9**	**3.65**

ii. Lawatan Audit di *pick-up point* bagi laluan 703 Bangi - Sg. Ramal - Putrajaya dan laluan 707 Banting - Dengkil - Cyberjaya mendapati penumpang sebenar yang menggunakan perkhidmatan adalah jauh lebih rendah daripada yang ditempah. Analisis selanjutnya mendapati perbezaan antara penumpang sebenar berbanding yang ditempah oleh syarikat adalah antara 0.3% hingga 33.1% bagi tempoh tahun 2008 hingga bulan Ogos 2009 seperti di **Jadual 55.8**. Daripada analisis *cost-benefit*, sekiranya kedua laluan ini ditamatkan, Cyberview dapat menjimatkan sejumlah RM2.60 juta seperti di **Jadual 55.9**. Selain itu, Cyberview perlu memastikan HSBC memberi maklumat yang tepat mengenai kakitangannya yang memerlukan perkhidmatan pengangkutan DTS di Cyberjaya bagi mengelakkan pembaziran. Selepas teguran Audit, Cyberview memaklumkan kedua-dua laluan ini akan ditamatkan setelah mendapat persetujuan Kementerian Kewangan.

JADUAL 55.8
BILANGAN PENUMPANG SEBENAR BERBANDING YANG DITEMPAH UNTUK LALUAN 703 DAN 707

TEMPOH	LALUAN 703		PERBEZAAN (%)	LALUAN 707		PERBEZAAN (%)
	TEMPAH	SEBENAR		TEMPAH	SEBENAR	
Januari - Disember 2008	2,403	1,765	26.6%	661	659	0.3%
Januari - Ogos 2009	1,422	952	33.1%	580	411	29.1%

JADUAL 55.9
ANALISIS *COST-BENEFIT* BAGI LALUAN 703 DAN 707 BAGI TEMPOH TAHUN 2008 SEHINGGA BULAN OGOS 2009

TEMPOH	LALUAN 703			LALUAN 707			JUMLAH DIJIMATKAN*** (RM)
	PENDAPATAN* (RM)	KOS ** (RM)	KOS LEBIHAN (RM)	PENDAPATAN* (RM)	KOS ** (RM)	KOS LEBIHAN (RM)	
Januari – Disember 2008	375,945	1,022,000	646,055	140,367	1,022,000	881,633	1,527,688
Januari – Ogos 2009	202,776	680,400	477,624	87,543	680,400	592,857	1,070,481
KOS KESELURUHAN	**578,721**	**1,702,400**	**1,123,679**	**227,910**	**1,702,400**	**1,474,490**	**2,598,169**

Nota : **** - Pendapatan Adalah Berdasarkan Bilangan Penumpang Dengan Kadar Pas Bulanan RM213 Seorang***
***** -Kos Adalah Berdasarkan Anggaran Sewaan 2 Bas Untuk Satu Laluan Dengan Kadar RM1,400 Sehari Bagi Sebuah Bas***
****** Penjimatan Kos Sekiranya Laluan 703 Dan Laluan 707 Ditamatkan***

Pada pandangan Audit, pihak Cyberview perlu mengkaji semula keperluan sebenar perkhidmatan DTS dari semasa ke semasa dan seterusnya mencari alternatif lain yang lebih ekonomik serta efisien.

55.4.2.4. Penyewaan Dan Pajakan Bangunan

a. Kerajaan telah memperkenalkan pelbagai pendekatan bersepadu bagi membantu sektor Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS). Antaranya adalah membina pusat usahawan tekno PKS di Cyberjaya yang khusus dalam bidang teknologi maklumat. Cyberview telah membina bangunan SME1 dan SME2 di mana Bangunan SME1 yang disiapkan pada 2004 mempunyai 158 unit ruang pejabat manakala SME2 yang disiapkan pada 2006 pula menyediakan 146 unit ruang pejabat.

b. Semakan Audit mendapati *Sports Arena* yang melibatkan kos pembinaan berjumlah RM2.98 juta telah dibina pada tahun 2006 untuk menyediakan kemudahan berteraskan komuniti di Cyberjaya antaranya kemudahan sukan, tempat letak kereta dan medan selera. Kerja pembinaan tersebut telah diambil kira sebagai perubahan kerja di bawah Projek SME1. Menurut Prosedur Belian Dan Tender Cyberview, setiap kerja tambahan hendaklah dibuat atas tapak pembinaan kontrak sahaja. Memandangkan kedudukan Sports Arena tersebut adalah bersetentangan dengan bangunan SME 1, pihak Audit berpendapat ia tidak boleh diambil kira sebagai perubahan kerja di bawah Projek SME1 kerana skop kerjanya adalah berlainan dan ia tidak selaras dengan polisi syarikat.

c. Setakat 4 Disember 2009, sebanyak 97% daripada ruang pejabat di SME1 dan 98.7% daripada ruang pejabat di SME2 telah disewakan. Jumlah hasil sewa bagi tempoh tahun 2007 hingga Mei 2009 adalah RM10.86 juta. Selain penyewaan bangunan, Cyberview juga menyewakan kemudahan awam seperti Sport Arena dan Kelab Komuniti kepada orang awam dari semasa ke semasa untuk menjalankan aktiviti komuniti di Cyberjaya dan jumlah hasil sewaan adalah RM0.89 juta bagi tempoh tahun 2007 hingga bulan Mei 2009. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 55.10
JUMLAH HASIL SEWAAN BANGUNAN CYBERVIEW

BANGUNAN	JUMLAH HASIL SEWAAN BANGUNAN CYBERVIEW			
	2007 (RM Juta)	2008 (RM Juta)	JANUARI - MEI 2009 (RM Juta)	JUMLAH (RM Juta)
SME1	3.35	3.19	1.32	7.86
SME2	-	1.50	1.50	3.00
Sports Arena	0.03	0.03	0.02	0.08
Kelab Komuniti Taman Tasik	0.32	0.31	0.18	0.81
JUMLAH	**3.70**	**5.03**	**3.02**	**11.75**

d. Cyberview telah diarahkan untuk membina bangunan InventQjaya pada tahun 2003. Pembinaan bangunan ini menggunakan dana yang diterima secara langsung oleh Cyberview daripada Kementerian Kewangan berjumlah RM100 juta. Daripada maklum balas Cyberview, bangunan ini telah disewakan kepada InventQjaya Sdn. Bhd. (InventQjaya) bermula 15 Disember 2003. Semakan Audit mendapati perkara seperti berikut :-

   i. Perjanjian penyewaan tidak ditandatangani oleh Cyberview dengan InventQjaya. Syarikat ini juga tidak pernah menjelaskan sewa bangunan sepanjang tempoh ia menduduki bangunan. Sehingga 5 Disember 2006, jumlah sewa yang tertunggak adalah RM26.43 juta bagi tempoh tahun 2003 hingga 2006. Menurut maklum balas, perjanjian tersebut tidak ditandatangani kerana pihak InventQjaya enggan mengadakan rundingan dengan Cyberview untuk memuktamadkan perjanjian.

   ii. Bagi tempoh tahun 2003 hingga 2006, sewaan tersebut tidak pernah diperakaunkan dalam penyata kewangan Cyberview. Pada bulan Disember 2006, Mahkamah Tinggi telah mengisytiharkan penggulungan InventQjaya dan Cyberview telah membuat tuntutan bayaran sewa kepada Mahkamah Tinggi pada bulan Januari 2007.

Pada pandangan Audit, kegagalan Cyberview memastikan perjanjian sewaan dimeterai sebelum membenarkan penyewa menduduki bangunan boleh menyebabkannya tidak dapat mengambil tindakan undang-undang terhadap penyewa yang enggan menjelaskan sewa dan seterusnya merugikan syarikat. Selain itu, kegagalan merekodkan sewa yang tidak diterima dalam penyata kewangan boleh menyebabkannya tidak memberi gambaran sebenar tentang kedudukan kewangan Cyberview dan seterusnya boleh menjejaskan penilaian *stakeholder* terhadap prestasi syarikat.

55.4.3. Pematuhan Terhadap Peraturan Pengurusan Dan Kewangan Syarikat

55.4.3.1. Akta Syarikat 1965, pekeliling yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan serta Kod Tadbir Urus Korporat telah memperincikan elemen penting yang perlu dipatuhi oleh syarikat untuk memastikan tadbir urus korporat dan pengurusan kewangan yang baik. Bagi memastikan wujudnya kawalan dalaman yang mantap terhadap pengurusan dan kewangan syarikat, Cyberview telah menetapkan polisi dan menggariskan beberapa peraturan untuk dipatuhi seperti di **Jadual 55.11**. Namun, pihak Audit mendapati Cyberview **tidak mengeluarkan sebarang manual berkaitan pengurusan aktivitinya.** Semua tugas yang dilaksanakan pada masa kini adalah sama ada menerima arahan secara lisan atau dilaksanakan mengikut amalan pegawai terdahulu.

JADUAL 55.11
POLISI DAN PERATURAN YANG DITETAPKAN OLEH CYBERVIEW

PERATURAN YANG DITETAPKAN	CATATAN
Terma Dan Syarat Perkhidmatan	Meliputi urusan hal-hal sumber manusia berkaitan pengambilan, pemberhentian, pelucutan dan syarat-syarat dalam perkhidmatan serta faedah-faedah perkhidmatan yang diluluskan melalui Resolusi Pengarah bertarikh 24 April 2004.
Prosedur Belian Dan Tender	Meliputi had-had perolehan kerja, barangan dan perkhidmatan bagi memastikan perolehan dapat dibuat dengan cara yang betul dan selaras dengan polisi Kerajaan serta menunjukkan akauntabiliti kepada pemegang saham. Diluluskan oleh Lembaga Pengarah semasa Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah ke-21 pada 31 November 2004.

55.4.3.2. Semakan Audit selanjutnya mendapati perkara berikut :-

a. Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 12 Tahun 1993 menyatakan bahawa setiap syarikat perlu menyediakan rancangan korporat dan menetapkan strateginya untuk mencapai matlamat bagi tempoh jangka pendek (tahunan) dan jangka panjang serta rancangan tersebut perlu selaras dengan objektif penubuhannya. Didapati Cyberview ada menyediakan rancangan korporat dengan memperincikan strategi jangka pendeknya dan jangka panjangnya. Namun, **strategi untuk mencapai fungsinya sebagai pemegang hartanah yang bertanggungjawab memantau pembangunan Cyberjaya (salah satu objektif penubuhan syarikat) tidak dinyatakan dalam rancangan korporat**. **Pada pandangan Audit, Lembaga Pengarah perlu memastikan rancangan korporat tahunan serta strategi pelaksanaannya disediakan dengan mengambil kira semua aktiviti utama syarikat serta selaras dengan objektif penubuhannya agar syarikat dapat mencapai misi dan visinya serta menjamin kepentingan Kerajaan sebagai pemegang saham syarikat.**

a. Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 9 Tahun 1993, Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan perlu ditubuhkan bagi syarikat-syarikat Kerajaan bertujuan untuk meningkatkan lagi kawalan ke atas syarikat-syarikat serta mengawasi semua fungsi Unit Audit Dalam. Jawatankuasa ini perlu bermesyuarat sekali dalam tempoh 3 bulan atau 4 kali setahun. Semakan Audit mendapati Jawatankuasa Audit dianggotai oleh 3 orang Pengarah Bukan Eksekutif dan telah bermesyuarat buat pertama kalinya pada 31 Mei 2006. Bagi tempoh bulan Julai 2006 hingga Jun 2009, Jawatankuasa ini hanya **bermesyuarat 6 kali daripada 12 kali yang sepatutnya dan hanya membincangkan perkara berkaitan penyata kewangan syarikat**. Bagaimanapun, fungsi Jawatankuasa Audit bagi mengkaji isu-isu yang dibangkitkan oleh Unit Audit Dalam tidak dapat dijalankan kerana Unit Audit Dalam belum ditubuhkan dan perkhidmatan audit swasta juga tidak digunakan untuk menjalankan pengauditan berkaitan prestasi dan operasi syarikat. Selepas teguran Audit, Unit Audit Dalam telah ditubuhkan pada 1 September 2009 manakala Ketua Unit Audit Dalam telah dilantik pada 23 Mac 2010. **Pada pandangan Audit, Lembaga Pengarah perlu memantau prestasi Jawatankuasa Audit supaya dapat berfungsi dengan berkesan.**

b. Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 10 Tahun 1993 antara lainnya menetapkan bahawa syarikat Kerajaan yang memperolehi keuntungan operasi yang munasabah sebelum cukai dibenarkan boleh membayar bonus kepada kakitangannya dengan syarat mendapat kelulusan daripada Kementerian Kewangan terlebih dahulu. Semakan Audit mendapati Cyberview telah membayar bonus kepada kakitangannya berjumlah antara RM283,800 hingga RM747,978 setahun pada kadar antara 2.5 hingga 5 bulan gandaan gaji bagi tempoh tahun 2006 hingga 2008 dengan kelulusan Kementerian Kewangan. Analisis Audit mendapati walaupun syarikat mendapat keuntungan 3 tahun secara berterusan, namun adalah diperhatikan keuntungan yang diperolehi adalah disebabkan oleh pendapatan faedah, penerimaan geran dan pulangan ke atas ekuiti yang dibayar oleh Setia Haruman. Menurut maklum balas Cyberview, syarikat telah dapat menjana keuntungan kasar daripada aktivitinya. Bagaimanapun, pihak Audit berpendapat pengiraan bagi pembayaran bonus perlu berdasarkan kepada keuntungan operasi seperti yang ditetapkan oleh pekeliling. Oleh demikian, sekiranya perbelanjaan pentadbiran dan operasi diambil kira, syarikat akan mengalami kerugian bagi 3 tahun tersebut dan pembayaran bonus sehingga 5 bulan adalah tidak selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 12 Tahun 1993 yang menghendaki syarikat perlu mengawal rapi kos operasi syarikat.

d. Mengikut Akta Syarikat 1965, Lembaga Pengarah bertanggungjawab memastikan tindakan sewajarnya diambil bagi memastikan aset-aset syarikat diuruskan dengan cekap dan teratur serta mematuhi peraturan yang ditetapkan. Tatacara pengurusan aset ada ditetapkan dalam Prosedur Dan Polisi Kewangan Cyberview. Adalah didapati pengurusan aset Cyberview mempunyai beberapa kelemahan seperti daftar aset yang diselenggarakan tidak seragam dan lengkap, verifikasi dan pelupusan terhadap aset tidak pernah dibuat mengakibatkan terdapat aset yang telah rosak dan tidak boleh digunakan masih disimpan. Selepas teguran Audit, pihak Cyberview telah mengambil tindakan pelupusan terhadap aset terlibat.

e. Surat Arahan Ketua Setiausaha Perbendaharaan bertarikh 15 Julai 1985 menghendaki semakan semula gaji dan lain-lain faedah untuk pegawai dan kakitangan syarikat yang dimiliki oleh kerajaan perlu mendapat persetujuan Menteri Kewangan. Bagaimanapun **didapati semakan semula gaji kakitangan Cyberview telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah pada tahun 2007 tanpa mendapat persetujuan Menteri Kewangan.**

Pada pandangan Audit, Kementerian Kewangan perlu memastikan Cyberview mematuhi kehendak Akta Syarikat serta semua pekeliling yang telah dikeluarkannya bagi memastikan pengurusan kewangan syarikat dibuat dengan teratur dan berhemat. Cyberview juga perlu menyediakan polisi dan prosedur bagi aktiviti utamanya serta memastikan ia dipatuhi sepenuhnya.

55.4.4. Pengurusan Syarikat Subsidiari

Cyberview mempunyai 2 syarikat subsidiari iaitu Pendinginan Megajana Sdn. Bhd. dan Fabtronic Sdn. Bhd. Kedua-dua syarikat subsidiari ini telah berupaya mempertingkatkan operasinya dengan memperolehi keuntungan berjumlah RM0.77 juta dan RM1.04 juta masing-masing bagi tahun 2009. Kedudukan kewangan syarikat subsidiari Cyberview adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 55.12
KEDUDUKAN KEWANGAN SYARIKAT SUBSIDIARI CYBERVIEW
BAGI TAHUN 2007, 2008 DAN 2009

SYARIKAT SUBSIDIARI	KEUNTUNGAN /(KERUGIAN) SEBELUM CUKAI			TARIKH SYARIKAT DIAMBIL ALIH
	2007 (RM Juta)	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	
Pendinginan Megajana Sdn. Bhd.	(4.30)	0.25	0.77	30 Mac 2007
Fabtronics Sdn. Bhd.	(0.08)	(0.05)	1.04	11 Jun 2007

55.5. SYOR AUDIT

Objektif penubuhan Cyberview oleh Kerajaan adalah bagi memastikan pembangunan Cyberjaya sejajar dengan aspirasi Kerajaan. Bandaraya Teknologi Maklumat Cyberjaya serba lengkap tidak mungkin akan tercapai sekiranya Cyberview tidak memantau pembangunan Cyberjaya secara cekap dan berkesan. Bagi mengatasi kelemahan yang dibangkitkan, pihak yang bertanggungjawab disyorkan supaya melaksanakan perkara seperti berikut :-

55.5.1. Kementerian Kewangan perlu memastikan Cyberview memantau secara rapi pentadbiran tanah dan pembangunan Cyberjaya serta memastikan Setia Haruman Sdn. Bhd. sebagai pemaju utama yang diberi mandat untuk memajukan Cyberjaya mengemukakan laporan lengkap berkaitan urusan tanah dan pembangunan Cyberjaya kepada Cyberview.

55.5.2. Lembaga Pengarah perlu memastikan Cyberview mengkaji semula keperluan sebenar perkhidmatan *Dedicated Transportation System* dari semasa ke semasa dan seterusnya mencari alternatif lain yang lebih ekonomik serta efisien.

55.5.3. Lembaga Pengarah perlu memastikan Cyberview mengawal rapi kutipan sewa bangunan serta mengambil tindakan yang tegas terhadap penyewa yang gagal membayar tunggakan sewa.

55.5.4. Kementerian Kewangan perlu memastikan Cyberview mematuhi kehendak Akta Syarikat serta semua pekeliling yang telah dikeluarkannya bagi memastikan pengurusan kewangan Cyberview yang meliputi pengurusan pembayaran, aset serta sumber manusia dibuat dengan telus, teratur dan berhemat.

KEMENTERIAN KEWANGAN

56. PENGURUSAN MIMOS BERHAD

56.1. LATAR BELAKANG

56.1.1. MIMOS Berhad (MIMOS) ditubuhkan pada bulan November 1996 dan merupakan sebuah syarikat milik Kerajaan dengan modal berbayar berjumlah RM100 juta. MIMOS diwujudkan untuk menjalankan penyelidikan dan pembangunan; merangka polisi dan pembangunan *Information And Communication Techonology* (ICT) nasional, pembangunan perniagaan serta terlibat dalam pemprosesan dan pengeluaran fabrikasi *wafer* semikonduktor. Pada bulan September 2005, Kerajaan telah memutuskan untuk menyusun semula aktiviti MIMOS dengan mengekalkannya sebagai entiti penyelidikan dan pembangunan dalam bidang teknologi maklumat, semikonduktor dan mikroelektronik di samping berperanan aktif untuk menjana syarikat teknologi baru. Manakala penglibatan MIMOS dalam perniagaan diasingkan secara berperingkat dan diambil alih oleh syarikat lain di bawah Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD). Melalui penyusunan semula MIMOS, aktiviti serta operasi keseluruhannya dibiayai sepenuhnya daripada peruntukan Kerajaan melalui geran dan peruntukan di bawah Rancangan Malaysia.

56.1.2. MIMOS mempunyai 8 Ahli Lembaga Pengarah yang terdiri daripada Pengerusi, seorang Pengarah Eksekutif iaitu Presiden MIMOS, 6 Pengarah Bukan Eksekutif di mana 2 daripada mereka adalah wakil Kerajaan iaitu daripada Kementerian Kewangan dan Kementerian Sains, Teknologi Dan Inovasi (MOSTI). Pengurusan MIMOS diketuai oleh Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif dibantu oleh 721 kakitangan eksekutif serta bukan eksekutif. MIMOS menjalankan aktiviti utama seperti di jadual berikut :-

JADUAL 56.1
AKTIVITI UTAMA MIMOS BERHAD

AKTIVITI	KETERANGAN
Penyelidikan Dan Pembangunan	Menjalankan penyelidikan gunaan dalam bidang teknologi maklumat dan komunikasi dengan tumpuan kepada teknologi terkehadapan.
Pengurusan Harta Intelek	Menguruskan pengeluaran hasil penyelidikan dan pembangunan harta intelek seperti paten, reka bentuk, cap dagangan dan hak cipta.
Pengkomersialan Dan Pemindahan Teknologi	Menguruskan penghasilan platform dan prototaip yang dibina oleh MIMOS untuk dikomersialkan melalui pemindahan kepada syarikat tempatan.
Pusat Kecemerlangan	Mengadakan usaha sama dalam bidang penyelidikan dan pembangunan dengan pihak universiti dan industri.
Pusat Teknologi Semikonduktor	Menjalankan kegiatan pembangunan industri semikonduktor iaitu fabrikasi *wafer* bagi kegunaan penyelidikan dan pembangunan MIMOS, universiti serta syarikat swasta.

56.1.3. Sebagai sebuah syarikat berhad yang dimiliki oleh Kerajaan, MIMOS perlu mematuhi undang-undang dan peraturan yang ditetapkan di bawah Akta Syarikat 1965 dan peraturan lain berkaitan syarikat Kerajaan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan dari semasa ke semasa.

56.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada :-

56.2.1. Prestasi kewangan MIMOS adalah memuaskan atau sebaliknya dan menentukan faktor yang menyumbang kepada prestasi tersebut.

56.2.2. Pengurusan aktiviti MIMOS telah dilaksanakan dengan teratur serta selaras dengan objektif yang ditetapkan.

56.2.3 Pengurusan kewangan dan tadbir urus korporat MIMOS adalah selaras dengan peraturan yang ditetapkan.

56.2.4. Pengurusan syarikat subsidiari telah dipantau oleh syarikat induk selaras dengan objektif yang ditetapkan.

56.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini meliputi aspek kewangan dan aktiviti utama MIMOS. Semakan terhadap dokumen, fail serta rekod yang berkaitan bagi tempoh tahun 2007 hingga bulan September 2009 telah dibuat di pejabat MIMOS, Kementerian Kewangan serta MOSTI. Analisis prestasi kewangan dijalankan berdasarkan kepada penyata kewangan tahun 2006, 2007 dan 2008 yang beraudit. Temu bual dengan pegawai dan kakitangan MIMOS serta lawatan ke tapak projek yang dipilih juga telah dilakukan.

56.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Jun hingga September 2009 mendapati pada umumnya, prestasi kewangan Kumpulan MIMOS adalah kurang memuaskan di mana syarikat ini telah mengalami kerugian berterusan bagi tempoh tahun 2006 hingga 2008. Ini adalah kerana mulai tahun 2006, MIMOS telah diarahkan untuk memberi penumpuan kepada aktiviti penyelidikan dan pembangunan manakala aktiviti berorientasikan perniagaan telah diambil alih atau dijual. Oleh itu, pendapatan yang diperolehi daripada aktiviti sampingannya tidak dapat menampung keseluruhan perbelanjaan operasi dan pentadbiran syarikat. Manakala pengurusan aktiviti berkaitan pengurusan harta intelek pula mempunyai beberapa kelemahan seperti tempoh pemprosesan paten tidak ditetapkan; paten telah lewat difailkan ke Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO); perjanjian antara ejen dan MIMOS tidak ditandatangani dan akaun Pusat Teknologi Semikonduktor tidak diaudit. Selain itu, terdapat beberapa kelemahan dalam aspek tadbir urus korporat serta pengurusan kewangan seperti penambahan kakitangan yang ketara tidak diperakukan oleh Kementerian Kewangan; pengauditan prestasi terhadap aktiviti utama MIMOS tidak diberi penekanan oleh Unit Audit Dalam serta kelemahan dalam pengurusan aset, bayaran dan sumber manusia. Berikutan penjualan syarikat subsidiari dan bersekutunya, MIMOS juga menghadapi

kesulitan untuk mengutip balik pendahuluan tertunggak daripada syarikat-syarikat tersebut. Penjelasan lanjut berhubung dengan perkara yang ditemui adalah seperti di perenggan-perenggan berikut :-

56.4.1. Prestasi Kewangan

Kumpulan MIMOS telah memperolehi pendapatan melalui caj perkhidmatan profesional dan hasil jualan produk semikonduktor serta perolehan geran daripada Kerajaan. Bagaimanapun, Kumpulan MIMOS telah mengalami kerugian bersih berjumlah RM46.88 juta bagi tahun 2006, RM13.86 juta bagi tahun 2007 dan RM32.64 juta bagi tahun 2008. Peningkatan kerugian pada tahun 2008 adalah disebabkan oleh peningkatan ketara perbelanjaan operasi berjumlah RM6.87 juta (176.6%), belanja am meningkat sejumlah RM16.06 juta (16.5%) serta pelupusan syarikat subsidiarinya iaitu MIMOS Smart Computing Sdn. Bhd. dengan kerugian berjumlah RM40.67 juta bagi tahun 2008 kerana pelupusan dibuat pada nilai nominal RM1 kepada MKD. Antara faktor penyumbang kepada peningkatan perbelanjaan operasi adalah perbelanjaan gaji dan upah serta perolehan komponen alat ganti peralatan penyelidikan. Mengikut MIMOS, pendapatan berbentuk caj terhadap pemindahan teknologi masih belum dapat diperolehi kerana kesukaran untuk mendapat syarikat tempatan yang mempunyai keupayaan bagi membangun dan mengkomersialkan hasil penyelidikannya. Kedudukan pendapatan dan perbelanjaan serta untung rugi Kumpulan MIMOS bagi tahun kewangan 2006, 2007 dan 2008 adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 56.2
PENDAPATAN, PERBELANJAAN SERTA UNTUNG RUGI KUMPULAN MIMOS BAGI TAHUN KEWANGAN 2006, 2007 DAN 2008

BUTIRAN	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	2008 (RM Juta)
Pendapatan	66.09	15.48	16.27
Perbelanjaan Operasi	(41.36)	(3.89)	(10.76)
Untung Kasar	**24.73**	**11.59**	**5.51**
Lain-lain Pendapatan	4.86	7.69	8.96
Geran Daripada Kerajaan	61.14	121.66	139.29
Perbelanjaan Am Dan Pentadbiran	(117.43)	(139.84)	(193.31)
Untung Operasi	**(26.70)**	**1.10**	**(39.55)**
Kos Kewangan	(0.11)	(0.16)	(0.12)
Saham Dari Hasil Perkongsian	1.63	0.83	3.65
Untung/(Rugi)Sebelum Cukai	**(25.18)**	**1.77**	**(36.02)**
Pelarasan Cukai	(1.51)	(2.76)	0.44
Keuntungan/(Kerugian) Dari Jualan Syarikat Subsidiari Dan Bersekutu	(20.19)	(12.87)	2.94
Untung/(Rugi) Bersih Semasa	**(46.88)**	**(13.86)**	**(32.64)**

56.4.2. Prestasi Dan Pengurusan Aktiviti

Aktiviti penyelidikan dan pembangunan MIMOS melibatkan 8 bidang penyelidikan teknologi gunaan iaitu keselamatan siber, sistem enkripsi, pengkomputeran grid, teknologi komunikasi, informatif lanjutan, teknologi pengetahuan dan sistem tenaga

mikro serta sistem mikro dan *micro electro mechanical system* (MEMS). Hasil daripada penyelidikan dan pembangunan tersebut adalah harta intelek yang terdiri daripada paten, reka bentuk industri, cap dagangan dan hak cipta. Hasil penyelidikan yang berpotensi untuk dikomersialkan dibangunkan sebagai prototaip atau platform teknologi dan kemudiannya dipindahkan kepada syarikat tempatan atau penerima teknologi MIMOS yang terpilih. Sebagai balasan, MIMOS akan mengenakan bayaran atau caj bagi pemindahan yang diberikan kepada syarikat tersebut. Syarikat terpilih ini akan memberikan nilai tambah dengan cara membangunkan produk atau aplikasi mengikut keperluan dan kehendak pasaran. Selain daripada terlibat dalam bidang penyelidikan, MIMOS juga menyediakan perkhidmatan sokongan dan usaha sama berkaitan penyelidikan dan pembangunan dengan universiti tempatan melalui Pusat Kecemerlangan. MIMOS juga dipertanggungjawabkan untuk menjalankan pembangunan industri semikonduktor melalui Pusat Teknologi Semikonduktor. Semakan Audit mendapati perkara seperti berikut :-

56.4.2.1. Aktiviti Penyelidikan Dan Pembangunan

a. Prestasi Aktiviti

Di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9), sebanyak 14 program berkaitan penyelidikan yang merangkumi 37 projek bernilai RM400 juta telah diluluskan oleh Kerajaan untuk dilaksanakan oleh MIMOS. Setakat 31 Disember 2009, MIMOS telah menyiapkan 7 projek penyelidikan manakala 28 projek yang lain masih dalam pelaksanaan di mana prestasi projek adalah antara 15% hingga 95%. Dua projek pula ditamatkan kerana teknologi tersebut telah usang (out dated). Sejumlah RM234.09 juta telah dibelanjakan bagi melaksanakan 35 projek tersebut setakat akhir bulan Disember 2009. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 56.3
PRESTASI PROJEK PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN
SETAKAT 31 DISEMBER 2009

PROGRAM/ (KOD)	NAMA PROJEK	BELANJA (RM Juta)	PERATUS KEMAJUAN PROJEK	
			JADUAL PELAKSANAAN (%)	STATUS (%)
Semantic Technology Platform / (0901)	*- Multimodal Integration* *- Perpetual Cognisance* *- Knowledge Management* *- Knowledge Representation* (Keempat-empat projek ini disatukan kepada AIC Semantic *Components R1.0)*	9.23	85	81
	P-POD iaitu *Personaliser Platform On Demand*	1.62	Fasa 2 70	70
	Semantic Technology Platform	6.55	80	78
Communication Networks & Solutions / (0903)	*IpV6 Infrastructure Support*	2.85	Siap	100
	Advance Mobile Platform	0.63	80	75
	IPv6 Enterprise Infrastructure Platform	0.33	(Siap pada Jun 2009 & bergabung dengan *Advance*	100

PROGRAM/ (KOD)	NAMA PROJEK	BELANJA (RM Juta)	PERATUS KEMAJUAN PROJEK	
			JADUAL PELAKSANAAN (%)	STATUS (%)
			Mobile Platform	
	IP Multimedia Subsystem	3.53	80	80
	Advanced 6LoWPAN Platform	0.20	85	85
	Multi Service Convergence Network	0.09	(Telah Siap Dan Bergabung dengan projek Gen WiWi)	100
High Performance Computing Grid / (0904)	*Grid Computing*	45.73	85	85
Trusted Communication Network / (0905)	*Quantum Network*	9.17	85	79
	Free Space Quantum Key Distribution (QKD) Research	7.88	100	91
	Fibre-based QKD	5.46	100	95
	Universal Security Processor	3.00	100	100
	Quantum Random Number Generator (QRNG)	3.73	Siap	100
Trusted Computing Platforms and Devices / (0906)	*Trusted Platform Module*	4.30	90	76
	MIMOS Security Platform & Services	0.15	60	50 (Projek diluluskan pada 25 Mei 2009)
Advanced Informatics / (0907)	*Intelligent Surveillance Platform*	3.33	50 (Peruntukan bajet yang baru pada Jun 2009)	25
	Intelligent Resources Monitoring	0.27	Fasa 1-Siap	100
	Intelligent Patents Recognition Component For Dynamic Object Classification (IPRCDOC)	2.21	89	80
Internet Communication Products and Devices / (0908)	*Wireless Data Terminal*	0.55	Ditamatkan	-
	WiMAX Broadband Subscriber System On Chip	21.42	85	85
	WiMAX RF Transceiver	0.12	Ditamatkan	-
	WiMAX Mesh Network	1.64	100	90
	Wiwi	26.02	75	70
MEMS (Microelectro Mechanical System) / (0909)	*MSCAN (MEMS – Micro Electro Mechanical System)*	21.01	85	80
	PA PoC – Sistem *Personaliser*	0.51	85	80
Microelectronics / (0910)	*Microelectronics*	11.51	70	70
Nanoelectronics / (0911)	*Nanoelectronics*	15.76	70	75
Competitive Technology Intelligence Program / (0912)	*Competitive Technology Intelligence Program*	5.11	85	95
Micro Energy System / (0913)	*Micro Energy System*	0.64	25	15
Environmental Technologies / (0914)	*Environmental Technologies*	4.54	55	60

PROGRAM/ (KOD)	NAMA PROJEK	BELANJA (RM Juta)	PERATUS KEMAJUAN PROJEK	
			JADUAL PELAKSANAAN (%)	STATUS (%)
Pemantapan Daya Saing Industri E&E/ (8200)	Fabrikasi *Wafer*	15.00	Siap	100
JUMLAH		**234.09**		

b. Berdasarkan jadual tersebut di atas, pihak Audit juga mendapati kelewatan berlaku dalam pelaksanaan projek berbanding dengan perancangan mengikut jadual iaitu antara 2% hingga 25%. Ini adalah kerana terdapat projek yang perlu diubah skopnya atau digabungkan dalam beberapa projek di bawah program yang sama supaya pelaksanaannya menepati dengan perkembangan teknologi semasa.

56.4.2.2. Aktiviti Pengurusan Harta Intelek

a. Prestasi Aktiviti

Pengurusan harta intelek dilaksanakan oleh Bahagian Pengurusan Harta Intelek MIMOS yang bertanggungjawab mengendalikan pemfailan dan pendaftaran paten/reka bentuk perindustrian/cap dagangan di Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO). Setakat bulan Disember 2009, MIMOS telah membuat 738 ciptaan di mana 338 ciptaan telah didaftarkan sebagai paten/reka bentuk perindustrian. Manakala pendaftaran paten/reka bentuk perindustrian bagi 400 ciptaan lagi masih belum difailkan ke MyIPO. Selain itu, 78 pemfailan cap dagangan juga telah dibuat ke pejabat MyIPO. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 56.4
KEDUDUKAN CIPTAAN DAN PENFAILAN PATEN/REKA BENTUK PERINDUSTRIAN SETAKAT 31 DISEMBER 2009

TAHUN	BILANGAN		
	CIPTAAN	PATEN DIFAILKAN	PATEN BELUM DIFAILKAN
2006 dan sebelumnya	90	32	58
2007	188	105	83
2008	250	152	98
2009	210	49	161
JUMLAH	**738**	**338**	**400**

b. Semakan Audit terhadap pengurusan paten mendapati perkara seperti berikut :-

i. Bagi memastikan pengurusan paten dilaksanakan dengan berkesan, satu *Standard Operating Procedures* (SOP) perlu disediakan sebagai

rujukan dan panduan pengurusan pemprosesan paten. SOP yang sedia ada menghendaki supaya setiap ciptaan penyelidik yang diterima oleh Bahagian Pengurusan Harta Intelek dibawa ke Mesyuarat Jawatankuasa Harta Intelek (IP) untuk kelulusan. **Namun, SOP berkenaan tidak menetapkan tempoh masa bagi proses tersebut. Ketiadaan tempoh yang ditetapkan ini telah menyebabkan 22 daripada 25 ciptaan yang diaudit mengambil masa antara 3 hingga 44 minggu untuk dibawa ke Jawatankuasa IP MIMOS daripada tarikh Bahagian Pengurusan Harta Intelek menerima ciptaan tersebut. Manakala 3 ciptaan yang lain pula masih belum dibawa ke Jawatankuasa IP setakat 31 Disember 2009.** Kegagalan menetapkan tempoh masa ini boleh menyebabkan hak eksklusif terhadap sesuatu ciptaan gugur sekiranya ciptaan tersebut didaftarkan oleh pihak lain terlebih dahulu dan seterusnya ini boleh mengakibatkan hasil penyelidikan tidak memberi manfaat yang dijangkakan. Bagaimanapun, MIMOS sedang dalam proses mengemas kini SOP bagi menambah baik pengurusan paten.

ii. Setelah ciptaan diluluskan oleh Jawatankuasa IP, ejen akan dilantik bagi menjalankan *novelty search, patent drafting* dan seterusnya memfailkan paten ke MyIPO. Bagi pemprosesan ciptaan, tempohnya adalah berkait rapat dengan kompleksiti sesuatu projek teknologi dan keperluan penyelidikan yang dilakukan. SOP menetapkan tempoh pengurusan pemprosesan paten ke MyIPO ialah 11 minggu daripada tarikh ia diluluskan oleh Jawatankuasa IP. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati **10 daripada 22 ciptaan yang telah diluluskan oleh Jawatankuasa IP telah lewat difailkan ke MyIPO iaitu antara 1 hingga 24 minggu.**

iii. MIMOS menggunakan perkhidmatan profesional daripada 22 ejen paten terdiri daripada ejen dalam dan luar negara untuk menguruskan pemfailan paten. Semakan Audit **mendapati tiada perjanjian formal ditandatangani bagi menentukan skop kerja, tempoh masa menyiapkan pemfailan paten dan kadar yuran yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak.**

iv. Perjanjian *Non Disclosure Agreement* (NDA) perlu ditandatangani antara MIMOS dengan ejen paten untuk memastikan kandungan dan maklumat ciptaan atau paten tidak didedahkan kepada pihak luar. Pihak Audit hanya dapat mengesahkan 17 daripada 22 ejen yang dilantik telah menandatangani NDA. **Manakala perjanjian bagi 3 agen dari luar negara masih dalam proses penyediaan dan 2 perjanjian lagi didapati tidak disempurnakan dengan teratur sama ada ia tidak ditandatangani oleh pegawai yang bertanggungjawab, tiada tarikh**

kuat kuasa perjanjian, ruangan maklumat ejen atau surat perakuan penerimaan oleh ejen tidak diisi.

c. Reka Bentuk Perindustrian (Industrial Design)

Semakan Audit mendapati **tiada tempoh tertentu ditetapkan bagi memproses ciptaan reka bentuk perindustrian** bermula daripada ciptaan diterima sehingga ia difailkan ke MyIPO. Didapati **4 daripada 12 reka bentuk perindustrian telah difailkan dalam tempoh satu hingga 2 bulan dan 4 reka bentuk industri yang lain melebihi 3 bulan. Pihak Audit tidak dapat menentukan tarikh ciptaan diterima oleh Bahagian Pengurusan Harta Intelek bagi 4 reka bentuk perindustrian tahun 2006 dan 2007 kerana daftar berkaitannya tidak diselenggarakan.** Kegagalan menetapkan tempoh masa menyukarkan kawalan terhadap proses ini serta boleh menyebabkan reka bentuk lewat didaftarkan. Seterusnya, hak eksklusif terhadap sesuatu reka bentuk hilang begitu sahaja dan mengakibatkan tenaga pegawai penyelidikan dan perbelanjaan bayaran pemprosesan menjadi sia-sia.

d. Cap Dagangan (Trademark)

Semakan Audit mendapati satu permohonan cap dagangan dengan fail rujukan 00016033-*I-Knowledge Center* telah ditarik balik (withdrawn) daripada pendaftaran di MyIPO. Manakala salinan borang permohonan bagi 6 daripada 15 fail yang lain tidak disimpan dalam fail yang berkaitan dan ini menyukarkan rujukan dibuat bagi memastikan status pemfailan cap dagangan ke pejabat MyIPO. **Sebagai langkah kawalan, penyelenggaraan dokumen pengurusan cap dagangan perlu diuruskan dengan lengkap dan teratur bagi memudahkan pemantauan setiap pendaftarannya ke MyIPO dan mengelakkan ia daripada ditarik balik.**

Pada pandangan Audit, pengurusan MIMOS perlu mengkaji kelemahan dan mengambil langkah penambahbaikan terhadap pengurusan harta inteleknya supaya dapat melindungi hak eksklusif terhadap sesuatu paten/ reka bentuk/cap dagangan. *Standard Operating Procedures* perlu dikemaskinikan dengan segera.

56.4.2.3. Pengkomersialan Dan Pemindahan Teknologi

a. Prestasi Aktiviti

Setakat bulan Disember 2009, sebanyak 148 syarikat tempatan yang berpotensi telah dikenal pasti untuk bekerjasama dan menerima teknologi MIMOS. Adalah didapati 14 platform/prototaip teknologi daripada program *Communication Networks & Solutions - Kod 0903*, *Knowledge Technology Platform-0902, Semantic Technology Platform - Kod 0901, Trusted Communication Network – Kod 0905* dan *MEMS (Microelectromechanical*

System)-0909 serta *High Performance Computing Grid - Kod 0904* telah dipindahkan kepada 16 syarikat tempatan. Sebanyak 19 syarikat yang lain telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dan bakal menerima teknologi baru untuk dikomersialkan manakala 102 permohonan masih dalam proses tapisan dan 11 syarikat pula tidak dipilih untuk menjadi penerima teknologi.

b. Setelah teknologi dipindahkan, syarikat penerima teknologi bertanggungjawab bagi membangunkan produk hasil pemindahan teknologi dan menjalankan aktiviti pengkomersialan dan perniagaan. MIMOS dari semasa ke semasa memberi kerjasama kepakaran bagi memastikan syarikat berkenaan berada pada landasan yang membolehkan ia berdikari dengan bantuan dananya sendiri. Semakan Audit mendapati **setakat bulan Disember 2009, sebanyak 3 daripada 16 syarikat tempatan yang menerima pemindahan teknologi MIMOS telah menandatangani kontrak untuk membangun dan memasarkan produk mereka manakala 2 syarikat lain sedang dalam proses mewujudkan jalinan perniagaan bersama pihak ketiga.** Antara punca kelewatan memasarkan produk hasil teknologi MIMOS adalah kerana penerima teknologi masih kekurangan modal untuk melakukan *market proof-of concept* serta mencari pasaran. Sehubungan ini, Lembaga Pengarah MIMOS bercadang untuk mempertimbangkan pemindahan teknologi kepada syarikat bertaraf antarabangsa sekiranya tiada syarikat tempatan berjaya mengkomersialkan teknologi yang dihasilkannya. Bagaimanapun, MIMOS perlu mendapat kelulusan Kementerian Kewangan supaya ia sejajar dengan objektif aktiviti pengkomersialan dan pemindahan teknologinya.

56.4.2.4. Pusat Kecemerlangan

MIMOS telah mewujudkan Pusat Kecemerlangan atau *Centre Of Excellence (*CoE) dengan pihak universiti dan industri. Objektif utama CoE adalah bagi mengadakan usaha sama penyelidikan dan pembangunan dengan universiti serta industri. Bagi tujuan tersebut, sebanyak 14 Pusat Kecemerlangan telah diwujudkan. Tiada peruntukan perbelanjaan khas diwujudkan bagi pengurusan Pusat Kecemerlangan. Kos perolehan peralatan diletakkan di bawah kod projek penyelidikan dan penempatannya pula adalah antaranya di lokasi usaha sama berkenaan. Dari 14 pusat tersebut, hanya 12 yang telah beroperasi. CoE ini terbahagi kepada CoE Universiti dan CoE Industri. Setiap pelaksanaan dan prestasi CoE dipantau oleh bahagian/unit di bawah MIMOS. Namun, rekod berhubung prestasi keseluruhan pusat-pusat tersebut tidak dikemukakan untuk semakan Audit.

56.4.2.5. Pusat Teknologi Semikonduktor

Selaras dengan objektif Kerajaan untuk membangunkan industri microelektronik, pada tahun 1997 MIMOS selaku agensi Kerajaan ketika itu telah membina satu

loji fabrikasi semikonduktor 1 (Fab 1) dan disusuli pula loji fabrikasi 2 (Fab 2) pada tahun 2002. Ikatan sah berhubung pengurusan pusat ini oleh MIMOS hanya dimuktamadkan pada 27 Ogos 2003 dengan menandatangani Perjanjian Pengkorporatan bersama Kerajaan. Pengurusan pusat ini pada asalnya dilaksanakan oleh MIMOS dan kemudiannya diserahkan kepada syarikat subsidiarinya iaitu MIMOS Semiconductor (M) Sdn. Bhd. (MySem) melalui *Alliance Agreement* bertarikh 11 April 2005. Bagaimanapun, perjanjian ini telah ditamatkan pada bulan Mac 2009 dan operasi pusat diserahkan kembali kepada MIMOS dan pada masa yang sama operasi bagi loji fabrikasi 1 (Fab 1) telah dihentikan. Semakan terhadap pengurusan pusat mendapati perkara berikut :-

a. Akaun Pusat Teknologi Semikonduktor

Pengurusan pusat ini mendapat peruntukan daripada Kerajaan untuk operasi dan pembelian asetnya. Setakat 31 Disember 2009, sejumlah RM629.46 juta telah dibelanjakan untuk perolehan pelbagai asetnya. Semakan Audit mendapati Perjanjian Pengkorporatan tidak mensyaratkan penyata kewangan disediakan untuk pengurusan pusat ini dan diaudit oleh pihak tertentu bagi memastikan ia telah diuruskan dengan teratur dan mendapat *value for money.* Oleh itu, MIMOS telah menganggap akaun bagi pengurusan pusat ini sebagai *off balance sheet item* dan tidak diaudit oleh juruaudit bertauliah sejak penubuhannya pada tahun 1997. Pada tahun 2007, pihak MIMOS telah mengambil inisiatif melantik syarikat perakaunan bertauliah untuk menyemak dan menyediakan akaun bagi pengurusan pusat. **Pada pandangan Audit, memandangkan pengurusan pusat ini menerima dan menggunakan peruntukan Kerajaan, adalah wajar penerimaan dan penggunaannya diperakaunkan bersama dalam penyata kewangan MIMOS dan diaudit.** Pada bulan Februari 2010, MIMOS telah mengemukakan cadangan kepada Kementerian Kewangan untuk memindahkan aset-aset pusat kepadanya dan akaun pusat disatukan dan diaudit bersama penyata kewangan MIMOS .

b. Pengeluaran Fabrikasi *Wafer* Tidak Mencapai Kapasiti Pengeluaran

Objektif utama pelaksanaan Pusat Teknologi Semikonduktor adalah untuk mengeluarkan fabrikasi *wafer* bagi kegunaan penyelidikan dan pembangunan MIMOS, universiti tempatan dan syarikat swasta yang berkaitan. Loji Fab 1 berupaya mengeluarkan 600 unit fabrikasi *wafer* sebulan manakala loji Fab 2 mengeluarkan 3,000 unit fabrikasi *wafer* sebulan. **Bagaimanapun mengikut rekod MIMOS, kadar pengeluaran bagi kedua-dua loji tidak mencapai kapasiti pengeluaran yang ditetapkan** kerana pengeluaran fabrikasi *wafer* hanya bergantung kepada permintaan pihak universiti, syarikat tertentu dan kegunaan penyelidik MIMOS **(Jadual 56.5).** Bagi memastikan penggunaan optimum loji Fab 2, MIMOS telah mengadakan kerjasama dengan syarikat tempatan supaya

mengguna pakai kapasiti pengeluaran yang tidak digunakan (idle) di samping memberikan latihan dalam bidang semikonduktor kepada syarikat dan universiti tempatan.

JADUAL 56.5
PENGELUARAN FABRIKASI WAFER SETAKAT 31 DISEMBER 2009

TAHUN	BULAN												
	JAN	FEB	MAC	APR	MEI	JUN	JUL	OGOS	SEPT.	OKT	NOV	DIS.	JUMLAH (Unit)
FAB 1- Kadar pengeluaran 600 *wafer* sebulan													
2006	243	273	201	101	137	242	196	225	196	216	200	12	2,242
2007	48	72	108	204	85	80	12	217	123	156	68	144	1,317
2008	31	192	184	502	74	684	8	0	0	22	158	0	1,855
FAB 2 – Kadar pengeluaran 3000 *wafer* sebulan													
2006	339	253	524	209	165	141	122	128	71	59	148	214	2,373
2007	118	66	215	141	117	483	511	282	287	120	259	103	2,702
2008	213	250	320	570	361	453	330	546	287	430	130	66	3,956
2009	57	45	122	320	303	115	315	135	178	225	292	503	2,610

Nota : Tiada Pengeluaran Bagi Fab 1 Pada Tahun 2009 Kerana Operasinya Telah Dihentikan

c. Kelemahan Pengurusan Aset

Setakat bulan Disember 2009, sejumlah RM629.46 juta telah dibelanjakan untuk perolehan aset dengan nilai buku aset berjumlah RM106.44 juta. Aset ini terdiri daripada pelbagai jenis yang diperolehi sejak tahun 1997. Semakan Audit mendapati senarai aset yang disediakan tidak lengkap kerana ketiadaan maklumat mengenai lokasinya dan aset berkenaan tidak dapat dikesan. Bagi mengatasinya, pengurusan MIMOS sedang melaksanakan verifikasi aset supaya dapat dikemaskinikan dalam sistem perakaunan MIMOS pada akhir tahun 2010. **Pada pandangan Audit, pengurusan asetnya hendaklah diuruskan dengan cekap dan berkesan bagi mengelak daripada berlakunya salah guna, pembaziran dan penyelewengan.**

56.4.2.6. Pengurusan Dana

Bagi tempoh tahun 2006 hingga 2009, MIMOS telah menerima geran berjumlah RM113.29 juta daripada Kerajaan melalui MOSTI untuk tujuan mengurus dan melaksanakan projek pembangunan dan penyelidikan, latihan teknikal kepada pegawainya serta untuk melaksanakan projek-projek khas. MIMOS juga bertindak sebagai agensi pemantau penerima dana bagi pelaksanaan projek oleh individu, syarikat perseorangan atau agensi di mana proses pemilihan penerima dana dilakukan oleh MOSTI dan senarai penerima akan diserahkan kepada MIMOS untuk dipantau pelaksanaan projek terlibat. Selain itu, MIMOS juga berperanan sebagai ejen pembayar bagi pihak MOSTI. Secara keseluruhannya MIMOS sebagai agensi pelaksana, pemantau dan pembayar telah melaksanakan tanggungjawabnya dengan baik. Bagaimanapun,

didapati **baki dana bagi projek *Intensification Of Research In Priority Area* (IRPA) berjumlah RM3.99 juta yang di bawah pelaksanaan MIMOS tidak bergerak sejak tahun 2007.** Pihak MIMOS telah memaklumkan bahawa perkara ini telah dirujuk kepada MOSTI untuk menentukan status tindakan terhadap baki tersebut. Kedudukan pengurusan dana adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 56.6
BAKI DANA BAGI PROJEK-PROJEK KHAS SETAKAT 31 DISEMBER 2009

JENIS GERAN/DANA	JUMLAH (RM Juta)	TANGGUNGJAWAB MIMOS
Intensification Of Research In Priority Area (IRPA)	3.99	Pelaksana
World *Congress On Infomation Technology* (WCIT) dan WCIT *United Nation Global Alliance For ICT & Development*	1.78	Pelaksana
Eurasia Grid	0.17	Pelaksana
Geran Latihan Pembangunan Modal Insan	7.21	Pelaksana
Perbadanan Sumber Manusia Berhad	0.12	Pelaksana
Techno	52.81	Pemantau
Demonstrator Application Grant Scheme (DAGS)	0.43	Pemantau
INNO	0.51	Pemantau
Industry Research and Development Grant Scheme (IGS)	5.36	Pembayar
Brain Gain	1.59	Pembayar
Bayaran Pengurusan Projek bagi Dana Techno, DAGS, Inno dan Science**	5.63	Bayaran pengurusan diterima*
JUMLAH	**79.60**	

Nota : ** Ini Merupakan Bayaran Pengurusan Yang Diberikan Oleh MOSTI Bagi Perkhidmatan Pemantauan Projek Di Bawah Dana Terlibat*
*** Dana Diberikan Oleh MOSTI Kepada Universiti*

56.4.3. Pematuhan Terhadap Peraturan Pengurusan Dan Kewangan Syarikat

Akta Syarikat 1965, pekeliling yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan serta Kod Tadbir Urus Korporat telah memperincikan elemen penting yang perlu dipatuhi untuk memastikan tadbir urus korporat dan kewangan yang baik oleh syarikat. Bagi memastikan wujudnya kawalan dalaman yang mantap terhadap pengurusan dan kewangan syarikat, MIMOS telah mewujudkan beberapa jawatankuasa antaranya Jawatankuasa Audit, Jawatankuasa Pengurusan Risiko, Jawatankuasa Lembaga Tender Dan Sebut Harga serta Jawatankuasa Remunerasi Dan Pencalonan yang mempunyai peranan masing-masing bagi memastikan peraturan pengurusan, operasi dan kewangan syarikat yang sedia ada sentiasa dipatuhi manakala sebarang kelemahan diatasi dengan segera. Semakan Audit mendapati perkara-perkara berikut :-

56.4.3.1. Perbelanjaan gaji bagi tahun 2009 adalah berjumlah RM76.23 juta berbanding RM33.73 juta bagi tahun 2006 iaitu peningkatan sebanyak RM42.5 juta (126%). Ini menunjukkan kos perbelanjaan meningkat pada tahun 2009 akibat daripada pertambahan jawatan daripada 501 pada tahun 2006 kepada 721 pada tahun 2009 dan secara tidak langsung Kerajaan perlu

menanggungnya melalui pemberian geran. **Pada pandangan Audit, penambahan ini perlu mendapat kelulusan Kementerian Kewangan sebagai pemegang saham. Ini adalah selaras dengan kehendak Akta Syarikat 1965 dan Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 12 Tahun 1993 yang menetapkan sesuatu *undertaking* yang mempunyai nilai besar yang *materially and adversely affect the performance of the financial position of the company*, perlu mendapat kelulusan Lembaga Pengarah dan pemegang saham (Kerajaan).**

56.4.3.2. Bagi menangani kekurangan kepakaran dalam bidang penyelidikan dan pembangunan, MIMOS telah menandatangani perjanjian perkhidmatan swasta dengan 17 agensi perkhidmatan. **Kedudukan bilangan pekerja dan bayaran bagi perkhidmatan ini tidak diketahui kerana tidak dipantau dengan berkesan oleh mana-mana jabatan di bawah MIMOS.** Sehubungan ini, MIMOS melalui maklum balasnya telah mengenal pasti satu unit iaitu *Project Management Office* yang akan bertanggungjawab menguruskan perkhidmatan swasta.

56.4.3.3. *Contractor timesheet* ada dibekalkan kepada penyelia makmal bagi memantau kehadiran bertugas pekerja yang dilantik secara kontrak "*engineering services*" daripada syarikat yang berkaitan. Dokumen ini digunakan sebagai asas pembayaran bagi pekerja berkenaan. Semakan Audit terhadap sampel baucar bayaran mendapati *contractor timesheet* **tidak disertakan bagi menyokong pembayaran berjumlah RM0.32 juta kepada syarikat terlibat.** Oleh itu, pihak Audit tidak dapat memastikan ketepatan pembayaran yang telah dibuat.

56.4.3.4. Semakan Audit terhadap pelantikan 21 pegawai kontrak pada tahun 2006 hingga pertengahan tahun 2009 mendapati terma dan syarat perkhidmatan mereka **tidak konsisten dan tidak seragam berhubung c*ompletion bonus* kepada penyelidik kontrak.** Mengikut maklum balas MIMOS, **hanya penyelidik kontrak yang mempunyai *critical talents*** layak diberikan *completion bonus*. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati **MIMOS telah menetapkan syarat *completion* dan *performance* bonus kepada seorang pengurus Sumber Manusia (NR8) tanpa justifikasi yang jelas.**

56.4.3.5. Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 12 Tahun 1993 antaranya menetapkan bahawa peraturan-peraturan berkaitan dengan perbelanjaan syarikat perlu diperkemas dan diperketat bagi tujuan mengurangkan kos operasi dan mengelakkan pembaziran. MIMOS mempunyai polisi dan prosedur kewangan yang lengkap meliputi aspek pengurusan aset, pembayaran dan perakaunan. Semakan Audit mendapati kelemahan berlaku dalam proses pengurusan pembayaran dan aset MIMOS seperti berikut :-

a. Adalah didapati 13 baucar yang bernilai RM0.32 juta berkaitan pembayaran perkhidmatan ejen bagi pengurusan paten telah lewat dibayar **antara 21**

hingga 236 hari berbanding 14 hari yang ditetapkan oleh Kerajaan. Semakan Audit selanjutnya mendapati **pembayaran bagi 6 baucar bernilai RM0.26 juta dibuat dengan mengumpulkan beberapa invois untuk tempoh yang berbeza antara 1 hingga 5 bulan. Juga didapati tiada cop penerimaan invois dibuat oleh Bahagian Pengurusan Harta Intelek**. Keadaan ini boleh menyebabkan pembayaran yang tidak teratur dan bayaran lewat dibuat.

b. Didapati bangunan utama MIMOS dan bangunan yang menempatkan projek semikonduktor masih belum memperolehi Sijil Menduduki Bangunan sejak siap pembinaannya pada tahun 1996. Sungguhpun MIMOS telah menyusul perkara ini sejak beberapa tahun dengan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, namun perkara ini masih belum diselesaikan.

Pada pandangan Audit, Lembaga Pengarah dan pengurusan MIMOS perlu memastikan tadbir urus korporat dipatuhi serta pengurusan kewangan dan sumber manusia dilaksanakan dengan lebih telus selaras dengan polisi dan prosedur yang telah diluluskan.

56.4.4. Pengurusan Syarikat Subsidiari

56.4.4.1. MIMOS mempunyai 3 syarikat subsidiari dan 2 syarikat bersekutu yang terlibat dalam pembuatan perkakasan komputer; perbekalan dan perkhidmatan fabrikasi *wafer* semikonduktor dan reka cipta; pemasaran produk *integrated circuits* dan aktiviti pelaburan. Satu daripada syarikat subsidiari MIMOS juga terlibat dalam jawatankuasa perakuan persijilan projek Kerajaan seperti eGovernment dan ePerolehan. Namun, syarikat ini telah dijual kepada Pos Malaysia Berhad pada 31 Disember 2009. Semakan Audit mendapati pelaburan MIMOS dalam syarikat subsidiari dan bersekutu telah mengalami pengurangan nilai, seterusnya telah menjejaskan pulangan pelaburan yang dibuat oleh MIMOS sejak beberapa tahun lalu. Kedudukan pelaburan dan nilai semasa syarikat subsidiari dan bersekutunya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 56.7
STATUS SYARIKAT SUBSIDIARI DAN SYARIKAT BERSEKUTU
SETAKAT 31 DISEMBER 2009

SYARIKAT SUBSIDIARI	PERATUS PEGANGAN SAHAM	KOS PELABURAN (RM Juta)	NILAI SEMASA *(RM Juta)	JENIS PERNIAGAAN	STATUS
MIMOS Semiconductor (M) Sdn. Bhd.	100	5.00	0.55	Perbekalan, pengurusan dan perkhidmatan fabrikasi *wafer* semikonduktor dan perniagaan yang berkaitannya.	Operasi syarikat dihentikan dan akan dorman.
Encipta Ltd.	100	76.00	22.35	Aktiviti pelaburan.	Dalam proses untuk dijual.
Malaysia Microelectronics Solutions Sdn. Bhd.	60	31.99	5.26	Mereka cipta dan memasarkan produk litar bersepadu (integrated circuits).	Dalam proses untuk dijual.

SYARIKAT SUBSIDIARI	PERATUS PEGANGAN SAHAM	KOS PELABURAN (RM Juta)	NILAI SEMASA *(RM Juta)	JENIS PERNIAGAAN	STATUS
OIC Networks Sdn. Bhd.	49	4.90	1**	Memberikan perkhidmatan untuk menghubungkan institusi dalam Persidangan Pertubuhan Islam.	Dalam proses untuk dijual.
Digicert Sdn. Bhd.	45	4.05	-	Bertindak sebagai jawatankuasa pensijilan dalam projek strategik seperti e-Perolehan, eGovernment dan MyKad PKI.	Syarikat dijual kepada Pos Malaysia Berhad pada 31.12.2009.

Nota : (*) – Kedudukan Setelah Dibuat Impairment Of Asset
(**) – Nilai Semasa Adalah RM1

56.4.4.2. Beberapa pendahuluan telah diberikan kepada syarikat subsidiari dan bersekutu MIMOS untuk tujuan urusan perniagaan. Adalah didapati susulan daripada pelaksanaan penyusunan semula MIMOS pada tahun 2005, ada antara syarikat tersebut telah diambil alih/dijual oleh Kementerian Kewangan atau menjadi *company-limited-by guarantee* di bawah kawal selia MOSTI. Semakan Audit mendapati pendahuluan syarikat berkenaan berjumlah RM8.96 juta masih tertunggak dan belum diselesaikan sehingga 31 Disember 2009. **Pada pandangan Audit, pihak MIMOS perlu mengambil tindakan secara berterusan untuk mengutip balik tunggakan tersebut.** Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 56.8
PENDAHULUAN KEPADA SYARIKAT BERKAITAN SETAKAT 31 DISEMBER 2009

BEKAS SUBSIDIARI/ BERSEKUTU	JUMLAH TUNGGAKAN PENDAHULUAN (RM Juta)	TUNGGAKAN SEJAK TAHUN
Jaring Communication Sdn. Bhd.	6.13	2003
Digicert Sdn. Bhd.	2.72	2003
CIDB e-Construct	0.06	2003
MIMOS Smart Computing Sdn. Bhd.	0.02	2003
MIMOS Internet Service Sdn.Bhd.	0.03	2003
JUMLAH	**8.96**	

56.5. SYOR AUDIT

Bagi mengatasi kelemahan yang dibangkitkan dan membolehkan MIMOS mencapai objektif penubuhannya, adalah disyorkan supaya pihak yang bertanggungjawab mengambil tindakan terhadap perkara-perkara berikut :-

56.5.1. Lembaga Pengarah perlu memastikan MIMOS mengkaji kelemahan dan mengambil langkah penambahbaikan terhadap pengurusan harta inteleknya supaya dapat melindungi hak eksklusif terhadap sesuatu paten/reka bentuk/cap dagangan. *Standard Operating Procedures* perlu segera dikemaskinikan.

56.5.2. Lembaga Pengarah perlu memastikan MIMOS mendapat kelulusan Kementerian Kewangan bagi sesuatu *undertaking* yang mempunyai nilai besar yang

materially and adversely affect the performance of the financial position of the company sebagaimana ditetapkan dalam Akta Syarikat 1965 dan Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 12 Tahun 1993 seperti penambahan perbelanjaan emolumen dan ganjaran lain.

56.5.3. Lembaga Pengarah perlu memastikan MIMOS mengambil tindakan secara berterusan untuk mengutip balik tunggakan pendahuluan daripada syarikat subsidiari dan bersekutunya.

56.5.4. Kementerian Kewangan perlu memastikan Lembaga Pengarah MIMOS mengakaunkan penerimaan dan penggunaan dana Pusat Teknologi Semikonduktor dalam penyata kewangan MIMOS dan diaudit setiap tahun. Manakala pihak pengurusan MIMOS perlu memastikan pengurusan aset bagi pusat ini diuruskan dengan cekap dan berkesan bagi mengelak daripada berlakunya salah guna, pembaziran dan penyelewengan.

56.5.5. Kementerian Kewangan perlu memastikan MIMOS mematuhi kehendak Akta Syarikat 1965 dan semua pekeliling yang telah dikeluarkannya supaya pengurusan kewangan MIMOS yang meliputi pengurusan sumber manusia, pembayaran dan aset dibuat dengan telus, teratur dan berhemat.

KEMENTERIAN KEWANGAN

57. PENGURUSAN PENANG PORT SDN. BHD.

57.1. LATAR BELAKANG

57.1.1. Penang Port Sdn. Bhd. (PPSB) telah ditubuhkan pada 7 Disember 1993 dan mula beroperasi pada 1 Januari 1994. PPSB adalah syarikat milik penuh Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD) dengan modal berbayar berjumlah RM73.45 juta. PPSB telah dilantik oleh Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (SPPP) sebagai pengendali Pelabuhan Pulau Pinang untuk tempoh konsesi selama 30 tahun mulai 1 Januari 1994.

57.1.2. PPSB telah diberi lesen oleh SPPP untuk mengendali; mengurus; menyenggara dan menyediakan kemudahan dan perkhidmatan lain yang berkaitan seperti di **Jadual 57.1.** Pengurusan pelabuhan tertakluk kepada Akta Pelabuhan-pelabuhan (Penswastaan) 1990. Pelabuhan Pulau Pinang mempunyai 9 instalasi iaitu North Butterworth Container Terminal; Swettenham Pier; Tanjong Marina City; Ferry Terminals; Butterworth Cargo Terminal Wharves; Bagan Dalam Dockyard; Vegetable Oil Tanker Pier; Prai Wharf dan Prai Bulk Cargo Terminal.

JADUAL 57.1
AKTIVITI UTAMA PPSB

AKTIVITI UTAMA	KETERANGAN AKTIVITI
Kontena	Pengendalian kargo kontena di *North Butterworth Container Terminal*.
Kargo	Aktiviti pemunggahan keluar masuk kargo, penyimpanan, penghantaran kargo pukal kering *(dry bulk cargoes),* kargo pukal cecair *(liquid bulk cargoes)* dan kargo pukal cerai *(break bulk cargoes)* yang dijalankan di *Butterworth Cargo Terminal Wharves* dan *Prai Bulk Cargo Terminal.*
Marin	Meliputi pengendalian serta pengurusan perkhidmatan feri dan terminal antara Terminal Raja Tun Uda dan Terminal Sultan Abdul Halim untuk penumpang dan semua kelas kenderaan. Selain itu, ia juga turut merangkumi semua perkhidmatan tambahan lain yang berkaitan dengan operasi pelabuhan seperti kapal layar, *dockyard services* dan aspek keselamatan kawasan pelabuhan.

57.1.3. PPSB mempunyai 5 Ahli Lembaga Pengarah (termasuk Pengerusi) di mana seorang daripadanya adalah wakil dari Kementerian Kewangan. Pengurusan syarikat diketuai oleh Ketua Pegawai Eksekutif dan dibantu oleh seramai 1,831 kakitangan eksekutif serta bukan eksekutif.

57.1.4. Sebagai sebuah syarikat berhad yang dimiliki oleh Kerajaan, PPSB perlu mematuhi undang-undang dan peraturan yang ditetapkan di bawah Akta Syarikat 1965 dan peraturan lain yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan berkaitan syarikat dari semasa ke semasa.

57.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada :-

57.2.1. Prestasi kewangan PPSB adalah memuaskan atau sebaliknya dan menentukan faktor-faktor yang menyumbang kepada prestasi tersebut.

57.2.2. Pengurusan aktiviti PPSB telah dilaksanakan dengan teratur dan selaras dengan objektif yang ditetapkan.

57.2.3. Pengurusan kewangan dan tadbir urus korporat PPSB adalah selaras dengan peraturan yang ditetapkan.

57.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini meliputi aspek kewangan dan aktiviti utama PPSB. Semakan terhadap dokumen, fail serta rekod yang berkaitan bagi tempoh tahun 2006 hingga 2009 telah dibuat di pejabat PPSB serta Kementerian Kewangan. Analisis prestasi kewangan dijalankan berdasarkan Penyata Kewangan tahun 2006, 2007 dan 2008 yang beraudit. Temu bual dengan pegawai yang bertanggungjawab di PPSB serta lawatan ke tapak projek juga turut diadakan. Di samping itu, pihak Audit juga telah melawat Pelabuhan Tanjung Pelepas; Pelabuhan Johor dan Pelabuhan Kuantan untuk mendapatkan gambaran umum berhubung pengendalian aktiviti di pelabuhan tersebut.

57.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Jun hingga Oktober 2009 mendapati pada umumnya PPSB telah berupaya mengendali; mengurus; menyenggara dan menyediakan kemudahan serta perkhidmatan lain yang berkaitan sebagaimana mandat yang telah diberikan. Pengendalian kontena oleh PPSB telah meningkat dari setahun ke setahun bagi tempoh tahun 2006 hingga 2009. PPSB juga memperolehi keuntungan bersih berturut-turut bagi tempoh tahun 2006 hingga 2008. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan dalam pengurusan aktiviti khususnya yang berkaitan dengan perolehan menyebabkan PPSB tidak mendapat *value for money* bagi perbelanjaan yang telah dibuat. Penjelasan lanjut berhubung dengan prestasi dan pengurusan kewangan serta aktiviti PPSB adalah seperti di perenggan-perenggan berikut :-

57.4.1. Prestasi Kewangan

PPSB telah **mencatatkan keuntungan bersih berturut-turut bagi tahun kewangan 2006, 2007 dan 2008. Pada tahun 2008, keuntungan bersih yang dicatatkan berjumlah RM23.14 juta berbanding RM23.04 juta pada tahun 2007 dan RM12.76 juta pada tahun 2006**. Peningkatan dalam keuntungan bersih pada tahun 2008 adalah disebabkan oleh pelarasan cukai (elaun pelaburan) berjumlah RM17.07 juta. Bagaimanapun, analisis lanjut mendapati syarikat mengalami penurunan keuntungan sebelum cukai dari RM28.60 juta pada tahun 2007 kepada RM6.07 juta pada tahun 2008. Penurunan ini antaranya disebabkan oleh peningkatan ketara kos minyak dan kemudahan (65.4%), pembaikan dan penyenggaraan (14.8%) serta bayaran profesional dan perundangan (173.6%).

Kedudukan pendapatan dan perbelanjaan serta untung rugi PPSB bagi tahun kewangan 2006, 2007 dan 2008 adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 57.2
PENDAPATAN, PERBELANJAAN SERTA UNTUNG RUGI PPSB
BAGI TAHUN KEWANGAN 2006, 2007 DAN 2008

BUTIRAN	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	2008 (RM Juta)
Pendapatan	225.07	274.25	277.04
Lain-lain Pendapatan	7.08	10.35	7.05
Jumlah Pendapatan	**232.15**	**284.60**	**284.09**
Kegunaan Barangan Keperluan	(8.78)	(10.13)	(11.03)
Minyak Dan Kemudahan	(24.99)	(25.73)	(42.57)
Kos Kakitangan	(81.61)	(93.52)	(89.85)
Buruh Kontrak	(4.49)	(7.56)	(7.22)
Susut Nilai	(28.80)	(31.40)	(36.30)
Elaun Hutang Ragu	(0.62)	(3.44)	(2.26)
Pelunasan Perbelanjaan Pengorekan	(8.43)	(10.11)	(9.48)
Pembaikan Dan Penyenggaraan	(13.66)	(17.12)	(19.65)
Perbelanjaan Sewa	(23.39)	(26.59)	(23.71)
Cukai Pintu Dan Cukai Tanah	(6.21)	(5.87)	(5.81)
Bayaran Profesional Dan Perundangan	(0.88)	(1.29)	(3.53)
Insurans	(2.30)	(2.10)	(1.69)
Lain-lain Perbelanjaan Operasi	(5.53)	(7.17)	(5.87)
Jumlah Perbelanjaan	**209.69**	**242.03**	**258.97**
Keuntungan Dari Operasi	**22.46**	**42.57**	**25.12**
Pembayaran Faedah	(11.03)	(13.87)	(19.05)
Untung Atas Pembubaran Syarikat Subsidiari	0.03	-	-
Untung/(Rugi) Atas Pelupusan Pelaburan	1.22	(0.10)	-
Keuntungan Sebelum Cukai	**12.68**	**28.60**	**6.07**
Pelarasan Cukai	0.08	(5.56)	17.07
Keuntungan Selepas Cukai	**12.76**	**23.04**	**23.14**

57.4.2. Pengurusan Aktiviti

Prestasi sesuatu pelabuhan dinilai antaranya berdasarkan kepada kesibukan pengendalian kontena di pelabuhan tersebut. Kesibukan pelabuhan pula diukur berdasarkan bilangan kontena yang perlu dikendalikan (kapasiti pengendalian kontena) dalam setahun. Unit standard yang digunakan untuk mengukur bilangan kontena yang dikendalikan adalah *Twenty Foot Equivalent Units (TEUs)*. Berdasarkan kepada maklumat yang diperolehi daripada Kementerian Pengangkutan, Pelabuhan Pulau Pinang yang dikendalikan oleh PPSB berada pada kedudukan keempat dari segi kesibukan mengendalikan kontena pada tahun 2009 berbanding dengan 6 pelabuhan utama yang lain iaitu Pelabuhan Tanjung Pelepas; Pelabuhan Kelang Utara; Pelabuhan Kelang Barat; Pelabuhan Johor; Pelabuhan Bintulu dan Pelabuhan Kuantan. Kedudukan ini adalah lebih baik berbanding dengan kedudukan pada tahun

2008 di mana Pelabuhan Pulau Pinang adalah berada pada kedudukan kelima. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 57.3
PRESTASI PELABUHAN UTAMA

PELABUHAN	TAHUN		PENINGKATAN/ (PENURUNAN) PERTUMBUHAN (%)
	2008 (TEUs)	2009 (TEUs)	
Tanjung Pelepas	5,618,183	6,016,451	7.1
Kelang Barat	4,967,659	4,451,438	(10.4)
Kelang Utara	3,005,920	2,858,341	(4.9)
Pulau Pinang	929,639	958,476	3.1
Johor	934,767	844,856	(9.6)
Bintulu	286,013	248,452	(13.1)
Kuantan	127,061	132,252	4.1

Nota : TEUs :- Twenty Foot Equivalent Units

57.4.2.1. Aktiviti Perkhidmatan Kontena

Perkhidmatan kontena merupakan aktiviti utama dalam pengendalian kargo di PPSB. Komoditi utama biasanya terdiri daripada peralatan elektrik, barangan pembuatan dan barangan getah. Secara umumnya, aktiviti kontena telah menunjukkan peningkatan di mana bilangan kontena berdasarkan *Twenty Foot Equivalent Unit* (TEUs) telah meningkat bagi tempoh tahun 2006 hingga 2009 terutamanya bagi pengendalian kontena eksport. Berdasarkan Laporan Statistik Kontena, pencapaian sebenar pengendalian kontena berbanding sasaran adalah antara 92.0% hingga 109.5% di mana pencapaian tertinggi dicatatkan pada tahun 2009. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 57.4
PENCAPAIAN SEBENAR PENGENDALIAN KONTENA BERBANDING SASARAN BAGI TEMPOH TAHUN 2006 HINGGA 2009

TAHUN	KENDALIAN KONTENA IMPORT (TEUs)*			KENDALIAN KONTENA EKSPORT (TEUs)*			JUMLAH KENDALIAN KONTENA (TEUs)*		
	SASARAN	SEBENAR	PENCAPAIAN (%)	SASARAN	SEBENAR	PENCAPAIAN (%)	SASARAN	SEBENAR	PENCAPAIAN (%)
2006	411,700	406,492	98.7	462,700	442,998	95.7	874,400	849,490	97.2
2007	423,288	437,737	103.4	476,712	488,254	102.4	900,000	925,991	102.9
2008	474,700	437,298	92.1	535,300	492,341	92.0	1,010,000	929,639	92.0
2009	406,550	444,258	109.3	468,450	514,218	109.8	875,000	958,476	109.5

Nota : *- Twenty foot Equivalent Units

a. Pelaksanaan Projek *North Butterworth Container Terminal* (NBCT)

Projek *North Butterworth Container Terminal* (NBCT) telah dibangunkan mulai tahun 1991 dan ia meliputi 3 fasa pembangunan. Menurut PPSB, pembesaran NBCT dari semasa ke semasa dijangka dapat meluaskan operasi kontena konvensional dan meningkatkan kapasiti pengendalian aktiviti kontena di Pulau Pinang. Secara ringkasnya, peringkat pelaksanaan Projek NBCT adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 57.5
PELAKSANAAN PROJEK NBCT MENGIKUT FASA

FASA	TEMPOH KONTRAK	NILAI KONTRAK (RM Juta)	KONTRAKTOR UTAMA	KERJA UTAMA
1-1	06.02.1991 - 13.10.1992	37	Ettledon Berhad	Pengorekan pasir bagi menambah kedalaman dermaga dan penambakan pasir untuk menambah keluasan pelabuhan
1-2	24.03.1992 - 16.04.1994	78	Gamuda Berhad	Pembinaan dermaga sepanjang 350 meter dan jambatan penghubung sepanjang 520 meter
1-3	31.12.1992 - 15.02.1995	51	Gamuda Berhad	Pembinaan ruangan penyusunan dan penyimpanan kontena serta pembinaan bangunan dan kemudahan yang lain
2A	15.03.1998 - 15.05.1999	36	Muhibbah Engineering Bhd.	Penambahan dermaga sepanjang 250 meter
2B(1)	22.08.2000 - 21.08.2001	22.9	Muhibbah Engineering Bhd.	Penambahan dermaga sepanjang 100 meter
2B(2)	01.07.2003 - 14.05.2005	57.9	Advance Wisdom Tidal Marine Engineering	Penambahan dermaga sepanjang 200 meter dan pembinaan jambatan penghubung sepanjang 520 meter
2B(3)	03.02.2006 - 31.03.2008 (Pakej 1) 01.12.2009 - 25.01.2011 (Pakej 2) Belum dilaksanakan (Pakej 3 hingga 5)	92.71 (Pakej 1) 99.98 (Pakej 2)	Rayston Consortium Sdn. Bhd. (Pakej 1) Erat Semarak Sdn. Bhd. (Pakej 2)	Kerja-kerja penambahan dermaga seperti berikut :- Pakej 1 - *Reclaimation work* Pakej 2 - *Construction of container yard* Pakej 3 - *Construction of new buildings* Pakej 4 - *Relocation of existing buildings* Pakej 5 - *Construction of new gate house.*
3	15.10.2008-14.10.2011	682	Konsortium Jamil Ghani Construction Sdn. Bhd. – Pembinaan Anas Maju Sdn. Bhd.	Pembinaan dermaga tambahan, dek menyimpan kontena, dek bangunan dan jambatan penghubung
JUMLAH		**1,157.49**		

Semakan Audit terhadap pembangunan NBCT mendapati beberapa kelemahan dalam pentadbiran kontrak dan pengurusan projek seperti berikut :-

i. Projek Fasa 2B(3)

- **Rayston Consortium Sdn. Bhd. (Rayston) telah dilantik secara rundingan terus** bagi menebusguna tanah seluas 25 hektar dengan nilai RM86 juta. Kontraktor tersebut kemudiannya telah melantik Marincore Sdn. Bhd. dan Moderntent Development sebagai sub-kontraktor penambakan dan pembekal pasir. Kerja pembinaan perlu disiapkan dalam tempoh 100 minggu iaitu antara bulan Februari 2006 hingga bulan Januari 2008. Adalah didapati **kontraktor telah gagal menyiapkan kerja dalam tempoh yang ditetapkan di mana kemajuan kerja sebenar pada 31 Mei 2007 adalah hanya 6.6% berbanding 82.2% yang dijadualkan. Semakan Audit selanjutnya mendapati sungguhpun Mesyuarat Lembaga Pengarah PPSB pada bulan Februari 2007 memutuskan supaya kontrak Rayston ditamatkan, namun PPSB tidak mengambil tindakan tersebut. Ini adalah kerana Rayston merupakan syarikat pemegang konsesi untuk projek tebusguna tanah di kawasan Butterworth Utara yang dilantik oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Sebarang kerja penambakan tanah dasar lautan mestilah dijalankan menerusi**

syarikat pemegang konsesi ini. Sebaliknya Rayston telah menamatkan perkhidmatan kedua-dua sub kontraktornya pada 10 Jun 2007 dan melantik Pembinaan Anas Maju Sdn. Bhd. serta Inai Kiara Sdn. Bhd. Ekoran daripada ini, kos kontrak kemudiannya meningkat kepada RM92.71 juta disebabkan oleh peningkatan kuantiti sebenar dalam *Bills Of Quantities.*

- Berdasarkan kontrak, lanjutan masa tidak boleh diberikan atas sebab perbuatan kecuaian/kemungkiran dan pecah kontrak oleh subkontraktor/pembekal. Sungguhpun demikian, adalah didapati PPSB **telah meluluskan lanjutan masa selama 90 hari kepada kontraktor** untuk menyiapkan projek tersebut akibat daripada kemungkiran subkontraktor asal melaksanakan kerja sebagaimana yang dijadualkan.

ii. Projek Fasa 3

- Bagi melaksanakan projek ini, **Dr. Nik & Associate Sdn. Bhd. telah dilantik sebagai Perunding Kejuruteraan Awam/Struktur manakala Konsortium Jamil Ghani Construction Sdn. Bhd. - Pembinaan Anas Maju Sdn. Bhd. telah dilantik secara rundingan terus** bagi membina dan menyiapkan pembinaan dermaga tambahan. Projek ini dibina di kawasan seluas 143,079.59 meter persegi di lot tanah P.T.370 HS(D) 1182, Plot 3, Seksyen 4, Bandar Butterworth Seberang Perai Utara.

- Pada bulan Februari 2007, Lembaga Pengarah PPSB bersetuju agar pembangunan infrastruktur bagi projek Fasa 3 dilaksanakan dengan anggaran kos berjumlah RM414.3 juta. Pada tahun 2008, **anggaran kos projek tersebut telah meningkat kepada RM641.13 juta (54.8%).** Berdasarkan maklum balas daripada PPSB, peningkatan tersebut disebabkan oleh kenaikan harga bahan binaan dan pertambahan skop kerja. Bagaimanapun, **pihak Audit tidak dapat mengesahkan sama ada perincian yang lengkap terhadap peningkatan tersebut telah disediakan dan dibentangkan kepada Lembaga Pengarah PPSB.** Kontraktor kemudiannya telah menawarkan harga berjumlah RM724.98 juta berbanding anggaran kos PPSB berjumlah RM641.13 juta. Hasil rundingan harga antara kedua-dua pihak, harga telah diturunkan kepada RM682 juta dan telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah dan Kementerian Kewangan. Bagaimanapun, **pihak Audit mendapati kertas kerja yang komprehensif untuk menyokong harga kontrak tersebut tidak disediakan.**

- Sebelum sesuatu projek pembangunan dijalankan, beberapa dokumen penting seperti lukisan kejuruteraan dan rangka pelan secara terperinci hendaklah mendapat kelulusan pihak berkuasa

tempatan. Semakan Audit mendapati **setakat 31 Mac 2010, projek telah dilaksanakan sungguhpun dokumen-dokumen berkenaan belum diluluskan oleh pihak berkuasa tempatan**. PPSB memaklumkan bahawa adalah menjadi amalan di mana projek terus dijalankan walaupun pelan pembangunan belum diluluskan. **Pada pandangan Audit, PPSB perlu memastikan keperluan undang-undang dipatuhi sepenuhnya bagi menjamin keselamatan dan kesempurnaan projek serta menjaga kepentingan PPSB dan Kerajaan.**

Pada pandangan Audit, Lembaga Pengarah PPSB perlu memantau dengan rapi prestasi pelaksanaan Projek NBCT memandangkan ianya melibatkan kos yang besar. Bagi tujuan ini, kemajuan pelaksanaan projek tersebut hendaklah dijadikan agenda tetap dalam mesyuarat Lembaga Pengarah supaya sebarang masalah yang berbangkit dapat dibincangkan dan ditangani dengan awal.

b. Perkhidmatan Pengurusan Kontena

PPSB mempunyai 70 *prime movers* bernilai RM14.75 juta untuk perkhidmatan pengangkutan kontena dari kapal ke yad penyimpanan kontena. Semakan Audit mendapati **perkhidmatan pengangkutan kontena telah diperolehi secara *outsource* daripada syarikat luar iaitu An Ansar Sdn. Bhd. dan Kontena Nasional Bhd. sungguhpun penggunaan *prime movers* milik PPSB yang sedia ada adalah di bawah kapasiti 60%** (berdasarkan sampel penggunaan *prime movers* secara rawak pada tahun 2008 dan 2009 yang dipilih). Antara *prime movers* yang tidak digunakan adalah ditunjukkan di **Gambar 57.1 dan 57.2**. Semakan Audit selanjutnya mendapati tidak ada bukti menunjukkan PPSB telah menjalankan analisis kos faedah bagi menggunakan perkhidmatan kedua-dua syarikat tersebut untuk dibentangkan kepada Lembaga Pengarah. Jumlah perbelanjaan untuk perkhidmatan pengangkutan yang diperolehi secara *outsource* bernilai RM3.80 juta bagi tahun 2008 dan 2009. **Pada pandangan Audit, PPSB perlu mengkaji semula perkhidmatan pengangkutan yang diperolehi secara *outsource* memandangkan penggunaan aset yang sedia ada belum dapat dioptimumkan.**

GAMBAR 57.1



GAMBAR 57.2



North Buterworth Container Terminal
- ***Sebahagian Prime Movers Yang Tidak Digunakan***
(17.07. 2009)

c. Pembelian Dan Pengurusan Kren

i. Naik Taraf 2 Gantry Crane

Dua *Gantry Crane* (model Hitachi dan Mitsubishi) yang ditempatkan di *Butterworth Cargo Terminal Wharves (BWCT)* telah dibaik pulih dan dinaik taraf oleh Peninsular Port Sdn. Bhd. dengan kos berjumlah RM10.67 juta (**Jadual 57.6**). Kerja baik pulih ini melibatkan pembaikan struktur dan sistem elektrikal kren serta mengecat kren tersebut. Berdasarkan laporan PPSB, adalah didapati **peratusan penggunaan tahunan kren tersebut hanya antara 2.3% hingga 21% malahan sejak awal tahun 2009 sehingga kini kedua-kedua kren tersebut langsung tidak digunakan kerana tiada keperluan di dermaga berkenaan (Gambar 57.3 dan 57.4).** Semakan Audit selanjutnya mendapati tidak ada bukti menunjukkan PPSB telah menjalankan kajian seperti analisis kos faedah terhadap penggunaan kren ini untuk dibentangkan kepada Lembaga Pengarah.

JADUAL 57.6
BAYARAN BAIK PULIH KREN

TARIKH	PERKARA	AMAUN (RM)	CATATAN
28.12.2005	20% daripada harga kontrak apabila kontrak bermula dan jaminan bank telah diserahkan	2,096,000	Bayaran Kemajuan No. 1
06.06.2006	Tambahan alat *polymer heat and water resistant complete with aluminium foil to Machinery house of Hitachi Gantry Crane No. 1*	6,400	Bayaran Arahan Pinda No. 2
18.07.2006	30% daripada harga kontrak selepas siap kerja baikpulih termasuk percubaan *Hitachi Gantry Crane No. 1*	3,144,000	Bayaran Kemajuan No. 2
09.01.2007	Pemasangan 2 unit *new wire rope roller guide* untuk *Hitachi Gantry Crane No. 1* Pemasangan 1 unit *overload device-current control of maintenance inclusive new panel and wiring* untuk *Hitachi Gantry Crane No. 1*	7,400	Bayaran Arahan Pinda No. 3 (Kontrak asal tidak mengandungi penggantian alat)
10.04.2007	20% daripada harga kontrak setelah siap kerja baikpulih *Mitsubishi Gantry Crane No. 2*	2,096,000	Bayaran Kemajuan No. 3
27.07.2007	Pemasangan satu set *Ican Disc Brake 14,920Nm* bagi menggantikan brek sedia ada *Hitachi Gantry No. 1* Pemasangan dua set *Ican Disc Brake 6,440Nm* bagi menggantikan brek sedia ada *Mitsubishi Gantry No. 2*	179,000	Bayaran Arahan Pinda No. 1 (Kontrak asal tidak mengandungi penggantian brek)
25.10.2007	30% daripada harga kontrak selepas siap kerja baikpulih termasuk percubaan *Mitsubishi Gantry Crane No. 2*	3,144,000	Bayaran Akhir
JUMLAH		**10,672,800**	

GAMBAR 57.3



Butterworth Cargo Terminal
- Hitachi Gantry Crane No. 1 Yang Tidak Digunakan Selepas Kerja Baik Pulih
(20.07.2009)

GAMBAR 57.4



Butterworth Cargo Terminal
- Mitsubishi Gantry Crane No. 2 Yang Tidak Digunakan Selepas Kerja Baik Pulih
(20.07.2009)

Berdasarkan maklum balas, didapati PPSB sedang mempertimbangkan untuk menjual atau memajak kren tersebut dengan harga yang tidak akan merugikannya. Selain itu, PPSB juga mempertimbangkan untuk menjalankan kajian kemungkinan bagi menentukan sama ada kedua-dua kren ini boleh dipindahkan ke pelabuhan Chittagong di Bangladesh dan Lhockseumawe atau Belawan di Sumatera untuk mendapatkan *cargo base.*

Pada pandangan Audit, kegagalan PPSB melaksanakan kajian yang menyeluruh terhadap sesuatu projek baik pulih/naik taraf mendedahkan PPSB kepada risiko kewangan apabila kren yang telah dibaiki/naik taraf tidak digunakan secara optimum.

ii. Perolehan 7 Unit *Twin Twenty Container Handling Quay-side Gantry Crane*

PPSB telah membuat perolehan secara rundingan terus bagi 7 Unit *Twin Twenty Container Handling Quay-side Gantry Crane* bernilai USD52.5 juta atau RM171.4 juta pada bulan Disember 2007 dengan syarikat Shanghai Zhenhua Port Machinery Co. Ltd. (ZPMC). Antara syarat perjanjian yang ditandatangani oleh PPSB dengan ZPMC berhubung perolehan tersebut adalah seperti berikut :-

- Tempoh tanggungan kecacatan berkuat kuasa selama 12 bulan daripada tarikh penerimaan kren.
- Setiap proses pengilangan adalah tertakluk kepada pemeriksaan oleh pegawai kawalan kualiti pengilang dan laporan yang berkaitannya perlu disediakan. Bagaimanapun, PPSB boleh melantik individu bagi menyelia fabrikasi; pemasangan; tahap kebolehgunaan dan penghantaran mesin. Lawatan penyelia tersebut perlu dimaklumkan kepada pengilang secara bertulis.
- Empat kren akan dihantar dalam tempoh 15 bulan manakala 3 kren lagi dalam tempoh 21 bulan. Kren tersebut dijangka tiba di Pelabuhan Pulau Pinang pada bulan April dan Oktober 2009.
- Bayaran perlu dijelaskan kepada ZPMC mengikut kemajuan kerja seperti di jadual berikut :-

JADUAL 57.7
BAYARAN KEMAJUAN

BAYARAN KEMAJUAN	PERKARA
15%	Dalam tempoh 7 hari selepas perjanjian ditandatangani
10%	Kerja-kerja bermula selepas reka bentuk dan spesifikasi teknikal dipersetujui
15%	Pemasangan jentera
15%	Pemasangan kelengkapan komponen-komponen
25%	Urusan penghantaran kren ke NBCT
20%	Terimaan kren oleh PPSB

Semakan Audit mendapati perolehan tersebut tidak diuruskan dengan teratur seperti berikut :-

- Dua syarikat iaitu Red Team Sdn. Bhd. dan Sandilands Claims & Settlements Sdn. Bhd. telah dilantik untuk menjalankan pemeriksaan dan penyeliaan terhadap kerja-kerja pemasangan kren di negeri China dengan kos berjumlah RM3.5 juta. Kedua-dua syarikat perlu menyediakan perkhidmatan memeriksa dan menyelia pembinaan kren secara sepenuh masa antara 12 hingga 15 bulan di China dan 2 hingga 3 bulan di pelabuhan Pulau Pinang. Semakan Audit mendapati **skop kerja yang perlu dilaksanakan oleh kedua-dua syarikat sebagaimana dalam kontrak adalah hampir sama** seperti di jadual berikut :-

JADUAL 57.8
SKOP KERJA RED TEAM SDN. BHD.
DAN SANDILANDS CLAIMS & SETTLEMENTS SDN. BHD.

RED TEAM SDN. BHD. (PENGURUSAN PROJEK)	SANDILANDS CLAIMS & SETTLEMENTS SDN. BHD. (PEMERIKSAAN DAN PENYELIAAN)
Memastikan pengilang mematuhi spesifikasi yang ditetapkan	Memeriksa dan memastikan komponen adalah seperti spesifikasi yang ditetapkan dan mematuhi standard piawaian
Memantau dan mengesan bahan pepejal yang digunakan	Verifikasi dan mengesahkan bahan pepejal yang digunakan mengikut pensijilan
Memastikan pemasangan komponen eletrik mematuhi kehendak kualiti dan mengikut spesifikasi pelan lukisan.	Memeriksa dan memastikan pemasangan komponen elektrik adalah teratur

Pada pandangan Audit, pelantikan 2 kontraktor untuk melaksanakan kerja yang sama dan menempatkan mereka sepenuh masa selama 12 hingga 15 bulan di negeri China adalah satu pembaziran.

- **Bayaran kepada pembekal tidak dibuat mengikut jadual pembayaran.** PPSB telah membuat bayaran berjumlah RM162.54 juta atau 94.8% daripada keseluruhan bayaran kepada pembekal sungguhpun ia belum menerima sebarang kren. Mengikut jadual bayaran, jumlah yang sepatutnya dibayar pada masa tersebut hanya setakat RM94.24 juta (55%). **Ini bermakna sejumlah RM68.27 juta telah dibayar lebih awal daripada tempoh yang ditetapkan**. Menurut maklum balas PPSB, pembayaran awal tersebut dibuat bagi mendapatkan penjimatan atas kadar tukaran matawang asing bagi transaksi bayaran tersebut. **Pada pandangan Audit, walaupun projek tersebut telah disiapkan sepenuhnya, namun amalan seperti ini sepatutnya diberhentikan kerana ia terdedah kepada risiko yang tinggi sekiranya pihak kontraktor gagal melaksanakan tanggungjawabnya.**
- **Didapati tiada penyelarasan antara pembinaan dermaga dengan perolehan kren.** Sungguhpun kren telah diterima pada bulan November dan Disember 2009 (lewat dari yang dijadualkan) serta kosnya yang berjumlah RM171.4 juta telah dijelaskan sepenuhnya,

namun dermaga hanya dijangka siap pada bulan Oktober 2011. Berdasarkan maklum balas PPSB, **hanya satu daripada 7 kren telah digunakan. Manakala 6 kren dijangka dapat digunakan pada bulan Ogos 2010.** Memandangkan tempoh waranti kren-kren berkenaan akan luput pada bulan Mei dan Jun tahun 2011, **PPSB terpaksa menanggung risiko dan kos pembaikan jika kren gagal berfungsi atau rosak apabila ia mula digunakan.** Selain itu, **PPSB terpaksa membayar faedah pinjaman bagi membiayai perolehan kren tersebut berjumlah RM4.78 juta setakat 31 Disember 2009** walaupun masih belum mendapat sebarang pendapatan daripada perolehan kren tersebut.

iii. Perolehan Gottwald Harbour Mobile Crane

PPSB telah melantik Syarikat Usaha Teknikal Dan Kejuruteraan Sdn. Bhd. secara tender untuk membeli 2 *Gottwald Harbour Mobile Crane* model HMK 200E dari Jerman dengan kos berjumlah RM21.56 juta. Selain itu, PPSB akan membayar kos penyenggaraan berjumlah RM2.20 juta (RM61,111 sebulan) bagi tempoh 3 tahun kepada syarikat berkenaan. Adalah didapati Syarikat Usaha Teknikal Dan Kejuruteraan Sdn. Bhd. pula melantik Multimodal Freight Sdn. Bhd. pada 29 Ogos 2007 sebagai *shipping agent and freight forwarder* bagi perolehan kren tersebut. Semakan Audit mendapati perkara berikut :-

- Mengikut perjanjian kontrak, kren tersebut sepatutnya diterima pada 27 Disember 2007. Sekiranya kren tersebut lewat diterima, penalti RM4,000 sehari akan dikenakan untuk setiap unit kren bagi tempoh kelewatan berkenaan. Semakan Audit mendapati **kren tersebut hanya diterima pada 3 April 2008 kerana Syarikat Usaha Teknikal Dan Kejuruteraan Sdn. Bhd. menghadapi masalah kewangan dan berhutang dengan pembekal kren.** Pihak pengurusan PPSB telah **mengurangkan denda kelewatan** pembekalan kren daripada RM0.78 juta (98 hari kelewatan) kepada RM152,632 (19 hari kelewatan) atas rayuan syarikat tersebut. Semakan Audit selanjutnya mendapati 60 daripada 79 hari kelewatan yang diberi pengecualian denda tersebut **tidak disokong dengan asas yang jelas.**

- **Penggunaan kedua-dua kren adalah pada tahap yang rendah dan tidak memberi pulangan yang menguntungkan.** PPSB hanya memperolehi pendapatan berjumlah RM426,450 bagi tempoh bulan Ogos 2008 hingga Jun 2009 berbanding kos penyenggaraan yang terpaksa dibayar kepada kontraktor berjumlah RM672,221 bagi tempoh yang sama. Butirannya adalah seperti di jadual dan gambar-gambar berikut :-

JADUAL 57.9
KAPASITI PENGGUNAAN SERTA PENDAPATAN BULANAN YANG DIPEROLEHI DARIPADA 2 UNIT *HARBOUR MOBILE CRANE*

BULAN	HMK 200E - *MOBILE CRANE 1*			HMK 200E - *MOBILE CRANE 2*			JUMLAH KESELURUHAN (RM)
	20' *	40' *	JUMLAH (RM)	20' *	40' *	JUMLAH (RM)	
Ogos 2008	440	337	27,850	215	129	11,825	39,675
September 2008	709	314	33,425	544	232	25,200	58,625
Oktober 2008	349	98	13,625	589	342	31,825	45,450
November 2008	329	225	19,475	246	200	16,150	35,625
Disember 2008	268	214	17,400	280	179	15,950	33,350
Januari 2009	210	99	10,200	124	30	4,600	14,800
Februari 2009	353	166	17,125	8	2	300	17,425
Mac 2009	34	41	2,900	687	414	37,875	40,775
April 2009	381	332	26,125	168	200	14,200	40,325
Mei 2009	0	0	0	487	513	37,825	37,825
Jun 2009	391	491	34,325	446	342	28,250	62,575
JUMLAH	**3,464**	**2,317**	**202,450**	**3,794**	**2,583**	**224,000**	**426,450**

Nota : **** Pendapatan Bagi Setiap Kontena Saiz 20 Kaki Dan 40 Kaki Adalah Berjumlah RM25 Dan RM50 Masing-masingnya.***

GAMBAR 57.5



North Buterworth Container Terminal - Harbour Mobile Crane 1 Yang Menjana Pendapatan Kurang Daripada Kos Senggaraannya (15.10. 2009)

GAMBAR 57.6



North Buterworth Container Terminal - Harbour Mobile Crane 2 Yang Menjana Pendapatan Kurang Daripada Kos Senggaraannya (15.10.2009)

d. Perkhidmatan *On Dock Depot (ODD)*

Perkhidmatan mengendalikan operasi *On Dock Depot (ODD)* di Prai Wharves yang meliputi urusan penyenggaraan; operasi; pemantauan; pemasaran dan perekodan operasi ODD diuruskan oleh pihak luar yang dilantik oleh PPSB iaitu Armada Quest Sdn. Bhd. (Armada). Semakan Audit mendapati perkara berikut:-

i. **Tiada perjanjian formal ditandatangani** antara PPSB dengan Armada berhubung perkhidmatan tersebut. Syarat-syarat perkhidmatan hanya tertakluk kepada *Letter Of Offer* bertarikh 21 Ogos 2006.

ii. **Armada tidak mematuhi syarat seperti mana yang dinyatakan di dalam *Letter Of Offer*,** di mana ia gagal menyediakan *Key Performance Indicators (KPIs*) secara tahunan dan melaksanakan pemantauan terhadap perkhidmatan ODD melalui mesyuarat suku tahunan.

Pada pandangan Audit, kontrak rasmi dengan syarikat yang dilantik perlu ditandatangani dan memastikan syarat kontrak tersebut dipatuhi dengan sewajarnya bagi menjamin kepentingan PPSB.

57.4.2.2 Aktiviti Kargo

Pengendalian kargo terbahagi kepada 4 jenis iaitu, kargo kontena (Containerised Cargo), kargo pukal kering (Dry Bulk Cargo), kargo pukal cecair (Liquid Cargo) dan kargo pukal cerai (Breakbulk Cargo). Secara keseluruhannya, bagi tempoh tahun 2006 hingga 2008, pencapaian sebenar aktiviti pengendalian semua jenis kargo berbanding sasaran adalah di antara 89% hingga 113% di mana pencapaian tertinggi telah dicatatkan pada tahun 2007. Analisis lanjut mendapati pencapaian sebenar pengendalian *containerised cargo* secara purata adalah lebih tinggi berbanding jenis cargo yang lain di mana pencapaian tertinggi adalah pada tahun 2007. Selain itu, pencapaian sebenar kargo import juga adalah lebih baik berbanding kargo eksport. Prestasi *liquid cargo* melebihi sasaran yang ditetapkan bagi tiga tahun berturut-turut. Selain itu, pengendalian *containerised* dan *liquid cargo* secara umumnya telah mencatatkan peningkatan bagi 3 tahun berturut-turut. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 57.10
PENCAPAIAN SEBENAR PENGENDALIAN KARGO BERBANDING SASARAN BAGI TEMPOH TAHUN 2006 HINGGA 2009

TAHUN	JENIS AKTIVITI	JUMLAH IMPORT (TAN)			JUMLAH EKSPORT (TAN)			JUMLAH KESELURUHAN(TAN)		
		Sasaran	Sebenar	Pencapaian (%)	Sasaran	Sebenar	Pencapaian (%)	Sasaran	Sebenar	Pencapaian (%)
2006	*Breakbulk Cargo*	621,000	698,491	112	1,080,000	1,047,084	97	1,701,000	1,745,575	103
	Dry Bulk Cargo	3,400,800	3,662,917	108	405,500	376,953	93	3,806,300	4,039,870	106
	Liquid Cargo	3,484,000	3,452,634	99	542,000	578,718	107	4,026,000	4,031,352	100
	Containerised Cargo	5,232,600	6,274,624	120	9,538,000	9,306,994	98	14,770,600	15,581,618	105
	Keseluruhan	12,738,400	14,088,666	111	11,565,500	11,309,749	98	24,303,900	25,398,415	105
2007	*Breakbulk Cargo*	621,000	525,381	85	1,080,000	1,160,635	107	1,701,000	1,686,016	99
	Dry Bulk Cargo	3,400,800	3,679,909	108	405,500	394,649	97	3,806,300	4,074,558	107
	Liquid Cargo	3,484,000	3,564,628	102	542,000	540,113	100	4,026,000	4,104,741	102
	Containerised Cargo	5,232,600	7,358,537	141	9,538,000	10,172,321	107	14,770,600	17,530,858	119
	Keseluruhan	12,738,400	15,128,455	119	11,565,500	12,267,718	106	24,303,900	27,396,173	113
2008	*Breakbulk Cargo*	600,000	699,409	117	1,112,000	855,433	77	1,712,000	1,554,842	91
	Dry Bulk Cargo	4,291,000	2,799,520	65	551,000	350,369	64	4,842,000	3,149,889	65
	Liquid Cargo	3,730,000	3,600,795	97	494,000	603,480	122	4,224,000	4,204,275	100
	Containerised Cargo	6,755,800	7,867,492	116	11,473,700	8,898,169	78	18,229,500	16,765,661	92
	Keseluruhan	15,376,800	14,967,216	97	13,630,700	10,707,451	79	29,007,500	25,674,667	89

Nota : ***Laporan Statistik Kontena, Feri Dan Komoditi***

a. Semakan Audit terhadap aktiviti kargo mendapati perkara berikut :-

i. Projek Pengeksportan Batu Kapur Pukal Melalui Terminal Kargo Pukal Prai

PPSB telah mengadakan rundingan dengan Lhoist Group (antara pengeluar utama dunia bagi produk kapur/dolomit kapur yang diasaskan di Belgium) pada bulan April 2007 bagi mengendalikan pengeksportan batu kapur dari Tapah, Perak melalui Terminal Kargo Pukal Prai (PBCT) dengan kos anggaran berjumlah RM120.5 juta. PPSB menjangkakan kadar pulangan kewangan untuk projek ini adalah 15.7%. Setakat bulan Februari 2008, PPSB telah membayar sejumlah RM2.82 juta (68.9%) daripada RM4.09 juta kepada Mega Consult Sdn. Bhd. bagi perkhidmatan perunding terhadap operasi projek tersebut. Sungguhpun **projek sepatutnya dimulakan pada pertengahan tahun 2009, namun projek ini masih belum dilaksanakan sehingga 30 Mac 2010** disebabkan oleh faktor-faktor berikut :-

- Lokasi projek terpaksa dipindahkan dari PBCT ke Dermaga Prai (Prai Wharves) disebabkan pelan rancangan asal terutamanya pembinaan rel melintasi bulatan Prai tidak mendapat kelulusan daripada JKR dan Majlis Perbandaran Seberang Prai (MPSP). Perubahan lokasi ini menyebabkan kos meningkat kepada RM230.5 juta (91.3%).

- Caj pengendalian tidak dapat dikekalkan pada tawaran asal kerana masalah pengurangan dalam isipadu (volume) pengeluaran batu kapur dan peningkatan kos projek.

- Tata Group, syarikat pengimport di India tidak dapat mengesahkan jumlah sebenar batu kapur yang akan diimport dan perkara ini masih dalam proses rundingan.

Pada pandangan Audit, PPSB perlu segera memuktamadkan pelaksanaan projek ini memandangkan kos permulaan projek telah dikeluarkan dan projek ini juga berpotensi besar untuk menambahkan pendapatan PPSB.

ii. Gudang *Container Freight Station* (CFS)

Bagi mengatasi kekurangan ruang penyimpanan kontena, PPSB telah melantik Bertam Perdana Sdn. Bhd. melalui proses tender dengan nilai kontrak berjumlah RM5.19 juta untuk membina gudang baru di *Butterworth Cargo Terminal Wharves* (BDCT). Mengikut kontrak, kerja-kerja pembinaan akan dijalankan mulai 21 Ogos 2006 hingga 4 Mac 2007. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati **pembinaan gudang CFS hanya disiapkan pada 21 November 2008** setelah 3 kali lanjutan masa selama 19 bulan diberi. Semakan Audit selanjutnya mendapati sehingga bulan Disember 2009, **gudang tersebut masih belum digunakan (Gambar 57.7)**. Ini adalah kerana sijil layak menduduki bangunan belum diluluskan disebabkan oleh gudang tersebut tidak dilengkapkan dengan sistem semburan pemadam api

automatik. PPSB memaklumkan kerja-kerja pemasangan semburan automatik sedang dijalankan.



GAMBAR 57.7

Butterworth Deep Water Wharves
- Gudang CFS Yang Belum Digunakan
(20.07.2009)

Pada pandangan Audit, pihak PPSB perlu mencari alternatif yang sesuai untuk memastikan gudang yang telah dibina dapat digunakan secepat mungkin bagi mengelakkan kehilangan pendapatan kepada PPSB.

iii. Pengurusan Tanjong City Marina

Tanjung City Marina merupakan terminal kapal layar yang telah disiapkan pada 19 Oktober 2005 dengan kos berjumlah RM44 juta oleh Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang. Terminal tersebut mempunyai 102 *berthing bays* dan boleh menempatkan 140 kapal layar berukuran antara 10 meter hingga 50 meter panjang. Pengurusan marina ini telah diserahkan kepada PPSB pada 20 Oktober 2005. Terdapat beberapa kelemahan dalam pengurusan marina sejak ia diambil alih oleh PPSB. Berikut diberikan beberapa contohnya :-

- ***Wave Attenuator Corner* telah mengalami kerosakan sejak 25 Januari 2006 tetapi masih belum diperbaiki** sehingga 30 Jun 2009 **(Gambar 57.8 dan 57.9).** Mengikut maklum balas, PPSB telah memperuntukkan sejumlah RM0.6 juta dalam belanjawan tahun 2010 untuk pembinaan *Sheetpile Wall Wave Alternator* (sebahagian daripada *Wave Attenuator Corner)*.

GAMBAR 57.8



Tanjong City Marina
- Kerosakan Wave Attenuator Corner
(30.06.2009)

GAMBAR 57.9



Tanjong City Marina
- Kerosakan Wave Attenuator Corner
(30.06.2009)

- Bagi tempoh tahun 2006 hingga 2009, **operasi marina mengalami kerugian tahunan berterusan iaitu antara RM0.69 juta hingga RM0.99 juta** kerana ia jarang digunakan. Bagi tempoh masa tersebut pada **puratanya hanya 39 kapal layar singgah menggunakan *berthing bay* di terminal berkenaan sebulan berbanding dengan kapasitinya sebanyak 140 kapal layar sebulan**. Maklumat persinggahan kapal layar di Tanjong City Marina adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 57.11
BILANGAN KAPAL LAYAR BERLABUH DI TANJUNG CITY MARINA

BULAN	TAHUN				
	2005	2006	2007	2008	2009
Januari	-	30	48	37	65
Februari	-	18	41	40	76
Mac	-	25	41	31	58
April	-	32	64	37	63
Mei	-	22	45	25	62
Jun	-	8	30	18	36
Julai	-	18	19	14	-
Ogos	-	12	22	10	-
September	-	16	25	33	-
Oktober	3	22	39	34	-
November	75	80	93	87	-
Disember	67	51	56	39	-

- **Penggunaan *berthing bays* yang rendah** adalah disebabkan oleh perkara berikut :-

  - Tahap *siltation* (endapan lumpur) di kawasan Tanjong City Marina adalah di paras tinggi dan memerlukan pengerukan dibuat secara berkala. Selain itu, **paras kedalaman dasar laut bagi *berthing bays* yang berhampiran dengan tebing adalah cetek dan menyebabkan kapal sukar berlabuh** terutamanya di *berthing bay* A1 hingga A5, C1 hingga C5, D1 hingga D7, F1 hingga F7 dan G1 hingga G7. Pihak Audit tidak dapat memastikan tarikh akhir kerja-kerja pengerukan dilakukan kerana pengurusan Tanjong City Marina **tidak menyimpan daftar atau rekod mengenainya**. PPSB memaklumkan kerja-kerja pengerukan pada tahun 2005 hingga 2008 telah dijalankan oleh Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang, manakala kerja pengerukan pada tahun berikutnya hanya dibuat mulai 17 November 2009.

  - **Sebanyak 12 daripada 140 *berthing bay* tidak dapat digunakan kerana mengalami kerosakan dan belum dibaiki**. Sehingga tarikh pengauditan pada 15 Oktober 2009, pihak Audit juga mendapati kerosakan *pontoon* seperti di **Gambar 57.10** dan **Gambar 57.11** belum diperbaiki. Berdasarkan maklum balas PPSB, sejumlah RM1.5 juta telah diperuntukkan pada tahun 2010 untuk membaiki *pontoon* yang rosak.

GAMBAR 57.10



GAMBAR 57.11



Tanjong City Marina
- Kerosakan Pontoon Yang Belum Dibaiki
(30.06.2009)

- Terdapat aduan daripada pengguna berhubung alun ombak kencang di persekitaran Tanjong City Marina yang memberi kesan terhadap pergerakan kapal layar.

Pada pandangan Audit, pihak pengurusan perlu memperbaiki kerosakan Tanjong City Marina dengan segera serta mencari alternatif yang sesuai dan terbaik untuk memastikan marina yang telah dibina dapat dimanfaatkan dengan sebaiknya.

57.4.2.3. Aktiviti Marin

Perkhidmatan feri merupakan pengangkutan awam terpenting bagi masyarakat Pulau Pinang. Feri ini membawa penumpang dan kenderaan yang dibahagikan kepada 4 kategori iaitu basikal, motosikal, kereta dan lori. Bagi tempoh tahun 2006 hingga 2008, pencapaian keseluruhan sebenar berbanding sasaran bagi perkhidmatan feri adalah antara 93% hingga 98% di mana pencapaian tertinggi adalah pada tahun 2006 dan pencapaian sebenar bagi semua kategori dilihat lebih rendah daripada sasaran. Adalah diperhatikan terdapat penurunan berterusan bagi kesemua kategori muatan kecuali kategori motosikal tidak menunjukkan perubahan. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 57.12
PENCAPAIAN SEBENAR PERKHIDMATAN FERI BERBANDING SASARAN BAGI TEMPOH TAHUN 2006 HINGGA 2008

TAHUN	KATEGORI MUATAN	BILANGAN		PENCAPAIAN %
		SASARAN	SEBENAR	
2006	Penumpang	2,471,700	2,432,849	98.4
	Basikal	21,700	20,400	94.0
	Motosikal	2,022,700	1,985,875	98.2
	Kereta	1,419,300	1,381,666	97.3
	Lori	104,700	101,469	96.9
	Keseluruhan	6,040,100	5,922,259	98.0
2007	Penumpang	2,471,700	2,197,353	88.9
	Basikal	21,700	19,083	87.9
	Motosikal	2,022,700	1,982,522	98.0
	Kereta	1,419,300	1,326,722	93.5
	Lori	104,700	93,567	89.4
	Keseluruhan	6,040,100	5,619,247	93.0

TAHUN	KATEGORI MUATAN	BILANGAN		PENCAPAIAN %
		SASARAN	SEBENAR	
2008	Penumpang	2,440,594	2,305,958	94.5
	Basikal	22,510	15,430	68.5
	Motosikal	2,033,800	1,993,914	98.0
	Kereta	1,364,900	1,264,322	92.6
	Lori	106,700	90,863	85.2
	Keseluruhan	5,968,504	5,670,487	95.0

Nota : Laporan Statistik Feri

a. Pengurusan Feri

Perkhidmatan Feri Pulau Pinang yang menghubungkan terminal feri di Butterworth (Terminal Sultan Abd Halim) ke Georgetown, Pulau Pinang (Terminal Raja Tun Uda) merupakan perkhidmatan feri tertua di Malaysia. PPSB yang merupakan pengendali bagi perkhidmatan feri ini telah menyediakan 8 feri. Semakan Audit mendapati perkara berikut :-

i. **Terminal feri lama di Butterworth (Terminal Sultan Abd Halim) yang telah runtuh pada tahun 1988 didapati tidak dibaiki sehingga kini (Gambar 57.12).** Sekiranya dibaiki, ianya mampu mengurangkan kesesakan dan kelewatan feri sedia ada. PPSB memaklumkan pembaikan terminal lama memerlukan perbelanjaan yang besar dan tidak dapat ditampung melalui sumber pendapatan pengangkutan feri.



GAMBAR 57.12

Terminal Feri Butterworth
- Terminal Lama Sultan Abd Halim
Yang Belum Dibaiki Sejak 1988
(16.10. 2009)

ii. **Kerosakan kerap berlaku pada *upper brow* di *berth* nombor 3, Terminal Raja Tun Uda dan terminal kerap kali terpaksa ditutup.** Ini telah menyebabkan kesesakan dan kelewatan kepada perkhidmatan feri. Sepanjang tempoh pengauditan, kerosakan telah berlaku 2 kali iaitu pada 18 Jun dan 24 Julai 2009 melibatkan kos pembaikan berjumlah RM24,000. Mengikut keterangan pegawai PPSB, punca kerosakan berkemungkinan disebabkan oleh sistem hidraulik yang tidak sesuai serta logam pada tambatan yang usang. Semakan Audit mendapati Bahagian Kejuruteraan PPSB telah mengemukakan cadangan kepada pihak pengurusan untuk menaik taraf dan menggantikan sistem hidraulik di *berth* nombor 3 dengan kos berjumlah RM300,000. Bagaimanapun, perkara ini belum dipersetujui oleh pihak pengurusan atas faktor kos yang tinggi.

Pada pandangan Audit, memandangkan permintaan terhadap perkhidmatan feri masih tinggi, PPSB perlu segera mengatasi masalah dan memperbaiki kelemahan perkhidmatan feri bagi mempertingkatkan kecekapan dan keberkesanan perkhidmatan tersebut.

b. Perolehan *Cutter Suction Dredge*

i. Bagi menangani masalah *siltation* di kawasan perairan yang cetek, Lembaga Pengarah PPSB telah meluluskan permohonan pembelian secara tender *Cutter Suction Dredge* (sejenis kapal korek kecil yang boleh memotong/menghancurkan ketulan-ketulan selut serta menyedut keluar selut daripada sesuatu kawasan) dengan kos berjumlah RM2.37 juta dari Perniagaan Yamani Sdn. Bhd. (Yamani Sdn. Bhd.) pada bulan April 2008. Bekalan peralatan tersebut telah diterima oleh PPSB pada 3 November 2008. Peralatan ini digunakan di kawasan yang sempit dan cetek seperti Tanjong City Marina; Limbungan Bagan Dalam serta kawasan-kawasan lain yang bersesuaian. Pihak pengurusan telah menetapkan kerja-kerja pengerukan dilaksanakan secara berterusan mengikut pusingan dan kekerapan adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 57.13
KEKERAPAN KERJA-KERJA PENGERUKAN YANG DITETAPKAN

TEMPAT	TEMPOH PENGERUKAN BAGI SETIAP PUSINGAN (Bulan)	KEKERAPAN PENGERUKAN SETAHUN (Pusingan)
Tanjung City Marina	2	3
Limbungan Bagan Dalam	1	3
Inner basin di Butterworth *Wharf*	1	2
Terminal Feri	1	2

ii. Mengikut syarat kontrak, kontraktor dikehendaki memberi latihan kepada kakitangan PPSB untuk membolehkan mereka mengendalikan sendiri peralatan tersebut dan kos perkhidmatan ini telah pun diambil kira dalam nilai kontrak perolehan peralatan berkenaan. Bagaimanapun, latihan yang diberi kepada kakitangan PPSB adalah setakat memberi *awareness* yang mana ia tidak mencukupi untuk membolehkan kakitangan PPSB mengendalikan peralatan tersebut. Oleh itu, **PPSB telah melantik Yamani Sdn. Bhd. untuk membekalkan pekerja bagi menjalankan kerja-kerja pengerukan dengan menggunakan peralatan PPSB**. Sehingga tarikh pengauditan pada bulan Jun 2009, kos yang dibayar bagi membekalkan pekerja adalah RM14,500.

iii. Pihak Audit juga mendapati **alat ganti *Cutter Suction Dredge* (Gambar 57.13 dan 57.14) bernilai RM57,959 belum direkodkan dalam sistem perakaunan SAP atau didaftarkan secara manual**. Semakan Audit mendapati alat ganti tersebut masih dalam kotak dan

hanya disimpan di dalam stor Bagan Dalam Slipway (BDS). Menurut maklumbalas, PPSB sedang dalam proses merekodkan maklumat peralatan tersebut ke dalam sistem perakaunan SAP.

GAMBAR 57.13



GAMBAR 57.14



Bagan Dalam Slipway
- Alat Ganti Cutter Suction Dredge
Belum Direkodkan Dalam Sistem Perakaunan SAP
(16.10.2009)

c. Penyewaan *Cutter Suction Dredge* Kepada Pembekal

i. PPSB telah menyewakan *Cutter Suction Dredge* (**Gambar 57.15 dan 57.16**) kepada Yamani Sdn. Bhd. bagi tempoh 3 bulan mulai bulan Jun hingga bulan Ogos 2009 dengan kadar sewa RM35,000 sebulan. Tempoh sewaan ini telah dilanjutkan untuk 3 bulan yang berikutnya iaitu sehingga bulan Disember 2009 dengan kadar sewa yang sama. Semakan Audit selanjutnya mendapati kerja-kerja pengerukan di BDS pada tahun 2009 tidak mengikut kekerapan ditetapkan di mana ia **hanya dilaksanakan sebanyak 2 kali iaitu pada bulan Februari dan bulan Ogos**. Adalah diperhatikan juga **kerja pengerukan yang telah dilaksanakan pada bulan Ogos tidak memuaskan/sempurna**. Kerja-kerja pengerukan yang bermula pada 10 Ogos sehingga 15 Ogos hanya dijalankan di Fasa 1 BDS sahaja manakala kerja-kerja di *layby* Fasa 2 tidak dilaksanakan. Oleh yang demikian, BDS masih menghadapi masalah *siltation rate* yang tinggi dan menyebabkan kerja-kerja di BDS ini tergendala.

ii. **Yamani Sdn. Bhd. telah menggunakan peralatan yang disewanya daripada PPSB untuk melaksanakan kerja-kerja pengerukan di syarikat lain iaitu Hong Leong Shipyard sungguhpun kerja-kerja pengerukan yang sepatutnya dilaksanakannya dengan PPSB belum siap sepenuhnya.** Ini adalah bertentangan dengan syarat perjanjian penyewaan *Cutter Suction Dredge* antara PPSB dengan Yamani Sdn.Bhd. di mana pihak syarikat hendaklah mendahulukan kerja-kerja pengerukan di PPSB. **Ketiadaan jadual perancangan yang disediakan oleh Unit Hidrographi, Bahagian Operasi Marin** bagi memastikan kerja-kerja pengerukan dilaksanakan mengikut pusingan yang ditetapkan juga telah menjadi antara punca kontraktor tidak menjalankan kerja mengikut jadual.

GAMBAR 57.15



GAMBAR 57.16



Terminal Sultan Abd. Halim, Butterworth
- Cutter Suction Dredge Yang Berlabuh
(16.10. 2009)

Pada pandangan Audit, Lembaga Pengarah PPSB perlu menyiasat ketidakaturan yang berlaku dalam kerja-kerja pengerukan dan penyewaan *Cutter Suction Dredge.*

57.4.3. Pematuhan Terhadap Peraturan Pengurusan dan Kewangan Syarikat

57.4.3.1. Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 12 Tahun 1993 menetapkan bahawa peraturan berkaitan dengan perbelanjaan syarikat perlu diperkemas bagi tujuan mengurangkan kos operasi dan mengelakkan pembaziran. Semakan Audit terhadap pengurusan perbelanjaan PPSB mendapati perkara berikut :-

a. PPSB membenarkan anggotanya memohon wang pendahuluan bagi tujuan perjalanan; pendahuluan pelbagai; bayaran gaji serta mana-mana program lain yang diluluskan oleh pihak pengurusan. Pendahuluan yang diberi perlu dilunaskan dalam tempoh satu bulan atau selepas sesuatu program berakhir. Adalah diperhatikan **PPSB lewat mengambil tindakan untuk mendapatkan bayaran balik pendahuluan diri yang diambil oleh pegawainya. Sebanyak 36 kes yang melibatkan bayaran balik pendahuluan berjumlah RM0.39 juta lewat diselesaikan antara 3 hingga 1,945 hari.** Perkara ini juga telah dibangkitkan oleh Unit Audit Dalam PPSB. **Pada pandangan Audit, pihak pengurusan perlu memastikan setiap peraturan yang dibuat dipatuhi dan tindakan tegas diambil terhadap pegawai yang lewat membayar balik pendahuluan diri.**

b. Mengikut polisi PPSB, semua pengarah bukan eksekutif layak untuk membuat lawatan teknikal ke luar negara setahun sekali bermula tahun 2007. Adalah didapati **Lembaga Pengarah juga telah meluluskan cadangan PPSB bagi membuat bayaran gantian kepada 2 orang pengarah yang tidak dapat menggunakan kelayakan tersebut** pada tahun 2007. Bayaran gantian yang diluluskan adalah berjumlah RM26,200 seorang dan telah dibayar pada bulan Julai 2008. Pihak Audit tidak dapat mengesahkan kewajaran pembayaran tunai tersebut dibuat kepada pegawai-pegawai yang berkenaan memandangkan tujuan lawatan teknikal adalah bagi kepentingan dan penambahbaikan operasi syarikat dan bukannya bagi kepentingan peribadi.

57.4.3.2. Menurut Akta Syarikat 1965, Lembaga Pengarah bertanggungjawab memastikan langkah-langkah wajar diambil bagi memastikan aset-aset syarikat diuruskan dengan cekap dan teratur. Semakan Audit terhadap penyenggaraan kenderaan PPSB mendapati kelemahan seperti **borang penggunaan/ pergerakan kenderaan di Bahagian Korporat tidak diselenggarakan dengan lengkap dan teratur**; **buku log bagi** 3 kenderaan guna sama PPSB di *Corporate Service Unit* **tidak diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini;** tiada bukti semakan dibuat terhadap ketepatan maklumat penggunaan kad inden dan daftar Kad *Touch n Go* tidak diselenggarakan. Semakan susulan pada 11 hingga 16 Oktober 2009 mendapati pihak PPSB telah mengambil tindakan pembetulan selepas teguran Audit.

57.5. SYOR AUDIT

Bagi memastikan objektif penubuhan PPSB dapat dicapai sepenuhnya dan Kerajaan sebagai pemegang ekuiti mendapat *value for money*, adalah disyorkan supaya pihak yang terlibat mengambil tindakan-tindakan seperti berikut :-

57.5.1. Lembaga Pengarah PPSB perlu memantau dengan rapi prestasi pelaksanaan Projek *North Butterworth Container Terminal* memandangkan ianya melibatkan kos yang besar. Bagi tujuan ini, kemajuan pelaksanaan projek tersebut hendaklah dijadikan agenda tetap dalam mesyuarat Lembaga Pengarah supaya sebarang masalah yang berbangkit dapat dibincangkan dan ditangani dengan awal.

57.5.2. Lembaga Pengarah PPSB dan pihak pengurusan perlu memastikan pengurusan perolehan dibuat dengan teratur; telus dan berhemat serta mematuhi Pekeliling dan garis panduan yang telah ditetapkan. Lembaga Pengarah perlu menetapkan setiap perolehan yang diluluskan mempunyai justifikasi yang jelas dan disokong dengan analisis kos faedah bagi memastikan PPSB mendapat *value for money.*

57.5.3. Lembaga Pengarah dan pihak pengurusan perlu memperbaiki beberapa kerosakan di Tanjong City Marina dengan segera serta mencari alternatif yang sesuai dan terbaik untuk memastikan marina yang telah dibina dapat dimanfaatkan dengan sebaiknya.

57.5.4. Kementerian Kewangan perlu memantau dengan lebih rapi pengurusan PPSB untuk memastikan kelemahan-kelemahan yang berlaku tidak berulang dan sebarang masalah dapat ditangani dengan awal.

KEMENTERIAN KEWANGAN

58. PENGURUSAN PROKHAS URUS SDN. BHD. (Syarikat Subsidiari Prokhas Sdn. Bhd.)


58.1. LATAR BELAKANG

58.1.1. Prokhas Urus Sdn. Bhd. (PUSB) telah diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 pada 31 Januari 2007. Ia merupakan syarikat subsidiari Prokhas Sdn. Bhd. (sebuah syarikat milik penuh Kerajaan) dengan modal berbayar berjumlah RM2. Berdasarkan *Memorandum And Articles Of Association,* PUSB ditubuhkan sebagai sebuah syarikat yang terlibat dengan pengurusan aset. Sungguhpun demikian, PUSB sehingga kini masih belum terlibat secara aktif dalam melaksanakan aktiviti sebagaimana tujuan penubuhannya. Sebaliknya, PUSB telah diberikan mandat oleh syarikat induknya iaitu Prokhas Sdn. Bhd. (Prokhas) untuk menguruskan Program Amal Jariah (PAJ). PAJ adalah satu program yang diperkenalkan oleh Kerajaan pada bulan September 2007 bagi membaik pulih rumah usang golongan miskin dan miskin tegar di seluruh negara. PAJ telah dimulakan di Lekir, Perak pada bulan September 2007. Objektif PAJ adalah seperti berikut :-

- Memberi keselesaan dengan membantu memperbaiki keadaan rumah golongan miskin dan miskin tegar.
- Membantu meningkatkan taraf hidup golongan miskin dan miskin tegar dengan menyediakan peluang pekerjaan yang bersesuaian.
- Menerap budaya beramal jariah demi kepentingan pembangunan masyarakat.
- Membangun masyarakat melalui penyempurnaan tanggungjawab sosial oleh golongan korporat.

58.1.2. PUSB mempunyai 2 Ahli Lembaga Pengarah di mana seorang daripadanya adalah wakil dari Kementerian Kewangan. PUSB tidak mempunyai kakitangan tetap sebaliknya operasinya dilaksanakan secara sambilan oleh kakitangan tetap Prokhas. Secara ringkas struktur pengurusan PAJ adalah seperti di carta berikut :-


CARTA 58.1
STRUKTUR PENGURUSAN PROGRAM AMAL JARIAH
KEDUDUKAN PADA 31 DISEMBER 2009



* *Wakil Tempatan Bertindak Sebagai Wakil Prokhas Bagi Mengenal Pasti Penerima Bantuan PAJ Dan Menguruskan Kerja Pembaikan Rumah Penerima Bantuan Yang Terpilih*

58.1.3. Kerajaan telah mengumumkan pelaksanaan PAJ semasa bajet tahun 2008 dengan peruntukan dana awal berjumlah RM50 juta bagi membaik pulih rumah usang untuk rakyat miskin/miskin tegar. Pelaksanaan PAJ melibatkan 5 peringkat yang bermula daripada pelantikan wakil tempatan sehingga kepada pembayaran. Secara ringkas, proses pelaksanaan Program Amal Jariah adalah seperti di carta berikut :-

CARTA 58.2
PROSES PELAKSANAAN PROJEK AMAL JARIAH



58.1.4. PUSB telah menyediakan garis panduan/prosedur untuk operasi PAJ yang meliputi pentadbiran pengurusan PAJ seperti mengenal pasti penerima bantuan, pelantikan wakil tempatan, kelulusan permohonan, pembayaran, perakaunan, pemantauan dan pengesahan atas projek siap. Di samping itu, ia juga menerangkan tentang tanggungjawab setiap unit dan pegawai terlibat dengan projek ini dan terma rujukan pemantauan projek. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 58.1
GARIS PANDUAN OPERASI PROGRAM AMAL JARIAH

GARIS PANDUAN	CATATAN
Program Amal Jariah Standard Operating Procedures (Februari 2008)	Mengandungi polisi, garis panduan dan prosedur untuk mengurus dan mentadbir Program Amal Jariah termasuk proses pemilihan penerima bantuan, kelulusan, pembayaran, perakaunan, pemantauan dan pengesahan projek siap.
Buku Panduan Am	Mengandungi garis panduan dan prosedur yang telah dinilai semula untuk mengurus dan mentadbir Program Amal Jariah.
Program Amal Jariah Supplementary Standard Operating Procedures (Mac 2009)	Mengandungi garis panduan dan prosedur yang telah dinilai semula untuk mengurus dan mentadbir Program Amal Jariah serta maklumat eJariah.

58.1.5. Sebagai sebuah syarikat yang dimiliki oleh Kerajaan, PUSB perlu mematuhi undang-undang dan peraturan yang ditetapkan di bawah Akta Syarikat 1965 dan peraturan lain yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan dari semasa ke semasa.

58.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada :-

58.2.1. Prestasi kewangan PUSB adalah memuaskan atau sebaliknya dan menentukan faktor-faktor yang menyumbang kepada prestasi tersebut.

58.2.2. Pengurusan aktiviti PUSB telah dilaksanakan dengan teratur serta selaras dengan objektif yang ditetapkan.

58.2.3. Pengurusan kewangan dan tadbir urus korporat PUSB adalah selaras dengan peraturan yang ditetapkan.

58.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini meliputi aspek kewangan dan aktiviti utama PUSB. Semakan terhadap dokumen, fail serta rekod yang berkaitan bagi tempoh tahun 2007 hingga 2009 telah dibuat di pejabat Prokhas serta Kementerian Kewangan. Bagaimanapun, analisis prestasi kewangan hanya dapat dijalankan berdasarkan Penyata Kewangan tahun 2007 dan 2008 yang beraudit. Temu bual dengan pegawai yang bertanggungjawab di Prokhas serta pegawai Kementerian Kewangan turut diadakan. Selain itu, lawatan Audit juga dijalankan ke 45 buah rumah yang dibaik pulih di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Melaka, Negeri Sembilan dan Kelantan.

58.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Mei hingga Julai 2009 mendapati pada umumnya, bantuan baik pulih rumah penduduk miskin di bawah PAJ telah dilaksanakan selaras dengan objektif yang ditetapkan. Pelantikan wakil tempatan telah dibuat secara telus dan memenuhi kriteria yang ditetapkan. Maklumat lengkap mengenai pelaksanaan program telah pun diselenggarakan dalam sistem e-Jariah mulai tahun 2009. Sungguhpun PUSB memperolehi keuntungan bersih pada tahun 2008 berbanding kerugian bersih pada tahun terdahulu, namun keuntungan tersebut hanya disumbangkan oleh pendapatan faedah daripada dana Kerajaan yang diterimanya dan digunakan bagi menampung perbelanjaan operasi PAJ. Pengurusan aktivitinya pula mempunyai beberapa kelemahan seperti pemilihan penerima bantuan tidak menepati kriteria yang ditetapkan; pelaksanaan projek baik pulih rumah tidak teratur dan kelemahan penyelarasan program dengan agensi Kerajaan yang lain. Penjelasan lanjut berhubung dengan prestasi kewangan PUSB serta pelaksanaan aktiviti PAJ adalah seperti di perenggan-perenggan berikut :-

58.4.1. Prestasi Kewangan

PUSB merupakan sebuah syarikat yang tidak berorientasikan keuntungan telah menerima geran Kerajaan berjumlah RM50 juta pada tahun 2008 untuk membaik pulih rumah miskin/miskin tegar di bawah PAJ. Bagaimanapun, penerimaan geran tersebut tidak mempengaruhi kedudukan kewangan PUSB kerana ia tidak diambilkira dalam Penyata Kewangannya memandangkan PUSB tidak tertakluk kepada sebarang risiko dan ganjaran hasil daripada pelaksanaan PAJ. Adalah didapati, juruaudit luar telah menyemak geran tersebut dan ia dilaporkan sebagai *off balance sheet item.* Pada umumnya, prestasi kewangan bagi tahun 2008 adalah lebih baik berbanding tahun 2007 di mana PUSB mencatatkan keuntungan bersih

berjumlah RM0.61 juta pada tahun 2008 berbanding kerugian bersih berjumlah RM2,476. Keuntungan pada tahun 2008 tersebut disumbangkan oleh pendapatan faedah diterima daripada dana Kerajaan berjumlah RM0.67 juta yang dilaburkan di institusi kewangan tempatan pada tahun 2008. Kedudukan pendapatan dan perbelanjaan serta untung rugi PUSB bagi tahun 2007 dan 2008 adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 58.2
PENDAPATAN, PERBELANJAAN SERTA UNTUNG RUGI PUSB
BAGI TAHUN KEWANGAN 2007 DAN 2008*

BUTIRAN	OKTOBER 2007 (RM)	OKTOBER 2008 (RM)
Pendapatan	-	666,258
Perbelanjaan	(2,476)	(60,545)
Untung/(Rugi) Sebelum Cukai	(2,476)	605,713
Cukai	-	-
Untung/(Rugi) Bersih Semasa	(2,476)	605,713

Nota : * - Tahun Kewangan PUSB Adalah Pada 31 Oktober Iaitu Bersamaan Dengan Tahun Kewangan Prokhas Sdn. Bhd.

58.4.2. Pengurusan Aktiviti

58.4.2.1. Program Amal Jariah mula dilaksanakan pada tahun 2008 dengan peruntukan berjumlah RM100 juta yang diterima pada tahun 2008 dan 2009 dari Kementerian Kewangan untuk membaiki rumah penduduk miskin tegar di seluruh Malaysia. Setiap penerima bantuan yang layak diperuntukkan bantuan pembaikan rumah sehingga RM5,000 atau RM10,000 setiap seorang. PAJ dilaksanakan secara sukarela oleh kakitangan Prokhas bersama-sama dengan pegawai Bank Simpanan Nasional Berhad dan Bank Islam Malaysia Berhad yang dilantik sebagai ejen PUSB.

58.4.2.2. Bagi tahun 2008 dan 2009, sebanyak 22,222 permohonan bagi membaik pulih rumah telah diterima, di mana 19,445 (87.5%) daripadanya telah diluluskan. Daripada jumlah yang diluluskan, kerja baik pulih untuk 18,222 (93.7%) rumah telah disiapkan melibatkan perbelanjaan berjumlah RM96.78 juta. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 58.3
STATUS KESELURUHAN PROGRAM AMAL JARIAH PADA TAHUN 2008 DAN 2009

PERKARA	TAHUN 2008	TAHUN 2009	JUMLAH
Permohonan Diterima **(Bilangan)**	10,963	11,259	22,222
Permohonan Diluluskan **(Bilangan)**	8,880	10,565	19,445
Kerja Baik Pulih Siap **(Bilangan)**	8,572	9,650	18,222
Peruntukan Diterima **(RM Juta)**	50.00	50.00	100.00
Perbelanjaan **(RM Juta)**	46.06	50.72	96.78
Agihan Bantuan Tahap 1 @ RM5,000/rumah **(Bilangan)**	8,419	10,064	18,483
Agihan Bantuan Tahap 2 @ RM10,000/rumah **(Bilangan)**	461	501	962

58.4.2.3. Bilangan rumah yang telah dibaik pulih di bawah program ini mengikut negeri dan contoh rumah yang telah dibaiki adalah seperti di **Jadual 58.4** serta **Gambar 58.1 hingga 58.4.**

JADUAL 58.4
BILANGAN RUMAH YANG TELAH DIBAIK PULIH MENGIKUT NEGERI
KEDUDUKAN PADA TAHUN 2008 DAN 2009

NEGERI	JUMLAH LULUS (Bilangan Rumah)		JUMLAH SIAP (Bilangan Rumah)		JUMLAH PERBELANJAAN (RM Juta)		JUMLAH KESELURUHAN PERBELANJAAN
	2008	2009	2008	2009	2008	2009	
Perlis	292	236	281	210	1.56	1.10	2.66
Kedah	798	1,020	779	937	4.35	4.89	9.24
Pulau Pinang	815	409	803	406	4.28	2.12	6.40
Perak	1,467	1,606	1,462	1,588	7.74	8.42	16.16
Selangor	519	467	506	450	2.65	2.29	4.94
Negeri Sembilan	528	589	505	466	2.68	2.41	5.09
Melaka	459	266	433	251	2.39	1.28	3.67
Johor	396	1,056	346	984	2.08	5.11	7.19
Pahang	575	543	502	461	2.82	2.36	5.18
Terengganu	663	964	656	913	3.32	4.77	8.09
Kelantan	885	1,400	838	1,316	4.43	6.66	11.09
Sarawak	503	883	496	685	2.70	3.89	6.59
Sabah	604	1,041	603	900	3.13	5.00	8.13
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	376	85	362	83	1.93	0.42	2.35
JUMLAH	**8,880**	**10,565**	**8,572**	**9,650**	**46.06**	**50.72**	**96.78**

GAMBAR 58.1



Sebelum Pembaikan

GAMBAR 58.2



Selepas Pembaikan

Kg. Pulai Darat, Melaka
Diperolehi Daripada Sumber PUSB
(Tarikh Rumah Siap 20.06.2009)

GAMBAR 58.3



Sebelum Pembaikan

GAMBAR 58.4



Selepas Pembaikan

Kampung Laut 2, Palekbang,Tumpat, Kelantan
Diperolehi Daripada Sumber PUSB
(Tarikh Rumah Siap 06.07.2009)

58.4.2.4. Semakan Audit mendapati bantuan baik pulih rumah telah diberi kepada penduduk miskin/miskin tegar sebagaimana objektif program yang ditetapkan. Sungguhpun demikian, dalam pelaksanaan PAJ terdapat beberapa perkara seperti berikut :-

a. Pemilihan Penerima Bantuan

Mengikut *Program Amal Jariah Standard Operating Procedures (SOP)* yang dikeluarkan pada bulan Februari 2008, wakil tempatan adalah bertanggungjawab antaranya mengenal pasti penerima bantuan yang layak menerima bantuan PAJ dengan mengemukakan borang cadangan berserta dokumen sokongan lain yang diperlukan. Setelah permohonan penerima bantuan diluluskan, wakil tempatan akan mencari tukang/kontraktor dan pembekal untuk melaksanakan kerja pembaikan rumah. Didapati PUSB telah menetapkan beberapa kriteria kelayakan untuk bantuan PAJ. Penerima bantuan PAJ mestilah warganegara Malaysia dan miskin tegar dengan pendapatan berjumlah RM500 dan ke bawah. Kriteria lain meliputi bilangan tanggungan serta faktor umur dan kesihatan (keutamaan diberikan kepada golongan berumur dan orang kurang upaya). Selain itu, penyewa tanah dan individu yang mendapat kebenaran menghuni tanah turut dipertimbangkan. Semakan Audit mendapati pemilihan penerima bantuan pada umumnya telah dibuat mengikut kriteria ditetapkan. Analisis yang dijalankan terhadap data PAJ berhubung penerima bantuan bagi tahun 2009 (setakat 30 Jun) mendapati :-

i. **Seramai 335 daripada 8,097 penerima bantuan adalah terdiri daripada golongan setinggan dengan bantuan berjumlah RM1.85 juta.** Pengagihan bantuan kepada golongan setinggan mengikut negeri dan jumlah bantuan adalah seperti di **Jadual 58.5**. Contoh gambar-gambar rumah setinggan yang dibaik pulih pula adalah seperti di **Gambar 58.5 hingga Gambar 58.7.**

JADUAL 58.5
PENGAGIHAN BANTUAN KEPADA GOLONGAN SETINGGAN MENGIKUT NEGERI DAN NILAI BANTUAN

NEGERI	BILANGAN PENERIMA BANTUAN	NILAI BANTUAN (RM Juta)
Johor	24	0.12
Kedah	62	0.34
Kelantan	4	0.02
Melaka	-	-
Negeri Sembilan	10	0.05
Pahang	3	0.02
Perak	14	0.07
Perlis	4	0.03
Pulau Pinang	11	0.07
Sabah	171	0.97
Sarawak	14	0.07
Selangor	4	0.02
Terengganu	9	0.04
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	5	0.03
JUMLAH	**335**	**1.85**

GAMBAR 58.5



Contoh Rumah Setinggan
Kg. Bukit Tangki Air Off Taman Permata, Kuala Lumpur
- Rumah Yang Telah Dibaik Pulih
(17.08.2009)

GAMBAR 58.6



Contoh Rumah Setinggan
Kg Bukit Tangki Air, Batu 4, Kuala Lumpur
- Rumah Yang Telah Dibaik Pulih
(17.08.2009)



GAMBAR 58.7

Contoh Rumah Setinggan
Simpang Empat , Pasir Jambul. Kota Baharu
- Rumah Yang Telah Dibaik Pulih
(19.08.2009)

ii. Seramai 813 (10%) penerima bantuan PAJ melibatkan bantuan berjumlah RM4.41 juta adalah terdiri daripada **golongan rakyat yang mempunyai pendapatan bulanan antara RM510 hingga RM2,500**. Mengikut maklum balas PUSB, kriteria lain selain daripada pendapatan juga diambil kira bagi penentuan kelayakan penerima seperti bilangan

tanggungan; keadaan rumah; tahap kesihatan; golongan warga emas; ibu tunggal dan golongan kurang upaya sama ada dari segi fizikal atau mental. Bagaimanapun, semakan Audit selanjutnya terhadap data bagi 813 penerima tersebut masih tidak dapat menentukan asas pemberian bantuan berdasarkan faktor-faktor tersebut.

iii. **Seramai 28 (62.2%) daripada 45 penerima PAJ yang dilawati telah dicadangkan oleh tukang sungguhpun SOP mengkehendaki cadangan pemilihan tersebut dibuat oleh wakil tempatan**. PUSB memaklumkan wakil tempatan akan mengesahkan cadangan tersebut memandangkan amalan ini telah menyebabkan tukang cenderung untuk memilih rumah-rumah untuk dibaiki di kawasan yang sama dan tertumpu kepada skop kerja yang sama untuk memudahkannya mendapatkan bahan binaan pada harga yang lebih murah melalui perolehan secara pukal. Keadaan ini juga boleh mengakibatkan pemilihan penerima bantuan terhad kepada kawasan-kawasan tertentu.

Pada pandangan Audit, golongan setinggan sepatutnya tidak diberi bantuan memperbaiki rumah mereka memandangkan kediaman mereka terdedah kepada risiko untuk dirobohkan pada bila-bila masa dan ini menyebabkan perbelanjaan Kerajaan menjadi sia-sia. Selain itu, agensi Kerajaan lain yang turut melaksanakan bantuan baik pulih rumah golongan miskin seperti Pusat Zakat, RISDA dan Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah juga tidak memasukkan setinggan sebagai golongan yang layak untuk menerima bantuan.

b. Agihan Bantuan Antara Negeri


PUSB telah menetapkan bahawa agihan bantuan yang sama rata akan diperuntukkan kepada setiap negeri. Semakan Audit mendapati setiap negeri telah mendapat manfaat daripada PAJ. Bagaimanapun, bantuan PAJ tidak dibuat secara sama rata. Pihak Audit juga **tidak dapat menentukan asas agihan bantuan kepada negeri memandangkan terdapat perbezaan ketara antara peratusan agihan bantuan PAJ dengan peratusan statistik tahap kemiskinan yang dikeluarkan oleh Unit Perancang Ekonomi (EPU) pada tahun 2007**. Berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada pengauditan dijalankan setakat bulan Jun 2009, mendapati bantuan PAJ tertinggi telah disalurkan kepada negeri Perak diikuti Kelantan; Terengganu; Kedah; Pulau Pinang dan Negeri Sembilan. Bagaimanapun, ianya berbeza dengan statistik yang diperolehi daripada EPU, di mana Sabah merupakan negeri yang mencatat kadar kemiskinan tertinggi iaitu pada kadar peratusan sebanyak 16%, diikuti oleh Kelantan; Perlis; Terengganu; Sarawak dan Perak. Agihan penerima bantuan PAJ berbanding kedudukan taraf kemiskinan yang dikeluarkan oleh EPU adalah seperti di **Jadual 58.6 dan Graf 58.1**. Berdasarkan maklum balas PUSB, keadaan ini berlaku disebabkan pemilihan penerima bantuan PAJ bergantung sepenuhnya kepada inisiatif wakil-wakil tempatan yang dilantik.

JADUAL 58.6
PERBANDINGAN ANTARA AGIHAN BANTUAN PROGRAM AMAL JARIAH DENGAN TAHAP KEMISKINAN MENGIKUT NEGERI

NEGERI	TAHAP KEMISKINAN BERDASARKAN STATISTIK EPU* (%)	AGIHAN BANTUAN PAJ (SETAKAT BULAN JUN 2009) (%)	*RANKING* AGIHAN BANTUAN PAJ MENGIKUT NEGERI
Sabah	16.0	5.7	8
Kelantan	7.2	11.4	2
Perlis	7.0	2.9	14
Terengganu	6.5	9.0	3
Sarawak	4.2	5.3	10
Perak	3.4	18.3	1
Kedah	3.1	8.5	4
Melaka	1.8	4.7	12
Pahang	1.7	5.8	7
Johor	1.5	5.2	11
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	1.5	3.2	13
Pulau Pinang	1.4	8.2	5
Negeri Sembilan	1.3	6.1	6
Selangor	0.7	5.7	9

Nota : * EPU – Unit Perancang Ekonomi

GRAF 58.1
PERBANDINGAN ANTARA AGIHAN BANTUAN PAJ DENGAN TAHAP KEMISKINAN MENGIKUT NEGERI



Pada pandangan Audit, agihan bantuan PAJ seharusnya dibuat berdasarkan asas kelayakan serta berdasarkan statistik rasmi yang dikeluarkan oleh agensi Kerajaan seperti EPU atau Jabatan Perangkaan bagi memastikan agihan bantuan yang lebih saksama dan adil.

c. Pelaksanaan Projek Baik Pulih Rumah di Bawah PAJ

i. PUSB menetapkan setiap wakil tempatan perlu menyediakan justifikasi terhadap perolehan bahan binaan dan bayaran kepada tukang di mana anggaran bayaran tukang adalah di antara RM1,500 hingga RM2,000

atau RM3,500 hingga RM4,000. Bagaimanapun, **wakil-wakil tempatan berkenaan tidak mengemukakan justifikasi tersebut sebaliknya hanya memastikan jumlah pembaikan/upah tukang yang dituntut bagi setiap rumah adalah tidak melebihi amaun yang diluluskan**. Analisis Audit juga mendapati 99.6% daripada penerima bantuan sepenuhnya iaitu sama ada RM5,000 atau RM10,000 walaupun kerja-kerja yang dilaksanakan adalah berbeza dari segi kuantiti, kualiti dan skopnya **(Jadual 58.7).** Perkara ini berlaku kerana spesifikasi kerja yang perlu dilaksanakan oleh tukang **tidak dinyatakan dengan jelas oleh wakil tempatan** dan ia menyukarkan pengesahan terhadap kesempurnaan kerja sebelum bayaran dibuat. Ini disebabkan oleh beberapa aspek penting khususnya berhubung jenis kerosakan yang perlu diberi keutamaan; jenis kerja pembaikan yang dicadangkan dan perincian kerja tidak dinyatakan di dalam garis panduan yang dikeluarkan pada bulan Februari 2008. **Pada pandangan Audit, Lembaga Pengarah PUSB mahupun Prokhas perlu menyediakan garis panduan yang terperinci dan jelas bagi memastikan agihan bantuan baik pulih rumah penduduk miskin dapat dilaksanakan dengan teratur selaras dengan objektif yang ditetapkan. Selain itu, wakil tempatan juga perlu memastikan bahawa anggaran kos pembaikan yang dikemukakan oleh tukang adalah realistik serta bersesuaian dengan kerja pembaikan yang dilaksanakan.**

JADUAL 58.7
PENGAGIHAN PROJEK MENGIKUT NILAI BANTUAN

NILAI BANTUAN (RM)	BILANGAN PROJEK	PERATUSAN
5,000	7,625	94.2
6,000	30	0.4
10.000	442	5.4
JUMLAH	**8,097**	**100.0**

ii. PUSB melalui Sistem e-Jariah telah mencadangkan harga bahan binaan yang lazimnya digunakan bagi pembaikan rumah sebagai asas rujukan kepada pihak-pihak terlibat berasaskan kepada harga pasaran tempatan. Memandangkan harga yang dicadangkan tidak meliputi semua jenis bahan, pihak Audit turut mendapatkan maklumat harga bahan binaan setempat bagi tujuan perbandingan. Pada umumnya, hasil semakan ke atas 71 invois bagi 56 projek adalah selari dengan harga cadangan atau harga pasaran setempat. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati **harga belian 14 item bagi 71 invois adalah tidak selaras dengan harga cadangan PUSB atau harga setempat, di mana harga bahan binaan yang dibeli adalah melebihi antara 7.5% hingga 100% daripada harga-harga tersebut.** Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 58.8
PEMBELIAN BAHAN BINAAN MELEBIHI HARGA CADANGAN/HARGA SETEMPAT

BAHAN BINAAN	*HARGA CADANGAN / ^HARGA TEMPATAN SEUNIT (RM)	HARGA BELIAN SEUNIT (RM)	LEBIHAN HARGA SEUNIT	
			(RM)	(%)
PULAU PINANG				
Zink 10 kaki (Keping)	* 28.45	32.00	3.55	12.5
Zink Kilang 9 kaki (Keping)	^ 36.00	38.70	2.70	7.5
Zink Kilang 11 kaki (Keping)	^ 44.00	47.30	3.30	7.5
Kayu 2 inci x 3 inci x 10 kaki (Keping)	* 19.06	28.50	9.44	49.5
Paku Zink (Kilogram)	^ 7.00	10.00	3.00	42.9
PERLIS				
Simen Plaster (Kampit)	^ 14.70	16.00	1.30	8.9
Kok Jamban (Unit)	^ 48.00	75.00	27.00	56.3
Tudung Kok (Unit)	^ 23.00	36.00	13.00	56.5
Besi 10 mm (Kilogram)	^ 19.00	22.00	3.00	15.8
KUALA LUMPUR				
Zink 8 kaki (Keping)	^ 16.00	20.00	4.00	25.0
Zink 10 kaki (Keping)	^ 20.00	25.00	5.00	25.0
Zink 12 kaki (Keping)	^ 24.00	30.00	6.00	25.0
Paku 2 inci (Kilogram)	^ 4.00	8.00	4.00	100.0
Paku 2 ½ inci (Kilogram)	^ 4.00	8.00	4.00	100.0

Pada pandangan Audit, PUSB perlu memastikan wakil tempatan memainkan peranan mereka bagi memantau pembelian bahan binaan agar pembelian yang dibuat adalah *value for money.*

iii. Perolehan bahan binaan bagi setiap projek dibuat berdasarkan kepada kerja yang telah diluluskan. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati **penggunaan bahan binaan bagi 5 (11.1%) daripada 45 projek bantuan pembaikan rumah yang dilawati adalah kurang daripada jumlah bahan binaan yang telah dibeli.** Butirannya adalah seperti di jadual dan gambar-gambar berikut :-

JADUAL 58.9
PERBEZAAN ANTARA PEMBELIAN DENGAN PENGGUNAAN SEBENAR BAHAN BINAAN

RUMAH	BILANGAN BAHAN YANG DIBELI (Unit)	BILANGAN BAHAN YANG DIGUNAKAN UNTUK PEMBAIKAN (Unit)	JENIS PEMBAIKAN	PERBEZAAN	
				(Unit)	(%)
PAPAN					
Rumah 1 di Kampung Bunohan, Tumpat, Kelantan	85	51	Dinding dan Lantai	34	40.0
Rumah 2 di Kampung Nechang Chabang Empat, Tumpat, Kelantan **(Gambar 58.8)**	85	30	Pangkin	55	64.7

RUMAH	BILANGAN BAHAN YANG DIBELI (Unit)	BILANGAN BAHAN YANG DIGUNAKAN UNTUK PEMBAIKAN (Unit)	JENIS PEMBAIKAN	PERBEZAAN	
				(Unit)	(%)
Rumah 3 di Kampung Tekir, Negeri Sembilan	60	5	Dinding	55	91.7
Rumah 4 di Kampung Orang Asli Tekir Batu 9, Labu, Negeri Sembilan **(Gambar 58.9)**	42	3	Dinding	39	92.9
ZINK					
Rumah 3 di Kampung Tekir, Negeri Sembilan	92	46	Atap	46	50.0
Rumah 5 di Kampung Orang Asli Tekir Batu 10, Labu, Negeri Sembilan	90	60	Atap	30	33.3

GAMBAR 58.8



Kampung Nechang Chabang 4, Kelantan - Penambahan Pangkin Menggunakan Kurang Dari 85 Keping Papan Seperti Yang Dicatatkan Di Invois (19.08.2009)

GAMBAR 58.9



Batu 9, Kampung Orang Asli, Negeri Sembilan - Pembaikan Dinding Menggunakan Kurang Dari 42 Keping Papan Seperti Yang Dicatatkan Di Invois (24.08.2009)

Pada pandangan Audit, wakil tempatan perlu memantau dengan rapi kerja yang dilaksanakan oleh tukang bagi memastikan kesempurnaan kerja tersebut dan Kerajaan mendapat *value for money* bagi perbelanjaan yang dilakukan.

iv. Kerja baik pulih rumah perlu dilaksanakan sebagaimana yang diluluskan oleh sekretariat PAJ. Pada umumnya, semakan Audit mendapati kerja tersebut dilaksanakan seperti yang telah diluluskan. Bagaimanapun, semakan fizikal terhadap 45 projek mendapati **kerja pembaikan terhadap 4 (8.9%) projek tidak dibuat dengan sempurna, di mana terdapat beberapa bahagian rumah yang perlu diperbaiki tetapi tindakan pembaikan tidak dibuat secara menyeluruh**. Lawatan Audit ke rumah-rumah yang telah dibaiki mendapati ada rumah yang lantainya masih reput, dinding berlubang berhampiran fius elektrik dan atap masih menggunakan kayu sokongan asal yang telah dipenuhi anai-anai serta kayu sokongan yang bertindih (**Gambar 58.10 hingga 58.13)**. Kerosakan yang masih berlaku itu bukan sahaja tidak memberi keselesaan kepada penghuninya malahan boleh menjejaskan keselamatan mereka.


Daripada temu bual yang dilakukan dengan tukang, kerosakan tidak dibaiki adalah kerana peruntukan tidak mencukupi.

GAMBAR 58.10



Kampung Kandang, Bandar Melaka, Melaka - Pembaikan Ke Atas Atap Rumah Menggunakan Kayu Sokongan Lama Yang Dipenuhi Anai-anai Serta Masih Terdapat Kebocoran Di Bahagian Atap (25.08.2009)

GAMBAR 58.11




Kampung Bukit Tangki Air, Off Taman Permata, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur - Pembaikan Ke Atas Atap Rumah Menggunakan Kepingan Papan Kecil Untuk Sokongan (17.08.2009)

GAMBAR 58.12



Kampung Segambut Luar, Segambut, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur - Keadaan Papan Lantai Yang Reput Tidak Ditukar Dengan Papan Yang Baru Sebagaimana Kerja Yang Diluluskan (17.08.2009)

GAMBAR 58.13



Kampung Teluk Renjuna, Tumpat, Kelantan - Dinding Yang Berlubang Berhampiran Dengan Fius Elektrik Tidak Ditukar/Dibaiki (19.08.2009)

Pada pandangan Audit, wakil tempatan seharusnya memantau kerja pembaikan oleh tukang dari semasa ke semasa serta memperakukan kualiti kerja sebagaimana yang dirancang selepas tukang mengemukakan akuan siap kerja.

d. Penyelarasan Dengan Agensi Kerajaan Yang Lain

Terdapat pelbagai agensi yang terlibat dalam menyalurkan bantuan kepada penduduk miskin tegar/miskin termasuklah Jabatan Kebajikan Masyarakat; Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah (KKLW); Pusat Zakat; Majlis Agama Islam Negeri serta Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU), Jabatan Perdana Menteri. Sebagai contoh, Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah adalah antara agensi yang melaksanakan program yang sama dengan PAJ iaitu Program Bantuan Rumah (PBR). Sumbangan pembaikan setiap rumah bagi PBR adalah berjumlah RM11,000 di Semenanjung Malaysia manakala di Sabah dan Sarawak, jumlah bantuan yang disalurkan adalah berjumlah RM12,000. Bagi memastikan tiada

pertindihan bantuan kepada golongan sasaran, agensi-agensi Kerajaan yang berkenaan telah menggunakan pangkalan data e-Kasih. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati **PUSB masih belum memanfaatkan kemudahan maklumat yang terdapat dalam sistem tersebut.**

Pada pandangan Audit, PUSB perlu memanfaatkan pangkalan data e-Kasih bagi memastikan tumpuan dan usaha bersepadu dilakukan untuk membantu golongan miskin tegar yang telah dikenal pasti.

58.4.3. Pematuhan Terhadap Peraturan Pengurusan Dan Kewangan Syarikat

58.4.3.1. Akta Syarikat 1965, pekeliling yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan serta Kod Tadbir Urus Korporat telah memperincikan elemen penting yang perlu dipatuhi untuk memastikan tadbir urus korporat dan kewangan yang baik oleh syarikat. Bagi memastikan wujudnya kawalan dalaman yang mantap terhadap pengurusan dan kewangan syarikat, PUSB juga telah menetapkan polisi dan menggariskan beberapa peraturan pengurusan dan kewangan untuk dipatuhi meliputi pengurusan pinjaman, pelaporan kewangan dan teknologi maklumat. PUSB juga mengguna pakai Manual Had Kuasa *(Authority Manual)* Prokhas bagi menyatakan tanggungjawab dan had kuasa pegawai-pegawainya.

58.4.3.2. Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 12 Tahun 1993 menyatakan bahawa setiap syarikat perlu menyediakan rancangan korporat dan menetapkan strateginya bagi menentukan hala tuju syarikat dan merangka strategi pelaksanaannya. Semakan Audit mendapati **PUSB tidak menyediakan rancangan korporat**. Selain itu, adalah didapati penyataan korporat seperti misi, visi dan objektif syarikat sebagaimana yang dinyatakan di dalam *Memorandum And Articles Of Association* belum disediakan.

58.4.3.3. Adalah diperhatikan juga beberapa peruntukan dalam Akta Syarikat 1965 serta Pekeliling/Surat Pekeliling Perbendaharaan tidak dapat dipatuhi sepenuhnya. Antaranya adalah seperti mesyuarat Lembaga Pengarah tidak pernah diadakan, ketiadaan Ketua Eksekutif dan ketiadaan Jawatankuasa Audit. Berdasarkan maklum balas PUSB, Prokhas menggunakan PUSB sebagai *Special Purpose Vehicle* bagi menyalurkan dana peruntukan Kerajaan dan bagi memastikan transaksi kewangan PAJ diasingkan daripada transaksi kewangan Prokhas memandangkan PAJ bukan merupakan *core activity* Prokhas. Bagi meminimumkan kos operasi, PUSB tidak perlu mempunyai kakitangan tetap.

58.5. SYOR AUDIT

Objektif utama Kerajaan mewujudkan Program Amal Jariah (PAJ) tidak mungkin dapat dicapai sekiranya kelemahan dalam pengurusan program tersebut yang berpunca daripada pemilihan penerima bantuan tidak teratur; pelaksanaan projek baik pulih rumah tidak teratur dan kelemahan penyelarasan program dengan agensi Kerajaan yang lain tidak diperbetulkan segera. Sehubungan ini, adalah disyorkan supaya pihak yang terlibat melaksanakan perkara-perkara berikut :-

58.5.1. Pihak pengurusan PAJ perlu memastikan pemilihan penerima bantuan dan agihan bantuan PAJ dibuat berdasarkan asas tertentu atau berdasarkan statistik rasmi yang dikeluarkan oleh agensi Kerajaan seperti EPU atau Jabatan Perangkaan bagi memastikan pengagihan bantuan yang lebih saksama dan adil.

58.5.2. Pihak pengurusan PAJ perlu memantau peranan wakil tempatan terutamanya berhubung dengan kelulusan anggaran pembaikan, proses perolehan bahan binaan dan pemantauan terhadap kerja-kerja pembaikan oleh tukang/kontraktor.

58.5.3. Lembaga Pengarah PUSB mahupun Prokhas perlu menyediakan garis panduan yang terperinci untuk diguna pakai oleh kesemua pihak yang terlibat dalam pelaksanaan PAJ bagi memastikan kerja baik pulih rumah penduduk miskin dan miskin tegar dapat dilaksanakan dengan teratur selaras dengan objektif yang ditetapkan.

58.5.4. Lembaga Pengarah PUSB perlu menilai semula kaedah promosi yang dilaksanakannya serta membuat perbandingan dengan agensi lain yang turut melaksanakan program bantuan baik pulih rumah bagi memastikan golongan yang benar-benar memerlukan mendapat manfaat daripada program ini. Ini kerana promosi yang berkesan adalah penting bagi memaklumkan orang ramai tentang matlamat PAJ dan secara tidak langsung mengurangkan kebergantungan sepenuhnya kepada inisiatif wakil-wakil tempatan yang dilantik.

58.5.5. Kementerian Kewangan perlu mengkaji semula prestasi dan kedudukan PUSB sama ada masih bersesuaian dengan keperluan semasa memandangkan PUSB masih belum melaksanakan aktivitinya sebagaimana *Memorandum And Articles Of Association.*

KEMENTERIAN KEWANGAN

59. PENGURUSAN HALAL INDUSTRY DEVELOPMENT CORPORATION SDN. BHD.

59.1. LATAR BELAKANG

59.1.1. Halal Industry Development Corporation Sdn. Bhd. (HDC) telah ditubuhkan pada 18 September 2006 di bawah Akta Syarikat 1965. Syarikat ini mempunyai modal dibenarkan berjumlah RM100 juta dan modal berbayar berjumlah RM95,000,002. Kerajaan Persekutuan melalui Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD) memegang saham terbesar dengan 99.9% pegangan saham dalam HDC manakala Pesuruhjaya Tanah Persekutuan memiliki 1 saham bernilai RM1.00.

59.1.2. HDC ditubuhkan untuk melaksanakan aktiviti bagi menjadikan Malaysia sebagai hab halal di peringkat antarabangsa. Peranan dan tanggungjawab utama HDC seperti mana yang ditetapkan oleh Kerajaan adalah seperti berikut :-

59.1.2.1. Menjadi pendokong kepada agensi Kerajaan lain dalam penetapan piawaian halal bagi melindungi integriti halal.

59.1.2.2. Mengarah serta menyelaras pembangunan industri halal di negara ini yang melibatkan pelbagai pihak yang berkenaan termasuk Kerajaan dan pihak swasta.

59.1.2.3. Mengurus pembangunan bina upaya bagi pengeluar barangan halal dan juga pembekal perkhidmatan yang berkaitan.

59.1.2.4. Menyokong kemasukan pelaburan dalam industri halal negara ini.

59.1.2.5. Menggerak dan memudahkan pertumbuhan dan penyertaan syarikat Malaysia dalam pasaran halal di peringkat global.

59.1.2.6. Membangun, mempromosi dan memasarkan jenama halal Malaysia.

59.1.2.7. Mempromosi konsep barangan dan perkhidmatan halal di Malaysia dan juga di pasaran global.

59.1.3. HDC mempunyai 6 Ahli Lembaga Pengarah di mana 2 daripadanya adalah Pegawai Khas Menteri Kewangan II dan Setiausaha Sulit Kepada Ketua Setiausaha Perbendaharaan. Manakala 4 yang lain terdiri daripada Ketua Pegawai Eksekutif dan wakil daripada sektor swasta. Pengurusan syarikat diketuai oleh Ketua Pegawai Eksekutif dan beliau dibantu oleh seramai 95 kakitangan eksekutif serta bukan eksekutif.

59.1.4. Sebagai sebuah syarikat berhad yang dimiliki oleh Kerajaan, HDC perlu mematuhi undang-undang dan peraturan yang ditetapkan di bawah Akta Syarikat 1965 dan peraturan lain yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan dari semasa ke semasa.

59.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada :-

59.2.1. Prestasi kewangan HDC adalah memuaskan atau sebaliknya dan menentukan faktor yang menyumbang kepada prestasi tersebut.

59.2.2. Pengurusan aktiviti HDC telah dilaksanakan dengan teratur serta selaras dengan objektif yang ditetapkan.

59.2.3. Pengurusan kewangan dan tadbir urus korporat HDC adalah selaras dengan peraturan yang ditetapkan.

59.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini meliputi aspek kewangan dan aktiviti utama Halal Industry Development Corporation Sdn. Bhd. (HDC). Semakan terhadap dokumen, fail serta rekod yang berkaitan bagi tempoh tahun 2007 hingga 2009 telah dibuat di pejabat HDC; Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM); Unit Perancang Ekonomi (EPU); Suruhanjaya Syarikat Malaysia dan Kementerian Kewangan. Analisis prestasi kewangan dijalankan berdasarkan Penyata Kewangan Tahun 2006, 2007 dan 2008 yang beraudit. Temu bual dengan pegawai yang bertanggungjawab di HDC serta pemeriksaan fizikal terhadap aset juga turut dibuat.

59.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Jun hingga Julai 2009 mendapati HDC pada umumnya telah merancang aktiviti-aktivitinya selari dengan matlamat menjadikan Malaysia sebagai hab halal di peringkat antarabangsa. Sebagai sebuah syarikat yang tidak berorientasikan keuntungan, HDC mengalami kerugian bersih bagi 3 tahun berturut-turut iaitu bagi tempoh tahun 2006 hingga 2008. Ini disebabkan oleh kebanyakan perbelanjaan yang dilakukan bukanlah bertujuan untuk mendapatkan pulangan. Tambahan pula, syarikat ini hanya memperoleh pendapatan melalui caj minimum bagi perkhidmatan pensijilan dan latihan serta geran Kerajaan yang sebahagian besarnya digunakan bagi membiayai perbelanjaan *World Halal Forum.* Manakala pengurusan aktivitinya pula mempunyai beberapa kelemahan seperti Pelan Induk Halal tidak dapat dilaksanakan seperti yang dirancang; pemantauan dan penguatkuasaan tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya; sebahagian kerja penjenamaan semula tidak didokumentasikan dengan lengkap serta sebahagian perbelanjaan bagi penganjuran *World Halal Forum* tidak dibuat secara teratur. Selain itu, terdapat beberapa kelemahan dalam aspek tadbir urus korporat serta pengurusan kewangan seperti Unit Audit Dalam belum ditubuhkan serta kelemahan dalam pengurusan perolehan dan penyenggaraan aset. Penjelasan lanjut berhubung dengan prestasi dan pengurusan kewangan serta aktiviti HDC adalah seperti di perenggan-perenggan berikut :-

59.4.1. Prestasi Kewangan

Mulai tahun 2007, HDC memperoleh pendapatan iaitu melalui caj minimum yang dikenakan terhadap aktiviti pensijilan dan latihan serta perolehan geran daripada Kerajaan berjumlah RM9.49 juta bagi tempoh tahun 2007 dan 2008. Sejumlah RM7.04 juta daripadanya telah digunakan untuk membiayai program *World Halal Forum.* Pada tahun 2007 dan 2008, HDC mengalami kerugian bersih berjumlah RM8.73 juta dan RM13.78 juta masing-masingnya. Peningkatan kerugian bersih pada tahun 2008 disebabkan peningkatan dalam perbelanjaan pentadbiran yang ketara, antaranya adalah kos tenaga kerja (137.5%), sewaan (130.8%) dan perolehan kelengkapan pejabat (131.4%). Kedudukan pendapatan dan perbelanjaan serta untung rugi HDC bagi tahun kewangan 2006, 2007 dan 2008 adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 59.1
PENDAPATAN, PERBELANJAAN SERTA UNTUNG RUGI HDC
BAGI TAHUN KEWANGAN 2006, 2007 DAN 2008

BUTIRAN	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	2008 (RM Juta)
Pendapatan	-	4.72	6.09
Kos Jualan	-	(5.27)	(3.52)
Untung/(Rugi) Kasar	**-**	**(0.55)**	**2.57**
Lain-lain Pendapatan	-	0.37	0.40
Perbelanjaan Am dan Pentadbiran	(0.73)	(8.53)	(16.74)
Untung Operasi	**(0.73)**	**(8.71)**	**(13.77)**
Kos Kewangan	-	(0.02)	(0.01)
Untung/(Rugi) Sebelum Cukai	**(0.73)**	**(8.73)**	**(13.78)**
Pelarasan Cukai	-	-	-
Untung/(Rugi) Bersih Semasa	**(0.73)**	**(8.73)**	**(13.78)**

59.4.2. Pengurusan Aktiviti

59.4.2.1. Kerajaan telah meluluskan Pelan Induk Halal (Halal Master Plan) pada bulan Mei 2008 ke arah pembangunan industri halal negara. Pelan Induk Halal menyentuh tentang isu pensijilan; pembangunan tersusun; integriti halal serta kaedah dan tempoh pelaksanaan bagi setiap aktiviti. Pelan induk tersebut dilaksanakan dalam 3 fasa meliputi tempoh tahun 2008 hingga 2020. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 59.2
FASA PELAKSANAAN PELAN INDUK HALAL

FASA 1: TAHUN 2008 – 2010	FASA 2: TAHUN 2011 - 2015	FASA 3: TAHUN 2016 - 2020
Membangunkan Malaysia menjadi pusat global untuk Integriti Halal dan menyediakan peluang kepada industri produk halal untuk berkembang.	Membentuk Malaysia sebagai salah satu lokasi terpilih untuk perniagaan berkaitan halal.	Mengembangkan liputan dan kapasiti syarikat tempatan (domestik & antarabangsa).

59.4.2.2. Berdasarkan pelan induk berkenaan, 13 program utama (high-impact programmes*)* yang melibatkan 53 aktiviti telah dikenal pasti untuk dilaksanakan dalam tahun 2009 oleh HDC dengan perbelanjaan yang dianggarkan berjumlah RM127.42 juta. Bagaimanapun, HDC melaksanakan aktiviti-aktiviti tersebut

dengan hanya menggunakan peruntukan berjumlah RM40 juta yang diterimanya pada akhir tahun 2008. Sehingga 31 Disember 2009, tahap kemajuan pelaksanaan bagi 29 aktiviti adalah melebihi 50% di mana 18 (34%) daripadanya telah disiapkan sepenuhnya. **Tahap kemajuan pelaksanaan bagi 8 aktiviti yang lain adalah antara 25% hingga 50% manakala 16 aktiviti lagi telah ditangguhkan/dihentikan pelaksanaannya.** Mengikut maklum balas HDC, peruntukan kewangan yang diterima tidak mencukupi bagi melaksanakan semua aktiviti yang dirancang memandangkan peruntukan tambahan yang dipohon pada 14 Ogos 2009 daripada Kementerian Kewangan tidak diperolehi. Faktor-faktor lain yang menjejaskan pelaksanaan aktiviti ini adalah ketiadaan *blueprint* bagi pelaksanaan aktiviti serta perubahan *reporting line* syarikat tersebut kepada Kementerian/agensi yang berlainan dari semasa ke semasa. Butiran kemajuan pelaksanaan aktiviti HDC adalah seperti di jadual-jadual berikut :-

JADUAL 59.3
PROGRAM UTAMA YANG DIKENAL PASTI DALAM PELAN INDUK HALAL SEHINGGA BULAN DISEMBER 2009

PROJEK	BIL. AKTIVITI	PELAKSANA AKTIVITI	RINGKASAN AKTIVITI	ANGGARAN PERBELANJAAN (RM Juta)	KEMAJUAN PELAKSANAAN (%)
Halal Champion	3	*Industry Development*	*Trade Events; Advertising & Promotion; Industry Clinic.*	5.76	50 – 75
SME Development	4	*Industry Development*	*Knowledge Enrichment Programme; Industry Promotions Programme; Industry Enablement Programme; Value Added Services.*	32.30	25 – 100 (1 Aktiviti Ditangguhkan)
Investment Drive	1	*Industry Development*	Memfokus kepada pelaburan terhadap industri makanan termasuk sembelihan; kosmetik; *ingredient* dan farmaseutikal.	1.00	100
Halal Park Development	6	*Industry Development*	Membangunkan sistem eHALMAS; mengadakan kerjasama dan promosi *halal park*; membangunkan *One stop centre* di setiap negeri; pemantauan *halal park*	3.81	100 (1 Aktiviti Ditangguhkan)
International Halal Trading House	2	*Industry Development*	Kerjasama dengan rakan kongsi yang mempunyai potensi untuk pembangunan *International Halal Trading House* (IHTH) di Port Klang Free Zone (PKFZ)	4.00	Ditangguhkan
International Market Intelligence	1	*Brand Development*	Membangunkan *e-book* melalui *intelligence study* dengan kerjasama *Global Based Research House.*	3.00	Ditangguhkan
Halal Malaysia Promotion	6	*Brand Development*	Mempromosi konsep halal melalui program berbentuk pendidikan, kempen kesedaran, siri TV; *Billboard, buntings; marketing kit, corporate video, brochure.*	23.05	50 – 100 (1 Aktiviti Ditangguhkan)
Standards Development	6	*Halal Integrity*	Menyelaraskan perkara berhubung standard dan pensijilan Halal dengan kerjasama JAIN/MAIN serta perkara berhubung pengiktirafan Badan Islam Antarabangsa.	2.50	50 (3 Aktiviti Dihentikan)

PROJEK	BIL. AKTIVITI	PELAKSANA AKTIVITI	RINGKASAN AKTIVITI	ANGGARAN PERBELANJAAN (RM Juta)	KEMAJUAN PELAKSANAAN (%)
Certification Process Improvement	7	*Halal Integrity*	Latihan untuk akreditasi; pembangunan *E-Certification*; dokumentasi bagi proses pensijilan; *Customer Relationship Management*; pemantauan/penguatkuasaan.	8.50	25 – 100 (2 Aktiviti Dihentikan & 1 Aktiviti Ditangguhkan)
Training Module Development	10	*Halal Integrity*	Membangunkan dan melaksana latihan halal.	3.00	75 – 100 (2 Aktiviti Ditangguhkan)
Research Collaborations	2	*Corporate Services*	Pengkomersilan teknologi dan pembangunan *Halal Analytical Service Laboratory.*	20.60	25 – 50
Industry Specialist Recruitment	1	*Corporate Services*	2 pakar (in house specialist) akan dilantik secara kontrak.	2.00	Dihentikan
Global Halal Support Centre	4	*Corporate Services*	*Halal Knowledge Centre* melalui *Industry portal* dan *Digital Library; Halal Thought Leadership (HTL); Call Centre.*	17.90	75 – 100 (1 Aktiviti Ditangguhkan)
JUMLAH	**53**			**127.42**	

Nota : ***JAIN/MAIN - Jabatan Agama Islam Negeri/Majlis Agama Islam Negeri***

JADUAL 59.4
RINGKASAN KEMAJUAN PELAKSANAAN AKTIVITI
SEHINGGA BULAN DISEMBER 2009

KEMAJUAN PELAKSANAAN (%)	BILANGAN AKTIVITI
100	18
51 hingga 99	11
26 hingga 50	4
25	4
Ditangguh/Dihentikan	16
JUMLAH	**53**

59.4.2.3. Pihak Audit juga dimaklumkan bahawa HDC sentiasa mengadakan mesyuarat sejak bulan April 2009 bagi membincangkan secara umum kemajuan pelaksanaan 13 program utama di bawah Pelan Induk Halal. Berdasarkan ulasan yang diberikan terhadap kemajuan projek tersebut dalam laporan *Project Meeting No. 4*, adalah didapati **aktiviti yang dirancang adalah terlalu umum/ tidak terperinci serta hasil pencapaian tidak seperti yang dirancang/tidak menepati masa yang dijadualkan**. **Pada pandangan Audit, Lembaga Pengarah HDC perlu mempertingkatkan pemantauan terhadap pelaksanaan aktivitinya supaya diurus dengan cekap dan berkesan seperti mana yang ditetapkan dalam Pelan Induk Halal bagi memastikan objektif penubuhan HDC dicapai. Bagi tujuan ini, kemajuan pelaksanaan aktiviti hendaklah dijadikan agenda tetap dalam mesyuarat Lembaga Pengarah supaya sebarang masalah yang berbangkit dapat dibincangkan dan ditangani dengan awal.** Semakan Audit terhadap aktiviti utama HDC mendapati perkara-perkara berikut :-

a. Integriti Halal

i. HDC mula mengambil alih sepenuhnya proses pensijilan halal dari Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) pada bulan Julai 2008 ekoran daripada keputusan kabinet pada 2 April 2008. Bagaimanapun, pada bulan Julai 2009, kabinet telah memutuskan supaya aktiviti ini diserahkan semula kepada JAKIM atas alasan bagi memperkukuhkan integriti pensijilan halal; meningkatkan keyakinan orang ramai terhadap sijil halal JAKIM yang telah dikenali sebagai agensi Kerajaan yang sudah utuh dalam bidang terbabit serta memudahkan penyeragaman dalam penggunaan logo halal, standard dan hukum syarak bagi pensijilan di Malaysia. Semasa menguruskan aktiviti pensijilan halal, HDC mengguna pakai Akta Perihal Dagangan 1972 dan Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia. Bagi melaksanakan aktiviti tersebut, pada awalnya seramai 52 pegawai JAKIM dan Kementerian Kesihatan Malaysia yang terdiri daripada pakar syariah dan pakar teknikal telah dipinjamkan ke HDC. Semasa tanggungjawab pensijilan halal ini dijalankan oleh HDC, logo halal JAKIM yang sedia ada diguna pakai kerana ianya telah dikenali di seluruh dunia. Proses pensijilan halal adalah meliputi permohonan, pengauditan premis, pelaporan, proses kelulusan, pengeluaran Sijil Halal serta pemantauan dan penguatkuasaan. Setiap permohonan akan dikenakan caj perkhidmatan mengikut kadar yang ditetapkan seperti di jadual berikut :-

JADUAL 59.5
KADAR CAJ PERKHIDMATAN YANG DIKENAKAN

JENIS	KATEGORI	KADAR/TAHUN (RM)
Produk	Industri Kecil Nilai Aset Tetap ≤ RM500,000; Pekerja ≤ 50 orang	100
	Industri Kecil Sederhana Nilai Jualan Tahunan ≥ RM25 juta; Pekerja ≤ 150 orang	400
	Industri Multi Nasional Mempunyai Rangkaian Di Beberapa Negara	700
Premis Makanan	Restoran	100
	Hotel	100 (Bagi Setiap Dapur)
Rumah Sembelihan	Premis Kecil	100
	Premis Sederhana	400
	Premis Besar	700

ii. Sepanjang tempoh bulan Julai 2008 hingga bulan Julai 2009, sebanyak 1,884 permohonan pensijilan telah diluluskan termasuk 5 permohonan dari luar negara. Bagi tahun 2008 pula, HDC melalui **Bahagian Integriti Halal telah meluluskan sebanyak 1,200 (68.1%) sijil halal daripada 1,761 permohonan yang diterima**. Ia meliputi 1,108 produk 76 premis makanan dan 16 rumah sembelihan. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 59.6
JUMLAH KELULUSAN SIJIL HALAL OLEH HDC
BERBANDING PERMOHONAN BAGI TAHUN 2008

KATEGORI	TEMPATAN		ANTARABANGSA		JUMLAH		
	PERMOHONAN	KELULUSAN	PERMOHONAN	KELULUSAN	PERMOHONAN	KELULUSAN	KELULUSAN BERBANDING PERMOHONAN (%)
Produk	1,499	1,098	13	10	1,512	1,108	73.3
Premis Makanan	224	76	0	0	224	76	33.9
Rumah Sembelihan	25	16	0	0	25	16	64.0
JUMLAH	**1,748**	**1,190**	**13**	**10**	**1,761**	**1,200**	**68.1**

iii. Mulai bulan Januari 2008, Bahagian Integriti Halal turut mengendalikan latihan bagi membangunkan kapasiti sumber manusia dalam industri halal. Latihan tersebut dilaksanakan dalam 3 modul berkaitan dengan aspek syariah, proses pensijilan, pasaran halal, kepenggunaan, industri halal dan bioteknologi. Pada tahun 2009, HDC memperuntukkan sejumlah RM3 juta bagi tujuan latihan dan modul latihan tersebut adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 59.7
MODUL LATIHAN YANG DISEDIAKAN

HAP (HALAL AWARENESS PROGRAMME)		HIP (HALAL INDUSTRY PROGRAMME)		HPP (HALAL PROFESSIONAL PROGRAMME)	
NAMA KURSUS	**GOLONGAN SASARAN**	**NAMA KURSUS**	**GOLONGAN SASARAN**	**NAMA KURSUS**	**GOLONGAN SASARAN**
• *Understanding Halal* • *Understanding Halal Industry* • *MS1500:2004 - The Halal Standard*	• Pengilang Makanan • Hotel, Katerer, Francaisi Restoran, Hospital • Pengguna • Kakitangan Industri	• *Best Halal Practices In Food Industry* • *Effective Halal Operation In Food Industry* • *Halal Internal Auditing Workshop*	• Ketua Pegawai Eksekutif Dan Pengurusan • Eksekutif • Juruaudit • Chef • Kakitangan Industri	• *Professional Halal Trainers Workshop* • *Professional Halal Trainers Workshop* • *Refresher Course For Halal Consultant*	• Golongan Profesional • Juruaudit Dalaman • Inspektor Halal

iv. Sehingga bulan Jun 2009, HDC telah menganjurkan 63 (44.7%) sesi latihan yang melibatkan 1,276 (16.8%) peserta. Selain itu, HDC juga terlibat dalam 78 sesi latihan (55.3%) yang dianjurkan oleh jabatan lain dengan bilangan peserta seramai 6,313 (83.2%). Butiran kursus yang telah dijalankan adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 59.8
BILANGAN KURSUS YANG TELAH DIJALANKAN

TAHUN	HAP (HALAL AWARENESS PROGRAMME)		HIP (HALAL INDUSTRY PROGRAMME)		HPP (HALAL PROFESSIONAL PROGRAMME)		*SLOT IN*		JUMLAH	
	BIL. KURSUS	BIL. PESERTA	BIL. KURSUS	BIL. PESERTA	BIL. KURSUS	BIL. PESERTA	BIL. KURSUS	BIL. PESERTA	BIL. KURSUS	BIL. PESERTA
2008	16	248	9	90	1	20	29	1,259	55	1,617
2009*	9	207	15	279	13**	432	49	5,054	86	5,972
JUMLAH	**25**	**455**	**24**	**369**	**14**	**452**	**78**	**6,313**	**141**	**7,589**

Nota :- ** Sehingga Bulan Jun 2009*
*** Termasuk Industrial Skills Enhancement Programme (INSEP) Dan Institut Keusahawan Negara (INSKEN)*

v. Mengikut proses kerja HDC, Sijil Halal akan dikeluarkan dalam tempoh 30 hari selepas caj perkhidmatan diterima. Semakan Audit mendapati daripada 642 sijil yang dikeluarkan bagi tempoh bulan Januari hingga Mei 2009, **sebanyak 614 sijil (95.6%) telah lewat dikeluarkan seperti di Jadual 59.9.** Ini antaranya disebabkan oleh permohonan yang tidak diisi dengan lengkap serta ketiadaan dokumen sokongan semasa membuat permohonan. HDC juga memaklumkan bahawa terdapat 426 permohonan tertunggak semasa proses pengambilalihan daripada JAKIM.

JADUAL 59.9
TEMPOH PENGELUARAN SIJIL

TEMPOH PENGELUARAN SIJIL (Hari)	BILANGAN SIJIL DIKELUARKAN	KELEWATAN (%)
< 30	28	-
30 - 59	214	33.3
60 - 89	146	22.7
90 - 119	91	14.1
120 - 149	61	9.5
150 - 179	38	5.9
180 - 209	26	4.0
210 - 239	8	1.2
> 240	30	4.7
JUMLAH	**642**	

vi. Pemantauan dan penguatkuasaan hendaklah dilaksanakan terhadap semua kilang pengeluar produk/premis makanan/rumah sembelih yang telah mendapat sijil halal dan meletakkan label atau logo halal, di mana ia terikat dari segi undang-undang kepada Akta Perihal Dagangan 1972 dan perlu dijalankan secara mengejut. Tanggungjawab untuk menjalankan pemantauan dan penguatkuasaan terhadap pemegang sijil

halal dibuat oleh HDC melalui 2 kaedah iaitu pemeriksaan berkala dan pemeriksaan berdasarkan aduan yang diterima melalui pelbagai saluran yang disediakan iaitu sama ada menggunakan borang, surat, e-mel, SMS atau telefon. Aduan yang diterima antaranya adalah berhubung dengan penipuan; penyalahgunaan logo dan sijil halal; keraguan ke atas produk/bahan ramuan/premis makanan serta tahap kebersihan. Pemeriksaan berdasarkan aduan hendaklah dilakukan oleh seorang Pegawai Hal Ehwal Islam yang diberi kuasa dan seorang pegawai dari Bahagian Penguatkuasaan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) atau Jabatan Perkhidmatan Veterinar atau Pihak Berkuasa Tempatan. Semakan Audit mendapati **tiada pemantauan berkala dan pemeriksaan berdasarkan aduan dijalankan dalam tahun 2008**. Manakala bagi tempoh bulan Januari hingga Jun 2009, **56 pemeriksaan berkala dan 11 pemeriksaan daripada 58 aduan telah dilaksanakan**. Kekurangan pemantauan ini adalah kerana pegawai HDC tidak mempunyai kuasa di bawah Akta Perihal Dagangan 1972 (ADP 1972) untuk menjalankan penguatkuasaan.

b. Pembangunan Industri

Pencapaian aktiviti pembangunan industri masih belum dapat mencapai sasaran yang ditetapkan dalam Pelan Induk Halal. Sehingga 31 Disember 2009, program utama seperti *Halal Champion, SME Development* dan *International Market Intelligence* masih belum dapat dilaksanakan sepenuhnya sebagaimana perancangan memandangkan peruntukan berjumlah RM127.42 juta yang dipohon pada 14 Ogos 2009 masih belum diluluskan. Program lain seperti *Investment Drive*, *International Halal Trading House* dan *Halal Park Development* telah berjalan seperti yang dirancangkan.

c. Pembangunan Penjenamaan

i. Sehingga 30 Jun 2009, kesedaran orang ramai terhadap Halal Malaysia dianggarkan mencapai tahap 69% manakala nilai perhubungan awam (*Public Relationship Value)* HDC dianggarkan berjumlah RM15.80 juta. Bahagian Pembangunan Penjenamaan telah membelanjakan sejumlah RM1.69 juta bagi tujuan promosi HDC dan Halal Malaysia melalui pelbagai media seperti *above-the-line promotion; below-the-line promotion; outdoor; public relation* dan lain-lain bentuk penerbitan. Pencapaian pembangunan penjenamaan HDC adalah seperti di jadual-jadual berikut :-

JADUAL 59.10
PENCAPAIAN PEMBANGUNAN PENJENAMAAN HDC

INISIATIF	PENCAPAIAN
Awareness	*69% Aided Awareness*
Public Relationship Value	*RM 15.80 juta*
Events	• *15 Domestic Events* • *4 International Events*
Share-Of-Voice	*Ranked 10th Amongst All Government Agencies*

JADUAL 59.11
PERBELANJAAN AKTIVITI PEMBANGUNAN PENJENAMAAN HDC
SETAKAT AKHIR BULAN JUN 2009

AKTIVITI	PERBELANJAAN SEBENAR (RM Juta)
ATL (Above-The-Line Promotion)	0.80
BTL (Below-The-Line Promotion)	0.20
Outdoor	0.35
Events	0.12
Public Relationship Value	0.18
Production & Creative Services	0.04
Sponsorship	-
JUMLAH	**1.69**

ii. Semasa Mesyuarat Lembaga Pengarah pada 17 September 2007, pihak pengurusan HDC telah membentangkan cadangan berhubung pelantikan agensi penjenamaan untuk membantu HDC melaksanakan penjenamaan halal serta membangunkan Malaysia sebagai Hab Halal Global. HDC telah mendapat kelulusan daripada Kementerian Kewangan berhubung pelantikan Ogilvyone Worldwide Sdn. Bhd. (Ogilvyone). Sehubungan itu, pada 22 April 2008 perjanjian telah ditandatangani dengan Ogilvyone dengan nilai RM3.41 juta berserta pembayaran *out-of-pocket expenses* sebanyak 8% atau RM0.27 juta bagi menjalankan Program Penjenamaan Halal. Semakan Audit mendapati **sebahagian kerja yang dilakukan oleh Ogilvyone tidak didokumentasikan dengan lengkap. Bagaimanapun berdasarkan maklum balas daripada HDC, hasil kerja tersebut telah dibentangkan dalam mesyuarat Lembaga Pengarah.** Pelaksanaan skop kerja oleh Ogilvyone adalah seperti di **Jadual 59.12**. Semakan selanjutnya di Bahagian Kewangan mendapati hanya sejumlah RM2.71 juta (79.5%) daripada harga kontrak RM3.41 juta dibayar memandangkan sebahagian kerja yang dilaksanakan tidak dipersetujui oleh HDC.

JADUAL 59.12
PELAKSANAAN SKOP KERJA
OLEH OGILVYONE WORLDWIDE SDN. BHD.

	SKOP KERJA PROGRAM PENJENAMAAN HALAL	ANGGARAN KOS (RM Juta)	ISU BERHUBUNG PELAKSANAAN SKOP KERJA
1. (a)	*Discovery (Project Set-Up & Local Research)* *A report on:* • *Local consumer & stakeholder insights, positioning hypothesis* • *Defined & prioritised audience segments* • *Local visual analysis*	0.66	Pihak Audit **tidak dapat memastikan sama ada dokumentasi laporan berkaitan *local visual analysis* telah disediakan dengan lengkap** oleh konsultan.
1. (b)	*Discovery (International Research)* *A report on:* • *International consumer insights into Halal positioning and communications* • *Country Visual analysis : Halal marks, communications* • *Current & projected competitor positioning for Halal hub, strengths & weaknesses*	0.77	Pihak Audit **tidak dapat memastikan sama ada dokumentasi laporan berkaitan *current & projected competitor positioning for Halal hub and strengths & weaknesses* telah disediakan dengan lengkap** oleh konsultan.
2.	*Promise (Halal Brand, Malaysia As A Halal Hub, HDC)* *A report document on :* • *Halal brand positioning & recommended roll-out plan* • *Malaysia Halal branding strategy* • *HDC corporate brand positioning & architecture*	0.88	Pihak konsultan telah mengemukakan laporan yang berkaitan.
3.	*Expression / Action* *A report on:* • *Halal brand building communications campaign strategy and plan for Malaysia* *Production Artwork for :* • *HDC corporate visual identity (logo)* • *Halal Malaysia visual identity (logo)* *Brand Guidelines for :* • *HDC corporate visual identity guidelines* • *Halal Malaysia visual identity guidelines*	1.10	• Dokumentasi Laporan berkaitan *halal brand building communications campaign strategy and plan for Malaysia; production artwork* untuk *Halal Malaysia visual identity* serta garis panduan *Halal Malaysia visual identity guidelines* didapati **tidak dikemukakan dengan lengkap kepada HDC.** • Dua cadangan logo baru HDC seperti di **Gambar 59.1 dan Gambar 59.2** telah dikemukakan. Bagaimanapun kedua-dua logo tersebut **tidak diterima untuk diguna pakai** sehingga kini kerana isu-isu sensitif berkaitan agama yang dibangkitkan. HDC kini mengekalkan konsep logo asal dengan sedikit perubahan.
	JUMLAH	**3.41**	
	TAMBAHAN 8% DARIPADA RM 3.41 JUTA	**0.27**	

GAMBAR 59.1



GAMBAR 59.2



Dua Cadangan Logo Baru HDC

d. Projek Khas

HDC turut terlibat dalam penganjuran projek khas seperti *World Halal Research* dan *World Halal Forum.* Secara umumnya, projek tersebut dikendalikan oleh konsultan yang dilantik manakala HDC bertindak sebagai penaja atau menjadi penganjur serta menyalurkan bantuan kewangan yang diperlukan bagi projek yang berkenaan. Semakan Audit terhadap projek khas ini mendapati perkara seperti berikut :-

i. *World Halal Forum* (WHF) merupakan satu agenda tahunan KasehDia Sdn. Bhd. (KasehDia), sebuah syarikat perunding dan pengiklanan yang terkenal dengan penerbitan Halal Journal. Melalui penganjuran WHF juga, KasehDia telah dikenali sebagai sebuah organisasi yang membangunkan industri halal secara global. Sebahagian besar peruntukan WHF dibiayai oleh HDC mulai tahun 2007. Mesyuarat Lembaga Pengarah telah dimaklumkan bahawa KasehDia telah membuat pelawaan kepada HDC pada 25 Januari 2007 untuk menjadi hos WHF dengan bayaran sejumlah RM0.50 juta. Lanjutan daripada itu, KasehDia telah mengemukakan cadangan pada 25 Januari 2007 agar HDC membiayai program yang berkaitan dengan tambahan kos berjumlah RM4.19 juta. HDC seterusnya mengemukakan permohonan geran kepada Kerajaan pada 30 Januari 2007 untuk membiayai program tersebut dan diluluskan pada 30 Mei 2007 oleh Jabatan Perdana Menteri. Sehubungan itu, Lembaga Pengarah telah meluluskan bayaran penajaan berjumlah RM4.69 juta tertakluk kepada syarat-syarat tertentu. Butiran lanjut bayaran tersebut adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 59.13
BAYARAN BAGI *WORLD HALAL FORUM* 2007

TUJUAN PEMBAYARAN	AMAUN (RM Juta)
Bayaran Selaku Hos	0.50
Pengiklanan dan Promosi	0.90
Kempen Perhubungan Awam	0.30
Lawatan Promosi Luar Negara	1.80
Penyertaan Program	0.44
Program Televisyen	0.50
Dokumentari	0.25
JUMLAH	**4.69**

ii. Semakan Audit mendapati **tiada perjanjian formal yang ditandatangani antara HDC dan KasehDia berhubung pembiayaan tersebut**, sebaliknya ia hanya tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah yang dinyatakan dalam surat tawaran HDC kepada KasehDia bertarikh 15 Jun 2007. Terma dan syarat surat tersebut antaranya menetapkan supaya setiap tuntutan perlu

disertakan dengan dokumen sokongan yang lengkap seperti invois, resit atau dokumen sokongan lain berkaitan dengan perbelanjaan yang dibuat. Semakan Audit terhadap pembayaran kepada KasehDia pada tahun 2007 dan 2008 **mendapati tiada asas yang kukuh bagi tuntutan pelbagai (*miscellaneous fees*) berjumlah RM1.15 juta yang dibayar kepada KasehDia kerana tiada butiran terperinci mengenai perbelanjaan tersebut.** Berdasarkan laporan perbelanjaan yang dikemukakan oleh KasehDia, didapati perbelanjaan WHF secara ringkasnya telah digunakan bagi tujuan berikut :-

JADUAL 59.14
BUTIRAN PERBELANJAAN *WORLD HALAL FORUM*

TUJUAN PEMBAYARAN	BUTIRAN PERBELANJAAN
Pengiklanan Dan Promosi	• Pemasaran melalui e-mel ke seluruh dunia berhubung WHF • Kemas kini laman web *World Halal Forum*, di mana laman web tersebut adalah hak cipta KasehDia Sdn. Bhd. • Promosi dan iklan di Halal Journal.com, di mana hak cipta penerbitan tersebut adalah milik KasehDia Sdn. Bhd. • Promosi di lain-lain media pengiklanan
Kempen Perhubungan Awam	Kempen ini dilaksanakan oleh Asia Public Relations Consultants Sdn. Bhd.
Lawatan Promosi Luar Negara	Lawatan pemasaran oleh kakitangan KasehDia ke Canada; Jakarta; Singapura; Turki; Bangkok; Brunei; South Africa; Taiwan; Ningxia; Hong Kong; Brunei; Brazil; Netherlands; Germany dan London.
Program Televisyen	Bayaran penajaan bagi *Halal Journal TV Show*
Penyertaan Program Dan Dokumentari	Bayaran penajaan bagi program dan dokumentari yang dihasilkan oleh KasehDia Sdn. Bhd.

iii. HDC didapati **tidak menetapkan peraturan dan syarat-syarat tertentu berhubung tatacara perbelanjaan WHF** terutamanya bagi perbelanjaan lawatan ke luar negara seperti elaun harian, elaun telefon serta bilangan peserta dan jumlah hari yang dibenarkan/dihadkan. Didapati juga **beberapa perbelanjaan yang turut dibayar oleh HDC** seperti pembelian pelbagai jenis cenderahati; pembayaran fi perubatan kepada kakitangan KasehDia dan pembelian poster yang tidak berkaitan dengan WHF. Mengikut maklum balas HDC, ia hanyalah berfungsi sebagai penyalur kewangan bagi pihak Kerajaan bagi penganjuran acara tersebut. Jumlah RM4.69 juta termasuk RM500,000 sebagai hos WHF adalah jumlah yang diperuntukkan Kerajaan kepada KasehDia yang disalurkan melalui HDC.

iv. Selain itu, dengan kelulusan Kementerian Kewangan, pada bulan Februari 2007 HDC juga telah melantik KasehDia secara rundingan terus sebagai *Interim Management Consultant* dengan fi berjumlah RM1.81 juta. Didapati **tiada perjanjian secara rasmi telah ditandatangani** bagi perkhidmatan tersebut sebaliknya ia tertakluk kepada surat tawaran yang dikeluarkan oleh HDC. Bagaimanapun, antara skop kerja yang perlu dilaksanakan oleh KasehDia adalah *Strategy Formulation For The Execution Of The HDC Strategic Thrusts;*

Networking Services; Facilitation Of HDC Marketing And Communication serta *Government And Industry Liaison*. Pihak Audit **tidak dapat memastikan sama ada terdapat keperluan HDC untuk melantik *Interim Management Consultant* memandangkan antara skop kerja yang ditetapkan adalah meliputi urusan kerja pentadbiran yang tidak memerlukan kepakaran khusus**. Berdasarkan maklum balas HDC, pelantikan tersebut dibuat memandangkan tiada kakitangan HDC yang bertindak secara khusus dalam menguruskan pelaksanaan strategi syarikat.

Pada pandangan Audit, pihak pengurusan perlu memastikan perjanjian kontrak ditandatangani dengan setiap perunding yang dilantik bagi menjamin kepentingan HDC. Meskipun surat tawaran secara undang-undang adalah satu perjanjian kontrak yang mengikat kedua pihak, namun ketiadaan perincian kerja yang lengkap serta klausa penguatkuasaan memberi risiko kepada HDC sekiranya perunding gagal melaksanakan tanggungjawabnya.

59.4.3. Pematuhan Terhadap Peraturan Pengurusan Dan Kewangan Syarikat

59.4.3.1. Akta Syarikat 1965, pekeliling yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan serta Kod Tadbir Urus Korporat telah memperincikan elemen penting yang perlu dipatuhi untuk memastikan tadbir urus korporat dan kewangan yang baik dipatuhi oleh syarikat. Bagi memastikan wujudnya kawalan dalaman yang mantap terhadap pengurusan dan kewangan syarikat, HDC juga telah menetapkan polisi dan menggariskan beberapa peraturan untuk dipatuhi seperti di jadual berikut :-

JADUAL 59.15
PERATURAN PENGURUSAN DAN KEWANGAN SYARIKAT

PERATURAN YANG DITETAPKAN	CATATAN
Polisi Dan Prosedur Pengurusan Kewangan	Menetapkan peraturan dan garis panduan berhubung dengan penyediaan penyata kewangan, belanjawan, perolehan, pembayaran, pungutan, perakaunan dan pengurusan pelaburan.
Polisi Dan Garis Panduan Pentadbiran Perolehan	Menerangkan kaedah yang perlu diikuti berhubung dengan proses perolehan di mana asas polisi adalah merujuk kepada peraturan yang dikeluarkan oleh Kerajaan.
Employee Handbook	Menerangkan tatacara berhubung terma dan syarat perkhidmatan, faedah dan perkara lain yang berkaitan dengan perkhidmatan bagi jawatan eksekutif dan bukan eksekutif.

59.4.3.2. Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 12 Tahun 1993 menyatakan bahawa setiap syarikat perlu menyediakan rancangan korporat dan menetapkan strateginya bagi menentukan hala tuju syarikat dan merangka strategi pelaksanaannya. HDC didapati telah menyediakan rancangan korporat dan *Key Performance Indicator* bagi menilai prestasi syarikat. Perancangan korporat dan *Key Performance Indicator* ini telah dimaklumkan kepada Kementerian Kewangan dan Unit Perancang Ekonomi pada 14 Ogos 2009.

59.4.3.3. HDC telah melantik Ethos & Company Sdn. Bhd. (Ethos) sebagai konsultan untuk menjalankan kajian bagi membangunkan Pelan Induk Halal (*Halal Master Plan*) dengan bayaran berjumlah RM1.08 juta. Antara skop kerja perkhidmatan ini termasuklah hala tuju strategik untuk Industri Halal Malaysia; pelaksanaan strategi dan rangka kerja serta sasaran dan strategi peringkat tertinggi HDC. Semakan Audit selanjutnya mendapati tiada **perjanjian secara rasmi yang ditandatangani** sebaliknya pelantikan tersebut hanya disempurnakan melalui surat tawaran HDC pada bulan Jun 2008 yang dipersetujui oleh Ethos. Pada bulan Julai 2008, Ethos juga telah mengemukakan cadangan bagi membantu HDC untuk melaksanakan khidmat perundingan berhubung pelaksanaan *Halal Industry Master Plan* (*Programme-Manage The Implementation Of The Halal Industry Master Plan)* dengan bayaran berjumlah RM1.58 juta. Cadangan tersebut kemudiannya telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah dan surat tawaran telah ditandatangani oleh Ketua Pegawai Eksekutif. Semakan Audit mendapati **walaupun kerja bermula dari bulan Ogos 2008, namun HDC hanya menandatangani surat pelantikan Ethos bagi melaksanakan khidmat perunding pada 13 Januari 2009 iaitu selepas 5 bulan kerja dimulakan**. Ini kerana terdapat terma di dalam cadangan Ethos yang tidak dipersetujui oleh pihak pengurusan.

59.4.3.4. Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 9 Tahun 1993 menetapkan bahawa Jawatankuasa Audit perlu diwujudkan untuk memelihara kepentingan Kerajaan sebagai pemegang saham melalui kawalan dan pengawasan ke atas pengurusan syarikat serta mengawasi semua fungsi Unit Audit Dalam. Jawatankuasa ini juga perlu bermesyuarat sekali dalam tempoh 3 bulan atau 4 kali setahun. Pekeliling tersebut juga menetapkan bahawa Setiausaha Jawatankuasa Audit mestilah dilantik daripada wakil Unit Audit Dalam serta berdaftar dengan mana-mana Badan Profesional Perakaunan. Semakan Audit mendapati Jawatankuasa Audit telah ditubuhkan pada 25 November 2008, di mana 3 orang Ahli Jawatankuasa yang dilantik terdiri daripada Ahli Lembaga Pengarah syarikat. Bagaimanapun, **Unit Audit Dalam belum lagi ditubuhkan**. Semenjak dari tarikh penubuhan Jawatankuasa Audit sehingga tarikh pengauditan dijalankan, **Mesyuarat Jawatankuasa Audit belum pernah diadakan.**

59.4.3.5. Menurut Akta Syarikat 1965, Ahli Lembaga Pengarah mempunyai kuasa terhadap pengurusan, pembuatan keputusan dan penyeliaan terhadap segala urusan syarikat. Dalam erti kata lain, Ahli Lembaga Pengarah berperanan untuk memantau segala tindakan yang dilaksanakan oleh pihak pengurusan. Semakan Audit terhadap pengurusan sumber manusia HDC mendapati beberapa kelemahan seperti berikut :-

a. Sejak dari tarikh penubuhan HDC sehingga kini, sebanyak **5 penstrukturan semula organisasi dibuat iaitu pada 20 Jun 2008; 2 Disember 2008; 10**

Januari 2009; 21 Mac 2009 dan yang terkini pada 17 Julai 2009. **Pada pandangan Audit, kekerapan pertukaran struktur HDC dalam tempoh singkat boleh memberi kesan ke atas tumpuan kakitangan terhadap tugas mereka.**

b. HDC telah melantik secara kontrak Abdul Halim Bin Ihsan (Halim), iaitu pemilik Halim & Co. (juruaudit luar HDC) sebagai Penasihat Perancangan Strategik bagi tempoh 12 bulan sehingga 31 Mei 2009 dengan bayaran sejumlah RM21,000 sebulan. Perjanjian penyambungan kontrak bagi tempoh enam setengah bulan pula telah dibuat pada 15 Mei 2009 dan berakhir pada 30 November 2009. Antara syarat perjanjian pelantikan tersebut mengkehendaki Halim menyerahkan laporan prestasinya kepada HDC setiap bulan. Bagaimanapun, **tiada bukti menunjukkan laporan tersebut telah disediakan dan diserahkan kepada HDC**. Pihak Audit juga **tidak dapat memastikan sama ada pelantikan Halim sebagai perunding dan bayaran perkhidmatan berjumlah RM21,000 telah dimaklumkan serta diluluskan oleh Lembaga Pengarah** memandangkan tiada maklumat mengenainya. **Pada pandangan Audit, pelantikan tersebut boleh mendedahkan kepada risiko *conflict of interest* kerana beliau juga merupakan juruaudit luar kepada HDC.**

59.4.3.6. Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 10 dan 11 Tahun 1993, syarikat Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD) yang memperoleh keuntungan operasi sebelum cukai dan membayar dividen kepada pemegang saham sahaja dibenarkan membuat pembayaran bonus. Bagi tahun kewangan 2007, HDC telah mengalami kerugian sebelum cukai berjumlah RM8.73 juta dan RM13.78 juta pada tahun 2008. Bagaimanapun, **HDC telah mengemukakan cadangan kepada Kementerian Kewangan untuk membayar bonus satu bulan gaji kepada kakitangannya bagi tahun kewangan 2007 melibatkan perbelanjaan berjumlah RM0.1 juta. Permohonan juga dibuat untuk membayar bonus 2 bulan gaji bagi tahun 2008.** Semakan Audit mendapati kedua-dua permohonan tersebut mendapat kelulusan daripada pihak Kementerian Kewangan. **Pada pandangan Audit, Kementerian perlu menetapkan indikator yang khusus sebagai asas untuk meluluskan pembayaran bonus kepada syarikat-syarikat yang mempunyai tanggungjawab sosial walaupun ia mengalami kerugian.**

59.4.3.7. Surat Arahan Perbendaharaan bertarikh 26 Mac 2008 menetapkan bahawa Kementerian/agensi/syarikat Kerajaan yang memperoleh kelulusan Kementerian Kewangan bagi perolehan secara rundingan terus perlu mengeluarkan surat niat; menubuhkan dan melantik secara bertulis Jawatankuasa Rundingan Harga; menyediakan Minit Mesyuarat Jawatankuasa Rundingan harga dan disahkan oleh Kementerian/agensi/syarikat Kerajaan; menjalankan kajian pasaran untuk dijadikan asas rundingan harga; mendapat pengesahan bertulis dari syarikat pembekal dan menyediakan Laporan Hasil

Rundingan Harga. Semakan Audit terhadap 14 kontrak kerja bernilai RM9.31 juta mendapati perkara berikut :-

a. **Lima (35.7%) kontrak kerja bernilai RM4.22 juta** yang dijalankan secara rundingan terus didapati **tidak mematuhi** Surat Arahan Perbendaharaan bertarikh 26 Mac 2008. Mengikut maklum balas HDC, kegagalan mematuhi surat arahan tersebut adalah disebabkan ia tidak mempunyai kakitangan yang mencukupi dan berkemahiran. Kesemua kontrak tersebut telah mendapat kelulusan daripada Kementerian Kewangan.

b. **Hanya 3 kontrak kerja (21.4%) bernilai RM3.77 mempunyai dokumen perjanjian**.

Pada pandangan Audit, bagi menentukan HDC mendapat *value for money* Lembaga Pengarah dan pihak pengurusan HDC perlu memastikan pengurusan perolehan dibuat dengan teratur, adil dan telus serta mematuhi Pekeliling dan garis panduan yang telah ditetapkan.

59.4.3.8. Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 12 Tahun 1993 menetapkan bahawa peraturan berkaitan dengan perbelanjaan syarikat perlu diperkemas bagi tujuan mengurangkan kos operasi dan mengelakkan pembaziran. Semakan Audit terhadap 173 baucar bayaran bernilai RM28.5 juta bagi tempoh tahun 2007 sehingga bulan Jun 2009, didapati sejumlah RM302,411 telah dibelanjakan untuk belanja keraian dan hadiah korporat. Ini termasuk peruntukan perbelanjaan keraian peribadi yang diperuntukkan kepada Ketua Pegawai Eksekutif berjumlah RM60,000 bagi tempoh bulan Januari 2007 hingga Januari 2009. Semakan Audit selanjutnya mendapati **tiada had atau garis panduan yang jelas disediakan berkaitan dengan kedua-dua jenis perbelanjaan ini**. Jumlah belanja keraian dan hadiah korporat berkaitan adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 59.16
BELANJA KERAIAN DAN HADIAH KORPORAT

TAHUN	BELANJA KERAIAN (RM)	HADIAH KORPORAT (RM)
2007	32,862	18,528
2008	67,342	102,733
2009	47,080	33,866
JUMLAH	**147,284**	**155,127**

59.4.3.9. Menurut Akta Syarikat 1965, Lembaga Pengarah bertanggungjawab memastikan langkah wajar diambil bagi memastikan aset syarikat diuruskan dengan cekap dan teratur. Semakan Audit terhadap rekod aset HDC mendapati beberapa kelemahan dalam pengurusan aset yang boleh menyebabkan berlaku kehilangan atau disalahgunakan. Berikut diberikan beberapa contohnya :-

a. **Peralatan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) yang sama mempunyai 2 nombor pendaftaran yang berbeza**. Semakan Audit terhadap peralatan ICT seperti *personal computer* dan *notebook* mendapati ia diberikan nombor pendaftaran yang berbeza oleh Bahagian Informasi Maklumat dan juga Bahagian Pentadbiran.

b. **Daftar Aset syarikat yang diselenggarakan tidak lengkap dan kemas kini. Daftar tersebut juga tidak menyatakan lokasi bagi 13 daripada 20 aset yang diperiksa.**

c. Aset baru didapati belum dilabel (*tagging)* hak milik dan nombor pendaftaran. Hasil semakan dan temu bual yang dijalankan mendapati aset yang dibeli akan dikumpulkan dan proses meletakkan label akan dilakukan apabila barang yang baru dibeli telah banyak atau dalam tempoh 5 atau 6 bulan sekali. **Pemeriksaan fizikal terhadap 20 sampel aset mendapati 10 daripadanya belum lagi dilabelkan.**

Pada pandangan Audit, Kementerian Kewangan hendaklah memastikan HDC mematuhi kehendak Akta Syarikat 1965 dan semua pekeliling yang telah dikeluarkannya bagi memastikan pengurusan kewangannya dibuat dengan teratur dan berhemat.

59.5. SYOR AUDIT

Objektif utama Kerajaan menubuhkan HDC adalah untuk memajukan agenda menjadikan Malaysia sebagai hab halal di peringkat antarabangsa. Bagaimanapun, objektif ini tidak mungkin dapat dicapai sekiranya kelemahan dalam pengurusan yang berpunca daripada kegagalan mematuhi polisi/prosedur yang telah ditetapkan serta kelemahan pemantauan tidak diperbetulkan segera. Sehubungan ini, adalah disyorkan supaya pihak yang terlibat melaksanakan perkara berikut :-

59.5.1. Lembaga Pengarah HDC perlu mempertingkatkan pemantauan terhadap pelaksanaan aktivitinya diurus dengan cekap dan berkesan seperti mana yang ditetapkan dalam Pelan Induk Halal bagi memastikan objektif penubuhan HDC dapat dicapai. Bagi tujuan ini, kemajuan pelaksanaan aktiviti hendaklah dijadikan agenda tetap dalam mesyuarat Lembaga Pengarah supaya sebarang masalah yang berbangkit dapat dibincang dan ditangani dengan awal.

59.5.2. Lembaga Pengarah hendaklah memastikan bahawa semua aktiviti/ program secara *outsource* kepada pihak lain mengambil kira perkara berikut :-

59.5.2.1. Menetapkan objektif aktiviti dengan jelas.

59.5.2.2. Menetapkan *Key Performance Indicators* bagi menilai pencapaian objektif tersebut.

59.5.2.3. Menetapkan *Terms Of Reference* yang terperinci dan jelas untuk memudahkan pemantauan.

59.5.2.4. Memastikan juru perunding menyediakan strategi dan kaedah (rangka kerja termasuk *timeline)* bagi melaksanakan aktiviti tersebut.

59.5.3. Kementerian Kewangan hendaklah memastikan HDC mematuhi kehendak Akta Syarikat 1965 dan semua pekeliling yang telah dikeluarkannya bagi memastikan pengurusan kewangan HDC dibuat dengan teratur dan berhemat.

59.5.4. Kementerian perlu menetapkan indikator yang khusus sebagai asas untuk meluluskan pembayaran bonus kepada syarikat-syarikat yang mempunyai tanggungjawab sosial walaupun ia mengalami kerugian.

HASIL PENGAUDITAN YANG DILAPORKAN SECARA RINGKAS

60. KEMENTERIAN KEWANGAN
- Pengurusan Technology Park Malaysia Corporation Sdn. Bhd.

60.1. Taman Teknologi Malaysia merupakan salah satu bahagian di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) yang ditubuhkan untuk tujuan menggalakkan aktiviti penyelidikan dan pembangunan di sektor swasta dan untuk mengkomersialkan penyelidikan dan inovasi yang dihasilkan oleh institusi penyelidikan dan agensi lain. Pada 10 Februari 1996, Technology Park Malaysia Corporation (TPMC) Sdn. Bhd. telah ditubuhkan secara rasmi dengan modal berbayar berjumlah RM59.60 juta dan ia merupakan sebuah syarikat milik penuh Kerajaan. Satu perjanjian pengkorporatan telah ditandatangani antara MOSTI dan TPMC pada bulan September 1996 di mana TPMC telah diberikan tanggungjawab untuk menyediakan infrastruktur dan perkhidmatan kelas pertama serta menggalakkan pertumbuhan syarikat-syarikat yang berteraskan inovasi dan teknologi bersaing di peringkat global.

60.2. Mengikut perjanjian pengkorporatannya, TPMC perlu melaksanakan 5 aktiviti utama iaitu *Property*, *Master Centre, Bio-Technology, Information Technology* dan *Academy*. Bagi melaksanakan aktiviti-aktiviti tersebut, TPMC telah menubuhkan 4 syarikat subsidiari iaitu TPM Engineering Sdn. Bhd.; TPM Biotechnology Sdn. Bhd.; TPM IT Sdn. Bhd. dan TPM College Sdn. Bhd.

60.3. Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan aktiviti dan pengurusan kewangan TPMC telah dilaksanakan dengan teratur dan selaras dengan objektif yang ditetapkan. Hasil daripada pengauditan yang dijalankan pada tahun 2009 di pejabat TPMC mendapati perkara-perkara berikut :-

60.3.1. Adalah didapati prestasi kewangan Kumpulan TPMC bagi tempoh tahun kewangan 2006 hingga 2008 adalah memuaskan dengan mencatatkan keuntungan 3 tahun berturut-turut. Bagaimanapun, analisis selanjutnya mendapati **52.8% daripada pendapatannya adalah diperolehi daripada aktiviti sokongan syarikat iaitu penjualan minyak petrol daripada stesen minyak Petronas yang dikendalikannya dan bukan daripada aktiviti utama syarikat**.

60.3.2. Semua aktiviti yang ditetapkan dalam perjanjian ada dilaksanakan sama ada oleh TPMC sendiri atau melalui syarikat subsidiarinya. Namun bagi tempoh tahun 1996 hingga 2009 didapati program inkubator hanya merangkumi **aktiviti penyewaan premis dan penyediaan perkhidmatan sokongan. Bagaimanapun pada tahun 2010, TPMC telah mengambil langkah untuk menyediakan program inkubator yang lebih komprehensif.**

60.3.3. TPMC telah menetapkan keluasan premis yang boleh disewa oleh penyewa berdasarkan jenis premis. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati 4 syarikat **tidak memenuhi syarat keluasan premis yang telah ditetapkan.** Ini adalah kerana

syarikat penyewa memohon ruang yang lebih besar bagi menampung operasi syarikat yang semakin berkembang.

60.3.4. **Polisi dan prosedur berkaitan aktiviti** TPMC iaitu aktiviti penyewaan, pemajakan tanah, pengurusan fasiliti, penyenggaraan dan pengurusan projek/dana **tidak disediakan dengan komprehensif.** Selepas teguran Audit, TPMC pada bulan April 2010 telah menyediakan polisi dan prosedur yang lengkap mengenai aktiviti tersebut. Kesemua polisi dan prosedur ini kecuali pengurusan pemajakan tanah telah dibentangkan dalam Jawatankuasa Audit serta dalam proses mendapat kelulusan daripada Lembaga Pengarah.

60.3.5. Mesyuarat Lembaga Pengarah pada tahun 1996 telah meluluskan polisi dan prosedur berkaitan aktiviti pemajakan kecil bagi lot-lot tanah penyelidikan dan pembangunan. Bagaimanapun pada masa pengauditan dilaksanakan, **polisi dan prosedur tersebut tidak dikemukakan untuk semakan Audit.** Mengikut maklum balas TPMC, pemilihan syarikat bagi pengurusan pemajakan kecil tanah dilakukan berdasarkan **amalan pegawai yang terdahulu.**

60.3.6. Adalah didapati penubuhan syarikat subsidiari dan pemindahan aktiviti TPMC kepada syarikat subsidiarinya telah mendapat kelulusan Lembaga Pengarah. Bagaimanapun **pihak Audit tidak dapat mengesahkan sama ada penubuhan syarikat subsidiari dan pemindahan aktiviti utamanya itu telah mendapat persetujuan Kementerian Kewangan kerana dokumen berkaitannya tidak dikemukakan untuk pengauditan.**

60.3.7. Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 12 Tahun 1993 antara lainnya menyatakan syarikat subsidiari perlu memastikan sebahagian daripada Ahli Lembaga Pengarah adalah terdiri daripada mereka yang bukan daripada pihak pengurusan syarikat induk tetapi dilantik atas kepakaran dan pengalaman dalam bidang berkaitan. **Semakan Audit mendapati Ahli Lembaga Pengarah syarikat subsidiari adalah terdiri daripada pegawai syarikat induk iaitu TPMC dan tiada ahli daripada pihak luar**.

60.3.8. Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 9 Tahun 1993, Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan (Jawatankuasa Audit) perlu ditubuhkan bagi syarikat Kerajaan bertujuan untuk meningkatkan lagi kawalan terhadap syarikat serta mengawasi semua fungsi Unit Audit Dalam. Jawatankuasa ini perlu bermesyuarat sekali dalam tempoh 3 bulan atau 4 kali setahun. Semakan Audit mendapati Jawatankuasa Audit telah ditubuhkan dan telah bermesyuarat buat pertama kalinya pada 7 September 2006 serta dianggotai oleh 3 orang Pengarah Bukan Eksekutif. Bagi tempoh bulan September 2006 sehingga Disember 2008, Jawatankuasa Audit telah bermesyuarat mengikut kekerapan yang ditetapkan. Bagaimanapun **pada tahun 2009, Jawatankuasa Audit hanya bermesyuarat sekali sahaja kerana** berlaku kekosongan jawatan Pengerusinya. Berdasarkan minit mesyuarat yang disediakan, didapati **laporan Unit Audit Dalam bagi tahun 2009 tidak dibincangkan secara menyeluruh oleh Jawatankuasa Audit**. **Pada pandangan Audit, Lembaga Pengarah perlu memastikan Jawatankuasa Audit TPMC berperanan dan berfungsi dengan lebih berkesan.**

60.3.9. Menurut Seksyen 156, Akta Syarikat 1965, semua minit mesyuarat hendaklah disediakan dan diedarkan kepada semua ahli dalam tempoh 14 hari daripada tarikh mesyuarat diadakan. **Semakan Audit terhadap minit mesyuarat Jawatankuasa Audit mendapati minit tersebut telah lewat disediakan dan mengambil tempoh antara 15 hingga 168 hari untuk diedarkan. Kelewatan mengedarkan minit mesyuarat ini boleh mengakibatkan tindakan susulan bagi sesuatu keputusan yang telah dipersetujui dalam mesyuarat tidak dapat dilaksanakan dengan segera. Pada pandangan Audit, TPMC perlu memastikan setiausaha syarikat yang bertanggungjawab meningkatkan prestasinya supaya perjalanan urusan berkaitan mesyuarat jawatankuasa syarikat tidak tergendala.**

60.3.10. Mengikut Akta Syarikat 1965, Lembaga Pengarah bertanggungjawab memastikan tindakan sewajarnya diambil bagi memastikan aset syarikat diuruskan dengan cekap dan teratur serta mematuhi peraturan yang ditetapkan. **Pihak Audit mendapati polisi dan prosedur sedia ada mengenai pengurusan aset TPMC tidak lengkap. Adalah didapati juga wujud kelemahan dalam pengurusan aset antaranya daftar aset tidak diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini; aset tidak diklasifikasikan mengikut jenis dan jangka hayat; aset tidak dilabel dan tidak dapat dikesan lokasinya serta verifikasi, pemeriksaan dan pelupusan terhadap aset tidak pernah dilaksanakan (Gambar 60.1 dan 60.2).**

GAMBAR 60.1



Stor Di Ruang Letak Kereta Aras Bawah Tanah Bangunan Enterprise 4, TPMC - Peralatan Komputer Yang Belum Dilupuskan (18.01.2010)

GAMBAR 60.2



Rumah Pam di TPMC - Peralatan Lama Yang Disimpan (17.09.2009)

Pada pandangan Audit, Lembaga Pengarah perlu memastikan TPMC memuktamadkan polisi dan prosedur bagi semua aktiviti utamanya kerana ia merupakan satu dokumen penting yang menerangkan fungsi, prosedur dan proses kerja kepada pegawai yang bertanggungjawab bagi melaksanakan setiap aktiviti dan tugas dengan teratur. TPMC juga perlu mempertingkatkan pengurusan asetnya dari aspek perekodan, penyenggaraan, pemeriksaan, penyimpanan dan pelupusan. Lembaga Pengarah juga perlu memastikan semua polisi dan prosedur bagi aktiviti TPMC dipatuhi sepenuhnya; memantau keberkesanan fungsi Jawatankuasa Audit dan memastikan sebahagian daripada Ahli Lembaga Pengarah syarikat subsidiarinya adalah terdiri daripada mereka yang bukan daripada pihak pengurusan syarikat induk tetapi dilantik atas kepakaran dan pengalaman dalam bidang berkaitan.

61. RUMUSAN TERHADAP PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN SECARA MENYELURUH

Berdasarkan kepada analisis terhadap prestasi kewangan syarikat Kerajaan secara menyeluruh, didapati sebilangan syarikat telah menunjukkan prestasi yang baik dan mencatat keuntungan secara berterusan. Bagaimanapun, masih ada sebilangan syarikat yang tidak menunjukkan prestasi yang boleh dibanggakan di mana ada yang rugi berterusan setiap tahun ataupun memperolehi keuntungan yang tidak konsisten. Ini mengakibatkan sebilangan besar syarikat tidak dapat memberi pulangan yang dijangkakan oleh Kerajaan. Sehubungan ini, adalah disyorkan supaya Kementerian Kewangan mempertingkatkan pemantauan terhadap pengurusan syarikat-syarikat Kerajaan bagi memastikan matlamat Kerajaan mewujudkan syarikat tersebut dapat dicapai. Selain itu, wakil Kementerian Kewangan dalam semua Lembaga Pengarah syarikat perlu mengemukakan Laporan Prestasi Pengurusan ke Bahagian Menteri Kewangan Diperbadankan untuk dianalisis. Bagi membolehkan wakil Kerajaan menjalankan tugasnya dengan berkesan, keahlian mereka dalam Lembaga Pengarah syarikat dihadkan selaras dengan kehendak Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 1985. Pemilihan wakil Kerajaan juga perlu berdasarkan kepada pengalaman dan kepakaran mereka berkaitan dengan urusan syarikat.



BAHAGIAN III

PENGAUDITAN KHAS ATAS PERMOHONAN KEMENTERIAN/AGENSI LAIN

BAHAGIAN III
PENGAUDITAN KHAS ATAS PERMOHONAN KEMENTERIAN/AGENSI LAIN

Dari semasa ke semasa, Jabatan Audit Negara juga ada menerima permohonan daripada beberapa pihak untuk menjalankan pengauditan atau membuat pengesahan terhadap perkara-perkara tertentu yang melibatkan kewangan syarikat/agensi Kerajaan. Pada tahun 2009, Jabatan Audit Negara telah menerima permohonan daripada Kementerian Pengangkutan untuk membuat pengesahan terhadap tuntutan subsidi dan insentif oleh MASwings Sdn. Bhd. Selain itu, selaras dengan keputusan Jemaah Menteri, Jabatan Audit Negara telah menjalankan pengauditan terhadap prestasi dan kedudukan kewangan di 3 syarikat konsesi lebuh raya bertol iaitu Syarikat Mengurus Air Banjir & Terowong Sdn. Bhd.; Sistem Penyuraian Trafik KL Barat Sdn. Bhd. dan MTD Prime Sdn. Bhd. Hasil pengauditan atau pengesahan yang dijalankan adalah seperti berikut :-

62. PENGESAHAN TERHADAP TUNTUTAN SUBSIDI DAN INSENTIF OLEH MASWINGS SDN. BHD. BAGI PENGENDALIAN OPERASI UDARA LUAR BANDAR BAGI TAHUN KEWANGAN 2007 DAN 2008

62.1. Pada 15 April 2009, Kementerian Pengangkutan telah memohon kerjasama Jabatan Audit Negara untuk menjalankan pengauditan terhadap tuntutan subsidi dan insentif oleh MASwings Sdn. Bhd. (MASwings) bagi tempoh bulan Oktober 2007 hingga Disember 2008 berjumlah RM89.05 juta bagi melaksanakan operasi udara luar bandar (RAS) di kawasan-kawasan terpencil di Sabah dan Sarawak. Pengiraan subsidi dan insentif bagi operasi RAS adalah berdasarkan kepada *Agreement For Rural Air Services* (Perjanjian RAS) dan *Advances Agreement For Rural Air Services (Advances Agreement)* yang ditandatangani antara Kementerian Pengangkutan dengan MASwings pada 3 Julai 2008 iaitu selepas 10 bulan RAS beroperasi.

62.2. **Pengauditan yang telah dijalankan mendapati Kerajaan hanya perlu membayar kepada MASwings tidak lebih daripada RM79.85 juta sebagai subsidi dan insentif tahun 2007 dan 2008 bagi mengendalikan operasi RAS di Sabah dan Sarawak berbanding jumlah yang dituntut iaitu RM89.05 juta berdasarkan kepada faktor-faktor berikut :-**

62.2.1. MASwings dibenarkan menuntut fi pengurusan sebagai salah satu perbelanjaan operasi RAS. Bagaimanapun, didapati **definisi fi pengurusan dan kaedah pengiraannya tidak dinyatakan di dalam perjanjian berkenaan**. Fi pengurusan yang dituntut bagi tempoh yang diaudit adalah berjumlah RM12.01 juta.

62.2.2. Mengikut syarat perjanjian, MASwings perlu membeli dan memperbaharui polisi-polisi insurans yang berkaitan dengan operasi RAS dengan pembiayaannya sendiri sepanjang tempoh kontrak. Semakan Audit mendapati MASwings telah membelanjakan sejumlah **RM3.36 juta untuk perbelanjaan tersebut bagi tahun 2007 dan 2008 yang mana ianya termasuk dalam tuntutan subsidi kepada Kerajaan**.

62.2.3. **Bonus bersamaan dengan 2 bulan gaji pegawai/kakitangan telah dibayar bagi tahun 2007 dan 2008 meskipun MASwings mencatatkan kerugian.** Bagaimanapun, bayaran sebenar bonus bagi tempoh tersebut tidak dapat ditentukan kerana maklumat mengenainya tidak dikemukakan untuk pengauditan.

62.2.4. Beberapa perbelanjaan lain seperti bayaran penalti kerana kelewatan membuat caruman kepada KWSP, PERKESO serta LHDN telah diambil kira sebagai perbelanjaan yang boleh dituntut daripada subsidi Kerajaan.

62.3. Selain itu, pihak Audit mendapati Kementerian telah memberikan pendahuluan subsidi berjumlah RM20 juta kepada MASwings. Daripada pendahuluan tersebut, MASwings telah membelanjakan sejumlah RM12.54 juta (sehingga 31 Disember 2008) yang mana meliputi perbelanjaan mengubah suai pejabat, membeli aset dan kelengkapan pejabat, alat ganti pesawat dan mengadakan latihan. Setakat pengauditan dijalankan pada bulan Mac 2009, **baki pendahuluan tersebut berjumlah RM7.46 juta masih belum dijelaskan oleh MASwings kepada Kerajaan.**

62.4. Lanjutan daripada teguran Audit, Kementerian hanya membayar sebanyak RM64.46 juta kepada MASwings berbanding RM89.05 juta yang dituntut oleh MASwings. Kementerian juga telah membuat beberapa pindaan terhadap syarat-syarat perjanjian bagi tujuan penambahbaikan. Antara pindaan tersebut adalah menetapkan polisi pemberian hak eksklusif MASwings; tambahan tempoh perjanjian/kontrak; penjelasan berhubung fi pengurusan dan insurans serta beberapa perkara lain berhubung pajakan pesawat.

63. PENGAUDITAN TERHADAP PRESTASI DAN KEDUDUKAN KEWANGAN SYARIKAT KONSESI LEBUH RAYA BERTOL

63.1. Mesyuarat Jemaah Menteri pada 19 Ogos 2003 telah bersetuju melantik Jabatan Audit Negara untuk menjalankan pengauditan terhadap prestasi dan kedudukan kewangan syarikat konsesi lebuh raya bertol bagi tujuan mengesahkan antaranya kos operasi dan keuntungan/kerugian syarikat. Pengauditan ini dijalankan berdasarkan kepada Lembaran Imbangan, Penyata Untung Rugi dan Penyata Aliran Tunai serta rekod berhubung dengan jumlah trafik dan tol yang dipungut oleh syarikat berkenaan bagi tempoh tahun 2006 hingga 2008. Pengauditan telah dibuat terhadap 3 syarikat konsesi iaitu Syarikat Mengurus Air Banjir & Terowong Sdn. Bhd. bagi Lebuh Raya SMART; Sistem Penyuraian Trafik

KL Barat Sdn. Bhd. bagi Lebuh Raya SPRINT dan MTD Prime Sdn. Bhd. bagi Lebuh Raya Pantai Timur Fasa 1 (LPT 1). Pengauditan yang dijalankan mendapati perkara seperti berikut :-

63.1.1. Kerja-kerja penyenggaran di Lebuh Raya SMART dan SPRINT telah dilaksanakan dengan baik manakala kerja penyenggaraan di LPT 1 adalah kurang memuaskan. Syarikat konsesi MTD Prime Sdn. Bhd. yang bertanggungjawab menyenggarakan LPT 1 perlu memantau dan memastikan kerja-kerja penyenggaraan dilaksanakan dengan sempurna dan membaiki kerosakan yang dibangkitkan oleh Lembaga Lebuh Raya Malaysia dengan segera.

63.1.2. Jumlah trafik dan kutipan tol bagi 3 lebuh raya bertol yang diaudit menunjukkan peningkatan dari setahun ke setahun. Sungguhpun demikian, Sistem Penyuraian Trafik KL Barat Sdn. Bhd. mencatatkan kerugian berterusan sejak tahun 2006 manakala Syarikat Mengurus Air Banjir & Terowong Sdn. Bhd. juga mencatatkan kerugian sejak memulakan operasinya pada tahun 2007. Ini antaranya disebabkan oleh peningkatan kos kewangan dan pelunasan belanja pembangunan. Butiran berhubung kedudukan kewangan syarikat konsesi bagi tempoh tahun 2006 hingga 2008 adalah seperti di **Jadual 63.1**.

63.1.3. Analisis perbandingan antara unjuran dan kutipan tol sebenar di Lebuh Raya SMART dan SPRINT menunjukkan kedua-dua lebuh raya tersebut hanya dapat mencapai antara 30% hingga 35% dari unjuran yang ditetapkannya. Oleh itu, tidak wujud lebihan hasil kutipan tol yang dapat dikongsi dengan Kerajaan. Bagi LPT 1, perbandingan antara jumlah kutipan tol sebenar dengan unjuran tidak dapat dilakukan memandangkan tiada unjuran mengenai jumlah trafik dan kutipan tol disediakan oleh MTD Prime Sdn. Bhd. Jumlah kutipan tol sebenar berbanding unjuran pada tahun 2008 adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 63.1
KEDUDUKAN KEWANGAN SYARIKAT KONSESI
BAGI TEMPOH TAHUN 2006 HINGGA 2009
SERTA KUTIPAN TOL SEBENAR BERBANDING UNJURAN

SYARIKAT KONSESI	KEDUDUKAN KEUNTUNGAN/KERUGIAN SYARIKAT BAGI TAHUN			LEBUH RAYA	KUTIPAN TOL PADA TAHUN 2008		% (b/a)
	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	2008 (RM Juta)		UNJURAN (RM Juta) (a)	SEBENAR (RM Juta) (b)	
Syarikat Mengurus Air Banjir & Terowong Sdn. Bhd.	Belum Beroperasi	(8.49)	(10.49)	Lebuh Raya SMART	82.00	28.37	34.60
Sistem Penyuraian Trafik KL Barat Sdn. Bhd.	(26.23)	(40.27)	(43.78)	Lebuh Raya SPRINT	232.35	70.79	30.47
MTD Prime Sdn. Bhd.	Belum Beroperasi	96.41	103.13	Lebuh Raya Pantai Timur Fasa 1	-	96.19	-



BAHAGIAN IV

KEDUDUKAN TINDAKAN SUSULAN YANG DIAMBIL OLEH KEMENTERIAN/ JABATAN/SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN TERHADAP SYOR-SYOR YANG DIKEMUKAKAN DALAM LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA BAGI TAHUN 2006 HINGGA 2008 - KEDUDUKAN SETAKAT 1 APRIL 2010

BAHAGIAN IV

KEDUDUKAN TINDAKAN SUSULAN YANG DIAMBIL OLEH KEMENTERIAN/JABATAN/SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN TERHADAP SYOR-SYOR YANG DIKEMUKAKAN DALAM LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA BAGI TAHUN 2006 HINGGA 2008 - KEDUDUKAN SETAKAT 1 APRIL 2010

64. PENDAHULUAN

Bagi membantu Kementerian/Jabatan/Syarikat Kerajaan memperbetulkan kelemahan-kelemahan yang telah dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara bagi tahun 2006 hingga 2008, sejumlah 748 syor telah dikemukakan oleh Jabatan Audit Negara untuk tujuan tersebut. Pemeriksaan susulan yang telah dijalankan mendapati setakat 1 April 2010, Kementerian/Jabatan/Syarikat Kerajaan telah mengambil tindakan terhadap kesemua 214 syor bagi tahun 2006 dan 360 syor bagi tahun 2007. Bagi tahun 2008 pula, sebanyak 162 (93.1%) daripada 174 syor telah diambil tindakan susulan. Bagi 12 syor lagi, Kementerian/Jabatan/Syarikat Kerajaan yang berkenaan belum mengambil tindakan susulan dan butirannya adalah seperti di **Perenggan 65**. Sehubungan ini, Kementerian/Jabatan/Syarikat Kerajaan yang terlibat adalah digesa untuk mengambil tindakan segera bagi memperbetulkan kelemahan yang dibangkitkan dengan melaksanakan syor-syor yang telah diberi oleh pihak Audit.

65. TINDAKAN SUSULAN YANG BELUM DIAMBIL TERHADAP SYOR-SYOR YANG DIKEMUKAKAN DALAM LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2008

65.1. KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

65.1.1. Projek Landasan Berkembar Elektrik Antara Rawang Dan Ipoh

BIL.	PERKARA YANG DIBANGKITKAN DAN SYOR AUDIT	TINDAKAN SUSULAN YANG BELUM DIAMBIL
1.	Menurut syarat kontrak, Kerajaan boleh menuntut ganti rugi daripada kontraktor asal (DRB-Hicom) jika kontrak ditamatkan akibat daripada kegagalannya menyiapkan Pakej Infrastruktur dan sebarang perbezaan antara kos untuk menyiapkan projek ini dengan kos asal perlu dituntut daripada DRB-Hicom. Berdasarkan kepada perkiraan Audit, dianggarkan jumlah kerugian Kerajaan adalah sebanyak RM1.14 bilion. Bagaimanapun, keseluruhan jumlah ini mungkin tidak dapat dituntut daripada DRB-Hicom kerana menurut syarat kontrak, liabiliti maksimum yang boleh dituntut daripadanya adalah terhad kepada 10% daripada nilai kontrak iaitu RM257.99 juta sahaja. Setelah projek disiapkan oleh kontraktor penyelamat, Kementerian perlu memastikan Sijil Perakuan Akhir disediakan mengikut tempoh yang ditetapkan. Sijil ini perlu	Tempoh Tanggungan Kecacatan bagi Pakej Infrastruktur dan Sistem telah tamat masing-masingnya pada 31 Mac dan 31 Disember 2009. Menurut syarat kontrak, Sijil Perakuan Muktamad perlu disediakan dalam tempoh 3 bulan dari tarikh mengesyorkan Sijil Memperbaiki Kecacatan manakala Sijil Perakuan Akhir perlu disediakan 3 bulan dari tarikh Sijil Perakuan Muktamad dikeluarkan. Sehingga 1 April 2010, Sijil Perakuan Muktamad masih belum dapat disediakan oleh perunding yang bertanggungjawab iaitu Syarikat Perunding DMA Sdn. Bhd. kerana terdapat beberapa perkara yang masih belum diselesaikan iaitu :- a. Penyediaan *Track Manual* – UEM Construction Sdn. Bhd. sedang dalam proses melantik perunding bagi menyediakan manual ini. b. Penyerahan 14 jambatan yang dibina di

BIL.	PERKARA YANG DIBANGKITKAN DAN SYOR AUDIT	TINDAKAN SUSULAN YANG BELUM DIAMBIL
	menunjukkan dengan jelas jumlah kos penyiapan projek seperti jumlah yang telah dibayar kepada DRB-Hicom, jumlah yang perlu dibayar kepada kontraktor penyelamat dan lain-lain kos yang terlibat untuk menyiapkan projek ini.	bawah projek ini kepada Jabatan Kerja Raya - proses rundingan bagi membaiki beberapa kecacatan masih lagi berjalan. c. UEM Construction Sdn. Bhd. masih belum mengemukakan sepenuhnya dokumen bagi urusan penutupan akaun untuk disemak oleh *Independent Professional Quantity Surveyor*. Oleh itu, jumlah sebenar kos penyiapan projek belum dapat dipastikan.

65.2. KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA

65.2.1. Projek Bekalan Air Bersih Ke Sekolah Luar Bandar Di Sabah

BIL.	PERKARA YANG DIBANGKITKAN DAN SYOR AUDIT	TINDAKAN SUSULAN YANG BELUM DIAMBIL
1.	Kerja-kerja penyenggaraan projek selepas Tempoh Tanggungan Kecacatan tidak dirancang kerana tiada peruntukan disediakan. Bagi memastikan projek dapat dimanfaatkan secara berterusan, Kementerian perlu memohon peruntukan bagi kerja-kerja penyenggaraan projek.	Walaupun projek telah disiapkan pada 1 Jun 2007 dan Tempoh Tanggungan Kecacatan selama 24 bulan berakhir pada 1 Jun 2009, Kementerian masih belum memohon peruntukan untuk menyenggara sistem bekalan air bersih ke sekolah-sekolah.
2.	Di beberapa sekolah yang dilawati, beberapa pengubahsuaian terhadap sistem bekalan air di sekolah telah dilakukan. Kerja pengubahsuaian ini telah menjejaskan keberkesanan sistem bekalan air di sekolah terlibat. Kementerian patut mengeluarkan arahan agar setiap pengubahsuaian melibatkan sistem bekalan air di sekolah hendaklah mendapatkan kelulusan.	Pihak Kementerian belum lagi mengeluarkan surat arahan berhubung perkara ini.

65.3. KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

65.3.1. Pengurusan Aktiviti Pencegahan Dan Kawalan Penyakit Demam Denggi

BIL.	PERKARA YANG DIBANGKITKAN DAN SYOR AUDIT	TINDAKAN SUSULAN YANG BELUM DIAMBIL
1.	Pada tahun 2005, Kementerian berhasrat membeli *Motor Cycle Fogging Machine* bagi kegunaan *fogging* khususnya di tempat yang sukar dimasuki oleh kenderaan bersaiz besar. Bagi tujuan *pilot project,* peruntukan berjumlah RM200,000 diberikan kepada Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) Pulau Pinang, Selangor, Johor dan Pahang. Bagaimanapun, hanya JKN Johor membeli sebuah motosikal ini melalui sebutharga dengan harga RM39,950. Pihak Audit mendapati motosikal tersebut tidak digunakan kerana ia tidak mendapat kelulusan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) untuk kegunaan di jalan raya. Bagi memastikan motosikal dapat digunakan, Kementerian perlu mengambil tindakan segera untuk mendaftarkan motosikal tersebut.	Bagi memenuhi kriteria yang ditetapkan oleh JPJ, surat telah dihantar kepada syarikat pembekal untuk mendapatkan dokumen-dokumen berkaitan. Bagaimanapun, kelulusan JPJ belum diperolehi kerana pihak pembekal masih belum memberi maklum balas.

65.4. KEMENTERIAN DALAM NEGERI

65.4.1. Pengurusan Sistem Perangkap Lampu Merah Berkamera Dan Pengeluaran Saman, Polis Diraja Malaysia

BIL.	PERKARA YANG DIBANGKITKAN DAN SYOR AUDIT	TINDAKAN SUSULAN YANG BELUM DIAMBIL
1.	Pihak Audit tidak dapat menentukan sejauh mana penggunaan Sistem Perangkap Lampu Merah telah mencapai objektif yang ditetapkan, iaitu mengurangkan kadar kemalangan di persimpangan jalan. Bagi tujuan ini, Polis Diraja Malaysia (PDRM) hendaklah mewujudkan mekanisme untuk mengumpul data mengenai jumlah pelanggaran lampu isyarat lampu merah dan kemalangan di setiap persimpangan jalan yang telah dipasang dengan sistem perangkap.	Daripada 6 Cawangan Trafik Ibu Pejabat Polis Kontinjen/Daerah (IPK/IPD) yang melaksanakan Sistem Perangkap Lampu Merah Berkamera, hanya 2 IPD telah menyediakan statistik kemalangan di persimpangan jalan yang dipasang sistem perangkap. Bagaimanapun, tiada IPK/IPD terlibat menyediakan statistik kemalangan yang berlaku di persimpangan jalan yang tidak dipasang dengan sistem perangkap.
2.	Daripada 150 sistem perangkap yang dipasang, hanya 48 sistem yang berfungsi. Bagi memastikan keberkesanan sistem, semua perangkap perlu dipasang di lokasi yang sesuai dan sentiasa berfungsi dengan baik. Oleh itu, pemantauan berterusan hendaklah dibuat bagi memastikan sistem ini disenggarakan mengikut jadual yang telah ditetapkan dan sebarang kerosakan dibaiki segera. Selain itu, Kementerian/PDRM perlu bekerjasama dengan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang berkenaan untuk memastikan aktiviti pembinaan/pelebaran jalan/pembangunan kawasan tidak menjejaskan keberkesanan sistem ini.	a. Pemasangan semula tiang di lokasi yang sesuai masih belum dilaksanakan sepenuhnya. b. Sistem perangkap masih belum berfungsi sepenuhnya. c. Pemantauan yang berterusan masih belum dibuat sepenuhnya. d. Penyenggaraan sistem perangkap tidak dibuat mengikut jadual dengan sepenuhnya. e. Masih terdapat kerosakan sistem perangkap yang tidak dibaiki dengan segera. f. Tiada bukti menunjukkan wujudnya kerjasama antara PDRM dengan PBT yang berkenaan.
3.	Anggota polis yang kurang cekap/mahir mengendalikan filem untuk diproses adalah antara faktor yang menyumbang kepada kerosakan rakaman atau kualiti rakaman terjejas. Oleh itu, PDRM perlu menyediakan anggota polis yang khusus untuk menguruskan sistem perangkap dan seterusnya memberi latihan kepada mereka untuk mengendalikan sistem khususnya dalam penggunaan filem bagi memastikan tidak berlaku kerosakan rakaman yang akan menjejaskan pengeluaran saman.	a. Daripada 6 IPK/IPD yang melaksanakan Sistem Perangkap Lampu Merah Berkamera hanya 4 IPK/IPD telah menyediakan 2 anggota polis yang khusus untuk menguruskan sistem perangkap. b. Masih terdapat kerosakan rakaman yang akan menjejaskan pengeluaran saman.
4.	Tempoh masa yang diambil dari tarikh kesalahan dilakukan sehingga saman dikeluarkan kepada pesalah adalah di antara 3 hingga 9 bulan. PDRM hendaklah menentukan norma masa bagi setiap proses yang terlibat dari tarikh kesalahan dilakukan sehingga saman dikeluarkan bagi memastikan tidak ada sebarang kelewatan dalam pengeluaran saman kepada pesalah.	Norma masa bagi setiap proses yang terlibat masih belum ditentukan.

65.5. PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN

65.5.1. Pengurusan Export-Import Bank Of Malaysia Berhad

BIL.	PERKARA YANG DIBANGKITKAN DAN SYOR AUDIT	TINDAKAN SUSULAN YANG BELUM DIAMBIL
1.	EXIM Bank tidak membayar dividen berjumlah RM17.78 juta kepada Kerajaan walaupun mencatatkan keuntungan bersih berjumlah RM76.41 juta, RM81.20 juta dan RM20.18 juta masing-masingnya pada tahun 2005, 2006 dan 2008. Mengikut EXIM Bank, ia tidak membayar dividen kepada Kerajaan bagi tahun kewangan 2006 kerana keuntungan tersebut digunakan untuk dilabur semula bagi mengembangkan perniagaan perbankan eksport dan mengukuhkan kedudukan dana pemegang sahamnya. Pihak pengurusan EXIM Bank perlu memastikan dividen dibayar kepada Kerajaan dari keuntungan syarikat memandangkan Kerajaan selaku pemegang saham layak mendapat pulangan dari pelaburannya.	Kelulusan pembayaran dividen bagi tahun 2008 dan 2009 telah diperolehi daripada Bank Negara Malaysia. Bagaimanapun, pembayaran dividen masih belum dibuat.

65.5.2. Pengurusan Syarikat Prasarana Negara Berhad

BIL.	PERKARA YANG DIBANGKITKAN DAN SYOR AUDIT	TINDAKAN SUSULAN YANG BELUM DIAMBIL
1.	Pada 3 Julai 2008, Prasarana telah mendapat kelulusan daripada Kementerian Kewangan untuk melupuskan sejumlah 1,139 badan bas, 832 kotak gear dan 969 enjin secara jualan sisa. Pemilihan syarikat untuk membeli sisa dibuat secara tender dengan nilai kontrak berjumlah RM13.52 juta. Pihak Prasarana perlu mengambil tindakan segera untuk melaksanakan pelupusan tersebut.	Kerja-kerja pelupusan masih belum diselesaikan iaitu hanya mencapai tahap 90%. Bagaimanapun, syarikat hanya membayar kepada Prasarana sejumlah RM5.68 juta daripada nilai kontrak berjumlah RM13.52 juta.
2.	Pekeliling Perbendaharaan menetapkan syarikat subsidiari yang mempunyai keuntungan pada sesuatu tahun perlu membayar dividen kepada syarikat induk dan sekiranya tidak berbuat demikian, alasan yang munasabah perlu dikemukakan kepada Kementerian Kewangan. Bagaimanapun, didapati 2 syarikat subsidiari tidak membayar dividen kepada Prasarana walaupun mencatat keuntungan terkumpul bagi tempoh tahun 2005 hingga 2007. Pada pandangan Audit, Lembaga Pengarah Prasarana hendaklah memastikan syarikat subsidiari mematuhi Pekeliling Perbendaharaan	Pihak Prasarana telah memohon kelulusan pengecualian pembayaran dividen daripada Kementerian Kewangan pada 15 Mei 2009. Bagaimanapun, tiada sebarang maklum balas daripada Kementerian Kewangan berhubung pengecualian dividen tersebut.

65.5.3. Pengurusan Rangkaian Hotel Seri Malaysia Sdn. Bhd.

BIL.	PERKARA YANG DIBANGKITKAN DAN SYOR AUDIT	TINDAKAN SUSULAN YANG BELUM DIAMBIL
1.	Aspek pengurusan kewangan tidak dibincangkan dengan mendalam semasa Mesyuarat Jawatankuasa Audit dan pihak Audit tidak dapat memastikan sama ada Jawatankuasa Audit telah mengambil tindakan susulan yang sewajarnya terhadap pemerhatian yang pernah dibangkitkan oleh Jabatan Audit Negara terutamanya berhubung isu pemantauan terhadap Sistem Francais Seri Malaysia; pengemaskinian Manual Operasi/ garis panduan serta pengurusan kewangan Rangkaian Hotel Seri Malaysia (HSM). Selain itu, kesemua jawatan dalam Unit Audit Dalam yang telah diluluskan masih belum diisi. Pada pandangan Audit, Lembaga Pengarah perlu memantau prestasi Jawatankuasa Audit supaya ia dapat berfungsi dengan lebih berkesan terutamanya dalam memastikan pihak pengurusan menangani kelemahan yang telah dibangkitkan oleh Jabatan Audit Negara.	a. Mesyuarat Jawatankuasa Audit hanya bersidang sekali sahaja iaitu pada 21 Mei 2009. Mesyuarat tersebut tidak membincangkan penemuan Audit dalam Laporan Ketua Audit Negara berkaitan aspek berhubung pengurusan kewangan. Hanya aspek pemantauan terhadap Sistem Francais Seri Malaysia dan pengemaskinian Manual Operasi dibincangkan. b. Pelantikan kakitangan bagi Unit Audit Dalam masih belum dibuat oleh Rangkaian HSM.



PENUTUP

PENUTUP

Pada umumnya, Kementerian/Jabatan/Syarikat Kerajaan mempunyai perancangan yang memadai untuk melaksanakan projek/aktivitinya. Bagaimanapun dari segi pelaksanaannya masih ada beberapa kelemahan yang perlu ditangani segera bagi memastikan sesuatu projek/aktiviti dilaksanakan dengan cekap dan mencapai objektif yang ditetapkan. Sehubungan ini, diberikan beberapa cadangan bagi mengelakkan kelemahan-kelemahan ini daripada berterusan berlaku :-

a. Memandangkan pengauditan yang dijalankan oleh Jabatan Audit Negara adalah berdasarkan kepada pensampelan dan skop tertentu, Ketua Jabatan/Ketua Eksekutif perlu mengaturkan supaya pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada aktiviti lain juga mempunyai kelemahan yang sama dan seterusnya mengambil tindakan pembetulan. Sehubungan ini, Unit Audit Dalam selain daripada menjalankan penilaian terhadap sistem kawalan dalaman, patut juga diminta menjalankan penilaian terhadap pengurusan aktiviti organisasi untuk menentukan sejauh mana aktivitinya dilaksanakan dengan cekap, berhemat dan mencapai objektif yang telah ditetapkan. Bagi tujuan ini, Ketua Jabatan/Ketua Eksekutif perlu menentukan bilangan jawatan di Unit Audit Dalam mencukupi dan mempunyai kepakaran yang diperlukan.

b. Berdasarkan pengauditan yang dijalankan, didapati beberapa kelemahan dalam pelaksanaan projek/aktiviti yang berpunca daripada kurang pemantauan/ penyeliaan oleh pihak yang dipertanggungjawabkan, kurang kepakaran teknikal dan bergantung sepenuhnya kepada perunding/kontraktor, ketiadaan penyelarasan antara agensi yang terlibat serta masalah dalaman yang dihadapi oleh kontraktor. Kelemahan ini menyebabkan projek/aktiviti tidak dapat disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan, kualiti kerja tidak memuaskan, kos projek/aktiviti meningkat, Kerajaan tidak mendapat *value for money* bagi perbelanjaan yang telah dibuat dan objektif pelaksanaan projek/aktiviti juga tidak dapat dicapai sepenuhnya. Sehubungan ini, adalah disyorkan supaya :-

    i. *Independent Review Panel* ditubuhkan untuk mengkaji cadangan syarikat bagi perolehan bernilai melebihi RM100 juta. Peranan panel ini adalah untuk memberi nasihat/*second opinion* kepada Kerajaan mengenai *design, costing* dan bahan yang digunakan sebelum melaksanakan sesuatu projek yang kompleks dan melibatkan kos yang tinggi. *Independent Review Panel* ini bukan sahaja boleh mengurangkan masa yang diambil oleh jabatan/agensi dalam membuat penilaian malah akan membolehkan Kerajaan mendapat *value for money.* Bagi tujuan ini, Kementerian Kewangan, Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (UPE, JPM) dan Jabatan Kerja Raya

patut dipertanggungjawabkan secara bersama untuk mengenal pasti projek yang memerlukan *Independent Review* manakala UPE, JPM pula bertanggungjawab mengenal pasti keahlian panel dan seterusnya menguruskan pelantikannya.

ii. Analisis harga pasaran perlu dibuat bagi memastikan Kerajaan mendapat harga yang berpatutan bagi sesuatu perolehan seperti mana yang dinyatakan dalam Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 5 Tahun 2007, Arahan Perbendaharaan 169.1 dan Surat Arahan Perbendaharaan bertarikh 24 April 2008. Di samping itu, perbandingan harga dengan perolehan barangan yang sama spesifikasinya oleh Jabatan lain juga patut dibuat untuk mendapatkan anggaran harga.

iii. Pelaksanaan projek Kerajaan secara *design and build* dikaji semula memandangkan pelaksanaan projek seumpama ini melibatkan kos yang lebih tinggi berbanding dengan projek secara konvensional. Sehubungan ini, adalah dicadangkan supaya hanya projek yang kompleks dan memerlukan kepakaran tertentu sahaja dibenar menggunakan kaedah *design and build*. Kementerian Kewangan dikehendaki mengeluarkan garis panduan pelaksanaan projek secara *design and build.* Selain itu, bagi menjamin kepentingan Kerajaan, perunding bagi projek secara *design and build* perlu dilantik oleh Kerajaan.

iv. Kajian terperinci dijalankan terlebih dahulu terhadap sesuatu projek Kerajaan sebelum ia diluluskan untuk pelaksanaan. Bagi tujuan ini, selaras dengan Arahan Perbendaharaan 182.1, agensi perlu mengemukakan maklumat lengkap seperti kedudukan status tapak projek, ringkasan projek, siling projek, peruntukan tahunan dan jadual pelaksanaan projek kepada jabatan teknik. Langkah ini adalah perlu untuk memastikan projek dilaksanakan mengikut jadual dan Kerajaan mendapat *value for money.*

v. *Integrated planning* antara agensi terlibat perlu dilakukan di peringkat awal pelaksanaan projek terutama bagi projek yang besar. Contohnya Tenaga Nasional Berhad, Jabatan Bekalan Air, Jabatan Perancang Bandar, Jabatan Bomba Dan Penyelamat serta Pihak Berkuasa Tempatan perlu dibawa berunding sebelum sesuatu projek dilaksanakan supaya semua kemudahan asas dapat disediakan dan kelancaran projek tidak terjejas.

vi. Kementerian/Jabatan hendaklah mematuhi Garis Panduan dan Peraturan Bagi Perancangan Bangunan yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Kecil Piawaian Dan Kos bagi rujukan Jawatankuasa Perancang Pembangunan Negara semasa merancang sesuatu perolehan kerja bagi memastikan bangunan yang akan dibina mematuhi standard dan kos yang telah ditetapkan.

vii. Bagi membendung masalah projek/aktiviti Kerajaan gagal dilaksanakan akibat daripada ketidakupayaan kontraktor sama ada dari segi kewangan atau kepakaran, adalah disyorkan supaya syarikat yang ingin menyertai sesuatu perolehan Kerajaan diminta mengemukakan maklumat mengenai modal berbayar dan kedudukan kewangannya untuk tempoh 3 tahun serta senarai kontrak Kerajaan dan swasta yang sedang dan akan dilaksanakannya. Syarikat juga diminta untuk memaklumkan pengalamannya dalam bidang yang ingin ditawarkannya. Semua maklumat yang dikemukakan ini hendaklah disokong dengan perakuan bersumpah oleh syarikat berkenaan. Maklumat ini perlu dipertimbangkan semasa membuat pemilihan kontraktor.

viii. Berhubung dengan masalah peralatan yang diperoleh tidak digunakan sama ada kerana bangunan belum disiapkan/peralatan tidak sesuai/peralatan dibeli berlebihan/tidak diperlukan, adalah disyorkan perkara berikut :-

- Pandangan pengguna hendaklah diambil kira semasa menyediakan spesifikasi kontrak berhubung dengan perolehan peralatan.
- Perolehan peralatan hendaklah diselaraskan dengan kemajuan kerja pembinaan bangunan. Bagi tujuan ini, jadual bekalan peralatan perlu disediakan bagi mengelakkan peralatan yang tidak dapat digunakan terdedah kepada kerosakan dan kecurian serta tempoh waranti tamat sebelum digunakan.

ix. Tindakan yang tegas seperti mengenakan tindakan tatatertib atau surcaj perlu diambil terhadap pegawai yang cuai/gagal melaksanakan tanggungjawabnya sehingga menyebabkan Kerajaan menanggung kerugian.

x. Tindakan yang tegas juga patut diambil terhadap perunding yang gagal melaksanakan tanggungjawabnya untuk memantau/menyelia sesuatu projek/aktiviti seperti mengenakan penalti/menyenaraihitamkan perunding tersebut daripada terlibat dengan projek Kerajaan yang lain. Sehubungan ini, perjanjian dengan perunding hendaklah memasukkan peruntukan berhubung dengan tindakan yang boleh dikenakan terhadap mereka sekiranya gagal melaksanakan tanggungjawab yang telah ditetapkan.

Jabatan Audit Negara
Putrajaya

1 Julai 2010